



# E-PROSIDING

Seminar Bahasa, Budaya dan Sastera 2024  
Peringkat Kebangsaan

28 April 2024

## ANJURAN:

Jabatan Bahasa Melayu UIAM Kampus Pagoh  
Office of MCOM (Castellan)  
Anjung Melayu

## PENCERAMAH JEMPUTAN:

Professor. Dr. Vijayaletchumy (Universiti Putra Malaysia)  
Ts. Dr. Mohd Saipuddin Suliman (Universiti Malaysia Kelantan)

## PENERBIT:

Kulliyah Pelancongan Mampan dan  
Bahasa Kontemporari UIAM Kampus Pagoh

## PENYUSUN:

Dr. Mohamad Suhaizi Suhaimi  
Dr. Nora'Azian Nahar  
Dr. Nurul Jamilah Rosly  
Mohammad Fakhri Syafiq  
Muhammad Firdaus Izwan

e ISBN 978-967-2771-28-9



9 789672 771289

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

©KSTCL Press 2024

*Diterbit oleh:*

KSTCL Press

KM1, Jalan Panchor

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari

84600 Pagoh, Muar, Johor

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam simpanan kekal atau dipindahkan dalam pelbagai bentuk atau kaedah elektronik, mekanik, penggambaran semula dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada KSTCL Press.

## ISI KANDUNGAN

PRAKATA	vii
KERTAS KERJA:	
Dialek Melayu Satun Di Langkawi: Analisis Geolinguistik <i>Adriana Santa Tinggom (PhD), Julaina Nopiah (PhD) &amp; Azean Idruwani Idrus (PhD)</i>	1
Penggunaan Bahasa Tabu Dalam Aplikasi X: Suatu Analisis Sociolinguistik <i>Aisyah Sofiah Jafri, Alia Natasya Abdul Rahim, Alisha Sofiya Mohd Nafizal, Durrah Hasuna Asham &amp; Fairuz Sofea Yusof Indiros</i>	18
Cabaran Penggunaan Tulisan Jawi Pada Era Modenisasi Kini Dalam Kalangan Mahasiswa Di IPTA <i>Aminnudin Saimon (PhD) &amp; Siti Arfah Nazman</i>	37
Gangguan Dalam Perbualan: Satu Analisis Wacana <i>Azean Idruwani Idrus (PhD), Julaina Nopiah (PhD) &amp; Adriana Santa Tinggom (PhD)</i>	51
Refleksi Dualisme ‘Asam Dan Garam’ Dalam Peribahasa: Analisis Semantik Inkuisitif <i>Julaina Nopiah (PhD), Azean Idruwani Idrus (PhD) &amp; Adriana Santa Tinggom (PhD)</i>	63
Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Akhbar “Online” <i>Melvina Chung Hui Ching (PhD)</i>	80
Eufemisme Dalam Kalangan Orang Asli Suku Kaum Mendriq Di Gua Musang, Kelantan <i>Mohamad Suhaizi Suhaimi (PhD) &amp; Nurul Fatimah Hisham</i>	99
Keberkesanan Modul Kaedah Membaca Pantas Dalam Program Pemulihan Membaca: Satu Kajian Kes <i>Nora’Azian Nahar (PhD), Nurul Jamilah Rosly (PhD), Nurhanis Sahiddan (PhD) &amp; Nurlailey Mohd Aroff</i>	112
Leksikal “Air” Dalam Simpulan Bahasa: Analisis Semantik Inkuisitif <i>Nurul Jamilah Rosly (PhD) &amp; Iman Zulkhakim Mohmad</i>	126

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Strategi Metakognitif Dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Sekolah Rendah <i>Pati Alap (PhD)</i>	146
Kesalahan Pembinaan Ayat Majmuk Dalam Kalangan Murid Tahun 3 Dan Tahun 5: Penjabaran Teori Corder <i>Vanessa Vynn Aline &amp; Nadiatul Adawiyah Ali Bakar</i>	162
Pengaruh Frasa ‘Tular’ Di Tiktok Terhadap Fenomena Kerancuan Bahasa Dalam Media Sosial <i>Nora’Azian Nahar (PhD) &amp; Nadzirah Md Nizar</i>	179
Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Kursus Sastera Bahasa Inggeris Di UIAM Pagoh <i>Nora’Azian Nahar (PhD), Norlaila Hasuran, Nur Athirah Aleya Mohd Rozi &amp; Nur Nafeesa Aleeya Md Rizam</i>	195
Penggunaan Bahasa Slanga Dalam Komunikasi Pelajar Kursus Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa Di UIAM Pagoh <i>Nora’Azian Nahar (PhD), Nur Aneesa’Awatif Rosli, Nurin Ardini Ramzainuri, Nur Halida Hasbullah &amp; Siti Nuralis Iman Muhammad Shamsudin</i>	209
Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Pembelajaran Murid Bukan Penutur Natif <i>Nur-Effariza Taib</i>	224
Keberkesanan Media Sosial Terhadap Komunikasi Kanak-Kanak Berusia Bawah 12 Tahun <i>Nora’Azian Nahar (PhD), Nur’Ainun Mardhiah Hamidi, Nurqistina Najhah Abu Zarim, Wan Nur Aqilah Wan Samsuddin &amp; Siti Umairah Ismail</i>	239
Akal Budi Melayu Dalam Pantun Melayu Berunsurkan Buah: Analisis Semantik Inkuisitif <i>Nora’Azian Nahar (PhD) &amp; Nurul Asmaa’ Abdul Hazam</i>	252
Teknik Siadibambey Dalam Teks Pemahaman Bahasa Melayu Tahun Enam <i>Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek (PhD)</i>	270
Kerelevanan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Era Kini <i>Aminnudin Saimon (PhD) &amp; Saidatun Aishah Mashori</i>	281

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Analisis Kesalahan Terjemahan Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu Dalam Hantaran Di Media Sosial <i>Aisyah Sofiah Jafri, Ummu Fatein Nadjihah Mohd. Sirajuzz Fadhlán, Muhamad Ikram Md Noordin, Muhammad Farizol Naim Mazlan &amp; Izzul Azzany Marzuki</i>	297
Budaya Pembelajaran Kendiri Dalam Kalangan Guru Pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan <i>Sapiee Saidi &amp; Halik Wang</i>	315
Kesan Akulturasi Budaya Barat Terhadap Gaya Hidup Mahasiswa UIAM Pagoh <i>Nora'Azian Nahar (PhD), Ezza Nur Alisyah Ali Zaini &amp; Nur Adriana Najwa Mohd Shafiee</i>	330
Dokumentasi Warisan Tradisi Dari Perspektif Konteks Sosial Dalam Melanau <i>Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya</i> <i>Sara Beden (PhD)</i>	346
Nilai Sosial Dalam Novel Di Hadapan Pulau Melalui Teori Sosiologi Sastera: Pendekatan Sosiologi <i>Nurhusna Kamilia Rozlan &amp; Vanessa Rachella Jackson Balang</i>	366
Manifestasi Optimistik Dalam Seteguh Karang: Satu Pendekatan Psikologi <i>Alicia Ann Houbon &amp; Nur Badrina Batrisyia Tajuddin</i>	381
Analisis Novel Anak Titiwangsa Karya Keris Mas Berdasarkan Teori Strukturalisme <i>Alifah Ilyana Ahmad, Nasir Ammelia Bujang &amp; Florea Clara Banyang</i>	397
Analisis Novel Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu <i>Angelo Ng Soon Tee &amp; Iffyvivian Agnes Anak Aman</i>	414
Novel <i>Sungai</i> Karya Shahnnon Ahmad: Analisis Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu <i>Felicia Wendy Kennedy &amp; Audrea Flennysa Jackie</i>	429
Timulak Kapal Perang: Analisis Teori Strukturalisme <i>Catherine Tayan, Cecilia Amy Joseph Lijas &amp; Evelyn Jena Jilan</i>	440
Melati Sarawak: Analisis Teori Strukturalisme <i>Christin Helen Micheal Dosi, Fathullah Nur Aleeya Bolasan &amp; Awangku Arif Syamzanie Awang Zuparizan</i>	459

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Novel Chot: Analisis Dari Perspektif Strukturalisme <i>Dayangku Wanieda Aleeya Sofia Awang Irwandy, Flasher Joel Antol &amp; Clyrence Peter</i>	471
Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu Dalam Novel Ummi Dan Abang Syeikhul <i>Deborah Ophelia Kelly &amp; Efyscia Lee</i>	486
Novel Di Sebalik Sebuah Kubah: Analisis Berdasarkan Kaca Mata Persuratan Baru <i>Fixly Muhamad, Hasshira Kamaruddin &amp; Elvis Roland John</i>	501
Didaktisme Tak Seindah Wajah: Citra Puitika Sastera Melayu <i>Mohd Fadzman Kennedy @ Junaidi &amp; Muhammad Ikmal Zulhaimi Jem</i>	521
Konsep-Konsep Keagamaan Dalam Novel Imam: Analisis Persuratan Baru <i>Muhammad Aniq Aqlan Nazaruddin &amp; Dayang Asmida Abang Sahauali @ Abg Suhaili</i>	534
Novel Mengintai Aku Di Neraka: Perspektif Pengkaedahan Melayu <i>Muhammad Shahrizan Aini, Olivia Eba Ugam &amp; Nur Shafiqah Ayuni Hussien</i>	551
Warita Senandung Cindai: Pancaran Puitika Sastera Melayu <i>Muhd Syafiq Farhan Mohamad</i>	565
Isteri Dari Perspektif Feminisme <i>Nur Aina Syazwina Subri &amp; Nur Farah Syafiqah Mohammad Shafie</i>	587
Di Sebalik Sebuah Kubah Perspektif Takmilah <i>Nurul Nadia Mohd Isa &amp; Siti Balqis Abdul Raji</i>	600
Pendekatan Teori Takmilah Dalam Novel Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah <i>Siti Haziqah Mohamad Herry, Nur Aqilah Dewie &amp; Nurul Husna Halmi</i>	614
Iman Markisa: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu <i>Hossanna Evelyn Albert Arit &amp; Wan Mohammad Hazim Wan Radzuan</i>	627

## **PRAKATA**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syabas dan tahniah diucapkan kepada para pensyarah dan para penuntut Jabatan Bahasa Melayu Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Kampus Pagoh serta Jabatan Pengajian Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak kerana telah berjaya menghasilkan penyelidikan dan melakukan pembentangan dalam Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2024 dengan tema ‘Bahasa dan Sastera Lambang Keintelektualan Tamadun Bangsa Era Revolusi Industri 4.0.’

Keintelektualan yang dianggap sebagai nadi kehidupan bagi masyarakat berperadaban penting dalam membina teras ilmu keupayaan untuk berfikir secara mendalam. Inisiatif yang telah dilakukan dalam penghasilan e-prosiding ini membuktikan impak yang signifikan dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran menjalankan penyelidikan. Semoga e-prosiding ini dapat mengisi ruang dan keperluan yang wujud, untuk menjadi wadah bagi pengkaji dan para ilmuwan berkongsi idea serta pandangan mendalam tentang bahasa Melayu.

Pelbagai disiplin ilmu termasuk amalan pedagogi terkini, ranah-ranah bahasa Melayu dan teori-teori Sastera Melayu dapat dihimpunkan bagi merungkai isu dan memartabatkan bahasa Melayu dalam Era Revolusi Industri 4.0. Dalam era digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI), aspek ketamadunan seperti bahasa dan sastera tidak patut dikesampingkan kerana keduanya merupakan kekuatan nilai dan akhlak sesebuah masyarakat. Sesungguhnya manusiawi itu tidak mampu dibentuk dengan hanya kerangka teknologi digitalisasi namun dengan manifestasi pembinaan bangsa dan budaya melalui bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia, intipati manusiawi perlu diteruskan.

Penerokaan dan penemuan baharu daripada penyelidikan yang telah dilakukan oleh peserta Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya 2024 merupakan lambang keintelektualan tamadun bangsa era ini. Usaha yang kreatif dan kritis daripada penyelidik telah membuahkan hasil bagi e-prosiding ini. Semoga kolaboratif dalam perkongsian ilmu seperti ini diadakan secara berterusan pada masa akan datang dalam usaha mengimarah dan menyemarakkan budaya keilmuan untuk disajikan kepada warga dunia.

Akhir kata, jutaan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan e-prosiding ini. Insya-Allah, mesti dan pasti, percaya dan bergaya, seminar bahasa, budaya dan sastera akan diteruskan pada masa akan datang untuk memartabatkan identiti bahasa Melayu.

Dr. Nurul Jamilah Rosly  
Ketua Jabatan, Jabatan Bahasa Melayu,  
Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari, Kampus Pagoh.

## DIALEK MELAYU SATUN DI LANGKAWI: ANALISIS GEOLINGUISTIK

Adriana Santa Anak Tinggom<sup>1</sup>

Julaina Nopiah<sup>2</sup>

Azean Idruwani Idrus<sup>3</sup>

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh<sup>1,2&3</sup>

### Abstrak

Masyarakat Melayu Satun merupakan masyarakat yang berasal dari wilayah Satun, Thailand. Pada asalnya, Satun merupakan sebuah wilayah di bawah naungan Kerajaan Kedah. Akibat pemerintahan Inggeris, Satun kemudian dimasukkan di bawah pemerintahan Thailand. Kajian ini meneliti aspek geolinguistik iaitu bidang multidisiplin yang mengabungkan ilmu linguistik dan juga bidang geografi dengan menerapkan ilmu GIS iaitu *Geographical Information System* (GIS) dalam kajian ini. Kajian ini berfokus kepada penempatan masyarakat Melayu Satun di Langkawi berdasarkan penyebaran varian leksikal 'tajam' serta menghuraikan faktor bukan linguistik yang mendorong masyarakat Melayu Satun berada di bumi Langkawi. Kajian ini melibatkan enam buah mukim di Pulau Langkawi iaitu mukim Kuah, mukim Ayer Hangat, mukim Bohor, mukim Temoyong, mukim Kedawang dan mukim Ulu Melaka. Sebanyak 120 orang responden yang terdiri daripada golongan tua, golongan muda dan kanak-kanak telah terlibat dalam kajian ini. Data leksikal yang dikumpul telah ditranskripsi dan dimasukkan ke dalam perisian ArGIS iaitu salah satu perisian yang digunakan dalam ilmu GIS untuk penjaanaan peta dialek bagi melihat penyebaran varian leksikal. Kajian menunjukkan terdapat penyebaran dialek Melayu Satun telah ditemui di Pulau Langkawi. Mukim Ayer Hangat, mukim Kuah terutamanya di Pulau Tuba telah wujud masyarakat Melayu Satun apabila dibuktikan wujudnya pengaruh Thai dalam varian leksikal yang ditemui melalui data yang dikumpul. Hasil kajian juga turut membuktikan bahawa faktor bukan linguistik iaitu faktor bentuk muka bumi, migrasi, persempadanan, perkahwinan campur dan ekonomi juga telah menjadi faktor dorongan kepada penempatan masyarakat Melayu Satun di Pulau Langkawi.

### PENGENALAN

Bidang geolinguistik merupakan salah satu bidang multidisiplin yang berguna untuk memperlihatkan perubahan bahasa mahupun dialek sesuatu tempat. Peta bahasa mahupun peta dialek khususnya dapat dijana dengan menggunakan teknologi terkini iaitu GIS dan sekaligus dapat memberikan maklumat linguistik dan juga geografi di sesuatu tempat. Pemaparan peta bahasa ini bukan sahaja mampu menjelaskan perubahan bahasa dari aspek linguistik, malah juga turut memberi maklumat geografi yang sekaligus memberikan corak dialek yang unik dalam sesuatu dialek. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2019), geolinguistik merupakan satu



bidang multidisiplin yang menggabungkan linguistik (kajian dialek) dengan geografi serta ilmu sosial yang lain. Menurut beliau, bentuk muka bumi iaitu topografi, sejarah dan migrasi dapat digembleng bersama dengan fakta linguistik bagi menjawab bagaimana sesuatu dialek itu tersebar.

Oleh yang demikian, kajian ini berfokus kepada penyebaran dialek Melayu Satun yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Satun di Pulau Langkawi. Dengan menggunakan teknologi GIS, peta taburan dialek atau dikenali sebagai *Choropleth* telah dijana. Melalui peta *choropleth* ini, ciri-ciri linguistik bagi dialek Melayu Satun dapat dilihat dan sekali gus memberikan maklumat geografi yang menyumbang kepada penyebaran dialek tersebut.

## OBJEKTIF

Kajian ini dilakukan berdasarkan dua objektif utama iaitu mengenal pasti penyebaran varian leksikal ‘tajam’ dalam dialek Melayu Satun dan penjanaaan peta *choropleth* bagi melihat taburan dialek tersebut. Selain itu, kajian ini juga turut menghuraikan serta menganalisis faktor bukan linguistik yang mendorong kepada penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi.

## SOROTAN LITERATUR

Tidak dinafikan bahawa kajian dialek Melayu Satun telah dijalankan sejak dahulu lagi. Terdapat beberapa pengkaji telah meneliti dan mengkaji dialek ini dari pelbagai bidang dan kepentingan. Antara pengkaji yang meneliti kajian dialek Melayu Satun adalah seperti Court (1975), Kamaruddin (1999), Norizah & Nor Hisham (2010), Hayati (2020) dan Nor Hashimah et al. (2020).

Kajian Court (1975) yang bertajuk *The Segmental and Suprasegmental of Malay Loanwords in Satun Thai: A Description with Historical Remarks* membincangkan ciri-ciri fonologi kata pinjaman Melayu Satun di Satun Thai dengan berdasarkan dari aspek sejarah. Antara ciri-ciri yang diketengahkan oleh Court adalah pembentukan ciri pemanjangan kata pinjaman Melayu Satun dan juga fenomena pembentukan nada dalam kata pinjaman Melayu Satun. Di samping itu, Court juga menyenaraikan sebab-sebab pembentukan nada berlaku pada kata pinjaman Melayu Satun dan mengaitkan fenomena tersebut dengan sejarah migrasi Orang Thai di Satun dan juga hubungan budaya antara Melayu dan juga masyarakat Thai. Selain Court (1975), Kamaruddin (1999) juga turut membincangkan tentang dialek Melayu Satun. Dalam kajian beliau yang bertajuk *Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis*, beliau mengetengahkan perbandingan antara fonologi dialek Melayu Satun dan Dialek Melayu Perlis. Kamaruddin menggunakan Teori Fonologi Struktural yang diperkenalkan oleh Pike (1968). Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua dialek ini mempunyai ciri-ciri fonologi suprasegmental dan struktur suku kata yang hampir sama di samping ciri-ciri segmental yang agak berbeza, khususnya pada segmen-segmen bunyi vokal kompleks di akhir kata dan bunyi konsonan pada kata pinjaman.

Kajian Norizah & Nor Hisham (2010) pula melihat kepada pemeliharaan bahasa ibunda pemerhatian kepada penggunaan bahasa penduduk tempatan ketika berkomunikasi dalam konteks tidak rasmi dan bahasa yang digunakan dalam konteks rasmi. Analisis dibuat dengan mengaitkan maklumat dengan dasar bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Thai dan bahasa ibunda masyarakat Islam di wilayah Satun iaitu bahasa Melayu. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu di wilayah ini digunakan dalam domain keagamaan, kekeluargaan dan persahabatan sahaja. Kajian Hayati Lateh (2020) pula membincangkan mengenai pengekalan dan peralihan dialek Melayu Satun iaitu korelasi antara penggunaan bahasa dengan faktor umur penutur. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang signifikan antara penggunaan dialek Melayu Satun (DMS) dengan faktor umur dalam domain kekeluargaan dan domain jual-beli dan domain pendidikan. Menurut Hayati, semua kategori umur menggunakan DMS dalam domain tidak formal dan bahasa Thai Standard (BTS) dalam domain yang formal. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa DMS masih menjadi bahasa utama dalam komunikasi dalam setiap domain. Walau bagaimanapun, berlaku juga peralihan bahasa dari DMS ke BTS dan dialek Thai Selatan (DTS) yang menjadi bahasa domain. Komuniti penutur DMS mula menggunakan BTS dan DTS di kalangan mereka sendiri dalam semua domain tetapi tidak sepenuhnya.

Seiring dengan perkembangan kajian dialek pada masa kini, kajian dialek mula mendapat kedudukan yang sama tinggi dengan kajian dialek peringkat global. Kajian dialek mula bersifat multidisiplin dengan menerapkan pendekatan GIS iaitu *Geographic Information System*. Di Malaysia khususnya, inovasi kajian dialek dicetus oleh Nor Hashimah (2015), Zaharani et al. (2018), Harishon (2017), Siti Noraini (2018), Nor Hashimah et al. (2019), Nor Hashimah et al. (2019) dan Nor Hashimah, Siti Noraini dan Harishon Radzi (2020). Kesemua kajian yang dilakukan oleh pengkaji tersebut telah menggunakan pendekatan GIS untuk menjana isoglos dan peta dialek yang terlakar lebih tepat dan sistematik. Bukan itu sahaja, malah maklumat bukan linguistik seperti topografi, migrasi, sejarah dan sosio-budaya menjadi penguat hujah bagi penjelasan kepada penyebaran dialek sesuatu kawasan. Kajian Nor Hashimah, Zaharani, Harishon dan Norlisafina (2016) telah membuktikan betapa pentingnya topografi dan bentuk muka bumi dalam menyebar atau mengekang sesuatu dialek. Misalnya penyebaran bentuk kata ganti nama di sepanjang sungai Perak dapat menghuraikan kehadiran sub dialek Kuala Kangsar yang ternyata berbeza dengan sub dialek Perak Tengah. Bagi kajian Zaharani et al. (2018) pula telah membuktikan bahawa dialek Patani boleh tersebar sehingga ke Lenggong berdasarkan faktor muka bumi dan juga faktor sejarah dan migrasi. Kajian Nor Hashimah et al. (2019) yang melihat kepada penyebaran dialek Melayu Thai di Langkawi juga telah membuktikan bagaimana faktor ekonomi, sejarah dan bentuk muka bumi boleh menyebabkan dialek Melayu Thai tersebar ke Langkawi. Nor Hashimah et al. (2019) juga turut melihat penyebaran pengaruh dialek Melayu Thai di Malaysia khususnya negeri Perlis, Kedah Langkawi, Pulau Pinang dan Perak. Hasil kajian menunjukkan bukan sahaja dialek Melayu Patani yang tersebar ke semenanjung Tanah Melayu, malah dialek Satun juga tersebar terutamanya di Langkawi dan Perlis. Penerbitan buku Dialektologi dan GIS yang ditulis oleh Nor Hashimah, Siti Noraini, Harishon Radzi (2020) juga turut menghimpunkan kajian dialek di Perak dan Langkawi. Himpunan kajian ini telah membuktikan bahawa pola taburan dialek

bagi satu-satu kawasan sangat dipengaruhi oleh faktor bentuk muka bumi dan juga faktor migrasi dan sejarah. Adanya maklumat linguistik dan bukan linguistik, penghuraian dialek menjadi lebih menarik dan jelas.

## **KERANGKA TEORETIS**

Sesuatu pendekatan atau kerangka kajian adalah menjadi satu landasan kepada sesuatu kajian. Ia juga menjadi pegangan atau kaedah yang dipegang oleh pengkaji agar tidak terpesong dari matlamat asal kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Menurut Ismarini Hutabarat, S.S. dan M. Hum (2015), pendekatan kualitatif deskriptif adalah sebuah pendekatan yang menjelaskan penggunaan bahasa secara nyata di lapangan. Dalam erti kata lain, penggunaan bahasa berdasarkan siapa yang menuturkannya. Pendekatan deskriptif mengenai bahasa, atau disebut dengan linguistik deskriptif adalah pendekatan yang secara objektif menganalisis dan menjelaskan bagaimana bahasa diujarkan oleh sekelompok orang dalam suatu masyarakat semasa. Penelitian bahasa dilakukan dengan pendekatan deskriptif adalah bertujuan untuk mengamati dunia bahasa sebagaimana seharusnya. Pendekatan deskriptif bersesuaian dengan kajian ini bagi menjelaskan penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan kemudian menggunakan sistem maklumat geografi sebagai pendekatan kajian.


Dalam kajian ini, pendekatan Sistem Maklumat Geografi (GIS) telah digunakan untuk menggabungkan data linguistik bersama-sama dengan Alat Analisis Spatial. Teknik-teknik berasaskan penggunaan alat GIS adalah untuk mengintegrasikan pendekatan konvensional bahasa dan membantu untuk menghasilkan peta bahasa yang baik dan jelas. Kelebihan menggunakan GIS yang bukan sahaja maklumat topografi seperti trafik, ketinggian dan kampung-kampung, tetapi juga data statistik seperti demografi dan taburan hujan yang boleh dilihat pada peta. (Onishi 2010). Dalam kajian ini, ia dapat menunjukkan pola penyebaran varian leksikal 'tajam' di setiap mukim yang terdapat di Pulau Langkawi. Melalui peta yang dijana dengan GIS, dapat dilihat kewujudan varian yang disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi seperti gunung, banjaran, sungai dan lain-lain lagi.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dilakukan di Pulau Langkawi. Oleh sebab kajian ini merupakan kajian lapangan maka kajian ini sudah semestinya melibatkan informan dan juga para responden yang terlibat. Informan yang dipilih merupakan ketua-ketua kampung di sesebuah mukim. Sebanyak 120 orang responden iaitu dari enam buah mukim di Langkawi. Di Langkawi, mukim yang telah dikenal pasti adalah mukim Ayer Hangat, mukim Ulu Melaka, mukim Kedawang, mukim Kuah, mukim Padang Matsirat dan mukim Bohor. Terdapat 11 buah kampung yang telah dipilih daripada mukim-mukim yang terlibat. Kampung-kampung ini dipilih mengikut titik kampung dalam peta berpandukan GPS (*Global Positioning System*) dan dikukuhkan lagi dengan bantuan penghulu kampung bagi memastikan pengkaji mendapat responden yang sah. Semua responden akan mengisi soal selidik dan menyebut kosa kata yang telah disenaraikan. Kosa kata adalah mengikut senarai Swadesh dan disesuaikan dengan

leksikal tempatan yang kerap dipakai (Collins, 1986). Untuk kajian ini, pengkaji telah memilih leksikal 'tajam' Untuk tambahan juga, sesi temubual spontan dan rakaman hanya dilakukan pada informan yang tua dan dewasa bagi mendapatkan sebutan yang lebih tepat. Terdapat tiga golongan responden yang telah dipilih untuk kajian ini. Tiga golongan tersebut adalah golongan muda, golongan dewasa dan golongan warga tua.


Kemudian, data terkumpul itu ditranskripsi, dimasukkan dalam *Microsoft Excel* dan dibersihkan sebelum dipindahkan ke dalam sistem ArGIS. Untuk peringkat analisis data, data-data linguistik iaitu ciri-ciri fonologi diteliti dengan mencari ciri-ciri fonologi dialek Melayu Satun. Berikut merupakan peta Langkawi yang menunjukkan mukim-mukim yang terdapat di Pulau Langkawi.







Peta 1 : Peta Langkawi oleh ArGIS 10.5

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian, terdapat empat varian bagi leksikal [tajam] yang telah ditemui. Empat varian tersebut ialah [tadzam], [tadzap], [tadzε] dan [k'om]. Empat varian tersebut boleh didapati melalui peta *choropleth* yang telah dijana dengan menggunakan perisian GIS.



Peta 2: Peta *Choropleth* bagi varian leksikal 'tajam' di Langkawi

Merujuk kepada peta *choropleth* di atas, Pulau Tuba, Kampung Lubuk Cempedak, Kampung Chenang, Kampung Temoyong yang terletak di mukim Kedawang telah mencatat varian yang paling tinggi iaitu empat varian dengan diwakili simbol . Kemudian, diikuti dengan mukim Ayer Hangat, iaitu di Kampung Padang Lalang dan seluruh kampung di mukim Ulu Melaka yang mencatat jumlah varian sebanyak tiga varian dan diwakili dengan simbol . Mukim Kedawang iaitu Kampung Gelam dan Kampung Kedawang telah mencatat dua varian dan diwakili dengan simbol  mentara itu, mukim Padang Mat Sirat, mukim Bohor dan sebahagian mukim Ayer Hangat pula masing-masing mencatat satu varian sahaja dan diwakili dengan simbol .


Merujuk peta di atas juga, penyebaran varian bunyi [tadzam], yang diwakili dengan simbol ●, terdapat di seluruh mukim di Langkawi. Varian merupakan sebutan bagi bahasa Melayu standard dan sebutan ini juga turut disebut dalam dialek Melayu Langkawi. Hal ini bermaksud masyarakat Melayu Langkawi menggunakan sebutan bahasa Melayu standard untuk menuturkan leksikal ‘tajam’. Jika diperhatikan pada peta di atas, semua mukim di Langkawi iaitu mukim Ayer Hangat, mukim Padang Mat Sirat, mukim Ulu Melaka, mukim Kuah, mukim Bohor dan juga mukim Kedawang telah menggunakan varian ini dalam pertuturan harian mereka.

Seterusnya ialah varian bunyi [tadzap] yang diwakili dengan simbol ●. Varian bunyi ini merupakan dialek Melayu Satun yang dipengaruhi oleh nahu Thai dan turut digunakan di Langkawi terutamanya di kawasan yang menerima pengaruh dialek Melayu Satun. Merujuk peta, varian bunyi ini telah dituturkan di mukim Ayer Hangat, iaitu di Kampung Padang Lalang, seluruh Mukim Ulu Melaka iaitu di Kampung Ulu Melaka, Kampung Bayas, Kampung Padang Gaong dan Kampung Perana. Varian ini juga turut dituturkan di Mukim Kuah iaitu di Pulau Tuba dan Kampung Lubuk Cempedak. Dari aspek fonologi, varian bunyi [tadzam] mengalami proses konsonan di mana konsonan nasal bibir bersuara iaitu /m/ di akhir kata menjadi bunyi konsonan letupan bibir tidak bersuara dan bunyi ini lahir sebagai koda di akhir kata. (Kamaruddin, 1999). Proses pengguguran konsonan /m/ menjadi /p/ telah menyebabkan varian bunyi menjadi [tadzap]. Selain itu, varian bunyi ini juga mempunyai pengaruh nahu Thai apabila wujudnya pengaruh nada dalam varian bunyi ini. Varian bunyi ini menggunakan nada menurun (*falling tone*) yang ditandai dengan nada ‘^’. Cara sebutan untuk nada ini dimulai dengan nada yang tinggi daripada nada percakapan biasa dan kemudian menurun lebih rendah daripada nada biasa.

Varian [k'om] juga turut dituturkan di Pulau Langkawi. Varian ini diwakili simbol ●. Varian ini bergandingan dengan varian [tadzap] kerana varian ini merupakan leksikal bahasa Thai yang merujuk kepada ‘tajam’. Varian [k'om] merupakan leksikal bahasa Thai kerana varian ini mempunyai ciri-ciri konsonan hembusan dalam leksikal ini. Di samping itu juga, varian ini mempunyai nada iaitu nada tengah (*mid falling*). Dari aspek penyebaran varian ini, kawasan penyebaran varian ini sama seperti penyebaran varian [k'om]. Varian ini boleh didapati di Kampung Padang Lalang, Mukim Ulu Melaka dan juga Pulau Tuba dan Kampung Lubuk Cempedak di Mukim Kuah dan juga di Kampung Chenang dan Kampung Temoyong di Mukim Kedawang.

Bagi varian [tadzɛ] yang diwakili simbol ●, varian bunyi ini hanya dijumpai di mukim Kedawang dan juga Pulau Tuba serta Kampung Lubuk Cempedak. Varian [tadzɛ] merupakan varian dialek Melayu Patani. Menurut Ruslan Uthai (2011), konsonan sengau /m/ di akhir kata telah mengalami proses pengguguran dan digantikan dengan vokal sengau /e/. Menurut Ruslan juga, vokal sengau didapati hanya dalam dialek Melayu yang dituturkan di bahagian kawasan di negara Thai iaitu di kawasan selatan Thai seperti Patani dan Satun. Apa yang membezakan vokal sengau dialek Melayu Satun dan Melayu Patani adalah dialek Melayu

Patani berstatus fonem manakala vokal sengau untuk dialek Melayu Satun pula berstatus fonetik. (Ruslan Uthai 2011) Mukim Kedawang merupakan sebuah kawasan yang bergunung-ganang dan mempunyai tanjung dan teluk. Bentuk muka bumi seperti ini telah menyebabkan kawasan ini sesuai untuk dijadikan tempat perlindungan untuk masyarakat melayu Patani ekoran peperangan yang terjadi di antara Siam dengan Patani suatu ketika dahulu. Oleh itu, data kajian menunjukkan bahawa dialek Melayu Patani masih digunakan sehingga kini di kawasan Mukim Kedawang. Selain itu, kawasan Mukim Kedawang juga merupakan kawasan perairan. Masyarakat Melayu Patani menjalankan aktiviti harian dengan menangkap ikan dan juga bercucuk tanam. Oleh itu, hal ini juga turut dijadikan faktor penghijrahan masyarakat Patani di Mukim Kedawang. Selain daripada faktor bentuk muka bumi, Mukim kedawang juga terkenal dengan aktiviti pelancongan. Pelbagai tempat menarik di kawasan Mukim Kedawang telah dijadikan sebagai kawasan pelancongan.



Peta 3 : Peta taburan dialek di Langkawi


### Faktor penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi.

Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi menunjukkan bahawa wujudnya kerencaman dialek yang berlaku di Langkawi. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya penyebaran dialek Melayu Satun ini. Antaranya ialah faktor :

#### i. Persempadanan

Persempadanan antara Langkawi dan Satun sangat memainkan peranan penting dalam penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi. Seperti sedia maklum, Pulau Langkawi bersempadan dengan Selatan Thailand iaitu wilayah Satun itu sendiri. Hal ini telah menyebabkan penghijrahan masyarakat Melayu Satun masuk ke Pulau Langkawi. Hal ini dibuktikan apabila wujudnya dialek Melayu Satun dituturkan di kampung Padang Lalang, mukim Ayer Hangat, mukim Ulu Melaka, Pulau Tuba dan kampung Lubuk Cempedak di mukim Kuah, dan juga kampung Temoyong dan kampung Chenang di mukim Kedawang. Buktinya terdapat varian leksikal ‘tajam’ dijumpai di kawasan tersebut. Selain itu, kemudahan pengangkutan feri dan pas kemasukan bulanan yang murah juga turut memudahkan masyarakat Satun datang ke Langkawi untuk tujuan perniagaan. Menurut Nor Hashimah (2017), kemudahan pas bulanan untuk masyarakat Thai ke Langkawi dan sebaliknya menjadi faktor pendorong untuk mereka terus berada di bumi Langkawi. Daripada pemerhatian kajian ini, kebanyakan masyarakat Thai bekerja sebagai peniaga kecil, nelayan, tukang rumah dan pekerja restoran.

Selain itu juga, dialek Melayu Satun boleh tersebar ke Pulau Langkawi adalah disebabkan kemudahan feri yang telah disediakan di Tammalang. Pas bulanan yang berpatutan harganya telah mendorong masyarakat Satun berulang-alik dari Satun ke Langkawi. Oleh sebab itu, pengkaji dapat menjumpai varian-varian dialek Melayu Satun di Langkawi.



Peta 4: Kedudukan Pulau Langkawi yang bersempadanan dengan wilayah Satun, Thailand.





Gambar 1: Pelabuhan Tamalang di Satun

*ii. Bentuk Muka Bumi*

Selain daripada faktor persempadanan, faktor bentuk muka bumi juga turut memainkan peranan penting dalam penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi. Menurut Nor Hashimah (2015), keadaan tanah pamah dan rata di satu-satu kawasan telah menjadi jalan penghubung utama masyarakat untuk komunikasi. Hal ini sekaligus menyebabkan kawasan tersebut menjadi kawasan tumpuan dan turut menyumbang kepada penyebaran dialek. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati wujudnya varian leksikal bagi dialek Melayu Satun di kampung Padang Lalang di Ayer Hangat menunjukkan bahawa wujudnya masyarakat Melayu Satun di kawasan itu. Fenomena ini berlaku disebabkan kedudukan kampung tersebut yang berada di kawasan tanah pamah tidak dikelilingi kawasan berbukit dan bergunung. Hal ini telah menyebabkan kawasan tersebut menjadi tumpuan masyarakat Melayu Satun yang berhijrah ke Langkawi.

*iii. Migrasi*

Faktor seterusnya ialah faktor migrasi. Penghijrahan masyarakat Melayu Satun ke Langkawi adalah disebabkan oleh faktor peluang pekerjaan. Hal ini kerana Pulau Langkawi merupakan sebuah pulau yang terkenal dengan aktiviti pelancongan. Menurut Jabil dan Ku Hussaini (2012), menyatakan bahawa kedudukan Pulau Langkawi yang dikelilingi oleh gugusan pulau kecil dan sumber semula jadi seperti pantai, laut, gunung-ganang dan warisan sejarah tersendiri telah menjadi aset penting sebagai lokasi penganjuran sukan bertaraf antarabangsa sekaligus

menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor pelancongan. Disebabkan pembangunan sektor pelancongan ini, maka ini telah menambahkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada penduduk pulau Langkawi. Oleh itu, tidak hairanlah sehingga kini, masih terdapat penghijrahan masyarakat Satun ke pulau ini untuk merebut peluang pekerjaan yang ada. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa mukim Kedawang iaitu di kampung Chenang dan juga kampung Temoyong merupakan kawasan yang terdapatnya penutur yang menuturkan dialek Melayu Satun dan juga dialek Melayu Patani. Bahkan ada sebahagian daripada masyarakat Satun yang datang telah mengambil peluang untuk membuka perniagaan seperti kedai makan dan pusat urut tradisional Thai di kedua-dua kawasan tersebut. Hasil daripada penghijrahan ini maka terbentuklah perkahwinan campur antara masyarakat Siam di Satun dengan masyarakat tempatan. Kamaruddin (1999) menegaskan bahawa ketiadaan sistem kelas dalam masyarakat Melayu menyebabkan taraf kedudukan orang Thai adalah setaraf dengan penduduk Melayu di luar bandar. Hal ini telah memungkinkan pergaulan yang bebas dan komunikasi antara masyarakat Melayu Satun dengan masyarakat Melayu Langkawi secara meluas dan telah menyebabkan asimilasi berlaku. Penyataan ini juga disokong oleh Harishon Radzi et al. (2012) yang menyatakan bahasa komunikasi yang menggunakan bahasa dilahirkan dalam sesuatu peristiwa bahasa tertentu. Peristiwa bahasa khususnya merujuk kepada kejadian komunikasi yang menggunakan bahasa lisan, iaitu perbualan antara kawan, ahli kelompok tanpa mengira kumpulan majoriti mahupun minoriti.

#### *iv. Ekonomi*

Satu lagi faktor penting, migrasi berlaku di Langkawi adalah disebabkan faktor ekonomi. Penghijrahan masyarakat Melayu Satun ke Langkawi adalah disebabkan oleh pembangunan ekonomi yang pesat di Pulau Langkawi terutamanya dalam sektor pelancongan. Sejak dikenali sebagai pulau bebas cukai dan juga salah satu destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini, Pulau Langkawi dikatakan telah terlepas daripada sumpahan Mahsuri. Sejak 1987, Langkawi mula dikenali dalam kalangan pelancong tempatan mahupun pelancong di peringkat antarabangsa. Menurut Ishak Yussof et. al (2007), pelbagai rancangan pembangunan dan aktiviti pelancongan menarik telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta demi membawa semula Langkawi dalam arus perdana pembangunan negara. Sejak itu, Langkawi telah mengalami suatu anjakan besar dari aspek ekonomi dan juga pembangunan.

Selain itu, menurut Habibah Ahmad & Hamzah Jusoh (2008), sebelum tahun 1990, majoriti penduduk Langkawi bekerja dalam sektor pertanian, perhutanan, perikanan, berniaga secara kecil-kecilan, kakitangan awam dan bekerja sendiri. Pengenalan industri pelancongan dan pengurniaan status zon bebas cukai di Langkawi telah menjana pelbagai peluang pekerjaan dan aktiviti keusahawanan sekali gus merubah status sosioekonomi penduduknya. Kebanyakan penduduk terlibat dalam sektor perhotelan, pemandu pelancong, pemandu bot untuk aktiviti '*island hopping*', membuka restoran makanan laut, menjual ubat-ubatan tradisional, jurujual di kompleks membeli-belah, kakitangan agensi pengangkutan feri, membuka agensi pelancongan, perniagaan sewaan kenderaan dan sebagainya. Penglibatan dalam peluang-peluang pekerjaan baharu ini telah membantu penduduk memperolehi pendapatan yang lebih

baik berbanding sebelumnya.

Peluang pekerjaan dan juga perkembangan ekonomi yang baik di Langkawi bukan sahaja dinikmati oleh penduduk tempatan, malah masyarakat Melayu Satun yang datang ke Langkawi juga turut terlibat dalam kerancakan ekonomi di Langkawi. Hasil daripada temu ramah dan kajian soal selidik, masyarakat Melayu Satun yang berhijrah ke Langkawi telah bergiat dalam bidang perniagaan dan perkhidmatan seperti membuka restoran makanan laut, membuka pusat refleksiologi, berniaga di pasar malam, membuka kedai runcit dan juga berkhidmat dalam sektor perhotelan. Selain itu, masyarakat Melayu Satun yang berhijrah ke Langkawi juga turut menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan. Meskipun aktiviti pertanian dan juga perikanan ini merupakan aktiviti atau pekerjaan tradisional masyarakat Melayu Satun, namun pekerjaan ini masih menjadi pilihan dalam usaha untuk mencari rezeki.

#### v. Sosiobudaya

Sosiobudaya merupakan satu amalan atau gaya hidup sesuatu masyarakat. Menurut Rosfazila Abd. Rahman (2018), konsep sosiobudaya ialah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat yang lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam berbagai bidang hidup, untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup masyarakat itu. Menurut Mohd Taib Osman (1988), sosiobudaya dikatakan sebagai satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang dapat memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling. Maka, sosiobudaya dapat diertikan sebagai hubungan masyarakat yang mempunyai perbezaan budaya dalam wilayah yang sama dan hidup bersama melalui aspek cara hidup, adat istiadat dan sebagainya.

Di Langkawi misalnya, dialek Melayu Satun dituturkan oleh masyarakat Thai yang terdiri daripada dua golongan iaitu masyarakat Melayu Satun itu sendiri dan juga masyarakat atau komuniti yang dikenali sebagai komuniti Samsam. Achaimbault (1957) juga turut menyatakan bahawa Samsam ialah warga Thai yang bermigrasi dari Nakron Sit' ammarat dan Songkhla di Thailand pada sekitar abad ke-17. Achaimbault menyatakan komuniti Samsam terdiri daripada dua kelompok iaitu Samsam Siam dan Samsam Melayu. Samsam Siam merupakan warga Thai yang beragama Buddha manakala Samsam Melayu pula ialah warga Thai yang beragama Islam. Perkataan Samsam ini sebenarnya berasal dari perkataan 'tcham-218 tcham', iaitu perkataan daripada bahasa Cina Hokkien yang bermaksud membaurkan atau mencampurkan, berbaur atau bercampur.

Dari sudut bahasa dan budaya, adalah tidak sulit untuk mengaitkan Samsam dengan identiti hibrid ini. Hal ini kerana sama ada Samsam Siam atau Samsam Islam, unsur bauran dalam kehidupan mereka menunjukkan percampuran dari segi dua budaya atau bahasa, iaitu Siam dengan Melayu atau Siam dengan bangsa lain. Kehadiran masyarakat Thai ini telah mencorakkan varian leksikal dialek Melayu Satun. Selain memberi kesan kepada dialek tersebut, kehadiran masyarakat Thai ini juga memberi pengaruh dan kesan kepada sosiobudaya

di Langkawi. Masyarakat Thai yang telah berhijrah ke Langkawi dari wilayah Satun telah berasimilasi dengan sosiobudaya masyarakat Melayu Kedah khususnya masyarakat Melayu Langkawi.

Oleh itu, terdapat ciri-ciri yang boleh dilihat tentang kewujudan masyarakat Thai iaitu Melayu Satun dan komuniti Samsam di Langkawi. Salah satu ciri adalah berdasarkan penampilan mereka. Misalnya bagi pemakaian wanita Satun, mereka memakai tudung yang berkilat dan disaluti dengan buah manik yang berwarna-warni. Ini merupakan salah satu ciri atau identiti masyarakat Melayu Satun. Gambar 2 menunjukkan salah seorang wanita Satun yang sempat ditemu bual di Pulau Tuba, Langkawi dan juga menunjukkan seorang wanita yang bertudung hitam sedang menjual pulut pisang di mukim Ayer Hangat.



Gambar 2: Penampilan wanita Satun yang sempat ditemu bual di Pulau Tuba



Gambar 3: Tudung yang berwarna hitam bermanik yang dipakai oleh wanita Satun di Ayer Hangat

Selain daripada aspek penampilan iaitu cara pemakaian, kewujudan masyarakat Melayu

Satun boleh dilihat dari aspek persekitaran rumah. Kebanyakan masyarakat ini suka memelihara burung. Maka, terdapat sangkar-sangkar burung boleh ditemukan di kawasan persekitaran rumah mereka.



*Gambar 4: Sangkar burung yang dijumpai di persekitaran rumah masyarakat Satun di mukim Ayer Hangat*

Daripada aspek makanan pula, kebanyakan makanan masyarakat Melayu Satun dipengaruhi oleh ciri-ciri makanan Thai. Gambar di bawah menunjukkan kuih Tokiaw yang boleh didapati di pasar malam mukim Ulu Melaka.



*Gambar 5: Kuih tokiaw yang dijual di mukim Ulu Melaka*

## **KESIMPULAN**

Perkembangan teknologi GIS telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi. Hal ini kerana penggunaan GIS telah menyebabkan kajian ini dapat memberikan pentafsiran penyebaran pola dialek dengan berpada dan sistematik. Selain itu, pendekatan GIS dapat membantu menjelaskan gejala penyebaran dialek bagi leksikal 'tajam' di Langkawi dengan lebih baik kerana adanya maklumat bentuk muka bumi yang boleh dihubungkan dengan faktor bentuk muka bumi. Selain itu, faktor persempadanan, migrasi, ekonomi dan sosiobudaya juga turut menjadi faktor yang menyumbang kepada penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi. Pengaplikasian GIS dalam bidang dialektologi bukan sahaja memudahkan pengkaji untuk melihat penyebaran sesuatu dialek tetapi juga sekaligus memberi nafas baru kepada bidang dialektologi dengan menggunakan metodologi berasaskan teknologi masa kini iaitu GIS.

## **RUJUKAN**

- Archaimbault, C. 1957. A Preliminary Inverstigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis. *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society* xxx(1): 75-92.
- Asmah Haji Omar. (2019). *Bahasa Melayu Di Daratan Asia Tenggara: Pendekatan Sejarah dan Geolinguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1983). *Dialek ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Christopher Court. (1975) "The segmental and suprasegmental representation of Malay loanwords in Satun Thai: a description with historical remarks", in *Studies in Tai Linguistics in Honor of William J. Gedney*, ed. J.G. Harris and J.R. Chamberlain, pp. 67-88. Central Institute of English Language.
- Hoch, H. & Hayes, J. J. 2010. Geolinguistics: the incorporation of Geographic Information Systems and Science. *Gamma Theta Upsilon in The Geographical Bulletin* 51(1): 23-36.
- Jabil & Ku Hussaini. (2012). *Map of Kedah & Langkawi Island Tourist Map*. Penganjuran Sukan Antarabangsa Sebagai Tarikan Pelancongan di Pulau Langkawi. Sintuk: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2020). Pengekalan dan Peralihan Dialek Melayu Satun: Korelasi Antara Penggunaan Bahasa dengan Faktor Umur Penutur. *Dlm Jurnal Linguistik*. Vol 24(2) November 2020 (047—58).
- Harishon Radzi. (2017). *Analisis geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan sistem maklumat geografi*. (Tesis PhD tak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Ismarini Hutabarat, S.S.M. Hum. 2015. *Pendekatan Deskriptif dan preskriptif dalam*

pengembangan bahasa. Universiti of Sumatera Utara.

- Kamaruddin Esayah. (1999). Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis. Tesis Sarjana. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi & Norlisafina Sanit (2016). Varian kata ganti nama dialek di pesisir sungai Perak: Analisis geographical information system (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1), 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. (2017) Penyebaran dialek Melayu di Langkawi. Analisis Geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 17(4):159-178.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Geographic Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol.19 (1): 77-96
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mohamed Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Khairul Asraaf Saari. (2019). Penyebaran Pengaruh Dialek Melayu Thai di Malaysia: Analisis GIS. *Journal of Nusantara Studies*. Vol 4(2) 362-309.
- Noriah Mohamed & Omar Yusoff. (2010). Tinjauan Identiti dan Bahasa Hibrid dalam Kalangan Sam- Sam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan di Utara Semenanjung Malaysia. *Sari International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol. 28(2), 35-61.
- Norizah Ardi & Nor Hisham Osman. (2010). Pemeliharaan Bahasa Ibunda dalam masyarakat Islam di Satun, Thailand.
- Onishi, T. (2010). Analyzing dialectological distributions of Japanese. *Dialectologia*. Special Issue (1), 123-135.
- Rosfazila Abd. Rahman & Hasliza Talib. 2018. Kesepaduan Sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk. Penerbit Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ruslan Uthai. 2011. Keistimewaan Dialek Melayu Pattani. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran Leksikal [air] di Perak: Analisis Geo-Spatial. Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK 2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teerarojanarat S. & Tingsabadh, K. (2011). A GIS-Based Approach For Dialect Boundary Studies. *Jurnal Dialectologia of Universitat de Barcelona*. Vol. 6, 55-75.

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Worawit Baru. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*. Tesis Sarjana Falsafah. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.



## PENGGUNAAN BAHASA TABU DALAM APLIKASI X: SUATU ANALISIS SOSIOLINGUISTIK

Aisyah Sofiah Jafri  
Alia Natasya Abdul Rahim  
Alisha Sofiya Mohd Nafizal  
Durrah Hasuna Asham  
Fairuz Sofea Yusof Indiros

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Pagoh

### Abstrak

Bahasa tabu adalah penggunaan perkataan atau bahasa yang dilarang kerana membawa kepada perkataan kurang manis, unsur negatif, lucah dan tidak sopan. Perkataan atau frasa dengan unsur hinaan dan makian turut dikategorikan sebagai bahasa tabu. Kajian ini memfokuskan penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis bahasa tabu yang digunakan dalam aplikasi X dan menganalisis tahap penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif untuk memperoleh data. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, catatan, tangkap layar dan borang soal selidik untuk memungut data daripada responden. Semua data yang diperoleh telah direkodkan dalam bentuk jadual. Pemerhatian, catatan dan tangkap layar ini dilakukan dalam aplikasi X yang diperoleh daripada hantaran dan komen para pengguna aplikasi X. Borang soal selidik telah dijawab oleh 32 responden yang merupakan pengguna aplikasi X dan data tersebut diproses, dianalisis dan disenaraikan dalam bentuk jadual. Oleh itu, hasil daripada analisis dapatan kajian objektif pertama adalah jenis-jenis bahasa tabu yang digunakan dalam aplikasi X dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu jenis makian, hinaan, sumpahan, tubuh badan dan haiwan. Dapatan kajian objektif kedua pula menunjukkan tahap penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X adalah paling jarang digunakan oleh responden, iaitu seramai 26 responden. Kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada pengkaji masa hadapan bagi mengkaji dan menganalisis bahasa tabu yang digunakan oleh masyarakat.

**Kata Kunci:** Bahasa tabu, aplikasi X, jenis-jenis bahasa tabu, tahap penggunaan, kualitatif

### PENGENALAN

Tabu atau *pemali* ialah bentuk pantang larang yang wujud atas sebab faktor adat, budaya dan kepercayaan. S. Nathesan (2008) mendefinisikan tabu pada umumnya sebagai larangan. Larangan ini kebiasaannya merujuk suatu amalan, perbuatan, pakaian dan seumpamanya. Menurut Beattie (1994), istilah "tabu" berasal dari bahasa Tonga, yang digunakan di Kepulauan Polinesia untuk bermaksud "pantang larang". Selain itu, Trudgill (1995) menyatakan tabu sebagai kecenderungan untuk melakukan sesuatu yang dilarang oleh sebab-sebab yang berkaitan dengan alam semesta atau dianggap tidak beradab atau tidak sesuai. Frazer (2000)

membahagikan tabu mengikut jenis kepada empat kategori: tindakan atau perbuatan tabu, orang, benda dan kata-kata. Konsep "tabu" dalam linguistik merujuk penggunaan kata yang tidak dibenarkan atau digantikan dengan kata lain dalam situasi tertentu.

Berkait rapat dengan itu, masyarakat Melayu mempunyai penggunaan bahasa yang sudah diamalkan sejak zaman terdahulu dikenali sebagai bahasa tabu. Sedia maklum bahawa bahasa tabu merupakan bahasa larangan iaitu ungkapan yang lebih berunsur negatif, lucah dan tidak sopan. Tetapi tabu sering kali tersimpan atau diketahui hanya oleh bangsa dan kaum. Akibatnya, terdapat kemungkinan perkataan yang tidak dibenarkan ini digunakan oleh orang asing kepada mereka yang bercakap dengan orang yang berbeza bangsa atau kaum. Ini tidak dapat dielakkan jika masyarakat asing tidak terdedah kepada maklumat yang dianggap tidak boleh diterima oleh sesetengah kelompok kaum atau etnik yang bertutur dalam dialek dan bahasa yang agak berbeza daripada bahasa Melayu biasa. Penggunaan bahasa tabu digunakan secara meluas dalam aplikasi-aplikasi media sosial seperti *X*, *Instagram*, *Facebook* dan *Whatsapp*. Justeru kajian ini dibuat bagi memfokuskan penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi *X*.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Perubahan zaman telah menyebabkan revolusi bahasa berlaku. Masyarakat kini dilihat hilang pertimbangan dalam melontarkan kata-kata sehingga melanggar adat dan budaya tradisi tentang kesopanan semasa berkomunikasi. Sekiranya diperhatikan, penggunaan bahasa tabu ini digunakan secara meluas dalam aplikasi *X* sehingga nilai bahasa Melayu itu diabaikan. Hal ini demikian kerana, para pengguna media sosial *X* menganggap aplikasi *X* sebagai platform dalam meluahkan segala perkara tanpa perlu memikirkan penggunaan bahasa yang sesuai. Isu sebegini sepatutnya dipandang serius bagi memelihara dan menjaga kesantunan masyarakat Melayu khususnya dalam berkomunikasi tidak kira dalam bentuk pengucapan lisan mahupun tulisan.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi *X*. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut :

- 1) Menenal pasti jenis-jenis bahasa tabu yang digunakan dalam aplikasi *X*
- 2) Menganalisis tahap penggunaan bahasa tabu yang digunakan dalam aplikasi *X*

## SOROTAN LITERATUR

Pengkaji telah memilih 10 kajian-kajian lepas berkaitan penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X supaya objektif kajian dapat dicapai. Sebanyak 5 kajian bagi setiap objektif telah dipilih dan dikenal pasti dapatan kajiannya. Kajian-kajian lepas membantu pengkaji menganalisis dapatan kajian serta membantu ketika proses menjalankan kajian agar kajian ini bercirikan kajian yang efektif dan menjadi sebuah rujukan yang bermutu tinggi.

Kajian-kajian lepas telah dipilih oleh sebab dapatan kajian yang memenuhi kehendak pengkaji serta mempunyai dapatan yang hampir sama dengan objektif kajian. Bukan sahaja dalam aplikasi media sosial, malah kajian lepas yang berkenaan dengan aplikasi Facebook atau permainan politik juga telah dipilih agar kajian ini kelihatan luar biasa dan tidak hanya tertumpu kepada penggunaan media sosial dan media massa.

Kajian lepas yang telah dijalankan oleh Petronella Apin dan Kartini Abd Wahab pada tahun 2015 bertajuk “Tabu Bahasa Dalam Masyarakat Dusun Di Daerah Ranau, Sabah”. Pengkaji lepas menjalankan kajian di sebuah perkampungan kecil dalam Daerah Ranau, Sabah iaitu di kampung Bundu Tuhan dan metodologi kajian ialah kajian lapangan. Dapatan kajian menunjukkan penduduk kampung Bundu Tuhan menggunakan 10 jenis bahasa tabu iaitu bahasa tabu yang berkaitan hal sumpahan dan makian, peristiwa kematian, makhluk ghaib dan sebagainya. Bahasa tabu yang digunakan oleh masyarakat Dusun dalam hal sumpahan dan makian adalah seperti *silaka* yang membawa maksud ‘celaka’, *basung* sebagai ‘bodoh’ dan *kapatai ko poh* iaitu ‘kau matilah’. Perkataan-perkataan tabu ini telah menimbulkan perasaan marah dan dianggap tidak sopan oleh masyarakat dusun kerana perkataan yang disebutkan ini mampu menjadi kenyataan atau realiti. Ini dianggap sebagai doa dan hajat penutur kepada pendengar atau penerima mesej tersebut terutamanya perkataan *kapatai koh poh* yang membawa maksud kepada kematian. Seterusnya dalam hal berkaitan anggota tubuh badan, pengkaji lepas mendapati jika pengguna ini menyatakan tentang alat kemaluan lelaki atau perempuan, responden akan menggunakan perkataan tabu seperti *toli/ tontolou* bagi lelaki dan *tonton/toto* bagi perempuan manakan susu bagi anggota badan buah dada. Penggunaan perkataan-perkataan tabu ini akan mewujudkan sifat malu kepada diri individu tersebut kerana melibatkan perihal tubuh badan yang sensitif. Maka, wujud eufemisme bagi bahasa tabu berkaitan tubuh badan, *suang sinorualan dongtongokusai* yang membawa maksud “dalam seluar lelaki punya”, *suang ginanaban dongtongondu* iaitu “dalam sarung perempuan punya” dan akhir sekali, *suang rinosukan* yang bermaksud “dalam baju”.

“Kesantunan Berbahasa: Konsep Tabu dan Perwajaran Eufemisme dalam Bahasa Melayu dari Perspektif Sociolinguistik” yang dikaji oleh Izzati Rozman pada 2018 telah mengenal pasti beberapa jenis bahasa tabu yang melibatkan penamaan haiwan yang berkaitan dengan perasaan serta berkaitan tubuh badan. Pengkaji telah mendapati bahawa aktiviti manusia yang gemar ke hutan untuk beriadah atau mencari rezeki juga mampu mewujudkan perkataan tabu menggunakan penamaan haiwan-haiwan yang liar. Masyarakat kini dan terdahulu percaya bahawa jika individu tersebut menyebut perkataan liar seperti harimau,

gajah, ular dan buaya, nescaya individu tersebut akan bersua dengan haiwan yang dinyatakan. Maka, pengkaji mewujudkan nama gantian bagi haiwan-haiwan liar ini. ‘Pak belang’ bagi haiwan harimau, gajah sebagai ‘orang besar’, ular sebagai ‘akar’ dan buaya sebagai ‘batang hanyut’. Eufemisme ini bertujuan untuk menghindari segala musibah yang dahsyat serta berlakunya kematian. Antara kata tabu dalam aspek tubuh badan seperti ‘kentut’, ‘beranak’ dan ‘pantat’, pastinya mempunyai kata eufemisme tersendiri, iaitu ‘buang angin’, ‘bersalin’ dan ‘punggung’. Perkataan lain yang sebenarnya membawa kepada ciri bahasa tabu adalah penggunaan perkataan ‘janda’, ‘jamban’ dan ‘mampus’.

Seterusnya kajian oleh Nur Diyana dan Hasmidar pada 2018 bertajuk “Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya dengan Prinsip Relevan Kognitif dan Prinsip Relevan Komunikatif”. Pengkaji lepas telah menggunakan kaedah analisis teks dalam kandungan teks ‘Pantang Larang Orang Melayu Tradisional (Siri Budaya Utusan)’ karya Wan Ramli Wan Muhammad & Hanapi Dollah (1999). Teks ini dijadikan sebagai sumber bagi pengkaji untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan bahasa Tabu. Pengkaji telah mengklasifikasikan dapatan bahasa pantang larang atau *taboo language* mengikut fasa kehidupan manusia iaitu bermula fasa bayi, kanak-kanak, dewasa serta pantang larang ke atas perempuan. Kajian mendapati bahasa pantang larang iaitu “tidak boleh duduk atas bantal, punggung akan terkena bisul” dikhususkan kepada kanak-kanak. Tujuannya adalah untuk melarang kanak-kanak bermain atau duduk di atas bantal. Pada asalnya bantal digunakan untuk menjadi alas kepala ketika tidur, jadi menggunakan bantal kepala untuk duduk di atasnya menampakkan perbuatan itu kelihatan tidak sopan malah, perkataan ‘bisul’ dianggap menjadi amaran kepada kanak-kanak serta masyarakat yang lain. Seterusnya bahasa pantang larang berkaitan fasa dewasa apabila menggunakan “Kencing di atas busut dikatakan buruk kemaluan”. Busut merupakan tanah yang berlonggok yang dikhuatiri merupakan rumah anai-anai. Sifat manusia yang kurang sopan dan gemar untuk kencing merata tempat ini akan memberikan kesan kepada bahagian tubuh badan tersebut.

Terdapat juga sebuah kajian yang dikaji oleh Nur Anis Fadzil dan Anis Shahirah Abdul Sukur pada tahun 2020 yang mengkaji tentang penggunaan bahasa dan perkataan tabu dalam sebuah novel. Kajian ini bertajuk “Strategi Penerjemahan Kata Tabu Dalam Novel *The Catcher in the Rye*”. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan jenis kata tabu yang wujud dalam teks sastera terpilih iaitu novel *The Catcher in the Rye* dan *Wira Ladang*. Pengkaji mendapati terdapat 4 kategori kata tabu dalam novel tersebut iaitu kata julukan sebanyak 33 bilangan, kata keat sebanyak 89 bilangan, kata cabul sebanyak 82 bilangan dan akhir sekali kata lucah sebanyak 8. Jumlah yang diperolehi bagi kata tabu yang digunakan dalam novel ini adalah sebanyak 212. Kata julukan memperoleh 33 kata iaitu sebanyak 15% apabila penulis menggunakan kata penghinaan yang berkaitan bangsa atau jantina seperti *jerks* dan *ass*. Bagi aspek kata lucah, kajian ini mendapati sebanyak 8 daripada 212 kata tabu telah digunakan yang juga berkait rapat dengan elemen seksual dan menggambarkan suasana intim seperti *naked*, *sexy* dan *fuck*. Terjemahan yang disasarkan oleh pengkaji bagi beberapa ayat tabu ini jelas lebih sopan dan menepati teks sumber serta konteks penulisan. Sebagai contoh, pengkaji menggantikan *as hell* kepada  *mungkin* apabila ingin menyampaikan penegasan ketika

watak Stradlater memberikan arahan kepada watak Holden untuk menyiapkan kerja sekolahnya.

Seterusnya, kajian yang telah dijalankan oleh Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff dan Nur Sharina pada 2021 yang bertajuk “Pengetahuan Bersama Tentang Tabu Dalam Masyarakat Silang Budaya Sebagai Jaminan Kesantunan Berbahasa”. Metodologi dan kaedah kajian ialah kajian lapangan iaitu secara temu bual. Data diperoleh daripada beberapa responden di Tawau, Sabah. Pengkaji mendapati beberapa kata tabu yang digunakan oleh masyarakat Tawau seperti perkataan ‘amput’ dan ‘kentot’. Kedua-dua perkataan ini berkaitan dengan seks dan merupakan tabu yang paling ketat dalam masyarakat Tawau. Bagi penutur yang bukan berasal dari Tawau atau pengguna bahasa Melayu standard akan menggunakan perkataan ‘kentut; yang membawa makna membuang angin tetapi, bagi konteks penutur Tawau ‘kentot’ membawa makna bersetubuh antara lelaki dengan perempuan. Walaupun berbeza ejaan tetapi cara sebutan kedua-dua perkataan ini adalah sama tetapi membawa makna yang sangat berbeza. ‘Amput’ juga bermakna bersetubuh tetapi penggunaan bahasa Melayu standard tidak menggunakan ‘amput; tetapi bersetubuh. Seterusnya, dapatan yang dapat dibincangkan ialah kata ‘buyung’. Dalam konteks bukan penutur asal Tawau, ‘buyung’ ditafsirkan sebagai ibu yang sedang hamil dan bekas air yang besar. Tetapi bagi masyarakat Tawau, ‘buyung’ ini bermakna kemaluan lelaki. Oleh sebab perbezaan konteks kedua-dua penutur, kadang ini akan menjadikan individu tersebut malu atau segan dengan penggunaan kata itu sendiri.

Suatu kajian yang bertajuk “Penggunaan eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban” telah dijalankan oleh Muhammad Zaid, Mohammad Shahrul Nizam dan Remmy Gendat pada tahun 2018 untuk mengkaji tentang tahap penggunaan atau kekerapan eufemisme mengikut umur responden serta mengenal pasti faktor-faktor penggunaan eufemisme. Seramai 105 orang responden yang dikutip telah diklasifikasikan kepada 3 peringkat umur iaitu kategori muda yang berusia 16-35 tahun, dewasa yang berumur 36-50 tahun dan kategori tua yang berusia 51-70 tahun. Pengkaji dapati wujudnya eufemisme mengenai anggota tubuh badan, hal yang berkaitan dengan wanita serta mengenai Tuhan dan agama. Dapatan kajian jelas menunjukkan peratusan yang tinggi bagi kategori penggunaan eufemisme bagi tubuh badan iaitu golongan muda mencapai 32.4% penggunaan eufemisme mereka, dewasa sebanyak 30.25% manakala, mencapai 37.36% bagi kategori tua. Kekerapan ungkapan ini wujud oleh sebab responden sedar akan ungkapan tentang tubuh badan seperti alat sulit yang sangat sensitif dan dianggap lucah jika dilakukan dalam kalangan masyarakat sosial. Seterusnya, dapatan kajian yang berkaitan dengan penggunaan eufemisme perihal Tuhan dan agama menunjukkan peratusan yang baik iaitu sebanyak 30.7% dan 34.7% oleh sebab masyarakat Iban yang mementingkan sikap menghormati Sang Pencipta.

Kajian seterusnya yang dikaji oleh Ezzah Afifah pada 2019 yang bertajuk “Persepsi Golongan Remaja Terhadap Penggunaan Bahasa Sarkastik”. Bahasa Sarkastik dapat didefinisikan sebagai suatu gaya bahasa sindiran yang mampu menimbulkan sifat kemarahan individu. Data kajian dikumpul melalui kaedah borang soal selidik serta temu bual bersama responden. Pengkaji lepas mendapati seramai 30 orang pelajar atau 60% dalam skala yang

tinggi, diikuti 13 orang pada skala yang sederhana tinggi dan 7 orang pada skala yang sederhana. Dialog temu bual “*aku memang suka meniru orang yang bodoh*” ialah bahasa sindiran dan mampu membuatkan individu lain marah atau berkecil hati dengan kata-kata tersebut. Pengkaji juga berpendapat bahawa penyampaian sarkastik tersebut sudah menjadi kebiasaan masyarakat kini dalam perbualan harian. Antara salah satu dialog lain yang membawa kepada unsur sindiran ialah “*Hai!, aku dengar kau dapat D- dalam ujian yang lepas...Hebat, Einstein!*” Penggunaan kata “Einstein” merujuk kepada tokoh yang hebat dalam bidang sains dan seorang individu yang sangat pintar. Maka, pelajar berkenaan telah membuat sindiran tentang tahap kepintaran individu tersebut dengan tahap kepintaran Albert Einstein. Seramai 35 orang (70%) pada skala tinggi, diikuti 8 orang (16%) pada skala yang amat tinggi dan 7 orang (14%) pada skala sederhana tinggi yang bersetuju tentang penggunaan bahasa sarkastik dalam dialog yang dinyatakan.

“*Bentuk dan Penggunaan Bahasa Halus dalam Masyarakat Melayu dan Iban di Sarawak*” ialah suatu kajian yang dijalankan oleh Hamidah Abdul Wahab, Siti marian Kamil dan Remmy Gedat pada tahun 2020 bagi mengkaji tentang bentuk eufemisme serta kekerapan penggunaannya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak di daerah Kuching dan Samarahan. Pengkaji lepas telah mendapati pelbagai bentuk penggunaan bahasa halus dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang dapat diklasifikasikan mengikut jenisnya seperti ungkapan bagi hal wanita dan lelaki, makian, perasaan takut yang berunsurkan haiwan, penyakit serta kematian. Setiap kategori ini mempunyai pelbagai bentuk bahasa halus tersendiri yang jelas menunjukkan sifat negatif dan tidak santun penggunaan bahasa yang dilakukan. Kajian ini juga mendapati golongan yang berusia 40 tahun dan ke bawah mencapai skala sederhana dalam penggunaan bahasa halus iaitu sebanyak 76%. Ini bagi menjaga hati dan perasaan individu lain serta menuruti nasihat dan pantang larang orang-orang terdahulu. Bagi golongan yang berusia 40 tahun dan ke atas, data menunjukkan responden dalam golongan ini kerap menggunakan bahasa halus atau bahasa kasar oleh sebab sering digunakan dalam perbualan harian.

Sebuah kajian yang ditulis dan dikaji dalam bahasa Inggeris telah dijalankan oleh Ahmad Zahid pada 2022 yang bertajuk “*The Usage of Taboo Words and Euphemism Among Malaysian Students on Social Media: A Comparative Study*” merupakan antara kajian yang menepati dapatan kajian ini. Kajian ini mengkaji penggunaan bahasa tabu di 3 platform media sosial terkini iaitu *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram*. Ketiga-tiga platform tersebut mempunyai fungsi yang sama iaitu pengguna boleh menyuarakan pendapat mereka tentang sesuatu hal, maka 6 pelajar telah dipilih oleh pengkaji lepas sebagai responden kajian ini. Pengkaji lepas mendapati 6 responden yang dipilih lebih banyak menggunakan bahasa tabu dalam aplikasi *Twitter* apabila pelajar yang keenam paling banyak menggunakannya dari Mac 2020 sehingga May 2020 iaitu sebanyak 10 perkataan tabu. Lebih lanjut lagi, antara perkataan tabu yang banyak digunakan oleh para responden ialah perkataan ‘gila’, ‘kencing’, ‘hancing’, ‘bodoh’, ‘nokharom’, ‘mereng’, ‘pantat’ dan ‘takde telur’. Manakala, 5 perkataan tabu telah dikenal pasti di aplikasi *Instagram* iaitu ‘gila’, *fuck*, ‘sia’, *damn* dan *shit*. Jelas bahawa pengkaji telah membuktikan terdapatnya pelbagai perkataan tabu yang sering digunakan oleh masyarakat


terutamanya pelajar pada hari ini khususnya melalui ketiga-tiga aplikasi berikut.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan oleh Mohd Norazizi Samsudain dan Mardiah Shah Omar pada tahun 2022 melalui kajian yang bertajuk “Penggunaan Unsur Bahasa Negatif Terhadap Hantaran Isu 1MDB oleh Pengguna *Facebook*”. Kaedah kajian ini merupakan kualitatif deskriptif dengan menggunakan teks-teks komentar pengguna *Facebook* sebagai data kajian. Pengkaji lepas telah mendapati terdapat penggunaan bahasa basahan bahasa pasar serta carutan dalam aplikasi *Facebook* yang berkait tentang isu 1MDB. Dapatan kajian menunjukkan pelbagai jenis perkataan telah digunakan mengikut bahasa yang telah diklasifikasikan. Bahasa pasar atau bahasa yang mempunyai unsur kasar dan contoh dapatan kajian yang dikutip ialah penggunaan perkataan ‘penyamun’, ‘bodoh’ dan ‘bahlol’. Perkataan- perkataan ini telah digunakan sebagai nama gelaran dan menunjukkan perasaan marah terhadap bekas Perdana Menteri Malaysia, iaitu Datuk Seri Mohammad Najib bin Haji Abdul Razak. Malah, pengguna juga menggunakan perkataan ‘bebal’ dan ‘mangkok hayun’ untuk menjelaskan sikap bekas perdana menteri tersebut ketika proses pelantikan beliau. ‘Kepala otak bangang’ dan ‘menteri tahap tong sampah’ juga telah digunakan oleh pengguna dalam aplikasi *Facebook* tentang isu 1MDB. Kajian ini jelas menunjukkan kekerapan penggunaan dan pengulangan perkataan yang berunsurkan negatif serta ditujukan kepada individu yang ternama.

Kesimpulan daripada kajian-kajian lepas, jelaslah bahawa bahasa tabu atau bahasa yang berunsurkan negatif mempunyai pelbagai jenis yang berkaitan dengan tubuh badan, keagamaan malah menyamakan individu dengan haiwan-haiwan liar. Malah, kajian-kajian yang dinyatakan juga menunjukkan tahap penggunaan bahasa tabu di media sosial ini semakin berleluasa sehingga wujudnya penggunaan eufemisme bagi setiap perkataan agar kelihatan lebih santun ketika berbicara dengan penerima mesej. Bukan sahaja dalam kalangan pengguna media sosial malah, masyarakat setempat juga sering menggunakan bahasa tabu ini dalam kalangan mereka, oleh sebab itu, sesetengah masyarakat tidak peduli dengan kata-kata negatif ini sehingga sanggup mencemarkan nama dan maruah seseorang seperti sebuah kajian lepas yang mengenai bekas Perdana Menteri Malaysia.

## KERANGKA TEORITIKAL

Rajah 1.1 di bawah menunjukkan kerangka teoritikal kajian penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X.



**OBJEKTIF 1:**

Mengenal pasti jenis-jenis bahasa tabu yang digunakan dalam aplikasi X.



Petronella Apin  
Kartini Abd Wahab  
(2015)

Tabu bahasa dalam masyarakat dusun di daerah Ranau, Sabah

JADUAL 1. Tabu Bahasa Berkaitan Hal Sumpahan dan Makian serta Eufemisme yang Digunakan

Tabu Bhs. Dusun	Bhs. Melayu	Eufemisme	Bhs. Melayu
<i>silaka</i>	celaka	-	-
<i>basug</i>	bodoh	<i>amu ko kopio apandai</i>	awak kurang pandai
<i>mulau</i>	gila	<i>amu ko kopio osihat</i>	awak kurang sihat
<i>kapatai ko poh</i>	kau matilah	<i>katagak ko poh mantad hiti pomugunan toruhai-ruhai</i>	semoga kau hilang dari dunia ini secepatnya

JADUAL 6. Tabu Bahasa Berkaitan Anggota Tubuh Badan dan Eufemisme yang Digunakan

Tabu Bhs. Dusun	Bhs. Melayu	Eufemisme	Bhs. Melayu
<i>toli/tontolou</i>	alat kemaluan lelaki	<i>suang sinorualan dongtongokusai</i>	dalam seluar lelaki punya
<i>tonton/toto</i>	alat kemaluan perempuan	<i>suang ginanaban dongtongondu</i>	dalam sarung perempuan punya
<i>susu</i>	buah dada	<i>suang rinosukan</i>	dalam baju

JADUAL 10. Tabu Bahasa Berkaitan Nama Haiwan dan Eufemisme Yang Digunakan

Tabu Bhs. Dusun	Bhs. Melayu	Eufemisme	Bhs. Melayu
<i>tulanut</i>	ular	<i>monsoding rulus</i>	
<i>paus</i>	kijang	<i>ruus</i>	haiwan yang makan tumbuhan sahaja
<i>puok</i>	burung hantu	<i>longkug</i>	burung hantu





**OBJEKTIF 2:**

Menganalisis tahap penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X



Ahmad Zahid  
 Wardatul Hayat Adnan  
 (2022)

Penggunaan Kata Tabu dan Eufemisme dalam Kalangan Pelajar Malaysia  
 di Media Sosial: Kajian Perbandingan

Jadual 3 Jadual Kod untuk Kekerapan Perkataan Tabu dan Penggunaan Eufemisme

Media Sosial	Pemboleh ubah	Tarikh	Pelajar 1	Pelajar 2	Pelajar 3	Pelajar 4	Pelajar 5	Pelajar 6
Facebook	TW	20 MAC	0	0	1	0	2	1
		20 APRIL	2	0	0	0	1	1
		20 MEI	0	1	1	1	0	1
	EM	20 MAC	0	0	0	0	0	0
		20 APRIL	0	0	1	0	0	0
		20 MEI	0	0	1	1	0	0
Instagram	TW	20 MAC	0	0	0	0	0	0
		20 APRIL	0	1	0	0	1	0
		20 MEI	0	0	0	2	0	1
	EM	20 MAC	0	0	0	1	0	0
		20 APRIL	0	0	1	0	0	0
		20 MEI	1	0	1	0	0	0
Twitter	TW	20 MAC	2	3	2	2	4	4
		20 APRIL	1	1	3	2	2	3
		20 MEI	3	2	1	0	2	3
	EM	20 MAC	0	0	2	1	0	0
		20 APRIL	1	0	0	0	0	1
		20 MEI	0	1	1	1	0	0

**Rajah 1.2: Kerangka Teoritikal**

**METODOLOGI**

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian dan kaedah soal selidik. Kaedah pemerhatian telah dijalankan bagi mengenal pasti jenis-jenis perkataan dan ayat tabu yang digunakan dalam aplikasi X. Manakala, kaedah soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan data tentang tahap penggunaan bahasa tabu tersebut dalam aplikasi X. Soal selidik ini diedarkan dan dijawab oleh pengguna aplikasi X sahaja.

Bagi mencapai objektif kajian yang pertama, iaitu mengenal pasti jenis-jenis bahasa tabu dalam aplikasi X, pengkaji telah memilih pengguna atau penghantar ciapan dalam aplikasi X sebagai responden kajian. Pengkaji telah memilih beberapa ciapan dalam aplikasi X yang menggunakan bahasa tabu yang berkaitan dengan tubuh badan, makian dan haiwan.

Seterusnya, bagi menganalisis objek 2, iaitu tahap penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X, pengkaji telah mengedarkan sebuah pautan soal selidik atau *Google Form* yang perlu diisi oleh pengguna aplikasi X supaya data tahap penggunaan bahasa tabu ini lebih tepat dan mencapai objektif kajian. Responden atau sampel kajian adalah seramai 32 responden yang kebanyakan daripada responden berumur dalam lingkungan 19 sehingga 21 tahun serta pengguna tegar aplikasi X.

## DAPATAN KAJIAN

### Dapatan Kajian Objektif 1

Jadual-jadual di bawah menunjukkan penggunaan jenis perkataan dan frasa tabu dalam kalangan pengguna aplikasi X yang merujuk beberapa kategori iaitu hinaan, sumpahan, tubuh badan dan haiwan yang telah diperoleh daripada analisis dokumen tangkap layar.

**Jadual 1: Jenis Perkataan Tabu Makian, Hinaan dan Sumpahan**

Perkataan Tabu Makian, Hinaan dan Sumpahan	Makna
<i>Bodoh</i>	Sukar mengerti atau mempelajari sesuatu, bebal, dungu, tolol, tidak cerdik
<i>Sial</i>	Dalam konteks adjektif; tidak beruntung, celaka, membawa malang
<i>Barua</i>	Orang perantaraan yang digunakan untuk melakukan sesuatu pekerjaan jahat

Berdasarkan Jadual 1, pengkaji telah mengenal pasti jenis perkataan tabu yang digunakan oleh pengguna media sosial X, iaitu jenis perkataan tabu makian, hinaan dan sumpahan. Penulis ciapan telah menggunakan perkataan tabu seperti *bodoh*, *sial* dan *barua*. Perkataan-perkataan ini kerap digunakan untuk menunjukkan ekspresi marah, geram dan sebagainya.

**Jadual 2: Jenis Frasa Tabu Makian, Hinaan dan Sumpahan**

Frasa Tabu Makian, Hinaan dan Sumpahan	Makna
<i>...tapi cam biasa lah, orang kita ni degil dan bodoh mengalahkan haiwan. Bila eksiden kang menyusahkan orang lain.</i>	Penulis menyatakan ayat sedemikian dengan menyamakan ketidakpintaran kaum Melayu dalam melakukan sesuatu tindakan lalu kesan daripada tindakan tersebut akan membebankan orang lain.
<i>Mampus la kau betina</i>	Ayat tabu ini berunsurkan kata makian dan hinaan yang digunakan dalam keadaan marah yang merujuk kepada penulis yang meminta seseorang wanita untuk meninggal dunia.

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji telah mengenal pasti frasa tabu yang digunakan oleh pengguna media sosial X, iaitu jenis frasa tabu yang merujuk makian, hinaan dan sumpahan. Sebagai contoh penggunaan frasa tabu *mampus lah kau betina*. Perkataan *mampus* merujuk orang yang meninggal dunia. Namun, perkataan *mampus* ini dilihat kurang sopan untuk digunakan kerana merujuk orang yang meninggal dunia.

**Jadual 3: Jenis Perkataan Tabu Tubuh Badan**

Perkataan Tabu Tubuh Badan	Makna
<i>Punai</i>	Alat sulit lelaki; burung seperti merpati ~ burung punai
<i>Kimak/Pukimak</i>	Kata hinaan yang merujuk alat kelamin ibu kepada seseorang
<i>Butoh</i>	Zakar

Berdasarkan Jadual 3, pengkaji telah mengenal pasti jenis perkataan tabu yang digunakan oleh pengguna media sosial X iaitu jenis perkataan tabu tubuh badan. Penulis ciapan telah menggunakan perkataan tabu seperti *punai*, *kimak* dan *butoh*. Perkataan-perkataan ini seharusnya digantikan dengan perkataan seperti zakar dan faraj. Hal ini demikian, kerana perkataan tabu ini sangat sensitif bagi sebahagian orang.

**Jadual 4: Jenis Frasa Tabu Tubuh Badan**

Frasa Tabu Tubuh Badan	Makna
------------------------	-------

<i>Baik ko tutup mulut ko sebelum aku jolok pungkoq ko ngan cili padi</i>	Penulis memberi amaran supaya individu yang dimarahinya untuk diam sebelum dia memasukkan cili padi di dalam punggung individu tersebut.
---------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Berdasarkan Jadual 4, pengkaji telah mengenal pasti jenis frasa tabu yang digunakan oleh pengguna media sosial X, iaitu jenis frasa tabu tubuh badan. Sebagai contohnya pengguna perkataan *pungkoq* dalam frasa di atas sesuai ditukar kepada punggung.

**Jadual 5: Jenis Perkataan Tabu Haiwan**

Perkataan Tabu Haiwan	Makna
<i>Babi</i>	Sejenis binatang mamalia yang berbadan gemuk, kaki pendek, berkulit tebal dan bermuncung serta diharamkan dalam Islam, digunakan sebagai kata makian dalam keadaan marah
<i>Tenok/tenuk</i>	Sejenis binatang liar; badak
<i>Anjing</i>	Sejenis binatang yang menyalak, berkaki empat, diharamkan dalam Islam, digunakan sebagai kata makian dalam keadaan marah

Berdasarkan Jadual 5, pengkaji telah mengenal pasti jenis perkataan tabu yang digunakan oleh pengguna media sosial X, iaitu jenis perkataan tabu haiwan. Sebagai contoh pengguna perkataan *babi*, *tenok* dan *anjing*. Jenis perkataan tabu ini merupakan jenis yang paling dominan ditemui di media sosial khususnya media sosial X.

**Jadual 6: Jenis Frasa Tabu Haiwan**

Frasa Tabu Haiwan	Makna
<i>Anjing peluk babi</i>	Penulis menggunakan haiwan yang haram atau jijik untuk menunjukkan perilaku manusia yang jahat atau kejam. Ayat ini membawa maksud orang jahat bertemu dengan orang jahat.

Berdasarkan Jadual 6, pengkaji telah mengenal pasti jenis frasa tabu yang digunakan oleh pengguna media sosial X, iaitu jenis frasa tabu haiwan. Berdasarkan frasa di atas, penulis ciapan telah pun menggunakan dua haiwan yang paling dipandang hina oleh masyarakat iaitu “*anjing*” dan *babi*. Hal ini demikian kerana, penulis ciapan tersebut ingin menunjukkan pertemuan antara orang jahat dengan orang jahat.

## Dapatan Kajian Objektif 2

Jadual-jadual di bawah menunjukkan tahap penggunaan bagi setiap perkataan dan frasa tabu untuk kategori hinaan, makian, sumpahan, tubuh badan dan haiwan.

**Jadual 7: Tahap Penggunaan Perkataan Tabu Hinaan, Makian dan Sumpahan**

Jenis Perkataan Tabu Hinaan, Makian dan Sumpahan	Perempuan		Lelaki	
	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)
<i>Butoh</i>	//////// (90%)	/ (10%)	//// (60%)	/// (40%)
<i>Bodoh</i>	//// (50%)	//// (50%)	/// (40%)	///// (60%)
<i>Barua</i>	//////// (80%)	// (20%)	//// (50%)	//// (50%)
<i>Sial</i>	//// (50%)	//// (50%)	/// (40%)	///// (60%)

Berdasarkan Jadual 7 pengkaji telah mengenal pasti tahap penggunaan perkataan tabu hinaan, makian dan sumpahan. Data menunjukkan bahawa peratusan jantina lelaki lebih kerap menggunakan perkataan tabu hinaan, makian dan sumpahan. Sebagai contoh perkataan *butoh* dan *sial*. Masing-masing menunjukkan peratusan yang tinggi, iaitu sebanyak 60% berbanding peratusan perempuan, iaitu sebanyak 40% sahaja.

**Jadual 8: Tahap Penggunaan Frasa Tabu Hinaan, Makian dan Sumpahan**

Jenis Frasa Tabu Hinaan, Makian dan Sumpahan	Perempuan		Lelaki	
	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)
<i>Nasi lemak telur senipis iman</i>	//////// (100%)	-	//////// (100%)	-
<i>IQ suhu bilik</i>	//////// (100%)	-	//// (80%)	// (20%)

<i>Dasar muka awam</i>	////// (70%)	/// (30%)	///////// (90%)	/ (10%)
<i>Mampus la kau betina</i>	///////// (80%)	// (20%)	////// (70%)	/// (30%)

Berdasarkan Jadual 8 pengkaji telah mengenal pasti tahap penggunaan frasa tabu hinaan, makian dan sumpahan. Data menunjukkan bahawa peratusan jantina lelaki lebih kerap menggunakan frasa tabu hinaan, makian dan sumpahan. Sebagai contoh frasa *mampus lah kau betina* menunjukkan 30% lelaki yang kerap menggunakan frasa ini berbanding jantina perempuan yang hanya 20% kerap menggunakan frasa ini.

**Jadual 9: Tahap Penggunaan Perkataan Tabu Tubuh Badan**

Jenis Perkataan Tabu Tubuh Badan	Perempuan		Lelaki	
	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)
<i>Pundek</i>	///////// (100%)	-	////// (70%)	// (20%)
<i>Kimak/Pukimak</i>	////// (70%)	/// (30%)	//// (40%)	////// (60%)
<i>Barua</i>	///////// (80%)	// (20%)	//// (40%)	////// (60%)

Berdasarkan Jadual 9 pengkaji telah mengenal pasti tahap penggunaan perkataan tabu tubuh badan. Data menunjukkan bahawa peratusan jantina lelaki lebih kerap menggunakan perkataan tabu tubuh badan. Sebagai contoh perkataan *kimak* dan *barua* masing-masing mendapat 60% tahap penggunaan kerap. Jantina perempuan pula mencatatkan hanya 30% sahaja tahap penggunaan kerap bagi perkataan *kimak* dan hanya 20% sahaja tahap penggunaan kerap bagi perkataan *barua*.

**Jadual 10: Tahap Penggunaan Frasa Tabu Tubuh Badan**

Jenis Frasa Tabu Tubuh Badan	Perempuan		Lelaki	
	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)

<i>2x5 pundek</i>	//// (50%)	//// (50%)	//////// (80%)	// (20%)
<i>Ko kedai nama french, rasa croissant rasa kimak</i>	//////// (70%)	/// (30%)	//////// (70%)	/// (30%)
<i>... paling-paling jual statement berdasarkan kisah benar kepala bapak ko</i>	/// (40%)	//// (60%)	//////// (80%)	// (20%)

Berdasarkan Jadual 10 pengkaji telah mengenal pasti tahap penggunaan perkataan tabu tubuh badan. Data menunjukkan bahawa peratusan jantina lelaki lebih kerap menggunakan perkataan tabu tubuh badan. Sebagai contoh perkataan *kimak* dan *barua* masing-masing mendapat 60% tahap penggunaan kerap. Jantina perempuan pula mencatatkan hanya 30% sahaja tahap penggunaan kerap bagi perkataan *kimak* dan hanya 20% sahaja tahap penggunaan kerap bagi perkataan *barua*.

**Jadual 11: Tahap Penggunaan Perkataan Tabu Haiwan**

Jenis Perkataan Tabu Haiwan	Perempuan		Lelaki	
	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)
<i>Tenok/ Tenuk</i>	//////// (90%)	/ (10%)	//////// (90%)	/ (10%)
<i>Babi</i>	//// (50%)	//// (50%)	/// (30%)	//////// (70%)
<i>Anjing</i>	//// (50%)	//// (50%)	/// (40%)	//////// (60%)
<i>Punai</i>	//////// (90%)	/ (10%)	//////// (80%)	// (20%)

Berdasarkan Jadual 11 pengkaji telah mengenal pasti tahap penggunaan perkataan tabu haiwan. Data menunjukkan bahawa peratusan jantina lelaki lebih kerap menggunakan perkataan tabu haiwan. Sebagai contoh perkataan *babi* dan *anjing* masing-masing mendapat 70% dan 60% tahap penggunaan kerap. Bagi jantina perempuan pula, perkataan *babi* dan *anjing* masing-masing mendapat sebanyak 50% tahap penggunaan kerap dan 50% tahap penggunaan jarang. Ini menunjukkan bahawa, perempuan juga banyak menggunakan

perkataan tabu haiwan.

**Jadual 12: Tahap Penggunaan Frasa Tabu Haiwan**

Jenis Frasa Tabu Haiwan	Perempuan		Lelaki	
	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)	Jarang (Skala 1-3)	Kerap (Skala 4-5)
<i>Anjing peluk babi</i>	//// (50%)	//// (50%)	//// (50%)	//// (50%)
<i>Meroyan tu geng kau tenuk</i>	////// (70%)	/// (30%)	////// (80%)	// (20%)
<i>Lepasni boleh la CelcomDigi tu tukar nama jadi CelcomDigi dan babi</i>	////// (70%)	/// (30%)	////// (70%)	/// (30%)

Berdasarkan Jadual 12 pengkaji telah mengenal pasti tahap penggunaan frasa tabu haiwan. Data menunjukkan bahawa peratusan jantina perempuan lebih kerap menggunakan frasa tabu haiwan. Sebagai contoh frasa *meroyan tu geng kau tenuk*, iaitu sebanyak mendapat 30% tahap penggunaan kerap.

### PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian objektif pertama yang telah menggunakan kaedah pemerhatian dan catatan pengkaji telah mendapati bahawa dalam media sosial khususnya aplikasi X wujudnya penggunaan bahasa tabu. Ini dapat dibuktikan melalui pemerhatian pengkaji terhadap bebenang yang ditulis oleh pengguna media sosial X. Oleh itu, pengkaji telah melakukan catatan terhadap perkataan dan frasa tabu yang digunakan dengan mengkategorikan mengikut jenis-jenisnya. Dapatan kajian lepas, iaitu Petronella Apin & Kartini Abd Wahab (2015) yang bertajuk “Tabu Bahasa Dalam Masyarakat Dusun Di Daerah Ranau, Sabah” menunjukkan terdapat 10 jenis bahasa tabu yang digunakan dalam kalangan masyarakat dusun di daerah Ranau, Sabah. Namun, pengkaji hanya dapat menyenaraikan sebanyak 4 jenis bahasa tabu sahaja, iaitu jenis makian, hinaan, sumpahan, tubuh badan, haiwan dan kata nama. Hal ini berlaku mungkin disebabkan faktor geografi di Ranau, Sabah yang lebih dekat dengan negara Filipina. Masyarakat dusun di Ranau, Sabah ini berkemungkinan mendapat pengaruh daripada negara tersebut. Selain itu, jika kita dapat lihat media sosial khususnya media sosial X lebih banyak digunakan oleh golongan muda sahaja. Ini dapat dibuktikan melalui akhbar atas talian iaitu Harian Metro yang mengatakan bahawa kebergantungan rakyat Malaysia terutama golongan belia kepada media sosial tidak boleh disangkal. Oleh itu, penggunaannya juga lebih kurang daripada masyarakat dusun di Ranau, Sabah yang majoritinya terdiri daripada golongan



tua.

Seterusnya, berdasarkan dapatan kajian objektif kedua yang telah menggunakan kaedah soal selidik terhadap 20 orang responden yang terdiri daripada 10 orang lelaki dan 10 orang perempuan, pengkaji telah melihat tahap penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X. Kajian ini menunjukkan yang wujudnya kehadiran bahasa tabu dalam media sosial khususnya media sosial X. Ini bertepatan dengan kajian lepas yang dirujuk oleh pengkaji iaitu Ahmad Zahid Saidil Morsalin & Wardatul Hayat Adnan (2022) yang bertajuk “Penggunaan Bahasa Tabu Dan Euphemisme Dalam Kalangan Pelajar Malaysia Di Media Sosial: Satu Kajian Komparatif”. Kajian tersebut telah menyatakan bahawa penggunaan bahasa tabu dalam media sosial *Twitter* atau X mempunyai penggunaan bahasa tabu yang tinggi. Hal ini demikian kerana, pengguna bebas untuk menyuarakan sebarang pandangan atau pendapat sendiri dalam aplikasi X.

## KESIMPULAN

Tuntasnya, tabu merupakan bentuk bahasa yang merujuk perkara-perkara larangan, tidak senonoh, lucah, negatif dan tidak sopan. Penggunaan perkataan dan frasa tabu acap kali digunakan dalam kalangan pengguna media sosial khususnya aplikasi X baik lelaki mahupun perempuan tanpa mengira kaum dan bangsa. Rentetan itu, dapatan kajian yang diperoleh telah menjawab kedua-dua objektif kajian iaitu mengenal pasti jenis bahasa tabu yang digunakan dalam aplikasi X serta menganalisis tahap penggunaan bahasa tabu yang digunakan dalam aplikasi tersebut. Dalam pada itu, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa perkataan dan frasa tabu yang jarang digunakan oleh pengguna aplikasi X. Sebagai contoh, *butoh*, *bodoh*, *tenok* dan *barua*. Walau bagaimanapun, masih ada segelintir pengguna aplikasi X dalam kalangan lelaki dan perempuan yang menggunakan perkataan dan frasa tabu dalam aplikasi berkenaan. Oleh hal yang demikian, kajian ini penting dalam membantu memperluas pengetahuan masyarakat tentang jenis-jenis perkataan tabu berserta contohnya agar dapat membantu masyarakat lebih cakna akan pemilihan bahasa yang lebih tepat yang mencerminkan kesantunan berbahasa sebagai rakyat Malaysia, dapat membantu dalam memberi sumbangan ilmu kepada bidang sosiolinguistik. Hal ini demikian kerana, para pendidik di Malaysia berpeluang menjadikan makalah ini sebagai panduan dalam membina sebuah modul pendidikan yang membincangkan kesan negatif bahasa tabu dan cara untuk berkomunikasi dengan lebih berhemah. Di samping itu, kajian penggunaan bahasa tabu dalam aplikasi X ini juga dapat dijadikan sebagai sumber sorotan literatur yang membantu menambahkan maklumat untuk kajian bahasa tabu akan datang. Selain itu, makalah ini sesuai dijadikan rujukan untuk golongan intelektual dalam mencadangkan beberapa perkataan yang lebih halus, sopan dan berlapik sebagai alternatif yang menggantikan unsur ketabuan dalam berkomunikasi. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa tabu yang semakin menular dalam kalangan masyarakat haruslah dibendung agar tidak menggugat kedudukan bahasa Melayu yang terkenal oleh masyarakat Timur dengan nilai sopan santun dan tatatertibnya. Menurut Wiersma (2000), kajian pendidikan dapat dilihat sebagai sebuah aktiviti yang berterusan untuk menambah ilmu dalam sesuatu bidang atau dapat mewujudkan penyelesaian baru bagi sesuatu masalah

pendidikan. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan yang disarankan berdasarkan batasan kajian yang telah dilampirkan di bab satu. Antaranya ialah, kajian lanjutan hendaklah melibatkan jenis responden yang lebih besar dengan bilangan yang lebih ramai. Hal ini demikian kerana, kajian penggunaan bahasa tabu ini hanya melibatkan seramai 32 orang responden dari kalangan pelajar IPTA iaitu mahasiswa UIAM Pagoh dalam mengenal pasti tahap penggunaan bahasa tabu tersebut dalam aplikasi X. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan golongan yang sudah bekerja agar untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang tahap penggunaan bahasa tabu. Akhir sekali, kajian lanjutan dicadangkan untuk menganalisis bahasa tabu di platform media sosial selain aplikasi X untuk mendapatkan dapatan kajian yang lebih banyak dan spesifik untuk kajian bahasa tabu ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Zaid Saidil Morsalin & Wardatul Hayat Adnan. (2022). The Usage of Taboo words and Euphemism among Malaysian Students on Social Media: A Comparative Study. *Journal of Media and Information Warfare*, 15(1), 111-122. [https://www.researchgate.net/publication/358421815\\_The\\_Usage\\_of\\_Taboo\\_Words\\_and\\_Euphemism\\_among\\_Malaysian\\_Students\\_on\\_Social\\_Media\\_A\\_Comparative\\_Study](https://www.researchgate.net/publication/358421815_The_Usage_of_Taboo_Words_and_Euphemism_among_Malaysian_Students_on_Social_Media_A_Comparative_Study)
- Ezzah 'Afifah Nasrudin. (2019). Persepsi Golongan Remaja Terhadap Penggunaan Bahasa Sarkastik. *International of Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(7), 13-22. 10.35631/ijhpl.27002
- Fromkin, V., Hyams, N., & Rodman, R. (2014). *An Introduction to Language (9th ed.)*. Wadsworth Publishing. Hamidah Abdul Wahab, Siti Marina Kamil & Remmy Gedat. (2020). Bentuk Dan Penggunaan Bahasa Halus Dalam Masyarakat Melayu Dan Iban Di Sarawak. *Issues in Language Studies*, 9 (1). <https://doi.org/10.33736/ils.2103.2020>
- Harian Metro. (2021). "Pengguna setia" media sosial. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/01/661173/pengguna-setia-media-sosial>
- Hasmidar, H., Radiah, Y., & Nur Sharina, S. S. (2021, December 27). Pengetahuan Bersama Tentang Tabu Dalam Masyarakat silang Budaya Sebagai Jaminan Kesantunan berbahasa. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 42-74. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/34273>
- Izzati Rozman. (2018). Kesantunan Berbahasa Konsep Tabu dan Perwajaran Eufemisma dalam Bahasa Melayu dari Persepektif Sociolinguistik. [https://www.academia.edu/38027726/Kesantunan\\_Berbahasa\\_Konsep\\_Tabu\\_dan\\_Perwajaran\\_Eufemisma\\_dalam\\_Bahasa\\_Melayu\\_dari\\_Perspektif\\_Sociolinguistik](https://www.academia.edu/38027726/Kesantunan_Berbahasa_Konsep_Tabu_dan_Perwajaran_Eufemisma_dalam_Bahasa_Melayu_dari_Perspektif_Sociolinguistik)
- Mohd Norazizi Samsudin & Mardiah Shah Omar. (2022). Penggunaan Unsur Bahasa Negatif Terhadap Hantaran Isu 1MDB Oleh Pengguna Facebook. *Jurnal Pengajian*

Melayu- JOMAS, 33(1), 87-  
107. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol33no1.6>

Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Remmy Gedat. (2018). Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (ISLEAL)*, 8(1), 27-40. [https://www.researchgate.net/publication/326263864\\_Penggunaan\\_Eufemisme\\_dalam\\_Kalangan\\_Penutur\\_Iban](https://www.researchgate.net/publication/326263864_Penggunaan_Eufemisme_dalam_Kalangan_Penutur_Iban)

Nur Anis Fadzil & Anis Shahirah Abdul Sukur. (2020). Strategi Penterjemahan Kata Tabu Dalam Novel *The Catcher in the Rye*. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 70-84. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.6.2020>

Nur Diyana & Hasmidar. (2018). Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu Dan Hubungannya Dengan Prinsip Relevans Kognitif Dan Prinsip Relevans Komunikatif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29. [https://www.researchgate.net/publication/330079841\\_Bahasa\\_Pantang\\_Larang\\_Masyarakat\\_Melayu\\_Dan\\_Hubungan\\_Dengan\\_Prinsip\\_Relevans\\_Kognitif\\_Dan\\_Prinsip\\_Relevans\\_Komunikatif\\_Linguistics\\_Taboo\\_Amongst\\_Malays\\_And\\_Its\\_Relationship\\_With\\_Cognitive\\_Principle](https://www.researchgate.net/publication/330079841_Bahasa_Pantang_Larang_Masyarakat_Melayu_Dan_Hubungan_Dengan_Prinsip_Relevans_Kognitif_Dan_Prinsip_Relevans_Komunikatif_Linguistics_Taboo_Amongst_Malays_And_Its_Relationship_With_Cognitive_Principle)

Petronella Apin, & Kartini Abd Wahab. (2015). Tabu Bahasa Dalam Masyarakat Dusun Di Daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*. 14(2). <https://core.ac.uk/download/pdf/33344976.pdf>

S. Nathesan,(2008), *Makna Dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka

Trudgill, P. (1995). *Sociolinguistics: An Introduction to Language and Society (Edisi Ketiga)*. Penguin Books

## CABARAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI PADA ERA MODENISASI KINI DALAM KALANGAN MAHASISWA DI IPTA

Aminnudin Saimon  
Siti Arfah Nazman

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

### Abstrak

Tulisan Jawi merupakan seni penulisan yang telah wujud sejak abad yang lalu di kawasan Nusantara. Kedatangan tulisan rumi secara beransur-ansur menyebabkan kedudukan tulisan Jawi tersebut semakin terancam dan kurang digunakan dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu. Kedatangan tulisan Rumi ini juga sememangnya memberikan cabaran dalam pengekalan tulisan Jawi ini. Kajian ini meneliti berkenaan dengan cabaran penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa di IPTA pada era modenisasi kini. Terdapat dua objektif yang akan dibincangkan, iaitu menganalisis cabaran penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi dalam kalangan mahasiswa di IPTA dan merumuskan kesan terhadap pengekalan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa di IPTA. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kaedah kuantitatif dengan mengaplikasikan teknik soal selidik dengan menggunakan aplikasi *Google Form*. Terdapat dua jenis soalan, iaitu soalan terbuka dan soalan tertutup. Data akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) berdasarkan jawapan responden melalui soal selidik dalam *Google Form*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai *Cronbach's Alpha* bagi kedua-dua objektif berada pada tahap yang baik dan dapat diterima. Berdasarkan hasil dapatan bagi cabaran penggunaan tulisan Jawi ini dapat disimpulkan bahawa cabaran ini merangkumi dari segi perubahan tulisan Jawi dan sikap individu terhadap tulisan Jawi. Cadangan pengkaji agar kajian seperti ini dapat dilaksanakan lagi dengan mempunyai fokus dapatan dan responden yang berlainan. Selain itu, pengkaji juga berharap agar kajian yang dilaksanakan ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji yang lain.

**Kata Kunci:** Tulisan Jawi, era modenisasi, mahasiswa, cabaran.

### PENGENALAN

Tulisan Jawi merupakan satu seni penulisan yang terawal yang pernah ditemui dan berkembang sejak zaman Kerajaan Islam Pasai. Perkembangan seterusnya dapat dilihat melalui penyebaran tulisan Jawi di Kerajaan Melaka, Kerajaan Johor dan Aceh pada abad ke-17 (Faudi Abdul Razak, Azrizan Abu Bakar dan Ruziman Omar, 2022). Hal ini dapat dibuktikan apabila tulisan Jawi ini telah wujud sekitar 1300 M di Kepulauan Melayu dan penemuan tulisan Jawi yang terawal juga telah ditemui di Batu Bersurat Terengganu. Perkataan Jawi ini berasal daripada bahasa Arab dan telah dikenali sebagai Yawi di Pattani. Merujuk kepada sejarah, tulisan Jawi

ini mula berkembang di Tanah Melayu sejak kedatangan Islam pada abad ke-10 menerusi aktiviti perdagangan Arab yang datang berniaga di Kepulauan Melayu. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Azrulhizam Shapii, Zainal Rasyid Mahayuddin dan Sabarina Othman (2020), mengatakan bahawa tulisan Jawi merupakan tulisan asal yang digunakan oleh masyarakat Asia Tenggara bagi bahasa Melayu dan terdapat beberapa perubahan yang telah dilaksanakan dalam huruf-huruf Arab tersebut bagi disesuaikan dengan lidah orang Melayu pada masa tersebut.

Ekoran daripada perubahan masa dan dasar pemerintahan yang terdapat pada masa ini telah menyebabkan penggunaan tulisan Jawi telah diambil oleh kedatangan tulisan rumi secara beransur-ansur. Hal ini terjadi akibat daripada berlakunya perkembangan daripada arus pemodenan yang menyebabkan identiti kemegahan sesuatu bangsa itu sendiri semakin hilang. Bukan itu sahaja, melalui Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Pertama (1952) juga telah berlakunya undian bagi menghapuskan tulisan Jawi ini dan pada akhirnya telah menyebabkan tulisan jawi tersebut dipinggirkan lalu digantikan dengan tulisan rumi (Aminnudin Saimon, Siti Nushahqqira Sheikh Mohd Fauzi, Nuwaira Zafira Zafri, Nur Azmina Izzatulrazan Ibrahim dan Nur Aqilah Abd Halim, 2023). Berdasarkan penulisan Azuar Fahmi Mohd Ali (2021), mengatakan bahawa pada masa ini, penggunaan tulisan Jawi berada pada tahap yang rendah dan dilupakan oleh kaum Melayu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan tulisan Jawi ini tidak digunakan secara menyeluruh di negara ini dan hanya digunakan bagi tujuan pembelajaran di sekolah semata-mata. Rentetan daripada perkara ini telah menyebabkan penggunaan tulisan Jawi semakin merosot kerana masyarakat kini lebih selesa menggunakan tulisan rumi. Hal ini juga dapat dilihat dengan lebih jelas apabila penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa yang semakin malap dan kurang digunakan dalam sesi pembelajaran mahupun kehidupan harian. Oleh itu, pengkaji ingin membuat satu kajian yang membincangkan berkenaan dengan cabaran penggunaan tulisan Jawi ini dan seterusnya merumuskan kesan-kesan penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi ini dalam kalangan mahasiswa di IPTA.

Tulisan Jawi ini merupakan salah satu daripada warisan bangsa Melayu yang perlu dipertahankan dan dilindungi kegunaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, tulisan Jawi ini merupakan medium penyampaian ilmu dalam kalangan umat Islam di nusantara. Salah satu bukti kewujudan tulisan Jawi ini apabila tulisannya dijumpai di Kedah dan di Terengganu melalui penemuan batu-batu bersurat. Ulama'-ulama' di rantau alam Melayu menggunakan tulisan Jawi dan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian. Berdasarkan penulisan akhbar yang bertajuk Orang Melayu matikan akhbar Utusan Melayu (2020), Johan Jaafar mengatakan bahawa syarikat Utusan Melayu mengambil langkah realistik bagi mengekalkan tulisan Jawi ini namun masyarakat Melayu itu sendiri yang menyumbang kepada kehilangan tulisan Jawi ini. Bukan itu sahaja, arus pemodenan juga turut menyumbang kepada kemerosotan penggunaan tulisan Jawi ini kerana menganggap bahawa tulisan Jawi ini ketinggalan dalam masyarakat Melayu. Tambahan pula, perkara ini juga terjadi akibat daripada sikap masyarakat Melayu yang tidak yakin dengan peninggalan warisan ini. Rentetan daripada kejadian yang berlaku ini menyebabkan penggunaan terhadap penulisan Jawi kurang digunakan oleh

masyarakat dan hebahan terhadap tulisan Jawi ini juga kian dilupakan.

Selain itu, berdasarkan pembacaan di akhbar Sinar Harian (2019) telah dibincangkan berkenaan dengan Mengapa perlu takut pada tulisan Jawi?. Dalam penulisan ini, telah dikatakan bahawa terdapat segelintir pihak yang tidak memahami dengan lebih jelas berkenaan dengan tulisan Jawi ini. Hal ini telah menyebabkan segelintir pihak ini menganggap tulisan Jawi ini merupakan tulisan islamik dan mengikut bahasa Arab. Bukan itu sahaja, terdapat satu stigma masyarakat yang beranggapan bahawa penulisan Jawi ini sebagai satu ideologi penyebaran agama Islam. Hal ini dapat dilihat melalui isu yang menjadi bualan hangat apabila seramai 138 pemimpin akar umbi termasuk 13 anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP menggesa Kabinet agar membantah cadangan memperkenalkan tulisan Khat dalam kurikulum Tahun 4. Tambahan pula, cadangan ini juga telah dibantah oleh pertubuhan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) dalam memperkenalkan Khat Jawi di sekolah. Berdasarkan isu yang telah terjadi ini menyebabkan tulisan Jawi tersebut tidak dapat digunakan dalam penulisan Khat kurikulum Tahun 4.

## **OBJEKTIF**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut:

- a . Menganalisis cabaran penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi dalam kalangan mahasiswa di IPTA.
- b . Merumuskan kesan terhadap pengekaln tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa di IPTA

## **SOROTAN LITERATUR**

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020) yang bertajuk Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan ini membincangkan berkenaan dengan tulisan Jawi yang dilihat semakin terpinggir. Kajian ini difokuskan kepada golongan belia dan remaja yang terdiri daripada pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Objektif kajian ini dilakukan bagi melihat pengetahuan tulisan Jawi dalam kalangan belia berdasarkan kajian lepas yang telah dilaksanakan. Selain itu, kajian ini juga akan melihat kepada cadangan dan langkah yang telah atau akan dilaksanakan bagi memelihara tulisan Jawi ini. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan ini merangkumi pelbagai aspek seperti penguasaan, penerimaan, pengajaran dan caravan terhadap tulisan Jawi ini. Berdasarkan hasil perbincangan kajian, terdapat isu-isu yang berkaitan dengan tulisan Jawi ini yang menunjukkan cabaran dan peminggiran terhadap tulisan Jawi ini. Cabaran yang paling kritikal pada masa ini adalah apabila tulisan Jawi itu sendiri hanya digunakan dalam sesi pembelajaran dan keperluan sekolah sahaja. Bukan itu sahaja, perasaan minat terhadap tulisan Jawi juga semakin dilupakan oleh pengamal di sekolah apabila mereka memasuki ke IPT dan luar sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan tulisan Jawi sudah tidak

digunakan dengan meluas dan seterusnya menyebabkan tulisan Jawi ini semakin terhakis dan kian dilupakan. Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan tulisan Jawi secara tidak berterusan ini akan menyebabkan tulisan Jawi tersebut semakin lama semakin dipinggirkan oleh masyarakat.

Kajian yang bertajuk *Jom Jawi: Meningkatkan Penguasaan Bahasa Jawi di kalangan Murid Sekolah Rendah* menggunakan Media Interaktif oleh Azrulhizam Shapii, Zainal Rasydi Mahayuddin dan Sabarina Othman (2020), pula membincangkan berkenaan dengan sistem pendidikan yang sering berlaku perubahan daripada pelbagai aspek. Salah satu perubahan yang berlaku apabila sistem pendidikan menggantikan tulisan Jawi kepada tulisan rumi. Bukan itu sahaja, penggunaan tulisan Jawi ini juga kurang digunakan dalam aplikasi multimedia. Berdasarkan hasil penulisan dalam kajian ini, terdapat cabaran yang dapat diperoleh daripada penulisan ini antaranya, tidak mahir dalam mengenali huruf tulisan Jawi, kekeliruan dalam menyambung huruf Jawi dan mengubah cara pengejaan tulisan Jawi itu sendiri. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan teknologi yang sedia ada bagi menangani cabaran tersebut dengan membina satu perisian aplikasi multimedia *Jom Jawi* sebagai kaedah pembelajaran tulisan Jawi yang lebih efektif.

Kajian yang seterusnya adalah hasil daripada Nor Sahara Mesman, Zulkarnain Abd. Majid dan Makmur Harun (2022). Kajian ini bertajuk *Cabaran dan Peranan Ibu Bapa dalam Memperkasa Pembelajaran Jawi Semasa Pandemik Covid-19*. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa, peranan ibu bapa dalam memperkasakan pembelajaran Jawi terhadap anak-anak sewaktu pandemik PKP dan melihat hubungan signifikansi antara pelaksanaan, peranan dan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa terhadap penguasaan Jawi anak-anak semasa PKP. Menerusi kajian ini, terdapat seramai 150 orang ibu bapa yang telah dipilih secara rawak untuk melengkapkan kajian soal selidik ini. Soal selidik ini menggunakan *Google Form* dan pautan tersebut disebarikan melalui aplikasi *WhatsApp*. Hasil daripada dapatan yang diperoleh terdapat beberapa cabaran ibu bapa dalam memperkasa pembelajaran tulisan Jawi semasa pandemik Covid-19 terhadap anak-anak. Antara cabaran yang mendapat tahap yang paling tinggi adalah ‘Saya tidak tahu menulis Jawi’, ‘Saya tidak tahu membaca tulisan Jawi’, ‘Saya tidak tahu menyambung huruf Jawi untuk membentuk perkataan’, ‘Saya tidak mendapat pendidikan formal berkaitan pembelajaran Jawi’. Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji, dapat dilihat bahawa secara keseluruhannya cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa ini terhadap pembelajaran Jawi anak-anak berada di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak dalam penulisan Jawi ini. Justeru itu, tanggungjawab sebagai ibu bapa hendaklah dilaksanakan bagi memastikan anak-anak dapat menguasai pembelajaran Jawi ini dengan baik.

Kajian yang selanjutnya adalah hasil penulisan oleh Nur Farah Dina Mohamad dan Harun Baharudin (2023), bertajuk *Cabaran Guru Kelas Agama Fardu Ain Sekolah Rendah Agama dalam Pembelajaran Tulisan Jawi*. Dalam kajian ini membincangkan berkenaan dengan cabaran guru Kelas Agama Fardu Ain (KAFA) dalam pembelajaran tulisan Jawi. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui temu bual dan analisis dokumen. Hasil daripada

dapatan kajian telah menunjukkan beberapa cabaran yang dilalui oleh guru-guru di KAFA dalam proses mempelajari tulisan Jawi ini. Antara cabaran yang dapat dianalisis adalah tulisan Jawi hanya terhad dalam sistem pendidikan. Bukan itu sahaja, aras pembelajaran yang semakin tinggi menyebabkan murid-murid sukar untuk memahami tulisan Jawi. Selain itu, kesediaan murid-murid dalam mempelajari tulisan Jawi ini apabila kebanyakan murid yang kurang mahir dalam membaca serta menulis tulisan Jawi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, murid-murid hanya dikenalkan dengan huruf Jawi yang asas sahaja semasa di tadika dan menjadikan cabaran kepada guru-guru di KAFA untuk mengajar murid-murid apabila berada di peringkat sekolah rendah. Bukan itu sahaja, kurang minat dalam diri murid-murid juga merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh guru-guru KAFA semasa mempelajari tulisan Jawi ini. Selain daripada kelemahan pengetahuan yang ada pada diri murid-murid di sekolah KAFA ini, latar belakang guru-guru KAFA juga menyumbang kekangan dalam pembelajaran tulisan Jawi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak semua guru-guru KAFA mahir dalam seni penulisan tulisan Jawi ini. Oleh itu, jelaslah dilihat bahawa terdapat cabaran-cabaran yang menjurus kepada penggunaan tulisan Jawi ini dalam kalangan murid-murid sekolah KAFA.

Kajian berikutnya pula adalah hasil penulisan Hasani Ghazali dan Rosmawati Razak (2023) berkaitan dengan Penguasaan Bacaan Al-Quran dan Cabarannya dalam kalangan Pelajar Politeknik. Kajian ini dilaksanakan bagi melihat kepada penguasaan bacaan Al-Quran dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar politeknik dalam membaca Al-Quran. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan dan kajian perpustakaan. Berdasarkan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Hasani Ghazali dan Rosmawati Razak ini (2023), ini mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran untuk menguasai bacaan Al-Quran ini antaranya, kelemahan penguasaan bacaan Al-Quran di peringkat sekolah lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembacaan Al-Quran ini mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan tulisan Jawi. Bukan itu sahaja, tinjauan yang dilakukan juga menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang masih berada pada tahap penguasaan yang lemah dalam kemampuan untuk mengenali huruf hijaiyah. Selain itu, antara cabaran lain yang dihadapi oleh pelajar adalah apabila tiada penekanan dari pihak ibu bapa untuk mempelajari Al-Quran, guru kurang berkemahiran untuk mendidik, kaedah pembelajaran yang kurang efektif, ketiadaan alat bantu mengajar yang berkesan dan kurang penguasaan tajwid. Maka, jelaslah bahawa cabaran-cabaran dalam penguasaan bacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar Politeknik ini juga memberikan cabaran juga terhadap penggunaan tulisan Jawi.

## **METODOLOGI**

Teknik utama yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini merupakan teknik soal selidik. Soal selidik ini akan diedarkan kepada responden melalui dalam talian menggunakan *Google Form*. Salah satu faktor pengkaji menggunakan soal selidik ini melalui *Google Form* kerana dapat berhubung terus dengan kumpulan sasaran bagi mendapatkan dapatan kajian. Teknik ini merupakan teknik yang sering digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data primer daripada responden yang terlibat. Borang soal selidik ini juga dihasilkan bersesuaian mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan supaya soalan tersebut tidak menyimpang jauh



daripada sasaran yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, soalan soal selidik yang akan disediakan oleh pengkaji tersebut boleh difahami oleh semua responden. Hal ini bagi memastikan responden dapat menjawab soalan soal selidik dengan baik dan dapat membantu pengkaji mencapai objektif yang ditetapkan. Pengkaji telah menetapkan soalan bagi soal selidik ini kepada dua jenis soalan. Soalan pertama terdiri daripada jenis soalan terbuka. Soalan terbuka ini merupakan soalan yang tidak mempunyai struktur, iaitu soalan yang tidak mempunyai sebarang pilihan jawapan dan responden dapat memberikan jawapan yang bebas terhadap soalan yang diberikan berdasarkan pandangan dan idea responden. Seterusnya, jenis soalan tertutup pula merupakan soalan yang mempunyai struktur yang tersendiri dan mempunyai pilihan jawapan. Hal ini akan menyebabkan responden hanya boleh memilih jawapan yang disediakan oleh pengkaji sahaja dan berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Soalan terhadap cabaran penggunaan tulisan Jawi yang diedarkan melalui borang soal selidik melalui atas talian tersebut merupakan soalan yang telah diambil daripada hasil dapatan kajian Shakila Ahmad, Hussain Othman, Rafiuddin Afkari, Mikdar Rusdi dan Mohd Hisyam Abdul Rahim (2018) dan hasil dapatan Nor Sahara Mesman, Zulkarnain Abd. Majid dan Makmur Harun (2022). Hasil dapatan yang telah diperolehi oleh kedua-dua kajian ini akan digunakan oleh pengkaji dan akan diubah mengikut objektif yang telah ditetapkan, iaitu lebih tertumpu kepada golongan sasaran yang melibatkan mahasiswa di IPTA. Selain itu, bagi soalan untuk kesan penggunaan tulisan Jawi pula diubah suai mengikut kesesuaian objektif berdasarkan hasil penulisan Nor Asyikin Mat Hayin (2020) dan Sapri Rosli (2014).

### **Sampel Kajian**


Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah. Dalam pemilihan secara rawak mudah ini, responden telah dipilih daripada populasi dengan menggunakan pemilihan secara rawak. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji akan menyebarkan soalan soal selidik ini secara atas talian melalui *Google Form* yang akan disebarkan melalui *WhatsApp*, *Instagram*, *Facebook* dan sebagainya. Setiap responden dalam populasi yang sama mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk dipilih sebagai sampel kajian. Terdapat 60 orang responden yang akan menjawab soal selidik dan akan dipilih secara rawak mudah mengikut populasi yang sama. Melalui teknik pensampelan secara rawak mudah yang digunakan oleh pengkaji, bahan kajian yang akan difokuskan oleh pengkaji adalah terdiri daripada borang soal selidik yang akan dilaksanakan melalui *Google Form* dan akan diagihkan melalui aplikasi *WhatsApp*. Responden kajian pula terdiri daripada mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pengkaji menetapkan seramai 60 orang responden yang akan menjawab soal selidik dan responden ini terdiri daripada mahasiswa atau mahasiswi di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Borang soal selidik ini akan diagihkan secara berperingkat di mana-mana institusi awam yang ada di Malaysia ini. Selain itu, pengkaji juga akan menyebarkan borang soal selidik ini kepada lapan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Pengkaji juga akan menggunakan pensampelan

bola salji atau dikenali sebagai *snowball*. Pensampelan bola salji ini merujuk kepada prosedur pensampelan, iaitu responden kajian diminta untuk mencadangkan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan sesuai untuk menjawab soal selidik dalam kajian yang dilaksanakan. Selain itu, teknik pensampelan bola salji ini juga digunakan untuk mendapatkan sumber data pada awalnya sedikit dan menjadikan pengambilan data tersebut menjadi lebih besar.

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih mendalam berkaitan dengan cabaran penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi kini dalam kalangan mahasiswa di IPTA. Hasil dapatan ini diperolehi daripada maklum balas yang telah dijawab oleh 60 orang responden melalui borang soal selidik secara atas talian. Pada bahagian B ini, terdapat lapan soalan yang berkaitan dengan cabaran penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi kini dalam kalangan mahasiswi di IPTA. Responden dikehendaki menjawab soalan-soalan yang diberikan ini berdasarkan skala likert yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Skala likert tersebut terdiri daripada 1 = SETUJU, 2 = TIDAK PASTI dan 3 = TIDAK SETUJU bagi setiap soalan yang terdapat dalam borang soal selidik ini. Selain itu, pengkaji juga menyediakan ruangan bagi responden untuk memberikan pandangan mereka sendiri berkenaan dengan cabaran penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi kini dalam kalangan mahasiswa di IPTA dan dapatan akan dianalisis bersama dengan dapatan yang diperolehi daripada item B1 hingga item B8. Berikut merupakan analisis hasil dapatan kajian bagi bahagian B, iaitu cabaran penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi kini dalam kalangan mahasiswa di IPTA daripada item B1 hingga item B8.

Berdasarkan carta bar dan **Jadual 4.4** di atas dapat dilihat bahawa majoriti responden menyokong dengan pernyataan '**Peranan tulisan Jawi telah diambil oleh tulisan Rumi**'. Hal ini dikatakan demikian kerana, seramai 53 orang responden bersetuju dan membawa sebanyak 88.3 peratus daripada pernyataan tersebut. Selain itu, hasil dapatan juga dapat dilihat apabila



kedua-dua pilihan jawapan bagi tidak pasti dan tidak setuju masing-masing memperoleh maklum balas kurang daripada lima orang responden, iaitu tidak pasti hanya seramai empat orang responden bersamaan dengan 6.7 peratus dan tidak setuju pula hanya seramai tiga orang responden yang bersamaan dengan 5.0 peratus. Seterusnya, melalui hasil dapatan tersebut menunjukkan bahawa majoriti responden memilih jawapan setuju kerana berdasarkan responden 42 mengatakan bahawa cabaran utama yang dapat dilihat berdasarkan era modenisasi kini apabila tulisan Jawi jarang digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, terlalu banyak perkara yang memerlukan mahasiswa untuk menggunakan bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan menyebabkan mahasiswa lebih menggunakan tulisan yang terdapat dalam bahasa tersebut berbanding dengan tulisan Jawi. Bukan itu sahaja, berdasarkan pandangan yang diberikan oleh responden 50, pula mengatakan bahawa kebanyakan subjek yang dipelajari oleh mahasiswa di universiti adalah menggunakan bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Perkara ini menyebabkan mahasiswa sudah kurang menggunakan tulisan Jawi khususnya dalam subjek yang dipelajari. Oleh itu, jelaslah dilihat bahawa peranan tulisan Jawi ini diambil alih oleh tulisan Rumi merupakan cabaran penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi kini dalam kalangan mahasiswa di IPTA.



Berdasarkan carta bar dan **Jadual 4.7** di atas merupakan hasil dapatan bagi item B4, iaitu '**saya tidak tahu menulis Jawi**'. Majoriti responden memilih tidak setuju dengan pernyataan tersebut yang bersamaan dengan 85 peratus dan secara tidak langsung menjadikan kekerapan yang paling tinggi bagi pernyataan tersebut. Seterusnya, bagi hasil keputusan bagi setuju dan tidak setuju pula masing-masing mendapat bilangan responden yang kurang daripada 10, iaitu masing-masing mendapat hanya empat responden, bersamaan dengan 6.7 peratus dan lima responden bersamaan dengan 8.3 peratus sahaja. Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh bagi cabaran yang kedua ini, dapat dilihat bahawa mahasiswa sebenarnya tahu untuk menulis Jawi dan ini bukanlah cabaran terhadap mereka dalam penggunaan tulisan Jawi ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas daripada para responden, terdapat beberapa


responden yang telah memberikan pandangan berkenaan dengan cabaran ini. Antara cabaran yang dapat dilihat adalah, melalui pandangan daripada responden sembilan yang mengatakan bahawa penggunaan teknologi dan bahasa Inggeris yang meluas di IPTA menyebabkan mahasiswa kurang fokus terhadap penulisan Jawi ini. Tambahan pula, pandangan yang diberikan oleh responden 2, pula mengatakan bahawa mahasiswa tidak lagi mengaplikasikan pembelajaran tulisan Jawi ini dan menyebabkan mahasiswa lupa untuk menulis. Oleh itu, dapat dilihat bahawa sebenarnya cabaran penggunaan tulisan Jawi ini bukanlah dilihat daripada segi penulisan Jawi tetapi dari segi kehadiran bahasa yang lain dan kekerapan dalam mempraktikkan penulisan Jawi itu sendiri.



Kekerapan jawapan bagi item B8 ini dapat dikenal pasti bahawa terdapat 50 orang responden yang bersamaan dengan 83.3 peratus ini tidak bersetuju dengan cabaran '**saya tidak tahu menyambungkan huruf Jawi untuk membentuk perkataan**'. Lanjutnya, jumlah responden yang bersetuju dan tidak pasti pula masing-masing mendapatkan jumlah dan peratusan yang sama, iaitu seramai lima orang responden dan bersamaan dengan hanya 8.3 peratus sahaja.



Bagi item B7, iaitu ‘saya kurang mengetahui berkaitan dengan ejaan Jawi yang baharu’ pula seramai 34 orang responden tidak setuju dengan pernyataan ini dan menjadikan jumlah peratusan sebanyak 56.7 peratus. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa jumlah responden yang tidak setuju tersebut mendapat jumlah majoriti daripada responden. Selain itu, dapat juga dilihat melalui hasil dapatan bahawa jumlah responden yang menjawab tidak pasti dan setuju ini memiliki jumlah responden yang sama, iaitu seramai 13 orang responden dan bersamaan dengan 21.7 peratus.



Berikut merupakan hasil dapatan bagi item 2 bagi cabaran penggunaan tulisan Jawi ini,

iaitu ‘pertambahan perbendaharaan perkataan dalam bahasa Melayu seperti bunyi ‘V’ dan ‘Eks’. Berdasarkan hasil dapatan, terdapat 30 orang responden yang bersamaan dengan 50 peratus bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, dapat dilihat melalui pandangan daripada responden 41 yang mengatakan bahawa tulisan Jawi ini mempunyai pembaharuan dan pengemaskinian yang tersendiri seperti bahasa Melayu. Seperti yang kita sedia maklum, setiap huruf dalam bahasa Melayu ini dapat ditukarkan dalam tulisan Jawi berdasarkan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa huruf yang tidak terdapat dalam huruf Arab dan antaranya huruf yang terdiri daripada huruf چ (cha), ف (pa), گ (ga), غ (nga), ن (nya) dan و (va). Huruf-huruf tersebut telah ditambah ke dalam huruf Jawi bagi disesuaikan dengan sistem huruf bahasa Melayu yang terkini. Seterusnya, berdasarkan hasil dapatan terdapat seramai 24 responden bersamaan 40 peratus tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, berdasarkan pendapat yang diberikan oleh responden 10 telah mengatakan bahawa masih kurang pendedahan pertambahan perbendaharaan tulisan Jawi ini terhadap mahasiswa. Bukan itu sahaja, perkara ini juga secara tidak langsung telah menyebabkan mahasiswa tidak berminat untuk mengambil tahu berkenaan tulisan jawi ini. Perkara ini juga telah menyebabkan responden memilih jawapan tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Akhir sekali, hanya enam responden sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dan bersamaan dengan 10 peratus sahaja. Oleh itu, dapat dilihat bahawa pertambahan perbendaharaan perkataan dalam bahasa Melayu seperti ‘V’ dan ‘Eks’ merupakan cabaran terhadap penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa pada era modenisasi kini.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian yang dilaksanakan ini sememangnya memberikan pengetahuan baharu berkenaan dengan cabaran penggunaan tulisan Jawi pada era modenisasi kini dalam kalangan mahasiswa di IPTA. Bukan itu sahaja, kajian ini juga memberikan tumpuan kepada kesan terhadap penggunaan tulisan Jawi dan kesan tidak menggunakan tulisan Jawi ini pada masa yang akan datang. Hal ini juga sedikit sebanyak telah membuka pandangan masyarakat dan mahasiswa berkenaan dengan tulisan Jawi ini. Oleh itu, pihak yang berkepentingan hendaklah mengambil tindakan dalam menangani cabaran-cabaran ini bagi memastikan tulisan Jawi ini akan sentiasa berkekalan pada masa yang akan datang.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Mahmud, D. (2021). *101 Tips Menulis Literature Review*. Dr. ARM.
- Abdul Rahman, N. A., Mohd Amin, N., & Razali, W. N. (2017). Persepsi Pelajar Melayu UNITEN berkaitan Kemahiran Menggunakan Tulisan Jawi sebagai lambang Identiti Bangsa Melayu dan Tulisan Jawi sebagai lambang Identiti Bangsa Melayu Beragama Islam. *Sains Insani*, 2(1), 42–47. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.49>
- Abdullah, Z., & Aziz, A. Y. A. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri

- Melayu: Satu Kajian Tinjauan: Abandonment of Jawi Script as a Symbol of Malay Identity: A Case Observation Research. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2), 244–255. <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152/128>
- Abu Bakar, R., Zuina, C., Fakhrolazizi, A., Bakar, A., & Aziz, N. (n.d.). *Mekanisme Penilaian Kursus dan Hubungannya dengan Penerimaan Pelajar Terhadap Kursus CTU di UiTM*. Diakses November 15, 2023, dari <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42870/1/42870.pdf>
- Ahmad, S., Othman Hussain, Rafiuddin Afkari, & Mohd Hisyam. (2018, Jun). *Tinjauan Terhadap Cabaran Semasa Tulisan Jawi Sebagai Warisan Masyarakat Peradaban Bangsa Melayu*. ResearchGate
- Amin, F., Suki, N., Abd Baser, J., Masran, S., Fairuz, M., & Bekri, M. (n.d.). *KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KOMPETENSI PENGAJAR TVET TERHADAP PENGAJARAN TEKNIKAL BERDASARKAN PENDEKATAN MODEL RASCH*. Diakses pada November 15, 2023, dari <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/ojtp/article/download/4780/2860/18398>
- Azis, Y. A. (2023, Mei 31). *Snowball Sampling: Pengertian, Kelebihan, Kelemahan, Jenis dan contoh*. Deepublish Store. <https://deepublishstore.com/blog/snowball-sampling-adalah/>
- Bebit, M. A. A., Ibrahim, S., Jaapar, I., Samar, A. N. A., & Amairudin, M. F. (2023). KAJIAN TERHADAP SENI PIKSEL KALIGRAFI ARAB-MELAYU MENGGUNAKAN KAYU KITAR SEMULA. *Jurnal Tuah*, 4(1), 30–38. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JTuah/article/view/1521/1210>
- Dusuki, D. A. W. (2019, Ogos 7). *Seni khat atau tulisan jawi?* Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/41893/seni-khat-atau-tulisan-jawi>
- Ghazali, H., & Razak, R. (2023). *Penguasaan Bacaan Al-Quran dan Cabarannya dalam Kalangan Pelajar Politeknik* (pp. 51–60). <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2023/06/7.pdf>
- Haiy, M., & Hamzah, M. (2021). HUBUNGAN PENGUASAAN JAWI DENGAN PROSES PENGAJARAN GURU DI SEKOLAH RENDAH RELATIONSHIP BETWEEN JAWI MASTERY AND TEACHING PROCESS IN PRIMARY SCHOOLS. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 4(10), 81–90. <http://www.jossr.com/PDF/JOSSR-2021-10-03-08.pdf>
- Hamid, F. F. A., & Abdullah, N. (2009). PENGUASAAN TULISAN JAWI DI KALANGAN MAHASISWA PENGAJIAN ISLAM: KAJIAN DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) TEMPATAN. *Journal of Al-Tamaddun*, 4(1), 145–156.

<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8344/6095>

- Ibrahim, R., Embong, R., Abdul Kadir, F. K., & Hashim, H. A. (2019). (PDF) *Pemeriksaan Tulisan Jawi Dahulu dan Kini*. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/333967672\\_Pemeriksaan\\_Tulisan\\_Jawi\\_Dahulu\\_dan\\_Kini](https://www.researchgate.net/publication/333967672_Pemeriksaan_Tulisan_Jawi_Dahulu_dan_Kini)
- Mesman, N. S., Abd. Majid, Z., & Harun, M. (2023). *Melihat kepada Cabaran Dan Peranan Ibu Bapa Dalam Memperkasakan Pembelajaran Jawi Semasa Pandemik Covid-19*. Mohe.gov.my. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/18360/9710>
- Mohamad, N. F. D., & Baharudin, H. (2023). CABARAN GURU KELAS AGAMA FARDU AIN SEKOLAH RENDAH AGAMA DALAM PEMBELAJARAN TULISAN JAWI. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 9(1), 59–69. <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2023/06/TAMU-Vol-91-June-2023-59-69.pdf>
- Mohd Ali, A. F. (2021, November 29). “*Tulisan Jawi hilang kerana pemimpin Melayu sendiri.*” Majoriti.com.my. <https://majoriti.com.my/netzkorner/2021/11/29/039tulisan-jawi-hilang-kerana-pemimpin-melayu-sendiri039>
- Mohd Pazli, N. S., & Saimon, A. (2022). Tahap Penguasaan Tulisan Jawi: Tinjauan Terhadap Golongan Muda, Pertengahan Dan Warga Emas. *International Young Scholars Journal of Language*, 5(2). <https://kulliyah.iium.edu.my/klm/wp-content/uploads/sites/14/2022/11/114-123-Tahap-Penguasaan-Tulisan-Jawi-Tinjauan-Terhadap-Golongan-Muda-Pertengahan-dan-Warga-Emas.pdf>
- Nor Aimi Dalila. (2015, Jun 17). *BAB 3 – METODOLOGI*. Aplikasi Komputer Dalam Kajian Linguistik. <https://crazylinguists.wordpress.com/category/nor-aimi-dalila/bab-3-metodologi-aimi/>
- Nordin, N., & Hassan, M. (2019). Kerangka Kaedah Kajian Penyelidikan: Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Komitmen Prestasi Kerja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 111. <https://media.neliti.com/media/publications/322677-kerangka-kaedah-kajian-penyelidikan-fakt-6ca20b4f.pdf>
- Norshah, S., Shafiee Hamzah, M., Rahman, T., Kamaruddin, K., & Azeah, N. (2018). *Teaching and Learning Method of al-Quran: A Study in UniSZA's Mosque*. <http://journalarticle.ukm.my/12104/1/25684-76646-1-SM.pdf>
- Nursabrina, K. (n.d.). Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi. *Www.academia.edu*. [https://www.academia.edu/12610794/Sejarah\\_Perkembangan\\_Tulisan\\_Jawi](https://www.academia.edu/12610794/Sejarah_Perkembangan_Tulisan_Jawi)
- Rajak, F. (2016, Julai). *PERMASALAHAN PENGUASAAN PELAJARAN JAWI DALAM KALANGAN MURID TAHUN TIGA*. - PDF Free Download. Docplayer.net. <https://docplayer.net/48509821-Permasalahan-penguasaan-pelajaran-jawi-dalam-kalangan->



murid-tahun-tiga.html

Shapii, A., Mahayuddin, Z. R., & Othman, S. (2022). *View of Jom Jawi: Meningkatkan Penguasaan Bahasa Jawi di Kalangan Murid Sekolah Rendah Mengguna Media Interaktif*. Mohe.gov.my.

<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/10743/5345>

*Siapakah Mahasiswa? - STEP 4*. (2016, Februari 26). *Siapakah Mahasiswa? - STEP 4*. <http://step2016.blogspot.com/2016/02/siapakah-mahasiswa.html>

Suriyati, Merhayati, & Fazlin. (2012, Disember 18). *BAB 5: REKABENTUK KAJIAN*. Hipotesisfpp2012.Blogspot.com. <http://hipotesisfpp2012.blogspot.com/2012/12/bab-5-rekabentuk-kajian.html>

Yahaya, N. (2019, Ogos 6). *Tulisan jawi: Jangan cipta alasan sekat usaha kerajaan*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/41836/berita/nasional/tulisan-jawi-jangan-cipta-alasan-sekat-usaha-kerajaan>

Zaki, M. M. bin M. (2019, Ogos 6). *Mengapa perlu takut pada tulisan jawi?* Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/41740/khas/pendapat/mengapa-perlu-takut-pada-tulisan-jawi>

## GANGGUAN DALAM PERBUALAN: SATU ANALISIS WACANA

Azean Idruwani Idrus<sup>1</sup>  
azeanidruwaniidrus@iium.edu.my

Julaina Nopiah<sup>2</sup>  
julainanopiah@iium.edu.my

Adriana Santa Anak Tinggom<sup>3</sup>  
adrianasantatinggom@iium.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu,  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh<sup>1,2 & 3</sup>

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):<sup>1</sup>

### Abstrak

Wawancara merupakan perbualan yang dilakukan secara bersemuka dengan memasukkan elemen perbualan harian. Dalam wawancara, perbualan menjadi unsur utama untuk menyampaikan tujuan serta pandangan tentang sesuatu perkara. Pengacara dan orang yang diwawancara memainkan peranan yang signifikan dalam menjayakan sesebuah program wawancara. Kemahiran berbahasa yang baik dapat menghasilkan soalan dan jawapan yang berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa berperanan sebagai alat komunikasi dan alat untuk menyatakan fikiran, selain sebagai kegiatan yang bermakna, dan menjadi sistem lambang yang dihasilkan oleh manusia. Namun demikian, unsur celahan dalam perbualan menyebabkan berlakunya gangguan dalam perbualan. Oleh itu, terdapat dua objektif dalam kajian ini, iaitu mengenal pasti dan menganalisis unsur gangguan dalam perbualan segmen *Asam Garam Rumah Tangga*. Sebanyak lima topik daripada segmen *Asam Garam Rumah Tangga* telah dipilih dan dianalisis berdasarkan kaedah analisis kandungan teks. Setiap ujaran dalam teks dianalisis menggunakan Model Celahan oleh Roslina Mamat (2004). Dapatan menunjukkan unsur celahan dalam perbualan *Asam Garam Rumah Tangga* terdiri daripada celahan gangguan dan celahan pertolongan. Celahan gangguan ini digunakan untuk mengganggu percakapan penutur semasa, seterusnya membawa kepada pengambilan giliran secara tidak sah. Sementara celahan pertolongan pula merupakan celahan yang berperanan untuk menolong penutur semasa, sekiranya pertuturan tidak lancar. Seterusnya, unsur celahan ini turut digunakan untuk merencanakan perbualan. Unsur celahan ini bukan sahaja membantu dalam kelancaran berbahasa tetapi juga mewujudkan kefahaman dalam perbualan antara pemeran. Dalam konteks ini, adalah penting bagi individu yang menggunakan bahasa untuk memahami, mempelajari, dan menguasai kemahiran berinteraksi menggunakan unsur-unsur celahan bagi mengelakkan celahan ini daripada mengganggu sesebuah perbualan, khususnya dalam wawancara.

**Kata Kunci:** Gangguan, Celahan, Perbualan, Analisis Wacana, Wawancara

## PENGENALAN

Celahan (*Interruption*) merupakan pertindanan ujaran sebelum penutur semasa menghabiskan ujaran atau mungkin juga pada masa penutur baru hendak memulakan ujaran. Celahan dalam perbualan ini berlaku secara spontan kerana ujaran yang diujarkan merupakan ujaran yang tidak dirancang oleh pemeran dan lahir secara semula jadi. Menurut Wooffitt (2005) perbualan merupakan sesuatu yang tidak tersusun, tidak terancang dan tidak ada peraturan. Oleh itu, gangguan perbualan akan berlaku apabila terdapat pemeran yang tidak mematuhi aspek pengambilan giliran. Apabila aspek pengambilan giliran tidak dititikberatkan oleh pemeran, akan menyebabkan perbualan tersebut terganggu dan tidak terancang. Seterusnya, kekeliruan terhadap maklumat yang disampaikan akan berlaku (Shamin Sharif dan Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2023). Celahan oleh pemeran dalam perbualan bukan sahaja berlaku kerana keinginan pemeran untuk mengujarkan ujaran tetapi juga berhubung kait dengan kuasa yang merujuk pada penguasaan terhadap perbualan dan topik perbualan (Nur Amirah Che Soh, 2022). Pengacara dan orang diwawancara (ODW) yang terlibat dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* diberikan kuasa sewaktu perbualan berlangsung, iaitu pengacara berperanan mengendalikan, mengawal, mengutarakan soalan, meminta maklumat melalui serangkaian soalan bagi mendapatkan maklumat tentang isu yang dibincangkan manakala ODW pula bertindak sebagai pihak yang menjawab atau menjelaskan perkara yang dibincangkan. Dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* perbualan yang berlaku dalam kalangan pemeran bersifat mesra, informal dan lebih bersifat manusiawi. Hal ini demikian kerana, perbualan dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* wujud tanpa mengikut skrip, atau mengikut skrip tetapi tidak terikat kepada skrip seratus peratus dan perbualan berlaku secara spontan. Keadaan ini mewujudkan pendominasian dalam perbualan oleh pengacara dan ODW. Pendominasian ini menyebabkan kelancaran dalam perbualan terganggu akibat wujudnya celahan dalam perbualan (Hanh, 2008; Indah Arvianti, 2010; Roslina Mamat, 2004). Celahan, pertindanan, merampas giliran, maklum balas atau maklum balas minimal dalam perbualan tidak diindahkan oleh masyarakat penuturnya walaupun perkara ini berlaku pada setiap hari dalam perbualan (Roslina Mamat, 2012:855). Hal ini menyebabkan ujaran penutur semasa sukar didengar dengan jelas dan ujaran penutur kedua pula tidak dapat didengar dan berlakunya keaburan dalam penyampaian maklumat (Ohara dan Saft, 2003). Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji mengenal pasti dan menganalisis unsur gangguan celahan dalam yang berlaku dalam menjayakan sesebuah perbualan wawancara.

## OBJEKTIF

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- a) Mengetahui bentuk celahan perbualan dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga*
- b) Membincangkan peranan celahan perbualan dalam segmen *Asam Garam Rumah*

Tangga

## SOROTAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Winda Afrina, Muhammad Yusuf & Ridwan Hanafiah (2022) bertajuk *Conversational Analysis of Interruption in Suits Series Season 1* bertujuan untuk menganalisis celahan dan fungsi celahan berdasarkan teori Kennedy dan Camden (1983) dan dijalankan secara deskriptif, iaitu menggunakan kaedah kualitatif. Hasil kajian menunjukkan penggunaan unsur celahan mendominasi perbualan dalam kalangan pemeran. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan celahan berfungsi untuk mengambil giliran dalam perbualan, sebagai tanda persetujuan, menukar topik, memberi penjelasan, memberi bantuan dan celahan juga turut menimbulkan perselisihan faham antara pemeran.

Kajian yang dijalankan oleh Nur Amirah Che Soh (2020) mendapati bahawa celahan menyokong, merupakan antara cara ambilan giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani*. Sifat celahan menyokong ini bersifat sementara dengan tujuan untuk menyerahkan semula giliran bertutur kepada penutur semasa. Selain itu, dapatan juga menunjukkan celahan menyokong hanyalah berniat untuk membuat persetujuan, bantuan dan sokongan. Kajian Nur Amirah Che Soh (2020) mempunyai keputusan kajian yang hampir sama dengan Roslina Mamat (2012) yang mengatakan celahan tidak semestinya dianggap sebagai suatu yang negatif tetapi bertujuan untuk merencanakan perbualan dan menjalankan hubungan yang harmoni dengan penutur semasa yang sedang bercakap.

Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim dan Normaliza Abd Rahim (2012) menjalankan kajian yang bertajuk 'Celahan Dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia Dan Pelancong Jepun'. Dapatan kajian mendapati adanya pengambilan giliran, pertindanan, aizuchi, celahan dan kesopanan dalam perbualan pemandu pelancong Malaysia dan pelancong Jepun. Dapatan kajian menunjukkan dua bentuk celahan yang digunakan, iaitu celahan yang mengganggu perbualan dan celahan yang membantu perbualan. Celahan yang dilakukan mengganggu keterujaan pelancong untuk bercakap. Walau bagaimanapun, celahan yang membantu dilakukan bagi membantu penutur dalam mencari perkataan sebenar dan serta maklumat tambahan kepada pendengar. Celahan seperti ini tidak mengganggu perbualan malah membantu merencanakan perbualan. Kesimpulannya ialah walaupun pemandu pelancong di dalam kajian ini bercakap bahasa Jepun dengan lancar tetapi gagal mengenal pasti sifat bahasa dan budaya Jepun sehingga ia mencelah dan mengganggu aliran perbualan.


Sementara itu, kajian pengambilan giliran dalam bual bicara radio yang dilakukan oleh N. Saraswati & W. Hamsia (2017) hanyalah memberikan tumpuan terhadap ketiga-tiga sistem pengambilan giliran dan pengkaji hanya menghuraikan setiap sistem yang terlibat tanpa menyentuh ciri perbualan seperti celahan, pertindihan, pasangan berdampingan, maklum balas minimal dan gangguan.

Melalui sorotan literatur yang dihuraikan, didapati kajian lepas hanya menfokuskan

aspek tertentu dalam wacana perbualan. Pengaplikasian unsur celahan dalam wawancara masih kurang diberikan perhatian, sedangkan keperluan pengaplikasian unsur celahan dalam perbualan sangat penting dititikberatkan dalam komunikasi, khususnya dalam segmen wawancara. Justeru kajian yang berfokuskan unsur celahan dalam perbualan adalah perlu bagi rujukan untuk tujuan peningkatan penguasaan berkomunikasi terutamanya apabila berhadapan dengan khalayak.

## KERANGKA TEORETIS

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan Model Celahan oleh Roslina Mamat (2004). Terdapat dua jenis bentuk celahan, iaitu celahan gangguan dan celahan pertolongan. Setiap celahan diperincikan seperti Jadual 1 di bawah:



**Jadual 1:** Model Celahan Roslina Mamat (2004)

## METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan beberapa metod seperti berikut:

- 1) Kepustakaan, iaitu penyediaan sorotan kajian, teori dan perkembangan kajian yang berlaku dalam bidang analisis wacana perbualan.
- 2) Data yang dimuat turun dari laman sesawang <http://www.tonton.com/whi>
- 3) Transkripsi, iaitu data yang telah dimuat turun daripada segmen segmen Asam Garam Rumah Tangga, yang bertajuk *Caras Milik Orang, Hidayah Ramadan, Hari-Hari Jatuh Cinta, Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah dan Belanja Raya Tanggungjawab Siapa* ditranskripsikan daripada bentuk lisan kepada bentuk bertulis bagi tujuan penyediaan proses analisis teks. Sistem transkripsi yang dikembangkan oleh Jefferson (2014) digunakan untuk menganalisis data perbualan secara terperinci.

## DAPATAN / PERBINCANGAN

Analisis yang dilakukan dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* menunjukkan terdapatnya unsur celahan dalam perbualan antara pengacara dengan orang yang diwawancara. Celahan yang wujud ialah celahan dengan niat untuk mengganggu percakapan penutur semasa, seterusnya membawa kepada pengambilan giliran secara tidak sah. Kedua, unsur celahan yang berperanan untuk menolong penutur semasa, sekiranya pertuturan tidak lancar dan dapatan seterusnya menunjukkan celahan dilakukan untuk merencanakan perbualan dalam kalangan pemeran.

### **Celahan dengan niat untuk mengganggu percakapan penutur semasa, seterusnya membawa kepada pengambilan giliran secara tidak sah**

Celahan dalam perbualan dianggap sebagai gangguan apabila seseorang itu memang berniat dengan sengaja mahu mencelah dan mengganggu perbualan penutur semasa dan ini seterusnya mewujudkan pengambilan giliran perbualan secara tidak sah. Ini dapat dilihat dalam dialog 1 hingga dialog 3 di bawah:

#### **Dialog (1)**

37 RNI: >ketawa< ok // **dia kalau macam saya husband saya :  
macam Awal cakap / dia akan sediakan / untuk anak-anak / tapi  
: kalau saya ada teringin benda yang saya rasa melampau-  
lampau : sikit tu kan / kadangkadang / saya akan beli sendiri  
pakai duit sendiri juga : tapi claim dekat dia**

38 AA: bertuahnya

39P(i): tapi : **Awal tak payah claim kan/**

40 AA: **dia :: bergantung cara gosokkan tu :: >ketawa<**

41 RNI : **kadang-kadang kalau kita seorang isteri : kita  
cakap lemah lembut / kita bodek / terlebih sikit / dia  
memang tak sampai hati sebab**

(Belanja Raya Tanggungjawab Siapa?)

#### **Dialog (2)**

57 **AAR: (...)** / kadang-kadang saya tau pada waktu-waktu tertentu :: / yang kita rasa perasaan tu tak boleh ambil sekarang ni :/ .kita relaks dulu :: *and ...*

58 **ER: Tapi kalau perempuan kalau dia marah  
kitakan sejuk / kita kena pujuk /kenapa sayang :: kenapa  
:: apaapa masalah dia :: / tapi kadang-kadang kita tak  
dapat benda tu daripada pasangan kita / pada pasangan**

(Hari-Hari Jatuh Cinta)

#### **Dialog (3)**

12 P(i) : Berapa agaknya jumlah? Boleh kita tahu berapa jumlah yang telah diberikan kepada suami ni tadi? 13 PS : *Amount* tu tak de lah kita kata bagi

- sese // apa macam //
- 14 **P (ii)** : Selepuk macam tu
- 15 **PS** : Selepuk macam tu. Cuma kadang-kadang kalau dia kata ok boleh tak saya nak pinjam sikit untuk :: pinjam ya istilahnya :: pinjam sikit ya untuk (...) kita pun fikir : fikir : fikir : Sebab kita pun pernah susah so tak tergamak rasa macam nak :: tak :: tak :: bagi tu kan. Jadi kita rasa macam / oklah saya bagi. Saya bagi pinjam so kita akan bagilah *amount* tu / kadang tak pernah pun berganti // 16 **P (i)** : Tak pernah pun ganti.
- 17 **P (ii)** : Tak pernah dibayar balik
- 18 **PSG** : (...) mungkin akak boleh selit sikit :: **Dia merupakan client akak so masa dia jumpa dengan akak 6 bulan baru kahwin masa tu dia kata kak Su saya dah bagi dekat suami saya tujuh ribu. Betul (...) // enam bulan kahwin dah bagi dekat suami tujuh ribu dekat suami. Suami tak bagi langsung duit kat dia.**
- 19**P(ii)** : Adakah suaminya bekerja sebelum ini?  
(Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah)

Celahan dilakukan oleh pengacara dalam dialog (1) 39 P(i), iaitu “... *Awal tak payah claim kan*” sebelum ODW dalam dialog (1) 37(RNI) sempat menamatkan ujarannya. Celahan ini mengganggu kelancaran perbualan ODW dalam dialog (1) 37 (RNI) dan ini menyebabkan ujaran ODW terganggu dan terhenti selain hilangnya giliran dalam berbual. Secara khususnya, celahan oleh pengacara ini bukan sahaja bertujuan untuk memberikan peluang kepada ODW menyatakan pandangan dalam dialog (1) (40) (AA) tetapi juga bertujuan untuk menunjukkan kuasa dan hak mutlak pengacara dalam memberikan hak berbual kepada penutur lain. Kepatuhan pemeran kepada giliran dalam berbual secara tidak langsung mempamerkan peranan pengacara yang besar dengan memberi peluang kepada setiap pemeran untuk menyuarakan pendapat mereka (Rohaidah Mashudi et al., 2013: 169). Sekali gus, menunjukkan celahan yang dilakukan oleh pengacara turut berperanan untuk mengawal aliran perbincangan sesebuah program wawancara supaya tersusun dan terkawal.

Sementara itu, dalam dialog (1) 40AA di atas, pengambilan giliran yang diberikan oleh pengacara kepada ODW, iaitu “...*dia:: bergantung cara gosokkan tu...*” mengakibatkan ujaran ODW dalam dialog (1) 37 (RNI) sekali lagi terhenti. Namun demikian, celahan sekali lagi berlaku dalam dialog (1) 41 (RNI), iaitu “*kadang-kadang kalau kita seorang isteri : kita cakap lemah lembut / kita bodek / terlebih ...*” Celahan ini bertujuan untuk tidak memberikan kesempatan bagi peserta lainnya untuk mengambil giliran atau memberikan respons (Stenstrom, 2014: 73). Ini dilakukan dengan bercakap dengan nada yang lebih kuat, lebih cepat dan di dalam intonasi yang lebih tinggi (Zimmerman dan West, 1975: 120). Hal ini menunjukkan bahawa setiap orang memiliki hak untuk memonopoli atau mendominasi percakapan dan tindakan ini akhirnya menyebabkan berlakunya celahan kerana celahan merupakan pelanggaran aturan pengambilan giliran dalam bercakap (Wardhaugh, 2012: 150).

Dalam dialog 2 58 ER di atas jelas menunjukkan celahan yang dilakukan oleh penutur

lain sebelum sempat penutur terdahulu menghabiskan ujarannya, iaitu “ *Tapi kalau perempuan kalau dia marah kitakan sejuk / kita kena pujuk / kenapa sayang :: kenapa :: apa-apa masalah dia :: / tapi kadang-kadang kita tak dapat ...* ” Celahan ini berlaku dengan niat merampas hak bercakap daripada pemeran terdahulu disebabkan perbezaan pendapat tentang topik yang sedang dibincangkan. Pemeran ingin menegaskan pendapat peribadinya tentang keinginan naluri seorang wanita untuk dipujuk apabila berlaku situasi yang tidak diinginkan dalam rumah tangga. Selain itu, celahan ini wujud kerana sikap pemeran yang tidak sabar menunggu giliran (Roslina Mamat, 2004: 52). Secara tidak langsung menunjukkan pemeran tidak memiliki pemahaman mengenai giliran bercakap yang tersusun, iaitu pemeran bercakap sebelum diajukan soalan.

Program wawancara yang bersiaran secara langsung ini memerlukan penyediaan soalan yang rapi agar soalan yang dikemukakan kepada ODW tidak menjatuhkan air muka mereka. Soalan yang dikemukakan dalam dialog (3)12 P(i), iaitu “ *Berapa agaknya jumlah? Boleh kita tahu berapa jumlah ...* ” bukan sahaja membuka aib bekas suami bahkan juga boleh menjatuhkan air muka ODW. Hal ini menyebabkan pengambilan giliran oleh ODW semasa menjawab permintaan maklumat tersebut tidak lancar, iaitu “ *Amount tu tak de lah kita kata bagi sese // apa macam* ” dalam dialog (3) 13 PS. Di samping itu, kelancaran perbualan oleh ODW dalam dialog (3) 15 PS sekali lagi terganggu apabila pengacara mencelah dalam dialog (3) 16 (P)(i) dan (3)17 (P)(ii). Hal ini menyebabkan berlakunya celahan dalam dialog (3) 18 PSG yang seterusnya merampas giliran melalui ujaran, “ *mungkin akak boleh selit sikit :: Dia merupakan client akak ...* ” dan secara tidak langsung dapat menjaga air muka pemeran utama. Secara tuntasnya, celahan ini tidak dianggap sebagai kurang sopan kerana celahan yang dilakukan adalah atas dasar tanggungjawab seorang peguam yang menjaga hak anak guamnya. Justeru, kedudukan beliau sebagai seorang peguam yang cenderung untuk membuat celahan adalah bagi mempertahankan hak dan air muka pelanggannya (*client*).

### **Celahan yang berperanan untuk menolong penutur semasa, sekiranya pertuturan tidak lancar**

Celahan yang dilakukan dengan niat untuk membantu penutur semasa dianggap sebagai satu pertolongan. Celahan ini berlaku apabila pertuturan pemeran semasa tidak lancar dan seolah-olah kelihatan seperti mencari ujaran yang sesuai seperti dalam dialog (4) di bawah:

#### **Dialog (4)**

17 Lut: Antaranya :: :: ada perkara // yang tiba-tiba Lutfia rasa macam sedih sangat / kenapa :: *something missing* dalam hidup / macam tu ::///

P(i) : **ada kekosongan yang perlu dilengkapi**

19 Lut: (...) **perlu dilengkapi** // jadi macam /// jadi // Lutfia dekatkan diri dengan // Allah s.w.t dengan / menghadiri usrah / dengan berkawan dengan orang-orang yang / boleh menyokong / kita perlukan sokongan daripada



kawan-kawan juga untuk / untuk kuatkan hati itu untuk terus  
/ ok kita dah nak berubat you *know* / nak pakai tudung / nak  
berhijab / macam tu semua / kita pun perlu ...

(Hidayah Ramadan)

Dalam dialog (4) 18 (P) (i) di atas, pengacara membuat celahan sewaktu ODW mengujarkan ujarannya dalam dialog (2) 17 Lut, iaitu “Antaranya :: :: ada perkara // yang tiba-tiba Lutfia rasa macam sedih sangat / kenapa :: *something missing* dalam hidup / macam tu ::////” . Celahan oleh pengacara ini bertujuan memberi bantuan kepada penutur semasa kerana perbualannya terhenti dalam tempoh yang lama yang ditandai oleh tanda hentian yang panjang (////) dan tanda pemanjangan bunyi ujaran (:::). Tanda pemanjangan bunyi ujaran (:::) ini menunjukkan ODW sedang mencari-cari perkataan yang sesuai bagi meneruskan perbualannya. Justeru, celahan melalui ungkapan “*ada kekosongan yang perlu dilengkapkan*” oleh pengacara dalam dialog (4) 18 P(i) bukan berniat untuk merampas giliran sebaliknya untuk membantu melancarkan ujaran ODW dalam program wawancara. Hal ini demikian kerana celahan ini berlaku dalam masa yang sekejap sahaja dan selepas itu penutur semasa boleh meneruskan ujarannya yang tergendala (Roslina Mamat, 2004: 72). Ungkapan celahan pengacara dalam dialog (4) 18 P(i), iaitu “*perlu dilengkapkan*” diguna pakai oleh ODW dalam dialog (4) 19 Lut dan kemudian meneruskan ujarannya.

Di samping itu, faktor waktu turut mempengaruhi celahan di dalam perbualan bagi mengelakkan ujaran terhenti dalam tempoh yang lama. Hal ini demikian kerana program wawancara ini disiarkan secara langsung dan tempoh masa bersiaran bagi sesebuah program di televisyen telah ditetapkan. Oleh yang demikian kepatuhan pada tempoh masa ini merupakan faktor berlakunya celahan dalam perbualan kerana apabila masa perbualan menjadi lebih panjang, topik perbualan akan turut bertambah, emosi peserta turut terpengaruh untuk membuat celahan atau mengambil giliran (Roslina Mamat, 2004: 162-163).

### **Celahan dilakukan untuk merencanakan perbualan**

Sungguhpun celahan dalam ujaran menyebabkan gangguan dalam perbualan namun begitu, celahan juga mampu membantu melancarkan, merencanakan perbualan dan seterusnya dapat menjalinkan hubungan yang harmoni antara penutur. Antaranya, celahan yang mengandungi unsur humor melalui sindiran dan humor melalui lawak. Celahan ini dapat dilihat dalam dialog 5 dan dialog 6 yang berikut:

#### **Dialog (5)**

30 **Dr:** ... Kita kena ganti balik dan begitu juga keadilan dari segi nafkah kan / apa yang kita beri pada isteri pertama / apa yang kita beri pada isteri kedua pun kena ikut kepada ukurannya ... kerana nak adil rumah isteri pertama kedua ketiga keempat semua sama ... kita kena ikut juga isteri pertama mungkin suka konsep kontemporari 33 BB: **Bukan**

**isteri pertama lebih lama lebih banyak**

34 Dr : sudah semestinya / sebab isteri semestinya / sebab isteri pertama dia ada harta sepencarian / dia dah hidup lebih lama / jadi mungkin / kerana itu rumah dia lebih besar / sebab dia dah lebih lama hidup begitulah besarnya / mungkin yang kedua kecik / sedikit tetapi dari segi konsep bila nak bangunkan / rumah kena tanya isteri pertama nak rumah yang macam mana / yang ni nak rumah yang macam mana / jadi tak boleh kata oh sebab semua kena adil semua rumah kena moden semua / tak boleh / begitu juga anak 5 orang / dengan anak seorang //

(Caras Milik Orang)

### Dialog (6)

42 P(i): (...) ok dan apabila wujudnya *Syaitonirrojim* / tentunya ada dugaan dan ujian

43 Us: *Syaitonirrojim* >ketawa< dah lama tak dengar istilah tu :

P(i) : bila adanya kewujudan mereka : adanya dugaan / dan dugaan ini berlaku : sebelum dan juga selepas kita berhijrah pun ada dugaannya / bagaimana : Lutfia untuk terus //// memegang hidayah tu / ?

(Hidayah Ramadan)

Celahan dalam dialog (5) 33 BB, iaitu “*Bukan isteri pertama lebih lama lebih banyak*” diujarkan oleh penutur yang lain walaupun ODW sedang meneruskan ujarannya. Celahan ini tidak semestinya dianggap sebagai suatu yang negatif. Hal ini kerana secara umumnya, masyarakat Malaysia kerap mencelah perbualan orang lain dengan maksud memberi sokongan, sebagai tanda persetujuan ataupun sebagai isyarat bahawa mereka sedang mengikuti perbualan tersebut. Celahan ini dilihat secara positif dan seterusnya dapat membantu perkembangan isu yang sedang diperbualkan (Jamaliah Mohd. Ali, 2000: 451). Di samping itu, celahan yang dilakukan dengan penggunaan humor melalui sindiran merancakkan lagi perbualan selain untuk membuat orang lain ketawa. Penggunaan humor melalui sindiran merupakan sindiran terhadap orang yang dikritik tidak disebut nama dan sesuatu yang berkaitan secara langsung dengannya (Asmah Hj. Omar, 2013: 85).

Selain itu, celahan dalam dialog (5) 33(BB) juga bertujuan untuk memberikan tekanan psikologi kepada khalayak, khususnya para suami yang mengamalkan kehidupan berpoligami. Tekanan psikologi ini mengakibatkan turutan pengambilan giliran dalam perbualan terganggu. Hal ini kerana, celahan ini bersifat serampang dua mata yang mana sindiran ini ditujukan juga kepada ODW yang merupakan seorang suami dan mengamalkan konsep poligami dan juga para suami yang berpoligami di luar sana bahawa seharusnya kelebihan diberikan kepada isteri pertama walaupun mereka telah mempunyai isteri-isteri yang lain. Celahan yang wujud dalam kalangan wanita adalah lebih bersifat peribadi dalam ujaran, berdiplomasi, cakap bertindih dan

memiliki pertuturan yang bersifat simetri (Tannen, 1990: 98). Oleh hal yang demikian, penggunaan humor melalui sindiran ini menyebabkan ODW terpaksa mengiakan celahan yang diujarkan oleh penutur sebelumnya melalui ujarannya, iaitu “*sudah semestinya / sebab isteri ...*” dalam dialog (5) 34(Dr). Dengan kata lain melalui celahan yang berlaku dalam perbualan dapat membantu perkembangan isu yang sedang diperbualkan.

Dalam dialog (6) 43 Us celahan yang dilakukan oleh ODW dengan mengulang semula perkataan yang diujarkan oleh ODW bukan untuk mengganggu perbualan sebaliknya perkataan “*Syaitonirrojim*” menimbulkan humor melalui lawak kerana dalam budaya masyarakat Melayu apabila perkataan “*syaitan*” merujuk kepada sejenis makhluk halus yang jahat (Kamus Dewan, 2015: 1558). Namun begitu apabila perkataan “*Syaitonirrojim*” yang merupakan gaya bahasa hiperbola digunakan ia membawa maksud tahap kejahatan yang paling tinggi berbanding dengan perkataan “*syaitan*”. Elemen jenaka atau humor sememangnya bertujuan menghiburkan hati, namun begitu, pada masa yang sama membawa pelbagai peranan bagi memenuhi fungsi yang lebih kompleks dalam latar dan praktis sosiobudaya masyarakat (Hasuria Che Omar, 2012: 85).

Justeru, penggunaan perkataan tersebut oleh pengacara menimbulkan minat ODW untuk mencelah dan mengulang semula perkataan tersebut. Unsur-unsur kecindan atau gurau senda memainkan peranan penting dalam perbualan kerana dapat menimbulkan suasana mesra, riang dan boleh mengurangkan ketegangan dalam perbualan. Hal ini demikian kerana dalam kehidupan realiti berumah tangga tidak sepi dilanda pelbagai masalah. Justeru, unsur-unsur kecindan perlu diserapkan bagi melegakan bebanan emosi yang ditanggung. Perbualan yang berlaku secara serius tanpa diselitkan dengan unsur-unsur gurau senda akan menimbulkan rasa tertekan, terikat, tidak seronok dan ingin menamatkan perbualan dengan segera.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga*, mengandungi unsur celahan dalam perbualan. Unsur celahan ini wujud dalam perbualan kerana pemeran ingin mendapatkan maklumat, penjelasan, menyelesaikan, memutuskan dan menunjukkan kesepakatan. Penggunaan unsur celahan dalam perbualan dengan baik akan menentukan keberkesanan dan keberjayaan sesuatu wacana dalam menyampaikan maklumat. Justeru, pengambilan giliran yang berlaku melalui celahan bukan merupakan satu gangguan dalam perbualan sebaliknya, celahan dilakukan adalah untuk memberikan idea dan membetulkan maklumat dalam perbualan selain merancakkan perbualan.

## RUJUKAN

Asmah Hj Omar. (2013). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanh, T.N. (2008). *Sequence Organization as Local and Longitudinal Achievement*. Text &

Talk. 28(4), 501-528, diakses pada 25 April 2015, daripada <http://das.sageub.com/content>

- Hasuria Che Omar. (2012). Analisis wacana kritis dalam program televisyen Raja Lawak dan implikasinya terhadap psikososial audiens di Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 60-72.
- Jamaliah Mohd. Ali. (2000). *Malaysian Student Seminar: A Study of Pragmatic Features in Verbal Interaction*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Indah Arvianti. (2010). Ideologi Konversasi (Studi Kasus pada Wawancara terhadap Barack Obama oleh Putra Nababan). *Majalah Ilmiah Informatika*, 1(1), 47-65.
- Jefferson, G. (2014). Glossary of Transcript Symbols with an Introduction. In G.H. Lerner (ed.) *Conversation Analysis: Studies from the First Generation*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamins. 13-31. (Also available at <http://www.liso.ucsb.edu/Jefferson>).
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Amirah Che Soh. (2020). Ambilan Giliran Bertutur dalam Bual Bicara Radio IKIMFM. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(2), 2020: 41 - 49 (<https://doi.org/10.17576-2020-0802-05>).
- Rohaidah, M., Ahmad Mahmood, M., AdiYasran, A.A., & Hasnah, M. (2013). Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3), 164-178.
- Roslina Mamat. (2004) *Analisis Perbualan Penutur Asli Bahasa Jepun: Satu Kajian Pengambilan Giliran dan Aizuchi*. PhD thesis, Universiti Malaya.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan Dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia Dan Pelancong Jepun. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(3), 849—863.
- Roslina Mamat, Roswati Abdul Rashid, Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abd Rahim & NorShahila Mansor. (2014). Ciri-Ciri Perbualan dan Strategi Komunikasi Pemandu Pelancong Tempatan dalam Bahasa Jepun. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 56-66.
- Saraswati, N & Hamsia, H. (2017). A Study of turn taking used in radio talk show under the topic “Gender Equality and Women’s Empowerment”. *TELL Journal*: 60-70.
- Sharif, S. B., Wahab, M. K. B. A., & Rauf, R. B. A. (2023). Pengambilan Giliran dalam Sidang Media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia: Taking Turns in the COVID-19 Press Conference of the Ministry of Health Malaysia. *PENDETA*, 12, 91-102.
- Tannen, D. (1990). *You just don’t understand: Women and men in conversation*. New York:

Ballantine Books.

Wardhaugh, K. (2012). *An Introduction to Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell Publishing.

Winda Afrina, Muhammad Yusuf & Ridwan Hanafiah (2022) Conversational Analysis of Interruption in Suits Series Season 1. *Ling Poet: Journal of Linguistics and Literary Research*, 3(1). 72 – 83

Wooffitt, R. (2005). *Conversation analysis and discourse analysis a comparative and critical introduction*. SAGE Publications.

Zimmerman, D. H., and West, C., (1975) Sex roles, interruptions, and silences in conversation  
*Language and sex: Difference and dominance*. Stanford, CA: Stanford University Press.

## REFLEKSI DUALISME ‘ASAM DAN GARAM’ DALAM PERIBAHASA: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

Julaina Nopiah  
Azean Idruwani Idrus  
Adriana Santa Tinggom

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

### Abstrak

Konsep dualisme sering kali dibahaskan dalam ruang lingkup yang pelbagai seperti dualisme agama, dualisme pendidikan, dualisme pembangunan negara dan dualisme ekonomi. Pengamatan terhadap pengalaman hidup menjadikan masyarakat Melayu pada masa lalu lebih peka terhadap persekitarannya, sama ada yang bersifat positif atau negatif, bahkan yang bersifat natural atau duaan. Dalam peribahasa Melayu, konsep dualisme wujud berdasarkan penilaian orang Melayu pada masa lalu terhadap sifat dan tingkah laku orang di sekelilingnya. Sebanyak 37 peribahasa dari sumber *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* didapati mengandungi elemen dualisme. Daripada 37 data yang dikenal pasti, sebanyak 24% peribahasa adalah daripada kombinasi ‘asam-garam’. Kajian ini mengaplikasikan Pendekatan Semantik Inkuisitif, di samping pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) terhadap data korpus. Berdasarkan analisis yang dilakukan, peribahasa yang berasaskan gandingan objek “asam-garam” bersifat sebagai pelengkap. Walaupun pada dasarnya terdapatnya pertentangan sifat semula jadi antara kedua-dua objek ini, namun gabungan antara keduanya menunjukkan hubungan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Kedudukan yang berbeza (laut dan darat) tetapi mempunyai kegunaan yang sama, iaitu kedua-duanya merupakan perasa dalam makanan.

**Kata Kunci:** *dualisme, peribahasa, akal budi, pendekatan semantik inkuisitif, rangka rujuk silang (rrs)*

### PENGENALAN

Penggunaan bahasa secara berkias yang mengandungi mesej tersirat sudah lazim menjadi sulaman masyarakat Melayu dalam berkomunikasi. Kewujudan peribahasa yang mengandungi makna tersirat adalah didorongi oleh sifat masyarakat Melayu yang gemar menyampaikan sesuatu makna secara analogi atau perbandingan. Ciri-ciri peribahasa yang kaya dengan pelbagai unsur nasihat, pengajaran, pujian, teguran dan sebagainya menjadikan orang Melayu menggunakannya sebagai pengungkap rasa hati dan pemikiran penuturnya (Asmah 1996). Melalui rangkap kata yang disusun indah ini, masyarakat Melayu bukan sahaja menggunakannya untuk mendidik, memuji atau menyindir, malah digunakan bertujuan menegur secara halus tanpa menjatuhkan air muka individu lain tetapi memberikan kesan yang

amat dalam. Hal ini menunjukkan kebijaksanaan masyarakat Melayu pada masa dulu dalam bertutur kata, yang tahu apa yang tersirat mahupun yang tersurat serta dapat menangkap setiap tujuan mesej yang dituturkan.

Perumpamaan yang terzahir daripada minda dan pemikiran Melayu membuktikan bahawa masyarakat Melayu sememangnya peka terhadap kejadian yang berlaku di sekeliling mereka. Melalui peribahasa, pemikir Melayu dapat menyampaikan pandangan hidupnya, pengalaman serta ilmu pengetahuan. Menurut Tenas Effendy (2003), peri pentingnya peribahasa hanya akan dapat difahami apabila kita dapat memahami maknanya, dan makna tersebut hanya dapat difahami, sekiranya kita dapat memahami lambang atau simbol yang menjadi inti dalam peribahasa tersebut. Falsafah dan akal budi yang terselindung di sebalik peribahasa jelas menunjukkan betapa luasnya ilmu dan pemikiran leluhur Melayu sehingga mampu menyusun tata tertib hidup sehingga masih wajar digunakan sehingga ke hari ini.

Menurut Nor Hashimah (2014), dalam ilmu linguistik, terutamanya dalam bidang semantik, satu fenomena yang boleh menimbulkan persoalan berkaitan ungkapan, khususnya peribahasa adalah perkaitan antara penggunaan lambang dan maknanya. Ungkapan ini sarat dengan nilai, falsafah, serta mampu menunjukkan keintelektualan dan kekayaan budaya ahli masyarakat sesuatu bangsa. Satu fenomena linguistik, khususnya dalam bidang semantik yang menimbulkan persoalan berkaitan peribahasa adalah melalui perkaitan antara penggunaan lambang dan makna.

Menurut Ismet Fanany dan Rebecca Fanany (2003):

*“All true proverbs are metaphorical. They require that their users and hearers make a connection between the proverb and some situation in life to which its images refer....proverbs are highly culture specific and must be studied in terms of usage as well as structure and meaning. The images that proverbs contain are in themselves interesting and tell a great deal about the culture to which they belong. In fact, proverbs have been studied and analysed as a body of work encompassing the world view of their users.”*

Pengamatan terhadap pengalaman hidup menjadikan masyarakat Melayu pada masa lalu lebih peka terhadap persekitarannya sama ada yang bersifat positif atau negatif, bahkan yang bersifat natural atau duaan (yang lazim disebut sebagai dualisme). Menurut Kamus Dewan (2005), dualisme bermaksud “... keadaan apabila wujud dua sifat yang ketara dan saling bertentangan”. Dalam peribahasa Melayu, konsep dualisme wujud berdasarkan penilaian orang Melayu pada masa lalu terhadap sifat dan tingkah laku orang di sekelilingnya, objek dan imej yang mereka lihat, rasa dan dengar, yang lazimnya bersumberkan alam. Contohnya, langit dan bumi, hitam dan putih, atau laut dan pantai.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengukuhkan kajian semantik inkuisitif dan seterusnya berusaha melihat kehebatan masyarakat Melayu pada masa lalu, yang bijak mencatur perkataan sehingga terbentuknya peribahasa yang mengandungi pelbagai falsafah dan akal budi yang tersembunyi seandainya diamati dengan teliti. Oleh itu, kajian ini secara khususnya bertujuan mendedahkan dan menjelaskan hubungan makna dan pemikiran Melayu melalui kombinasi objek “asam” dan “garam” yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Kajian ini juga bertujuan menganalisis dan menghuraikan hubungan imej dan objek yang mengandungi elemen dualisme berasaskan pendekatan semantik inkuisitif.

## **SOROTAN LITERATUR**

Senario semasa menunjukkan bahawa peribahasa tidak lagi diminati oleh generasi pada hari ini. Kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah dan Junaini (2010), misalnya mencatatkan bahawa hampir 60 peratus remaja Malaysia tidak dapat menguasai (memahami) peribahasa dengan baik. Mereka gagal menyingkap makna yang terkandung dalam peribahasa, seperti falsafah hidup, persepsi, dan sebagainya (Ahmad Mahmood *et al.*, 2011). Hal ini berlaku kerana wujudnya anggapan bahawa peribahasa telah menjadi suatu bahasa klise yang digunakan dan dihafal oleh orang tua-tua sebagai bahan pidato dalam upacara adat (Djamaris, 1985). Namun, penelusuran ilmu mendapati telah banyak kajian yang berkisarkan bahasa kiasan, khususnya peribahasa sama ada oleh sarjana tempatan atau luar negara. Menerusi makalah ini, pengkaji membahagikan kajian lepas kepada tiga cabang, iaitu kajian yang berbentuk pengumpulan atau penyenaian, kajian kognitif, serta kajian yang menghimpunkan kognitif dan akal budi sebagai dasar kajian.

Kajian yang bersifat pengumpulan pernah dilakukan oleh Abdullah Hassan (1993) dan Nathesan (1998). Kajian yang dilakukan oleh mereka dikelompokkan sebagai kajian dasar kerana kesemua kajian tersebut melihat makna harfiah peribahasa semata-mata. Selain itu, ketiga-tiga kajian dalam cakupan kajian ini dihuraikan tanpa menggunakan sebarang teori dan pendekatan tertentu. Dalam kajian jenis ini, pengkaji hanya mengklasifikasikan peribahasa, menumpukan aspek makna yang merangkumi domain makna, serta jenis makna dalam peribahasa.

Kajian Mohamad Radzi (1999), Charteris-Black (2003) dan Asmah (2005) pula tercakup dalam ruang lingkup kajian kognitif. Kajian ini telah mendedahkan unsur pemikiran dalam analisis yang dilakukan. Kajian Mohamad Radzi (1999), misalnya telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu berjaya menjana pemikiran menggunakan unsur alam di sekeliling mereka untuk mencipta peribahasa dan simpulan bahasa yang mengandungi pelbagai nilai, aspirasi, kepercayaan dan pengetahuan. Ruang lingkup penelitian dalam kajian ini juga turut membincangkan perkaitan antara budaya dengan bahasa kiasan, seperti metafora berasaskan “hati” dan “kepala” yang dilakukan oleh Asmah (2005) dan metafora konseptual “kaki” yang telah dilakukan oleh Charteris-Black (2003).



Berbeza daripada kajian sebelum ini, fokus penelitian oleh Hassan Ahmad (2003), Lim (2002), Goddard (2009) dan Nor Hashimah (2014) dilihat telah membuat inovasi dalam kajian kognitif dengan menggabungkan konsep akal budi dalam kajian mereka. Kejayaan Hassan Ahmad (2003) menjelaskan “kaki” yang digunakan dalam metafora Melayu sebagai simbol kekuatan menunjukkan bahawa kajian pada peringkat ini lebih baik berbanding dengan kajian pada peringkat kognitif seperti yang dilakukan oleh Charteris-Black (2003) yang gagal memberikan sebab “kaki” dipilih dan bukannya “tangan” bagi menggambarkan kognitif Melayu. Kegagalan ini menunjukkan bahawa semantik kognitif juga gagal mencapai tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa tafsiran akal budi Melayu. Ekoran kelompangan ini, Nor Hashimah (2014) telah memperkenalkan satu lagi tahap dalam penghuraian makna dalam bidang semantik, iaitu melalui pendekatan inkuisitif yang berjaya menjawab setiap persoalan yang wujud dan mampu menerobos sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi.


Ekoran kejayaan pendekatan ini dalam pencungkilan akal budi Melayu, maka munculnya pelbagai kajian yang menggunakan pendekatan yang sama. Terdapat beberapa kajian lepas yang telah mengaplikasi pendekatan semantik inkuisitif dalam pelbagai acuan kajian. Kejayaan kajian Julaina et.al (2017, 2018), Junaini dan Julaina (2020), Julaina dan Nur Yasmin Afifie (2022), Nurul Syazana dan Nurul Jamilah (2021), Siti Elmira et al. (2021), Tangaprabu et al. (2018), Muhammad Zaid (2018) serta Maulana dan Nor Hashimah (2018) dalam menghuraikan pemikiran melalui perkaitan objek dan makna, menyebabkan pendekatan Semantik Inkuisitif turut diaplikasi dalam kajian ini.

Menurut Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2015), kajian Nor Hashimah mesti diteruskan dengan kajian mendalam terhadap peribahasa Melayu. Kajian ini seterusnya melanjutkan kajian yang dilakukan oleh Julaina et.al (2017a, 2017b) dengan memberi penumpuan kepada elemen dualisme menerusi kombinasi asam dan garam dalam peribahasa Melayu. Kajian ini secara tidak langsungnya menekankan budaya dan akal budi Melayu bagi menjawab persoalan mengapa masyarakat itu memilih objek tersebut untuk diungkapkan dalam peribahasa. Jawapan bagi setiap persoalan itu bertepatan dengan citra dan falsafah penutur masyarakat Melayu itu sendiri dan dapat mencungkil ketersiratan makna sebenar yang hendak disampaikan dalam bahasa kiasan

## **KERANGKA TEORETIS**

Dalam penelitian ini, penulis memilih satu pendekatan yang berwibawa untuk menganalisis data. Dalam hal ini, pendekatan yang digunakan dalam menganalisis data ialah pendekatan semantik inkuisitif. Menurut Nor Hashimah (2014), walaupun semantik resonans menawarkan data empirik dan kerangka teoritis namun, semantik tahap ini masih belum sempurna sifatnya dalam mentafsir akal budi Melayu. Ketidakupayaan Charteris-Black, J (2000) memberi sebab kepada persoalan ‘kaki’ yang dipilih dan bukan ‘tangan’ bagi menggambarkan kognitif Melayu, menunjukkan bahawa semantik resonans juga tidak mampu mencapai tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa tafsiran akal budi Melayu. Oleh itu, satu lagi aras yang

diperlukan bagi mencapai tafsiran makna yang menyeluruh. Berdasarkan kekurangan semantik sebelum ini dalam menelusuri peringkat falsafah dan akal budi Melayu, maka satu lagi pendekatan diteroka bagi mengaitkan antara bahasa, budaya, kognitif dan akal budi Melayu, iaitu semantik inkuisitif. Ekoran daripada kelompangan ini, semantik inkuisitif diperlukan bagi menjawab persoalan yang timbul. Sehubungan itu, Nor Hashimah (2014) telah mengambil inisiatif dengan menambah baik teori-teori semantik terdahulu dengan mengambil kira data empirik, kerangka teori dan akal budi dalam menjelaskan setiap fenomena bahasa yang dibincangkan. Rajah 1 yang berikut menunjukkan carta aliran tahap-tahap yang terlibat dalam proses penganalisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014). Rajah 1 juga menunjukkan bagaimana analisis setiap ujaran dilakukan sehingga dapat menjawab setiap persoalan yang mampu menyerlahkan akal budi Melayu.



Rajah 1: Aliran proses penganalisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

## METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan data sekunder, iaitu peribahasa Melayu yang diambil daripada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Kamus Istimewa Peribahasa Melayu merupakan sebuah kamus yang menghimpunkan sebanyak lebih kurang 4359 peribahasa Melayu. Kamus ini telah dicetak sebanyak empat kali, iaitu pada tahun 1965, 1975 (diperbaiki), 1982 dan 2016 (edisi kedua). Kamus ini telah disusun oleh Abdullah Hussain dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).


Berdasarkan proses pemilihan data, penulis mengenal pasti 37 peribahasa yang mengandungi elemen dualisme. Peribahasa yang mengandungi elemen ini kemudiannya dikumpulkan mengikut domain tertentu, seperti domain sifat, domain hubungan, domain

pengalaman dan domain nasib. Daripada 37 peribahasa yang dikenal pasti, sebanyak 9 (24%) peribahasa mengandungi kombinasi objek ‘asam-garam’, 7 (19%) peribahasa mengandungi kombinasi ‘padi-lalang’, 5 (14%) peribahasa mengandungi kombinasi objek ‘cempedak-nangka’, 6 (16%) daripada kombinasi ‘durian-timun’, 2 (5%) peribahasa mengandungi kombinasi ‘ubi-gadung’ dan selebihnya, ‘aur-tebing’ dan ‘buku-ruas’, masing-masing berkongsi jumlah dan peratusan yang sama iaitu sebanyak empat peribahasa atau dengan peratusan sebanyak 11%. Peratusan tersebut dipaparkan dalam jadual 1 serta rajah 2 yang berikut:

Jadual 1: Kekerapan elemen dualisme dalam peribahasa

<b>Objek Gabungan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>asam-garam</b>	9	24
<b>padi-lalang</b>	7	19
<b>cempedak-nangka</b>	5	14
<b>durian-timun</b>	6	16
<b>ubi-gadung</b>	2	5
<b>aur-tebing</b>	4	11
<b>buku-ruas</b>	4	11
<b>JUMLAH</b>	<b>37</b>	<b>100</b>

**Elemen Dualisme dalam Peribahasa**



Rajah 2 Kekerapan elemen dualisme dalam peribahasa

Ruang lingkup kajian ini tertumpu kepada penghuraian akal budi orang Melayu yang mencipta peribahasa berdasarkan dualisme objek ‘asam-garam’. Sehubungan itu, analisis yang dilakukan hanya ditumpukan kepada peribahasa yang menggunakan leksikal ‘asam’ dan

‘garam’. Kajian ini juga hanya akan menganalisis beberapa data kerana kemampuan data tersebut yang mencukupi untuk menghuraikan dan memahami akal budi dan falsafah yang terdapat di dalam peribahasa Melayu. Selain itu, hal ini juga dilakukan bagi mengelakkan berlakunya pengulangan atau persamaan dapatan kerana data yang dianalisis mempunyai banyak persamaan. Maka hanya data yang benar-benar menunjukkan perbezaan sahaja akan dianalisis. Ringkasnya, analisis ini hanya akan menganalisis satu peribahasa daripada keseluruhan peribahasa yang mempunyai kolokasi ‘asam’ dan ‘garam’ yang ditemui. Analisis yang berbentuk kualitatif ini juga hanya menggunakan maklumat sekunder untuk menjelaskan persoalan yang timbul. Secara jelasnya, kajian ini tidak melibatkan uji kaji atau eksperimen secara fizikal.

## **DAPATAN/PERBINCANGAN**

Data yang diperoleh menunjukkan unsur dualisme bagi elemen asam’ dan ‘garam’ cenderung mendominasi makna ‘pengalaman’. Jadual 2 berikut merupakan peribahasa berserta makna yang mengandungi elemen dualisme ‘asam-garam’.

Jadual 2: Peribahasa dualisme ‘asam-garam’

Peribahasa	Makna	Domain
Asam Garam.	Pengalaman hidup.	Pengalaman
Sudah banyak makan asam garam.	Banyak pengalaman.	Pengalaman
Tahu asam garamnya.	Tahu selok beloknya.	Pengalaman

Merujuk Jadual 2, ketiga-tiga peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu pada masa lalu adalah berobjekkan gabungan ‘asam’ dan ‘garam’. Peribahasa ‘asam garam’ membawa maksud pengalaman hidup. Peribahasa ‘sudah banyak makan asam garam’ serta ‘tahu asam garamnya’ juga merupakan peribahasa yang berkisarkan domain pengalaman. Berdasarkan data kajian, didapati sebanyak 9 (24%) peribahasa menggunakan gabungan ‘asam-garam’ sebagai objek. Dalam bahagian ini, penulis memfokuskan peribahasa ‘asam-garam’ bagi tujuan penganalisan data.

### **Analisis Tahap 1**

Kombinasi ‘asam’ dan ‘garam’ bukanlah merupakan sesuatu yang pelik bagi masyarakat Melayu. Dalam dunia masakan misalnya, asam dan garam terkenal sebagai salah satu ramuan penting yang digunakan sebagai perasa. Jadual 3 merupakan definisi yang diberikan mengikut takrifan Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4 2005).

Jadual 3: Makna asam dan garam


Entri	Makna
Asam	1. segala sesuatu yang masam rasanya: dia suka benar makan ~; 2. berasa seperti rasa cuka, masam (seperti rasa mangga muda).
Garam	1. bahan pepejal berwarna putih dan masin rasanya, yang diperoleh daripada air laut atau dari dalam tanah dan mempunyai banyak kegunaan (termasuk sebagai perasa dan pengawet makanan), natrium klorida; 2. (Kim) sebatian kimia yang diperoleh daripada tindakan asid atas logam; 3. si pupuk.

Secara harfiah, peribahasa ‘asam garam’ membawa makna ‘pengalaman hidup’. Dalam peribahasa ini, leksikal atau objek *garam* berkolokasi dengan leksikal *asam* di hadapannya, serta membentuk peribahasa ‘asam garam’. Peribahasa ini turut mengetengahkan elemen dualisme yang mana, kedua-dua objek perlambangan terdiri daripada dua unsur yang berbeza. Peribahasa ‘asam garam’ ini berkisarkan perihal seseorang yang mempunyai pengalaman dalam kehidupan.

## Analisis Tahap 2

Jika ditinjau dari segi penggunaan, kombinasi asam dan garam dilihat sangat sinonim dengan masyarakat Melayu, terutamanya dalam dunia masakan. Masyarakat Melayu lazimnya menggunakan asam gelugur (*Garcinia Atrovindis Griff*) dan asam jawa (*Tamarindus indica*) dalam ramuan masakannya. Ramuan asam dalam masakan sering kali ditemukan dalam masakan asam pedas, singgang, masak lemak cili padi, laksa dan sebagainya (Junaini 2015). Berdasarkan Jadual 4, pentakrifan asam dan garam menjelaskan bahawa perbezaan bagi kedua-dua elemen ini adalah rasanya. Sesuai dengan namanya, asam sinonim dengan rasa masam, manakala garam pula sinonim dengan rasa masin. Walaupun kedua-duanya memberikan rasa yang berbeza dari segi deria, tetapi hubungan penggunaannya terlihat daripada peranannya sebagai perasa dan penyedap makanan dalam masakan Melayu.

Terdapat beberapa proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran masyarakat Melayu dalam memotivasikan peribahasa ‘asam garam’. Keseimbangan antara perbezaan rasa kedua-dua objek, menyebabkan masyarakat Melayu mengabstraksi peribahasa ini sebagai ‘pengalaman hidup’. Rajah 3 merupakan gambaran yang lebih jelas tentang proses yang memotivasikan kognitif penutur Melayu dalam mencipta peribahasa ini.



Rajah 3: Gambaran proses kognitif peribahasa ‘asam garam’

Berdasarkan gambar Rajah 3, terdapatnya beberapa proses kognitif yang memotivasikan sesuatu elemen dalam peribahasa ‘asam garam’. Peribahasa ini secara jelas dimotivasikan daripada perbezaan ‘rasa’ kedua-dua objek ini. Walaupun kedua-duanya merupakan perasa dalam masakan, namun kedua-duanya digunakan untuk memberikan rasa yang berlainan. Kombinasi kedua-dua objek ini berfungsi menyempurnakan sesuatu masakan. Rasa masam dan masin yang seimbang menjadikan sesuatu masakan dan makanan itu cukup rasanya. Begitu jugalah dalam kehidupan, kesempurnaan hidup akan dikecapi seandainya seseorang itu merasai pelbagai pengalaman hidup. Kehidupan yang baik tanpa merasa kesusahan semestinya menjadikan kehidupan seseorang itu hambar, begitu juga sebaliknya. Pasang surut dalam kehidupan, iaitu baik dan buruk yang dikecapi, sesungguhnya menjadi teras dalam kesempurnaan hidup. Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus, turut menyerlahkan penggunaan kombinasi asam dan garam yang berkonsepkan ‘pengalaman’. Berikut merupakan contoh data korpus bagi peribahasa yang bersumberkan ‘asam’ dan ‘garam’ yang menyerlahkan ‘pengalaman’ sebagai teras maknanya.

- i. Namun, bagi wanita yang pernah menjalani pembedahan barah di perut dan kini menghidap gastrik, kesusahan dialaminya sejak kematian suami lebih 20 tahun lalu sudah menjadi \*\*\***asam garam**\*\*\* kehidupan.
- ii. Roda kehidupan sentiasa berputar mewarnai kitaran hidup tidak kira ketika senang atau susah, mewah atau kesempitan dan menjadi cebisan daripada \*\*\***asam garam**\*\*\* kehidupan.

(Sumber: Data Korpus DBP)

Berdasarkan contoh ayat (i), ungkapan ‘pernah menjalani pembedahan barah di perut’, ‘kini menghidap gastrik’, ‘kesusahan dialaminya dan sejak kematian lebih 20 tahun’ dapat dirujuk silang dengan ‘asam garam’. Jika diperhatikan, peribahasa ‘asam garam’ tidak mempunyai anteseden yang membolehkan peribahasa tersebut difahami. Namun, dengan

memahami konteks ayat tersebut, peribahasa yang mempunyai makna tersirat ini boleh difahami dan dijelaskan dengan meneliti premis tambahan. Kewujudan premis tambahan ini membantu mengaitkan konteks dengan maksud peribahasa.

Dalam konteks ayat (i), wanita tersebut telah menempuh dan merasai pelbagai dugaan dalam kehidupan lepas dan semasa. Seseorang yang telah menjalani pembedahan, ditambah pula dengan sakit yang sedang dihidapinya (gastrik) pasti menjadi satu cabaran yang sangat getir dalam menjalani kehidupan. Cabaran yang ditempuh bukan sekadar ‘dugaan sakit’ yang diterimanya, malah menjalani kesusahan dalam kehidupan sebagai seorang balu setelah kematian suaminya dalam tempoh 20 tahun yang lepas. Jika dilihat dari segi masa, tempoh 20 tahun bukanlah masa yang singkat untuk menjalani kehidupan. Penempuhan dugaan dan kesulitan dalam kehidupan, menyebabkan tempoh masa yang dirasai adalah lebih panjang.

Premis tambahan ini akan mengukuhkan lagi kesan kognitif penutur. Mengikut Teori Relevans, pengukuhan adalah salah satu ciri penting dalam meningkatkan kesan kognitif dan sekaligus memudahkan pemprosesan maklumat. Berdasarkan konteks ayat (i), ‘asam garam’ adalah berkaitan dengan ‘merasai’, iaitu merasai kesusahan hidup dan dugaan dalam menempuhi penyakit. Berbalik kepada ‘asam’ dan ‘garam’ itu sendiri, kedua-duanya adalah berkisarkan deria rasa, iaitu asam terkenal dengan sifat masamnya, manakala garam pula terkenal dengan sifat masinnya. Menerusi contoh ayat tersebut, terdapatnya persamaan antara sifat kedua-dua objek, serta makna tersirat yang didukungnya dalam peribahasa, iaitu ‘rasa’ sebagai subjek teras pemaknaan.

Data korpus dalam ayat (ii) pula merujuk kepada perkaitan ‘asam garam’ dalam kehidupan. Merujuk ayat tersebut, frasa ‘roda kehidupan sentiasa berputar’, ‘senang atau susah’ serta ‘mewah atau kesempitan’ telah dirujuksilangkan dengan ‘asam garam’. Peribahasa ‘asam garam’ tidak mempunyai anteseden yang membolehkan peribahasa tersebut dapat difahami. Walau bagaimanapun, dengan memahami konteks ayat tersebut, peribahasa ‘asam garam’ dapat difahami dan dijelaskan melalui bantuan premis tambahan. Premis tambahan yang wujud, secara tidak langsung membantu dalam mengaitkan konteks dengan maksud peribahasa. Berdasarkan konteks ayat (ii), kehidupan yang saling berlawanan iaitu ‘senang dan susah’ serta ‘mewah dan kesempitan’ merupakan warna-warni dalam kehidupan yang merupakan sebahagian daripada pengalaman dalam kehidupan.

### **Analisis Tahap 3**

Semantik inkuisitif bukan sahaja mengambil kira data autentik, tetapi juga melihat konteks, kognitif penutur, budaya serta mengaitkan dengan akal budi penuturnya (Nor Hashimah, 2014). Kemampuan semantik inkuisitif dalam menerobosi satu tahap yang lebih tinggi dan secara mendalam, membuatkan pendekatan ini mampu menghuraikan dan menjawab setiap persoalan yang timbul. Mengapakah asam garam diberikan takrifan pengalaman oleh masyarakat masa dulu? Inilah persoalan yang mungkin akan berlegar-legar di ruang kotak pemikiran pendengar. Mengapa rasa masin dan masam dijadikan inti konsep ‘merasai’ pengalaman seperti yang

dibincangkan dalam ruangan analisis sebelum ini? Berdasarkan tatacara semantik inkuisitif, persoalan demi persoalan ini dijawab dan dirangkul menjadi satu set jawapan yang mampu mengetengahkan falsafah dan akal budi penciptanya.

Menurut Asad Mohamad (2015), gandingan ‘asam’ dan ‘garam dalam peribahasa Melayu adalah disebabkan tempat asal kedua-dua objek ini, iaitu satu dari darat dan satu dari laut. Sifat yang pertama, iaitu laut dan darat. Pokok asam lazimnya tumbuh di kawasan bukit, manakala garam berpunca daripada laut. Kedua-dua objek ini berada pada satu kedudukan yang berbeza, iaitu asam di tempat yang tinggi, manakala garam di tempat yang rendah. Kajian Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2015) selanjutnya mengaitkan asam dengan kandungan unsur sejuk, manakala garam pula mengandungi unsur panas yang menyebabkan gandingan kedua-dua objek ini berperanan saling melengkapi antara satu sama lain. Peribahasa yang menggabungkan dua objek ini menyerlahkan konsep pelengkap yang dibina daripada keserasian antara dua alam yang berbeza. Melihat kejadian tersebut, penciptaan peribahasa ‘asam garam’ ini adalah didorong oleh konsep ‘pengetahuan’, iaitu pemerolehan ‘sesuatu’ dari jarak rendah ke jarak yang tinggi.

Secara umumnya, terdapat pelbagai jenis asam di alam Melayu. Antaranya ialah asam gelugur, asam jawa, asam kandis, asam sunti, asam kuning, asam kundang, asam belanda, asam patikala, belimbing buluh, lemon dan pelbagai jenis limau. Buah asam biasanya tumbuh di kawasan yang mempunyai ketinggian sekitar 1000 meter dari aras laut (Junaini 2015). Menyentuh soal garam pula, garam yang digunakan untuk makanan biasanya diperoleh dari air laut atau simpanan batu. Sumber natrium yang utama ialah garam dapur (natrium klorida), yang penting untuk kehidupan manusia dan haiwan dalam kuantiti kecil, namun berbahaya jika berlebihan. Rasa garam (masin) adalah satu daripada rasa asas manusia. Kedudukan garam yang rendah rendah (dalam laut) dan kedudukan asam yang tinggi (1000 m dari paras laut) menjadi sebab masyarakat Melayu memberikan konsep ‘pengalaman’ bagi gandingan peribahasa asam dan garam. Segala yang ‘diperoleh’ dari jarak atas ke bawah mahupun dari kedudukan bawah ke atas, dianggap sebagai ‘pengalaman’ yang ditempuhi.

Selain itu, kombinasi antara asam dan garam juga dilihat bermanfaat dalam dunia perubatan. Walaupun terdapat pertentangan unsur sejuk dan panas bagi kedua-dua objek ini, namun kombinasi antara kedua-duanya dianggap sebagai saling melengkapi antara satu sama lain. Kewujudan ‘asam’ mampu menjadi ‘pelengkap’ kepada ‘garam’ dalam perubatan khususnya dalam rawatan tradisional. Dalam diet manusia, garam tergolong dalam kelompok mikronutrien, iaitu nutrien yang diperlukan dalam jumlah yang sedikit saja. Seandainya terkurang, dan terlebih akan menyebabkan penyakit. Garam bertanggungjawab membekalkan mineral “sodium” kepada manusia (Mohd. Hamim et al. 2015). Tubuh badan menggunakan garam untuk menggerakkan semua fungsi keperluan seharian. Berdasarkan keperluan, tubuh manusia memerlukan lebih kurang satu hingga dua sudu garam sehari. Seseorang mampu menjaga keseimbangan natrium dengan mengambil kurang daripada 200 mg garam sehari. Walau bagaimanapun, keperluan natrium telah dianggarkan serendah 40 hingga 185 mg sehari (Mohd. Hamim et al. 2015). Pengambilan garam secara berlebihan menyebabkan pembuluh



darah pada ginjal menyempit dan menahan aliran darah. Oleh sebab itu, ginjal akan memproduksi hormon Renin dan Angiostenin agar pembuluh darah utama mengeluarkan tekanan darah yang besar sehingga pembuluh darah pada ginjal boleh mengalirkan darah seperti biasa. Tekanan darah yang besar dan kuat menyebabkan seseorang menderita penyakit darah tinggi.

Berbalik kepada peranan ‘asam’ sebagai pelengkap bagi ‘garam’ dalam perubatan, buah asam mempunyai pelbagai manfaat dalam merawat pelbagai penyakit. Buah asam gelugur mengandungi asid sitrik, seperti asid tartarik, asid askorbik, asid hidroksid sitrik dan flavonoid. Asid askorbiknya berperanan sebagai antibakteria. Daunnya pula mengandungi serat, karbohidrat, alkaloid, vitamin dan mineral. Amalan memakan daun, bunga atau buah asam gelugur dapat menurunkan darah tinggi, merawat kencing manis, berat badan berlebihan, tiada selera makan dan sakit jantung (Rukayah 1999).

Selain buah, bunga dan pucuk asam gelugur boleh bertindak sebagai antioksidan dan awet muda. Peranan asam dalam merawat tekanan darah tinggi bukan sekadar tertumpu kepada asam gelugur saja, sebaliknya mengikut petua secara tradisional khasiat yang terdapat dalam belimbing buluh juga dikatakan mampu untuk mengawal tekanan darah tinggi (Che Aniha 2008). Perkaitan sifat asam sebagai “pelengkap” kepada garam, adalah disebabkan hubungan kedua-duanya dalam dunia perubatan. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, pengambilan garam secara berlebihan boleh menjadi salah satu sebab penyakit darah tinggi. Justeru, peranan asam sebagai pelengkap di sini, adalah melalui fungsinya sebagai penawar dalam merawat penyakit darah tinggi. Kedua-dua objek ini dilihat mempunyai hubungan, iaitu garam boleh menjadi punca penyakit, manakala asam pula bertindak sebagai penawarnya.

Melalui penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu pada masa lalu mempunyai pengamatan yang jitu terhadap sesuatu kejadian. Jarak antara kedudukan yang rendah kepada yang tinggi, serta tinggi kepada kedudukan rendah diamati sebagai ‘pengalaman’ oleh masyarakat Melayu. Segala yang ‘diperoleh’ sepanjang perjalanan menuju destinasi, sama ada dari atas ke bawah, mahupun dari bawah ke atas dianggap sebagai pengalaman. Begitu juga dalam kehidupan, apabila seseorang merantau ke sesuatu tempat yang baharu, pelbagai pengalaman yang akan ditempuh. Dalam kehidupan yang sebenar, hidup tidak selalu indah, dan tidak pula selalu malang. Sebagai makhluk Allah SWT, manusia wajib meyakini tentang qada’ dan qadar sebagaimana yang terkandung dalam rukun iman yang keenam. Beriman kepada qadak dan qadar ertinya membawa maksud percaya dan yakin dengan sepenuh hati bahawa Allah SWT telah menentukan tentang segalanya untuk makhluk-makhluk yang dicipta-Nya. Dalam masyarakat Melayu, istilah qadak dan qadar kadang kala disebut sebagai ‘takdir’ atau ‘ketentuan Tuhan’. Seperti yang termaktub surah An-Nahl ayat yang ke 53 iaitu:

وَمَا بِكُمْ مِّنْ نَّعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ تَعْلَمُونَهَا إِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْرُونَ

Maksudnya:

*Dan apa-apa nikmat yang ada pada kamu maka adalah ia dari Allah; kemudian apabila kamu ditimpa kesusahan maka kepadaNya lah kamu meraung meminta pertolongan.*

Ayat tersebut menjelaskan bahawa sebagai makhluk Allah, manusia perlu yakin bahawa sesuatu musibah atau penyakit yang sedang dihadapi, adalah disebabkan ketentuannya. Sebagai seorang yang beriman, seseorang itu tidak perlu berputus asa, sebaliknya meyakini sebagai satu ujian, dan cuba mencari penyelesaiannya.

Selain daripada reda dengan ketentuan, akal budi yang tersembunyi di sebalik peribahasa gandingan ‘asam’ dan ‘garam’ ini, adalah mengenai amalan menjaga pemakanan. Seperti yang telah dibincangkan, salah satu penyebab penyakit tekanan darah tinggi adalah pengambilan garam secara berlebihan, atau dalam amalan pemakanan merujuk tabiat suka memakan makanan masin. Walau bagaimanapun, pengamatan terhadap sejarah ‘garam’, menunjukkan bahawa garam bukanlah unsur yang mendatangkan kemudaratan, tetapi merupakan satu daripada nikmat yang mendatangkan kebaikan. Hal ini dijelaskan oleh Abdullah bin Umar dan Anas bin Malik, melalui hadis Nabi SAW:

*“Sesungguhnya Allah menurunkan empat perkara berkat (mempunyai kebaikan) dari langit (menerusi hujan) ke bumi, iaitu besi, api, air dan garam”.*

Hadis tersebut menjelaskan bahawa ‘garam’ merupakan satu daripada nikmat yang dikurniakan dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, tabiat pengambilan yang salah, mendorong kehadiran pelbagai penyakit. Punca darah tinggi adalah disebabkan cara penggunaan garam yang salah ketika memasak (Wan Norsyafiqah 2014). Kebanyakan orang memasukkan garam ke dalam masakan, seperti gulai dan sebagainya ketika memasak, sedangkan cara yang betul adalah dengan membiarkan gulai tersebut selama 10 minit selepas diangkat dari api, kemudian barulah garam dimasukkan ke dalam gulai tersebut. Hal ini disebabkan garam adalah sangat peka dengan suhu yang panas. Apabila garam dipanaskan, sifat ‘ion negatif’ akan rosak. Hal ini bermakna, zat yang hilang ialah klorida (CL) berion negatif dan yang tinggal hanyalah natrium berion positif yang bersifat asid. Keadaan ini berlawanan dengan prinsip kandungan garam itu sendiri, kerana yang diperlukan dalam garam adalah klorida dan ion negatif disebabkan klorida inilah yang memegang zat besi dan oksigen. Jika klorida dalam garam berkurangan, bermakna oksigen dalam garam akan berkurangan. Apabila oksigen dalam garam berkurangan, darah tidak boleh bergerak sendiri, dan menyebabkan jantung terpaksa mengepam darah dengan kuat. Pengurangan oksigen menyebabkan penambahan karbon dioksida dalam darah. Dalam perubatan, keadaan ini dipanggil sebagai penyakit darah tinggi (Wan Norsyafiqah 2014).

Dalam konteks ini, hal yang paling penting adalah mengamalkan prinsip ‘bersederhana’ dalam kehidupan. Islam sangat menganjurkan amalan bersederhana kepada umatnya, bermaksud bukanlah sekadar bersederhana dalam cara hidup, tetapi mencakupi segala amalan

harian. Begitu juga dengan amalan pemakanan yang memerlukan penerapan konsep ‘sederhana’ ketika menyediakan makanan. Kekurangan rasa asam dan garam dalam makanan yang dimasak, menyebabkan makanan menjadi tawar, dan seandainya terlebih pula akan menyebabkan rasa makanan tidak enak. Amalan pemakanan secara berlebihan pula menjadi penyebab pelbagai penyakit yang mendatangkan masalah kesihatan seperti darah tinggi, sakit jantung, kencing manis, strok, buah pinggang dan paling ketara adalah masalah obesiti.

Falsafah dan akal budi Melayu yang dapat diteroka ialah peribahasa ini mengajar dan cuba menyampaikan bahawa dalam setiap tindakan dan perlakuan haruslah dilakukan secara sederhana, ataupun dengan kata lain dengan kadar yang secukupnya. Umpama dalam ilmu masakan, *asam* dan *garam* harus diletakkan dengan kadar yang secukupnya. Jika *asam* terlalu banyak pasti makanan akan terlalu masam, manakala jika *garam* terlalu banyak pasti makanan akan menjadi terlalu masin. Hal ini akan menjadikan rasa makanan tidak sedap dan secara tidak langsung memberikan tindak balas negatif terhadap tubuh badan, seandainya tabiat ini menjadi amalan yang berkekalan. Begitu juga halnya dengan ‘pengalaman’ dalam hidup yang menjadikan rasa suka dan duka sebagai sesuatu yang biasa dalam kehidupan. Apabila sudah mengetahui dan pernah melalui sesuatu perkara pada masa lalu, maka haruslah mengambil iktibar dan mengingatnya untuk kegunaan pada masa akan datang. Selain itu, gabungan dualisme peribahasa “*asam-garam*” ini juga merupakan satu unsur didaktik supaya mendalami ilmu sebanyak yang mungkin untuk panduan dan bekalan pada masa akan datang dengan mengambil kira ilmu yang berguna untuk dunia dan akhirat.

## **KESIMPULAN**

Kepintaran dan kefahaman masyarakat Melayu meluahkan kata-kata melalui janaan idea bersumberkan sesuatu yang ada dikeliling mereka dibuktikan dengan kewujudan beribu-ribu rangkaian peribahasa. Kekreatifan masyarakat Melayu dalam berbahasa menunjukkan bahawa akal budi Melayu yang sangat tinggi. Masyarakat Melayu cekap dalam memahami kandungan atau sifat sesuatu benda. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa kewujudan peribahasa Melayu bukan setakat menyampaikan makna melalui konsepsi sifat abstrak kepada konkrit, tetapi sebaliknya mengandungi falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Objek yang dipilih dalam peribahasa bukan sekadar penyedap kata-kata, tetapi sebaliknya dimotivasikan oleh proses perlambangan tertentu pada peringkat kognitif penutur. Analisis kajian telah berjaya membincangkan satu persatu akal budi dan falsafah yang terdapat dalam peribahasa dualisme ‘*asam-garam*’ yang merentasi pelbagai bidang ilmu. Jelasnya, peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu bukanlah sekadar ungkapan kosong yang menarik, tetapi sebaliknya tersembunyi ilmu dan falsafah yang tinggi seandainya diamatinya dengan teliti dan sedalam- dalamnya.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, “Bahasa Kiasan” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 37:10, hlm. 907–13, 1993.
- Ahmad Mahmood, Zaitul Azma, Nor Azuwan dan Norizan, 2011. “Pengetahuan Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah” dlm. *Jurnal Linguistik* 13, hlm. 1–16, 2011.
- Asad Mohamad, 2015. “*Peribahasa Garam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*”. Tesis Sarjana. Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar, “Budaya dan Bahasa Kiasan” dlm. *Jurnal Peradaban Melayu* 3, 25 April 2011 dlm. [penerbit.upsi.edu.my/website\\_ejurnal/jurnal%20site/./bab1.htm](http://penerbit.upsi.edu.my/website_ejurnal/jurnal%20site/./bab1.htm) (Capaian pada 15 April 2015).
- Charteris-Black, J., 2003. “A Contrastive Cognitive Perspective on Malay and English Figurative Language” dlm. K. M. Jaszczolt dan K. Turner (ed.). *Meaning Through Language Contrast. Pragmatics and Beyond New Series 99*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamin.
- Djamaris Edward, “Memahami dan Menghargai Peribahasa” dalam. *Jurnal Dewan Bahasa* 29:5, hlm. 338–44, 1985.
- Goddard, C., 2009. “Like a Crab Teaching Its Young to Walk Straight” dlm. Senft, G. dan Basso, E. B. (ed.). *Ritual Communication*. London: Bloomsbury Publishers, hlm.103–19.
- Hassan Ahmad, 2001. *Bahasa Melayu sebagai Teras Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Bangi. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hawiyah Baba, 2015. “*Bahasa Berkias dan Nilai Melayu: Analisis Pragmatik*”. Tesis PhD. Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Pertanian Pulau Pinang, 2013. “Tanaman Buah-buahan Cempedak”. <http://jpn.penang.gov.my/> (Capaian pada 1 Jun 2016).
- Julaina, Nor Hashimah. (2017a). Elements of Dualism in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantics Approach. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88.
- Julaina, Nor Hashimah. (2017b). Refleksi Dualisme ‘Durian-Timun’ Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif: *Jurnal Linguistik* 22(2), 1-44.

- Julaina, Nor Hashimah & Junaini. (2018). Refleksi Gastronomi Dalam Komunikasi: Analisis Semantik Inkuisitif (The Reflection of Gastronomy in Communications: An Inquisitive Semantic Analysis). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 34. 185-201. 10.17576/JKMJC-2018-3401-11.
- Junaini Kasdan, 2015. "Unsur Asam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif". Kertas kerja dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX 2015, Universiti Putra Malaysia, 3–4 November 2015.
- Junaini & Julaina (2020) *Padi dalam peribahasa Melayu: analisis semantik inkuisitif*. In: Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu 2020, 18th - 19th February 2020, Taiwan.
- Kamus Dewan*, 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Peribahasa Melayu*, 2013. Sapinah Haji Said (ed.). Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka*. [sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/](http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/).
- Lim Kim Hui, 2002. "Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa. Disertasi PhD. Department of Austronesian Studies, Faculty of Oriental Studies, University of Hamburg, Germany. <http://www.sabrizain.org/malaya/library/budi.pdf> (Capaian pada 2 Februari 2016). "Malay Concordance Project". [mcp.anu.edu.au/](http://mcp.anu.edu.au/).
- Mohamad Radzi Salleh, 1999. *Peribahasa dalam Masyarakat Melayu: Satu Analisis Pemikiran dan Cerminan Falsafah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia. Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi, "Budaya Perniagaan dan Perdagangan Melayu dalam Teks Melayu" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu* 15, hlm. 52–72, 2005.
- Mohd. Hamim Rajikin, Baharudin Omar dan Suhaina Sulaiman, 2015. *Pemakanan dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa Yaacob, Azimah dan Zaharah, 2011. *Tumbuhan Ubatan Popular Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.
- Nathesan, S. "Simpulan Bahasa: Satu Tinjauan dari Sudut Makna" dlm. *Dewan Bahasa*, November 1998, hlm. 985–94.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, "Remaja dan Peribahasa Melayu" dlm. *Jurnal Linguistik* 10:1, 2010.

- Nor Hashimah Jalaluddin, 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2015) “Deria Rasa dalam Kiasan Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif” dlm. *Mahawangsa* 2:1, hlm. 1–16, 2015.
- Rex Adams, 1979. *Miracle Medicine Foods*. New York: Parker Publishing Company.
- Sairin Fairus, Haryono, Agrithia Miranthi dan Aris Aprianto, 2010. “Pengaruh Konsentrasi HCL dan Waktu Hidrolisis terhadap Perolehan Glukosa yang Dihasilkan dari Pati Biji Nangka”. Kertas kerja dalam Seminar Nasional Teknik Kimia “Kejuangan” (ISSN 1693–4393) Pengembangan Teknologi Kimia untuk Pengolahan Sumber Daya Alam. Indonesia Yogyakarta, 26 Januari 2010. <http://repository.upnyk.ac.id/558/1/22.pdf> (Capaian pada 12 Mac 2023).
- Tenas Effendy, 2004. *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Tenas Affendy, 2013. *Kearifan Pemikiran Orang Melayu*. Riau: Tenas Effendy Foundation.
- Via Andani, Fitmawati dan Nery Sofiyanti, 2015. “Analisis Hubungan Kekerbatan Cempedak Berdasarkan Penanda Morfologi di Kabupaten Kampar Provinsi Riau” dlm. *JOM FMIPA* 2:1, Februari 2015. <http://jom.unri.ac.id/index.php/JOMFMIPA/article/viewFile/4483/4367> (Capaian pada 12 Julai 2016).
- Za‘ba, 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## ANALISIS KESALAHAN TATABAHASA BAHASA MELAYU DALAM AKHBAR “ONLINE”

Melvina Chung Hui Ching

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

### Abstrak

Media massa seperti akhbar telah menjadi alat sebaran maklumat termasuk berita terkini yang penting kepada masyarakat dewasa ini agar masyarakat dapat mengikuti perkembangan berita atau isu mutakhir yang berlaku di dalam negara dan luar negara. Oleh itu, berita yang disampaikan menerusi satu bahasa yang boleh difahami oleh masyarakat, iaitu bahasa Melayu. Namun begitu, bahasa Melayu yang digunakan dalam akhbar tempatan sehingga kini tetap berhadapan dengan masalah kesalahan bahasa, terutamanya dari aspek tatabahasa. Ekoran daripada itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis kesalahan bahasa, khususnya aspek tatabahasa yang terdapat dalam petikan berita akhbar. Pelaksanaan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu secara analisis teks daripada akhbar *Harian Metro online* untuk mendapatkan data. Sebanyak 20 tajuk petikan berita telah dikumpulkan dari 15 April hingga 17 April 2024. Hasil analisis mendapati terdapat enam jenis kesalahan tatabahasa yang dapat dikesan, iaitu imbuhan, kata sendi nama, kata pemer, kata ganti nama diri ketiga, kata majmuk dan kata adjektif. Selain itu, tiga kesalahan utama dalam tatabahasa iaitu kesalahan kata pemer *adalah* dan *ialah* yang paling banyak berlaku dalam petikan berita, diikuti oleh kata sendi nama dan imbuhan. Kesimpulan, sebelum suatu berita disebarikan menerusi akhbar, pihak wartawan dan editor bahasa disarankan untuk menyemak kandungan penulisan berita dengan lebih teliti. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang digunakan dalam akhbar mempunyai kredibiliti yang akan dijadikan panduan kepada masyarakat ketika berbahasa.

**Kata Kunci:** akhbar *online*, kesalahan bahasa, bahasa Melayu, Teori Corder, Tatabahasa Dewan.

### PENGENALAN

Bahasa memainkan peranan penting sebagai alat perhubungan dalam interaksi sosial dan penyaluran maklumat dalam sesebuah masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia tidak dapat hidup secara bersendirian tanpa bergaul dengan orang dan mengasingkan diri daripada masyarakat. Oleh itu, bahasa sejajar dengan fungsi utamanya sebagai alat perhubungan dan penyaluran maklumat dalam masyarakat. Dalam kehidupan seharian, apa-apa yang berlaku dan berita mutakhir akan disalurkan melalui berita untuk pengetahuan masyarakat. Menurut Che Hazira dan Hanita (2020), akhbar menggunakan bahasa untuk mengungkapkan sesuatu maklumat atau idea kepada masyarakat. Dengan perkataan lain, suatu berita atau maklumat dapat disampaikan dan disalurkan kepada masyarakat melalui media akhbar. Ini sejajar dengan kenyataan Shahrul Nazmi dan Ong (2016) bahawa akhbar memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan pelbagai informasi kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, bahasa yang

digunakan dalam akhbar perlu jelas dan tepat mengikut hukum tatabahasa bahasa Melayu, selain mematuhi laras bahasa media massa. Menurut Hasmidar et al. (2022), bahasa merupakan wahana bagi akhbar untuk menyampaikan segala maklumat dan berita kepada pembaca dan bahasalah yang menentukan impak berita dan maklumat yang disampaikan kepada pembaca. Dalam pada itu, akibat perkembangan dunia teknologi pendigitalan semasa telah mengubah platform akhbar dalam menyalurkan berita, iaitu dalam bukan elektronik iaitu bentuk bercetak dan bentuk elektronik iaitu secara dalam talian.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif yang berikut:

- i. Mengetahui pasti kesalahan bahasa dari aspek tatabahasa dalam akhbar.
- ii. Menganalisis jenis-jenis kesalahan bahasa dalam akhbar.

## **SOROTAN LITERATUR**

Akhbar tempatan banyak diberi perhatian dan dikaji oleh pengkaji tempatan. Antaranya ialah Siti Noridayu et al. (2023) dalam kajian yang bertajuk *media cetak akhbar sebagai medium pemerolehan bahasa pertama dan kedua murid lembam*. Pengkaji telah memilih sebanyak lima artikel bahasa Melayu daripada *Berita Harian* dan lima artikel daripada *New Straight Time* sebagai item kajian, di samping Teori Pelaziman Operasi Thorndike (1874 – 1949) telah diaplikasikan dalam kajian tersebut. Hasil dapatan menunjukkan murid lembam dapat memperoleh bahasa pertama melalui artikel kerana proses pengulangan dan penekanan terhadap perkataan serta ayat di dalam artikel. Darwalis et al. (2021) yang menjalankan kajian tentang *analisis verbal berita terpilih dalam akhbar Malaysiakini* yang melibatkan empat kategori utama, iaitu nilai berita, yakni keelitan, impak, negatif dan positif. Hasil dapatan analisis kajian dalam sumber verbal berita akhbar *Malaysiakini* telah menunjukkan setiap empat kategori nilai berita tersebut terdiri daripada ciri linguistik yang tertentu, dan dapat menyerlahkan ideologi penulis yang mempengaruhi pembentukan empat kategori nilai berita dalam akhbar *Malaysiakini*. Selain itu, dapatan kajian turut berjaya mencungkil latar belakang akhbar *Malaysiakini* bagi setiap isu sosial yang diketengahkan dalam teks berita. Che Hazira dan Hanita (2020) pula mengkaji *strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana ilmiah akhbar Berita Harian*. Hasil kajian mendapati tidak kesemua rencana menepati ciri-ciri penulisan kewartawanan, iaitu penggunaan kata tidak lazim, penerangan berlebihan, kesalahan ejaan, dan penggunaan istilah jargon.

Selain itu, Mohd Hazreen dan Sharil Nizam (2019) telah mengkaji *analisis kesalahan penggunaan bahasa dalam rencana akhbar*. Pengkaji tersebut memilih dua buah akhbar berbahasa Melayu, iaitu *Berita Harian* (BH) dan *Utusan Malaysia* (UM) yang diterbitkan sepanjang 1 Oktober 2016 hingga 30 November 2016. Jumlah rencana yang dianalisis sebanyak 242 buah. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan kesalahan penggunaan bahasa dalam penulisan rencana masih berlaku. Malahan, berdasarkan analisis penggunaan bahasa dari perspektif Waterhouse (1989), kesalahan dalam pemilihan kata menyebabkan pembaca mengalami keaburan dan kekeliruan makna terhadap kata yang digunakan, selain ayat yang panjang dan



mengandungi penerangan yang berlebih-lebihan menyebabkan pembaca hilang tumpuan untuk memahami kandungan rencana dengan baik. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Hazreen et al. (2019) pula tentang *keberkesanan penggunaan bahasa dalam akhbar Melayu: tindak balas strategik terhadap literasi kesihatan dalam kalangan pembaca tempatan*. Hasil dapatan kajian mendapati strategi penggunaan bahasa berkesan ditentukan oleh pemilihan perkataan yang tepat, mudah difahami, berpengaruh, dan pembentukan ayat yang pendek dan jelas. Sebagai kesimpulannya, penggunaan bahasa yang betul dan tepat dapat menyampaikan suatu berita secara jelas dan nyata, di samping maklumat dalam berita tidak bersifat taksa disebabkan oleh berlaku kesalahan dalam bahasa Melayu terutamanya kesalahan imbuan.

## KERANGKA TEORETIS

Dalam mengkaji kandungan penulisan berita dalam akhbar *online* ini, teori yang digunakan ialah teori analisis kesalahan bahasa yang diperkenalkan oleh Corder (1981), di samping *Tatabahasa Dewan* (2013) turut dijadikan panduan dalam membuat analisis kesalahan bahasa yang terdapat dalam penulisan berita akhbar.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan teks. Data utama dalam kajian ini diperoleh daripada surat khabar *Harian Metro* <https://www.hmetro.com.my/> secara dalam talian. Data-data yang dikutip bermula dari 15 April 2024 hingga 17 April 2024. Dalam pada itu, jumlah petikan berita yang telah dikaji ialah sebanyak 20 tajuk dapat ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tajuk Berita Melalui Siaran Harian Metro


Bil	Tajuk Berita
1	Projek perumahan SASaR ATM di Sungai Besi dijangka siap pada 2025
2	Subkontraktor gagal selesai kerja jubin punca kolam selam tempur Kem Iskandar lambat siap
3	Tindakan anggota lepas lima das tembakan ikut SOP
4	Isu sekolah tak cukup cikgu, 6034 guru kontrak diambil KPM
5	Kedah bina empangan air bawah tanah di Langkawi
6	HeiTech Padu terima kontrak secara tender terbuka
7	Lelaki ditahan cuba jual diesel subsidi milik Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah
8	Tidak mahu insiden kedaulatan Pulau Batu Putih hilang berulang
9	Kepanjang jalan tidak mampu tampung kenderaan punca sesak melampau pada musim perayaan
10	Gangguan bekalan elektrik di 30 kawasan di Jenjarom hingga Khamis
11	Lelaki warga emas meninggal dunia digilis treler sebaik terjatuh motosikal
12	Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 di 7 negeri bermula Johor esok
13	Empangan Muda catat tahap 36.22 peratus, masih memuaskan

14	Kalau tidak masuk Henry Gurney, mungkin perangai saya masih sama hingga sekarang
15	Mohamad Zulkifli terlepas hukuman gantung, diganti penjara 35 tahun
16	Ahmad Izuddin keluar rumah tergesa-gesa sebelum kemalangan
17	Cuaca panas: Ibu bapa boleh buat aduan jika sekolah anjur aktiviti luar
18	Pesawah maut, tubuh termasuk ke dalam jentera pembajak
19	2146 kemalangan seluruh negara semalam
20	4 tahun tidak pulang, Nurul Ain beri kejutan pada 1 Syawal

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil analisis data, kesalahan dalam bahasa Melayu dapat dikategorikan kepada enam jenis yang merangkumi kesalahan imbuhan, kesalahan kata sendi nama, kesalahan kata pemer, kesalahan ganti nama, kesalahan kata majmuk, dan kata adjektif. Dapatan kajian menunjukkan jumlah kesalahan bahasa yang terdapat dalam penulisan akhbar *Harian Metro* sebanyak 33 kesalahan. Kesalahan imbuhan sebanyak 6 (18.18%), kata sendi nama sebanyak 8 kesalahan (24.24%), kata pemer paling banyak berlaku kesalahan iaitu 11 (33.33%), kata ganti nama diri ketiga terdapat 3 kesalahan (9.09%), kata majmuk pula terdapat 2 kesalahan (6.06%) dan kata adjektif ialah 3 kesalahan (9.09%) dapat ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah. Berdasarkan setiap jenis kesalahan bahasa, penganalisan data dan penerangan terhadap setiap jenis kesalahan bahasa diperincikan dalam Jadual 3 Jenis Kesalahan Imbuhan, Jadual 4 Jenis Kesalahan Kata Sendi Nama, Jadual 5 Jenis Kesalahan Kata Pemer, Jadual 6 Jenis Kesalahan Kata Ganti Nama Diri Ketiga, Jadual 7 Jenis Kesalahan Kata Majmuk, dan Jadual 8 Jenis Kesalahan Kata Adjektif.

Jadual 2: Jenis Kesalahan Bahasa



Jadual 3: Jenis Kesalahan Imbuhan

Tajuk Berita	Kesalahan	Jenis Kesalahan Imbuhan	Penerangan
<p>Projek perumahan SASaR ATM di Sungai Besi dijangka siap pada 2025</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10/80647/projek-perumahan-sasar-atm-di-sungai-besi-dijangka-siap-pada-2025">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10/80647/projek-perumahan-sasar-atm-di-sungai-besi-dijangka-siap-pada-2025</a></p>	<p>Mohamed Khaled berkata ada dalam perancangan SASaR akan <u>diperluaskan</u> ke negeri lain berdasarkan kepada permintaan.</p>	Diperluaskan	<p>Awalan <b>diper-</b> bergabung dengan kata dasar daripada golongan kata adjektif membentuk kata kerja yang membawa makna <i>dijadikan lebih</i> atau <i>bertambah</i>, bagi sifat yang terkandung dalam kata dasar (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.183).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perkataan <i>luas</i> ialah kata adjektif. ✓ <i>diperluas</i></li> </ul>
<p>Subkontraktor gagal selesai kerja jubin punca kolam selam tempur Kem Iskandar lambat siap</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10/80616/subkontraktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca-kolam-selam-tempur-kem">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10/80616/subkontraktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca-kolam-selam-tempur-kem</a></p>	<p>Ketidakupayaan <u>subkontraktor</u> yang dicalonkan (nominated subcontractor)</p>	sub kontraktor	<p>Beberapa imbuhan awalan daripada bahasa Yunani-Latin-Inggeris yang dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu ialah <b>pro-</b>, <b>anti-</b>, <b>poli-</b>, <b>auto-</b>, <b>sub-</b> dan <b>supra-</b> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.311).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Maka, imbuhan awalan <i>sub</i> harus ditulis secara rapat dengan kata dasar <i>kontraktor</i>. ✓ <i>subkontraktor</i></li> </ul>
<p>Tindakan anggota lepas lima das tembakan ikut SOP</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10</a></p>	<p>... (jadi) saya <u>pertahankan</u> dan bagi semangat.</p>	Pertahankan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berdasarkan <i>Kamus Dewan (2022, p.1567-1568)</i> kata dasar “tahan” hanya menerima imbuhan seperti “bertahan”, “menahan”. “menahani”, “menahankan”, “mempertahankan”,</li> </ul>

SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024  
Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),  
28 April 2024

<p><u>80651/tindakan-anggota-lepas-lima-das-tembakan-ikut-sop-kp-perak</u></p>			<p>“tertahan”, “ketahanan”, “pertahanan”, “penahanan” dan “penahan”.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Berdasarkan konteks ayat tersebut, penggunaan kata kerja <i>mempertahankan</i> lebih tepat.</li> <li>✓ Kamus Dewan edisi keempat, (2022, p.1568), “<b>mempertahankan</b>” bermaksud mengikhtiarkan supaya tidak berubah, mengusahakan supaya tetap (kekal).</li> </ul>
<p>Isu sekolah tak cukup cikgu, 6034 guru kontrak diambil KPM</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10/80732/isu-sekolah-tak-cukup-cikgu-6034-guru-kontrak-diambil-kpm">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10/80732/isu-sekolah-tak-cukup-cikgu-6034-guru-kontrak-diambil-kpm</a></p>	<p>“KPM dan SPP akan terus bekerjasama erat bagi memastikan isu kekurangan guru dapat <u>di atasi</u>.”</p>	<p>Di atasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkataan <b>diatasi</b> perlu ditulis secara rapat kerana kata dasarnya ialah kata tugas <i>atas</i>.</li> <li>✓ Kata dasar <i>atas</i> menerima imbuhan apitan <i>di-...-i</i>.</li> </ul>
<p>Kedah bina empangan air bawah tanah di Langkawi</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10/80955/keдах-bina-empangan-air-bawah-tanah-di-langkawi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/10/80955/keдах-bina-empangan-air-bawah-tanah-di-langkawi</a></p>	<p>...empangan air bawah tanah boleh <u>dilaksana</u> di Langkawi.</p>	<p>Dilaksana</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Awalan <b>di-</b> dapat bergabung dengan kata dasar golongan <i>kata kerja</i> dan <i>kata nama</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.176).</li> <li>• Empat golongan kata utama, iaitu <i>kata nama</i>, <i>kata adjektif</i>, <i>kata kerja</i> dan <b>kata tugas</b> boleh menerima apitan <b>men-...-kan</b> untuk membentuk kata kerja transitif (Nik</li> </ul>

			<p>Safiah Karim et al., 2013, P.193).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkataan <i>laksana</i> ialah kata tugas. ✓ <i>dilaksanakan</i></li> </ul>
<p>HeiTech Padu terima kontrak secara tender terbuka</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080914/heitech-padu-terima-kontrak-secara-tender-terbuka">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080914/heitech-padu-terima-kontrak-secara-tender-terbuka</a></p>	<p>Kelulusan Perbendaharaan telah <u>diperolehi</u> pada 8 Februari 2024</p>	<p>diperolehi</p>	<p>Awalan <b>diper-</b>, apabila bergabung dengan kata dasar daripada kata tugas untuk membentuk kata kerja, membawa makna <i>terdapat sesuatu</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.183).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkataan <i>oleh</i> ialah kata tugas. ✓ <i>diperoleh</i></li> </ul>

Jadual 4: Jenis Kesalahan Kata Sendi Nama

Tajuk Berita	Kesalahan	Jenis Kesalahan Kata Sendi Nama	Penerangan
<p>Projek perumahan SASaR ATM di Sungai Besi dijangka siap pada 2025</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080647/projek-perumahan-sasar-atm-di-sungai-besi-dijangka-siap-pada-2025">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080647/projek-perumahan-sasar-atm-di-sungai-besi-dijangka-siap-pada-2025</a></p>	<p>saya percaya bergantung permintaan dan sebagainya</p>	<p>bergantung (pada)</p>	<p>Kata sendi nama “pada” terletak di hadapan <i>kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kerja</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.275).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Oleh itu, perkataan <b>bergantung</b> harus diikuti oleh kata sendi nama <i>pada</i> agar ayat tersebut lebih gramatis. ✓ <i>bergantung pada</i></li> </ul>
<p>Lelaki ditahan cuba jual diesel subsidi milik Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah</p>	<p>Anuar berkata, pemandu treler milik PNK Kuala Kedah itu disyaki mengambil diesel subsidi terbabit <u>dari di</u></p>	<p>Dari di</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “di” digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.265-266).</li> </ul>

SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024  
Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),  
28 April 2024

<p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080639/lelaki-ditahan-cuba-jual-diesel-subsidi-milik-persatuan-nelayan-kawasan">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080639/lelaki-ditahan-cuba-jual-diesel-subsidi-milik-persatuan-nelayan-kawasan</a></p>	<p>sebuah depoh minyak di kawasan Perai Pulau Pinang untuk dibawa ke PNK Kuala Kedah bagi kegunaan nelayan kawasan Kuala Kedah.</p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “dari” digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan <i>arah</i>, <b>tempat</b>, atau <i>waktu</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.268). <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Oleh itu, penggunaan kata sendi nama tidak boleh hadir serentak dalam ayat.</li> <li>✓ Berdasarkan konteks ayat, penggunaan kata sendi nama <i>dari</i> lebih sesuai, iaitu mengambil barang dari suatu tempat.</li> </ul> </li> </ul>
<p>Tidak mahu insiden kedaulatan Pulau Batu Putih hilang berulang</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080624/tidak-mahu-insiden-kedaulatan-pulau-batu-putih-hilang-berulang-khaled">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080624/tidak-mahu-insiden-kedaulatan-pulau-batu-putih-hilang-berulang-khaled</a></p>	<p>Kita tidak nafikan bahawa kapal <u>daripada</u> negara asing</p>	<p>daripada</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “dari” digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan <i>arah</i>, <b>tempat</b>, atau <i>waktu</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.268).</li> <li>• Kata sendi nama “daripada” hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda, dan perbezaan atau perbandingan (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.269). <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Oleh itu, penggunaan kata sendi nama <i>dari</i> adalah lebih tepat mengikut konteks ayat “kapal <i>dari</i> negara asing”.</li> </ul> </li> </ul>
<p>Kepanjangan jalan tidak mampu tampung</p>	<p>Jumlahnya perjalanan ini menjadi dua atau</p>	<p>Pada</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “pada” terletak di hadapan <i>kata nama yang menunjukkan</i></li> </ul>

SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024  
Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),  
28 April 2024

<p>kenderaan punca sesak melampau pada musim perayaan</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080591/kepanjangan-jalan-tidak-mampu-tampung-kenderaan-punca-sesak-melampau-pada">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080591/kepanjangan-jalan-tidak-mampu-tampung-kenderaan-punca-sesak-melampau-pada</a></p>	<p>tiga kali ganda berbanding hari biasa bergantung kepada jarak destinasi yang hendak dituju.</p>		<p><i>tempat bagi perbuatan sesuatu kerja</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.275).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “kepada” digunakan untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, dan unsur mujarad; juga merujuk institusi yang ada kaitan dengan manusia (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.272-273).</li> <li>✓ Oleh itu, perkataan <b>bergantung</b> harus diikuti oleh kata sendi nama <i>pada</i> agar ayat tersebut lebih gramatis.</li> <li>✓ <i>bergantung pada</i></li> </ul>
<p>Gangguan bekalan elektrik di 30 kawasan di Jenjarom hingga Khamis</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080418/gangguan-bekalan-elektrik-di-30-kawasan-di-jenjarom-hingga-khamis">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080418/gangguan-bekalan-elektrik-di-30-kawasan-di-jenjarom-hingga-khamis</a></p>	<p>Sebarang pertanyaan, sila hubungi TNB CareLine di talian 15454</p>	<p style="text-align: center;">di</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “di” digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.265).</li> <li>• Kata sendi nama “dalam” hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian <i>lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.285).</li> <li>✓ Oleh itu, penggunaan kata sendi nama yang lebih sesuai mengikut konteks ayat ialah perkataan <i>dalam</i> talian.</li> </ul>
<p>Lelaki warga emas meninggal dunia digilis treler sebaik</p>	<p>Seorang lelaki warga emas meninggal dunia selepas terjatuh</p>	<p style="text-align: center;">daripada</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “dari” digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan</li> </ul>

SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024  
Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),  
28 April 2024

<p>terjatuh motosikal</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080791/lelaki-warga-emas-meninggal-dunia-digilis-treler-sebaik-terjatuh-motosikal">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080791/lelaki-warga-emas-meninggal-dunia-digilis-treler-sebaik-terjatuh-motosikal</a></p>	<p><u>daripada</u> motosikal ditunggangnya</p>		<p><i>arah, tempat</i>, atau <i>waktu</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.268).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “daripada” hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda, dan perbezaan atau perbandingan (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.269).</li> <li>✓ Oleh itu, penggunaan kata sendi nama <i>dari</i> adalah lebih tepat mengikut konteks ayat “terjatuh <i>dari</i> motosikal ditunggangnya”.</li> </ul>
<p>Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 di 7 negeri bermula Johor esok</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080779/majlis-sambutan-aidilfitri-madani-2024-di-7-negeri-bermula-johor-esok">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080779/majlis-sambutan-aidilfitri-madani-2024-di-7-negeri-bermula-johor-esok</a></p>	<p>Majlis itu juga bertujuan memberi peluang kepada lebih ramai rakyat untuk meraikan hari kebesaran umat Islam bersama-sama pemimpin <u>di</u> peringkat Persekutuan dan negeri</p>	<p style="text-align: center;">di</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “di” digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.265).</li> <li>• Kata sendi nama “pada” terletak di hadapan <i>kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kerja</i> (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.274-275).</li> <li>• Perkataan peringkat pula tidak bermaksud tempat, sebaliknya bermaksud tahap. Oleh itu, lebih tepat ialah kata sendi nama <i>pada</i> peringkat.</li> </ul>
<p>Empangan Muda catat tahap 36.22</p>	<p>Takungan air di tiga empangan seliaan Lembaga</p>	<p style="text-align: center;">di</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “di” digunakan khusus di hadapan kata nama atau</li> </ul>



<p>peratus, masih memuaskan</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080191/empangan-muda-catat-tahap-3622-peratus-masih-memuaskan">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080191/empangan-muda-catat-tahap-3622-peratus-masih-memuaskan</a></p>	<p>Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih di tahap memuaskan</p>		<p>frasa nama yang menunjukkan tempat (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.265).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama “pada” terletak di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kerja (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.274-275).</li> <li>• Perkataan tahap pula tidak bermaksud tempat. Oleh itu, lebih tepat ialah kata sendi nama <i>pada</i> tahap.</li> </ul>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------	--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jadual 5: Jenis Kesalahan Kata Pemerri

Tajuk Berita	Kesalahan	Jenis Kesalahan Kata Pemerri	Penerangan
<p>Lelaki ditahan cuba jual diesel subsidi milik Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080639/lelaki-ditahan-cuba-jual-diesel-subsidi-milik-persatuan-nelayan-kawasan">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080639/lelaki-ditahan-cuba-jual-diesel-subsidi-milik-persatuan-nelayan-kawasan</a></p>	<p>Beliau berkata, serbuan itu <u>adalah</u> hasil maklumat dan risikan Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda...</p>	<p>adalah</p>	<p>Kata pemerri <i>ialah</i> hadir di hadapan frasa nama (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.263).</p> <p>✓ Frasa nama – <b>hasil maklumat ...</b>                  ✓ <i>ialah</i> <b>hasil maklumat</b></p>
<p>Subkontraktor gagal selesai kerja jubin punca kolam selam tempur Kem Iskandar lambat siap</p>	<p>Walaupun ini <u>adalah</u> projek Kementerian Pertahanan tetapi ia dikendalikan oleh JKR,” katanya.</p>	<p>adalah</p>	<p>✓ Frasa nama – <b>projek Kementerian Pertahanan ...</b>                  ✓ <i>ialah</i> <b>projek Kementerian Pertanian</b></p>

SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024  
Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),  
28 April 2024

<p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080616/subkontr-aktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca-kolam-selam-tempur-kem">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080616/subkontr-aktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca-kolam-selam-tempur-kem</a></p>			
<p>Tidak mahu insiden kedaulatan Pulau Batu Putih hilang berulang</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080624/tidak-mahu-insiden-kedaulatan-pulau-batu-putih-hilang-berulang-khaled">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080624/tidak-mahu-insiden-kedaulatan-pulau-batu-putih-hilang-berulang-khaled</a></p>	<p>kawasan Laut China Selatan <u>adalah</u> kawasan yang bebas dilalui sesiapa sahaja tetapi apabila kapal negara asing.</p>	<p>adalah</p>	<p>✓ Frasa nama – <b>kawasan yang bebas dilalui ...</b> ✓ <i>ialah kawasan yang bebas dilalui</i></p>
<p>Kalau tidak masuk Henry Gurney, mungkin perangai saya masih sama hingga sekarang</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080660/kalau-tidak-masuk-henry-gurney-mungkin-perangai-saya-masih-sama-hingga">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080660/kalau-tidak-masuk-henry-gurney-mungkin-perangai-saya-masih-sama-hingga</a></p>	<p>Baju raya pula <u>adalah</u> pakaian seragam sekolah ...</p>	<p>adalah</p>	<p>✓ Frasa nama – <b>pakaian seragam sekolah ...</b> ✓ <i>ialah pakaian seragam sekolah</i></p>
<p>Kepanjangan jalan tidak mampu tampung</p>	<p>...faktor lain kesesakan jalan raya <u>adalah</u></p>	<p>adalah</p>	<p>Kata pemerri <i>ialah</i> hadir di hadapan frasa nama (Nik</p>

<p>kenderaan punca sesak melampau pada musim perayaan</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080591/kepanjangan-jalan-tidak-mampu-tampung-kenderaan-punca-sesak-melampau-pada">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080591/kepanjangan-jalan-tidak-mampu-tampung-kenderaan-punca-sesak-melampau-pada</a></p>	<p>disebabkan lampu isyarat yang banyak di negara ini ...</p>		<p>Safiah Karim et al., 2013, p.263).                  Kata pemerri adalah hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.264).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Frasa kerja – <b>disebabkan lampu isyarat ...</b></li> <li>✓ Kata pemerri <i>ialah</i> dan <i>adalah</i> tidak digunakan di hadapan frasa kerja.</li> <li>✓ Ayat yang betul ialah “faktor lain kesesakan jalan raya disebabkan lampu isyarat”</li> </ul>
<p>Gangguan bekalan elektrik di 30 kawasan di Jenjarom hingga Khamis</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080418/gangguan-bekalan-elektrik-di-30-kawasan-di-jenjarom-hingga-khamis">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080418/gangguan-bekalan-elektrik-di-30-kawasan-di-jenjarom-hingga-khamis</a></p>	<p>TNB berkata, antara kawasan yang terbabit <u>adalah</u> Taman Desa ...</p>	<p>adalah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Frasa nama – <b>Taman Desa ...</b></li> <li>✓ <i>ialah</i> <b>Taman Desa</b></li> </ul>
<p>Mohamad Zulkifli terlepas hukuman gantung, diganti penjara 35 tahun</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/04/1080781/mohamad-zulkifli-terlepas-hukuman-gantung-diganti-penjara-35-tahun">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/04/1080781/mohamad-zulkifli-terlepas-hukuman-gantung-diganti-penjara-35-tahun</a></p>	<p>...fakta kes menunjukkan bahawa pemohon (Mohamad Zulkifli) <u>adalah</u> mangsa kerana kejadian berdekatan rumahnya.</p>	<p>adalah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Frasa nama – <b>mangsa kerana ...</b></li> <li>✓ <i>ialah</i> <b>mangsa kerana</b></li> </ul>

SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024  
Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),  
28 April 2024

<p>Isu sekolah tak cukup cikgu, 6034 guru kontrak diambil KPM</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080732/isu-sekolah-tak-cukup-cikgu-6034-guru-kontrak-diambil-kpm">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080732/isu-sekolah-tak-cukup-cikgu-6034-guru-kontrak-diambil-kpm</a></p>	<p>“Pelantikan guru baharu secara kontrak <u>adalah</u> cerminan komitmen berterusan Kerajaan MADANI untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara,” katanya.</p>	<p>adalah</p>	<p>✓ Frasa nama – <b>cerminan komitmen berterusan ...</b> ✓ <i>ialah cerminan komitmen berterusan</i></p>
<p>Ahmad Izuddin keluar rumah tergesa-gesa sebelum kemalangan</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080630/ahmad-izuddin-keluar-rumah-tergesa-gesa-sebelum-kemalangan-bapa">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080630/ahmad-izuddin-keluar-rumah-tergesa-gesa-sebelum-kemalangan-bapa</a></p>	<p>kali terakhir dia bertemu abangnya <u>ialah</u> pada Syawal kedua ...</p>	<p>ialah</p>	<p>Kata pemerli adalah hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.264). ✓ Frasa sendi nama – <b>pada Syawal kedua ...</b> ✓ <i>adalah pada Syawal kedua</i></p>
<p>Subkontraktor gagal selesai kerja jubin punca kolam selam tempur Kem Iskandar lambat siap</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080616/subkontraktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080616/subkontraktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca</a></p>	<p>...menyelesaikan kerja-kerja jubin <u>adalah</u> punca kelewatan pembinaan kolam selam ...</p>	<p>adalah</p>	<p>✓ Frasa nama – <b>punca kelewatan pembinaan kolam ...</b> ✓ <i>ialah punca kelewatan pembinaan kolam</i></p>

SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024  
Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),  
28 April 2024

<u>kolam-selam-tempur-kem</u>			
Jumlah mangsa banjir di daerah Petaling meningkat  <a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080838/jumlah-mangsa-banjir-di-daerah-petaling-meningkat">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080838/jumlah-mangsa-banjir-di-daerah-petaling-meningkat</a>	Cuma yang lebih penting sekarang ini <u>adalah</u> kesihatan mangsa ...	adalah	✓ Frasa nama – <b>kesihatan mangsa ...</b> ✓ <i>ialah</i> <b>kesihatan mangsa</b>

Jadual 6: Jenis Kesalahan Kata Ganti Nama

Tajuk Berita	Kesalahan	Jenis Kesalahan Kata Ganti Nama	Penerangan
Subkontraktor gagal selesai kerja jubin punca kolam selam tempur Kem Iskandar lambat siap  <a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080616/subkontraktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca-kolam-selam-tempur-kem">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080616/subkontraktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca-kolam-selam-tempur-kem</a>	kita sudah mendapat jaminan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai perkara ini dan <u>ia</u> diberi perhatian yang serius.	ia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkataan <i>ia</i> merujuk kata ganti nama diri orang ketiga (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.87).</li> <li>• Oleh itu, perkataan <i>ia</i> tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat tersebut. <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ ...dan perkara tersebut diberi perhatian yang serius.</li> </ul> </li> </ul>
Subkontraktor gagal selesai kerja jubin punca kolam selam tempur Kem Iskandar lambat siap	kolam itu sepatutnya siap sepenuhnya pada Disember 2022, namun sehingga kini <u>ia</u>	ia	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Perkataan <i>ia</i> merujuk kata ganti nama diri orang ketiga (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.87).</li> <li>✓ Oleh itu, perkataan <i>ia</i> tidak sesuai digunakan</li> </ul>

<p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080616/subkontraktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca-kolam-selam-tempur-kem">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080616/subkontraktor-gagal-selesai-kerja-jubin-punca-kolam-selam-tempur-kem</a></p>	<p>masih dalam pembinaan.</p>		<p>dalam konteks ayat tersebut. ✓ ...kini kolam itu masih dalam pembinaan.</p>
<p>Cuaca panas: Ibu bapa boleh buat aduan jika sekolah anjur aktiviti luar</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080655/cuaca-panas-ibu-bapa-boleh-buat-aduan-jika-sekolah-anjur-aktiviti-luar">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080655/cuaca-panas-ibu-bapa-boleh-buat-aduan-jika-sekolah-anjur-aktiviti-luar</a></p>	<p>“Kita alu-alukan sebarang aduan dan akan menjalankan siasatan sama ada <u>ia</u> berasas atau sebaliknya,” katanya.</p>	<p>ia</p>	<p>✓ Perkataan <i>ia</i> merujuk kata ganti nama diri orang ketiga (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.87). ✓ Oleh itu, perkataan <i>ia</i> tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat tersebut. ✓ ...sama ada aduan tersebut berasas atau sebaliknya...</p>

Jadual 7: Jenis Kesalahan Kata Ganti Nama

Tajuk Berita	Kesalahan	Jenis Kesalahan Kata Majmuk	Penerangan
<p>Ahmad Izuddin keluar rumah tergesa-gesa sebelum kemalangan</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080630/ahmad-izuddin-keluar-rumah-tergesa-gesa-sebelum-">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080630/ahmad-izuddin-keluar-rumah-tergesa-gesa-sebelum-</a></p>	<p>seorang daripada tiga penunggang motosikal yang maut dalam nahas di KM 9.9 Lebuhraya Ketereh-Kota Bharu di sini tengah malam tadi</p>	<p>lebuhraya</p>	<p>✓ Kata majmuk bertindak sebagai satu unit dan lazimnya dieja terpisah (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.54). ✓ Oleh itu, perkataan <i>lebuhraya</i> harus dieja terpisah.</p>

<u>kemalangan-bapa</u>			
<p>Pesawah maut, tubuh termasuk ke dalam jentera pembajak</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080771/pesawah-maut-tubuh-termasuk-ke-dalam-jentera-pembajak">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080771/pesawah-maut-tubuh-termasuk-ke-dalam-jentera-pembajak</a></p>	<p>Menurutnya, <u>temubual</u> bersama ahli keluarga mengesahkan mangsa seorang pesawah dan sering mengambil upah membajak di sekitar kawasan Titi Serong.</p>	temubual	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kata majmuk bertindak sebagai satu unit dan lazimnya dieja terpisah (Nik Safiah Karim et al., 2013, p.54).</li> <li>✓ Oleh itu, perkataan <i>temubual</i> harus dieja terpisah.</li> </ul>

Jadual 8: Jenis Kesalahan Kata Adjektif

Tajuk Berita	Kesalahan	Jenis Kesalahan Kata Adjektif	Penerangan
<p>Kalau tidak masuk Henry Gurney, mungkin perangai saya masih sama hingga sekarang</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080660/kalau-tidak-masuk-henry-gurney-mungkin-perangai-saya-masih-sama-hingga">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1080660/kalau-tidak-masuk-henry-gurney-mungkin-perangai-saya-masih-sama-hingga</a></p>	<p>Di dalam sekolah itu <u>baharu</u> saya harga ...</p>	baharu	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Menuruf Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, kata <i>baharu</i> ialah kata adjektif atau kata sifat, manakala kata <i>baru</i> ialah kata adverba atau kata keterangan (<a href="https://jendeladbp.my/peka-bahasa/baru-dan-baharu/">https://jendeladbp.my/peka-bahasa/baru-dan-baharu/</a>).</li> <li>✓ Oleh itu, perkataan <i>baru</i> lebih tepat dan sesuai digunakan mengikut konteks ayat.</li> <li>✓ ...<i>baru</i> saya harga ...</li> </ul>
<p>2146 kemalangan seluruh negara semalam</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu">https://www.hmetro.com.my/mu</a></p>	<p>setiap hari sebagai langkah <u>baru</u> bagi meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya</p>	baru	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menuruf Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, kata <i>baharu</i> ialah kata adjektif atau kata sifat, manakala kata <i>baru</i> ialah kata adverba atau kata keterangan</li> </ul>

<p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1-080612/2146-kemalangan-seluruh-negara-semalam">takhir/2024/04/1-080612/2146-kemalangan-seluruh-negara-semalam</a></p>			<p>(<a href="https://jendeladbp.my/p-eka-bahasa/baru-dan-baharu/">https://jendeladbp.my/p-eka-bahasa/baru-dan-baharu/</a>).</p> <p>✓ Oleh itu, perkataan <i>baharu</i> lebih tepat dan sesuai digunakan mengikut konteks ayat.</p> <p>✓ ...sebagai langkah <i>baharu</i>...</p>
<p>4 tahun tidak pulang, Nurul Ain beri kejutan pada 1 Syawal</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1-080797/4-tahun-tidak-pulang-nurul-ain-beri-kejutan-pada-1-syawal">https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2024/04/1-080797/4-tahun-tidak-pulang-nurul-ain-beri-kejutan-pada-1-syawal</a></p>	<p>selepas itu <u>baharulah</u> saya pulang semula ke sana</p>	<p>baharu</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menuruf Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, kata <i>baharu</i> ialah kata adjektif atau kata sifat, manakala kata <i>baru</i> ialah kata adverba atau kata keterangan</li> </ul> <p>(<a href="https://jendeladbp.my/p-eka-bahasa/baru-dan-baharu/">https://jendeladbp.my/p-eka-bahasa/baru-dan-baharu/</a>).</p> <p>✓ Oleh itu, perkataan <i>baru</i> lebih tepat dan sesuai digunakan mengikut konteks ayat.</p> <p>✓ ...<i>barulah</i> saya pulang</p>

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kesalahan penggunaan bahasa khususnya dari aspek tatabahasa masih berlaku dalam penyampaian berita melalui akhbar. Oleh itu, wartawan dan pihak editor akhbar harus lebih cakna dan peka terhadap penggunaan bahasa Melayu yang tepat dari aspek tatabahasa. Dengan perkataan lain, pihak akhbar bukan hanya menyalurkan dan menyampaikan berita semata-mata kepada masyarakat, bahkan mementingkan penggunaan bahasa yang mengikut hukum tatabahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana akhbar merupakan medium sebaran am yang mempunyai kredibiliti yang tinggi untuk membolehkan masyarakat memperoleh suatu maklumat terkini dan mutakhir. Malahan, akhbar turut menjadi sumber atau bahan bantu belajar bagi golongan murid sekolah yang ingin mempelajari bahasa Melayu kerana akhbar bersifat mesra pembaca dan mudah didapati.



## RUJUKAN

- Awang Sariyan. (2022, Mac 10). *Bijak bahasa: baharu dan baru*. <https://jendeladbp.my/peka-bahasa/baru-dan-baharu/>
- Che Hazira Che Roza, & Hanita Hassan. (2020). Strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana ilmiah. *LSP International Journal*, 7(2), 139-153.
- Hasmidar Hassan, Nurerna Aida Abdul Rahman, & Norsofiah Abu Bakar. (2022). Analisis pragmatik kecenderungan pelaporan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia berdasarkan elemen bahasa. *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(2), 83-97.
- Kamus Dewan* (edisi keempat). (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hazreen Shah Hassan, & Sharil Nizam Sha'ri. (2019). Analisis kesalahan penggunaan bahasa dalam rencana akhbar. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21(2), 55-71.
- Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ri, & Nor Azuwan Yaakob. (2019). Keberkesanan penggunaan bahasa dalam akhbar Melayu: tindak balas strategik terhadap literasi kesihatan dalam kalangan pembaca tempatan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 95-109.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan* (edisi ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahrul Nazmi Sannusi, & Ong, Y. M. (2016). Strategi pemilihan berita halaman hadapan akhbar berbahasa Melayu dan Cina: Kajian terhadap berita harian dan China press. *Jurnal Melayu*, 15(1), 14-25.
- Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim, & Ahmad Shuib Yahaya. (2023). Media cetak (akhbar) sebagai medium pemerolehan bahasa pertama dan kedua murid lembam. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*, 5(1), 1-14.

## EUFEMISME DALAM KALANGAN ORANG ASLI SUKU KAUM MENDRIQ DI GUA MUSANG, KELANTAN

Mohamad Suhaizi Suhaimi<sup>1</sup>  
Nurul Fatimah Hisham<sup>2</sup>

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh<sup>1, 2</sup>

### Abstrak

Eufemisme digunakan bagi menggantikan ujaran bahasa tabu atau perkataan sensitif menjadi lebih sopan apabila didengari oleh semua golongan masyarakat. Namun begitu, arus pembangunan yang semakin moden menyebabkan penggunaan istilah eufemisme ini semakin terbatas kerana sikap yang lebih terbuka dan berterus terang dalam menyatakan pendapat atau bersuara. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan istilah eufemisme dalam bahasa Mendriq dan menganalisis faktor-faktor yang membentuk penggunaan istilah eufemisme dalam kalangan orang asli Mendriq di kampung Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kualitatif dengan menemu bual seorang informan berusia 66 tahun yang dipilih berdasarkan pendekatan NORM untuk mendapatkan data bagi kedua-dua objektif. Kajian ini juga hanya dibataskan kepada penggunaan istilah eufemisme dalam kalangan orang asli Mendriq. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat enam kategori istilah eufemisme yang digunakan dalam bahasa Mendriq mengikut teori Allan & Burrige (1991) iaitu ketakutan, penyakit, tubuh badan, kebencian, jantina dan kematian. Penggunaan istilah eufemisme ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti menjaga hati dan perasaan, adat dan kepercayaan, batasan ujaran dan percakapan, menghormati golongan yang sudah tiada serta perkara sulit dan aib. Berdasarkan faktor yang disenaraikan, pengkaji mendapati bahawa penggunaan istilah eufemisme ini dapat mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

**Kata Kunci:** Eufemisme, bahasa tabu, Orang Asli, Mendriq, ujaran

### PENGENALAN

Perkara yang merujuk kepada bahasa yang halus, beretika dan beradab dapat dilihat dalam pelbagai variasi penggunaan bahasa, antaranya ialah melalui penggunaan unsur eufemisme. Menurut Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman (2019), eufemisme ialah bahasa yang lebih halus dan sopan bagi menggantikan bahasa tabu yang dianggap kasar apabila dituturkan secara langsung dalam komunikasi. Oleh itu, eufemisme ini boleh ditakrifkan sebagai penggunaan bahasa yang lebih lembut dan sesuai digunakan bagi sesebuah masyarakat.

Orang Asli di semenanjung Malaysia terdiri daripada tiga suku kaum utama iaitu

Negrato, Senoi dan Melayu Proto (Jabatan Kemajuan Orang Asli). Setiap suku kaum mempunyai bahasa yang berbeza dan terdiri daripada beberapa kumpulan etnik dibawahnya. Oleh itu, pengkaji memfokuskan kajian ini kepada etnik Mendriq yang tergolong di bawah suku kaum Negrato. Suku kaum Negrato ini kebanyakannya mendiami di kawasan banjaran Titiwangsa yang berpusat di sebelah utara semenanjung

Masyarakat Orang Asli Mendriq pada asalnya tinggal di gua sejak 40-50 tahun dahulu sebelum penjajahan Jepun ke Tanah Melayu. Mereka menjalani kehidupan harian dengan mencari hasil hutan seperti pokok gaharu dan rotan. Selain itu, aktiviti menoreh getah turut menjadi sumber pendapatan mereka. Kemudian, mereka berpindah ke sebuah kawasan yang dikenali sebagai Sungai Kala. Di situ, terdapat pelbagai sumber alam seperti buah keranji dan ubi. Sungai Kala turut menempatkan spesies ikan kelah dan jumlahnya dikatakan begitu banyak di sungai-sungai berhampiran. Lama kelamaan, nama tempat penempatan mereka berubah menjadi 'Lah' hasil daripada nama ikan 'Kelah' yang begitu banyak di kawasan sungai. Walaupun kini ikan kelah tidak begitu banyak berbanding pada masa dahulu, sejarah nama 'Kuala Lah' perlu diketahui oleh generasi kini dan akan datang bagi mengekalkan rasa sayang dan cinta akan suku kaum Mendriq itu sendiri.

Berdasarkan penelitian daripada kajian-kajian lepas, penulisan mengenai eufemisme dilihat telah dihuraikan daripada pelbagai aspek. Contohnya, kajian oleh Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2018) iaitu berkaitan penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. Begitu juga dengan kajian Munirah Zulkifli, Norazilah Buhari dan Nor Azili Hassan (2019) yang mengetengahkan eufemisme dalam kalangan belia Malaysia. Selain itu, kajian mengenai strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau yang dijalankan oleh Suzieyana Ritos dan Muhammad Zaid Daud (2020). Namun begitu, penggunaan eufemisme dalam masyarakat Orang Asli masih belum dikaji terutama bagi suku kaum Mendriq. Kajian seperti ini perlu dilakukan berikutan bahasa Mendriq bakal mengalami kepupusan 20 tahun lagi sekiranya tiada usaha yang jitu dilakukan bagi memelihara kelestariannya (Iqram Ramli, 2023).

Kajian daripada sarjana tempatan turut mengetengahkan isu berkaitan kata sensitif yang tidak sesuai dituturkan semasa berkomunikasi kerana dianggap kasar atau tidak sopan. Sebagai contoh, Hamidah Abdul Wahab *et al.* (2020) menyatakan tidak semua individu berasa selesa ketika membicarakan hal sensitif secara langsung. Oleh sebab itu, bahasa berlapis digunakan dalam menyatakan hal tersebut. Hal ini juga menunjukkan bahawa penggunaan eufemisme ini berkemungkinan dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti yang dinyatakan oleh Muhammad Zaid Daud *et al.* (2018). Faktor adat dan kepercayaan merupakan pengaruh kuat terhadap penggunaan eufemisme dalam kalangan masyarakat (Hasmidar Hassan *et al.*, 2021). Oleh itu, pengkaji percaya masyarakat Mendriq juga mempunyai faktor-faktor tertentu terhadap penggunaan istilah eufemisme ini dalam budaya mereka.

## **OBJEKTIF**

1. Mengenal pasti penggunaan eufemisme dalam bahasa Mendriq di Kampung Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan.
2. Menganalisis faktor-faktor yang membentuk penggunaan eufemisme dalam bahasa Mendriq di Kampung Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Suzieyana Ritos dan Muhammad Zaid Daud (2020) telah membincangkan strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau, Sarawak. Pengkaji menyatakan masyarakat tersebut menggunakan lima jenis penggantian disfemisme kepada eufemisme yang melibatkan anggota badan, hal kewanitaan, hal kebersihan, bahasa cacian dan kematian. Data kajian yang diambil daripada responden-responden telah dianalisis menggunakan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) serta Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Dalam kajian ini, pengkaji telah mengelaskan domain eufemisme dan disfemisme dengan menggunakan teori Allan & Burridge (1991). Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan disfemisme dan eufemisme ini dipengaruhi oleh beberapa konteks perbualan seperti mengejek, menegur, kekeluargaan, kesihatan, usikan dan marah. Penggunaan disfemisme ini kebiasaannya berlaku dalam konteks perbualan tidak formal dan begitu juga eufemisme sebaliknya. Analisis relevan mendapati penukaran disfemisme kepada eufemisme dalam kalangan masyarakat Bidayuh memberi kesan kognitif yang tinggi iaitu masyarakat memahami dengan jelas penggunaan eufemisme yang digunakan oleh lawan tutur. Pengkaji menyimpulkan bahawa masyarakat Bidayuh di Bau, Sarawak mempunyai kesantunan berbahasa yang tinggi dalam komunikasi harian mereka.

Penggunaan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang telah memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai penggantian disfemisme kepada eufemisme. Hal ini kerana penggunaan kedua-duanya dikelaskan mengikut konteks tertentu kemudian dilihat berdasarkan rangka rujuk silang untuk melihat kerelevanan penggunaan eufemisme yang digunakan. Kajian berkaitan penggantian disfemisme ini sememangnya wajar dilaksanakan kerana pengkaji telah menonjolkan hakikat penggunaan disfemisme ini tidak lari dalam kalangan masyarakat. Menurut Apin & Wahab (2015) konsep disfemisme ini merupakan perbuatan atau kata tabu yang digunakan oleh orang dalam konteks tertentu. Bagi menjaga kesantunan dalam kalangan masyarakat, penggunaan eufemisme ini telah diwujudkan bagi mengelakkan salah faham dan menjaga air muka pihak lawan tutur. Oleh itu, pengkaji memilih kajian ini sebagai rujukan untuk melihat jenis penggunaan eufemisme dalam masyarakat Mendriq.

Seterusnya, kajian eufemisme dalam wacana terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu: analisis pragmatik yang dilaksanakan oleh Lubna Abd Rahman dan Nasimah Abdullah (2019). Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneliti unsur eufemisme yang terdapat dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu dengan mengaplikasikan kerangka teori daripada Leech (1983) dalam menganalisis data. Masalah utama kajian ini ialah mencari kata yang

sesuai dan sepadan untuk padanan semantik serta keperluan ilmu sosiolinguistik dan pragmatik dalam penterjemahan makna. Pengkaji telah menemui tujuh perkataan dalam teks al-Quran dari Tafsir Pimpinan Ar-Rahman oleh Abdullah Basmeih (TPR) dan Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani oleh al-Hidayah House of Quran (TQKRU) untuk dianalisis. Pengkaji mendapati bahawa kedua-dua teks terjemahan tersebut tidak mematuhi Prinsip Kesopanan Leech kerana terdapat penggunaan perkataan yang terlalu berterus terang seperti mati, haid, mandul dan janda.

Perbandingan yang dilaksanakan berdasarkan dua buah kitab rujukan bagi tafsiran surah dalam al-Quran menunjukkan kewujudan unsur disfemisme yang bercanggah dengan Maksim Santun Leech. Maksim ini merupakan konsep kesantunan yang sama dengan masyarakat Melayu. Perkataan yang tidak berlapik tidak sesuai digunakan lebih-lebih lagi apabila ditujukan kepada Rasulullah seperti perkataan mati yang sewajarnya digantikan kepada wafat. Begitu juga dengan perkataan yang agak kasar digunakan kepada orang-orang kafir dan mungkar. Walaupun perkataan kasar itu menunjukkan tanda murka namun ia telah melanggar Prinsip Kesantunan Leech yang bersandarkan kepada perkataan yang lebih sopan. Penterjemahan al-Quran yang dilaksanakan untuk kefahaman orang Melayu seharusnya menggunakan leksikal yang lebih sesuai supaya tiada salah faham yang boleh mengundang kepada percanggahan pendapat terhadap penggunaan bahasa disfemisme dalam terjemahan. Perkara ini selaras dengan pandangan Nasimah Abdullah (2015) yang menyatakan tahap kebolehbacaan teks terjemahan seharusnya diambil perhatian agar terjemahan al-Quran dapat difahami dengan lebih menyeluruh serta mewujudkan unsur eufemisme yang boleh digunakan dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, pengkaji menggunakan kajian ini sebagai sumber rujukan bagi melihat pemilihan kata masyarakat Mendriq yang sesuai dengan kesantunan berbahasa.

Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff & Nur Sharina Sahar (2021) dalam kajian mereka telah menjelaskan pengetahuan bersama tentang tabu bagi memastikan penggunaan bahasa yang santun oleh penutur diketengahkan. Pengkaji telah menjalankan kaedah lapangan bagi mendapatkan data dengan menggunakan teori yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1995). Ungkapan tabu masyarakat Tawau telah dibahagikan kepada lima kategori iaitu tingkah laku, kelamin/seks, kecacatan, hantu dan makian. Penulis telah mendapati bahawa ungkapan tabu masyarakat Tawau wujud disebabkan oleh faktor adat, kepercayaan dan pegangan agama serta budaya masyarakat itu sendiri. Data yang dianalisis didapati bahawa terdapat perkataan tabu yang digunakan oleh masyarakat Tawau namun perkara ini dianggap biasa dalam bahasa Melayu standard. Contohnya perkataan *puntung* yang memberikan makna kudung dalam masyarakat Tawau tetapi perkataan tersebut merujuk kepada rokok atau kayu dalam bahasa Melayu standard. Begitu juga dengan perkataan *koci* yang dianggap lucu dalam masyarakat Tawau namun ia merupakan makanan dalam bahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji menyatakan perkataan tabu atau kata larangan ini perlu diberikan perhatian apabila melibatkan konteks komunikasi silang budaya supaya dapat mengelakkan penggunaan bahasa tidak santun apabila berkomunikasi dengan kaum dan etnik yang berbeza.

Perbezaan latar belakang masyarakat mewujudkan perkataan-perkataan yang berbeza

dari segi makna namun berkemungkinan sama dari segi sebutan. Hal ini terbukti dalam kajian mengenai tabu dalam masyarakat silang budaya yang memperlihatkan perbezaan antara masyarakat Tawau dengan bahasa Melayu standard. Dalam kajian ini, pengkaji telah menyenaraikan beberapa perkataan yang biasa digunakan dalam bahasa Melayu standard namun merupakan perkataan tabu dalam masyarakat Tawau. Perkataan-perkataan ini dipilih kerana pengkaji menyatakan hal ini berkemungkinan besar digunakan dalam kalangan masyarakat luar yang tidak mengetahui makna tersebut dalam masyarakat Tawau. Kajian seperti ini akan menyumbangkan kebaikan bagi mengelakkan percanggahan antara masyarakat silang budaya. Bahasa tabu daripada masyarakat berlainan etnik seharusnya diketahui serba sedikit agar ia tidak digunakan apabila bertemu dengan kaum yang berbeza. Oatey & Debray (2020) juga ada mengatakan bahawa penutur asal bahasa seharusnya menyebarkan maklumat berkaitan bahasa tabu masyarakat masing-masing agar perkataan tersebut tidak digunakan oleh penutur luar.

Terdapat juga kajian eufemisme dalam kalangan penutur Iban yang dikaji oleh Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2018). Kajian ini memfokuskan penentuan kekerapan penggunaan eufemisme berdasarkan umur dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan eufemisme dalam masyarakat Iban. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif serta mengaplikasikan teori Allan dan Burridge (1991) untuk menganalisis data. Pengkaji mencatatkan bilangan penggunaan unsur eufemisme mengikut kategori yang diketengahkan oleh Allan & Burridge (1991) dan mendapati bahawa penggunaan eufemisme dalam kalangan orang tua mencatatkan jumlah yang tinggi berbanding golongan muda. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti menjaga hati, penghormatan kepada adat, kepercayaan dan golongan yang sudah meninggal dunia, perkara yang melibatkan bahaya serta perkara yang sulit atau aib. Di akhir kajian, pengkaji menyatakan penggunaan ungkapan eufemisme ini dapat mewujudkan keharmonian dalam kehidupan masyarakat Iban serta penghormatan terhadap alam.


Berdasarkan kajian ini, dapat dilihat bahawa penggunaan ini eufemisme ini lebih diamalkan oleh golongan yang berusia berbanding golongan muda. Hal ini disebabkan oleh didikan orang dahulu yang mengamalkan sifat kesantunan dalam percakapan. Hal ini bertepatan dengan objektif kedua pengkaji iaitu pengaruh terhadap adat dan kepercayaan yang telah diwarisi sejak turun-temurun. Walaupun terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan penggunaan eufemisme ini diteruskan dalam golongan muda, namun secara keseluruhannya banyak diteruskan oleh golongan tua. Hal ini kerana golongan tua mempunyai pengalaman lebih lama dalam menggunakan kata eufemisme dalam kehidupan harian. Selain itu, penggunaan eufemisme ini juga dipengaruhi oleh sifat malu dan menghormati orang lain terutama sekali perkara yang menyentuh sensitiviti seseorang. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2017) bahawa wujudnya ungkapan eufemisme iaitu “Jako Silup” yang berfungsi menghaluskan pengucapan, merahsiakan sesuatu perkara aib, menunjukkan rasa hormat, penolakan terhadap bahaya serta alat pendidikan. Oleh sebab itu, eufemisme ini masih lagi digunakan oleh semua lapisan masyarakat Iban.

Bagi kajian bertajuk ‘Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia’ yang dilakukan oleh Munirah Zulkifli, Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan (2019), pengkaji telah mengenal pasti peranan bahasa dalam proses pembentukan tamadun Malaysia dan melihat hubungan kesantunan berbahasa dengan nilai sosiobudaya masyarakat di Malaysia. Kajian telah dilaksanakan di sekitar Lembah Klang dengan meninjau belia daripada bangsa Melayu, India dan Cina (272 orang). Dalam perbincangan, pengkaji memfokuskan kepada fungsi bahasa digunakan sebagai instrumen komunikasi dalam masyarakat dan melihat hubungan kesantunan berbahasa dengan sosiobudaya yang mempunyai nilai malu, nilai menghormati dan nilai budi bahasa masyarakat Malaysia. Pengkaji menyatakan bahawa bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni. Walaupun setiap negeri mempunyai dialek tersendiri namun bahasa Melayu telah menyatukan semua masyarakat tanpa perlu meninggalkan bahasa kelompok masing-masing. Oleh sebab itu, orang Melayu mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap nilai dalam menentukan sikap, pemikiran, pegangan, tindakan, perlakuan dan pendirian.

Kajian ini telah menekankan bahasa Melayu yang menjadi faktor kepada penggunaan eufemisme dalam kalangan masyarakat. Disebabkan nilai kesopanan yang ada dalam masyarakat Melayu, unsur eufemisme ini telah wujud walaupun terdiri daripada pelbagai bahasa kelompok. Hal ini dapat disokong dengan kenyataan Zaliza M.Z & Zaitul Azma Z.H (2014) bahawa individu yang tinggi budi bahasanya akan menggunakan bahasa yang halus dan sopan, sebaliknya individu yang menggunakan bahasa yang kasar dan kurang sopan dikategorikan sebagai tidak beradab atau kurang ajar. Menurut pengkaji, kesopanan ini bukan sahaja dilihat dalam penggunaan eufemisme, malah penggunaan kata sapaan juga turut menjadi tanda penghormatan terhadap orang lain. Nafisah Abdul Hamid (2017) menyatakan kata gelaran sangat dititikberatkan dalam masyarakat kerana gelaran menjadi asas kepada nilai hormat-menghormati ketika berkomunikasi dan menunjukkan perbezaan status sosial. Kesimpulannya, nilai dan adab budi pekerti ini sememangnya tidak lari dari sifat masyarakat Melayu kerana hal tersebut merupakan amalan turun-temurun. Oleh itu, kajian ini dijadikan rujukan untuk melihat ketepatan nilai tersebut dalam masyarakat Mendriq, Kelantan.

## **KERANGKA TEORETIS**

Kerangka teoritikal merupakan susunan idea yang lebih berstruktur mengikut fenomena yang sedang dikaji. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan berdasarkan pendekatan Teori Eufemisme Allan & Burrigde (1991). Berikut merupakan rajah kerangka teori yang telah distrukturkan mengikut kesesuaian kajian.



**Rajah 1: Kerangka Teoritikal yang disesuaikan dari Teori Allan & Burrige (1991)**

Berdasarkan Rajah 1, pengkaji memperlihatkan kerangka teoritikal yang diadaptasi daripada Teori Allan & Burrige (1991) yang kemudiannya disesuaikan dengan objektif kajian. Data kajian yang telah dikumpul, disenaraikan mengikut kategori eufemisme iaitu haiwan, penyakit, fizikal, seks, kematian, hal kewanitaan dan makhluk halus. Kemudian, menganalisis sebutan eufemisme dalam bahasa Mendriq. Akhir sekali, kajian ini akan menghuraikan faktor penggunaan istilah eufemisme ini dalam kalangan masyarakat Mendriq.

## METODOLOGI

Pengkaji telah melaksanakan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah menganalisis data yang telah mengumpulkan dan menghuraikan hasil daripada pemerolehan data kajian. Hal ini demikian kerana penyelidikan kualitatif sangat bersesuaian dengan kajian sosiolinguistik atau berkaitan bahasa dan masyarakat. Fakta ini telah diperkukuhkan daripada Fishman (1972) bahawa kajian sosiolinguistik adalah bersifat kualitatif yang lazimnya berfungsi untuk meningkatkan kefahaman, menghuraikan kenyataan, serta menyatakan dan menerangkan sesuatu kejadian atau fenomena. Data yang diperolehi daripada kaedah ini lebih bersifat jitu kerana mementingkan pengalaman subjektif seseorang individu yang ditemu bual.

Melalui reka bentuk kualitatif, pengkaji memilih dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Dalam kaedah kepustakaan, pengkaji melakukan rujukan sumber sekunder daripada akhbar, buku serta bahan-bahan berbentuk penerbitan lain untuk mendapatkan kertas-kertas kerja pengkaji terdahulu. Pengkaji juga telah meneliti kajian-kajian lepas yang diterbitkan secara dalam talian menerusi laman sesawang *Google Scholar*. Selain laman sesawang tersebut pengkaji juga mendapatkan bahan rujukan daripada laman sesawang bersifat pendidikan seperti *Scribd* bagi mencari bahan rujukan dan maklumat. Bagi memudahkan pengkaji menganalisis data, pengkaji membaca keseluruhan jurnal, kemudian mengenal pasti hasil untuk dibandingkan dengan kajian yang sedang dilaksanakan. Seterusnya, pengkaji meneliti penggunaan eufemisme dalam masyarakat Mendriq dengan berpandukan hasil temu bual separa berstruktur yang menyenaraikan beberapa kata bahasa tabu. Bagi mengukuhkan penganalisan data kajian, pengkaji merujuk kepada pemerhatian dan transkripsi rakaman suara ketika temu bual dijalankan. Pengkaji memilih seorang informan dengan menggunakan pendekatan NORM yang diperkenalkan oleh dibawa J.K Chambers dan Peter Trudgill (1990). Kriteria sebagai penyalur maklumat utama dalam pendekatan ini ialah *Non-mobile, Old, Rural* dan *Male*. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan ini dengan



menemu bual seorang informan yang berumur 66 tahun dan fasih bertutur dalam bahasa Mendriq.

## DAPATAN

Dalam objektif 1, pengkaji menyenaraikan istilah eufemisme dalam bahasa Mendriq kemudian cara penyebutannya dengan menggunakan simbol fonetik. Jadual di bawah menunjukkan senarai perkataan eufemisme yang disusun mengikut kategori yang bersandarkan kepada Teori Allan & Burridge (1991).

**Jadual 1: Kategori Istilah Eufemisme dalam Bahasa Mendriq**

Bil.	Kategori	Bahasa Mendriq	Simbol Fonetik	Melayu Standard
1.	Ketakutan	keip	[kə.ip]	lipan
		alay	[a.laj]	gajah
		jekop	[jəʔ.kop]	ular
		ap	[ap]	harimau
		penyakit / sarok	[pə.ŋā.ket] / [sa.roʔ]	hantu
2.	Penyakit	ngau	[ŋāu]	gila
		ning kenjeng	[niŋ.kən.jəŋ]	pekak
		mendrak	[mən.draʔ]	bisu
		ning bemek	[niŋ.bə.məʔ]	buta
3.	Tubuh Badan	cen het	[čən.het]	pendek
		bow	[bow]	gemuk
		kurus	[ku.rus]	kurus
4.	Kebencian	bek beey	[bəʔ.bəʔ.əj]	anak luar nikah
5.	Jantina	lew pantang	[li.jew.pan.taŋ]	datang bulan
6.	Kematian	berak dah	[bə.raʔ.dah]	mati

Berdasarkan Jadual 1, pengkaji telah menyenaraikan enam kategori eufemisme dalam bahasa Mendriq berdasarkan Teori Allan & Burridge (1991). Antara kategori eufemisme yang dicatatkan ialah ketakutan, penyakit, tubuh badan, kebencian, jantina, dan kematian. Keenam-

enam kategori ini terbahagi pula kepada beberapa bentuk istilah eufemisme yang melibatkan haiwan, makhluk halus, fizikal, hal kewanitaan, kecacatan fizikal dan mental dan orang yang meninggal dunia.

Bagi kategori eufemisme ketakutan, terdapat lima istilah yang dicatatkan. Istilah tersebut pula terbahagi kepada dua jenis iaitu haiwan dan makhluk halus. Bagi Istilah eufemisme haiwan ialah [kə.ip] (lipan), [a.laj] (gajah), [jəʔ.kop] (ular) dan [ap] (harimau). Bagi istilah untuk makhluk halus pula ialah [pə.nã.ket] atau [sa.roʔ] yang merujuk kepada hantu. Menurut informan, istilah bagi hantu hanyalah penyakit dan sarok. Berbeza pula dengan masyarakat Melayu yang mengkategorikan hantu kepada beberapa jenis seperti pocong, pontianak, penanggal, hantu raya dan sebagainya. Namun begitu, istilah ‘penyakit’ dalam masyarakat mendriq ini mempunyai persamaan sebutan dengan bahasa Melayu standard tetapi membawa makna yang berbeza iaitu sesuatu yang mengganggu kesihatan (Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat).

Seterusnya, eufemisme berunsurkan penyakit yang terbahagi kepada dua bentuk iaitu penyakit kurang upaya dan penyakit yang melibatkan masalah mental. Bagi penyakit yang merujuk kepada orang kurang upaya disebut sebagai [nĩŋ.kəŋjəŋ] (pekak), [mən.draʔ] (bisu) dan [nĩŋ.bə.məʔ] (bisu). Bagi penyakit yang melibatkan kesihatan mental pula disebut sebagai [ŋãu] (gila).

Eufemisme dalam kategori tubuh badan pula merujuk kepada fizikal seseorang. Bagi orang pendek disebut [çən.het], gemuk pula [bow] dan kurus turut disebut [ku.rus]. Perkataan kurus tidak membawa sebarang perubahan sebutan dan masih membawa makna yang sama dengan bahasa Melayu standard iaitu tidak berdaging. Istilah kurus juga dianggap tabu kerana akan memberi kesan kepada seseorang yang mengalami masalah kekurangan berat badan dan boleh menghilangkan keyakinan diri. Hal ini dapat dilihat dalam artikel Berita Harian Online yang ditulis oleh Faizatul Farhana Farush Khan (2019) berkenaan persendaan terhadap fizikal orang lain. Dalam artikel tersebut penulis menyatakan tentang sensitiviti orang kurus yang dianggap tidak cukup makan atau ejekan tubuh badan dari segi saiz, ketinggian atau warna kulit. Gurauan tersebut boleh memalukan seseorang dan menjadikan mereka hilang keyakinan diri apabila berhadapan dengan orang ramai. Oleh itu, masyarakat Mendriq juga menggunakan istilah eufemisme tubuh badan dalam pertuturan mereka.

Eufemisme kebencian ini merujuk kepada sensitiviti dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana perkataan anak luar nikah ini merupakan hasil perbuatan haram (persetubuhan) yang dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin. Oleh itu, anak luar nikah ini digelar sebagai bek beey [bəʔ.bəʔ.əj]. Masyarakat Mendriq tidak mengujarkan istilah anak luar nikah walaupun ketika bergurau kerana takut menyinggung perasaan orang mendengar lebih-lebih lagi dihadapan orang yang berada dalam kategori tersebut.

Selanjutnya, bagi eufemisme jantina pula melibatkan hal kewanitaan iaitu datang bulan. Datang bulan ini bermaksud keluar darah haid yang disebut sebagai lew pantang

[li.jew.pan.taj] dalam bahasa Mendriq. Oleh itu, istilah datang bulan tidak disebut secara terang-terangan kerana ia dianggap memalukan terutama di hadapan lelaki. Begitu juga dengan istilah yang digunakan dalam masyarakat melayu seperti ‘bendera merah’ yang menunjukkan mereka sedang dalam haid. Perumpamaan yang digunakan dapat mengurangkan rasa malu ketika bercakap di hadapan orang ramai dan kebiasaannya mudah difahami oleh kaum wanita.

Akhir sekali, eufemisme kematian yang merujuk kepada orang yang sudah meninggal dunia atau mati. Masyarakat Mendriq akan menggelarkan orang yang sudah mati sebagai berak dah [bə.raʔ.dah]. Penggunaan istilah tersebut memberikan makna orang yang sudah tiada atau meninggal dunia. Menurut informan, istilah orang mati dianggap kasar dan tidak sesuai digunakan memandangkan majoriti masyarakat Mendriq di Kampung Kuala Lah merupakan kaum yang beragama Islam.

Bagi objektif 2 pula, pengkaji membincangkan faktor-faktor yang membentuk kepada penggunaan eufemisme dalam masyarakat Mendriq. Faktor-faktor ini didapati daripada hasil temu bual separa berstruktur bersama informan yang dipilih.

### **Menjaga Hati dan Perasaan**

Penggunaan eufemisme dalam masyarakat Mendriq ini dipengaruhi oleh beberapa faktor dan salah satunya bertujuan untuk menjaga hati dan perasaan pihak lawan tutur atau orang yang mendengar walaupun sedang bergurau. Terdapat tiga kategori eufemisme yang diungkapkan bertujuan untuk menjaga hati iaitu kategori penyakit, kategori tubuh badan dan kategori kebencian. Menurut informan, mereka tetap akan menggunakan istilah eufemisme ketika bergurau dengan rakan lebih-lebih lagi ia melibatkan kategori penyakit seperti pekak atau gila, tubuh badan seperti gemuk atau kurus dan kebencian iaitu anak luar nikah kerana tidak mahu menimbulkan salah faham dan pergaduhan. Walaupun ia dianggap perkara biasa untuk diungkapkan namun ia merupakan istilah yang sensitif dan kasar bagi mereka yang tergolong dalam ketiga-tiga kategori tersebut. Menurut Nurlina Atan & Ernawita Atan (2023) penggunaan kata-kata kasar akan membangkitkan rasa marah dan boleh menyebabkan berlakunya hal-hal negatif antara orang yang berkata kasar dan pihak lawan tuturnya. Oleh itu, penggunaan eufemisme dalam masyarakat Mendriq dapat mengelakkan perkara-perkara yang tak diingini seperti pergaduhan, tekanan emosi, atau masalah mental yang boleh membawa kepada keinginan membunuh diri.

### **Adat dan Kepercayaan**

Selain itu, faktor penggunaan eufemisme ini juga disebabkan oleh adat dan kepercayaan orang-orang dahulu yang masih diamalkan dalam masyarakat Mendriq sehingga kini. Menurut informan yang ditemu bual, masyarakat Mendriq sangat berhati-hati apabila mengujarkan istilah berkaitan dengan haiwan. Hal ini demikian kerana penduduk Mendriq tinggal di kawasan hutan yang mana juga merupakan kawasan habitat haiwan liar dan berbisa. Sudah menjadi adat nenek moyang mereka mempercayai bahawa haiwan boleh mendengar dan akan

muncul apabila nama mereka diseru. Contohnya seperti gajah, harimau, ular dan lipan. Menurut Norhafizah Ahmad *et al.* (2022) kepercayaan ini merupakan sistem falsafah yang dipegang dalam kehidupan orang asli selepas pengamalan terhadap mitos, adat, kosmologi dan pantang larang. Oleh sebab itu, orang Asli Mendriq menggunakan istilah eufemisme bagi haiwan liar semasa bertutur kerana mereka percaya ia akan mengundang perkara yang buruk apabila tidak menggunakan perumpamaan nama panggilan haiwan tersebut.

### **Batasan Ujaran dan Percakapan**

Faktor seterusnya dilihat dari segi batasan ujaran terhadap perkara ghaib seperti makhluk halus. Oleh kerana penempatan orang Asli Mendriq berada di kawasan hutan, mereka sangat berhati-hati apabila mengujarkan perkataan hantu. Informan menyatakan bahawa perkataan hantu hanya disebut sebagai [pə.nã.ket] atau [sa.roʔ] terutama pada waktu malam dan semasa berada di dalam hutan. Hal ini demikian kerana ujaran hantu dianggap seolah-olah menyeru makhluk halus datang kepada mereka. Perkara tersebut akan mengganggu aktiviti harian mereka di dalam hutan dan ia boleh menyebabkan gangguan kepada penduduk di situ. Menurut informan lagi, istilah bagi makhluk halus hanyalah dua sahaja iaitu penyakit dan sarok. Masyarakat Mendriq mereka tidak mempunyai panggilan lain bagi makhluk halus seperti masyarakat Melayu iaitu pocong, hantu raya, penanggal dan pontianak. Menurut Muhammad Zaid Daud *et al.* (2018) menjaga adab dalam pertuturan dapat mengelakkan berlakunya perkara yang tidak baik. Oleh itu, masyarakat Mendriq menggunakan eufemisme dalam mengujarkan makhluk halus ketika berada di tempat-tempat yang mempunyai penghuninya seperti hutan.

### **Menghormati Golongan yang Sudah Tiada**

Istilah eufemisme juga digunakan sebagai tanda menghormati orang yang sudah tiada. Hal ini demikian kerana majoriti masyarakat Mendriq merupakan penganut agama Islam. Oleh itu, mereka menggunakan perkataan [bə.raʔ.dah] yang merujuk kepada orang yang sudah meninggal. Istilah tersebut digunakan bertujuan untuk menjaga hati keluarga si mati tanpa mengungkapkan kata kasar seperti mayat atau bangkai malah ia digantikan dengan istilah “berak dah” yang bermaksud orang yang sudah tiada. Ungkapan tersebut dianggap lebih lembut dan tidak bersifat tabu. Menurut Muhammad Zaid Daud *et al.* (2018) penggunaan eufemisme kematian bertujuan menunjukkan rasa prihatin dan bertimbang rasa agar tidak mengguris hati pendengar. Oleh itu, penggunaan eufemisme yang merujuk kepada orang yang sudah tiada sesuai digunakan semasa menziarahi keluarga si mati.

### **Sulit dan Aib**

Faktor eufemisme ini juga disebabkan oleh perkara sulit dan aib dalam masyarakat Mendriq yang melibatkan perasaan malu atau kebencian. Hal ini dirujuk kepada eufemisme dalam kategori hal kewanitaan dan kebencian. Kategori tersebut merupakan sifat yang akan menimbulkan rasa malu terhadap orang yang berada dalam situasi tersebut seperti anak luar nikah dan datang bulan. Istilah tersebut dianggap tabu terutama sekali apabila diujarkan di

hadapan orang ramai. Sikap orang yang menyebarkan perkara negatif sehingga dianggap kejahatan yang biasa dalam masyarakat dan menjadikan orang yang diaibkan berasa tidak selesa dengan buah mulut masyarakat sekeliling (Akh Muhammad, 2010). Oleh itu, walaupun anak luar nikah tidak bersalah, namun masyarakat akan memandang negatif kerana kesan daripada perlakuan haram kedua-dua ibu bapanya. Perkara ini secara tidak langsung akan mengguris perasaan orang yang berstatus anak luar nikah dan boleh membawa kepada kesan emosi. Begitu juga dengan hal kewanitaan yang melibatkan keluar darah haid. Walaupun perkataan tersebut merupakan perkara yang dianggap biasa namun haid itu membawa makna darah kotor dan perkataan tabu jika diungkapkan di hadapan orang yang berlainan jantina. Oleh itu, perkataan datang bulan dan anak luar nikah digantikan kepada “lew pantang” dan “bek beey”.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan senarai kata eufemisme dalam bahasa Mendriq, hal tersebut memperlihatkan keunikan bahasa yang tersendiri mengikut konteks tertentu. Segelintir kata eufemisme dalam bahasa Mendriq ini juga terdapat pengaruh daripada bahasa Melayu yang mempunyai sebutan yang sama dan terdapat juga yang membawa makna yang sama. Penggunaan eufemisme ini juga terjadi disebabkan oleh beberapa faktor yang melibatkan hati dan perasaan serta nilai menghormati antara masyarakat. Penggantian kata eufemisme ini sememangnya wajar digunakan bagi menggantikan kata tabu yang kasar. Hal ini bertujuan untuk menjaga hubungan persaudaraan dalam sesebuah masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Akh Muhammad. (2010, April 7). Ahlan wasahlan: Menjaga aib saudara kita. <http://akh-muhammad.blogspot.my/2010/04/menjaga-aib-saudara-%20kita.html>
- Allan, Keith & Kate Burridge (1991). Euphemism and Dysphemism: Language Used as Shield and Weapon.
- Faizatul Farhana Farush Khan. (2019). Henti mempersendakan fizikal orang lain. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/12/639658/henti-mempersendakan-fizikal-orang-lain>
- Hamidah Abdul Wahab et. al. (2020). Eufemisme perceraian dalam masyarakat Melayu Sarawak: analisis semantik kognitif. *Journal of Language Studies*, 20(4), 74-94.
- Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff, & Nur Sharina Sahar. (2021). Pengetahuan Bersama Tentang Tabu dalam Masyarakat Silang Budaya Sebagai Jaminan Kesantunan Berbahasa. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 42-74.
- J.K Chambers & Peter Trudgill. (1990). Dialektologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abdul Wahid & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme Dalam Bahasa Iban: Satu Kajian Kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87–105.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abdul Wahid, & Remmy Gedat. (2018). Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(1), 27-40.
- Munirah Zulkifli, Norazilah Buhari, & Nor Azlili Hassan. (2019). Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia. *Sains Insani*, 4(2), 37–48.
- Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman. (2019). Eufemisme dalam Wacana Terjemahan Makna al-Quran ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik. *Al-Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 39-56.
- Nasimah Abdullah. (2015). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan Terhadap Kesepadanan Terjemahan Kata Ganti Nama Diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*. (8)3, 20-39.
- Norhafizah Ahmad et al. (2022). Kepercayaan, Adat Budaya dan Amalan Keagamaan Orang Asli Kanaq di Kota Tinggi, Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(2), 26–32.
- Nurlina Atan, & Ernawita Atan. (2023). Kerosakan Bahasa Melayu dalam Media Sosial. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK8 2023).
- Oatey, H, S & Debray, C. (2020). *Linguistically and culturally diverse project partnerships & team*, London: Routledge.
- Suku Kaum Orang Asli Semenanjung Malaysia. (n.d.). Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/>
- Suzieyiana Ritos & Muhammad Zaid Daud. (2020). Strategi Penggantian Disfemisme kepada Eufemisme dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 64–83.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 408–415.

## KEBERKESANAN MODUL KAEDAH MEMBACA PANTAS DALAM PROGRAM PEMULIHAN MEMBACA: SATU KAJIAN KES

Nora'azian Nahar  
noraazian@iium.edu.my

Nurul Jamilah Rosly  
nuruljamilah@iium.edu.my

Nurhanis Sahiddan  
Nurhanis@iium.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

Nurlailey Mohd Aroff  
elyross24@yahoo.com.my

### Abstrak

Masalah membaca merupakan permasalahan utama sepanjang pasca pandemik COVID-19. Murid di sekolah rendah dan di sekolah menengah dikenal pasti menghadapi masalah kurang lancar membaca kerana masih belum mengenal abjad. Kajian dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor penghalang penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah rendah yang dipilih dan membincangkan keberkesanan modul yang boleh digunakan untuk meningkatkan tahap kemahiran asas membaca mereka. Seramai 33 orang murid dari sekolah terpilih terlibat dalam program ini. Instrumen yang digunakan ialah Modul Kaedah Membaca Pantas (KMP) yang dibangunkan berdasarkan keperluan murid-murid yang tercicir dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Melayu. Data diperolehi menggunakan kaedah triangulasi secara pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Hasil dapatan mendapati sepanjang bimbingan tutor sukarelawan dalam Program *Usrah in Action 1* (UIA1), seramai 24 orang murid telah lulus untuk diserapkan ke kelas arus perdana manakala 9 orang lagi yang menghadapi masalah kritikal terus dibimbing dalam program *Usrah in Action 2* (UIA2). Daripada temu bual yang telah dijalankan dengan ibu bapa dan guru yang mengajar murid di kelas pemulihan di sekolah tersebut, tutor sukarelawan UIAM telah berjaya memotivasikan dan berjaya mengendalikan program untuk membantu memulihkan kemahiran membaca mereka. Modul (KMP) yang digunakan secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah kecerdasan murid yang kinestetik, 'auditory' dan visual dalam menguasai teknik membaca berdasarkan suku kata. Implikasinya, instrumen yang digunakan boleh ditambahbaik untuk diaplikasikan kepada murid-murid pemulihan di sekolah lain. Semua pihak termasuk tutor sukarelawan dari IPT perlu bergembleng tenaga untuk melakukan khidmat kepada masyarakat terutama murid-murid yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang lalu.

**Kata Kunci:** membaca, modul Membaca, pasca pandemik COVID-19, pemulihan, tutor sukarelawan.

## **PENGENALAN**

Membaca menjadi sangat mencabar untuk kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran. Setiap murid yang berada di sekolah mempunyai latar belakang yang berbeza dan ada sebilangan yang tanpa latar belakang yang diperlukan mahir membaca. Kanak-kanak yang ditempatkan di kelas pemulihan sememangnya menghadapi masalah membaca kerana mereka tidak mendapat bantuan yang secukupnya semasa mereka masih kecil. Walau bagaimanapun, banyak cabaran membaca kanak-kanak boleh dielakkan jika faktor risiko lain ditangani lebih awal. Bagi murid berbeza keupayaan ini, pembelajaran membaca adalah sesuatu yang sukar, tetapi dengan bantuan yang tepat, majoriti daripada mereka boleh meningkatkan kemahiran membaca.

Dalam menentukan keberkesanan sesuatu program yang dijalankan instrumen yang digunakan penting bagi melihat perubahan kesan daripada tindakan yang dilakukan. Dalam kajian ini modul Kaedah Membaca Pantas (KMP) digunakan untuk program Ayuh Membaca di sekolah yang dipilih. **Program pemulihan** penting untuk dijalankan kerana perbezaan tahap penguasaan kemahiran membaca menyebabkan mereka dipinggirkan kerana mengganggu PdPc. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan supaya mereka tidak ketinggalan di dalam kelas arus perdana untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam, menghafal surah dalam solat, mengira dan menulis. Bagi memastikan hak mereka untuk terus belajar tidak terhalang, kolaborasi antara pihak sekolah, pihak universiti dan masyarakat perlu dieratkan bagi meneruskan proses transformasi ke arah kemajuan pendidikan negara. Seajar dengan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula sesi akademik 2024/2025 murid yang belum menguasai 3M akan diasingkan dari kelas semasa dan diletakkan bawah program intervensi.

## **OBJEKTIF**

Kajian ingin dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor penghalang penguasaan kemahiran membaca dan membincangkan keberkesanan modul Kaedah Membaca Pantas.

## **SOROTAN LITERATUR**

Chew Fong Peng & Leka Sendereprakasam (2019), pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran membaca di SJK Tamil negeri Selangor. Tujuan untuk menganalisis perbezaan antara kaedah dengan strategi dalam pelaksanaan kelas pemulihan dalam kemahiran literasi membaca bahasa Melayu oleh guru-guru KPBM. Seramai 60 orang guru BM di SJK Tamil telah dipilih secara pensampelan rawak dari 3 daerah Petaling Perdana, dan Klang. Dapatan menunjukkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan kelas



pemulihan dalam kemahiran literasi membaca bahasa Melayu adalah sederhana tinggi. Seramai lima orang murid telah ditemu bual untuk mengenal pasti keberkesanan teknik latihan tubi. Semua murid telah bersetuju dengan keberkesanan kaedah latihan tubi membantu meningkatkan kefahaman murid semasa membaca teks. Selain itu, guru-guru yang gemar menggunakan teknologi pendidikan yang diuar-uarkan dalam pembelajaran Abad ke-21 juga didapati dapat meningkatkan kemahiran membaca bahasa Melayu seperti hasil kajian Chew (2017) kerana murid-murid berasa seronok dalam pembelajaran.

Pengajaran dan Pembelajaran literasi membaca bahasa Melayu telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji seperti (Wan Nurzuliana Wan Ahmad (2019): Roselan (2003), Chew Fong Peng (2015), Hasnalee & Zulkifley (2011). Pada abad 21 ini guru perlu bersedia mengharungi segala perubahan dalam pendidikan. Nor Laila Kuslan, (2014) pula telah menjalankan kajian berkaitan dengan permasalahan utama murid di kelas pemulihan iaitu masalah sebutan, bacaan yang perlahan dan tidak memahami petikan yang dibaca. Anuar Ahmad (2021) mendapati akibat pandemik COVID-19 murid-murid didapati tidak mengenal huruf akibat tidak belajar secara bersemuka. Hasil dapatan kajian Nora'azian Nahar dan Jamilah Rosly (2022) mendapati kaedah yang digunakan oleh murid-murid OA sepanjang pandemik COVID-19 yang lalu dapat dijadikan panduan untuk menyelesaikan masalah membaca dalam kalangan murid di sekolah rendah. Pembacaan daripada kajian-kajian tersebut telah menyebabkan penyelidik lebih memahami kajian yang dijalankan walaupun dikaji dalam konteks yang berbeza. Namun, ada juga kajian sebelumnya yang menggunakan pendekatan yang sama dengan penyelidik sebagai tunjang utama kajian mereka, iaitu kajian Chew Fong Peng, (2015 dan 2019) namun kajiannya berfokus kepada masalah peruntukan masa yang begitu sedikit kepada guru-guru untuk program memulihkan murid yang menghadapi masalah membaca bahasa Melayu.

Dengan ini, penyelidik dapat merujuk kajian tersebut supaya mendapat gambaran lebih jelas untuk menyerahkan tanggungjawab membantu memulihkan murid-murid di kelas pemulihan kepada tutor sukarelawan daripada universiti dengan bimbingan daripada pensyarah dan guru-guru di sekolah yang dipilih. Antara tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan kepada bakal graduan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial kepada murid-murid yang bermasalah dalam asas membaca. Cara pengolahan data yang dilakukan oleh penyelidik sebelumnya memberikan ilham untuk penyelidik terapkan di dalam kajian ini. Secara jelasnya, penyelidik memilih tajuk ini untuk mengisi kelompangan yang timbul daripada kajian-kajian lepas. Penyelidik ingin menjalankan kajian secara teliti menggunakan kaedah kajian kes untuk menambah baik kajian ilmiah yang telah dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik lepas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mencari kaedah yang efektif untuk membantu murid-murid di kelas pemulihan menguasai kaedah membaca dalam bahasa Melayu.

## **KERANGKA TEORETIS -**

### **Teori Psikologi Kognitif (Konstruktivisme)**

Makalah ini menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran awal membaca yang diadaptasi daripada pengajaran bahasa Inggeris oleh pengkaji-pengkaji di Amerika Syarikat, United Kingdom dan New Zealand. Pengkaji menggabungkan pendekatan mazhab pertama yang berasaskan perspektif linguistik dan mazhab kedua berasaskan teori psikologi kognitif (konstruktivisme).

### **Mazhab pertama**

Mazhab pertama yang berasaskan perspektif linguistik, beranggapan bahawa bahasa terdiri dari bunyi dan adunan bunyi yang menjadi perkataan yang boleh difahami oleh orang lain. Dengan itu, untuk mengajar kanak-kanak membaca, kanak-kanak hendaklah diajar simbol-simbol yang mewakili bunyi asas ini (fonem), iaitu huruf abjad dan bunyi huruf-huruf ini. Kaedah ini dipanggil pendekatan fonik. Variasi kepada pendekatan ini ialah Kaedah Abjad yang popular di Malaysia.

**Pendekatan fonik** (dan pendekatan Abjad) bertitik tolak dari anggapan bahawa untuk mengajar kanak-kanak yang belum tahu membaca, (misalnya yang berumur 5, 6 tahun), kanak-kanak perlulah diajar dahulu huruf-huruf asas (abjad) yang mewakili bunyi-bunyi asas (fonem) bahasa. Secara ringkasnya, pendekatan dan proses mengajar awal membaca yang disarankan ialah murid diajar membentuk dan membunyikan suku kata dan kemudian barulah kanak-kanak diajar membina dan membaca ‘perkataan’ dan ayat. Setiap langkah ini dilakukan secara berasingan dan tempoh masa yang berasingan. Pendekatan fonik / abjad ini beranggapan bahawa selagi murid ‘tidak kenal huruf’ (a, b, c ... sampai x, y, z) mereka belum bersedia untuk diajar membaca dan mereka tidak akan boleh membaca.

Pendekatan abjad / fonik ini pada amnya dipanggil juga ‘*sound / simbol to word*’ (dari huruf / bunyi ke perkataan). Ada beberapa variasi teknik pengajaran pendekatan abjad / fonik ini. Satu kaedah abjad yang memulakan dengan ‘nama’ setiap huruf abjad, seperti yang kerap diamalkan di tadika dan sekolah rendah di Malaysia. Kedua, menekankan ‘bunyi’ setiap huruf (aa, bbh, ch, ..zzh) dan nama huruf. Kaedah ini dipanggil Kaedah Fonik. Hal ini ditekankan oleh sesetengah pendidik di Amerika Syarikat, berasaskan bahawa ‘bunyi’ huruf itu lebih penting dan relevan dalam membantu murid membaca daripada ‘nama’ huruf. Di Indonesia ini dipentingkan bahkan di sana huruf lebih dikenal dengan bunyinya. (aah, bh, cch) dan tidak pada namanya. Ketiga, ditekankan ‘*phonemic awareness*’ – tahu tentang bunyi asas (fonem) bahasa itu. Dalam bahasa Inggeris dan sistem ejaan bahasa Inggeris, sesuatu huruf boleh dibunyikan dengan bunyi (fonem) yang berlainan yang membawa makna yang berlainan dalam perkataan (contohnya bunyi huruf ‘c’ dalam perkataan ini *can, cent, choose, calm*).

Untuk memperkayakan pengajaran-pembelajaran dan memudahkan murid mengenal dan mengingati turutan huruf-huruf ini; ada yang menggunakan gambar yang bermula dengan sesuatu huruf, misalnya ‘a untuk ayam’ ‘b untuk badan’, ‘c untuk cawan’ dan ada yang mengajar ‘menyanyi’ lagu ‘a, b, c,’ dan sebagainya. **Variasi Kaedah yang digunakan ialah guru-guru** mengajarkan awal membaca bahasa Melayu menggunakan Kaedah Abjad (ITA –

*Initial Teaching the Alphabet*). Kaedah ini bermula dengan murid diajar ‘nama’ setiap huruf abjad a sampai z. Tekanan kurang diberikan kepada bunyi ‘huruf-huruf ini. Murid diajar dahulu nama huruf a, b, c, ...x, y, z seperti tersusun dalam abjad. Murid disuruh menyalin setiap huruf ini di dalam buku latihan mereka untuk belajar menulis bentuk setiap huruf – kadang-kadang murid disuruh menulis latihan satu muka surat bagi satu huruf sehari. Di sesetengah sekolah rendah ‘mengenal rendah, ‘mengenal huruf’ ini biasanya mengambil masa kira-kira satu atau dua bulan. Selepas mengenal abjad barulah murid diajar membaca dan menulis suku kata terbuka (ba bi bu be be bo, ca, ci, cu, ce, ce, co dsb). Hal ini mengambil masa sebulan lagi. Kemudian barulah murid diajar membaca dan menulis perkataan dan ayat misalnya ‘Baba baca buku Aci cuci kaki’

Berdasarkan turutan pendekatan ini, kanak-kanak Tahun 1 sekolah rendah yang belum boleh membaca, akan mengambil masa 3 atau 4 bulan sebelum mereka dapat membaca ayat-ayat mudah dalam cerita bahasa Melayu. Mereka yang tidak mengenal huruf secara turutan ‘a b c hingga x y z’ akan dianggap belum bersedia untuk membaca perkataan atau lambat membaca. Murid biasanya tercicir apabila mereka secara automatik dinaikkan ke Tahun 2 dan seterusnya ke Tahun 3 dan ke Tingkatan 1 sekolah menengah. Keadaan abjad ini sangat popular digunakan oleh guru-guru tadika dan guru Tahun 1 Sekolah Kebangsaan sejak dulu sehingga sekarang. Kaedah Fonik yang mementingkan ‘bunyi’ setiap huruf abjad sebelum membaca perkataan kurang popular di Malaysia tetapi popular di Indonesia. Dari segi teori pembacaan mengetahui ‘bunyi’ huruf itu lebih penting dari mengetahui ‘nama’nya. Sebab itu dalam pengajaran awal membaca bahasa Inggeris. Kaedah Fonik ini merupakan salah satu asas dan pendekatan penting dalam pengajaran mula membaca (Isahak Haron et al., 2004).

## **Mazhab Kedua**

Mazhab atau perspektif kedua berasaskan teori psikologi kognitif (konstruktivisme) yang beranggapan bahawa kanak-kanak belajar bahasa melalui ‘perkataan-perkataan dan ayat yang bermakna kepadanya. Mazhab ini beranggapan bahawa seluruh perkataan itu lebih bermakna daripada bunyi atau fonem dalam sesuatu perkataan itu. Dengan itu cara untuk mengajar kanak-kanak membaca harus bermula dengan kanak-kanak diajar melihat seluruh perkataan dan ayat yang bermakna. Kemudian setiap perkataan itu diajar bagaimana perkataan itu boleh dicerakinkan mengikut suku katanya dan bunyi setiap hurufnya. Contohnya, mengikut pendekatan itu, Mula-mula kanak-kanak ditunjuk perkataan tentang benda yang ada di sekeliling, mereka, misalnya meja (ditulis perkataan meja secara seluruh perkataan di tepi gambar meja. Kemudian perkataan meja itu dicerakinkan atau dipecah menjadi ‘me’ ‘ja’ (suku kata) dan seterusnya suku kata me, ja, itu dipecahkan lagi kepada huruf yang berasingan menjadi m, e, j, a. (bahagian ini dipanggil Kaedah Cerakin).

Murid diajar melihat dan mengecam perkataan secara keseluruhannya dan mengeja perkataan itu. Dalam bahasa Inggeris misalnya, kanak-kanak ditunjukkan perkataan ‘*table*’ dan kemudian murid akan diajar ‘*table*’ dan diajar bunyi huruf ‘t’ dan sebagainya. Setiap hari murid diperkenalkan dua atau tiga perkataan baharu lagi, misalnya kerusi, buku (BI ‘*chair*’, ‘*book*’),

dan proses mencerakin perkataan-perkataan itu dilakukan seperti di atas. Begitulah seterusnya, sehingga murid dapat ‘mengecam’ dan membaca beberapa puluh patah perkataan, sebelum mereka boleh membaca sendiri sebuah cerita mudah. Bagi murid biasa (normal) ini mengambil masa beberapa bulan. Pendekatan ini pada amnya dipanggil ‘pendekatan seluruh perkataan, atau pandang dan sebut atau *word to sound / simbol approach*.

Kajian menunjukkan kaedah ini berkesan untuk bahasa yang sistem ejaannya logo grafik seperti sistem ejaan bahasa Cina. Variasi kaedah ‘seluruh perkataan’ ialah variasi dari segi asas untuk memilih ‘perkataan atau perkataan-perkataan yang hendak didahulukan dalam pengajaran awal membaca. Satu ialah perkataan itu perlu diambil daripada ‘cerita’ yang dibaca kepada kanak-kanak. Kanak-kanak akan mendengar dahulu sesuatu cerita yang dibaca kuat oleh guru kepada mereka. Dari cerita ini guru akan mengambil beberapa perkataan untuk diajar membaca. Kedua ialah dari cerita yang ‘dicerita’ oleh kanak-kanak itu sendiri secara lisan, dan cerita itu ditulis oleh guru. Guru mengambil contoh perkataan-perkataan dalam cerita itu untuk mengajar kanak-kanak itu membaca ‘perkataan’nya. Ketiga, dengan mengambil kira ‘*the emergent literacy*’, tahap-tahap kesedaran dan kebolehan kanak-kanak membaca dan apa-apa yang telah tahu melalui cerita klasik kanak-kanak, puisi *the nursery rhymes* dan nyanyian kanak-kanak. Bahan-bahan ini boleh dijadikan asas untuk memulakan pengajaran membaca perkataan. Keempat ialah dari ‘gambar’ yang ditunjukkan oleh guru kepada murid, dengan meminta murid menyatakan apa-apa yang dilihat oleh mereka dalam gambar itu, dan kemudian guru menulis ‘perkataan’ pada gambar itu. Guru menggunakan ‘perkataan-perkataan itu untuk mengajar murid ‘membaca’ perkataan-perkataan itu dan ‘bunyi’ huruf dalam perkataan itu. Kaedah *Picture-Word Inductive Model* (PWIM) ini dipelopori oleh Emily Calhoun, 1999. Jadi variasi kepada kaedah ‘seluruh perkataan’ ini ialah proses ‘cerita – perkataan-cerakin perkataan kepada bunyi huruf dalam perkataan itu’. ‘Pendekatan cerakin’ ialah sebahagian dari pendekatan ‘seluruh perkataan’, iaitu langkah kedua dalam pendekatan ‘seluruh perkataan’. Pendekatan Cerakin ini telah digunakan dan dipopularkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) sebagai kaedah asas dalam Panduan Guru Bahasa Malaysia Tahap 1 KBSR (1981) untuk Sekolah Kebangsaan tahun 1980-an. Kaedah ini digunakan oleh maktab-maktab perguruan untuk melatih guru mengajar membaca Bahasa Melayu sekolah rendah.

## METODOLOGI

### Reka bentuk

Reka bentuk kualitatif digunakan dalam kajian ini menggunakan kaedah kajian kes. Dapatan disokong menggunakan kaedah triangulasi. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, kaedah analisis dokumen daripada markah yang diperolehi oleh murid dalam Peperiksaan Khas untuk murid kelas pemulihan.

### Responden


Kriteria pemilihan responden berdasarkan ujian dianogsis yang telah dijalankan oleh pihak sekolah dan pihak Jabatan Pendidikan Daerah (PPD). Seramai 33 orang murid dari tahun 1 hingga tahun 5 dipilih dalam program UIA1 dan UIA2. Penguasaan kemahiran membaca paling rendah ialah kemahiran 1 hingga kemahiran 12. Daripada 33 orang subjek kajian seramai 31 orang merupakan berstatus sosioekonomi B40 manakala hanya 2 orang murid dari keluarga M40. Kesemua murid tidak menghadapi masalah MBK. 2 orang mengalami masalah ketidakhadiran. Seramai 24 orang murid lelaki dan 15 orang murid perempuan terlibat dalam program Ayuh Gilap Membaca ini. Setelah menjalani ujian saringan yang disediakan oleh pihak PPD, bagi mendapatkan maklumat PLaN, tahap penguasaan yang diperolehi oleh murid yang mendapat tahap penguasaan 1 atau 2 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik akan dikelaskan ke dalam kelas pemulihan.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah Modul Kaedah Membaca Pantas yang dibangunkan oleh penyelidik. Modul dibangunkan bersandarkan modul membaca Montosori. Kesahan dan kebolehpercayaan modul tersebut telah dilakukan dengan memilih 3 orang guru bahasa Melayu untuk menyemak penggunaan gambar dan aras kemahiran yang digunakan. Setelah dijalankan kajian rintis, modul telah ditambahbaik berdasarkan cadangan daripada pakar-pakar bahasa berdasarkan umur membaca (Siti Khadijah, 2000).

### Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian berdasarkan carta aliran pada rajah 1.1.



Rajah 1.1: Reka bentuk Kajian

### Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian kes ini dipilih oleh penyelidik bersama-sama dengan tutor sukarelawan menggunakan borang soal selidik berstruktur dengan reka bentuk kualitatif. Soalan-soalan soal selidik diselaraskan mengikut kehendak objektif kajian dijalankan dan dititikberatkan kesahan dan kebolehpercayaannya. Selain itu, kajian dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen (berkaitan dokumen peribadi, fotografi, dan markah peperiksaan murid pemulihan. Data-data tersebut diperoleh dari sumber yang sah oleh pihak sekolah. Kaedah kajian kes digunakan untuk memberikan tumpuan yang lebih rinci terhadap subjek kajian. Beberapa teknik yang berbeza digunakan oleh tutor sukarelawan dan penyelidik untuk mengumpul data untuk mencadangkan hala tuju masa hadapan penyelidikan.

Modul Kaedah Membaca Pantas yang disediakan oleh pengajar. Selain itu, mereka juga menemu bual ibu / bapa / penjaga untuk mendapatkan maklumat. Soalan-soalan berstruktur dikemukakan berkaitan dengan demografi dan soalan-soalan untuk menjawab objektif kajian. Data diambil sebanyak 3 kali seperti yang tercatat di dalam Jadual 1.2. Dokumen-dokumen berkaitan dengan markah peperiksaan murid pemulihan dikongsikan oleh guru yang bahasa Melayu yang mengajar di kelas pemulihan di SKPP. Maklumat berkaitan dengan subjek kajian diperoleh melalui temu bual berstruktur dengan guru-guru di SKPP dan juga daripada ibu bapa responden semasa program UIA1 dan UIA2 dijalankan. Semasa proses pengumpulan data dijalankan tutor sukarelawan juga menghubungi ibu bapa dan penjaga adik-adik angkat mereka melalui panggilan telefon, atau pun aplikasi *WhatsApp*.

#### DAPATAN / PERBINCANGAN

Dapatan data secara keseluruhan menunjukkan peningkatan penguasaan kemahiran responden kajian. Faktor-faktor penguasaan kemahiran membaca murid pemulihan di SKPP adalah seperti Jadual 1.2.

Bil	Responden	Umur (Tahun)	Jantina	ecerdasan pelbagai	Penguasaan Kemahiran
1.	Subjek 1	11	L	Kinestetik	K7 – Perkataan KV+KV+KV (LULUS) Murid Tahun 6* Masuk ke kelas arus perdana
2.	Subjek 2	11	L	<i>Auditory</i>	K6 – Perkataan dua suku kata V +KV Murid Tahun 6* (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
3.	Subjek 3	10	L	Kinestetik	K26– KVK + KV + KVKK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
4.	Subjek 4	10	L	<i>Auditory</i>	K26– Perkataan KVK + KV + KVKK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

5.	<b>Subjek 5</b>	10	L	Kinestetik	K10 – Perkataan V + KVK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
6.	<b>Subjek 6</b>	10	P	<i>auditory</i>	K26- – Perkataan KVK + KV + KVKK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
7.	<b>Subjek 7</b>	10	P	Kinestetik	K26- – Perkataan KVK + KV + KVKK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
8.	<b>Subjek 8</b>	10	P	Kinestetik	K26- KVK + KV + KVKK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
9.	<b>Subjek 9</b>	10	P	<i>Auditory</i>	K7 – K16
10.	<b>Subjek 10</b>	9	P	<i>Auditory</i>	K3 - K18
11.	<b>Subjek 11</b>	9	L	<i>auditory</i>	K26 – KVK + KV + KVKK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
12.	<b>Subjek 12</b> Kembar	9	P	Kinestetik	K18 - perkataan KV + KVKK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
13.	<b>Subjek 13</b> kembar	9	P	Kinestetik	K18 – perkataan KV + KVKK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
14.	<b>Subjek 14</b>	9	L	Visual	K9 – Suku kata KVK (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
15.	<b>Subjek 15</b> (Kehadiran)	8	L	kinestetik	K5 -K16
16.	<b>Subjek 16</b>	8	L	<i>auditory</i>	K5 – Perkataan KV+KV – K5
17.	<b>Subjek 17</b>	8	L	Kinestetik	K5 – K18
18.	<b>Subjek 18</b>	8	L	<i>auditory</i>	K1 – Huruf-huruf kecil a-z Dicalonkan ke Outreach (Pendidikan Khas
19.	<b>Subjek 19</b>	8	L	Visual	K5 – perkataan KV + KV (LULUS) Masuk ke kelas arus perdana
20.	<b>Subjek 20</b>	8	L	<i>auditory</i>	K1 – K5
21.	<b>Subjek 21</b>	8	L	visual	K3 – K7
22.	<b>Subjek 22</b>	8	L	<i>auditory</i>	K5 – K18
23.	<b>Subjek 23</b>	8	P	Visual	K5 – K6
24.	<b>Subjek 24</b>	8	P	<i>auditory</i>	K5 – K18

25.	<b>Subjek 25</b>	8	L	Visual	K5 - K7
26.	<b>Subjek 26</b>	7	L	<i>auditory</i>	K4
27.	<b>Subjek 27</b>	7	L	kinestetik	K4
28.	<b>Subjek 28</b>	7	P	visual	K5
29.	<b>Subjek 29</b>	7	P	kinestetik	K2
30.	<b>Subjek 30</b>	7	P	kinestetik	K2
31.	<b>Subjek 31</b>	7	P	kenestetik	K2
32.	<b>Subjek 32</b>	7	P	visual	K2
33.	<b>Subjek 33</b>	7	L	kinestetik	K5

Jadual 1.2 Pencapaian kemahiran membaca murid pemulihan dalam tempoh satu penggal persekolahan

Jadual 1.2 menunjukkan pencapaian murid di sekolah kajian yang telah menunjukkan pencapaian dalam kemahiran membaca bahasa Melayu berdasarkan Ujian Saringan Kelas Pemulihan yang telah dijalankan oleh guru-guru bahasa Melayu di sekolah tersebut. Daripada 33 orang murid di kelas pemulihan yang dikenal pasti tidak menguasai kemahiran membaca sebelum program khidmat masyarakat antara pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan sekolah yang mengalami masalah keciciran murid kerana tidak dapat membaca bahasa Melayu dijalankan kini hanya tinggal 9 orang yang masih belum ada peningkatan kemahiran. Sebanyak 8 orang responden merupakan murid Tahun 1 manakala 1 orang murid Tahun 2 dan sudah dikenal pasti masalahnya. Murid ini dicalonkan untuk ke Kelas Pendidikan Khas. Sebanyak 4 orang responden masih belum menguasai K2 iaitu tidak mengenal huruf besar manakala 2 orang masih pada K4 dan K5 iaitu tidak boleh membaca perkataan KV+KV.

Sebanyak 20 daripada 33 orang telah lulus untuk masuk ke kelas arus perdana berdasarkan pencapaian BM bulan Januari 2024 yang lalu murid-murid tersebut telah menguasai kemahiran seperti yang tercatat dalam Jadual 1.1. Berdasarkan kecerdasan yang pelbagai bagi setiap murid dan umur yang berbeza tutor sukarelawan UIAM dengan bimbingan daripada pensyarah dan guru-guru BM di sekolah tersebut mereka berjaya memulihkan kemahiran membaca murid-murid di sekolah kajian. Menurut Cikgu Lailey guru penyelarass kelas pemulihan, murid yang mempunyai kecerdasan kinestetik memerlukan aktiviti membaca dijalankan dalam bentuk permainan supaya mereka boleh bergerak atau melakukan sesuatu aktiviti semasa di kelas pemulihan. Aktiviti yang disediakan oleh setiap kumpulan tutor sukarelawan UIAM juga adalah berbeza menyebabkan murid-murid pemulihan terangsang untuk belajar. Tambahan pula, mereka ada menyediakan ganjaran sewaktu aktiviti dijalankan seperti yang dicadangkan oleh Jean Piaget ( ). Bimbingan yang dilakukan oleh mereka dalam bentuk berkumpul. Setiap tutor akan membantu adik-adik mereka untuk melepasi kemahiran hingga LULUS untuk masuk ke kelas arus perdana. Markah yang diperoleh sekurang-kurangnya 45 – 50 markah.

Sebanyak 12 orang murid yang mempunyai kecerdasan ‘auditory’. Aktiviti di kelas



pemulihan dibahagikan kepada 2 sesi. Aktiviti untuk setiap kali perjumpaan akan diserahkan kepada tutor sukarelawan UIA untuk menyediakannya. Pertama murid perlu diperdengarkan dengan muzik dan arahan yang jelas untuk menarik minat mereka membaca. Arahan-arahan itu akan sentiasa diperdengarkan kepada murid-murid pemulihan sama ada semasa aktiviti permainan atau pada sesi kedua aktiviti membaca. Gabungan aktiviti pergerakan dalam permainan bahasa dengan murid-murid yang berkecerdasan *auditory* dapat memberikan motivasi kepada murid-murid.

Aktiviti ditambah dengan penggunaan modul Kaedah Membaca Pantas untuk memenuhi keperluan murid yang berkecerdasan visual. Mereka memerlukan bahan-bahan yang boleh dipegang, yang boleh mereka nampak, contohnya kad-kad yang berwarna atau bahan-bahan mautod yang menarik perhatian mereka. Kebiasaannya sewaktu program membaca yang dikendalikan oleh tutor sukarelawan diadakan pada hari Khamis bermula pukul 10.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari. Tutor sukarelawan akan menyediakan permainan yang menyeronokkan bersesuaian dengan kehendak generasi Alfa. Modul yang disediakan juga menepati kehendak murid-murid di kelas pemulihan generasi kini yang memerlukan rangsangan menggunakan digital. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam perjumpaan mingguan di sekolah atau bimbingan personal (*home tuition*) akan menggabungkan ketiga-tiga kecerdasan pelajar iaitu kecerdasan kinestetik, yang kebanyakannya kepada murid lelaki, kecerdasan *auditory* dan menggunakan modul untuk memenuhi kecerdasan visual murid-murid. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Nor Nabilah et, al, (2024).

Secara keseluruhannya, faktor-faktor yang menguasai kemahiran membaca seperti mengeja, membunyikan, menyebut suku kata KVKV telah dapat dikenal pasti dalam program Usrah in Action 1 dan 2. Latih tubi membaca secara individu dan berkumpulan telah dilaksanakan oleh tutor sukarelawan dengan jayanya sehingga 24 orang daripada 33 orang murid telah berjaya menguasai kemahiran tertinggi dan lulus untuk ke kelas arus perdana. Selain program dijalankan secara berkumpulan, tutor sukarelawan juga telah mengadakan kelas bimbingan secara individu melalui *home tuition* untuk menambah baik amalan sendiri dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran murid di kelas pemulihan. Latih tubi bacaan dilakukan menggunakan kad suku kata, gambar, bahan bantu mengajar (BBM) dan modul Kaedah Membaca Pantas (KMP). Pendekatan yang digunakan adalah berasaskan aktiviti bimbingan secara individu dan berkumpulan dengan tutor sukarelawan di UIAM 1 di SKPP.

Modul Kaedah Membaca Pantas (KMP) didapati berkesan kepada murid pemulihan di SKPP. Antara keberkesanannya adalah dari segi pemilihan gambar yang berwarna-warni sebagai bahan sokongan. Contohnya, gambar oren. Gambar yang dipilih tidak mengelirukan murid. Gambar yang dipilih benar-benar gambar oren. Langkah untuk membantu murid mengenal pasti unsur-unsur penting dalam teks dan menyebabkan murid lebih bersedia untuk memahaminya. Grafik yang menarik, untuk membangunkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Ilustrasi gambar yang berwarna dan gambar yang dipilih yang boleh dilihat secara visual, bukan perkataan semata-mata (Abstrak). Murid dapat mengenali benda-benda yang dimaksudkan berdasarkan penglihatan, dapat dilihat dalam penulisan kata serapan yang

menggunakan teknologi untuk meningkatkan motivasi dan minat murid. Gambar-gambar berbentuk kartun juga dipilih mewakili abjad di dalam modul (KMP) sesuai dengan kehendak generasi Alfa.

Selain itu, pemilihan huruf *Century Gothic*, dalam modul KMP dapat mengekalkan motivasi murid untuk membaca dan menyenaraikan langkah demi langkah untuk murid kuasai. Saiz fon tulisan 14 hingga 16 amat sesuai untuk murid-murid di sekolah rendah. Suku kata dibezakan mengikut warna. Terdapat banyak perkataan suku kata terbuka dan suku kata tertutup contohnya, '**b**aju', '**b**atu' untuk murid pemulihan melakukan latihan tubi menyebut perkataan berdasarkan 32 kemahiran yang terdapat dalam bahasa Melayu tahap 1 di sekolah rendah. Langkah-langkah yang disediakan disusun mengikut kemahiran belajar perkataan, frasa baru ayat, dari yang mudah hingga kemahiran yang sukar. Bermula dari kemahiran 1 iaitu huruf-huruf kecil a-z, kemahiran 4 iaitu suku kata KV, K5 Perkataan KV+KV, Kemahiran suku kata terbuka KV KVKV, KVKVKV, **batu**, **kereta**. Kemahiran suku kata terbuka hujungnya huruf vokal, suku kata tertutup – KVK dan boleh hujungnya konsonan, kek, jem, sos, KVKVK, kotak, ikan, perkataan yang melibatkan diftong dan vokal berganding, perkataan yang melibatkan diagraf dan huruf konsonan bergabung, K31 Membaca Ayat mudah dan K32 Bacaan dan Pemahaman.

Terdapat bentuk cerita pendek dalam struktur teks KMP. Cerita pendek juga ditulis dengan dibezakan mengikut warna dan disertakan ilustrasi berkaitan dengan cerita pendek yang dipersembahkan. Pendekatan ini selari dengan pendekatan mazhab pertama dan mazhab kedua yang menyebabkan murid-murid pemulihan berasa seronok untuk membaca bahasa Melayu.

## **KESIMPULAN**

Rumusan keseluruhan daripada dapatan kajian menunjukkan murid-murid yang bermasalah dalam kemahiran membaca dapat dipulihkan jika menggunakan instrumen yang sesuai dengan kehendak generasi mereka. Keberkesanan modul pantas membaca kerana memenuhi ciri-ciri kehendak ciri-ciri generasi Alfa yang suka maklumat berwarna, tidak banyak perkataan, pembelajaran yang praktikal. Hasil bimbingan daripada sukarelawan UIAM yang banyak meneroka pembaharuan menggunakan kreativiti yang bersesuaian dengan kehendak generasi digital ini. Hasil daripada inovasi instrumen memberikan galakan yang tinggi kepada murid pemulihan di sekolah dipilih untuk menaakul maklumat secara terus terang dan pemahaman yang lebih menjangkau. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan kajian ini kerana penyelidik hanya menggunakan kaedah kajian kes yang terdapat kekurangan dari segi kutipan data. Data tidak menunjukkan perhubungan sebab-akibat, dan kebolehgeneralisasian yang terhad. Kaedah ini juga mengambil masa yang lama dan menjadi berat sebelah semasa memerhatikan dan merakam data.

Kajian program pemulihan membaca kepada murid-murid di sekolah rendah dilihat secara tidak langsung memberikan kesan kepada bidang pendidikan yang menjadi asas penyediaan tenaga kerja pada masa hadapan. Kajian ini signifikan dengan perkembangan

Revolusi Industri 4.0 yang dapat memberikan cabaran baharu seiring dengan transformasi digital dalam mengekalkan daya saing dan kemajuan bagi dunia moden. Pendekatan pengajaran tidak lagi berteraskan *chalk and talk* semata-mata tetapi kaedah yang selaras dengan kehendak generasi terkini. Peranan sukarelawan juga penting untuk melakukan transformasi kepada generasi yang dapat memberikan impak positif terhadap diri sendiri serta individu lain. Sukarelawan muda juga boleh menyemarakkan semangat untuk belajar, memperkasakan orang lain, dan membentuk masa depan yang positif kerana kemahiran literasi menjadi pemangkin kepada kemajuan peribadi dan masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Chew Fong Peng. (2015). Pelaksanaan program literasi dan mumerasi (LINUS) di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, ISSN: 2180-4842.Vol.9, Bil 1 (Mei 2019):1-11
- Green, D., Polk, X. L., Arnold, J., Chester, C., & Matthews, J. (2022). The Rise Of TikTok: A Case Study Of The New Social Media Giant. *Case Study Management and Economics Research Journal*, 1(1), 1–6. <https://doi.org/10.18639/MERJ.2022.9900063>
- Hasnalee Tubah & Zulkifley Hamid. (2011). Pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid-murid LINUS. *Jurnal Melayu*, 6:29-47.
- Mohamad Afzanizzam Zahran & Mohd Azmir Mohd Nizah. (2022). Pengaruh Tiktok Terhadap Toleransi Politik dalam Kalangan Orang Muda di Malaysia. Pusat Pengajian Generik Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai Pusat Pengajian Generik Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai
- Nora'azian Nahar & Nurul Jamilah Rosly. (2022). Kaedah Pembelajaran Membaca Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Orang Asli (OA) Jakun, di SK Kampong Bahru, Lenga, Johor Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 23 (2022): 123-135 <https://doi.org/10.17576/malim-2022-2301-10>
- Nora'azian Nahar (2023). Sukarelawan UIAM Tampil Bantu Murid Pemulihan. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2023/12/19/11365>
- Nur Nabilah Abdullah, Faridah Nazir, Nora'azian Nahar, Nurul Jamilah Rosly, Al Amirul Eimer Rafidah Sahar, Alia Farhana Anuar & Zuliana Zubir (2024). *Modul Tutor Sukarelawan Belia. Bahasa dan Literasi*. KSTCL Press. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad (2019). *Amalan Guru dalam Melaksanakan kemahiran literasi bahasa Melayu bagi program Linus si Sekolah Rendah*. ISSN:2180-4842. Vol.9, Bil 1 (Mei 2019): 1-11 *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*

- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu*. Strategi Perancangan dan Pelaksanaan. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad. (2011). *Kaedah dan Strategi Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Polloway, E.A. Patton, J.R, & Serna. L (2001). *Strategies for Teaching Learner with special need*. 7th Ed. Columbus, OH: Merrill.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2017). *Inovasi mengoptimumkan Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salehudin, M. (2020). Literasi Digital Melalui Media Sosial Youtube Anak Usia Dini. *Jurnal Ilmiah Potensia*, 5(2), 106-115. doi:<https://doi.org/10.33369/jip.5.2.106-115>
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian Pelajar dan perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## LEKSIKAL “AIR” DALAM SIMPULAN BAHASA: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

Iman Zulhakim Bin Mohmad  
Nurul Jamilah Rosly

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

### Abstrak

Kajian ini akan menganalisis penggunaan leksikal kata nama air dalam simpulan bahasa. Hal ini bertujuan untuk mengetahui akal budi di sebalik penggunaan leksikal kata air untuk sesebuah simpulan bahasa untuk menyampaikan maksud tersirat di sebaliknya. Data simpulan bahasa diperoleh melalui Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua yang dikarang oleh Abdullah Hussain (2016) dan dipilih hanya simpulan bahasa yang mempunyai leksikal kata air untuk dianalisis. Sebanyak 66 simpulan bahasa yang menepati namun pengkaji hanya memilih sepuluh sahaja untuk dianalisis. Pengkaedahan kajian ini menggunakan kaedah menganalisis data, tafsiran melalui semantik inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RSS). Rangka Rujuk Silang merupakan kaedah yang dipelopori oleh Kempson (1984) yang diperkenalkan di dalam teori Relevan (1986). Hasil dapatan kajian menunjukkan simpulan bahasa ini dapat dibahagikan kepada domain tingkah laku dan pancaindera. Kajian ini juga telah diperincikan lagi menggunakan tatatingkat semantik inkuisitif, iaitu tahap semantik skrip, tahap semantik resonans dan tahap semantik inkuisitif. Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat pada zaman dahulu peka akan keadaan sekeliling dan menggunakan apa yang ada untuk ditanam sesebuah falsafah di sebaliknya. Secara kesimpulannya, penggunaan semantik inkuisitif dilihat berjaya menelusuri akal budi di sebalik simpulan bahasa dengan tepat dan mudah untuk difahami.

**Kata Kunci:** Simpulan bahasa, Semantik Inkuisitif, Rangka Rujuk Silang, Akal Budi, Domain.

### PENGENALAN

Semantik merupakan sub bidang dalam kajian linguistik Melayu yang mengkaji tentang aspek makna. Semantik merupakan cabang tatabahasa yang memfokuskan kepada kajian struktur seperti kajian fonologi dan fonetik (bunyi sebutan), morfologi (perkataan), dan sintaksis (ayat) (Abdullah 1989:224). Melalui kajian semantik ini dapat menonjolkan keistimewaan dan keunikan bahasa Melayu yang sudah dipasak kukuh dengan mengaitkan alam sekeliling di dalam penciptaan dan penggunaan bahasa itu sendiri. Bahasa telah menjadi alat pembentukan tamadun bangsa kerana melalui bahasalah sesuatu bangsa itu mampu memperkenalkan dirinya dan membentuk pandangan hidup atau sistem nilai bangsanya melalui proses pemikiran, rasa hati, imaginasi dan renungan diri (Hassan Ahmad 2004). Masyarakat Melayu sering kali

menggunakan bahasa yang puitis dan berlapik semasa berinteraksi sehingga tercetus atau terbina pelbagai peribahasa (Zaid Mohd Zin dan Wan Suhaila, 2017). Masyarakat Melayu dengan kerapian dan kesan seni dalam berkomunikasi, sering memilih untuk menggunakan bahasa yang puitis dan berlapik ketika berinteraksi sesama mereka. Menurut Asmah Haji Omar (2000), menjaga air muka membawa pengertian yang mendalam dan saling berkait rapat dengan budaya masyarakat, khususnya masyarakat Melayu. Dengan cara berkomunikasi yang demikian, telah mendorong atau mengilhamkan penciptaan pelbagai peribahasa yang memperkaya warisan budaya dan bahasa Melayu, menghasilkan ungkapan-ungkapan yang mendalam dan bermakna dalam kehidupan sehari-hari. Masyarakat Melayu sejak zaman dahulu kala telah menonjolkan kecerdasan intelektual mereka dengan mengaitkan dunia semula jadi sekeliling mereka dengan prinsip-prinsip dan falsafah yang terkandung dalam simpulan bahasa. Setiap perkataan atau ungkapan dalam bahasa Melayu mempunyai akal budi yang mendalam, yang merupakan hasil daripada pengetahuan serta pemahaman mendalam mengenai kehidupan, alam sekitar, dan hubungan sosial. Dalam konteks kajian ini, ia menyoroti bahawa setiap unsur dalam bahasa Melayu adalah buah fikiran dan kreativiti masyarakatnya yang berjuta-juta nilai. Penciptaan simpulan bahasa ini bukanlah kebetulan atau perkara yang bersifat rawak, tetapi sebaliknya, ia merupakan simbol kebijaksanaan, warisan intelektual, dan kearifan kolektif yang memerlukan analisis yang mendalam dan terperinci untuk memahami sepenuhnya (Anida Sarudin, 2012). Oleh itu, perbincangan kajian ini dapat mengupas kepada kekayaan budaya dan pemikiran masyarakat Melayu yang ada di sebalik setiap perkataan dan ungkapan dalam bahasa mereka. Tidak kira bentuk puisi-puisi, seloka, gurindam, dan puisi yang penuh dengan makna "tersurat" yang melangkaui pemikiran manusia biasa yang tidak linear, tetapi literal dan bercambah memerlukan pemikiran yang matang serta kehalusan, penuh penghayatan perasaan dalam hati dan budi pekerti (Hassan Ahmad, 2003). Skop perbincangan kajian ini juga difokuskan kepada bahagian semantik inkuisitif yang merupakan pendekatan kajian makna simpulan bahasa, peribahasa dan pantun yang melibatkan data, teori, kognitif, falsafah serta akal budi yang digunakan untuk memahami makna simpulan yang dikaji dengan lebih mendalam dan mencapai aspek akal budi yang harus disampaikan.

Salah satu keunikan bahasa Melayu ialah mempunyai pelbagai cabang ilmu di dalamnya contohnya simpulan bahasa yang dapat dikelaskan di bawah peribahasa. Terdapat beberapa nama mengenai simpulan bahasa, antaranya sebagai bunga bahasa, mutiara bahasa, mestika bahasa dan sebagainya (Anida Sarudin, 2012). Za'ba (1965) mendefinisikan simpulan bahasa sebagai ungkapan dan ertinya ialah rangkaian-rangkaian perkataan yang telah tetap tersimpul atau terbeku dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya. Abdullah Hussain (1989) pula mentakrifkan simpulan bahasa sebagai perkataan atau kelompok kata yang tertentu untuk menunjukkan sesuatu maksud lain daripada ertinya lazim. Contohnya simpulan bahasa mati ayam yang membawa maksud mati yang sia-sia. Simpulan bahasa ini telah menggambarkan sebuah hakikat yang menarik iaitu tentang kemampuan luar biasa masyarakat Melayu dalam mencipta simpulan bahasa yang tidak hanya unik, tetapi juga mengandungi makna yang mendalam. Budaya Melayu telah menghasilkan warisan estetika yang unik, berbunga-bunga, dan berlapis-lapis dalam bahasa, bertujuan untuk memelihara maruah dan kehalusan komunikasi dalam setiap percakapan. Hal ini selari dengan

kenyataan yang dibuat oleh Nur Izzati dan Nor Azilawati (2018) iaitu masyarakat Melayu menggunakan peribahasa untuk mendidik, memberi teguran, menyatakan hasrat hati dan melahirkan perasaan tentang sesuatu dan melalui rangkap kata yang disusun indah, mereka memuji, menyindir atau menegur dengan cara yang paling halus tanpa menjatuhkan air muka individu lain tetapi memberikan kesan yang amat dalam. Abdullah Hassan (1980) menyatakan bahawa simpulan bahasa merupakan bentuk peribahasa yang paling ringkas dan padat.

Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan leksikal kata nama air untuk merungkai data simpulan bahasa dalam terbitan Kamus Simpulan Bahasa edisi kedua (2016) oleh Abdullah Hussein. Bagi meneliti akal dan falsafah yang terdapat dalam simpulan bahasa yang mempunyai leksikal air, pengkaji menggunakan teori semantik inkuisitif oleh yang pernah dibincangkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014).

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

- 1) Mengenal pasti simpulan bahasa yang mempunyai leksikal kata nama air di dalam Kamus Simpulan Bahasa (2016).
- 2) Menganalisis akal budi dan falsafah leksikal kata nama air dalam simpulan bahasa berdasarkan teori semantik inkuisitif.

## **KERANGKA TEORETIS**


Pendekatan semantik inkuisitif, yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2014, mewakili sebuah evolusi penting dalam analisis semantik. Pendekatan ini menambah dimensi signifikan kepada pemahaman bahasa dan makna, memperkenalkan dua dimensi utama: semantik skrip dan semantik resonans. Semantik skrip adalah komponen yang berfokus pada pemerhatian aspek bahasa yang lebih jelas dan tersirat, dengan penekanan kepada makna harfiah dalam teks. Di sisi lain, semantik resonans memerlukan analisis yang lebih mendalam, mencuba untuk menggali makna pada peringkat kognitif dan tersembunyi dalam teks.

Pendekatan semantik inkuisitif menjauhkan analisis semantik dari kerangka tradisional yang hanya memandang bahasa sebagai perkara harfiah. Ia mendorong pemikiran yang lebih mendalam dan rumit dalam pengkajian bahasa, mengingatkan kita bahawa bahasa adalah lebih daripada sekadar perkataan, tetapi juga merupakan cerminan pemikiran kompleks.

Dalam praktik pendekatan semantik inkuisitif, seringkali timbul pertanyaan "kenapa" dan "mengapa," yang mendalami aspek-aspek makna yang tersirat dan mendalam dalam bahasa. Hal ini membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai bagaimana bahasa digunakan untuk menyampaikan makna yang lebih kompleks daripada yang kelihatan pada permukaan. Ia merungkai persoalan sebenarnya tentang bagaimana bahasa mempengaruhi

pemikiran dan komunikasi manusia, serta mengupas aspek-aspek abstrak yang membentuk makna dan maksud yang lebih dalam penggunaan bahasa. Pendekatan semantik inkuisitif dengan jelas membuka pintu kepada analisis yang lebih mendalam dan kontemplatif mengenai kompleksiti bahasa dan pemikiran manusia.

Untuk memvisualisasikan pendekatan ini, Rajah 3.2 memaparkan carta aliran yang diusulkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Carta aliran ini adalah panduan visual yang menggambarkan bagaimana pendekatan semantik inkuisitif bergerak dari pemerhatian asas bahasa hingga menggali makna yang lebih dalam dan kognitif, membantu pengkaji untuk memahami serta menganalisis simpulan bahasa dengan lebih terperinci dan teliti



**Rajah 3.2: Aliran Proses Penganalisan Data menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif**

Berdasarkan Rajah 3.2 yang disajikan dalam analisis kajian, yang mengambil pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), jelas menunjukkan suatu proses berperingkat yang sistematis dalam penganalisan data simpulan bahasa yang dikaji. Pendekatan ini memandu pengkaji melalui langkah-langkah yang teliti dan terstruktur untuk menggali makna serta akal budi yang tersirat dalam simpulan bahasa tersebut.

Pada peringkat pertama, yang dikenali sebagai semantik skrip, data diuraikan kepada makna harfiahnya. Ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman makna simpulan bahasa oleh



pembaca. Kemudian, dalam peringkat kedua, iaitu semantik resonans, proses kognitif digunakan untuk menjelaskan frasa atau makna setiap leksikal simpulan bahasa. Makna yang diungkapkan perlu mempunyai kaitan yang jelas dengan konteks sekeliling, dan dalam beberapa situasi, perkataan yang digunakan dalam simpulan bahasa mungkin melambangkan sesuatu konsep atau idea. Sebagai contoh, dalam kajian tersebut, simpulan bahasa "air kedayun" menggambarkan air dari langit-langit mulut yang keluar ketika seseorang bercakap. Dalam peringkat ini, pengkaji menggunakan kaedah Rangka Rujuk Silang (RRS) untuk membentangkan makna jika simpulan bahasa ini digunakan dalam ayat.

Akhir sekali, pengkaji menekankan pentingnya penyingkapan akal budi dan falsafah yang tersirat dalam simpulan bahasa yang mendasarinya. Langkah akhir dalam analisis, pengkaji membuka dan mencungkil makna serta akal budi yang tersirat dalam simpulan bahasa yang dikaji, menjelaskan hubungan antara penggunaan leksikal tertentu dengan konsep yang tersirat. Sebagai contoh, dalam analisis semantik inkuisitif mengenai penggunaan leksikal "air" dalam simpulan bahasa, pengkaji mencari penjelasan mengapa "air" dipilih sebagai kosa kata yang sesuai dengan "air muka" yang mengandungi konotasi maruah. Ini menggambarkan bagaimana penggunaan leksikal "muka" sebenarnya merupakan lambang maruah yang terletak pada tubuh badan seseorang. Jika muka dimain mainkan atau diejek oleh seseorang maka maruah seseorang individu itu bakal tercalar. Keseluruhannya, analisis semantik inkuisitif adalah satu pendekatan yang kompleks dan menyeluruh dalam mengungkapkan makna dan akal budi dalam simpulan bahasa, dan menggariskan kepentingan pemahaman metafora dalam menafsirkan serta menilai akal budi Melayu.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini dirancang menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif deskriptif yang membolehkan analisis data yang terperinci berdasarkan tinjauan literatur dalam bentuk teks. Pendekatan ini memberikan penekanan kepada pemahaman mendalam terhadap makna simpulan bahasa, yang akan disusun secara terperinci dalam bahagian hasil kajian melalui penggunaan semantik inkuisitif.

Dalam konteks metodologi kualitatif, Taylor dan Bogdan (1984) menyebutkan bahawa bentuk analisis data kualitatif deskriptif melibatkan analisis dokumen, pemerhatian, dan temu bual. Dalam kerangka ini, data yang dikaji dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Oleh itu, pengkaji akan melakukan analisis dengan mengumpulkan data dalam bentuk penulisan simpulan bahasa yang terpilih, yang diperoleh melalui koleksi buku-buku simpulan bahasa serta Kamus Simpulan Bahasa yang dikumpulkan sebagai sumber rujukan. Analisis kualitatif dalam kajian ini akan memerlukan pengkaji untuk memahami makna simpulan bahasa secara mendalam melalui merujuk kepada kamus simpulan bahasa yang disusun oleh Abdullah Hussein pada tahun 2016. Kemudian, pengkaji akan menjelaskan makna-makna ini mengikut tatacara yang relevan dalam pendekatan semantik inkuisitif.

Pendekatan penyelidikan kualitatif adalah sesuai dalam konteks ini kerana ia memberi

tumpuan kepada pemahaman mendalam dan tafsiran makna, yang merupakan aspek utama dalam analisis simpulan bahasa dalam kajian ini. Dengan menggabungkan penelitian literatur dengan aplikasi semantik inkuisitif, kajian ini bertujuan untuk merungkai kompleksiti makna bahasa dalam konteks simpulan bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, reka bentuk kajian yang sesuai bagi kajian ini adalah bersifat kualitatif. Selain itu, kajian yang menggunakan kaedah kualitatif sesuai untuk bidang kajian sosiolinguistik, pragmatik, semantik dan kajian teks (Muhammad Syafiq, 2023).

### **3.1 KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Secara umumnya, dalam menjalankan kajian, pengkaji akan memilih kaedah pengumpulan data yang sesuai dengan objektif kajian untuk memastikan dapatan kajian selari dengan objektif. Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan kaedah-kaedah pengumpulan data yang telah digunakan sepanjang kajian, seperti kaedah kepustakaan, kaedah Internet, kaedah analisis teks, dan kaedah analisis data.

#### **3.1.1 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan adalah pendekatan asas yang biasanya menjadi tulang belakang dalam sesuatu kajian. Kaedah ini juga sangat penting kerana membolehkan pengkaji mencipta kajian yang unik dan berbeza dari kajian-kajian sebelumnya. Dalam proses ini, pengkaji menggunakan sumber rujukan seperti buku, artikel, jurnal, dan kajian terdahulu yang menjadi sumber utama dalam kajian ini bagi memastikan kajian yang dilakukan tidak terpesong dan mencapai matlamat yang diinginkan pengkaji.

#### **3.1.2 KAEDAH ANALISIS DATA**

Dalam kaedah analisis data, pengkaji telah memilih pendekatan yang melibatkan penggunaan Internet dan sumber kepustakaan sebagai sumber utama untuk mendapatkan bahan kajian yang relevan.

### **DAPATAN/PERBINCANGAN**

Pengkaji mengenal pasti simpulan bahasa yang berkaitan dengan leksikal kata nama air dalam Kamus Simpulan Bahasa oleh Abdullah Hussain (2016) dan pengkaji memperoleh 93 simpulan bahasa yang berkaitan dengan leksikal kata nama air. Namun pengkaji hanya memilih 10 sahaja yang dirasakan mempunyai falsafah dan akal budi untuk dianalisis. Berikut merupakan jadual simpulan bahasa berunsurkan air yang telah dikenal pasti dan maksudnya.

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Jadual 4.1: Simpulan Bahasa yang menggunakan leksikal kata nama air

NO	SIMPULAN BAHASA	MAKNA
1.	Air alas	Air masin
2.	Air ampuh	Air bah
3.	Air anggur	Air yang diperbuat daripada anggur
4.	Air apus	Air yang sangat dalam
5.	Air arwah	Air di dalam botol untuk disiramkan di atas kubur
6.	Air atas	Air yang mengandungi tenaga di lombong-lombong
7.	Air badan	Warna badan
8.	Air bah	Air banjir
9.	Air bakat	Air yang berolak atau berkisar
10.	Air balik daun	Mulai pasang atau mulai surut
11.	Air basuh tangan	Berlebih-lebihan
12.	Air bena	Air pasang
13.	Air besar	Air banjir
14.	Air cendana	Air kayu gaharu yang digunakan semasa pengebumian

Jadual 4.2: Simpulan bahasa yang mempunyai leksikal kata nama air

NO	SIMPULAN BAHASA	MAKNA
15.	Air jampi	Air yang sudah dijampi oleh dukun
16.	Air kata-kata	Minuman keras yang memabukkan
17.	Air kembahan	Air kotor
18.	Air kemih	Air kencing
19.	Air kedayung	Air dari langit-langit mulut
20.	Air lata	Air yang mengalir dan jatuh di lereng gunung
21.	Air lebam	Air mati
22.	Air luluk	Pusaran air
23.	Air mandi	Sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan
24.	Air margajiwa	Air hikmat untuk panjang umur
25.	Air mawar	Air yang harum baunya, diperbuat dari bunga mawar dsbg.
26.	Air melata	Air terjun kecil
27.	Air membarut	Air yang memancut daripada pancuran
28.	Air mengayun	Banjir yang menghancurkan

Jadual 4.3: Simpulan bahasa yang mempunyai leksikal kata nama air

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

NO	SIMPULAN BAHASA	MAKNA
29.	Air mengurung	Air surut
30.	Air minum	Air yang biasa untuk diminum
31.	Air muka	Rupa muka: wajah
32.	Air pancabicara	Air yang dicampur lima bau-bauan dalam adat Hindu
33.	Air pasang	Air naik
34.	Air pawitra	Air persucian dalam adat Hindu
35.	Air ruban	Buih air dari minyak kelapa
36.	Air safar	Air yang dimasukkan surat safar
37.	Air setaman	Air yang bercampur berbagai bunga menujuh bulan
38.	Air sembilan	Air untuk memandi mayat
39.	Air seni	Air kencing
40.	Air serani	Air pemandian Kristian (baptis)
41.	Air simbar	Arus yang disebabkan pasang surut
42.	Air sorong buih	Peralihan pasang surut

Jadual 4.4: Simpulan bahasa yang mempunyai leksikal kata nama air

NO	SIMPULAN BAHASA	MAKNA
43.	Air suci	Air yang sudah disucikan dalam upacara agama Katolik
44.	Air suri	Nira yang belum menjadi tuak
45.	Air tengah tumpah	Air setengah surut
46.	Air tepung tawar	Air yang telah dijampi untuk ubat
47.	Air timpas	Air surut mati; surut serendah-rendahnya
48.	Air timpas perbani	Sedikit surut
49.	Air tolak bala	Air yang sudah dijampi digunakan dalam upacara menolak bala
50.	Air tuban	Air yang keluar mendahului bayi yang dilahirkan
51.	Air ukup	Air wangi
52.	Berair liur	Bernafsu
53.	Berair	Berhasil
54.	Berhabis air	Terlalu lama berunding atau bercakap cakap
55.	Berkering air liur	Sia-sia sahaja
56.	Berminyak air	Pandai hidup dan pandai mengambil hati (muka)

Jadual 4.5: Simpulan bahasa yang mempunyai leksikal kata nama air

NO	SIMPULAN BAHASA	MAKNA
57.	Kebesaran air	Tidak tahu apa yang harus diperbuat; kebingungan
58.	Pergi ke air	Mandi; buang air besar
59.	Telah jadi air	Wang atau modal sudah tidak ada lagi
60.	Terairi	Terpenuhi
61.	Mata air	Kekasih
62.	Air bujang	Air yang dihidang tanpa makanan
63.	Tahi air	Sampah yang mengapung diatas air
64.	Juling air	Juling sedikit
66.	Air mata buaya	Tangisan berpura-puras

Berdasarkan Jadual 4.1, 4.2, 4.3, 4.4, dan 4.5 terdapat 66 simpulan bahasa yang berunsurkan ‘air’ telah ditemui oleh pengkaji. Seterusnya pengkaji akan memilih 10 daripada simpulan bahasa tersebut untuk dianalisis menggunakan teori semantik oleh Nur Hashimah (2014).

#### 4.1.1 Mata Air

Jadual 4.6: Simpulan Bahasa Mata Air

Simpulan Bahasa	Maksud
Mata air	Orang kesayangan atau kekasih

#### Tahap 1: Semantik Skrip

Data simpulan bahasa dalam jadual 4.6 di atas ialah “mata air”. Menurut Kamus Simpulan Bahasa Abdullah Hussain (2016) “mata air” bermaksud orang kesayangan atau kekasih.

#### Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Mahu beli emas? Mahu beri **\*\*\*mata air\*\*\*?** tanya tukang emas itu.

MOHAMAD KHOLID HAMZAH. Gelora Musim Rusuh. Sastera, 2016

- ii. "Saniah tak ada **\*\*\*mata air\*\*\*!**" Jelas orang tua itu menambah dengan ketawanya. "Jadi pinangan Cik Bahar tu tentulah tidak baik ditolak begitu sahaja. Memanglah lakinya tu berumur juga. Tetapi makcik tengok tak ada apa cacat celanya. Lagi pun dia orang berada. Tetapi bukanlah makcik pandangkan harta benda orang sehingga Saniah menjadi mangsa pula. Cuma makcik harapkan masa depan Saniah sendiri. Makcik rasa masa depannya terjamin dengan Cik Bahar. Makcik harap dia taat dan setia dengan suaminya. Lagi pun Saniah sendiri tidak membantah. Cuma dia berat nak tinggalkan makcik sahaja. Maklumlah, jauh perginya."

ABD TALIB BIN MOHD HASSAN. *SEKUNTUM BUNGA SENA*. Sastera, 1979

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RSS) dalam data korpus di atas adalah untuk menunjukkan bahawa simpulan bahasa "mata air" sememangnya merujuk kepada kekasih dalam ujaran tersebut. Berdasarkan data korpus (i). "Mata air" menunjukkan maksud kekasih melalui ujaran mahu beli emas?. Emas sememangnya identik dengan kaum wanita kerana emas dijadikan perhiasan wanita untuk dipakai setiap hari. Di sini jelaslah dapat dilihat simpulan bahasa "mata air" membawa maksud kekasih. Penjual emas menanyakan pembelinya sama ada hendak membeli emas kepada kekasihnya?.

Data korpus (ii) pula ialah pengalikasian simpulan bahasa "mata air" dalam penulisan sastera Sekuntum Bunga Sena oleh Abd Talib Bin Mohd Hassan (1979). "mata air" dalam ayat ini merujuk kepada kekasih. Ujaran data (ii) adalah seorang lelaki yang berusia yang cuba meminang Saniah. Walaupun Saniah tidak mempunyai kekasih Saniah tetap menolak pinangan Cik Bahar kerana Cik Bahar adalah lelaki yang berumur dan dirasa Saniah tidak sesuai untuknya. namun Mak Cik Saniah merasakan Cik Bahar sesuai untuk menjadi "mata air" dan berkahwin dengan Saniah kerana beliau seorang yang berharta. Di sini jelaslah Mak Cik Saniah ingin menjamin masa depan Saniah supaya hidup dengan kekasih atau suami yang kaya supaya tidak hidup melarat.

### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Falsafah dan akal budi di sebalik penggunaan leksikal mata air yang membawa maksud kekasih kerana sifat mata air itu sendiri sebagai sumber yang memberikan air yang segar dan kehidupan kepada manusia. Masyarakat pada zaman dahulu khususnya, bergantung kepada sungai dan mata air untuk digunakan dalam keperluan asas manusia seperti minum mandi mencuci pakaian dan sebagainya. Dalam konteks ini, falsafah dan akal budi mengibaratkan mata air ini dapat memberikan kesegaran dalam bentuk pengetahuan, kebijaksanaan, dan pencerahan. Hal ini selari dengan hubungan romantik di mana kekasih memberikan kesegaran dan kebahagiaan kepada hati satu sama lain. Dalam hal ini, falsafah dan akal budi mata air adalah sumber yang memberi cinta dan kebijaksanaan kepada individu sehingga masyarakat zaman dahulu menjadikan mata air sebagai simpulan bahasa.

Selain itu, sifat mata air juga biasanya terhasil daripada perut bumi yang keluar berterusan dan tidak mudah habis walau dalam keadaan cuaca yang panas. Oleh hal yang demikian, menggambarkan falsafah dan akal budi yang menunjukkan bahawa hubungan kekasih ini tidak sekadar permukaan atau sementara tetapi mendalam dan terus-menerus berkembang sehingga menjadi seorang suami dan isteri iaitu sebagai ikatan kekasih yang sah di sisi Islam.

Seterusnya, sifat mata air juga adalah mengalir dengan tenang sehingga menjadi sungai dan menjadikan mata air menciptakan lingkungan yang damai dan tenang di alam. Oleh hal yang demikian sifat mata air ini dihubungkan dengan kekasih kerana hubungan kekasih serta kehadiran kekasih dapat menciptakan perasaan tenang di antara pasangan. Ketenangan ini memungkinkan mereka untuk berbicara terbuka, berbagi perasaan, dan menghadapi tantangan bersama dengan bijaksana. Mata air yang tenang juga boleh menjadi cermin semula jadi yang digunakan untuk merenung, begitu juga dalam hubungan kekasih, pasangan sering memberikan waktu dan ruang bagi satu sama lain untuk merenung tentang hubungan mereka dan bagaimana mereka dapat hidup bersama. Ketenangan ini juga menciptakan perasaan aman di mana pasangan dapat berbicara terbuka tentang perasaan mereka tanpa takut diberi hukuman atau dihakimi. Sifat mata air yang tenang ini juga melambangkan kekasih kerana kekasih memiliki hak atas tindakan dan kata-kata mereka, menghindari reaksi berlebihan yang dapat merosak sesuatu hubungan. Dengan demikian, sifat mata air yang mengalir dengan tenang telah memberi inspirasi kepada masyarakat dahulu dengan menciptakan simpulan bahasa mata air yang memberi makna kekasih.

Dalam masyarakat Melayu, hubungan dengan alam sangat penting dan sering tercermin dalam bahasa dan sastera. Hal ini mungkin kerana sejarah dan geografi kepulauan Melayu yang kaya dengan alam semula jadi. Sumber air seperti sungai dan mata air adalah aspek penting dalam kehidupan sehari-hari, tidak hanya sebagai sumber fizikal untuk minum dan bertani, tetapi juga sebagai sumber spiritual dan inspirasi. Simpulan bahasa mata air yang membawa maksud kekasih adalah contoh bagaimana elemen alam digunakan untuk menggambarkan emosi dan hubungan manusia yang dalam dan kompleks.

Secara keseluruhan, falsafah dan akal budi di sebalik simpulan bahasa mata air yang bermaksud kekasih adalah cara yang indah dan puitis masyarakat zaman dahulu mengaitkan kehidupan seharian dengan alam.

#### 4.1.2 Air Bujang

Jadual 4.7: Simpulan Bahasa Air Bujang

Simpulan Bahasa	Maksud
Air Bujang	Air minuman tanpa kuih muih

### Tahap 1: Semantik Skrip

Data simpulan bahasa dalam jadual 4.7 di atas ialah “air bujang”. Menurut Kamus Simpulan Bahasa Abdullah Hussain (2016) “air bujang” bermaksud air minuman tanpa kuih muih.

### Tahap 2: Semantik Resonans

- i. "Ha... betul kata awak tu." Perbualan Jima dan rakannya Ah Kow termati bila Nancy isteri Jima muncul membawa talam berisi gelas-gelas minuman. Dia menuangkan air minuman itu lalu beredar setelah mempersilakan suaminya dan Ah Kow minum. "Tidak ada apa-apa hanya **\*\*\*air bujang\*\*\*** sahaja

*ANTARA DUA KEPERCAYAAN*. Sastera, 1985

- ii. “Nanti segala urusan tentang pemindahan nama dan sebagainya kami akan uruskan. Encik tunggu sebentarlah untuk penyerahan dokumen yang berbaki lagi. Sementara itu jemputlah minum apa yang ada ni. **\*\*\*Air bujang\*\*\*** saja,” kata pegawai itu sambil tersenyum. Dia kemudiannya beredar keluar dari bilik itu bersama-sama pembantunya.

FAIZAL JAILANI. *Atukku Pejuang*. Sejarah, 2019

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RSS) dalam data korpus (i dan ii) jelas memperlihatkan maksud simpulan bahasa “air bujang” merujuk kepada air minuman tanpa kuih muih. Merujuk data korpus (i) di atas, makna simpulan bahasa ini dijelaskan dengan isteri Jima muncul membawa talam berisi gelas-gelas minuman. Ujaran ini membawa maksud di dalam talam yang dibawa adalah semata mata air tanpa ada kuih muih nasi dan makanan-makanan lainnya. Hal ini menunjukkan bahawa mereka hanya menjamu tetamu air semata mata. Budaya menghidangkan tetamu dengan air adalah budaya masyarakat Melayu yang sentiasa menyantuni tetamu tidak kira bangsa dan agama.

Data korpus (ii) pula, “air bujang” juga merujuk kepada air minuman sahaja tanpa kuih muih. Mengikut data korpus ini, makna simpulan bahasa “air bujang” dijelaskan dengan ujaran jemputlah minum apa yang ada ini. Hal ini jelas, menunjukkan bahawa pegawai itu mempelawa tetamunya dengan air sahaja tanpa ada sebarang makanan.

### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Dalam khazanah simpulan bahasa Melayu Malaysia, terdapat ungkapan "air bujang" yang membawa maksud khusus dalam konteks sosial dan budaya setempat. Secara harfiah, "air bujang" merujuk kepada air minuman yang dihidangkan tanpa disertai kuih-muih atau sebarang



jenis makanan kecil lain. Ini berbeza dengan kebiasaan melayan tamu, di mana hidangan minuman biasanya diiringi dengan sesuatu yang boleh dinikmati bersama, seperti kuih-muih atau makanan ringan.

Frasa ini bukan semata-mata deskripsi situasi sajian tetapi juga mengandungi dimensi semantik yang lebih mendalam dan inkuisitif. Konsep "bujang" secara tradisional dihubungkan dengan status individu yang belum berkahwin, di mana secara simbolik individu bujang boleh diasosiasikan dengan kesederhanaan dan berdikari. Dalam konteks ini, "air bujang" dapat dipandang sebagai manifestasi kesederhanaan tersebut, sebuah refleksi dari gaya hidup yang lebih asas dan tidak terlalu terikat dengan norma-norma sosial yang sering kali memerlukan persediaan yang lebih rumit dan mewah.

Analisis semantik inkuisitif terhadap "air bujang" menuntun kita untuk mempertimbangkan bagaimana simpulan bahasa ini mencerminkan nilai-nilai sosial dan budaya. Ia mungkin menggambarkan situasi di mana seseorang yang bujang mungkin kurang memiliki keperluan atau keinginan untuk menyediakan makanan ringan kerana faktor-faktor seperti kemudahan, ekonomi, atau bahkan kebebasan dari tanggungjawab sosial yang kerap dikaitkan dengan kehidupan berkeluarga. Di samping itu, ungkapan ini boleh juga menggambarkan suasana yang tidak formal atau keakraban antara tuan rumah dengan tetamu, iaitu penyediaan makanan ringan dianggap tidak diperlukan.

Pada dasarnya, "air bujang" menyiratkan pendekatan yang mencerminkan interaksi sosial, memperlihatkan sebuah pandangan yang lebih praktikal kehidupan orang bujang yang mudah terhadap urusan melayan tamu. Hal ini menegaskan konsep keikhlasan dalam budaya Melayu, di mana kehadiran dan perbualan bersama tamu dianggap lebih penting daripada bentuk dan kuantiti hidangan yang disajikan. Ungkapan ini juga boleh dilihat sebagai representasi dari kebebasan individu bujang dalam memilih bagaimana mereka ingin berinteraksi sosial tanpa perlu dipengaruhi oleh harapan atau standard yang ditetapkan oleh masyarakat.

Dalam bentuk yang lebih abstrak, "air bujang" menawarkan lensa kepada kita untuk melihat bagaimana kebiasaan dan tradisi dapat beradaptasi dalam pelbagai konteks kehidupan, termasuk perubahan status sosial seseorang dari bujang hingga berumah tangga. Ungkapan ini juga mempunyai potensi untuk mencerminkan perubahan nilai-nilai sosial, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang mungkin lebih mengutamakan kesederhanaan dan keaslian pengalaman berinteraksi daripada kekayaan dan kemewahan hidangan. Oleh hal demikian, di sini jelaslah memperlihatkan kepandaian masyarakat Melayu mencipta simpulan bahasa dengan mengaitkan kehidupan yang ada di alam sekeliling dengan simpulan bahasa.

#### 4.1.3 Air Basuh Tangan

Jadual 4.8: Simpulan Bahasa Air Basuh Tangan

Simpulan Bahasa	Maksud
Air basuh tangan	Mudah diperoleh atau sudah biasa

##### Tahap 1: Semantik Skrip

Data simpulan bahasa dalam jadual 4.8 di atas ialah “air basuh tangan”. Menurut Kamus Simpulan Bahasa Abdullah Hussain (2016) “air basuh tangan” mudah diperoleh.

##### Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Maka pada masa itu Abdul Kadirlah rupanya Yam Tuan, maka barang katanya itulah kata Yam Tuan. Maka adalah hal Abdul Kadir itu dalam istana Yam Tuan itu bebaslah seperti orang dalam rumahnya. Syahadan adapun wang yang diperoleh Yam Tuan pada sebulan seribu tiga ratus ringgit itu pun semuanya dalam tangan Abdul Kadirlah. Maka pada masa itu tiadalah dapat kukatakan lagi kalau ringgit seperti **\*\*\*air basuh tangan\*\*\*** kepada Abdul Kadir

Munshi Abdullah, Hikayat Abdullah, 1997

- ii. Syahadan maka adalah pada masa itu pekerjaan bapaku itu memegang pekerjaan tuan syahbandar Belanda, iaitu zaman Belanda yang dahulu dalam negeri Melaka. Maka bahawasanya adalah bapaku kepada zaman itu umpamanya seperti seekor tikus yang jatuh ke dalam gedung beras, tidaklah berkira-kira lagi, duduk dengan kesenangannya; berteriak di kiri, di kanan menyahut. Maka jikalau ringgit ini, seperti **\*\*\*air basuh tangan\*\*\*** adanya, maka terlupalah ia kelak akan dunia ini berubah-ubahlah kesudahannya. Maka bondaku pun beranakkanlah abangku yang sulung anak laki-laki; kemudian daripada empat bulan umurnya, matilah. Maka dengan hal yang demikian empat orang abangku laki-laki mati.

MUNSYI ABDULLAH. *HIKAYAT ABDULLAH*. Sastera, 1997

Data 3 (i dan ii) dalam semantik reasonans menunjukkan penggunaan simpulan bahasa “air basuh tangan” dalam korpus. Pengaplikasian RSS dalam korpus i dan ii memperlihatkan maksud “air basuh tangan” digunakan untuk mengujarkan maksud mudah diperoleh atau sudah biasa. Pada data (i), premis yang menunjukkan penyampaian maksud yang sebenar simpulan bahasa “air basuh tangan” ialah *wang yang diperoleh Yam Tuan pada sebulan seribu tiga ratus ringgit itu pun semuanya dalam tangan Abdul Kadirla*. Di sini ujaran yang diberikan jelas

menunjukkan Abdul Kadir mudah untuk memperoleh duit sebanyak itu walaupun nilainya adalah sebulan gaji bagi orang lain.

Seterusnya, bagi data korpus (ii) pula, cara untuk memahami simpulan bahasa "air basuh tangan" sangat mudah kerana terdapat premis *maka terlupalah ia kelak akan dunia ini berubah-ubahlah kesudahannya*. Premis ini jelas menunjukkan bahawa jika wang ringgit sudah menjadi kebiasaan kepada seseorang, maka mereka akan merasakan diri berkuasa dan menggunakan sewenang-wenang kekuasaan mereka untuk kepentingan peribadi. Hal ini jelas adanya jikalau kita mengaca kepada keadaan sekeliling orang yang mempunyai duit, mereka berkuasa untuk melakukan hal-hal yang tidak boleh dilakukan orang yang tidak punya duit seperti membeli barangan mewah dan sebagainya.

### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Simpulan bahasa merupakan elemen linguistik yang penting dalam kebudayaan dan bahasa Melayu yang diturunkan dari zaman ke zaman. Ia mengandungi kebijaksanaan, nilai-nilai sosial, dan pengajaran yang diturunkan melalui generasi. Simpulan bahasa "air basuh tangan" adalah contoh klasik yang menggunakan kegiatan sehari-hari untuk menyampaikan makna metaforik yang mendalam.

Falsafah dan akal budi di sebalik penggunaan leksikal kata nama air basuh tangan adalah pertama sekali kita perlu memahami konteks penggunaan air dalam kehidupan sehari-hari. Dalam masyarakat tradisional, terutama yang berada di kawasan tropika seperti Malaysia atau Indonesia, air merupakan sumber yang melimpah ruah. Sungai, hujan, dan sumber-sumber air semula jadi lainnya adalah aset yang mudah diakses oleh kebanyakan penduduk. Mencuci tangan sebelum dan selepas makan atau setelah melakukan kerja-kerja tertentu merupakan amalan asas kebersihan yang telah lama tertanam dalam budaya masyarakat. Mencuci tangan merupakan adat masyarakat Melayu zaman dahulu yang diamalkan sehingga kini, yang dilakukan berulang kali setiap hari. Oleh hal yang demikian mereka menggunakan leksikal air basuh tangan ini untuk menonjolkan bahawa sudah terbiasa untuk melakukan perkara tersebut.

Dalam simpulan bahasa "air basuh tangan," air di sini menjadi simbol keberadaan yang umum dan keperluan yang dapat diperoleh dengan mudah tanpa mengalami kesulitan. Masyarakat Melayu zaman dahulu mengimplikasikan bahawa situasi tersebut boleh dicapai atau dilakukan dengan ringan dan tanpa perlu penat lelah. Masyarakat Melayu zaman dahulu setiap kali mereka ingin makan mereka akan menggunakan teko yang diisi air untuk membasuh tangan. Air basuh tangan juga secara dasarnya hanyalah air sungai atau air telaga yang tidak perlu direbus terlebih dahulu seperti air minum. Mereka hanya mengisi teko air menggunakan air dan terus boleh menggunakannya sebagai air basuh tangan. Di sini jelas perkaitan falsafah dan akal budi mengapa air basuh tangan membawa maksud senang untuk diperoleh.

Oleh itu, melalui simpulan bahasa "air basuh tangan," kita dapat melihat bagaimana

pengetahuan masyarakat dan kegiatan rutin harian diangkat menjadi suatu ungkapan yang mengandungi makna mendalam dan relevan dalam pelbagai konteks. Hal ini adalah ciri unik dari simpulan bahasa yang tidak hanya menyimpan nilai estetika dalam bentuk bahasa, tetapi juga menawarkan pandangan tentang cara hidup dan pemikiran masyarakat Melayu zaman dahulu yang menggunakannya.

#### 4.1.4 Air Kata-Kata

Jadual 4.9: Simpulan Bahasa Air Kata-Kata

Simpulan Bahasa	Maksud
Air kata-kata	Minuman keras yang memabukkan

##### Tahap 1: Semantik Skrip

Data simpulan bahasa dalam jadual 4.9 di atas ialah “air kata-kata”. Menurut Kamus Simpulan Bahasa Abdullah Hussain (2016) “air kata-kata” bermaksud minuman keras yang memabukkan.

##### Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Fikirannya sudah tidak siuman lagi kerana **\*\*\*air kata-kata\*\*\*** itu.

Kamus Simpulan Bahasa (2016)

Data (i) merupakan penggunaan simpulan bahasa “air kata-kata” dalam kamus simpulan bahasa Abdullah Hussein (2016). Simpulan bahasa “air kata-kata” dalam ayat ini merupakan perlambangan kepada minuman yang memabukkan yang disokong oleh ujaran fikirannya sudah tidak siuman lagi. Di sini dapat kita lihat bagaimana keadaan orang yang mengambil minuman keras, mereka akan tidak waras kerana telah dalam keadaan mabuk. Mereka tidak boleh membuat keputusan yang jelas dan sering kali bercakap tidak sesuai konteks perbualan apabila kesan daripada alkohol aktif di dalam badan seseorang. Oleh hal yang demikian, jelaslah simpulan bahasa “air kata-kata” membawa maksud arak atau minuman beralkohol yang mampu mempengaruhi minda seseorang menjadi tidak siuman seketika.

##### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Dalam landskap semantik Bahasa Melayu melalui teori semantik Nur Hashimah (2014), "air kata-kata" merupakan istilah berbunga yang merujuk minuman keras, atau lebih khusus lagi, arak. Ungkapan ini berdiri sebagai contoh klasik bagaimana bahasa dapat dipolakan untuk menyampaikan makna dengan cara yang lebih halus atau eufemistik. Terma "air" dalam frasa ini melambangkan cecair atau minuman, yang merupakan makna literal yang jelas dan tidak

dipertikaikan. Namun, penggabungan dengan "kata-kata" membawa kita ke dalam wilayah semantik yang lebih abstrak dan mencipta lapisan makna tambahan yang memerlukan pentafsiran yang lebih mendalam.

Analisis semantik inkuisitif pada "kata-kata" dalam konteks ini mengundang interpretasi bahawa kata-kata dapat memabukkan, serupa dengan kesan yang dihasilkan oleh arak. "Kata-kata" seringkali dikaitkan dengan komunikasi dan pertukaran idea, tetapi dalam "air kata-kata," ungkapan ini digunakan untuk menggambarkan cara arak mengalir dalam percakapan, mungkin sebagai pelincir sosial yang menyebabkan lidah menjadi lebih lancar, sebagaimana orang yang meminumnya menjadi lebih berani untuk berbicara.

Pemilihan istilah "air kata-kata" juga mencerminkan kecenderungan dalam masyarakat untuk menghindari penyebutan langsung terhadap perkara-perkara yang mungkin dianggap tabu atau kurang sesuai untuk dibicarakan secara terang-terangan. Arak, dalam banyak konteks sosial dan budaya Melayu, bukan subjek yang diangkat dalam percakapan biasa kerana kaitannya dengan larangan agama dan sosial. Oleh itu, leksikal eufemisme seperti "air kata-kata" menyediakan sarana untuk merujuk kepada arak tanpa perlu menyebutnya secara eksplisit, sambil memberikan ruang untuk nuansa bahasa yang lebih kaya dan kepelbagaian ekspresi. Leksikal ini bukan sekadar bertindak sebagai pengganti nama bagi arak, tetapi juga sebagai peranti linguistik yang memperhalusi cara kita memandang dan membicarakan arak dalam konteks budaya yang lebih luas. Di satu sisi, ia bisa dilihat sebagai pengakuan akan fungsi sosial arak sebagai alat yang mengalirkan kata-kata dan memudahkan komunikasi. Di sisi lain, terdapat akal budi yang difikirkan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu bahawa arak yang sering kali menyebabkan kata-kata menjadi tidak terjaga dan perbuatan menjadi kurang terkawal.

Dengan demikian, "air kata-kata" berfungsi lebih dari sekadar frasa namun menunjukkan wawasan mengenai pandangan masyarakat Melayu terhadap peranan arak dalam interaksi sosial serta refleksi terhadap norma-norma yang berkaitan dengan pembicaraan dan perbuatan dalam masyarakat Melayu. Ungkapan ini, dengan cara yang halus dan berdiplomasi, mencerminkan kesedaran sosial tentang kekuatan dan pengaruh arak, dan sekali gus kekuatan dan pengaruh kata-kata.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan, pengkaji melihat bahawa masyarakat dahulu sangatlah cerdas dan mengaitkan unsur alam seperti air dan terbentuknya simpulan bahasa daripadanya. Pembentukan simpulan bahasa ini dapat dikolokasikan dengan beberapa unsur seperti sifat manusia itu sendiri. Contohnya air mata buaya yang dapat memberikan maksud sifat seseorang manusia yang menangis berpura-pura dan ada juga simpulan bahasa air tangan yang dapat diertikan sebagai masakan. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa, pembentukan simpulan bahasa yang mengandungi leksikal 'air' ini bukanlah dibentuk secara

spontan dan memiliki makna luaran yang sahaja, namun didasari oleh akal budi dan falsafah yang sangat mendalam yang berkait rapat dengan leksikal “air” itu sendiri. Penciptaan simpulan bahasa ini juga dapat membawa erti yang mendalam terhadap sikap serta amalan masyarakat Melayu zaman dahulu yang dianalogikan menjadi simpulan bahasa dengan perlambangan “air” itu sendiri. Simpulan bahasa “air” ini hanyalah sedikit yang dianalisis dan dikaji oleh pengkaji dan terdapat banyak lagi simpulan bahasa leksikal kata yang lain yang belum dijalankan kajian. Harapan pengkaji adalah supaya ada pengkaji lain yang cuba merungkai semantik inkuisitif, tentang falsafah dan akal budi dalam simpulan bahasa supaya lebih banyak manfaat pengetahuan dapat diperoleh oleh masyarakat supaya masyarakat lebih mengenal tentang bahasa Melayu yang kaya akan ilmu falsafah dan akal budi.

## **RUJUKAN**

- Abang Muhi, A. P. (2018). Functions and Uses of the Sarawak Malay Proverbs. In *SHS Web of Conferences* (Vol. 45, p. 07003). EDP Sciences.
- Asmah Hj. Omar. (2000). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1996. *Metaphors of anatomy as reflection of Malay cultural belief*. *Jurnal bahasa jendela alam*, 1: 7-20.
- Andreanus A. Soemardji. 2007. *Tamarindus Indica L. or “Asam Jawa” : The Sour But Sweet and Useful*. (bahan tidak terbit) [http://www.inm.u-toyama.ac.jp/jp/nennpo/07nennpo/07review\\_article.pdf](http://www.inm.u-toyama.ac.jp/jp/nennpo/07nennpo/07review_article.pdf). [20 Ogos 2015].
- Abdullah Hassan, 1986. Penerbitan kata dalam bahasa Melayu. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti. Abdullah Hussain, 1990. Kamus simpulan bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Dita Rachmawati .(2019). Konseptual metafora tangan dalam idiom bahasa jepang berdasarkan teori metafora konseptual. Universitas Dian Nuswantoro. Lite, 15 (1),31-47.
- Eli Aima Syazila Amran & Julaina Nopiah, 2020. *Leksikal “Ayam” dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Kuliah Bahasa dan Pengurusan. Universiti Islam Antabangsa Malaysia.
- Hassan Ahmad. 2004. Bahasa dan pemikiran Melayu: tradisi dan kesinambungannya. Dlm. Worawit Baru@Haji Ahmad Idris (pngr.). *Pemikiran Melayu: tradisi dan kesinambungan*, hlm. 1-12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. 2001a. Falsafah dan pemikiran Melayu. *Dewan Masyarakat Januari*: 8-10.
- Hassan, A. (1989). *Semantik (Terjemahan)*. Universiti Sains Malaysia. Penang.

- Jonteng, S. E., Yahya, Y., Salleh, S. F., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Imej perlambangan 'tangan' dalam simpulan bahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108-131.
- Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Unsur asam dan akal budi Melayu. Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 28 September 2015
- Kovecses, Z. (2010). *Metaphor: A practical introduction*. New York: Oxford University Press. Lakoff,
- G. & Johnson, M. (2003). *Metaphors we live by*. London: The University of Chicago Press
- Mohamed, O. (2011). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan*. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Muhammad Ahmad Fadzil & Julaina Nopiah, 2021. *Estetika Rasa dalam Peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Kuliah Bahasa dan Pengurusan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Syafiq Sangkala & Julaina Nopiah, 2023. *Unsur Ikan dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Kuliah Bahasa dan Pengurusan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nurul Nisfu Syahriy & Mulyadi. (2020). Konotasi negatif pada ekspresi idiom hewan dalam bahasa Indonesia dan Inggris: kajian semantik. *Jurnal Literasi*. 4(1), 28-37
- Nurul Syazana & Nurul Jamilah Rosly, 2021. *Leksikal "hati" dalam simpulan bahasa: Analisis semantik inkuisitif*. Kuliah Bahasa dan Pengurusan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nur Izzati & Nor Azilawati, 2018. *Semantik Inkuisitif Analisis "Belut" dalam Peribahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarudin, A. (2012). Aspek kognitif dalam pembentukan simpulan bahasa kata makan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 3, 97-115. Zaid Zin & Wan Suhaila. (2017). Kajian persamaan makna peribahasa dan Melayu dan peribahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya*
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to qualitative research methods: The search for meanings*. Wiley – Interscience
- The Three Forms of Water" [Tiga Bentuk Air]. Story of Water (dalam bahasa Inggeris). Persatuan Kerja Air Amerika Syarikat. 2022. Dicapai pada 29 Jun 2022
- Zainal Abidin Ahmad, 1965. *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Pustaka



## **STRATEGI METAKOGNITIF DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA GURU SEKOLAH RENDAH**

Pati Alap (PhD)  
pati@ipgm.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pencerapan amalan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian ini menggabungkan konsep dan prinsip melalui Teori Pembelajaran Metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Selain itu, maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah juga diberi tumpuan. Peserta kajian terdiri daripada lapan orang guru Bahasa Melayu tahap 2. Pemilihan peserta kajian dipilih secara pensampelan bertujuan. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengajaran di dalam bilik darjah, analisis dokumen dan nota lapangan pengkaji. Data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 1.8.0, dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk naratif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca melibatkan pembelajaran berkumpulan, pengukuhan pengalaman dan pencapaian matlamat. Implikasi dan cadangan kajian lanjutan dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu turut dikemukakan. Penemuan akhir kajian telah mencadangkan untuk menghasilkan sebuah model pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu sekolah rendah. Model pengajaran tersebut dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan guru Bahasa Melayu untuk membantu murid sekolah rendah bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu.

### **PENGENALAN**

Membaca merupakan aktiviti penting dalam kehidupan manusia. Maklumat yang diperolehi melalui pembacaan dapat digunakan sebagai panduan dalam pelbagai aspek kehidupan. Keberkesanan dalam membaca juga merupakan satu perkara penting yang perlu diambil berat oleh murid ketika membaca (Zamri 2008; Yahya 2008). Sebagai contoh, bagi memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, seseorang murid perlu menguasai kemahiran membaca yang baik. Biasanya, murid akan mudah lupa dan tidak memahami apa yang dibaca walaupun membacanya dengan berulang kali. Jadi, murid perlu mengetahui dan melatih diri membaca dengan betul berdasarkan kaedah pembacaan yang bersesuaian dengan diri mereka.

Secara rumusnya, metakognitif merupakan kebolehan seseorang dalam mengaplikasikan strategi yang betul dalam proses melahirkan idea, tetapi bukannya buah fikiran yang dilahirkan atau bukan hasil sebenar berfikir. Seseorang murid yang ingin

menyelesaikan satu masalah dalam proses pembelajaran perlu melalui proses memantau, menilai dan menyediakan regulasi setiap keputusan yang akan dibuat. Proses memantau, menilai dan membuat regulasi ini tidak ada kaitan langsung dengan keputusan yang akan dibuat atau diambil dalam penyelesaian sesuatu masalah pembelajaran.

## **SOROTAN LITERATUR**

Secara spesifik apakah maksud sebenar metakognitif, Baron (2001), telah membahagikan metakognitif kepada dua perkataan secara berasingan iaitu meta dan kognitif. Meta bermaksud kesedaran dan kognitif bermaksud pemikiran. Gabungan kedua-dua perkataan ini membawa maksud berfikir mengenai pemikiran. Ini bererti, seseorang individu menggunakan kesedaran dirinya ke atas pemikiran diri apabila melakukan sesuatu aktiviti pembelajaran dengan menggunakan kesedaran ini untuk mengawal apa yang dilakukannya. Minda seseorang akan berfungsi dengan berkesan sekiranya seseorang itu menyedari terhadap apa yang dilakukannya. Keupayaan metakognitif yang tinggi boleh refleksi singkatkan pemikiran seperti aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

Selain itu, pengajaran membaca menggunakan strategi metakognitif ini memberikan kesan yang sangat baik terhadap pemahaman murid. Pendedahan dalam kalangan murid sekolah rendah juga sangat bersesuaian bagi melatih murid memahami teks bacaan dengan lebih bermakna Jafari et al.,(2012). Dalam konteks kajian ini juga menunjukkan bahawa pengajaran membaca dengan menggunakan strategi metakognitif dapat membantu meningkatkan pemahaman murid tahap sederhana apabila membaca teks ekspositori dengan lebih baik dan efektif berbanding pendekatan konvensional.

Kajian berkaitan strategi dalam pelaksanaan aktiviti PdPc sememangnya telah banyak dijalankan, namun fokus kajian secara spesifik dalam PdPc Bahasa Melayu melalui pendekatan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu didapati masih kurang. Antara kajian yang berkaitan adalah kajian Alizah (2016), pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sesuai dijalankan dengan menggunakan Teori Pembelajaran Metakognitif. Hal ini kerana aktiviti dan topik dalam pembelajaran aktiviti bahasa Melayu banyak berkait rapat dengan pengalaman hidup murid. Pengalaman ini boleh membantu murid menterjemahkan pengalaman dengan mudah ke dalam bacaan.

Kajian berkaitan strategi dalam pelaksanaan aktiviti PdPc sememangnya telah banyak dijalankan, namun fokus kajian secara spesifik dalam PdPc Bahasa Melayu melalui pendekatan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu didapati masih kurang. Antara kajian yang berkaitan adalah kajian Alizah (2015), pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sesuai dijalankan dengan menggunakan Teori Pembelajaran Metakognitif. Ini kerana aktiviti dan topik dalam pembelajaran aktiviti Bahasa Melayu banyak berkait rapat dengan pengalaman hidup murid. Pengalaman ini boleh membantu murid menterjemahkan pengalaman dengan mudah ke dalam bacaan. Ini kerana Vygotsky (1978) berpendapat, bahasa memainkan peranan yang penting dalam membentuk pemikiran murid.

Oleh itu, kajian ini menggunakan Teori Pembelajaran Metakognitif dengan penekanan terhadap konteks pemikiran kerana teori ini berpadanan dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Teori ini juga digunakan untuk membantu penyelidik sebagai panduan dalam memahami dan meneroka proses pengajaran bacaan Bahasa Melayu yang berlaku dalam bilik darjah tahap dua.

## **OBJEKTIF**

Meneroka maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

## **KERANGKA TEORETIS/ KERANGKA KONSEP**

Kerangka teoritikal kajian ini terbina hasil daripada Model Interaktif (Rubin 1993). Pemilihan model tersebut adalah kerana model itu sama memberikan penekanan kepada objektif pengajaran yang dapat menerangkan perkara yang hendak diajar serta membolehkan guru merancang pengajarannya dengan baik. Dalam hal ini, keberkesanan sesuatu proses pengajaran bergantung pada kebijaksanaan seseorang guru menentukan objektif pengajaran serta kecekapan menggunakan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai dengan tahap pencapaian murid. Selain itu, aspek masa dan persekitaran juga perlu diambil perhatian apabila merancang tentang objektif. Objektif pengajaran merupakan komponen terpenting bagi sesuatu rancangan pengajaran (Adenan & Khairuddin 2013) dan perlu ada kaitannya dengan pengetahuan sedia ada murid dan kemahiran yang hendak diajar. Berikut merupakan huraian dan justifikasi tentang fungsi bagi setiap teori dan model yang digunakan dalam kajian ini.

## **TEORI PEMBELAJARAN METAKOGNITIF**

Teori Pembelajaran Metakognitif menekankan proses untuk berfikir dan perlakuan pemikiran yang bermakna ini dapat membantu seseorang individu mengurus, mengawal dan menggunakan mindanya pada peringkat pemikiran yang tinggi (Flavell 1979 et. Al. Pengertian metakognitif berasal dari perkataan 'meta' yang bermaksud kesedaran dan kognitif (cognitive) bermaksud pemikiran. Gabungan kedua-dua perkataan ini membawa pengertian berfikir mengenai pemikiran Tormala et al.,(2007). Penerangan mengenai Teori Pembelajaran Metakognitif ini sesuai dengan pandangan pengasasnya Flavell (1970) yang mengatakan bahawa metakognitif adalah proses seseorang individu berfikir mengenai pemikiran dengan mengetahui apa yang diketahui dan tidak diketahui pada tahap pemikiran yang tinggi.

Dalam kajian ini, teori metakognitif oleh Flavell akan dijadikan asas perbincangan tentang strategi pemahaman pembacaan ini. Flavell telah mengemukakan satu model pemantauan kognitif atau 'cognitive monitoring model' sebagai asas kepada teori metakognitif tersebut. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang metakognitif ini, fokus perbincangan menyentuh berkaitan dengan bacaan dan pemahaman, teori metakognitif dan kajian tentang strategi membaca serta kesannya kepada pemahaman pembacaan.


## **MODEL INTERAKTIF**

Model ini merupakan kombinasi antara pemahaman Model Top-Down dan Model Bottom-Up. Pada Model Interaktif, pembaca mengambil pendekatan top-down untuk memprediksi makna, kemudian beralih ke pendekatan bottom-up untuk menguji apakah hal itu benar-benar dikatakan oleh penulis. Artinya, kedua model tersebut saling memerlukan ketika membaca. Penganut teori ini memandang bahawa kegiatan membaca merupakan suatu interaksi antara pembaca dengan teks. Teori ini, menjelaskan bagaimana seorang pembaca menguasai, menyimpan dan mempergunakan pengetahuan dalam format skemata. Kegiatan membaca adalah proses membuat hubungan yang bererti bagi informasi baharu dengan pengetahuan yang dimiliki sebelumnya (skemata).

## **KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN**

Dalam kajian ini, perkongsian strategi metakognitif dalam PdPc bacaan pemahaman Bahasa Melayu Tahap Dua diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen berdasarkan lima kitaran strategi metakognitif dalam PdPc bacaan pemahaman Bahasa Melayu Tahap Dua untuk menyelidiki maklumat berkaitan pengetahuan guru tentang pendekatan strategi metakognitif dalam PdPc bacaan pemahaman Bahasa Melayu Tahap Dua, maklumbalas guru tentang merancang, memantau dan menilai strategi metakognitif dalam PdPc kemahiran membaca Bahasa Melayu serta mengaplikasikan RPH bagi strategi merancang aktiviti, memantau dan penilaian strategi metakognitif dalam PdPc kemahiran membaca pemahaman Bahasa Melayu Tahap Dua bagi aktiviti sebelum, semasa dan selepas.. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini.

Berdasarkan Rajah 1, proses pelaksanaan strategi metakognitif dalam pengajaran membaca Bahasa Melayu Tahap Dua bermula dengan menentukan matlamat pengajaran. Pada peringkat ini, guru mengkaji matlamat kurikulum dan sukatan pelajaran Bahasa Melayu untuk menentukan objektif pembelajaran. Kajian dan perbincangan memberi fokus terhadap masalah pembelajaran murid dalam sesuatu topik atau unit pelajaran yang sukar dikuasai oleh murid. Setelah itu, semua guru yang mengajar strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca pemahaman Bahasa Melayu menentukan matlamat yang hendak dicapai dalam sesi pelaksanaan strategi tersebut yang telah dirancang



Rajah 1: Kerangka konseptual kajian. Strategi metakognitif dalam proses membaca (Teori Pembelajaran Metakognitif (Flavell 2000) dan Model Interaktif (Rubin 1982))

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini merupakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah kajian fenomena melalui teknik temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Pendekatan kualitatif mendasari kajian ini berdasarkan andaian bahawa makna atau realiti sesuatu fenomena adalah dibina secara sosial oleh para pelaku yang terlibat dalam fenomena yang dikaji. Setiap makna yang diperoleh dalam kajian kualitatif adalah bersifat holistik, pelbagai dimensi dan dinamik (Merriam 2001). Oleh itu, reka bentuk kajian ini dipilih bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat secara lebih terperinci serta mendalam tentang perihal PdPc Bahasa Melayu yang dikaji melalui pendekatan strategi metakognitif dalam PdPc bacaan Bahasa Melayu.

Selaras dengan reka bentuk kajian fenomena ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian seperti temu bual, kaedah pemerhatian dan analisis dokumen untuk memperoleh data berbentuk kualitatif Bogdan et al.,(2007) dalam kajian ini. Penggunaan pelbagai kaedah sebagai teknik

pengumpulan data dapat memberi triangulasi antara teknik yang digunakan sepanjang tempoh kajian dilaksanakan (Merriam 1988). Hal ini selaras dengan idea yang diutarakan Van (1983:136), iaitu tiga teknik tersebut dapat digunakan sebagai, "...a vehicle for cross validation..." Berikut dijelaskan dengan lebih lanjut tentang kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini.

### **KAEDAH TEMU BUAL**

Penggunaan kaedah temu bual sebagai kaedah utama dalam proses pengumpulan data kualitatif dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan teknik temu bual sebagai metod utama pengumpulan data kajian ini kerana mempunyai beberapa kelebihan. Antaranya dari segi keanjalan penemubual menyelidik dan menentukan isu yang perlu diteroka dengan mendalam. Selain itu, penemubual bebas mengemukakan soalan baharu yang tidak dirancang semasa penyediaan protokol temu bual Patton et al.,(2002 ). Robson (2011) pula mendakwa teknik temu bual mempunyai potensi untuk menghasilkan bahan yang kaya dan menyerlah. Bagi temu bual separa berstruktur pula, Silverman (2016) menyatakan temu bual tersebut membenarkan peserta kajian ditemu bual menggunakan cara tersendiri bagi mengemukakan pandangan dan menjawab pertanyaan. Sementara itu, tidak ada turutan soalan yang tetap bagi responden yang ditemu bual. Selain itu, temu bual separa berstruktur membenarkan peserta kajian mengemukakan isu penting yang tidak terdapat dalam rancangan.

### **KAEDAH PEMERHATIAN**

Pengkaji memilih kaedah pemerhatian sebagai data sokongan dalam kajian ini. Melalui pemerhatian, segala maklumat yang dikehendaki untuk memenuhi objektif kajian boleh diperhatikan secara langsung. Sehubungan itu, teknik pemerhatian turut melibatkan semua deria seperti pancaindera ketika pemerhatian dijalankan. Dalam situasi ini, data pemerhatian dijadikan sebagai triangulasi data temu bual untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan maklumat kajian. Untuk itu, pengkaji bertanggungjawab secara aktif memerhatikan segala fenomena yang dikaji ketika sesuatu peristiwa itu berlaku.

### **KAEDAH ANALISIS DOKUMEN**

Analisis dokumen dalam kajian ini melibatkan bahan bercetak guru seperti Buku Rekod Mengajar (BRM), Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT), Rancangan Pelajaran Harian (RPH), Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) BM Tahap 2, buku latihan murid, fail laporan refleksi strategi metakognitif dalam PdPc kemahiran membaca Bahasa Melayu, fail minit mesyuarat panitia, perancangan strategik peningkatan akademik sekolah, takwim sekolah dan takwim panitia. Dokumen tersebut dikaji, disemak, dan dianalisis menggunakan borang senarai semak yang disediakan

### **DAPATAN**

Soalan kajian iaitu “Apakah maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah?” Tema-tema tersebut terdiri daripada (i) masalah penguasaan kemahiran membaca, (ii) faktor yang mempengaruhi masalah penguasaan kemahiran membaca, dan (iii) menangani masalah penguasaan kemahiran membaca. Tema masalah penguasaan kemahiran membaca terdiri daripada pemahaman isi kandungan teks lemah iaitu dari segi makna kata dan makna ayat serta kelancaran bacaan yang lemah dari segi sebutan dan tanda baca. Seterusnya, tema faktor yang mempengaruhi masalah penguasaan kemahiran membaca terdiri kurang bahan bacaan, gangguan persekitaran, gangguan aktiviti sekolah, kurang minat membaca, dan kurang galakan keluarga. Tema menangani masalah penguasaan kemahiran membaca pula terdiri dari pelbagai program membaca, inisiatif sekolah, guru, serta keluarga, dan sumbangan pihak luar.

### **Merancang: Masalah Penguasaan Kemahiran Membaca Murid**

Tema masalah penguasaan kemahiran membaca merujuk pada penguasaan kemahiran membaca yang dihadapi oleh guru sekolah rendah yang terdiri daripada subtema pemahaman isi kandungan teks lemah dan kelancaran membaca lemah. Pemahaman isi kandungan teks lemah melibatkan kelemahan murid memahami makna kata dan seterusnya lemah memahami makna ayat.

#### **Sebelum**

- i. Pemahaman isi kandungan teks lemah

Pemahaman isi kandungan teks lemah menunjukkan pengajaran kemahiran membaca lemah dalam memahami isi kandungan teks yang dibaca. Kelemahan ini menyebabkan pengajaran guru juga kurang cekap membina makna apabila guru tidak dapat mentafsir maklumat yang terkandung dalam bahan bacaan. Kelemahan pengajaran memahami isi kandungan teks disebabkan pengajaran lemah memahami makna perkataan menyebabkan pengajaran kemahiran membaca lemah memahami makna ayat.

- ii. Lemah memahami makna kata

Lemah memahami makna kata merujuk pada kelemahan pembelajaran kemahiran membaca memahami makna perkataan dan perkataan berimbuan dalam kandungan teks yang dibaca. Dapatan kajian menunjukkan murid sukar memahami maksud perkataan baharu yang terdapat dalam bahan yang dibaca. Murid perlu merujuk kamus bagi mencari maksud perkataan yang sukar difahami.

- iii. Lemah memahami makna ayat

Dapatan kajian menunjukkan pengajaran kemahiran membaca lemah memahami makna ayat

terutama ayat yang panjang dalam bahan yang dibaca. Di samping itu, murid juga kurang cekap menyusun ayat secara gramatis apabila menjawab soalan pemahaman.

iv. Kelancaran Membaca Lemah

Kelancaran membaca lemah merujuk pada pengajaran kemahiran membaca kurang menekankan kelancaran membaca terutama dalam menyebut perkataan baharu, perkataan berimbuhan dan membunyikan tanda baca semasa bacaan mekanis. Justeru itu, murid yang kurang lancar membaca menghadapi kelemahan dari segi sebutan dan kelemahan dari segi membunyikan tanda baca.

v. Lemah sebutan

Lemah dari segi sebutan merujuk kelemahan pengajaran kemahiran membaca dalam menyebut perkataan baharu dan perkataan yang berimbuhan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru perlu melatih menyebut berulang kali perkataan yang silap sebutan sehingga sebutan murid tepat. Murid juga membantu rakan lain untuk menyebut perkataan baharu dengan intonasi yang betul. Kelemahan murid menyebut perkataan menyebabkan mereka kurang lancar dalam pembacaan.

vi. Lemah tanda baca

Lemah dari segi tanda baca merujuk kelemahan pengajaran kemahiran membaca dalam membunyikan tanda baca dalam bacaan mekanis mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid membaca terlalu cepat dan membaca tanpa mengikut jeda. Murid sering kali lupa membunyikan jeda yang terdiri daripada tanda bacaan seperti tanda titik, tanda soal, tanda seru, tanda noktah dan sebagainya.

### **Memantau: Faktor Mempengaruhi Masalah Penguasaan Kemahiran Membaca Murid**

Faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca merupakan faktor penyebab ke arah kelemahan pengajaran kemahiran membaca dalam penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah. Faktor ini terdiri daripada kurang bahan bacaan, kurang minat membaca, kurang galakan membaca, gangguan persekitaran dan gangguan aktiviti sekolah.

#### **Semasa**

i. Kurang bahan bacaan

Subtema kurang bahan membaca merujuk masalah kekurangan bahan bacaan yang dihadapi oleh guru sama ada di sekolah atau di luar sekolah.



ii. Kurang minat membaca

Subtema kurang minat membaca merujuk pada sikap tidak berminat untuk membaca dan bersikap sambil lewa dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu.

iii. Kurang galakan keluarga

Subtema kurang galakan keluarga membaca pula merujuk pada cara pengajaran kemahiran membaca serta sikap keluarga yang kurang memberi galakan untuk anak membaca di rumah disebabkan sentiasa sibuk dengan urusan kerja.

iv. Gangguan persekitaran

Subtema gangguan persekitaran merujuk pada persekitaran pengajaran yang tidak selesa sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keadaan di dalam bilik darjah sangat panas kipas angin tidak mencukupi. Di samping itu, bilangan murid yang ramai di dalam bilik darjah mengakibatkan kelas terlalu bising dan mengganggu pengajaran guru. Bunyi bising kenderaan juga menyebabkan guru kurang selesa kerana bangunan kelas terletak berdekatan dengan jalan raya. Sikap murid yang kurang berminat dalam pelajaran dan terlalu aktif di dalam bilik darjah juga mengganggu proses pengajaran di dalam bilik darjah.

v. Gangguan aktiviti sekolah

Subtema gangguan aktiviti sekolah merujuk pada aktiviti sekolah yang terlalu padat memberi kekangan terhadap pengajaran guru di sekolah.

### **Selepas**

i. Pelbagai program membaca

Subtema pelbagai program membaca merujuk pada program membaca yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan serta dilaksanakan oleh pihak sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) yang dilaksanakan di sekolah dengan memberi pengiktirafan bacaan buku secara kumulatif sepanjang tahun secara berterusan. Selain itu, terdapat program Membaca 10 Minit yang melibatkan semua murid Tahap 1 dan Tahap 2 di sekolah rendah. Murid menunjukkan minat yang positif dalam program membaca tersebut sebab dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik murid. Di samping itu, murid merasa seronok sebab dapat membaca banyak bahan bacaan dan dapat membaca secara beramai-ramai.

ii. Inisiatif sekolah

Subtema inisiatif sekolah merupakan usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk membantu meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan murid.

iii. Inisiatif guru

Inisiatif guru pula merupakan usaha yang dilakukan oleh pihak guru untuk membantu meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru membawa sendiri buku rujukan untuk dipinjamkan kepada murid. Di samping itu, murid juga menjelaskan bahawa guru menyediakan pinjaman buku secara pukal di perpustakaan untuk dibaca bersama-sama semasa pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, guru juga membawa surat khabar, petikan fotostat dan majalah sebagai bahan bacaan murid di dalam bilik darjah.

iv. Inisiatif keluarga

Inisiatif keluarga dalam kajian ini merujuk pada usaha yang dilakukan oleh ahli keluarga bagi mencapai matlamat untuk membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran membaca. Ahli keluarga yang lain juga terlibat menggalakkan anak rajin membaca dan mengulang kaji pelajaran di rumah. Selain itu, hadiah berbentuk buku dan selalu membawa anak mengunjungi kedai buku dan perpustakaan awam juga merupakan inisiatif yang dilakukan oleh ahli keluarga.

v. Sumbangan pihak luar

Sumbangan pihak luar dalam konteks kajian ini merujuk pada usaha agensi-agensi luar bagi membantu guru meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak kantin sekolah di SLB2 membantu menyumbangkan tikar sebagai alas duduk yang bersih untuk keselesaan murid membaca semasa program Membaca 10 Minit. Selain itu, sumbangan buku dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) membantu pihak sekolah mengatasi masalah kekurangan bahan bacaan. Dapatan kajian ini disokong melalui temu bual dengan peserta kajian guru yang menjelaskan bahawa sumbangan bahan bacaan seperti kamus, buku rujukan, majalah dan *e-book* dari pihak DBP banyak membantu mengatasi masalah kekurangan bahan bacaan dan rujukan di perpustakaan dan Pusat Sumber Sekolah. Pihak luar seperti pemilik Book Store yang berdekatan juga membantu menyumbangkan buku cerita dan memberikan potongan harga yang rendah dan berpatutan kepada murid dan guru.

### **Menilai: Langkah-langkah Menangani Masalah Penguasaan Pengajaran Kemahiran Membaca**

Tema bagi langkah menangani penguasaan pengajaran kemahiran membaca merupakan langkah yang dapat membantu menangani penguasaan kemahiran membaca yang dihadapi oleh guru di sekolah rendah. Langkah-langkah yang telah diambil termasuklah pelbagai program membaca, inisiatif pihak sekolah, guru, dan ibu bapa serta sumbangan pihak luar.

## **Selepas**

### **i. Pelbagai program membaca**

Subtema pelbagai program membaca merujuk pada program membaca yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan serta dilaksanakan oleh pihak sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) yang dilaksanakan di sekolah dengan memberi pengiktirafan bacaan buku secara kumulatif sepanjang tahun secara berterusan. Selain itu, terdapat program Membaca 10 Minit yang melibatkan semua murid Tahap 1 dan Tahap 2 di sekolah rendah. Murid menunjukkan minat yang positif dalam program membaca tersebut sebab dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik murid.

### **ii. Inisiatif sekolah**

Subtema inisiatif sekolah merupakan usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk membantu meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan murid.

### **iii. Inisiatif guru**

Inisiatif guru pula merupakan usaha yang dilakukan oleh pihak guru untuk membantu meningkatkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru membawa sendiri buku rujukan untuk dipinjamkan kepada murid. Di samping itu, murid juga menjelaskan bahawa guru membuat pinjaman buku secara pukal di perpustakaan untuk dibaca bersama-sama semasa pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, guru juga membawa surat khabar, petikan fotostat dan majalah sebagai bahan bacaan murid di dalam bilik darjah.

### **iv. Inisiatif keluarga**

Inisiatif keluarga dalam kajian ini merujuk pada usaha yang dilakukan oleh ahli keluarga bagi mencapai matlamat untuk membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran membaca. Ahli keluarga yang lain juga terlibat menggalakkan anak rajin membaca dan membuat ulang kaji di rumah. Selain itu, hadiah berbentuk buku dan selalu membawa anak mengunjungi kedai buku dan perpustakaan awam juga merupakan inisiatif yang dilakukan oleh ahli keluarga.

Secara rumusannya, dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian “Apakah maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah?”, terbahagi pada maklum balas kelemahan penguasaan kemahiran bacaan, faktor yang mempengaruhi wujudnya kelemahan tersebut, serta langkah-langkah menanganinya. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu sekolah rendah terarah pada kelemahan penguasaan pengajaran kemahiran membaca untuk memahami isi kandungan teks

yang dibaca yang melibatkan kelemahan memahami makna kata dan kelemahan memahami makna ayat. Guru juga tidak menekankan dari segi kelancaran membaca yang melibatkan kelemahan dari sebutan dan kelemahan membunyikan tanda baca.

## **PERBINCANGAN DAPATAN**

Perbincangan yang dilaksanakan dalam kajian ini ialah berkaitan dengan meneroka maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

### **Merancang : Sebelum**

#### *Penguasaan pengajaran kemahiran membaca*

Hasil perbincangan dapatan kajian menunjukkan masalah penguasaan pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah melibatkan pemahaman isi kandungan teks yang lemah disebabkan murid lemah memahami makna perkataan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Ouellette (2006) dan Perfetti (2007) mendapati bahawa kualiti pemahaman fleksibel makna yang rendah dalam kemahiran membaca membawa masalah terhadap pembacaan dan proses pemahaman membaca murid. Kelemahan murid memahami makna perkataan seterusnya mengakibatkan murid kurang cekap memahami makna ayat.

### **Memantau : Semasa**

#### *Faktor mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca*

Bagi dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi pengajaran kemahiran membaca guru sekolah rendah terdiri daripada faktor kurang bahan bacaan, kurang minat membaca, kurang galakan membaca, gangguan persekitaran dan gangguan aktiviti sekolah. Guru sekolah sering kali menghadapi kekurangan bahan bacaan menyebabkan murid terpaksa berkongsi bahan bacaan, tidak sempat menghabiskan bacaan. Hal ini disebabkan buku yang dibekalkan di perpustakaan dan Pusat Sumber juga sangat terhad bilangannya. Penggunaan bahan pengajaran yang menarik dan mencukupi menarik minat dan menyeronokkan murid di samping dapat mewujudkan suasana pengajaran Bahasa Melayu yang bersifat interaktif terhadap bahan (Yahya & Dayang 2011 dan (Pati & Zamri 2015).

## **Menilai : Selepas**

### *Langkah menangani penguasaan kemahiran membaca*

Hasil bagi pelbagai program membaca telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan serta dilaksanakan pihak sekolah yang melibatkan guru Bahasa Melayu. Program membaca seperti NILAM, LINUS, PROBIM, PROTIM, dan Membaca 10 Minit telah dilaksanakan bertujuan meningkatkan penguasaan membaca murid. Tetapi, keberkesanan program membaca tersebut bergantung pada kesungguhan murid, minat membaca, penglibatan aktif dalam program serta usaha berterusan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca.

## **IMPLIKASI TERHADAP TEORI PEMBEAJARAN METAKOGNITIF**

Bagi kajian ini memberi implikasi dalam teori pembelajaran metakognitif iaitu teori pengajaran yang berasaskan proses berfikir seseorang individu untuk mengurus tingkah laku, mengawal dan menggunakan minda (Morgan et al.,(2006). Menurut Rasid (2011) pemahaman membaca murid bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya pemikiran metakognitif dan pengalaman membaca murid. Justeru, guru digalakkan untuk mengungkapkan makna yang terkandung di teks yang dibaca serta makna yang ingin disampaikan oleh guru secara interaktif melalui gabungan pendekatan membaca atas ke bawah (Top-Down) dan bawah ke atas (Bottom-Up) bagi memperoleh pemahaman melalui proses interaksi antara pembaca dengan bahan yang dibaca (Rubin 1993 dan Field 2004).

## **KESIMPULAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka strategi metakognitif yang tertumpu pada pendekatan, kaedah, teknik yang digunakan dalam meneroka maklum balas guru dari aspek merancang, memantau dan menilai dalam kemahiran membaca sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Pemilihan tiga buah sekolah rendah yang dikaji adalah berasaskan kesemua penduduk yang tinggal berhampiran dengan lokasi yang dikaji menghantar anak mereka ke sekolah tersebut adalah terdiri daripada kaum Iban, Melayu, Cina, Melanau dan Bidayuh. Pada peringkat awal kajian ini, pengkaji memberikan tumpuan terhadap strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 1-12.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. 2015. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar.

*Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1):1-12.

- Alizah Lambri. 2016. Pelaksanaan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusat Pelajar Dalam Kursus Bahasa Melayu Di Sebuah Universiti Awam. Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baron, R.A.2001. *Psychology*. Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S.K. 1998. *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods. 3rd Edition*. Boston: Allyn & Bacon.
- Coutinho, S.A., & Neuman, G. 2008. A model of metacognition, achievement goal, orientation, learning style and self-efficacy. *Learning Environments Research*, 11(2):131-151.
- Field. J. 2004. An insight into listeners' problems: too much bottom-up or too much top down? *System* 32(3):363-377.
- Flavell, J.H. 1970. *Development studies of mediated memory*. In Reese, N.W. & Lipsitt, L.P, (Ed.), *Advance in Child Development and Behavior*. New York: Academic Press, Inc.
- Flavell, J.H. 1979. *Metacognition and cognitive monitoring: A new area of cognitive developmental inquiry*. *American Psychology*, 34(10): 906-911
- Flavell, J.H. 1999. *Cognitive development: Children's knowledge about mind*. *Annual Review of Psychology*, 50(1): 21-45
- Flavell, J.H., Green, F.L. & Flavell, E.R. 2000. Development of children's awareness of their own thoughts. *Journal of Cognition and Development*, 24(1): 97-112.
- Jafari, D. & Ketabi, S. (2012). Metacognitive strategies and reading comprehension enhancement in Iranian inetermediate EFL setting. *International Journal of Linguistic*. Vol. 4(3), 1-14
- Karami, S. & Hashemian, M. (2012). The relationship between metacognitive strategies and reading comprehension in Iranian female L2 learners. *International Journal of English*. Vol. 2(4), 58-64.
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias, dan Faizah Hj. Shamsudin. 2013. *Siri Pengajian Bahasa Melayu: Bahasa Melayu Pemulihan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Selangor.
- Merriam, S. B. 1988. *Case study research in Education. A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Merriam, S.B.2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Educations. Revised and Expanded from Case Study research in education. San Francisco: Jossey-Bass.*
- Morgan-Lopez, A.A., & MacKinnon, D.P. 2006. *Demonstrating and evaluation of a method for assessing mediated moderation. Behavior Research Method*, 38(1): 77- 87.
- Ouellette, G.P. 2006. What's meaning got to do with it: The role of vocabulary in word reading and reading comprehension? *Journal of Educational Psychology*, 98(3):554-566.
- Patton, M.Q. 2002. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Ed. Ke-3. California: Sage Publications, Inc.
- Pati & Zamri (2015). Strategi Pelaksanaan Metakognitif dalam bacaan Teks Bahasa Iban . Kertas kerja di bentangkan dalam Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu kali Ke-4, anjuran bersama Fakulti Pendidikan, UKM dan IPG Kampus Batu Lintang, di IPG Kampus Batu Lintang Kuching, Sarawak pada 5-8 Mac 2015. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu kali Ke-4*, hlm. 247-260.
- Perfetti, C. 2007. Reading ability: Lexical quality to comprehension. *Jurnal of Scientific Studies of Reading*, 11(4): 357-383.
- Pressley, M., & Harris, K.R. 2006. *Cognitive strategies instruction: from basic research to classroom instruction*. In Alexander, P.A & Winne, W. (Eds.). *Handbook of educational psychology* (2nd Edition. pp.265-286). New York: Macmillan.
- Robson C. 2011. *Real world Research: 3<sup>rd</sup> Edition*. Chichester: John Wiley & Sons Ltd. Rubin, D. 1993. *A practical approach to teaching reading*. Allyn and Bacon Silverman, D. 2016. *Qualitative research*. London: Sage Publications Inc.
- Tormala, Z.L., DeSensi, V.L., & Petty, R.E. 2007. *Resisting persuasion by illegitimate means: A meta-cognitive perspective on minority influence*. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 33(3): 354-367.
- Van, M.J. 1983. *Qualitative methodology*. California: Sage Publicationa Inc.
- Vygotsky, L.S. 1978. *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge: Harvard University Press.
- Yahya Othman. (2008). *Proses dan strategi membaca berkesan*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar. 2011. Kesan perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 27-49.

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Zamri Mahamod. 2008. *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.* (Pnyt.). Shah Alam: Penerbitan Karisma.



## KESALAHAN PEMBINAAN AYAT MAJMUK DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3 DAN TAHUN 5: PENJABARAN TEORI CORDER

Vanessa Vynn Aline<sup>1</sup>  
vanessa23-1238@epembelajaran.edu.my

Nadiatul Adawiyyah Binti Ali Bakar<sup>2</sup>  
nadiatul23-1227@epembelajaran.edu.my

### Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk menjelaskan kesalahan ayat majmuk dalam penulisan murid sekolah rendah berpandukan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan dengan mencari maklumat-maklumat daripada pelbagai kajian pengkaji lepas dan kaedah pemerhatian menggunakan alat kajian iaitu sampel lembaran kerja murid-murid. Lantaran itu, responden kajian yang dipilih terdiri daripada 23 murid tahun 3 dari Sekolah Kebangsaan St. John dan 31 orang murid tahun 5 dari Sekolah Kebangsaan Tanjung Tuang. Kajian ini mengaplikasikan Teori Analisis Kesalahan Corder dalam penganalisan data, iaitu dalam kesalahan penulisan ayat majmuk yang dikesan dalam lembaran kerja murid-murid. Berdasarkan analisis teori Corder (1973), kesalahan yang berlaku adalah disebabkan oleh empat faktor, iaitu (i) pengguguran unsur-unsur yang perlu, (ii) penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, (iii) pemilihan unsur yang tidak tepat, dan (iv) penyusunan unsur yang salah. Bertitik tolakkan teori tersebut, dapatan kajian menunjukkan kesalahan penulisan ayat majmuk dalam kalangan murid tahun 3 Sk St. John dan tahun 5 SK Tanjung Tuang berlaku disebabkan penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pengguguran unsur-unsur yang perlu dan pemilihan unsur yang tidak tepat. Sehubungan itu, kajian ini diharapkan dapat menyalurkan pengetahuan yang dapat meningkatkan pemahaman penggunaan ayat majmuk, di samping mengelakkan kesalahan tatabahasa dalam pembinaan ayat dalam penulisan murid-murid sekolah rendah secara berterusan.

**Kata Kunci:** Kata hubung, penulisan, pelajar, Teori Analisis Kesalahan Corder.

### PENGENALAN

Menurut Awang Sariyan (1996), bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi Malaysia seperti yang termaksud dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di bawah perkara 152 (1) yang mengikut peruntukkan undang-undang parlimen. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi membolehkan setiap rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa dapat disatukan melalui satu bahasa iaitu Bahasa Melayu itu sendiri. Penggunaan bahasa Melayu ini juga dipertuturkan secara meluas kerana telah menjadi bahasa pengantar dan alat berkomunikasi, misalnya bahasa ini turut dipertuturkan oleh kaum lain

daripada negara luar. Hal ini telah memperlihatkan ketinggian martabat bahasa ini di seantero dunia. Sehubungan itu, bersesuaian dengan kedudukan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, para pelajar seharusnya menguasai bahasa ini sebaik-baiknya dengan menguasai kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, tatabahasa dan seni bahasa seperti yang telah digariskan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu.

Nurul Istinganah (2019) berpendapat bahawa terdapat beberapa komponen di dalam sistem bahasa seperti sistem ejaan, fonetik, morfologi dan sintaksis. Bidang sintaksis merupakan salah satu komponen dalam sistem Melayu yang amat terkenal dan menarik kerana bidang ini dapat dilihat melalui penutur yang berkemampuan membina ayat yang gramatis atau sebaliknya. Dalam erti kata lain, sintaksis ini menumpukan kajian tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan unsur-unsur yang membentuk sesuatu ayat tertentu, sama ada ayat-ayat dasar atau ayat majmuk. Menurut Zulkifley Hamid (2007) pula, bidang ini juga menganalisis bentuk-bentuk perubahan yang berlaku ada pembentukan ayat sekiranya berlaku pertukaran bentuk dan jenisnya. Selain itu, Nik Safiah Karim (2005), mendefinisikan bidang sintaksis pula sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa berdasarkan kaedah penggabungan dan penyusunan kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa.

Secara wajarnya, setiap penutur hendaklah menyedari peri-pentingnya penguasaan bidang sintaksis kerana dalam penggunaan bahasa sehari-hari, penutur tidak menggunakan ayat tunggal sahaja, namun penutur juga sering menggunakan ayat yang terdiri daripada dua atau lebih ayat tunggal yang dicantumkan dalam percakapan seharian. Ayat tersebut disebut sebagai ayat majmuk. Menurut Nik Safiah Karim (2005), ayat majmuk didefinisikan ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih, dan mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan mengikut cara yang tertentu sehingga terbentuknya ayat baharu. Ayat-ayat tunggal tersebut akan dicantumkan menggunakan kata hubung seperti yang, dan, sambil, kerana dan sebagainya (Suraiya Chapakiya, 2014).

Lantaran itu, penganalisan pengkaji terhadap lembaran kerja bagi pembinaan ayat majmuk murid Tahun 3 di SK St. John (M) Sebayor serta murid Tahun 5 di SK Tanjung Tuang, Kota Samarahan memperlihatkan bahawa penguasaan murid dalam pembinaan ayat majmuk masih sederhana dan memerlukan penambahbaikan untuk memantapkan penguasaan aspek tatabahasa murid. Oleh itu, kajian ini mendedahkan kategori kesalahan yang dilakukan oleh murid Tahun 3 dan Tahun 5 tersebut berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973).

## **OBJEKTIF**

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kesalahan struktur ayat majmuk dalam kalangan murid tahun 3 dan tahun 5.
2. Menganalisis kesalahan struktur ayat majmuk dalam kalangan murid tahun 3 dan tahun 5.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kepentingan menganalisis kesalahan ayat majmuk dalam kalangan murid sekolah rendah terlihat melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji. Kajian-kajian yang ditemukan ini kebanyakannya meneliti kesalahan-kesalahan dalam pembinaan ayat majmuk dalam kalangan pelajar asing, sekolah menengah serta Prauniversiti.

Penyelidikan Zaharani Ahmad dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2010) yang bertajuk ‘Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Aspek Tatabahasa’ telah mengkaji tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan remaja Malaysia dari segi tatabahasa yang meliputi aspek pengimbuhan, pilihan kata dan ejaan. Hasil dapatan kajian tersebut memaparkan bahawa tahap penguasaan remaja Malaysia dalam aspek membina ayat adalah memuaskan (74.8 peratus). Walau bagaimanapun, penguasaan pelajar dalam aspek analisis kesalahan yang melibatkan imbuhan dan ejaan (59.6 peratus) dan pilihan kata (64.1 peratus) berada pada tahap kurang memuaskan. Menurut beliau lagi, walaupun tahap penguasaan pelajar memuaskan dalam aspek membina ayat, tahap penguasaan mereka kurang memuaskan kerana terdapat soalan yang tidak boleh dikuasai. Pelajar juga tidak dapat menguasai sistem ejaan dan analisis pilihan kata dengan baik. Hal ini berpunca daripada kekeliruan mereka antara maklumat linguistik dengan maklumat pragmatik dan antara nahu preskriptif yang diajar di sekolah dengan nahu praktis yang diamalkan di luar sekolah.

Seterusnya, kajian Arina Johari dan Mohd. Zuber Ismail (2013) yang bertajuk ‘Analisis Kesalahan Umum Struktur Ayat Majmuk oleh Pelajar Asing’ meneliti tentang kelemahan pembinaan struktur ayat majmuk dalam kalangan pelajar asing. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap 156 ayat majmuk gabungan yang telah dibina oleh responden, beberapa kesalahan yang signifikan telah dikenal pasti. Dalam hal ini, terdapat sekurang-kurangnya dua kesalahan dalam setiap ayat. Bukan itu sahaja, terdapat ayat mengandungi antara empat hingga lima kesalahan. Kesalahan yang paling kerap ditemukan ialah aspek ejaan dengan peratus kekerapan tertinggi sebanyak 26.1%. Sebanyak 17.1% ayat pula mengandungi kesalahan kata kerja seperti tidak mengandungi penanda pasif atau aktif (imbuhan) atau tidak bersesuaian dengan konteks ayat. Tambahan pula, terdapat ayat majmuk yang tidak mempunyai kata kerja. Kesalahan dari aspek struktur ayat pula mencatat kesalahan ketiga tertinggi iaitu 15.6%. Pengkaji menganalisis bahawa kebanyakan ayat majmuk gabungan yang dihasilkan mengalami kecelaruan susunan dalam menggabungkan subjek dan predikat ayat utama dengan subjek dan predikat ayat kedua dan ketiga sehingga menjejaskan makna ayat secara keseluruhan. Pelajar-pelajar asing tersebut tidak menguasai makna kata hubung dan konteks penggunaannya sehingga menyumbang kepada kesalahan memilih kata hubung yang sesuai dengan konteks ayat. Rentetan itu, kesalahan kata hubung di dalam kajian ini telah mencatat peratus kekerapan sebanyak 14.2%.

Kajian lain seperti kajian yang dijalankan oleh Zurakintan Abdul Razak (2014) yang bertajuk ‘Penguasaan Ayat Majmuk Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Prauniversiti’

telah meneliti penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam kalangan pelajar prauniversiti. Objektif penyelidikan ini adalah menentukan tahap penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam kalangan pelajar prauniversiti, menganalisis struktur ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar dan menghuraikan faktor kelemahan mereka dalam penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu yang sederhana dan lemah. Kebanyakan responden tidak menguasai konsep ayat majmuk dan jenisnya secara rinci. Hasil daripada analisis ayat majmuk dalam karangan, didapati bahawa terdapat 2383 ayat yang telah dihasilkan dan 60 peratus daripadanya ialah ayat majmuk, manakala 38.1 peratus merupakan ayat yang tidak gramatis. Kelemahan responden dalam pembinaan ayat majmuk adalah dari segi penggunaan kata hubung yang tidak tepat dan terdapatnya pelbagai kesalahan bahasa.

Di samping itu, kajian Roslyza Abd. Ruahim (2018) yang bertajuk ‘Analisis Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan Relatif dalam Kalangan Pelajar Sekolah’ memperlihatkan bahawa kebanyakan murid belum menguasai struktur ayat majmuk dengan baik. Objektif kajian ini adalah mengesan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif dalam karangan pelajar-pelajar sekolah. Kajian ini telah melibatkan seramai 30 orang pelajar bagi 2 kelas yang berbeza (kelas A dan kelas B). Dapatan kajian pula menunjukkan bahawa sebanyak 30 buah karangan yang ditulis mengandungi kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif. Justeru, kesalahan tatabahasa yang paling banyak ditemukan dalam data yang dianalisis ialah struktur binaan ayat majmuk yang tidak tepat. Buktinya, hampir 90% orang pelajar berbangsa Melayu tidak dapat menulis karangan menggunakan ayat yang lengkap dan gramatis. Berdasarkan 15 buah karangan pelajar-pelajar kelas A, 10 orang pelajar berjaya menggunakan ayat majmuk relatif dengan betul, manakala 5 lagi masih melakukan kesalahan-kesalahan kecil. Bagi kelas B pula, sejumlah 13 pelajar tidak berupaya menghasilkan ayat majmuk dengan tepat dan hanya 2 orang pelajar sahaja yang menguasai struktur binaan ayat majmuk.

Terdapat juga kajian berkenaan kesalahan penggunaan ayat majmuk oleh Norul Haida Redzuan et al. (2018) yang bertajuk ‘Analisis Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan dalam Karangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu’ yang melihat kepada penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Penyelidikan ini telah melibatkan para pelajar tingkatan satu sahaja iaitu seramai 20 orang. Kelompok pelajar ini terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Kajian tersebut mendapati bahawa seramai 10 orang responden atau 50% daripada jumlah keseluruhan responden telah melakukan kesalahan dalam penggunaan ayat majmuk pancangan yang betul. Separuh responden pula tidak menunjukkan sebarang kesalahan dalam penggunaan ayat majmuk pancangan yang betul dalam penulisan karangan mereka. Selain itu, hasil analisis data kajian ini menunjukkan seramai 7 orang responden bersamaan dengan 35% yang telah melakukan kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif yang dalam penulisan karangan mereka. Oleh itu, masih banyak murid keliru dengan struktur ayat majmuk yang tepat.

Bertitik tolak daripada itu, kajian Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021) yang bertajuk

‘Analisis Kata Hubung Pancangan Dalam Penulisan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama oleh Pelajar Melayu Tingkatan Satu Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder’ juga telah menjelaskan kata hubung pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973). Responden kajian terdiri daripada 20 orang pelajar tingkatan 1 di sebuah sekolah luar bandar di Segamat, Johor. Dapatan kajian menunjukkan kesalahan penggunaan kata hubung pancangan berlaku disebabkan empat faktor iaitu, (i) kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, (ii) penggunaan kata hubung yang tidak tepat, (iii) ketiadaan penggunaan tanda baca dan (iv) kesalahan pemilihan kosa kata. Hasil kajian juga menunjukkan pembinaan ayat majmuk pancangan keterangan mencatat kekerapan kesalahan tertinggi diikuti dengan pembinaan ayat majmuk pancangan relatif dan pembinaan ayat majmuk pancangan komplemen.

Kesimpulannya, kajian berkenaan kesalahan dalam pembinaan ayat majmuk serta pengaplikasian Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) yang lepas membuktikan bahawa pengkajinya banyak menumpukan kesalahan pembinaan ayat dalam kalangan pelajar asing, sekolah menengah dan Prauniversiti. Kajian ini pula memberikan fokus yang lebih mendalam kepada aplikasi Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) untuk mengenal pasti kesalahan pembinaan ayat majmuk dalam kalangan murid sekolah rendah, khususnya murid tahun 3 SK St. John (M) Sebayor dan tahun 5 SK Tanjung Tuang, Kota Samarahan.

## **KERANGKA TEORETIS**

Dalam menjayakan makalah ini, pengkaji menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder yang digagaskan oleh Stephen Pit Corder (1973). Teori ini turut dikenali sebagai teori analisis kesalahan bahasa, yang meneliti kesalahan penggunaan bahasa yang dilakukan oleh seseorang. Teori ini mengutamakan beberapa prosedur, iaitu mengenal pasti kesalahan bahasa yang dilakukan, menjelaskan dan menghuraikan kesalahan bahasa berkenaan (Noraisah Sakilah Ahmad et al., 2021). Corder (1973) menyatakan bahawa dalam mempelajari bahasa, seseorang itu tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan. Rentetan itu, kajian Corder (1981) telah mendefinisikan kesalahan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Penyimpangan bahasa menurut teori ini turut merangkumi semua aspek bahasa, yakni ejaan, sebutan, penggunaan istilah, tatabahasa dan sebagainya.

Bertepatan dengan teori ini, pengkaji melakukan satu analisis terhadap lembaran kerja murid Tahun 3 SK St. John (M) Sebayor dan Tahun 5 SK Tanjung Tuang bagi mengenal pasti kesalahan bahasa bagi pembinaan ayat majmuk. Corder (1973) menekankan bahawa kesilapan atau kesalahan bahasa berlaku kerana terdapat penyimpangan dalam sistem atau peraturan bahasa. Sehubungan dengan itu, beliau mengkriteriakan tiga faktor yang mendorong kepada kesalahan bahasa iaitu:

- K  
eliru (mistakes) = Penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku

kerana penulis tidak menggunakan bahasa secara tepat.

- K  
 esilapan (lapses) = Penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana beralihnya topik perbincangan.
- S  
 alah (errors) = Penyimpangan pemakaian bahasa dari struktur baku kerana pemakai belum menguasai kaedah bahasa.

Kajian ini merujuk kepada analisis kesalahan bahasa yang wujud dalam penulisan murid sekolah rendah serta pembetulan yang sepatutnya bagi kesilapan yang dilakukan. Bersandarkan perkara ini, pengkaji dapat menyatakan bahawa guru bahasa Melayu memainkan peranan yang signifikan untuk membaiki penguasaan bahasa Melayu murid, khususnya dari segi penulisan ayat majmuk yang gramatis. Corder (1973) dalam Amirra dan Vijayaletchumy (2019) mengujarkan bahawa kesilapan bahasa merupakan proses pembelajaran dan boleh diselesaikan. Teori Corder (1973) telah menyenaraikan empat kategori kesilapan bahasa, iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah dan pemilihan unsur yang tidak tepat. Representasi bagi keempat-empat kategori berkenaan diterjemahkan dalam jadual yang berikut:

**Jadual 1.0:** Kerangka Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)

<b>Faktor kesalahan bahasa</b>	<i>Penambahan unsur yang tidak perlu</i>	<i>Pengguguran unsur yang perlu</i>	<i>Penyusunan unsur yang salah</i>	<i>Pemilihan unsur yang tidak tepat</i>
<b>Penerangan kesalahan dalam ayat majmuk</b>	<i>Pengulangan unsur</i>	<i>Pengguguran kata hubung</i>	<i>Struktur ayat</i>	<i>Pemilihan kata hubung yang tidak tepat</i>

Bersandarkan Teori Corder (1973), kajian ini lebih terarah dan tertumpu kepada kesilapan dalam bidang linguistik, iaitu aspek sintaksis. Bertepatan dengan jadual 1.0, pengkaji menganalisis kesalahan dalam ayat majmuk murid dari aspek pengulangan unsur, pengguguran kata hubung, struktur ayat dan pemilihan kata hubung, untuk mengenal pasti keempat-empat kategori kesalahan bahasa berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Rentetan itu, Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) dan buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015) dijadikan sumber rujukan utama bagi menganalisis kesalahan ayat majmuk murid dalam kajian ini.

## METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif sepenuhnya kerana menurut Sulaiman Masri (2001), penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian yang menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu, satu kumpulan

manusia, satu kelas, satu kelas dan seumpamanya. Kaedah kualitatif ini juga terdiri daripada kata-kata lisan mahupun tulisan berkenaan tingkah laku manusia yang diamati sama ada daripada hasil pemerhatian, temu bual atau bahan bertulis. Lantaran itu, kaedah penyelidikan kepustakaan juga digunakan dalam mendapatkan data untuk kajian ini. Kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapatkan data atau bukti melalui kajian ke atas kajian-kajian lepas yang berkaitan sama ada dalam bentuk artikel, jurnal, tesis, buku-buku akademik, kertas seminar dan sebagainya untuk dijadikan input bagi mengukuhkan kajian melalui pandangan dan sokongan-sokongan sarjana yang diperoleh (Nirwana Zulkifley,).

Kaedah ini juga merupakan salah satu kaedah yang penting untuk mendapatkan maklumat kosa kata ilmu bagi tugasan kajian ini. Menurut Mohd Saffie (1991), kosa kata ilmu diertikan sebagai hasil penulisan pengkaji-pengkaji terdahulu dalam bidang penyelidikan mereka sebagai rujukan kepada pengkaji agar tiada sebarang pertindihan kajian yang berlaku. Selain itu, kaedah menganalisis dokumen turut digunakan dalam melaksanakan kajian ini menggunakan instrumen seperti lembaran kerja Bahasa Melayu bagi murid tahun 3 dan 5 berkenaan dengan ayat majmuk. Sehubungan itu, lembaran kerja murid-murid telah menjadi instrumen utama untuk mengumpul maklumat dan data dalam kajian penyelidikan ini. Pemilihan ayat juga dilakukan secara teliti agar sesuai untuk dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder.

## **DAPATAN**

Hasil kajian memperlihatkan bahawa kesalahan-kesalahan pembinaan ayat majmuk dalam kalangan murid tahun 3 di Sekolah Kebangsaan St. John Sebayor dan Tahun 5 di SK Tanjung Tuang menepati ciri-ciri kesalahan yang digarapkan dalam Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Bahagian ini memfokuskan dapatan dan perbincangan berkaitan dengan hasil analisis pembinaan ayat majmuk menerusi lembaran kerja murid-murid. Data-data kajian dipindahkan ke dalam bentuk jadual seperti yang berikut:

**Jadual 2.0:** Dapatan analisis lembaran kerja murid Tahun 3 dan Tahun 5

<b>Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)</b>	
Penambahan unsur yang tidak perlu	✓
Pengguguran unsur yang perlu	✓
Penyusunan unsur yang salah	✗
Pemilihan unsur yang tidak tepat	✓

Berdasarkan jadual 2.0, pengkaji berjaya mengesan tiga daripada empat kategori yang ditekankan dalam Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Kesalahan penambahan unsur yang tidak perlu, pengguguran unsur yang perlu dan pemilihan unsur yang tidak tepat menjadikan ayat yang telah dibina oleh murid-murid tidak gramatis. Rentetan itu, pengkaji

mengimplementasikan teori ini untuk membincangkan kesalahan-kesalahan yang sebenarnya wujud dalam kalangan murid sekolah rendah.

## **PERBINCANGAN**

Kesalahan pembinaan ayat majmuk dalam kalangan murid tahun 3 di SK St. John (M) Sebayor dan dan tahun 5 SK Tanjung Tuang telah dikenal pasti dan dianalisis berpandukan soalan yang mempunyai jumlah kesilapan paling banyak, seperti terjemahan jadual di bawah:

**Jadual 3.0:** Klasifikasi kesalahan pembinaan ayat murid tahun 3 dan tahun 5

<b>Murid</b>	<b>No. Soalan</b>	<b>Jenis kesalahan</b>	<b>Jumlah kesalahan</b>
Tahun 3	1	Penambahan unsur yang tidak perlu	14 daripada 23
Tahun 3	4	Pengguguran unsur yang perlu	3 daripada 23
Tahun 5	2	Pemilihan unsur yang tidak tepat	3 daripada 31

Berdasarkan penelitian pengkaji, murid tahun 3 di SK St. John (M) Sebayor telah mencatatkan kesalahan tertinggi bagi soalan yang pertama. Berdasarkan analisis, seramai 14 daripada 23 orang murid Tahun 3 telah membina ayat majmuk dengan menambahkan unsur yang tidak perlu dalam ayat tersebut. Selain itu, 3 daripada 23 orang murid dilihat telah menggugurkan unsur yang perlu bagi soalan yang keempat. Murid Tahun 5 di SK Tanjung Tuang pula mempunyai masalah dalam memilih unsur yang tepat untuk membina ayat majmuk. Melalui hasil analisis pengkaji, terdapat 3 daripada 31 orang murid Tahun 5 di SK Tanjung Tuang menjawab dengan salah bagi soalan bernombor 2. Dalam konteks ini, mereka lazimnya menggunakan kata hubung yang tidak sesuai dengan konteks ayat yang dibina.

### **Penambahan unsur yang tidak perlu**

Menerusi analisis pengkaji terhadap lembaran kerja murid tahun 3 di SK St. John (M) Sebayor, terdapat pengulangan unsur yang sama bagi ayat-ayat yang digabungkan. Perhatikan paparan jadual yang berikut:




**Jadual 4.0:** Klasifikasi penambahan unsur yang tidak perlu

<b>No. Soalan</b>	<b>Ayat yang salah</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan ayat</b>
<b>1</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mereka ternampak tompokan minyak dan mereka ternampak banyak ikan mati.</li> <li>2. Mereka ternampak tompokan minyak dan ternampak banyak ikan mati.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penambahan subjek dan bahagian predikat yang serupa, iaitu 'mereka ternampak'.</li> <li>2. Penambahan bahagian predikat yang serupa, iaitu 'ternampak'.</li> </ol>	Mereka ternampak tompokan minyak dan banyak ikan mati.

Berdasarkan jadual 4.0, kesalahan penambahan unsur yang tidak perlu telah dikenal pasti berdasarkan skrip jawapan murid-murid bagi soalan yang pertama. Nik Safiah Karim et al. (2015) menyatakan bahawa ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung. Beliau menjelaskan lagi bahawa sekiranya ayat-ayat yang digabungkan mempunyai unsur yang sama dan diulang, maka bahagian yang sama itu boleh digugurkan. Tambahan pula, pengguguran unsur-unsur yang sama berkenaan boleh berlaku pada bahagian subjek mahupun predikat ayat-ayat tunggal yang ingin digabungkan.

Ekoran daripada itu, pengkaji menyifatkan penambahan unsur yang tidak perlu sebagai satu kesilapan murid yang menambahkan unsur yang berulang sehingga pembinaan ayat majmuk tersebut tidak gramatis. Bertitik tolak daripada pandangan Nik Safiah Karim et al. (2015), pengkaji mendapati bahawa majoriti murid, yakni seramai 12 orang telah melakukan kesalahan menambah unsur yang sama dalam pembinaan ayat majmuk. Berikut merupakan binaan ayat majmuk yang tepat bagi soalan yang pertama:



**Rajah 1.0:**

*Rajah pohon ayat majmuk gabungan*

Secara umumnya, ayat pertama dan ayat kedua perlu dihubungkan dengan kata hubung ‘dan’ untuk membentuk susunan fakta yang berurutan bagi kedua-dua ayat tunggal berkenaan. Berdasarkan rajah 1.0, ayat tunggal yang pertama mempunyai subjek (mereka) dan bahagian predikat (ternampak) yang sama dengan ayat tunggal kedua. Berdasarkan rumus transformasi dalam Nik Safiah Karim et al. (2015), subjek atau bahagian yang sama digugurkan dalam proses pengguguran pada frasa nama sebagai subjek dan sebahagian daripada predikat yang sama. Berdasarkan analisis pengkaji, murid telah menambahkan unsur yang seharusnya digugurkan daripada ayat, iaitu ‘mereka ternampak’. ‘Mereka’ merupakan subjek ayat yang serupa bagi kedua-dua ayat tersebut manakala ‘ternampak’ ialah frasa kerja yang serupa dalam predikat ‘ternampak tompokan minyak’ dan ‘ternampak banyak ikan mati’. Berdasarkan jadual 4.0, penambahan subjek dan bahagian predikat yang serupa menjadikan ayat yang dibina kurang gramatis, iaitu ‘Mereka ternampak tompokan minyak dan mereka ternampak banyak ikan mati’.

Bertepatan dengan kajian Arina dan Mohd. Zuber (2013), kegagalan murid untuk menanggapi makna dan konteks penggunaan kata hubung yang sewajarnya menjadi penyebab kepada kecelaruan dan kekeliruan penyusunan struktur ayat majmuk. Namun begitu, analisis pengkaji terhadap data dalam jadual 4.0 menunjukkan bahawa kekeliruan yang berlaku dalam kalangan murid Tahun 3 SK St. John (M) Sebayor lebih tertumpu kepada pengguguran pada bahagian predikat. Dalam erti kata yang lain, pengkaji mendapati bahawa murid tahun 3 ini hanya menggugurkan bahagian subjek yang sama. Sebaliknya, murid telah menambahkan bahagian predikat yang sama iaitu ‘ternampak’ sehingga menghasilkan ayat yang berbunyi ‘Mereka ternampak tompokan minyak dan ternampak banyak ikan mati.’ Subjek (mereka) dan

bahagian predikat (ternampak) yang serupa bagi kedua-dua ayat tunggal tidak perlu ditambah apabila menggabungkan ayat. Izharnya, masih terdapat kekeliruan dalam kalangan murid untuk menentukan unsur-unsur yang perlu digugurkan bagi membentuk ayat yang gramatis iaitu ‘Mereka ternampak tompokan minyak dan banyak ikan mati.’


### **Pengguguran unsur yang perlu**

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap lembaran kerja murid tahun 3 di SK St. John (M) Sebayor, terdapat pengguguran unsur yang penting bagi ayat-ayat yang telah dibina. Perhatikan paparan jadual yang berikut:

**Jadual 5.0:** Klasifikasi bagi pengguguran unsur yang perlu

<b>No. Item</b>	<b>Ayat yang salah</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan ayat</b>
<b>4</b>	Azmi mengeluarkan telefon bimbit mengambil gambar keadaan sungai itu.	Pengguguran kata hubung ‘lalu’ semasa menggabungkan ayat.	1. Azmi mengeluarkan telefon bimbit lalu mengambil gambar keadaan sungai itu.

Berdasarkan jadual 5.0, soalan yang keempat menunjukkan kesalahan pembinaan ayat oleh murid tahun 3 bagi aspek pengguguran unsur yang perlu. Dalam pada itu, pendapat Abdullah Hassan (2005) adalah selari dengan Nik Safiah Karim et al. (2015) yang menyatakan bahawa ayat majmuk terbentuk daripada dua ayat atau lebih ayat tunggal dan percantuman beberapa ayat tersebut perlu menggunakan kata hubung. Bertitik tolak daripada pandangan Abdullah Hassan (2005), kata hubung merupakan unsur yang signifikan untuk ditambah apabila membina ayat majmuk. Menerusi penyemakan pengkaji terhadap lembaran kerja murid, terdapat segelintir murid telah menggugurkan kata hubung apabila menggabungkan dua ayat tunggal. Binaan ayat majmuk yang betul bagi soalan keempat diterjemahkan dalam rajah yang berikut:



**Rajah 2.0:**

*Rajah pohon ayat majmuk gabungan*

Rajah 2.0 di atas memaparkan bahawa ayat tunggal yang pertama ialah ‘Azmi mengeluarkan telefon bimbit.’ dan ayat tunggal yang kedua ialah ‘Azmi mengambil gambar keadaan sungai itu.’ Ayat tunggal pertama mempunyai subjek (Azmi) yang sama dengan ayat tunggal kedua. Oleh itu, subjek yang berulang pada ayat tunggal kedua digugurkan dalam proses pengguguran pada frasa nama sebagai subjek yang sama. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa segelintir murid tahun 3 di SK St. John (M) Sebayor telah menggugurkan kata hubung yang merupakan unsur utama untuk menggabungkan ayat-ayat tunggal secara gramatis. Berlandaskan teori Corder (1973), bahasa ibunda sedikit sebanyak menghalang murid untuk memperoleh bentuk, sistem atau hukum untuk memahami dan menguasai bahasa kedua (Siti Baidura dan Nurul Jamilah, 2011). Lantaran itu, pengkaji mengaitkan bahawa penyimpangan hukum tatabahasa yang dilakukan oleh murid-murid Tahun 3 SK St. John (M) Sebayor, sedikit sebanyak dipengaruhi oleh latar belakang dan keturunan mereka yang kebanyakannya bukan penutur jati bahasa Melayu.

Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021) menerangkan bahawa kata hubung berfungsi untuk menggabungkan perkataan dengan perkataan, frasa dengan frasa dan klausa dengan klausa sehingga terbentuknya ayat yang berlapis. Menerusi penelitian pengkaji, seramai tiga orang murid telah mencantumkan ayat tunggal dengan ayat tunggal kedua tanpa menggunakan kata hubung. Pengguguran kata hubung menyebabkan ayat majmuk yang terbentuk tidak gramatis iaitu, ‘Azmi mengeluarkan telefon bimbit mengambil gambar keadaan sungai itu.’ Berdasarkan konteks ayat-ayat tunggal dalam rajah 2.0, kata hubung ‘lalu’ sesuai untuk menggabungkan ayat tunggal pertama dan kedua kerana ayat berkenaan mempunyai susunan

fakta yang berurutan, yakni satu demi satu.

Lantaran itu, ayat majmuk yang sepatutnya terbentuk adalah ‘Azmi mengeluarkan telefon bimbit lalu mengambil gambar keadaan sungai itu.’ Kata hubung ‘lalu’ perlu ditambah untuk menggabungkan kedua-dua ayat tunggal bagi menunjukkan perbuatan Azmi yang mengeluarkan telefon bimbit terlebih dahulu, kemudian mengambil gambar sungai berkenaan. Pengkaji menganggarkan bahawa hukum pembentukan ayat majmuk masih belum dikuasai sepenuhnya oleh beberapa orang murid tersebut kerana mereka belum menguasai kata hubung yang dipelajari. Sehubungan dengan itu, pelajar tidak dapat menguasai makna kata hubung dan konteks penggunaannya yang sebenar. Dalam erti kata yang lain, guru perlu mendedahkan dengan lebih terperinci berkenaan. Ijmalnya, analisis pengkaji jelas memaparkan bahawa terdapat pengguguran unsur yang perlu dalam pembinaan ayat majmuk oleh murid-murid tahun 3.

### Pemilihan unsur yang tidak tepat

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap lembaran kerja murid tahun 5 di SK Tanjung Tuang pula, murid cenderung untuk memilih kata hubung yang tidak tepat untuk menggabungkan ayat-ayat Tunggal. Analisis pengkaji dipaparkan seperti yang berikut:


**Jadual 6.0:** Klasifikasi bagi pemilihan unsur yang tidak tepat.

No. Item	Ayat yang salah	Kesalahan	Pembetulan
2	1. Bapa saya menaiki kereta dan kereta itu berwarna merah.  2. Bapa saya menaiki kereta dan kereta bapa berwarna merah.	1. Penggunaan unsur atau kata hubung yang salah iaitu ‘dan’ serta pengulangan ayat induk.  2. Penggunaan kata hubung yang salah iaitu ‘dan’ serta	Bapa saya menaiki kereta <b>yang</b> berwarna merah.

Berdasarkan jadual 6.0 di atas, soalan yang kedua menunjukkan kesalahan pembinaan ayat oleh murid tahun 5 bagi aspek pemilihan unsur yang tidak tepat. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), terdapat ayat majmuk yang terdiri daripada beberapa ayat yang struktur ayatnya tidak sama. Seperti yang telah diterangkan pada sebelumnya, terdapat dua ayat atau lebih yang bersifat sama taraf di dalam ayat majmuk gabungan, yakni masing-masingnya mampu berdiri sendiri. Menurut beliau lagi, terdapat ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat utama (ayat induk) dan satu atau lebih ayat kecil lain yang dipancarkan di dalam ayat utama dan menjadi sebahagian daripada ayat induk itu. Ayat tersebut dikenali sebagai ayat

majmuk pancangan yang terdiri daripada tiga jenis iaitu ayat majmuk relatif, ayat komplemen dan ayat keterangan. Berdasarkan soalan kedua, didapati bahawa ayat majmuk tersebut merupakan ayat majmuk pancangan relatif.

Asmah Haji Omar (2010) menyatakan bahawa ayat relatif merupakan ayat majmuk yang mencantumkan klausa utama dan klausa kecil dan ditandai dengan penggunaan kata hubung 'yang' misalnya *Bapa saya menaiki kereta yang berwarna merah* (soalan kedua). Ayat tersebut terdiri daripada dua ayat iaitu (i) *Bapa saya menaiki kereta* dan (ii) *Kereta itu berwarna merah*. Apabila kedua-dua ayat tersebut dimajmukkan, ayat (ii) perlu dipancangkan ke dalam ayat induk (i). Oleh kerana ungkapan *kereta* diulang, maka ungkapan *kereta* pada ayat (ii) itu boleh digugurkan dan digantikan dengan kata hubung relatif *yang*. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015) lagi, proses tersebut boleh dianggap sebagai mengalami tingkat-tingkat perubahan, seperti yang berikut:



**Rajah 3.0:**

*Rajah pohon ayat majmuk pancangan relatif*

Berdasarkan Rajah 3.0, ayat induk bagi dalam ayat 'Bapa saya menaiki kereta yang berwarna merah.' ialah 'Bapa saya menaiki kereta.', manakala ayat kecil relatif yang dipancangkan ke dalamnya ialah 'Kereta itu berwarna merah', yang kemudiannya menjadi 'yang berwarna merah'. Dalam pada itu, pengkaji mendapati bahawa kurang daripada separuh, yakni hanya 9 orang murid Tahun 5 SK Tanjung Tuang yang telah membina ayat majmuk relatif dengan penggunaan kata hubung 'yang' dan memancangkan ayat (ii) dengan tepat dan gramatis. Berdasarkan penyemakan pengkaji menerusi lembaran kerja murid Tahun 5, didapati seramai 12 orang murid Tahun 5 SK Tanjung Tuang menggunakan unsur atau kata hubung

yang salah di dalam ayat majmuk relatif tersebut iaitu penggunaan kata hubung ‘dan’. Misalnya, *Bapa saya menaiki kereta dan kereta itu berwarna merah.*

Penggunaan kata hubungan ‘dan’ di dalam ayat tersebut adalah kurang sesuai dan menjadikan ayat tidak gramatis kerana berlakunya pengulangan ayat kedua iaitu *kereta itu berwarna merah*. Fenomena ini berkemungkinan berlaku disebabkan faktor *Lapses*. Corder (1981) dalam Siti Norsyahida et al. (2015) berpendapat bahawa *Lapses* merupakan lupa sementara yang berlaku kepada seseorang individu akibat beberapa punca seperti gangguan psikologi, perasaan terburu-buru, kelalaian, kurang latihan dan sebagainya. Perkara ini dapat dilihat daripada kesalahan yang dilakukan oleh 3 orang murid, yakni penggunaan kata hubung yang salah di dalam ayat majmuk relatif ‘yang’ serta terdapat klausa kecil yang tidak dipancangkan sehingga menyebabkan ayat tidak gramatis. Sekiranya murid membaca kembali ayat tersebut, berkemungkinan mereka dapat mengenal pasti kesalahan yang terdapat di dalam ayat kerana ayat yang dihasilkan tidak gramatis.

## KESIMPULAN

Secara rangkumannya, kajian ini mendapati bahawa masih terdapat kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh murid-murid Tahun 3 SK St. John (M) Sebayor dan SK Tanjung Tuang, Kota Samarahan. Kesilapan yang tertinggi ialah penambahan unsur yang tidak perlu dan diikuti dengan pemilihan unsur yang tidak tepat. Kesilapan dari segi pengguguran unsur yang perlu merupakan kesalahan yang paling jarang dilakukan namun perlu dibendung oleh guru Bahasa Melayu. Bertitik tolak daripada fenomena itu, pengkaji melihat bahawa pengajaran guru di sekolah perlu menekankan lagi teknik pembinaan ayat majmuk yang tepat. Dalam konteks ini, kesilapan yang sering berlaku dipengaruhi oleh faktor kekeliruan, kesilapan dan penguasaan murid yang masih belum kukuh bagi hukum tatabahasa. Dalam mendepani era Revolusi Industri 4.0, penggunaan bahasa Melayu yang tepat dan gramatis perlu dititikberatkan demi mempertahankan maruah bahasa Melayu, ke arah membentuk ketamadunan bangsa yang jitu.

Sehubungan dengan itu, aspek sintaksis sentiasa memainkan peranan penting untuk menjamin keberkesanan komunikasi serta menyampaikan makna dengan jelas. Sifat tidak enteng terhadap isu keracunan bahasa Melayu perlu dibendung oleh guru-guru Bahasa Melayu. Dalam erti kata yang lain, guru Bahasa Melayu menjadi penggerak utama dalam membentuk anak-anak watan untuk mendalami citra dan kehidupan bahasa Melayu. Bertepatan dengan itu, golongan-golongan muda perlu dibentuk untuk memartabatkan bahasa Melayu sejak bangku sekolah lagi agar mereka mampu mempertahankan kewibawaan bahasa Melayu dalam mendepani arus globalisasi. Justeru, murid-murid perlu dilatih agar menggunakan ayat yang gramatis supaya bahasa Melayu dilihat gah sebagai bahasa ilmu.

## RUJUKAN

- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan suasana perancangan bahasa Melayu di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Abdullah Hassan. (2005). *Rencana linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirra Shazreena Aminul Razin, & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-13.
- Arina Johari, & Mohd. Zuber Ismail. (2013). Analisis kesalahan umum struktur ayat majmuk oleh pelajar asing. *Proceedings of the International Language for Communication Conference 2013* (pp.371-394). International Islamic University Malaysia.
- Corder, S. P. (1973). *Introducing applied linguistics*. Penguin Books Ltd. Chapakiya, Suraiya. (2014). *Asas Linguistik*. PTS Akademia, DBP.
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan. Edd. Ke-3*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraishah Sakilah Kamat, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jabar, & Aireen Aina Bahari. (2021). Analisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu tingkatan satu berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 1-14.
- Norul Haida Redzuan, Normarini Norzan, & Abdullah Yusof. (2018). Analisis penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *International Journal of Education*, 3(20), 41-60.
- Nirwana Sudirman, and Zulkifley Hamid, (2016) *Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu*. *Jurnal Melayu*, 15 (2).
- Nurul Istinganah. (2012). *Analisis Kesalahan Sintaksis pada Karangan Narasi Ekspositoris Siswa Kelas VIII SMP Negeri 1 Banguntapan*, S1 Tesis. Universitas Negeri Yogyakarta. Dimuat turun 13 Mac 2018 daripada <https://eprints.uny.ac.id/8395/>
- Roslyza Abd. Ruahim. (2018). *Analisis kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif dalam karangan pelajar sekolah* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent.



- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Siti Baidura Kasiran, & Nurul Jamilah Rosly. (2011). Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di sebuah institusi pengajian tinggi awam. *Proceedings of the International Language Conference 2011* (pp.1-29). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Zaharani Ahmad, & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2010). Tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia. *Jurnal Linguistik Edisi Khas*, 10, 48-61.
- Zurakintan Abdul Razak. (2014). *Penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam kalangan pelajar prauniversiti* [Tesis master yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman. (2007). *Linguistik Melayu (2nd ed.)*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

## PENGARUH FRASA ‘TULAR’ DI TIKTOK TERHADAP FENOMENA KERANCUAN BAHASA DALAM MEDIA SOSIAL

Nadzirah Md Nizar

\*Koresponden  
Nora’azian Nahar

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

### Abstrak

Isu kerancuan bahasa di media sosial yang masih lagi tidak menemukan penyelesaian malahan telah menjadi suatu normalisasi dalam kalangan masyarakat kini menimbulkan kebimbangan para linguistik tempatan. Tambahan lagi, dengan kewujudan pempengaruh di media sosial memperluas pengaruh aktiviti kerancuan bahasa dalam kalangan masyarakat. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti frasa tular yang diaplikasikan oleh masyarakat dan mendorong kepada isu kerancuan bahasa. Kajian ini turut dijalankan untuk menganalisis Teori Pembelajaran Sosial (Pemodelan) oleh Albert Bandura (1977) yang mempengaruhi masyarakat terhadap penggunaan frasa tular. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan transkripsi video bagi mengumpulkan data dari aplikasi *TikTok* berdasarkan dua pempengaruh digital terkenal iaitu Imran Bard dan Azri Walter. Dapatan kajian menemukan beberapa bentuk kerancuan bahasa yang dilakukan oleh masyarakat di *TikTok* iaitu percampuran kod, ragam bahasa, ketidaksantunan berbahasa dan kesalahan tatabahasa. Kajian ini turut memperlihatkan fenomena kerancuan bahasa dalam media sosial berpunca daripada kaedah pembelajaran menerusi pemodelan terhadap kedua-dua pempengaruh tersebut. Implikasinya, kerancuan bahasa akan terus berlaku sekiranya pempengaruh di *TikTok* tidak mempraktikkan bahasa Melayu standard dan akhirnya akan mempengaruhi bahasa masyarakat di media sosial. Semua pihak haruslah mengambil tanggungjawab untuk mengaplikasikan bahasa Melayu dengan betul agar dapat memelihara martabat bahasa kebangsaan negara Malaysia.

**Kata Kunci:** kerancuan bahasa, pempengaruh, pembelajaran sosial, *TikTok*, dan tular

### PENGENALAN

Bahasa merupakan alat untuk manusia berhubung manakala media sosial pula adalah medium yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Kemajuan media sosial kini menunjukkan ketidakseragamannya dengan kemajuan bahasa Melayu. Perkara ini jelas dapat dilihat menerusi penggunaan bahasa komuniti maya yang masih menggunakan bahasa yang tidak formal malah rancu dari pelbagai aspek bahasa. Isu ini menimbulkan persoalan mengapakah

bahasa masyarakat di media sosial masih lagi berada pada tahap yang rendah sedangkan dunia telah mencapai tahap kemajuan teknologi yang sangat moden. Menurut Hidayah Shafiee et. al, (2019) isu kerancuan bahasa seperti bahasa rojak di media sosial yang masih rancak berlaku boleh menggugat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kenyataan tersebut disokong oleh Awang Sariyan menerusi penulisan artikel yang bertajuk “Isu Mutu Bahasa dalam Media” dengan menyatakan rasa kebimbangan beliau terhadap penggunaan bahasa di media sosial yang dianggap kurang kesantunannya dan rancu. Kebimbangan ini bukan sahaja pada generasi Z malah turut melibatkan generasi X,Y dan *baby boomers* yang aktif menggunakan media sosial (Dewan Bahasa, 21 Mei 2021). Menurut penulis artikel ini juga, isu bahasa yang tidak terkawal di media sosial akan menjatuhkan nilai bahasa Melayu sebagai tonggak tamadun sekali gus menimbulkan kekeliruan dan memberikan impak kepada generasi akan datang.

Selain itu, isu sikap masyarakat yang telah menormalisasikan bahasa tidak formal seperti penggunaan slanga, dialek, percampuran kod dan lain-lain di media sosial menjadi faktor pendorong kerancuan bahasa di media sosial semakin berleluasa. Hal ini ekoran daripada peningkatan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat telah mempengaruhi cara masyarakat berkomunikasi di media sosial (Noor Fazerra et. al, 2022). Kenyataan isu di atas disokong dengan penulisan artikel oleh Nur Farakhanna et.al yang bertajuk Kata Singkatan Menjejaskan Kewibawaan bahasa Melayu dengan menyatakan bahawa penggunaan bahasa singkatan di media sosial adalah sebuah trend komunikasi dan sekiranya seseorang individu itu menggunakan bahasa Melayu mengikut sistem nahu yang betul akan dianggap kolot, tidak kreatif dan ketinggalan zaman (Dewan Bahasa, 15 April 2022). Selanjutnya, faktor istilah yang unik dan menarik sering mendapat perhatian dan tumpuan oleh generasi muda. Pernyataan ini selari dengan pendapat oleh Noor Husna dan Hasnah (2016) yang menyatakan bahawa generasi kini mudah terpengaruh dengan penggunaan istilah baharu yang menarik dan berbeza dari bentuk atau makna asal istilah tersebut. Oleh sebab itu, pengkaji ingin menjalankan kajian terhadap frasa tular yang mendapat perhatian masyarakat di aplikasi *TikTok*. Sehubungan dengan itu, pengkaji turut ingin melihat perkaitan antara penggunaan frasa tular oleh masyarakat di *TikTok* dengan kerancuan bahasa yang berlaku disebabkan penggunaan frasa tular tersebut.

## **OBJEKTIF**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- 1) Mengetahui pasti frasa tular yang diaplikasikan oleh masyarakat yang mendorong kepada isu kerancuan bahasa dalam aplikasi *TikTok*.
- 2) Menganalisis teori pemodelan terhadap penggunaan frasa tular oleh masyarakat dalam aplikasi *TikTok* berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial (Pemodelan) oleh Albert Bandura (1977).

## SOROTAN LITERATUR

Kajian daripada Nurkhairunnisha et al. (2022) yang bertajuk Penggunaan Bahasa Rancu dalam Medium *Twitter* oleh Generasi Z. Kajian ini memperlihatkan bentuk penggunaan bahasa rancu yang dilakukan serta punca-punca yang mendorong penggunaan bahasa rancu tersebut dalam generasi Z. Dapatan kajian ini menunjukkan, bentuk kerancuan bahasa yang paling kerap dilakukan adalah percampuran kod bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga percampuran kod bahasa yang melebihi dua bahasa bergantung kepada jumlah penguasaan bahasa seseorang itu. Namun begitu, generasi Z turut tidak terlepas untuk melakukan kerancuan bahasa dalam bentuk bahasa singkatan, kesalahan morfologi dan ejaan. Selain itu, bagi punca-punca yang mendorong kepada berlakunya kerancuan bahasa pula ialah kurangnya pengetahuan mengenai kosa kata bahasa Melayu, sikap mementingkan penguasaan bahasa Inggeris, pengaruh bahasa rojak yang diamalkan oleh keluarga, sikap sambil lewa terhadap penggunaan bahasa Melayu dan pengaruh media sosial. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian ini ingin menyebarkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penggunaan bahasa Melayu yang betul dengan mengemukakan punca-punca yang mendorong pembentukan kerancuan bahasa yang dilakukan oleh generasi Z.

Seterusnya, kajian mengenai Pengaruh Bahasa Rojak di Media Baharu Terhadap Bahasa Kebangsaan oleh Hidayah et al. (2019) pula membincangkan istilah bahasa rojak yang sering digunakan oleh pelajar. Justeru itu, dapatan kajian ini telah mengemukakan tiga subtopik di bawah istilah bahasa rojak. Salah satunya adalah percampuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam pertuturan harian pelajar yang telah dianggap sebagai tabiat untuk menyelitkan bahasa asing ke dalam bahasa Melayu. Menurutnya lagi, pelajar lebih gemar menggunakan bahasa rojak dalam bentuk campuran loghat negeri dengan bahasa Melayu kerana dapat memudahkan proses komunikasi mereka. Istilah bahasa rojak yang ketiga adalah kewujudan istilah baru yang disebabkan oleh kepelbagaian bahasa dalam satu pertuturan dan penggunaan perkataan yang diringkaskan atau istilah baru yang diwujudkan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terbatas pada aspek istilah bahasa rojak yang dilakukan di media baharu. Maka, terdapat kelompangan bagi aspek platform, impak dan faktor yang perlu dikaji dan dibincangkan. Secara keseluruhannya, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menyebarkan kesedaran tentang perlunya masyarakat untuk memelihara kualiti dan martabat bahasa di samping menjalani kehidupan yang serba moden dengan kemunculan media baharu sebagai wahana komunikasi masyarakat kini.

Sehubungan dengan itu, kajian oleh Noor Fazerra et al. (2022) mengenai Penggunaan Bahasa Slanga dalam Akaun *Twitter* “Brgsjk” telah membincangkan jenis-jenis bahasa slanga yang ditemukan dalam akaun *Twitter* “brgsjks” dan implikasi penggunaan bahasa slanga dalam kalangan penutur. Dapatan kajian ini telah mengemukakan empat jenis bahasa slanga iaitu bahasa slanga yang merujuk kata panggilan, bahasa slanga yang berunsurkan disfemisme, bahasa slanga sebagai kata penguat dan bahasa slanga yang diambil daripada bahasa Inggeris dan disesuaikan dengan bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, dapatan kajian turut menyatakan kesannya terhadap penutur dari sudut positif dan negatif. Dari sudut

positifnya bahasa slanga dapat menambah kosa kata bagi sesuatu bahasa dan menggalakkan seseorang untuk berfikiran kreatif. Dari sudut negatifnya pula bahasa slanga menjejaskan keaslian dan ciri konvensional bahasa Melayu, menjejaskan kemahiran berbahasa dalam kalangan penutur muda dan bahasa slanga berunsurkan disfemisme akan mencerminkan keperibadian, pemikiran dan ketidaksantunan seseorang. Oleh hal yang demikian, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian ini menekankan sikap penutur yang tidak peka dalam pemilihan penggunaan bahasa formal dan tidak formal pada konteks dan situasi yang bersesuaian.

Tambahan lagi, terdapat juga beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura. Antaranya adalah kajian daripada Herly (2018) dengan tajuk kajiannya iaitu Aplikasi Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah. Kajian ini telah menjadikan teori pemodelan sebagai landasan yang membentuk sebuah mekanisme bagi proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat berlaku dengan berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana teori pemodelan adalah teori pembelajaran menerusi pemodelan atau peniruan di persekitaran dan hasil tingkah laku yang dipamerkan adalah bergantung kepada proses kognitif seseorang setelah melalui pembelajaran menerusi pemerhatian. Albert Bandura telah mengagagakan empat prinsip pemodelan iaitu pemerhatian, representasi, reproduksi dan motivasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa cara yang boleh digunakan untuk mengaplikasikan teori pembelajaran sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman atau kehidupan pelajar, menggunakan alat tumpuan perhatian seperti media pembelajaran visual, menghubungkan mesej pembelajaran yang sedang dipelajari dengan topik yang telah dipelajari, menggunakan muzik, mewujudkan suasana ceria, teknik penyampaian bahan berbeza-beza dan mengurangkan bahan-bahan yang tidak berkaitan dengan pembelajaran. Secara keseluruhannya kajian dapat dilihat bahawa pengkaji ingin membuktikan keberkesanan teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberi kesan kepada perkembangan dan kekreatifan kognitif pelajar.

Kajian oleh Ansani et al. (2022) yang bertajuk Teori Pemodelan Bandura turut mengkaji mengenai teori pemodelan Albert Bandura dan pelaksanaannya sebagai model pembelajaran sosial dalam pembelajaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa teori pemodelan oleh Albert Bandura adalah berdasarkan tiga konsep iaitu determinisme timbal balik yang menerangkan hubung kait antara kognitif, tingkah laku dan persekitaran dalam penghasilan tingkah laku seseorang. Konsep seterusnya adalah di luar peneguhan yang menjelaskan proses pembelajaran menerusi pemerhatian dan mengulanginya tanpa sebarang peneguhan. Konsep ketiga adalah peraturan sendiri yang membawa makna pendekatan yang memberikan kebolehan untuk mengawal diri daripada terpengaruh dengan persekitaran, mencipta sokongan kognitif dan mencipta akibat untuk tingkah laku mereka sendiri. Kajian ini turut menyatakan bahawa pembelajaran menerusi pemerhatian lebih efektif berbanding pembelajaran melalui pengalaman kerana seseorang boleh melihat jumlah tindak balas yang tidak terhingga yang mungkin diikuti dengan sambungan dan peneguhan. Hasil dapatan

kajian berkaitan pengaplikasian pembelajaran sosial dalam proses pembelajaran telah membuka ruang untuk proses pembelajaran berlaku secara berterusan. Oleh itu, terdapat beberapa konteks pembelajaran yang perlu diutamakan seperti pengaruh persekitaran, bahagian, peranan tindak balas, mekanisme pembentukan hasil pembelajaran melalui prosedur tindak balas rangsangan. Selain itu, perlu juga mengutamakan peranan kebolehan yang terbentuk sebelum ini dan mementingkan pembentukan tabiat melalui latihan agar dapat mencapai tingkah laku yang diinginkan.

Seterusnya, kajian daripada Rusyda et al. (2020) pula menunjukkan kajian yang berbeza daripada kajian yang pengkaji nyatakan di atas. Kajian ini bertajuk *Human as a Change Agent in Proactive Behavior at Work: A 70-Year Review* yang membincangkan hubungan kait antara teori pembelajaran sosial dan teori kognitif dengan kemunculan tingkah laku proaktif. Hasil dapatan kajian telah menyatakan bahawa penghasilan tingkah laku proaktif individu adalah dipengaruhi oleh aspek motivasi dan penghayatan yang mendalam dalam sesuatu perkara yang ingin dilaksanakan. Oleh sebab itu, kajian ini memilih teori pembelajaran sosial dan teori kognitif kerana teori dapat menerangkan bagaimana manusia bertindak balas atau menghasilkan tingkah laku berdasarkan pembelajaran di persekitaran mereka. Jelaslah di sini bahawa kajian ini mengetengahkan faktor yang mendorong seseorang melakukan tingkah laku selain daripada pemerhatian, faktor penghayatan dan motivasi juga memainkan peranan yang penting dalam menambahkan lagi keinginan untuk menghasilkan tingkah laku yang lebih baik berbanding apa yang dilihat di persekitarannya.

## KERANGKA TEORITIS

Kajian ini telah mengaplikasikan teori pemodelan daripada Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura pada tahun 1977. Pemilihan teori ini adalah kerana terdapatnya perkaitan antara tingkah laku masyarakat dalam media sosial dengan penggunaan bahasa Melayu yang bersifat rancu di *TikTok*. Dasarnya, Teori Pembelajaran Sosial adalah perkembangan daripada dua teori psikologi tingkah laku iaitu teori pelaziman oleh B.F. Skinner dan teori pelaziman klasik oleh Ivan Pavlov (Astrid, 2023). Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua teori behavioris tersebut menolak proses kognitif dalam penghasilan tingkah laku seseorang. Teori tersebut hanya menggunakan aspek rangsangan dan peneguhan sebagai proses penghasilan tingkah laku.

Sehubungan dengan itu, Bandura telah menggariskan empat prinsip pemodelan sebagai panduan untuk memahami proses-proses pemodelan berlaku. Empat prinsip tersebut adalah seperti di bawah:

### 1) Perhatian

Pada prinsip pertama, individu perlulah memberikan tumpuan kepada tingkah laku model secara mendalam agar dapat menghayati perkara-perkara penting yang dilakukan oleh model. Perkara ini bertujuan untuk memastikan individu dapat

melakukan proses yang kedua.

2) Representasi

Prinsip representasi adalah proses untuk individu mengingati perkara-perkara penting yang telah diperhatikan pada model menerusi kaedah koding, grafik mental, penyusunan kognitif dan simbolik. Semua perkara penting tersebut akan di simpan dalam memori dan akan dipanggil semula apabila individu ingin mengaplikasikan tingkah laku tersebut secara realiti.


3) Reproduksi

Pada prinsip ketiga ini individu akan melakukan proses reproduksi, iaitu perlakuan semula terhadap tingkah laku yang telah diperhatikan dan di simpan dalam memori. Sebelum melaksanakan proses ini, individu perlulah melakukan latihan yang banyak agar dapat menghasilkan sebuah perilaku yang sama seperti apa yang diperhatikan pada model.

4) Motivasi

Prinsip yang keempat ialah motivasi yang bermaksud peneguhan yang mendorong individu sama ada ingin melakukan perilaku peniruan atau tidak. Perkara ini adalah disebabkan terdapat individu yang tidak terdorong untuk melakukan perilaku peniruan walaupun individu tersebut telah melakukan proses pemerhatian dan representasi. Namun begitu, terdapat juga individu yang tetap akan melakukan perilaku peniruan walaupun tanpa sebarang peneguhan atau motivasi.

**Rajah 4 : Empat Prinsip dalam Teori Pemodelan oleh Albert Bandura (1977)**



## METODOLOGI

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metod untuk menjalankan kajian secara terperinci dan teratur. Aini (2007) menyatakan bahawa kajian kualitatif merupakan kajian yang menggunakan data-data berbentuk kualitatif seperti temu bual, pemerhatian, dokumen dan artifak. Bagi penganalisan data pula kajian penyelidikan ini telah menggunakan kaedah penganalisan kandungan. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis konseptual bagi menghasilkan rumusan yang mengutamakan penjelasan mengenai kerancuan bahasa pada frasa tular serta pembelajaran sosial yang mempengaruhi masyarakat melakukan kerancuan bahasa berdasarkan frasa tular tersebut dalam media sosial *TikTok*. Kajian ini juga telah menjadikan aplikasi *TikTok* sebagai instrumen kajian dan telah memilih dua mempengaruhi terkenal di *TikTok* iaitu Imran Bard dan Azri Walter sebagai sampel bagi mengutip data kajian. Seterusnya, kajian ini telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, kaedah analisis teks dan kaedah transkripsi video.

### **Kaedah Pemerhatian**

Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian turut serta iaitu dengan memerhatikan masyarakat dalam *TikTok* menerusi komen-komen dan video-video yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Menurut Faridah et al. (2020), pemerhatian turut serta adalah pemerhatian yang memerlukan pengkaji untuk melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Oleh itu, kaedah pemerhatian ini telah dilaksanakan bagi menjawab objektif kajian yang pertama dan data yang dikumpulkan telah dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menjalankan kaedah pemerhatian pada ruangan komen yang di dalam video *gwenchana* menerusi akaun *TikTok* Imran Bard. Pemerhatian pengkaji adalah berfokus kepada komen-komen yang menggunakan perkataan *gwenchana* di dalam komen mereka. Pengkaji turut melihat aspek jumlah tanda suka pada komen tersebut sebagai salah satu aspek pemilihan data. Hal ini bertujuan untuk pengkaji menganalisis konteks *gwenchana* yang digunakan.

Pemerhatian pada sampel kedua adalah berpandukan video-video yang dimuat naik oleh pengguna *TikTok* lain yang menggunakan frasa tular oleh Azri Walter iaitu “sebab boleh dik” sebagai unsur utama dalam kandungan video mereka. Maka, pengkaji telah menonton banyak video yang berkaitan bagi mendapatkan data yang menepati ciri-ciri teori yang pengkaji gunakan. Perkara ini penting bagi pengkaji untuk menjalankan kaedah penganalisan data.



### **Kaedah Analisis Teks**

Berdasarkan pendefinisian kaedah analisis teks oleh Joubish et al. (2011), analisis tekstual dianggap sebagai metodologi kesarjanaan dalam bidang kemanusiaan di mana teks dikaji berdasarkan pengkaryanya, kesahihannya dan makna-makna teks. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis teks pada data yang dikumpulkan menerusi komen-komen pada video sampel pertama. Tujuan pelaksanaan kaedah ini adalah untuk memahami teks tersebut dengan lebih tepat dan terperinci. Perkara ini juga sekali gus akan memudahkan proses pengkaji untuk menganalisis komen-komen.

### **Kaedah Transkripsi**

Kaedah transkripsi adalah kaedah yang digunakan pada data-data yang berbentuk video. Menurut Farzana dan Suziana (2020), kaedah transkripsi adalah bentuk penulisan semula data daripada bentuk lisan dan kemudian ditukarkan ke dalam bentuk sistem tulisan. Pelaksanaan kaedah ini bertujuan untuk memperjelaskan lagi ujaran dalam video yang dipilih kerana pengkaji dapat melihat struktur ayatnya dengan lebih terperinci. Oleh itu, data-data yang dikumpulkan dalam bentuk video akan di transkripsi terlebih dahulu sebelum pengkaji menjalankan proses penganalisan data.

### **Prosedur Kajian**

Pengkaji telah memulakan kajian ini dengan membuat pembacaan pada kajian-kajian lepas berkaitan tema yang dipilih iaitu isu bahasa di media sosial. Hasil pembacaan tersebut akan diringkaskan dan ditulis di dalam sorotan literatur. Kemudian, diteruskan dengan mengumpulkan permasalahan dan isu bahasa yang berlaku di dalam media sosial. Permasalahan dan isu tersebut disimpulkan dalam pernyataan masalah. Setelah itu, pengkaji meneruskan dengan pembinaan tajuk dan objektif kajian yang bersesuaian. Seterusnya, pengkaji menetapkan metodologi kajian bagi melaksanakan kajian ini dengan teliti. Pada dapatan kajian pula, data-data akan dipersembahkan dalam bentuk jadual berserta huraianya. Akhir sekali, pengkaji akan merumuskan hasil dapatan kajian dan membuat kesimpulan.

### **DAPATAN/PERBINCANGAN**

**Jadual 1: Komen pengguna *TikTok* dalam ruangan komen pada video responden 1.**

Bil.	Komen	Terjemahan dalam bahasa Melayu standard	Jumlah tanda suka
K1	<b><i>Gwenchana</i></b> balik malaysia nanti kita bawak berubat kampung ye	Tidak mengapa, balik Malaysia nanti kita bawa berubat kampung ya.	49.9 ribu tanda suka

K2	Tetaplah <b>gwenchana</b> walaupun hidup seperti shibal sekkiya	Tetaplah baik-baik sahaja walaupun hidup seperti tertekan.	111.0 ribu tanda suka
K3	Bang <b>gwenchana</b> tak ni ? ghisau tgk nye	Abang, adakah kamu baik-baik sahaja? Risau tengoknya.	6662 tanda suka
K4	<b>Gwenchana</b> tapi nangiss kejer	Baik-baik sahaja tetapi nangis kerja.	129.2 tanda suka

Berdasarkan komen K1, iaitu “**gwenchana** balik Malaysia nanti kita bawak berubat kampung ye”, pengkaji mendapati komen ini melengkapi keempat-empat proses pembelajaran sosial secara pemodelan. Menerusi proses pemerhatian, K1 akan memahami terlebih dahulu keseluruhan situasi *gwenchana* yang digambarkan dalam video tersebut. Sejurus itu, K1 akan melakukan proses representasi sendiri, iaitu dengan merangka pembinaan ayat sebelum menulis komennya di ruangan komen. Hal ini dikatakan demikian kerana, dari struktur ayat yang ditulis merupakan sebuah ayat penyata yang lengkap dan tersusun. Proses ketiga pula adalah proses reproduksi oleh K1 dengan menulis komennya yang menjurus kepada konteks video tersebut seolah-olah K1 sangat memahami situasi yang dipaparkan. Proses motivasi yang mendorong K1 untuk menulis komennya adalah kerana dia memahami keseluruhan konteks video *gwenchana* tersebut.

Seterusnya, berdasarkan komen K2, iaitu “tetaplah **gwenchana** walaupun hidup seperti *shibal sekkiya*” merupakan sebuah komen yang berbentuk pendapat peribadi namun masih berkaitan dengan video tersebut. Menerusi proses pemerhatian, K2 akan mendalami terlebih dahulu makna *gwenchana* dalam video yang ditonton. Kemudian, K2 telah melakukan proses representasi dengan mengaitkan salah satu situasi di dalam video tersebut dengan kehidupannya. Selanjutnya, apabila K2 melakukan proses reproduksi, maka terbentuklah ayat yang menyatakan perasaannya menerusi komen yang seakan-akan sama dengan salah satu situasi yang terdapat dalam video tersebut. Hal ini secara tidak langsung telah menunjukkan K2 termotivasi untuk menuliskan komennya kerana video *gwenchana* tersebut mempunyai kaitan dengan situasi hidupnya.

Selain itu, berdasarkan K3 pula, “bang **gwenchana** tak ni ? ghisau tgk nye” merupakan sebuah komen yang berupa respons kepada video yang dimuat naik oleh Imran Bard. Menerusi proses pemerhatian terhadap video tersebut, K3 sangat mengamati emosi yang dipertontonkan oleh pengengaruh itu. Justeru itu, proses representasi berlaku dengan K3 mengambil serius terhadap emosi dan keadaan Imran Bard dalam videonya. Kemudian, K3 melakukan proses reproduksi dengan bertanyakan keadaan Imran Bard yang turut disertakan perkataan *gwenchana* sebagai pengganti perkataan okey. Oleh kerana penghayatan yang mendalam terhadap emosi yang dipamerkan dalam video tersebut telah memotivasi K3 untuk menulis komen yang berunsurkan kerisauan terhadap pengengaruh itu.

Selanjutnya, komen daripada K4 pula “**gwenchana** tapi nangiss kejer” juga merupakan komen berbentuk peribadi namun masih mempunyai kaitannya dengan video tersebut.

Berdasarkan komen K4 ini, dapat dilihat daripada proses pemerhatiannya tertumpu pada aspek penggunaan makna *gwenchana* pada situasi yang tepat. Oleh sebab itu, apabila K4 melakukan proses representasi pada dirinya, K4 mendapati terdapat persamaan situasi dalam video itu dengan kehidupannya. Ekoran daripada itu, K4 melakukan proses reproduksi dengan menulis komen mengenai keadaannya yang baik-baik sahaja tetapi dalam masa yang sama juga turut berasa sedih. Proses motivasi yang berlaku pada K4 adalah apabila isi kandungan video tersebut turut berlaku pada dirinya.

Hasil daripada analisis ini, pengkaji mendapati pengguna *TikTok* di Malaysia kebanyakannya faham akan bahasa Korea dari aspek perkataan. Contohnya, perkataan *gwenchana* yang pengkaji ambil sebagai bahan kajian dalam kajian ini. Berdasarkan kepada keempat-empat komen yang telah dianalisis, pengkaji mendapati berlaku pembelajaran sosial pada aspek penggunaan perkataan *gwenchana* kerana pempengaruh terkenal di *TikTok* iaitu Imran Bard telah membuat sebuah video berkaitan perkataan *gwenchana* dengan kreativitiya sendiri. Oleh sebab itu, ramai pengguna *TikTok* yang menonton video tersebut turut meniru pempengaruh tersebut dengan menuliskan komen berbahasa Melayu yang mengandungi perkataan *gwenchana* sebagai respons kepada video tersebut.

Seterusnya, dapat dilihat kefahaman K1, K2, K3 dan K4 pada penggunaan perkataan *gwenchana* dalam konteks yang tepat dalam bahasa Korea. Namun begitu, jika dilihat dari aspek tatabahasa bahasa Melayu pula, komen daripada K1, K2, K3 dan K4 jelas menunjukkan kerancuan bahasa yang ketara dari aspek percampuran kod. Selain itu, terdapat juga kesalahan bahasa yang lain seperti kesalahan ejaan dan singkatan perkataan. Isu ini perlulah dipandang serius kerana jika dibiarkan akan membawa bahana yang buruk pada kualiti bahasa Melayu.

**Jadual 2: Transkripsi video yang dimuat naik oleh pengguna *TikTok* berkaitan frasa tular 2.**

Bil	Transkripsi Video	Jumlah tanda suka
V1	Bang, sebab apa abang pakai spek hitam waktu malam? <b>Sebab boleh dik.</b> Sebab apa orang suka makan kat mamak bang? <b>Sebab boleh dik.</b> Sebab apa ada orang dah dewasa tapi masih single bang? <b>Sebab boleh dik.</b> Sebab apa orang suka pasang lagu Faizal Tahir Gemuruh Jiwa kat kem motivasi bang? <b>Sebab boleh dik.</b>	7041 tanda suka
V2	Ada seorang adik ni tanya kenapa aku punya boleh tukar wallpaper? <b>Sebab boleh dik.</b> Semua notification boleh masuk. Kenapa boleh ? <b>Sebab boleh dik.</b> Kalau korang nak beli, korang tekan je beg kuning kat bawah. Sebab apa kena beli? <b>Sebab boleh dik.</b>	5411 tanda suka

V3	Kenapa ya datang klinik hari ni? <b>Sebab boleh doktor.</b> Doktor ada MC tak? Takde. Kenapa takde? <b>Sebab boleh dik.</b>	824 tanda suka
V4	Mengapakah leboh raya dibina di Malaysia? <b>Sebab boleh.</b>	107.3 tanda suka

Berdasarkan transkripsi pada V1, pengkaji mendapati V1 melengkap keempat-empat proses pemodelan yang diketengahkan oleh Albert Bandura. Menerusi proses pemerhatian, V1 telah memerhatikan konteks penggunaan frasa “sebab boleh dik” mengikut video asli daripada pengengaruh Azri Walter. Sejurus itu, proses representasi pula berlaku apabila V1 memfokuskan cara menjawab setiap pertanyaan dengan jawapan yang sama. Oleh itu, apabila melakukan proses reproduksi V1 telah menghasilkan video yang sama seperti video asli. Secara keseluruhannya, V1 menjadi termotivasi untuk membuat video yang sama seperti video asli kerana ingin menunjukkan perkara yang telah dipelajari berdasarkan pemerhatian dan pengamatan yang telah dilakukan.

Seterusnya, berdasarkan transkripsi pada V2 pula proses pemerhatian dilakukan terhadap keberkesanan penggunaan frasa “sebab boleh dik”. Hal ini dikatakan demikian kerana menggunakan frasa tersebut sebagai jawapan kepada setiap pertanyaan akan diakhiri dengan keakuran pendengar terhadap jawapan yang diterima. Oleh itu, pada proses representasi V2 telah merangka skrip dialog untuk videonya dengan menggunakan frasa “sebab boleh dik” sebagai jawapan bagi setiap persoalan yang ditanya. Hasil proses reproduksi menunjukkan sebuah video daripada V2 mempromosikan barang jualannya berserta dialog yang kreatif dengan cara jawapan yang ditiru daripada pengengaruh tersebut. Proses motivasi berlaku apabila V2 tertarik dengan gaya jawapan Azri Walter yang menjawab persoalan pengikutnya di *Tiktok*. Oleh sebab itu, V2 terdorong untuk meniru gaya Azri Walter yang bersahaja dan menjadikan taktik peniruan yang dilakukan sebagai promosi kepada video dan produk jualannya.

Selanjutnya, transkripsi V3 pula menunjukkan proses pemerhatian dilakukan pada aspek frasa tular itu sahaja tanpa memikirkan konteks penggunaannya pada situasi yang sesuai. Hal ini dikatakan demikian kerana video oleh V3 adalah berkaitan pengalaman seorang doktor yang menerima pesakit kanak-kanak. Namun begitu, terdapat pertanyaan daripada doktor itu dijawab dengan jawapan “sebab boleh” dan perkara itu jelas menunjukkan ketidaksantunan dalam berkomunikasi. Oleh sebab itu, proses representasi terjadi dengan hanya menjadikan frasa “sebab boleh dik” sebagai pelengkap komunikasi tanpa memikirkan kesesuaian konteksnya. Sehubungan dengan itu, proses reproduksi berlaku dengan mengaplikasikan sahaja frasa tular tersebut antara doktor dengan pesakitnya. Proses motivasi yang berlaku pada doktor tersebut adalah kerana sikap pesakitnya yang kurang sensitif dengan adab berkomunikasi yang dipamerkan telah mendorong doktor tersebut melakukan perkara yang sama.

Bukan itu sahaja, V4 juga merupakan sebuah video yang menunjukkan pengaruh frasa

“sebab boleh dik” yang sangat kuat sehingga meminggirkan konteks penggunaannya. Video daripada V4 adalah video berkenaan kekecewaan seorang guru dengan jawapan yang ditulis oleh pelajarinya pada kertas jawapan peperiksaan. Ekoran daripada itu, jelaslah bahawa proses pemerhatian yang dilakukan oleh pelajar tersebut adalah pada frasa itu sahaja tanpa memikirkan akibat yang akan diterima. Proses representasi pula berlaku apabila pelajar tersebut terlalu terpengaruh dengan frasa itu sehinggakan menganggap perkara yang dilakukan itu sebagai perkara yang biasa. Maka, menerusi proses reproduksi pelajar itu menulis jawapan “sebab boleh” pada salah satu soalan dalam kertas soalan peperiksaannya. Pelajar tersebut termotivasi untuk melakukan perkara itu kerana terlampau terpengaruh dengan isu-isu viral di *TikTok* sehingga terbawa ke dunia realiti.

Berdasarkan transkripsi pada V1 dan V2 jelas menunjukkan masyarakat meniru gaya pempengaruh Azri Walter kerana karakternya yang unik dan bermotivasi tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menggunakan dialog yang berbeza namun masih mengekalkan konsep asal penggunaan frasa “sebab boleh dik” di dalam video mereka. Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan pembelajaran sosial yang dilakukan oleh masyarakat di dalam *TikTok* iaitu dengan meniru gaya seseorang yang berpengaruh. Namun begitu, jika dilihat dari aspek bahasa Melayu pula frasa “sebab boleh dik” mengalami kerancuan pada sistem nahunya dan dikategorikan sebagai ragam bahasa sindiran.

Natijahnya, pengkaji mendapati frasa tular “sebab boleh dik” kebanyakannya menjurus kepada isu bahasa yang kronik. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat individu yang menggunakan frasa tular ini pada situasi yang tidak bersesuaian dan menyebabkan berlakunya ketidaksantunan berbahasa ketika berkomunikasi. Bukan itu sahaja, frasa ini juga tidak sesuai untuk dijadikan jawapan bagi setiap persoalan kerana tidak menepati hukum tatabahasa Melayu. Perkara ini secara tidak langsung akan melahirkan generasi yang tiada kesopanan dan budi pekerti ketika berkomunikasi dalam khalayak. Masalah ini dapat dilihat pada transkripsi V3 dan V4 yang menunjukkan bahasa orang muda tidak lagi mengira siapa lawan bicaranya dan situasi yang sedang dilalui. Isu ini perlulah di atasi segera agar bahasa remaja kini lebih beradab dan bersopan santun sama ada secara lisan mahupun tulisan.

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan hasil analisis dan perbincangan kajian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa berlaku kerancuan bahasa seperti percampuran kod pada frasa tular “*gwenchana*”. Menurut Bokamba (1989), percampuran kod adalah percampuran perkataan, frasa dan ayat daripada dua sistem nahu yang berbeza malah melangkaui sempadan ayat dalam sesebuah pertuturan. Sehubungan dengan itu, percampuran kod yang berlaku adalah dari segi penyisipan leksikal bahasa Korea ke dalam ayat bahasa Melayu. Jenis percampuran kod yang dilakukan pula adalah percampuran luaran di mana berlaku percampuran dua bahasa dalam satu ayat. Selain itu, faktor yang mendorong seseorang individu melakukan percampuran kod adalah kerana penguasaan lebih daripada satu bahasa. Bukan itu sahaja, faktor untuk menyesuaikan perbualan dalam komunikasi juga menjadi pendorong seseorang individu melakukan

percampuran kod. Perkara ini bertepatan dengan pendapat tokoh linguistik negara, iaitu Asmah (1985), konteks atau situasi merupakan faktor yang menentukan berlakunya percampuran kod dan peralihan kod. Beliau turut menyatakan terdapat penutur-penutur yang melakukan percampuran kod adalah bertujuan untuk mengakomodasikan perbualan secara bersemuka atau perbualan tanpa bersemuka. Walau bagaimanapun, masyarakat masih lagi kurang cakna mengenai kesan percampuran kod yang dilakukan terhadap martabat dan kualiti bahasa Melayu.

Seterusnya, bagi frasa tular “sebab boleh dik” pula dapat dirumuskan berlaku ketidaksantunan berbahasa, kesalahan tatabahasa dan kewujudan frasa “sebab boleh dik” dikategorikan sebagai ragam bahasa sindiran. Menurut takrifan Za’ba (2002), bahasa sindiran merupakan bahasa yang digunakan untuk tujuan menjaga air muka seseorang dan digunakan juga untuk memberi kesedaran mengenai sesuatu perkara yang dianggap bertentangan dengan norma kehidupan. Pengkategorian frasa ini dalam ragam sindiran telah membuktikan bahawa pemilihan ragam bahasa yang digemari oleh masyarakat adalah ragam yang berbentuk tidak sopan. Implikasi daripada penggunaan ragam bahasa yang tidak sopan akan mencerminkan pemikiran dan peribadi seseorang. Ekoran daripada penggunaan ragam bahasa yang tidak sopan telah mendorong kepada berlakunya ketidaksantunan berbahasa seseorang individu ketika berkomunikasi. Ketidaksantunan berbahasa ini juga akan mengakibatkan timbulnya konflik dalam berkomunikasi dan sekali gus menjadikan situasi kurang harmoni.

Tambahan lagi, frasa “sebab boleh dik” itu sendiri mengalami kerancuan bahasa dari aspek sistem nahunya. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan perkataan sebab perlu disertai dengan kata sendi nama ‘oleh’. Aspek tatabahasa ini sering di ambil mudah oleh masyarakat dan kesannya menyebabkan masyarakat keliru dalam mengaplikasikan bahasa Melayu yang tepat tatabahasanya. Perkara ini bertepatan dengan pendapat tokoh linguistik Melayu, iaitu Awang Sariyan (1994) mengenai faktor-faktor penyebab berlaku kerancuan bahasa. Antara faktor yang disebut oleh beliau adalah pengguna bahasa Melayu tidak mengetahui sistem bahasa. Sistem bahasa yang dikatakan ini meliputi aspek ejaan, sebutan dan intonasi, tatabahasa, peribahasa, dan kosa kata. Oleh sebab itu, masyarakat tidak boleh menormalisasikan bahasa di media sosial sebagai bahasa yang santai dan tidak perlu mengikut format bahasa yang betul kerana budaya normalisasi ini akan menyebabkan masyarakat mengambil mudah soal penggunaan bahasa Melayu yang tepat. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa kesemua kerancuan bahasa yang berlaku ini adalah disebabkan penutur bahasa itu tidak mempunyai pengetahuan mengenai sistem bahasa.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat simpulkan bahawa terdapatnya hubung kait tingkah laku manusia dengan penggunaan bahasa rancu dalam media sosial dan hubung kait antara tingkah laku manusia dengan pembelajaran menerusi persekitaran dalam media sosial. Lebih jelas lagi, tindakan masyarakat di *TikTok* menggunakan frasa tular “*gwenchana*” dan “sebab

boleh dik” adalah disebabkan pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh masyarakat dengan cara meniru tingkah laku Azri Walter dan Imran Bard. Pernyataan di atas jelas menunjukkan ciri-ciri teori pemodelan yang masyarakat terapkan dalam *TikTok*. Masyarakat memodelkan Azri Walter dan Imran Bard kerana kedua-duanya mempunyai personaliti yang menarik dan pengikut yang ramai. Selanjutnya, menerusi perbincangan kajian ini dapat dikumpulkan beberapa jenis kerancuan bahasa yang berlaku berdasarkan data yang diambil. Walau bagaimanapun, jenis kerancuan bahasa tersebut adalah yang sering dilakukan oleh masyarakat dalam aplikasi media sosial yang lain. Secara tidak langsung perkara ini telah membuktikan teori pemodelan adalah mekanisme yang digunakan oleh masyarakat terhadap penggunaan bahasa yang rancu di media sosial. Sehubungan dengan itu, dalam mendepani era Revolusi Industri 4.0 (RI4), bahasa Melayu pastinya akan berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mengekalkan martabat dan kualitinya sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan kajian yang telah dijalankan mendapati generasi yang lahir pada era kemajuan teknologi kebanyakannya tidak mempedulikan sama ada bahasa Melayu digunakan secara bersistem atau tidak. Perkara ini jelas menunjukkan kebimbangan yang perlu diatasi segera. Justeru itu, isu kerancuan bahasa di media sosial yang disebabkan oleh faktor pemodelan perlu ditangani segera dengan mewujudkan pengaruh yang berlatarkan pendidikan tinggi berserta tahap penguasaan bahasa Melayu yang cemerlang dari pelbagai bidang kepakaran agar dapat menjadi ikutan masyarakat sekali gus menyelesaikan kemelut yang sedang berlaku dalam media sosial.

## RUJUKAN

- Amirah, A., Noriza, D., Norizah, A., & Nurrisammimayantie, I. (2019). *Ragam Bahasa media sosial dalam ISU Yang sohor kini\* - penerbit unimap*. Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara. <https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/Sutera%202019/115-128.pdf>
- Ansani, & H.Muhammad, S. (2022). *Bandura's modeling theory - researchgate*. Jurnal Multidisiplin Madani. [https://www.researchgate.net/publication/362514117\\_Teori\\_Pemodelan\\_Bandura/fulltext/637eac854eb5f547cfb9fe9/Teori-Pemodelan-Bandura.pdf](https://www.researchgate.net/publication/362514117_Teori_Pemodelan_Bandura/fulltext/637eac854eb5f547cfb9fe9/Teori-Pemodelan-Bandura.pdf)
- Bab 2 - bahasa rojak - bab 2 sorotan Kajian-Kajian lepas 2 Pengenalan Pengkaji Telah Merujuk Kepada.* Studocu. (2020). <https://www.studocu.com/my/document/international-islamic-university-malaysia/bahasa-melayu-kerjaya-malaysian-only/bab-2-bahasa-rojak/44193334>
- Caie86, budakmasjid. (n.d.). *Kerancuan Bahasa melayu*. Scribd. <https://www.scribd.com/doc/179388029/KERANCUAN-BAHASA-MELAYU-docx#:~:text=Berdasarkan%20pendapat%20di%20atas%20dapatlah,usaha%20dalam%20menstandardkan%20bahasa%20Melayu.>
- Farzana, A., & Suzianna, M. S. (2020). *Analisis Wacana kritis bahasa dan kuasa:*

*Kepimpinan Dan Permuafakatan - UKM. JURNAL WACANA SARJANA.*  
<http://journalarticle.ukm.my/16786/1/320-Article%20Text-474-1-10-20200713.pdf>

Furaiz, A. A. (n.d.). *Proposal bab 3.* pdfcoffee.com.  
<https://pdfcoffee.com/proposal-bab-3-pdf-free.html>

Hariyati, ariffin. (2019, November 18). *Bahasa Kurang Sopan ubah cara komunikasi remaja Masa Kini.* Sinar Harian.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/57798/khas/pendapat/bahasa-kurang-so-pan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>

Herley, L. janet. (2018). (PDF) Penerapan teori belajar sosial Albert Bandura Dalam proses...  
[https://www.researchgate.net/publication/339025465\\_PENERAPAN\\_TEORI\\_BELAJAR\\_SOSIAL\\_ALBERT\\_BANDURA\\_DALAM\\_PROSES\\_BELAJAR\\_MENGAJAR\\_DI\\_SEKOLAH](https://www.researchgate.net/publication/339025465_PENERAPAN_TEORI_BELAJAR_SOSIAL_ALBERT_BANDURA_DALAM_PROSES_BELAJAR_MENGAJAR_DI_SEKOLAH)

Hidayah, S., Ahmad Fahmi, M., Abdul, R., & Abdul Rahman, A. M. (2019). (PDF) *Pengaruh bahasa rojak di media baharu TERHADAP Bahasa kebangsaan ...* ResearchGate.  
[https://www.researchgate.net/publication/334457804\\_PENGARUH\\_BAHASA\\_ROJAK\\_DI\\_MEDIA\\_BAHARU\\_TERHADAP\\_BAHASA\\_KEBANGSAAN\\_THE\\_INFLUENCE\\_OF\\_BAHASA\\_ROJAK\\_IN\\_NEW\\_MEDIA\\_TOWARDS\\_THE\\_NATIONAL\\_LANGUAGE](https://www.researchgate.net/publication/334457804_PENGARUH_BAHASA_ROJAK_DI_MEDIA_BAHARU_TERHADAP_BAHASA_KEBANGSAAN_THE_INFLUENCE_OF_BAHASA_ROJAK_IN_NEW_MEDIA_TOWARDS_THE_NATIONAL_LANGUAGE)

Mohd Syukri , bin A. (2022, April 15). *Kata Singkatan menjejaskan kewibawaan Bahasa Melayu.* Dewan Bahasa.  
<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/04/15/3337/#:~:text=Prof.,kualiti%20bahasa%20Melayu%20itu%20sendiri.>

Mohd Syukri , bin aNWAR. (2023, January 13). *Media Sosial Jejaskan kualiti Bahasa remaja Malaysia.* Dewan Bahasa.  
<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2023/01/13/6923/>

Mor, C. (2020, January 25). *Model pengajaran sosial.* Academia.edu.  
[https://www.academia.edu/41737793/Model\\_Pengajaran\\_Sosial](https://www.academia.edu/41737793/Model_Pengajaran_Sosial)

Niniefadzilliea, I., & Kee-Man, C. (2021). *Hantaran Bahasa Melayu Yang Tular di Facebook: Analisis dari aspek ...*  
[https://www.researchgate.net/publication/356810661\\_Hantaran\\_Bahasa\\_Melayu\\_yang\\_Tular\\_di\\_Facebook\\_Analisis\\_dari\\_Aspek\\_Kandungan\\_dan\\_Atribut\\_Linguistik](https://www.researchgate.net/publication/356810661_Hantaran_Bahasa_Melayu_yang_Tular_di_Facebook_Analisis_dari_Aspek_Kandungan_dan_Atribut_Linguistik)

Nur Farahin, M. Y., & Muhammed Fauzi, O. (2022). *Pengalaman Pembelajaran Informal Dalam Kalangan pekerja pejabat Tanah ...* UTM JURNAL KEMANUSIAAN.  
<https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/download/411/336/958>



- Nur Farahkanna, M. R., Nurkhairunnisha, M. F., & Nurul Emelda, A. S. (2022). *Penggunaan Bahasa Rancu Dalam medium Twitter Oleh Generasi Z (mixed ...* ResearchGate.  
[https://www.researchgate.net/publication/360387411\\_PENGGUNAAN\\_BAHASA\\_RANCU\\_DALAM\\_MEDIUM\\_TWITTER\\_OLEH\\_GENERASI\\_Z\\_Mixed\\_Language\\_in\\_Twitter\\_Medium\\_by\\_Z\\_Generation](https://www.researchgate.net/publication/360387411_PENGGUNAAN_BAHASA_RANCU_DALAM_MEDIUM_TWITTER_OLEH_GENERASI_Z_Mixed_Language_in_Twitter_Medium_by_Z_Generation)
- Nur Farakhanna, M. R., & Noor Fazerra, P. (2022). *Penggunaan Bahasa Slanga Dalam Akaun twitter “brgsjks” the use of slang ...* RasearchGate.  
[https://www.researchgate.net/publication/362123129\\_Penggunaan\\_Bahasa\\_Slanga\\_dalam\\_Akaun\\_Twitter\\_Brgsjks\\_The\\_Use\\_of\\_Slang\\_Language\\_in\\_Brgsjks\\_Twitter](https://www.researchgate.net/publication/362123129_Penggunaan_Bahasa_Slanga_dalam_Akaun_Twitter_Brgsjks_The_Use_of_Slang_Language_in_Brgsjks_Twitter)
- Nurul Aina, B. (2021). *“Oleh Kerana” Atau “Oleh Sebab”?* JendelaDBP.  
<https://jendeladbp.my/peka-bahasa/oleh-kerana-atau-oleh-sebab/>
- Rahimah, E., & Nik Murshidah, N. D. (2018). *Analisis Tekstual sebagai method Dalam Memahami Ungkapan Puisi imam al ...* ResearchGate.  
[https://www.researchgate.net/publication/333967187\\_Analisis\\_Tekstual\\_Sebagai\\_Method\\_Dalam\\_Memahami\\_Ungkapan\\_Puisi\\_Imam\\_Al-Shafie\\_RHM](https://www.researchgate.net/publication/333967187_Analisis_Tekstual_Sebagai_Method_Dalam_Memahami_Ungkapan_Puisi_Imam_Al-Shafie_RHM)
- Siti , N. J. F., & Junaini, K. (2019). *Jati diri bahasa melayu generasi z Dalam Mendepani ... - penerbit unimap*. Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara.  
<https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/Sutera%202019/185-202.pdf>
- Sondang, M., Milisi, S., Immanuel, P., & Manurung, L. (n.d.). *Theory of Bandura’s social learning in the process of teaching at SMA ...* Pengabdian Kepada Masyarakat.  
<https://www.semanticscholar.org/paper/Theory-of-Bandura’s-Social-Learning-in-The-Process-Manik-Sembiring/6504588d84a08a517bc49b4427227392cf65d906>
- Thiveneshvaran, M. (2021). *(PDF) Social Cognitive theory -BM version - researchgate*. Researchgate.  
[https://www.researchgate.net/publication/358954367\\_Social\\_Cognitive\\_Theory\\_-\\_BM\\_VERSION](https://www.researchgate.net/publication/358954367_Social_Cognitive_Theory_-_BM_VERSION)

## **PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR KURSUS SASTERA BAHASA INGGERIS DI UIAM PAGOH**

Norlaila Hasuran  
Nur Athirah Aleya Mohd Rozi  
Nur Nafeesa Aleeya Md Rizam

\*Koresponden  
Nora'azian Nahar

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

### **Abstrak**

Pada era globalisasi kini, kedudukan bahasa Melayu semakin tercabar disebabkan penggunaan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa utama di seluruh negara terutamanya dalam kalangan pelajar universiti. Perkara ini dilihat mampu menggugat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang sepatutnya dimartabatkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah penguasaan bahasa Melayu yang dihadapi oleh pelajar tahun tiga Kursus Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji langkah memperbaiki masalah penguasaan bahasa Melayu yang dihadapi oleh responden. Sehubungan dengan itu, maklum balas daripada 14 orang responden yang dipilih menggunakan kaedah pemilihan secara rawak bagi mendapatkan data. Semua maklumat dan data yang diperoleh melalui soal selidik dan temu bual tersebut telah ditranskripsi dan dianalisis. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden yang merupakan pelajar jurusan bahasa Inggeris hanya mempunyai sedikit masalah berkaitan dengan penguasaan bahasa Melayu. Hal ini jelas melalui dapatan yang menunjukkan para responden mampu menjawab soalan yang diberikan berkaitan dengan pengetahuan asas bahasa Melayu dengan jayanya. Kajian juga menjelaskan kepentingan hasil daripada kajian ini iaitu dapat meningkatkan kesedaran pelajar bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di samping pelajar dapat menambah pengetahuan terhadap peribahasa Melayu. Kesedaran dalam jati diri mahasiswa perlu disuburkan kembali agar menggunakan bahasa Melayu standard semasa berkomunikasi seharian.

### **PENGENALAN**

Bahasa merupakan salah satu alat yang digunakan manusia untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain. Orang ramai boleh memahami maklumat yang disampaikan menggunakan bahasa. Bahasa juga menyampaikan konsep, ekspresi tingkah laku, keinginan mental, emosi, perasaan, dan intuisi. Menurut Sapir (1921), definisi bahasa ialah sesuatu yang bersifat naluri dengan tujuan untuk menyampaikan idea, perasaan, dan emosi melalui simbol


dan tanda tertentu. Menurut Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abdul Hamid (1996) sependapat bahawa sesuatu bahasa adalah milik masyarakat yang menuturkannya. Dengan kata lain, setiap komuniti mempunyai bahasanya sendiri, dan apabila komuniti itu berkembang, bilangan orang yang bercakap bahasa itu juga bertambah. Konsep ini diperkembangkan oleh Asmah Hj. Omar (1988) menyatakan bahawa bahasa merupakan penunjuk kepada budaya sesebuah masyarakat. Semasa aktiviti bahasa, penutur mesti menggunakan tatabahasa yang betul untuk memudahkan orang lain memahami. Di Malaysia, Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama masyarakat.

Penerapan penggunaan Bahasa Melayu dalam era global adalah suatu usaha yang sangat mencabar. Ianya kerana ia berkait rapat tentang soal jati diri, semangat patriotik dan masalah budaya yang rumit. Mempelajari lebih daripada satu bahasa merupakan satu pelaburan yang sangat berguna pada era globalisasi ini. Namun dalam membentuk jati diri, seseorang pelajar perlulah mempelajari dan menguasai bahasa ibunda terlebih dahulu sebelum diajar bahasa kedua yang lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab dan sebagainya. Di Malaysia, bahasa antarabangsa ialah bahasa Inggeris. Dengan kemajuan pesat sains dan teknologi maklumat pada abad ke-21, bahasa Melayu telah terpinggir. Tambahan pula, terdapat juga bantahan bahawa bahasa Melayu tidak berdaya saing sebagai bahasa ilmu. Bahasa yang canggih dikatakan sebagai bahasa ilmu, bahasa budaya maju, dan sesuai untuk sains dan teknologi. Kepentingan bahasa Inggeris dalam globalisasi seharusnya tidak menjejaskan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar atau bahasa kebangsaan, dan harus digunakan sebagai bahasa ilmu dan bukannya sebagai pengganti bahasa Melayu.

Apabila pengetahuan dan kepakaran dalam bidang tertentu meningkat, penguasaan bahasa juga harus bertambah baik. Persepsi kebanyakan orang ialah bahasa didahulukan dan ilmu diutamakan. Sebenarnya, bahasa itu sendiri adalah sains, dan sejarah membuktikannya. Ramai saintis telah mencipta idea dan ciptaan baharu dengan memperoleh pengetahuan dan bahasa sebagai unit yang koheren. Awang Sariyan (2010) percaya bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam kejayaan tamadun. Sebagai contoh, tamadun Arab dan Zaman Keemasan Islam menggunakan bahasa Arab dalam bidang perubatan, sains, seni dan sebagainya. Tamadun Yunani dan Yunani juga timbul daripada kuasa bahasanya sendiri. Kita tidak boleh lupa bahawa Alam Melayu pernah membanggakan tamadun yang gemilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang bermula dengan Kerajaan Majapahit. Pada masa ini, ramai pedagang asing dari China, India, Arab dan lain-lain melawat Pelabuhan Melaka. Pengaruhnya masih dapat dilihat pada Baba dan Nyonya. Mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama untuk komunikasi antara dua generasi ini dan asimilasi budaya seperti makanan dan pakaian. Bahasa dan budaya ini diwarisi turun-temurun, walaupun generasi pertama sudah tiada di dunia ini.

Menurut Kachru (1997), Asia Tenggara merupakan tumpuan yang menarik untuk mengkaji model bulatan sepusat, iaitu teori yang menjelaskan penyebaran penggunaan bahasa Inggeris. Model ini terdiri daripada tiga lapisan. Lapisan dalam ialah negara di mana bahasa Inggeris adalah bahasa ibunda mereka, seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan

Australia. Tahap kedua ialah mengenai negara-negara yang mempunyai hubungan rapat dengan Inggeris melalui penaklukan atau penjajahan pada masa lalu, yang membawa kepada kemunculan cendawan institusi dalam bahasa Inggeris. Peringkat terakhir, yang dipanggil peringkat membangun, terdiri daripada negara yang tidak mempunyai hubungan istimewa dengan bahasa Inggeris dan di mana ia hanya diajar sebagai bahasa asing. Negara-negara seperti Malaysia, Singapura, dan Filipina dikenal pasti berada dalam kategori peringkat kedua kerana sejarah penjajahan mereka oleh kuasa asing. Walau bagaimanapun, pada masa ini di tiga negara ini terdapat beberapa orang yang bercakap bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda mereka, dan fenomena sedang berlaku di mana status peringkat kedua beralih kepada peringkat dalam/pertama. Apabila masyarakat mula mengenali dan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka, kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor dan kesan-kesan yang berlaku dalam kalangan pelajar kos Sastera Bahasa Inggeris Untuk Komunikasi Antarabangsa di Kuliah Bahasa dan di Universiti Islam Antarabangsa, Pagoh. Jurnal ini memfokuskan kepada pelajar Malaysia yang fasih berbahasa Inggeris di Malaysia.



Rajah 1: Model Bulatan Sepusat

## **PERNYATAAN MASALAH**

Meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar adalah salah satu visi dan misi dalam pendidikan Malaysia. Perkara yang menjadi fokus kajian ini ialah masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang mengambil kos Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa sewaktu memahami penggunaan bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka melalui kefasihan sewaktu menutur dalam bahasa Melayu, kefahaman dalam memahami istilah dalam bahasa melayu dan bahasa

sastera. Kajian ini juga akan meninjau langkah-langkah dalam memperbaiki penguasaan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa.

Pencapaian mata pelajaran wajib lulus seperti Bahasa Melayu pada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah mendapat perhatian pelbagai pihak di sekolah seperti pentadbir, guru-guru, dan murid-murid. Perkara ini dikatakan demikian kerana kepujian dalam Bahasa Melayu merupakan syarat am bagi seorang murid untuk mendapatkan sijil. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar yang hanya memfokuskan kepada peperiksaan ini demi sebuah kelayakan bagi mendapatkan pekerjaan dan menyambung pelajaran. Perkara ini dikatakan demikian kerana kepujian dalam Bahasa Melayu merupakan syarat am bagi seseorang murid diterima masuk ke pusat-pusat pengajian yang lain. Walau bagaimanapun pencapaian Bahasa Melayu SPM yang menunjukkan penurunan telah membimbangkan semua pihak.

Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama memang wajar dikuasai. Cabaran utama kepada pelajar dalam menguasai bahasa Melayu ini ialah bentuk soalan yang dikemukakan menguji kemahiran berfikir aras tinggi murid. Kerisauan tidak dapat lulus sering menghantui pelajar kerana bahasa Melayu merupakan subjek wajib lulus hingga menyebabkan pelajar perlu lulus dalam subjek tersebut dan tidak menggunakannya setelah tamat pengajian.

Secara keseluruhan, kajian yang dijalankan penting kepada semua pihak. Generasi kini memainkan peranan yang penting bagi mengekalkan kesantunan Bahasa Melayu kepada generasi akan datang. Generasi muda merupakan permata negara yang harus dibentuk dengan sikap yang positif melalui pemupukan nilai murni. Pembentukan generasi yang kaya dengan nilai baik ini akan membawa kecemerlangan kepada negara pada masa depan.

## **OBJEKTIF**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui masalah penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa. Secara khusus, objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenal pasti masalah penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tahun tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa.
2. Mengkaji langkah memperbaiki penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tahun tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa.

## **SOROTAN LITERATUR**

Penguasaan bahasa merupakan kebolehan dan kemampuan yang ada pada diri seseorang yang menggunakan bahasa dengan lebih cekap dan efisien. Penguasaan bahasa bagi seseorang individu dapat diukur menerusi kosa kata yang dikuasai serta perkaitannya dengan kemahiran membaca, bertutur dan menulis. Kelemahan penguasaan kosa kata menyebabkan seseorang

gagal menggunakan struktur dan fungsi bahasa yang betul dalam komunikasi sama ada dalam bentuk tulisan mahu pun lisan (Norizan & Zaitul Azma, 2013). Oleh sebab itu, kajian dijalankan bagi mengenal pasti kefahaman dan masalah terhadap penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Pagoh.

Jika diamati secara lebih mendalam, bahasa Melayu telah mula diajar di universiti-universiti seluruh dunia sejak lama dahulu. Hal ini terbukti sehingga hari ini terdapat kira-kira 130 buah pusat pengajian tinggi di seluruh dunia yang menawarkan pengajian Bahasa Melayu termasuk Amerika, Australia dan New Zealand (Fa'izah Abd. Manan et al, 2009). Di Eropah, negara Perancis merupakan negara pertama yang menawarkan pengajian Bahasa Melayu iaitu pada tahun 1841 di Ecole National des Langues et Civilizations Orientales Vivanttees (Enlov) manakala di Belanda bahasa Melayu mula diajar sejak abad ke-19 kepada pegawai yang dihantar bertugas di Indonesia (Khaled Nordin, 2010).

Penggunaan Bahasa Melayu dalam prestasi akademik di Malaysia adalah amat penting kerana di Malaysia, bahasa Melayu sudah menjadi bahasa rasmi negara serta bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perkara ini juga akan mengganggu prestasi akademik pelajar di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana penguasaan bahasa yang lemah merupakan salah satu faktor halangan dalam proses pengajaran ekoran tiada komunikasi yang berkesan antara guru dan pelajar. (Komba & Bosco, 2015) Jelaslah bahawa bahasa merupakan medium utama yang amat penting dalam menyampaikan ilmu. Penguasaan bahasa dalam kalangan murid bermaksud kebolehan menggunakan laras bahasa yang betul dalam komunikasi seharian serta dalam penulisan.

## MURID KOS BAHASA INGGERIS


Murid kos bahasa Inggeris merujuk kepada pelajar-pelajar yang menyambung pelajaran dalam kos Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Pagoh. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat segelintir rakyat di Malaysia yang bertutur dalam bahasa Inggeris sehingga melupakan bahasa Melayu. Perkara ini mengakibatkan mereka lebih cenderung berkomunikasi dengan orang lain dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Akibat daripada tindakan ini, terdapat juga rakyat Malaysia yang tidak fasih untuk bertutur dalam bahasa Melayu kerana lebih mengagungkan bahasa Inggeris. Memang tidak dinafikan bahawa bahasa Inggeris amat penting, tetapi kita perlu lebih berbangga dengan bahasa kebangsaan. Dalam konteks bahasa kedua, pemerolehan hanya dicapai apabila bahasa tersebut digunakan semasa berkomunikasi secara separa sedar dan pembelajaran sedar tidak boleh digunakan sebagai sumber hasilan bahasa yang spontan (Krashen 1994).

Penggunaan bahasa Inggeris bukan sahaja berleluasa dalam kehidupan masyarakat tetapi juga dalam urusan rasmi. Pelbagai urusan rasmi diambil alih satu per satu oleh bahasa dunia itu sehinggakan bahasa kebangsaan luntur. Bahasa Melayu seakan-akan hilang identitinya di tanah air sendiri apabila rakyat negara lebih fasih bercakap menggunakan bahasa

Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu. Tindakan itu adalah perbuatan yang tidak menghormati bahasa kebangsaan (Zainal Abidin Borhan, 2021). Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengkaji impak penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa.

## KERANGKA TEORETIS

Teori Mentalis Noam Chomsky (1959) didapati sesuai dengan kajian ini kerana berdasarkan teori yang dikemukakan di atas, penyelidik beranggapan bahawa kesemua hipotesis yang dibincangkan dapat diaplikasikan untuk mengenal pasti masalah dalam penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sastera Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa kampus Pagoh dari segi kefahaman, kefasihan dan kecekapan dalam Bahasa Melayu.



Rajah 2: Teori Mentalis Noam Chomsky

## METODOLOGI

Menurut Hornby (1985) (Nor Hidayah Binti Mohamed, 2004), metodologi kajian merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data. Antara instrumen yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah soal selidik dan juga temu bual. Kaedah soal selidik sememangnya tergolong di bawah kaedah kuantitatif, tetapi menurut Hamzah (2010), kajian kualitatif boleh merujuk kajian yang menumpukan kepada kumpulan responden yang kecil tetapi maklumatnya yang mendalam. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan soalan soal selidik yang berbentuk terbuka. Kajian yang dilakukan di Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia ini ditumpukan kepada pelajar tahun 3 daripada program Sarjana Muda Sastera dalam Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa kampus Pagoh.

## REKA BENTUK PENYELIDIKAN

Reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah reka bentuk kualitatif. Pengkaji memilih untuk menggunakan reka bentuk ini adalah kerana pengkaji perlu menjalankan temu bual terhadap responden-responden yang telah dipilih untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan mendalam. Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik dalam kajian ini boleh dilihat daripada bukti yang dikemukakan oleh pengkaji tentang temu bual yang dijalankan. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), rakaman boleh dilakukan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh oleh pengkaji. Namun, rakaman yang hendak dilakukan perlulah dimaklumkan kepada pihak responden. Selain dapat meningkatkan kesahan data, pengkaji juga mampu mendapatkan data yang jitu kerana pengkaji boleh melakukan transkripsi daripada rakaman temu bual yang dijalankan bersama responden.

## INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian merujuk kepada cara-cara pengkaji mendapatkan data untuk menjayakan kajian. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan dua instrumen bagi mendapatkan data iaitu soal selidik dan juga temu bual.

## SOAL SELIDIK

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyediakan soalan-soalan bagi soal selidik yang berbentuk terbuka yang bermaksud responden bebas untuk memberikan jawapan berdasarkan isu yang diberikan. Soalan soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah mengenai demografi responden dan manakala bahagian B mengandungi soalan-soalan berkaitan penguasaan dan kefahaman responden berkaitan dengan bahasa Melayu. Soalan ini telah diedarkan kepada 15 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun ketiga bagi kursus Sarjana Muda Sastera dalam Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di kampus Pagoh.

## TEMU BUAL

Pengkaji turut menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan data dalam kajian ini. Menurut Patton (1980), temu bual merupakan satu kaedah yang baik untuk mendapatkan maklumat kerana pengkaji dapat mengetahui emosi responden secara langsung. Pengkaji telah menemu bual seramai 7 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun ketiga bagi kursus Sarjana Muda Sastera dalam Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di kampus Pagoh. Temu bual yang dilaksanakan berbentuk separa berstruktur. Menurut Noor Haslinda Shuib (2019), kaedah ini membenarkan pengkaji mengajukan soalan lanjutan dilontarkan selepas mendengar jawapan daripada responden. Hal



ini bukan sahaja dapat meluaskan skop kajian bahkan dapat menjana idea baharu bai memantapkan lagi kajian yang dijalankan.


## **DAPATAN/PERBINCANGAN**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan kedua-dua objektif yang telah disenaraikan di bab 1. Objektif pertama bagi kajian ini adalah mengenal pasti masalah penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tahun tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa. Seterusnya, objektif kedua bagi kajian ini adalah mengkaji langkah memperbaiki penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tahun tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa.

### **4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN**

Jadual 1: Data Jantina Responden

JANTINA	KEKERAPAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
Lelaki	3	42.86
Perempuan	4	57.14
Jumlah	7	100




Rajah 3: Jantina Responden

Rajah di atas menunjukkan demografi responden berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tahun tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pagoh. Seramai 7 orang responden telah di soal selidik bagi mendapatkan data berkaitan kajian ini. 3 daripada 7 orang yang bersamaan 42.86% responden merupakan pelajar lelaki manakala 57.14% responden selebihnya merupakan pelajar perempuan yang mana bersamaan 4 orang daripada 7 orang responden telah di soal selidik.

Jadual 2: Data Umur Responden

UMUR	KEKERAPAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
21	2	28.57
22	3	42.86
23	2	28.57
Jumlah	7	100



Rajah 4: Umur Responden

Rajah 2 menunjukkan demografi responden dari sudut umur responden yang terdiri daripada pelajar tahun tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di UIAM Kampus Pagoh. Berdasarkan rajah berikut, seramai 2 orang responden bersamaan 28.57% berumur 21 tahun, 42.86% bersamaan 3 orang responden berumur 22 tahun dan 28.57% selebihnya pula berumur 23 tahun yang bersamaan 2 orang responden daripada keseluruhan 7 orang responden yang telah di soal selidik.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **4.3.1 Masalah Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Tahun Tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa.**

Bagi objektif pertama iaitu masalah penguasaan bahasa Melayu, pengkaji telah mengedarkan soal selidik berkaitan dengan beberapa aspek tentang pengetahuan asas dalam bahasa Melayu kepada para responden. Soalan soal selidik tersebut terdiri daripada 4 soalan yang berkaitan dengan pengetahuan asas responden tentang peribahasa Melayu dan juga asas tatabahasa.

Soalan pertama merupakan soalan berkaitan pengetahuan asas tentang simpulan bahasa. Bagi soalan pertama, pengkaji telah mengajukan soalan tentang simpulan bahasa ‘lipas kudung’. Pengkaji mendapati sebanyak 71.43% yang bersamaan 5 orang responden telah berjaya memberikan makna simpulan bahasa tersebut dengan tepat iaitu pergerakan yang laju atau pantas manakala sebanyak 28.57% telah memberikan jawapan yang kurang tepat iaitu seramai 2 orang responden sahaja. Melalui data yang telah diperoleh berkenaan soalan pertama ini, pengkaji dapat melihat bahawa hampir majoriti responden yang terdiri daripada pelajar kos bahasa Inggeris mengetahui dengan jelas maksud simpulan bahasa ini.

Seterusnya, soalan kedua juga memfokuskan pengetahuan responden tentang simpulan bahasa. Hal ini dilakukan sedemikian kerana pengkaji ingin mendapatkan gambaran lanjut tentang penguasaan responden dalam bahasa Melayu bagi mengenal pasti masalah yang mungkin dihadapi oleh para responden. Soalan kedua pula meminta para responden untuk memberikan maksud simpulan bahasa ‘telinga kualiti’. Berdasarkan dapatan yang telah didapati daripada soal selidik yang dijalankan, sebanyak 57.14% telah memberikan jawapan yang tepat iaitu orang yang tidak mendengar kata manakala seramai 42.86% bersamaan 3 orang responden telah memberikan jawapan yang kurang tepat. Di sini, pengkaji mendapati bahawa berlaku penurunan berbanding soalan pertama yang diajukan dan kemungkinan disebabkan responden jarang mendengar peribahasa tersebut.

Bagi soalan selanjutnya, pengkaji telah mengajukan soalan berkaitan dengan struktur asas ayat iaitu menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif. Bagi soalan ini, seramai enam orang responden bersamaan 85.71% telah memberikan jawapan yang betul iaitu ‘Polis menangkap pencuri itu.’ manakala sebanyak 14.29% selebihnya memberikan jawapan yang kurang tepat iaitu ‘Polis tangkap pencuri.’. Data ini menunjukkan bahawa para responden tidak mempunyai masalah yang ketara tentang struktur ayat kerana mereka juga mempelajari struktur ayat yang lebih kurang sama dalam bahasa Inggeris.

Soalan terakhir yang diajukan oleh pengkaji dalam soal selidik ini adalah berkaitan dengan pengetahuan asas tentang penguasaan tatabahasa. Pengkaji telah memberikan potongan petikan yang mempunyai dua kesalahan dari segi tatabahasa dan juga kesalahan ejaan. Bagi kesalahan yang pertama iaitu ‘Antara langkah-langkah’, sebanyak 71.43% bersamaan 5 orang responden telah memberikan jawapan yang betul iaitu ‘Antara langkah’ manakala 28.57% responden tidak dapat mengidentifikasi kesalahan tersebut. Pengkaji mendapati responden dapat mengenal pasti kesalahan tersebut dengan meninggalkan nota ‘*redundant*’ atau yang kita lebih kenali dengan istilah ‘lewah’ pada jawapan yang diberikan oleh mereka. Seterusnya, bagi kesalahan kedua, hanya sebanyak 14.29% bersamaan seorang responden sahaja dapat mengenal pasti kesalahan ejaan ‘**efisiyen**’ manakala yang selebihnya tidak dapat mengenal pasti kesalahan tersebut. Berdasarkan data ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa responden berkemungkinan sudah terbiasa dengan ejaan bahasa Inggeris yang menggunakan huruf konsonan ‘sy’ sedangkan ejaan sebenar ialah ‘efisien’

Setelah diteliti, perkara ini jelas menunjukkan bahawa responden mempunyai sedikit

masalah dalam menganalisis makna atau maksud sesetengah perkataan atau rangkai kata. Namun, mereka mampu menguasai serba sedikit tentang bidang tatabahasa asas berdasarkan soalan yang diajukan oleh pengkaji. Hal ini kerana mereka sudah mempelajari perkara yang lebih kurang sama tetapi dalam bahasa Inggeris.

4.3.2 Langkah memperbaiki penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan responden ialah berdasarkan objektif kajian kedua, pengkaji juga telah menggunakan kaedah borang soal selidik untuk mendapatkan jawapan daripada responden tentang langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah ini. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik ini kepada 7 orang responden dan telah menerima tujuh kaedah yang dikemukakan oleh responden untuk dijadikan sebagai langkah penyelesaian bagi objektif kedua kajian ini.

Bagi langkah pertama terdapat dua orang responden memilih untuk sentiasa menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Hal ini dikatakan demikian kerana responden mendapati bahawa terdapat rakan-rakan mereka yang telah dibesarkan dalam keluarga yang sering menggunakan bahasa Inggeris menyebabkan mereka kurang berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Kebiasaannya mereka yang sering menggunakan bahasa Inggeris di rumah disebabkan oleh ahli keluarga mereka seseorang yang berkarier atau bekerja dalam pekerjaan yang sering menggunakan bahasa Inggeris.

Langkah yang kedua pula ialah responden mencadangkan agar kelab bahasa sentiasa mengadakan aktiviti yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka mendapati bahawa terdapat banyak aktiviti yang tidak melibatkan penggunaan bahasa Melayu untuk berkomunikasi, malah mereka mendapati hanya aktiviti yang melebihi penulisan bahasa Melayu sahaja yang sering dianjurkan sebagai contoh penulisan cerpen, puisi dan sebagainya.

Bagi langkah yang ketiga pula ialah responden mencadangkan supaya sering mendengar lagu yang menggunakan bahasa Melayu terutamanya lagu yang mempunyai konsep bahasa yang santun dan klasik sebagai contoh Cindai, kampung Melayu dalam kenangan, Tarian Tualang dan sebagainya. Namun begitu terdapat juga lagu Melayu pada masa ini yang mempunyai kesantunan dan terselit juga perumpamaan atau pun peribahasa yang dapat dipelajari oleh pelajar sebagai contoh Budi, Belai, Intan Payung dan sebagainya. Bagi langkah yang terakhir pula, responden menggalakkan agar para pelajar menggunakan bahasa Melayu standard yang betul semasa berkomunikasi bersama dengan rakan-rakan. Kesannya jika mereka sering menggunakan bahasa Melayu standard sudah pasti mereka dapat menutur dengan baik.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah mengemukakan jawapan kepada persoalan kajian yang berkaitan Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa tahun 3 di Universiti Islam Antarabangsa Pagoh. Ringkasan dapatan kajian dikemukakan dan perbincangan dapatan telah dilakukan untuk menjelaskan persoalan dalam kajian Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sastera Bahasa Inggeris untuk

Komunikasi Antarabangsa tahun 3 di Universiti Islam Antarabangsa Pagoh. Kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik mempunyai objektif untuk mengenal pasti masalah penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tahun tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa dan mengkaji langkah memperbaiki penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tahun tiga Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa penguasaan bahasa Melayu responden berada dalam keadaan yang tidak membimbangkan. Namun demikian, responden mempunyai sedikit masalah dalam menganalisis makna atau maksud sesetengah perkataan atau rangkai kata tetapi responden masih mampu menguasai serba sedikit tentang bidang tatabahasa asas berdasarkan soalan yang diajukan oleh pengkaji.

Berdasarkan analisis ini juga mendapati bahawa terdapat kepentingan hasil daripada kajian ini iaitu dapat meningkatkan kesedaran pelajar bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di samping pelajar dapat menambah pengetahuan terhadap peribahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan pelajar kurang didedahkan dengan kepentingan memartabatkan bahasa Melayu. Kajian ini sedikit sebanyak mampu menambah kesedaran pelajar untuk lebih menghargai bahasa Melayu. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji membataskan bahan kajian kepada skop yang lebih kecil iaitu pelajar tahun 3 yang mengambil kursus Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tujuan pengkaji memfokuskan pelajar-pelajar ini kerana ingin mengenal pasti sudut kefahaman mendengar, kefasihan ketika bertutur dan penguasaan Bahasa Melayu dalam pertuturan harian sama ada secara formal mahupun tidak formal. Tuntasnya, diharapkan sokongan padu bagi memastikan kepelbagaian budaya dan identiti kebangsaan terus terjaga serta memupuk pemahaman dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Hornby, A.S. (1989) , Oxford Advance Learner's Dictionary of Current English 4th Edition. British Oxford University Pres
- Nora'Azian Nahar (2018). Tahap profesiensi bahasa Melayu dan hubungannya dengan status sosioekonomi, motivasi belajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif - Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/76264/>
- Nahar, N. (2018, May 1). TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID BUKAN PENUTUR NATIF (The Level of Proficiency of Malay Speaking Skills among Non-Native Students). NAHAR | Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/169>
- Nahar, N., & Rosly, N. J. (2022, June). Paparan Persepsi Guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan terhadap Penguasaan Kemahiran Lisan Bahasa Melayu Sepanjang Pandemik COVID-19.

<https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8278/3897>

Ismail, A., & Zainon Hamzah, Z. A. (2018). JURNAL LINGUISTIK Vol. 22 (1) Jun.2018(024-031). Analisis Kesalahan Dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua Dari Aspek Morfologi. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnalinguistik/article/view/45>

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim. [http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf)

Mohamad Nasir, Zaliza (2015) Penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di IPTA. Doctoral thesis, Universiti Putra Malaysia. - Bing. (n.d.). Bing. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/71046/>

Definisi gerakan mahasiswa: Satu tinjauan semula. (2014, January 23). Gerakan Mahasiswa Pantai Timur. <https://gerakanmahasiswapantaitimur.wordpress.com/2014/01/23/definisi-gerakan-mahasiswa-satu-tinjauan-semula/>

Chelliah, S., & Othman, N. (2022). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan Murid Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), e001509. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1509>

Hamzah, A. (2004, June 1). Kaedah Kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya: Qualitative Methods in Sociocultural Research. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/32755>

Patton, M. (1980) *Qualitative Evaluation methods*. Sage Publications, Beverly Hills. - References - Scientific Research Publishing. (n.d.). <https://www.scirp.org/reference/referencespapers?referenceid=3082466>

Shuib, N. (2019). PENGGUNAAN PROTOKOL TEMU BUAL DALAM MENGHASILKAN DAPATAN KAJIAN KUALITATIF YANG BERKUALITI: SATU PERKONGSIAN PENGALAMAN. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, (JILID I). <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jrk/article/view/9433>

Kasdan, J., Pa, N. S. C., & Kasim, M. S. a. C. (2015). Penguasaan Bahasa Melayu Penjawat Awam: Kajian Kes di Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). [https://www.researchgate.net/publication/301730664\\_Penguasaan\\_Bahasa\\_Melayu\\_Penjawat\\_Awam\\_Kajian\\_Kes\\_di\\_Universiti\\_Teknikal\\_Malaysia\\_MTUN](https://www.researchgate.net/publication/301730664_Penguasaan_Bahasa_Melayu_Penjawat_Awam_Kajian_Kes_di_Universiti_Teknikal_Malaysia_MTUN)

Zulkifli, M., & Ibrahim, I. M. (2023). Penggunaan Bahasa Slanga di Media Sosial Dalam

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Kalangan Pencipta Kandungan. Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa  
Dan Budaya Nusantara (SUTERA) Ke-2.  
[https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/SUTERA2023/SUTERA\\_2023\\_201-210.pdf](https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/SUTERA2023/SUTERA_2023_201-210.pdf)

Mamat, M. (2016, November 7). Penguasaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar Tahun  
Satu di UKM. <https://publisher.unimas.my/ojs/index.php/ILS/article/view/1636/817>

**PENGGUNAAN BAHASA SLANGA DALAM KOMUNIKASI PELAJAR  
KURSUS BAHASA MELAYU KOMUNIKASI ANTARABANGSA  
DI UIAM PAGOH**

Nur Aneesa 'Awatif Rosli  
Nurin Ardini Ramzainuri  
Nur Halida Hasbullah  
Siti Nuralis Iman Muhammad Shamsudin

Koresponden  
Nora'azian Nahar

Jabatan Bahasa Melayu  
Kuliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

**Abstrak**

Penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan merupakan permasalahan utama pada era globalisasi ini. Perkara ini telah menjadi satu perkara yang serius kerana kekerapan penggunaan bahasa slanga dalam kehidupan amat membimbangkan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan penggunaan bahasa slanga ke atas Bahasa Melayu Standard dan cara mengatasi penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa (MCOM) di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), kampus Pagoh. Seramai 7 orang mahasiswa daripada UIAM telah dipilih secara rawak yang sering menggunakan bahasa slanga dalam komunikasi harian mereka telah dipilih. Data diperolehi menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah temu bual menggunakan instrumen soal selidik. Data ditranskripsi daripada temu bual dan data dianalisis secara langsung terhadap penggunaan bahasa slanga dalam kalangan subjek kajian. Hasil dapatan mendapati perkataan-perkataan bahasa slanga yang menjadi trend penggunaannya dalam kalangan pelajar perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Tahun 1 dalam aspek komunikasi harian mereka, kekerapan penggunaannya dalam kehidupan seharian sehingga memudaratkan ketulenan Bahasa Melayu Standard. Seramai 4 orang subjek kajian bersamaan dengan 57.1% menyatakan mereka sangat kerap menggunakan bahasa slanga dalam komunikasi dengan bilangan (lebih daripada 15 kali seminggu). Implikasinya, instrumen yang digunakan boleh ditambah baik untuk diaplikasikan kepada pelajar-pelajar dalam menentukan keberkesanannya. Semua pihak termasuklah pelajar haruslah bergembleng tenaga untuk mengurangkan penggunaan bahasa slanga daripada digunakan dalam kehidupan seharian.

**Kata Kunci:** bahasa, slanga, komunikasi, mahasiswi



## **PENGENALAN**

Kelebihan yang wujud pada sesuatu bahasa bukan hanya sekadar memainkan peranan sebagai sistem simbol yang penting dalam proses komunikasi seharian, tetapi mempunyai susur galur yang kukuh di antara bahasa. Bahasa dapat berupaya menyalurkan dan menukarkan maklumat sama ada disampaikan dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Asmah Hj. Omar (1988) yang menyatakan bahawa bahasa amat penting dalam sesebuah budaya tertentu bermatlamat untuk menterjemahkan kecenderungan dan pemikiran mereka melalui makna yang disampaikan. Bahasa turut berupaya mencerminkan penuturnya, iaitu cara hidup, cara berfikir dan persekitaran fizikal serta sosial dalam kelompok masyarakat tersebut.

Hasil kajian ini, pengkaji lebih mengutamakan bahasa slanga dalam kalangan pelajar mahasiswi Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa Tahun 1 Universiti Islam Antarabangsa cawangan Pagoh. Hal ini kerana, golongan pelajar gemar menggunakan bahasa slanga kerana mereka telah terpengaruh dengan sesuatu perkara. Hal ini diyakinkan dengan Zuraidah Mohd. Sulaiman (2016) menyimpulkan bahawa slanga bersifat gejala bahasa, dianggap sebagai fesyen berbahasa, eksklusif dan unik tetapi terbatas. Penggunaan bahasa slanga akan memberikan kesan terhadap bahasa ibunda dan boleh mencemarkan serta merosakkan kekuatan makna sebenar Bahasa Melayu Standard. Walau bagaimanapun, bagi golongan pelajar, slanga diibaratkan sebagai unsur barat yang realistik dan berkesan mengukuhkan interaksi sosial dan secara tidak langsung menyebabkan kreativiti berbahasa mereka ke tahap yang sangat menarik. Oleh sebab itu, pengkaji menjadi tertarik dalam menyempurnakan kajian tentang penggunaan bahasa slanga ini kerana pengkaji dapat memperoleh pelbagai data yang menarik melalui penyelidikan ini.

Hasil daripada penyelidikan ini, pengkaji memperoleh perkataan-perkataan slanga yang dicipta mengikut kreativiti seperti perkataan atau ungkapan yang lama tetapi telah diperbaharu untuk dijadikan sebagai bahasa “trend” atau lebih segar penggunaannya oleh sesuatu kumpulan pelajar yang lebih taksud menuturkan bahasa tersebut. Kebiasaannya, bahasa slanga ini hanya difahami oleh kumpulan mereka sahaja. Bahasa slanga yang dicipta oleh golongan pelajar ini berdasarkan kepada 2 sebab iaitu berdasarkan sesuatu topik atau peristiwa yang hanya dituturkan dalam kelompok mereka dan trend penggunaan bahasa slanga yang tersebar di dalam kelompok mereka. Menyedari kepada perkara tersebut, pengkaji telah menjadikan fenomena penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar sebagai satu kajian penyelidikan yang boleh diketengahkan untuk merungkai segala persoalan dan permasalahan yang wujud.

## **OBJEKTIF**

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan penggunaan bahasa slanga ke atas Bahasa Melayu Standard. Selain itu, pengkaji juga akan menganalisis cara mengatasi penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa Universiti Islam Antarabangsa cawangan Pagoh. Pengkaji telah menetapkan

objektif yang jelas, mudah difahami bersesuaian dengan persoalan kajian.

## **SOROTAN LITERATUR**


Pada bahagian ini, pengkaji akan menyorot beberapa pengkajian daripada sorotan lepas yang melibatkan pengkajian slanga dari pelbagai sudut perspektif. Kajian mengenai slanga telah banyak dijalankan oleh sarjana yang lepas sama ada di dalam mahupun di luar negara dengan pelbagai perspektif kajian linguistik khususnya seperti pragmatik, semantik, sosiolinguistik, morfologi, sintaksis dan sebagainya. Antara sarjana lepas yang menjadikan slanga sebagai dapatan kajian mereka ialah Arua & Modupe (2009), Sara Hashemi Shahraki & Abbas Arua Eslami Rasekh (2011), Tay (2011), Zhou & Fan (2013), Nadiah Suboh (2013), Kheren Kazia Adolof (2014), Aboh (2015), Setiawan Nugroho (2015), Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud (2016, 2017, 2018) serta Muhammad Zaid Daud (2017, 2018c). Oleh itu, kajian-kajian tersebut telah menjadi panduan kepada pengkaji dalam menyediakan sorotan berkaitan dengan slanga yang menjadi inti kepada kajian ini.

Selain itu, Indrawati Zahid (2012) dalam rencana yang bertajuk Bahasa Melayu Terpinggir dalam Media Baharu telah membincangkan mengenai isu keterpinggiran bahasa Melayu di dalam media terutamanya Internet. Kajian ini, telah menjelaskan bahawa keterpinggiran bahasa dalam media seperti Internet ini dapat diklasifikasikan kepada dua perkara iaitu kurangnya frekuensi penggunaan bahasa Melayu dan kualiti penggunaan bahasa Melayu yang amat rendah dengan wujudnya campur aduk bahasa asing, singkatan mahupun slanga dapat menyebabkan terpinggirnya bahasa Melayu dalam media Internet tersebut. Selain itu, terdapat juga kajian slanga yang menyentuh aspek morfologi dan sintaksis seperti kajian Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud (2016), memperlihatkan pembuktian penggunaan slanga mampu menjadi kata penguat dalam bahasa Melayu yang dipertuturkan oleh rakyat Malaysia. Kajian tersebut dijalankan terhadap 360 orang responden dan mendapati bahawa istilah ‘giler’ merupakan slanga yang bertindak sebagai kata penguat bebas dalam bahasa Melayu seperti sungguh, amat dan sangat. Kajian slanga dalam kalangan pelajar juga telah dijalankan oleh Nik Safiah Karim (1992). Kajian Nik Safiah Karim (1992) menjurus kepada perbincangan faktor penggunaan bahasa slanga dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaya. Kajian ini mendapati bahawa terdapat tiga faktor penggunaan bahasa slanga, iaitu menimbulkan perasaan dan ciri identiti kumpulan, keadaan mahasiswa yang mudah mengalami tekanan emosi, dan keinginan mahasiswa itu sendiri untuk meringkaskan perkataan dan rangkai kata yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari.



## **KERANGKA TEORETIS**

Bagi memperoleh data yang jitu untuk kajian ini, pengkaji menggunakan teori Kerangka Kategori Jaringan Radial yang diasaskan oleh George Lakoff pada tahun 1987. Teori ini diaplikasikan untuk menerangkan entiti peluasan sesuatu makna. Terdapat 2 bahagian dalam kerangka teori ini iaitu bahagian teras ialah prototaip dan bahagian pinggiran ialah penerangan makna bagi sesuatu entiti itu. Prototaip boleh dikatakan sebagai model pertama/makna pertama

jika diletakkan dalam konteks model kajian ini. Teori kerangka ini secara dasarnya menerangkan konsep peluasan makna sesuatu kata. Dalam pada itu, penerang tentang maksud pertama (prototaip) dan penghuraian tentang maksud kedua (makna pinggiran) iaitu mengapa maksud itu dicapai. Representasi grafik model teori berdasarkan Lakoff (1987) yang telah disesuaikan oleh Anida dan Nor Hashimah adalah seperti berikut:



Makna pinggiran 1



## **METODOLOGI**

Pada bahagian metodologi kajian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai reka bentuk yang digunakan dalam pengumpulan data dan penganalisisan data secara umum. Data yang diperoleh oleh pengkaji perlulah mengikut prosedur yang standard supaya memperoleh data yang sah dan tepat. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif dalam kajian penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi tidak formal dalam kalangan pelajar bahasa Melayu tahun 1 di Universiti Islam Antarabangsa cawangan Pagoh. Dalam hasil penyelidikan ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif untuk menetapkan segala data yang diperlukan. Secara umumnya, pengkaji mengaplikasikan reka bentuk kualitatif yang tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik. Oleh itu, melalui metod tersebut, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual menggunakan instrumen soal selidik bagi memperoleh data dengan menganalisis data secara langsung terhadap penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar.

Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif. Kajian kualitatif merupakan satu kajian penyelidikan pengkaji bergantung kepada pandangan responden, menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada responden. Kajian kualitatif merupakan kajian semula jadi yang tidak mematuhi spesifikasi statistik, seterusnya dapatan kajian yang diperoleh adalah tidak boleh digeneralisasikan. Walau bagaimanapun, kajian kualitatif ini menyumbang sesuatu kepada kajian berstatistik. Reka bentuk kualitatif juga berbentuk pemerhatian, temu bual tidak berstruktur, rujukan maklumat dokumentasi dan kajian kes. Dengan itu, sampel yang diambil adalah berskala kecil, pensampelan bukan kebarangkalian dan pemilihan sampel dengan mempunyai tujuan berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji. Reka bentuk ini menjurus kaedah penghuraian deskriptif, nota pandangan, catatan verbal, rakaman pemerhatian atau temu bual dan maklumat dari bahan dokumentasi.

Sampel ialah kumpulan yang akan dikaji yang diperoleh daripada populasi. Pensampelan bermaksud membolehkan maklumat diperoleh daripada sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar atau mendapatkan sampel daripada populasi sasaran. Menurut Pengambilan sampel dari populasi benar-benar mewakili populasi. Menurut Chua Yan Piaw (2014) pensampelan bertujuan adalah sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu telah dipilih sebagai sampel. Populasi kajian mestilah bersesuaian dengan persoalan kajian atau masalah kajian memandangkan golongan ini akan menerima kesan atau implikasi hasil dari dapatan kajian (Creswell, 2009 & Rosnarizah, 2010). Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada mahasiswi jurusan Bahasa melayu tahun satu di Universiti Islam Antarabangsa cawangan Pagoh. Pensampelan diambil secara rawak yang terdiri daripada tujuh orang subjek kajian.

Menurut Gay & Airasian, (2003) mengatakan teknik temu bual digunakan sebagai kaedah memperoleh data kerana membolehkan pengkaji memperoleh maklumat penting yang tidak boleh diperoleh melalui pemerhatian, dan ini telah membolehkan pengkaji meneroka dan mengkaji maklum balas peserta dengan lebih mendalam tentang pengalaman dan perasaan

mereka. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data kajian yang jitu. Menurut Fuad (2017), soal selidik merupakan alat pengukur dalam penyelidikan. Dalam borang soal selidik ini, pengkaji mengajukan sekurang-kurangnya 5 soalan kepada subjek kajian yang menjawab soalan di *Google Form*. Soalan yang diajukan kepada subjek kajian merupakan soalan berbentuk terbuka, soalan berbentuk tertutup dan soalan berbentuk skala likert 5 mata. Pengkaji juga membina beberapa soalan demografi yang berkaitan dengan umur, bangsa yang juga turut ditanyakan dalam soalan soal selidik.

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji memaparkan objektif-objektif yang telah menjadi garis panduan dalam menghasilkan penjelasan. Di samping itu, pengkaji memperlihatkan segala data hasil daripada borang soak selidik yang telah diedarkan kepada pelajar perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Tahun 1 di Universiti Islam Antarabangsa Pagoh. Berdasarkan perkara itu, pengkaji menumpukan secara terperinci mengenai perkataan-perkataan bahasa slanga yang menjadi trend penggunaannya dalam kalangan pelajar perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Tahun 1 dalam aspek komunikasi harian mereka, hasil kekerapan penggunaan bahasa slanga dalam kehidupan seharian mereka sehingga memudaratkan ketulenan Bahasa Melayu Standard. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, seramai dua orang responden berumur 19 tahun (28.6%), empat orang subjek kajian berumur 20 tahun (57.1%) dan seorang subjek kajian berumur 21 tahun (14.3%) telah menjawab soalan kaji selidik ini. Daripada keseluruhan tujuh orang subjek kajian tersebut, kesemuanya berbangsa Melayu (100%).

Kekerapan penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi seharian berdasarkan kajian (Penggunaan Bahasa Slanga dalam Aplikasi IM (Instant Messaging) *WhatsApp*: Kajian di Kalangan Pelajar UiTM).

<b>Kekerapan penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi seharian</b>	<b>Bilangan subjek kajian</b>	<b>Peratus</b>
Tidak pernah	0	0
Jarang (1-5 kali seminggu)	0	0
Kadangkala (6-10 kali seminggu)	2	28.6%
Kerap (11-15 kali seminggu)	1	14.3%
Sangat kerap (lebih daripada 15 kali seminggu)	4	57.1%

Adaptasi daripada : Siti Nasarah Ismail et. al (2015).



Rajah 1: Kekerapan bahasa slanga yang digunakan dalam komunikasi seharian.

Berdasarkan rajah di atas, bilangan kekerapan penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi seharian dapat dikenal pasti. Kekerapan tidak pernah menunjukkan tiada responden manakala bagi kekerapan jarang (1-5 kali seminggu) juga menunjukkan tiada subjek kajian. Selain itu, kekerapan kadangkala (6-10 kali seminggu) menunjukkan seramai 2 orang subjek kajian bersamaan 28.6%. Seterusnya, seorang subjek kajian yang kerap menggunakan bahasa slanga dalam komunikasi bersamaan 14.3% iaitu penggunaannya sebanyak (11-15 kali seminggu). Seramai 4 orang subjek kajian bersamaan dengan 57.1% menyatakan mereka sangat kerap menggunakan bahasa slanga dalam komunikasi dengan bilangan (lebih daripada 15 kali seminggu). Pernyataan bilangan kekerapan diadaptasi daripada Penggunaan Bahasa Slanga dalam Aplikasi IM (Instant Messaging) *WhatsApp*: Kajian di Kalangan Pelajar UiTM oleh Siti Nasarah Ismail et. al (2015).

Perkataan-perkataan bahasa slanga yang menjadi trend kepada pelajar Perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Tahun 1 Universiti Islam Antarabangsa Pagoh.

Bil.	Perkataan-perkataan bahasa slanga	Definisi bahasa slanga
1.	Hampeh	Tidak berguna, pernyataan kecewa atau keluhan.
2.	Payung	Belanja atau mengeluarkan wang untuk orang lain.
3.	Masyuk	Pendapatan yang lumayan.
4.	Kantoi	Terbongkar sesuatu muslihat atau perlakuan sembunyi.
5.	Ngam	Ekspresi atau mengiakan sesuatu.

6.	Barai	Letih (kurang tenaga pada diri).
7	Awek	Panggilan yang biasa dihubungkan dengan seorang gadis.
8.	Pishang	Bosan dan tidak tahu untuk melakukan apa-apa
9.	Poyo	Seseorang yang angkuh, bangga diri dan sombong dengan apa yang dimilikinya.
10.	Gaisek/Gais	Sapaan kepada orang ramai.
11.	Tacod	Tidak bermakna ketakutan yang tulen, cara untuk memberitahu orang sekeliling bahawa sebenarnya tidak takut.
12.	Sidai	Terpaksa menunggu orang lain terlalu lama.
13	Korang/diorang	Memanggil orang lain dalam kuantiti yang ramai
14.	Kita orang	Kata ganti nama diri pertama

Jadual 2: Senarai kosa kata slanga yang menjadi trend.


Berdasarkan Jadual 2, pengkaji telah menyenaraikan kosa kata bahasa slanga yang popular pada masa kini yang sering digunakan oleh pelajar perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Tahun 1 Universiti Islam Antarabangsa Pagoh. Pengkaji telah melakukan temu bual dengan mengedarkan sebanyak 7 borang soal selidik kepada mahasiswi dalam kursus Bahasa Melayu Komunikasi bagi memperoleh kosa kata slanga yang menjadi trend pada masa kini. Hal ini secara langsung, telah menunjukkan pelajar perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Tahun 1 turut menjadikan penggunaan bahasa slanga sebagai bahasa harian mereka untuk berkomunikasi.

Kesan penggunaan bahasa slanga ke atas Bahasa Melayu Standard.


Pengkaji telah mengajukan soalan berkaitan kesan positif dan negatif penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi seharian. Hasil kajian mendapati seramai 3 orang responden bersamaan (42.9%) mengatakan bahawa penggunaan bahasa slanga dapat mewujudkan ruang dalam penyelidikan bahasa. Hal ini dikatakan sedemikian kerana terdapat kajian yang mengkaji perkataan slanga dengan lebih mendalam seperti kajian “GILER” ATAU “GILE”: SLANGA KATA PENGUAT oleh Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2016). Seramai 2 orang responden (28.6%) menjelaskan penggunaan bahasa slanga dapat menambahkan kosa kata dalam sesebuah bahasa seperti pisyang, masyuk, kanto dan sebagainya. Namun, perlu difahami bahawa kosa kata tersebut tidak mempunyai ciri yang gramatis. Bagi Minah Sintian (2017), penggunaan kosa kata ini hanya difahami oleh sekumpulan tertentu sahaja dengan

bertujuan ketika berinteraksi sesama mereka supaya dapat membentuk hubungan baik antara satu sama lain. Kesan ini diambil daripada jurnal Penggunaan Bahasa Slanga dalam akaun Twitter “Brgsjks” oleh Nur Farakhanna Mohd Rusli, Noor Fazerra Paijin dan Nuratikah Ja’afar (2022). Kesan positif yang terakhir seramai

2 orang responden bersamaan (28.6%) mengatakan penciptaan bahasa slanga boleh menggalakkan seseorang berfikir kreatif. Seseorang akan menjadi kreatif kerana mampu mencipta istilah yang baharu untuk menghasilkan sesuatu ragam yang baharu. Zuraidah Mohd Sulaiman, (2016). Sebagai contoh, perkataan seperti gais, tacod, dan mur-mur merupakan bahasa slanga yang digunakan dalam komunikasi seharian. Penggunaan kata tersebut diambil daripada Bahasa Melayu Standard, namun penggunaannya diubah suai pelbagai bentuk bagi menimbulkan kelainan dan menarik perhatian pengguna lain.



Rajah 2: Kesan positif penggunaan bahasa slanga ke atas Bahasa Melayu Standard.




Rajah 3: Kesan negatif penggunaan bahasa slanga ke atas Bahasa Melayu Standard.

Bagi kesan negatif pula, seramai 2 orang subjek kajian (28.6%) menyatakan bahawa penggunaan bahasa slanga boleh menjejaskan keaslian dan ciri konvensional bahasa Melayu. Usaha memartabatkan bahasa Melayu akan terancam sekiranya bahasa slanga digunakan secara meluas oleh pengguna bahasa. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, bahasa slanga dihasilkan melalui gabungan perkataan daripada dua bahasa atau melalui kependekan sesuatu perkataan.



Ragam bahasa ini tidak tepat dari segi tatabahasa dan tidak mempunyai makna yang gramatis. Jika bahasa slanga ini digunakan secara tidak terkawal, maka masalah percampuran bahasa dan penghasilan bahasa yang tidak tepat akan berlaku. Kesannya, masyarakat akan kerap melakukan kesalahan berbahasa terutamanya dalam konteks penulisan. Hal ini ternyata akan menjejaskan kefahaman, pemahaman, pengetahuan dan penguasaan penutur muda dalam menguasai bahasa Melayu yang betul. Dapatan kajian selari dengan kajian (Norfaradilah Jamali dan Sa'adiyah Ma'alip, 2018)

Kesan negatif yang seterusnya ialah seramai 2 orang subjek kajian (28.6%) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa slanga memberikan implikasi kepada generasi pelapis negara. Jika generasi muda terlalu terdedah dengan penggunaan bahasa slanga, maka penguasaan terhadap bahasa Melayu yang tepat akan terjejas kerana keliru dan terikut-ikut dengan penggunaan bahasa slanga. Dalam konteks pendidikan misalnya, generasi muda akan kerap melakukan kesalahan berbahasa terutamanya kesalahan dalam penulisan kerana gagal menguasai bahasa Melayu yang baik disebabkan keliru dengan penggunaan bahasa slanga yang sering digunakan sehari-harian. Sehubungan dengan itu, seramai 3 orang subjek kajian (42.9%) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa slanga akan menjejaskan kemahiran berbahasa dalam kalangan penutur muda kerana mereka menganggap bahasa slanga yang dihasilkan merupakan ragam bahasa yang betul kerana ramai pengguna masa ini yang menggunakannya. Generasi muda sebenarnya merupakan pelapis negara pada masa hadapan. Dapatan juga selari dengan kajian (Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Mornis Mahali, 2020). Kesan ini juga diambil daripada jurnal Penggunaan Bahasa Slanga dalam akaun Twitter “Brgsjks” oleh Nur Farakhanna Mohd Rusli, Noor Fazerra Paijin dan Nuratikah Ja'afar (2022). Namun begitu, tiada responden yang menjawab bahasa Melayu yang gramatis akan lenyap sebagai kesan negatif penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi seharian sebagai pilihan mereka berdasarkan kepada pengalaman mereka.



Rajah 4: Faktor yang menyebabkan cenderung untuk menggunakan bahasa slanga.

Berdasarkan soal selidik tersebut, faktor yang pertama cenderung menggunakan bahasa slanga adalah pengaruh media sosial. Seramai 3 orang subjek kajian (57.1%) yang mengatakan bahawa pengaruh media sosial yang menjadi faktor utama mereka berkomunikasi menggunakan bahasa slanga. Media sosial memiliki pengaruh besar dalam penggunaan slanga.

Hal ini demikian kerana penggunaan platform seperti *Twitter*, *Instagram* dan *Tiktok* sering kali mempercepat penyebaran kata-kata dan frasa slanga. Trend dan kata-kata baru dapat tersebar dengan cepat melalui ciapan semula, kongsi atau sebar dan menyebabkan penciptaan kosa kata yang bersifat tular. Jadi, terdapat unsur budaya dan identiti yang berkembang dia dalam media sosial menyebabkan pengguna ingin menyertai dan menunjukkan kesepadanan dengan kumpulan sasaran mereka melalui penggunaan bahasa slanga yang popular. Bukan itu sahaja, media sosial menyediakan platform yang memudahkan pertukaran mesej dengan cepat dan mudah menyebabkan pengguna cenderung untuk menggunakan gaya bahasa yang lebih santai dan informal seperti slanga.

Selain itu, seramai 2 orang subjek kajian (28.6%) menjelaskan bahawa pengaruh rakan sebaya menjadi salah satu faktor penggunaan bahasa slanga. Interaksi dengan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti sosial seseorang dan boleh membentuk pandangan mereka. Apabila seseorang berinteraksi dengan rakan sebaya, mereka cenderung untuk menggunakan gaya bahasa dalam kumpulan mereka sebagai menyatukan diri, menunjukkan kesepadanan dan merasa diterima dalam kumpulan mereka. Interaksi dengan rakan sebaya juga memberikan peluang kepada seseorang individu untuk mempelajari dan menerima bahasa baru daripada orang lain dalam lingkungan mereka. Hal ini demikian kerana dengan menggunakan bahasa slanga dapat menyesuaikan diri dengan norma-norma sosial dalam kumpulan mereka. Di samping itu, seramai seorang subjek kajian (14.3%) mengatakan bahawa pengaruh persekitaran dan percakapan masyarakat yang memainkan peranan penting dalam penggunaan bahasa slanga. Tiada responden yang memilih faktor berkaitan dengan pengaruh ahli keluarga, media cetak dan media elektronik sebagai faktor mereka menggunakan bahasa slanga dalam komunikasi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, kebiasaannya bahasa slanga digunakan oleh golongan kelompok generasi muda bukannya sesama ahli keluarga. Mereka hanya menggunakan bahasa slanga ini bersama rakan-rakan mereka atau dalam kelompok umur yang sama dengan mereka. Fenomena ini juga menggariskan perbezaan dalam penggunaan bahasa slanga di kalangan golongan umur dan persekitaran sosial. Bahasa slanga lebih cenderung digunakan sebagai alat komunikasi yang dihargai dan difahami oleh rakan sebaya dalam kelompok umur yang sama, sementara bahasa ini kurang diketahui di kalangan ahli keluarga atau dalam media yang lebih formal.

Pengkaji mendapati bahawa hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian lepas iaitu kajian Indrawati Zahid (2012) dalam rencana yang bertajuk Bahasa Melayu Terpinggir dalam Media Baharu telah membincangkan mengenai isu keterpinggiran bahasa Melayu di dalam media terutamanya Internet. Hasil kajiannya menjelaskan isu keterpinggiran bahasa dalam media seperti Internet ini dapat diklasifikasikan kepada dua perkara iaitu kurangnya frekuensi penggunaan bahasa Melayu dan kualiti penggunaan bahasa Melayu yang amat rendah dengan wujudnya campur aduk bahasa asing, singkatan mahupun slanga dapat menyebabkan terpinggirnya bahasa Melayu dalam media Internet tersebut. Bukan itu sahaja, Kajian ini juga mendapati selari dengan kajian Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud (2016) yang memperlihatkan pembuktian penggunaan slanga mampu menjadi kata penguat dalam bahasa Melayu yang dipertuturkan oleh rakyat Malaysia dan mendapati bahawa istilah giler

merupakan slanga yang bertindak sebagai kata penguat bebas dalam bahasa Melayu seperti sungguh, amat dan sangat.

Cara-cara untuk mengatasi penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi seharian.

Berdasarkan soalan yang diajukan kepada para responden mengenai cara untuk mengatasi penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi seharian, hasil kajian mendapati responden pertama mengatakan generasi muda perlu mempraktikkan penggunaan Bahasa Melayu Standard dengan lebih kerap dan mengurangkan penggunaan bahasa slanga. Selain itu, responden dua dan keenam pula menjelaskan bahawa generasi muda perlu mengurangkan penggunaan bahasa slanga dan memperbanyakkan bahan bacaan ilmiah. Bahan bacaan ilmiah merupakan teks atau dokumen yang disusun menggunakan metod ilmiah mengandungi informasi yang disokong oleh kajian lain dan bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan dalam konteks akademik dan ilmiah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana apabila mereka memperluaskan membaca bahan bacaan, ianya mampu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu Standard serta akan lebih terdedah dengan kosa kata yang lebih formal. Sehubungan dengan itu, responden ketiga memberi pandangan tentang mewajibkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul dari segi ejaan, sebutan, istilah dan tatabahasa dalam hal-hal seperti mesyuarat, surat-menyurat, arahan pada papan tanda dan papan kenyataan, iklan, dokumen rasmi, kawasan perumahan, premis perniagaan dan lain-lain. Di samping itu, subjek kajian keempat dan kelima mengatakan pelajar daripada sekolah dan universiti wajar menggunakan bahasa Melayu standard ini dalam situasi formal seperti temu duga, pembentangan dan sesi soal jawab dengan pensyarah dan guru. Akhir sekali, responden ketujuh pula menjelaskan bahawa pelajar perlu mengawal penggunaan bahasa slanga ketika berkomunikasi dengan pensyarah ketika di dalam kelas. Hal ini kerana jika bahasa slanga dituturkan semasa berkomunikasi dengan pensyarah, menunjukkan bahasa yang tidak sopan kerana darjat pensyarah lebih tinggi daripada rakan. Seperti yang kita tahu, sekiranya fenomena ini tidak dibendung, dikhuatiri kesantunan dalam berkomunikasi akan terjejas.

## **KESIMPULAN**

Perbincangan bagi hasil dapatan kajian mendapati ketujuh-tujuh subjek kajian berjaya menjawab kesemua soalan yang telah diedarkan melalui borang soal selidik. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menganalisis data tersebut dalam bentuk deskriptif bagi memudahkan pembaca untuk memahami data yang diperoleh oleh pengkaji. Secara ringkasnya, rumusan keseluruhan bagi dapatan kajian memperoleh data yang jitu, nyata dan jelas. Berdasarkan penelitian hasil dapatan kajian, penggunaan bahasa slanga lebih cenderung mencerminkan gaya berbicara yang lebih santai dan mendekatkan antara satu sama lain, khususnya dalam percakapan antara teman sebaya atau dalam kelompok yang memiliki kesamaan latar belakang budaya atau sosial. Penting untuk diakui bahawa bahasa slanga mampu untuk mencipta ikatan emosional yang kuat antara pembicara dengan pendengar. Selain itu juga penggunaan slanga tidak sesuai digunakan ketika dalam keadaan formal kerana keadaan ini akan menyebabkan kebingungan bahkan konflik dengan khalayak.

Rumusannya, penggunaan bahasa slanga dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat terutama penutur generasi muda. Penciptaan ungkapan slanga bukanlah secara sewenang-wenangnya kerana wujudnya falsafah dan akal budi yang menyebabkan penciptaannya yang tersendiri. Makna yang terkandung dalam sesuatu perkataan yang dikatakan slanga itu ada kalanya bersifat tersirat dan memerlukan interpretasi makna yang mendalam untuk memahami sesuatu perkataan tersebut. Namun, faktor tersebut tidak boleh dijadikan alasan untuk mengawal penggunaan bahasa slanga ketika berkomunikasi. Penutur perlu bijak menggunakan ragam bahasa yang betul dan tepat mengikut konteks dan situasi yang bersesuaian. Namun, jika penggunaan ragam bahasa slanga terus mendominasi pertuturan, maka dikhuatiri penutur akan keliru dan mudah terikut-ikut penggunaan bahasa tersebut walaupun dalam situasi formal. Perkara ini perlu dibendung bagi mengelakkan masalah berbahasa, masalah ketidaksantunan berbahasa dan masalah kekeliruan dalam penggunaan bahasa Melayu khususnya daripada berlaku.

Setelah pengkaji menganalisis data yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua objektif kajian telah tercapai selepas ketujuh-tujuh responden berjaya menjawab soalan yang diajukan kepada mereka. Kedua-dua objektif yang telah berjaya dicapai ialah mengenal pasti kesan penggunaan bahasa slanga ke atas Bahasa Melayu Standard dan menganalisis cara mengatasi penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa Universiti Islam Antarabangsa Pagoh. Bukan itu sahaja, kedua-dua persoalan kajian ini juga telah terjawab. Tidak lupa juga, kajian ini menghasilkan suatu penemuan baharu berdasarkan hasil dapatan kajian iaitu penambahan perkataan baharu dalam bahasa slanga merupakan fenomena yang dinamik dan terus-menerus berubah seiring perkembangan masyarakat dan budaya. Hal ini bersangkutan paut dengan perkataan baharu dalam bahasa slanga sering kali bergantung pada perkembangan terkini dalam masyarakat.

Pengkaji dapat mengetahui kesan penggunaan bahasa slanga dalam komunikasi tidak formal dalam kalangan pelajar perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Tahun 1 Universiti Islam Antarabangsa Pagoh. Seterusnya, pengkaji juga dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar perempuan Bahasa Melayu Komunikasi Tahun 1 Universiti Islam Antarabangsa Pagoh dan membandingkan hasil dapatan kajian pengkaji dengan contoh kajian-kajian lepas.

Pengkaji mengutarakan terdapat beberapa kelemahan yang dapat dikenal pasti sepanjang kajian ini dijalankan. Antara masalah yang dihadapi oleh pengkaji ialah terdapat bilangan sampel yang sedikit iaitu hanya 7 orang responden. Oleh hal yang demikian, dapatan kajian yang diperolehi tidak pelbagai, kerana jawapan yang diperolehi terbatas. Selain itu, penggunaan instrumen kajian yang terbatas, pengkaji hanya menggunakan satu instrumen sahaja iaitu instrumen soal selidik.

Pada akhir kajian ini, pengkaji dapat mencadangkan kajian baharu perlu dijalankan bagi mengembangkan lagi kajian bahasa slanga supaya lebih ramai orang mengetahui kepentingan

bahasa slanga kepada masyarakat. Bagi pengkaji lain yang ingin meneruskan kajian lanjutan, terdapat beberapa fokus dan idea baharu yang boleh pengkaji lain memberikan tumpuan bidang sosiolinguistik. Pengkaji turut mencadangkan, kajian berkaitan slanga bukan sahaja perlu tertumpu kepada kesan, faktor, dan langkah-langkah tetapi pengkaji mendapati bahawa bahasa slanga ini akan semakin berkembang mengikut peredaran zaman dan pengkaji lain boleh memperluaskan lagi bidang kajian ini. Akhir sekali, pengkaji memberi cadangan kepada pengkaji lain untuk melanjutkan kajian seterusnya dengan sudut pandangan tambahan di mana akan memberikan gambaran yang lebih lengkap berkaitan bahasa slanga dalam komunikasi tidak formal.

Pengkaji menyimpulkan keseluruhan kajian yang melaporkan tentang bahasa slanga merupakan bentuk bahasa yang mencerminkan identiti sosial dan budaya dalam kalangan kumpulan tertentu. Slanga sering timbul daripada interaksi sosial, faktor usia, dan persekitaran tertentu. Dalam konteks ini, analisis linguistik dan sosiolinguistik digunakan untuk memahami secara lebih mendalam bagaimana perubahan bahasa berlaku dalam masyarakat yang menggunakan slanga. Faktor-faktor seperti pengaruh rakan sebaya, pengaruh persekitaran dan percakapan masyarakat, dan pengaruh media sosial turut memainkan peranan penting dalam perkembangan slanga. Kajian lanjut ke arah aspek-aspek ini membantu mengenal pasti bagaimana slanga bukan sahaja menjadi alat komunikasi informal, tetapi juga sebagai medium bagi mengekspresikan identiti kumpulan. Akhir sekali, kajian terhadap slanga membuka perspektif ke atas kekayaan bahasa dan bagaimana bahasa berubah seiring waktu. Hal ini menegaskan pentingnya menganggap slanga sebagai fenomena linguistik yang dinamik dan bergantung pada konteks dalam masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud (2016), “Giler” atau “Gile”: Slanga Kata Penguat. *Jurnal Bahasa Jilid 16 Bil.2*
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2019), Slanga dan Simbol Tumbuhan dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 30*
- Muhammad Zaid Daud (2018), Pengaplikasian Inskuisitif Melalui Slanga. *Maltesas Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*
- Hashim, Nasihah & Mahmor, Noor & Ahmad, Ainal & Yahya, Maizatul Azura. (2016) Bahasa slanga dalam komik kanak kanak. (n.d.).
- NorFarahdila binti Jamali & Sa’adiah Ma’alip (2018), Fenomena Penggunaan Bahasa Slanga dalam Kalangan Remaja Felda di Gugusan Felda Taib Andak: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik. *Jurnal Wacana Sarjana Vol.2(3) Sept 2018:1-15*
- Noor Fazerra Paijin, Nuraatikah Ja’afar & Nur FarahKhanna Mohd Rusli (2022),

Penggunaan Bahasa Slanga dalam Akaun Twitter “BRGSJKS”. *Jurnal Wacana Sarjana*  
*Vol 6 No 3*

Siti Nasarah Ismail, Dzaa Imma Abd Latiff, Siti Nur Farrah Faadilah Ab Ghani, Suhaila Kamal, Siti Nur Shahidah Sah Alam & Abdul Rauf Ridzuan (2015), Penggunaan Bahasa Slanga dalam Aplikasi IM (Instrument Messaging) Whatsapp: Kajian di Kalangan Pelajar UITM. *ICOMHAC2015 eproceedings*

Patin Syamira Shamsun & Mohamad Suhaizi Suhaimi (2022), Perubahan Penggolongan Leksikal Slanga dalam Kalangan Pengaruh Media Sosial: Analisis Medan Makna. *Jurnal Melayu Vol.21 (2)*

Risalah Utusan Malaysia (2022) Bahasa Slanga Cemar Imej Bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP): Ahmad Fadhlullah Zharen, Z., & Yusuf, A. H. S. M. (2016). Slanga Remaja Melayu Dan Cina: Analisis Awal Berdasarkan Teori Relevans. *Www.Academia.Edu*.

[https://Www.Academia.Edu/20308519/Slanga\\_Remaja\\_Melayu\\_Dan\\_Cina\\_Analisis\\_Awal\\_Berdasarkan\\_Teori\\_Relevans](https://Www.Academia.Edu/20308519/Slanga_Remaja_Melayu_Dan_Cina_Analisis_Awal_Berdasarkan_Teori_Relevans)

## **BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA DALAM PEMBELAJARAN MURID BUKAN PENUTUR NATIF**

Nur-Effariza Taib

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

### **Abstrak**

Makalah ini membincangkan penerokaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam pembelajaran murid bukan penutur natif. Model pemerolehan bahasa Ellis (1994) ini dilihat sesuai dengan bidang kajian iaitu pemerolehan bahasa bagi murid bukan penutur natif, iaitu murid Iban. Kajian ini menggunakan data temu bual separa berstruktur sebagai instrumen kajian dan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 9. Kajian menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu seramai 10 orang guru mata pelajaran Bahasa Melayu telah dipilih sebagai peserta kajian. Guru-guru yang dipilih mesti memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan. Melalui penerokaan hasil kajian, terdapat empat kekangan atau halangan dalam pembelajaran Bahasa Melayu terhadap murid bukan penutur natif iaitu komunikasi yang terhad, kekurangan bahan tersendiri, kosa kata dan kemudahan capaian internet yang terhad. Namun begitu, melalui kajian kualitatif ini, beberapa faktor yang mampu menarik minat murid bukan penutur natif mempelajari Bahasa Melayu telah dikenal pasti. Antaranya ialah aspek galakan dan motivasi, kepelbagaian aktiviti pembelajaran yang menarik, elemen persekitaran sosial dan sebagainya. Tuntasnya, proses pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi murid bukan penutur natif bukanlah sesuatu yang dapat dilaksanakan secara tergesa-gesa dan memaksa. Proses menjadikan Bahasa Melayu dapat dikuasai dengan baik oleh murid bukan penutur natif adalah melalui kerjasama pelbagai pihak iaitu diri murid sendiri, para guru, ibu bapa dan komuniti itu sendiri. Melalui kerjasama yang padu dan proses pembelajaran yang berterusan, Bahasa Melayu akan dapat dimartabatkan dan dikuasai dengan lebih meluas oleh pelbagai kaum di Malaysia.

### **PENGENALAN**

Bahasa merupakan elemen komunikasi penting dalam kehidupan seharian manusia. Proses mendapatkan maklumat, komunikasi dengan orang lain dan menambah ilmu pengetahuan dapat dilakukan melalui peranan bahasa. Dalam bidang pendidikan, proses penyampaian dan penerimaan ilmu bermula daripada aspek komunikasi yang baik (Aman Shah, 2022). Seseorang pendidik tidak akan berjaya mencapai matlamat pendidikan sekiranya keupayaan berkomunikasi adalah lemah. Begitu juga halnya dengan murid yang mendalami dan mempelajari ilmu. Aspek berkomunikasi adalah melibatkan keupayaan menggunakan bahasa yang meliputi kesemua kemahiran berbahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Sehubungan itu, bahasa seharusnya berperanan sebagai medium komunikasi yang berkesan dan efektif supaya semua maklumat yang ingin disampaikan boleh diterima dan difahami dengan baik oleh golongan sasaran.

Bahasa Melayu berperanan penting dalam struktur pendidikan Malaysia sebagai bahasa rasmi negara, menjadi asas kepada proses pembelajaran dan pengajaran di pelbagai peringkat pendidikan. Namun, ketika menangani murid bukan penutur natif, corak atau dinamik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menjadi lebih kompleks iaitu kesedaran yang mendalam terhadap perbezaan latar belakang linguistik, budaya, dan pemahaman terhadap bahasa tersebut. Aspek pembelajaran Bahasa Melayu kepada murid bukan penutur natif merangkumi lebih daripada sekadar penguasaan tatabahasa dan perbendaharaan kata. Proses ini melibatkan pemahaman budaya dan konteks sosial yang berkaitan dengan penggunaan bahasa tersebut. Pelajar bukan penutur natif berdepan dengan cabaran dalam memahami dan menggunakan bahasa Melayu dengan lancar dan tepat, terutamanya dalam konteks komunikasi harian dan akademik. Dalam konteks ini, pengajaran Bahasa Melayu perlu diselaraskan dengan kepelbagaian budaya pelajar, dengan mengambil kira perbezaan latar belakang dan pengalaman mereka. Selain itu, strategi pengajaran yang efektif perlu menyertakan elemen interaktif dan kontekstual, seperti perbualan dalam situasi sebenar, penggunaan bahan sumber budaya tempatan, dan pengintegrasian teknologi untuk meningkatkan daya tarikan dan keberkesanan pembelajaran.

Sejak kemerdekaan lagi, Bahasa Melayu telah dijadikan bahasa komunikasi setiap rakyat di negara kita. Dengan itu, Fasal 152 di dalam Perlembagaan Negara telah mengisytiharkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Ini telah memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu ke tahap yang tertinggi sebagai bahasa pengantar rakyat Malaysia. Menurut Nazri dan Oton (2021), Bahasa Melayu telah dijadikan sebuah identiti nasionalisme bagi negara Malaysia di sekitar rantau Asia. Dengan penguasaan bahasa yang baik, seseorang individu boleh menyumbang pelbagai kemahiran lain melalui bidang yang berbeza seperti bidang pendidikan, perniagaan, komunikasi, perundangan dan sebagainya. Dalam bidang pendidikan khususnya, proses penyampaian dan penerimaan ilmu bermula daripada aspek komunikasi yang baik. Seseorang pendidik tidak akan berjaya mencapai matlamat pendidikan sekiranya keupayaan berkomunikasi adalah lemah (Khairul Nizam, 2017) Aspek berkomunikasi adalah melibatkan keupayaan menggunakan bahasa yang meliputi kesemua kemahiran berbahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Sehubungan itu, bahasa seharusnya berperanan sebagai medium komunikasi yang berkesan dan efektif supaya semua maklumat yang ingin disampaikan boleh diterima dan difahami dengan baik oleh golongan sasaran.

Bahasa Melayu telah dipelajari oleh murid bukan penutur natif Bahasa Melayu dalam pendidikan negara kita. Pembelajaran bahasa kedua oleh murid bukan berbangsa Melayu diperoleh melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang formal di sekolah. Ooi dan Vijayaletchumy (2017) turut mengatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda amat kuat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Murid bukan Melayu terbawa-bawa nahu bahasa ibunda dalam mempelajari kosa kata dan perbendaharaan kata Bahasa Melayu meskipun murid sudah berada di tahap dua sekolah rendah kebangsaan. Apatah lagi bagi murid bukan penutur natif di pedalaman Sabah dan Sarawak, sudah pasti bahasa Melayu merupakan subjek yang sukar



dikuasai lantaran persekitaran sosial yang tidak mendorong untuk berkomunikasi dengan tetap dan kerap dalam bahasa tersebut (Dayang Sufilkawany dan Wan Muna Ruzanna, 2017).

Justeru, kajian ini adalah penting bagi memahami kekangan penggunaan Bahasa Melayu dalam pembelajaran murid bukan penutur natif dan sekaligus meneroka pelbagai aspek bagi menarik minat murid tersebut untuk menguasai Bahasa Melayu agar peranannya kekal sebagai bahasa kebangsaan dan sekaligus menjadi medium perpaduan pelbagai kaum di Malaysia.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Penerimaan bahasa kanak-kanak bermula seawal usia enam bulan untuk memperoleh bahasa pertama iaitu bahasa pertuturan atau bahasa ibunda. Hal ini bermakna, proses pemerolehan bahasa pertama akan diterima oleh seseorang kanak-kanak atau individu berdasarkan faktor persekitaran dan pengaruh masyarakat sekeliling. Disebabkan oleh penerimaan dan penguasaan bahasa pertama wujud terlebih dahulu sebelum bahasa kedua, maka pengaruh dalam bahasa pertama akan menjadi masalah kepada pemerolehan bahasa kedua. Hal ini menjadi lebih sukar sekiranya pelajar yang mempelajari bahasa Melayu bukanlah daripada golongan penutur bahasa Melayu. Sekiranya pelajar yang bukan golongan penutur bahasa Melayu mempelajari bahasa Melayu, maka bahasa Melayu ini akan menjadi bahasa kedua mereka. Disebabkan itu, maka pelbagai masalah terutama berkaitan dengan sistem bahasa sering kali terjadi semasa proses pembelajaran bahasa Melayu. Masalah-masalah ini sekali gus akan memberikan kesan kepada proses penguasaan dan pemerolehan bahasa. Menurut Abdullah (1996), dalam mempelajari bahasa Melayu, pelajar Melayu dan bukan Melayu mungkin dipengaruhi oleh dialek atau bahasa ibunda mereka. Hal ini dapat dikaitkan dengan masalah dalam bidang fonologi, morfologi dan sintaksis bahasa yang boleh mengalami percampuran dengan bahasa pertama atau pun dialek pelajar. Kesannya, akan berlaku percampuran dari segi kod, nahu, sebutan dan sebagainya. Kebanyakan pelajar juga tidak menyedari masalah kesilapan disebabkan percampuran ini. Justeru itu, kesilapan-kesilapan sebegini sering kali berulang dan akhirnya dianggap sebagai perkara yang betul.

Dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi murid bukan penutur natif, perbezaan konsep yang dibentuk adalah sesuatu yang baru serta jauh daripada pertuturan seharian murid tersebut. Ini menjadikan pembelajaran bahasa kedua sukar untuk dikuasai. Sehubungan dengan itu, menurut Chew Fong Peng (2016) penekanan wajar diberikan agar bahasa kedua tersebut sering didengar dan dituturkan dalam konteks kebudayaan dan sosial hidup murid bukan penutur. Oleh yang demikian, pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua hendaklah dirancang serta dilaksanakan secara tidak terlalu formal dan semula jadi. Lantaran itulah penting bagi murid untuk menguasai perkara asas dalam pembelajaran bahasa iaitu, penguasaan kosa kata dalam konteks pembelajaran yang tidak meminggirkan budaya murid bukan penutur natif. Sebelum sampai kepada aras mahir berbahasa, murid perlu bermula daripada peringkat asas lagi iaitu keperluan untuk mahir dan banyak perbendaharaan kata atau kosa kata ini. Bagi murid bukan penutur khususnya murid Iban, kekurangan kosa kata Bahasa

Melayu akan menjadikan murid tidak mampu bertutur dan menulis dengan baik. (Melvina 2020). Ini turut disokong oleh Zainur Rijal et al. (2020) bahawa dalam konteks pemerolehan bahasa kedua, permulaan pertama buat murid bukan penutur natif ini adalah melalui pengajaran dan pembelajaran kosa kata. Bahkan hal ini juga diperakui sejak kajian terdahulu lagi yang telah menekankan dengan jelas bahawa pembelajaran kosa kata dalam pengajaran perkara utama yang penting sebagai asas penguasaan sesuatu bahasa kedua. Hal ini dikuatkan lagi oleh Al-Nauri dalam Hasnurol (2020) dengan mengatakan kajian bahasa seharusnya menyetengahkan kepentingan pengetahuan leksikal atau kosa kata dalam keupayaan linguistik terutamanya bagi bukan penutur natif. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa kosa kata memainkan peranan yang amat penting dalam penguasaan sesuatu bahasa sama ada bahasa ibunda mahu pun bahasa kedua.

Menguasai kosa kata bukan hanya sekadar tahu sebut perkataan baru tersebut semata-mata, bahkan penguasaannya membawa kepada murid tersebut mampu memahami makna perkataan, tahu strategi dalam menyusun dan digunakan dalam ayat yang lengkap (Ahmad, 2019). Tambahan pula penguasaan kosa kata merupakan asas dalam menguasai kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran bertutur dalam pembelajaran bahasa. Ini telah terbukti dengan kesepakatan pandangan para sarjana terdahulu yang mengatakan aspek pengajaran dan pembelajaran kosa kata masih terpinggir jika dibandingkan dengan bahagian lain dalam aspek bahasa (Taylor 1990) serta isu yang menjadi fokus ialah pengetahuan makna kosa kata. Bukan sahaja pada alaf baru ini, bahkan sejak lebih seratus tahun terdahulu, isi pengetahuan makna kosa kata telah menjadi antara cabaran terbesar kepada pelajar atau murid dalam mempelajari bahasa asing dan bahasa kedua. (Kripps 2013). Lantaran kekurangan pemahaman terhadap makna kosa kata, penutur natif khususnya murid Iban cenderung memilih perkataan yang kurang tepat serta memberi impak dalam konteks penggunaannya dalam ayat (Shathifa dan Farween 2015). Isu ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Kamariah dan Siti (2016) yang menjelaskan bahawa murid bukan sahaja tidak mampu memahami perkara yang didengar dan tidak mampu mengungkapkan maksud sebenar, bahkan murid Iban terpaksa berdepan dengan kesukarannya dalam penulisannya. Hal ini disokong oleh Aisah Hasnam (2016) yang menyatakan bahawa kelemahan murid bukan penutur natif dalam aspek kemahiran memahami makna kosa kata bahasa kedua adalah membimbangkan. Lantaran itulah, pengumpulan perkataan yang terdapat dalam ayat yang kerap digunakan serta mempunyai makna yang diperjelas dalam bahasa pertama bagi penutur natif secara tidak langsung dapat membantu penguasaan kosa kata (Rosni 2013).

Hal ini telah mendorong pengkaji untuk meninjau beberapa kekangan dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan juga elemen sikap khususnya aspek minat dalam pembelajaran bahasa secara kualitatif, dan cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk meningkatkan minat dan keberkesanan dari segi pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan kesedaran kepada para guru tentang jangkaan terhadap pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk:

- a) Meneroka kekangan dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua murid bukan penutur natif.
- b) Mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menarik minat murid bukan penutur natif dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## **SOROTAN LITERATUR**

Dalam konsep kajian ini, bagi murid Iban sebagai murid bukan penutur natif, bahasa pertama ialah bahasa Iban iaitu merujuk bahasa yang didedahkan kepada kanak-kanak semenjak lahir. Bahasa pertama dianggap bermakna dalam kehidupan seseorang kerana segala konsep asas bermula dengan penguasaan terhadap bahasa tersebut. Bahasa ibunda pula sering kali dikaitkan dengan bahasa si ibu, yang menggambarkan keakraban hubungan seseorang kanak-kanak dengan ibunya, sehingga ibu itu menjadi model dalam pemerolehan bahasa pertamanya (Abdul Razif, 2020). Kanak-kanak menguasai bahasa pertama secara tidak formal sehingga berusia sekitar empat ke lima tahun dalam persekitaran keluarga (Zuraini 2018). Pengetahuan berbahasa pertama itu kemudiannya diperkukuh dalam sistem yang lebih formal dan bersistematik apabila kanak-kanak mula masuk ke alam persekolahan. Bahasa kedua pula merupakan bahasa yang biasanya dikuasai melalui hasil pembelajaran formal. Hal ini bertepatan dengan situasi dunia kini yang bersifat pelbagai bahasa dan bangsa yang memungkinkan seseorang mempelajarinya sebagai bahasa ketiga, keempat atau seterusnya (Ellis, 1997). Melalui proses pembelajaran, penguasaan bahasa kedua dapat diperoleh. Proses ini dilakukan dalam keadaan yang lebih formal, memerlukan banyak latihan dan pengulangan sehingga menjadi satu tabiat. Dalam senario dunia kini, hampir sukar menemui individu yang hanya menguasai satu bahasa sahaja. Menguasai dan menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing merupakan satu keperluan dalam abad ke-21 dan semakin relevan sebagai memenuhi tuntutan zaman.

Antara faktor paling besar yang menyebabkan manusia berusaha mempelajari bahasa ialah keperluan persekitaran pendidikan atau motivasi. Gardner dan Lambert (1972) menyatakan bahawa terdapat dua jenis motivasi untuk belajar bahasa kedua iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental. Motivasi yang diperoleh individu yang mempelajari bahasa kedua untuk tujuan pengiktirafan sosial, kepentingan ekonomi, keperluan pendidikan dan peluang pekerjaan dinamakan motivasi instrumental (Abu Bakar dan Subramaniam, 2012). Justeru jelas menunjukkan kepentingan motivasi instrumental ini bersifat keperluan pendidikan. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu sebagai bahasa kedua banyak melibatkan motivasi bersifat keperluan pendidikan, iaitu pelajar perlu mempelajari bahasa Melayu sebagai tuntutan dalam program pendidikan mereka. Misalnya, pelajar bukan Melayu di Malaysia mesti belajar dan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu bermula daripada tahun satu di sekolah rendah, hinggalah ke tingkatan lima di sekolah menengah. Seseorang itu perlu lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan utama di sekolah untuk

membolehkannya diterima masuk ke peringkat universiti bagi seluruh universiti tempatan di Malaysia. Oleh itu, desakan untuk belajar menguasai dan lulus dalam Bahasa Melayu memerlukan usaha dan komitmen yang tinggi, khususnya dalam kalangan pelajar bukan natif bahasa Melayu.


Terdapat beberapa kajian lepas yang mendapati bahawa faktor usia turut mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua. Ini terbukti dengan kenyataan sarjana awal berkaitan pemerolehan bahasa Ellis (1994) yang mengakui bahawa kanak-kanak lebih mudah dalam memperoleh kemahiran bahasa. Pendedahan awal seseorang kanak-kanak kepada pembelajaran bahasa kedua dapat memberi kelebihan dalam aspek masa yang lebih panjang untuk mengumpul dan membina saiz kosa kata yang banyak (Blazer dan Romanik, 2007) justeru memberi peluang kepada pencapaian baik dalam bahasa tersebut (Scovel, 2000 dalam Pujol, 2008). Persoalan yang timbul ialah bilakah masa yang sesuai bagi memulakan pembelajaran bahasa kedua? Justeru itu, Nurzaman (2017) dalam kajiannya membuat pembahagian murid atau pelajar dalam tiga pembahagian berdasarkan pecahan umur iaitu pelajar muda (4 – 7 tahun), pelajar awal remaja (8 – 12 tahun) dan pelajar remaja (13 – 16 tahun). Ini dipersetujui oleh Pujol (2008) yang telah mengkaji pandangan Bialystok (1997) menerusi dua perspektif. Pertama ialah, disebabkan sistem linguistik semula jadi, kanak-kanak dikatakan mampu mengatasi pencapaian dewasa dalam pemerolehan bahasa. Kedua, faktor kurang bebanan emosi iaitu tekanan serta motivasi yang tinggi dalam diri kanak-kanak menjadikan setiap tugas pembelajaran kedua dapat dilakukan dengan baik oleh kanak-kanak.

Hal ini turut disokong oleh Barnett dan Lamy (2006) yang mendapati terdapat impak positif dalam perkembangan kosa kata kanak-kanak yang mengikuti pendidikan peringkat pra sekolah berbanding dengan kanak-kanak yang tidak melalui sistem tersebut. Tuntasnya, permulaan awal ini sangat membantu kanak-kanak dalam menguasai kosa kata yang luas, bertutur secara semula jadi dan mampu mengasimilasi perkataan dan sebutan tanpa sebarang kesukaran.

## **KERANGKA TEORETIS**

### **Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis**

Model kajian yang diadaptasikan untuk kajian ini bersandarkan kepada Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994). Model ini dilihat sesuai dengan bidang kajian iaitu pemerolehan bahasa bagi bukan penutur natif, iaitu murid Iban. Model Pemerolehan Bahasa Ellis (1994) merangkumi empat domain utama dan bersifat komprehensif. Empat faktor tersebut ialah input linguistik, proses belajar, perbezaan individu dan faktor situasi. Ringkasan model ini dapat dilihat melalui Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Kerangka model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994)

Pendekatan kognitif dalam pembelajaran bahasa kedua menurut kerangka Ellis (1994) ini telah mengubah perspektif daripada hanya menumpukan proses pembelajaran semata-mata kepada pengenalpastian cara seseorang penutur mempelajari bahasa. Perbezaan individu merupakan faktor penting dalam pemerolehan bahasa kedua (Harrison 2007). Berdasarkan kerangka tersebut, tiga pemboleh ubah penting dicadangkan iaitu perbezaan individu, strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran bahasa atau pemerolehan bahasa. Aspek perbezaan individu turut mendapat perhatian ramai pengkaji, namun tidak mempunyai struktur dan pengkategorian yang jelas (Takac 2008). Dalam kerangka ini juga, Ellis (1994) mengaitkan pemerolehan bahasa dengan faktor-faktor lain antaranya ialah kepercayaan atau keyakinan terhadap pembelajaran bahasa, faktor efektif dan umum. Faktor umum merangkumi aspek latar belakang individu, psikologi dan sosial. Aspek sosial banyak mempengaruhi pemerolehan bahasa secara tidak langsung, misalnya aspek umur, jantina, kelas sosial dan etnik. Selain itu, Ellis (1994) turut mempertimbangkan faktor latar belakang individu sebagai penyumbang kepada pemerolehan bahasa penutur. Bakat bahasa, gaya pembelajaran, personaliti dan motivasi merupakan faktor psikologi yang mempunyai hubungan dalam pemerolehan bahasa kedua.

Kedua ialah strategi pembelajaran. Strategi pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai pendekatan, strategi atau teknik yang digunakan untuk menguasai maklumat linguistik dan sociolinguistik baharu dalam pembelajaran bahasa sasaran. (Aisah 2011). Strategi pembelajaran perlu dilaksanakan secara bentuk mental ataupun tindakan daripada penutur sendiri iaitu kesedaran untuk menggunakan pelbagai kaedah yang dirasakan sesuai (Ellis 1994). Tanpa ada kesedaran untuk bertindak mengubah tingkah laku menggunakan pendekatan yang sesuai, hasil pembelajaran bahasa tidak akan dapat dicapai.

Akhirnya dalam aliran pemerolehan Ellis (1994) sudah pasti matlamat yang hendak dicapai ialah hasil pembelajaran bahasa yang optimum. Tiga aspek yang saling melengkapi iaitu strategi, hasil pembelajaran dan faktor perbezaan bersifat dinamik dan saling mempengaruhi antara ketiganya. Pencapaian hasil pembelajaran bahasa dapat diukur melalui kecekapan bahasa secara menyeluruh, penguasaan pada sesuatu tugas dan tahap pemerolehan

bahasa. Ini disokong oleh Takac (2008) yang menjelaskan bahawa setiap satu daripada tiga aspek tersebut saling berkait rapat. Produk kepada proses pemerolehan ialah hasil pembelajaran bahasa (Ellis 1994). Contohnya, berdasarkan rajah, dengan adanya penggunaan strategi yang baik, impaknya ialah kepada motivasi pelajar seterusnya mampu memberi dua kemungkinan iaitu peningkatan hasil dan sebaliknya. Tidak dipinggirkan juga aspek perbezaan individu. Menurut perspektif pemerolehan bahasa dalam bahasa kedua, menurut Takac (2008), perbezaan individu berperanan sebagai teras penting semasa proses pemerolehan kosa kata baru. Kepelbagaian strategi pembelajaran pula dibuat mengikut kemahuan murid sendiri. Hasil pembelajarannya mungkin berbeza berdasarkan pemilihan strategi dan juga turut dipengaruhi oleh faktor perbezaan individu.

## **METODOLOGI**

Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini mampu meneroka masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif serta cadangan langkah yang bersesuaian bagi menarik minat murid tersebut menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Menurut Merriam (2009), pendekatan kualitatif boleh menjelaskan maklumat sebenar yang ingin diperolehi daripada sumber yang sepatutnya. Kajian ini menggunakan data temu bual separa berstruktur sebagai instrumen kajian dan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 9. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu seramai 10 orang guru mata pelajaran Bahasa Melayu telah dipilih sebagai peserta kajian. Antara kriteria yang ditetapkan ialah, para guru tersebut mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di tahap dua sekolah rendah sekurang-kurangnya sepuluh tahun dan ke atas. Temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap sepuluh orang guru ini menggunakan kumpulan perbincangan berfokus (*focus group discussion FGD*). Justeru itu, dalam fasa analisis keperluan ini, temu bual perbincangan kumpulan berfokus (*FGD*) akan dijalankan bagi membolehkan objektif pertama dicapai iaitu mengenal pasti keperluan modul yang bersesuaian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan kata kerja untuk murid Iban. Perbincangan Kumpulan Fokus adalah kajian kualitatif yang membolehkan seorang penyelidik menemu bual beberapa responden secara serentak dan sistematik pada masa tertentu (Affero Ismail dan Zeti Kasman 2020). Responden dikumpulkan di dalam bilik tertentu, dan penyelidik menemubual responden secara serentak. *FGD* juga dapat disimpulkan sebagai kaedah wawancara secara kumpulan. Dalam konteks ini, Krueger (1988), dan sarjana lainnya, mengatakan bahawa *FGD* mempunyai tahap kesahihan yang tinggi; dan dengan kaedah ini penyelidik juga boleh mendapatkan keputusan dengan cepat (Krueger, 1988; Babbie, 2011; dan Paramita dan Kristiana, 2013). Dalam perbincangan kumpulan fokus, kaedah pensampelan bertujuan biasanya digunakan berdasarkan isu yang dikaji (Krueger dan Cassey 2009).


Bagi proses menganalisis data, dalam kajian ini menggunakan analisis tema. Berdasarkan saranan Braun dan Clarke (2006), analisis tema merupakan kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan data daripada transkrip temu bual melalui tema yang dihasilkan. Pengumpulan data analisis keperluan dalam fasa ini melibatkan 10 orang guru Bahasa Melayu yang dipilih sebagai peserta kajian dan ditemu bual secara bersemuka melalui

perbincangan kumpulan berfokus (Focus Group Discussion FGD).

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Setelah selesai berkaitan latar belakang peserta kajian, latar belakang murid juga di ambil kira iaitu murid Iban tahap dua yang boleh membaca dan sederhana dalam penguasaan bahasa Melayu. Pada peringkat awal perbincangan, pengkaji bertanya secara ringkas kepada setiap guru untuk menghuraikan prestasi murid sebelum dan selepas pandemik bagi memulakan sesi perbincangan kumpulan berfokus ini. Ini penting bagi memastikan para guru sebagai responden peka dengan sasaran kajian dan seterusnya mendapat gambaran ringkas terhadap keperluan maklumat berkaitan perbincangan yang dijalankan. Setelah itu, barulah sesi perbincangan dimulakan. Hasil data temu bual antara pengkaji dengan responden ditranskripsi, dikategori dan dianalisis untuk mendapatkan tema. Terdapat dua tema utama yang telah dikenal pasti daripada dapatan fasa analisis keperluan iaitu:

### Tema 1 : Kekangan dalam pembelajaran Bahasa Melayu



Tema yang seterusnya ini mengetengahkan beberapa faktor yang menjadi kekangan dalam pembelajaran Bahasa Melayu murid Iban. Dalam perbincangan ini, lapan orang guru bersetuju bahawa terdapat empat kekangan yang dihadapi iaitu kekurangan kosa kata seperti yang telah dihuraikan dalam tema pertama di atas. Kekangan kedua menjurus kepada kekurangan bahan tersendiri, seterusnya ialah kemudahan capaian internet yang terbatas dan akhirnya ialah komunikasi yang terhadap dalam Bahasa Melayu. Kekurangan bahan tersendiri yang dimaksudkan ialah bahan atau lembaran aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada persekitaran masyarakat Iban khususnya dan budaya Sarawak secara amnya di dalam buku tersebut. Ini disebut oleh GBM1 dalam perbincangan iaitu:

*“cuma sekarang ini, saya tiada modul tetap untuk digunakan. Kebanyakan masa, hanya ubahsuai..tapi bagi saya, kandungannya masih banyak yang kurang sesuai dengan persekitaran kita di sini.. kalau ada beberapa modul dari anak jati Sarawak sendiri, mungkin lebih bagus dan membantu...”(TB/FAK/GBM1)*

Di sebalik dunia yang semakin canggih dan moden, kawasan sekolah luar bandar serta menghampiri luar bandar ini seolah-olah terpinggir daripada merasai kepesatan teknologi tersebut. Ini jelas disuarakan oleh GBM4 dan GBM8 yang menyatakan bahawa kekangan kemudahan capaian internet agak mengganggu proses pembelajaran yang sewajarnya lebih maju dalam abad ke 20 ini.

“...itu lah keadaan di tempat kita ni..line internet pun susah.”(TB/FAK/GBM4)

“kalau nak ada sesi murid mencari guna google ke, minta maaf..memang takde..line telefon kat sekolah pun kadang-kadang ada,kadang-kadang tak..jadi integrasi teknologi maklumat sukar lah dijalankan dengan kekangan talian internet yang tiada..” (TB/FAK/GBM8)

Di saat sekolah lain di bandar rancak mengadakan *Google Meet* dan *Google Classroom* semasa musim pandemik, para guru di kawasan ini gigih menyediakan bahan *offline* dan menghantar ke rumah panjang setiap minggu agar murid Iban tidak tertinggal pelajaran. Buat para guru ini, kekangan internet yang terbatas tidak menghalang pelbagai inisiatif digunakan agar murid tetap mendapat pendidikan sewajarnya, namun besarlah harapan para guru agar kekangan seumpama ini dapat ditambah baik suatu masa nanti.

“mungkin faktor ini di luar bidang kita, tapi sewajarnya kemudahan asas ini dibaiki terlebih dahulu,..lebih-lebih lagi di kawasan hampir pedalaman seperti kita ini..kalau di rumah murid, memang jangan haraplah nak ada line internet...”(TB/FAK/GBM7)

Selain itu, komunikasi murid yang terhad dalam Bahasa Melayu juga menjadi kekangan dalam pembelajaran bahasa. Murid hanya terdedah dengan penggunaan Bahasa Melayu di dalam kelas dan bertukar ke bahasa ibunda sebaik sahaja kelas selesai. Hal ini dinyatakan oleh GA8:

“...daripada percakapan sehari-hari di rumah, dengan cikgu pun dia gasak bercakap bahasa Iban.” (TB/FAK/GBM8)

## Tema 2: Faktor menarik minat murid bukan penutur natif mempelajari Bahasa Melayu



Hasil daripada perbincangan para guru, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi minat



murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu. Seramai tujuh orang guru ini bersepakat bahawa faktor pertama yang mampu menarik minat murid bukan penutur natif atau murid Iban ialah galakan dan motivasi. Galakan ini semestinya datang daripada guru sebagai pendidik dalam memberi motivasi kepada murid Iban untuk berusaha menguasai Bahasa Melayu dengan penuh minat dan komited. GBM1, GBM3 dan GBM8 menyatakan bahawa bentuk galakan seperti pujian, meraikan pendapat murid dan menjentik sikap ingin tahu berdasarkan soalan berpandu.

*“kita puji lah usaha dia yakin dan berani jawab soalan tu..tapi kena betulkan lah yang perkataan Iban tu pergi Bahasa Melayu...”(TB/FAK/GBM1)*

*“dari kekurangan, tambahkan ,raikan dan bina pemikiran positif dan galakkan dengan motivasi..memang leceh dan panjang usahanya,,tapi kita tahu Tuhan pasti berkati usaha kita...”(TB/FAK/GBM3)*

*“soalan-soalan yang kita tanya tu akan memandu mereka untuk memahami petikan atau karangan yang mereka baca tu.. kadang murid Iban ni, tahu baca, tapi jawab lain pada soalan jawab petikan tu..sebab apa?sebab tak paham apa yang dibaca..jadi, bila kita bimbang begini, kosa kata murid Iban pun bertambah, dapat la mereka guna kosa kata yang baru difahami tadi tu, dalam ayat..,kita jentik minat mereka perlahan-lahan tapi berterusan..sebab mereka ni bukan orang yang guna Bahasa Melayu..jangan rendahkan mereka..sebaliknya santuni mereka ni...”(TB/FAK/GBM8)*

Selain daripada galakan, para guru juga mampu meningkatkan motivasi murid Iban melalui galakan komunikasi sebagai contoh murid bercerita dan berinteraksi dalam Bahasa Melayu di dalam kelas.

*“mungkin sebab saya sejenis yang menggalakkan murid berinteraksi dalam kelas..kalau mereka salah cakap, saya betulkan lepas mereka jawab tu...saya tak mencelah masa mereka menjawab tu...lepas tu baru kita betulkan..kalau kita terus mencelah, cakap salah tu...takut mereka terus jadi tak yakin diri nak mencuba menjawab lagi lain kali...budayakan pujian dan motivasi...agar mereka murid Iban ni, berani dan suka guna Bahasa Melayu bila bercakap...”(TB/FAK/GBM9)*

Di samping itu, kepelbagaian aktiviti pembelajaran juga mampu memberi impak dalam menarik minat murid Iban mempelajari Bahasa Melayu. Dalam sesuatu proses pembelajaran, terutamanya Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua murid Iban, aktiviti pembelajaran bersifat ansur maju adalah perlu supaya aktiviti yang dijalankan sesuai dengan aras keupayaan murid dan dinaikkan secara berperingkat mengikut prestasi murid. Hal ini dapat membantu supaya minat murid Iban terhadap pembelajaran bahasa konsisten. Unsur didik hibur juga merupakan elemen penting yang sudah pasti mampu menarik minat murid sekolah rendah yang lazimnya

diketahui sukakan aktiviti berbentuk permainan dan nyanyian. Permainan maujud dan bergambar juga perlu diterapkan lantaran lebih mudah difahami dan pasti menimbulkan keseronokan dalam diri murid bukan penutur natif ini. Ini jelas dinyatakan oleh GBM2, GBM3, GBM4.

*“pada saya perlu ada kit permainan jugaklah dalam aktiviti modul tu..macam silang kata kah,cari kata kah...cari objek tersembunyi dan kosa kata ka..tu kira didik hiburilah..sebab ni kan sekolah rendah...jadi kena banyak unsur menarik minat...”(TB/FAK/GBM2)*

*“...sebab ansur maju ada, dialog ada, komik ada, permainan bahasa ada, jadi dengan sedikit bimbingan guru masa di kelas, memang cun lah murid tu.” (TB/FAK/GBM3)*

*“perbanyak gambar, grafik yang mesra budaya murid Iban ni. .mula dari bergambar mudah dulu ke, lepas tu slow-slow pergi kepada dialog ke, naik kepada petikan bergambar dan boleh la lepas tu bagi aktiviti sendiri ke...”(TB/FAK/GBM4)*

Elemen persekitaran sosial turut mempengaruhi minat murid Iban dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Aktiviti berunsur kontekstual atau dalam lingkungan persekitaran kehidupan masyarakat Iban, menjadikan murid lebih mudah membuat perkaitan dan menjana idea sendiri dengan lebih mudah terutamanya dalam mengeluarkan kosa kata yang banyak bagi membina ayat. Dengan selitan unsur budaya dan cara hidup murid Iban dalam aktiviti pembelajaran, sudah pasti dapat menambat hati murid untuk terus meminati Bahasa Melayu dan menguasainya dengan lebih baik. Ini diperakui oleh GBM3 dan GBM9 yang menyatakan bahawa:

*“gunakan elemen persekitaran atau bahasa mudahnya kontekstual ..yang dekat dengan kegiatan harian murid..sebagai asas untuk jana idea mereka..lepas tu secara berperingkat kita bantu majukan lagi pemikiran mereka dengan tunjukkan lagi pendedahan terhadap perkara luar dari lingkungan hidup mereka...baru tak jadi katak bawah tempurung...”(TB/FAK/GBM3)*

*“...namun saya nak ulas lagi, pada saya, faktor kedekatan jiwa dan budaya banyak mempengaruhi minat murid Iban ini...begitu juga dengan pembelajaran Bahasa Melayu...,tambatlah hati mereka untuk meminati bahasa Melayu melalui asimilasi dengan budaya mereka , cara hidup mereka, aktiviti mereka....saya yakin mereka akan lebih mudah dan sedia untuk mempelajari dengan lebih lagi berkaitan Bahasa Melayu.” (TB/FAK/GBM9)*

Di samping tiga faktor utama yang mampu menarik minat murid Iban dalam

pembelajaran Bahasa Melayu ini, GBM8 juga turut berkongsi bahawa penerokaan terhadap perkara baru boleh memberi kesan positif terhadap minat murid. Namun begitu, kemudahan teknologi seperti kelajuan internet yang terbatas juga menjadi salah satu kekangan yang akan dibincangkan dalam tema seterusnya nanti.

*“mungkin pandangan saya sedikit berbeza..pada sayalah..kemudahan seperti internet dan komputer di sekolah perlu banyak ada berfungsi...supaya sekurang-kurangnya di sekolah murid ini berpeluang merasai pengalaman menggunakan komputer atau laptop untuk mencari maklumat...berpeluang guna google search, download video dan hantar emel ke...(TB/FAK/GBM7)*

## **PERBINCANGAN**

Dari aspek bahasa persekitaran sekolah sangat mempengaruhi pembelajaran bahasa murid bukan penutur natif kerana kerana murid banyak menggunakan waktu di sekolah. Menurut Zakaria et al. (2012), persekitaran sekolah dan guru sangat memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan potensi individu secara keseluruhan dan bersepadu. Komunikasi murid dengan warga sekolah dengan menggunakan Bahasa Melayu yang standard amatlah digalakkan bagi melatih pembelajaran bahasa murid sama ada secara formal ataupun tidak formal. Melalui kajian ini, pengaruh persekitaran sekolah memberi impak yang besar terhadap penguasaan bahasa murid-murid. Murid bukan penutur natif menggunakan Bahasa Melayu standard untuk berkomunikasi dengan rakan dalam situasi formal namun tidak dinafikan juga mereka sering menggunakan bahasa ibunda. Jika dilihat hasil dapatan kajian ini, guru juga menggunakan bahasa ibunda sebagai contoh, murid Iban untuk menerangkan sesuatu bagi memberi kefahaman yang sepenuhnya kepada murid-murid. Kajian oleh Mohammed (2010) membuktikan bahasa penggunaan bahasa Melayu Sarawak (bahasa ibunda) dapat meningkatkan prestasi murid-murid dalam penulisan karangan. Hal ini diperkuatkan oleh pandangan Zamri (2016) yang menyatakan pembelajaran bahasa yang berjaya adalah apabila murid dapat menggunakan dua bahasa, tetapi masih boleh membezakan bahasa tersebut dengan jelas. Situasi ini boleh berlaku apabila persekitaran dalam proses pembelajaran bahasa murid-murid memerlukan guru menggunakan bahasa ibunda bagi memberikan kefahaman secara optimum terhadap bahasa sasaran mereka, iaitu Bahasa Melayu. Murid yang mampu menguasai bahasa ibunda dengan baik juga dilihat boleh menguasai bahasa kedua dengan mudah jika persekitaran pembelajaran bahasa mereka adalah kondusif. Persekitaran ini merangkumi aspek persekitaran di sekolah dan bilik darjah murid-murid tersebut. Tambahan pula jika guru dapat menggunakan contoh di sekeliling murid. Sudah pasti murid dapat memahami dan mempelajari Bahasa Melayu dengan mudah dan cepat.

Selain itu, minat pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu juga memainkan peranan dalam membentuk penguasaan bahasa kedua. Hasil kajian menunjukkan faktor sosial yang paling mempengaruhi pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ialah faktor galakan dan motivasi murid. Hal ini menggambarkan bahawa motivasi diri seseorang sangat mempengaruhi pencapaian seseorang dalam pelbagai aspek (Heritus dan Nor Azwahanum,

2022) Dalam kajian ini, responden menunjukkan bahawa galakan dan motivasi membantu untuk mencapai peningkatan dalam penguasaan Bahasa Melayu dengan lebih baik. Motivasi boleh dibahagikan kepada dua, iaitu motivasi luaran dan motivasi dalaman. Motivasi dalaman dilihat melalui motivasi intrinsik dalam diri seseorang individu. Individu yang mempunyai motivasi untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan bahasa mereka lebih mudah untuk menguasai bahasa kedua mereka (Zamri, Ruslin dan Mohamed Amin 2015). Hal ini menggambarkan, murid-murid memerlukan motivasi tidak kira dari dalam ataupun luar untuk menguasai sesuatu bahasa. Tuntasnya, mempelajari Bahasa Melayu sebagai kedua memerlukan strategi dan minat supaya murid dapat mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan mudah, cepat dan berkesan.

## **KESIMPULAN**

Penguasaan kemahiran berbahasa dalam bahasa kedua banyak bergantung kepada kesediaan pelajar itu sendiri untuk menerima dan mempelajari bahasa Melayu. Kesediaan pelajar merangkumi bagaimana seseorang pelajar itu menanamkan minat terhadap pembelajaran bahasa kedua. Selain itu, setiap pelajar juga seharusnya memiliki sikap yang positif terhadap bahasa yang dipelajari. Aspek motivasi juga memainkan peranan dalam membantu meningkatkan keupayaan mempelajari bahasa kedua. Melalui ketiga-tiga aspek ini, barulah proses mempelajari bahasa kedua dapat berjalan dengan baik seterusnya berupaya membantu meningkatkan penguasaan berbahasa seseorang pelajar. Justeru itu, menjadi peranan semua pihak untuk membantu meningkatkan minat, sikap dan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi murid bukan penutur natif ini.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Hassan. 1996. *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Polai dan Zamri Mahamod. (2021). Pengaruh Bahasa Melanau Dalat dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid tahun dua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 174-182.
- Baiatun Nisa. (2018). Error's analysis: Mother tongue influence on grammatical errors in Indonesian EFL students' papers. *Progressive Journal*, 13(1), 1-6.
- Dayang Sulfilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna, 2016. Pengaruh Faktor Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Jilid 7 (1). 74-84
- Ellis, R. 1994. *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Farid M. Onn dan Ajid Che Kob. 1981. Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran

bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu. Penerbitan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khairil Nizam Bin Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Murid Berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention ISSN (Online)*. 6(10), 1-11.

Kamiliah Ayu dan Zamri Mahamod. 2015. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Bukan Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mangantar Simanjuntak. 1990. Pertumbuhan dan perkembangan bahasa kanak-kanak. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34: 692-703.

Nazri Muslim & Otong Rosadi. (2021). Peranan bahasa dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia dan Indonesia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 79-89. <https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0902-08>

Nur Hayati Abdullah. 2002. Sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. *Dewan Bahasa*. Mei.

Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam. (2017). Faktor timbulnya pengaruh bahasa pertama dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ulum Islamiyyah*, 20, 35-45.

Patricia Antai Robin, Mahizer Hamzah dan Madeline Pandang. (2020). Penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal*

## KEBERKESANAN MEDIA SOSIAL TERHADAP KOMUNIKASI KANAK-KANAK BERUSIA BAWAH 12 TAHUN

Nur'ainun Mardhiah Hamidi  
Nurqistina Najhah Abu Zarim  
Wan Nur Aqilah Wan Samsuddin  
Siti Umairah Ismail

Koresponden  
\*Nora'azian Nahar

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

### Abstrak

Kanak-kanak banyak terdedah kepada skrin terutamanya bagi tujuan kelas dalam talian malah mereka juga tidak terlepas untuk mengikuti trend dengan kemunculan aplikasi media sosial yang tular pada waktu kini. Kajian ini dijalankan kerana jumlah kanak-kanak yang mempunyai masalah untuk berkomunikasi semakin bertambah (*speech delay*) serta selari dengan keadaan semasa yang memperlihatkan bahawa kanak-kanak dan remaja semakin terpengaruh dengan perkara yang terdapat dalam media sosial. Pengkaji sebelum ini juga lebih menumpukan skop kajian mereka terhadap remaja berbanding dengan kanak-kanak. Objektif kajian ini ialah mengkaji kaitan antara tempoh masa yang diluahkan oleh kanak-kanak di media sosial dengan interaksi sosial mereka dan mengaitkan hubungan antara Teori Ekologi Bronfenbrenner dengan komunikasi kanak-kanak bawah 12 tahun. Reka bentuk kualitatif telah dipilih dan dijalankan melalui kaedah temu bual. Instrumen yang dipilih bagi menjalankan kajian ini adalah kutipan data melalui panggilan telefon kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berusia 12 tahun dan ke bawah. Hasil kajian ini telah menunjukkan kaitan bahawa tempoh masa yang diluahkan oleh kanak-kanak di media sosial boleh mempengaruhi interaksi sosial mereka serta menunjukkan bahawa penggunaan media sosial secara terkawal boleh membendung masalah komunikasi, moral dan akhlak kanak-kanak. Kajian ini juga telah membuktikan hubungan antara Teori Ekologi Bronfenbrenner dengan komunikasi kanak-kanak bawah 12 tahun iaitu perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Sebagai cadangan penambahbaikan, pengkaji akan datang boleh mengaitkan kajian ini dengan Teori Kognitif Jean Piaget bagi menerangkan bagaimana media sosial ini boleh mempengaruhi tumbesaran kanak-kanak pada peringkat sensorimotor, peringkat pra-operasi dan peringkat operasi konkrit.

**Kata Kunci:** media sosial, Teori Ekologi Bronfenbrenner, komunikasi kank-kanak, interaksi sosial, masalah komunikasi

## **Pengenalan**

Pada era globalisasi ini, kemajuan teknologi tidak terlepas untuk berkembang seiring dengan peredaran zaman. Tidak terlepas juga budaya dan sosial masyarakat juga berubah seiring dengan peredaran zaman. Dengan wujudnya Internet, kehidupan menjadi lebih mudah untuk mengakses maklumat dan berinteraksi walaupun tidak bersemuka. Kemudahan Internet ini mewujudkan pelbagai aplikasi media sosial yang membantu orang ramai untuk menghilangkan tekanan akibat daripada kerja seharian seperti *Facebook*, *Instagram*, dan lain-lain. Kebanjiran platform media sosial ini bergantung kepada individu tersebut sama ada cenderung kepada kesan positif atau negatif. Penggunaan media sosial ini tidak hanya pada remaja dan orang dewasa malah kanak-kanak juga tidak melepaskan diri dari meluangkan masa di media sosial.

Kanak-kanak pada masa ini banyak terdedah kepada media sosial menyebabkan mereka terdedah kepada kesan negatif pendedahan skin gajet yang berterusan terutama sekali pada era pasca COVID-19. Pada era pandemik, pelaksanaan perintah kawasan pergerakan (PKP) menyebabkan kanak-kanak banyak terdedah kepada skrin untuk tujuan kelas dalam talian namun mereka juga tidak terlepas untuk mengikuti trend dengan kemunculan aplikasi media sosial yang tular pada waktu itu. Hal ini menyebabkan kanak-kanak bukan sahaja terdedah pada skrin untuk tujuan kelas dalam talian tetapi juga untuk hiburan mereka yang tidak dikawal oleh ibu bapa. Kewujudan media sosial mendapat perhatian ramai pada zaman COVID-19 oleh kerana penggunaannya yang santai serta boleh menjadi medium untuk orang ramai mendapatkan maklumat melalui video yang hanya berdurasi 3 minit telah menjadi popular di kalangan remaja dan orang dewasa kerana menyediakan medium untuk mengekspres diri secara kreatif (Daniel Klug et al., 2023 dalam Medina Serrano et al., 2020 dan Vogels et al., 2022). Kebanyakan media sosial memberikan tumpuan kepada hiburan melalui video pendek dan ciri-ciri interaksi asas yang ada di media sosial serta berfokus kepada penciptaan, perkongsian dan kandungan audiovisual (Daniel Klug et al., 2023).

Penggunaan media sosial yang santai dan mempunyai kandungan yang menghiburkan membantu semua individu untuk menghilangkan tekanan tatkala Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan. Permasalahannya berlaku tatkala PKP sudah tamat dan masyarakat telah menjalani kehidupan norma baharu, sindrom media sosial ini tidak berkesudahan. Setiap lapisan generasi tertumpu pada platform media sosial yang semakin popular pada waktu PKP. Media sosial tidak hanya menjadi tempat hiburan malah menjadi sumber maklumat dalam kehidupan seharian. Penggunaan media sosial yang melampau memberikan kesan kepada kanak-kanak sehingga hari ini.

Pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ini kerana jumlah kanak-kanak yang mempunyai masalah untuk berkomunikasi semakin bertambah. Kajian ini juga bertujuan membincangkan bagaimana interaksi di media sosial mampu mempengaruhi perkembangan komunikasi dan sosial kanak-kanak. Hal ini selari dengan keadaan semasa yang memperlihatkan bahawa kanak-kanak dan remaja semakin terpengaruh dengan perkara yang terdapat di media sosial. Antaranya ialah penggunaan kata kesat, keganasan dan pornografi, ikutan fesyen yang mencolok mata, hubungan silaturahim yang semakin renggang, serta hilang

tumpuan dan kecuaiian semasa memandu (Putri et al., 2016). Selepas melakukan pembacaan terhadap kajian lepas berkaitan dengan pengaruh media sosial, didapati ramai pengkaji banyak menumpukan skop kajian mereka terhadap remaja berbanding dengan kanak-kanak. Contoh kajian lepas yang menumpukan skop kajian pengaruh media sosial terhadap remaja adalah kajian oleh Nurhamizah & Asbah (2019), kajian tersebut membincangkan mengenai teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibu bapa dan anak-anak, namun dapatan kajian tersebut lebih tertumpu kepada remaja. Seterusnya, kesedaran masyarakat terhadap impak media sosial terhadap komunikasi kanak-kanak kurang dititikberatkan. Menurut Suhaniya & Mohamad Fauzi (2019), kajian terbaru daripada Malaysian Communications and Multimedia Commission mendapati 83.2% pengguna Internet adalah kanak-kanak yang berumur 5 hingga 17 tahun (MCMC 2017). Isu ketagihan Internet di Malaysia membawa kepada pelbagai masalah sosial seperti pornografi, seks dan masalah mental. Kanak-kanak didapati sering terdedah kepada bahan unsur lucah di Internet yang menyebabkan peningkatan ketagihan seks bawah umur. Oleh itu, pengkaji ingin menjalankan kajian bagi menambah pengetahuan tentang impak media sosial terhadap komunikasi kanak-kanak.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini dijalankan dengan objektif berikut:

1. Mengkaji kaitan antara tempoh masa yang diluangkan oleh kanak-kanak di media sosial dengan interaksi sosial mereka.
2. Mengaitkan hubungan antara Teori Ekologi Bronfenbrenner dengan komunikasi kanak-kanak bawah 12 tahun.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak**

Aina Rasyidah dan Hapsah (2020) menjalankan kajian tentang penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini dilaksanakan di sekitar Teluk Intan, Perak. Kajian ini dilaksanakan bagi membincangkan mengenai penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak prasekolah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti jenis gajet yang sering digunakan oleh kanak-kanak dan mengetahui tempoh penggunaan gajet oleh kanak-kanak. Seramai 65 ibu bapa yang mempunyai anak-anak prasekolah berumur lima hingga enam tahun yang menggunakan gajet terlibat sebagai sampel kajian yang dijalankan melalui tinjauan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan tempoh masa penggunaan gajet bagi kanak-kanak prasekolah berumur 5 hingga 6 tahun adalah melebihi 2 jam sehari. Kenyataan ini disokong oleh Papadakis et al. (2014) yang menyatakan bahawa kanak-kanak meluangkan masa lebih banyak dengan peranti kepunyaan mereka. Tambahan itu pula, hasil kajian ini turut mendapati bahawa aspek perkembangan yang akan terkesan dalam kalangan kanak-kanak akibat pendedahan gajet yang berlebihan ialah perkembangan sosial dan emosi. Penggunaan gajet yang berlebihan boleh menyumbang kepada terjadinya masalah *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), perkembangan terbantut dan juga gangguan emosi (Nair, 2018; Sundus, 2018;



Shima & Siti Marziah, 2018).

### **Peranan Ibu bapa terhadap Anak-anak dalam Penggunaan Media Sosial**


Suhaniya dan Mohamad Fauzi (2020) menjalankan kajian tentang kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. Kajian ini dilaksanakan di taman perumahan di Bandar Rinching Seksyen 5, Semenyih, Selangor. Kajian ini dilaksanakan bagi melihat sejauh mana pengetahuan, pemahaman dan tahap pendidikan ibu bapa memberi kesan ke atas kawalan sosial ibu bapa dalam mengawal penggunaan media sosial anak-anak. Seramai 100 orang responden, iaitu 66 peratus daripada wanita dan 34 peratus lelaki telah dipilih sebagai responden kajian dan menggunakan borang soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan ibu bapa mempunyai pengetahuan terhadap penglibatan anak-anak di media sosial. Lebih 94 peratus ibu bapa mempunyai pengetahuan tentang aktiviti anak-anak di media sosial. Ibu bapa mengetahui jenis laman sosial yang digunakan dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka di media sosial. Selain itu, hasil kajian ini juga menunjukkan tahap pendidikan juga mempengaruhi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi lebih cenderung mengawasi anak-anak menggunakan media sosial seperti menggunakan perisian penapisan Internet, menetapkan tetapan rahsia, menetapkan peraturan dan masa untuk menggunakan media sosial.

### **Impak Teknologi dan Media Sosial terhadap Komunikasi Ibu bapa dengan Anak-anak**

Nurhamizah dan Asbah (2019) telah menjalankan kajian mengenai impak penggunaan teknologi secara berlebihan terhadap komunikasi anak-anak dengan ibu bapa. Kajian ini dilaksanakan untuk menjelaskan konsep media dan teknologi, komunikasi ibu bapa dan anak-anak serta menghuraikan kesan media dan teknologi terhadap komunikasi keluarga dalam masyarakat Melayu. Dapatan kajian menunjukkan responden mengakui mereka lebih banyak menghabiskan masa menggunakan Internet berbanding dengan masa bersama-sama keluarga dan lebih banyak berkomunikasi dengan rakan-rakan di media sosial. Ibu bapa mempunyai pengetahuan terhadap penglibatan anak-anak di media sosial. Selain itu, hasil kajian juga membincangkan kesan negatif yang akan timbul akibat daripada penggunaan media sosial dan teknologi secara berlebihan iaitu golongan remaja akan mengalami gangguan tidur kerana leka bermain dengan gajet sehingga lewat malam. Pantulan cahaya daripada skrin gajet tersebut akan menyebabkan urat saraf terganggu serta menjejaskan kesihatan mata sehingga menyebabkan rabun.

### **KERANGKA TEORETIS**

Kerangka teoritikal kajian yang digunakan ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara persekitaran kanak-kanak yang terdedah dengan media sosial dan perkembangan kognitif kanak-kanak. Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) dijadikan tunjang utama kajian ini seperti di Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Perkaitan antara Persekitaran dengan Media Sosial (Adaptasi daripada Teori Bronfenbrenner, (1979))

Teori Pembangunan Sistem Ekologi telah dibangunkan oleh seorang ahli psikologi Urie Bronfenbrenner. Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979,1989) merupakan teori yang sesuai untuk memahami bagaimana persekitaran yang mengelilingi kehidupan kanak-kanak mempengaruhi psikologi kanak-kanak. Teori ini juga menekankan tentang pengaruh persekitaran terhadap perkembangan manusia. Bronfenbrenner menggariskan lima sistem yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak atau seseorang individu. Lima sistem tersebut merupakan:

1. Mikrosistem
2. Mesosistem
3. Ekosistem
4. Makrosistem
5. Kronosistem

Teori Ekologi Bronfenbrenner ini ada menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak adalah sebagai hasil interaksi antara alam persekitaran dengan kanak-kanak tersebut. Dalam konteks ini, interaksi antara kanak-kanak dengan persekitaran kanak-kanak itu dipercayai boleh mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak tersebut. Melalui teori ini dapat dilihat bahawa apabila kanak-kanak terdedah dengan persekitaran keluarga yang kerap menggunakan media sosial, persekitaran tersebut sedikit sebanyak mempengaruhi interaksi kanak-kanak tersebut. Jadi, Teori Ekologi Bronfenbrenner merupakan teori yang sesuai untuk digunakan dalam kajian kami.

## METODOLOGI

Bagi mengenal pasti keberkesanan penggunaan media sosial terhadap komunikasi kanak-kanak bawah umur 12 tahun, reka bentuk kualitatif telah dipilih dan dijalankan melalui kaedah temu bual. Instrumen yang kami pilih bagi menjalankan kajian ini adalah kutipan data melalui panggilan telefon kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berusia 12 tahun dan ke bawah.

Reka bentuk kualitatif telah dipilih dan dijalankan melalui kaedah temu bual. Kajian kualitatif dijalankan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu perkara yang ingin dikaji (Marohaini 2001). Kaedah ini dipilih kerana boleh menerangkan peristiwa secara holistik dalam keadaan sebenar peristiwa berlaku tanpa sebarang manipulasi oleh pihak penyelidik sendiri. Pengkaji menjalankan kajian secara mendalam untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Dalam kajian kualitatif, penyelidik menjadi instrumen kajian (Creswell 1994). Penyelidik sendiri merupakan instrumen untuk mengutip data dan menganalisis data.

Populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji supaya sesuatu dapatan kajian dapat diaplikasikan (Fraenkel & Wallen; Hou Yin dalam Aina' & Hapsah, 2020). Populasi kajian ini ialah ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang berumur 12 tahun dan ke bawah serta mempunyai akaun media sosial. Menurut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan jumlah populasi sebanyak 10 hanya memerlukan 10 sampel sahaja. Maka, pengkaji hanya akan memilih 10 informan kajian sahaja untuk kajian ini kerana memenuhi keperluan kajian ini. Teknik pensampelan yang kami pilih adalah Teknik Pensampelan Bukan Kebarangkalian iaitu Pensampelan Mudah atau Secara Kebetulan. Pensampelan mudah adalah sejenis pensampelan tanpa kemungkinan dijadikan sampel hanya kerana mereka adalah sumber data yang “senang” penyelidik atau lebih mudahnya sampel dipilih kerana senang untuk dijadikan sampel dan kebiasaannya secara sukarela. Unsur sampel diambil mengikut keselesaan penyelidik yang mana sesiapa sahaja dalam boleh menjadi sampel tanpa perlu sebarang proses pemilihan secara rawak asalkan bersetuju untuk menjadi sampel kajian. Kaedah ini mampu mendapatkan maklumat secara mudah, cepat dan berkesan.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah pengumpulan data melalui panggilan telefon. Pengkaji menjalankan kajian terhadap laman responden dan memberikan soalan yang telah dipilih kepada responden bagi mendapatkan jawapan persoalan kajian kami. Soal selidik digunakan untuk mengetahui demografi informan kajian, penggunaan media sosial oleh kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah di rumah responden, masa yang diluangkan oleh kanak-kanak di aplikasi media sosial dan perubahan komunikasi kanak-kanak setelah menggunakan media sosial. Kami menggunakan instrumen berkenaan kerana kami terbatas untuk menemu bual sampel kajian secara bersemuka disebabkan faktor jarak yang jauh dan sampel kajian mempunyai waktu yang terhad untuk di temu bual. Pengkaji juga sedaya upaya menemu bual sampel kajian secara atas talian menerusi panggilan telefon di aplikasi *Whatsapp*.

Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Kebolehpercayaan pula ialah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Kebolehpercayaan bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada responden yang sama (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Dalam kajian ini, penyelidik telah mendapat kebenaran dari responden untuk menjalankan kajian ini dan mendapatkan jawapan dari mereka untuk persoalan kajian kami.

## **DAPATAN/PERBINCANGAN**

## **Profil Responden**

Kajian ini melibatkan tujuh orang informan kajian yang terdiri daripada kenalan rapat kepada pengkaji dan sampel kajian. Pengkaji menemu bual informan kajian melalui telefon. Informan kajian pertama ialah Noor Hazlin berumur 41 tahun mempunyai tiga orang anak berumur 12 tahun, 9 tahun dan 6 tahun. Informan kajian kedua ialah Nurul Ahtiqah berumur 31 tahun mempunyai dua orang anak yang berumur 6 dan 4 tahun. Informan kajian ketiga ialah Nor Faridah berumur 39 tahun mempunyai anak berumur 10 tahun.


Manakala informan kajian keempat bernama Malina berumur 49 tahun mempunyai anak berumur 11 tahun. Informan kajian kelima bernama Nurliydiawati berumur 40 tahun mempunyai anak berumur 7 tahun. Informan kajian keenam bernama Nurul Syuhada berumur 37 tahun mempunyai anak berumur 11 tahun. Akhir sekali, informan kajian ketujuh bernama Razifudin berumur 30 tahun mempunyai dua orang anak berumur 4 dan 6 tahun. Enam dari tujuh orang informan kajian bekerja manakala, seorang tidak bekerja.

## **Dapatan Kajian**

Berdasarkan demografi informan kajian, penyertaan para ibu adalah lebih ramai iaitu seramai enam orang berbanding bilangan bapa iaitu seorang. Hal ini berlaku kerana golongan ibu adalah lebih mudah didekati dan lebih bersedia untuk menjawab soalan soal selidik berbanding golongan bapa.


## **Analisis hubungan tempoh masa yang diluahkan oleh kanak-kanak di media sosial dengan interaksi sosial mereka.**

### **Bilangan anak yang menggunakan media sosial**




Pengkaji mendapati seramai enam orang informan kajian menyatakan bahawa anak-anak mereka menggunakan media sosial. Namun, terdapat juga seorang informan kajian, iaitu

informan kajian 1 menyatakan bahawa anaknya hanya dibenarkan menggunakan media sosial pada hujung minggu sahaja. Antara media sosial yang digunakan oleh anak-anak informan kajian adalah *TikTok* dan *Youtube*.



Seterusnya, sebanyak empat orang informan kajian (57.1%) menyatakan tempoh masa anak-anak mereka menggunakan media sosial adalah kurang daripada enam jam. Informan kajian 1 menyatakan bahawa anaknya menggunakan media sosial lebih daripada 12 jam kerana mereka hanya dibenarkan menggunakan media sosial pada hujung minggu sahaja. Seterusnya, pengkaji turut memperoleh data daripada informan kajian 7 yang menyatakan anaknya menggunakan media sosial kurang daripada dua jam kerana anaknya berkongsi telefon dengan informan kajian. Informan kajian 7 juga berkata anak beliau lebih gemar melukis berbanding melayari media sosial.




Seramai empat orang informan kajian bersetuju bahawa penggunaan media sosial ini mampu memberikan manfaat kepada kemahiran sosial anak mereka. Menurut informan kajian 1, penggunaan media sosial membantu anaknya untuk mahir mengendalikan aplikasi, menambah kenalan dan mempelajari bahasa asing. Manakala, informan kajian 2 pula mengakui bahawa kemahiran sosial anaknya semakin baik setelah menggunakan media sosial. Anaknya mula

bergaul dengan rakan sebaya sejak berumur 5 tahun. Hal ini kerana, mereka tetap berhubung di aplikasi media sosial walaupun waktu persekolahan sudah tamat. Seterusnya, anak informan kajian 3 pula semakin berani untuk menyatakan pendapatnya di ruangan komen video. Tambahan itu, informan kajian 4 juga mengatakan bahawa anaknya semakin kerap berbual secara dalam talian dengan pengguna yang lain.

Berdasarkan tiga soalan ini, pengkaji telah menemukan perkaitan tempoh masa penggunaan media sosial dengan komunikasi kanak-kanak. Pengkaji mendapati penggunaan media sosial dalam tempoh masa yang lama boleh memberikan kesan positif dan negatif kepada komunikasi kanak-kanak. Dari sudut negatif, penggunaan media sosial dalam masa yang lama boleh mengurangkan interaksi anak dengan ibu bapa. Dari sudut positif pula, anak-anak akan lebih mudah berkomunikasi dengan orang luar dan membina keyakinan diri dalam diri anak. Namun, impak negatif dan positif ini boleh didapati mengikut individu itu sendiri. Sekiranya penggunaan media sosialnya menunjukkan perkara-perkara positif seperti pelajaran, motivasi dan kerohanian maka individu tersebut akan mendapat impak positif. Begitu juga jika seseorang itu menggunakannya dengan melihat kandungan yang tidak berfaedah, maka individu tersebut akan lebih mudah mendapat impak yang negatif. Justeru, penggunaan media sosial bagi kanak-kanak berumur bawah 12 tahun ini perlulah diselia oleh ibu bapa dan diberikan perhatian yang lebih.

### Perkaitan hubungan antara Teori Ekologi Bronfenbrenner dengan komunikasi kanak-kanak bawah 12 tahun.



Berdasarkan soal selidik, seramai tiga orang informan kajian menyatakan bahawa trend media sosial telah mempengaruhi komunikasi anak-anak. Menurut informan kajian 3 dan 5, antara trend yang kerap dilontarkan oleh anak mereka ialah ‘Kamu nanya?’ yang semakin popular di aplikasi *TikTok*. Informan kajian 2 pula memberitahu bahawa anaknya menggunakan perkataan yang sering disebut oleh pempengaruh yang ditontonnya di Youtube iaitu, perkataan ‘hawau’. Informan kajian 4 pula menyatakan bahawa anaknya tidak terpengaruh dengan trend di media sosial sebaliknya sering menggunakan ayat pendek dan ringkas ketika berkomunikasi. Informan kajian 6 turut mengemukakan jawapan, walaupun anaknya tidak terpengaruh dengan trend di media sosial, namun perkataan yang digunakannya dan suami telah diikuti oleh anak

mereka.



Pengkaji mendapati bahawa empat orang informan kajian menyatakan bahawa gaya komunikasi anak telah berubah sejak menggunakan aplikasi media sosial. Informan kajian 1, informan kajian 6 dan informan kajian 7 menyatakan walaupun anak-anak meniru perkataan dan bahasa yang kesat, penggunaan bahasa tersebut masih terkawal kerana mereka sentiasa memberikan teguran dan peringatan. Informan kajian 2 pula menyatakan anaknya sering menyanyi lagu-lagu trend di media sosial dan menggunakan bahasa yang kasar apabila berbual-bual dengan rakan-rakan di media sosial. Di samping itu, menurut informan kajian 3 gaya komunikasi anaknya masih sama namun dari segi tulisan pesanan mesej, anaknya sudah mula menggunakan perkataan ringkas apabila membalas mesej informan kajian.

Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti perkaitan antara hubungan teori Ekologi Bronfenbrenner dengan komunikasi kanak-kanak berumur bawah 12 tahun. Komunikasi kanak-kanak berumur bawah 12 tahun yang dipengaruhi oleh penggunaan media sosial membuktikan kesahihan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979,1989). Kepetahan berbicara kanak-kanak generasi sekarang dengan orang asing turut menjelaskan bahawa perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak juga boleh terhasil melalui interaksi mereka dengan alam maya iaitu melalui media sosial dan bukan semata-mata bergantung melalui fizikal seperti bertemu di taman mahupun sekolah. Dalam konteks ini, kanak-kanak tersebut telah berjaya membina keyakinan diri mereka apabila bercakap dan berhadapan dengan orang luar.

Hasil kajian ini telah menunjukkan kaitan bahawa tempoh masa yang diluangkan oleh kanak-kanak di media sosial boleh mempengaruhi interaksi sosial mereka. Hal ini jelas dilihat berdasarkan jawapan para informan kajian yang menyatakan anak mereka mula bergaul dengan rakan sebaya setelah menggunakan media sosial. Perkara ini berlaku kerana mereka dapat berinteraksi antara satu sama lain selepas waktu sekolah. Selain itu, kajian ini turut menunjukkan bahawa penggunaan media sosial secara terkawal boleh membendung masalah komunikasi, moral dan akhlak kanak-kanak. Hal ini kerana, anak-anak berumur bawah 12 tahun lebih mudah mendengar teguran dan nasihat ibu bapa. Kajian ini juga telah membuktikan hubungan antara Teori Ekologi Bronfenbrenner dengan komunikasi kanak-kanak bawah 12 tahun. Menurut

teori ini, perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Namun, kanak-kanak pada masa ini lebih gemar menggunakan gajet dan berinteraksi secara maya. Walaupun kanak-kanak generasi kini gemar menggunakan media sosial, mereka tetap dapat berkomunikasi dengan baik dan petah berbicara. Tambahan itu, kanak-kanak juga mudah terpengaruh dengan kandungan-kandungan yang terdapat dalam media sosial. Justeru, ibu bapa memainkan peranan penting untuk mengawal selia penggunaan media sosial anak-anak. Jelaslah, interaksi secara maya juga mampu mempengaruhi perkembangan sosial kanak-kanak.

## **KESIMPULAN**

Keputusan yang diperoleh dalam kajian ini sudah dapat dijangkakan oleh pengkaji dari awal penyelidikan bahawa hampir semua responden menggunakan media sosial. Namun, pengkaji tidak dapat menjangkakan terdapat seorang informan kajian tidak membenarkan anak mereka menggunakan media sosial dan hanya boleh melayari media sosial dengan keizinan ibu bapanya sahaja. Kajian ini juga mendapati tempoh masa anak-anak menggunakan media sosial menunjukkan impak yang tidak ketara untuk komunikasi mereka. Hanya 1 informan kajian menyatakan anak mereka menggunakan media sosial lebih daripada 12 jam tetapi dibenarkan pada hujung minggu sahaja. Selain itu, informan kajian 7 menyatakan anaknya menggunakan media sosial kurang dari dua jam kerana anaknya berkongsi gajet dengan informan kajian. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan media sosial terhadap komunikasi kanak-kanak berusia bawah 12 tahun lebih mendorong ke arah positif. Majoriti iaitu seramai 4 orang informan kajian menyatakan bahawa media sosial memberikan manfaat kepada kemahiran sosial anak mereka. Sebaliknya, hanya 3 orang informan kajian menyatakan penggunaan media sosial ini memberikan kesan negatif kepada kemahiran sosial anak mereka.

Kajian ini telah menunjukkan keberkesanan media sosial secara umumnya terhadap komunikasi kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dengan mengaitkan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979,1989). Hasil kajian menunjukkan persekitaran kanak-kanak yang didedahkan dengan media sosial akan mempengaruhi interaksi kanak-kanak.

Maka terdapat beberapa cadangan untuk pengkaji akan datang untuk kajian seterusnya. Pengkaji mencadangkan pengkaji akan datang untuk mengaitkan Keberkesanan Media Sosial Terhadap Komunikasi Kanak-kanak Berusia Bawah 12 Tahun dengan Teori Kognitif Jean Piaget. Hal ini kerana perkembangan komunikasi kanak-kanak berkait rapat dengan psikologi kanak-kanak tersebut. Pengkaji akan datang boleh menerangkan bagaimana media sosial ini boleh mempengaruhi tumbesaran kanak-kanak pada peringkat sensorimotor, peringkat pra-operasi dan peringkat operasi konkrit.

Kepesatan teknologi akan terus berkembang seiring dengan peredaran waktu. Pelbagai aplikasi media sosial akan muncul melalui kecanggihan teknologi dalam telefon bimbit dan perkara ini sudah tentu tidak dapat kita halang. Terutama sekali untuk menghalang mereka menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan bagi memastikan perkembangan mereka dalam persekitaran yang baik walaupun mereka hidup di era teknologi ini. Selain ibu bapa, peranan dan



tanggungjawab dari semua pihak amat diperlukan bagi melaksanakan perkara ini. Oleh yang demikian, semua pihak diharapkan dapat memainkan peranan masing-masing dan memberikan sumbangan dalam konteks perkembangan kanak-kanak serta remaja yang merupakan aset penting dan bakal mewarisi masa depan negara terutama dalam pendidikan.

## RUJUKAN

- Aina', R., S., & Hapsah, M., Y., (2020). Penggunaan Gajet Terhadap Perkembangan Kanak-kanak Prasekolah, *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol. 9, 113-126
- Aziz, M. F., & Makhsin, M. (2021). Pengaruh media sosial terhadap penampilan akhlak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(42), 74-82.
- Handayani, F., Maharani, R. A., Desyandri & Irdamurni. (2022). Pengaruh Penggunaan Media Sosial terhadap Perkembangan Anak Usia Sekolah Dasar. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 6(2), 11362-11369.
- Hashim, N., & Razali, A. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak. *Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337-352.
- Jothy, S., (May 23,2021), *Teori Ekologi Bronfenbrenner*. SCRIBD. <https://www.scribd.com/document/508949858/TEORI-EKOLOGI-BRONFENBRENNER>
- Kalaisilven, S., & Sukimi, M. F. (2019). Kawalan Ibu Bapa terhadap Anak-Anak dalam Penggunaan Media Sosial. *Akademika*, 89(1), 111-124.
- Klug, D., Steen, E., & Yurechko, K., (2023). How Algorithm Awareness Impacts Algospeak Use on Tiktok, *WWW'23 Companion*
- Norazly, N., & Juppri, B., (2021). Isu dan Trend Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak*, 10(1), 99-107
- Nurliyana, A. H., (2023 May 21). *Format Penyelidikan*. [PowerPoint Slides]. Slideshare. <https://liveiiumedu.sharepoint.com/:b:/r/sites/HSG0324MGrp161Sem320222023/Shared%20Documents/General/SLIDES/Topik%207%20Format%20Penyelidikan.pdf?csf=1&web=1&e=2mOCuu>
- Papadakids, S., & Kalogiannakis, M., (2017). Mobile Educational Application for Children: What Educators and Parents Need to Know. *Int. J. Mobile Learning and Organisation*, 11(3)
- Rosli, T., Muniandy, Y., & Jasmi, K., A. (2019, December 15). Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam. In Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia*. DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran

Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 115-130.

Sannusi, S. N., Ibrahim, F., Shaari, A. H., & Subhi, N. (2019). Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 101-118.

Siddiqui, S., & Singh, T. (2016). Social Media its Impact with Positive and Negative Aspects. *International Journal of Computer Applications Technology and Research*, 5(2), 71-75.

Suhaniya, K., & Mohamad, F., S., (April 2019). Kawalan Ibu Bapa Terhadap Anak-anak dalam Penggunaan Media Sosial, *Akademika*, 89(1), 111-124.

Syed Abdul Rahman, S., M., H., Ramli, M., A., Sa'ari, C. Z., Norman, A., A., Mamat, M., A., & Mohd Azhar, M., H. (2022). Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50 (1), 73-96.

Wan Norina W. H., Zaharah, H., Ahmad F. M. Y., & Ahmad A. S. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *Jurnal O-jIE (The Online Journal Of Islamic Education)*, 1(1), 17-27.

Zuhdi, A., Fakhri, Almy, B. A., Naidarti, (2023). Sosialisasi Bahaya Kecanduan . *Jurnal Pengabdian Masyarakat Ushuluddin Adab dan Dakwah*, 3(1).

## AKAL BUDI MELAYU DALAM PANTUN MELAYU BERUNSURKAN BUAH: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

Nurul Asmaa' Abdul Hazam

\*Koresponden  
Nora'azian Nahar

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari (KSTCL)  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

### Abstrak

Pantun Melayu yang sarat dengan keindahan rimanya dan mempunyai nilai kesusasteraan yang tinggi jelas memancarkan kecendekiaan serta kekreatifan masyarakat terdahulu. Penggunaan pantun ini lazim digunakan masyarakat Melayu bagi menzahirkan perasaan secara sopan dan halus. Khazanah yang ditinggalkan ini sangat indah apabila menjadikan unsur alam sebagai latar dalam pembayang. Namun, unsur tersebut sering diabaikan tanpa mengetahui terdapat akal budi yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pantun Melayu berunsurkan buah yang terkandung dalam pantun bertemakan Pantun Nasihat dan Pantun Kiasan berdasarkan buku Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2015). Seterusnya, mencungkil akal budi masyarakat Melayu melalui pendekatan Semantik Inkuisitif. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menganalisis data berdasarkan tiga tahap, iaitu tahap Semantik Skrip diikuti oleh Semantik Resonans pada tahap kedua dan akhir sekali merupakan tahap Semantik Inkuisitif. Tafsiran data pada tahap Semantik Resonans mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1986). Hasil dapatan kajian menunjukkan 4 jenis buah yang dominan dipilih berdasarkan kekerapan tertinggi daripada 37 jenis buah keseluruhannya. Dapatan yang diperoleh juga memaparkan unsur buah bukan sahaja mempunyai khasiatnya tersendiri namun mendukung makna yang tersirat bagi mengekspresikan perasaan penuturnya. Implikasinya, kajian ini menemukan unsur buah yang jarang dikomersialkan atau yang ditemukan. Kesimpulannya, masyarakat Melayu sangat peka dengan unsur alam di sekeliling mereka dengan mengaplikasikan unsur buah dalam tutur bicara.

**Kata Kunci:** akal budi, kecendekiaan, pantun Melayu, semantik, unsur alam

### PENGENALAN

Semantik ialah sebuah cabang ilmu linguistik yang meneliti tentang makna dan bahasa dengan lebih mendalam. Dalam linguistik, semantik merupakan kajian makna yang memfokuskan kepada kajian struktur seperti fonetik dan tatabahasa yang merangkumi morfologi dan sintaksis (Abdullah Hassan, 1989). Semantik juga merupakan salah satu cabang tatabahasa yang sukar untuk diterjemah kerana mempunyai perkaitan dengan perkara abstrak. Para cendekiawan

dahulu telah membincangkan makna bahasa ini agar dapat mengembangkan bentuk perkataan yang pelbagai dan seterusnya memberi pemahaman yang jelas terhadap pengguna bahasa. Skop kajian dikecilkan lagi kepada aspek semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang mengkaji makna peribahasa dan pantun yang meliputi data, teori, kognitif, falsafah serta akal budi yang digunakan untuk mendalami makna sesuatu leksikal.

Seterusnya, perkembangan dunia kesusasteraan Melayu menunjukkan puisi tradisional merupakan antara genre yang dominan berbanding genre sastera lain seperti novel, cerpen, dan drama. Menurut. Apabila kita bercakap tentang puisi tradisional, secara tidak langsung kita boleh membayangkan genre yang penuh dengan fantasi, keajaiban, dan misteri yang mengagumkan. Malahan, kita dapat lihat walaupun masyarakat Melayu dahulu mundur dalam pendidikan, namun mereka berupaya menghasilkan puisi yang bernilai dan bermutu tinggi. Lazimnya, masyarakat Melayu berkomunikasi menggunakan puisi tradisional, iaitu pantun agar dapat menjaga kehalusan bahasa Melayu itu sendiri. Bertepatan dengan hujah yang dilontarkan Omardin (1960), jika “bahasa itu jiwa bangsa”, maka pantun adalah salah satu daripada sarafnya. Pantun merupakan salah satu bentuk pengucapan lisan yang digunakan oleh orang Melayu sejak turun-temurun. Malah, penggunaannya meliputi pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu. Perkara ini secara tidak langsung dapat mencerminkan kekreatifan masyarakat Melayu dalam menyampaikan makna bagi setiap ujaran secara tersirat dan dianggap rencah bangsa yang relevan sepanjang zaman. Budaya masyarakat Melayu juga gemar memasukkan unsur alam dalam gubahan seni dan rencah kehidupan (Aminah dan Hasnah, 2014). Unsur-unsur alam dalam pantun ini mempunyai nilai estetika tersendiri dan merupakan satu-satunya cara yang paling dinamik bagi mengungkapkan atau mendendangkan sesuatu yang bermain di lubuk hati.

Namun, terdapat beberapa permasalahan kajian yang menjadi pendorong bagi pengkaji melaksanakan penyelidikan ini. Antaranya ialah kebanyakan kajian semantik inkuisitif juga lazimnya tertumpu kepada peribahasa. Hal ini demikian kerana, peribahasa merupakan komponen utama bidang ilmu dalam bahasa Melayu yang menjadikannya lebih mudah untuk mentafsir akal budi yang terdapat di dalamnya. Menurut Nur Izzati dan Nor Azzilawati (2018), peribahasa alam Melayu merupakan salah satu daripada cabang kekayaan bahasa masyarakat Melayu dan terdiri daripada perkataan yang mempunyai makna tersirat yang menyampaikan pengajaran.

Sehubungan dengan itu, majoriti pengguna bahasa hari ini lebih cenderung untuk memahami bahasa kiasan secara literal, terutamanya dalam peribahasa dan pantun. Pemahaman secara literal ini secara tidak langsung menyebabkan makna di sebalik ujaran disalah tafsir dan seterusnya boleh mencetuskan kemarahan dan salah faham. Namun, jika diamati secara mendalam, bahasa kiasan tersebut sebenarnya bertujuan memberikan nasihat kepada seseorang. Contohnya, serangkap pantun yang disiarkan di media sosial Dewan Bahasa dan Pustaka tular dan telah mencetuskan kemarahan dalam kalangan masyarakat. Isu ini tercetus kerana sikap “membuta tuli” segelintir masyarakat yang menganggap serangkap pantun tersebut memperlekeh kedudukan kaum wanita (Hafizah, 2020). Hal ini demikian kerana, sikap

segelintir masyarakat yang hanya menterjemah maksud pantun berdasarkan frasa tertentu sahaja tanpa memahami makna yang ingin disampaikan secara keseluruhan.

Akhir sekali, segelintir pengkaji hanya melihat makna pantun secara harfiah sahaja. Mereka tidak melihat makna pantun daripada sudut konotatif dan denotatif (Nurul Syazana & Nurul Jamilah, 2021). Namun, sebenarnya unsur alam di sekeliling mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu lazim menzahirkan akal budi dengan mengaitkan unsur alam sebagai simbol dalam pembentukan identiti kepada puisi tradisional khususnya pantun Melayu. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa pembayang pantun sering diabaikan kerana dianggap sebagai “penyedap” pantun sahaja (Suhaini & Mohd, 2021). Pengabaian ini secara tidak langsung menjejaskan keunikan dan keindahan makna pantun tersebut. Kebiasaannya, masyarakat menerapkan unsur alam di dalam pembayang pantun. Tanpa kita sedari, di sebalik pembayang pantun tersebut terselit nilai yang tinggi antara manusia dan alam semesta. Oleh itu, kajian ini cuba menutupi kelompangan dalam pendekatan Semantik Inkuisitif dengan menerapkan unsur buah yang terdapat di dalam pantun dan seterusnya mencungkil akal budi masyarakat Melayu di sebalik makna pantun tersebut.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti pantun Melayu berunsurkan buah berdasarkan kategori Pantun Nasihat dan Pantun Kiasan di dalam buku Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2015) dan membincangkan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu dalam pantun Melayu yang berunsurkan buah menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif.

## **SOROTAN LITERATUR**

Berdasarkan hasil pembacaan pengkaji, kajian-kajian lepas terhadap pantun sangat banyak dilakukan. Antaranya, sebuah kajian yang dijalankan oleh Muhammad Haji Salleh (2023), bertajuk Pantun Melayu: Penelitian Terhadap Keindahan dan Keunikan dalam Masyarakat yang meneliti tentang keindahan dan keunikan pantun dalam masyarakat Melayu. Keunikan pantun kanak-kanak juga diketengahkan di dalam kajian ini dengan menelusuri kehidupan kanak-kanak yang berperingkat.

Selain itu, kajian telah dijalankan oleh Nor Sahara Mesman (2022) bertajuk Manifestasi Penciptaan Pantun dalam Cerita Rakyat Negeri Pahang pula bertujuan untuk mengkaji bagaimana pantun berlagu dalam cerita rakyat negeri Pahang diaplikasikan sebagai medium dalam menyampaikan dakwah dan nilai-nilai positif kepada masyarakat. Di samping itu, kajian yang bertajuk Konsep Ruang dalam Bahasa dan Pemikiran Menerusi Pantun Melayu penulisan Noor Hasnoor dan Eizah Mat Hussain (2020) adalah untuk meneroka konsep ruang dalam bahasa dan pemikiran melalui analisis pantun Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara pantun, bahasa, dan pemikiran penutur bahasa Melayu, menggunakan korpus

pantun terpilih daripada Teks Karya Agung Pantun Melayu: Pantun Melayu Bingkisan Permata oleh Harun Mat Piah (2001) menggunakan teori Medan.

Kajian tidak sekadar bertumpu kepada kajian pantun secara umum, tetapi juga kajian pantun yang lebih mengkhusus berteraskan pendekatan semantik inkuisitif. Antaranya, kajian yang dilakukan oleh Maulana Al-Fin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) yang berjudul Unsur Burung Dalam Pantun: Analisis Semantik Inkuisitif dengan menyentuh unsur fauna, iaitu burung dan mencungkil makna sehingga menyerlahkan akal budi yang terkandung di dalamnya. Penulis mengkategorikan burung mengikut tabiatnya dengan menerapkan konsep ad hoc dan pendekatan Semantik Inkuisitif. Maulana Al-Fin juga melaksanakan kajian bersama Nor Hashimah dan Junaini Kasdan (2022) yang berjudul Latar Geografi Maritim dan Akal Budi Melayu dalam Pantun. Dalam kajian ini, penulis menekankan struktur latar geografi maritim kerana unsur ini banyak digunakan dalam pantun-pantun Melayu.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan oleh Zuliana Zubir, Nor Aisyah Ahmad dan Nor Athirah Mohamed (2023) yang bertajuk Nilai-nilai Islam dalam Buku Kurik Kundi Merah Saga: Analisis Semantik Inkuisitif, iaitu mengetengahkan pantun yang berkonsepkan keagamaan digunakan bagi mendasari nilai-nilai Islam berdasarkan pembayang dan makna pantun.

## **KERANGKA TEORETIS**

Kajian ini mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang terdapat di dalam Teori Relevans dan memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif bagi menganalisis makna pantun dengan lebih mendalam sehingga menyerlahkan akal budi Melayu. Pendekatan semantik inkuisitif diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) merupakan pendekatan yang berasaskan semangat ingin tahu dan seterusnya menjadikannya sebagai satu dorongan untuk mencungkil serta mencari jawapan kepada perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan. Semantik inkuisitif merangkumi data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan seterusnya dihubungkan dengan akal budi penutur. Untuk menjelaskan makna pantun dengan lebih mendalam, pantun yang berkaitan akan dianalisis menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS). Penerapan Rangka Rujuk Silang bersama dengan pemahaman budaya yang mendalam dapat menghasilkan interpretasi makna kiasan Melayu. Carta aliran tahap yang terlibat dalam proses analisis data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, sebagaimana yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014), diilustrasikan seperti rajah yang berikut:

<b>TAHAP 1 (Semantik Skrip)</b>	
Data dan makna harfiah	Makna secara dasar



<b>TAHAP 2 (Semantik Resonans)</b>	
Data dan teori dengan pemikiran penutur/pendengarnya (peringkat kognitif)	Maklumat kognitif dicungkil dan dikaitkan dengan falsafah (Masih pada peringkat abstrak) – Aplikasi RRS



<b>TAHAP 3 (Semantik Inkuisitif)</b>	
Jawapan diterokai sehingga mencapai tahap konkrit. Persoalan “kenapa” dijawab pada peringkat ini.	Menyerlahkan akal budi Melayu yang menajdi budaya dalam masyarakat Melayu.

Rajah 1: Aliran proses penganalisan data menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif  
 Diadaptasi: Kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2014)

Berdasarkan rajah tersebut, dapat dilihat gambaran ringkas mengenai cara menganalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Bagi memastikan analisis yang akan dilakukan menepati maksud sebenar yang ingin disampaikan penutur, pengkaji menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang merangkumi tiga tahap, iaitu Semantik Skrip, Semantik Resonans serta Semantik Inkuisitif. Secara visualnya, pada tahap pertama, iaitu Semantik Skrip, tafsiran dilakukan secara logik yang melibatkan data, teori, aspek kognitif, dan falsafah. Pada tahap kedua, interpretasi pula terfokus pada tahap kognitif, menjelaskan bagaimana data diselaraskan dengan kerangka teori. Dalam tahap ini juga, maklumat kognitif diperoleh dan dihubungkan dengan falsafah. Akhirnya, pada tahap ketiga, semantik inkuisitif digunakan. Pada tahap ini, jawapan dicungkil sehingga mencapai tahap konkrit, dan persoalan 'kenapa' akan dijawab. Proses pencungkilan ini akan menyerlahkan lagi akal budi Melayu yang merupakan sebahagian daripada budaya dalam masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, pencungkilan makna tersirat tersebut berupaya menggabungkan pemahaman kita terhadap falsafah dan membawa kita meneroka dengan lebih mendalam akal budi penutur.

## **METODOLOGI**

Secara dasarnya, pengkaji telah menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif bagi mengenal pasti secara empirikal pantun Melayu yang berunsurkan buah. Kaedah kajian kualitatif dianggap reka bentuk anjal kerana reka bentuk pendekatan ini tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada peringkat awal kajian (Trochim, 2006). Menurut Bryman (2008), kaedah kualitatif merupakan strategi kajian yang lazimnya menekankan aspek perkataan berbanding dengan pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis.

Bagi meneroka topik pantun Melayu berunsurkan buah secara menyeluruh, pengkaji menggunakan dua kaedah bagi mengumpul dan menganalisis data dengan lebih terperinci. Kaedah ini merangkumi kaedah kepustakaan dan analisis teks. Dalam melaksanakan kajian ini, kaedah kepustakaan merupakan kaedah bagi mendapatkan maklumat tentang sumber-sumber yang relevan dengan teori serta aspek kajian yang ingin dianalisis. Pengkaji merujuk sumber-sumber untuk dijadikan sebagai bahan bacaan tambahan bagi memperkukuhkan pemahaman pengkaji terhadap teori aspek yang akan diaplikasikan. Tamsilnya, pengkaji merujuk sumber daripada bahan bercetak serta bahan elektronik seperti buku, jurnal, artikel dan laman sesawang yang berkaitan. Bagi mengumpul data pantun berunsurkan buah pula kaedah analisis teks diaplikasikan dalam kajian ini. Pengkaji melakukan penganalisan daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cetakan kedua, iaitu pada tahun 2015 dalam buku Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu. Dalam kajian ini pengkaji hanya memanfaatkan tema Pantun Nasihat dan Pantun Kiasan sahaja berdasarkan buku Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2015).

## **DAPATAN/PERBINCANGAN**

Berdasarkan buku Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2015) pengkaji memilih dua kategori yang terkandung di dalam buku tersebut, iaitu kategori Pantun Nasihat (PN) dan Pantun Kiasan (PK). Pengkaji mengenal pasti terdapat 95 daripada 105 rangkap pantun mengandungi unsur buah yang terkandung di dalam PK dan PN berdasarkan buku Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2015). Pengkaji juga mendapati terdapat 38 jenis buah digunakan di dalam PN dan PK. Namun, pengkaji hanya memfokuskan kepada 2 jenis buah yang paling dominan berdasarkan data yang diperolehi, iaitu buah pisang dan buah pinang. Penganalisan dipaparkan berdasarkan tiga tahap, iaitu tahap pertama memperincikan makna secara harfiah, diikuti oleh tahap kedua yang mengaplikasi Rangka Rujuk Silang dan tahap ketiga menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif bagi merungkai persoalan di sebalik makna pantun tersebut.

### **1. Pantun Nasihat Berunsurkan Buah Pisang**

Buah pisang merupakan sejenis buah yang sangat lazim dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Pisang mempunyai pelbagai khasiat dan dapat digunakan dalam pelbagai urusan harian daripada daun sehingga ke akarnya. Berikut merupakan contoh buah pisang yang digunakan dalam pantun Melayu:



**Data 1**

---

<b>Pantun</b>	<b>Maksud</b>	<b>Kategori Pantun</b>
Pisang muda masak pengat, Masak mari bulan puasa, Tuan muda baik beringat, Antara dendam rosak binasa.	Bersikap matang dan menjauhi sikap negatif.	PN

---

**Tahap 1: Semantik Skrip**

Data 1 yang dipilih pengkaji membawa maksud seseorang itu hendaklah bersikap matang agar dihindari daripada sikap negatif. Maksud pantun yang ingin disampaikan oleh penulis ialah menyeru masyarakat untuk bersikap matang dan menjauhi sikap negatif seperti dendam agar dapat mencapai keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks ini, masyarakat diseru untuk membentuk sebuah norma sosial yang berkualiti agar tidak timbul perbalahan kerana dendam yang terbuka di dalam sanubari seseorang.

**Tahap 2: Semantik Resonans**

Pada peringkat ini, Rangka Rujuk Silang (RRS) yang terdapat di dalam Teori Relevans digunakan bagi menganalisis makna pantun dengan lebih mendalam. Berdasarkan pantun di atas pantun tersebut diujarkan menggunakan penceritaan latar belakang, iaitu dengan menggambarkan sifat buah pisang yang masih muda. Dalam konteks ini, sifat buah tersebut dijadikan perlembagaan dan sifat manusia digambarkan dalam konteks makna secara harfiah. Bagi meneliti konteks pantun secara keseluruhan, RRS diaplikasikan agar ungkapan tersebut dapat difahami dengan jelas. Kuplet pertama, iaitu “pisang muda masak pengat, masak mari bulan puasa” berfungsi sebagai pembayang pantun dan merupakan ungkapan yang merujuk makna sebenar yang berbentuk nasihat. Pantun ini mengisahkan buah pisang muda yang dijadikan pencuci mulut, iaitu pengat pada bulan puasa. Umum mengetahui bahawa pisang muda rasanya agak kelat dan perkara ini berlawanan dengan rasa pengat yang agak manis. Unsur ‘pisang muda’ ini merujuk kepada seseorang yang mempunyai sifat tabah dan matang dari peringkat muda ke peringkat matang walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan rintangan. Perkataan ‘muda’ dalam konteks ini memberi gambaran kepada pembaca bahawa pisang itu rasanya kelat, namun boleh bersifat matang jika dengan acuan yang baik seperti dijadikan pengat.

Kuplet kedua pula, “tuan muda baik beringat, antara dendam rosak binasa” merupakan maksud pantun bagi menyampaikan nasihat secara berhemah. Secara harfiahnya, tema pantun ini mengisahkan seorang anak muda yang dinasihatkan untuk berwaspada dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak menyimpan dendam di lubuk hatinya. Perkara ini mungkin akan

mengakibatkan sesebuah perhubungan itu hancur dan binasa. Ungkapan ‘tuan muda’ dalam konteks ini diibaratkan seperti seorang anak muda yang diberikan pangkat dan sentiasa bermegah sehingga boleh menimbulkan pergaduhan. Oleh itu, pengkaji mengandaikan bahawa “tuan muda” merujuk seseorang yang berpengaruh dan mempunyai sifat angkuh sehingga boleh membawa kepada pergaduhan dan seterusnya menjadi dendam seperti frasa ‘antara dendam rosak binasa’. Frasa tersebut memberi peringatan tentang bahayanya menyimpan dendam ibarat racun yang boleh merosakkan diri sendiri.

Berdasarkan baris pertama, “pisang muda masak pengat” dihubungkan dengan baris ketiga pantun, iaitu “tuan muda baik beringat” yang ternyata mempunyai hubungan yang relevan antara “pisang muda” dan “tuan muda”. “Pisang muda” yang bersifat kelat dan bergetah dikaitkan dengan “tuan muda” yang juga bersifat sedemikian. Dalam konteks ini ‘kelat’ dan ‘bergetah’ mencerminkan ketidakmatangan yang sering dikaitkan dengan generasi muda, seperti buah yang belum masak sepenuhnya dan seterusnya mencetuskan pelbagai perkara negatif. Segelintir daripada mereka mungkin tidak menyedari akibat daripada tindakan mereka atau tidak memikirkan kesan jangka panjang daripada keputusan yang mereka buat. Perkara ini selari dengan maksud pantun pada baris keempat, iaitu “antara dendam rosak binasa”. Dalam konteks ini, penulis pantun mengaitkan sifat ketidakmatangan generasi muda dengan menasihati mereka agar sentiasa berwaspada supaya tidak menyimpan dendam yang boleh merosakkan sesebuah ikatan.

### **Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Tahap ini akan merungkai akal budi masyarakat Melayu yang menuturkan puisi tradisional khususnya pantun bagi menyampaikan sesuatu maksud tersirat. Pelbagai persoalan seperti mengapa unsur buah tersebut dipilih dan bukan buah lain akan dirungkai pada peringkat ini. Pengkaji akan meneroka sehingga berupaya menampilkan akal budi serta falsafah di sebalik pantun yang diujarkan.

Mengapa penulis pantun memilih leksikal “pisang muda” dalam menasihati masyarakat agar tidak menyimpan dendam? Hal ini demikian kerana, buah pisang melambangkan kesejahteraan dan kemakmuran. Sifatnya yang mudah ditanam mencerminkan kesejahteraan kerana berupaya hidup walau di mana-mana jua ia berada. Dapat kita lihat hampir setiap rumah masyarakat dahulu mempunyai pokok pisang kerana sifatnya yang mudah ditanam dan berbuah tanpa mengira musim. Dalam konteks ini leksikal “pisang muda” dipilih kerana sifat matangnya yang boleh disesuaikan dalam pelbagai keadaan secara tidak langsung akan menjurus kepada kesejahteraan. Walaupun rasanya kelat, namun pisang akan menjadi manis jika kita bijak mengolahnya menjadi satu sajian yang menarik. Akal budi yang cuba disampaikan oleh masyarakat Melayu sebenarnya ialah kita hendaklah sentiasa beringat dalam melakukan sesuatu agar dapat menjaga kesejahteraan sesama kita. Frasa “antara dendam badan binasa” secara tidak langsung menyedarkan kita bahawa pentingnya dalam memelihara kesejahteraan dan seterusnya memaafkan agar perasaan dendam tersebut tidak merosakkan hubungan atau kehidupan seseorang.

## 2. Pantun Kiasan Berunsurkan Buah Pisang

---

**Data 2**

---

<b>Pantun</b>	<b>Maksud</b>	<b>Kategori Pantun</b>
Bagaimana nasib bagaimanalah untung, Tanam pisang tidak berjantung, Saya umpama kera lotong, Di mana ranting tumpang bergantung.	Orang yang memerlukan sokongan.	PK

---

### Tahap 1: Semantik Skrip

Berdasarkan data yang dipilih pengkaji, pantun di atas membawa maksud seseorang yang membawa diri tanpa arah tujuan dan memerlukan bantuan atau sokongan untuk meneruskan kehidupan.

### Tahap 2: Semantik Resonans

Berdasarkan kuplet pembayang pantun, “bagaimana nasib bagaimanalah untung, tanam pisang tidak berjantung” mengisahkan seseorang yang mengenangkan dirinya yang kurang bernasib baik apabila pisang yang ditanamnya tidak menjadi. Manakala, kuplet makna pula, “saya umpama kera lotong, di mana ranting tumpang bergantung” mengisahkan seseorang yang menggambarkan dirinya seperti seekor kera lotong yang memerlukan sokongan atau motivasi daripada orang lain untuk terus hidup.

Baris pertama pantun, “bagaimana nasib bagaimanalah untung” dihubungkan dengan baris ketiga pantun, “saya umpama kera lotong” mempunyai hubungan relevan berdasarkan leksikal ‘untung’ dan ‘kera lotong’. Kera lotong sering digambarkan sebagai salah satu daripada spesies haiwan yang lincah dan bijak. Misalnya, berdasarkan Portal Rasmi Rimba Komuniti Shah Alam (SACF), lotong akan mempertahankan habitatnya apabila menerima ancaman daripada pemangsa dengan menggoncang dan mematahkan dahan pokok untuk mengusir mereka. Dalam konteks ini, penulis menekankan bahawa kebijakan seseorang mungkin tidak akan menjamin kejayaan atau kebahagiaan. Malahan, untuk mencapai kejayaan atau memperoleh keuntungan, seseorang memerlukan kemahiran atau kepakaran lain dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Berdasarkan baris kedua pantun pula, “tanam pisang tidak berjantung” dihubungkan dengan makna bagi pantun kiasan ini pada baris keempat, “di mana ranting tumpang bergantung” mempunyai hubungan yang relevan antara frasa ‘pisang tidak berjantung’ dengan

‘tumpang bergantung’. Merujuk Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, frasa “pisang tidak berjantung” membawa maksud usaha yang sia-sia kerana jika tidak berjantung, maka tiada buah yang akan dihasilkannya. Dalam konteks ini, pokok pisang memerlukan jantungnya bagi menghasilkan buah. Perkara ini selari dengan frasa “tumpang bergantung” yang merujuk kepada keadaan yang tidak menentu dalam kehidupan atau dalam situasi tertentu dan seterusnya individu tersebut memerlukan sokongan daripada orang lain bagi dalam menempuh cabaran atau dugaan.

### **Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Penulis pantun menggunakan leksikal ‘pisang’ dalam pantun ini kerana sifat pisang yang tumbuh bertandan, dan setiap buahnya saling bergantung antara satu sama lain. Dalam konteks ini, setiap biji buah pisang tersebut tidak mampu hidup bersendirian dan memerlukan sokongan dari pisang yang lain. Hal ini demikian kerana, sesikat pisang akan melekat dalam satu tandan bersama dengan sikat-sikat pisang lain yang bergantung pada batang tandan. Batang tandan ini pula tumbuh dari batang pisang yang lazimnya ditutupi oleh daun-daun pisang yang lebar. Jika diperhatikan, rumah masyarakat Melayu terutamanya di kawasan kampung akan ada sekurang-kurangnya sepohon pokok pisang dan mungkin ada yang mempersoalkan “apa yang istimewa sangat dengan serumpun pisang”? Namun, di sebalik kesederhanaan serumpun pisang ini tersirat hubungan yang sangat rumit untuk dirungkaikan. Sifat kolektif setiap komponen buah pisang tersebut menggambarkan setiap biji pisang itu memerlukan sokongan untuk terus membesar dan secara tidak langsung dapat diinterpretasikan jika diperhatikan secara mendalam.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa buah pisang bukan sahaja merupakan sejenis buah yang kaya dengan khasiatnya, malah mempunyai nilai yang tersendiri di sebalik pertumbuhan buah tersebut. Jadi, tidak hairanlah jika buah pisang ini pernah 35 menjadi rebutan sehingga tercetusnya peperangan yang begitu besar kerana merebut ladang pisang di Benua Amerika. Peperangan ini dipercayai berlaku kerana pisang pada masa itu diumpamakan seperti seketul emas yang berharga (W. D. Bushnell & Ivan Musicant, 1999).

### **3. Pantun Nasihat Berunsurkan Buah Pinang**

Buah pinang merupakan sejenis buah yang lazim dalam masyarakat di Malaysia dan telah menjadi sebahagian daripada tradisi dan budaya sejak turun-temurun. Buah pinang dengan tradisi dan adat Melayu tidak dapat dipisahkan. Buah ini sangat terkenal dalam masyarakat Melayu dan sering dipadankan dengan daun sirih. Di sebalik khasiatnya yang pelbagai terdapat akal budi yang terkandung di dalamnya. Berikut merupakan data berkaitan buah pinang serta akal budi masyarakat Melayu di sebalik penggunaan buah tersebut.

**Data 3**

---

<b>Pantun</b>	<b>Maksud</b>	<b>Kategori Pantun</b>
Perahu sarat muat pinang, Jangan lenggang timba lagi, Saya jahat jangan dikenang, Orang lain banyak lagi.	Merendah diri.	PN

---

### **Tahap 1: Semantik Skrip**

Secara dasarnya, makna di sebalik pantun ini ialah seseorang yang mempunyai sifat merendah diri. Dalam hal ini, sifat merendah diri tersebut merujuk kepada seseorang yang berupaya menerima dan mengakui khilafnya.

### **Tahap 2: Semantik Resonans**

Kuplet pertama, “perahu sarat muat pinang, jangan lenggang timba lagi” mengisahkan sebuah perahu yang dipenuhi dengan buah pinang dan memerlukan pertolongan secepat mungkin dan tidak berlengah untuk menghulurkan bantuan. Hal ini demikian kerana, mungkin perahu tersebut akan karam kerana terlebih muatan. Kuplet kedua pula, “saya jahat jangan dikenang, orang lain banyak lagi” merupakan tema bagi pantun ini bagi menyampaikan nasihat secara tersirat dan mengisahkan seseorang yang mengakui dirinya tidak berkelakuan baik serta menyatakan bahawa terdapat ramai lagi orang di luar sana yang berperwatakan lebih baik berbanding dirinya. Perkara ini secara tidak langsung menggambarkan sifat penulis yang merendah diri.

Seterusnya, pada baris pertama pantun, “perahu sarat muat pinang” dihubungkan dengan baris ketiga pantun, “saya jahat jangan dikenang” ternyata mempunyai hubungan yang relevan antara “pinang” dan “dikenang”. Umum mengetahui bahawa buah pinang sering digunakan dalam upacara pertunangan atau perkahwinan sebagai simbolik penyatuan dua pihak. Penggunaannya dalam majlis-majlis tersebut secara tidak langsung boleh membangkitkan ‘kenangan’ manis dalam kehidupan seseorang. Dalam pada itu, sebuah kajian yang dijalankan Anderson (2007) mendapati bahawa semasa majlis persandingan sebuah masyarakat di China, pengantin akan membawa bakul yang berisi sirih, pinang dan ramuan untuk diberikan kepada tetamu sambil menyanyi. Setiap tetamu akan menerima sebiji pinang, dan akan menyanyi juga sebagai simbol merestui perkahwinan tersebut.

Manakala, baris kedua pantun, “jangan lenggang timba lagi”, dihubungkan dengan baris keempat pantun, “orang lain banyak lagi” kerana mempunyai hubungan yang relevan. Nasihat yang cuba disampaikan penulis pantun berdasarkan frasa “jangan lenggang timba lagi”

untuk menyeru masyarakat agar tidak berlegh dalam mengejar 43 sesuatu impian. Perkara ini mempunyai hubungan relevannya dengan frasa “orang lain banyak lagi” kerana dalam era yang semakin membangun ini, persaingan dalam pelbagai sektor semakin sengit. Oleh itu, mesej yang cuba disampaikan penulis pantun ialah untuk menyeru masyarakat agar terus mengejar segala impian atau cita-cita tanpa menoleh kebelakang dan merendah diri kerana setiap orang mempunyai masa silam sendiri.

### **Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Buah pinang atau *areca catechu* merupakan sejenis buah palma dan buahnya lazim dimakan dengan sireh. Tumbuhan tropika ini ditanam bagi mendapatkan buahnya serta pokoknya yang unik dijadikan hiasan taman. Dari segi adat, buah pinang bukan sahaja digunakan dalam upacara penyatuan dua pihak, iaitu pertunangan dan perkahwinan, malah turut digunakan dalam ilmu perubatan tradisional. Penggunaan ini mewujudkan hubungan simbolik dengan nilai dan kepercayaan Melayu tradisional.

Dalam konteks akal budi Melayu, penulis pantun menggunakan buah pinang sebagai simbol perpaduan. Hal ini demikian kerana, buah pinang mempunyai warna dan bentuk yang tersendiri dalam satu tandan yang sama. Setiap warna tersebut mempunyai keperibadiannya tersendiri. Setiap gugusan buah pinang digambarkan mewakili kemahiran, kepakaran, keupayaan individu yang berbeza. Apabila digabungkan kemahiran dan kepakaran ini, secara tidak langsung dapat mencipta sebuah komuniti yang seimbang. Bahkan walaupun terdapat perbezaan, kepelbagaian ini mampu menjadi aset dan harus dihargai secara menyeluruh. Perkara ini selari dengan pantun di atas, walaupun setiap individu mempunyai pengalaman yang berbeza, namun apabila disatukan di dalam sebuah komuniti yang sama, ia berupaya melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni. Perkara ini juga boleh dilihat sebagai manifestasi kepelbagaian sosial sebagaimana hirisan pinang digabungkan menjadi satu buah.

Di samping itu, sifat pokoknya yang tinggi dan lurus dan mempunyai buah yang putih empulurnya digambarkan sebagai seseorang yang mempunyai darjat yang tinggi dan baik budi pekertinya. Dalam konteks ini kita dapat lihat penulis pantun menggambarkan seseorang yang merendah diri atas kekhilafannya pada masa lalu. Walaupun begitu, individu yang memiliki budi pekerti mulia, tidak memandang serong dengan keperibadian seseorang yang mempunyai masa lampau yang tidak indah.

#### 4. Pantun Kiasan Berunsurkan Buah Pinang

---

**Data 4**

---

<b>Pantun</b>	<b>Maksud</b>	<b>Kategori Pantun</b>
Buah pinang dalam pagar, Mari jual anak Melayu, Air tenang jangan ditawar, Jadi gelombang saya tak tahu.	Jangan disangka orang diam tidak akan melenting jika diprovokasi.	PK

---

##### **Tahap 1: Semantik Skrip**

Secara harfiahnya, maksud pantun tersebut merupakan kiasan bagi orang yang diam jangan disangka bodoh atau pengecut dan tidak akan melenting jika diprovokasi secara berlebihan.

##### **Tahap 2: Semantik Resonans**

Berdasarkan kuplet pertama pantun, “buah pinang dalam pagar, mari jual anak Melayu” menggambarkan buah pinang yang mungkin baru dikutip dan diletakkan di dalam pagar. Seterusnya, buah tersebut dijual kepada orang Melayu kerana lazimnya orang Melayu gemar mengunyah buah pinang bersama dengan daun sirih sebagai pencuci mulut. Kuplet makna pantun, “air tenang jangan ditawar, jadi gelombang saya tak tahu” memberikan gambaran jangan dikocak air yang tenang kerana bimbang akan terjadi sesuatu yang tidak diingini.

Baris pertama pantun, “buah pinang dalam pagar” dihubungkan dengan baris ketiga pantun, “air tenang jangan ditawar” kerana mempunyai hubungan yang relevan antara frasa ‘buah pinang’ dengan ‘air tenang’. Buah pinang bukan sahaja digunakan dalam menyatukan sesebuah hubungan melalui upacara-upacara penting khususnya pertunangan dan perkahwinan tetapi digunakan juga dalam ilmu perubatan tradisional. Buah pinang mempunyai banyak manfaatnya dan digunakan dalam perubatan spiritual seperti merawat histeria atau gangguan makhluk halus (Azlina Musa, 2022). Perkara ini juga bertepatan dengan kajian Karmila et al., (2023) yang menggambarkan bomoh atau pawang menggunakan buah pinang yang dipotong dan dibungkus dengan daun sirih bagi menghalau makhluk halus. Manfaat buah pinang ini secara tidak langsung memberikan kesan yang dapat ‘menenangkan’ pesakit atau seseorang yang terganggu menerusi perubatan tradisional ini. Bahkan, air juga dapat ‘menenangkan’ api yang tengah marak.

Baris kedua pantun, “mari jual anak Melayu” dihubungkan dengan baris keempat pantun, “jadi gelombang saya tak tahu” kerana mempunyai hubungan yang relevan antara dua baris tersebut. Penulis memfokuskan ‘anak Melayu’ kerana masyarakat Melayu terkenal

dengan sikap keterbukaan. Misalnya, sikap keterbukaan masyarakat Melayu yang berupaya menerima kedatangan pendatang asing dan meraikan kedatangan pihak penjajah. Sejarah membuktikan orang Melayu memberikan taraf kewarganegaraan yang sama kepada orang bukan Melayu walaupun kedatangan mereka hanya bermatlamatkan ekonomi semata-mata (Ayu Nor Azilah et al., 2019). Perkara ini secara tidak langsung membentuk sebuah ‘gelombang’ perpaduan yang unik.

### **Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Penulis pantun menggunakan leksikal ‘pinang’ kerana buah ini melambangkan kekuatan dan keberanian. Buah pinang mempunyai warna yang sangat ceria dan dapat menarik perhatian, iaitu pinang muda berwarna hijau dan apabila tua ia bertukar menjadi kuning atau merah. Kulit pinang yang tebal menyaluti buahnya yang berbentuk bulat dan keras memerlukan alatan yang tajam seperti kacip untuk mengupasnya. Golongan yang tidak mempunyai gigi yang kuat pula memerlukan ‘gobek’ untuk melumatkan dan menghancurkan buah tersebut (Dayang & Lumin, 2017). Perkara ini membuktikan bahawa buah pinang melambangkan kekuatan dan keberanian kerana memerlukan alatan yang tajam dalam proses mengendalikannya. Dalam konteks ini, penulis pantun menggambarkan seseorang yang dianggap bodoh atau pengecut jangan disangka tiada keberanian atau kekuatan untuk melawan jika diprovokasi. Walaupun luaran seseorang tidak mempamerkan kelebihannya, namun dalamannya tiada yang mengetahu.

Maksud pantun di atas juga mempunyai hubungan yang relevan dengan emosi Hang Jebat dalam Hikayat Hang Tuah berdasarkan kajian Muhammad Nor Sahfiq dan Mas Ryna Wati (2021). Berdasarkan kajian tersebut, penulis menyatakan bahawa Hang Jebat berasa berang apabila diprovokasi dengan memanggilnya penderhaka dan bersikap pengecut apabila diajak untuk berlawan. Hang Jebat tetap bersabar dan menahan amarahnya, namun emosinya kian tercabar apabila orang ramai memberi ancaman kepada dirinya sehingga ingin memenggal kepalanya. Perkara tersebut menyebabkan Hang Jebat hilang pertimbangan dan bertindak agresif dengan membunuh penentangannya tanpa mengira jantina. Oleh itu, penulis pantun dalam menyampaikan akal budinya menyarankan masyarakat untuk menyantuni orang lain tanpa memprovokasi mereka.

### **KESIMPULAN**

Secara holistiknya, pembayang yang digunakan dalam pantun Melayu memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu. Unsur alam khususnya buah-buahan yang digunakan dalam pembayang tersebut menggambarkan perasaan atau luahan hati penutur yang disalurkan melalui pantun. Kecendekiaan masyarakat Melayu dapat dipancarkan dengan penciptaan pantun yang sarat dengan nilai yang diambil daripada pengamatan terhadap alam di sekeliling mereka. Melalui pantun ini juga, falsafah dan akal budi Melayu dapat diterjemahkan dengan lebih terperinci.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pantun memerlukan pemahaman yang kompleks



agar dapat mencungkil makna serta akal budi yang terkandung di sebaliknya. Kajian ini bukan sahaja dapat mengetahui makna pantun secara dasar, namun berupaya mencungkil akal budi Melayu dan secara tidak langsung mempamerkan kecendekiaan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Tuntasnya, kita hendaklah berganding bahu dalam memelihara warisan serta khazanah tinggalan masyarakat dahulu agar dapat dijadikan pengajaran dan teladan generasi akan datang.

## RUJUKAN

- Azirawati, A. R., Nor Raudah, H. S., & Yusmini, M. Y. (2021). Kaedah Komunikasi Keluarga dalam Surah Āli ‘Imrān Ayat 159: Kajian Amalan Mualaf Cina di Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 49(1), 27–53. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no1.2>
- Azlina, M. (2023). Khasiat Tumbuhan Herba dalam Sulalatus Salatin. *International Journal of Creative Future Heritage (TENIAT)*, 11(2), 121–140.
- Eizah, M. H., Norhamizah, H., & Nur Yuhanis, M. N. (2017). Simbol Tumbuhan dalam Pantun melayu Bingkisan Permata. *PENDETA Ournal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 23–35.
- Faezah, K., & Norazlan, H. Y. (2018). Tradisi “Merantau” Masyarakat Melayu Berdasarkan Puisi Tradisional (Pantun). *Jurnal Perspektif: Special*, (1), 123–135.
- Fahmy, R. A. (2019). Peluang kedua elak bekas banduan tersisih. *BH Online*.
- Faris Najmi, R., Nurfitri Haikal, Z., Irdina Azizi, K. A., & Rizafiazah, O. (2022). Hidrogel Selulosa Serat Batang Pisang Sebagai Medium Pertanian. *Journal of Polymer Science and Technology*, 7(1), 61–66.
- Hanis Mastura, Y. (2023, June 13). *Durian: Manfaat Atau Mudarat?*. Dewan Kosmik. <https://dewankosmik.jendeladbp.my/2023/06/13/7474/>
- Ho, W. S., & Nor Hashimah, J. (2019). Bahasa Kiasan dalam Lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231–258.
- Julaina, N., Nor Hashimah, J., & Junaini, K. (2018). Makanan Berangin dan Berbisa dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(1), 27–40.
- Khairulanwar, A. G., & Noriah, M. (2019). Analisis Sosiosemiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Nasihat. *Journal of Advanced Research Design*, 57(1), 1–20.
- Kurik Kundi Merah saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maulana Al-Fin, C. M., & Nor Hashimah, J. (2022). Fenomena Alam dalam Pantun

Melayu.

*Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 161–176.

Maulana Al-Fin, C. M., & Nor Hashimah, J. (2018). Unsur Burung Dalam Pantun: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1–15.

Maulana Al-Fin, C. M., Nor Hashimah, J., & Junaini, K. (2022). Latar Geografi Maritim dan Akal Budi Melayu dalam Pantun. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 10(2), 33–46. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/jatma-2022-1002-04>

Mohammad Khairulanwar, A. G., & Noriah, M. (2020). Analisis Semantik Inkuisitif: Simbol “Bunga” dalam Pantun Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 036–048.

Mohd Alif, J., Nazirah, H., Fauziah, I., & Mohd Rahim, K. (2022). Gelandangan Bekas Banduan: Suatu Perbincangan Tentang Faktor dan Kesan Bergelandangan Serta Langkah Intervensi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001679–e001679. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1679>

Mohd Rosli, S. (2013). Puisi Melayu Tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 1–13.  
Muhammad Fadzillah, H. Z. (2017). Analisis Pemetaan Metafora Unsur Flora dan Fauna Dalam Pantun Melayu : Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Bahasa, Budaya Dan Warisan Melayu*, 4(1), 17–32.

Muhammad Nor Sahfiq, A., & Julaina, N. (2020). Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. . . *International Young Scholars Journal of Languages*.

Muhammad, H. S. (2023). Pantun Melayu: Penelitian Terhadap Keindahan dan Keunikannya dalam Masyarakat. *Malay Literature*, 36(1), 47–64. [https://doi.org/http://doi.org.10.37052/ml36\(1\)no3](https://doi.org/http://doi.org.10.37052/ml36(1)no3)

Nazarudin, S. (2022). 41 gelandangan kembali ke pangkuan keluarga. *Kosmo*.

Noor Hasnoor, M. N., & Eizah, M. H. (2020). Konsep Ruang dalam Bahasa dan Pemikiran Menerusi Pantun Melayu, *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 384–414. <https://doi.org/https://mjlis.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/27646>

Nor Hashimah, J. (2020). Objek dalam Metafora dan Akal Budi Melayu . *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2), 199–222. [https://doi.org/https://doi.org/10.37052/jm.13\(2\)no2](https://doi.org/https://doi.org/10.37052/jm.13(2)no2)

Nor Hashimah, J. (2020). Objek dalam Metafora dan Akal Budi Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2), 199–222.

- Nor Sahara, M. (2022). Manifestasi Penciptaan Pantun Berlagu dalam Cerita Rakyat Negeri Pahang. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1(17), 27–34.
- Nurul Aminah, B., & Hasnah, M. (2014). Interpretasi Pantun daripada Perspektif Semiotik. *Jurnal Linguistik*, 18(1), 001–009.
- Norazimah, Z., Azlina, A., Sharifah Zarina, S. Z., Mimi Hanida, A. M., Alizah, L., Siti Salwa, J., Mashitah, S., & Rosmah, D. (2017). Akal Budi dan Cerminan Jati Diri Melayu dalam Pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Shah*, 4(2), 89-97
- Portal Rasmi JAKIM. (2020). Tadabbur Kalamullah 3 syawal 1441h - Kukuhkan Hubungan Dengan Allah Dan Sesama Manusia. <https://www.islam.gov.my/en/e-penerbitan/2499-tadabbur-kalamullah-3-syawal-1441h-kukuhkan-hubungan-dengan-allah-dan-sesama-manusia>
- Raihan, M. I., Saadan, M., Noor Naemah, Abd. R., & Norhidayah, P. (2019). Pengalaman Wanita Hamil dalam Masyarakat Melayu dari Perspektif Islam. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 191–224.
- Rizki, I. K., & Lailatul, M. (2016). Gambaran Sosio Budaya Gizi Etnik Madura dan Kejadian Stunting Balita Usia 24-59 Bulan di Bangkalan. *Media Gizi Indonesia*, 11(2), 135–143.
- Rukayah, A. (2016). *Buah-Buahan Nadir Dan Buah-Buahan Liar Semenanjung Malaysia*. Siti Hajar, C. M. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *Nternational Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 75–81.
- Siti Noraisyah, B., & Julaina, N. (2021). Falsafah dan Akal budi dalam Peribahasa Melayu Berobjekkan Jagung dan Nangka: Perspektif Melayu dan Islam. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1), 46–64.
- Siti Zaleha, I., Phayilah, Y., & Mohd Norzi, N. (2022). Manfaat Buah-Buahan Terpilih Dalam al-Quran Dari Perspektif Hadis Nabi SAW dan Sains. *Journal Hadis*, 13(24), 18–26.
- Srikandi Saemah, S., & Mary Fatimah, S. (2020). Teori Relevans dalam Pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47–54.
- Suhaini, M. N., & Mohd Faizal, M. (2021). Fungsi Makanan dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 59–67. <https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0902-06>
- W.D, B., & Ivan, M. (1991). The Banana Wars: A History of United States Military Intervention in Latin America from the SpanishAmerican War to the Invasion of Panama. *Naval War College Review*, 44(4), 128–130.

- Zahir, A. (2005). Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosiobudaya dan Pensejarahan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 241–254.
- Zarina, T., & Anida, S. (2018). Metafora Bunga Kiambang dalam Pantun Melayu Berdasarkan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(16), 01–17.
- Zuliana, Z., Nor Aisyah, A., & Nor Athirah, M. I. A. S. (2023). Nilai-nilai Islam dalam Buku Kurik Kundi Merah Saga: Analisis Semantik Inkuisitif. *E-Prosiding Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-8 (PASAK8 2023)*, 1393–1409.

## **TEKNIK SIADIBAMBEY DALAM TEKS PEMAHAMAN BAHASA MELAYU TAHUN ENAM**

Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan Sarawak

### **Abstrak**

Pengajaran bahasa Melayu yang berkualiti dan berkesan amat penting dalam menjamin penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang baik. dalam pembelajaran bahasa Melayu, murid sering menghadapi masalah untuk memahami petikan teks yang dibaca. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti teks bacaan pemahaman bahasa Melayu tahun 6. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengadaptasi Teknik Siadibambey (Jais Sahok, 2016) dalam teks bacaan pemahaman murid tahun enam. Sebanyak 5 buah petikan bacaan pemahaman datipada teks bahasa Melayu yang dipilih untuk diaplikasi dengan menggunakan Teknik SIADIBAMBEY. kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui analisis teks yang dikaji. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa teks bacaan pemahaman Bahasa Melayu tahun 6 menggunakan pelbagai aras soalan yang terdapat dalam Teknik SIADIBAMBEY.

### **PENGENALAN**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bukan sahaja akan membentuk pengetua, guru besar dan guru berprestasi tinggi dan futuristik malah melahirkan pelajar berfikiran kritis dengan kemahiran berkomunikasi. Perkara itu disuarakan beberapa pengetua dan guru besar yang ditemui Bernama baru-baru ini, sambil menjelaskan PPPM merupakan dasar pendidikan negara yang dibentuk sesuai dengan perkembangan semasa dunia pendidikan yang semakin mencabar. pelajar yang kita lahirkan nanti mampu menyelesaikan masalah secara praktikal, klinikal dan logik. Maknanya penyelesaian itu boleh diterima akal dan penyelesaian itu kita panggal realistik iaitu bersesuaian dengan situasi semasa.

Berdasarkan misi dan visi Kementerian Pendidikan, PPPM yang kini memasuki gelombang kedua antara lain berobjektif melahirkan modal insan yang berkebolehan untuk belajar, bekerja, berkomunikasi dan berkebolehan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan baik. Gelombang tiga dari 2021-2025 akan memfokuskan kepada anjakan ke arah kecemerlangan dengan peningkatan keluwesan operasi. Pada permulaan gelombang tiga ini, semua sekolah, guru dan pengetua/guru besar perlu menunjukkan prestasi melebihi standard minimum. Pada masa itu, semua pengetua/guru besar mesti berprestasi tinggi keseluruhannya.

Dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), cabaran utama adalah untuk menentukan keperluan setiap pelajar semasa proses ini dijalankan. Tanggungjawab guru dalam memperbaiki proses PdP supaya menjadi lebih berkesan menjadi asas utama. Antara

elemennya ialah, meningkatkan ilmu pengetahuan tentang mata pelajaran yang ingin diajar, kemahiran untuk mengajar mata pelajaran tersebut, dan sikap yang perlu dimiliki untuk menerima sebarang perubahan dalam sistem pendidikan (Rajendran, 2002). Untuk menjayakan supaya pelajar yang dihasilkan mempunyai kemahiran dalam KBAT, sistem pendidikan perlu merancang kurikulum yang bersesuaian, kesedaran dan kompetensi guru dalam melaksanakannya dalam proses PdP, bahan yang akan dijadikan rujukan dan panduan, kaedah penilaian yang akan dijalankan oleh guru serta taksonomi untuk pengajaran dalam menerapkan elemen KBAT di dalam kelas (Rajendran, 2008). Kesiediaan guru dalam pengajaran elemen KBAT semasa mengendalikan proses PdP selaras dengan perubahan sistem pendidikan pada masa kini merupakan salah satu pemboleh ubah utama dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu perubahan tersebut. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2000), perubahan terhadap pemikiran guru dalam mengendalikan PdP di dalam bilik darjah perlu dilakukan dan satu inovasi dibangunkan bagi menggalakkan guru menjalankan pengajaran lebih kepada berpusatkan pelajar dan menggunakan pelbagai strategi dan teknik untuk melibatkan pelajar supaya lebih aktif. Perkins (2003), dalam kajiannya menyatakan bahawa guru perlu merancang kaedah pengajaran yang dapat menggalakkan pelajar untuk berfikir dengan idea yang bernas semasa sesi PdP di dalam kelas. Hassan et al. (2006), menyatakan bahawa guru perlu memberi kebebasan kepada pelajar untuk berfikir dan mengkritik pandangan atau menjana idea-idea yang dianggap radikal bagi memberi kepuasan kepada pelajar dalam proses PdP.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengadaptasi Teknik Siadibambey dalam teks pemahaman bahasa Melayu tahun enam.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian tentang pemahaman teks bacaan bahasa Melayu telah banyak dilakukan oleh penyelidik. Hasil kajian tersebut telah banyak diterbitkan. Kajian tentang teks kefahaman bahasa telah dirumuskan dalam dapatan sorotan kajian yang terpilih.

Amrullah et al. (2018) dalam kajiannya yang bertajuk Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Karangan UPSR oleh Guru Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes yang bertujuan untuk meneliti bagaimana guru Bahasa Melayu di sekolah rendah harian memberi respons terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam penulisan karangan. Kajian melibatkan empat guru, dua lelaki dan dua perempuan, dari sebuah sekolah di daerah Petaling Jaya. Kaedah kualitatif digunakan melalui kajian kes dan temu bual. Dapatan menunjukkan guru menggunakan peta I-Think, soal jawab aras tinggi, tetapi kurang menggunakan sumbang saran dan perbincangan projek. Walaupun yakin dengan KBAT, mereka menghadapi masalah disebabkan kepelbagaian kecerdasan murid. Masalah ini dapat diatasi dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran. Guru menyesuaikan aras KBAT berdasarkan kecerdasan murid. Dapatan kajian ini penting untuk meningkatkan pengajaran

KBAT dalam penulisan karangan UPSR oleh guru Bahasa Melayu.

Seterusnya, dengan menelusuri kajian yang telah dilaksanakan oleh Norziana et al. (2020) iaitu Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah yang menekankan pengaplikasian elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) menyorot ketidaksepakatan antara kehendak Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dengan pelaksanaannya yang masih belum sepenuhnya dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penerapan elemen KBAT dalam aktiviti pembelajaran Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) berdasarkan jenis kemahiran bahasa, jenis kemahiran KBAT, dan Unit Pelajaran. Kajian ini menggariskan perlunya penekanan yang lebih besar terhadap penerapan KBAT dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kesimpulannya, walaupun terdapat usaha untuk mewujudkan integrasi KBAT dalam kurikulum, namun cabaran dalam pelaksanaannya masih menjadi kebimbangan. Ini menekankan keperluan untuk terus menyemarakkan penggunaan elemen KBAT dalam pembelajaran bahasa Melayu bagi memastikan pemeraksanaan pelajar dalam kemahiran berfikir kritis dan kreatif.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian yang dijalankan oleh Nur Shahirah Mat Isa et al. (2021) yang bertajuk Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Guru Bahas Melayu Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas menekankan bahawa trend terkini dalam sistem pendidikan bahasa Melayu adalah pembudayaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP). KBAT melibatkan kemahiran membuat penilaian, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, berinovasi, dan mencipta sesuatu. Pembelajaran berbentuk penyelesaian masalah, penaakulan, projek, inkuiri, dan lain-lain memainkan peranan penting. Pelajar perlu memahami, menggabung, dan menghubungkan maklumat untuk menghasilkan pemahaman baru. Mereka juga perlu berfikir kreatif dan kritis serta menggunakan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah. Usaha penerapan KBAT diharapkan dapat melahirkan insan yang seimbang dan bertanggungjawab, yang berani mengambil risiko dan dapat menghadapi cabaran dengan pembudayaan KBAT.

## **KERANGKA TEORETIS**

Kajian ini menggunakan Teknik SIADIBAMBEY oleh Jais Sahok 2016. Teknik SIADIBAMBEY mengetengahkan siapa, di mana, bagaimana, berapa dan yang mana dalam memahami teks bacaan pemahaman dalam buku teks bahasa Melayu tahun 6.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ialah penggunaan cara yang paling berkesan bagi mencapai objektif kajian. Maka, kajian ini adalah kajian secara kualitatif iaitu menggunakan kaedah aplikasi Teknik Siadibambey dalam teks bacaan pemahaman Bahasa Melayu tahun 6. Kaedah kualitatif

menurut Fauzi Hussin (2020) ialah pengumpulan data yang hanya melibatkan pengekodan yang bertujuan untuk menjelaskan serta memahami sesuatu fenomena yang berkepentingan.

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Berikut merupakan dapatan daripada hasil analisis beberapa teks pemahaman yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 KSSR. Setiap daripada teks tersebut telah diambil daripada 5 tema yang berbeza iaitu Kekeluargaan, Kesihatan dan Kebersihan, Perpaduan, Ekonomi, Keusahawan dan Pengurusan Kewangan, dan Kebudayaan, Kesenian dan Estetika. Hal ini adalah untuk membuktikan keberkesanan teori ini dalam membantu pemahaman murid.

**TEMA: KEKELUARGAAN**

**Pengukuhan**

Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang berikutnya.

**Keluarga Bahagia**

Selamat pagi dan salam sejahtera, guru-guru dan rakan-rakan uana saya kasih. Pada pagi ini, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk **Keluarga Bahagia**.

Hadirin sekalian,

Keluarga bahagia ialah keluarga yang saling memahami serta menerima kelebihan dan kekurangan antara satu sama lain. Ahli keluarga tidak mementingkan diri. Sebaliknya, mereka mengambil berat tentang kebajikan ahli keluarga yang lain.

Ibu bapa memainkan peranan penting untuk membina keluarga bahagia. Mereka mestilah memberikan kasih sayang yang secukupnya dan melayan anak-anak baagai menatana minua uana penuh. Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab untuk meluangkan masa dengan anak-anak.

Selain itu, anak-anak juga berperanan untuk memupuk keluarga bahagia. Abang atau kakak perlu membantu ibu bapa untuk meringankan beban mereka. Sebagai contoh, mereka hendaklah meniaga adik, mengemas rumah dan membasuh pakaian. Dengan itu, ibu bapa tidaklah terlalu tertekan apabila pulang ke rumah setelah penat bekerja.

Hadirin yang saya hormati,

Kesimpulannya, pembentukan keluarga bahagia memerlukan pengorbanan dan tolak ansur ahli keluarga. Saya berharap semoga keluarga yang bahagia dapat diwujudkan dalam masyarakat kita. Saya akhiri syarahan ini dengan serangkap pantun.

Jambu batu di dalam raga,  
Dimakan kera tinggal sekerat;  
Saling membantu ahli keluarga,  
Hubungan mesra terjalin erat.

Sekian, terima kasih.

1. Apakah maksud keluarga bahagia?
2. Bagaimanakah ibu bapa dapat membentuk keluarga bahagia?
3. Sebagai anak, jelaskan peranan kamu untuk membentuk keluarga bahagia.
4. Huraikan maksud pantun di atas.
5. Apakah kesan keluarga bahagia kepada negara? Jelaskan.

2.1.1

KPM

Aras soalan: Siapa

Aras soalan: Bagaimana

Aras soalan: siapa

Aras soalan: Apa

Aras soalan: Mengapa

Berikut merupakan dapatan teks pemahaman yang bertemakan Kekeluargaan. Pada halaman tersebut, didapati bahawa pengaplikasian teknik SIADIBAMBEY dalam membantu pemahaman murid tahun 6. Contohnya, yang dilabel merah adalah soalan aras "Apa". Di dalam teks tersebut menyentuh tentang Keluarga Bahagia, apabila hendak memastikan murid ini faham konteks teks ini berkaitan dengan apa, maka, soalan jenis apa amatlah sesuai untuk digunakan. Selain itu, yang dilabel kuning pula adalah soalan yang sesuai dengan aras "siapa".



Dalam sesuatu teks, akan ada beberapa pihak yang akan memainkan sesuatu peranan, begitu juga dengan teks di atas. Dalam teks tersebut, amat jelas menunjukkan terdapatnya dua pihak iaitu “Ibu Bapa” dan “Anak-anak”. Maka, aras soalan yang sesuai ditanyakan kepada murid adalah soalan aras siapa. Hal ini adalah untuk membantu murid memahami pihak-pihak yang memainkan peranan mereka melalui perspektif pihak yang berbeza. Teks yang dilabel hijau pula adalah soalan yang lebih tinggi (KBAT). Aras ini memerlukan pemikiran kritis murid menganalisis teks tersebut sama ada untuk mengenal pasti isi tersurat mahupun tersirat. Pada teks tersebut, frasa “meluangkan masa dengan anak-anak” adalah jelas menerangkan langkah atau cara ibu bapa untuk membina keluarga bahagia, hal ini adalah menjelaskan konteks pemahaman murid dalam melakukan perkaitan antara konteks keseluruhan teks dan isi-isi tersirat di dalamnya. Maka, untuk memastikan murid faham tentang langkah-langkah, maka soalan jenis bagaimana adalah amat sesuai untuk ditanyakan kepada murid. Akhir sekali, kata yang dilabel biru adalah menunjukkan soalan jenis “mengapa”, soalan aras ini juga merupakan soalan aras tinggi (KBAT). Soalan aras ini adalah untuk menunjukkan perkaitan antara sebab dan kesan dalam sesuatu perkara. Dalam teks tersebut pula adalah untuk menunjukkan sebab mengapa anak-anak patut membantu ibu bapa. Maka, untuk memastikan murid itu pandai dan faham untuk mengaitkan antara kesan dan sebab, maka soalan aras mengapa ini amat sesuai untuk ditanyakan kepada murid. Oleh itu, melalui analisis teks di atas, maka jelaslah bahawa teori ini amatlah sesuai untuk membantu murid tahun 6 dalam menguasai teks pemahaman.

***Tema Kesihatan dan Kebersihan***

**TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

Aras soalan: Berapa

Aras soalan: Apa

**Penjagaan Diri Remaja**

Izzah ingin mengetahui panduan penjagaan kebersihan diri. Dia melayari laman sesawang untuk mendapatkan maklumat tersebut.

Aras soalan: Siapa

**Enam Panduan Penjagaan Kebersihan Diri untuk Remaja**

Aras soalan: Berapa

Aras soalan: Di mana

**Memelihara Kulit**  
Cuci muka dengan pencuci muka yang sesuai. Kulit remaja sangat sensitif dan mudah ditumbuhi jerawat. Kulit yang kering juga akan kelihatan lesu.

**Memberus Gigi**  
Semasa memberus gigi, jangan lupa memberus kawasan lidah untuk membersihkan udara di dalam mulut. Kebersihan gigi penting agar nafas kamu sentiasa segar dan tidak berbau.

Aras soalan: Mengapa

Aras soalan: Bila

**Membersihkan Badan**  
Gosok badan dengan menggunakan berus atau span untuk membuang sel-sel kulit mati ketika mandi. Gunakan sabun yang sesuai dengan kulit kamu.

**Mengawal Bau Badan**  
Gunakan pewangi badan dan produk antipeluh yang sesuai untuk menhilangkan bau badan. Perubahan hormon dalam diri remaja menyebabkan masalah bau badan.

**Membersihkan Rambut**  
Cuci rambut dua atau tiga kali seminggu. Rambut yang tidak dirawat akan menghasilkan ketamair yang menjadi punca keguguran rambut dan rambut yang berbau.

Aras soalan: Bagaimana

**Membersihkan Kuku**  
Pastikan kuku sentiasa pendek bagi mengelakkan kuman dan kotoran berkumpul. Berhati-hati semasa mengelip kuku agar kamu tidak menyalap penyakit.

(Sumber: Buku Teks Pendidikan Kesihatan Tahun 6, 2015, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Aras soalan: Bagaimana

**Rumusannya, untuk memastikan penjagaan kebersihan diri remaja sempurna, mereka perlu**

**Aktiviti**

Baca teks dan buat rumusan.

32 KPM

2.2.1

- Bimbing murid membaca, memahami, dan menaakul bahan multimedia.
- Bimbing murid membuat rumusan.

- Strategi PJP: Pembelajaran Konstruktivisme
- EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

- KBAT: Menganalisis – Menilai

Teks yang berikutnya pula diambil daripada tema Kesihatan dan Kebersihan iaitu pada muka surat 32 dalam buku teks Bahasa Melayu tahun 6. Jika kita perhatikan teks tersebut, Teknik ini juga berjaya diterapkan dalam teks tersebut. Hal ini dapat kita lihat pada tajuk teks tersebut, terdapat tiga aras soalan yang berbeza. Sama seperti teks sebelumnya, yang dilabel merah adalah soalan aras apa. Soalan aras ini biasanya untuk menunjukkan konteks atau idea utama mengenai teks pemahaman, dalam konteks teks di atas, soalan aras ini menggambarkan teks tersebut membincangkan tentang “Panduan Penjagaan Kebersihan Diri”. Oleh itu, soalan aras “apa” ini adalah amat sesuai untuk memberi pemahaman dan gambaran penuh kepada murid tentang keseluruhan perbincangan atau maklumat yang terdapat dalam teks. Selain itu, dalam tajuk itu juga terdapat aras “siapa”. Dalam konteks teks tersebut, hal ini untuk menunjukkan peranan pihak siapa yang memerlukan panduan untuk menjaga kesihatan diri ini. Soalan aras siapa ini adalah amat sesuai untuk memastikan murid faham siapakah audiens yang menjadi sasaran dalam sesuatu teks tersebut, contohnya teks di atas adalah untuk remaja. Aras soalan yang ketiga yang terdapat dalam tajuk teks tersebut adalah soalan aras berapa. Hal ini kerana, dalam tajuk tersebut sudah menetapkan dengan jelas bahawa terdapat enam panduan untuk menjaga kebersihan diri buat remaja. Soalan jenis berapa ini adalah jelas untuk memastikan murid faham tentang sesuatu kuantiti, bilangan, mahupun jumlah sesuatu item yang terdapat dalam teks. Namun, dalam teks ini, kata “enam” ini memainkan peranan yang signifikan dalam memperkenalkan teks tersebut kerana ianya telah menjadi ketetapan kepada jumlah ‘panduan’ yang terdapat di dalamnya.

Pada bahagian isi teks pula, terdapat lagi empat aras soalan yang berbeza dan dua daripadanya adalah aras yang lebih tinggi. Antaranya termasuklah soalan jenis di mana. Soalan jenis ini adalah untuk memastikan murid faham tentang arah, tempat, atau latar tempat mengenai sesuatu konteks dalam sesuatu teks tersebut. Dalam teks tersebut, yang dilabel hijau tua adalah soalan aras di mana, maka frasa “kawasan lidah” adalah merujuk kepada tempat yang menjadi kawasan untuk memberus gigi. Seterusnya, soalan jenis bila pula merujuk kepada masa, tarikh, mahupun ketika. Dalam teks tersebut, soalan aras bila ini merujuk kepada kekerapan sesuatu kelakuan, contohnya kekerapan untuk mencuci rambut dalam tempoh seminggu. Hal ini jelas dapat membantu murid memahami masa dan kekerapan tentang sesuatu perbuatan yang ingin diamalkan. Seterusnya, dalam teks tersebut juga terdapat dua soalan aras yang lebih tinggi. Antaranya ialah bagaimana iaitu pada kata yang dilabel hijau muda. Aras bagaimana ini dapat merujuk kepada cara kita melakukan sesuatu perkara. Dalam teks tersebut, telah ditekankan bahawa cara untuk mengetip kuku adalah secara berhati-hati. Perkara seperti ini mudah menjadikan murid terlepas pandang, maka soalan aras bagaimana ini dapat membantu murid meneliti teks dengan teliti di samping mampu memahaminya. Soalan terakhir yang terdapat dalam teks tersebut adalah soalan jenis mengapa iaitu perkaitan antara sebab dan kesan. Bahagian teks yang telah dilabel biru mampu menjadi bukti kepada pengaplikasian teknik SIADIBAMBEY dalam teks tersebut. Dalam teks tersebut, aras mengapa ini merujuk kepada kesan-kesan kepada jika tidak menjaga kebersihan diri, maka soalan seperti “mengapakah menjaga kebersihan diri itu penting?” boleh diajukan kepada murid untuk membantu mereka terhadap kesan / kepentingan untuk menjaga kebersihan diri ini. Oleh itu, jelaslah bahawa teknik ini mampu membantu murid tahun 6 dalam memahami teks yang

terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu tahun 6.

### Tema Perpaduan

**TEMA: PERPADUAN**

**Berita Borneo**

**Menyemai Semangat Perpaduan melalui Perkhemahan**

**KUDAT 26 Jun** - Usaha menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum, budaya, dan agama di Malaysia tidak mudah dicapai dalam masa yang singkat. Sehniknya in hasrat ini memerlukan proses yang panjang dan berterusan, menurut Endik Shaarani bin Mahmud, Guru Besar SK Bitara Jaya.

Menurut beliau: Sabah menunjukkan contoh semangat perpaduan melalui 32 suku kaumnya. Dalam hal ini, rakyat Sabah menerima dan menghargai kepebagiaan yang wujud. Seterusnya, rakyat Sabah menjadikannya sebagai asas bagi menandakan kekuatan untuk kepentingan bersama.

"Hidup harmoni, muhibah, dan toleransi dalam suasana perpaduan tidak akan membuatkan kita kehilangan identiti. Perpaduan memerlukan keikhlasan untuk kita menikmati pembangunan tanpa rasa syak wasangka," tambah beliau lagi.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian program Perkhemahan Perdana Unit Beruniform, SK Bitara Jaya. Perkhemahan yang melibatkan murid pelbagai kaum itu diadakan selama tiga hari dua malam di Kem Semangat Waia.

Antara kegiatan dalam perkhemahan tersebut termasuk merentas nutan, turun cenuram, luncur keluana, dan kembara berandu arah. Kegiatan ini bermatlamat untuk menerapkan kejujuran, semangat sepaduan, dan sikap kerjasama.

**Aktiviti**

Baca teks dan nyatakan ilmu dan nilai daripada teks tersebut. Kemudian, persembahkannya dalam pelbagai bentuk.

**Nota Guru**

2.3.2

- Bimbing murid membaca dan menghargai ilmu dan nilai yang terkandung dalam bahan.
- Bimbing murid mempersembahkan bahan dalam pelbagai bentuk.

Strategi Pdp: Pembelajaran Kontekstual KBAT: Menganalisis – Mentafsir  
EMK: Nilai Murni – Kegigihan

89  
KPM

Aras soalan: Apa

Aras soalan: Di mana

Aras soalan: Bila

Aras soalan: Berapa

Aras soalan: Mengapa

Aras soalan: Bagaimana

Aras soalan: Siapa

Aras soalan: Di mana

Aras soalan: Di mana

Teks ketiga yang dianalisis telah diambil pada muka surat 89 dan merupakan salah satu teks dalam tema perpaduan. Dalam teks tersebut juga telah berjaya mengaplikasikan teknik SIADIBAMBEY ini bagi membantu murid tahun 6 memahami teks pemahaman tersebut. Aras soalan yang pertama adalah soalan jenis "apa" iaitu teks yang dilabel merah. Dalam teks tersebut, ianya membincangkan semangat perpaduan, maka soalan aras 'apa' amatlah sesuai digunakan untuk memastikan murid faham tentang konteks teks tersebut. Namun begitu, pada tajuk teks tersebut, terdapat juga satu aras soalan yang lebih tinggi iaitu soalan aras bagaimana. Walaupun konteks teks tersebut adalah mengenai semangat perpaduan, namun cara untuk memupuk semangat perpaduan adalah dengan perkhemahan. Maka, soalan bagaimana ini amatlah sesuai ditanyakan kepada murid untuk memastikan mereka faham perkaitan antara

perkhemahan dan semangat perpaduan. Berbanding teks yang sebelumnya, teks ini dimulakan dengan menjelaskan dua jenis soalan yang berbeza iaitu di mana dan bila. Hal ini adalah bertujuan untuk memberikan gambaran tentang latar tempat dan latar masa bagi membantu menjadikan pemahaman tentang sesuatu peristiwa itu menjadi lebih mudah. Dalam teks tersebut, telah dijelaskan bahawa peristiwa ini mengambil tempat di Kudat dan berlaku pada 26 Jun. Selain itu, terdapat juga soalan aras berapa dalam teks tersebut. Hal ini dapat diperhatikan pada kata yang dilabelkan dengan warna kuning yang telah menyatakan bilangan kepada sesuatu perkara, dalam konteks teks ini ianya merujuk kepada jumlah bilangan suku kaum (32) yang terdapat di Sabah. Maka, soalan aras berapa amatlah sesuai untuk membantu murid dalam memahami jumlah ataupun bilangan sesuatu dalam sebuah teks. Akhir sekali, terdapat juga soalan jenis mengapa yang telah dilabelkan dengan warna biru untuk membantu murid memahami perkaitan antara sebab dan kesan. Dalam konteks teks ini, soalan jenis ini dapat diajukan kepada murid untuk membantu mereka memahami mengapa kegiatan perkhemahan adalah penting. Oleh itu, jelaslah bahawa teknik SIADIBAMBEY ini mampu membantu murid memahami sesuatu teks yang dibacanya.

***Tema Ekonomi, Keusahawan dan Pengurusan Kewangan***

**TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

**Membaca**  
**Belangkas Sumber Rezeki**

Izzah mengikuti ayahnya ke Majlis Perasmian Pusat Pengumpulan Belangkas Seri Indah. Dia terfikir akan ucapan yang disampaikan oleh Pegawai Jabatan Perikanan dalam majlis tersebut.

Yana, satu hormat Tuan Pengerusi Majlis. Yang Berusaha Encik Saiful bin Zin, Ketua Kampung Seri Indah, dan sekalian yang hadir.

Terdahulu saya mengucapkan tahniah kepada para nelayan yang telah berjaya mewujudkan pusat pengumpulan belangkas ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasih.

Bagi sesetengah orang, belangkas merupakan haiwan yang mengganggu nelayan kerana merosakkan jaring mereka. Namun begitu, tangkapan belangkas sebenarnya dapat meningkatkan pendapatan yang lumayan. Dalam hal ini, Encik Azman bin Salihin ialah nelayan yang boleh kita contoh. Beliau pada awalnya hanya nelayan pinggir pantai yang menggunakan bal kecil. Kini, beliau menjadi nelayan yang berjaya setelah mengeksport belangkas ke luar negara. Sekarang, beliau telah mula menernak belangkas secara komersial pula.

Nelayan kampung ini wajar mengambil peluang atas keajaiban Encik Azman. Para nelayan boleh menjual belangkas di pusat pengumpulan ini. Syukurlah milik Encik Azman pula akan mengeksport belangkas tersebut ke luar negara.

Hadirin sekalian,

Dengan ini, saya merasmikan pembukaan Pusat Pengumpulan Belangkas Seri Indah. Saya akhiri ucapan ini dengan dua rangkap pantun.

Burung undan di tepi perahu. Dengan bingkis terbang bertiga.  
 Dengan bingkis terbang bertiga. Di pohon ara hinggap sebatias.  
 Buah badan sipalah yang tahu. Tangkap belangkas untuk berniaga.  
 Tangkap belangkas untuk berniaga. Di luar negara terjaul lais.

Apakah pendapat Izzah tentang Encik Azman dan perusahaannya?  
 Encik Azman seorang yang kerana  
 Saya merasmikan perusahaan ini akan

**Aktiviti**

Baca teks. Kemudian, lengkapkan Peta Bulatan untuk membuat ramalan tentang perusahaan belangkas.

**Nota Guru**

2.3.1

- Bimbing murid membaca dan menganalisis maklumat berdasarkan bahan.
- Bimbing murid membuat ramalan.

Strategi PdP: Pembelajaran Konstruktivisme KBAT: Menganalisis – Meramalkan  
 EMK: Nilai Murni – Rasional

169  
 KIPM

Dengan meneliti petikan yang bertemakan Ekonomi, Keusahawan dan Pengurusan Kewangan dan bertajuk “Belangkas Sumber Rezeki,” terdapat pengaplikasian Teknik SIADIBAMBEY di dalam petikan bagi memudahkan pemahaman murid tahun 6. Antaranya, yang telah dilabelkan dalam kotak merah, iaitu soalan aras “Apa.” Soalan ini

mampu membantu murid untuk mengenal pasti objek yang ditekankan dalam keseluruhan teks iaitu Belangkas yang telah menjadi lubuk rezeki Encik Azman. Seterusnya, aras soalan “Di mana” di dalam petikan tersebut berupaya meningkatkan pemahaman murid berkaitan dengan sesuatu arah destinasi yang dinyatakan. Bukan itu sahaja, Selain itu, yang dilabel kuning pula adalah soalan yang sesuai dengan aras “siapa”. Dalam sesuatu teks, akan ada beberapa pihak yang akan memainkan sesuatu peranan dan dalam teks tersebut, terdapat peranan Encik Azman yang merupakan seorang nelayan menjadikan belangkas sebagai sumber rezeki. Selain itu, terdapat aras soalan “Mengapa” yang bertujuan untuk mendorong murid bagi menaakul dan membuat penilaian terhadap sesuatu persoalan dalam sesebuah situasi. Contohnya, terdapat rasional yang dilabel kotak biru yang menyatakan sebab belangkas dianggap sebagai haiwan perosak dan tujuan mengeksport belangkas ke luar negara. Akhir sekali, di dalam petikan tersebut, terdapat aras soalan “Bagaimana” yang menjana pemikiran murid secara kritis dan kritikal untuk mencari alternatif dalam menyelesaikan pelbagai isu dan cabaran. Contohnya, dalam petikan tersebut, terdapat alternatif yang dilabel kotak hijau yang menerangkan solusi untuk membantu para nelayan yang lain untuk menjana dan meningkatkan ekonomi mereka.

***Tema Kebudayaan, Kesenian dan Estetika***

**TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**

**Penilaian**

Baca teks. Kemudian, lakukan aktiviti berikutnya.

**Seni Pertukangan Kraf Tembaga**

Irfan dan Irdira menonton dokumentari tentang seni pertukangan kraf tembaga.

Seni pertukangan kraf tembaga amat istimewa bagi Salleh Mohd atau Pak Leh. Beliau adalah antara tukang kraf tembaga yang masyhurkan pembuatan produk kraf seperti periuk dan acuan kuah-muih tradisional.

Atas kegigihan lu, Pak Leh mendapat pengiktirafan sebagai Adiguru kraf dalam bidang pertukangan kraf tembaga oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pada tahun 2009. Kini, pertukangan kraf tembaga beliau turut diiktirafkan oleh masyarakat.

“Produk seni pertukangan tembaga menjadi pilihan pelanggan kerana sifatnya sebagai pengalir haba yang baik. Jeli lu, lauk-pauk yang dimasak akan tahan sejenak pada suhu yang sesuai untuk makan. Selain proses membuat acuan periuk, saiz periuk tembaga biasanya diukur dengan menaunkan jari tangan sahaja. Penggunaan teknik yang betul sering diutamakan bagi memastikan periuk yang kemas buatannya,” kata Pak Leh.

Antara hasil kraf tangan lain termasuklah kelenakan perkahwinan seperti tepak sirih dan pahar. Selaga rekam mempunyai nilai unik yang disesuaikan mengikut citarasa pelanggan. Pak Leh berharap agar seni pertukangan kraf tembaga beliau istimewa dan tinggi nilai estetikanya.

Pak Leh sentiasa peka akan permintaan semasa terhadap produk kraf tembaga. Beliau akan memastikan bekalan jangka panjang tembaga mencukupi untuk pengeluaran produk pada setiap bulan. Beliau berharap agar seni pertukangan kraf tembaga ini akan terus kekal zaman-berzaman.

(Sumber: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia)

A. Citakan keistimewaan produk tembaga berdasarkan perenggan yang berwarna hijau.

B. Rujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna, sebutan, ejaan, dan penggunaan perkataan yang tepat bagi perkataan yang berwarna merah.

C. Catat usaha Pak Leh untuk menuskan seni tradisi ini. Cadangkan cara-cara untuk memperkembang seni pertukangan ini.

1.3.2  
2.1.2  
3.2.3

**112**  
KPN

Dengan meneliti petikan di atas, yang bertajuk “Seni Pertukangan Kraf Tangan,” terdapat pengaplikasian Teknik SIADIBAMBEY. Antaranya, yang telah dilabelkan dalam kotak merah, iaitu soalan aras “Apa.” Soalan ini mampu membantu murid untuk mengenal pasti objek yang ditekankan dalam keseluruhan teks iaitu Kraf Tembaga yang telah menjadi kepakaran Pak Leh dalam bidang pertukangan. Selain itu, terdapat aras soalan “Siapa” yang bertujuan untuk memudahkan murid untuk mengecam setiap individu utama yang memainkan peranan yang dipaparkan di dalam teks. Dalam hal ini, Pak Leh merupakan watak utama yang

mempunyai kepakaran dalam bidang pertukangan kraf tembaga dan sekali gus telah membantu murid untuk memudahkan pemahaman mereka berkenaan dengan susun alur petikan. Di samping itu, terdapat aras soalan “Bila” yang dilabel kotak berwarna ungu yang bertujuan untuk menerangkan aliran-aliran secara sistematik dalam sesebuah penceritaan, dalam erti ringkasnya, kronologi. Bukan itu sahaja, terdapat aras soalan “Mengapa” yang bertujuan untuk mendorong murid bagi menaakul dan membuat penilaian terhadap sesuatu persoalan dalam sesebuah situasi. Contohnya, seperti yang telah dilabelkan dalam kotak biru, terdapat rasional mengapa produk tembaga seperti periuk menjadi pilihan pelanggan dan sebab-sebab tersebut mampu mengasah kemahiran saintifik murid. Pada masa yang sama, terdapat contoh rasional yang menegaskan motif setiap produk adalah berbeza mengikut cita rasa pelanggan yang sekali gus telah membantu murid untuk berfikir secara kreatif dalam menghasilkan sebuah produk yang coraknya bersifat abstrak dan bermakna. Akhir sekali, di dalam petikan tersebut, terdapat aras soalan “Bagaimana” yang menjana pemikiran murid secara kritis dan kritikal untuk mencari alternatif dalam menyelesaikan pelbagai isu dan cabaran. Contohnya, teks tersebut menekankan usaha Pak Leh untuk mencapai pengiktirafan yang layak dan cara mengukur saiz periuk tembaga. Aras soalan ini mampu mendorong murid untuk mengaplikasikan ilmu-ilmu ke dalam kehidupan seharian mereka.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, teknik SIADIBAMBEY oleh Jais Sahok (2016) merupakan suatu pendekatan berfikir yang mementingkan kebolehan individu untuk menganalisis, mensintesis, dan menilai maklumat dengan berkesan. Hasil analisis mendapati bahawa pentingnya soalan pelbagai aras yang bersifat Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang bertujuan untuk memudahkan dan meningkatkan pemahaman murid terhadap sesuatu teks serta maklumat. Buktinya, terdapat aras soalan seperti siapa, apa, bila, di mana, bagaimana dan mengapa dalam setiap teks pemahaman bahasa Melayu Tahun 6 untuk mengasah kemahiran berfikir murid-murid Tahun 6. Impak kajian ini dalam era Revolusi Industri 4.0 adalah sangat signifikan. Era teknologi digital dan kecerdasan buatan menjadi teras utama, kemahiran berfikir kritis dan kreatif adalah sangat penting. Teknik SIADIBAMBEY membantu individu untuk memperoleh kemahiran tersebut dengan cara yang berstruktur dan sistematik. Dengan pendekatan ini, individu mampu untuk menyusun pemikiran mereka dengan lebih efektif dalam menghadapi cabaran kompleks yang ditimbulkan oleh perubahan-perubahan yang berlaku dalam konteks industri dan masyarakat pada zaman ini. Sebagai tambahan, pendekatan ini juga mendorong inovasi dan keupayaan untuk berfikir di luar kotak, sesuatu yang amat diperlukan dalam menghadapi cabaran dan peluang yang datang dengan Revolusi Industri 4.0.

## **RUJUKAN**

Amrullah, M. F. N., Wan Mohamad, W. M. R., & Md Yunus, M. (2018). Penerapan Kemahiran Aras Tinggi dalam Pengajaran Karangan UPSR oleh Guru Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. *Sains Humanika*, 10(3-2). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-2.1485>

- Bahagian Perkembangan Kurikulum. (2021). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6*. Jais Sahok, (2018). *Teknik Pembacaan Hebat*. Hidjas Enterprise, Kuching.
- Mat Isa, N. S., & Mahamod, Z. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa Melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran komsas. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 93-107. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.255>
- Mat Rabi, N., Osman, Z., Sarudin, A., Mohamed Redzwan, H. F., & Mat Rabi, N. (2020). Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah: The Application of Higher Order Thinking Skills Elements in Malay Language Standard Six Textbook. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 57–67. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.4373>
- Perkins, D. N., (2003). Teaching and learning for understanding. dalam C. M. Reigeluth (Ed.), *Instructional design theories and models* (pp. 91–114). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Rajendran, N. S. (2002). *Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Persediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran*. Seminar/Pameran Projek KBKK: ‘Warisan-Pendidikan-Wawasan’. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rajendran, N. S. (2008). *Teaching and Acquiring Higher Order Thinking Skills Theory and Practice*. Perak, UPSI, 53, 59, (60).

## KERELEVANAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM ERA KINI

Saidatun Aishah Binti Mashori  
Aminnudin Saimon

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

### Abstrak

Menurut Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1957), bahasa Melayu sudah termaktub menjadi bahasa rasmi negara Malaysia. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh sektor kerajaan dan swasta dalam memartabatkan bahasa Melayu dalam diri masyarakat di Malaysia. Namun, bahasa Melayu menghadapi kerencaman bahasa sejak bermulanya Industri 4.0 apabila rakyat Malaysia kurang mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian dan lebih mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain berbanding dengan bahasa Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis dan merumus tahap kerelevanan penggunaan bahasa Melayu pada era kini. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan, iaitu kualitatif dan kuantitatif, dengan memanfaatkan teknik soal selidik dan temu bual sebagai instrumen kajian. Selain itu, responden kajian terdiri daripada 110 orang rakyat Malaysia yang diambil secara rawak mudah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan dalam era kini, terutamanya dari aspek komunikasi harian dan urusan-urusan rasmi negara. Namun begitu, dalam aspek kemajuan teknologi moden dan sains memerlukan golongan yang lebih pakar dalam bidang bahasa Melayu dan teknologi moden untuk mengetengahkan isu-isu yang berkaitan dengan teknologi seperti terjemahan istilah teknologi kepada bahasa Melayu. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan kembali penggunaan bahasa Melayu dalam diri masyarakat Malaysia supaya penggunaan bahasa Melayu yang betul dan kerelevanan bahasa Melayu dalam mengungkapkan pelbagai bidang dapat dipraktikkan hingga generasi yang seterusnya.

**Kata Kunci:** kerelevanan, bahasa Melayu, masyarakat, era kini, Industri 4.0

### PENGENALAN

Bahasa merupakan salah satu alat yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dengan orang lain. Bahasa yang digunakan oleh penutur mampu untuk membantu penutur menyampaikan maklumat atau menzahirkan emosi kepada penutur yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa dijadikan sebagai alat untuk menyatakan emosi seperti kegembiraan, kebencian, kemarahan, dan kasih sayang (Faruq Ellino, 2023). Rentetan daripada perkara tersebut, Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum



dan kaya dengan pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, Mandarin, Tamil, Hokkien dan sebagainya. Menurut Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1957), bahasa Melayu sudah termaktub menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara Malaysia. Selain itu, terdapat juga undang-undang dan perlembagaan yang dibina untuk memelihara kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Misalnya, Akta Dewan Bahasa 1959 (disemak 1978) (akta 213), Akta bahasa Kebangsaan 1963/1967, dan akta pendidikan 1996 (Akta 550).

Namun, pada era yang diselubungi oleh arus kemodenan ini, bahasa Melayu menghadapi kerencaman bahasa apabila masyarakat kini lebih mempraktikkan penggunaan bahasa asing berbanding bahasa Melayu. Buktinya, menurut Alif Fadli Mohd Sori (2022), penggunaan bahasa Melayu pada era moden ini semakin disisihkan dan rosak disebabkan wujudnya penggunaan bahasa asing serta bahasa rojak yang semakin digunakan secara berleluasa. Hal ini menunjukkan bahawa, sejak bermulanya Revolusi Industri 4.0, rakyat Malaysia kurang mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian dan lebih mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain berbanding dengan bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh Norsuhaila Ibrahim (2021), dalam era teknologi maklumat dan komunikasi, bahasa Melayu menghadapi tentangan yang hebat apabila wujudnya pengaruh penggunaan bahasa Inggeris yang lebih kuat berbanding bahasa Melayu. Tambahan pula, Nurmaizatul Hazirah Mustaffa (2021) menyatakan kemajuan global yang sangat pesat menyebabkan kedudukan bahasa Melayu terlihat mengecil di mata masyarakat. Buktinya, beliau menyatakan bahawa, kebanyakan laman sesawang di Internet menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama dan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa alternatif serta bahasa kelas bawahan. Hal ini mengakibatkan sesetengah masyarakat di Malaysia tidak bangga dengan bahasa ibunda sendiri dan mengambil langkah untuk tidak bertutur dalam bahasa Melayu di tempat awam.

Justeru, permasalahan yang timbul memberikan ruang kepada pengkaji untuk melihat serta membongkar sejauh mana tahap kerelevanan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat pada era kini. Tambahan pula, kajian yang dilakukan oleh pengkaji diharapkan mampu untuk memberikan pendedahan dan membuka mata masyarakat akan kedudukan bahasa Melayu pada era yang serba canggih ini.

### **Penyataan Masalah**

Penggunaan bahasa Melayu semakin kurang digunakan oleh rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa Inggeris lebih dahulu mendapat tempat di hati masyarakat kini terutamanya generasi muda kerana penggunaan bahasa Inggeris lebih banyak digunakan dalam komunikasi pelbagai sektor pekerjaan mahupun kehidupan. Menurut Nurmaizatul Hazirah Mustaffa (2022), bahasa Melayu semakin terpinggir menjelang abad ke-21 (era kemajuan sains dan teknologi) disebabkan bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa antarabangsa. Sesetengah orang Melayu sendiri memiliki sikap terlalu kagum dengan penggunaan bahasa Inggeris sehingga menyebabkan luntarnya keyakinan akan keupayaan penggunaan bahasa Melayu

dalam diri penutur (Nik Safiah Haji Abdul Karim, 2021). Jelaslah bahawa, masyarakat di Malaysia semakin kurang mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Bertitik tolak daripada masalah yang timbul, pengkaji mengambil inisiatif untuk melihat sejauh mana bahasa Melayu relevan untuk digunakan pada era globalisasi kini.

Tambahan pula, seiring dengan kemajuan teknologi Revolusi Industri 4.0, penggunaan bahasa Inggeris digunakan dengan lebih meluas dan dianggap lebih setaraf berbanding bahasa Melayu. Buktinya, menurut Mazlee (2019), dalam era Revolusi Industri 4.0 ini, masyarakat perlu melengkapkan anak-anak dengan kemahiran dalam bahasa Inggeris kerana perlu diakui bahawa bahasa teknologi terkini adalah berasaskan bahasa Inggeris. Namun, terdapat perbezaan pendapat mengenai isu ini. Arndt Graf (2018) yang merupakan Ketua Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe, Frankfurt mengatakan bahawa kedudukan bahasa Melayu tidak akan terancam walaupun negara Malaysia telah mencapai Revolusi Industri 4.0. Menurut beliau lagi, kenyataan media menyentuh mengenai bahasa Inggeris yang dijadikan sebagai bahasa wacana Revolusi Industri 4.0 bertujuan untuk pemasaran antarabangsa sahaja. Secara ringkasnya, berdasarkan permasalahan kajian ini, pengkaji ingin melihat sama ada penggunaan bahasa Melayu pada era kini masih lagi relevan atau tidak relevan untuk digunakan dalam kalangan masyarakat bagi mengungkap pelbagai ilmu pada masa akan datang.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini mempunyai dua objektif yang utama, iaitu:

1. Menganalisis kerelevanan penggunaan bahasa Melayu dalam era kini.
2. Merumus kerelevanan penggunaan bahasa Melayu dalam era kini.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pengkaji menggunakan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Antaranya ialah kajian yang bertajuk Cabaran Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi yang dihasilkan oleh Nurmaizatul Hazirah Mustaffa (2021). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam era globalisasi. Hasil daripada kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penggunaan bahasa Melayu semakin berkurang dalam era globalisasi. Antaranya ialah dasar pendidikan yang menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris, masalah bahasa rojak, penggunaan bahasa Melayu yang salah, dan penguasaan bahasa Melayu yang kurang. Secara ringkasnya, tahap penggunaan bahasa Melayu pada era siber ini sudah semakin kurang relevan untuk digunakan oleh masyarakat disebabkan bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa penghantar yang utama dan bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa alternatif.

Seterusnya, kajian lepas yang bertajuk Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia oleh Fariza Md.Sham et al. (2018). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan

pentadbiran di UKM. Pengkaji menggunakan kaedah kajian campuran, iaitu menggunakan soal selidik (562 orang responden) dan temu bual (10 orang responden) terhadap sampel kajian dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan data. Hasil daripada kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu masih belum dapat diaplikasi dan dilaksanakan sepenuhnya dalam urusan tidak rasmi serta dalam komunikasi di UKM. Majoriti responden bersetuju untuk mewujudkan garis panduan yang khusus dalam pengurusan dan pentadbiran yang boleh dijadikan panduan kepada warga UKM. Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan bahasa Melayu pada era ini masih lagi relevan untuk digunakan oleh golongan yang berpendidikan dan perlu dimartabatkan kembali agar bahasa Melayu dapat digunakan hingga ke generasi yang seterusnya.

Selain itu, akhbar Berita Harian yang bertajuk Bahasa Melayu Relevan dalam Revolusi Industri Keempat ditulis oleh Hafizah Iszahanid (2018). Melalui akbar ini, Arndt Graf yang merupakan Ketua Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe, Frankfurt mengatakan bahawa, penggunaan bahasa Melayu masih kekal relevan untuk digunakan oleh masyarakat di Malaysia walaupun Revolusi Industri keempat yang membabitkan *Internet of Things* (IoT) sudah mempengaruhi kehidupan masyarakat pada era kini. Tuntasnya, penutur bahasa Melayu perlu memainkan peranan yang penting untuk memastikan kedudukan bahasa Melayu tidak tergugat dan menjadi keutamaan daripada bahasa-bahasa lain seiring dengan arus kemodenan yang berlaku.

Tambahan pula, akhbar Berita Harian yang bertajuk Perlu Kuasai Bahasa Inggeris untuk Berdepan Cabaran IR4.0 ditulis oleh Irwan Muhammad Zain (2019). Maszlee Malik berpendapat bahawa, kemahiran berbahasa Inggeris perlu diterapkan dalam diri anak-anak generasi kini dalam mendepani Revolusi Industri (IR) 4.0. Menurut beliau, teknologi kini seperti teknologi kecerdasan buatan (AI), robotik, pengaturcaraan komputer dan sebagainya telah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Berdasarkan berita tersebut, dapat dirumuskan bahawa penggunaan bahasa Melayu pada era kini tidak relevan untuk digunakan lagi kerana kebanyakan teknologi yang dihasilkan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan yang utama digunakan dalam komunikasi.

Akhbar Berita Harian yang ditulis oleh Latifah Arifin (2022) bertajuk Bahasa Melayu Tenat, Mungkin Lenyap Jika Terus Diperlekehkan. Melalui akhbar ini, Profesor Antropologi Sosial, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Sarjit Singh mengatakan bahawa martabat bahasa Melayu perlu dijulang bermula daripada universiti awam. Bahasa interaksi dan pembelajaran di peringkat universiti pada era kini lebih menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu disebabkan adanya pelajar dari luar negara. Hal ini telah menyebabkan maruah bahasa Melayu telah diperlekehkan oleh penggunanya dan tidak hairanlah sekiranya etnik lain tidak mahu menggunakannya. Berdasarkan kenyataan tersebut dapat dirumuskan bahawa, penggunaan bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan pada era kini sekiranya penutur bahasa Melayu menggunakan dan menjulang bahasa Melayu ke persada dunia.

Akhir sekali, akhbar Berita Harian yang bertajuk Bahasa Melayu Bahasa Rakyat Malaysia yang ditulis oleh Nurul Hardeah Ahmad Sukiman (2019). Melalui akhbar tersebut, beliau menyatakan bahawa bahasa Melayu mengalami kelunturan bahasa pada era globalisasi kini disebabkan masyarakat Malaysia sendiri lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa rojak dalam berkomunikasi antara satu sama lain. Selain itu, walaupun kerajaan telah membina undang-undang yang memelihara kedudukan bahasa Melayu, penggunaan bahasa Melayu masih terlihat enteng di mata masyarakat disebabkan penggunaan bahasa Inggeris telah diberi keutamaan dalam pelbagai sektor seperti sektor pendidikan, pengiklanan, komunikasi dan perniagaan. Beliau juga telah menggalakkan rakyat Malaysia untuk memartabatkan kembali penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi harian masyarakat di Malaysia. Berdasarkan akhbar ini dapat disimpulkan bahawa kerelevanan penggunaan sesuatu bahasa terletak kepada sikap generasi yang sedia ada dalam memartabatkan sesuatu Bahasa.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan, iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Menurut Nadiah Suboh dan Rahinah Ibrahim (2023), reka bentuk gabungan mampu memberikan gambaran yang jelas terhadap pandangan responden. Data kuantitatif ini diterjemahkan dalam bentuk carta bar dan jadual bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data kajian. Kemudian, data tersebut akan dikukuhkan dengan data kualitatif yang diperoleh daripada sesi temu bual bersama responden. Akhir sekali, kedua-dua data akan dirumuskan dan ditulis pada bahagian dapatan kajian.

### **Kaedah kepustakaan**

Tujuan pengkaji memilih kaedah kepustakaan adalah untuk mencari sumber rujukan penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Bahan rujukan tersebut diambil daripada kajian-kajian lepas, jurnal, artikel, berita, serta sumber lain yang boleh dipercayai dan sah untuk dirujuk. Tambahan pula, kaedah kepustakaan ini digunakan adalah untuk merujuk sumber sekunder (bertulis) sama ada secara atas talian atau bercetak seperti jurnal, buku, berita dan sebagainya (Rozelia Haizah Abd Razak dan Nur Farahkhanna Mohd Rusli, 2022).

### **Kaedah Lapangan**

Tujuan kajian ini digunakan adalah untuk mendapatkan data primer berkenaan dengan kerelevanan penggunaan bahasa Melayu dalam era kini bagi menyokong data kuantitatif. Kaedah temu bual ini telah dilakukan terhadap sepuluh orang responden kajian yang telah dipilih secara rawak mudah daripada beberapa buah negeri. Pengkaji menjalankan temu bual separa berstruktur, iaitu dengan membina beberapa soalan terbuka yang memerlukan pendapat, kepastian dan jawapan yang khusus daripada responden kajian. Kajian lapangan ini telah dilakukan melalui dua cara, iaitu secara bersemuka dan secara dalam talian di aplikasi (*Google Meet*).

## **Teknik Borang Soal Selidik**

Borang soal selidik tersebut dibina dalam aplikasi *Google Form* dan menggunakan sepenuhnya dalam bahasa Melayu. Di samping itu, soalan dalam borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A merujuk kepada demografi responden, manakala bahagian B dan C terdiri daripada 11 soalan yang menyentuh mengenai objektif penyelidikan, iaitu menganalisis tahap penggunaan bahasa Melayu dalam era kini. Soalan dalam borang soal selidik ini adalah berpandukan kepada model kajian Fariza Md Sham et al. (2018) tetapi disesuaikan dan diubah mengikut objektif kajian pengkaji.

## **Prosedur Kajian**

Pada permulaannya, pengkaji telah memulakan penyelidikan dengan membuat pemilihan tajuk yang bersesuaian. Kemudian, diteruskan dengan menentukan objektif serta persoalan kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji. Seterusnya, pengkaji telah meneliti masalah yang timbul dalam kajian-kajian lepas serta isu semasa yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu. Permasalahan tersebut telah dinyatakan dan disimpulkan pada bahagian pernyataan masalah. Kemudian diteruskan dengan sorotan literatur dan metodologi kajian. Pada bahagian sorotan literatur pengkaji telah menyimpulkan beberapa kajian lepas yang telah diambil untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Manakala, pada bahagian metodologi kajian pula, pengkaji akan menerangkan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam melaksanakan kajian. Kemudian, data kajian yang diperolehi akan diterjemahkan dalam bentuk carta bar dan jadual menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Pengkaji akan merumuskan hasil dapatan kajian dan membuat kesimpulan.

## **DAPATAN/PERBINCANGAN**

Dapatan kajian diperolehi melalui kajian lapangan yang memanfaatkan Teknik boring selidik. Daripada boring soal selidik, data yang diperolehi akan dimasukkan ke dalam SPSS untuk menentukan kebolehpercayaan dan sebagainya. Justeru, dapatan kajian ini akan ditentukan oleh kebolehpercayaan yang harus dicapai seperti yang telah ditentukan.

## **Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Tests*)**

Soalan pada bahagian B dalam soal selidik telah menjalani ujian kebolehpercayaan atau lebih dikenali sebagai *reliability test* bagi menguji pengukuhan soalan tersebut. Hasil daripada ujian adalah seperti berikut.

**Jadual 1:** Nilai *Cronbach's Alpha*.


<b>Reliability Statistics</b>
-------------------------------

Cronbach's Alpha	Based on	N of Items
.871	Standardized Items	11

Menurut Adeniran Adetayo Olaniyi (2019), nilai *Cronbach's Alpha* yang boleh diterima adalah nilai yang mencapai 0.7 atau lebih daripada angka tersebut bergantung kepada jenis penyelidikan. Berdasarkan jadual tersebut, nilai Cronbach's Alpha yang diperolehi adalah sebanyak 0.871, manakala nilai *Cronbach's Alpha Based on Standardized Item* adalah sebanyak 0.861. Hal ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan soalan di bahagian B berada dalam tahap yang sangat baik kerana mencapai lebih daripada angka 0.6. Secara kesimpulannya, ujian kebolehpercayaan yang dilakukan oleh pengkaji adalah tepat bagi memastikan instrumen kajian berada dalam tahap yang kukuh dan mencapai nilai *Cronbach's Alpha* yang baik.

### Kerelevanan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Era Kini

Pada bahagian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual untuk mendapatkan data kajian. Bagi data temu bual, pengkaji akan mengelaskan responden menggunakan huruf singkatan "R" sebagai responden. Responden dikehendaki untuk menjawab soalan yang disediakan dan memilih jawapan berpandukan tiga skala likert sahaja, iaitu tidak setuju, tidak pasti dan setuju.



**Rajah 2:** Penggunaan bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan dalam kehidupan seharian.


**Jadual 2:** Penggunaan bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan dalam kehidupan seharian.

Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent

Valid	Tidak Setuju	3	3.0	3.0	3.0
	Setuju	97	97.0	97.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan Rajah 2 dan Jadual 2, seramai 97 orang responden bersetuju dengan pernyataan penggunaan bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Dapatan ini telah disokong oleh data kualitatif, iaitu R1 berpendapat bahawa bahasa Melayu masih lagi digunakan dalam urusan rasmi negara dan penggunaan bahasa Melayu perlu dikekalkan hingga generasi yang akan datang. Selain itu, R10 menyatakan bahawa bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan kerana masih wujud pengengaruh di media sosial seperti di aplikasi *TikTok*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya yang berjaya mempengaruhi masyarakat di Malaysia mahupun di luar negara untuk mempelajari serta menggunakan bahasa Melayu. Media sosial merupakan salah satu wadah yang memberikan pengaruh yang kuat kepada generasi kini (Anis Syameera Nor Azman, 2023). Misalnya, pengengaruh *TikTok* yang menggunakan nama samaran Zack Kirana dan Zhiddin Aziz telah menggunakan bahasa Melayu baku semasa berkomunikasi dengan peminat mahupun dalam video yang dimuat naik di media sosial.

Seterusnya, seramai tiga orang responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan dalam era kini. Buktinya, R2 berpendapat bahawa penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing seperti Korea dan Mandarin lebih mendunia berbanding dengan penggunaan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa selain daripada bahasa Melayu pada era kini dilihat lebih setaraf dengan bahasa antarabangsa yang lain dan lebih menarik untuk digunakan dalam perbualan harian. Buktinya, R5 menyatakan bahawa ramai ibu bapa muda dalam era kini lebih memandang bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan perlu dipraktikkan daripada kecil dalam diri anak-anak. Menurut responden lagi, martabat penggunaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris juga dipandang tinggi oleh sesetengah masyarakat di Malaysia kerana mengikut arus pemodenan dunia, iaitu zaman sekarang. R6 pula berpendapat bahawa, penggunaan bahasa Melayu semakin tidak relevan untuk digunakan dalam era kini disebabkan sikap penuturnya sendiri yang tidak mahu bertutur dalam bahasa Melayu dan malu untuk menggunakannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, generasi muda kini kian malu dan enggan untuk bertutur atau menggunakan bahasa ibundanya disebabkan pengaruh bahasa Inggeris yang semakin mewarnai kehidupan penutur bahasa Melayu (Abdul Razak Mohd Kassim, 2021).



**Rajah 3:** Anda lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris apabila berinteraksi dengan orang lain.

**Jadual 3:** Anda lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris apabila berinteraksi dengan orang lain.


Frequency	Percent	Valid Percent	umulative Percent
Valid Tidak Setuju 10	10.0	10.0	10.0
Tidak Pasti 8	8.0	8.0	18.0
Setuju 82	82.0	82.0	100.0
Total 100	100.0	100.0	

Rajah 3 dan Jadual 3 menunjukkan carta bar bagi persoalan kecenderungan responden menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris apabila berinteraksi dengan orang lain. Berdasarkan rajah 3, kekerapan yang mendapat jumlah yang paling tinggi adalah setuju, iaitu seramai 82 orang responden, manakala kekerapan yang mendapat nilai yang paling rendah adalah tidak pasti, iaitu seramai lapan orang responden. Kemudian diikuti dengan tidak setuju, iaitu 10 orang responden. Majoriti daripada responden bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana penggunaan bahasa Melayu lebih mudah digunakan dalam komunikasi harian berbanding menggunakan bahasa Inggeris. Buktinya, menurut R8, perbualan seharian merupakan perbualan yang santai dan tidak memerlukan masyarakat menggunakan bahasa selain daripada bahasa ibunda. Menurut beliau lagi, bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain seharusnya digunakan dalam komunikasi ilmiah atau dalam sesebuah situasi yang memerlukan komunikasi bahasa Inggeris sahaja. Menurut R9 pula, penggunaan bahasa Melayu tetap perlu dipraktikkan terutamanya dalam komunikasi harian kerana bahasa Melayu itu sendiri melambangkan identiti sesuatu bangsa.

Selain itu, terdapat responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan mereka lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu apabila berinteraksi dengan orang lain. Menurut R4,



beliau lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi dengan orang lain disebabkan ibu bapa mereka tidak mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan utama di rumah. Menurut beliau lagi, perkara ini menyebabkan beliau lebih memilih untuk bercakap sepenuhnya dalam bahasa Inggeris atau menggunakan bahasa campuran ketika berkomunikasi dengan orang lain. Cara penggunaan bahasa Melayu yang betul tidak lagi dititikberatkan dalam era kini (Anis Syameera Nor Azman, 2023). Seterusnya, terdapat responden yang tidak pasti dengan persoalan kecenderungan responden dalam menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris dalam berkomunikasi dengan orang lain. Terdapat segelintir masyarakat yang mencampurkan kedua-dua bahasa ketika berkomunikasi. Buktinya, Hidayah Shafiee et. al (2019) berpendapat bahawa percampuran bahasa sering digunakan oleh generasi Y dalam komunikasi dan digunakan secara berleluasa.



**Rajah 4:** Teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence (AI)*) telah memberikan impak yang negatif terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pekerjaan dan kemahiran pasaran kerja di Malaysia.


**Jadual 4:** Teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence (AI)*) telah memberikan impak yang negatif terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pekerjaan dan kemahiran pasaran kerja di Malaysia.

Frequency	Percent	Valid Percent	umulative Percent
Valid Tidak Setuju 23	23.0	23.0	23.0
Tidak Pasti 20	20.0	20.0	43.0
Setuju 57	57.0	57.0	100.0
Total 100	100.0	100.0	

Jadual 4 dan Rajah 4 di atas menunjukkan data kuantitatif berkenaan dengan kesan negatif teknologi kecerdasan buatan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pekerjaan dan kemahiran pasaran kerja di Malaysia. Berdasarkan data yang diperoleh, seramai 57 orang responden yang bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala seramai 23 orang

responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Skala yang mendapat jumlah yang paling rendah adalah tidak pasti, iaitu seramai 20 orang responden. Berdasarkan data tersebut, majoriti responden bersetuju dengan pernyataan bahawa teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* (AI) telah memberikan impak yang negatif terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pekerjaan dan kemahiran pasaran kerja di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa AI telah membantu dan memudahkan pekerjaan manusia terutamanya dalam bidang pekerjaan dan pendidikan. Namun, perlu ditegaskan bahawa AI merupakan sistem yang pada dasarnya menggunakan bahasa Inggeris sebagai komunikasi yang utama berbanding bahasa-bahasa lain. Buktinya, R1 menyatakan bahawa teknologi AI lebih memfokuskan kepada penggunaan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Selain itu, R6 turut menegaskan bahawa jika manusia tidak dapat menguasai sistem bahasanya, maka manusia sukar untuk memasuki pasaran kerja kerana setiap AI yang digunakan dalam pekerjaan memerlukan manusia yang pandai dalam bahasa Inggeris untuk mengawalinya. Misalnya, Hilal Azmi (2019) menyatakan bahawa pembelajaran mesin AI sangat penting dalam melengkapkan kehidupan manusia kerana teknologi ini mampu untuk memudahkan pekerjaan manusia.

Selain itu, terdapat responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, kewujudan AI sewajarnya boleh membantu bahasa Melayu untuk terus berkembang dan digunakan dalam bidang pekerjaan dan pasaran kerja. Pada masa yang sama, penciptaan AI ini mampu menjulang penggunaan bahasa Melayu menjadi lebih relevan dan dinamik seiring dengan perkembangan teknologi dunia. Menurut Salmah Jan Noor Muhammad (2023), kehadiran AI ini mampu memperluaskan penggunaan bahasa Melayu kearah jaringan hubungan antarabangsa serta mencipta kesedaran akan pemahaman global terhadap penggunaan bahasa Melayu. Menurut beliau juga, Teknologi AI ini mampu untuk memberi pengalaman meneroka kekayaan dan keintelektualan dalam bahasa Melayu kepada peminat bahasa Melayu dan merasai sendiri akan keindahan bahasa Melayu itu sendiri. Misalnya, menurut Abdul Halim Abdullah (2023), perkembangan teknologi AI mampu untuk membantu pelajar dalam meningkatkan kecekapan penggunaan bahasa kebangsaan seperti mengenal pasti ejaan dan gaya penulisan, ralat tatabahasa serta cadangan yang baik dalam memperbetulkan kesilapan bahasa Melayu yang dilakukan oleh pengguna teknologi tersebut. Seterusnya, terdapat responden yang tidak pasti dengan pernyataan dari aspek bidang pekerjaan dan kemahiran pasaran kerja di Malaysia, kemunculan AI mampu memberikan impak yang negatif terhadap penggunaan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, kemunculan AI ini telah memberikan impak yang negatif dan positif dalam bidang pekerjaan dan kemahiran pasaran kerja. Buktinya, R4 menyatakan bahawa penggunaan AI dalam bidang kerja mempunyai kemampuan dalam pengembangan sistem pengolahan bahasa alami yang lebih canggih seperti peningkatan kemampuan mesin untuk memahami, menerjemahkan, dan memaklum balas bahasa Melayu dengan lebih tepat. Namun, R3 berpendapat bahawa teknologi AI ini kebanyakannya tidak menggunakan bahasa Melayu yang tepat dalam memberikan jawapan kerana teknologi AI lebih menggunakan penggunaan bahasa nusantara yang lain seperti bahasa Indonesia berbanding dengan bahasa Melayu. Berdasarkan kedua-dua pendapat tersebut dapat disimpulkan bahawa penggunaan teknologi AI ini mempunyai kesan yang positif dan negatif terhadap penggunaan bahasa Melayu.



**Rajah 5:** Kekurangan istilah-istilah teknologi dalam bahasa Melayu menyebabkan masyarakat kini lebih gemar menggunakan istilah dalam bahasa Inggeris (Contohnya, *Air Drop*, *Window*, *ShareMe* dan sebagainya).

**Jadual 5:** Kekurangan istilah-istilah teknologi dalam bahasa Melayu menyebabkan masyarakat kini lebih gemar menggunakan istilah dalam bahasa Inggeris (Contohnya, *Air Drop*, *Window*, *ShareMe* dan sebagainya).

Frequency	Percent	Valid Percent	umulative Percent
Valid Tidak Setuju 54	54.0	54.0	54.0
Tidak Pasti 7	7.0	7.0	61.0
Setuju 39	39.0	39.0	100.0
Total 100	100.0	100.0	

Berdasarkan Rajah 5, seramai 54 orang responden bersetuju dengan pernyataan kekurangan istilah-istilah teknologi dalam bahasa Melayu menyebabkan masyarakat kini lebih gemar menggunakan istilah dalam bahasa Inggeris. Berdasarkan data kualitatif, R2 menyatakan bahawa terdapat beberapa istilah dalam bahasa Inggeris yang sudah memiliki terjemahan dalam bahasa Melayu, namun sikap penutur sendiri yang tidak mahu menggunakan istilah bahasa Melayu tersebut kerana lebih terbiasa dengan penggunaan istilah dalam bahasa Inggeris. Manakala, R7 pula mengatakan kekurangan istilah-istilah baharu dalam teknologi bukanlah menjadi penghalang masyarakat di Malaysia untuk mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian.

Selain itu, seramai 39 orang responden yang bersetuju bahawa kekurangan istilah-istilah teknologi dalam bahasa Melayu menyebabkan mereka lebih gemar menggunakan istilah dalam bahasa Inggeris. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan R1 yang mengatakan

bahawa kekurangan penterjemahan istilah-istilah dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu telah menyebabkan beliau lebih memilih menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Selain itu, R9 berpendapat bahawa kedudukan Bahasa Melayu akan mula terancam disebabkan penggunaan bahasa Inggeris dalam dunia sains dan teknologi adalah jauh lebih dominan berbanding Bahasa Melayu. Menurut beliau lagi, kekurangan istilah-istilah dalam bahasa Melayu dalam dunia sains dan teknologi secara tidak langsung akan menyebabkan masyarakat khususnya golongan muda meminggirkan bahasa Melayu. Selain itu, tidak pasti mencatatkan jumlah yang paling sedikit, iaitu seramai tujuh orang responden.

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda negara Malaysia. Namun, apabila dunia mencapai era revolusi industri 4.0, kedudukan bahasa Melayu semakin tercabar dan menimbulkan kebimbangan dalam diri masyarakat di Malaysia. Sejak pertengahan tahun 2010, istilah Revolusi Industri 4.0 menimbulkan kebimbangan dalam diri masyarakat di Malaysia akan kedudukan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi (Arndt Graf, 2018). Selain itu, kedudukan bahasa Inggeris yang semakin mendominasi dunia pendidikan di universiti awam dan swasta dalam dekat ini amatlah meresahkan (Muhammad Hafiz Badaruzaman, 2021).

Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan dalam era kini dalam aspek komunikasi harian dan urusan-urusan rasmi negara, namun dalam aspek kemajuan teknologi moden dan sains memerlukan golongan yang lebih pakar dalam bidang bahasa Melayu dan teknologi moden untuk mengetengahkan isu-isu yang berkaitan dengan teknologi. Misalnya, penterjemahan istilah-istilah baharu dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dan penggunaan bahasa Melayu dalam alat teknologi moden. Arndt Graf (2018) menegaskan bahawa penggunaan bahasa Melayu masih lagi relevan untuk digunakan dalam era kini, iaitu era Revolusi Industri Keempat (RI4) jika istilah-istilah dalam sains dan teknologi diperkayakan dengan terjemahan bahasa Melayu sekali gus menambahkan perkataan dalam khazanah ilmu melalui penerbitan makalah, jurnal serta buku dalam bahasa Melayu. Kajian ini telah berjaya menjawab objektif kajian, iaitu menganalisis dan merumuskan tahap kerelevanan penggunaan bahasa Melayu dalam era kini.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam era kini masih lagi relevan untuk digunakan oleh masyarakat di Malaysia, namun memerlukan penelitian daripada individu yang pakar dalam bahasa Melayu untuk memartabatkan lagi penggunaan bahasa Melayu dalam era teknologi moden. Kajian ini memberikan impak terutamanya kepada masyarakat di negara Malaysia. Antaranya ialah kajian ini memberikan kesan terhadap pemeliharaan identiti diri dan budaya masyarakat di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa Melayu melambangkan identiti negara Malaysia dan perlu dipelihara supaya tidak hilang hingga ke generasi yang akan datang lebih-lebih lagi dalam

era yang mencapai kemajuan teknologi yang semakin pesat. Bagi memelihara serta memartabatkan kembali penggunaan bahasa Melayu, pihak kerajaan perlu mewajibkan sektor awam dan swasta untuk menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi dan tidak rasmi. Selain itu, pakar-pakar teknologi perlu mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayu dalam alat teknologi dan sains supaya kedudukan bahasa Melayu masih berada pada tahap yang tinggi dan relevan untuk digunakan dalam kalangan masyarakat seiring dengan kemajuan arus teknologi moden.

## RUJUKAN

- Alif Fadli Mohd Sori. (2022). *Bahasa asing dijulang, Bahasa Melayu ditinggal-tinggal?*. Utusan Malaysia. [https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/bahasa-asing-dijulang-bahasa-melayu-ditinggal-tinggal/#google\\_vignette](https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/bahasa-asing-dijulang-bahasa-melayu-ditinggal-tinggal/#google_vignette)
- Anis Alisya Abdullah, & Sara Beden. (2022). *Pemeriksaan Bahasa Melayu di IPGKTAR ke Arah Globalisasi*. Kulliyah IIUM. <https://kulliyah.iium.edu.my/klm/e-book-e-magazine/>
- Awang Sarian. (2021). *Isu Bahasa rojak*. Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/12/16/2141/>
- Bername. (2022). *PM cipta sejarah berucap dalam Bahasa Melayu pada perhimpunan PBB*. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-cipta-sejarah-berucap-dalam-bahasa-melayu-pada-perhimpunan-pbb-382546>
- Dr Shamsatun Nahar Ahmad. (2020). *Sekolah Vernakular punca Bahasa Melayu terpinggir*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/09/726695/sekolah-vernakular-punca-bahasa-melayu-terpinggir>
- Ellino, F. (2023). *Kajian Psikolinguistik Penggunaan Bahasa Dalam Mengekspresikan Emosi Kegembiraan Siswa Diniyah Takmilyah Awaliyah Pasca Gempa*. Aliansi: Jurnal Hukum, Pendidikan dan Sosial Humaniora, 1(4), 07-12.
- Hassan, A. (2021). *FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERTUKARAN KOD DALAM PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH (The Affecting Factors in code Exchange in the Malay Language Primary School Teachers')*. HASSAN | Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/254>
- Hassan, H. (2023). *Kajian Linguistik Bahasa Melayu Bersumberkan Korpus*. Kekuatan dan Kelemahannya. PENDETA, 14(1), 23-34.
- Hameed, N. M. S. (2022). *Malu Cakap Bahasa Melayu?*. HM Online. <https://api.hmetro.com.my/rencana/2022/06/851303/malu-cakap-bahasa-melayu>

- Ibrahim, N. (2022). *Semangat Kebangsaan Menerusi Bahasa Dalam era digital*. Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/08/30/1419/>
- Iszahanid, H. (2018). *Bahasa Melayu Relevan Dalam revolusi Industri keempat*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2018/08/462634/bahasa-melayu-relevan-dalam-revolusi-industri-keempat>
- Irma Wani Othman, & Romzi Ationg. (2021). *Relevansi Akta Pendidikan 1996 Memacu Visibiliti Dan Memartabat bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dalam Sektor Pendidikan Negara*. Research Gate. [https://www.researchgate.net/profile/Irma-Othman/publication/354752777\\_RELEVANSI\\_AKTA\\_PENDIDIKAN\\_1996\\_MEMACU\\_VISIBILITI\\_DAN\\_MEMARTABAT\\_BAHASA\\_MELAYU\\_SEBAGAI\\_BAHASA\\_ILMU\\_DALAM\\_SEKTOR\\_PENDIDIKAN\\_NEGARA/links/614b1831a595d06017e1821a/RELEVANSI-AKTA-PENDIDIKAN-1996-MEMACU-VISIBILITI-DAN-MEMARTABAT-BAHASA-MELAYU-SEBAGAI-BAHASA-ILMU-DALAM-SEKTOR-PENDIDIKAN-NEGARA.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Irma-Othman/publication/354752777_RELEVANSI_AKTA_PENDIDIKAN_1996_MEMACU_VISIBILITI_DAN_MEMARTABAT_BAHASA_MELAYU_SEBAGAI_BAHASA_ILMU_DALAM_SEKTOR_PENDIDIKAN_NEGARA/links/614b1831a595d06017e1821a/RELEVANSI-AKTA-PENDIDIKAN-1996-MEMACU-VISIBILITI-DAN-MEMARTABAT-BAHASA-MELAYU-SEBAGAI-BAHASA-ILMU-DALAM-SEKTOR-PENDIDIKAN-NEGARA.pdf)
- Irwan Muhammad Zain. (2019). *Perlu kuasai Bahasa Inggeris untuk berdepan cabaran IR4.0-Maszlee*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perlu-kuasai-bahasa-inggeris-untuk-berdepan-cabaran-ir40-maszlee-213688>
- Kamil, I. M. M., & Mohamad, M. (2020). *Cabaran pemerksaan bahasa Melayu dalam usaha mencapai negara bangsa di Malaysia*. Asian People Journal (APJ), 3(2), 181-191.
- Latifah Arifin. (2022). *Bahasa Melayu tenat, Mungkin lenyap Jika Terus diperlekeh*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/05/958919/bahasa-melayu-tenat-mungkin-lenyap-jika-terus-diperlekeh>
- Muhammad, A. (2022). *Bahasa melayu perlu dimartabat seiring Perkembangan Digital*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/11/bahasa-melayu-perlu-dimartabat-seiring-perkembangan-digital-2/>
- Nurul Hardeah Ahmad Sukiman. (2019). *Bahasa Melayu Bahasa Rakyat Malaysia*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/15938/KHAS/Pendapat/Bahasa-Melayu-bahasa-rakyat-Malaysia>
- Nurmaizatul Hazirah Mustafa. (2022). *CABARAN BAHASA MELAYU DALAM ERA GLOBALISASI*. ResearchGate. <https://www.researchgate.net/publication/360723497>
- Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2022). *Pembelajaran Secara Dalam Talian: Tahap Kesediaan dan Tahap Keberkesanan dan Pelaksanaan kepada Pelajar*. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/profile/Nur-Mohd-Rusli/publication/361302952\\_Pembelajaran\\_Secara\\_dalam\\_Talian\\_Tahap\\_Kesediaan\\_dan\\_Keberkesanan\\_Pelaksanaannya\\_kepada\\_Pelajar\\_Online\\_Teaching\\_Level\\_of\\_Readiness\\_and\\_The\\_Effectiveness\\_of\\_Its\\_Implementation\\_to\\_Students/links/62a97074416ec50bdb275cda/Pembelajaran-Secara-dalam-Talian-Tahap-Kesediaan-dan-](https://www.researchgate.net/profile/Nur-Mohd-Rusli/publication/361302952_Pembelajaran_Secara_dalam_Talian_Tahap_Kesediaan_dan_Keberkesanan_Pelaksanaannya_kepada_Pelajar_Online_Teaching_Level_of_Readiness_and_The_Effectiveness_of_Its_Implementation_to_Students/links/62a97074416ec50bdb275cda/Pembelajaran-Secara-dalam-Talian-Tahap-Kesediaan-dan-)

Keberkesanan-Pelaksanaannya-kepada-Pelajar-Online- Teaching-Level-of-Readiness-  
and-The-Effectiveness-of-Its-Implementation-toStudents.pdf

- Rahman Naim Mat Ali. (2023). *Bahasa Melayu, Bahasa Kita*. UiTM News Hub.  
<https://news.uitm.edu.my/bahasa-melayu-bahasa-kita/>
- Sham, F. M., Tan, R., Adun, M. N., Ishak, A., Erman, H., Hasan, R., ... & Bintang, H. (2018).  
*Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti  
Kebangsaan Malaysia*. GEMA Online Journal of Language Studies, 18(1).  
<https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/21010/7386>
- Sukiman, N. H. A. (2019). *Bahasa Melayu bahasa rakyat Malaysia*. Sinar Harian.  
[https://www.sinarharian.com.my/article/15938/KHAS/Pendapat/Bahasa-Melayu-baha  
sa-rakyat-Malaysia](https://www.sinarharian.com.my/article/15938/KHAS/Pendapat/Bahasa-Melayu-baha<br/>sa-rakyat-Malaysia)
- Suboh, N., & Ibrahim, R. (2023). *Keberkesanan Main Peranan dalam Peningkatan  
Penguasaan Ayat berdasarkan Multimedia Jenis Bercerita*. International Journal of  
Advanced Research in Education and Society, 5(3), 103-114.
- Shahirah 'Ainaa Senin. (2022). *Penggunaan Bahasa Melayu Yang Baku dan Betul melalui  
khidmat DBP Sah Bahasa*. Dewan Bahasa.  
<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/11/10/6099/>
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi. (2018). *Bahasa Melayu Berdepan Cabaran ICT*. Berita Harian.  
[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/497953/bahasa-  
berdepan-cabaran-ict](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/497953/bahasa-<br/>berdepan-cabaran-ict)
- Yusof, Y. (2021). *Cabaran dalam Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ibunda  
Penutur Asli Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa.  
<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/07/05/991/>
- Yusof, Y. (2022). *Bahasa dan Budaya Mengeratkan Perpaduan Masyarakat*. Dewan Bahasa.  
<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/02/11/2511/>
- Yusof, Y. (2023). *Penggunaan Bahasa Melayu yang Betul akan Mempengaruhi Pertuturan  
Seharian Masyarakat*. Dewan Bahasa.  
<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2023/02/17/7267/>

## ANALISIS KESALAHAN TERJEMAHAN BAHASA INGGERIS KEPADA BAHASA MELAYU DALAM HANTARAN DI MEDIA SOSIAL

Aisyah Sofiah Jafri  
Ummu Fatein Nadjihah Mohd. Sirajuzz  
Fadhlan Muhamad Ikram Md Noordin  
Muhammad Farizol Naim  
Mazlan Izzul Azzany Marzuki

Jabatan Bahasa Melayu  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh

### Abstrak

Penterjemahan satu bahasa kepada bahasa yang lain kini bukan hanya melibatkan kamus dan aplikasi-aplikasi penterjemahan di Internet tetapi juga dapat dilakukan menerusi aplikasi media sosial seperti *Instagram*, *TikTok* dan X (dahulunya dipanggil *Twitter*). Namun, terjemahan tersebut acap kali mempunyai kesalahan bahasa dan oleh sebab itu, kajian berkenaan analisis kesalahan terjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam hantaran di media sosial perlu dilakukan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan-kesalahan dalam terjemahan hantaran yang terdapat di media sosial serta menganalisis ketepatan aplikasi media sosial dalam proses menterjemahkan hantaran bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif iaitu melibatkan pengumpulan data melalui kaedah analisis dokumen berbentuk tangkapan layar hantaran-hantaran di media sosial terpilih iaitu *Instagram*, *TikTok* dan X dalam bahasa Inggeris dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Kajian ini menerangkan hasil analisis data dan dapatan kajian tentang : (a) kesalahan-kesalahan dalam terjemahan hantaran yang terdapat di *Instagram* dan (b) ketepatan aplikasi *Instagram* dalam proses menterjemahkan hantaran bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Hasil kajian yang menggunakan analisis dokumen berbentuk tangkapan layar ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Penyelidik berharap agar kajian ini dapat membantu dalam memartabatkan Bahasa Melayu di setiap lapisan masyarakat khususnya pengguna media sosial.

**Kata Kunci:** hantaran, terjemahan, media sosial, bahasa Melayu, bahasa Inggeris

### PENGENALAN

Bahasa merupakan medium untuk seorang individu berinteraksi dengan individu yang lain. Melalui bahasa, manusia dapat berhubung dan berkomunikasi sesama sendiri. Selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Kamaruddin Hj. Husin pada tahun 1993 (dipetik daripada Nur Munirah Mohamed Aziz & Rohaidah Kamaruddin, 2018) yang menyatakan bahawa bahasa ialah sebagai alat yang digunakan oleh anggota masyarakat untuk berhubung.



Penterjemahan merupakan aktiviti mentafsir dan memahami makna sesuatu teks sebelum memindahkan semula teks tersebut dalam bahasa yang lain. Aktiviti penterjemahan dilakukan bagi menghasilkan karya dalam bahasa lain yang membawa konsep dan makna yang sama dengan karya dalam bahasa aslinya bagi tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan. Menurut Maheram pada 2008 yang dipetik daripada Anuar Sopian et al., (2020), terjemahan adalah proses pemindahan suatu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Ia melibatkan proses pemindahan mesej yang terdapat dalam teks bahasa asal kepada bahasa yang ingin diterjemah dengan menggunakan padanan semantik dan stilistik yang paling hampir.

Media sosial ialah media baharu yang wujud dalam kehidupan masyarakat masa kini hasil dari kemajuan teknologi digital di dunia siber (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi, 2023). Media sosial adalah salah satu bentuk media baharu yang berperanan sebagai medium hiburan, alat komunikasi, dan fasilitator pembelajaran dengan kemudahan yang mempermudah interaksi. Sebagai media baharu, media sosial memiliki kemampuan menyampaikan informasi dan maklumat secara meluas dalam suatu populasi. Kecepatan dalam pengiriman informasi melalui media sosial turut menjadi ciri penting, membolehkannya bergerak dari satu masa ke masa yang lain. Kini, media sosial lebih maju dengan kewujudan ciri-ciri yang diinovasikan seperti sistem terjemahan, penapis foto dan sebagainya. Ciri-ciri ini memudahkan pengguna untuk membuat hantaran serta dapat membantu pengguna untuk memahami hantaran yang dibuat oleh pengguna seluruh dunia.

Mutakhir ini, banyak hantaran di media sosial seperti X (dahulunya dipanggil sebagai *Twitter*), *Instagram* dan *TikTok* yang dibuat dalam bahasa Inggeris. Hal ini menyebabkan terdapat pihak yang bergantung sepenuhnya dengan teknologi terjemahan dalam aplikasi tersebut tanpa melakukan semakan terhadap ketepatan terjemahan tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti ketepatan teknologi terjemahan media sosial dalam proses menterjemahkan hantaran bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga bertujuan bagi menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat dalam terjemahan hantaran media sosial. Kajian ini dibataskan kepada hantaran yang dibuat dalam bahasa Inggeris di platform X, *Instagram* dan *TikTok*. Kajian ini penting bagi membantu meningkatkan pemahaman dan komunikasi antara pengguna. Hal ini demikian kerana kesalahan terjemahan boleh menimbulkan salah faham, kekeliruan, atau kontroversi yang mungkin mempengaruhi persepsi terhadap maklumat yang disampaikan. Oleh itu, kajian analisis kesalahan terjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam hantaran di media sosial ini perlu dilakukan memartabatkan Bahasa Melayu di setiap lapisan masyarakat khususnya pengguna media sosial.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Seperti yang kita dapat lihat pada hari ini, penggunaan media sosial semakin kerap digunakan selaras dengan perkembangan semasa. Namun, dapat dilihat masih banyak kelemahan yang berlaku dari segi terjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Iman (2010) menyatakan bahawa penterjemahan menggunakan mesin sehingga kini masih lagi berhadapan dengan berbagai-bagai kelemahan, hasil daripada proses penterjemahan masih mengandungi keterbatasan dan belum memberikan hasil terjemahan yang tepat. Hal ini demikian kerana, kualiti hasil penterjemahan dari satu bahasa ke bahasa lain tidak selalunya sama. Nova (2012) juga berpendapat bahawa ketepatan perkhidmatan terjemahan masih banyak terdapat kekeliruan dalam aspek tatabahasa, pilihan kata-kata dan ejaan.

Hasil terjemahan ini juga masih perlu kepada semakan semula. Antara masalah penterjemahan ini terletak pada nilai tatabahasa atau nahu terjemahan, justeru terjemahan yang dihasilkan lazimnya tidak berkualiti dari sudut tatabahasa (Mohd Khairuluanar, 2009). Aspek lain yang perlu juga diberi perhatian ialah aspek ketepatan makna dan semantik (Nur Naimah Akmar & Harun, 2016). Hasil terjemahan ini sudah pasti memerlukan proses pemurnian dan pengeditan semula. Tidak dinafikan lagi, perkembangan teknologi pada hari ini banyak membantu dalam melakukan urusan seharian serta mempunyai keupayaan dalam menterjemah teks, namun kemahiran penterjemah manusia atau penyunting terjemahan tetap diperlukan untuk menjadikan hasil terjemahan lebih baik dan sempurna. Hal ini demikian kerana manusia menghasilkan terjemahan berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman, manakala hasil menterjemah seperti *Google Translate* terbatas kepada korpus dan bank perkataan yang ada (Khadijah & Maheram, 2013; Nur Faezah & Hasnah, 2015).

## **OBJEKTIF**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), objektif merujuk sesuatu yang khusus yang ingin dicapai. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti ketepatan teknologi terjemahan media sosial dalam proses menterjemahkan hantaran bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat dalam terjemahan hantaran media sosial. Pada era kemodenan teknologi ini, ramai yang telah menggunakan fungsi terjemahan yang ada di media sosial bagi memudahkan proses pengguna untuk memahami bahasa Inggeris. Maka, persoalan-persoalan yang dapat ditimbulkan dalam kajian ini ialah sejauh mana ketepatan teknologi terjemahan yang terdapat dalam media sosial dapat menterjemah bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dan jenis kesalahan-kesalahan yang dapat dikenal pasti dalam terjemahan hantaran media sosial.

## **SOROTAN LITERATUR**

Beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas dalam bidang penterjemahan ini. Kajian yang bertajuk “Kajian Perbandingan Penterjemahan Kata Nama Arab - Melayu

Menggunakan ‘*Google Translate*’ dan ‘*Microsoft Bing*’ yang ditulis oleh Ijlalina Nadzirah Md Yunos, Muhamadul Bakir Yaakub dan Muhamad Alif Sismat (2023) dijalankan bertujuan untuk menunjukkan perbezaan kualiti hasil terjemahan manusia dengan terjemahan mesin iaitu mesin terjemahan *Google* dan *Microsoft Bing*. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif deskriptif dengan menganalisis sampel teks-teks hadith yang dipilih secara rawak dari Kitab al-Azkar karangan Imam an-Nawawi. Melalui kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa kata nama Arab-Melayu yang diterjemahkan oleh mesin terjemahan *Google* dan *Microsoft Bing* dilihat pada kadar sederhana dari segi kesesuaian dan ketepatan makna. Walau bagaimanapun, kedua-dua buah mesin terjemahan tersebut tidak dapat memberi makna bersesuaian dalam teks sasaran berdasarkan makna sebenar daripada teks sumber. Rentetan itu, pengkaji mencadangkan agar kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pakar IT dan para penterjemah untuk melakukan anjakan paradigma dalam bidang penterjemahan.

Lanjutan itu, kajian Haslina Haroon (2023) dalam “Terjemahan Puisi Kanak-Kanak Dalam Bahasa Melayu: Bentuk Teks Sasaran dan Teknik Penyesuaian” menjelaskan cara puisi kanak-kanak yang terkandung dalam buku *Haji’s Book of Malayan Nursery Rhymes* (1939) diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dengan mengambil kira kurangnya kajian yang memfokuskan sastera kanak-kanak dalam bentuk puisi. Kajian ini dijalankan dengan bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan cara penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah dalam terjemahan puisi kanak-kanak dalam bahasa Melayu. Metodologi yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah perbandingan antara 100 buah terjemahan puisi kanak-kanak dalam bahasa Melayu dengan teks sumber untuk menentukan tahap persamaannya dari segi semantik berdasarkan kerangka Low (2013). Oleh hal yang demikian, pengkaji telah mendapati beberapa kata nama, kata tempat dan nama tumbuh-tumbuhan yang diterjemahkan mengikut kesesuaian konteks.

Kajian Ain Alizuddin dan Athirah Mohd Arif (2021) pula telah dijalankan untuk mengenal pasti kesalahan penggunaan ortografi dalam penulisan esei pendek penutur asing serta kesalahan penggunaan dari aspek morfologi dalam penulisan esei pendek penutur asing. Kajian ini dijalankan di Pusat Bahasa dan Pengajian Umum (PBPU) di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang menawarkan kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Sampel kajian yang terdiri daripada 26 orang pelajar antarabangsa yang mengambil kursus bahasa Melayu Pertengahan (BMU3152) di UPSI. Responden terdiri daripada pelbagai negara, iaitu China, Indonesia, Bangladesh dan Mesir yang mempunyai latar belakang dan bahasa ibunda yang berbeza. Majoriti responden ialah pelajar dari negara China. Daripada jumlah tersebut, 10 orang responden merupakan pelajar lelaki, manakala seramai 16 orang responden merupakan pelajar perempuan. Dapatan kajian menunjukkan kesalahan bahasa dapat dikategorikan kepada kesalahan ortografi/ejaan dan morfologi serta menunjukkan aspek bahasa ibunda banyak mempengaruhi penulisan esei pelajar. Selain itu, didapati bahawa penguasaan bahasa Melayu pelajar pada tahap asas dan kosa kata yang terhad menyebabkan pelajar mendapat markah yang rendah dalam penulisan esei.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Anuar Sopian, Asyikeen Kamarudin, Fazlinda Hamzah dan Mohd Azlan Sharifudin (2020) adalah untuk mengenal pasti ketepatan aplikasi ‘Google Translate’ dalam menterjemahkan bahasa Melayu ke bahasa Arab skrip main peranan (*role play*) bahasa Arab pelajar dan sejauh mana para pelajar dapat memurnikan hasil terjemahan melalui aplikasi ‘Google Translate’. Sampel kajian yang terdiri daripada 15 kumpulan pelajar program Diploma Fakulti Pengurusan Pelancongan dan Fakulti Pengurusan Perniagaan yang mengikuti kursus Bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa bentuk frasa dan perkataan yang perlu kepada penambakan, pemurnian atau penyuntingan. Antara kriteria kesalahan penterjemahan yang dapat ditemukan ialah kesalahan berkaitan penggunaan kosa kata dan struktur ayat.

Selain itu, kajian “Peribahasa Melayu Dan Terjemahannya Dalam Bahasa Inggeris Dari Aspek Budaya” yang dijalankan oleh Nurul Asmaa Akmal Md Din dan Awang Azman Awang Pawi (2020) mengkaji proses penterjemahan peribahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menyelesaikan isu terjemahan unsur budaya yang rumit. Dalam pada itu, kajian ini mempunyai objektif untuk mengenal pasti persamaan padanan bahasa Inggeris yang digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya dalam peribahasa Melayu serta mengenal pasti kaedah terjemahan yang digunakan dalam memproses penterjemahan tersebut. Pengkaji juga melaksanakan pendekatan Newmark (1988) sebagai pendekatan unsur budaya untuk melihat padanan makna peribahasa Melayu dalam bahasa Inggeris. Kaedah yang digunakan oleh Nurul Asmaa dan Awang Azman (2020) dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang berdasarkan perbandingan. Rentetan itu, pengkaji mendapati bahawa peribahasa Melayu dapat diterjemahkan dengan menggunakan beberapa kaedah, iaitu kaedah terjemahan bebas, terjemahan adaptasi, pengembangan dan proses pemindahan.

Dalam pada itu, Hazreen Shah Hassan (2019) dalam kajiannya untuk mengenal pasti kesalahan penggunaan kata dan pembentukan ayat dalam penulisan dan menganalisis jenis-jenis kesalahan dalam penulisan rencana akhbar berdasarkan perspektif Waterhouse (1989). Kajian yang dijalankan pada tahun 2019 dengan memfokuskan kepada keratan akhbar seperti Berita Harian dan Utusan Malaysia yang diterbitkan sepanjang 1 Oktober sehingga 30 November 2016. Dapatan kajian menunjukkan kesalahan dalam pemilihan kata menyebabkan pembaca mengalami keaburan dan kekeliruan makna terhadap kata yang digunakan. Selain itu, sebanyak 128 penggunaan kata atau ayat didapati tidak menepati saranan Waterhouse (1989).


Mohammed Zin Nordina, Mohd Taib Ariffin, Khairul Azam Baharin dan Siti Munirah Md. Zukhid (2014) dalam kajiannya untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan bahasa yang terdapat pada papan-papan tanda perniagaan di pekan Jitra, Kedah serta mengenal pasti kategori perniagaan yang mempunyai peratusan kesalahan bahasa tertinggi pada papan-papan tanda perniagaan di pekan Jitra, Kedah. Kajian yang dijalankan di Jitra, Kedah yang memfokuskan papan-papan tanda perniagaan bagi sektor perniagaan. Sampel kajian yang terdiri daripada lima buah kedai dari tujuh jenis perniagaan yang terdapat di pekan ini dipilih untuk tujuan kajian. Tujuh jenis perniagaan yang dipilih ialah perniagaan kedai perabot, kedai

jahit, kedai besi dan elektrik, kedai runcit, kedai kain, kedai ubat, dan juga kedai makan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga aspek kesalahan bahasa yang dapat dikesan terdapat pada papan tanda perniagaan yang dikaji iaitu dari segi ejaan, morfologi, dan frasa berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap papan-papan tanda perniagaan.

Tuntasnya, jelaslah bahawa terdapat beberapa kajian lepas yang telah mengkaji terjemahan perkataan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu seperti kajian Haslina Haroon (2023) dan kajian Nurul Asmaa Akmal Md Din dan Awang Azman Awang Pawi (2020). Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian tersebut lebih memfokuskan terjemahan peribahasa dan puisi kanak-kanak. Dalam pada itu, pengkaji juga memperoleh beberapa kajian lepas yang membincangkan ketepatan dan kesalahan terjemahan mesin. Antaranya ialah, kajian Ijlalina Nadzirah Md Yunos, Muhamadul Bakir Yaakub dan Muhamad Alif Siswat (2023) dan kajian Anuar Sopian, Asyikeen Kamarudin, Fazlinda Hamzah dan Mohd Azlan Sharifudin (2020) yang menjadikan aplikasi *Google Translate* dan *Microsoft Bing* sebagai bahan kajian. Namun begitu, kedua-dua kajian ini memfokuskan terjemahan bahasa Arab kepada bahasa Melayu dan sebaliknya. Dalam pada itu, pengkaji juga melampirkan beberapa kajian lepas yang membincangkan contoh-contoh kesalahan morfologi dan ortografi yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan. Oleh hal yang demikian, berdasarkan sorotan literatur bagi semua kajian lepas yang dikemukakan oleh pengkaji, perkara ini menunjukkan bahawa kurangnya kajian yang menerangkan aspek kesalahan terjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam hantaran di media sosial, sekali gus menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan sorotan literatur yang bersesuaian. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi jurang kajian dalam bidang penterjemahan.

## **KERANGKA TEORITIKAL**

Rajah 1.1 di bawah menunjukkan kerangka teoritikal kajian analisis kesalahan terjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam hantaran di media sosial.



**OBJEKTIF 1 :**

Mengenal pasti ketepatan teknologi terjemahan media sosial dalam proses menterjemahkan hantaran bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu



Ahmad Jalaluddin Al-Islami Moh Shin Muhammad Arsyad Abdul Majid Norhazlina Husin (2021)

Prosedur Terjemahan Unsur Budaya Ekologi Dalam Al-Quran

Vinay & Darbelnet (1995) memperkenalkan dua kaedah terjemahan iaitu terjemahan langsung (*direct translation*) dan terjemahan tidak langsung (*oblique translation*) atau juga dikenali sebagai kaedah formal dan kaedah dinamik (Norizah et al., 2011).

Kaedah terjemahan secara langsung terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

- i. **Pinjaman** (*Borrowing*) - menulis kembali istilah bahasa sumber ke dalam bahasa yang diterjemahkan tanpa melakukan penambahan apa pun. Contohnya perkataan bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab seperti صلاة kepada solat, زكاة kepada zakat dan حلال kepada halal.
- ii. **Peniruan** (*Calque*) - kemasukan istilah pinjaman ke dalam bahasa sasaran. Dalam kaedah ini, hanya istilahnya sahaja yang ditiru dan diterjemahkan. Terdapat dua jenis iaitu peniruan leksikal dan peniruan struktur. Peniruan leksikal ialah ekspresi baru yang diperkenalkan kepada bahasa sasaran di samping patuh kepada struktur sintaksis bahasa tersebut. Istilah asing yang tidak dimiliki dalam bahasa sasaran kemudian diterjemahkan mengikut struktur bahasa sasaran. Manakala peniruan struktur adalah menggunakan perkataan dalam bahasa sasaran.
- iii. **Penterjemahan Harfiah/ Terjemahan Literal** (*Literal Translation*) - kaedah ini berusaha memberi makna setiap kata yang ada dalam bahasa sumber serta menyesuaikan dengan kaedah bahasa sasaran. Kaedah ini ialah dengan menggantikan perkataan atau frasa dalam ayat tanpa perlu melakukan perubahan yang besar terhadap kedudukan struktur atau susunannya.



**OBJEKTIF 2:**

Menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat dalam terjemahan hantaran media sosial.



Mohamad Nor Amin Samsun Baharun  
 Naimah Abdullah  
 (2011)

Kesilapan Terjemahan Bahasa Arab - Bahasa Melayu dalam Ejen Carian Google:  
 Satu Kajian Semantik

**3.1 Kata Nama**

i) Terjemahan tidak tepat

Perkataan dari Bahasa Sumber	Terjemahan Google	Terjemahan Betul
الجو	hal	cuaca
الجمعية	majlis	persatuan
ميزانية	anggaran	bajet
مرحبة	nyaman	selesa
الكتاب	arahan	buku
الملعب	nada	padang
الصحون	hidangan	pinggan
السلم	keamanan	tangga
ماذا	mengapa	apa

v) Nahu – Menggugurkan kata imbuhan

Perkataan dari Bahasa Sumber	Terjemahan Google	Terjemahan Betul
الوجه	makan	makanan

Apabila perkataan ini diterjemahkan, ianya diterjemahkan kepada kata kerja iaitu **makan**, sedangkan imbuhan **-an** sepatutnya perlu diletakkan di hujung perkataan bagi menyampaikan maksud sebenar.

**3.2 Kata Kerja**

i) Terjemahan ke bahasa Indonesia

Perkataan dari Bahasa Sumber	Terjemahan Google	Terjemahan Betul
تَشَاخُرٌ	ribut	Bertengkar
لَا أَشْتَطِيعُ	tidak bisa	tidak boleh

**Rajah 1.1: Kerangka Teoritikal**

**METODOLOGI**

Kebiasaannya, reka bentuk kajian akan terbahagi kepada dua iaitu kajian kualitatif dan kajian kuantitatif. Kajian kualitatif merujuk kajian yang lebih menekankan kepada kandungan dan proses kajian. Kajian kuantitatif pula merupakan kajian yang memfokuskan kepada mengukur kajian dari segi kuantiti yang terdapat dalam kajian. Bagi kajian yang dijalankan ini, reka bentuk kajian kualitatif sangat sesuai dan relevan untuk digunakan. Hal ini demikian kerana, kajian ini lebih mengutamakan sudut kandungan yang diperolehi dan bukannya dari segi kuantiti.

Untuk kaedah penganalisan data pula, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen yang berbentuk tangkap layar. Untuk mendapatkan data, pengkaji menggunakan kandungan-kandungan dan hantaran-hantaran yang terdapat dalam media sosial seperti

Facebook, TikTok, Instagram dan X. Pengkaji telah membuat tangkap layar terhadap kandungan yang dihantar dalam bahasa Inggeris. Kemudian, pengkaji akan menggunakan fitur ‘lihat terjemahan’ atau ‘see translations’ yang telah tersedia di dalam hantaran tersebut dan menangkap layar hantaran tersebut. Daripada tangkap layar yang telah dilakukan iaitu dalam kedua-dua bahasa (bahasa Inggeris dan bahasa Melayu), pengkaji telah melakukan kaedah analisis dokumen bagi mengenal pasti ketepatan terjemahan berdasarkan gambar tangkap layar yang diperolehi. Dalam pada itu, pengkaji juga menggunakan landasan teori terjemahan secara langsung yang telah diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) dalam kajian Amirul Hisham Afandi dan Mohd Zulkifli Talib (2024) untuk mengenal pasti proses penterjemahan yang dilakukan oleh fitur ‘lihat terjemahan’ dalam media sosial.

Lantaran itu, pengkaji dapat meneruskan langkah seterusnya iaitu dengan melakukan perbandingan teks antara terjemahan dalam bahasa Inggeris dan terjemahan bahasa Melayu untuk menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat di dalamnya. Akhir sekali, pengkaji akan menghuraikan setiap kesalahan tersebut dengan mengklasifikasikan kepada beberapa kategori serta memberi cadangan pembetulan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan memaparkan segala maklumat hasil daripada pengumpulan terjemahan hantaran melalui aplikasi X, Instagram dan TikTok. Dalam pada itu, pengkaji akan menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat dalam hantaran tersebut dengan menjadikan objektif-objektif kajian sebagai garis panduan dalam membentangkan huraian dalam makalah ini. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa kesalahan bahasa dalam enam terjemahan hantaran di media sosial yang dapat dikenal pasti, antaranya ialah tiga hantaran yang ditemui di aplikasi X, satu hantaran di TikTok, dan dua hantaran di platform Instagram seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Terjemahan Hantaran dalam Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu**

Aplikasi	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
X	“... <i>you have our deepest thanks.</i> ”	“Anda mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga.”
	“ <i>Video of a man infected with rabies showing symptoms of hydrophobia.</i> ”	“Video seorang lelaki yang dijangkiti <i>rabies</i> menunjukkan gejala hidrofobia.”
	“ <i>Weii so all of you have experienced this? I went to Uniqlo earlier and was so grossed out and I had to walk out cuz I couldn’t stand a group of them smelling like sweat. And I kept smelling it throughout Mid Valley. Use la</i> ”	“Weii so korang semua pernah alami ke? Saya pergi ke Uniqlo lebih awal dan sangat membosankan dan saya terpaksa keluar kerana saya tidak tahan sekumpulan mereka berbau peluh. Dan saya terus menghidunya di seluruh Mid



	<i>perfume at least.</i> ”	Valley. Gunakan la minyak wangi sekurang-kurangnya.”
Tiktok	“ <i>The surprise at the end.</i> ”	“Kejutan <b>pada akhir.</b> ”
Instagram	“ <i>Meet Sharifah Hani Yasmin, and her husband, Fauzan Azmi! They’re a Malaysian couple who are travelling the world while working as digital nomads. The 28-year-olds, who met at university in the UK and married soon after returning to Malaysia, said the idea of becoming digital nomads took root when they both felt “stuck” during the pandemic.</i> ”	“Temui Sharifah Hani Yasmin, dan suaminya, Fauzan Azmi! <b>Mereka adalah pasangan</b> Malaysia yang menjelajah dunia sambil bekerja sebagai nomad digital. <b>Kanak-kanak berusia 28 tahun itu</b> , yang bertemu di sebuah universiti di UK dan <b>berkahwin tidak lama lagi selepas pulang ke Malaysia</b> , berkata idea untuk menjadi nomad digital berakar umbi apabila mereka berdua berasa “terjebak” ketika wabak tersebut.
	“ <i>More than 7000 person are missed and yesterday more than 1000 Palestinian got killed in the same day.</i> ”	“ <b>Lebih 7000 orang dirindui</b> dan semalam sahaja lebih 1000 orang Palestin terbunuh pada hari yang sama.”

Jadual 1 di atas jelas menunjukkan bahawa fitur ‘lihat terjemahan’ yang terdapat dalam aplikasi X, Instagram dan TikTok mempunyai kesalahan bahasa dari pelbagai aspek seperti yang diketengahkan oleh Ijlalina Yunos, Muhamadul Bakir Yaakub dan Muhamad Alif Sismat (2023). Pengkaji lepas turut menyatakan terdapat banyak perkataan yang tidak berjaya diterjemahkan dengan tepat dan sempurna oleh terjemahan mesin (Muhammadul Bakir, Alif Sismat dan Ijlalina Yunos, 2020; Amin Baharun dan Naimah Abdullah, 2011 dalam Ijlalina Yunos, Muhamadul Bakir Yaakub dan Muhamad Alif Sismat, 2023).

Rentetan itu, pengkaji akan menganalisis setiap kesalahan yang diperolehi dengan memberi beberapa cadangan pembetulan yang bersesuaian dengan konteks. Hasil daripada penganalisisan yang telah dilaksanakan, kesalahan bahasa dapat dikategorikan kepada kesalahan penggunaan kata ganti nama, kesalahan komponen morfologi, kesalahan komponen sintaksis dan kesalahan komponen semantik.

## KESALAHAN KOMPONEN MORFOLOGI

Morfologi merupakan sebuah bidang ilmu linguistik yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu (Nik Safiah Karim et al., 2016 dalam Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron, 2016). Pengkaji Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) juga mengatakan bahawa, “struktur kata bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna, manakala bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.” Kesalahan morfologi pula dapat diterangkan sebagai kesalahan yang

melibatkan struktur, bentuk dan penggolongan sesuatu kata (Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif, 2021 dalam kajian kajian Muhammad Faizul Abd Hamid, Daniel Salleh Mokhtar dan Rohaidah Haron, 2022). Berdasarkan penelitian penulis, makalah ini akan membincangkan kesalahan morfologi yang melibatkan kesalahan penggunaan kata ganti nama diri, kata pinjaman bahasa Inggeris dan kata pemerii.

### **Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri**

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015) dalam kajian Muhammad Faizul Abd Hamid, Daniel Salleh Mokhtar dan Rohaidah Haron (2022), kata ganti nama diri orang didefinisikan sebagai kata yang merujuk diri orang tertentu yang terbahagi kepada tiga jenis, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua dan kata ganti nama diri ketiga. Tamsilnya, kata ganti nama diri pertama merujuk kepada “aku,” dan “saya”, kata ganti nama diri kedua pula terdiri daripada “kau” dan “anda”, manakala kata ganti nama diri ketiga ialah “dia” dan “beliau” (Muhammad Faizul Abd Hamid, Daniel Salleh Mokhtar dan Rohaidah Haron, 2022). Walau bagaimanapun, pengkaji telah menemukan kesalahan penggunaan kata ganti nama diri dalam salah satu terjemahan hantaran di media sosial iaitu aplikasi X.

**Jadual 2: Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri**

<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Cadangan Pembetulan</b>
“... <i>all of you</i> ...”	“...korang semua...”	Kalian

Jadual 2 di atas menunjukkan perkataan ‘*all of you*’ yang ditulis dalam salah sebuah hantaran di aplikasi X telah diterjemahkan dengan menggunakan kata ganti nama diri yang kurang tepat iaitu ‘korang semua’. Hal ini demikian kerana, perkataan ‘korang semua’ diistilahkan sebagai kata ganti nama diri kedua jamak yang dituju kepada lebih daripada seorang audiens (Awang Sariyan, 2007 dalam penulisan Maslida Yusof, 2018). Maslida Yusof (2018) turut mengklasifikasikan ‘korang semua’ sebagai salah satu kata ganti nama diri kontemporari yang diguna pakai secara meluas dalam kalangan golongan orang dewasa. Hal ini demikian kerana, ‘korang semua’ direka dengan menggabungkan kata ganti nama kedua iaitu ‘kau’ dengan perkataan ‘orang’ yang menggantikan perkataan kalian. Oleh hal yang demikian, penulis mencadangkan perkataan ‘korang semua’ dibetulkan menjadi kalian.

### **Kata Pinjaman Bahasa Inggeris**

Harimurti (1983) dalam kajian Puteri Roslina Abdul Wahid (n.d.) menjelaskan proses peminjaman perkataan sebagai sebuah proses peminjaman (*borrowing*) yang memasukkan unsur fonologi, gramatikal atau leksikal dalam bahasa lain kerana peniruan. Di samping itu, Puteri Roslina Abdul Wahid (n.d.) pula melihat proses peminjaman boleh terhasil daripada pertembungan bahasa yang dipandang oleh sesetengah ahli antropologi sebagai suatu unsur pertembungan budaya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mendefinisikan kata

pinjaman merupakan perkataan yang diambil daripada bahasa asing, misalnya bahasa Inggeris. Oleh hal yang demikian, kata pinjaman bahasa Inggeris ialah penyerapan perkataan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Oleh itu, penulis mendapati bahawa terdapat satu hantaran yang masih mengandungi perkataan bahasa Inggeris setelah hantaran itu diterjemahkan secara automatik seperti berikut:

**Jadual 3: Kata Pinjaman Bahasa Inggeris**

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Cadangan Pembetulan
<i>“Video of a man infected with rabies showing symptoms of hydrophobia.”</i>	“Video seorang lelaki yang dijangkiti rabies menunjukkan gejala hidrofobia.”	Video seorang lelaki yang dijangkiti <b>penyakit anjing gila</b> menunjukkan gejala hidrofobia.

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa kata pinjaman bahasa Inggeris iaitu ‘rabies’ tidak dapat diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Hal ini berlaku disebabkan oleh kurangnya perbendaharaan kata yang sesuai untuk menterjemahkan perkataan tersebut. Oleh hal yang demikian, “untuk menyampaikan mesej dalam ayat, mereka menggunakan strategi mudah, iaitu dengan menggunakan perkataan dalam bahasa Inggeris” (Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron, 2016). Oleh itu, kata pinjaman ‘rabies’ harus diterjemahkan kepada ‘penyakit anjing gila’ (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017).

### Kata Pemerih

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2018), “kata pemerih bermaksud unsur yang menjadi pemerih hal atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.” Kata pemerih ‘ialah’, menunjukkan persamaan dan hadir di hadapan frasa nama, manakala kata pemerih ‘adalah’, menunjukkan huraian dan hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018). Kajian Muhammad Faizul Abd Hamid, Daniel Salleh Mokhtar dan Rohaidah Haron (2022) turut memberi pendapat bahawa kata pemerih ialah kata tugas yang digunakan sebagai perangkai antara subjek dengan kata frasa utama dalam predikat. Penggunaan kata pemerih ‘ialah’ wujud di hadapan frasa nama, manakala kata pemerih ‘adalah’ digunakan sebelum kata sendi nama dan kata adjektif (Muhammad Faizul Abd Hamid, Daniel Salleh Mokhtar dan Rohaidah Haron, 2022).

**Jadual 4: Kesalahan Kata Pemerih**

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Cadangan Pembetulan
<i>“They’re a Malaysian couple...”</i>	“Mereka adalah pasangan Malaysia...”	Mereka ialah pasangan Malaysia...

Berdasarkan jadual 4, terdapat kesalahan kata pemerai yang dapat dikenal pasti hantaran yang diterjemahkan di aplikasi Instagram iaitu penggunaan kata pemerai ‘adalah’ di hadapan perkataan ‘pasangan’. Pemilihan kata pemerai oleh terjemahan elektronik ini dianggap kurang tepat kerana telah melanggar hukum tatabahasa. Oleh itu, kata pemerai tersebut harus digantikan dengan kata pemerai ‘ialah’. Hal ini bersesuaian dengan perkataan ‘pasangan’ itu merupakan kata nama yang membawa makna “sesuatu yang menjadi regu atau jodoh kepada sesuatu yang lain; satu daripada dua yang berpasang-pasang” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

### KESALAHAN KOMPONEN SINTAKSIS

Nik Safiah Karim (1996) dalam kajian Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) mentakrifkan sintaksis sebagai suatu bidang ilmu linguistik yang menganalisis bentuk, struktur dan binaan ayat serta membincangkan hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa. Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) telah membahagikan kesalahan sintaksis kepada beberapa jenis iaitu pengaruh bahasa lisan, kesilapan aras frasa, kekaburan makna, ayat tidak gramatis, ayat sukar ditafsir, binaan subjek dan predikat, dan ayat tergantung. Oleh hal yang demikian, penulis telah mengenal pasti beberapa kesalahan sintaksis berdasarkan hantaran-hantaran yang diterjemahkan seperti berikut:

**Jadual 5: Kesalahan Komponen Sintaksis**

Bil.	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Cadangan Pembetulan
1.	“...you have our deepest thanks.”	“Anda mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga.”	Kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada anda
2.	“...I went to Uniqlo earlier... “	“Saya pergi ke Uniqlo lebih awal...”	Saya pergi ke Uniqlo sebentar tadi
3.	“The surprise at the end.”	“Kejutan pada akhir.”	Kejutan pada penghujungnya
4.	“...and married soon after returning to Malaysia...”	“...dan berkahwin tidak lama lagi selepas pulang ke Malaysia...”	...dan berkahwin tidak lama selepas pulang ke Malaysia

Jadual 5 di atas jelas menunjukkan beberapa contoh kesalahan sintaksis daripada hantaran-hantaran yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Seiring dengan pembahagian jenis kesalahan sintaksis yang dihuraikan oleh Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016), hantaran 1 perlu dibetulkan menjadi ‘kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada anda.’ Hal ini demikian kerana, terjemahan ‘anda mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga’ tersebut mempunyai kekeliruan makna dan sukar ditafsir.

Selain itu, penulis berpendapat bahawa hantaran kedua perlu diterjemahkan kepada ‘saya pergi Uniqlo sebentar tadi.’ Hal ini kerana perkataan bahasa Inggeris ‘*earlier*’ merujuk kepada kata adverba atau kata keterangan masa yang menerangkan titik atau tempoh masa sebelum masa kini atau sebelum masa yang dibincangkan (Collins English Dictionary, n.d.). Bersesuaian dengan konteks terjemahan hantaran 2 tersebut, perkataan ‘sebutan tadi’ lebih tepat digunakan yang juga membawa makna yang sinonim dengan perkataan bahasa Inggeris ‘*earlier*’ atau ‘*previously*’ berbanding dengan penggunaan perkataan ‘lebih awal’ agar makna ayat terjemahan tersebut dapat dibaca dengan lebih gramatis serta jelas penyampaiannya.

Di samping itu, setelah menganalisis penulis telah dapati bahawa hantaran ketiga salah dari hukum sintaksis. Ayat yang telah diterjemahkan berbentuk “Kejutan pada akhir.”. Perkataan akhir tidak sesuai jika ingin diterjemahkan bagi perkataan *end* kerana “akhir” itu merujuk kepada penggunaan penamat pusingan pertandingan, siri cerita dan peperiksaan. Oleh hal yang demikian, penulis mencadangkan agar perkataan “akhir” digantikan dengan “penghujung”. Menurut Cambridge Dictionary (n.d.), perkataan *end* merujuk kepada satu situasi di mana penghujung sesuatu bahagian atau rancangan. Hantaran dilakukan bersama hantaran video yang memaparkan sikap-sikap kucing yang lucu dan aneh. Hantaran dilakukan kerana ingin menyatakan ada kejutan pada penghujung video di mana tampak sikap kucing yang bersikap lucu.

Akhir sekali, penulis sependapat bahawa “...dan berkahwin tidak lama lagi selepas pulang ke Malaysia...” merupakan terjemahan yang salah bagi ayat “...*and married soon after returning to Malaysia...*”. Penulis ingin mencadangkan “...dan berkahwin tidak lama selepas pulang ke Malaysia”. Hal ini kerana perkataan lagi selepas penggunaan lama tidak sesuai digunakan dan akan menimbulkan kekeliruan pembaca yang membaca hantaran tersebut kerana penggunaan tidak lama lagi menunjukkan bahawa pasangan suami isteri itu masih belum berkahwin dan akan berkahwin tidak lama lagi selepas pulang ke Malaysia. Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan kekeliruan di dalam kalangan pembaca, penulis mencadangkan agar perkataan “lagi” dibuang di dalam ayat tersebut.

## **KESALAHAN KOMPONEN SEMANTIK**

Semantik merupakan kajian bahasa yang mengkaji tentang sesuatu makna perkataan. Menurut Nathesan (2008), Semantik dapat dijelaskan sebagai satu bidang ilmu yang mengkaji makna perkataan dan ayat dalam bahasa. (Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019). Menurut kertas kajian lain, semantik juga membawa maksud kajian tentang lambang atau tanda yang menyatakan makna, hubungan antara satu makna dengan makna yang lain serta pengaruh makna terhadap masyarakat (Subet, Nadarajan, Osman, & Hassan, 2015). Kesalahan dari segi semantik adalah apabila sesuatu perkataan itu mempunyai makna yang berbeza daripada maksud yang ingin disampaikan. Kesalahan komponen semantik ini juga merujuk kesalahan pemilihan sesebuah perkataan di dalam suatu ayat. Dalam konteks ini walaupun perkataan tersebut dapat difahami oleh pengguna bahasa Melayu namun penggunaannya tidak

bersesuaian dengan tatabahasa bahasa Melayu dan ini menyebabkan ayat tersebut menjadi ayat taksa atau tidak benar. (Zaliza Mohamad Nasir, 2017). Jelaslah di sini bahawa sesuatu terjemahan itu tidak semestinya benar dan mengikut hukum tatabahasa bahasa Melayu. Oleh itu, penulis telah menganalisis kesalahan-kesalahan yang didapati melalui hantaran yang diterjemahkan melalui aplikasi X dan juga *Instagram* seperti berikut:

**Jadual 6: Kesalahan komponen semantik**

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Cadangan Pembetulan
“...grossed out...”	“...sangat membosankan...”	Sangat menjengkelkan
“The 28-year-olds, who met at university in the UK...”	“Kanak-kanak berusia 28 tahun itu, yang bertemu di sebuah universiti di UK...”	Pasangan berusia 28 tahun itu, yang bertemu di sebuah universiti di UK
“...7000 person are missed...”	“...7000 orang dirindui...”	7000 orang telah hilang

Jadual 6 telah menunjukkan dengan jelas kesalahan dari segi komponen semantik jika perkataan atau ayat yang berbahasa Inggeris diterjemahkan ke bahasa Melayu. Perkara ini juga dapat dilihat berdasarkan perbandingan teks dalam jadual 6 di atas yang menunjukkan berlakunya kepincangan makna disebabkan oleh berlakunya terjemahan harfiah daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran seperti yang diterangkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) dalam proses terjemahan secara langsung. Contoh yang pertama iaitu “*grossed out*” telah salah maknanya jika diterjemahkan ke bahasa Melayu iaitu “sangat membosankan”. Melalui konteks ayat yang ingin disampaikan, individu yang menulis ayat ini ingin menggambarkan satu situasi di mana dia sedang berada di dalam suatu pusat membeli-belah dan dikelilingi oleh orang yang berpeluh dan mengeluarkan bau yang kurang senang. Oleh hal demikian, bagi konteks ini “sangat membosankan” tidak boleh diguna pakai. Penulis mencadangkan agar ayat itu dibetulkan dengan sangat menjengkelkan.

Selain itu, contoh kedua pula menunjukkan ayat “*The 28-year-olds, who met at university in the UK...*”, dan terjemahannya pula ialah “Kanak-kanak berusia 28 tahun itu, yang bertemu di sebuah universiti di UK...”. Terjemahan ini juga salah mengikut hukum tatabahasa kerana lari daripada konteks sebenar. Penulis hantaran ini ingin menggambarkan sepasang suami isteri yang telah berkahwin selepas berjumpa di sebuah universiti yang terletak di *United Kingdom*. Penulis juga ingin menggambarkan bahawa pasangan itu kini sudah berumur 28 tahun. Oleh itu, penulis mencadangkan agar terjemahan itu menjadi “Pasangan berusia 28 tahun itu, yang bertemu di sebuah universiti di UK”. Hal ini demikian kerana penulis ingin menjadikan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu bagi ayat itu selari sama maksudnya.

Akhir sekali, contoh ketiga menunjukkan ayat “...7000 person are missed...”. Hantaran ini dihantar di aplikasi *Instagram* dan apabila diterjemahkan ke bahasa Melayu aplikasi itu

memberikan ayat “...7000 orang dirindui...”. Melalui konteks ini, dapat dilihat bahawa hantaran yang dilakukan ingin menyatakan satu situasi di mana rakyat Palestin telah dilaporkan hilang dan sejumlah warga Palestin telah dibunuh. Oleh itu, penulis ingin mencadangkan agar ayat itu dibetulkan dengan “7000 orang telah hilang” supaya selari dengan konteks yang ingin disampaikan. Kesimpulannya, ketiga-tiga hantaran ini tampak jelas bahawa kesalahan semantik yang dilakukan oleh teknologi terjemahan yang bercanggah dengan hukum tatabahasa Melayu. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang dinamik dan *universal* dan ini merupakan punca teknologi terjemahan sering melakukan kesilapan untuk menterjemah sesuatu ayat atau perkataan.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, izharlah bahawa setiap alat yang digunakan pasti ada kekurangan. Teknologi pada zaman kini sememangnya canggih dan juga mempunyai fitur yang menarik dan dapat membantu penggunaanya. Walau bagaimanapun, teknologi juga mempunyai kelemahan tersendiri seperti mesin terjemahan. Menurut beberapa kajian, antara kelemahan yang ada pada terjemahan mesin ialah dari aspek semantik. Banyak perkataan yang gagal diterjemahkan dengan sempurna dan tepat (Ijlalina Nadzirah Md Yunos, Muhamadul Bakir Yaakub, Muhamad Alif Sismat, 2023; Muhammadul Bakir, Alif Sismat dan Ijlalina Yunos, 2020; Amin Baharun dan Naimah Abdullah, 2011). Melalui kajian yang telah dilakukan, pengkaji membuktikan bahawa teknologi terjemahan ini mampu terjemah sesuatu perkataan atau ayat tetapi terjemahan itu tidak mengikut sistem tatabahasa Bahasa Melayu. Terdapat banyak kesalahan yang dilakukan dari segi morfologi, sintaksis dan juga semantik bagi menterjemahkan sesuatu ayat. Hal ini akan menimbulkan kekeliruan bagi pengguna kerana ayat yang diterjemah memberikan maksud yang lain. Masalah ini lebih tertumpu kepada sesetengah rakyat Malaysia yang tidak mahir dalam bahasa Inggeris. Impaknya, pengguna akan cenderung untuk melakukan kesalahan dari segi tatabahasa dan memberi kesan dalam jangka masa panjang. Dalam pada itu, penulis juga berpendapat bahawa penulisan bahasa Inggeris yang tidak tepat oleh para pengguna di media sosial juga mempengaruhi ketepatan terjemahan kepada bahasa Melayu. Justeru, cadangan penulis agar pengkaji seterusnya membuat kajian terhadap kesan teknologi terjemahan kepada generasi muda pada zaman kini dan kesannya terhadap tatabahasa bahasa Melayu pada masa akan datang.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Jalaluddin Al-Islami Moh Shin, et al. “Prosedur Terjemahan Unsur Budaya Ekologi Dalam Al-Quran.” *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, vol. 18, no. 4(SI), 2021, pp. 148–162, [journalarticle.ukm.my/17726/](http://journalarticle.ukm.my/17726/)
- Amirul Hisham Afandi, & Mohd Zulkifli Talib. (2024). Penelitian awal terjemahan Bahasa Melayu bahagian akidah dalam Safinah al-Ṣalāh. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 12(1), 77–85. <https://journalarticle.ukm.my/22999/>

- Anuar Sopian, Nur Asyikeen Kamarudin, Fazlinda Hamzah, Mohd Azlan Shah Sharifudin. (2020). Analisis Kesalahan Skrip Main Peranan (Role Play): Penterjemahan Teks Bahasa Melayu Ke Bahasa Arab Melalui Aplikasi Google Translate. *e-Journal of Media & Society*, 3(2), 19-25. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ejoms/article/view/15614>
- Cambridge Dictionary. (2024, January 3). *end*. @CambridgeWords. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english-malaysian/end> EARLIER definition and meaning | Collins English Dictionary. (2023, December 31). Collins Dictionaries. Retrieved December 31, 2023, from <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/earlier>
- Haroon, H. (2023). Terjemahan Puisi Kanak-Kanak dalam Bahasa Melayu: Bentuk Teks Sasaran dan Teknik Penyesuaian. *Malay Literature*, 36(2), 235–266. [https://doi.org/10.37052/ml36\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/ml36(2)no4)
- Hassan, M. H. S., & Shaari, S. N. (2019). Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa dalam Rencana Akhbar. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21(2), 55-71. <http://mojem.um.edu.my/index.php/JPMM/article/download/17938/10833>
- Ijlalina Nadzirah Md Yunos, Muhamadul Bakir Yaakub & Muhamad Alif Sismat. (2023). Kajian perbandingan penterjemahan kata nama Arab-Melayu menggunakan ‘Google Translate’ dan ‘Microsoft Bing’. *Asian People Journal*, 6(2). <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.402>
- Kahar, U. U. (2020). Terjemahan Aforisme dalam Karya Tuan Gatsby. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 267–286. [https://doi.org/10.37052/jb20\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jb20(2)no4)
- Maslida Yusof. (2018). Trend Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dalam Konteks Media Sosial. *Jurnal Komunikasi*, 34 (2), 43-47. [https://www.researchgate.net/publication/326126675\\_Trend\\_Ganti\\_Nama\\_Diri\\_Bahasa\\_Melayu\\_dalam\\_Konteks\\_Media\\_Sosial](https://www.researchgate.net/publication/326126675_Trend_Ganti_Nama_Diri_Bahasa_Melayu_dalam_Konteks_Media_Sosial)
- Md Din, N. A. A., & Awang Pawi, A. A. (2020). PERIBAHASA MELAYU DAN TERJEMAHANNYA DALAM BAHASA INGGERIS DARI ASPEK BUDAYA. *JURNAL MELAYU SEDUNIA*, 3(1), 210–241. Retrieved from <https://ajap.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/27639>
- Mohamad Nasir, Z. (2018). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal*, 4(1). <https://doi.org/10.11113/lspi.v4n1.44>
- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 15, 24-37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Daniel Salleh Mokhtar & Rohaidah Haron. (2022). Analisis



- kesalahan tatabahasa dalam teks perutusan khas perintah kawalan pergerakan (PKP) untuk mengawal wabak Covid-19. *PENDETA*, 13(1)  
<https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/6400/3694>
- Noor Hisham Abdullah. (2017). *Penyakit anjing gila (rabies)*. Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/penyakit-anjing-gila-rabies/>
- Nordin, M. Z., Ariffin, M. T., Bahari, K. A., & Zukhi, S. M. M. (2014). Analisis kesalahan penggunaan bahasa papan tanda perniagaan. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 330-349.  
[https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031668/pdf?md5=7b448e27e83bff0f95f35ab1e87e753b&pid=1-s2.0-S1877042814031668-main.pdf&\\_valck=1](https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814031668/pdf?md5=7b448e27e83bff0f95f35ab1e87e753b&pid=1-s2.0-S1877042814031668-main.pdf&_valck=1)
- Nur Munirah Mohamed Aziz & Rohaidah Kamaruddin. (2018). Kelainan Terjemahan Dalam Terjemahan Teks Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 73-81. <http://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/312/268>
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (n.d.) Peminjaman Kata Bahasa Inggeris Dalam Peristilahan Undang-Undang Bahasa Melayu. <https://mabbim.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2015/04/praw97.pdf>
- Subet, M. F., & Md Nasir, M. R. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Yaakub, M. B. H., Sismat, M. A. bin H., & Yunos, I. N. H. M. (2020). Analisis Semantik dan Pragmatik Terhadap Terjemahan Mesin Google Arab - Melayu. *JALL | Journal of Arabic Linguistics and Literature*, 2(2), 93–106. <https://doi.org/10.59202/jall.v2i2.345>
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP Internasional Journal*, 4(1), 23-25  
[https://core.ac.uk/display/199243823?utm\\_source=pdf&utm\\_medium=banner&utm\\_campaign=pdf-decoration-v1](https://core.ac.uk/display/199243823?utm_source=pdf&utm_medium=banner&utm_campaign=pdf-decoration-v1)

## BUDAYA PEMBELAJARAN KENDIRI DALAM KALANGAN GURU PELATIH PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN

Sapiee Saidi  
Halik Wang

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

### Abstrak

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneroka budaya pembelajaran sendiri dalam kalangan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Bagi mencapai tujuan tersebut, seramai 5 orang guru pelatih semester 2 Ambilan Jun 2022/27 bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan temu bual dan pemerhatian sebagai alat pengumpulan data kemudian dianalisis melalui transkripsi temu bual untuk mengenal pasti tema. Dapatan menunjukkan bahawa guru pelatih menerima serta bersedia menggunakan Budaya Pembelajaran Kendiri sebagai satu alternatif bagi merapatkan lagi jurang penguasaan kemahiran dalam sesuatu kursus. Melalui pembelajaran ini, guru pelatih dapat mengaplikasi amalan belajar berdikari yang berfokus kepada keaktifan pelajar dalam proses pembelajaran, memupuk kemandirian, inisiatif, dan kemahiran pemecahan masalah, serta memperkuat kesedaran diri terhadap gaya pembelajaran dan keperluan pembelajaran individu agar lebih berupaya untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan dalam bidang pekerjaan dan teknologi. Implikasi kajian ini membawa kepada cadangan bahagian akademik institusi untuk menyesuaikan teknik pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan kesediaan pembelajaran pantauan sendiri mengikut aras pengajian guru pelatih. Kesimpulannya, pembelajaran sendiri amat penting sebagai salah satu alternatif bagi menambah pengetahuan di luar waktu kuliah selain membantu meningkatkan pemahaman pelajar tentang sesuatu yang dipelajari tanpa tekanan dari pensyarah.

**Kata Kunci:** Pembelajaran sendiri, kemandirian, jurang.

### PENGENALAN

Dalam dunia yang moden dan serba canggih ini, seseorang guru pelatih harus belajar menyesuaikan diri dengan masa dan sebelum dapat memulakan tugas. Jelas terbukti, adalah sangat penting untuk belajar dan tahu gaya pembelajaran yang betul kerana gaya pembelajaran merupakan kunci kepada pengetahuan dan kejayaan seseorang. Sistem pendidikan masa kini yang semakin meluas telah merangkumi pelbagai bidang serta semakin berkembang pesat. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia turut memandang bidang pendidikan ini sangat kritikal dan perlu dibangunkan seiring dengan pembangunan negara. Justeru pelbagai inovasi dan pembaharuan telah diimplementasikan di dalam sistem pendidikan kini khususnya dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru. Robiah (2001) menyatakan bahawa, kunci kepada perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia hari ini adalah melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Kejayaan sesebuah institusi membekal persekitaran pendidikan yang membolehkan guru pelatih mencapai matlamat pembelajaran serta piawai akademik yang sewajarnya secara berkesan. Salah satu aspek penting dalam usaha meningkatkan kualiti pembelajaran ialah strategi yang digunakan oleh para pendidik bagi mengendalikan pengajaran dan pembelajaran (Julia et. Al 2021). Oleh itu, pembelajaran melalui pembelajaran sendiri adalah salah satu pendekatan pengajaran yang dijangka mampu memberi kesan kepada diri seseorang guru pelatih dan seterusnya membantu meningkatkan kualiti pendidikan. Kepercayaan terhadap diri sendiri adalah sangat penting untuk memastikan individu sentiasa berfikiran positif dan terus bersemangat dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang pelajar. Gaya pembelajaran yang betul juga adalah penting untuk memastikan seseorang itu terus cemerlang dan yakin dalam urusan akademik. Gaya pembelajaran adalah cara yang konsisten untuk bertindak dan menggunakan rangsangan dalam konteks pembelajaran. Dengan kata lain, gaya pembelajaran bukan menekankan apa yang dipelajari tetapi bagaimana seseorang itu memilih cara untuk belajar. Pembelajaran juga adalah usaha dalam menguasai dan memahami konsep dan dapat mengaplikasikan dalam kehidupan. Penyesuaian diri antara gaya pembelajaran dengan aktiviti adalah amat penting bagi mengelakkan wujudnya perasaan tidak berminat untuk belajar akibat kebosanan dalam belajar.

Shafinaz (2004), dalam kajiannya "*Tahap Kesediaan Pembelajaran Pantauan Kendiri Berdasarkan Gender*" terdapat banyak universiti pendidikan turut memberi penekanan kepada konsep pembelajaran terkini dan salah satunya adalah pendekatan konsep pembelajaran sendiri yang dipraktikkan secara meluas di Institusi Pendidikan Tinggi termasuk di Institut Pendidikan Guru (IPG). Seseorang pelajar yang proaktif dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sangat diperlukan untuk mencapai matlamat pendidikan sepanjang hayat. Sehubungan itu, bagi mengkaji keberkesanan pendekatan ini, satu kajian diperlukan untuk meneroka tahap kesediaan dalam kalangan guru pelatih itu sendiri. Konsep pembelajaran sendiri mempunyai perkaitan dengan tahap kesediaan belajar. Keberkesanan proses pembelajaran sendiri bergantung kepada tahap kesediaan sebenar seseorang guru pelatih tersebut.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Berdepan dengan alaf baru yang serba mencabar para guru perlu berperanan lebih proaktif dalam melahirkan modal insan atau murid yang seimbang dan harmonis secara holistik, justeru itu institusi perguruan tidak boleh statik dan memerlukan anjakan paradigma dalam melatih guru pelatih yang bakal mewarnai generasi yang mendatang. Pada masa kini, amalan pedagogi secara tradisi yang didominasi oleh pengajar secara kuliah telah menerima kecaman hebat (Wan Hasmah, 2006) yang dianggap tidak sesuai dipraktikkan akibat perubahan waktu dan persekitaran. Di negara ini, pelbagai pendekatan baharu telah diperkenalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran termasuklah pembelajaran sendiri (Dağal dan Bayindir 2016). Hal ini menuntut kepada anjakan paradigma dalam strategi pembelajaran dan pembelajaran. Maka dengan penggunaan teknologi serta pendekatan pembelajaran seperti ini, guru pelatih kini telah terdedah kepada pembelajaran secara sendiri yang memfokuskan kepada proses dan nilai bertanggungjawab ke atas pembelajaran sendiri.

Gaya pembelajaran adalah cara yang konsisten untuk bertindak dan menggunakan rangsangan dalam konteks pembelajaran. Dengan kata lain, gaya pembelajaran bukan menekankan apa yang dipelajari tetapi bagaimana seseorang itu memilih cara untuk belajar. Pembelajaran juga adalah usaha dalam menguasai dan memahami konsep dan dapat mengaplikasikan dalam kehidupan. Penyesuaian diri antara gaya pembelajaran dengan aktiviti adalah amat penting bagi mengelakkan wujudnya perasaan tidak berminat untuk belajar akibat kebosanan dalam belajar. Proses ini membantu menyokong guru pelatih dalam menetapkan matlamat sendiri; mencari dan menggunakan sumber-sumber yang sesuai, menentukan kaedah pembelajaran yang sesuai dan membuat penilaian (Norzaini Azman, 2016). Selain itu, aspek kesediaan dan keupayaan diri perlu diberi perhatian oleh guru pelatih bagi memastikan pelbagai perubahan dan pembaharuan maklumat dapat ditangani.

## **MASALAHAN KAJIAN**

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia bagi memastikan kaedah pembelajaran yang digunakan oleh para pensyarah menepati hasrat pihak kerajaan Malaysia. Justeru, pembelajaran secara tradisional dilihat tidak lagi relevan dilaksanakan bagi menyampaikan ilmu pada masa ini. Penggunaan teknologi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Institut Pendidikan Guru (IPG) dilihat suatu keperluan yang sangat penting pada masa kini. Menurut Wan Hasmah (2006) dalam kajiannya 'Mahasiswa dan pembelajaran sendiri' menyatakan, amalan pedagogi secara tradisi yang didominasi oleh pengajar secara kuliah telah menerima kecaman hebat yang dianggap tidak sesuai dipraktikkan akibat perubahan waktu dan persekitaran.

Sistem pembelajaran secara tradisional ini perlu diubah menjadi suatu sistem pembelajaran yang aktif bagi merangsang pemikiran pelajar ke arah berdaya saing, inovatif, kreatif dan sebagainya. Dapatan kajian daripada analisis data menunjukkan kebanyakan guru pelatih mempunyai kesediaan pembelajaran sendiri yang sederhana atau rendah tanpa mengira tahap pengajian. Selain itu, faktor pengalaman guru jelas mempengaruhi kecemerlangan pedagogi. Guru yang kurang berpengalaman akan memiliki efikasi sendiri yang lebih rendah seterusnya pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza akan sukar dilaksanakan dengan lebih efektif. Menurut Nor Hazizah et al. (2020), variasi kejayaan yang dicapai akan memberikan kesan kepada peningkatan efikasi sendiri dan komitmen seorang guru bagi menambah baik sistem pendidikan.

Sebaliknya, kegagalan yang ditempuhi akan cenderung menyebabkan guru berefikasi rendah disebabkan wujudnya pertimbangan negatif terhadap kemampuan serta keupayaan guru. Guru yang kompeten dan berambisi tinggi serta mempunyai hala tuju yang jelas dapat dibentuk melalui keupayaan guru tersebut menerapkan efikasi sendiri yang berimpak tinggi. Seterusnya, proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta bermakna akan dapat digarap dan dilaksanakan. Secara umumnya, efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka melaksanakan tugas-tugas pengajaran (Bruun & Evans 2020; Baharuzaini et al. 2017). Jika dahulu kaedah pembelajaran hanya terhad kepada kaedah secara tradisional semata-mata, kini dengan adanya pembelajaran sendiri, guru pelatih akan berupaya mencari dan mengelola sendiri maklumat yang diperoleh walaupun tanpa kehadiran pensyarah secara bersemuka.

Menurut Naam (2009) yang juga telah menjalankan kajian mengenai hubungan konsep diri dengan prestasi akademik dalam kalangan mahasiswa. Dapatan kajiannya menunjukkan cara individu memandang diri sendiri mempunyai peranan penting pada aspek psikologinya. Pandangan yang positif terhadap diri, penerimaan diri dan bersyukur dengan bahagian tubuh akan memberi rasa gembira dan meningkatkan keinginan untuk lebih berhasil dalam kehidupan. Seterusnya, proses PdP yang berkesan serta bermakna akan dapat digarap dan dilaksanakan. Secara umumnya, efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka melaksanakan tugas-tugas pengajaran (Bruun & Evans 2020; Baharuzaini et al. 2017). Selain daripada itu, tahap kesediaan pemantauan belajar sendiri juga penting kepada pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru untuk dijadikan panduan dalam merangka program, kursus dan latihan kepada guru pelatih.

## **OBJEKTIF**

Di dalam menjalankan kajian ini, beberapa objektif akan digariskan. Objektif tersebut adalah untuk;

- a) Mengetahui kesediaan guru pelatih PISMP dalam melaksanakan pembelajaran sendiri.
- b) Meneroka kepelbagaian aktiviti pembelajaran sendiri dalam membentuk keyakinan pelajar.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan meneroka kesediaan pembelajaran sendiri (KPK) guru pelatih bagi membantu proses pembelajaran dan pengajaran sebenar yang berlaku. Bagi ahli akademik di Jabatan pengajian Melayu (JPM), maklumat tentang (KPK) dapat membantu mereka merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira tahap kesediaan pembelajaran sendiri pelajar. Dengan mengenal pasti tahap kesediaan ini, guru pelatih dapat melakukan perubahan serta mengelakkan kebergantungan sepenuhnya kepada pensyarah. Hal ini demikian sesuai dengan cadangan Rohaila *et al.* (2005) menyatakan maklumat tentang pembelajaran penting bagi menggambarkan kekuatan atau kekurangan seseorang pelajar yang boleh dijadikan input dalam reka bentuk kurikulum dan strategi pengajaran. Selain daripada itu, tahap kesediaan pembelajaran sendiri juga penting kepada pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru untuk dijadikan panduan dalam merangka program, kursus dan latihan kepada guru pelatih. Azhar dan Ab. Halim (2010), dalam kajiannya menyatakan pembelajaran sendiri dalam Pendidikan Islam, menyatakan semakin banyak kepelbagaian aktiviti pelajar menghasilkan proses pembelajaran dan penguasaan dalam sesuatu subjek bertambah baik di samping dapat mengurangkan rasa bosan dan keletihan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Beberapa konsep yang pernah dikaji oleh penyelidik terdahulu adalah kesediaan belajar dan konsep pembelajaran sendiri. Namun masih terdapat kelompangan dalam kajian tentang KPK yang dihubungkan dengan jantina, sikap, pencapaian akademik serta tahap pengajian pelajar PISMP di Institut Pendidikan Guru. Justeru itu, kajian ini memberi fokus kepada gaya pembelajaran yang konsisten untuk bertindak dan menggunakan rangsangan dalam konteks pembelajaran (Farah Wazera dan Mohammad Mujaheed 2021). Dengan kata lain, gaya pembelajaran bukan menekankan apa-apa

yang dipelajari tetapi cara seseorang itu memilih kaedah untuk belajar. Pembelajaran juga adalah usaha dalam menguasai dan memahami konsep dan dapat mengaplikasikan dalam kehidupan. Menurut Norzaini et al., (2024) dalam kajiannya, “Tahap kesediaan pembelajaran sendiri untuk pendidikan sepanjang hayat”. Keberkesanan proses pembelajaran sendiri bergantung kepada tahap kesediaan sebenar pelajar. Tambahan pula terdapatnya segelintir pelajar dewasa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang masih bergantung kepada pensyarah jika terdapat sesuatu isu yang baharu. Sehubungan itu, guru pelatih perlu memberikan penekanan dan penegasan tentang kepentingan pembelajaran sendiri dalam fasa ini bagi memastikan kebolehcapaian maklumat dapat dimanfaatkan sepenuhnya ke dalam amalan pembelajaran. Penglibatan pelajar secara aktif dalam pembelajaran sendiri secara tidak langsung membantu mereka menjana idea dan berkolaborasi bersama rakan lain. Ini secara langsung memberi makna calon guru harus menyediakan diri dengan perubahan ini bagi memastikan penyuburan sikap berdikari dan membentuk kemahiran pembelajaran sendiri luar biasa untuk mencipta kecemerlangan di masa hadapan.

Penglibatan pelajar secara aktif dalam pembelajaran sendiri secara tidak langsung membantu mereka menjana idea dan berkolaborasi dengan rakan-rakan lain. Hal ini dapat menyuburkan sikap berdikari dan membentuk kemahiran pembelajaran sendiri luar biasa untuk mencipta kecemerlangan di masa hadapan. Hal ini kerana, pembelajaran ini adalah satu proses iaitu individu terlibat akan mengambil inisiatif dengan bantuan orang lain. Pembelajaran sendiri antara gaya pembelajaran dengan aktiviti adalah amat penting bagi mengelakkan wujudnya perasaan tidak berminat untuk belajar akibat kebosanan dalam belajar.


Menurut Mok (2008) pula, kesediaan adalah keupayaan persiapan individu di dalam dirinya untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan boleh terbahagi kepada kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor. Kesediaan kognitif iaitu merujuk kepada kesediaan mental untuk mempelajari sesuatu. Dalam hal ini, individu dikatakan telah mencapai kesediaan mental, apabila pencapaian akademik selaras dengan usaha dan latihan yang dilaluinya. Seterusnya, kesediaan afektif iaitu merujuk kepada minat, sikap, nilai dan perasaan individu terhadap pembelajaran yang dilaluinya. Kesediaan afektif pula penting bagi memastikan keberkesanan proses pembelajaran terus berlaku bagi mengelak pelbagai ancaman mahupun gangguan. Misalnya, tingkah laku yang baik terhadap sesuatu pembelajaran akan menambahkan lagi tahap pembelajaran, dan begitulah sebaliknya. Sementara Kesediaan Psikomotor, merujuk kepada kesediaan seseorang individu untuk melakukan aktiviti yang memerlukan koordinasi dan pergerakan otot-otot. Kesediaan ini penting kerana pembelajaran ini adalah satu proses di mana individu terlibat akan mengambil inisiatif dengan bantuan orang lain.

Pembelajaran sendiri juga dilihat sebagai suatu aktiviti yang dilakukan pelajar untuk diri sendiri secara proaktif dan bukan aktiviti sampingan kesan daripada proses pembelajaran (Azhar dan Ab. Halim, 2010), sendiri juga dilihat sebagai suatu aktiviti yang dilakukan pelajar untuk diri sendiri secara proaktif dan bukan aktiviti sampingan kesan daripada proses pembelajaran (Azhar dan Ab. Halim, 2010). Seterusnya, kajian Rosmidah (2008), dalam kajiannya ‘ *Tahap Kesediaan Pembelajaran Pantauan Kendiri Dengan Pencapaian Akademik* telah mengenal pasti tahap

kecekapan pembelajaran sendiri secara langsung mungkin boleh meningkatkan peratusan pelajar pada peringkat cemerlang.

Hal ini diperkukuhkan lagi dengan kajian Chi-Cheng Chang (2006) dalam kajiannya memfokuskan kepada pembangunan kompetensi berdasarkan pembelajaran laman web dan kesan kecenderungan pembelajaran sendiri ke atas pencapaian akademik. Kajian ini menyiasat kesan pembelajaran berasaskan web kepada pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan lebih daripada separuh pelajar mencapai tahap penguasaan kompetensi selepas menggunakan pembelajaran berasaskan laman web. Individu yang mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri akan lebih bersedia untuk bertindak balas kepada perubahan kemahiran yang menyediakan pelajar kepada cabaran pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini juga menunjukkan bahawa guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran pedagogi bersifat holistik, meneroka penggunaan model pembelajaran pelbagai mod yang memanfaatkan teknologi, mempunyai pemikiran kreatif, inovatif, kritis dan penaakulan (Mary Yap, 2015).

Dalam masa yang sama, kesediaan guru semasa proses PdP yang diperoleh melalui pembelajaran sendiri masih bergantung kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dimiliki untuk mengajar.



Rajah 1 *Konsep Pembelajaran Kendiri*

Pembelajaran sendiri secara umumnya adalah satu usaha pembelajaran yang dilakukan oleh seseorang pelajar tanpa bimbingan secara terus daripada pensyarah, tutor, guru atau bermaksud segala aktiviti pelajar dilakukan sendiri oleh pelajar tanpa pertolongan langsung daripada seseorang.

Terdapat tiga ciri pembelajaran sendiri iaitu:

- a) Pelajar mengurus masa sendiri.
- b) Komunikasi dilakukan melalui pertolongan media.
- c) Pelajar terpisah daripada pelajar lain.

Semasa pelajar bersendirian, ini bermaksud pelajar melakukan aktiviti secara sendiri tanpa bantuan sesiapa. Ini memberi beberapa kelonggaran pada pelajar dalam memilih objektif pembelajaran, cara belajar dan penilaian pembelajaran. Masa dan tempat untuk belajar juga adalah bebas. Tanggungjawab sosial dan ketenangan juga mempengaruhi serba sedikit tumpuan kepada pembelajaran. Ketenangan dan ketenteraman sangat penting untuk pelajar menumpukan perhatian kepada sesuatu pelajaran. Shafinaz (2004), menyatakan konsep pembelajaran sendiri adalah sesuatu yang jelas dan telah lama diperkatakan. Konsep pembelajaran sendiri telah dipraktikkan secara meluas di kolej, universiti, IPG dan juga sekolah. Esah (2004), menyatakan pembelajaran pantauan sendiri adalah pembelajaran dewasa dalam mencari maklumat dan mempelajari kemahiran yang baru. Pembelajaran ini adalah satu proses di mana individu terlibat akan mengambil inisiatif dengan bantuan orang lain.

Pembelajaran sendiri juga dilihat sebagai suatu aktiviti yang dilakukan pelajar untuk diri sendiri secara proaktif dan bukan aktiviti sampingan kesan daripada proses pembelajaran. Secara umumnya konsep pembelajaran sendiri merupakan satu pendekatan yang memberi tanggungjawab kepada pelajar menentukan proses pembelajarannya. Melalui pendekatan ini pelajar akan merancang, melaksana dan menilai pembelajaran mereka. Ini memberikan kelebihan pada pelajar dari segi autonomi berbanding pembimbing. Azhar dan Ab. Halim (2010), menyatakan semakin banyak kepelbagaian aktiviti pelajar menghasilkan proses pembelajaran dan penguasaan dalam sesuatu subjek bertambah baik di samping dapat mengurangkan rasa bosan dan keletihan. Norzaini *et al.*, (2004), turut menyatakan aktiviti pembelajaran pantauan sendiri bukan hanya diperlukan di IPTA dan IPTS tetapi turut diperlukan agar seseorang turut berjaya dalam dunia yang serba mencabar ini.

Kenyataan ini turut disokong oleh Azhar dan Ab. Halim (2010), yang menyatakan kemahiran pembelajaran yang dihasilkan melalui konsep pembelajaran pantauan sendiri memberi kesan yang mendalam pada pelajar, bukan hanya semasa zaman persekolahan malah untuk digunakan pada alam pekerjaan nanti. Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan bahawa konsep pembelajaran sendiri merupakan salah satu unsur yang perlu diberi penekanan oleh semua pelajar agar dapat membantu para pelajar menjadi lebih berkeyakinan, aktif dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



## **METODOLOGI**

Pemilihan sampel adalah terdiri daripada individu yang melebihi daripada 21 tahun dengan beranggapan sampel telah matang dan sesuai bagi kajian ini. Kajian merupakan kajian berbentuk kualitatif deskriptif dan menggunakan temu bual sebagai alat pengumpulan data kemudian dianalisis melalui transkripsi temu bual untuk mengenal pasti tema dan turut disokong oleh data pemerhatian. Proses pengumpulan data menggunakan 5 orang guru pelatih program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP),ambilan Jun 2022, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGMKTAR) sebagai peserta kajian. Kajian ini dilaksanakan terhadap guru pelatih kerana pengkaji ingin meneroka sama ada pelaksanaan terhadap pembelajaran sendiri dapat membantu mereka meningkatkan pencapaian akademik dan keyakinan mereka untuk bergelar guru.

Kajian ini hanya tertumpu pada guru pelatih Pengajian Melayu sahaja terutamanya berkaitan dengan amalan sikap berdikari dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam bidang keguruan. Seterusnya, kajian ini turut meneroka pengetahuan dan pengalaman sampel kajian terhadap aplikasi teknologi bagi mengakses maklumat berkaitan dengan kursus yang dipelajari. Pensampelan yang digunakan dalam menjalankan kajian ini, iaitu pensampelan bertujuan bagi mencapai objektif kajian.

## **DAPATAN/PERBINCANGAN**

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang telah diperoleh hasil daripada pelaksanaan temu bual dan pemerhatian bersama sampel kajian. Perbincangan dapatan juga berlandaskan kepada objektif kajian yang ditetapkan. Berikut merupakan hasil dapatan dan perbincangan. Terdapat empat tema yang telah diperoleh berdasarkan data temu bual dan pemerhatian dan diperkukuhkan dengan data pemerhatian. Antara tema yang diperoleh ialah berdikari, keupayaan penggunaan teknologi, jenis bahan kaedah kepustakaan dan maklumat digital.

*Jadual 1 Budaya Pembelajaran Kendiri dalam Kalangan Guru Pelatih PISMP*

---

<b>Bil.</b>	<b>Tema</b>
1.	Berdikari
2.	Keupayaan penggunaan teknologi
3.	Jenis Bahan Kaedah Kepustakaan
4.	Maklumat Digital

---

### **a) Berdikari**

Secara umumnya, budaya pembelajaran sendiri dalam kalangan guru pelatih PISMP ini dapat dilihat melalui sikap berdikari guru pelatih dalam meneroka sendiri pembelajaran mereka tanpa pensyarah.

*Jadual 2 Amalan Pembelajaran Kendiri Dengan Baik Tanpa Kehadiran Pensyarah*

**Sampel Kajian (SK)**

**Dapatan Pemerhatian**

---

SK1	/
SK2	/
SK3	/
SK4	/
SK5	/

---

Berdasarkan Jadual 2, kelima - lima sampel kajian mendapati bahawa guru pelatih dapat mengamalkan pembelajaran sendiri dengan baik tanpa kehadiran pensyarah. Hal ini dikukuhkan dengan dapatan pemerhatian iaitu guru pelatih mengambil inisiatif sendiri sewaktu ketiadaan pensyarah untuk memahami bahan pembelajaran, menguruskan masa, dan mencari sumber maklumat tambahan. Walaupun tanpa kehadiran pensyarah, guru pelatih tetap bergiat aktif dengan berkolaborasi dengan rakan sekelas. Perbincangan, projek kumpulan dan perkongsian idea adalah tiga cara dilakukan untuk memperkasakan pembelajaran.

Pembelajaran sendiri membolehkan pelajar mengambil alih proses pembelajaran mereka sendiri, meningkatkan motivasi intrinsik, meningkatkan kreativiti, dan memupuk kemahiran menyelesaikan masalah sendiri. Tanpa kehadiran pensyarah, pelajar akan belajar untuk berdikari dalam mencari maklumat, menilai sumber, dan memahami konsep secara mendalam. Ini juga membantu mereka mengembangkan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif yang diperlukan dalam dunia pekerjaan pada masa depan. Hal ini dikukuhkan lagi oleh dapatan temu bual bersama SK1, SK2 dan SK3 seperti berikut;

*“Pembelajaran sendiri adalah kemampuan seseorang dalam memilih cara belajar yang sesuai dengan diri mereka. Hal ini bermaksud, mereka memiliki kebebasan untuk memilih kaedah yang sesuai dan selesa semasa belajar.”*

**(TB/SK1)**

*“Pembelajaran sendiri membawa maksud belajar sendiri tanpa diajar oleh pensyarah. Pembelajaran sendiri ini mampu melatih pelajar untuk belajar berdikari bagi mencari maklumat pembelajaran tanpa bimbingan pensyarah.”*

**(TB/SK2)**

*“Pembelajaran sendiri adalah satu kaedah atau strategi pembelajaran secara bersendirian mengikut kesesuaian dan kehendak individu.”*

**(TB/SK3)**

Hal ini dikatakan demikian kerana, pelajar lebih bebas dalam memilih cara belajar yang sesuai dengan diri mereka sehingga memudahkan mereka memahami sesuatu konsep. Sebilangan murid lebih suka persekitaran yang senyap ataupun terdapat murid yang gemar mendengar lagu semasa belajar, hal ini tidak dapat mereka lakukan sekiranya terdapat kehadiran pensyarah

**b) Keupayaan penggunaan teknologi**

Budaya pembelajaran sendiri ini juga dapat dikenal pasti melalui keupayaan penggunaan teknologi dalam kalangan guru pelatih bagi mengakses maklumat pembelajaran yang diperlukan.

*Jadual 3 Penggunaan Teknologi dalam Pembelajaran Kendiri*

Sampel Kajian (SK)	Dapatan Pemerhatian
SK1	/
SK2	/
SK3	/
SK4	/
SK5	X

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa empat daripada lima sampel kajian menggunakan teknologi dalam proses pembelajaran sendiri mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, guru pelatih merujuk kepada bahan- bahan dalam internet bagi menyelesaikan tugas yang diberikan. Hal ini dikukuhkan melalui dapatan temu bual bersama SK3 dan SK4 iaitu;

*“Sebagai seorang guru, saya akan sentiasa berhubung dengan guru atau pensyarah sekiranya terdapat soalan yang sukar untuk diselesaikan. Selain itu, saya juga tidak lupa untuk merujuk sumber internet bagi mendapatkan sumber rujukan terkini bagi meningkatkan pemahaman tentang isu semasa. Kaedah pembelajaran sendiri yang lain yang akan saya amalkan adalah melakukan 'study group' bersama rakan-rakan bagi membuat perbincangan dan berkongsi idea dalam menyelesaikan tugas-tugas yang diberikan.”*

**(TB/SK3)**

*“Mencari maklumat secara individu menggunakan pelbagai sumber. Contohnya, saya mencari maklumat di perpustakaan dan dalam talian.”*

**(TB/SK4)**

Pencarian maklumat secara dalam talian ini memudahkan murid untuk melaksanakan pembelajaran mereka secara fleksibel dan mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi moden kini menyediakan pelbagai enjin carian yang memudahkan murid untuk mencari maklumat yang diperlukan.

### **c) Jenis Bahan Kaedah Kepustakaan**

Dalam meneroka budaya pembelajaran sendiri dalam kalangan guru pelatih ini, maka analisis terhadap jenis bahan kepustakaan yang menjadi sandaran rujukan hendaklah dilaksanakan bagi melihat sejauh mana keupayaan guru pelatih mencari maklumat daripada sumber yang sahih bagi melaksanakan tugas.

*Jadual 4 Penggunaan Bahan Kaedah Kepustakaan*

**Sampel Kajian (SK)**

**Dapatan Pemerhatian**

---

SK1	/
SK2	/
SK3	/
SK4	/
SK5	/

---

Berdasarkan Jadual 4, dapatan pemerhatian mendapati bahawa semua sampel kajian menggunakan bahan daripada kaedah kepustakaan bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Hal ini dibuktikan melalui dapatan temu bual bersama SK3, SK4, dan SK5;

*“Saya akan ke perpustakaan untuk mencari sumber bahan bercetak terutamanya sewaktu menyiapkan tugas yang diberikan. Hal yang demikian dapat memudahkan seseorang memperoleh maklumat yang betul dan tepat iaitu dengan merujuk bahan rujukan seperti jurnal sebagai bahan bacaan.”*

**(TB/SK3)**

*“Ya, kita semua sedia maklum bahawa perpustakaan sentiasa menyediakan pelbagai maklumat yang tidak terhad kepada mana- mana tingkat usia. Hal ini memberi peluang kepada generasi muda untuk mengakses maklumat yang lebih tinggi berbanding di sekolah yang menghadkan mereka dalam sesuatu tahap. Kesahihan maklumat juga akan terjamin sekiranya murid melakukan penerokaan maklumat di perpustakaan.”*

**(TB/SK4)**

*“Ya. Hal ini kerana di perpustakaan terdapat banyak sumber maklumat yang autentik.”*

**(TB/SK3)**

Melalui dapatan temu bual berikut, jelaslah bahawa guru pelatih PISMP sememangnya melakukan pembacaan bersumberkan bahan melalui kaedah kepustakaan seperti jurnal, majalah, kamus dan sebagainya. Dengan meneroka sumber-sumber yang berbeza, guru pelatih dapat mengumpulkan maklumat yang holistik, meningkatkan pemahaman mereka tentang subjek yang dipelajari, dan menghasilkan analisis yang lebih terperinci. Selain itu, pembacaan bahan di perpustakaan juga dapat membantu dalam mengenal pasti kelemahan dan kelebihan sumber-sumber yang berbeza, serta mengembangkan kemahiran kritikal dalam menilai kredibiliti dan relevansi maklumat. Hal ini dikatakan demikian kerana jenis-jenis maklumat yang diperolehi menerusi kaedah perpustakaan adalah berbentuk ilmiah, memiliki aspek teori, sahih dan sebagainya. Buku dan jurnal akademik membolehkan guru pelatih untuk mengetahui sumber utama ataupun sahih bagi mendapatkan maklumat terkini dan terperinci mengenai topik tertentu. Contohnya, pemerolehan hasil karya nukilan daripada sasterawan negara, fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh para ilmuan dan penemuan kosa kata atau istilah yang boleh diguna pakai atau pencarian maklumat berkaitan sejarah Islam. Hal ini kerana dalam pencarian maklumat berkaitan topik tersebut sangat terhad khususnya di artikel-artikel ilmiah. Penemuan isi- isi penting atau maklumat daripada bahan kepustakaan ini seterusnya boleh dicatat dan dikaitkan dengan tugas guru pelatih.

#### d) Maklumat Digital

Seterusnya, budaya pembelajaran sendiri dapat dilihat melalui pencarian maklumat digital dalam kalangan guru pelatih PISMP. Maklumat digital ini diperoleh secara meluas bagi mempelbagaikan dapatan maklumat serta meningkatkan kesahihan sumber yang didapatkan.

*Jadual 5 Penggunaan Maklumat Digital*

Sampel Kajian (SK)	Dapatan Pemerhatian
SK1	/
SK2	/
SK3	/
SK4	/
SK5	/

Berdasarkan Jadual 5, dapatan pemerhatian membuktikan bahawa setiap sampel kajian memperoleh maklumat digital bagi membantu dalam proses pembelajaran sendiri. Guru pelatih lebih memilih untuk melakukan pencarian secara digital kerana kaedah ini memudahkan mereka untuk mencari maklumat dengan lebih cepat tanpa merujuk buku di perpustakaan dan lebih menjimatkan masa kerana walaupun perpustakaan menyediakan maklumat yang pelbagai dan kesahihan maklumat adalah terjamin, namun begitu kemungkinan sebahagian maklumat akan sukar untuk diterokai sekiranya bahan bacaan dalam sesuatu bidang itu terhad atau bukan edisi yang terkini. Pencarian maklumat digital memberikan peluang kepada murid untuk menerokai maklumat yang tidak diperoleh di dalam perpustakaan secara meluas. Hal ini dikukuhkan melalui dapatan temu bual bersama sampel kajian iaitu;

*“Ya. Kepelbagaian sumber maklumat membolehkan pelajar membanding bezakan maklumat yang diperolehi dan menilai maklumat yang sahih. Ini penting kerana ia membolehkan pelajar mendapatkan maklumat yang terkini dan relevan dengan cepat, memperluas cakupan bahan rujukan, dan memupuk kemahiran dalam menggunakan teknologi untuk mendapatkan dan menyelidik maklumat.”*

**(TB/SK4)**

*“Bersesuaian dengan kecanggihan teknologi, di era digital yang semakin maju, kebolehan untuk mencari dan menilai maklumat secara dalam talian adalah kemahiran yang amat penting. Pembelajaran sendiri melalui kaedah perpustakaan dan pencarian maklumat digital memperkukuh kemahiran ini dan menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran yang berkaitan dengan teknologi.”*

**(TB/SK1)**

Pemerolehan maklumat digital dalam pembelajaran sendiri amat membantu guru pelatih untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembelajaran guru pelatih tidak dibataskan semasa waktu kuliah atau waktu pengoperasian perpustakaan sahaja, malahan guru pelatih dapat mencari maklumat di mana-mana sahaja mereka berada. Contohnya, guru pelatih meneroka maklumat berkenaan kajian literatur, cara penghasilan

PdP yang baik, cara untuk menjadikan suasana pembelajaran itu menarik dan kondusif, *e-books* dan *e-journals* melalui perkhidmatan perpustakaan digital atau langganan institusi untuk mendapatkan akses kepada bahan bacaan berkualiti dalam format digital, artikel-artikel dalam laman web akademik seperti *Google Scholar* atau *ResearchGate* untuk mendapatkan akses kepada kajian terkini dalam bidang pendidikan dan topik yang berkaitan. Selain itu, maklumat digital yang diperoleh juga merangkumi akhbar dalam talian serta ilmu kebahasaan secara dalam talian. Maklumat yang diperoleh menerusi pencarian digital ada berbentuk maklumat terkini.

Hal ini bermaksud maklumat yang terkini kebanyakan tersebar di internet dan lebih mudah untuk diakses. Maklumat yang terkini penting bagi memastikan data kajian relevan untuk masa kini. Jelaslah bahawa, budaya pembelajaran sendiri melalui pemerolehan maklumat secara dalam talian atau digital ini merupakan satu kebiasaan dalam corak pembelajaran guru pelatih PISMP.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, dapatlah dinyatakan bahawa budaya pembelajaran sendiri dalam kalangan guru pelatih PISMP memainkan peranan penting dalam memupuk sikap berdikari dan membolehkan mereka meneroka pembelajaran secara lebih mandiri tanpa bergantung kepada pensyarah. Pembelajaran sendiri memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengambil alih proses pembelajaran mereka sendiri, menggalakkan motivasi intrinsik, meningkatkan kreativiti, dan memperkukuh kemahiran menyelesaikan masalah. Selain itu, penggunaan teknologi dalam pembelajaran juga menjadi ciri penting dalam budaya pembelajaran sendiri ini. Guru pelatih menggunakan teknologi untuk mengakses maklumat pembelajaran, yang membantu mereka menjadi lebih mahir dalam mencari, menilai, dan memahami konsep secara mendalam. Budaya pembelajaran sendiri ini juga memupuk kemahiran pemikiran kritis dan kreatif, yang penting untuk kejayaan dalam bidang pekerjaan pada masa depan.

Pencarian maklumat digital memberikan guru pelatih peluang untuk mengakses sumber-sumber yang luas dan terkini, meningkatkan akses kepada pelbagai informasi yang tidak mungkin didapati di perpustakaan tradisional. Analisis terhadap jenis bahan kepustakaan yang digunakan oleh guru pelatih menjadi penting untuk melihat tahap kecekapan mereka dalam mencari maklumat yang sah bagi melaksanakan tugas dan meningkatkan kemahiran penyelidikan mereka. Jelaslah bahawa budaya pembelajaran sendiri ini berperanan penting dalam membentuk guru pelatih yang berdikari, mahir dengan teknologi, dan mempunyai kemahiran yang relevan untuk memasuki dunia pekerjaan yang semakin kompleks. Kesimpulannya, budaya pembelajaran sendiri dalam kalangan guru pelatih PISMP secara langsung berkait rapat dengan revolusi perindustrian 4.0. Revolusi perindustrian 4.0 merupakan era teknologi digital dan penggunaan data menjadi teras utama dalam transformasi industri dan ekonomi global. Dalam era revolusi perindustrian 4.0, kemahiran berdikari dan mandiri menjadi kritikal. Guru pelatih yang mampu mengambil inisiatif untuk mempelajari dan menguasai kemahiran baru dengan menggunakan teknologi akan lebih berjaya menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dalam dunia pekerjaan yang semakin berkembang.

Budaya pembelajaran sendiri yang diperkuatkan oleh penggunaan teknologi adalah aspek penting dalam revolusi 4.0. Guru pelatih perlu mahir dalam menggunakan peralatan teknologi untuk

mengakses, menganalisis, dan mengaplikasikan maklumat secara efektif. Hal ini sejajar dengan keperluan kemahiran digital yang tinggi dalam industri 4.0. Di samping itu, revolusi perindustrian 4.0 menekankan pentingnya kreativiti, inovasi, dan pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah yang kompleks. Budaya pembelajaran sendiri yang memupuk kemahiran ini akan membantu guru pelatih untuk menjadi pekerja yang lebih adaptif dan responsif terhadap cabaran dan perubahan yang berlaku dalam dunia perindustrian yang canggih. Dengan ini, jelaslah bahawa budaya pembelajaran sendiri dalam kalangan guru pelatih PISMP tidak hanya relevan dalam konteks pendidikan semata-mata, tetapi juga penting dalam membekalkan individu dengan kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk berjaya dalam revolusi perindustrian 4.0 yang dipacu oleh teknologi dan transformasi digital.

## RUJUKAN

- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pembelajaran pengaturan sendiri dalam Pendidikan Islam. Dlm. Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pnyt.) *Kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*, hlm. 71-111. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bruun, J. & Evans, R.H. (2020). Network analysis of survey data to identify non-homogeneous teacher self-efficacy development in using formative assessment strategies. *Education Sciences*, 10(3), 1-20.
- Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud .(2021). Minat, tingkah laku disruptif dan gaya pembelajaran murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 49-64.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengantar pedagogi*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Farah Wazera Mohamed Jafer Sadiq<sup>1</sup>, Mohammad Mujaheed Hassan<sup>1</sup> Konsep Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Motivasi Akademik dalam kalangan Mahasiswa Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Mary Yap, K. C. (2015, August 13). Guru berperanan lahir pelajar capai standard global. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/74472>
- Mok, S. S. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nooraini Abdul Rahim & Abdul Halim Abdullah. (2017). Kesiediaan Guru Matematik Sekolah menengah Dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Abad ke-21. Isu-Isu Pendidikan Kontemporari, (April), 567–584. <https://doi.org/10.1162/00335530152466269>
- Norzaini Azman, Ruhizan Mohamad Yasin, Zalizan Mohd Jelas & Ahmad Basri Md Yusoff. (2004). Tahap kesiediaan pembelajaran sendiri untuk pendidikan sepanjang hayat. *Jurnal Pendidikan*, (29): 71-80.

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

- Robiah Sidin. (2000). *Inovasi kaedah pengajaran: Pengalaman di Universiti Kebangsaan Malaysia*. Prosiding national conference on teaching and learning in higher education, Oktober 9- 10, Universiti Utara Malaysia.
- Rohaila Yusof, Norasmah Othman & Faridah Karim. (2005). Strategi pembelajaran pengalaman berasaskan Model Kolb dalam Pendidikan Perakaunan. *Jurnal Pendidikan*, (31): 113-128.
- Rosmidah Hashim. (2008). *Kesediaan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran ICT di sekolah menengah*. Dissertasi Doktor Falsafah Universiti. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafinaz Shafie. (2004). Readiness for self-directed learning and use of language learning strategies of pre-university student. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hasmah Wan Mamat. (2006). Mahasiswa dan pembelajaran sendiri. Dlm. Abdul Razak Ahmad (pnyt.). *Mahasiswa abad 21*, 131-140. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



## **KESAN AKULTURASI BUDAYA BARAT TERHADAP GAYA HIDUP MAHASISWA UIAM PAGOH**

Ezza Nur Alisya Ali Zaini  
Nur Adriana Najwa Mohd Shafiee  
Nora'azian Nahar (PhD)

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari (KSTCL)  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dengan terperinci mengenai impak akulturasi budaya barat terhadap gaya hidup mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pagoh. Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat terutamanya generasi muda mengenai proses penerapan budaya barat yang mengambil tempat dalam kehidupan mereka. Kajian ini amat penting bagi mahasiswa untuk mengenal pasti perubahan gaya hidup mereka yang mungkin bertentangan dengan syariat Islam. Bagi menjawab persoalan kajian dan mendapatkan maklumat yang jitu, kajian ini telah menggunakan reka bentuk kualitatif menggunakan kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian di lapangan. Hasil dapatan kajian telah dianalisis dan dikategorikan kepada lima bahagian iaitu komunikasi, pemikiran, sosial, hiburan dan pemakanan. Antara penemuan baru yang diperoleh ialah subjek kajian bukan sahaja dipengaruhi oleh Barat malah turut dipengaruhi oleh budaya negara-negara lain seperti Jepun, Korea Selatan dan China. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa walaupun subjek-subjek kajian tidak memaparkan kesan akulturasi secara terang-terangan, tetapi mereka masih mempunyai keinginan untuk berbuat sedemikian. Dapatan kajian telah menyangkal hipotesis awal penyelidikan ini iaitu akulturasi menyuntik kesan dalam setiap aspek gaya hidup mahasiswa termasuk aspek hiburan, aspek pemakanan, aspek kehidupan sosial, aspek komunikasi, dan juga aspek pemikiran. Biarpun subjek kajian telah dipengaruhi dalam beberapa aspek yang berlandaskan budaya barat, data kajian yang bercanggah dengan andaian awal menunjukkan gambaran positif bahawa budaya Melayu dan agama Islam itu masih lagi terpelihara dan dimuliakan. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan majoriti subjek kajian terkesan dengan proses akulturasi barat.

**Kata Kunci:** Akulturasi, Budaya Barat, Gaya Hidup, Mahasiswa, UIAM Pagoh

### **PENGENALAN**

#### **Latar Belakang Kajian**

Kajian tentang akulturasi budaya barat dijalankan bagi mengkaji fenomena akulturasi yang memiliki impak yang signifikan dalam konteks sosial, budaya, dan sejarah. Dari segi perubahan sosial dan budaya, Malaysia menjurus penundukkan kuasa imperialis dengan meleburkan nilai-nilai, norma dan gaya hidup, memusnahkan tunjang dan asas-asas penting yang menjadi amalan dan pembentukan keperibadian seseorang (Siti Raba'ah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam, 2013).

Tuntasnya, mereka akan kehilangan identiti hakiki yakni disebabkan penghayatan dan penerapan budaya barat yang berlebihan dalam gaya hidup harian. Ringkasnya, sebahagian daripada gaya hidup barat adalah bertentangan dengan ajaran Islam lebih-lebih lagi dari segi pemakaian, pemakanan, tingkah laku, cara pemikiran dan kehidupan sosial. Pengaruh budaya barat yang negatif akan mencemarkan budaya asli Melayu, merosakkan jati diri seseorang individu, serta boleh menyebabkan akidah seseorang itu menjadi goyah. Natijahnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti secara lanjut tentang kesan akulturasi budaya barat kepada mahasiswa sekaligus mencadangkan penambakaan bagi mengatasi akulturasi ini dari terus membelenggu mahasiswa.

Akulturasi budaya barat dalam kalangan mahasiswa boleh menyebabkan mutasi dan dipengaruhi oleh pelbagai sebab. Beberapa faktor yang menyumbang kepada penerimaan dan penolakan akulturasi adalah usia pelajar antarabangsa yang masih muda iaitu sekitar awal dua puluhan lantas tidak mempunyai kematangan, latar belakang pendidikan dan pengaruh keluarga (Muhammad Safuan Yusoff et al., 2020). Mahasiswa sering kali terhubung dengan budaya Barat melalui media massa, internet, dan pertukaran budaya global (Irma Wani Othman, 2020). Tambahan lagi, kecanggihan teknologi juga turut menyumbangkan kepada penularan akulturasi budaya barat. Sebagai buktinya, dalam penggunaan media sosial terutamanya telah menjadi agenda utama penularan budaya barat yang negatif melalui pengeposan kandungan sensitif dari segi ideologi barat, pemakaian dan budaya hedonisme.

Antara isu yang berbangkit dalam konteks akulturasi budaya barat adalah isu pengaruhnya dalam pembentukan peribadi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia sehingga mengagungkan budaya barat yang gemar berhibur dan bersosialisasi dengan bebas sehingga memberi implikasi dalam kehidupan mereka seperti terlibat dengan dadah dan alkohol serta menjejaskan pengajian mereka (Noraini Ab. Jalil dan Sayed Mahussain Sayed Ahmad, 2010). Faktor psikososial seperti tahap religiositi, pandangan sarwa, keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan juga turut mempengaruhi pembentukan tingkah laku hedonistik dan mempengaruhi budaya barat di kalangan pelajar IPT di Malaysia (Siti Raba'ah Hamzah, 2013). Perbincangan mengenai budaya ini dibincangkan dengan serius daripada perspektif Islam dan tradisi ketimuran untuk melihat keserasian atau pertelagahan nilai pengaruh budaya ini dengan masyarakat Malaysia, terutamanya mahasiswa kerana menurut Anwar Ibrahim (1997:43) “Kerohanian dan keagamaan berakar umbi dalam jiwa masyarakat Asia”.

### **Penyataan Masalah**

Berdasarkan sorotan kajian, terdapat jurang dalam pemahaman tentang kesan budaya akulturasi terhadap mahasiswa. Sejarah pernah merakamkan bahawa masyarakat Melayu sejak zaman pemerintahan feodal telah memperlihatkan pengabaian nilai Islam dengan terang-terangan dan pengamalan nilai hedonisme yang berlebih-lebihan dalam berhibur seperti menghisap candu, pelacuran, berjudi dan tarian yang tidak senonoh (Abdullah Munsi 1965). Seterusnya, disebabkan budaya hiburan barat yang keterlaluan ini, masyarakat boleh terpengaruh dan terikut-ikut dalam mengikuti sesuatu yang dianggap trend serta tidak mahu ketinggalan zaman sehingga sanggup menunjukkan aurat atau tarian yang mencolok mata masyarakat yang menontonnya seolah-olah mereka sanggup menggadai maruah mereka semata-mata ingin mendapat tempat dalam kalangan

masyarakat di media sosial (Ashraf Zaidin, 2022). Hal ini bertepatan dengan kajian Shahrul dan Fauziah et.al (2019) yang menyatakan bahawa perubahan sosial secara positif dan sebaliknya juga banyak dipengaruhi oleh gelombang globalisasi yang berlaku di sekitar mereka, sekaligus membentuk pemikiran yang bersifat inklusif terhadap sebarang pembaharuan yang wujud di sekeliling mereka. Ia merupakan salah satu isu sosial di Malaysia kerana pengaruh dan implikasi budaya ini membawa beberapa komplikasi sosial dalam masyarakat Melayu seperti budaya suka berhibur dan terjadinya proses de-islamisasi dalam masyarakat berkenaan (Sidek Baba, 2006; Kamal Hasan, 2013; Abdul Ghaffar Don & Zaleha Mohd Ali, 2008). Berdasarkan pernyataan masalah di atas, langkah-langkah pembendungan isu akulturasi budaya barat terhadap mahasiswa perlu diuar-uarkan. Lantas, bagi melaksanakan tugas ini, kajian akan mengkhususkan kesan isu ini terhadap mahasiswa terlebih dahulu untuk menjelaskan lagi minda masyarakat bahawa permasalahan ini tidak boleh lagi diambil mudah.

## **OBJEKTIF**


Permasalahan yang berlaku dalam kalangan mahasiswa yang diperoleh daripada kajian ini telah menzahirkan dua objektif utama iaitu:

1. Menentukan kaitan antara pengaruh akulturasi budaya barat dengan gaya hidup mahasiswa UIAM.
2. Memberikan cadangan-cadangan untuk penambahbaikan kesan akulturasi budaya barat dalam kalangan mahasiswa UIAM.

## **SOROTAN LITERATUR**

Dalam kajian M.Fauzi (2022), istilah akulturasi berasal daripada bahasa Latin *acculturate* yang berarti “tumbuh dan berkembang bersama”. Menurut pandangan Azarudin Awang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2016), satu kelompok manusia dengan kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur dari suatu kebudayaan asing yang berbeza sehingga unsur kebudayaan asing itu akhirnya diterima dan diolah dalam kebudayaan sendiri. Syarat terjadinya proses akulturasi yakni dengan adanya penerimaan kebudayaan tanpa rasa terkejut, kemudian adanya keseragaman seperti nilai baru yang tercerna akibat keserupaan tingkat dan corak budayanya (M.Fauzi, 2022). Pernyataan ini selari dengan pandangan Redfield, Linton dan Herskovits (dalam S.J, 1984) iaitu akulturasi memahami fenomena yang terjadi ketika kelompok individu yang memiliki budaya yang berbeza datang ke budaya lain kemudian terjadi pergabungan berkelanjutan dari sentuhan yang pertama dengan perubahan berikutnya dalam pola budaya asli atau salah satu dari kedua kelompok. Pada tahap kumpulan, akulturasi melibatkan perubahan dalam struktur sosial dan institusi dan pada tahap individu akulturasi melibatkan perubahan perilaku (M.Fauzi, 2022). Akulturasi budaya boleh mengambil bentuk yang berbeza dan memperlihatkan hasil yang berbeza bergantung dengan pendekatan yang diambil oleh seseorang individu mahupun komuniti tertentu. Semua perbezaan tersebut mempunyai kelangsungan dengan keinginan mereka untuk mengekalkan budaya asal tetapi dalam masa yang sama berusaha memelihara keharmonian dengan mengikuti budaya baru (Irma Wani Othman et. al, 2020).

## KERANGKA TEORETIS



Rajah 1.1: menunjukkan kerangka konsep umum untuk memahami akulturasi. (J.W. Berry di Kajian *Encyclopedia of Applied Psychology* (2004).

Berdasarkan konsep ini, akulturasi ialah proses penghantaran fenomena budaya antara populasi minoriti dan majoriti, yang mencerminkan peradaban seseorang individu dalam budaya dan tahap penghayatannya. Kerangka konsep ini berfungsi sebagai ‘peta’ fenomena yang penulis percaya perlu dikonseptualisasikan dan diukur semasa penyelidikan pembudayaan . Di peringkat budaya (di sebelah kiri gambar), menunjukkan ciri utama dua kumpulan budaya asal (A dan B) iaitu sebelum perubahan budaya dinamik terhasil dalam kedua-dua kumpulan dan seterusnya berlakulah perubahan dari segi pembudayaan yang digabungkan.

Perubahan ini boleh menjadi kecil atau besar dan mudah menjadi punca gangguan budaya utama. Pada peringkat individu (di sebelah kanan kerangka), dapat dilihat bahawa perubahan psikologi dialami oleh individu dalam semua kumpulan di mana pada akhirnya hal ini membawa kepada penyesuaian mereka kepada situasi baru tersebut. Perubahan ini boleh menyebabkan perubahan tingkah laku yang mudah dicapai dalam aspek komunikasi, hiburan, pemikiran, sosial dan pemakanan dalam identiti budaya seseorang. Tuntasnya, konteks ini berupaya menjadi lebih bermasalah dengan menghasilkan tekanan akulturatif.

## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini, pemboleh ubah dapat dibahagikan kepada dua aspek, iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan juga pemboleh ubah bersandar. Kesan akulturasi budaya barat merupakan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi dan memberikan kesan kepada pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar pula merupakan pemboleh ubah yang boleh diukur dan dimanipulasikan oleh pemboleh ubah tidak bersandar iaitu gaya hidup mahasiswa UIAM Pagoh.

### **Reka Bentuk Penyelidikan**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah penyelidikan yang menggunakan reka bentuk deskriptif kualitatif iaitu penelitian yang bertujuan untuk menggambarkan, meringkaskan pelbagai keadaan sebagai situasi atau fenomena realiti sosial yang ada dalam kalangan mahasiswa. Mahasiswa yang menjadi objek penelitian kajian ini berupaya untuk mengekstrak informasi itu sebagai suatu ciri, karakter, sifat, model, tanda atau gambaran tentang kondisi, situasi atau pun fenomena tertentu.

Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah penyelidikan iaitu kaedah temu bual, kepustakaan, dan pemerhatian di lapangan. Bagi kaedah penyelidikan kepustakaan, pengkaji telah merujuk bahan-bahan ilmiah yang membincangkan lebih terperinci mengenai definisi, istilah, jenis-jenis bentuk pengaruh barat dan juga kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji lain. Kajian lepas yang berkait rapat dengan kesan akulturasi terhadap populasi dan sampel kajian yang berlainan telah dijadikan panduan serta untuk membantu dalam membuat perbandingan dengan kajian baru lantaran perubahan masa dan demografi subjek kajian yang berbeza. Kajian baru juga dapat melakar penemuan baru hasil menerima pakai dan pengadaptasian daripada kajian lepas.

Selain itu, bagi kaedah temu bual pula, pengkaji telah menemu bual seramai tujuh orang pelajar UIAM Pagoh yang memenuhi ciri-ciri spesifik yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Semasa temu bual dijalankan, subjek kajian diajukan sebanyak 14 soalan mengenai gaya hidup mereka menggunakan soal selidik berstruktur bagi mendapatkan data yang jitu dan akurat bagi proses penyelidikan dan analisis lanjut.

Kaedah yang terakhir adalah kaedah pemerhatian di lapangan yang digunakan untuk memperoleh maklumat mengenai pengaruh budaya ini dengan lebih tepat. Hal ini demikian kerana, menurut Litchman (2012) kaedah lapangan ini adalah kaedah umum yang berlaku kerana pengkaji akan mengumpul, mengatur dan juga mentafsir setiap maklumat dan data menggunakan pancaindera seperti mata dan telinga. Pengkaji telah menjadikan UIAM Pagoh sebagai lokasi bagi mendapatkan sumber data dengan memerhati aktiviti seharian dan tingkah laku norma mahasiswa dalam gaya hidup mereka.

## **Populasi dan Pensampelan**

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah memilih populasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Pagoh bagi memperoleh dapatan kajian yang selari dengan fenomena yang ingin dikaji. Populasi ini boleh dikatakan mempunyai hubung kait dengan fenomena yang ingin dikaji, iaitu fenomena akulturasi. Bentuk pensampelan yang digunakan adalah pensampelan rawak mudah. Pensampelan ini membenarkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang benar-benar dikehendaki jika pengukuran kepada populasi tidak dapat dilakukan. Dengan kata lain, kajian ini menggunakan pensampelan bukan probabiliti. Pensampelan ini memberikan peluang kepada subjek kajian tertentu sahaja untuk dijadikan subjek kajian. Berdasarkan prosedur pensampelan, pengkaji telah memilih subjek kajian yang mempunyai ciri-ciri tertentu bagi menjawab objektif kajian. Melalui kajian ini, seramai tujuh orang subjek kajian yang merupakan mahasiswa UIAM Pagoh telah dipilih. Mereka terdiri daripada empat perempuan dan tiga lelaki yang berumur dalam lingkungan 19 sehingga 22 tahun. Taburan keseluruhan subjek kajian mengikut etnik ialah 100% pelajar Melayu dan beragama Islam.

## **Instrumen Kajian**

Dalam kajian yang dilaksanakan, instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan pendekatan soal selidik. Kaedah soal selidik ini dijalankan dengan mengajukan soalan-soalan yang mengandungi susunan soalan-soalan yang teratur untuk ditadbir oleh pengkaji. Kaedah soal selidik ini digunakan bagi mendapatkan data yang akurat mengenai fenomena yang dikaji, mengukur pembolehubah yang dikaji, membantu mencapai objektif kajian secara lengkap dan membantu dalam proses analisis data. Soalan-soalan yang diberikan adalah berdasarkan teori yang pengkaji gunakan iaitu soalan yang menumpukan kepada aspek komunikasi, pemikiran, pemakanan, sosial dan hiburan. Soalan yang telah diajukan adalah soalan jenis terbuka dan tidak berstruktur tentang gaya hidup mereka.

## **Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian**

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kami dapat dicapai melalui rujuk silang secara sistematik terhadap maklumat yang diberikan oleh subjek kajian pada barisan yang sama. Kebolehpercayaan dapat dicapai apabila maklumat yang sama diulang beberapa kali dalam satu barisan daripada seorang informan dan penyelidik boleh menggunakan teknik ini semasa proses pengekodan data melalui transkripsi temu bual (Christopher Scott, 1961).

Kebolehpercayaan dapatan kajian juga dapat dicapai dengan penggunaan teknik triangulasi iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian yang digunakan secara serentak dalam satu kajian. Hal ini kerana, menurut Wiersma (1991) dan John Van Maanen (1983), salah satu cara untuk menjadikan data kualitatif mempunyai kepercayaan yang tinggi adalah dengan melaksanakan triangulasi antara data. Kedua-dua data pemerhatian dan analisis dokumen ini dijadikan data sokongan yang tidak boleh berdiri sendiri melainkan disandarkan dengan data temu bual (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Penggunaan teknik triangulasi seperti pungutan data-data yang diperoleh melalui sumber dokumen bukan sahaja dapat menyokong dan menambahkan bukti daripada pelbagai sumber lain, tetapi juga membantu dalam mengesahkan maklumat yang didapati daripada temu bual dan pemerhatian sama ada data yang diberikan oleh subjek kajian adalah selari dengan tindakan mereka mahupun tidak. Keesahan dalam kajian berbentuk kualitatif dengan kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumen sebagai instrumentasi tidak hanya tertumpu kepada hasil kajian tetapi turut membantu dalam keseluruhan proses penyelidikan.

### **Tatacara Kajian Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan merupakan kaedah kajian yang terdiri daripada pembacaan penulisan-penulisan ilmiah terutamanya pembacaan jurnal-jurnal kajian lepas dan buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan kajian. Kaedah ini dijalankan untuk membantu pengkaji memahami definisi dan isu dengan lebih terperinci berkaitan dengan budaya, gaya hidup dan akulturasi. Kajian ini dilaksanakan setelah kaedah kepustakaan dilakukan terlebih dahulu.

Sejumlah penulisan ilmiah terutamanya jurnal-jurnal kajian lepas telah dirujuk bagi mendapatkan maklumat kajian.

### **Kaedah Kajian Lapangan**

Kaedah kajian lapangan merupakan kaedah kajian yang melibatkan pengkaji untuk membuat lawatan secara fizikal ke lapangan atau kawasan kajian itu bagi mendapatkan hasil dapatan. Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji telah menggunakan teknik yang berikut;

### **Pemerhatian**

Pemerhatian adalah suatu teknik yang melibatkan pengkaji untuk melakukan pemerhatian ke atas subjek, pengaruh sekeliling, kejadian fenomena, tempat dan waktu. Teknik ini dijalankan secara langsung oleh pengkaji terhadap kawasan lapangan dan sasaran pemerhatian. UIAM Pagoh telah dipilih sebagai lokasi kajian lapangan untuk mendapatkan maklumat kajian dan pemerhatian telah dilaksanakan di lokasi yang berikut.

### **Temu Bual**

Kaedah temu bual dilakukan dengan cara mengajukan beberapa soalan yang berkaitan dengan fenomena kajian secara langsung. Jawapan yang diterima oleh subjek kajian direkodkan dan dicatatkan bagi tujuan rujukan dalam menganalisis data. Dalam kajian ini, temu bual telah dijalankan ke atas tujuh subjek kajian yang merupakan mahasiswa yang menuntut di UIAM Pagoh. Antaranya, empat mahasiswa perempuan dan 3 mahasiswa lelaki yang berumur dalam lingkungan 19-22 tahun.

## **Kaedah Menganalisis Data**

Analisis data merupakan upaya untuk mencapai dan menata secara sistematis catatan hasil wawancara dan pemerhatian untuk meningkatkan pemahaman pengkaji tentang bidang kajian yang diteliti dan menjadikannya sebagai temuan bagi orang lain. Analisis data yang telah dilakukan telah memudahkan data ditranskripsikan ke dalam bentuk yang mudah dibaca dan diimplementasikan. Dalam penelitian ini, pengkaji menggunakan teknik pendekatan deskriptif kualitatif yang merupakan suatu proses yang menggambarkan keadaan sasaran yang sebenarnya.

Semua data daripada kaedah kepustakaan, kaedah temu bual dan juga kaedah pemerhatian lapangan yang dikumpulkan dan dianalisis oleh pengkaji. Melalui penganalisan ini, pengkaji dapat melihat dan mengkategorikan kaitan antara akulturasi budaya barat dengan gaya hidup mahasiswa. Kajian ini menggunakan pembahagian data kepada beberapa kategori sebagai salah satu cara menganalisis dapatan kajian. Secara keseluruhannya, data-data tersebut dianalisis dan dikategorikan bagi memudahkan pembacaan individu lain yang ingin merujuk kajian berkenaan akulturasi budaya barat.

## **DAPATAN KAJIAN**

Pengaruh akulturasi budaya barat sememangnya sudah dapat dilihat khususnya dalam kalangan mahasiswa. Terdapat beberapa kesan lain yang perlu dipertimbangkan. Namun, dalam penelitian ini, impak negatif banyak diberikan fokus terhadap kecenderungan mahasiswa UIAM Pagoh berdasarkan temu bual yang telah dijalankan. Berlakunya penerapan budaya barat di UIAM Pagoh telah mengubah sebahagian besar gaya hidup pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan subjek kajian banyak terkesan dengan akulturasi budaya barat dalam lima aspek iaitu: (1) aspek komunikasi; (2) aspek pemikiran; (3) aspek pemakanan; (4) aspek sosial; (5) aspek hiburan. Bagi mencapai objektif kedua pula, soalan berkaitan cadangan-cadangan penambahbaikan terhadap kesan akulturasi juga telah diajukan.

### **Aspek Komunikasi**

Pada dasarnya, mahasiswa merupakan golongan yang sering ingin mencuba segala sesuatu yang baru dan menarik perhatian mereka sehingga menjadi seorang yang mudah terpengaruh. Salah satu kesan perilaku pelajar UIAM Pagoh adalah dari segi komunikasi. Kecenderungan mahasiswa untuk terkesan dengan akulturasi budaya barat bukan saja didapati daripada kenyataan subjek-subjek kajian itu sendiri malah dapat dilihat dari segi pemerhatian di mana bahasa yang digunakan ketika mereka menjawab soalan-soalan yang ditujukan ketika temu bual dijalankan. Hampir kesemua subjek kajian menjawab dengan menggunakan bahasa rojak iaitu percampuran pelbagai bahasa dalam satu pertuturan. Hal ini juga dapat disokong oleh kenyataan R1, R3 dan R4 berdasarkan soalan ‘apakah bahasa yang anda gunakan dalam kehidupan seharian untuk berkomunikasi dengan kenalan?’.

“Uhhh... dia selalunya Bahasa melayu kadang kita ada juga campur BI sikit ha macamtu. Dia bercampur-campur.”



“Campur tapi *mostly* melayu tapi dia ikut kawan juga do. Kalau ada kawan ni macam dia punya *main language* dia *English* macam nak cakap bahasa pasar pun *English*, cakap *English* la dengan dia tapi kalau jenis kawan yang cakap bahasa melayu *even* bahasa pasar pun bahasa Melayu yang slang-slang sekarang pun dia senang faham so cakap bahasa Melayu je la dengan dia. Ramai kawan yang cakap dalam bahasa Inggeris tapi *mostly* kawan *from university* lah”

“Bahasa Melayu tapi ada la campur sikit-sikit.”

Subjek kajian juga berpendapat dengan menggunakan tetapan bahasa Inggeris dalam telefon pintar atau gajet-gajet lain lebih mudah difahami dan senang digunakan berbanding jika ditukarkan kepada bahasa Melayu. Antara respon mereka termasuklah terasa pelik, janggal dan berasa terlalu baku jika menggunakan tetapan bahasa Melayu dalam telefon pintar mereka. Berdasarkan dapatan, boleh dikatakan kesemua subjek kajian yang ditemu bual memberikan jawapan yang agak sama iaitu seperti yang dikatakan oleh R1 dan R2:

“Ha *setting* dalam Bahasa Inggeris lah... sebab dia... dia macam orang kata apa... *international* ...dia sebab kita dah terbiasa... kalau guna dalam Bahasa melayu dia macam baku sangat tau. Kita tak biasa guna Bahasa baku so dia macam janggal.”

“*English* sebab dah *used to it* since kecik, tahu kan *phone* Nokia tu kan, kan *English* pastu parents pun *set* benda tu *English* so bila dah besar, benda tu macam dah *used to it*. Kalau tukar bahasa Melayu tu macam pelik sikit, macam malas nak fikir la”

## Pemikiran

Ideologi-ideologi budaya barat yang berkembang luas di seluruh dunia masih belum boleh membuka ruang untuk mahasiswa-mahasiswa di UIAM Pagoh menerima cara pemikiran tersebut. Ini terbukti apabila hasil dapatan kajian menunjukkan data yang tidak seimbang. 0% daripada subjek kajian menunjukkan tanda sokongan secara lisan kepada warga LGBTQ, manakala 14% daripada subjek kajian, iaitu hanya R1 mengungkapkan perspektif yang neutral terhadap ideologi tersebut.

“So rasanya kalau *LGBTQ* ni rasa macam neutral lah kot. Sebab setakat ni benda ni tak pernah mengganggu secara dekat lagi. Tak terjadi secara dekat macamtu. Kita *just* tengok orang jauh jauh je. So, benda tu macam tak, tak *affect* sangat lah macamtu.”

Selebihnya, iaitu sebanyak 86% daripada subjek kajian, iaitu enam orang menunjukkan bantahan keras terhadap golongan tersebut.

“Sebenarnya, bantah. Budaya barat ni macam dia nak suruh *every other countries* pun ikut cara diorang *mostly* USA lah sebab kat situ paling kuat kan. So diorang macam suruh negara lain pun ikut sekali macam menerima juga benda tu tapi *different people different beliefs in that topic specifically* macam ada *religion* yang tak terima dan ada *religion* yang terima tapi kebanyakannya *religion* diorang pun tak terima tapi sebab tak tahu la diorang terlalu *open* so tak tahu nak kata neutral ke bantah tapi bantah sebenarnya tapi *I don't openly show it*. Kalau kawan *gay* pun tak kawan. Kawan cam kenal tu *just talk about assignment* je la tapi kalau nak buat kawan tu tak. Sebab diorang jenis yang susah nak menerima teguran.”

“Memang bantah la kan. Tapi kalau *social media* tak *follow* orang sangat *so* takde sebut-sebut isu tu tapi kalau orang tanya ha memang bantah la sebab *basically* benda tu bercanggah dengan Islam la kan. Ada kawan yang lembut yang *gay* tapi dah *warning* kalau pelik-pelik tu jangan libatkan, ko hidup dan teruskan ko punya *life*. *Still* berkawan la dengan diorang.”

“Membantah sekerasnya. Ideologi barat ni fahaman macam sekularisme, materialisme, *LGBT* dan banyak lagi la. Tak sesuai untuk masyarakat kita yang ada pegangan agama.”

### **Pemakanan**

Secara keseluruhannya, 86% mahasiswa lebih memilih makanan Melayu berbanding makanan barat. Hal ini kerana, mereka berpendapat bahawa makanan Melayu lebih memberikan banyak variasi rasa dan keunikan tersendiri seperti yang dikatakan oleh R2 dan R3.

‘Umm, bagi saya perbezaan makan barat dengan makanan melayu, rempah lah. Sebab kalau makanan melayu rasa sangat la rempah dia. Kalau budaya barat dia macam takda rasa sangat. Diorang kan lebih suka letak apatu *cheese*, sos, *mayonnaise* apa semua tu lah kebanyakan. *Favourite*...uh... melayu la sebab melayu sedap.’

“Prefer makanan melayu sebab makanan barat macam takde flavour. Kalau makanan melayu macam *spices* macam tempoyak yang pedas-pedas.”

Walaupun bagaimanapun, lebih subjek kajian iaitu sebanyak 14% masih memilih makan barat sebagai makan harian mereka. Hal ini kerana mereka merasakan makanan barat lebih mudah dan memiliki rasa yang ringkas berbanding makanan Melayu. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan daripada R4 iaitu:

“Prefer *western* sebab dia punya *spice* tak *overwhelmed* sangat. Kalau makanan *malay* macam manis-manis tu tak minat.”

“Selalunya *prefer* kalau *fast food*- Bask Bear Coffee, Subway sebab senang dan selalu order kalau kat *Grab* ke apa”

### **Sosial**

Dari segi sosial, sudah terang lagi bersuluh bahawa akulturasi telah memberikan impak yang signifikan dalam kehidupan sosial mahasiswa. Mahasiswa yang hanya berusia setahun jagung mempunyai kecenderungan untuk mempunyai kehidupan sosial yang lebih bebas, sehingga melibatkan sentuhan fizikal atau *skinship*. Ini dapat dibuktikan dengan jawapan-jawapan subjek kajian yang merasakan bahawa menyentuh yang bukan mahram merupakan suatu tindakan yang normal and bukanlah sesuatu yang janggal. Hal ini bersandar kepada hasil dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada temu bual daripada kenyataan R1, R3 dan R5.

“Sentuhan fizikal eh? Kawan lainan jantina ada, uhhh benda tu kalau macam pukul terpegang tapi *still* berlapik tu ada tapi kalau pegang macam kadang spontan tau uhh macam tak sengaja. Kalau macam tiba-tiba ter-*excited* sangat bergosip ke apa kan kadang... papp... terpukul ha macamtu lah.

“Sentuhan fizikal tu normal. Kalau kawan universiti benda tu normal, kalau kawan sekolah menengah tu ha tu agak macam lebih alim, diorang bila *part* sentuh-sentuh ni tak buat la. Tapi kalau kawan *uni* ni pegang-pegang, peluk-peluk ni biasa la tapi *I* peluk-peluk takde, sentuh-sentuh macam nak tarik ke apa ada la.”

“Ada kawan perempuan.. Sentuh-sentuh ada la juga. Cuma yang kenal jela.”

Berdasarkan metode pemerhatian juga dapat dilihat, terdapat ramai mahasiswa yang tidak menjaga ikhtilat dan bergaul dengan bukan mahram mereka tanpa tujuan yang utuh. Meluangkan masa bersama berdua-duaan dengan rakan berlainan jantina juga merupakan suatu yang telah menjadi kebiasaan mahasiswa di UIAM Pagoh. Ini dapat dibuktikan dengan salah satu kenyataan yang dijawab oleh R3.

“Kalau keluar tak selalu tapi diorang selalu datang rumah tapi ada *parents* la kat rumah. Bukan datang sebab *open house* ke apa tapi diorang datang sebab nak lepak kat rumah untuk *hangout* je. Yang datangnya sorang je. Kadang sorang, kadang dua orang kawan *uni* la. Tapi *lately* ni yang datang sorang la untuk main *game* je. *Usually* lepak tu daripada siang sampai malam la. Siang tu macam tengah hari tapi balik tu macam 10-12 malam baru balik. Lepak kat ruang tamu.”

Rata-rata 71% daripada subjek kajian yang ditemu bual tidak mempunyai pasangan pada ketika itu. Walaubagaimanapun, sebahagian daripada subjek kajian tersebut menunjukkan kecenderungan dan keinginan untuk melakukan sentuhan fizikal dan meluangkan masa bersama dengan pasangan pada masa akan datang. Ini dapat diyakinkan melalui kenyataan yang dinyatakan oleh subjek kajian R1, R2, dan R3.

“Hmm... sebab diri sendiri pun pernah buat dulu. *So*, benda tu sebab benda tu dah *common* tau... Hmmm kalau dengan *boyfriend* benda tu biasa. Benda tu cam normal. Bukanlah nak kata *normal* tapi benda tu macam... dia camna eh bila kau keluar dengan *boyfriend* je, bila dia *couple* je, dia akan benda cam pegang tangan, benda camtu dia macam di-*normalized*kan.”

“Hmm... rasa macam... adalah cemburu tu sikit. Tapi, dia macam mana eh, tapi kesan dia pada masa depan tu yang kena fikir. Bolehla, cemburu dan sunyi sikitlah. Hmm mungkin akan terdetik nak buat jugak.”

“Rasa cemburu tu ada la sikit sebab cam ada *partner* boleh keluar jalan sama-sama tapi *neutral* la kot sebab tak rasa apa sangat, macam *congratulations* korang finally *happy*, macam tu je la. Ada la sikit nak ikut jugak sebab aku malas nak ada *boyfriend* ye la kan ada komitmen pastu nak kena jaga hati bagai, malas aku.”

## Hiburan

Tidak dapat disangkalkan lagi bahawa aliran yang dibawa oleh hiburan barat kebanyakannya berunsurkan maksiat dan kesesatan. Dapat dilihat banyak konsert hiburan dari negara-negara barat masuk ke negara ini dan umat Islam turut terkena tempiasnya. Tidak kurang juga ada yang menyelitkan ideologi songsang di dalam lagu-lagu mereka dan secara sengaja menyebarkan ‘hiburan’ tersebut ke dalam diri umat Islam sehingga lalai. Kenyataan ini disokong oleh R5 seperti berikut:

“Trend budaya barat..saya rasa individu tu terpengaruh dengan budaya barat mungkin dia rasa nak berhibur sebab kebanyakan budaya barat berkaitan dengan hiburan yang berlebihan. Seperti pergi konsert. Ramai yang suka akan hiburan dan mula terpengaruh. Ada juga kawan-kawan saya yang minat pergi konsert nyanyian orang-orang luar sebab seronok”

Hasil kajian juga mendapati terdapat subjek kajian yang menyatakan bahawa mereka bebas menonton adegan bebas dalam filem-filem yang ditonton terutamanya dari negara barat kerana mereka merasakan sudah dewasa dan sudah menjadi kebiasaan malah tidak salah jika melihat adegan-adegan bebas tersebut. Hal ini membuktikan fahaman dan fikiran mahasiswa telah dipengaruhi oleh media barat untuk menerima ideologi barat yang bersifat lebih terbuka dan menerima sesuatu pembaharuan yang bertentangan dengan syariat Islam. Hal ini dapat dibuktikan dalam respon R4, R6 dan R7.

“*Disgusting* dan jijik. Kalau *over* sangat *nudity skip* kalau tak *over-cringe* tapi tengok je biasa je sebab benda tu memang normal la dalam cerita”

“Kalau adegan bebas, filem melayu tu saya rasa geli. Kalau orang luar, saya tak kesah sebab dah menjadi kebiasaan. Lagipun kita dah dewasa”

“Kalau ada adegan-adegan bebas tu, aku tengok ja..menikmati..haha kita umur pun dah 22 kan..dah dewasa.. Tengok jela.”

### **Cadangan - Cadangan untuk Penambahbaikan Kesan Pengaruh Akulturasi Barat**

Dalam konteks ini, kebanyakan subjek kajian berpendapat bahawa pembendungan akulturasi budaya barat sukar untuk dilakukan. Hal ini kerana mereka berpandangan bahawa budaya barat terlalu berleluasa terutamanya dalam penggunaan media sosial dan boleh dikatakan hampir semua lapisan masyarakat terpengaruh dengan budaya ini. Walaubagaimanapun, setiap masalah ada jalan penyelesaian yang boleh diusahakan. Salah satu cadangan yang diberikan oleh R2 dan R4, adalah melalui penganjuran ceramah atau kem motivasi yang bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada khalayak.

“Diorang boleh apatu sekolah anjurkan ceramah-ceramah atau kem-kem motivasi, diorang patut ikutlah, supaya diorang dapat kesedaran tu. Sebab kita sebagai manusia selalu lupa. Jadi, kena selalu ada orang ingatkan. Kempen keagamaanlah.”

“Boleh buat Kempen Penguatan Budaya Melayu. *Maybe* bagi pendedahan tentang perbezaan budaya barat, *this is western culture* yang teruk, yang ini kita punya *culture so* bagi diorang macam nampak kot *one bad side* tak boleh ikut.”

Selain itu, pembendungan masalah ini juga perlu dilakukan dengan inisiatif diri sendiri. Seseorang individu itu mestilah mempunyai kemahuan untuk melakukan perubahan untuk mengelakkan diri mereka daripada terjerumus dengan budaya barat yang memberi impak negatif. Ini kerana, setelah semua usaha yang dilakukan melalui peranan kerajaan dan institusi pendidikan untuk menganjurkan kempen dan ceramah kesedaran, diri sendirilah yang menjadi penentuan untuk sesebuah perubahan. Hal ini bertepatan dengan pandangan R1 dan R7 iaitu:

“Sebab benda tu kalau kita buat cam kempen ke apa ke, *at the end* dia atas *personal* orang tu jugak. Kempen dia memang boleh pergi untuk sokong sahaja tapi kalau dalam *personal* dia, kalau dia duduk saja-saja pun, dia takkan nak duduk termenung tak buat apa *eventhough* dia dah baru balik daripada kempen takkan terus dia tak buat benda-benda macamtu. Ha *so*, diri sendiri kena ada kesedaran untuk berubah.”

“Langkah mengurangkan pengaruh budaya barat ni mungkin kita, *as* diri sendiri kena kekalkan budaya asal. Contohnya, dengar lagu-lagu klasik, tarian tradisional dan lain-lain. Supaya generasi baru atau generasi muda kenal budaya asal dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya-budaya luar yang tak baik.”

## PERBINCANGAN

Kajian ini dilakukan bagi menentukan kaitan antara akulturasi budaya barat dengan gaya hidup mahasiswa dan memberikan cadangan-cadangan untuk penambahbaikan kesan pengaruh akulturasi budaya barat. Antara aspek yang dapat dikenal pasti adalah daripada aspek komunikasi, pemikiran, pemakanan, sosial dan hiburan.

Data dikumpulkan menerusi reka bentuk kualitatif, kaedah temu bual dan instrumen soal selidik. Dalam fasa pengumpulan data, kajian ini menggunakan instrumen soal selidik berstruktur yang diubah suai daripada pengkaji berdasarkan instrumen soal selidik kajian Dampak Negatif Budaya Asing Pada Gaya Hidup Remaja Kota Makassar (Nur Islamiah, 2015). Kaedah pemerhatian turut dilaksanakan untuk mengenal pasti cara percakapan, tingkah laku dan cara pemakaian para subjek kajian ketika sesi temu bual dijalankan dan juga mahasiswa lain yang berada di lapangan kajian. Kajian rintis yang dijalankan melibatkan tujuh orang mahasiswa UIAM Pagoh, Johor. Penambahbaikan terhadap soal selidik dilakukan berdasarkan maklum balas daripada kajian rintis tersebut.

Perbincangan dapatan kajian ini adalah selaras dengan persoalan kajian iaitu ‘Apakah kesan akulturasi budaya barat terhadap mahasiswa?’ Dapatan temu bual dan soal selidik yang telah dijalankan ke atas tujuh subjek kajian menjelaskan bahasa mahasiswa sememangnya banyak terdedah dengan akulturasi barat yang bersandarkan penggunaan media sosial terutamanya. Dapat dikatakan, dalam aspek komunikasi, kebanyakan mahasiswa menggunakan bahasa yang diselitkan dengan perkataan-perkataan bahasa Inggeris serta bukan bahasa Melayu Asli. Selain itu, dari segi pemikiran, ramai mahasiswa juga boleh dikatakan mempunyai pemikiran yang berlandaskan budaya barat seperti mereka merasakan ideologi meluas seperti LGBT dan hubungan mesra antara lelaki dan perempuan yang belum berkahwin adalah suatu perkara yang normal.

Bagi aspek sosial pula, separuh daripada subjek kajian berpendapat bahawa mempunyai rakan lawan jantina yang terlalu mesra atau sentuhan dengan lawan jantina dan meluangkan masa untuk bersosial sehingga larut malam merupakan suatu perkara yang sudah dibiasakan manakala separuh lagi mahasiswa masih berpegang pada batas pergaulan dan batas-batas dalam bersosial. Begitu juga dalam aspek hiburan, dapatan mendapati bahawa sebahagian besar mahasiswa banyak menonton dan mendengar hiburan-hiburan daripada barat. Kebanyakan daripada mereka juga berpendapat adegan-adegan dewasa atau pornografi yang terdapat dalam filem merupakan suatu

perkara yang boleh ditonton secara bebas kerana ia merupakan budaya yang dinormalisasikan dalam filem barat dan sememangnya sukar untuk ditapis. Dalam aspek pemakanan pula, secara majoritinya mahasiswa lebih menggemari makanan Melayu berbanding makanan barat. Namun, mereka tetap memilih makanan barat sebagai makanan harian mereka.

Perbincangan dapatan kajian ini juga selaras dengan persoalan kajian iaitu “Apakah cadangan bagi penambahbaikan kesan pengaruh barat?” Antara cadangan yang telah dikemukakan berdasarkan jawapan temu bual yang dijalankan adalah melalui pelaksanaan Kempen Penguatan Budaya Melayu yang boleh dianjurkan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan bagi melestarikan rasa cinta kepada budaya tersebut. Pelaksanaan sesi kaunseling berkaitan agama juga boleh diadakan bagi memupuk kesedaran dalam diri mahasiswa agar dapat membezakan perkara mahmudah dan mazmumah dalam akulturasi barat. Bagi peranan sendiri, mahasiswa perlu mempunyai kesedaran dalam diri dan kebolehan dalam mengasingkan gaya hidup budaya barat yang boleh diikuti mahupun tidak.

### **Sumbangan Kajian**

Dalam konteks sumbangan kajian, pengkaji akan menghuraikan penemuan penting dari hasil kajian, kepentingan kajian, hubungan penemuan kajian dengan kajian lepas, dan pandangan alternatif terhadap hasil kajian. Dalam penemuan penting dari hasil kajian, pengkaji menjelaskan tujuan utama perbincangan iaitu untuk menjawab persoalan kajian sama ada objektif yang diberikan menyokong hipotesis. Bagi konteks kepentingan kajian pula, pengkaji menghuraikan prinsip dan hubungan umum yang dikenal pasti dalam kajian serta perbandingan korelasi yang diperolehi dengan hasil kajian yang dilaporkan dalam kajian lepas. Kerelevanan kajian dengan kajian terdahulu pula akan dijelaskan dalam bab hubungan penemuan dengan kajian lepas manakala kekurangan dan had kajian akan dibincangkan dalam bab pandangan alternatif terhadap hasil kajian.

### **Penemuan Penting dari Hasil Kajian**

Berdasarkan analisis kajian yang telah dijalankan, penyelidik-penyelidik dapat menemukan beberapa aspek yang menunjukkan kesan akulturasi yang tinggi dan terdapat juga beberapa aspek lain yang tidak memberikan impak yang mendalam lantaran proses akulturasi budaya barat. Hasil kajian membuktikan bahawa budaya Melayu dan pegangan agama Islam masih lagi utuh dalam diri mahasiswa-mahasiswa UIAM Pagoh. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh subjek-subjek kajian yang telah ditemu bual. Ideologi-ideologi barat seperti LGBTQ masih lagi ditentang dan dibantah sekeras-kerasnya dengan curaian bahawa pemikiran tersebut bercanggah dengan ajaran Islam dan termasuk dalam larangan agama Islam. Lain daripada itu, makanan tradisional Melayu masih lagi menjadi pilihan utama para mahasiswa berbanding dengan makanan budaya barat. Hal ini demikian disebabkan oleh pendapat mahasiswa bahawa rasa makanan Melayu yang lebih unik dan tersendiri.

Walau bagaimanapun, kecenderungan kesan akulturasi atau penerapan budaya barat untuk memperoleh tempat dalam gaya hidup pelajar-pelajar UIAM Pagoh masih lagi tinggi. Kesimpulan awal ini dapat dibuat disebabkan oleh rasa keinginan yang diujarkan oleh subjek kajian untuk

mengikuti trend hubungan intim di media sosial dan juga pergaulan bebas yang telah menjadi kebiasaan lebih-lebih lagi antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Dari segi komunikasi pula, berdasarkan kaedah pemerhatian, penggunaan bahasa rojak merupakan bukan sesuatu perkara yang janggal dalam kalangan mahasiswa. Rata-rata hampir kesemua subjek kajian memasukkan unsur pertukaran kod (*code-switch*) dan kod campur (*code-mix*) dalam temu bual dan dalam komunikasi harian. Hal ini boleh membawa kepada penggugatan dalam penggunaan Bahasa Melayu asli, pengetahuan yang terhad dalam kosa kata, serta kesantunan bahasa Melayu yang semakin hilang dek kurangnya penghayatan terhadap keindahan bahasa Melayu.

Natijahnya, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang proses akulturasi budaya barat kepada pelajar-pelajar di UIAM Pagoh dan mengenal pasti aspek yang terjejas lantaran kesan akulturasi yang mengambil tempat dalam kehidupan seharian mahasiswa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses akulturasi itu berlaku tetapi tidak meliputi dan menjejaskan semua aspek dalam gaya hidup mahasiswa.

## **KESIMPULAN**

Natijahnya, proses akulturasi tidak lagi mampu untuk dihalang atas sebab penggunaan media sosial yang meluas dan demografi subjek kajian itu sendiri. Walau bagaimanapun, langkah membendung masih dapat diambil bagi mengurangkan proses akulturasi dan penerapan budaya yang berunsur negatif dapat diminimalisasikan. Antara cadangan yang disarankan oleh subjek-subjek kajian adalah untuk mengadakan kempen terutamanya kempen pemantapan ilmu agama dan kempen untuk memulihkan kembali budaya melayu. Hal ini dapat dibuktikan dengan jawapan subjek kajian yang masih memilih gaya hidup budaya Melayu terutamanya dalam aspek makanan. Oleh itu, langkah-langkah untuk mengekalkan martabat budaya Melayu dan menjaga keharmonian agama Islam perlulah diambil bagi mengekalkan amalan ini. Kajian dalam proses dan kesan akulturasi ini amat penting lebih-lebih lagi pada era teknologi yang berkembang pesat ini. Proses penerapan budaya luar ini berlaku dengan cepat dan secara natural. Jika dipandang enteng, boleh merosakkan sesuatu generasi dan memakan bangsa itu sendiri. Selain daripada itu, kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan bagi penyelidikan baru pada masa akan datang. Olahan dalam fokus kajian dan populasi kajian boleh memberikan pendedahan yang berbeza dan lebih mendalam.

## **RUJUKAN**

- Azarudin A. & Mohd Khambali K. Perkaitan Akulturasi Budaya dan Hubungan Antara Agama: Kajian Terhadap Komuniti Cina Pra Konversi Di Negeri Terengganu. Akademi Kontemporari Pengajian Islam, UiTM Terengganu. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/10421/1/14124-38816-1-SM.pdf>
- Destiana.I, and Ali S., and Abdul H., (2013). Penerimaan media sosial: kajian dalam kalangan pelajar universiti di Palembang. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/6912/>

- Kodiran (1998). Akulturasi Sebagai Mekanisme Perubahan Kebudayaan. *Humaniora* No.8. Diambil daripada <https://www.neliti.com/id/publications/12146/akulturasi-sebagai-mekanisme-perubahan-kebudayaan>
- Mohd, Y., & Muazzar, G., (2015) Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 31(2) 2015: 33-46. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/10001/>
- Islamiah.N (2015). Dampak Negatif Budaya Asing pada Gaya Hidup Remaja Kota Makassar. Fakultas Dakwah dan Komunikasi UIN Alauddin Makassar. Diambil daripada <https://repositori.uin-alauddin.ac.id/10820/1/Dampak%20Negatif%20Budaya%20Asing%20Pada%20gaya%20Hidup%20Remaja%20Kota%20Makassar.pdf>
- Nurul, K., & Asmira, Z., (2021) Impak media sosial terhadap Keruntuhan Akhlak dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)* Diambil daripada <https://ir.uitm.edu.my/45207/1/45207.pdf>
- Okeu Y. (N.D ). Bentuk Imperialisme Budaya Barat dan Budaya Timur Dalam Media Sosial. *Jurnal Ilmu Komunikasi*. Diambil daripada <https://publikasi.dinus.ac.id/index.php/audience/article/view/3718>
- Shahrul, A., & Fauziah, N., (2019) Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 35(4) 2019: 101-118. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/13910/1/31578-116640-1-PB.pdf>
- Syed, A., & Mohd, Z., (2022) Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin* 50 (1) 2022: 73-96 Diambil daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/37643/14752/92409>



## DOKUMENTASI WARISAN TRADISI DARI PERSPEKTIF KONTEKS SOSIAL DALAM *MELANAU AKU TIDAK PERNAH MENOLAK TAKDIRNYA*

Sara Beden  
sara.beden@ipgm.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

### Abstrak

*Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* (MATPMT) merupakan karya Dahiri Saini (2020) yang merakamkan kemelut dan pergolakan yang berlaku dalam masyarakat Melanau di Bumi Kenyalang. Walau bagaimanapun, watak-watak yang menjadi pemerannya tetap berpegang teguh dengan warisan tradisi kaum ini. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur warisan tradisi Melanau yang didokumentasikan dalam novel ini dari perspektif Sosiologi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan menganalisis kandungan teks dengan mengaplikasikan kaedah ketiga dalam Teori Sosiologi. Dapatan analisis menunjukkan bahawa novel MATPMT berupaya merinci dan mencerminkan perjuangan kaum Melanau dalam memartabatkan warisan kaum mereka yang melatari Kampung Muara Sungai Rejang menerusi garapan peristiwa, tindak tanduk watak, perwatakan, unsur simbolik, sosiobudaya, sosioekonomi dan latar masyarakatnya. Dahiri Saini (2020) memperlihatkan kekuatan dalam menyelongkar warisan yang diagung-agungkan kaum Melanau yang bermula pada tahun 1939 semasa Pengiran Nuah atau *Bao-Mao* menjadi ikon penakluk lautan dan penakluk hutan. Teks sebagai dokumentasi sosial dalam MATPMT diperhalusi menerusi perjuangan kaum Melanau dalam mempertahankan warisan tradisi Melanau yang merangkumi seni pertukangan perahu, magis jampi mantera, kelestarian salasilah keturunan, aspirasi pendidikan, misteri isi rimba, keutuhan adat, maruah dan tatasusila dan misteri isi lautan. Semua aspek ini saling mempengaruhi dan memberikan impak dalam kehidupan mereka sehingga menzahirkan kekentalan, kegigihan dan kesetiaan mereka kepada prinsip hidup kaum Melanau. Kesimpulannya, Teori Sosiologi berkeupayaan untuk memprojeksikan bahawa MATPMT merupakan rakaman kejayaan, keistimewaan dan ketokohan kaum Melanau dalam mengecapi kemajuan dan pembangunan.

**Kata Kunci:** dokumentasi sosial, seni pertukangan, jampi mantera, misteri isi rimba, misteri isi kaut

### PENGENALAN

Hashim Awang (1997) merincikan bahawa kesusasteraan dan sosiologi mempunyai beberapa persamaan. Sosiologi adalah bersifat saintifik kerana mengkaji manusia dalam masyarakat, mengkaji institusi-institusi sosial dan proses sosial; mengkaji untuk menjawab pertanyaan bagaimana kemungkinan wujud masyarakat, bagaimana masyarakat itu berjalan, mengapa masyarakat itu berkekalan. Tambah beliau, institusi-institusi sosial, agama, ekonomi, politik dan kekeluargaan menjadi kajian. Berdasarkan perincian tersebut, dapatlah diperjelas bahawa terpancarlah per lukisan

dan fahaman masyarakatnya dari pelbagai sudut termasuklah budaya, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Mana Sikana (2009, hlm. 397) memperjelas bahawa sastera tidak lahir dalam kevakuman. Hal ini bermakna pengaruh masyarakat terhadap sesebuah karya sastera amat kuat sehingga masyarakat menjadi penentu terhadap penciptaan dan nilai sastera. Masyarakat tidak dapat dipisahkan dengan budaya seperti cara hidup, corak hidup, adat istiadat, adat resam, moral, kesenian, kepercayaan dan amalan yang menjadi identiti sesebuah masyarakat. Justeru, dalam sesebuah karya sastera terpancar dan tercermin aspek sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat yang melingkunginya. Hakikatnya, sastera cerminan hidup masyarakat bukan sekadar ungkapan, sebaliknya merupakan sebahagian realiti kehidupan. Mana Sikana (2009) turut menegaskan bahawa kesusasteraan semestinya mendekati masyarakat dan gambaran dalam karya mestilah mengekspresikan kejadian yang berlaku secara realiti dalam sesebuah masyarakat. Ekoran itu, terpancarlah perlukisan dan fahaman masyarakatnya dari pelbagai sudut termasuklah budaya, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Sara Beden (2020) menzahirkan bahawa sastera berupaya menggali, memugar dan mencungkil pemaknaan yang mendalam termasuklah penelaahan nilai dan norma yang dihayati sesebuah masyarakat.

Sehubungan itu, makalah ini membicarakan karya terkini Dahiri Saini (2020), pengarang prolifik di Bumi Kenyalang yang bertajuk *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* (MATPMT). MATPMT bertemakan perjuangan kaum Melanau dalam memartabatkan kaum mereka sebagai bangsa yang memiliki keistimewaan dan kekuatan dalam mengharungi kemelut dan pergolakan pada era sudah merdeka. Perjuangan dapat dilaksanakan dalam pelbagai bentuk termasuklah ketokohan, kepimpinan, maruah, harta benda, identiti, jati diri, prinsip dan warisan bangsa. Warisan bangsa merupakan khazanah yang sangat penting dalam meneruskan kelangsungan tamadun budaya bangsa yang wajar diketahui dan diwarisi generasi akan datang. Jika disorot, ternyata buah tangan Dahiri Saini ini, berjaya mengungkap dan merincikan perjuangan masyarakat Melanau sekali gus memperlihatkan reka cipta untuk melestarikan warisan tradisi masyarakat Melanau.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur warisan tradisi Melanau yang didokumentasikan dalam novel *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* karya Dahiri Saini (2020) dari perspektif Sosiologi.

## **SOROTAN LITERATUR**

Sorotan literatur dalam kajian ini mengambil kira kajian data korpus sastera menggunakan Teori Sosiologi. Che Abdullah Che Ya (2011) pula telah membuat penelitian terhadap antologi yang bertajuk *Anum Ranum* karya Razali Endun dengan menggunakan Teori Sosiologi. Dapatan memperlihatkan bahawa pengarang menyuarakan protesnya tentang orang Melayu yang sangat obsesi dengan kuasa dan kekayaan material. Rasuah dan penyalahgunaan kuasa menjadi amalan biasa dalam kalangan mereka sehingga mengabaikan tradisi lama seperti adat dan bahasa. Semua isu yang merangkumi budaya, ekonomi dan politik ialah pancaran tentang realiti yang wujud dalam masyarakat. Persoalan gila kuasa, penyelewengan dan imej negatif pemimpin dipaparkan oleh

pengarang sama ada secara tersurat mahupun tersirat dengan menggunakan lambang-lambang yang dekat dengan khalayak pembaca.

Asmiaty Amat (2011) membuat penelitian terhadap novel Ngayau karya Amil Jaya yang memaparkan tradisi penggal kepala yang pernah berlaku di Sarawak suatu ketika dahulu dengan menggunakan Teori Sosiologi. Kajian ini mendapati bahawa pengarang berjaya menonjolkan tema tentang adat dan pantang larang masyarakat Dayak di Sarawak. Walau bagaimanapun, pengarang novel ini telah berjaya memperlihatkan keinginan dan harapannya sebagai seorang pencinta kedamaian untuk melihat permusuhan dan persengketaan kaum tidak berlaku di Borneo.

Sara Beden (2016) turut membongkar permasalahan dan kemelut kehidupan masyarakat Penan dalam novel *Suara dari Rimba* karya Jong Chian Lai dengan menggunakan Teori Sosiologi. Pengarangnya telah mengungkapkan permasalahan sosial yang merangkumi isu kemiskinan, pendidikan, protes sosial dan isu pembangunan minda selain budaya tradisi. Jong berjaya memaparkan permasalahan masyarakat yang sudah semestinya tidak dapat dipisahkan daripada sistem dan kitaran kehidupan masyarakat yang menjadi objek penciptaannya dengan tujuan untuk membawa perubahan yang positif dalam kehidupan masyarakat tersebut. Berdasarkan dapatan, pengarang memperlihatkan penguasaan dan pengetahuan yang tinggi tentang budaya dan tradisi kehidupan masyarakat Penan sehingga dapat mempersembahkan sebuah kehidupan Penan secara realistik berlatarkan hutan belantara di Sarawak. Masyarakat ini terpinggir daripada arus pembangunan, pemodenan dan beranggapan mereka ditindas oleh pihak yang berkuasa apabila mereka disajikan dengan pembangunan.

Sara Beden (2020) turut mengkaji novel *Pindah* karya Jong Chian Lai dengan menggunakan Teori Sosiologi. Berdasarkan perspektif Sosiologi, pengarang telah mengungkapkan sosiobudaya masyarakat Iban dalam *Pindah*. Perbincangan berdasarkan isu-isu sosial, protes sosial dan kesan kepada pembaca memperlihatkan kesatuan dan tautan yang utuh sebagai sebuah novel yang merincikan sosiobudaya masyarakat Iban di Bumi Kenyalang. *Pindah* memperlihatkan pertentangan atau konflik budaya antara golongan muda dan golongan tua yang berpegang teguh dengan adat dan tradisi warisan nenek moyang. Pengarang menzahirkan bahawa masyarakat harus menyeimbangi pembangunan dan adat tradisi bagi mengecapi kemakmuran.

Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2021) dalam kajian terhadap novel-novel Azizi Abdullah dari sudut sosioekonomi, mendapati bahawa aspek sosioekonomi mewujudkan perubahan dari aspek peluang kerjaya, citra dan peranan wanita serta penerimaan masyarakat terhadap penggunaan kaedah moden dalam amalan pertanian masyarakat desa. Perkara ini menunjukkan masyarakat desa telah menerima perubahan dan berusaha meningkatkan taraf kehidupan. Walaupun pengkaryaan novel menjadi pelantar kepada Azizi untuk menyuarakan kritikan, perasaan dan pandangan terhadap permasalahan-permasalahan persekitaran sosioekonomi masyarakat, namun beliau turut memperlihatkan berlakunya anjakan taraf kehidupan masyarakat.

Sara Beden (2021) telah mengkaji novel MATPMT dengan menggunakan tiga kaedah dalam Teori Sosiologi, iaitu penulis dan teks, isu-isu sosial dan kesan teks kepada khalayak. Dapatan

analisis menunjukkan bahawa pengarang seorang yang prolifik dalam berkarya dan memiliki dorongan dan aspirasi untuk memaparkan pemikiran perjuangan pelbagai kaum di Sarawak sebagai saluran aspirasi masyarakatnya untuk maju dan membangun. Sementara penyuguhan isu-isu sosial mengintepretasikan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat sehingga menjejaskan sosioekonomi mereka. Teks ini juga memperlihatkan kesannya kepada khalayak kerana mengandungi unsur didaktik yang berupaya memperlihatkan fungsi sastera sebagai cerminan masyarakat. Implikasinya, watak-watak yang diperagakan oleh Dahiri Saini mencitrakan impian dan aspirasi beliau untuk mengangkat dan memartabatkan kaum Melanau dalam pelbagai bidang sebagai kaum yang disegani di Bumi Kenyalang.

Berdasarkan perbincangan terhadap kajian-kajian di atas, dapat dirangkumkan bahawa sastera dan sosiologi memiliki simbiosis dalam memaparkan realiti kehidupan masyarakat dalam karya sastera. Penemuan-penemuan tersebut juga menyiratkan bahawa Teori Sosiologi memiliki kekuatan dan amat signifikan bagi merungkai perjuangan, pergolakan, kepincangan dan kemelut yang berlaku dalam masyarakat yang melatari sesebuah teks. Walaupun, kajian telah dilakukan terhadap novel MATPMT oleh Sara Beden (2021), namun kajian tersebut tidak meneliti kaedah ketiga, iaitu teks sebagai dokumentasi sosial sebagaimana yang dibincangkan dalam kajian ini.

## **KERANGKA TEORETIS**

Kajian ini menggunakan Teori Sosiologi, iaitu pendekatan yang memberikan fokus terhadap konteks sosial (isu, nilai, protes, dokumentasi dan kesan sosial) dalam masyarakat. Mana Sikana (2009) menjelaskan bahawa ilmu falsafah dan kemajuan terutama yang dikemukakan oleh Aguste Comte memperlihatkan bahawa sosiologi ialah ilmu tertinggi yang patut dipelajari, maka penciptaan dan kritikan sastera juga wajar berteraskan sosiologi. Sosiologi lahir bertitik tolak daripada gerakan realisme dalam kesusasteraan sebagai reaksi terhadap perkembangan ilmu sosiologi yang dianggap saintifik dan cuba memberontak terhadap golongan romantik dan idealisme pada abad ke-18. Sastera sebagai cerminan masyarakat merupakan ungkapan keramat dalam Teori Sosiologi yang mengkomunikasikan maksud bahawa sastera memberikan gambaran tentang masyarakat, budaya dan sejarah. Oleh itu, Teori Sosiologi menganggap karya sastera sebagai dokumentasi sosial kerana merakamkan hal ehwal ekonomi, politik, corak, amalan, struktur dan jati diri dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim (2014, p.67) menjelaskan bahawa kesusasteraan semestinya mendampingi masyarakat dan segala gambaran dalam karya mestilah menurut apa-apa yang terjadi dalam masyarakat tersebut. Isinya haruslah mengenai isu dan permasalahan masyarakat, nilai-nilai institusi komuniti dan *world-view* keseluruhan masyarakat. Sementara sosiologi pula dapat memperlihatkan tema-tema fenomena masyarakat secara berkesan kerana pendekatan ini sememangnya menggambarkan kehidupan dan pergolakan dalam masyarakat. Pengarang yang menghasilkan karya merupakan seorang komuniti yang bertindak mewakili masyarakatnya dengan melukiskan pengalaman dan peristiwa yang konteks dengannya. Justeru, jendela sosiologi menyimpulkan bahawa karya sastera adalah sebagai dokumentasi sosial kerana sarat dengan penceritaan hal-hal kemasyarakatan yang membentuk dan mencitrakan masyarakatnya.

Auguste Comte (1798) mengutarakan bahawa kesusasteraan semestinya mendampingi masyarakat dan segala gambaran mestilah menurut apa-apa yang terjadi dalam masyarakat pada ketika itu. Beliau turut memberikan penekanan bahawa aspek-aspek sosial amat penting dalam usaha seseorang rakyat atau individu menjadi anggota masyarakat yang berguna, bertanggungjawab demi kepentingan masyarakat umum. Teori Sosiologi menganggap karya sastera sebagai dokumentasi sosial kerana merakamkan hal ehwal ekonomi, politik, corak, amalan, struktur dan jati diri dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Karya sastera dianggap sebagai dokumentasi sosial bertitik tolak daripada konsep sastera sebagai refleksi dan projeksi dari realiti masyarakat.

Teori Sosiologi mempunyai empat kaedah kritikan. *Pertama*, membicarakan latar belakang penulis, pemikiran dan faktor yang mendorong seseorang penulis menghasilkan karya. *Kedua*, menganalisis isu-isu sosial dalam karya sastera. Karya yang dibaca berdasarkan pendekatan ini tidak terlepas dari isu-isu sosial sama ada yang kecil mahupun besar, dalam masyarakat kota, desa, moden mahupun yang mundur. *Ketiga*, teori ini menekankan nilai dalam konteks sosialnya dengan meneliti teks dalam konteks pencerminannya, teks sebagai dokumentasi sosial dan unsur-unsur protes sosialnya. *Keempat* pula menganalisis aspek kesan dan pengaruh karya terhadap masyarakat. Penelitian dibuat terhadap kesan positif dan pengaruh karya kepada cara hidup pembaca berdasarkan wawasan dan unsur didaktik yang diketengahkan oleh pengarang.

Kajian ini dibataskan dengan mengaplikasikan kaedah ketiga dalam Teori Sosiologi bagi memperlihatkan nilai teks menerusi dokumentasi sosial warisan tradisi kaum Melanau dalam memartabatkan bangsa mereka agar lebih perkasa. Teks sebagai dokumentasi sosial meletakkan pengarang sebagai perakam dan pencatat yang memahami situasi dan peristiwa dalam karya. Justeru, pengarang melakukan penyelidikan secara berkesan dan saintifik, tidak hanya bergantung kepada kekuatan imaginasi dan pengarang harus masuk ke dalam masyarakat yang diceritakannya (Mana Sikana, 2009). Beliau juga menegaskan bahawa karya sastera dianggap sebagai dokumentasi sosial bertitik tolak daripada konsep sastera sebagai refleksi dan projeksi dari realiti masyarakat. Penyelidikan membolehkan pengarang merakamkan budaya dan kisah masyarakat berdasarkan fakta agar karya benar-benar merefleksikan kehidupan masyarakat tersebut. Justeru, kajian ini memberikan penekanan terhadap unsur-unsur warisan tradisi kaum Melanau dalam konteks sosial sebagaimana rakamannya dalam MATPMT.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus terhadap kajian teks dengan menggunakan Teori Sosiologi. Nasir (1992) menyatakan bahawa penelitian dengan menggunakan kaedah kualitatif bertujuan untuk mendeskripsi, memberikan gambaran, atau lukisan secara sistematis, tepat dan relevan dengan fenomena yang diselidik. Kajian teks ini berbentuk analisis deskriptif yang merujuk kepada beberapa proses, iaitu pembacaan secara keseluruhan terhadap novel MATPMT karya Dahiri Saini. Novel ini dipilih bertitik tolak atas faktor novel ini sarat dengan konteks sosial masyarakat yang berlaku dalam kaum Melanau yang memperlihatkan kesesuaiannya untuk dikaji dengan Teori Sosiologi. Pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* terhadap novel ini turut dilakukan bagi meningkatkan pemahaman terhadap perjalanan cerita menerusi perlakuan dan karakter para watak yang mendominasi novel ini. Tarigan (1994) mentakrifkan *close*

*reading* atau pembacaan teliti sebagai “teknik membaca yang digunakan untuk memperoleh pemahaman (sepenuhnya) atas suatu bahan bacaan”. Teknik bacaan ini juga membolehkan pengkaji mendapatkan perincian dan fakta-fakta yang terdapat dalam novel, memperoleh idea-idea pokok, watak-watak yang menggerakkan plot dan sosiobudaya yang didokumentasikan dalam MATPMT. Peringkat akhir, merupakan analisis terhadap novel ini yang memberikan fokus terhadap unsur-unsur warisan budaya yang dipertahan dan diperjuangkan oleh kaum Melanau menerusi watak-watak yang memperagakannya.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan analisis, dokumentasi nilai warisan budaya kaum Melanau dipaparkan menerusi perjuangan kaum ini dalam memartabatkan warisan bangsa mereka. Berdasarkan perspektif Sosiologi, didapati novel *MATPMT* berupaya merinci dan mencerminkan perjuangan memartabatkan warisan kaum Melanau yang melatari Kampung Muara Sungai Rejang menerusi garapan peristiwa, tindak tanduk watak, perwatakan, unsur simbolik, sosiobudaya, sosioekonomi dan latar masyarakatnya. Dahiri Saini (2020) memperlihatkan kekuatan dalam menyelongkar warisan yang diagung-agungkan kaum Melanau yang bermula pada tahun 1939 semasa Pengiran Nuah atau *Bao-Mao* menjadi ikon penakluk lautan dan penakluk hutan, seterusnya Pengiran Nuah menurunkan warisannya kepada Wahyu dan berlarutan pada tahun 2017 apabila kedua-dua anak Wahyu berjaya dalam pendidikan dan menempa nama dalam kerjaya mereka. Semangat perjuangan semakin merajai dan mewaja apabila kaum ini bertindak nekad mempertahankan warisan tradisi yang menjadi tunjang dan sendi maruah bangsa mereka. Perjuangan Melanau diperlihatkan dari segi nilai dalam konteks sosial yang dihubungkan dengan protes sosial yang signifikan dalam *MATPMT*.

Teks sebagai dokumentasi sosial dalam *MATPMT* diperhalusi menerusi perjuangan kaum Melanau dalam mempertahankan warisan tradisi Melanau menerusi keseluruhan ruang lingkup kehidupan mereka. Warisan tradisi kaum Melanau merangkumi seni pertukangan perahu, magis jampi mantera, kelestarian salasilah keturunan, aspirasi pendidikan, misteri isi rimba, keutuhan adat, maruah dan tatasusila dan misteri isi lautan. Semua aspek ini saling mempengaruhi dan memberikan impak dalam kehidupan mereka sehingga menzahirkan kekentalan, kegigihan dan kesetiaan mereka kepada prinsip hidup kaum Melanau.

### ***Seni Pertukangan Perahu***

Warisan tradisi yang diperjuangkan oleh kaum Melanau ialah seni pertukangan perahu. Kaum Melanau menganggap pertukangan perahu sebagai warisan kaum mereka sebagaimana pesanan Pengiran Nuah kepada Wahyu dalam petikan berikut:

“Bila Wahyu dah dewasa nanti, Wahyu kena menyambung pertukangan perahu ini. Inilah warisan kaum kita yang pandai menukangi perahu besar atau kecil. Nanti, jika perahu yang ditukang Wahyu pantas menongkah arus, meskipun arus yang membentuk badai dan melambungkan perahu, Wahyu harus yakin dan percaya perahu tersebut tak akan mengalah pada lambungan ombaknya,” ujar Pengiran Nuah lagi sambil dia mengusap penuh mesra alun ikal rambut anak lelaki tunggalnya.

(Dahiri Saini, 2020, p. xxxiii)

Berdasarkan petikan, pertukangan perahu merupakan seni warisan kaum Melanau yang menjadi kebanggaan mereka dan diwariskan kepada generasi seterusnya. Pengiran Nuah mahu pewarisnya, iaitu Wahyu mewarisi kepandaian menukang perahu sama ada yang besar mahupun kecil. Pengiran Nuah mengingatkan Wahyu bahawa jika perahu yang ditukangnya cekap menongkah arus, maka Wahyu harus yakin dan percaya bahawa perahu tersebut berjaya mengatasi lambungan ombak. Perahu juga merupakan simbolik kehidupan yang dapat dikesan dalam *MATPMT*. Bagi kaum Melanau, perahu ialah lambang kehidupan sebagaimana kata-kata Pengiran Nuah, iaitu “Perahu lambang kehidupan kita di sini, Wahyu” (Dahiri Saini, 2020: 25). Hal ini mencerminkan bahawa perahu dan corak kehidupan kaum Melanau amat erat hubungannya kerana mereka ialah pelaut. Oleh itu, kaum Melanau terkenal dengan seni pertukangan perahu yang menjadi sebahagian daripada seni kehidupan dan menjadi suatu kebanggaan. Pengiran Nuah mewariskan kepandaian menukang perahu kepada Wahyu sehingga Wahyu berusaha menukangi perahu sebagaimana wasiat ayahnya.

Dalam *MATPMT*, pertukangan perahu merupakan suatu seni yang harus dipelajari kerana perahu yang dihasilkan sewajarnya cekap melawan arus dan tidak karam apabila dilambung ombak. Pelajaran dan pengetahuan dari peringkat awal memilih kayu diperturunkan Pengiran Nuah kepada Wahyu supaya seni warisan ini berkesinambungan. Seni dalam pertukangan perahu bermula dengan kaedah memerhati pokok-pokok sebelum menebangnya. Kemudian, barulah membuat pemilihan pokok yang sesuai untuk dijadikan jalur perahu, papan, tiang, gelegar, alang dan pendamparnya. Pelajaran tersebut digambarkan dalam petikan berikut:

Itulah yang Pengiran Nuah menerapkan dalam fikiran anaknya. Biar dia bermula daripada memerhati, melihat, sebelum dia mencuba menakik, menarah lalu menebang pokok-pokok yang kecil. Kemudian baru dia diajar tentang memilih pokok yang sesuai untuk dijadikan jalur perahu, papan, tiang, gelegar, alang, pendampar dan sebagainya. Semua itu harus dihafal dan diingati sebelum mencuba melakukannya. Begitulah bermulanya, anak lelaki dari suku kaum Melanau mengenal hidup.

(Dahiri Saini, 2020,p. xxxv)

Pengetahuan dan kemahiran menukang perahu yang diwarisi daripada ayahnya digunakan oleh Wahyu untuk menyempurnakan wasiat Pengiran Nuah. Wahyu telah berjaya menyiapkan jalur perahu daripada pokok Meranti berdaun lebar yang ditinggalkan oleh Pengiran Nuah dalam masa 11 bulan. Perahu yang ditukangnya menyerupai iras kapal *Badong* atau kapal tradisional kaum Melanau dan Wahyu hendak menamakannya “Pengiran Nuah”. Warisan dalam seni pertukangan perahu ini juga diperhalusi menerusi perjuangan kaum ini dalam menzahirkan daya keintelektualan Melanau, iaitu kebijaksanaan menukang perahu. Dalam menukang perahu, seseorang harus bijak dan mahir dan mengetahui selok-belok pertukangan perahu secara mendalam. Pengiran Nuah sebagai penakluk lautan dan hutan amat mengetahui perkara ini dengan rincinya sebagaimana dalam petikan:

“Bijak menukangnya, maka bijaklah perahu itu menongkah tipu muslihat lautan dan ujian desahan angin nanti. Bapa percaya, kau mampu melakukannya, Wahyu. Bukan kepantasan menukangi perahu tersebut meletakkan kau digelar pandai perahu, tapi kegigihan dan ketabahan kau meletakkan rasa

hormat pada perahu yang kau tukangi dengan limpahan rasa cinta dan kasih sayang itu simbol bangsa kita yang gagah melayarinya pada lautan terbuka, Wahyu.”

(Dahiri Saini, 2020, p.225)

Berdasarkan petikan, kemahiran menukang perahu bukan diukur dengan kepantasan menyiapkannya, namun harus disulami seni dengan nilai, iaitu kegigihan, ketabahan, kasih sayang dan perasaan hormat kepada perahu yang ditukangi. Apabila seseorang itu bijaksana menukang perahunya, maka perahu itu akan berkeupayaan menongkah alunan ombak dan mendepani cabaran daripada angin atau dengan kata lain, mempunyai kekuatan dan berupaya menghadapi cabaran ombak yang ganas. Perasaan hormat kepada perahu yang ditukangi mencitrakan bahawa perahu juga memiliki “perasaan” untuk dihormati agar wujud keharmonian antara penukang dan perahu yang ditukangi. Bagi kaum Melanau, perasaan hormat pada perahu yang ditukangi dengan limpahan rasa cinta dan kasih sayang merupakan simbol bangsa mereka yang gagah melayarinya di lautan luas dan berhubung rapat sebagai bangsa penakluk lautan. Keintelektualan menukang perahu juga terletak pada seni kemahiran tertentu sebagaimana ajaran Pengiran Nuah kepada Wahyu dalam petikan berikut:

“Mendirikan dinding perahu ini, perlukan kemahiran memilih dan melengkungkan papan dindingnya, Wahyu. Bukan boleh diambil sembarangan. Kena lihat dan rasa selirat isi pada papan yang hendak dilengkungkan itu. Jika seliratnya agak kasar dan bersimpang-siur, maka papan itu harus diterbalikkan dulu, baru disusun dan dilengkungkan semula perlahan-lahan. Jika masih tak sesuai juga, cuba pergi ke sebelahnya, maksudnya, dinding perahu ke kanan, jika agak keras untuk dilengkung, cuba sebelah kiri pula.

“Susunan dinding perahu itu nanti jangan kau lekas berasa puas, Wahyu. Ulang mendirikannya dengan teliti dan gigih. Insya-Allah, jika kau bersabar dan yakin, bapa percaya kau mampu menukangnya seperti bapa.” Ulang arwah Pengiran Nuah.

(Dahiri Saini, 2020, p. 227)

Berdasarkan petikan pada halaman 227, jelas memperlihatkan keintelektualan dalam pertukangan perahu yang dimiliki Pengiran Nuah dan diwarisinya kepada Wahyu agar warisan tersebut terus lestari. Pengiran Nuah bangga kerana kaum Melanau amat terkenal dengan pertukangan perahu, yang arif meredah lautan bebas dan memiliki semangat juang yang tinggi. Kepakaran menukang perahu menjadikan dunia pelaut kaum Melanau disegani. Wahyu diajar tentang cara mendirikan dinding perahu, kemahiran memilih dan melengkungkan papan dinding, menilai isi papan dan susunan dinding perahu harus dilakukan dengan gigih dan teliti. Bermakna dalam pertukangan perahu, nilai seperti ketelitian, kegigihan, kesabaran dan keyakinan amat dituntut bagi menghasilkan sebuah perahu yang elok. Kemahiran ini amat berharga sehingga Wahyu berjaya menukangi perahunya sehingga selesai dan mampu memuatkan 20-30 orang. Ketokohan dan kepakaran ayahnya Pengiran Nuah memang tiada tandingan dan tidak dapat dipertikai. Kesenian dan kepandaiannya bertukang menjadi sebatu sehingga menyebabkan dirinya berjaya menakluk lautan dan daratan sehingga disamakan dengan tokoh tersohor kaum Melanau, iaitu Tugau.



Kepakaran Wahyu menukangi jalur perahu pokok Meranti berdaun lebar yang ditinggalkan oleh arwah Pengiran Nuah, menyerupai Badong atau kapal tradisional kaum Melanau yang digunakan oleh mereka untuk mengembara dari Selat Melaka sehingga empayar besar Johor-Riau dan seterusnya ke kawasan Mindanao, Filipina. Kehebatan pertukangan oleh Wahyu menyebabkan Sharif, iaitu sepupunya terkejut dengan menyatakan bahawa “Memang kau dah gila dan gila dan gila, Wahyu!” Jerit Sharif. Dia benar-benar terkejut dengan kemegahan dan keperkasaan perahu yang ditukangi Wahyu. Bentuk perahu yang seiras-iras *Bahong* atau *Badong*, tetapi lebih menarik lagi, setelah diberi bentuk dan ukiran yang baharu pada setiap tiang haluan dan buritannya”

(Dahiri Saini, 2020: 274).

Dalam perjuangan mempertahankan warisan ini, Wahyu sempat mewariskan pengetahuan ini kepada Firman walaupun tidak sepenuhnya tetapi diceritakan kepada anak-anaknya tentang kehebatan Pengiran Nuah yang handal menukang perahu. Firman yang mengambil jurusan dalam bidang Ukur Bahan dan Senibina di UiTM tidak jauh bezanya dengan seni pertukangan, namun lebih moden sifatnya. Kematian Wahyu tidak ‘mematikan’ warisan ini kerana kedua-dua anaknya melestarikan warisan yang ditinggalkan ayah mereka. Seterusnya, Wahyu sempat mewariskan pengetahuan ini kepada Firman walaupun tidak sepenuhnya tetapi diceritakan kepada anak-anaknya tentang kehebatan Pengiran Nuah. Setelah kematian Wahyu, anak lelakinya Firman bertekad untuk meneruskan legasi dan menunaikan hasrat bapanya untuk memastikan perahu itu meluncur di Sungai Rajang. Sementara kakaknya, Lestari sebagai anak sulung turut menegaskan agar Firman menukangi semula perahu yang terbakar demi menunaikan amanah arwah datuk, arwah bapa dan demi kelestarian warisan kaum mereka sebagaimana yang terdapat dalam petikan berikut:

“Kau anak lelaki dalam salasilah keluarga kita, Fir. Fir kena lakukannya, Fir harus menukangi semula perahu itu, demi amanah arwah datuk, arwah bapa dan demi kelestarian kaum kita, Fir. Jika Fir mahukan kak membantu, kak akan bantu.” Getaran tegas suara Lestari bergema ketika mereka berkumpul di rumah lama mereka malam itu.

(Dahiri Saini, 2020: 341)

Situasi ini menzahirkan bahawa salasilah keturunan Pengiran Nuah sangat mementingkan warisan kaum mereka, iaitu perahu dan seni pertukangannya yang sinonim dengan kehebatan datuk mereka sebagai penakluk lautan suatu masa dahulu. Lestari tidak mahu warisan itu terkubur dan Firman sebagai anak lelaki dalam salasilah keluarga mereka wajar memikul tanggungjawab itu. Situasi ini menzahirkan bahawa salasilah keturunan Pengiran Nuah sangat mementingkan warisan bangsa mereka agar terus lestari walaupun pada zaman globalisasi.

### ***Magis Jampi Mantera***

Upacara ritual dalam *MATPMT* menggunakan mantera yang sebenar-benarnya dalam konteks budaya masyarakat Melanau di Sarawak. Penggunaan jampi mantera dalam dialek Melanau menjadikan warisan ini lebih realistik dan menarik walaupun Dahiri bukanlah dari kaum Melanau. Dahiri memperlihatkan kekuatannya membuat pemerhatian dan penyelidikan secara lapangan bagi membolehkannya memuatkan jampi mantera dalam upacara *a-bayoh*. Dahiri Saini (2020, p.363) menjelaskan *a-bayoh* ialah upacara perubatan tradisional kaum Melanau. Jika tidak sembuh juga,

harapan untuk sembuh dianggap tipis. Maka upacara tersebut berhubung dan menggunakan kuasa ghaib *tow-tow* dan *amow* sebagai perantaraan. *Tow-tow* ialah penjelmaan makhluk metafizikal seperti hantu yang jahat dalam upacara *a-bayoh* yang akan dibantu dengan bantuan *tow-tow* yang tertentu bagi menolong upacara *a-bayoh* mengenal pasti asal usul penyakit yang dihadapi oleh pesakit (Dahiri Saini, 2020, p. 367). *Amow* ialah makhluk penjelmaan yang tidak sempurna dalam upacara pengebumiannya atau atas sebab perbuatan yang tidak baik semasa hayatnya. *Amow* biasanya tidak berniat jahat seperti *tow-tow* (hantu yang jahat), cuma bertujuan untuk mengilai dan menakutkan atau untuk mengingatkan orang yang masih hidup, bahawa ada yang tidak kena dengan kematiannya atau ada perkara yang belum sempurna dengan upacara pengebumiannya sebelum itu (Dahiri Saini, 2020, p. 364).

Tindakan beliau membuat penyelidikan menjadikan kepekatan dan keaslian warisan mantera Melanau dalam novel ini sukar dipertikai dan lebih menyerlah dibandingkan dengan Amil Jaya atau Ismail Abbas (1987), penulis Sabah dalam *Ngayau* yang memaparkan kehidupan masyarakat Borneo kerana hanya memuatkan jampi mantera dalam bahasa Melayu standard. Asmiaty Amat (2011, p. 49) yang mengkaji *Ngayau* menegaskan bahawa mantera yang ditunjukkan dalam bahasa Melayu itu dianggap mengurangkan nilai keaslian mantera masyarakat asli Sarawak. Sebaliknya, jampi mantera dalam masyarakat Melanau dilestarikan oleh Dahiri Saini dalam karya ini dengan rinci hasil penyelidikan beliau walaupun sebahagian besar karya ini berlatarkan zaman moden. Hal ini bermakna masyarakat Melanau masih lagi mengekalkan warisan tradisi ini semasa upacara *a-bayoh*. Jampi mantera dalam dialek Melanau terdapat dalam petikan berikut:

“Hei, *likou bah iba! Likou langit! Likou bah-bau! Likou dagen dua! Hei, likou bah iba! Likou langit! Likou bah-bau! Likou dagen dua! Hei, likou bah iba! Likou langit! Likou bah-bau! Likou dagen dua! Hei, likou bah iba! Likou langit! Likou bah-bau! Likou dagen dua! Hei, likou bah iba! Likou langit! Likou bah-bau! Likou dagen dua! Hei, likou bah iba! Likou langit! Likou bah-bau! Likou dagen dua! Hei, likou bah iba! Likou langit! Likou bah-bau! Likou dagen dua!*”

(Dahiri Saini, 2020, p. 146)

Jampi mantera ini digunakan untuk memuja dalam upacara *a-bayoh* seperti ritual main puteri dalam masyarakat lain. Mantera tersebut menggambarkan lapisan-lapisan yang dihuni penghuni atau makhluk tertentu dengan harapan dapat membantu menyembuhkan pesakit kerana kemagisannya. Penggunaan jampi mantera dalam MATPMT terdapat dalam halaman 144, 145, 146, 148 dan 156. Penggunaan mantera memperlihatkan bahawa kepercayaan masyarakat Melanau kepada *Dukan* atau bomoh masih menebal untuk mengubati pesakit kerana mantera ini diujarkan bomoh ketika upacara *a-bayoh* dilaksanakan dalam masyarakat Melanau. Upacara ini dilakukan oleh *Dukan* ketika Pengiran Biren, ayah Sharif terlantar sakit yang kononnya terkena buatan orang. “Pengiran Biren terkena ketika mereka menjenguk untuk projek mega ternakan ikan empurau beberapa minggu yang lalu. Semenjak itulah, Pengiran Biren mula mengadu sakit dada dan seluruh tubuhnya, seperti dikedah seseorang yang bertubuh agam dan besar” (Dahiri saini, 2020, p.135). Sejak itu Pengiran Biren diganggu *liko baliwan* dan meracau-racau seperti disampuk. Oleh itu, *Dukan* membaca jampi mantera bagi menghalau hantu yang mengganggu Pengiran Biren.

Mantera memiliki kuasa magis yang berfungsi untuk menghalau *amow* dan *liko baliwan* yang memasung dan merasuk roh dan jasad pesakit khususnya, Pengiran Biren. Masyarakat memiliki kepercayaan bahawa *Dukan* yang mampu menghalau dan menghalang, apa-apa yang berkaitan dengan *ipo' langit, ipo' tanah, ipo' iyang, ipo' daat, ipo' kala, ipo' guun - ipo' alan, ipo' 'uma, ipo' lebo', ipo' bekaan, dan ipo' nase'*. *Dukan* juga dapat menyembuhkan segala yang berkaitan dengan *amow, tow-tow* dan *liko baliwan*. *Dukan* dianggap sebagai penyelamat yang diperlukan penduduk persekitaran, dikagumi dan dihormati kerana tidak berkira untuk membantu penduduk kampung yang memerlukan bantuan dalam perubatan secara tradisional. Walau bagaimanapun, dalam novel ini pengarang mematkan watak Pengiran Biren akibat disampuk hantu dengan motif tertentu.

Puisi tradisional seperti jampi mantera ini sewajarnya dikekalkan dalam tradisi sesebuah masyarakat supaya dapat menjadi rujukan dan warisan kepada generasi muda bagi mengelakkannya pupus ditelan zaman namun harus dipraktikkan secara positif, iaitu untuk tujuan perubatan kerana penyakit yang melibatkan makhluk ghaib sukar diubati dengan perubatan moden. Ternyata dalam MATPMT, keyakinan dan kepercayaan terhadap perubatan tradisional masih menebal dalam masyarakat Melanau bagi tujuan mengubati pesakit.

### ***Kelestarian Salasilah Keturunan***

Kaum Melanau amat memandang tinggi tentang kelestarian salasilah keturunan yang menjadi warisan bangsa mereka dan seharusnya dijaga serta dipelihara selagi mereka berhayat. Pengiran Nuah sentiasa mengingatkan dirinya dan anaknya tentang salasilah keturunan kaum *Sembilan Pikul* sebagaimana dalam petikan:

“Ingatannya pada salasilah *Kaum Sembilan Pikul*. *Kaum Sembilan Pikul* yang dihormati kerana rasa kebertanggungjawaban mereka pada salasilah warisan yang tidak pernah lenyap daripada generasi kepada generasi.

(Dahiri Saini, 2020, p. xxxi)

Bagi kaum Melanau, *Kaum Sembilan Pikul* merupakan suatu penghormatan kepada mereka kerana kaum ini memiliki pangkat tertinggi dalam masyarakat Melanau. Status yang tinggi tersebut sewajarnya dipelihara agar tidak tercemar. Pengiran Nuah pada zaman hidupnya sering memberikan pesanan agar kaum Melanau menjaga salasilah ini. Pengiran Nuah menyatakan bahawa “Kaum Melanau akan menjaga salasilahnya! “Ya, kaum Melanau tak akan melupakan semua itu!” ulangnya. “Penakut bukan alasan untuk mati!” (Dahiri Saini, 2020, p. xxviii). Kata-kata Pengiran Nuah menandakan bahawa kaum Melanau sangat mementingkan salasilah keturunan mereka agar terpelihara dan tidak tercemar. Perjuangan mempertahankan salasilah ini juga dikaitkan dengan sikap berani kaum Melanau berjuang agar kaum ini dipandang tinggi.

Selain kaum sembilan *Pikul (A-Metahei)*, iaitu pangkat tertinggi kaum Melanau, terdapat juga kaum *Tuju' Pikul*, iaitu kelas pertengahan yang sewajarnya dijunjung. Oleh itu, apabila Sharif cuba memperkosa Dayang Kumunah, salasilah keturunan ini dipersoalkan oleh Dayang Kumunah. Tindakan Sharif merupakan perbuatan yang hina dan memalukan kaum Melanau. Dayang Kumunah

sanggup membunuh diri jika Sharif berjaya memperkosanya kerana jijik dengan sikap Sharif yang mencemarkan salasilah kaum mereka sebagaimana dalam petikan:

Ya, sampai bila-bila. Jika apa yang diinginkan Sharif malam itu terlaksana, mahu sahaja dia membunuh dirinya kerana tidak sanggup hidup dengan lelaki yang tidak bermaruah itu. Shariflah yang telah mencemar nama baik kaum Melanau. Mencemar kaum *tuju' pikul*. Kaum *tuju' pikul* yang dihormati dan disegani di kampung tersebut.

(Dahiri Saini, 2020: 66)

Berdasarkan petikan, perbuatannya menyebabkan Dayang Kumunah menganggap Sharif sebagai pencemar kaum *tuju' pikul* yang dihormati dalam masyarakat Melanau. Masyarakat ini juga dianggotai *Kaum Tuju' Betirih*, iaitu terdiri daripada orang tahanan dan hamba. Ringkasnya, kaum Melanau amat menghormati dan memelihara warisan salasilah keturunan mereka agar terus lestari dan dipandang tinggi oleh bangsa lain kerana melibatkan maruah bangsa.

### ***Aspirasi Pendidikan***

Kaum Melanau juga diperlihatkan memiliki prinsip perjuangan memartabatkan bangsa menerusi aspirasi pendidikan sebagai warisan bangsa yang signifikan. Mereka sedar bahawa pendidikan formal amat penting pada zaman yang serba maju. Pendidikan juga berupaya meningkatkan mobiliti sosial sesuatu bangsa agar dihormati oleh bangsa lain selain mengelakkan sesuatu bangsa diperlekeh sesuka hati. Oleh itu, Wahyu amat menitikberatkan pendidikan kedua-dua orang anaknya seperti dalam petikan:

“Janji pada bapa ya, kalian berdua harus belajar dan terus belajar. Nanti kalian juga akan senang dalam hidup. Cuma pinta bapa, jangan kalian melupakan asal usul keturunan kita di negeri mewah ini. Jangan kalian menjadi kelu dan bisu, jika kaum kita diperlekehkan dalam apa saja keadaan.” Tuter Wahyu pada Lestari dan Firman pada suatu hari.

(Dahiri Saini, 2020, p.9)

Kalimat “pendidikan membentuk sesuatu bangsa” menjadi prinsip perjuangan Wahyu dalam memartabkan bangsa Melanau sehingga dia sering mengingatkan anak-anaknya agar menjadi insan yang berjaya dalam pendidikan. Perjuangan memartabkan bangsa melalui pendidikan telah disuarakan oleh arwah bapanya suatu ketika dahulu. Pengiran Nuah menyatakan bahawa “Tiada yang lebih berharga daripada ilmu, Wahyu. Ilmulah yang mendorong manusia itu dihormati dan disegani,” (Dahiri Saini, 2020, p.25). Lantunan kalimat daripada arwah bapanya, terus bergema dalam diri Wahyu dan diwariskan kepada anak-anaknya agar menjadi insan yang berilmu. Ketinggian ilmu dan kejayaan dalam pendidikan menjadikan suatu bangsa itu kuat dan besar serta disegani masyarakat lain. Penghayatan terhadap kepentingan ilmu dan pendidikan menyebabkan anak-anak Wahyu berjaya melanjutkan pelajaran pada peringkat yang tinggi. Lestari mengambil jurusan bidang perubatan di Fakulti Perubatan Sains dan Kesihatan, di Universiti Malaysia Sarawak manakala Firman anak bongsunya, tahun kedua dalam bidang Ukur Bahan dan Senibina di Fakulti Senibina, Universiti Teknologi MARA.

Wahyu terus berjuang sebagai pembelah kayu demi kelangsungan pendidikan kedua-dua anaknya. Wahyu berhasrat agar anak-anaknya meneruskan legasi menjadi pejuang dan mewarisi apa-apa sahaja yang berkaitan dengan kelestarian kaum Melanau. Hasrat untuk menyaksikan kaum Melanau berjaya memartabatkan bangsa menerusi pendidikan dibuktikan oleh Lestari dan Firman yang berjaya dalam kerjaya mereka walaupun ayahnya sudah tiada. Firman telah berjaya sebagai jurutera pembangunan dan terkenal. Ir. Pengiran Firman bin Pengiran Wahyu seorang jurutera yang cukup disegani di rantau Asia Tenggara malahan pernah memenangi anugerah *ABU Engineering Industry Excellence Award 2017*. Firman juga mendapat pengiktirafan sebagai jurutera yang berkaliber dan berkarisma sehingga pernah ditawarkan untuk mereka cipta bangunan pencakar langit yang tertinggi di Dubai. Dia juga berjaya menjadi pemaju hartanah dan sukses dalam tender yang terbesar di Asia Tenggara. Kejayaan Firman membanggakan arwah bapa dan datuknya kerana amanat mereka telah tercapai dan kaum Melanau berjaya meletakkan harapan negeri Sarawak, seterusnya Malaysia amnya di pelosok dunia (Dahiri Saini, 2020, p.305). Lestari pula berjaya menjadi seorang doktor dan bertugas di Hospital Sibul. Kejayaan kedua-dua anak Wahyu ini juga menandakan bahawa salasilah Pengiran Nuah, bukan kaum Melanau yang sebarangan. Kaum ini mempunyai prinsip dan pegangan hidup yang kental, cekal dan tidak goyah walaupun dilanda cabaran hebat dan mengutamakan aspirasi bangsa menerusi pendidikan sebagai warisan bangsa yang disegani dan dipandang tinggi.

### ***Misteri Isi Rimba***

*Hutan* menjadi simbolik dalam kehidupan masyarakat Melanau kerana hutan amat akrab dengan corak kehidupan mereka. Pengiran Nuah menganggap hutan sebagai *jelmaan bidadari* yang dirindunya menerusi ungkapannya yang berbunyi “Hutan, penjelmaan bidadari hijau yang aku rindukan,” ulangnya semula. Ungkapan itu kerap kali terpacul di mulutnya yang sedikit lebar dan tebal bibirnya, yang berwarna coklat pekat kerana kesan pada tembakau rokok daunnya” (Dahiri Saini, 2020, p.xii). Ungkapan tersebut mengkomunikasikan bahawa hutan sangat indah, cantik dan istimewa serta dirindui dengan warna kehijauannya kerana dianalogikan seperti bidadari. Wahyu juga mengagumi hutan dan menganggap hutan sebagai pendidik dalam kehidupannya kerana sejak kecil lagi dia sudah mengenali hutan yang seolah-olah menjadi tempat persekolahannya. Pelbagai ilmu dan kemahiran di hutan yang dipelajari daripada ayahnya sehingga Wahyu mahir dengan kerja-kerja di hutan. Wahyu menyatakan bahawa “Hutan inilah yang mendidik aku menjadikan sebahagian daripada kehidupan, Tofan. Hutan yang mengenali aku sejak berusia tujuh tahun lagi.” Balas Wahyu (Dahiri Saini, 2020, p.12). Ungkapan Wahyu “Bapa dan hutan ialah impian yang tak akan hilang selamanya” (Dahiri Saini, 2020, p.38) menandakan simbolik bahawa hutan dan manusia mempunyai harapan dan hubungan yang amat akrab dan intim serta berkekalan untuk selama-lamanya. Selain itu, ungkapan Wahyu bahawa “Hutan dan bapa, adalah cinta suci yang murni. Jika bapa tak melihat hutan sehari, seperti bapa kehilangan kelibat arwah bapa yang seperti kerap menziarahinya” (Dahiri Saini, 2020, p.40) turut memanifestasikan bahawa hubungan kasih sayang yang suci murni antara manusia dan alam hutan yang sehati dan sejati. Wahyu seolah-olah kehilangan kelibat ayahnya jika tidak melihat hutan dalam masa sehari. Ungkapan ini menzahirkan bahawa hutan diletakkan pada suatu tahap yang istimewa dan memiliki misteri atau rahsia kerana dianalogikan dengan kelibat arwah ayahnya yang digelar penakluk hutan. Pengiran Nuah seorang pencinta dan penakluk hutan yang luar biasa bagi kaum Melanau.

Kekaguman kaum Melanau kepada hutan yang memberikan sumber rezeki menyerlahkan daya keintelektualan mereka menerusi kepakaran dan kemahiran menguasai misteri ilmu flora dan rimba di hutan sehingga menjadi kebanggaan bangsa itu sendiri. Pengiran Nuah diangkat oleh pengarang sebagai watak yang mahir dalam mengenal pasti jenis dan rahsia pokok di hutan. Kepakarannya digambarkan menerusi petikan berikut:

Kepakarannya, misteri hutan yang tulen dan asli. Dia hanya mengambil daun-daun kering yang luruh di banirnya, lalu dilenyekkan di telapak tangan, dan dicitum beberapa detik, dia sudah tahu jenis pokok tersebut. Malah, kitaran jangka hidup pokok itu juga dapat ditekanya dengan tepat. Begitulah luar biasanya Pengiran Nuah dengan hutan yang meredupi usianya.

(Dahiri Saini, 2020, p. xi)

Pengiran Nuah berupaya mengenal pasti dan mengetahui jenis pokok dengan mengambil daun-daun kering yang luruh di banir, lalu dilenyekkan di telapak tangan dan dicitumnya beberapa kali. Hal ini menunjukkan bahawa watak ini memiliki ketinggian dan kelebihan pancaindera menerusi deria bau bagi mengetahui jenis-jenis pokok. Keistimewaan ini tidak dimiliki semua orang. Kepakarannya tidak memerlukan eksperimen dan peralatan canggih, cuma deria baunya yang sensitif berdasarkan pengalamannya yang matang dan *world view* tentang alam flora. Dia juga pakar dalam menjangka dengan tepat kitaran jangka hidup pokok dengan kepakaran dan pengalaman yang dimilikinya. Wahyu juga dizahirkan memiliki kepakaran memilih pokok hasil daripada didikan dan warisan daripada ayahnya dan diakui oleh Tofan rakannya sebagaimana dalam petikan berikut:

Memang Wahyu yang arif memilih pokok mengikut kepakaran arwah bapanya, Pengiran Nuah. Tofan akur kelebihan pada Wahyu jika tentang pokok-pokok di hutan itu. Wahyu yang telah mewarisi kepandaian daripada arwah Pengiran Nuah sememangnya tidak dapat disangkal lagi.

(Dahiri Saini, 2020, p.87)

Perjuangan sebagai penakluk hutan, menjadikan Pengiran Nuah sangat arif tentang pokok sebagaimana dalam petikan berikut:

Namun bagi Pengiran Nuah, orang tua yang terdahulu arif menilai pokok dari awal pertumbuhan lagi. Begitulah yang diwarisinya. Namun untuk meletakkan kebenaran itu, dia harus mengikut juga urutan bulan dan tarikh dalam perkiraan kaum Melanau tentang masa yang sesuai untuk menebangnya. Bukan boleh ditebang sesuka hati. Begitu aturannya. Mujur dalam beberapa hari lalu, dia mendapati amat sesuai menebang pokok Meranti berdaun lebar itu seusainya solat subuh berjemaah di surau kampung. Dengan sekali lafaz bismillahhirahmanirahim dia meletakkan tirus mata beliung ke perdu pokok Meranti berdaun lebar itu.

(Dahiri Saini, 2020, p.xxvi)

Pengiran Nuah sangat arif menilai pokok yang hendak ditebang. Penebangan pokok tidak boleh dibuat sesuka hati, namun harus mengikut urutan bulan dan tarikh dalam perkiraan kaum Melanau untuk menebangnya. Pengiran Nuah menebang pokok Meranti setelah mendapati hari yang

sesuai dan setelah usai solah Subuh dengan tidak mengesampingkan lafaz kalimat mulia, iaitu *bismillahhirahmanirahim* bagi memulai sesuatu pekerjaan. Pemilihan pokok dan aturan-aturan sebelum penebangannya merupakan prosedur yang wajar dipatuhi oleh seseorang yang hendak berkongsi rezeki dengan hutan. Prosedur ini ada impaknya kepada unsur hutan agar berasa dihargai dan dihormati kerana kita mengambil hak hutan. Sebaik-baiknya, kita menghormati unsur hutan agar hubungan yang harmonis antara manusia dan hutan terus lestari.

Kaum Melanau juga memiliki daya intelek untuk berkomunikasi dengan makhluk di hutan. Kecintaan kepada hutan dan kematangan pengalaman dalam memahami dan menyelongkar misteri isi rimba menyebabkan watak Pengiran Nuah berupaya berkomunikasi dengan makhluk di hutan. Pengiran Nuah arif dan mengenali semangat hutan yang menghampiri dan situasi itu kerap dilaluinya. Pengiran Nuah percaya dan amat yakin bahawa makhluk yang datang itu kemungkinan ingin menguji tahap keimanannya. Justeru, kepakaran berkomunikasi dengan makhluk hutan amat penting sebagaimana dalam petikan:

“Kita sama anak cucu Nabi Adam. Kita sama-sama mencari makan di dalam hutan tua ini. Aku bukan penceroboh, tapi aku juga pencari kehidupan yang sudah disarankan suara hati nurani yang mencintai Melanau,” suara Pengiran Nuah bergema dan terus bergema.

(Dahiri Saini, 2020, p. xiii)

Berdasarkan petikan, Pengiran Nuah berbahasa halus dengan mengakui bahawa makhluk hutan dan manusia berasal dari Nabi Adam dan sama-sama mencari makan di dalam hutan tua itu. Pengiran Nuah memberitahu bahawa dia bukan penceroboh, tetapi pencari kehidupan. Motifnya adalah untuk memujuk penunggu hutan agar berlembut hati dan tidak mengganggu pekerjaannya kerana mereka berasal daripada akar umbi yang sama. Pengiran Nuah turut meminta izin dengan semangat hutan sebagaimana petikan berikut:

“Aku minta izin untuk mencari rezeki di hutan milik Allah ini,” ulangnya sedikit bergetar suaranya. Dia menoleh sekeliling. Satu detik kebeningan yang benar-benar menirus pendengarannya. Sunyi yang teramat dalam dan dalam suasananya. Tembakan haruman wangi berbaur semula, menandakan masih ada makhluk dari alam lain sudah berada tidak jauh dari tempat dia ketika itu. Dia tahu, kehadiran mereka kerana bulu romanya tidak pernah menipunya. Begitulah luar biasanya Pengiran Nuah mentafsir dan merasainya.

(Dahiri Saini, 2020, p.xiv)

Pengiran Nuah menzahirkan bahasa yang santun dengan meminta izin kepada semangat hutan bahawa dia hendak mencari rezeki di hutan milik Allah. Permohonan keizinan ini mengkomunikasikan bahawa watak ini bersikap sopan dan hormat dengan tuan rumah agar pekerjaan berjalan dengan lancar. Kepakaran berkomunikasi, merasai, menyelami, memahami dan mentafsir kehadiran makhluk hutan menandakan kepakaran luar biasa yang dimiliki oleh lelaki penakluk hutan itu yang menandakan bahawa misteri isi rimba berada dalam keupayaannya. Keintelektualan dan kepakaran inilah yang diperjuangkan oleh kaum Melanau menerusi watak Pengiran Nuah dan diwarisi Wahyu agar berterusan lestari dari satu generasi kepada generasi seterusnya.

### ***Keutuhan Adat, Maruah dan Tatasusila***

Seseorang yang tidak mengamalkan adat dan budaya yang dipersetujui dalam masyarakatnya dianggap sebagai melanggar norma-norma hidup yang telah ditetapkan oleh masyarakat Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad (2017). Adat, maruah dan tatasusila merupakan warisan bangsa Melanau yang tidak boleh digadai atau dijual beli. Ketiga-tiganya menjadi inti pati dalam pembentukan jati diri bangsa. Pengiran Nuah amat menitikberatkan hal ini sehingga berpesan berkali-kali kepada Wahyu agar memelihara adat dan tatasusila bangsa kerana adat menjadi simbolik kepada ketamadunan bangsa. Bangsa yang megah dan bertamadun, merupakan bangsa yang memperlihatkan ketaatan dan kepatuhan kepada adat dan tatasusila sebagaimana kepentingan adat dalam peribahasa “biar mati anak jangan mati adat”. Pesanan pengiran Nuah tentang prinsip hidup Melanau terhadap adat, maruah dan tatasusila terdapat dalam petikan-petikan berikut:

Wahyu jangan sesekali menggadaikan maruah dan harga diri kaum kita, demi mengejar sesuatu yang akan memusnahkan adat dan maruah kaum kita. Ingat Wahyu, tanah dan adat kita harus Wahyu pertahankan daripada dipersendakan oleh sesiapa.

(Dahiri Saini, 2020, p.xxxv)

“Ingat Wahyu. Kaum kita bukan kaum yang meminta-minta. Kaum kita, kaum yang penuh dengan adat dan susila, malah, bahasa kita bahasa yang menyatukan nusantara ini, sehingga ke tanah besar,” ulang lelaki itu lagi, seraya membiarkan Wahyu terus memeluknya.

(Dahiri Saini, 2020, p. xxxvi)

“Jejak Melanau di negeri ini, jejak yang luar biasa. Kaum Melanau tak pernah mengalah untuk mempertahankan adat susilanya.” Kalimat itulah yang sering diingati Lestari sampai bila-bila. Kalimat yang dituturkan bapanya semenjak zaman kanak-kanak lagi.

(Dahiri Saini, 2020, p.51-52)

Petikan pada halaman xxxv, xxxvi dan 51-52 di atas, menzahirkan betapa signifikannya pemeliharaan adat, tatasusila dan maruah diri dalam kalangan masyarakat Melanau. Tindakan menggadaikan maruah dan harga diri demi mengejar sesuatu akan memusnahkan adat dan maruah kaum Melanau. Lestari, anak sulung Wahyu sering diingatkan ayahnya sejak kecil lagi tentang kepentingan menjaga adat susila kaumnya kerana kaum Melanau tidak pernah mengalah untuk mempertahankan adat susilanya.

Hakikatnya, dalam mana-mana bangsa pun, adat, maruah dan tatasusila seharusnya dipelihara dan dijaga kerana melambangkan maruah dan ketinggian ketamadunan bangsa agar disegani dan dihormati. Usaha mempertahankan warisan tradisi menjadi agenda yang amat penting kepada kaum Melanau kerana warisan tradisi seperti adat, tatasusila dan maruah diri membuktikan kewujudan sesuatu tamadun bangsa. Perkara inilah yang sering diberi penekanan dan diingatkan oleh Pengiran Nuah kepada Wahyu agar generasi mereka mempertahankan tanah dan warisan kaum Melanau di tanah leluhur yang menjadi kebanggaan masyarakat mereka. Ratna (2003) menegaskan bahawa karya sastera memiliki tujuan akhir yang sama, iaitu sebagai motivator ke arah aksi sosial



yang lebih bermakna dan sebagai pencari nilai kebenaran yang dapat mengangkat dan memperbaiki situasi dan situasi alam semesta dan masyarakat.

### ***Misteri Isi Laut***

Lautan menjadi simbolik kehidupan masyarakat Melanau seperti yang diwakili watak Pengiran Nuah sehingga digelar sebagai lelaki penakluk lautan. Laut menjadi simbolik kerana amat dekat dengan kehidupan kaum Melanau sebagai pelaut dan nelayan selain laut memberikan sumber rezeki kepada manusia. Tambahan pula, laut ciptaan Tuhan yang maha indah dan bermakna untuk manusia menggeledah dan membongkar isinya. Wahyu mengimbas kembali betapa signifikannya fungsi laut sehingga ayahnya digelar sebagai lelaki penakluk lautan kerana kehebatannya menguasai dan memahami laut. Wahyu mengakui bahawa kemasinan angin laut telah mematangkan ayahnya dan menzahirkan bahawa laut dan kehidupan ayahnya amat erat dan bermakna.

Masyarakat Melanau juga menganalogikan laut dengan kehidupan. Pengiran Nuah menganalogikan bahawa “Hidup seperti merentasi lautan yang penuh geloranya. Bijak mengemudi pelayaran nanti, bijaksanalah penukangnya, kerana mampu menukang perahu yang gagah di lautan terbuka di luar sana” (Dahiri Saini, 2020, p. xxxi). Analogi ini mengkomunikasikan bahawa kehidupan ibarat sebuah pelayaran di lautan kerana memerlukan kebijaksanaan manusia untuk mengemudikan bahtera atau perahu kehidupannya kerana kehidupan penuh dengan cabaran yang seharusnya didepani dengan kebijaksanaan. Laut juga disinonimkan dengan cinta yang bijaksana, sejati dan penuh kebenaran dan kebijaksanaan sebagaimana dalam ungkapan “Lautan adalah cinta yang tak pernah ditipu masin ombak dan pulau-pulau yang dilalui. Kita sebagai peneroka lautan luas itu, nadinya yang tak pernah dipersoalkan kebenaran!” (Dahiri Saini, 2020, p. xxxi). Lautan dicitrakan sebagai kekasih yang bijak, jujur dan kebenarannya tidak pernah dipertikai sesiapa yang meneroka isinya. Wahyu sendiri menasihati Tofan agar memahami laut apabila Tofan mengakui bahawa dia mabuk apabila di laut sebagaimana dalam petikan:

“Suatu detik, kau harus memahami kemabukan laut, Tofan. Manalah tahu nanti aku perlukan kau untuk mengemudi perahu yang aku bina. “Belajarlah memahami laut, Tofan. Insya-Allah kau akan dapat mengatasinya nanti. Lagipun, laut ada kerasian yang perlu kita jelajahi meskipun untuk seketika, Tofan. Aku percaya kau bukan mudah mengalah pada sesuatu yang kau ingin lalunya,” tutur Wahyu lagi.

“Aku akan pelajari semua itu, Wahyu. Manalah tahu, kita juga bertukar kerjaya nanti menjadi nelayan di lautan.

(Dahiri Saini, 2020, p.12)

Bagi Wahyu, kita perlu memahami kemabukan laut supaya mudah untuk kita meneroka isi laut dan berada di alam lautan jika keadaan memerlukannya sebagaimana nasihatnya kepada Tofan, rakan baiknya. Wahyu juga meminta Tofan sebagai kaum Melanau untuk belajar memahami isi hati laut agar berupaya melawan kemabukan. Laut juga memiliki keserasian yang harus diterokai jika hendak mendapatkan sesuatu yang diingini. Wahyu menasihati Tofan untuk menguasai alam laut

kerana prinsip Melanau yang tidak mudah mengalah, tambahan pula laut ialah sebahagian daripada kehidupan kaum Melanau yang harus dipertahankan sebagaimana luahan Pengiran Nuah:

Pengiran Nuah sedar, kaum Melanau yang pelbagai tempat dan latar itu memerlukan pemimpin yang berani dan tegas dalam semua hal, termasuk menakluki lautan yang sekian lama mereka pertahankan daripada serangan lanun-lanun yang cuba memecah-belahkan semangat agam mereka dalam bentuk yang kecil-kecil, lalu mudahlah sesiapa sahaja meracuni fikiran secara peribadi dan senyap.

(Dahiri Saini, 2020, p.xxix)

Berdasarkan luahan Pengiran Nuah, jelas menunjukkan bahawa kaum Melanau sebagai penakluk lautan pernah berjuang mempertahankan lautan daripada serangan lanun-lanun yang cuba memecah-belahkan semangat juang dan meracuni fikiran mereka secara senyap. Justeru, kaum ini memerlukan pemimpin yang berani dan tegas dalam semua hal, termasuk menakluki lautan. Bagi kaum ini, usaha mempertahankan lautan daripada serangan lanun-lanun merupakan maruah dan harga diri bangsa. Pengiran Nuah turut mengakui bahawa kaum Melanau merupakan kaum yang kuat dan bijak mentafsir rahsia lautan. Pengiran Nuah mengatakan “Pasti! Melanau kaum yang kuat kudratnya. Melanau bijak mengenal rahsia lautan. Melanau tahu terjahan angin dari setiap penjuru!” ulangnya lagi (Dahiri Saini, 2020, p. xxiv). Kekuatan dan kebijaksanaan mentafsir rahsia lautan amat bertepatan dengan corak kehidupan masyarakat ini yang menjadikan laut sebagai sebahagian nadi kehidupan mereka.

Sehubungan dengan perjuangan, kekaguman dan kecintaan kepada laut maka kaum Melanau menjadikan ikan sebagai simbolik dalam hidup mereka. Melanau, lautan dan ikan tidak dapat dipisahkan kerana wujud kesebatian antara ketiga-tiganya. Secara universalnya, ikan merupakan sumber protein yang sangat baik dalam sistem pemakanan. Bagi masyarakat Melanau, ikan juga sumber makanan terpenting dalam kehidupan mereka sebagaimana kata-kata Wahyu kepada Tofan “Kita anak pelaut, Tofan. Darah kita mengalir dari pusaran laut. Anak warisan pelaut, simbol ikan adalah sumber makanan terpenting kaum Melanau di Sungai Rajang ni sehingga ke Kuala Tatau.” Terang Wahyu, (Dahiri Saini, 2020, p.187). Kaum Melanau sebagai pelaut amat akrab kehidupannya dengan laut sehingga menganggap bahawa darah mereka mengalir dari pusaran laut. Ikan menjadi simbol yang signifikan sebagai penghuni laut kepada alam semesta selain sebagai sumber makanan.

Selain itu, ikan juga dijadikan simbol semangat dalam pertukangan perahu. Wahyu hendak menggunakan simbol ikan, iaitu kepala ikan empurau pada haluan perahunya kerana ikan menjadi ikon kepada penukang perahu. Wahyu mengatakan “Dia tidak sabar lagi untuk duduk di haluan perahu itu sambil berdiri memegang tiang haluan yang bersimbolkan kepala ikan empurau” (Dahiri Saini, 2020, p. 270). Penggunaan ikan sebagai simbol di bahagian haluan perahu amat serasi kerana perahu, laut dan ikan saling berantainya antara satu sama lain dan menggunakan medium lautan bagi memanfaatkan fungsinya. Penggunaan simbol ikan dan haiwan yang lain seperti ular menyiratkan simbolik semangat dan roh ketika perahu meluncur di atas air. Tambahan pula, simbol ikan memberikan semangat kepada perahu yang ditukangi agar memiliki kehebatan seperti ikan yang berenang merentas lautan. Kehidupan kaum Melanau yang intim dengan laut menjadikan mereka memahami misteri isi laut dengan mendalam dan berupaya membaca alam fikiran lautan luas.

## KESIMPULAN

Rangkumannya, MATPMT merupakan rakaman dokumentasi nilai sosial yang menjadi kebanggaan dan kekaguman kaum Melanau. Kaum ini memiliki kekuatan, kecekalan, ketabahan dan kegigihan dalam mengharungi onak-onak kehidupan walaupun pelbagai rintangan yang melanda. Seni pertukangan perahu, magis jampi mantera, kelestarian salasilah keturunan, aspirasi pendidikan, misteri isi rimba, keutuhan adat, maruah dan tatasusila dan misteri isi lautan yang dirincikan oleh pengarang telah menzahirkan prinsip dan pegangan hidup yang dipraktikkan oleh kaum Melanau sehingga mereka menjadi tokoh yang disegani sebagaimana watak Pengiran Nuah dan watak Firman. MATPMT juga memanasifestasikan *world view* mereka terhadap kepentingan dan rahsia isi laut dan misteri isi rimba untuk disajikan kepada khalayak. Tuntasnya, Teori Sosiologi berjaya merungkai aspek kemasyarakatan dari pelbagai sudut sekali gus menjadi dokumentasi sosial yang berupaya membangunkan masyarakat menerusi perjuangan mereka mempertahankan warisan tradisi. MATPMT merupakan sebuah rakaman kejayaan dan ketokohan kaum Melanau dalam mengecapi kemajuan.

## RUJUKAN

- Auguste Comte. (1798). "Sosiologi Sastera" dalam *Koleksi Teori sastera klasik, tradisional, moden, pascamoden dan tempatan*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Asmiaty Amat. (2011). Ngayau Sebagai Sebuah Novel Berwarna Tempatan: Satu Kajian Sosiologi Sastera. *MANU*. Vol. 17, 39–56.
- Che Abdullah Che Ya, (2011). Protes Sosial Dalam Anum Ranum: Suara Hati Seorang Pengarang. *Jurnal Melayu*, 8, 133 – 151.
- Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim. (2014). Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 62-73.
- Dahiri Saini. (2020). *Melanau aku tidak pernah menolak takdirnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2009). *Kritikan sastera Melayu moden*. Selangor: Pustaka Karya. Nasir, M. (1992). *Metodologi penelitian*. Jakarta: Usaha Nasional.
- Ratna Nyoman Khuta. (2003). *Paradigma sosiologi sastra*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad, (2017) Fenomena sosial dalam novel Nenek karya Razali Endun. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, (8), 82-95.
- Sara Beden. (2016). *Suara dari Rimba* karya Jong Chian Lai dari Perspektif Jendela Sosiologi. Dalam *Ruangan Bahasa & Sastera 'Yang Indah Itu Bahasa' Akhbar Utusan Borneo*, Isnin, 16 Mei.

- Sara Beden. (2020). Pindah dari Dimensi Sosiologi. Dalam Ruang Bahasa & Sastera ‘Yang Indah Itu Bahasa’ *Akhbar Utusan Borneo*, Isnin, 24 Februari.
- Sara Beden. (2021). Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: Suatu Analisis dari Perspektif Teori Sosiologi. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 131- 149. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.10.2021>
- Suraidah binti Othman. (2010). Kritikan Sosial dalam Drama-drama Mohamed Ghouse Nasuruddin. Tesis Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Tarigan. (1994). *Membaca ekspresif*. Bandung: Angkasa.

## NILAI SOSIAL DALAM NOVEL DI HADAPAN PULAU MELALUI TEORI SOSIOLOGI SASTERA: PENDEKATAN SOSIOLOGI

Nurhusna Kamilia Rozlan  
nurhusnakamilia@gmail.com

Vanessa Rachella Jackson Balang  
vanerachella@gmail.com

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Karya sastra merupakan cerminan masyarakat. Segala permasalahan yang berlaku dalam masyarakat pada sesuatu zaman didedahkan dalam sastra dengan penuh keberanian daripada pengarang. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis aspek kemasyarakatan berdasarkan novel A. Samad Said yang bertajuk *Di Hadapan Pulau*. Hal ini demikian kerana, novel tersebut menggambarkan nilai kemasyarakatan pada era Tanah Melayu dijajah oleh kuasa Barat dan Jepun. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai sosial dalam novel *Di Hadapan Pulau* menggunakan pendekatan sosiologi dalam teori sosiologi sastra. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks. Sebagai kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa A. Samad Said bijak mengutarakan cetusan idea dan kreativiti dalam usaha mengetengahkan nilai sosial di dalam novel popular tersebut.

**Kata Kunci:** Nilai sosial, Teori sosiologi sastra, Novel *Di Hadapan Pulau*

### PENGENALAN

Novel merupakan sebuah karya sastra yang paling dominan bagi menyampaikan unsur-unsur sosial (Ratna, 2007). Kepelbagaian genre novel berupaya meningkatkan perkembangan dunia sastra kerana novel dapat membantu masyarakat mengembangkan pemikiran dan imaginasi. Hal ini bertepatan dengan pendapat Jumali Selamat (2009), bahawa penciptaan sebuah karya novel merupakan rangkuman fikiran pengarang yang diekspresikan secara bertulis atau lisan yang berkaitan dengan kehidupan sosial masyarakat berdasarkan pengalaman dan kreativiti pengarang. Menurut Mohd Firdaus (2021), hasil karya novel yang baik berupaya mempengaruhi minda dan jiwa pembaca melalui nilai-nilai berunsur kebudayaan. Hal ini demikian kerana, pengarang mencetuskan pemikiran pembaca dengan menyampaikan cetusan-cetusan idea dari aspek perasaan, buah fikiran, harapan dan cita-cita yang mewujudkan hubungan antara kehidupan sosial masyarakat.

Menurut Mana Sikana (2009), kehidupan masyarakat berkait dengan kesusasteraan kerana pengaruh masyarakat memberikan kesan terhadap penciptaan dan nilai sastra. Hal ini kerana, aspek sosiobudaya seperti corak hidup, adat resam, kesenian, kepercayaan dan amalan merupakan identiti sesebuah masyarakat. Hal ini juga disokong oleh pendapat Suminto (2000) bahawa kesusasteraan

merupakan sebahagian daripada masyarakat yang boleh dipelajari. Tambahan pula, melalui kesusasteraan, masyarakat dapat dididik serta mampu memasyarakatkan segala bidang dan disiplin ilmu (Fathin Noor Ain & Ramli Azhar Wahid, 2018). Melalui kajian terhadap kesusasteraan, kesilapan sosial dapat diperbaiki dan dipelajari dalam konteks kemasyarakatan (Mohd Firdaus, 2021).

Sehubungan itu, aspek sosial digambarkan oleh ahli sasterawan negara iaitu A. Samad Said dalam novelnya yang bertajuk *Di Hadapan Pulau* dengan memperlihatkan kehidupan masyarakat pada suatu zaman. Menurut Talib Selamat (2010), isu sosial dalam sesebuah karya merupakan persoalan besar yang berlaku dalam masyarakat pada era tertentu. Justeru, karya sastera memperlihatkan dan mencerminkan aspek sosiobudaya dan sosioekonomi kerana sastera merupakan cerminan realiti kehidupan masyarakat dan bukan hanya sekadar ungkapan semata-mata (Sara Beden, 2021). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis kandungan novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said (1995) berdasarkan Teori Sosiologi.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis nilai sosial dalam novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said menggunakan Pendekatan Sosiologi iaitu Teori Sosiologi Sastera.

## SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam kajian ini memfokuskan kajian-kajian lepas dengan menggunakan teori sosiologi dalam merungkai dan menganalisis karya sastera. Kajian Zahida Atiqah et al. (2022) menggunakan teori sosiologi untuk menganalisis aspek nilai sosial dalam novel *Srengenge* (2016) karya Shahnnon Ahmad. Dalam kajian ini, beberapa nilai sosial telah dikenal pasti berdasarkan novel *Srengenge* iaitu meliputi nilai muafakat, nilai kemanusiaan yang terdiri daripada ketaatan kepada agama, kegigihan melakukan sesuatu tugas dan bertanggungjawab serta nilai kerjasama. Nilai-nilai sosial ini melihat tingkah laku atau perbuatan individu yang dinilai baik oleh masyarakat dan sikap serta perasaan secara luas diterima. Kajian ini juga mengkaji nilai sosial yang berkait rapat dengan setiap perkara yang berhubung dengan kehidupan masyarakat. Justeru, berdasarkan dapatan kajian, didapati pengkaji berupaya mengkaji dengan jelas tentang nilai-nilai sosial yang terdapat dalam novel *Srengenge* menggunakan teori sosiologi melalui penekanan terhadap kemasyarakatan.

Seterusnya, Sara Beden (2021) telah mengaplikasikan teori sosiologi menggunakan tiga daripada empat kaedah kritikan iaitu penulis dan teks, isu sosial dan kesan teks kepada khalayak terhadap kandungan novel *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya* karya Dahi Saini (2020). Kajian ini membincangkan perjuangan kaum Melanau dalam mendepani kepincangan dan permasalahan dalam masyarakat mereka. Selain itu, kajian ini berjaya merungkai kritikan yang dilakukan oleh pengarang terhadap kepincangan dari aspek sosiobudaya dan sosioekonomi yang berlaku dalam masyarakat.

Sara Beden dan Alice Rayon (2021) pula telah mengkritik aspek sosial yang berlaku dalam masyarakat Melayu berdasarkan novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) karya Shahnnon Ahmad.

Kajian ini telah memperincikan isu sosial masyarakat yang merangkumi isu kemiskinan, isu tekanan mental, isu pendidikan, isu moral dan isu kepasrahan kepada takdir melalui fenomena yang berlaku dalam masyarakat yang dibelenggu kemiskinan pada tahun 1960-an. Aspek kritikan yang diungkapkan juga telah menzahirkan perjuangan masyarakat yang masih jauh ketinggalan dari arus pemodenan serta jumud pemikirannya. Jelasnya, pengkaji telah memperlihatkan dan menjelaskan kritikan isu-isu sosial yang diketengahkan oleh pengarang berdasarkan rakaman sosial kehidupan masyarakat Melayu yang juga memberi kesan kepada khalayak pembaca.

Selain itu, kajian sosiologi sastera dapat dilihat melalui kajian Vivi Alviah Nurfadilah (2021) yang menganalisis novel *Cermin Jiwa* (2017) karya S. Prasetyo Utomo. Kajian ini telah menggunakan teori sosiologi untuk meneliti sosiologi yang dicerminkan oleh pengarang, menjelaskan gambaran sosial dan pengaruh sosial dalam novel *Cermin Jiwa*. Dalam kajian ini, beliau telah mengkaji tentang masalah sosial seperti isu jenayah, isu rasuah, isu kepincangan dalam kekeluargaan dan isu kemusnahan alam sekitar. Beliau juga mengkaji tentang pengaruh sosial novel terhadap masyarakat dan menjelaskan latar belakang pengarang novel. Justeru, dapatan kajian beliau jelas menunjukkan wujud isu sosial dalam kehidupan masyarakat yang berlaku dalam novel *Cermin Jiwa* menggunakan teori sosiologi.

Suraidah Ambok Mangkek dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2018) pula mengkritik aspek sosial dari sudut isu sosial, ekonomi dan politik dalam filem *Werewolf dari Bangladesh* arahan Mamat Khalid dengan pengaplikasian pendekatan sosiologi. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu menghuraikan latar belakang filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015), menganalisis kritikan sosial dan mengenal pasti aspek nilai yang terdapat dalam filem tersebut. Dapatan memperlihatkan bahawa pengarah mengkritik dan mengupas isu-isu semasa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat hari ini terutamanya berkaitan dengan stigma masyarakat Melayu. Stigma isu sosial dalam masyarakat Melayu seperti perspektif masyarakat Melayu terhadap pekerja warga asing, sikap pemalas dalam kalangan masyarakat, pemikiran dan mentaliti masyarakat yang gemar berfantasi, amalan-amalan khurafat dalam masyarakat Melayu, sikap pembuli, penerimaan masyarakat terhadap pekerja warga asing dan kebanjiran warga asing di Malaysia. Kritikan-kritikan tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu supaya memperbaiki mentaliti dan lebih bersifat terbuka, lebih kreatif dan berinovasi serta keluar dari zon selesa. Penelitian juga dilakukan terhadap nilai sosial yang diketengahkan dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) seperti nilai kegigihan dalam mencari rezeki, sikap rendah diri, nilai menghormati, nilai kejujuran, sikap majikan dan pekerja, nilai menghargai jasa baik orang dan nilai sentiasa berbaik sangka. Oleh itu, pendekatan sosiologi yang digunakan amat membantu pengkaji dalam melakukan kritikan sosial terhadap isu sosial yang diketengahkan oleh pengarah serta menganalisis nilai sosial yang diselitkan oleh pengarah dalam filem tersebut.

Agus Imam (2017) pula telah mengkritik isu sosial yang terdapat dalam novel *O* (2016) karya Eka Kurniawan. Dalam kajian ini, beliau telah mengkritik isu sosial dari aspek isu terhadap penyeksaan, pemerkosaan dan ketidakpedulian sosial. Hasil dapatan beliau dalam novel *O* itu jelas menunjukkan fenomena kritikan sosial yang wujud menunjukkan terdapat permasalahan sosial berdasarkan realiti kehidupan masyarakat. Kajian beliau bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa isu-isu sosial yang negatif ini sememangnya wujud dalam realiti dunia.


Beliau juga mengharapkan agar isu-isu negatif seperti isu pemerkosaan, penyeksaan, diskriminasi, balas dendam dan sebagainya ini dapat dikurangkan dalam kalangan masyarakat. Justeru, kajian beliau jelas mengkritik isu sosial dalam novel *O* menggunakan pendekatan sosiologi.

## **KERANGKA TEORETIS**

Kajian ini menggunakan Teori Sosiologi untuk menganalisis nilai sosial yang terdapat dalam karya sastera. Teori ini memperlihatkan setiap aspek dalam kehidupan masyarakat termasuk pola kehidupan budaya, ekonomi, keagamaan, politik, cara manusia menyesuaikan diri dengan mekanisme sosialisasi serta budaya masyarakat di sesuatu persekitaran. Hal ini bertepatan dengan pendapat Mana Sikana (2009) bahawa, pendekatan Sosiologi digunakan untuk menilai karya sastera dengan menganalisis aspek sosial, hubungan teks dengan isu politik, ekonomi, budaya dan aspek-aspek yang membangunkan masyarakat. Menurut beliau lagi, karya sastera lazimnya memberi gambaran tentang kehidupan masyarakat dan berupaya mengekspresikan kejadian yang berlaku secara realiti dalam sesebuah masyarakat seperti dari aspek permasalahan masyarakat, nilai-nilai sosial dan gambaran keseluruhan masyarakat.

Menurut Haron Daud (1998), sosiologikal melihat aspek masyarakat melalui unsur dalaman karya khususnya aspek perwatakan yang menggambarkan peribadi watak oleh masyarakat dan alam sekeliling. Wellek (1988) pula menegaskan bahawa Sosiologi merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji manusia dalam masyarakat, proses sosial, lembaga sosial dan persekitarannya. Tambahan pula, pendekatan Sosiologi juga jelas menunjukkan wujud hubungan yang rapat antara karya dengan kepentingan masyarakat. Sehubungan itu, Sosiologi juga selaras dengan pandangan Plato pada zaman Greek iaitu bahasa sastera ialah cerminan masyarakat. Menurut Sara Beden (2020), sastera bukan hanya cerminan masyarakat, namun berupaya menggali, memugar dan mencungkil pemaknaan yang mendalam termasuk penelaah nilai dan norma yang dihayati sesebuah masyarakat. Dalam konteks kajian ini, teori Sosiologi menilai karya dari sudut hubungannya dengan latar belakang sosial penulis, sudut sosial atau kemasyarakatan sesuatu zaman dan kesan karya kepada pembaca. Kerangka Teori Sosiologi yang digunakan dalam kajian ini diperlihatkan dalam rajah di bawah:





Berdasarkan Teori Sosiologi, terdapat beberapa aspek yang digunakan untuk menganalisis nilai sosial dalam novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said (1995). Aspek yang pertama iaitu menilai karya sastra berhubung dengan latar belakang sosial seorang penulis. Melalui aspek ini, pengkaji akan menganalisis sama ada novel tersebut mempunyai kaitan dengan latar belakang penulis atau sebaliknya. Seterusnya, novel juga dianalisis dari aspek karya sastra mencerminkan kehidupan sosial masyarakat satu zaman iaitu menganalisis nilai-nilai sosial yang berupaya mencerminkan masyarakat pada zaman penjajahan Jepun dalam novel *Di Hadapan Pulau*. Selain itu, novel juga dianalisis untuk menilai sama ada novel ini memberi kesan kepada khalayak pembaca. Oleh yang demikian, novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said dianalisis menggunakan Teori Sosiologi yang menekankan tiga aspek iaitu hubungan karya dengan latar belakang sosial seorang penulis, cerminan kehidupan sosial masyarakat satu zaman serta keupayaan karya memberikan kesan kepada khalayak pembaca.

## METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kaedah kepustakaan digunakan bagi memperoleh sumber tentang teori Sosiologi dan maklumat yang berkaitan dengan kajian tentang karya A. Samad Said. Kaedah kajian teks pula digunakan sebagai metode penyelidikan kualitatif yang berbentuk deskriptif. Novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said digunakan sebagai data kajian berikutan novel ini mengetengahkan isu sosial masyarakat di Tanah Melayu semasa era penjajahan kuasa Barat dan Jepun. Selain itu, pengkaji juga mengaplikasikan teknik pembacaan secara mendalam. Pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* dikenali sebagai teknik yang berkesan untuk meningkatkan kefahaman pembaca tentang sesuatu perkara yang dibaca (Cecep Munawar dan Yuyu Fatimah, 2018). Melalui penggunaan teknik tersebut, fakta-fakta yang terdapat dalam novel yang dikaji dapat dirincikan serta membantu pengkaji untuk memperoleh

idea utama, maklumat tambahan dan mengenal pasti susunan cerita dalam novel *Di Hadapan Pulau* yang menjadi data korpus dalam kajian. Pembacaan dilakukan secara teliti untuk meneroka isinya supaya dapat dianalisis menggunakan teori sosiologi.

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dihasilkan didapati bahawa teori sosiologi ini amatlah signifikan penerapannya dalam novel *Di Hadapan Pulau* yang menjadi data korpus dalam penyelidikan ini. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan dapatan daripada penelitian terhadap novel *Di Hadapan Pulau*:

Dapatan Analisis (Novel <i>Di Hadapan Pulau</i> )	
Teori Sosiologi Sastera	
Latar belakang sosial seorang penulis	/
Nilai sosial	/
Kesan kepada khalayak pembaca	/

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa data-data kajian menunjukkan penerapan teori sosiologi sastera yang mengambil kira aspek latar belakang sosial seorang penulis, nilai sosial dan kesan karya kepada khalayak pembaca. Oleh itu, penerapan pendekatan sosiologi dalam teori sosiologi memperlihatkan kekuatan novel tersebut dalam memperlihatkan falsafah dan nilai sosial dalam menyampaikan mesej-mesej kepada masyarakat.

### Latar Belakang Sosial Penulis

Abdul Samad Muhammad Said atau lebih dikenali sebagai A. Samad Said merupakan salah seorang sasterawan negara yang telah melibatkan diri dalam bidang penulisan kreatif. Beliau telah ditabalkan sebagai Sasterawan Negara yang versatil. A. Samad Said mementingkan pembacaan dan pengalaman yang luas dalam melahirkan karya yang kreatif dan bersifat puitis. A. Samad Said pernah menyebut ciri-ciri insan kreatif iaitu berhati-hati, sentiasa menghalusi dan menilai penulisan yang dilakukan, gigih melakukan pembacaan dan carian maklumat, giat menjana idea sebelum mencetuskan idea dalam penghasilan sesebuah karya (Abdul Halim Ali, 2004). A. Samad Said mempunyai keistimewaan yang jarang dimiliki oleh semua penulis. Beliau menguasai semua genre sastera dan telah menghasilkan puluhan karya dalam genre novel, puisi, drama, cerpen dan esei. Banyak anugerah yang telah diterima antaranya ialah Anugerah Pejuang Sastera (1976), SEA Write Award (1979), Anugerah Sastera Negara (1985) dan Anugerah Sasterawan Nusantara (1999). Selain itu, Anugerah lain yang diterima adalah Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan Kesusasteraan UPSI pada tahun 2003. A. Samad Said juga telah dianugerahkan darjah kebesaran Negeri Melaka dan membawa gelaran Datuk dalam tahun 1997 oleh Yang Dipertua Negeri Melaka.

SN Datuk A. Samad Said lahir pada 9 April 1935 di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Melaka. Pendidikan awal beliau adalah di Sekolah Melayu Kota Raja, Singapura dari tahun 1940 sehingga 1946. Kemudian, beliau telah melanjutkan pelajarannya di Victoria Institution sehingga memperoleh sijil Senior Cambridge pada tahun 1956. SN Datuk A. Samad Said telah menghasilkan banyak karya yang menjadi sebutan pembaca karya Melayu. Antara karya beliau ialah *Salina* (1961), *Sungai Mengalir Lesu* (1984), *Di Hadapan Pulau* (1995), *Langit Petang* (1980), *Hujan Pagi* (1992), *Lantai T.Pinkie* (1996), *Benih Semalu* (1984), *Benih Harapan* (1973), *Warkah Eropah* (1991), *Al-Amin* (1999), *Rindu Ibu* (1935) dan lain-lain lagi. Karya beliau yang menjadi terkenal ialah novel *Salina*. Novel *Salina* telah diterjemahkan ke dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Beberapa karya lain juga telah diadaptasi menjadi teater atau drama pentas seperti *Salina*, *Sungai Mengalir Lesu*, *Lantai T.Pinkie* dan *Memori Di Hadapan Pulau*.

Di samping kekuatan potensi kreativiti diri A.Samad sendiri, pengaruh persekitaran A.Samad Said juga amat mempengaruhi pembentukan dan penstrukturan aktiviti dalam setiap proses kreatif dalam penghasilan karya kreatif (Abdul Halim Ali, 2011). A.Samad Said telah menempuh pelbagai pengalaman pahit, sebelum memasuki dunia penulisan. Peperangan yang melanda Tanah Melayu dan Singapura menjadikan zaman kanak-kanaknya suatu era yang sulit, perit dan payah. Tempoh tiga tahun pendudukan Jepun dan peperangan yang berlaku mempamerkan di hadapan pandangannya wajah sebenar masyarakat ketika itu yang dilanda kesengsaraan dan huru-hara. Pengalaman ini telah mengalirkan bakat dan kebolehannya melukiskan semula pengalaman itu dalam bentuk karya.

Sehubungan itu, novel *Di Hadapan Pulau* yang dihasilkan oleh A. Samad Said bukan hanya terhasil daripada kekuatan potensi kreativiti semata-mata malah merupakan gambaran kehidupan masyarakat semasa era pemerintahan kuasa Barat dan Jepun. Perasaan sensitif beliau terhadap fenomena-fenomena yang berlaku serta imaginasi yang tajam mampu menghasilkan karya kreatif yang terancang dan puitis dalam menggambarkan keperitan hidup masyarakat semasa era pemerintahan Jepun yang kejam dan tidak berperikemanusiaan. Buktinya dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Mereka terkejut kerana tiba-tiba mendengar bunyi siren berombak. Kedua-duanya bangun melihat orang-orang yang berduyun kegamaman masing-masing bertempiaran mencari *shelter* yang dekat - satu gambaran yang benar-benar mencemas dan memilukan. Aziz dan Afidah turut berlari, mengetahui di mana harus ditujunya, sambil berlari sambil melihat mereka yang sedang kegamaman itu. Beberapa orang budak jatuh tergolek, cepat ditarik oleh ibu mereka, kemudian jatuh lagi, sebelum didukung oleh ibu masing-masing. Dia atas langit - entah bila - Aziz dan Afidah mula ternampak segugus kapal terbang yang putih berkilat, bergerak perlahan dengan segala kegagahan dan kebengisannya. Dan tidak berapa jauh terlihat seperti habuk-habuk perak berkelip-kelip melayang jatuh. Aziz dan Afidah tahu bahawa itulah kertas-kertas yang pernah digugurkan Jepun di kawasan-kawasan lain. Wan Rohani pernah menunjukkan kertas tersebut, memberitahu bahawa Jepun memberitahu mereka akan membebaskan bangsa Asia, dan penduduk-penduduk tempatan, diminta bekerjasama memusnahkan musuh - British. Afidah dan Aziz memerhatikan seketika kertas-kertas yang melayang seperti habuk perak itu, kemudian menerpa masuk ke sebuah *shelter* yang berhampiran. Mereka tahu Jepun sudah semakin dekat, mereka tidak dapat menggambarkan apa pula yang terpaksa dihadapinya nanti bila pemerintahan bertukar tangan. Kedua-dua orang kanak-kanak

itu - bersama belas orang lain dalam *shelter* itu sedang melayan fikiran dan khayalan masing-masing . Sementara di atas dengungan kapal terbang Jepun semakin jelas dan garang. Tidak lama kemudian terdengar siuran dan siulan bom yang dijatuhkan sebanyak-banyaknya. Masing-masing mengaji dan berdoa . Bunyi terpaan bom semakin dekat, semakin dekat ....

(A.Samad Said, 1995: 89)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang telah menggambarkan peristiwa penjajahan bertukar tangan secara terperinci dengan menggunakan bahasa yang puitis. Latar masa dan tempat yang dinyatakan juga telah membuktikan bahawa pengarang telah mengkaji dengan teliti peristiwa era pemerintahan Barat dan Jepun semasa menghasilkan novel *Di Hadapan Pulau*. Justeru, jelaslah bahawa novel yang dihasilkan oleh A. Samad Said ini berkaitan dengan latar belakang sosialnya yang menceritakan tentang situasi ketika zaman penjajahan Jepun.

### **Nilai Sosial**

Nilai sosial berdasarkan Teori Sosiologi mencerminkan kehidupan sosial masyarakat pada suatu zaman. Nilai sosial adalah suatu konsep abstrak yang terdapat pada diri manusia terhadap sesuatu yang dianggap baik dan buruk, benar serta salah. Namun, nilai sosial merupakan satu tingkah laku yang baik serta diterima oleh masyarakat. Justeru, nilai sosial yang digambarkan dalam novel *Di Hadapan Pulau* jelas berdasarkan tindak tanduk masyarakat Melayu iaitu meliputi nilai muafakat, nilai kemanusiaan dan nilai kerjasama.

### **Nilai Muafakat**

Berdasarkan novel *Di Hadapan Pulau* (1995) karya A. Samad Said, terdapat penerapan nilai sosial dalam kehidupan masyarakat iaitu nilai muafakat. Menurut Zahida Atiqah et al. (2022), muafakat bermaksud bersatu hati, sejiwa dan saling menyetujui antara sekelompok masyarakat untuk menegakkan kebenaran atau situasi baik yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Nilai muafakat memperlihatkan cara masyarakat mendapat persetujuan bersama agar dapat memberikan kesan yang baik terhadap kehidupan masyarakat. Nilai muafakat dapat dilihat dalam novel *Di Hadapan Pulau* berdasarkan petikan berikut:

“O, ya,” kata Syed Fikri. “Sebelum aku pergi, Aziz, kalau kau jumpa Tuk Marzuki, beritahu aku nak jumpa. Aku fikir sekarang ni aku dah ada masa. Madrasah tepi sekolah tu dah lama tak terpakai. Sekolah pun dah tutup. Aku fikir baiklah aku dengan Tuk Marzuki kerjakan sesuatu untuk kebajikan di madrasah tu. Bukan saja budak-budak, orang tua pun tentu sedia belajar tentang ajaran-ajaran agama. Hanya Tuhan saja yang dapat melindungi kita ...”

(A.Samad Said, 1995: 60)

Berdasarkan petikan di atas, Syed Fikri dan Tuk Marzuki telah bersepakat untuk melakukan kerja kebajikan di madrasah yang sudah lama tidak terpakai. Nilai muafakat ditonjolkan dalam watak Syed Fikri dan Tuk Marzuki dengan membuat persetujuan bersama agar dapat memberikan impak kepada kepentingan orang lain. Hal ini kerana, Syed Fikri dan Tuk Marzuki bersepakat untuk mengerjakan kebajikan di madrasah bagi menggalakkan penduduk kampung sama ada kanak-kanak

atau orang tua untuk bersama-sama mempelajari ajaran agama. Syed Fikri ingin orang ramai untuk memahami ajaran agama kerana hanya Tuhan sahaja yang dapat melindungi mereka yang sedang berada dalam situasi perang. Tambahan pula, mereka sudah tidak mempunyai cara lain untuk hidup melainkan hanya berdoa kepada Tuhan bagi meminta perlindungan. Justeru, nilai muafakat yang digambarkan oleh watak Syed Fikri dan Tuk Marzuki jelas memberikan kesan yang baik kepada penduduk kampung agar dapat mempelajari ajaran agama.

### ***Nilai Kemanusiaan***

Nilai kemanusiaan merupakan nilai yang dimiliki oleh seseorang individu bagi menentukan tingkah laku serta interaksi dengan individu yang lain iaitu merangkumi nilai-nilai yang positif dan nilai moral. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kemanusiaan berkaitan dengan manusia dan sifat-sifat manusia. Nilai kemanusiaan ini dapat menjadi asas kepada pembinaan dan pembangunan manusia. Dalam novel *Di Hadapan Pulau*, terdapat beberapa nilai kemanusiaan yang diterapkan seperti ketaatan kepada agama, sikap kegigihan dan bertanggungjawab terhadap sesuatu perkara.

### **Ketaatan kepada agama**

Antara contoh nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said adalah ketaatan iaitu taat kepada agama. Individu yang menganuti agama Islam perlu taat kepada segala perintah Allah dan larangan-Nya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa nilai ketaatan kepada agama merupakan perkara yang sangat penting dalam agama Islam dan perlu dijadikan asas pegangan hidup, pemikiran atau falsafah kehidupan manusia. Taat dari perspektif Islam adalah perihal kepatuhan dan kesungguhan hati terhadap agama (Azhariah Abdul Kadir, 2010). Sifat ketaatan kepada agama dapat dilihat melalui watak Syed Fikri yang sangat taat kepada agama. Syed Fikri amat mengutamakan amal ibadah dalam kehidupan seharian dan melaksanakan amar makruf nahi mungkar seperti yang dituntut dalam agama Islam. Buktinya, Syed Fikri mengingatkan kanak-kanak tentang solat dan menggalakkan kanak-kanak mempelajari cara untuk solat. “Belajar sembahyang pula. Awak semua bukan kecil lagi. berapa umur awak?” dia menunjuk Aziz dengan tongkatnya.

(A.Samad Said, 1995: 15)

Mengikut pendekatan sosiologi Mana Sikana (1986), keupayaan karya sastera ini dijadikan sebagai alat untuk mengetahui nilai kemanusiaan iaitu taat kepada agama melalui perwatakan watak yang terdapat dalam novel *Di Hadapan Pulau*. Watak Syed Fikri menggambarkan sifat individu yang taat kepada perintah agama dan perlu dijadikan contoh dalam kehidupan manusia. Selain itu, nilai ketaatan kepada agama juga dapat digambarkan melalui watak Syed Fikri yang amat mementingkan nilai integriti dalam berniaga untuk mencari rezeki yang halal seperti yang dituntut dalam agama Islam.

“Apa yang perlu aku lakukan sekarang ialah beramal, mencari rezeki yang halal, membimbing sesiapa sahaja yang mahu dibimbing”

(A.Samad Said, 1995: 33)

Berdasarkan petikan di atas, jelaslah bahawa Syed Fikri merupakan seorang yang taat akan perintah Allah S.W.T dengan sentiasa memastikan setiap perkara yang dilakukan dalam kehidupan berpandukan syariat agama. Hal ini dapat dibuktikan apabila Syed Fikri berazam untuk sentiasa meningkatkan amal ibadat kepada Allah, mencari rezeki yang halal seperti yang diperintahkan dalam agama. Bukan itu sahaja, Syed Fikri melaksanakan amal makruf dan nahi mungkar iaitu membimbing sesiapa sahaja untuk mendekatkan diri kepada pencipta. Oleh itu, berdasarkan petikan di atas, jelaslah bahawa pengarang memanfaatkan sastera sebagai wadah untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat akan kepentingan mentaati perintah agama. Hal ini sesuai dengan fungsi karya sastera itu sendiri iaitu mendedahkan gaya hidup masyarakat yang baik dan sempurna serta diredai Allah S.W.T(Che Abdullah, 2018).

### ***Kegigihan***

Sikap kegigihan merupakan salah satu bahagian yang terdapat di dalam nilai kemanusiaan. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan kegigihan sebagai keteguhan dalam mempertahankan pendapat. Kegigihan juga didefinisikan sebagai tindakan atau kesan yang berterusan. Kegigihan dianggap nilai yang sangat penting untuk mencapai objektif untuk mendapat sesuatu yang diinginkan. Berikut merupakan petikan yang memperlihatkan nilai kegigihan dalam novel *Di Hadapan Pulau*:

“Mengapa kebanyakan orang terlupa untuk rajin kepada tanah dan sekelilingnya. Mengapa hanya apabila makanan berkurangan baru mereka terburu-buru memikirkannya. Tanah sentiasa ada tapi tidak dikerjakan. Ternyata kini minyak atar dan batu akik tidak akan dapat menolongnya lagi. Hanya tanah yang dikerjakan itu saja yang boleh membantunya. Dan sebelum azan maghrib terdengar suara berhampiran, dia berazam untuk bercucuk tanam mulai esoknya. Tanahnya juga akan menolong, katanya berulang-ulang.

(A.Samad Said, 1995: 35)

Berdasarkan petikan di atas, Syed Fikri gigih mencari rezeki setelah sumber pencarian utamanya iaitu menjual minyak atar dan batu akik terjejas akibat kekalutan dan kegusaran penduduk kampung semasa peperangan. Syed Fikri mengambil inisiatif untuk memanfaatkan tanah kosong di sekeliling pondoknya dengan bercucuk tanam demi menjamin kelangsungan bekalan makanan. Selain itu, nilai kegigihan juga ditonjolkan melalui watak beberapa orang penduduk kampung berusaha untuk mencari pekerjaan di kem tentera.

“Raihan dan Zubir yang sudah pun berada di sisi dua orang tua itu turut memerhatikan kem tentera yang sememangnya ramai dengan sojar. Raihan berkata:” Betul juga kata Tuk Marzuki . Mustahillah tidak ada pekerjaan di kem tersebut.

“ Jangan ternanti-nanti sangat.” kata Tuk Marzuki. “ Melepas nanti. Bukan orang lelaki saja yang cuba cari kerja di sana. Perempuan pun dah ramai....”

(A.Samad Said, 1995: 27)

Merujuk petikan tersebut, dapat dibuktikan bahawa, penduduk kampung berusaha untuk mencari peluang pekerjaan agar dapat menampung kehidupan mereka setelah dilarang turun ke laut

untuk menangkap ikan yang merupakan sumber utama periuk nasi mereka. Tuntasnya, melalui petikan-petikan tersebut dapat dibuktikan bahawa pengarang memperlihatkan nilai kegigihan sebagai nilai sosial yang perlu diteladani oleh masyarakat agar sentiasa mencari jalan penyelesaian dan berusaha untuk mengubah nasib kehidupan.

### ***Sikap bertanggungjawab***

Sikap bertanggungjawab merupakan salah satu nilai kemanusiaan. Tanggungjawab bermaksud kesanggupan diri seseorang untuk melaksanakan tugas dan kewajipan dengan bersungguh-sungguh. Menurut Zainal Abidin (1997), tanggungjawab ditakrifkan sebagai tugas dan tanggungan, kewajipan, pikulan tugas dan amanah yang dilaksanakan oleh seseorang. Dalam novel *Di Hadapan Pulau*, terdapat sikap bertanggungjawab yang ditonjolkan melalui petikan berikut:

Pada siren yang kedua, dua orang tua itu sudah pun berada di kedai Murthi, sedang berbincang tentang rancangan mereka untuk pulang ke Merlimau, mengambil sekampit dua beras, dan sepuluh dua puluh buku gula melaka. “Bila tiba begini, baru terasa mudah duduk di kampung,” kata Dorani. Tuk Marzuki mengangguk-ngangguk.

(A. Samad Said, 1995: 24)

Berdasarkan petikan di atas, Tuk Marzuki dan Dorani bercadang ingin pulang ke kampung untuk mencari bekalan makanan. Hal ini kerana, dalam situasi perang, mereka terpaksa berjimat dan menyimpan barang-barang makanan kerana kesukaran untuk mencari sumber makanan. Justeru, Tuk Marzuki dan Dorani mengambil inisiatif untuk pergi ke Merlimau bagi mengambil sekampit dua beras atau sepuluh dua puluh buku gula melaka sebagai tambahan sumber makanan keluarga. Walau bagaimanapun, hanya Tuk Marzuki sahaja yang pergi ke Merlimau.

Aziz sendiri tidak yakin Tuk Marzuki akan pulang dari Merlimau pagi itu. Sepatutnya tiga hari dulu dia sudah pulang. Pergi ke Merlimau selama seminggu memang sesuatu yang asing bagi Tuk Marzuki, lebih-lebih lagi dia pergi sendirian. Mulanya dia menyangka Dorani akan turut sama, tapi kemudiannya Aziz menemuinya di titian berhadapan dengan tempat perhentian beca tarik yang telah pun lengang sekarang. “Aku tak jadi pergi,” kata Dorani, memandang ke arah kem tentera. “Bukannya ada apa-apa di Merlimau. Kalau di sini susah, takkan pula di Merlimau senang,” tambahnya.

(A. Samad Said, 1995: 41)

Sikap bertanggungjawab jelas ditonjolkan oleh watak Tuk Marzuki yang sanggup berkorban untuk mencari sumber makanan demi cucunya, Afidah walaupun dia sudah tua. Tambahan pula, Tuk Marzuki sanggup pergi bersendirian untuk balik ke kampungnya di Merlimau selama beberapa minggu. Walaupun dia tahu bahawa tindakannya itu membahayakan diri, namun dia tekad meneruskan perjalanannya ke Merlimau demi mencari sumber makanan. Oleh itu, nilai kemanusiaan iaitu sikap bertanggungjawab jelas dilihat pada watak Tuk Marzuki demi menyara keluarganya walaupun berada di situasi perang.

### ***Nilai Kerjasama***

Nilai kerjasama merupakan nilai yang memupuk sikap saling membantu dan melakukan sesuatu pekerjaan bersama-sama beberapa individu atau kelompok masyarakat. Kerjasama merupakan interaksi yang penting bagi manusia untuk menjalani kehidupan dalam kelompok masyarakat kerana manusia saling memerlukan antara satu sama lain. Menurut Zahida Atiqah et al. (2022), terdapat tiga unsur utama kerjasama iaitu kewujudan individu, mempunyai interaksi sesama individu dan mempunyai tujuan yang sama dalam melakukan sesuatu perkara. Nilai kerjasama ditonjolkan dalam novel *Di Hadapan Pulau* melalui petikan berikut:

Itulah salah satu sebab maka *shelter-shelter* baru dibina orang- *shelter* yang lebih dekat dari rumah. *Shelter* Mak Ketong dibuat secara bergotong royong seperti kebanyakan *shelter*. Dorani dan Zubir banyak memberikan tenaga. Raihan datang sekali-sekala, lebih risau kerana tidak mendapat kerja.

(A.Samad Said, 1995: 65)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa wujud nilai kerjasama antara penduduk kampung untuk membina *shelter* sebagai tempat persembunyian apabila siren berbunyi. Hal ini kerana, apabila siren dibunyikan, orang ramai diminta untuk segera berhenti daripada segala pekerjaan dan mencari *shelter* yang berhampiran seperti di dalam longkang atau di tepi longkang untuk bersembunyi. Siren berbunyi sebagai amaran kepada penduduk kampung bahawa perang akan bermula dan berlaku serangan bom. Justeru, bagi menyelamatkan diri, penduduk kampung bersama-sama membina *shelter* walaupun mereka mengetahui bahawa *shelter* akan tetap musnah juga jika terkena bom.

### **Kesan karya kepada pembaca**

Setelah meneliti dan menghayati novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said, didapati novel ini berupaya memberi implikasi kepada pembaca. Novel ini dapat mengundang simpati pembaca terhadap nasib malang yang menimpa Aziz, seorang kanak-kanak yang merupakan watak utama dalam novel tersebut. Kehilangan insan tersayang sejak kecil telah menyentuh naluri pembaca untuk turut merasai keperitan yang dihadapi oleh seorang anak kecil. Tambahan pula, keindahan zaman kanak-kanak yang diragut suasana peperangan menjadikan perjalanan hidup semakin rencam. Penderitaan demi penderitaan yang disuguhkan oleh pengarang menimbulkan variasi rasa akibat keperitan dan kesusahan yang disajikan oleh pengarang. Petikan di bawah jelas memberikan kesan kepada pembaca yang mengundang simpati terhadap nasib Aziz:

Orang tua itu terdiam. Dia memerhatikan Aziz yang mengerbangkan rambutnya ditiup angin. Dia kasihan melihatkan kanak-kanak yang tidak saja kehilangan ibunya sejak kecil, dan kini kehilangan ayahnya pula dua bulan yang lalu.

(A.Samad Said, 1995: 2)

Pembacaan terhadap *Di Hadapan Pulau* juga menerbitkan kekesalan di hati khalayak terhadap keganasan rumah tangga yang dihadapi oleh Joyah yang mengahwini Budin. Buktinya, hanya Joyah sahaja yang bersusah payah untuk memastikan sumber makanan di rumahnya mencukupi demi kelangsungan hidup. Budin pula berterusan dengan sikap ketagih dalam berjudi dan minum arak sehingga sanggup memukul dan mencederakan Joyah untuk mendapatkan duit atau barang kemas yang boleh dipertaruhkan. Oleh itu, kisah keganasan rumah tangga yang dihadapi oleh



Joyah dan Budin berupaya memberikan impak kepada pembaca. Petikan berikut jelas menunjukkan keganasan rumah tangga yang dihadapi oleh Joyah yang mengahwini Budin:

Budin pulang mabuk-mabuk dan empat lima kali jatuh sebelum dia dapat diseret ke dalam bilik,. Kali terakhir dia terperosok di dalam lecak berhampiran dengan jamban. Mencari-cari Joyah sebelum dapat memegang suaminya. Itu pun Joyah dipukulnya sekali, sebelum dikenali sebagai isterinya. Budin memang tidak pernah kenal orang. Dia lebih kenal botol atau tempayan tadi. Sepanjang-panjang hidupnya arak menjadi minuman, dan terkadang-kadang Joyah sendiri berfikir mengapa dia harus kahwin seorang yang sejak mula diketahui begitu pemabuk.

(A.Samad Said, 1995: 18)

Unsur misteri terhadap kewujudan pulau di hadapan perkampungan telah menimbulkan perasaan inkuiri dalam khalayak pembaca. Ditambah lagi dengan desas-desus yang disebarikan mengenai pulau oleh penduduk kampung menyebabkan kekaburan maklumat dalam merungkai suasana dan keadaan sebenar di pulau tersebut. Unsur misteri ini telah memperlihatkan daya kreativiti pengarang dalam mewujudkan nilai estetika yang luar biasa dalam karyanya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil perbincangan menggunakan teori Sosiologi, jelas menunjukkan bahawa terdapat nilai sosial yang diterapkan oleh masyarakat Melayu dalam novel *Di Hadapan Pulau*. Hasil perbincangan meliputi aspek latar belakang sosial penulis, nilai-nilai sosial yang mencerminkan kehidupan sosial masyarakat serta kesan karya kepada khalayak pembaca. Nilai sosial merangkumi nilai muafakat, nilai kemanusiaan iaitu ketaatan kepada agama, sikap kegigihan dan bertanggungjawab serta nilai kerjasama. Melalui nilai-nilai sosial yang ditonjolkan dalam novel ini jelas mencerminkan kehidupan sosial masyarakat pada era 1940-an. Melalui novel *Di Hadapan Pulau*, A. Samad Said telah berjaya melukiskan kembali secara terperinci zaman pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu dan Singapura menerusi watak-watak ciptaannya.

Tambahan pula, novel ini menonjolkan pelbagai ragam hidup manusia pada zaman perang tersebut sama ada yang mementingkan diri sendiri, yakin kepada ajaran agama dan sebagainya. Novel ini berupaya memberikan impak kepada pembaca kerana menggambarkan tentang kehebatan dan keburukan kesan peperangan kepada jiwa manusia yang mengalaminya seperti dalam watak Aziz, Afidah, Joyah, Taksiah, Dorani, Syed Fikri dan sebagainya. Setiap watak yang dimainkan dalam novel ini memperlihatkan betapa dahsyatnya bahana perang kepada manusia kerana sanggup melakukan apa sahaja demi mempertahankan maruah dalam suasana hidup yang penuh kemelut. Berdasarkan perbincangan, didapati terdapat juga nilai-nilai sosial yang diamalkan oleh watak-watak pada era peperangan walaupun menghadapi kesukaran untuk hidup.

Ringkasnya, perbincangan ini dapat dijadikan sebagai suatu dokumentasi agar pihak-pihak tertentu tidak membiarkan sesebuah komuniti atau masyarakat untuk terus hidup dalam kemiskinan, kesusahan dan keperitan hidup. Justeru, nilai-nilai sosial yang digambarkan hendaklah dijadikan sebagai teladan agar dapat mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni tanpa unsur-unsur peperangan pada masa hadapan. Oleh itu, kajian ini jelas memperlihatkan kreativiti pengarang dalam

penghasilan novel *Di Hadapan Pulau* yang mencerminkan kehidupan sosial masyarakat serta mampu memberikan kesan kepada pembaca.

## RUJUKAN

- A. Samad Said. (1995). *Di hadapan pulau*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agus Imam. (2017). Kritik sosial dalam novel O karya eka kurniawan: Kajian sosiologi sastra. *HUMANIS*, 9(2).
- Abdul Halim Ali. (2011). Konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional: Beauty concept in traditional Malay literature. *PENDETA*. 2, 99–117.
- Cecep Munawar Payumi & Yuyu Fatimah Hartati. (2018). The use of close reading technique to improve students reading comprehension. *Profesional Journal of English Education*. 1(3), 187-194.
- Azhariah Abdul Kadir. (2010). *Ketaatan rakyat Malaysia terhadap kepimpinan negara ditinjau menurut perspektif teori ulu Al-Amr. Ijazah sarjana syariah. Jabatan siasah syar'iyah*. Universiti Malaya.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada perspektif pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Haron Daud. (1998). Aspek sosiologi dalam novel Salina. *Jurnal Pengajian Melayu*, 8, 194-204.
- Jumali Selamat. (2009). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam menjaras ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12, 19-37.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2009). *Kritikan sastera Melayu moden*. Pustaka Karya.
- Ratna Nyoman Khuta. (2007). *Teori, metode, dan teknik: Penelitian sastra*. Pustaka Pelajar.
- Sara Beden & Alice Rayon. (2021). Ranjau sepanjang jalan dari kaca mata sosiologi. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera & Budaya Melayu 2021*.
- Sara Beden. (2020). *Pindah dari dimensi sosiologi. Dalam ruangan bahasa dan sastera 'Yang Indah Itu Bahasa'*. Akhbar Utusan Borneo, Isnin 24 Februari.
- Sara Beden. (2021). Melanau aku tidak pernah menolak takdirnya: Suatu analisis dari perspektif Teori Sosiologi. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 2(2), 131-149.
- Suraidah Ambok Mangkek & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2018). Sosiologi dalam filem Werewolf dari Bangladesh arahan Mamat Khalid. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(1), 1-16.

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

- Talib Selamat. (2010). *Isu-isu terpilih dalam nazrah perkembangan novel Melayu terkini*. Penerbit Emeritus Publications.
- Vivi Alviah Nurfadilah. (2021). Kajian sosiologi sastra dalam novel Cermin Jiwa karya S. Prasetyo Utomo. *Jurnal Pustaka Indonesia*, 1(3), 151-158.
- Wellek, R. (1988). *Teori kesusasteraan*. Terj. Wong Seng Tong. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahida Atiqah Abdul Wahab, Naizatul Nazira Abdul Aziz, Nur Arfadina Sukri, Nor Izzah A. Wahab, Nor Ayuni M. Aris & Siti Nur Anis Muhammad Apani. (2022). Nilai sosial dalam novel Srengenge melalui Teori Sosiologi Sastera: Pendekatan sosiologi. *Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Dunia*.
- Zainal Abidin. (1997). *Kamus besar Bahasa Melayu utusan*. Utusan Publication & Distributors.

## MANIFESTASI OPTIMISTIK DALAM SETEGUH KARANG: SATU PENDEKATAN PSIKOLOGI

Alicia Ann Houbon  
alicia23-1222@epembelajaran.edu.my

Nur Badrina Batrisyia Tajuddin  
badrina23-1230@epembelajaran.edu.my

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Kesusasteraan dan manusia berpisah tiada kerana keindahannya tiada bandingnya. Sastera merupakan cerminan budaya sesebuah masyarakat dan kemanusiaan. Kesusasteraan dianggap sebagai ekspresi hidup yang penting mengenai kebudayaan berpaksikan kemanusiaan yang berfungsi sebagai alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia. Ini bertepatan dengan pandangan Shahnon Ahmad (1981) yang menerangkan tonggak kesusasteraan adalah kemanusiaan dalam pelbagai dimensinya. Usman Awang (1988) juga menyatakan bahawa sastera tidak lari daripada bicara mengenai manusia. Maka kajian ini tujuannya untuk menjelaskan kepincangan jiwa yang dialami oleh watak *Anis* dalam novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah (1989). Watak *Anis* diambil sebagai sampel kajian berdasarkan kaedah kualitatif dengan memfokuskan kepada analisis teks berlandaskan teori psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Teori Psikologi Sigmund Freud dapat dipecahkan kepada empat kaedah iaitu kaedah jiwa pengarang dan kepengarangannya, kaedah proses kreatif, kaedah penerokaan aspek kejiwaan dan kaedah hubungan kejiwaan karya dengan pembaca. Hasil analisis novel ini menunjukkan kesabaran seseorang itu memiliki had. Dapat disaksikan melalui watak *Anis* apabila kesabarannya telah di tahap akhir hingga hilang pertimbangan. Kesimpulannya, teori psikologi ini berfungsi sebagai memperlihatkan kekuatan cara penyampaian pengarang itu sendiri yang ingin pembaca untuk meneroka serta memahami kepincangan jiwa yang dialami oleh manusia dalam hasil karyanya.

**Kata Kunci:** *Seteguh karang, optimistik, teori Psikologi, kepincangan*

### PENGENALAN

Sastera merupakan sebahagian daripada bidang seni kreatif yang tersendiri kerana medium pengantarnya adalah bahasa. Sastera bererti indah, baik dan lebih berfaedah. Menurut Harun Piah et.al (2006) segala penghasilan sastera yang dinikmati atau disampaikan, sama ada melalui tulisan dan pembacaan mahupun melalui lisan dan pendengaran. Salah satu karya sastera adalah novel. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) novel diertikan sebagai cerita dalam bentuk prosa dan kebiasaannya panjang serta kompleks yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Menurut Braginsky (1993), sejak abad ke-16 dan 17

masihi telah mula memahami bahawa fungsi karya sastera dapat dibahagikan kepada tiga dan salah satunya adalah memberikan pengajaran. Shahnun Ahmad (1991) pula berpendapat pendidikan kesusasteraan merupakan hal yang penting kerana melalui sastera dapat membina pemikiran dan sahsiah manusia kerana banyak mengandungi unsur-unsur mendidik nilai kemanusiaan tinggi dalam diri masyarakat. Karya-karya sastera merupakan wadah terbaik menjadi pengantara dalam menyampaikan nasihat dan pengajaran. Menurut Jeniri Amir (1988) bahan sastera berperanan dalam menyampaikan sesuatu mesej serta unsur secara halus dan tidak langsung. Manakala Othman Puteh (2011) berpandangan bahawa karya sastera bukan sahaja memberikan keseronokan bagi memenuhi tuntutan emosi namun juga berguna untuk melahirkan kebaikan moral serta intelektual. Othman Puteh (1989) menegaskan lagi kesusasteraan dapat memberikan kepuasan intelektual melalui fikiran dalam bentuk rekaan dan juga fantasi. Menurut Jamin & Subet (2018), novel begitu sarat dengan wacana masyarakat yang mencakupi aspek sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama dalam kehidupan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, dalam menghasilkan sebuah karya sastera mestilah dapat memberikan impak kepada pembaca. Oleh itu, pengarang mestilah mempunyai idea yang tersendiri dalam menyampaikan mesej pengajaran kepada masyarakat. Menurut Mana Sikana (2005) menjelaskan bahawa penulisan kreatif merupakan proses penciptaan yang bermula dengan dorongan untuk menulis, timbulnya ilham, penyusunan fikiran, pematangan serta penggarapannya yang memberi kesan dan juga impak. Contohnya, novel *Interlok* (1996) karya Abdullah Hussain yang menggambarkan unsur id dalam watak utama iaitu Maniam dengan menerapkan banyak unsur kepengarangan serta mengaitkannya dengan pendekatan psikologi. Kajian ini berfokuskan terhadap manifestasi optimistik dalam diri pengarang. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) mengertikan optimistik sebagai penuh harapan baik dalam menghadapi sesuatu. Dapat dilihat pengarang bersifat optimistik dalam mengharungi ujian yang dilalui oleh beliau. Novel *Seteguh Karang* dapat dilihat banyak menyentuh aspek kejiwaan dalam diri pengarang yang merangkumi teori psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Unsur seperti id, ego dan superego banyak ditekankan dalam novel ini.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek psikologi dalam novel novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah (2000).

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian oleh Nur Hanani Najwa binti Md. Khairi dan Che Abdullah Che Ya (2018) yang bertajuk “Analisis Konflik dalam *Lara*: Satu Pendekatan Psikologi” cuba memperlihatkan konflik intrapersonal iaitu konflik dalaman yang melibatkan diri individu dan konflik interpersonal iaitu konflik yang berlaku antara individu dengan individu lain dalam novel *Lara* karya Azmah Nordin. Kajian akan menekankan pendekatan psikologi yang diasaskan oleh Sigmund Freud. Hasil kajian mendapati konflik intrapersonal dan konflik interpersonal wujud melalui watak-

watak dalam novel *Lara* oleh Azmah Nordin. Konflik yang berlaku adalah disebabkan isu-isu yang berlaku di sekeliling terutama isu korupsi dalam dunia perubatan. Sehubungan itu, segala isu yang diketengahkan dalam novel *Lara* merupakan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat yang dilihat mampu membuka mata masyarakat khususnya dalam dunia perubatan.

Zulfikar Alamsyah & Dede Kosasih (2020) dalam Jurnal Kajian Bahasa yang bertajuk “Konflik Psikologis Tokoh Utama dalam Novel *Budak Teuneung* karya Samsuedi”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menjelaskan fakta cerita, karakter tokoh utama dan bentuk konflik psikologis yang berlaku kepada anak yatim. Kaedah yang digunakan dalam kajian adalah kaedah deskriptif dengan menggunakan teknik membaca serta mencatat. Hasil dapatan mendapati tiga hal iaitu fakta cerita, tokoh utama novel dan konflik psikologis oleh tokoh utama. Konflik psikologi yang dialami tokoh utama memperlihatkan konflik *approach-avoidance* lebih dominan setelah ditinggalkan ayahnya. Oleh itu, konflik yang berlaku menyebabkan wujud motif positif dan negatif dalam diri.

Kajian yang bertajuk “Konflik Kejiwaan dalam Novel *Interlok* karya Abdullah Hussain (1996)” oleh Nur Farahkhanna (2015) mendapati bahawa Sigmund Freud melihat minda seseorang individu melalui tiga sudut pandangan yang utama iaitu dinamik, ekonomi dan topografi. Ketiga-tiga perkara ini mempengaruhi tingkah laku manusia terhadap tindak balas sesuatu peristiwa. Hal ini juga membolehkan manusia membuat pilihan yang baik ataupun buruk ke atas kehendak diri sendiri. Seterusnya, *Pipik Asteka* (2018) dalam kajiannya yang bertajuk “Kajian Psikologi Sigmund Freud dalam Novel *Setetes Embun Cinta Niyala* karya Habiburrahman El Shirazy” menyatakan bahawa teori Psikologi merupakan sebuah teori yang digunakan untuk menganalisis batin manusia yang bermula pada alam bawah sedar (*subconscious*). Seseorang manusia akan sering mengalami konflik kejiwaan yang menyebabkannya berada dalam keresahan dan tekanan jiwa. Dalam hal ini, penggunaan teori Psikologi membolehkan analisis konflik batin dilakukan terhadap watak yang terdapat dalam sesuatu karya. Konflik ini terjadi akibat daripada peranan id, ego dan superego bagi watak tersebut.

Secara ringkasnya, teori psikologi masih relevan diaplikasikan dalam proses penghuraian makna dari aspek psikologi yang terkandung dalam karya sastera. Proses analisis karya membolehkan seseorang mendalami nilai optimistik yang wujud dalam karya. Hal ini menjadi asas dan panduan untuk sentiasa bersikap optimistik dalam apa jua keadaan rencam yang dihadapi agar sentiasa teguh untuk meneruskan kehidupan. Dengan adanya penelitian daripada kajian lepas menggunakan teori ini, maka pemahaman dan tafsiran terhadap karya dapat dilakukan dari sisi psikologi. Justeru, kajian ini berfokuskan kepada novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah sebagai data utama untuk menganalisis nilai optimistik yang wujud dalam karya sastera tersebut.

## KERANGKA TEORETIS

Psikologi merupakan gabungan dua perkataan Greek, iaitu *psyche* dan *logos*. *Psyche* bermaksud jiwa, rohani atau mental, manakala *logos* bermaksud kajian. Berdasarkan maksud tersebut dapat dikatakan bahasa psikologi merupakan bidang yang mengkaji jiwa manusia. Menurut Adnan Achiruddin Saleh (2018), psikologi merupakan ilmu jiwa yang dapat diperhatikan melalui tingkah laku dan perwatakan yang merupakan manifestasi jiwa itu. Psikoanalisis merupakan pengkajian psikologi yang mula dipelopori oleh Sigmund Freud. Teori Psikologi turut dikenali sebagai pendekatan menyelami kejiwaan berikutan daripada aspek penelitiannya lebih kepada penelitian jiwa watak dalam karya. Menurut Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2015), kritikan psikoanalisis Freud meneliti minda manusia dari tiga sudut pandangan, iaitu minda dinamik, minda ekonomik, dan minda topografik. Minda dinamik adalah menjurus kepada pertentangan antara kehendak dalaman dan luaran dalam diri manusia, minda ekonomik pula merupakan pengaruh daripada rangsangan luaran yang akhirnya melahirkan perasaan senang atau tidak senang, sementara minda topografik adalah minda yang terdiri daripada tiga unsur batin manusia yang mempunyai hubungan dengan konflik yang dialami. Unsur batin ini dikenali sebagai id, ego, dan superego (Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah, 2004). Unsur id ialah satu unsur yang mementingkan keinginan untuk berseronok, berjaya, serta kehendak naluri yang terlahir daripada dorongan asas dan kemahuan batin manusia sejak azali. Id merupakan keadaan bawah sedar manusia untuk mencapai kepuasan hidup, manakala unsur ego merupakan keadaan separa sedar yang bertindak balas dengan kemahuan id, dan terlahir secara positif sekiranya memenuhi keperluan id, sebaliknya secara negatif sekiranya tidak memenuhi keperluan id. Secara ringkasnya, ego bertindak sebagai penapis kepada keinginan dan kemuncak kepada sifat kemanusiaan. Dalam hal ini, superego bertindak sebagai pendinding kepada percubaan meruntuhkan prinsip-prinsip kemanusiaan, sosial, prinsip hidup, dan moral manusia sekiranya id tidak dipenuhi. Maknanya, superego adalah kemampuan manusia berfikir secara waras untuk menilai baik buruk sesuatu perkara dalam memenuhi atau menangani kehendak id. Oleh itu, ketiga-tiga unsur ini dikatakan berkait rapat antara satu sama lain, kerana sekiranya gagal salah satu daripada unsur tersebut, maka akan mengakibatkan keruntuhan moral dan kemanusiaan diri seseorang rentetan percampuran antara emosi positif dan negatif.

Teori Psikologi berpegang kepada prinsip bahawa karya sastera terlahir daripada keadaan separuh sedar manusia. Pelopor teori ini menganggap bahawa penciptaan karya secara separuh sedar mampu melahirkan karya yang bermutu sifatnya, kerana pengarang pada ketika itu berada dalam keadaan neurosis yang menyebabkan segala konflik yang timbul di dasar jiwanya mampu diluahkan sebagai sebuah karya. Teori ini bukan sahaja berfokus kepada aspek kejiwaan, malah mengkaji aspek makna, pemikiran, teknik penulisan, dan falsafah karya secara menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana, Teori Psikologi memberi keutamaan kepada unsur dalaman berbanding luaran karya. Aplikasi teori ini dalam karya adalah melihat kepada cara karya menggambarkan kekecewaan, dan kekacauan batin manusia. Justeru, berdasarkan teori Psikologi ini, semakin hebat kekacauan dan konflik batin watak, maka semakin tinggi nilai sebuah karya tersebut. Penelitian karya melalui aplikasi psikologi adalah berteraskan kepada empat kaedah kritikan seperti yang terdapat pada Rajah 1 di bawah:

Rajah 1 : Teori Psikologi



Pertama adalah jiwa pengarang dan kepengarangannya. Kaedah ini menjelaskan jiwa pengarang seperti cita-cita, dorongan, motivasi, aspirasi dan keinginan pengarang. Karya dalam kaedah ini merupakan refleksi kepada keperibadian diri pengarang. Kaedah kedua adalah proses kreatif, iaitu penelitian dari segi idea pengarang bagi membentuk suasana resah, gelisah, serta teknik penulisan yang digunakan bagi menilai keadaan mental pengarang sama ada berada pada tahap neurosis atau psikosis. Kaedah ketiga adalah meneliti psikologi dari aspek kejiwaan. Komponen ini tidak semestinya diteliti melalui watak, sahaja, namun boleh diteliti juga melalui komponen bahasa, latar, plot dan sebagainya (Abd Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad, 2016). Selain itu, unsur id, ego, dan superego juga wajar dibincangkan dalam kaedah ini bagi mengupas kejiwaan watak. Bagi kaedah keempat, perbincangan adalah berkaitan pengaruh dan kesan karya terhadap pembaca. Misalnya, pembaca merasa sedih,



marah, atau tidak berpuas hati terhadap sesuatu watak, jalan cerita, atau pengakhiran karya. Ringkasnya, pendekatan ini memerlukan penelitian yang mendalam dalam mengkaji karya kerana pengkaji perlu memahami dan menyelami kejiwaan dan pergolakan sebenar yang berlaku dalam karya. Justeru, makalah ini membincangkan aspek psikologi yang terdapat dalam karya *Seteguh Karang* dengan mengaplikasikan keempat-empat kaedah kritikan dalam teori Psikologi.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kaedah kualitatif yang bersifat deskriptif lebih tertumpu kepada proses penghuraian makna tingkah laku manusia yang boleh diamati berupa pernyataan lisan atau tulisan. Kaedah kualitatif berfungsi untuk memperlihatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang sebuah topik dari aspek motivasi, tingkah laku, perasaan, strategi membuat keputusan, atau pendapat seseorang tertentu terhadap sesuatu keadaan. Data kualitatif secara umumnya boleh dikumpul melalui hasil pemerhatian, hasil temu bual dan bahan bertulis. Kajian ini adalah berfokus kepada hasil analisis data daripada bahan bertulis. Data-data ini didapati melalui kaedah perpustakaan berdasarkan penelitian terhadap sumber-sumber bertulis seperti kertas kajian, jurnal, dan teks novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah (2000) penggunaan teknik pembacaan mendalam (*close reading technique*) diaplikasikan dalam proses menelaah teks novel *Seteguh Karang* yang menekankan aspek pengucapan dan penjelasan secara terperinci tentang maklumat yang tersurat dan tersirat di dalam teks novel dengan jelas (Eppley, 2019). Teknik bacaan ini bertujuan untuk pemerolehan pemahaman yang mendalam terhadap teks novel *Seteguh Karang* sebagai data utama kajian. Kajian ini juga menerapkan keempat-empat kaedah kritikan dalam penerapan Teori Psikologi untuk menganalisis dan memproses data terhadap kandungan teks novel *Seteguh Karang*.

## DAPATAN

Berdasarkan analisis novel *Seteguh Karang* hasil karya Tuan Faridah Syed Abdullah, didapati bahawa penggunaan teori Psikologi amat signifikan dalam novel ini. Sehubungan dengan itu, dapatan analisis menunjukkan keempat-empat kaedah dalam teori Psikologi. Berikut merupakan dapatan analisis tersebut.

Jadual 1: Dapatan analisis teks novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah

Teori Psikologi	
Jiwa pengarang dan kepengarangan	/
Proses kreatif atau penciptaan	/
Penerokaan aspek kejiwaan	/

## Perbincangan Dapatan

Berdasarkan Jadual 1 di atas, teori Psikologi digunakan untuk menganalisis novel *Seteguh Karang*. Analisis dilakukan menggunakan keempat-empat kaedah kritikan dalam teori Psikologi. Empat kaedah kritikan teori Psikologi terdiri daripada jiwa pengarang dan kepengarangan, proses kreatif dan penciptaan, penerokaan aspek kejiwaan serta hubungan kejiwaan karya dan pembaca. Kesemua kaedah kritikan diterapkan memberikan kekuatan dari segi nilai jiwa optimistik yang wujud dalam novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah.

## Jiwa Pengarang dan Pengarangnya

Jiwa pengarang dan kepengarangan merupakan kaedah kritikan pertama yang diterapkan melalui teori Psikologi. Gagasan idea dan keinginan pengarang ditonjolkan secara jelas dalam karya yang dihasilkan oleh pengarang. Justeru, setiap pengarang mempunyai gaya tersendiri dalam setiap penulisan karya mereka, tidak terkecuali juga penulisan Tuan Faridah Syed Abdullah dalam karyanya *Seteguh Karang* (1991). Tuan Faridah dahulunya merupakan seorang guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Terengganu dan juga berkecimpung dalam penulisan puisi dan cerpen remaja. Novel *Seteguh Karang* karya beliau telah memenangi tempat kedua Peraduan Menulis Novel Remaja Dewan Bahasa dan Pustaka 1990. Beliau mempunyai gaya naratif tersendiri yang berjaya memaparkan perjuangan seorang gadis yang menempuhi cabaran hidup dari aspek kekeluargaan, persahabatan dan cinta dalam kehidupan remaja. Buktinya melalui karya-karya yang telah dihasilkan beliau bermula daripada karya novel *Pada Garis Perkenalan* (1989), kemudian novel *Indarti* (1993), novel *Harapan Masih Bersemi* (1993) dan novel *Seteguh Karang* (1991). Novel-novel tersebut dihasilkan menampilkan corak pemikiran Tuan Faridah Syed Abdullah yang mengadaptasi perjuangan kehidupan sebenar beliau sewaktu masih remaja untuk menyelesaikan segala konflik yang wujud di dalam hidup beliau ke dalam karya novel.

Puan Faridah menjadikan penulisan karya sebagai salah satu platform utama dalam usaha membantu pembaca khususnya remaja untuk sentiasa menghadapi dan menyelesaikan konflik dengan rasional berbanding melarikan diri daripada masalah kehidupan remaja mereka. Sebagai contohnya, dalam novel *Pada Garis Perkenalan* (1989) memaparkan kisah perjuangan seorang gadis kampung yang menghadapi cabaran untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu dan juga pergolakan jiwa remaja tentang cinta. Seterusnya, dalam novel *Indarti* (1993) juga menunjukkan pengalaman yang memamatkan seorang gadis bernama Indarti membantu beliau yang dahulunya bergelojak dan jatuh cinta dan kini berjaya menjadi guru sambilan. Novel *Harapan Masih Bersemi* (1993) juga merupakan perjuangan dalam konteks kekeluargaan iaitu seorang adik yang diperkecilkan kebolehan oleh abangnya sendiri iaitu

pengarang sendiri sanggup bersama-sama untuk menyelamatkan syarikat abangnya daripada lingkup akibat kes curang dan komplot kakak ipar yang sangat dipercayai selama ini dengan musuh syarikat abangnya sendiri. Novel *Seteguh Karang* (2000) juga memaparkan pemikiran yang sama apabila seorang adik perempuan yang sering dibandingkan dengan Kak May yang jauh lebih cantik dan pintar telah mempunyai hati yang cekal dengan tabah mengharungi kehidupan selepas kematian ibu dan ayah mereka sebaliknya Kak Maysarah memilih untuk murung dan sedih. Jiwa pengarang dan kepengarangan Tuan Faridah Syed Abdullah jelas dilihat dalam bukti dikemukakan di bawah:

*Kerana antara aku, Kak Maysarah dan Anita, akulah yang dikira orang paling tabah, paling bersahaja dalam mendepani segala masalah, paling rasional dan menganggap segala-galanya itu adalah dugaan Tuhan ke atas kami. Sewaktu Kak Maysarah secara mendadak seolah-olah hilang peribadinya dan semangat hidup Anita dan Anita menangis seminggu, diri aku sendiri tidak apa-apa.*

(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 8)

Berdasarkan bukti tersebut, watak *aku* sentiasa memaparkan peribadi yang tenang dalam menghadapi dugaan Tuhan terhadap hidupnya dan keluarga. Hati beliau yang cekal dan tabah seperti seteguhnya karang apabila dibantai ombak yang tidak akan roboh tetapi tetap bersikap seperti tiada apa yang terjadi. Watak *aku* dalam novel ini menganggap semua musibah dan kemalangan yang menimpa ibu bapanya merupakan satu ujian daripada Tuhan yang diturunkan kepada umatNya tanpa melebihi kemampuan manusia. Keredhaan watak *aku* telah membawanya untuk bersikap rasional dengan memilih untuk tidak terus mengenang dan menangi pemergian ibu bapanya walaupun penerimaan itu sungguh menyakitkan. Watak *aku* yang diungkapkan oleh Tuan Faridah Syed Abdullah mengekspresikan jiwanya yang begitu tabah dalam menghadapi dugaan seberat itu.

*Mama dan abah telah pergi meninggalkan kami bertiga seminggu sebelum aku sepatutnya mendaftar ke ITM. Dalam suasana berkabung itu tanpa dibantu oleh sesiapa, tanpa diiringi oleh saudara-mara kerana mereka semua masih panik dan tidak percaya pada tragedi itu, aku mendaftar sendiri ke Indera Kayangan yang belum pernah ku jejak seumur hidupku.*

(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 8)

Jiwa pengarang juga dikukuhkan melalui bukti di atas apabila Tuan Faridah Syed Abdullah juga memaparkan perjuangan untuk meneruskan kelangsungan hidup supaya terus maju melangkah ke hadapan. dalam watak *aku*. Watak *aku* ditunjukkan melalui ketabahan pengarang membawa diri untuk mencapai cita-cita dan bukannya lari daripada permasalahan keluarganya dan rasa sedih semata-mata. Kegembiraan yang hendak diraikan pengarang bersama ibu dan abah bertukar menjadi tragedi. Walaupun tiada saudara-mara yang rela menghantarnya ke kampus akibat berkabung, watak *aku* sekali lagi memilih untuk mencari perkara yang mampu memberikan kebanggaan kepada ibu dan abahnya. Pengarang juga

menampilkan jiwa pengarangnya iaitu mengadaptasi suasana kerja atau belajar yang baharu dalam novel ini seperti yang terdapat karya novelnya sebelum ini.

### **Proses Kreatif atau Penciptaan**

*“Tetapi Kak Maysarah kini bukan begitu. Dia bukan Kak Maysarah yang ku kenal dulu. Tidak ada perhatian khusus untukku lagi. Malah untuk dirinya sendiri juga tidak, kukira. Lihat saja mukanya yang pucat-pasi, dan rambutnya yang terbiar mengembang. Dulu wajahnya selalu merah, paling kurang bibirnya digarisi gincu nipis dan rambutnya tak pernah tidak didandan. Paling kurang diletakkan pin rambut di sudut. Tapi kini, untuk ke pejabat pun dia tidak berdandan, apalagi kalau di rumah!”*

*(Tuan Faridah Syed Abdullah, hlm. 2)*

Dalam novel *Seteguh Karang* ini memaparkan secara jelas menghuraikan aspek proses kreatif atau penciptaan. Aspek proses kreatif yang terdapat dalam novel ini adalah imbas kembali dan dialog. Unsur imbas kembali merupakan pengarang yang menggambarkan semula kisah yang telah berlaku melalui penceritaan ingatan watak. Dalam novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah ini menunjukkan unsur imbas kembali melalui watak Awanis. Awanis mengimbas kembali perubahan yang berlaku terhadap Kak Maysarah yang dibelenggu rasa serba salah atas kematian ibu bapanya. Dahulunya Kak Maysarah yang kelihatan kemas dan terurus dengan gincu nipis, rambutnya yang sentiasa didandan. Walau bagaimanapun, Kak Maysarah kini tidak terurus dengan rambutnya yang mengembang dan pucat-pasi. Impak daripada kejadian itu memberikan perubahan terhadap penampilan Kak Maysarah. Hinggakan Awanis teringat dan imbas kembali penampilan Kak Maysarah sebelum kejadian hitam itu berlaku.

*“Ha ha ha!” Tiba-tiba Encik Johari ketawa. Jelas dia tertawakan aku. “Inilah caranya untuk jimatkan kos!”*

*“Begitu? Tapi bagaimana dengan ciri-ciri keselamatan? Untuk pengangkutan buah misalnya?” Ah, lancang saja mulutku gatal berdebat.*

*(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2020, hlm. 52)*

Dalam novel *Seteguh Karang* ini juga menunjukkan secara jelas pengarang menggunakan dialog dalam penulisan beliau. Dialog merupakan pertuturan watak-watak dalam sesebuah karya. Dialog merupakan nadi dalam sesebuah penulisan karya. Dialog berperanan mengindahkan penulisan karya supaya lebih menarik untuk dibaca. Bukti dialog wujud dalam Novel *Seteguh Karang*, apabila terdapat perbualan dua hala diantara Encik Johari dan Awanis. Timbulnya perasaan prihatin dalam diri Anis menyebabkan dirinya mempersoal tentang keselamatan kawasan ladang kelapa sawit tersebut. Hal ini demikian kerana lereng bukit yang membahayakan keselamatan pekerja di ladang itu. Maka jelaslah dalam novel *Seteguh Karang* ini memaparkan proses kreatif atau penciptaan melalui unsur imbas kembali dan dialog.

### **Penerokaan Aspek Kejiwaan**

Teori Psikologi memperkenalkan konsep ketidaksedaran sebahagian daripada personaliti atau keperibadian yang mana keinginan-keinginan, impuls-impuls serta konflik-konflik yang dapat memberi pengaruh kepada tingkah laku. Freud mengemukakan beberapa unsur iaitu Id, Ego dan Superego. Ketiga-tiga unsur ini sentiasa memerangkap manusia dalam situasi ‘berkonflik’ dalam diri mereka. Id dihalang oleh sifat nafsu atau emosi tidak sedar. Namun kehendak Id boleh dihalang oleh Ego. Menurut Yurni & Nelson, B, (2003) menyatakan bahawa akibat halangan inilah terjadinya komplikasi dalaman yang disebut sebagai neurosis. Freud juga menjelaskan id, ego dan superego sentiasa bercanggah dan tidak setuju antara satu sama lain. Penerokaan aspek kejiwaan merupakan salah satu daripada rangkuman teori Psikologi.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan terhadap novel *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah, terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan bahawa penerokaan aspek kejiwaan berlaku dalam novel ini. Ramai watak yang menonjolkan penerokaan aspek kejiwaan seperti Awanis dan Kak May. Watak Kak May yang terkesan dengan kematian ibu dan ayahnya hingga menghukum dirinya sendiri dengan melakukan hal-hal yang negatif. Di samping itu, watak Anis menjadi seorang yang sangat garang dan tegas hingga hilang pertimbangannya dan bersikap kasar. Konflik yang bergolak ini menyebabkan perwatakan Anis tidak dapat mengawal dirinya dan akhirnya menimbulkan. Berikut merupakan bukti Id Awanis bergejolak ini bertujuan untuk Kak May keluar daripada dibelenggu kesedihan yang bertahun-tahun memakan dirinya hingga memberikan kesan pada keluarga mereka.

*Puan Mary menyusut air matanya. “ Papamu , Nita , dia tidak benarkan mama membelamu. Sejak kau lahir macam-macam bencana menimpa keluarga kita . Dan papamu percaya sekali pada tuah dan sial. Kerana itu dia menganggap kau yang membawa sial dalam keluarga. Kerana itu di paksa mama. “Saya pembawa sial?” Mata Anita terbeliak,” Dan mama percaya? “Tidak, mama tidak pernah percaya tapi mama sangat miskin waktu itu, mama tidak berdaya melawan papamu. Sebab itu mama serahkanmu kepada Azah, kawan baik mama yang tahu penderitaan mama. Sebab mama tahu dia tidak akan sia-siakan hidupmu!”*

*(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 186)*

*“Apakah kau perlu tanya aku?” balasku sengit, ini tentu kau lebih tahu jawapannya!” “Awanis! Tiba tiba Pak Oni menyampuk. Aku tidak tahu bila dia pulang dari tugas luarnya. “Begitu kasar bahasamu dengan kakakmu sendiri?” “Pak Oni diam!!!” jeritku, penasaran, kecewa, rasa mahu menangis tapi tidak mahu. “Ini bukan urusan Pak Oni!” Waktu itu aku tidak lagi tentang adab kesopanan. Yang aku tahu, aku benar-benar bosan dengan Kak May. Dia bukan saja tidak mampu memberikan kebahagiaan di rumah ini, malah kini juga telah merampas seluruh sumber kebahagiaanku. Pak Oni dan Kay May sama-sama tersentak melihat sikapku yang garang.*

*(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 191)*

Id yang memuncak dalam diri Anis menyebabkannya menjadi tidak dapat mengawal perasaan. Impaknya, Anis bertindak mengherdik Kak May dan melawan Pak Oni. Pada akhirnya, ego Awanis kalah dalam melawan id hinggakannya tidak kisah akan tentang perasaan Kak May. Anis begitu penat dengan sikap kakaknya yang masih terpukul dengan kematian kedua orang tua mereka hingga memberi kesan kepada kehidupan Awanis dan Anita. Awanis muak memahami sikap kakaknya yang tidak menampakkan perubahan ke arah positif. Pada ketika itu tahap Id Anis telah diuji dan menyebabkan Awanis menjadi kasar. Awanis dahulunya seorang yang penyabar berubah menjadi seorang yang melawan semakin ketara dan memuncak pada halaman 193 dalam novel *Seteguh Karang* seperti yang berikut :

“Kak May, aku bukan tidak sayang padamu, aku juga tidak pernah membencimu sebagai kakak kandungku. Tapi aku sudah hilang kepercayaan terhadapmu. Aku muak! Aku Bosan!” Kak May tidak bergeming di tempatnya, uma muka yang selalu kali ini merah padam. “Awanis, ingat dia tu kakakmu!” Suara Pak Oni pula. Aku menoleh tajam kepada Pak Oni. “Pak Oni juga sama bertanggungjawab biarkan Kak May jadi begitu. Pak Oni tidak pernah berusaha sedarkan Kak May dan kebodohnya. Anis faham Pak Oni sayangkan Kak May, tapi malangnya sayang Pak Oni itu tidak bertempat. Ia hanya menjadikan Kak May terus berlarut-larut gilanya!” “Awanis!!!!” Kali ini aku dengar Kak May menjerit. Ya, kali pertama! Dan kali pertama juga tangan Kak May singgah di pipiku. “Kau kurang ajar!”

(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 193)

Pada halaman ini juga dapat dilihat Id Kak May yang telah tercabar dengan sikap Anis yang tidak menghormati orang tua lalu telah disalurkan secara tidak teratur. Kesannya kesabaran Kak May terus diuji oleh Anis hinggakannya ego Kak May tidak dapat dibendung lagi. Pada hujungnya, Kak May bertindak menampar Anis kerana tahap kesabarannya telah sampai ke tahap yang akhir. Tindakan Kak May yang menampar pipi Anis memberikan kepuasan kepada dirinya. Tuntutan id Kak May yang tidak dapat dikawal oleh egonya telah mendorong dirinya melakukan perkara sedemikian.

### **Membincangkan Jiwa Hubungan Karya dan Pembaca**

Karya novel *Seteguh Karang* mempunyai hubungan yang dekat dengan hati pembaca khususnya pembaca peringkat remaja yang melanjutkan pelajaran. Tema kekeluargaan dan kepincangan dalam keluarga dalam kalangan adik-beradik juga merupakan konteks yang relevan diketengahkan kepada pembaca. Tambahan pula, kecekalan dan ketabahan seseorang dalam menghadapi masalah dan pergumulan dalam keluar daripada kemelut masalah mampu menginspirasi pembaca untuk mengubah perspektif pembaca untuk sentiasa berfikir secara optimistik untuk melakukan tindakan dan keputusan yang positif kepada diri dan orang sekeliling.

*“Hidup memerlukan rasional, kataku pada satu kesempatan.” Yang pergi, ya silakan pergi, kita memangnya tidak dapat menahan takdir itu, betapa pun kita menyelesainya. Tiada harga untuk dibayar pemergian itu Kak May, sekalipun kau mengorbankan seluruh hidupmu. Mereka yang*

*pergi telah tiada apa-apa lagi untuk kita fikirkan. Tapi yang harus kita fikirkan, yang harus kita kesali nasibnya ialah kita. Kita ini yang masih bernafas, kita yang masih harus terus hidup!”*

(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 134)

Berdasarkan pernyataan di atas, watak optimistik dalam diri Anita sangat tinggi. Walaupun merupakan adik kepada Kak May, dia dapat melawan kehendak id dengan mengawal jiwanya daripada terus bersedih akibat kematian kedua-dua ibu bapa mereka. Jika ditelusuri perwatakan sebenar Awanis, dia mempunyai hati yang lembut dan mudah sedih. Walau bagaimanapun, melalui pengalaman beliau yang selalu dibandingkan kerana mempunyai banyak kelemahan dari segi paras rupa dan keintelektualan dengan Kak May telah menyebabkan mental dia semakin teguh untuk selalu percaya akan diri meskipun mempunyai banyak kekurangan. Pengalamannya yang gagal semasa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga menjadikan dia kuat untuk mengulang semula peperiksaan demi melayakkan dia menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Tegastlah bahawa jiwa pengarang untuk sentiasa berfikiran optimistik dan cecal dalam menghadapi masalah dapat menjadi inspirasi kepada pembaca untuk melakukan tindakan yang rasional dalam apa jua keadaan.

*Pulang ke rumah petang itu pun aku tidak bersenang-senang berehat di kamar kerana sebaik sahaja pulang, Kak Nor terus masuk ke dapur. Nampaknya aku belajar lagi sesuatu yang baru iaitu belajar untuk tidak tidur siang! Amalan yang telah dipusakai sejak di sekolah menengah. Dan alangkah sukarnya untukku meninggalkan kebiasaan itu. Aku terpaksa berjuang kuat menahan mengantuk sewaktu minum petang bersama Kak Nor.*

(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 88)

Berdasarkan pernyataan petikan di atas, berlaku pemikiran optimistik dalam menyelesaikan konflik dalam diri pengarang. Beliau berusaha membuat keputusan sama ada mahu mengamalkan kebiasaan yang dahulu iaitu amalan tidur siang atau memanfaatkan waktu siang untuk melakukan aktiviti yang berfaedah. Dalam konteks ini, beliau berjaya melakukan pertimbangan yang rasional dalam membuat keputusan bagi sesuatu tindakan. Beliau akhirnya menukarkan kebiasaan yang kurang bermanfaat kepada dirinya dengan menyemai pemikiran optimistik apabila beliau menerapkan konsep belajar untuk tidak tidur siang dalam usaha mengubah kebiasaan lama kepada kebiasaan yang lebih baik. Pemikiran optimistik menerapkan belajar sebagai proses untuk menjadi lebih baik daripada kebiasaan. Tindakan yang diambil juga adalah di luar zon selesa penulis. Konteks ini mampu membuka perspektif pembaca untuk mengubah sesuatu kebiasaan dan amalan hidup yang kurang bermanfaat kepada amalan yang bermanfaat kepada diri dan orang sekeliling.

*Dalam hatiku detik itu cuma ada rasa benci dan sakit hati diperlakukan sekasar ini. Sesungguhnya belum pernah sesiapa pun berbuat sekejam ini padaku sebelum ini, sekali-kali mereka kasar dan suka memerintah. Namun demikian aku sedar pula kesilapanku kerana*

*menyanggupi cabaran Encik Johari tanpa berfikir panjang. Ah, lagi-lagi aku memarahi diri sendiri. Tidak ada gunanya aku menyesali segalanya ini kerana semua ini akan menjadi satu kenangan dan pengalaman baru. Pengalaman walau sepahit mana pun ia, ia tetap amat berharga. Sesungguhnya kekasaran begini akan lebih mendewasakan pemikiranku – kedewasaan yang diperlukan untuk hidupku di hari-hari depan. Bukan sekadar ilmu pengetahuan yang dikutip daripada buku-buku.*

(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 49)

Berdasarkan petikan di atas, pemikiran optimistik diinterpretasikan melalui refleksi diri dalam diri penulis. Beliau berhadapan dengan cabaran yang keras oleh penyelia praktikalnya. Dalam menghadapi situasi ini, pengarang berpotensi melakukan dua tindakan sama ada memarahi semula penyelia itu atau menerima cabaran dengan hati terbuka. Penerimaan individu terhadap sesebuah cabaran adalah berbeza sama ada menerima secara positif atau negatif. Justeru, tindakan yang diambil oleh pengarang jelas menunjukkan bahawa Awanis menerima positif segala cabaran keras apabila beliau sedar akan kesilapan yang dilakukan oleh dirinya. Walau bagaimanapun, impak kesilapan tersebut tidak mematahkan semangatnya untuk sentiasa melihat ke hadapan yang lebih baik berbanding memilih untuk menyesali kesilapannya itu dalam suatu tempoh jangka masa yang lama. Pertukaran pemikiran negatif kepada optimistik yang ditunjukkan oleh Awanis sangat cepat. Hal ini demikian kerana, beliau sentiasa bersikap optimistik bahawa secara pengalaman pahit dan manis yang dihadapi melalui pertemuan dengan setiap individu mampu mendewasakan pemikirannya yang tidak dapat dicuri melalui penceritaan pengalaman orang lain dalam buku-buku semata-mata. Tegastlah bahawa, novel ini memberi rangsangan yang baik kepada pembaca dalam usaha untuk menghargai proses dan pengalaman hidup dalam membentuk diri ke arah yang lebih baik.

*“Hidupmu penuh kesenangan. Kau pernah jadi ratu kampus, kau anak orang kaya, kau intelektual, tapi kenapa kau begitu lemah dalam menghadapi dugaan hidup? Tuhan tidak akan menghidupkanmu untuk jadi pemurung, untuk jadi pemenuh dan mengasingkan diri daripada masyarakat. Sebaliknya kau punya tanggungjawab. Tanggungjawab terhadap amanah abah dan mama, tanggungjawab terhadap masyarakat sekelilingmu!”*

(Tuan Faridah Syed Abdullah, 2000, hlm. 192)

Pernyataan pada halaman 192 dalam novel ini menceritakan bahawa Awanis cuba memujuk Kak May untuk berusaha bangkit dari sikap menyalahkan diri sendiri yang membawa kepada kesan kemurungan dalam diri. Awanis cuba menggunakan pendekatan yang lembut untuk menegur Kak May. Dia merendahkan ego dalam proses memujuk Kak May dengan memuji segala kelebihan yang Kak May miliki sebelum ini. Awanis menggunakan pemikiran optimistik memberitahu Kak May bahawa ramai individu atau jiwa yang memerlukan pertolongan dan bimbingannya. Dalam erti kata lain, Awanis memberitahu bahawa tanggungjawab Kak May di dunia ini belum selesai. Kak May mempunyai tanggungjawab terhadap adik-beradiknya termasuk dia sendiri dan adik angkat mereka iaitu Anita untuk terus



berjuang meneruskan kehidupan tanpa kehadiran ibu bapa mereka di dunia ini lagi. Oleh itu, novel ini menunjukkan kepada pembaca bahawa tanggungjawab dalam keluarga harus dilaksanakan walaupun berada dalam situasi yang sangat sukar dalam hidup.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, novel *Seteguh Karang* karya Tun Faridah Syed Abdullah (2000) mempunyai hubungan dan dapat dikaitkan dengan teori Psikologi. Dalam novel ini telah kukuh apabila kaedah kritikan teori Psikologi digunakan untuk proses analisis teks. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (2001), jiwa pengarang di dunia sebenar telah menghasilkan penulisan yang melibatkan tingkah laku dan fikiran yang menyebabkan wujudnya konflik. Justeru, setiap penerimaan individu terhadap sesuatu cabaran adalah berbeza oleh faktor dalaman dan luaran. Keperluan seseorang untuk mengawal emosi mampu menstabilkan tiga domain utama psikologi iaitu id, ego dan superego. Hasil dapatan analisis novel menggunakan teori Psikologi, watak *aku* sentiasa menampilkan pemikiran optimistik membawa dia melihat dan menerima cabaran dari perspektif yang positif. Impaknya, tindakan yang diambil juga berunsur positif dan memberi manfaat kepada orang sekeliling walaupun selalu ditekan oleh emosi persekitaran yang kurang sihat khususnya kepada pembaca Tuntasnya, sikap optimistik menuntun seseorang individu matang dari segi emosi dan psikologi dalam menghadapi dunia yang penuh cabaran dan halangan. Kesimpulannya, keempat-empat kaedah kritikan berdasarkan teori Psikologi iaitu jiwa pengarang dan kepengarangannya, proses kreatif atau penciptaan, penerokaan aspek kejiwaan serta hubungan kejiwaan karya dan pembaca dapat dilihat dan diteliti dengan jelas dalam novel *Seteguh Karang* hasil karya Tuan Faridah Syed Abdullah.

## RUJUKAN

- Abd. Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad. (2017). *Kesusasteraan Melayu*. Sasbadi Sdn Bhd.
- Abdullah Hussain. (1973) . *Interlok*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Achiruddin Saleh .(2018). *Pengantar Psikologi*. Penerbit Aksara Timur.
- Braginsky, V.I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. KITLV.
- Eppley Karen. (2019). Close reading: What is reading for? *Curriculum Inquiry*, 49(3), 338-555.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Jamin, A.A, & Subet, M.F. (2018). Menghapus prejudis perkauman melalui karya Indie: Analisis terhadap novel *Kunang Pesisir Morten*. *MALTESAS Multi-Disiplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 53-68.

- Jeniri Amir. (1988). Komuniti Melanau. *Dlm Zainal Abidin Zulcify (penyelenggara), Adat Resam Penduduk Sarawak. Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem, Perayaan ulang Tahun Ke, 25.*
- Kamus Dewan dan Pustaka (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah. (2004). *Psikologi.* McGraw Hill.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar Psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2005). *Proses Penulisan Kreatif.* EDN Media Singapura.
- Mohd Fadzil Baharudin dan Tengku Mohd Ali, T. I. M. (2017). Keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dalam puisi terpilih Dharmawijaya. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 28 (1), 116-134.*
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2015). Konflik kejiwaan dalam Novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996). *International Journal of the Malay World and Civilisation, 3(1), 59-66.*
- Nur Hanani Najwa Md. Khairi & Che Abdullah Che Ya .(2018). Analisis konflik dalam Lara: Satu pendekatan psikologi. *Jurnal Wacana Sarjana, 2(1)*  
<https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/67>
- Othman Puteh & Aripin Said. (2011). *366 Cerita Rakyat Malaysia.* Utusan Publications & Distributors.
- Othman Puteh. (1989). *Sastera Remaja Ditinjau Daripada Beberapa Perspektif.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pipik Asteka. (2018). Kajian psikologi Sigmund Freud dalam novel Setetes Embun Cinta Niyala karya Habiburrahman El Shirazy. *Jurnal penelitian pendidikan bahasa dan sastra Indonesia, 3(1), 8-12.*
- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan etika Islam.* Fajar Bakti.
- Tuan Faridah Syed Abdullah. (1988). *Pada Garis Perkenalan .* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Faridah Syed Abdullah. (1993). *Harapan Masih Bersemi.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Faridah Syed Abdullah. (1993). *Indarti.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Faridah Syed Abdullah. (2000). *Seteguh Karang.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang. (1988). *Matinya Seorang Pahlawan Jebat Edisi Pertama.* Syarikat Jingga.

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Zulfikar Alamsyah & Dede Kosasih. (2020). Konflik Psikologis Tokoh Utama dalam Novel Budak Teuneung Somsoedi. *Jurnal Kajian Bahasa, Sastra dan Budaya Daerah serta Pengajarannya*. 11(1)<https://doi.org/10.17509/jlb.v11i1.25203>

## ANALISIS NOVEL ANAK TITIWANGSA KARYA KERIS MAS BERDASARKAN TEORI STRUKTURALISME

Alifah Ilyana Ahmad Nasir  
Ammelia Bujang  
Florea Clara Banyang

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Sastera merupakan wadah bagi pengarang menyatakan pemikiran, mengekspresikan emosi dan menyampaikan mesej bagi memberi nilai dan pengajaran kepada pembaca dengan mengetengahkan kehalusan budi dan merangsang pemikiran kreatif. Struktur dalam sesebuah karya sastera seperti tema, plot, perwatakan, bahasa, latar dan sudut pandangan membentuk rangka sesebuah teks yang menjadikannya sebagai karya yang bermutu tinggi. Unsur-unsur dalam karya meletakkan karya sastera sebagai sebuah keberhasilan dari segi isi dan bentuk yang dapat dijadikan sebagai panduan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur sesebuah teks dalam novel *Anak Titiwangsa* karya Keris Mas pada tahun 1988 dengan menerapkan teori Strukturalisme yang berasaskan teori teknikal dan teori linguistik dalam kandungan novel. Kajian ini menggunakan teori kualitatif untuk menganalisis dan menjelaskan struktur dalaman novel yang dikaji. Analisis terhadap novel ini menunjukkan dapatan kajian yang menggunakan enam gagasan yang terdapat dalam teori Strukturalisme iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan regulasi diri, gagasan analisis sinkronik dan gagasan desentralisasi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan pemikiran kemasyarakatan diketengahkan di dalam novel ini melalui struktur dalaman yang dicipta seperti perwatakan yang dibawa untuk menyampaikan mesej berkenaan dengan cabaran dan liku-liku kehidupan yang dihadapi oleh remaja. Penganalisan novel *Anak Titiwangsa* dengan menggunakan teori Strukturalisme amat signifikan yang memberi seribu satu pengajaran kepada remaja di luar sana supaya sentiasa bijak dalam menentukan hala tuju kehidupan bagi mencorak masa depan yang cerah dan menjadi insan yang bermanfaat untuk masyarakat.

**Kata Kunci:** *Strukturalisme, Anak Titiwangsa, kemasyarakatan, remaja*

### PENGENALAN

Novel *Anak Titiwangsa* Edisi Pelajar ini merupakan karya seorang Sasterawan Negara yang terkenal iaitu Keris Mas pada tahun 1988. Dalam novel *Anak Titiwangsa*, dua kisah watak utama yang tinggal di kampung dan bandar terlibat dalam pengisahan yang dibawakan oleh Keris Mas (Mohd Daud Ibrahim et. al, 2015). Kajian novel *Anak Titiwangsa* karya Keris Mas berdasarkan teori Strukturalisme melibatkan analisis terhadap struktur naratif dan bagaimana elemen-elemen dalam novel ini berinteraksi untuk membentuk makna. Teori Strukturalisme

menekankan pada hubungan antara elemen-elemen dalam sebuah struktur, dan bukan elemen itu sendiri. Dalam konteks novel *Anak Titiwangsa*, kajian ini akan melihat bagaimana karakter, plot, tema, dan simbol berinteraksi dan saling mempengaruhi satu sama lain untuk membentuk keseluruhan cerita. Misalnya, bagaimana karakter Sudin dan Karim mempengaruhi dan dipengaruhi oleh lingkungan mereka, dan bagaimana perubahan dalam karakter mereka sepanjang cerita mempengaruhi plot dan tema novel. Selain itu, kajian ini juga akan melihat bagaimana Keris Mas menggunakan bahasa dan gaya penulisan untuk mencipta makna dan efek tertentu. Misalnya, bagaimana penggunaan kata-kata tertentu atau frasa dapat mencerminkan tema atau suasana dalam novel. Secara keseluruhan, kajian novel *Anak Titiwangsa* berdasarkan teori Strukturalisme akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana elemen-elemen dalam novel ini berinteraksi untuk membentuk makna dan bagaimana mereka mencerminkan visi Keris Mas tentang dunia.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan menganalisis struktur naratif novel *Anak Titiwangsa* dengan mengaplikasikan Teori Strukturalisme.

## SOROTAN LITERATUR

Pengkaji merujuk kajian-kajian lepas yang menggunakan Teori Strukturalisme. Misalnya, Fadlil Munawwar Manshur (2019) ada membincangkan Teori Strukturalisme dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Teori Formalisme Dan Strukturalisme*. Melalui pemerhatian pengkaji, Teori Strukturalisme ini merupakan sebuah aliran dalam sastera yang menjadi instrumen teori dan metodologi bagi memahami dan mengungkapkan isi yang ada dalam karya sastera secara utuh dan komprehensif. Pengkaji mendapati teori Strukturalisme ini mengungkapkan bahawa karya sastera merupakan satu sistem yang terkait antara satu sama lain. Malah, isi dan ideologi-ideologi yang terdapat dalam karya sastera juga dapat menjadi pengajaran dan berkembang dalam fikiran manusia.

Kajian Dalam Puisi Haiku Karya NA. Patchaibalan dari perspektif Teori Strukturalisme yang dihasilkan Demaisuria A/P Kaniasan (2021) juga ada mengaitkan Teori Strukturalisme dalam kajian beliau. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tema yang terdapat dalam puisi-puisi *Haiku* karya NA. Patchaibalan berdasarkan Teori Strukturalisme. Kajian ini juga menganalisis struktur puisi-puisi *Haiku* NA. Patchaibalam berdasarkan tema yang dianalisis dan menghuraikan fungsi simbol alam dalam puisi tersebut. Pengkaji menggunakan Teori Strukturalisme sebagai panduan bagi menganalisis struktur dalaman dan struktur luaran puisi '*Haiku*'. Struktur luaran bagi puisi tersebut dikaji dari segi bentuk, jenis, suku kata, dan pemilihan kata, manakala struktur dalaman pula dikaji dari segi tema dan fungsi simbol alam dalam puisi tersebut. Pengkaji mendapati struktur teks bukan sahaja dikaji dari luaran sesuatu kandungan malah struktur dalaman juga perlu ditekankan bagi mengenali sistem binaan atau rangka dari dalam karya tersebut.

Siti Noor Asyikin (2022) telah menyentuh berkaitan dengan teori Strukturalisme dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Elemen Sastera Dalam Pementasan Teater Terpilih Melalui Penerapan Teori Strukturalisme. Pementasan teater yang telah dibataskan oleh pengkaji termasuklah teater *Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah)*, teater *Kampung Semerah Padi UMK Bachok* dan teater *Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang*. Pengkaji telah menerapkan Teori Strukturalisme dalam pementasan teater bagi menjalankan kajian ini. Pengkaji juga mendapati bahawa elemen sastera yang wujud di dalam pementasan teater harus mempunyai beberapa struktur yang dapat dikaitkan dengan Teori Strukturalisme. Maka, kajian ini hanya menumpukan struktur teks seperti tema, watak dan perwatakan, latar dan sudut pandangan. Pengaplikasian Teori Strukturalisme dalam pementasan teater dapat menghasilkan teater yang sistematik dan kemas.

Seterusnya, Abdul Mutalib (2022) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Antologi Puisi *Pesan Tua* karya Hendra Djafar menggunakan teori Strukturalisme-Semiotik juga menerapkan Teori Strukturalisme dalam kajian beliau. Pengkaji telah menganalisis tiga puisi dalam kajiannya iaitu “*Aku Penyair Pesanan*”, “*Selawatku*” dan “*Pesan Tua*”. Ketiga-tiga puisi tersebut dianalisis menggunakan Teori Strukturalisme berdasarkan unsur fizikal dan unsur mental. Terdapat elemen-elemen sastera yang telah dipecahkan kepada dua bahagian iaitu unsur fizikal dan unsur mental. Elemen sastera yang terdapat dalam unsur fizikal adalah tema, diksi dan tipografi. Manakala, elemen sastera yang terdapat dalam unsur mental adalah rima, gaya bahasa dan amanat. Dalam analisis ini, pengkaji menyatakan bahawa seorang peneliti akan fokus menilai dan menimbang karya puisi dari sisi kesatuan makna dalam keseluruhan puisi sebagai sebuah wacana jika sesebuah puisi tersebut dikaji menggunakan Teori Strukturalisme.

Selain itu, kajian Strukturalisme pada puisi “*Aku Dan Senja*” karya Heri Isnaini pada buku *Montase : Sepilihan sajak menggunakan pendekatan pragmatik yang dihasilkan oleh Zahrah, Muhammad Aji dan Jericho (2022)* telah menekankan Teori Strukturalisme bagi mengkaji puisi “*Aku Dan Senja*”. Dalam kajian ini, sebuah puisi dianggap sebagai kesatuan yang utuh. Maka, pengkaji lebih menekankan unsur yang membangunkan puisi tersebut. Aspek-aspek yang dibahas bagi mengkaji puisi “*Aku Dan Senja*” adalah meliputi analisis tema, rasa, suasana, diksi, gaya bahasa, dan amanat. Pengkaji juga mendapati bahawa analisis struktur berkait dengan unsur-unsur di dalam teks yang berkaitan antara satu sama lain. Maka, perkara tersebut menunjukkan bahawa teks puisi tersebut utuh sebagai teks. Struktur teks merupakan cara sesebuah teks tersebut disusun.

Kajian Analisis Unsur Intrinsik dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor yang dihasilkan Nur Arfadina Sukri (2023) juga mengetengahkan Teori Strukturalisme dalam kajiannya. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Pengkaji telah menggunakan Teori Strukturalisme sebagai teori yang menekankan unsur dalaman sesebuah teks sehingga mewujudkan satu rangka dan aliran dalam teks novel *Di Sebalik Dinara*. Pengkaji mendapati bahawa Teori Strukturalisme menitikberatkan perkara-perkara dalaman sesuatu karya bagi

membentuk rangka karya. Pengkaji hanya memfokuskan terhadap unsur-unsur intrinsik seperti tema, gaya bahasa, watak dan perwatakan, amanat, plot, latar dan sudut pandangan dalam novel tersebut. Pengkaji mendapati bahawa pengarang novel tersebut telah menghasilkan karya secara teliti dengan menekankan setiap kandungan yang perlu ada dalam novel. Maka, pengkaji mudah untuk menganalisis unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel tersebut. Malah, pengkaji menyatakan bahawa penerapan Teori Strukturalisme dalam karya sastera dapat menghasilkan sebuah novel yang mempunyai kandungan dan rangka cerita yang lebih tersusun dan kemas.

Berdasarkan sorotan literatur, didapati kajian berkaitan Teori Strukturalisme semakin signifikan bagi memperlihatkan kepelbagaian struktur yang digunakan oleh pengkarya bagi menghasilkan karya sastera yang teratur dan kemas. Kajian lain telah menggunakan novel lain untuk mengkaji Teori Strukturalisme ini. Dalam kajian ini pula, Teori Strukturalisme diteliti dalam novel *Anak Titiwangsa* karya Keris Mas.

## **KERANGKA TEORETIS**

Teori Strukturalisme muncul dan menjadi terkenal di Perancis melalui Claude Levi-Strauss iaitu seorang ahli antropologi yang menerapkan konsep Strukturalisme Linguistik Saussure dalam penelitiannya terhadap mitos, hubungan kekeluargaan, dan peraturan pemakanan (K. M. Newtown, 1997). Teori Strukturalisme merupakan teori yang mengutamakan perkara-perkara dalaman yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Tema, plot, perwatakan, bahasa, latar dan sudut pandangan merupakan struktur dalaman yang terdapat dalam sesebuah teks (Mana Sikana, 1983). Teori Strukturalisme hanya mementingkan unsur dalaman teks dan tidak mengambil perhatian terhadap pengarang atau unsur luaran yang lain. Terdapat enam gagasan dalam teori Strukturalisme iaitu gagasan keseluruhan, gagasan regulasi diri, gagasan transformasi, gagasan kaitan, gagasan analisis sinkronik dan gagasan desentralisasi diri.

Teori Strukturalisme menekankan bahawa sastera mempunyai sistemnya yang mempunyai konvensinya yang tersendiri. Maka, gagasan keseluruhan menekankan keseluruhan unsur dalam sebuah teks. Keseluruhan unsur tersebut merangkumi tema, plot, perwatakan, gaya bahasa, latar dan pengajaran. Selain itu, gagasan kaitan boleh dikaitkan dengan hubungan yang wujud antara struktur dalaman teks. Malah, pendekatan ini juga memperlihatkan cara sesuatu gagasan saling berkait antara satu sama lain sehingga dapat membentuk satu pemikiran. Misalnya, gagasan kaitan menekankan perkaitan antara tema, pemikiran dan struktur karya. Seterusnya, gagasan analisis sinkronik tertumpu kepada permasalahan dalam cara sesuatu perkataan yang dapat berhubung antara satu sama lain dan bagaimana sesuatu teks karya sastera dapat memberi kefahaman melalui peraturan kesusasteraan. Perkara ini berkait rapat dengan *langue* dan *parole*. Dalam aspek linguistik, *langue* merupakan sistem bahasa manakala *parole* adalah tindak tutur pengguna bahasa. Di samping itu, gagasan regulasi diri lebih berfokus kepada struktur pembinaan dalaman teks. Peraturan dalam kesusasteraan, corak dan peralatan boleh menyebabkan sesuatu teks tercipta dan keseluruhan sistem terlaksana secara sistematik. Teks adalah pelengkap kepada struktur

dan merupakan hasil daripada struktur tersebut. Selain itu, gagasan transformasi tidak terbatas untuk penulisan teks sahaja malah gagasan ini dapat menimbulkan persoalan utama bagi teks tersebut. Gagasan ini menekankan perubahan bentuk dan mementingkan cara pengarang memproses peristiwa dalam karya. Akhir sekali, gagasan desentralisasi perkara pula hanya berfokus kepada makna simbolik dan ekspresi emosi pengarang. Misalnya, sesebuah karya dibentuk oleh satu sistem. Maka, pengarang perlu mematuhi konvensi dalam sistem tersebut agar hasil karyanya lebih kreatif.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang dilakukan untuk menganalisis dan menjelaskan struktur dalaman novel. Pendekatan kualitatif sangat menekankan perolehan data asli atau *natural conditions* (Arikunto & Suharsimi, 2006). Kaedah penelitan menggunakan data deskriptif iaitu berlakunya proses pemahaman penulisan novel secara menyeluruh dan terperinci setelah melakukan proses pembacaan terhadap novel Anak Titiwangsa. Hal ini bermakna kajian ini menggunakan teknik pembacaan teliti atau *close reading technique* secara berperingkat supaya data yang diperlukan adalah tepat. Dalam masa yang sama juga, kaedah perpustakaan digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan bahan bacaan yang sahih dan bermutu tinggi bagi menghasilkan kajian yang bersifat ilmiah. Novel ini menjadi pilihan kerana novel ini mengetengahkan perjuangan anak-anak remaja yang tumbuh membesar bagi mengenali kehidupan yang kian mencabar. Secara tidak langsung, novel ini membawa pembaca untuk menyelami jiwa remaja yang sentiasa bertarung dengan kehendak dirinya.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang telah dihasilkan, teori Strukturalisme yang diterapkan dalam novel Anak Titiwangsa karya Keris Mas adalah signifikan dan menjadi fokus kajian ini. Keenam-enam gagasan iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan regulasi diri, gagasan analisis sinkronik dan gagasan desentralisasi diterapkan dengan baik dalam novel yang dikaji. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan dapatan daripada penganalisan terhadap novel Anak Titiwangsa.

Jadual 1: Dapatan Analisis Teks Novel Anak Titiwangsa

Data/ Teks	Teori Strukturalisme					
	Gagasan Kaitan	Gagasan Keseluruhan	Gagasan Transformasi	Gagasan Regulasi Diri	Gagasan Analisis Sinkronik	Gagasan Desentralisasi
Anak Titiwangsa	/	/	/	/	/	/



## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan jadual di atas, dapatan analisis menunjukkan bahawa keenam-enam gagasan dalam teori Strukturalisme iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan regulasi diri, gagasan analisis sinkronik dan gagasan desentralisasi diterapkan dalam novel tersebut. Pengaplikasian kesemua gagasan dalam teori tersebut menunjukkan kekuatan dalam novel *Anak Titiwangsa* dalam menerapkan teori linguistik dan pendekatan struktural dalam menitikberatkan perkara-perkara dalaman yang membentuk rangka novel tersebut secara keseluruhan. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat meletakkan karya sastera sebagai sebuah dunia yang mempunyai rangka dan bentuknya tersendiri yang dapat dijadikan sebagai panduan.

### **Gagasan Kaitan**

Menurut Masrizayu (2006), pemikiran adalah apa-apa yang ingin disampaikan oleh pengarang iaitu proses menyampaikan mesej yang terkandung dalam fikiran penyair atau pengarang. Gagasan kaitan dalam novel ini ditonjolkan melalui perkaitan antara struktur dalaman novel sehingga membentuk sebuah pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang. Misalnya, novel *Anak Titiwangsa* memaparkan pemikiran kemasyarakatan iaitu masyarakat yang sedang giat tumbuh membesar dalam mengenal erti kehidupan yang sebenar. Kesilapan memilih rakan menyebabkan masyarakat ini terpesong dalam melakukan kejahatan. Pemikiran ini telah disokong oleh struktur dalaman seperti tema, persoalan dan latar masyarakat yang membuktikan perkaitan antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat menerusi dialog dalam keratan teks seperti berikut;

“Aku jadi jahat sebab tak ada kawan dengan orang baik,” katanya lagi. Dia mula hendak bercerita. "Engkau pun kalau tak lekas ikut Abang Samad ke Kuala Lumpur ni, aku agak akan jadi macam aku juga. Lepas failed periksa form tiga tu dan engkau dah tak ada aku tenggelam punca betul. Usup dapat kawal dek ayahnya. Aku tidak, dan ayah aku pun tidak peduli sangat. Dia tak tahu pun dengan siapa aku berkawan di bandar. Ada tak ada Abang Dollahlah sekali-sekali nasihatkan aku suruh berhenti kawan dengan budak-budak, di bandar tu."

(Keris Mas, 1988, p. 162)

Berdasarkan dialog yang dituturkan oleh Karim tersebut, pengarang mengetengahkan tema konflik manusia dengan kejutan budaya di bandar. Tema ini jelas dibuktikan oleh watak Sudin dan Karim yang menjalani dan mendepani lorong kehidupan yang berbeza. Sudin lebih bernasib baik kerana dia tinggal bersama dengan pak ciknya, Samad di Kuala Lumpur. Dengan adanya Pak Cik Samad itu, beliau telah menjadikan Sudin seorang yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Setiap tindakan Sudin diawasi oleh pak cik Samad dan Mak Minah selaku pembantu rumah tersebut. Karim pula telah jauh tersasar melakukan perbuatan jahat akibat silap memilih rakan apabila menghilangkan diri ke Kuala Lumpur sehingga mengakibatkan kebimbangan terhadap kedua ibu bapanya iaitu Pak Nordin dan Mak Limah. Tambahan pula,

Karim lebih bebas melakukan apa sahaja kerana tidak ada yang menghalang dan mengekang setiap tindak tanduknya sehingga dia lebih mudah terjerumus ke kancah kejahatan.

Pemikiran pengarang juga disokong oleh persoalan yang muncul di dalam novel sebagai hubung kaitnya dengan tema. Persoalan wujud untuk memperkukuh dan menghidupkan tema dalam sebuah novel. Antara persoalan di dalam novel *Anak Titiwangsa* adalah persoalan remaja yang tersilap memilih rakan sebaya sehingga terpesong dalam melakukan kejahatan. Perkara ini dapat dilihat pada dialog dalam keratan novel tersebut;

“Ah Siak itu kawan yang dikatakan oleh Tong Kim. Kami ditumpangkannya di bilik kawannya di Jinjang. Penyangak semua yang tinggal dalam bilik tu. Apa yang aku tak buat dengan mereka. Mencuri? Menipu? Meragut rantai leher budak-budak? Menyamun orang di Jalan Duta? Semua aku dah buat. Bertumbuk, tak usah cakap, ada saja lawan yang mesti kami hentam.”

(Keris Mas, 1988, p. 136)

Berdasarkan dialog di atas, Karim mengaku bahawa dia telah melakukan banyak perkara jahat setelah bergaul dengan rakan yang salah. Jadi, pengarang berjaya menonjolkan persoalan yang berkait rapat dengan tema sehingga dapat membentuk pemikiran dalam novel itu. Latar masyarakat adalah gambaran kehidupan masyarakat yang dipaparkan di dalam karya. Dalam novel *Anak Titiwangsa*, latar masyarakat di dalam novel tersebut adalah masyarakat yang tidak berputus asa. Perkara ini dapat dilihat oleh watak Sudin apabila dia tidak berputus asa mencari sahabat karibnya, iaitu Karim di Kuala Lumpur kerana dia percaya bahawa orang seperti Karim dapat berubah untuk menjalani kehidupan yang lebih baik. Buktinya, dia meminta pertolongan Ah Kaw yang merupakan orang politik untuk membantu mencari Karim. Bahkan, dia juga meminta pertolongan Malik untuk menjejaki Karim dan pergi ke beberapa buah kawasan demi mencari sahabatnya itu. Perkara ini dapat dilihat apabila Sudin tekad menuju ke Datuk Keramat setelah mendapat maklumat tentang Karim di Pejabat Buruh. Malah, dia dan Mat Nor pergi menuju ke rumah haram untuk mencari Karim. Situasi ini telah digambarkan di dalam novel iaitu;

Petang hari keempat saya di situ baharulah ada peluang pergi merayau-rayau ke kawasan yang dinamakan rumah haram. Malangnya ada dua tiga rumah sahaja yang masih terdiri di situ. Yang lain tinggal tapaknya sahaja, sudah diruntuhkan oleh pihak berkuasa ibu kota.

(Keris Mas, 1988, p. 92)

Berdasarkan situasi di atas, jelas menunjukkan latar masyarakat yang tidak berputus asa. Walaupun Sudin menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran semasa hendak mencari Karim, dia tidak berputus asa sehingga berjaya menjumpai Karim. Usaha gigih Sudin ini menunjukkan bahawa dia merupakan seorang yang baik dan mementingkan persahabatannya.

### **Gagasan Keseluruhan**

Berdasarkan novel Anak Titiwangsa, keseluruhan sistem dan struktur penciptaan novel dari segi struktur dalaman seperti tema, persoalan, watak, latar, nilai, pengajaran, gaya bahasa dan sudut pandangan ditonjolkan. Ini bermakna novel ini telah mematuhi keseluruhan sistem dan struktur penciptaan novel. Dalam hal ini, watak dan perwatakan yang dicipta oleh pengarang menjadikan keseluruhan teks berfungsi dan struktur dalaman teks menjadi signifikan. Pengarang memperlihatkan watak dan perwatakan seperti Sudin, Karim, Pak Cik Samad, Ah Kaw, Usup, Malik, Hanim, Mak Minah dan sebagainya untuk membantu mengembangkan plot cerita yang merupakan struktur dalaman novel. Pembawaan watak dominan iaitu ialah Sudin dan Karim yang merupakan sahabat karib dari kampung yang sama, membesar dan bermain bersama. Apabila mereka berdua menginjak remaja, mereka telah melalui lorong kehidupan yang berbeza di Kuala Lumpur akibat pengaruh persekitaran dan pengaruh rakan. Perbezaan jalan kehidupan Sudin dan Karim digambarkan melalui situasi berikut;

“Betul. Saya mau jadi orang tani.” kata saya dengan lebih tegas. “Tetapi bukan Abang Dolah atau macam ayah saya dulu.”

“Abis macam mana?” “Macam Francisco Rabat.”

“Orang muda Angkatan baru Filipina, pelapor tani moden yang mengubah kebun kelapa ayahnya menjadi estet kelapa dan perusahaan sabut untuk dijadikan bahan-bahan perusahaan lain.”

(Keris Mas, 1988, p. 13)

Pak Nordin mengangkat mukanya kembali dan berkata dengan tegas, “Pak cik tak harap dia akan balik lekas sehari dua ini. Kesalahannya berat. Dia mencuri duit emaknya sendiri.”

(Keris Mas, 1988, p. 23)

Berdasarkan keratan teks dalam novel di atas, Sudin digambarkan sebagai seorang anak muda yang memiliki cita-cita dan impian yang tinggi iaitu berhasrat menjadi seorang petani moden seperti idolanya, Francisco Rabat. Sudin merupakan seorang remaja yang mempunyai masa depan yang cerah kerana dia sedang melanjutkan pelajarannya dan bakal menduduki ujian HSC. Pada waktu yang sama, dia juga bekerja sebagai seorang wartawan kerana Pak Cik Samad berkeinginan untuk menjadikan Sudin seperti dirinya. Sudin juga telah bertemu dengan orang-orang yang hebat sebagai sebuah pengalaman yang berharga.

Meninjau kehidupan Karim pula, nasib Karim dengan Sudin bagai langit dengan bumi. Perpindahannya ke ibu kota Kuala Lumpur menyebabkan banyak liku perjalanan hidupnya akibat tidak mampu melawan godaan-godaan di sana. Persahabatan yang kurang baik telah menjeratkan diri Karim ke arus kemaksiatan sehingga dia sanggup mencuri duit emaknya sendiri. Bahkan, Karim melakukan pelbagai kegiatan jenayah seperti mencuri, meragut dan berjudi. Perkara ini berlaku kerana Karim tersilap memilih rakan dan dia tidak mempunyai seseorang yang dapat menghalanginya daripada melakukan semua gejala tersebut. Karim diibaratkan kudis dalam masyarakat kerana dia bukan sahaja tidak dapat memberi manfaat,

malah menimbulkan malapetaka terhadap keselamatan dan keamanan masyarakat setempat. Karim juga digambarkan sebagai anak muda yang tidak ada masa depan kerana dia hanya tahu berseronok dan bergembira sahaja tanpa memikirkan perjalanan hidup yang masih panjang.

Melalui penceritaan Anak Titiwangsa ini, Keris Mas telah berjaya mengutarakan salah satu persoalan iaitu kepentingan memilih rakan yang baik bagi menunjukkan sebab dan akibat mengapa soal pemilihan kawan itu sangat penting dalam hal mendidik diri kita sendiri untuk menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dan negara supaya tidak memilih kehidupan yang sengsara seperti Karim.

Oleh itu, gagasan keseluruhan menerusi tema yang diutarakan oleh pengarang dengan adanya kedua-dua watak dominan yang menjadi medium untuk menyampaikan mesej tentang pentingnya memilih kawan dalam mengekalkan kehidupan yang sempurna serta menjadi seorang insan yang bermanfaat.

### **Gagasan Transformasi**

Menurut Ahmad (2020), karya sastera merupakan ‘potret’ kehidupan yang membentangkan satu dua peristiwa dan masalah mengenai perhubungan awam dalam keadaan sosial. Peristiwa yang berlaku dalam karya adalah disebabkan bentuk karya bukannya plot atau hukum sebab akibat. Jadi, kekreatifan pengarang dapat dilihat pada bagaimana pengarang memproses peristiwa dalam novel sehingga berlakunya hukum perubahan bentuk. Perubahan bentuk peristiwa di dalam novel dapat dilihat pada situasi berikut;



William Henry Hudson dalam *Yapi Tambayong* (1982)

### **Rajah 1: Binaan Plot Novel**

Pada plot permulaan, pengarang mendedahkan jalan cerita secara ringan dan memperkenalkan watak-watak utama dan sampingan. Jalan cerita novel Anak Titiwangsa dimulakan dengan situasi watak utama iaitu Sudin yang mengimbuai kenangannya di kampung dan bermain bersama-sama dengan Usup dan Karim. Pengarang menonjolkan watak Sudin sebagai seorang yang berpelajaran kerana pengarang mengetengahkan perjuangan Sudin dalam belajar supaya dia lulus dalam ujian HSC. Dalam masa yang sama, pengarang mewujudkan watak sampingan seperti Pak Samad dan Mak Minah. Pak Samad berperanan dalam mencorak masa depan Sudin ke arah menjadi seorang yang berjaya kerana beliau begitu mementingkan pembelajaran Sudin.

Pada plot perkembangan pula, terbentuknya konflik dan permasalahan di dalam novel. Peringkat plot ini mempunyai tambahan watak-watak sampingan yang membantu dalam menjadikan penceritaan novel ini lebih menarik. Berdasarkan novel *Anak Titiwangsa*, konflik dimulakan oleh watak utama novel iaitu Karim yang menghilang di bandar. Setelah Sudin mengetahui berita ini melalui Usop, dia meminta tolong Yang Berhormat Ah Kaw untuk membantu mencari Karim kerana YB Ah Kaw merupakan orang besar. Permasalahan ini semakin bertambah besar ketika Sudin mengambil keputusan untuk pulang ke kampung bagi menemui Usop, Pak Nordin dan Mak Limah. Hal ini kerana Karim telah mencuri duit emaknya sebelum melarikan diri ke bandar. Wajah Pak Nordin yang sugul dan tangisan Mak Limah menyebabkan dia semakin tekad untuk mencari Karim di bandar kerana kedua-dua mereka mengharapkan Sudin dapat membawa balik anak mereka ke kampung.

Plot perumitan menyajikan jalan cerita yang mempunyai pelbagai unsur seperti suspens dan debaran untuk menarik perhatian pembaca. Berdasarkan novel *Anak Titiwangsa*, Sudin mengikuti Hasyim ke kelab malam berturut-turut selama seminggu semata-mata untuk mencari Karim. Namun, dia telah dimarahi Pak Samad ketika beliau kembali dari Afrika. Pak Samad juga melecehkan perbuatan Sudin mencari Karim kerana bagi beliau, Karim merupakan kudis masyarakat. Kudis ini hanya tanda dari satu penyakit yang puncanya adalah kuman yang tertanam di dalam urat dan nadi masyarakat. Situasi ini semakin rumit kerana Pak Samad juga menghalang perbuatan Sudin mencari Karim. Plot ini juga menonjolkan keadaan Sudin yang tidak tahan lagi dengan cara Pakcik Samad yang seringkali mengatur hidupnya. Perkara yang paling aneh bagi Karim adalah apabila Pakcik Samad sendiri yang menyuruh dia menjadi pemberita supaya melihat masyarakat dari dekat. Namun, apabila orang macam Karim ditimpa masalah, beliau langsung tidak peduli malah tidak suka apabila Sudin ingin mencari Karim. Percakapan tidak selari dengan perbuatan membuatkan Karim tidak mengerti apa yang diperjuangkan oleh Pakcik Samad untuk masyarakat.

Plot kemuncak novel *Anak Titiwangsa* adalah apabila Sudin mendapati Malik yang merupakan wartawan surat khabar sudi menolongnya dalam misi mencari Karim. Mereka berdua pergi ke Pejabat Pendaftaran Buruh dan Malik meminta mereka memeriksa daftar nama orang yang mendaftarkan diri untuk mencari kerja. Namun, mereka mendapat maklum bahawa Karim sudah pun diambil bekerja oleh kilang tayar Petaling Jaya. Pencarian Karim tidak berakhir begitu sahaja kerana Pegawai Kakitangan kilang itu menerangkan bahawa Karim memang ada bekerja di situ namun dia sudah pun berhenti. Walaupun Sudin tidak dapat menjejak Karim, namun dia mengetahui alamat rumah Karim ketika mula-mula masuk kerja dahulu iaitu Kampung Datuk Keramat. Tanpa membuang masa, Karim mengambil Keputusan untuk pergi ke Datuk Keramat. Dia pergi ke setiap rumah-rumah di sana namun jawapannya tetap sama. Karim tidak ada di sana. Karim mula berputus asa. Sudah kali keempat dia gagal menemui Karim walhal Karim pernah menjejakkan kaki ke semua tempat yang dia pergi. Berita yang disampaikan oleh Sudin hanya mengundang tawa Malik. Hal ini kerana Sudin dianggap tidak mencari jalan penyelesaian menggunakan akal. Lalu, atas nasihat Malik, Sudin meminta tolong Mat Nor di Datuk Keramat dan dia juga tidur dirumahnya. Pada petang hari

keempat, barulah Sudin dan Mat Nor pergi ke kawasan rumah haram. Kedatangan mereka ke rumah haram mengundang rasa pilu dan kasihan kepada mereka. Hal ini kerana tuan rumah haram perlu bertindak agresif dengan mengacu parang bagi menyelamatkan rumah mereka daripada disita oleh pihak kerajaan. Walaupun Sudin dan Mat Nor masih gagal menemui Karim, sekurang-kurangnya dia telah mendapat maklumat tentang kawan-kawan Karim bagi mengetahui keberadaannya.

Peleraian kepada segala permasalahan berlaku apabila pada suatu hari, Malik berjumpa dengan Mutu di Kun Leng. Pada saat itulah, harapan demi harapan mula muncul. Mutu sebenarnya merupakan pegawai keamanan atau pengintip yang digaji tauke taman hiburan. Mutu pernah melihat situasi di mana Karim telah dirompak dan dipukul oleh Lim Ah Siak dan kawan-kawannya.

Pengakhiran terjadi apabila keberadaan Karim sebenarnya berada di rumah YB Ah Kaw. Pada akhirnya, Sudin berjaya menemui rakan karibnya itu walaupun keadaan Karim saat itu amatlah menyedihkan kerana keadaannya menunjukkan dirinya berada di dalam kesusutan dan penyesalan yang teramat dalam. Karim kemudiannya pulang ke kampung halaman dan berazam untuk mengubah masa depan yang lebih cerah.

### **Gagasan Regulasi Diri**

Teks mementingkan aturan-aturan kesusasteraan, corak serta peralatan yang menyebabkannya terbentuk dan keseluruhan sistem akan terlaksana. Hal ini bermakna teks itu sendiri adalah sesuatu struktur yang menjadi pelengkap pada struktur itu sendiri. Setelah menganalisis novel Anak Titiwangsa, teknik yang digunakan pengarang memberi impak kepada gagasan regulasi diri. Berikut merupakan corak teks yang menyebabkan keseluruhan sistem terlaksana;

Saya terpegun. Terbayang muka Karim pura-pura manis tersenyum dengan misai kucingnya yang tirus tajam and dengan pisau runcing panjang enam inci terhunus di tangannya. Dia berkata dengan suara hormat tetapi mengugut: "Lekas Yang Berhormat! Saya banyak urusan. Wang atau nyawa!" Kemudian bayangan itu hilang, timbul bayangan muka Karim, pucat lesi, tak bermaya, kurus kering, rambut mengembang, misai janggut macam belukar, bibir kering merekah, gigi kuning, menyeringai seperti orang menahan sakit; tangan menggeletar; memandang kawannya dengan kayu memohon sesedut dari rokok gulung berbau busuk yang sedang dinikmatinya. Dia menunggu giliran untuk sesedut yang mengkhayalkan.

(Keris Mas, 1988, p. 16)

Berdasarkan keratan teks dalam novel di atas, dapat diklarifikasikan bahawa pengarang telah menggunakan teknik pemerian untuk menjelaskan penceritaan novel ini. Teknik pemerian amat jelas dalam usaha pengarang menjelaskan situasi dua remaja yang menjalani perubahan zaman yang berbeza. Teknik pemerian amat jelas bagi menggambarkan cara Sudin berfikir. Contohnya, pengarang dapat menjelaskan melalui contoh teks di atas. Petikan tersebut menjelaskan bahawa sifat Karim yang hanyut dibawa arus negativiti di kota iaitu Karim telah

terjerumus dalam jenayah dadah. Buktinya, ayat terakhir tersebut iaitu, ‘Dia menunggu giliran untuk sesedut yang mengkhayalkan’. Di sini, watak Karim diceritakan melalui pemikiran atau tanggapan Sudin terhadapnya. Secara tidak langsung, teknik pemerian berjaya mejelaskan gambaran peristiwa yang berlaku secara langsung sebagai proses pemindahan pengamatan dan pemerhatian kepada khalayak. Jelaslah pengarang telah menggunakan teknik pemerian dalam menghasilkan jalan penceritaan bagi Novel Anak Titiwangsa ini.

Analisis novel ini juga mendapati bahawa pengarang menggunakan teknik monolog dalaman dalam penghasilan karya ini. Perkara ini dibuktikan pada teks di bawah:

Berbagai soalan menyerbu ke dalam kepala saya. Bolehkah Ah Kaw menolong? Kehilangan Karim dari kampung barangkali bukan soalan yang boleh menimbulkan erti pada Ah Kaw. Dia orang politik, ahli Parlimen. Persoalannya, persoalan negara, bukan persoalan orang perseorangan yang hilang dari kampung dan sebagainya.

(Keris Mas, 1988, p. 17)

Berdasarkan teks di atas, pengarang menyelitkan unsur monolog dalaman pada watak Sudin tentang kerelaan Ah Kaw untuk membantu mencari Karim. Hal ini demikian kerana Ah Kaw mempunyai status sosial yang tinggi. Sudin beranggapan bahawa banyak lagi perkara besar yang perlu difikirkan Ah Kaw daripada memikirkan seorang anak kampung yang hilang. Tanggungjawab Ah Kaw adalah persoalan negara, bukannya persoalan orang perseorangan. Jadi, kekreatifan pengarang terserlah kerana pengarang berjaya menyelitkan teknik monolog dalaman sebagai alat untuk mengungkapkan perasaan dan pemikiran watak terhadap situasi yang berlaku. Menurut Iin (2014), penggunaan monolog dan dialog yang sesuai dapat menterjemahkan ungkapan pengarang yang merupakan jenis ucapan yang digunakan untuk menyatakan pemikiran watak. Ia seringkali digunakan untuk memberikan wawasan dan mendalami keperibadian watak yang sedang berbicara dengan dirinya sendiri.

### **Gagasan Analisis Sinkronik**

Menurut Didi (2013), Langue mewakili hasil pemikiran bersama yang menjadi dalaman kepada setiap individu atau bersifat kolektif kerana berada di luar skop keupayaan seseorang individu untuk mengubahnya manakala parole merupakan pernyataan dan ucapan bahasa individu melalui gabungan penggunaan konsep dan bunyi yang mewakilinya. Gagasan sinkronik meneliti aspek bahasa yang digunakan pengarang dalam membentuk teks sehingga menyerlahkan unsur dalamannya. Bahasa dalam teks dapat dianalisis melalui langue dan parole. Langue dan parole dapat dilihat pada situasi dalam novel tersebut;

“Mengapa engkau ni Sudin, tak habis-habis nak mengamuk sahaja?” Dia terus juga mengemaskan segala yang bertaburan di lantai. Saya pelan-pelan menghenyakkan punggung kembali di kerusi. Buku yang saya hempaskan itu saya ambil dan saya belek-belek. Saya merasa bersalah.

(Keris Mas, 1988, p. 2)

Berdasarkan dialog di atas menggunakan analisis bahasa langue, dialog tersebut dibina daripada ayat penyata dan ayat tanya. Ayat penyata lengkap dibina dengan subjek, predikat dan tanda noktah, seperti 'Saya merasa bersalah'. Ayat penyata tersebut merupakan jenis ayat intransitif tanpa pelengkap kerana kata kerja boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut. Bagi ayat penyata jenis ayat intransitif berpelengkap pula, ia didapati pada ayat 'Dia terus juga mengemaskan segala yang bertaburan di lantai.' Hal ini demikian kerana kata kerja diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat tersebut. Jadi, ayat penyata berfungsi untuk menerangkan sesuatu perkara dan jenis ayat ini paling banyak digunakan dalam penghasilan karya sastera. Selain daripada itu, pengarang juga menyelitkan penggunaan ayat tanya iaitu, 'Mengapa engkau ni Sudin, tak habis-habis nak mengamuk sahaja?'. Ayat tanya ini digunakan oleh Mak Minah untuk menyoal Sudin bagi mendapatkan jawapan mengapa dia mengamuk. Malah, tanda tanya pada akhir ayat juga dapat mengukuhkan penggunaan tanda tanya pada teks di atas lagi. Antara golongan kata yang membina struktur teks adalah kata kerja seperti 'mengemaskan', 'hempaskan' dan 'belek'.

Berdasarkan analisis menggunakan penganalisan bahasa parole pula, penggunaan kata 'mengapa' memperlihatkan situasi Mak Minah menyoal sesuatu kepada Sudin untuk mendapat jawapan terhadap perbuatannya yang tiba-tiba mengamuk. Jadi, kata 'mengapa' dalam ayat adalah untuk menanyakan sebab atau alasan dari akibat suatu peristiwa. Penggunaan kata 'tak habis-habis' juga menunjukkan situasi Mak Minah yang sudah serik dengan sikap Sudin yang sering mengamuk ketika belajar.

### **Gagasan Desentralisasi**

Novel Anak Titiwangsa mematuhi sistem sastera dalam karya kerana sistem dalaman karya seperti tema, ciptaan watak, gaya bahasa, gaya penulisan, makna simbolik, ekspresi emosi dan latar mematuhi peraturan dalam sastera. Unsur-unsur sejarah, pengarang dan pembaca diketepikan kerana berfokuskan kepada unsur-unsur dalaman teks. Gagasan desentralisasi berfokuskan kepada makna simbolik dan ekspresi emosi. Simbolik digunakan dalam karya ini untuk menunjukkan kreativiti pengarang. Makna simbolik diteliti berdasarkan ikonik seperti imej, citra, diagram, simile dan metafora. Simbolik merujuk kepada sebuah tanda yang dibawa oleh penanda dengan memberi petanda makna yang mewakili sesuatu. Makna simbolik dapat dilihat pada beberapa keratan teks seperti di bawah;

Tangannya seperti kilat keluar dari saku dan menyambar wang di tangan Usup itu.

(Keris Mas, 1988, p. 7)

Simbolik yang digunakan di atas adalah similitud yang merupakan gaya bahasa yang membandingkan sesuatu benda dan keadaan dengan jelas. Makna simbolik bagi 'tangannya seperti kilat' membawa maksud pergerakan tangan yang pantas. Hal ini bermakna ayat tersebut memberi pernyataan bahawa tangannya bergerak pantas keluar dari saku. Selain daripada itu, penggunaan metafora digunakan dalam novel sebagai makna simbolik untuk mengungkap



makna disebalik perkataan yang digunakan oleh penulis. Contoh penggunaan metafora di dalam ayat adalah seperti berikut;

Tiba-tiba Usup mengalih pokok percakapannya. Dia masih berdiri di tingkap meninjau-ninjau keluar.

(Keris Mas, 1988, p. 5)

Gaya bahasa metafora digunakan untuk menunjukkan makna simbolik dalam ayat tersebut iaitu 'pokok percakapannya'. 'Pokok percakapannya' dalam ayat ini bermakna isi percakapan. Jadi, ayat tersebut ingin menyatakan bahawa usup mengubah topik perbualannya dengan Sudin. Dalam novel tersebut, Usup pada awalnya bercerita tentang Karim, namun dia mengubah topik tersebut kepada topik berkenaan dengan Sudin.

Setelah penganalisan dijalankan terhadap novel Anak Titiwangsa, watak Sudin digambarkan sebagai citra prihatin. Sudin digambarkan sebagai seorang yang prihatin kerana dia sanggup mencari dan menolong Karim yang jauh terpesong kerana Karim merupakan kawan baiknya sejak kecil. Bukti kebaikan Sudin terdapat pada monolognya apabila dia ingin meminta bantuan Ah Kaw yang merupakan orang politik untuk mencari keberadaan Sudin. Berikut merupakan monolog Sudin;

Dapatkah dia menolong? Dapatkah dia memberi perhatian hanya untuk seorang anak muda kampung yang menghilangkan diri.

(Keris Mas, 1988, p. 8)

“Ada apa-apa ikhtiar dijalankan?”

(Keris Mas, 1988, p. 24)

Saya ingin mencari Karim. Entah mengapa saya rasa menjadi kewajipan saya pula untuk menyelesaikan soal Karim ini.

(Keris Mas, 1988, p. 39)

Monolog Sudin di atas menjadi bukti bahawa Sudin mempunyai citra baik hati kerana dia prihatin terhadap rakannya yang menghilangkan diri di bandar sehingga dia meminta bantuan orang lain untuk mencari Karim. Citra baik hati Sudin juga dapat digambarkan apabila dia berjumpa dengan Pak Nordin dan Mak Limah yang merupakan ibu bapa kepada Karim untuk berbincang bersama-sama mencari Karim. Selain itu, persoalan Sudin kepada ibu bapa Karim menunjukkan Sudin sangat prihatin terhadap Karim. Bahkan, Sudin juga bertekad ingin mencari Karim seperti mana yang telah dibuktikan pada dialog pada muka surat 39. Pernyataan itu jelas membuktikan bahawa Sudin mempunyai citra prihatin kerana dia prihatin terhadap kehilangan kawannya. Jadi, watak Sudin merupakan simbolik terhadap kreativiti pengarang dalam menterjemahkan sikap yang prihatin melalui watak dalam novel.

Pengarang juga menggunakan elemen ekspresi emosi dalam karya sebagai bentuk penterjemahan melalui penggunaan ayat untuk menunjukkan emosi gembira, sedih dan sebagainya. Dalam novel tersebut, pengarang mengekspresikan emosi melalui watak-watak. Watak-watak tersebut memainkan peranan dalam menterjemahkan emosi melalui bahasa verbal dan bahasa non verbal yang menunjukkan kreativiti pengarang. Dalam novel tersebut, ekspresi emosi dilakukan oleh Mak Timah melalui bahasa gerak badan yang diterjemahkan melalui kata-kata iaitu;

Mak Limah menurut. Matanya terus memandang saya, penuh dengan harapan yang hampir putus. Kelihatan segala gerak-gerinya amat lemah. Mukanya amat pucat. Air matanya membasahi pipi. Rambutnya mengembang, tidak terurus dan pakaiannya tidak teratur.

(Keris Mas, 1988, p. 22)

Melalui pernyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa emosi sedih diekspresikan melalui watak Mak Timah. Keadaan Mak Timah menunjukkan bahawa dia sedang berada dalam kesedihan. Keadaan Mak Timah yang tidak terurus menunjukkan Mak Timah sedang berada dalam emosi sedih. Ekspresi emosi gembira juga ada ditonjolkan di dalam novel tersebut melalui watak Ah Kaw. Berikut merupakan teks yang menonjolkan emosi Ah Kaw;

Dia ketawa. Matanya hilang.

(Keris Mas, 1988, p. 13)

Pernyataan dari Sudin di atas menggambarkan Ah Kaw yang menunjukkan ekspresi gembira. Watak Ah Kaw ditonjolkan pengarang untuk mengekspresikan emosi yang gembira kerana permohonan Sudin yang baginya lucu sehingga dia ketawa. Perkara ini menunjukkan kreativiti pengarang kerana pengarang mampu mengekspresikan emosi gembira pada watak dalam novel.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa novel *Anak Titiwangsa* karya Keris Mas adalah sebuah karya yang kaya dan kompleks. Teori Strukturalisme adalah alat yang kuat untuk menganalisis dan memahami karya sastera ini kerana teori Strukturalisme mengkaji unsur-unsur dalaman teks yang menjadikan sastera ini bermutu tinggi. Dalam konteks era Revolusi Industri 4.0, kajian ini memiliki signifikansi yang penting. Hal ini kerana kajian ini mampu menunjukkan bagaimana karya sastera dapat memberi wawasan yang mendalam tentang manusia dan masyarakat yang dapat membantu kita memahami dan menavigasi dunia yang semakin kompleks dan saling terhubung. Selain itu, kajian ini juga telah membuktikan bagaimana teori Strukturalisme dapat digunakan sebagai alat untuk menganalisis dan memahami karya sastera yang dapat membantu kita untuk mengembangkan keterampilan berfikir secara kritis dan kreatif yang sangat diperlukan di era Revolusi Industri 4.0. Kajian ini juga menunjukkan bagaimana karya sastera dan teori sastera dapat memberikan sumbangan yang berharga untuk memahami dan menavigasi dunia di era Revolusi Industri 4.0.

## RUJUKAN

- Abdul Muttalib. (2022). Analisis antologi puisi Pesan Tua Kaya Hendra Djafar menggunakan Teori Strukturalisme-Semiotik. *Jurnal Bahasa dan Sastera*, 17 (2), 159-165.
- Ahmad Ghilman Ramadhan. (2020). Kajian Amanat Dalam Novel Di Bawah Lindungan Ka'bah Karya Hamka. *Universitas Islam Malang*.
- Arikunto, & Suharsimi. (2006). Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktik. *PT Rineka Cipta*.
- Demaisuria A/P Kaniasan. (2021). Kajian dalam Puisi Haiku karya NA. Patchaibalan dari Perspektif Teori Strukturalisme. *Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Didi Sukyadi. (2013). Dampak pemikiran Saussure bagi perkembangan linguistik dan disiplin ilmu lainnya. *Jurnal Parole*, 3(2), 1-19.
- Fadlil Munawwar Manshur. (2019). Kajian teori formalisme dan strukturalisme. *Gajah Mada Journal of Humanities*.
- In Alviah. (2014). Kesantunan berbahasa dalam tuturan novel Para Priyayi karya Umar Kayam. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 3(2).
- Keris Mas. (1988). Anak titiwangsa. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Masrizayu Mustafa. (2006). Pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim. Doctoral dissertation. *Universiti Putra Malaysia*.
- Mana Sikana. (1983). Esei dan Kritikan Drama. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mohd Daud Ibrahim, & Rohaidah Kamruddin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya sasterawan negara Keris Mas. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2) *Universiti Putra Malaysia*.
- Nur Arfadina Binti Sukri. (2023). Analisis unsur intrinsik dalam novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. *Universiti Malaysia Kelantan*.
- Siti Noor Asyikin Ishak. (2022). Analisis elemen sastera dalam pementasan teater terpilih melalui penerapan teori strukturalisme: Final Year Project thesis. *Universiti Malaysia Kelantan*.
- Zahrah Delia Permana, Muhammad Aji Syaputa, & Jericho Setiwan. (2022). Kajian strukturalisme pada Puisi "Aku Dan Senja" karya Heri Isnaini pada buku Montase: pemilihan sajak menggunakan pendekatan pragmatik. *Jurnal Riset Rumpun Ilmu Bahasa*.

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Zainuddin Fananie. (2007). *Telaah Sastra. Muhammadiyah University Pres.*

## ANALISIS NOVEL HARI-HARI TERAKHIR SEORANG SENIMAN: ANALISIS TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Angelo Ng Soon Tee  
Iffyvivian Agnes Anak Aman

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Sastera merupakan karya seni kreatif hasil ciptaan manusia dengan menggunakan bahasa yang indah, halus, dan menarik serta memberikan impak kepada para pembaca. Misalnya, karya sastera dapat menonjolkan pemikiran seni yang seni yang berkualiti seperti nilai-nilai kemanusiaan. Nilai-nilai kemanusiaan dapat menjadi kayu ukur bagi penerapan amalan hidup dalam kalangan masyarakat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis mesej keagamaan yang terdapat dalam novel Hari-hari Terakhir Seorang Seniman karya Anwar Ridhwan dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dirintis oleh Hashim Awang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus terhadap analisis teks. Dapatan menunjukkan bahawa keenam-enam pendekatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni diaplikasi dengan terperinci dalam novel Hari-hari Terakhir Seorang Seniman. Kesimpulannya, teori Pengkaedahan Melayu berupaya menzahirkan kekuatan pengarang dalam menghadirkan unsur-unsur keislaman dan nilai-nilai murni dalam naratif penciptaannya.

**Kata Kunci:** *Teori Pengkaedahan Melayu, pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah*

### PENGENALAN

Sasterawan Negara Anwar Ridhwan merupakan seorang penulis yang berkaliber. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai penulis yang berbakat malah serius dan mempunyai falsafahnya yang tersendiri iaitu seorang yang begitu sensitif terhadap peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di dalam dan di luar masyarakat bangsanya. Oleh itu, beliau merupakan salah seorang daripada pengarang tempatan yang memulakan naratifnya dengan unsur “tradisi”. Dalam konteks ini, kecenderungan Anwar Ridhwan terhadap “tradisi” ini berkaitan dengan konsep ‘kampung halaman’ yang dilihat banyak mempengaruhi kerja kepengarangannya (Mawar Safei, 2019). Antara novel yang digarap oleh Sasterawan Negara ini yang mengandungi unsur “tradisi” dan konsep “kampung halaman” ini ialah *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*, *Arus*, *Di Negeri Belalang* dan *Naratif Ogonshoto*. Dalam kesemua hasil karya Sasterawan Negara ini, beliau masih patuh terhadap pegangan bahawa agama yang dianut harus hidup dalam watak-watak dan setia terhadap budaya yang diwarisi.

Novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1994) ini merupakan salah satu karya seorang Sasterawan Negara yang terkenal iaitu Anwar Ridhwan. Sebelum novel *Hari-hari Terakhir Seorang* ini diterbitkan dalam bentuk edisi pelajar, novel ini dianggap sebagai sebuah karya *monumental* kerana berdiri sebagai novel pertama Anwar Ridhwan pada tahun 1979 dan mempunyai pelbagai dimensi sejarah (Mawar Safei, 2019). Novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1994) bukanlah sebuah cerita biasa kerana dalam kehalusan ceritanya tersirat pelbagai erti tentang masyarakat dan pengalaman tokoh seniman dalam zamannya. Tokoh seniman tersebut adalah seorang penglipur lara yang hidup sebelum dan sewaktu Perang Dunia Kedua. Novel ini berkisar pada kehidupan Pak Hassan, seorang tukang cerita, yang menghadapi saat-saat hidup yang memilukan. Zaman yang berubah mengancam kedudukan dan peranan pentingnya kerana masyarakat tidak lagi meminati seni yang diwarisi, terutama generasi muda, akibat dari perubahan nilai dan kemajuan material. Perasaan dan harapan Pak Hassan menjadi bertambah pahit apabila kepandaiannya itu tidak dapat dipindahkan kepada satu-satunya anak lelakinya yang cacat akal sejak kecil.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan menganalisis mesej-mesej keagamaan dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan (1994) dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989).

## SOROTAN LITERATUR

Jumali Selamat (2009) dalam kajiannya “Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah” telah menggunakan pendekatan dakwah untuk merungkai penonjolan kebesaran Allah dan Islam dalam novel *Menjaras Ribut* karya Darma Muhammad (1991). Dalam pada itu, Jumali Selamat juga menjelaskan persoalan agama yang membicarakan aspek kebebasan beragama, penerapan nilai-nilai murni, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam.

Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai’e Sujud (2017) telah menerapkan teori yang sama dalam kajian yang bertajuk “Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu”. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan prinsip-prinsip Teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan adalah saling berkaitan. Pemikiran yang terungkap dalam pengkaryaan puisi yang dikaji juga adalah berasaskan budaya, agama, kosmologi dan pandangan sarwa orang-orang Melayu itu sendiri. Melalui analisis, telah ditemui ungkapan puisi yang membawa maksud tersirat, puisi yang melihat kejadian alam sebagai pengalaman hidup, puisi yang dicipta berlandaskan sebab, hikmah dan fungsi tujuan, puisi sebagai wadah meningkatkan nilai ketakwaan, puisi sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan mencari kebaikan dan keindahan puisi yang berdasarkan kepada nilai etika Islam.

Selain itu, Che Abdullah Che Ya (2018) juga melaksanakan kajian dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Tajuk kajian yang dijalankan adalah “Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu”. Kajian tersebut mendapati unsur dakwah banyak memperlihatkan kekuasaan Allah SWT dan menjadi nilai kehidupan masyarakat Melayu yang dapat dirungkai menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu.

Seterusnya, Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker dan Farra Humairah Mohd (2020) menjalankan kajian yang bertajuk “Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah”. Kajian ini mendapati bahawa Teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan adalah teori yang paling sesuai digunakan untuk mengkaji karya cerpen Melamar Rindu ekoran daripada kecenderungan pengarang yang merakamkan aspek-aspek kehidupan masyarakat sekeliling melalui gaya hidup, agama dan kepercayaan serta nilai-nilai murni dalam masyarakat. Kajian ini turut mendapati bahawa dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu* iaitu cerpen *Gangguan*, cerpen *Doanya Termakbul* dan cerpen *Menimba Penawar* penuh dengan unsur dakwah Islamiah dan nilai keagamaan yang berfokus kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Mastura Othman (2022) turut melaksanakan kajian yang bertajuk “Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Novel *Srengenge* karya Shahnun Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu dapat mengetengahkan banyak unsur nilai kemanusiaan dalam penulisan novel *Srengenge* menerusi pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan. Akhir sekali, Sara Beden dan Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek (2022) telah membuat satu kajian yang bertajuk “Novel *Arus Benua*: Perspektif Pengkaedahan Melayu”. Kajian tersebut telah merungkai keenam-enam pendekatan dalam pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu yang diaplikasikan untuk menganalisis novel *Arus Benua* dapat merungkai pembentukan fikiran dan jiwa watak-watak yang dikuasai oleh nilai-nilai spiritual, persekitaran, dan kemasyarakatan.

Kesimpulannya, terdapat kajian-kajian lepas yang berjaya merungkai novel-novel yang berbeza dengan menggunakan teori yang sama iaitu teori Pengkaedahan Melayu. Enam pendekatan yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu membantu pengkaji untuk menganalisis keupayaan pengarang dalam menghadirkan unsur-unsur keislaman dan nilai-nilai murni dalam karya penulisannya.

## **KERANGKA TEORETIS**

Teori Pengkaedahan Melayu yang merupakan sebuah teori yang dirintis oleh Hashim Awang (1989) adalah teori yang dipilih untuk menghasilkan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian

kerana teori ini sangat bersesuaian untuk menilai karya sastera Melayu yang memperlihatkan pegangan, moral dan etika dari setiap aspek kehidupan. Seterusnya, teori ini terbahagi kepada dua prinsip pengkaedahan iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan.

Pengkaedahan alamiah boleh difahami sebagai corak kehidupan masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupannya. Dalam konteks ini, alam memainkan peranan utama dalam menyediakan pengalaman, pengajaran, peluang pekerjaan, dan kebajikan. Di bawah pendekatan gunaan, sastera dianggap sebagai objek alam yang dicipta oleh manusia. Melalui pendekatan ini, sastera berperanan sebagai medium untuk menggambarkan peristiwa yang berhikmah dan memenuhi fungsi tertentu. Pendekatan moral pula merujuk kepada pengalaman hidup, sama ada positif atau negatif, yang ditekankan dalam sastera untuk menyampaikan pengajaran dan teladan kepada khalayak. Selain itu, pendekatan firasat berasaskan tanggapan bahawa karya sastera merupakan suatu peristiwa alam yang akan mencipta pengalaman hidup bagi insan. Di bawah pendekatan ini, suatu peristiwa dikaitkan dengan mimpi dan kemudiannya diertikan untuk mendapatkan makna daripada lambang-lambang tertentu.

Pengkaedahan keagamaan ialah satu penambahbaikan dalam Teori Pengkaedahan Melayu kerana agama Islam adalah aspek yang rapat kaitannya dan menjadi sokongan utama dalam kehidupan masyarakat Melayu. Di dalamnya, terdapat pendekatan dakwah yang menitikberatkan bahawa sastera tidak hanya berfungsi sebagai medium untuk meningkatkan keimanan, ketakwaan, dan kasih sayang umat manusia terhadap Allah, tetapi juga sebagai saluran untuk memperkembangkan agama Islam dan menunjukkan keagungan Allah. Pendekatan kemasyarakatan juga menekankan bahawa sastera berperanan sebagai alat untuk menyuarakan segala persoalan yang timbul dalam masyarakat, dengan tujuan mencapai kebaikan dan keadilan dalam kehidupan bersama sejalan dengan tuntutan agama Islam. Selain itu, pendekatan seni melihat keindahan dalam karya sebagai hasil dari nilai-nilai estetika Islam. Oleh itu, pendekatan seni menjadi elemen yang penting kerana tidak hanya memperlihatkan keindahan sastera Islam, tetapi juga dapat memperkuat keimanan, ketakwaan, serta rasa cinta dan kasih kepada Allah SWT. Dengan demikian, kajian ini mengaplikasikan semua pendekatan yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini.

## **METODOLOGI**

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat dua proses utama yang telah diaplikasikan untuk menjayakan kajian ini. Proses yang terlibat adalah proses pemerolehan data dan pemprosesan data. Pemerolehan data kualitatif dalam kajian ini telah diperolehi melalui analisis daripada teks sastera iaitu novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan (1994). Selain itu, penerapan kaedah perpustakaan turut diterapkan untuk mendapatkan sumber-sumber bacaan tambahan seperti buku, jurnal, dan kertas penyelidikan dengan matlamat meningkatkan kualiti kajian. Teknik pembacaan teliti secara berperingkat juga dilaksanakan untuk mendapatkan data secara



progresif. Oleh itu, penggunaan ketiga-tiga kaedah ini sangat relevan untuk memahami teks yang dikaji secara menyeluruh, memastikan data analisis yang diperoleh adalah autentik.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang telah dihasilkan, didapati bahawa terdapat penerapan Teori Pengkaedahan Melayu dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Kedua-dua pengkaedahan dalam teori ini iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan diterapkan menerusi pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan, juga pendekatan seni. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan dapatan daripada penganalisan terhadap novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*:

**Jadual 1:** Dapatan Analisis Teks Novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*

<b>Teori Pengkaedahan Melayu</b>	<b>Pengkaedahan Alamiah</b>	Firasat	√
		Gunaan	√
		Moral	√
	<b>Pengkaedahan Keagamaan</b>	Dakwah	√
		Kemasyarakatan	√
		Seni	√

## PERBINCANGAN

Berdasarkan jadual, analisis menunjukkan pengaplikasian tiga pendekatan dalam pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan dan pendekatan firasat. Analisis juga menunjukkan pengaplikasian tiga pendekatan dalam pengkaedahan keagamaan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Pengaplikasian kesemua pendekatan ini memberikan kekuatan kepada novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* dalam menyampaikan falsafah dan pemikiran Islam yang terkandung di dalamnya. Bukan itu sahaja, perkara ini juga dapat menyerlahkan kebijaksanaan pengkarya dalam menonjolkan keindahan dan kelebihan agama Islam dalam karyanya.

### *Pengkaedahan Alamiah*

#### *i) Pendekatan Firasat*

Pendekatan firasat ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera ialah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Pengalaman ini lazimnya dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup yang sering dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai

bermakna kepada kehidupan. Pendekatan ini ditelusuri dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* sebagaimana dalam petikan berikut:

“Malam tadi dia bermalam di rumah saya,” suara Pak Jais Suaranya hampir ditenggelami oleh percakapan-percakapan orang banyak. “Dia sudah masuk tidur kira-kira pukul sembilan malam. Malam yang panas membuat saya tidak tidur lena, dan dapat mendengar bunyi kapal terbang yang tinggi di atas desa ini. Akhirnya saya mengantuk sungguh-sungguh tetapi tatkala saya hampir meletakkan mata, saya terdengar dia terjaga dari tidur lalu menjerit. Ketika itu deru kapal terbang sudah agak lama hilang. Kenapa? Saya bertanya. Ah, tidak ada apa-apa pak cik; jawabnya. Hanya mimpi yang buruk. Mimpi yang buruk, katanya lagi. Tetapi ternyata mimpi itu sangat menggodanya. Dia gelisah sampai subuh menjelang, dan saya sendiri tak dapat meletakkan mata walau sepinggan pun kerana dia membalik balikkan badannya sampai membangkitkan bunyi yang agak bisung dan mengganggu.”

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 102)

Berdasarkan petikan di atas, Mansoor mengatakan kepada Pak Jais bahawa dia bermimpi buruk apabila dia bermalam di rumahnya. Bukan sekali sahaja dia mengatakan bahawa dia bermimpi buruk tetapi sebanyak dua kali sehingga membuatnya gelisah sehingga subuh menjelang.

Mimpi Mansoor menandakan suatu firasat tentang kejadian yang akan berlaku. Justeru, mimpi Mansoor mungkin memberikan gambaran makna kepadanya bahawa umurnya tidak panjang. Pengarang menggunakan sistem tanda iaitu mimpi sebagai penanda. Buktinya, mimpi yang dialami oleh Mansoor menjadi kenyataan apabila keesokan harinya dia telah ditemui mati oleh Pak Hassan dan mayatnya diheret oleh Mat Junuh. Mimpi Mansoor juga merupakan petanda bahawa ajalnya sudah tiba kerana hidup dan mati berada di bawah kuasa Tuhan Yang Maha Berkuasa.

## ii) *Pendekatan Gunaan*

Pendekatan gunaan menganggap bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek-objek alam, iaitu objek ciptaan manusia dan fungsi utama ciptaannya adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri. Oleh itu, pendekatan ini dapat diketengahkan dengan melihat gambaran alam dari aspek cakerawala, iklim, flora dan objek.

### a) Alam dari aspek cakerawala

Tidak ada cahaya merah di langit barat. Semuanya sudah kelam. Beberapa jam yang lalu matahari memancarkan kerlingannya yang menghabiskan buat hari ini. Senja tiba begitu cepat dan matahari lenyap daripada pandangan, di sebalik Selat Melaka yang nampak suram.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 12)

Matahari terus memanjat dan di sebalik Banjaran Gunung Titiwangsa sudah tergaris cahaya jernih yang lembut. Tidak lama lagi banjaran gunung itu akan kelihatan dengan jelasnya, sawah akan menjadi terang dan desa yang masih gelap itu pun akan terang benderang juga akhirnya.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 31)

Berdasarkan dua petikan di atas, pengarang memmanifestasikan pendekatan gunaan dengan melihat gambaran alam yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu melalui ilmu falak. Pemilihan diksi ‘tidak ada cahaya merah di langit barat’ mengungkapkan petanda bermulanya waktu malam. Selain itu, pemilihan diksi ‘senja tiba begitu cepat dan matahari lenyap dari pandangan’ membawa maksud bahawa proses pertukaran siang ke malam sudah pun berlaku kerana matahari sudah tidak kelihatan dan diganti dengan kepekatan malam. Pertukaran malam ke siang pula ditonjolkan pada pemilihan diksi ‘matahari terus memanjat’ yang membawa makna bahawa siang sudah pun menjelma. ‘Tidak lama lagi banjaran gunung itu akan kelihatan dengan jelasnya’ membawa makna bahawa cahaya dari matahari telah menerangi bumi sehingga alam sekitar dapat dilihat dengan jelas. Pertukaran siang dan malam sangat penting kerana manusia mencari rezeki pada waktu siang dan berehat pada waktu malam. Hubungan masyarakat Melayu dengan alam sangat rapat sehingga sebahagian nilai budaya masyarakat Melayu dijadikan sebagai unsur alam. Unsur alam ini menunjukkan kebesaran Tuhan dalam mencipta alam semesta sebagai renungan untuk umat manusia.

b) Alam dari aspek iklim

Ada angin bertiup dari arah Timur Laut. Api pelita di hujung sumbu menjadi begitu condong, hampir terpisah daripada sumbunya. Mujurlah tidak lama kemudian angin itu berlalu tanpa meninggalkan kesan buruk. Api itu kembali mencengkam kehitaman sumbu, dan bayang-bayang di dinding kembali bergetar.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 14)

Ketenangan malam ini tiba-tiba diganggu oleh angin Timur Laut yang datang lebih kuat melintasi rumah Ramli. Perabung rumahnya yang dibuat daripada zink berkelenteng beberapa saat sebelum angin itu pergi. Atap rumahnya juga bergegaran dan terangkat beberapa saat sebelum tersusun kembali. Sesudah itu sepi.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 28)

Malam bulan Disember selalu sahaja disirami hujan Monsun Timur Laut yang lebat. Walau pagi matahari muncul seketika sebelum dilindungi oleh awan-awan nipis berwarna kelabu. Akan tetapi, menjelang petang, awan-awan itu berubah warna menjadi hitam pekat lalu disambut oleh malam yang gelita. Hujan mencurah pada waktu senja, tetapi hujan jatuh pada waktu malam sering sahaja menakutkan kerana tidak akan berhenti sampai subuh menjelang, diikuti dengan angin kencang.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 35)

Berdasarkan tiga petikan di atas, unsur alam seperti ‘angin’ seringkali digunakan di dalam novel ini kerana angin memainkan peranan yang besar dalam keberhasilan pertunjukan persembahan Pak Hassan sebagai seorang penglipur lara. Jika cuaca tidak mengizinkan seperti berangin atau hujan, Pak Hassan tidak meneruskan kerjayanya untuk menghiburkan orang. Dalam masa yang sama, unsur angin yang seolah-olah menghalang kerjaya Pak Hassan sebagai seorang seniman juga dapat dikaitkan dengan kehadiran askar Jepun dan kemunculan radio di rumah Paman Bahari yang mana perkara tersebut telah memerangkap bakat dan kebolehan Pak Hassan sehingga masyarakat sedikit demi sedikit mula meminggirkan bidang penglipur lara. Dalam novel tersebut, kehadiran angin sering kali diletakkan sebagai unsur yang negatif seperti mengganggu pertunjukan persembahan Pak Hassan dan menggegarkan zink atap rumah. Oleh itu, unsur angin ini dapat dikaitkan dengan pelbagai halangan yang ditempuhi oleh Pak Hassan untuk meneruskan kerjayanya sebagai seorang seniman. Dalam kehidupan, unsur angin boleh mendatangkan positif dan juga boleh mendatangkan mudarat. Hal ini dikatakan demikian kerana angin berperanan meratakan dan menyeimbangkan tekanan udara dan angin juga boleh membawa kepada bencana seperti ribut taufan. Tuhan Maha Berkehendak dalam mengawal unsur angin kerana angin merupakan salah satu ciptaan-Nya.

c) Alam dari aspek flora

Aku ingin menjadi seperti pokok-pokok bakau di tepi selat sana, fikir Pak Hassan. Setiap hari ombak datang melanda pantai dan melanda pokok-pokok bakau itu. Pokok bakau yang paling hadapan, yang tak mungkin berundur ke belakang dan tak mungkin menipu waktu, akan tumbang jua akhirnya. Tumbang menyembah bumi. Itukan lumrah alam? Aku pun begitu juga. Tetapi pokok-pokok bakau itu menyiapkan penggantinya di belakang mereka. Jika aku hampir mati dan dalam sakaratul maut merapu tentang kekecewaanku yang tidak dapat mewariskan kebolehanku bertutur cerita kepada dia, pokok-pokok bakau itu jika boleh berkata, mungkin pada ketika akan rebah bersuara.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 80)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang mengaitkan unsur alam iaitu flora dengan dirinya. Tindakan watak Pak Hassan mendengar bunyi hempasan ombak menyebabkan dia terfikir ingin menjadi pokok-pokok bakau yang sentiasa berada di hadapan walaupun sentiasa dihempas ombak dan dicambuk angin. Pak Hassan menyamakan dirinya dengan ‘pokok-pokok bakau’ yang sentiasa bersedia menempuh pelbagai cabaran dan dugaan dalam hidup. Dalam masa yang sama juga, dia berharap supaya ada yang sudi menjadi waris sebagai penglipur lara yang merupakan seni tradisional. Perkara ini juga dikaitkan dengan ‘pokok bakau’ yang mana pokok-pokok bakau menyiapkan penggantinya di belakang jika tumbang. Maksudnya, Pak Hassan berharap supaya ketika dia meninggal dunia, ada yang menjadi pelapis bagi meneruskan kerjayanya supaya seni tradisional sentiasa hidup dalam masyarakat Melayu. Dalam konteks ini, pengarang mengaitkan fungsi alam dengan kehidupan masyarakat sebagai

bentuk penyampaian mesej. Hal ini dikatakan demikian kerana alam dan manusia mempunyai fungsinya tersendiri sebagai makhluk Allah.

d) Alam dari aspek objek

Berjalan di atas tambatan yang dingin itu dengan kaki telanjang, antara deretan api-api jalan, sedikit demi sedikit impiannya gugur seperti embun. Dia memasuki sebuah bandar yang kaku lagi sepi. Manakah bayangan keagungan masa lampaumu? Dia bertanya sendirian. Dia merindui bayangan masa lampau dan ingin menjelmakan kembali dalam khayalannya sebaik-baik sahaja sampai ke pelabuhan bersejarah itu melalui jalan laut. Akibatnya, bukan sahaja dia gagal membina semula bayangan masa lampau, malah badannya terasa begitu letih dan sakit-sakit dilambung ombak perjalanan.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 30)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang menggunakan objek alam yang diciptakan Tuhan sebagai mesej untuk menterjemahkan peristiwa yang berlaku dalam hidup watak Pak Hassan. Pengarang menggunakan objek alam seperti ‘embun’ untuk menunjukkan impian watak yang mula gugur sedikit demi sedikit. Dalam konteks ini, embun merupakan air dalam bentuk titik-titik kecil yang kelihatan pada objek nipis dan terdedah pada waktu pagi atau petang. Jadi, penggunaan diksi ‘sedikit demi sedikit impiannya gugur seperti embun’ membawa makna bahawa impian Pak Hassan yang mula pudar akibat tidak ada yang ingin mewarisi kerjayanya. Selain itu, terdapat juga objek alam yang digunakan oleh pengarang iaitu ‘ombak’ sebagai penterjemahan yang merupakan dugaan yang dihadapi oleh watak. Penggunaan diksi ‘malah badannya terasa begitu letih dan sakit-sakit dilambung ombak perjalanan’ membawa maksud bahawa watak Pak Hassan telah menempuhi pelbagai cobaan hidup yang bertubi-tubi. Contohnya, Pak Hassan bukan sahaja kehilangan isterinya, malah kedua-dua anaknya juga melarikan diri daripadanya. Dalam masa yang sama juga, kerjaya Pak Hassan sebagai seorang penglipur lara juga semakin tidak dipandang oleh masyarakat akibat kedatangan Jepun dan kewujudan radio pada zaman itu. Jadi, hakikatnya, objek alam di sekeliling kita dapat dikaitkan dengan setiap peristiwa yang berlaku dalam kehidupan kerana alam, manusia dan Tuhan merupakan perkara yang tidak dapat dipisahkan.

iii) ***Pendekatan Moral***

Pendekatan moral menyerlahkan pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang dapat dialami untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya agar dapat dijadikan cermin perbandingan atau contoh teladan yang terbaik. Oleh itu, novel *Hari-Hari Terakhir Sebagai Seniman* ini mencerminkan aspek moral umat manusia yang positif yang berupaya menjadi pengajaran dan membentuk pengetahuan khalayak dalam menjalani kehidupan. Buktinya:

“Assalamualaikum!” serunya. Orang-orang lelaki di sawahnya menegakkan badan, berhenti sebentar dan menyahut ucapan salam Pak Hassan. Kemudian Pak Hassan meneruskan percakapannya. “Saya mengucapkan terima kasih atas pertolongan serta gotong-royong

saudara-saudara. Mustahil dapat saya membalas budi saudara-saudara sekalian. Kepada Allah juga saya panjatkan doa agar Dia akan membalasnya .... Saya ingin duduk di atas batas ini sehinggalah kerja-kerja saudara-saudara selesai, tetapi saya kurang sihat hari ini. Jadi izinkanlah saya pulang dahulu.”

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 66)

Berdasarkan petikan di atas, watak orang kampung mewakili nilai moral yang positif dimana wujudnya sikap tolong-menolong dengan mengerjakan sawah milik Pak Hassan. Semua pekerjaan sawah seperti membajak, menanam padi, dan menuai dilakukan oleh orang kampung secara gotong-royong. Amalan tolong-menolong antara satu sama lain semuanya dilakukan dengan ikhlas dan penuh kejujuran kerana adanya semangat kekitaan yang begitu kuat sekali. Oleh hal yang demikian, mesej yang boleh diambil kira yang telah diutarakan sebagai panduan kepada khalayak agar sentiasa adanya semangat bermasyarakat dengan saling menolong bagi memudahkan sesuatu pekerjaan.

Dalam pada itu, novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* menyampaikan moral yang negatif untuk dijadikan sempadan dalam kehidupan menerusi watak Mansoor yang memperkosa anak Pak Hassan, iaitu Senah dan pada akhirnya mendapat balasan yang dapat dibuktikan berdasarkan petikan berikut:

“Kenapa? Kenapa Senah menangis?” Senah terus menangis. “Tak pernah dalam hidupmu engkau menangis begini, Senah,” ujar Pak Hassan. “Jika ada sesuatu menyedihkan engkau, barangkali itu tidak lain daripada satu peristiwa pada petang ayah memukul Mat Junih. Tetapi dalam peristiwa yang amat menyedihkan dan tidak dapat kita lupakan itu pun, engkau tidak menangis begini anakku. Kenapa, Senah? Apa yang membuat engkau begini sedih?” Senah tetap dalam tangisannya.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 86)

Mat Junuh terus menarik talinya, dan tidak lam kemudian Pak Hassan ternampak sesuatu di hujung tali sebaik-baik sahaja Mat Junuh berada di tengah halaman. “Itu orang Mat!” Pak Hassan bersuara, terperanjat. Pada ketika itu kedengaran periuk jatuh dari tangan Senah. Pak Hassan dengan susah payah bangun, lalu turun ke halaman. “Innalillahi wa innailaihi rojiun!” Pak Hassan mengucapkan setelah mendapati lelaki itu tidak bernyawa lagi. “Ini Mansoor, Mat!”

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 101)

Dua situasi berkenaan memperlihatkan kepincangan moral menerusi watak Mansoor. Situasi Senah yang diperkosa oleh Mansoor itu membuktikan terdapat mesej kemanusiaan dan peringatan kepada khalayak dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Perbuatan Mansoor amatlah tidak berperikemanusiaan dengan menodai dan memperkosa gadis dan akhirnya mendapat karma yang hebat daripada Allah.

## **Pengkaedahan Keagamaan**

### **i) Pendekatan Dakwah**

Pendekatan ini menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah dalam hasil kesusasteraan yang menghadirkan unsur-unsur Islam. Dalam Novel Hari-hari terakhir seorang seniman, pengarang memperlihatkan unsur dakwah menerusi perbualan nasib orang kampung berkaitan dengan zaman penjajahan Jepun. Pak Hassan berpegang teguh dan percaya kepada ketentuan Tuhan tentang perkara yang akan berlaku dalam petikan berikut:

“Allah yang Maha Mengetahui apa yang di langit dan apa yang di bumi. Allah yang maha tahu apa yang akan terjadi sebenarnya... Yang Seman katakan tadi cuma khabar angin Jepun hendak menyerang. Khabar bagi sesuatu yang belum terjadi hanyalah suatu kemungkinan belaka. Kun faya kun, kalau Allah mahu sesuatu itu jadi, maka jadilah. Tapi kalau Allah tidak menghendaknya, sesuatu itu takkan terjadi.”

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 18)

Berdasarkan petikan tersebut, ternyata Pak Hassan memiliki pemikiran yang berserah kepada ketentuan Tuhan. Dia membantah dan tidak mempercayai kenyataan yang dikeluarkan oleh Seman berkaitan khabar angin tentang pihak Jepun hendak menyerang mereka. Malah, Pak Hassan menekankan tentang ketentuan Tuhan dan mengatakan bahawa hanya Tuhan yang mengetahui apa yang akan berlaku dalam kehidupan mereka. “*Kun faya kun*”, itulah ayat yang diutarakan oleh Pak Hassan yang bermaksud kalau Allah mahu sesuatu terjadi, maka terjadilah ia. Berdasarkan petikan tersebut juga, pengarang sebenarnya ingin menyampaikan dakwahnya iaitu kita haruslah sentiasa mempercayai kepada semua ketentuan Allah yang mahakuasa. Kita seharusnya tidak khawatir dan terlalu resah memikirkan hal-hal duniawi melainkan percaya kepada ketentuan Tuhan.

### **ii) Pendekatan Kemasyarakatan**

Pendekatan kemasyarakatan memberikan fokus terhadap usaha untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat menerusi karya sastera. Secara tidak langsung, pendekatan ini meletakkan sastera untuk masyarakat dari perspektif Islam. Pendekatan ini dipaparkan dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* menerusi watak-watak penduduk desa P.S. yang boleh dijadikan suri teladan oleh khalayak sebagaimana pembuktiannya:

Beberapa minit kemudian Ismail sampai dengan dua batang bambu panjang di tangannya. Kemudian Berahim tiba sambil melepaskan dua helai guni padi dari tangannya. Cepat-cepat Ramli dan Ismail membuat usungan. Dua batang bambu itu meregangkan bahagian kanan dan kiri guni padi. Ramli mengangkat bahu mayat itu sementara Ismail mengangkat bahagian kaki. Mayat itu diletakkan di atas usungan. "Baiklah kita uruskan cepat!" suara Ramli. Empat orang

pemuda mengangkat dan mengusung mayat itu. Ramli mendahului usungan tersebut. Enam orang lagi mengikutinya.

(Anwar Ridhwan, 1994, p. 103)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang mengetengahkan watak Ismail, Ramli, Berahim dan beberapa orang penduduk desa P.S. yang lain yang mementingkan kesejahteraan orang lain dengan menghulurkan bantuan berbentuk tenaga kerja untuk menguruskan urusan pengebumian Mansoor setelah mayat ditemui oleh Mat Junuh dan Pak Hassan. Perbuatan penduduk desa P.S. merupakan contoh umat yang mencintai kesejahteraan bermasyarakat yang bertindak dengan pantas dan tidak melengahkan urusan pengebumian kerana ajaran Islam mendidik umatnya untuk tidak melambatkan pengebumian. Pertolongan yang dilakukan dengan keikhlasan juga akan mendapat balasan daripada Allah yang berkuasa selain berupaya memberikan teladan yang terbaik kepada umat Islam yang lain agar meringankan kesusahan orang lain.

### **Pendekatan Seni**

Pendekatan seni diperlihatkan menerusi keindahan yang sifat dan tuntutan menjadi objek penelitian untuk ditemukan dalam sastera menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya sama ada menerusi bentuk luaran dan dalaman.

Novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* memaparkan nilai-nilai estetika dan etika Islam yang mematuhi seruan dan pegangan akidah, ajaran dan fahaman Islam yang ditelusuri menerusi tema dan watak yang diketengahkan oleh pengarang. Dalam novel ini, pemikiran keagamaan dapat ditonjolkan kerana tema-tema yang menzahirkan unsur-unsur Islam dan diperlihatkan menerusi perlakuan watak dalam pelbagai peristiwa. Dalam novel ini, pemikiran keagamaan ini dapat ditunjukkan melalui perlakuan Pak Hassan yang selalu menunaikan ibadahnya sebagai umat Islam. Misalnya, kedua-dua belah kaki Pak Hassan sangatlah sakit dan sulit untuk dia bergerak. Maka, pergerakan Pak Hassan sangatlah terhad. Namun, Pak Hassan tetap menunaikan ibadahnya untuk bersembahyang. Dia sanggup berdiri dan menggagahkan dirinya untuk bangun walaupun dia berdiri agak bongkok sedikit tetapi dia tetap mengarahkan dadanya ke arah kiblat yang betul dan Pak Hassan juga ada membaca niat sembahyang maghrib.

Berdasarkan contoh yang dinyatakan di atas, kiblat merupakan arah yang menghala ke Kaabah di Masjidil Haram di Mekah yang digunakan oleh orang Islam dalam pelbagai konteks agama, terutamanya arah sembahyang untuk solat. Kiblat ini merupakan salah satu syarat sah solat. Hal ini dikatakan demikian kerana Firman Allah SWT ada menyatakan dalam surah al-Baqarah ayat 150 yang bermaksud: Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Sembahyang maghrib pula dilakukan setelah terbenamnya matahari dari sebelah barat dan mempunyai tiga rakaat. Lafaz niat sembahyang maghrib dibaca ketika sudah berdiri tegak menghadap kiblat. Niat



sembahyang maghrib adalah "Sahaja aku menunaikan solat maghrib tiga rakaat tunai kerana Allah taala". Niat dalam sembahyang merupakan perkara yang wajib dilakukan kerana ia merupakan salah satu antara tiga belas rukun solat. Hal ini bermakna jika niat sembahyang tidak dilakukan, solat akan menjadi tidak sah.

Selain itu, fahaman Islam juga dapat ditelusuri dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* berdasarkan petikan berikut:

“Itu adalah tanda bahawa seorang insan di desa itu telah berangkat untuk menemui Allah di alam baqa.”

(Anwar Ridhwan, 1994, p.83)

Petikan di atas menunjukkan bahawa setiap yang bernyawa pasti akan menemui ajal juga pada akhirnya. Dalam agama Islam, umat Islam percaya bahawa alam selepas mati merupakan alam baqa iaitu alam yang kekal manakala kehidupan dunia ini hanyalah sementara sahaja. Selepas meninggal dunia, umat manusia akan berpindah ke alam baqa iaitu alam akhirat. Roh mereka akan menemui Allah dan akan dipertimbangkan amalan mereka untuk menentukan destinasi terakhir mereka iaitu sama ada syurga atau neraka.

Pendekatan seni turut diperlihatkan menerusi keindahan gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang. Novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* memaparkan gaya bahasa iaitu diksi. Diksi merupakan pemilihan dan penggunaan kata yang tepat. Misalnya, dalam novel ini banyak menggunakan bahasa Arab seperti ‘Allah’, ‘Kun faya kun’ yang bermaksud jadi maka jadilah, ‘Alhamdulillah’, ‘Al-Fatihah’, ‘al-Quran’, ‘Allahu Akbar’, ‘Muharam’ dan ‘Allahyarhamah’.

Penggunaan ayat-ayat al-Quran juga dapat dilihat dalam novel ini bagi memperkukuh tapak-tapak asas yang murni lagi suci iaitu keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah. Buktinya, dalam novel ini terdapat peristiwa seorang lelaki tua membaca surah Al-Fatihah di kuburan untuk arwah isterinya yang sudah meninggal. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam Islam, surah Al-Fatihah dibaca untuk orang yang sudah meninggal dunia sebagai menghadihkan pahala untuk arwah. Perkara ini juga menjadi amalan masyarakat kini apabila mereka mendapat berita orang yang meninggal dunia. Surah al-Fatihah mempunyai banyak kelebihan dan merupakan surah pertama di dalam al-Quran. Buktinya:

Kuburan yang sudah berusia kira-kira tujuh belas tahun itu kini nampak bersih kerana baru seminggu yang lalu dia sendiri datang membuang lalang dan rumput-rumpai lain di atasnya. Hanya kayu nisan yang telah berusia, yang menyerlahkan urat-urat terakhirnya agak menghodohkan permukaan kubur yang rata itu.

Lelaki tua itu membaca surah al-Fatihah dengan perlahan sebelum memanjatkan sepotong doa kepada Allah, memohon agar roh isterinya akan ditempatkan Allah bersama roh hamba-hambanya yang dikasihi.

(Anwar Ridhwan, 1994, p.3)

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, perbincangan terhadap novel Hari-hari Terakhir Seorang Seniman Edisi Pelajar karya Anwar Ridhwan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) memberikan wawasan mendalam terhadap hubungan antara elemen sastera Melayu dan penyampaian nilai-nilai keagamaan. Melalui penerapan Teori Pengkaedahan Melayu, kajian ini berhasil mengidentifikasi dan menjelaskan bagaimana penulis menggunakan struktur, bahasa dan unsur-unsur kebudayaan Melayu untuk menyampaikan mesej-mesej keagamaan. Bukan itu sahaja, kajian ini juga membuktikan pengarang berusaha menyampaikan idea, ideologi, dan falsafah keislaman sebagai usaha mendalam untuk memperkaya pengetahuan dan memberikan pengajaran kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca dapat mengambil iktibar melalui isu-isu dan peristiwa yang ditekankan serta membawa kepada peningkatan kualiti hidup sebagai seorang Muslim yang autentik. Oleh itu, usaha menghasilkan karya sastera Islam sejenis seharusnya ditingkatkan agar dapat menjadi medium efektif dalam menyampaikan ilmu mengikut prinsip-prinsip agama Islam.

## RUJUKAN

- Anwar Ridhwan. (1994). *Hari-hari terakhir seorang seniman*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada perspektif pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam kumpulan cerpen Melamar Rindu oleh Osman Ayob melalui dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Jumali Hj. Selamat (2009). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12, 19-37.
- Mastura Othman. (2022). Nilai-nilai kemanusiaan dalam novel Srengenge karya Shahnnon Ahmad: Aplikasi teori pengkaedahan Melayu. *Final Year Project Thesis*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Mawar Safei. (2019). *Pemikiran sasterawan negara Anwar Ridhwan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sara Beden & Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek. (2022). Novel Arus Benua: Persepektif Pengkaedahan Melayu. *International Conference On Malay, Arabic & English Literature 2022 (ICMAEL 2022)*. Penerbit UniSZA.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman: Analisis teori pengkaedahan Melayu. *International Journal*

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

*of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL), 7, 47-63. Penerbit Universiti*  
*Malaysia Pahang.*

## NOVEL *SUNGAI* KARYA SHAHNON AHMAD: ANALISIS BERDASARKAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Felicia Wendy Kennedy  
Audrea Flennysha Jackie

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Kajian ini menganalisis karya sastera *Sungai* karya Shahnnon Ahmad dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang merupakan sebuah teori yang telah dirintis oleh tokoh sastera, iaitu Hashim Awang. Didapati bahawa teori ini sesuai digunakan untuk mengkaji karya sastera *Sungai* ini adalah kerana karya ini banyak menggunakan unsur alam yang menjurus kepada objek yang mempunyai fungsi yang sama dengan objek ciptaan Tuhan. Penciptaan sesebuah karya selalunya berasaskan idea yang datang dengan imaginasi penulis itu sendiri. Karya sastera itu terhasil daripada gabungan idea, kepekaan dan keprihatinan seseorang penulis itu terhadap permasalahan yang dialami oleh masyarakat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Sungai* karya Shahnnon Ahmad ini. Dapatan kajian menunjukkan beberapa pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan firasat, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni dalam setiap pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu dalam novel *Sungai* karya Shahnnon Ahmad ini telah diperincikan dengan baik. Melalui dapatan kajian ini, kita dapat meneliti kualiti sebuah karya sastera itu sendiri. Tuntasnya, kewujudan Teori Pengkaedahan Melayu ini berupaya untuk menzahirkan unsur-unsur keislaman dalam setiap karya yang diciptanya. Kesimpulannya, penghasilan karya menjadi lebih bernilai dan mempunyai kualiti yang boleh mengembangkan agama Islam ke arah yang lebih baik.

**Kata Kunci:** *Sungai, Teori Pengkaedahan Melayu, Pendekatan, Menilai, Keagamaan*

### PENGENALAN

Alam adalah sesuatu yang sangat dominan dalam karya sastera *Sungai* karya Shahnnon Ahmad ini. Novel ini berkisarkan sebuah penceritaan yang menjadikan sumber alam sebagai salur para manusia menasihati antara satu sama lain dalam menjaga keharmonian alam sekitar dan menerapkan nilai moral dalam diri setiap individu. Jelas terbukti bahawa penulis telah menyatupadukan unsur alam dengan kehidupan manusia. Dalam karya sastera ini, sungai dijadikan sebagai watak utama yang menyatakan tentang kepincangan manusia yang sering berlaku kejam terhadap sungai. Kisah ini menceritakan kehidupan seorang Sungai yang menghadapi berbagai rintangan dalam perjalanannya. Sungai menyaksikan manusia membuang sampah ke dalamnya, yang seharusnya tidak dilakukan oleh sesama manusia.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis novel *Sungai* karya Shahnnon Ahmad (1995) menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang telah dirintis oleh Hashim Awang pada tahun 1980-an.

## SOROTAN LITERATUR

Azura Abdullah (2000) telah menjalankan sorotan kajian lepas dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui kajiannya yang bertajuk *Kepentingan Cerita Rakyat kepada Kanak-Kanak* dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis budaya Melayu yang terdapat dalam cerita binatang dari pandangan kanak-kanak. Berdasarkan kajian tersebut, beliau mendapati bahawa cerita tersebut menggunakan pelbagai watak yang menerapkan budaya Melayu seperti nilai-nilai murni yang dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat. Bukan itu sahaja, sikap yang positif dalam kalangan kanak-kanak dapat dikembangkan melalui penerapan budaya Melayu dalam sahsiah diri mereka.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) telah mengenal pasti nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu menerusi kajian mereka yang bertajuk *Nilai Baik Hati menerusi Cerita Rakyat Melayu pada Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Berdasarkan kajian, didapati bahawa penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu sesuai digunakan untuk mengkaji nilai-nilai positif kerana terdapat unsur keagamaan. Justeru itu, teori ini telah menjadi suatu keutamaan bagi memantapkan lagi analisis sesuatu kajian. Dengan kajian yang telah dijalankan, telah terbukti bahawa nilai murni dapat menjadi pedoman dan teladan kepada masyarakat Melayu.

Selain itu, Siti Zubaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2014) turut mengkaji cerita rakyat menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang bertajuk *Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-kanak* yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan teori, konflik dapat dikaji dengan menggunakan pendekatan yang ada dalam pendekatan alamiah kerana didapati bahawa pendekatan ini mengkaji sikap dalam diri setiap individu. Kajian ini menunjukkan kesan apabila akal budi masyarakat Melayu dahulu dapat memberikan pengajaran kepada mereka berkenaan dengan peristiwa yang telah lalu.

Seterusnya, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) sekali lagi melakukan kajian dengan tajuk beliau yang berfokuskan *Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19*. Beliau menekankan pelbagai pendekatan melalui kajian tersebut bagi menyelesaikan segala pertelingkahan yang berlaku. Pengurusan diri dan sikap positif dalam menghadapi sesuatu adalah perkara yang sangat dipraktikkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu agar dapat membentuk insan yang mulia dari segi pelbagai aspek. Hasil kajian yang dilakukan telah menunjukkan bahawa kaedah tertentu dapat digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menguruskan masalah-masalah konflik.

Chong Ah Fok (2018) membuat kajian yang bertajuk *Prinsip dan Konsep Moral Alamiah dalam Novel S.A.B.A.* Kajian ini menyatakan bahawa teori moral alamiah wujud berdasarkan prinsip dan konsep utama dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan alamiah didapati berkesan untuk digunakan dalam kajian ini kerana teori ini berkait rapat dengan kajian. Hasil penelitian penulis terhadap teori ini telah memunculkan idea baharu dengan menjadi perubah kepada teori ini dan menjadikannya sebagai teori moral alamiah.

Akhir sekali, kajian yang telah dijalankan oleh Syaidul Azam Bin Kamarudin (2011) yang bertajuk *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi A. Aziz Deraman* telah memberi penumpuan kepada aspek-aspek jati diri Melayu yang terkandung dalam beberapa puisi yang dikaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengaplikasian teori ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek-aspek jati diri Melayu yang ada dalam puisi. Kajian terhadap puisi-puisi ini banyak memberi manfaat kepada Teori Pengkaedahan Melayu kerana banyak dapatan yang didapati menerusi kajian ini.

## **KERANGKA TEORETIS**

Kajian ini menggunakan Gagasan Teori Pengkaedahan Melayu yang telah dikemukakan oleh Hashim Awang dalam seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu pada tahun 1989. Teori Pengkaedahan Melayu ini dicipta berdasarkan kehidupan dan kebudayaan Melayu seperti cara, sikap dan kepercayaan orang Melayu. Selain itu, teori ini juga lahir dari hati yang nurani dan daya kreativiti bangsa Melayu beragama, berbudaya, beridentiti dan bermaruah. Sifat-sifat Masyarakat Melayu yang unik, kreatif dan akrab dengan alam sekeliling menimbulkan kepekaan terhadap segala kejadian di sekitar mereka. Dengan itu, maka tercetuslah hasil-hasil karya yang halus serta indah.

Menurut Hashim Awang semasa Wacana Teori Pengkaedahan Melayu dan Islam pada 20 September 1997, kita sewajarnya membentuk atau membina satu pengkaedahan sastera yang berlandaskan alam dan masyarakat kita yang melambangkan jati diri bangsa Melayu sebagai wadah dan warisan budaya bangsa. Kedua-dua unsur ini saling berkaitan. Malah unsur tersebut boleh mempengaruhi sebahagian besar dunia kesusasteraan Melayu. Oleh itu, Teori Pengkaedahan Melayu yang dihasilkan oleh Prof. Hashim Awang dikemukakan dengan berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Melayu yang melahirkan karya sasteranya sendiri. Beliau turut membahagikan Teori Pengkaedahan Melayu kepada dua, iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan ini tidak dapat beranggap sebagai pengkaedahan yang berlainan kerana saling berkaitan antara satu sama lain.

### **Pengkaedahan Alamiah**

Pengkaedahan alamiah adalah berteraskan kehidupan masyarakat yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri mereka. Masyarakat Melayu menjalani kehidupan dengan

berpolakan kepada pergerakan dan pengisian alam seolah-olah sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan mereka (Hashim, 2002). Dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini, alam dijadikan sebagai faktor utama untuk memberikan pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebaikan. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu amat mempercayai kejadian yang berbentuk anamisme dan semangat kerana dikatakan bahawa setiap makhluk mempunyai penunggu dan semangat yang luar biasa (Hashim, 2002). Hashim Awang telah menjelaskan tiga pendekatan yang terdapat dalam pengkaedahan alamiah, iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

Pendekatan Gunaan adalah satu pendekatan yang beranggapan bahawa salah satu daripada objek-objek alam itu merupakan objek ciptaan Tuhan dan sastera merupakan objek ciptaan manusia yang mempunyai fungsi yang sama dengan alam. Hal ini dikatakan kerana fungsi sastera ialah untuk dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri. Turut sama dengan objek ciptaan Tuhan iaitu alam yang berfungsi untuk memberi kehidupan kepada manusia. Zurnah Hassan (2010), mengatakan bahawa kejadiannya atau ciptaannya itu mempunyai sebab, hikmah, fungsi tujuan serta ukuran dan imbangannya.

Pendekatan Moral merupakan lanjutan daripada pendekatan gunaan yang timbul ekoran daripada tanggapan sastera yang dianggap sebagai objek alam dan juga merupakan salah satu daripada pengalaman hidup. Pengalaman tersebut biasanya berkaitan dengan sesuatu peristiwa yang pernah dialami dan maklumat tentang suasana persekitaran mereka. Setiap gerak laku manusia dapat dinilai menggunakan aspek positif dan negatif untuk dijadikan sebagai sumber teladan dan pengajaran. Proses pembentukan karya sastera memerlukan pengumpulan bahan penulisan yang berdasarkan pengalaman dan sesuatu yang berguna bagi menambah ilmu pengetahuan. Hal ini kerana sesuatu karya sastera itu hendaklah mengandungi pengalaman dan pengajaran yang dapat menjadi sumber teladan kepada pembaca di samping mempunyai nilai-nilai yang estetik. Moral turut berkait rapat kepada permasalahan pengalaman ilmu-ilmu yang boleh diambil atau diteroka dalam karya sastera.

Pendekatan Firasat mempunyai definisi yang sama dengan pendekatan moral yang menganggap sastera sebagai suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Hal ini dikaitkan dengan mimpi iaitu kejadian alam yang mempunyai atau pengertian melalui tafsiran tersendiri. Mimpi juga dikatakan sebagai suatu pengalaman hidup yang penuh misteri. Karya sastera dikaitkan dengan mimpi namun dilakukan secara sedar. Seiring dengan proses penciptaannya, sastera menyerupai kejadian suatu mimpi. Penemuan itu hanya dapat dilakukan melalui proses tafsiran. Penyampaian sastera berbentuk mimpi mempunyai pelbagai corak dan teknik penyampaian. Karya yang bermutu tinggi hendaklah mempunyai lapisan demi lapisan dan mempunyai makna yang kukuh. Memahami makna tersirat dalam sesebuah mimpi memerlukan tafsiran yang hanya dapat dilakukan melalui pemahaman penanda yang terdapat pada lapis tersurat.

### **Pengkaedahan Keagamaan**

Suatu pengkaedahan yang berdasarkan keimanan yang bertunjangkan agama Islam. Sumber yang menjadi rujukan yang sahih dalam pengkaedahan ini ialah Al-Quran dan Hadis. Tujuan pembentukannya adalah bagi menyerlahkan lagi sifat-sifat keagungan Allah dengan mempertingkatkan ketakwaan terhadap Allah. Hashim Awang telah mengetengahkan tiga pendekatan yang mempunyai kaitan antara satu sama lain dan memberi penekanan kepada tiga nilai utama dalam sastera Islam iaitu estetika, moral dan keagungan Allah. Pendekatan yang dikemukakan ialah pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni (Hashim Awang, 1994).

Pendekatan Dakwah dalam menganggap sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seorang insan terhadap Allah SWT. Setiap karya sastera dilihat dapat menyampaikan persoalan-persoalan dan sifat-sifat yang mengagungkan kekuasaan Allah. Dengan itu, pendekatan dakwah menilai sastera mampu untuk menjelaskan kemurnian dan kelebihan agama Islam dalam setiap karya yang dicipta. Hashim Awang (2002), menyatakan bahawa karya sastera juga boleh memaparkan kesucian agama Islam dan menjadi alat untuk mengembangkan agama Islam.

Pendekatan Kemasyarakatan menekankan unsur kebaikan dalam sesebuah karya sastera itu. Karya sastera telah dianggap sebagai pendedahan kepada segala persoalan yang menjurus ke arah mencari kebaikan dan mendapatkan keadilan dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks ini, sastera dijadikan media untuk mendedahkan segala ketidakadilan, penipuan, kepura-puraan, rasuah dan pelbagai permasalahan yang dianggap menjadi punca kepincangan masyarakat dan keimanan seseorang insan. Hashim Awang (1994) berpendapat bahawa kajian ini mungkin menimbulkan kajian yang berkaitan dengan soal syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial dan politik dari sudut keIslaman.

Pendekatan Seni merupakan pendekatan yang digunakan untuk memaparkan konsep keindahan dalam sesebuah karya. Mana Sikana (2009) menegaskan bahawa estetik dalam penulisan Islam mampu menggalakkan para penulis untuk menggunakan perkataan yang sah dan sahih, sedap didengar dan tidak buruk dari segi bunyi atau makna. Menurut Hashim Awang (1998), keindahan adalah berteraskan tauhid. Beliau menegaskan bahawa penghasilan atau penulisan sastera juga merupakan suatu amalan yang turut dituntut. Pembentukan sastera Melayu yang bersifat sendiri hendaklah diteliti daripada kaedah dan pendekatan yang tersendiri.

Tuntasnya, Hashim Awang (1998) telah memfokuskan teori ini kepada kehidupan masyarakat Melayu yang dibina dalam Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan. Malah, teori-teori Barat dikatakan tidak sesuai digunakan untuk menilai mana-mana karya sastera Melayu kerana mempunyai perspektif yang berbeza dari segi kehidupan, cara menilai dan pemahaman budaya. Teori Pengkaedahan Melayu sudah berkembang selama 28 tahun iaitu dari 1989 hingga 2017. Oleh itu, kemantapan teori ini telah dibuktikan berdasarkan tempoh teori ini telah dihasilkan dan pengalaman karyawan itu sendiri.



## METODOLOGI

Menurut Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), metodologi membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Menurut Lexy (2007), pendekatan kualitatif adalah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati, tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara fundamental bergantung kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya. Kajian ini menekankan pemahaman mendalam terhadap konteks, proses penceritaan, dan makna situasi atau fenomena yang berlaku dalam novel "Sungai" karya Shahnnon Ahmad. Pendekatan kualitatif ini menunjukkan bahawa pengarang dapat menghayati dan memahami pengalaman serta perasaan yang terpancar dalam jiwa pembaca semasa membaca karya tersebut.

## DAPATAN /PERBINCANGAN

Jadual 1: *Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*

Teori Pengkaedahan Melayu	
Pendekatan Gunaan	/
Pendekatan Moral	/
Pendekatan Firasat	
Pendekatan Dakwah	/
Pendekatan Kemasyarakatan	/
Pendekatan Seni	/

Dalam novel *Sungai* karya Shahnnon Ahmad, terdapat pendekatan moral yang menonjol iaitu wujudnya sikap manusia yang lupa diri dan tidak menghargai sumber alam. Sikap manusia yang digambarkan oleh pengarang berkaitan dengan pendekatan moral kerana sikap ini bertujuan menyadarkan pembaca untuk memelihara alam dan tidak lupa diri. Buktinya, dalam halaman 152 novel *Sungai*,

“Mereka dibesarkan dengan kasih sayang tapi sayangnya, kasih sayang tidak pernah dibawa bersama dalam perjalanan dari hulu ke kuala itu. Mereka menjadi lupa daratan dan lupa kepada diri mereka sendiri. Mereka melupakan Allah sama sekali.”

(Shahnnon Ahmad, 1995, p.152)

Hal ini menjelaskan bahawa sikap manusia yang digambarkan dalam novel *Sungai* adalah bersifat negatif iaitu sikap lupa diri dan tidak memiliki kasih sayang terhadap ciptaan Tuhan iaitu sungai. Akibatnya, sumber alam ini akan tercemar oleh manusia sikap berdampak buruk kepada manusia itu sendiri dan mahluk-mahluk yang lain. Pengajaran yang ingin diketengahkan oleh pengarang melalui sikap manusia ini adalah manusia itu sendiri haruslah

menghargai dan memelihara sumber alam seperti sungai, angin, matahari dan sebagainya kerana manusia sangat bergantung kepada sumber-sumber ciptaan Tuhan ini.

Sikap Sungai yang digambarkan oleh pengarang berkaitan dengan pendekatan moral kerana sikap ini bertujuan menyedarkan pembaca untuk tidak mudah berputus asa dalam melakukan kebaikan lebih-lebih lagi atas kebesaran Tuhan. Buktinya, dalam halaman 192 novel *Sungai*,

“Benar aku hanya sebatang sungai yang telah lumpuh dan lemah tapi dengan bantuan angin dan hujan, aku akan bangun kembali... Percayalah bahawa perjuangan dan pakatan ini adalah perjuangan yang terakhir dan disusun oleh Allah kerana Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana”

(Shahnon Ahmad, 1995, p.192)

Hal ini menjelaskan bahawa sikap Sungai yang digambarkan dalam novel *Sungai* adalah bersifat positif iaitu sikap perjuangan bagi menegakkan kebenaran dan keadilan atas nama iaitu Allah. Akibatnya, manusia harus sedar dan berusaha menjaga dan menghargai sumber alam supaya sumber alam tidak menjatuhkan bencana terhadap mereka. Pengajaran yang ingin diketengahkan oleh pengarang melalui sikap Sungai ini adalah manusia itu sendiri haruslah menghargai dan memelihara sumber alam seperti sungai, angin, matahari dan sebagainya kerana manusia sangat bergantung kepada sumber-sumber ciptaan Tuhan ini.

### **Pendekatan Gunaan**

Dalam novel *Sungai* karya Shahnon Ahmad, terdapat pendekatan gunaan yang menonjol iaitu karya sastera ini banyak menampilkan objek ciptaan Tuhan seperti ombak, banjir, sungai, matahari, angin, guruh dan halilintar yang banyak berjasa dalam kehidupan manusia. Pendekatan gunaan dalam karya ini menunjukkan bahawa objek alam, seperti “mentari” atau matahari dicipta oleh Allah atas sebab yang tertentu. Pengarang bukan sahaja memperlihatkan objek alam iaitu matahari sebagai hiasan semata-mata dalam karya, malahan pengarang menjelaskan sebab, fungsi dan tujuan matahari itu dicipta oleh Allah. Buktinya, pada halaman 135 novel *Sungai*.

“Hutan belantara yang tebal menujuh langit. Mentari yang senantiasa bersinar dan menyinari orang lain serta angin yang kencang dan kadang-kadang mati separuh perjalanan. Hal ini menunjukkan bahawa objek ciptaan Tuhan, “mentari” atau lebih dikenali sebagai matahari berfungsi sebagai sumber cahaya kepada segala ciptaan Tuhan yang lain termasuk manusia. Tanpa sumber cahaya yang menerangi jalan kehidupan umat manusia, manusia sudah tentu akan sesat dalam kegelapan yang tidak berkesudahan.

(Shahnon Ahmad, 1995, p.135)

Pendekatan gunaan turut dapat dikesan melalui kepentingan sungai kepada manusia dan hidupan yang lain di dunia. Misalnya pada muka surat 242, terdapat petikan,

‘dan mereka riuh-rendah di pangkalan itu membasuh kain dan bermain airku sampai tumpu mentari menikam ubun-ubun, dan petangnya mereka datang lagi dengan membawa basuhan yang banyak.’” Melalui petikan tersebut, jelas Tuhan menghadirkan sungai di bumi bukan sebagai hiasan untuk mengindahkan pemandangan semata-mata malah mendatangkan pelbagai manfaat kepada hidupan lain. Sungai menjadi habitat kepada hidupan akuatik agar hidupan akuatik terus kekal hidup.

(Shahnon Ahmad, 1995, p.242)

Sungai turut menjadi sumber air bersih kepada hidupan di bumi sebagai sumber minuman agar hidupan di bumi tetap hidup. Sungai yang membekalkan air bersih turut membolehkan manusia mencuci pakaian kotor dan membersihkan diri agar terhindar dari penyakit seperti penyakit kulit. Sungai turut berguna dalam kitaran air di bumi dalam proses pembentukan hujan agar ekosistem bumi terjaga. Jelas Tuhan menghadirkan unsur-unsur alam yang bermanfaat kepada hidupan lain agar hidupan di bumi tetap terjaga. Unsur-unsur alam yang diberikan oleh Tuhan turut harus dijaga oleh manusia agar manusia tetap mampu menikmati manfaat unsur-unsur alam ini selain mengurangkan risiko bencana alam.

### **Pendekatan Dakwah**

Berdasarkan kajian pada novel *Sungai*, Karya *Shahnon Ahmad* ini, terdapat beberapa pendekatan dakwah yang ditonjolkan dengan contoh ayat yang sesuai. Hal-hal yang diketengahkan mempunyai banyak unsur-unsur keagamaan yang boleh dikaitkan dengan Allah dan masyarakat yang tertanya akan kewujudan-Nya.

"Bukankah itu yang dikehendaki oleh Allah? Bukankah begitu yang Allah minta kita bertindak?" telah membuktikan bahawa pengarang sangat mempercayai kewujudan Allah dan memberi penekanan kepada pembaca untuk mempercayai dan sentiasa beringat kepada kuasa-Nya. Setiap yang berada di muka bumi ini akan binasa. Bukankah itu janji Allah, alahai hujam dan angin? Lupakah kita tentang janji itu yang kekal dalam Ar-Rahman, ayat 26-27?" telah memberi maksud bahawa Allah yang mencipta segalanya. Ayat ini menyatakan bahawa segala yang ada di dunia ini hanya pinjaman Tuhan dan akan diambil balik pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, kita hendaklah bersyukur dengan apa yang ada dan hargai apa yang dimiliki kerana tidak semuanya akan kekal selamanya.

(Shahnon Ahmad, 1995, p. 240)

Terbukti bahawa pengarang mengaitkan unsur keagamaan dalam beberapa peristiwa dimana pengarang menambah nilai ketuhanan yang menjurus kepada kuasa Allah.

### **Pendekatan Kemasyarakatan**

Novel *Sungai* karya *Shahnon Ahmad*, terdapat pendekatan kemasyarakatan yang menonjol iaitu wujudnya masyarakat manusia yang zalim dan pentingkan diri. Pengarang

menggambarkan masyarakat manusia yang zalim dan pentingkan diri melalui sikap masyarakat yang menjadi punca kepada kekotoran dan pencemaran sungai sehingga menyebabkan keadaan sungai tidak seperti fitrahnya. Contohnya, pengarang menonjolkan sikap masyarakat yang menjadikan sungai sebagai tong sampah dan membuang sisa-sisa najis mereka ke dalam sungai, sehingga menyebabkan sungai yang kelihatan indah dan tenang menjadi tempat yang dipenuhi sampah sarap dan busuk.

Oleh itu, sungai telah menganggap bahawa masyarakat manusia ini sebagai masyarakat yang kejam, tidak beradab dan mementingkan diri, sedangkan sungai inilah menjadi sumber yang penting untuk menghidupkan mereka dan makhluk-makhluk namun dimusnahkan oleh manusia yang zalim lagi rakus. Walaupun pengarang meletakkan sikap masyarakat yang negatif namun, sebagai umat manusia, kita hendaklah sentiasa berbuat baik yang sentiasa membawa kepada kesejahteraan hidup kerana Allah Swt menuntut umat-Nya untuk sentiasa berbuat baik dengan semua golongan makhluk didunia supaya untuk mendapat keberkatan dan kedamaian hidup.

Seterusnya, pengarang menggambarkan Sungai sebagai watak yang positif yang bertindak sebagai medium untuk menyedarkan manusia akan kezaliman mereka dan sikap egois yang menyebabkan pencemaran sungai. Sungai memiliki kekuatan untuk membawa bencana seperti banjir dan badai, yang menyebabkan kerusakan pada kehidupan manusia. Melalui peristiwa-peristiwa ini, manusia sedar bahawa tindakan mereka yang mencemarkan sungai adalah perbuatan zalim yang membawa kesan negatif pada diri mereka sendiri. Sungai juga digambarkan sebagai ciptaan Tuhan yang taat kepada Allah Swt.

Hal ini kerana, sungai sering beringat kepada Allah apabila dia ditimpa masalah dan sentiasa menjadikan Allah sebagai cara untuk menenangkan dirinya sendiri. Contohnya, menjadikan setiap kata-kata Allah dalam Al-Quran untuk ketetapan dalam hidup. Sebagai contoh, sungai sentiasa ingat bahawa setiap perbuatan manusia kepadanya akan mendapat balasan yang setimpal oleh Allah Swt. Oleh itu, sungai dapat menjadi contoh yang terbaik untuk mencapai kesejahteraan hidup kerana dia mempunyai dua perangai yang positif iaitu menyedarkan manusia dan sentiasa beringat kepada Tuhan walaupun yang terjadi.

### **Pendekatan Seni**

Novel *Sungai* karya *Shahnon Ahmad*, Pengarang jelas memaparkan pendekatan seni dari awal penceritaan iaitu melalui watak sungai. Terdapat pendekatan seni yang ditonjolkan oleh pengarang iaitu pengarang meletakkan watak sungai ke arah pemikiran kerohanian. Setiap kata-kata al-Quran yang dinyatakan dalam novel merupakan pesanan sungai kepada umat manusia yang semakin tidak berperikemanusiaan ke atas alam mahupun zuriatnya sendiri.

Contohnya, Sungai menggunakan seni pada Ar-Ra, ayat 13 “Bertasbih dengan memuji Allah dan begitu juga para malaikat kerana takut pada Allah” yang merujuk kepada sikap manusia yang membuang zuriatnya ke sungai. Tindakan ini jelas dalam hukum Allah kerana

umat manusia haruslah saling sayang-menyayangi antara satu sama lain. Jelaslah bahawa, novel ini menyeru umat manusia untuk bertaubat daripada berbuat dosa melalui watak sungai yang memerhati tindakan Tuhan ke atas manusia.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini jelas memaparkan aspek yang cuba dipenuhi oleh pengarang iaitu menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Lima daripada enam pendekatan dalam teori tersebut telah digunakan dengan baik. Setiap pendekatan yang diterapkan membantu pengarang mencipta sebuah novel yang menarik dengan pelbagai jalan penceritaan yang menarik. Sumber-sumber yang digunakan untuk menyusun cerita direfleksikan dalam kehidupan nyata, dan novel ini berjaya mengubah persepsi manusia dengan memberikan nasihat serta mendekatkan diri kepada pencipta.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2019, September). Malay literary theory in literary criticism. In *Proceedings SEMIRATA 2019, International Seminar & Annual Meeting, Field of language, literature, arts and culture* (pp. 29-39)
- Hashim Awang. (1998). Teori pengkaedahan Melayu. In *Kertas kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu ke-9, anjuran Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Chong Ah Fok (2017). Teori Moral Alamiah: Satu Gagasan. *Malay Literature*, 30(1), 121-139.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- Kamarudin Mohamed Isa. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Nur Samsiah Mazlan, & Yaacob, M. F. C. (2021). Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu: Custom in Folk Poetry of the Malay Community in Negeri Sembilan: An Observation of Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 48-58.
- Nor Sahara Mesman. (2022). Manifestasi penciptaan pantun berlagu dalam cerita rakyat negeri Pahang. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 27-34
- Norita Ariffin. (2006). *Positive Values Of The Malays In Malay Poems (Pantun)* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Osman Ayob et.al (2020). Analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab FI. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59

## TIMULAK KAPAL PERANG: ANALISIS TEORI STRUKTURALISME

Catherine Tayan

Cecilia Amy Joseph Lijas

Evelyn Jena Jilan

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Karya sastera mempunyai keistimewaan atau keunikan tersendiri kerana menerapkan seni dan estetika berdasarkan daya kreativiti, idea dan pemikiran pengarang. Penghasilan karya sastera yang berunsur ilmiah dapat dijadikan saluran untuk menyampaikan mesej, pengalaman dan pengetahuan kepada pembaca. Dalam konteks ini, karya sastera yang berkualiti sememangnya dapat dikenal pasti melalui tinjauan dan penilaian menggunakan teori-teori sastera agar struktur dalaman novel seperti tema, plot, watak, perwatakan, latar, bahasa dan sudut pandangan dapat dianalisis dengan lebih teliti. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur dalaman novel *Timulak Kapal Perang* karya Azmah Nordin (2003) menggunakan Teori Strukturalisme. Kajian ini dianalisis menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks dan kaedah kepustakaan. Hasil dapatan menunjukkan keenam-enam gagasan iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan analisis sinkronik, gagasan regulasi diri dan gagasan desentralisasi perkara amat signifikan dalam novel ini. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa novel *Timulak Kapal Perang* mengetengahkan pemikiran nasionalisme melalui penceritaan tentang perjuangan watak-watak dalam membebaskan tanah air daripada dibelenggu penjajah. Kesimpulannya, Teori Strukturalisme dapat menunjukkan mutu penulisan novel Azmah Nordin apabila teks karya sasteranya menitikberatkan komponen-komponen dalaman karya berdasarkan gagasan-gagasan dalam Teori Strukturalisme.

**Kata Kunci:** *Strukturalisme, Timulak Kapal Perang, nasionalisme, pemikiran*

### PENGENALAN

Novel *Timulak Kapal Perang* merupakan sebuah karya sastera yang telah dikarang oleh seorang penulis wanita tempatan iaitu Azmah Nordin. Azmah Nordin telah berkecimpung dalam bidang penulisan sastera dengan memenangi tiga hadiah sastera melalui novelnya, *Dari Dalam Cermin* (1992) iaitu Hadiah Pertama Peraduan Menulis Novel 1989 sempena 25 tahun Sabah Merdeka, Hadiah Sastera Sabah 1993 dan Hadiah Sastera Malaysia 1992/93. (Azmah Nordin, 2003). Jelaslah bahawa, usaha dan kesungguhan Azmah Nordin dalam menghasilkan karyanya telah berjaya meraih anugerah yang berprestasi tinggi dalam bidang sastera negara. Teori Strukturalisme telah digunakan untuk menganalisis novel *Timulak Kapal Perang* bagi melihat kesesuaian karya sastera tempatan ini dengan Teori Barat. Menurut Nurgiyantoro (2005), analisis strukturalisme dalam karya sastera merupakan kaedah untuk mengkaji fungsi

dalam unsur dengan meneliti hubungan dan perkaitannya. Teori Strukturalisme merupakan kajian yang mementingkan kaitan antara unsur dalam bagi sesebuah karya untuk melihat kesinambungan dan keseluruhan karya sastera itu. Teori ini mempunyai enam gagasan ataupun perkara yang dikaji antaranya termasuklah gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan analisis sinkronik, gagasan regulasi diri dan gagasan desentralisasi perkara. Setiap gagasan akan membincangkan aspek-aspek dalam karya yang akan menyerlahkan pemikiran bagi melihat ketepatan dan kesesuaian Teori Strukturalisme ini dengan novel *Timulak Kapal Perang*.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis novel *Timulak Kapal Perang* karya Azmah Nordin (2003) menggunakan Teori Strukturalisme yang terdiri daripada enam gagasan iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan analisis sinkronik, gagasan regulasi diri dan gagasan desentralisasi perkara.

## SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam kajian ini adalah menggunakan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan analisis Teori Strukturalisme dalam karya sastera. Kajian yang menggunakan Teori Strukturalisme dapat diteliti menerusi kajian Panambunan, I. W. et al. (2022) yang bertajuk Analisis Strukturalisme Robert Stanton Dalam Novel *Tentang Kamu* Karya Tere Liye. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur-unsur yang terkandung dalam novel tersebut lebih kepada plot, latar, sudut pandangan, watak dan perwatakan. Bukan itu sahaja, kajian membuktikan bahawa Teori Strukturalisme yang digunakan untuk meneliti novel *Tentang Kamu* dikaitkan dengan unsur-unsur yang terdapat di dalamnya agar menjadi satu kesatuan yang utuh.

Selain itu, Teori Strukturalisme dapat diteliti menerusi kajian Zahrah Delia Permana et al. (2022) yang bertajuk Kajian Strukturalisme Pada Puisi *Aku dan Senja* karya Heri Isnaini pada buku *Montase: Sepilihan Sajak Menggunakan Pendekatan Pragmatik*. Kajian ini menggunakan Teori Strukturalisme yang meliputi analisis tema, rasa, suasana, diksi, magis, dan amanat. Hasil dapatan dalam kajian tersebut mendapati bahawa setiap unsur dalam teks saling berkait antara satu sama lain untuk menunjukkan kekukuhan teks puisi tersebut sebagai teks.

Dalam kajian Nur Arfadina Sukri (2023) yang bertajuk “Analisis Unsur-Unsur Intrinsik Dalam Novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor juga menganalisis novel menggunakan Teori Strukturalisme. Tujuan kajian tersebut dijalankan adalah untuk melihat unsur-unsur intrinsik yang sering diketengahkan oleh pengarang atau pengkarya dalam penghasilan sesebuah karya sastera. Teori ini digunakan untuk mengkaji struktur dalam “Novel *Di Sebalik Dinara*” dengan lebih terperinci. Kajian ini membataskan kepada satu teks novel sahaja iaitu novel *Di Sebalik Dinara* serta unsur-unsur intrinsik yang merangkumi tema, plot, watak



dan perwatakan, latar, gaya bahasa, sudut pandang dan amanat. Tambahan lagi, kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis segala maklumat yang diperolehi.

Sementara kajian Sukarismanti, Najamudin dan Mualipah. T, (2023) pula turut mengkaji tentang analisis strukturalisme dalam novel *Warisan Masa Silam* karya V. Lestari. Didapati kajian tersebut bertujuan untuk menganalisis bagaimana struktur naratif dalam novel boleh mempengaruhi makna dan pesanan yang ingin disampaikan oleh pengarang. Didapati analisis strukturalisme pada novel *Warisan Masa Silam* karya V. Lestari mempunyai unsur-unsur yang dominan bagi menonjolkan novel tersebut antaranya termasuklah tokoh, plot, tema dan *setting* atau latar. Impaknya, setiap unsur-unsur dalam novel tersebut amat kayak untuk dibaca dan dikaji oleh pembaca tanpa had umur.

Selain itu, Teori Strukturalisme juga telah dikaji oleh Safira Ayesha Ismaidini et al. (2024) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Karya Sastra Menggunakan Teori Strukturalisme berdasarkan Puisi “*Ibu*” karya Chairil Anwar. Dalam konteks ini, analisis Teori Strukturalisme terhadap unsur-unsur intrinsik dan ekstrinsik memperlihatkan bahawa struktur puisi “*Ibu*” karya Chairil Anwar tersebut sangat kompleks. Hasil analisis tersebut telah menunjukkan bahawa pengarang mampu menggunakan struktur tatabahasa, semantik, dan gaya bahasa yang sesuai melalui gambaran hubungan dan perasaan antara seorang anak dengan ibunya. Oleh itu, kajian tersebut berjaya mengaitkan struktur dan makna mendalam dalam puisi tersebut tentang perasaan dan pesanan yang terpendam yang ingin disampaikan oleh Chairil Anwar kepada ibunya.

Kajian Shiwi Sulistyani et al. (2024) yang bertajuk Analisis Puisi “*Tak Sepadan*” Karya Chairil Anwar Dengan Pendekatan Strukturalisme mendapati pendekatan strukturalisme begitu memberi fokus terhadap pembangunan makna berdasarkan unsur intrinsik secara keseluruhan puisi tersebut. Hasil dapatan menegaskan bahawa unsur intrinsik dalam puisi ini saling berkaitan secara menyeluruh dan turut memberi penekanan terhadap unsur seperti pemilihan kata, konstruk kalimat, rima, penggunaan citraan dan simbolisme. Kesannya, pendekatan strukturalisme mampu mengupas secara lebih mendalam berkaitan ungkapan makna dan pesanan yang ingin disampaikan pengarang melalui karya sastera yang dihasilkan oleh mereka.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas yang menggunakan Teori Strukturalisme telah membuktikan bahawa teori ini merupakan teori yang mengkaji struktur dalaman karya bagi menilai kualiti dan keindahan karya tersebut. Tambahan pula, kajian-kajian tersebut membuktikan bahawa teori ini sangat signifikan untuk digunakan dalam menganalisis karya sastera. Oleh itu, kajian ini telah menggunakan Teori Strukturalisme untuk menganalisis novel *Timulak Kapal Perang* karya Azmah Nordin yang sarat dengan mesej-mesej untuk meningkatkan semangat memperjuangkan tanah air kepada pembaca.

## KERANGKA TEORETIS

Kajian ini dilaksanakan sepenuhnya dengan menggunakan Teori Strukturalisme iaitu teori sastera barat yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure (1857-1913). Teori ini memudahkan proses penganalisisan terhadap karya sastera apabila setiap unsur dalaman dalam karya sastera termasuk tema, plot, latar, watak, nilai dan persoalan diberi fokus bagi menilai keseluruhan sesebuah karya sastera.

Mana Sikana (2003) menjelaskan enam gagasan utama dalam Teori Strukturalisme adalah gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan analisis sinkronik, gagasan regulasi diri dan gagasan desentralisasi perkara. Gagasan kaitan merujuk kepada kaitan antara gagasan teks dan pembentukan susunan strukturnya yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain dalam cernaan teks. Gagasan keseluruhan pula, merupakan sebuah sistem yang membentuk karya dan harus dikaji tanpa menghilangkan atau meninggalkan mana-mana bahagian. Manakala gagasan transformasi menerangkan bahawa teks sastera itu mempunyai hukumnya tersendiri untuk berkembang. Gagasan analisis sinkronik pula melihat jalinan yang membentuk sistem teks dan mengaitkannya dengan hubungan yang ada pada suatu masa tertentu, sistem tidak dibentuk oleh proses sejarah justeru meneliti unsur bahasa dan peraturan-peraturan yang membentuk teks dalam karya sastera. Seterusnya, gagasan regulasi diri pula diertikan sebagai pegangan bahawa setiap teks mempunyai pengertian tersendiri yang harus dianalisis berkisar kepada lingkungan strukturnya sahaja tanpa merujuk kepada unsur luaran. Gagasan desentralisasi perkara pula ditakrifkan bahawa unsur sejarah dan pengarang harus diabaikan dalam membentuk makna teks.

Menurut Zainal Kling (1985), pula Teori Strukturalisme mengandungi tiga gagasan utama iaitu gagasan keseluruhan (*wholeness*), gagasan transformasi dan gagasan regulasi diri (*self regulation*). Gagasan keseluruhan merupakan kedudukan dan perkaitan antara seluruh dan unsur-unsurnya yang hanya dapat dijelaskan melalui pengertian terhadap 'hubungan' antara bahagian-bahagian yang membentuk keseluruhan itu. Manakala gagasan transformasi pula merupakan sebuah proses 'membentuk' dan 'terbentuk' kerana adanya tanggapan bahawa gagasan transformasi berlaku pada tahap bawahan, atau tahap yang tidak dapat diperhatikan di sebalik alam nyata (*realiti*). Gagasan regulasi diri pula diertikan apabila sifatnya tidak dipengaruhi oleh unsur luaran dan tiada unsur sejarah digunakan dalam teori ini. Dalam erti kata lain, gagasan regulasi diri mempunyai peraturan sendiri dan tidak memerlukan desakan atau pengaruh daripada unsur luaran untuk menggerakkan karya sastera itu.

Menurut Hashim Awang (1985), gagasan kaitan meneliti kaitan dan hubungan sesuatu yang tidak kelihatan untuk memberikan pengertian kepada sesuatu yang kelihatan serta wujud dalam keseluruhan karya sastera. Gagasan keseluruhan pula menganggap sastera sebagai satu sistem keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri yang hanya dapat dijelaskan mengikut kaedahnya yang tersendiri. Gagasan transformasi pula dikatakan mempunyai kaedah tersendiri untuk berkembang kerana semuanya bergantung kepada struktur dalaman yang menentukan kegiatan sastera dan yang memastikan perlanjutan serta perubahannya. Seterusnya, gagasan analisis sinkronik memberi tumpuan kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan dalam sesebuah teks sastera berhubung antara satu dengan lain dan

bagaimana teks difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan. Selain itu, gagasan regulasi diri ditakrifkan sebagai aturan yang menguasai keseluruhan karya sastera tanpa melakukan rujukan kepada dunia di luarnya. Gagasan desentralisasi perkara pula mengabaikan unsur sejarah, pengarang dan juga pembaca. Ia mengutamakan sepenuhnya kepada perkara atau bahan yang bermaksud teks sastera itu sendiri. Ringkasnya, Teori Strukturalisme digunakan sebagai panduan dalam kajian ini.

## METODOLOGI

Kajian ini telah dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks dan kaedah kepustakaan. Kaedah ini diaplikasikan sepenuhnya untuk menganalisis novel *Timulak Kapal Perang* karya Azmah Nordin. Analisis teks adalah salah satu kaedah yang efisien untuk menganalisis kandungan teks dalam novel. Selain itu, kaedah kepustakaan digunakan melalui pencarian jurnal, buku dan kajian-kajian bagi menghasilkan kajian yang berkualiti. Jelaslah bahawa semua kaedah ini memudahkan proses menganalisis data dan memastikan bahawa segala maklumat yang diperolehi adalah daripada sumber yang sah.

## DAPATAN

Hasil analisis menunjukkan bahawa Novel *Timulak Kapal Perang* karya Azmah Nordin sesuai dikaji menggunakan Teori Strukturalisme apabila keenam-enam gagasan iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan analisis sinkronik, gagasan regulasi diri, dan gagasan desentralisasi perkara berupaya disesuaikan dengan teks sastera *Timulak Kapal Perang*. Berikut merupakan jadual dapatan analisis pengkaji terhadap Novel *Timulak Kapal Perang*.

Jadual 1: Dapatan Analisis Teks Novel *Timulak Kapal Perang*

Teori Strukturalisme	Timulak Kapal Perang
Gagasan Kaitan	/
Gagasan Keseluruhan	/
Gagasan Transformasi	/
Gagasan Regulasi Diri	/
Gagasan Analisis Sinkronik	/
Gagasan Desentralisasi Perkara	/

## PERBINCANGAN

Berdasarkan jadual 1 di atas, dapatan menunjukkan bahawa novel *Timulak Kapal Perang* menerapkan keenam-enam gagasan dalam Teori Strukturalisme iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan regulasi diri, gagasan analisis sinkronik dan gagasan desentralisasi perkara. Penggunaan kesemua gagasan tersebut dalam novel dapat digunakan untuk mengaitkan unsur-unsur dalaman teks secara menyeluruh. Oleh itu, kejayaan pengarang dalam mengaplikasikan kesemua gagasan tersebut dalam karya sastra dapat menzahirkan sebuah karya yang bermutu dan sangat sesuai untuk dianalisis menggunakan Teori Strukturalisme.

### **Gagasan Kaitan**

Gagasan kaitan ditonjolkan melalui persoalan, tema dan pemikiran. Dalam novel ini, pengarang sering kali menekankan persoalan berkaitan perjuangan masyarakat tempatan dalam membebaskan tanah air daripada dikuasai oleh penjajah Inggeris. Misalnya, persoalan semangat perjuangan yang tinggi oleh seorang gadis remaja dalam mempertahankan tanah airnya amat signifikan dalam novel ini. Buktinya, Andayu merupakan seorang gadis yang berani dalam mempersoalkan tindakan seorang pro-Inggeris apabila dia sanggup mengetepikan hubungannya dengan keluarganya demi membantu mempertahankan keamanan Inanam. Andayu sering kali bertikam lidah dengan arwah bapanya apabila arwah bapanya memaksa Andayu untuk menjadi seperti gadis-gadis kampung yang lain dengan tidak menunggang kuda dan berlatih seni mempertahankan diri. Hal ini menyebabkan hubungan Andayu dan arwah bapanya tidak mesra malah setiap perbualan selalu berakhir dengan pergaduhan sebagaimana dalam petikan berikut:

“Macam mana nak gembira, kalau di luar sana, orang-orang kampung kita ditindas penjajah?” soal Andayu, keresahan.

“Itu dia orang punya fasal. Kita jangan masuk campur.”

“Bapa, tidakkah bapa kasihan kepada orang-orang kita yang kena tindas?” soal Andayu, hampir tidak mempercayai kata-kata bapanya. Tiba-tiba, bapanya melonjak marah. Tanpa disedarinya, dia menolak bahu Andayu dan menyentak tali pacu kuda itu dengan kasar. Kuda itu terperanjat, meringkik nyaring dan menendang kaki hadapannya. Andayu yang berdiri berhampiran dengan kuda itu menjerit terkena tendangannya.

“Andayu...! jerit bapanya, kebingungan. Tubuh kurus langsing Andayu, tercampak ke tepi pintu kandang. Kepalanya terhentak di bendul kandang.

(Azmah Nordin, 2003, p. 57)

Persoalan semangat perjuangan yang tinggi ini turut dilihat apabila Andayu menegaskan keputusannya dalam mengikuti pasukan keamanan yang diketuai oleh Paduka Mat Salleh. Andayu bertegas dengan menyatakan bahawa dia tidak akan tenang dengan bersenang-senang di rumah manakala rakan-rakannya berjuang menentang Inggeris demi

mendapatkan keamanan. Hal ini jelas apabila Andayu sedar bahawa bukan dengan cara berkahwin atau dengan menjadi gadis yang sopan untuk dirinya memperoleh kebahagiaan, namun dengan melindungi orang-orang kampung daripada ditindas oleh Inggeris adalah kebahagiaan terbesar baginya seperti petikan berikut:

“Engkau nak ke mana, Andayu? Bukankah sudah aku beritahu supaya engkau tidak mendekati kuda ini lagi?”

“Maafkan saya Pak,” rayu Andayu sambil menggenggam tali pacu kuat-kuat. “Saya terpaksa melanggar perintah bapa kali ini. Kerana ada panggilan... seruan yang lebih penting lagi. Sa... saya...”

“Seruan apa?” jerkah bapanya, keberangan. “Se ... seruan untuk memperjuangkan maruah bangsa dan tanah air, pak,” ujar Andayu, lembut.

“Buat masa ini, saya belum boleh berdiam diri di rumah, sementara rakan-rakan saya berjuang menentang penjajah. Ah, kalau saya dipinang orang pun, saya tak mungkin gembira, pak!”

(Azmah Nordin, 2003, p. 56-57)

Tindakan Andayu yang berani dalam membantu pemimpin mereka Paduka Mat Salleh dalam menentang Inggeris telah membawa kepada pembentukan tema iaitu perjuangan gadis remaja dalam membantu membebaskan bangsa dan tanah air dari campur tangan Inggeris. Hal ini jelas ketika Andayu membantu dengan memberikan laporan tentang kota di mana Pak Cik Tidung dan rakan-rakannya ditahan kepada pengintip supaya pengintip boleh membantu melakar peta untuk mereka ke sana bagi menyelamatkan Pak Cik Tidung dan rakan-rakannya. Tambahan pula, Andayu menunjukkan semangat juangnya yang tinggi apabila Andayu ingin bersama-sama dengan Paduka Halipan dan rakan-rakannya berjuang di kota namun Halipan cemas lalu menasihati Andayu supaya merawat orang-orang yang tercedera sahaja. Hal ini kerana, perjuangan bukan sahaja harus dengan cara berlawan kekuatan fizikal semata-mata tetapi boleh dengan memberikan bantuan kemanusiaan kepada mangsa perwira perang tanda penghargaan ke atas sumbangan tenaga dan jasa mereka.

Di samping itu, gagasan kaitan semakin jelas ditonjolkan oleh pengarang dalam novel ini melalui persoalan dan tema yang membuktikan bahawa novel ini memiliki pemikiran nasionalisme yang amat signifikan. Pemikiran nasionalisme merupakan unsur utama yang digunakan oleh Azmah Nordin kerana persoalan dan tema akan menyerlahkan pemikiran secara menyeluruh tentang novel ini. Buktinya, pemikiran nasionalisme begitu signifikan apabila penduduk tempatan di Inanam tidak ingin dijajah dan dikawal oleh pihak penjajah Inggeris sehingga menyebabkan mereka bangkit untuk menentang bagi memperjuangkan kebebasan dan kemerdekaan tanah air mereka seperti petikan berikut:

“Sepatutnya, saya lari meninggalkan pangkalan sewaktu pedagang itu dianiaya oleh pemungut cukai, tempoh hari,” keluh Pak Cik Tidung. Kalau saya melarikan diri, tentu tidak

menyusahkan banyak orang hinggakan mereka terpaksa berperang untuk menyelamatkan saya!”

“Hendak lari ke mana?” bantah Paduka Mat Salleh. “Inikan tanah tumpah darah kita. Di sinilah kita hidup dan mencari rezeki. Di sinilah kita akan mati. Untuk itu, kita harus pertahankan bumi di Bawah Bayu ini daripada dijajah Inggeris!”

“Tapi... ramai yang terkorban kerana saya.” “Engkau silap, Tidung,” tingkah Paduka Mat Salleh.

“Mereka yang mati dan tercedera itu, bukan berkorban untuk menyelamatkan engkau semata-mata. Mereka berkorban untuk menyelamatkan maruah bangsa, Tidung!”

(Azmah Nordin, 2003, p. 86)

Sementara itu, pemikiran nasionalisme jelas ditonjolkan oleh pengarang apabila Andayu menolak lamaran rakan sekerja arwah bapanya yang bekerja sebagai ketua pemungut cukai di pangkalan kerana Andayu tidak mahu mempunyai hubungan dengan anjing Inggeris yang membelot bangsa sendiri. Hal ini jelas membawa kepada pemikiran nasionalisme apabila Andayu mempunyai perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri yang mendalam sehinggakan dia tidak ingin tinggal sebung dengan orang yang bekerja untuk Inggeris. Hal ini dapat dijelaskan seperti petikan berikut:

“Tidak...!” jerit Andayu tanpa sedar. “Kenapa tidak?” jerkah bapanya.

“Saya tidak mahu dijodohkan dengan ketua pemungut cukai itu...!” tangis Andayu. “Saya tidak sudi...!”

“Kenapa, Andayu?” tanya bapanya.

“Pak, ketua pemungut cukai itu - anjing Inggeris!” tingkah Andayu, tersedu-sedan. “Saya tidak boleh hidup serumah dengan anjing Inggeris. Pembelot bangsa!”

(Azmah Nordin, 2003, p. 101)

Oleh itu, pemikiran nasionalisme begitu signifikan dan terserlah melalui gagasan kaitan apabila setiap unsur dalaman iaitu persoalan dan tema berupaya membentuk perkaitan dan hubungan yang jelas serta menjurus kepada pemikiran nasionalisme pada novel ini.

### **Gagasan Keseluruhan**

Gagasan keseluruhan memberi penekanan kepada unsur yang menyeluruh dalam karya sastera. Unsur yang ditekankan adalah tema, pemikiran dan watak. Namun, kajian ini memberi fokus kepada unsur watak kerana unsur ini yang menggerakkan serta menghidupkan novel *Timulak Kapal Perang*. Paduka Mat Salleh merupakan watak yang bekerjasama dengan pengikutnya dalam memikirkan tindakan untuk meruntuhkan pertahanan penjajah Inggeris. Buktinya,

beliau merupakan seorang pemimpin yang berhati-hati dan penuh dengan pertimbangan dalam membuat keputusan kerana beliau tidak mahu membuat tindakan yang terburu-buru sehingga boleh membahayakan nyawa serta keselamatan pengikutnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap perkara yang ingin dilakukan haruslah dipertimbangkan dengan rasional, memiliki persediaan yang rapi dan tidak mengikut emosi semata-mata. Berikut merupakan petikan yang menggambarkan watak Paduka Mat Salleh dalam merancang perang ke atas Inggeris:

“Mustahil tak ada jalannya,” dengus Paduka Mat Salleh, keresahan. “Ah, habis beralur, maka, beralu-alulah! Dan, sekaranglah masanya!”

“Ada , Datu,” ujar pengintip. “Tapi sukar. Harus teliti. Haru sesuai pada masanya, Datu.”

“Sekaranglah masanya,” fikir Halipan. “Menyerang sewaktu mereka lalai, sewaktu mereka tidak menyangka musuh akan menyerang. Sewaktu tidak ramai yang berkawal, dan jika mereka berkawal pun banyak yang tidur, sebenarnya,”

“Pada hemat saya, lebih baik kita bertindak cepat,” ujar pengintip lagi.

“Benar. Nyawa Si Tidung dan rakan-rakannya di hujung senapang,” sela Pak cik Ali, kebimbangan. “Dengarnya, mereka akan dihukum tembak!”

“Melihat peta yang kamu lakarkan,” kata Paduka Mat Salleh sambil mengeluarkan sekeping kertas, “Dan, setelah menelitinya, aku mendapati kita masih ada jalan untuk menembusi kota orang putih itu.”

(Azmah Nordin, 2003, p. 72)

Petikan di atas membuktikan watak Paduka Mat Salleh berjaya menonjolkan tema perjuangan apabila Paduka Mat Salleh dan pengikutnya saling bekerjasama dalam memikirkan strategi untuk meruntuhkan pertahanan penjajah Inggeris. Sementara itu, pemikiran nasionalisme turut terserlah apabila beliau mencintai tanah airnya dan masyarakatnya dengan mengambil kepedulian, kebajikan dan keselamatan penduduknya kerana beliau tidak mahu ada lagi nyawa yang terkorban akibat muslihat Inggeris. Berikut merupakan bukti petikan tersebut:

“Saudara-saudaraku!” seru Paduka Mat Salleh. “Kubu ini sudah tidak selamat lagi sebagai perlindungan. Mari kita berundur ke tempat yang lain.”

“Tapi, kita sudah menang. Orang putih sudah berundur!”

“Saudara-saudara harus ingat. Pada bila-bila masa saja, orang putih itu akan datang menyerang semula.”

“Kita menyerah kalah?”

“Tidak!” tegas Paduka Mat Salleh. “Takut?”

“Tidak. Kita berundur bukan bererti takut!” pintas Paduka Mat Salleh. “Kita berundur untuk memperlengkapkan diri dan mempertajamkan lagi ilmu mempertahankan diri untuk kembali berjuang dengan lebih kuat, lebih yakin dan lengkap dengan senjatanya...!”

(Azmah Nordin, 2003, p. 114-115)

Jelaslah bahawa, melalui watak Paduka Mat Salleh ini, pemikiran nasionalisme berjaya ditonjolkan oleh pengarang kerana seorang pemimpin yang baik dan berjiwa rakyat akan disayangi dan dihormati oleh masyarakatnya. Pemimpin yang hebat mampu membangkitkan semangat dan berupaya membina kekuatan dari segi mental dan fizikal masyarakatnya supaya boleh setanding dengan penjajah Inggeris. Walaupun mereka mundur dari segi kelengkapan senjata namun dengan semangat juang yang tinggi serta kerjasama yang utuh mampu membantu mereka mencapai kejayaan dalam menumpaskan Inggeris. Sementara itu, watak Pak Cik Tidung juga berjaya menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh Inggeris. Buktinya, Pak Cik Tidung menang semasa pertempurannya bersama Jones namun, beliau ditembak oleh seseorang sehingga menyebabkannya tidak bernyawa lagi. Hal ini menegaskan bahawa tindakan Pak Cik Tidung yang sanggup berjuang sehingga ke nafas terakhirnya membuktikan bahawa beliau seorang pahlawan bangsa yang berani dalam mempertahankan maruah bangsa dan tanah airnya daripada terus diancam oleh penjajah Inggeris. Petikan di bawah membuktikan watak Pak Cik Tidung dalam semangatnya memperjuangkan keamanan tanah air:

Jeritan nyaring bersama-sama letusan peluru senapang, menyentak Andayu kembali kepada kesedarannya. Dengan mata yang resah, dia menyoroti keadaan di dalam kubu yang masih kelam-kabut. Tidak jauh dari tempat persembunyiannya, kelihatan Pak Cik Tidung sedang bertarung dengan Jones. Mereka tikam-menikam, elak-mengelak dan tumbuk-menumbuk. Akhirnya, Jones kecundang di tangan Pak Cik Tidung. Namun, belum sempat Andayu bersorak untuk mengucapkan tahniah, Pak Cik Tidung ditembak oleh seseorang.

“Ya Allah...!” teriak Pak Cik Tidung.

Pak Cik Tidung rebah. Tersungkur dan tidak bergerak-gerak lagi. Andayu terperanjat. Nafasnya tersentak pilu.


(Azmah Nordin, 2003, p. 114-115)

Gagasan ini secara keseluruhannya dilihat amat signifikan apabila watak-watak yang ada pada novel *Timulak Kapal Perang* berjaya memainkan peranannya sehingga tema dan pemikiran ditekankan semula dalam gagasan ini.

### **Gagasan Transformasi**



Dalam novel *Timulak Kapal Perang*, pengarang juga menerapkan gagasan transformasi. Menurut Awang, H (1985), gagasan transformasi dikatakan sebagai struktur umum dan khusus semasa seseorang pengarang mengembangkan karyanya. Secara ringkasnya, gagasan ini menyatakan bahawa pengarang akan mengembangkan jalan cerita dalam karya mereka berdasarkan peristiwa penting atau perubahan bentuk peristiwa dalam penceritaan. Novel tersebut berbentuk plot kronologis seperti rajah plot berikut:



Berdasarkan rajah plot berikut, gagasan transformasi dalam novel ini diluahkan penulisnya tentang perjuangan penduduk di daerah Inanam, Sabah yang bergantung dengan semangat dan kekuatan ilmu mempertahankan diri untuk menentang pihak Inggeris. Dalam konteks ini, pengarang mengembangkan jalan cerita dengan mengutarakan peristiwa penting dalam cerita seperti peristiwa penentangan Andayu dan penduduk di daerah Inanam yang diketuai oleh Paduka Mat Salleh untuk membebaskan penduduk daripada ditindas oleh pihak Inggeris. Permulaan plot cerita adalah semasa penentangan penduduk yang dipaksa untuk membayar cukai yang tinggi dan akan diugut jika mereka tidak dapat membayarnya. Buktinya, pengarang menyatakan bahawa pegawai-pegawai British akan memaksa penduduk kampung untuk membayar cukai setiap kali mereka keluar masuk di pangkalan sungai. Tambahan pula, pemungut cukai tempatan turut diugut jika tidak mengikut kemahuan orang putih serta kehilangan kuasa disebabkan kedatangan orang putih. Pernyataan ini dibuktikan melalui teks novel tersebut:

“Astaghfirullah, bencana datang bertunda-tunda, Datu!”

“Apakah yang dah berlaku?” tanya Paduka Mat Salleh, kegelisahan.

“Orang putih! Mereka tak membenarkan kita mengutip cukai di pangkalan lagi.

(Azmah Nordin, 2003, p. 21)

Teks novel tersebut telah membuktikan bahawa ketua pemungut cukai tempatan telah kehilangan kuasa setelah orang putih mengambil alih undang-undang di daerah Inanam. Peristiwa ini menjadi konflik dalam novel tersebut. Hal ini terjadi disebabkan Sultan Sulu dikatakan sudah menyerahkan tanahnya di Sabah kepada Inggeris. Kesannya, undang-undang

di sana telah banyak diubah termasuk undang-undang memungut cukai. Penyerahan daerah tersebut telah menimbulkan kemarahan kepada penduduk dan berlakunya konflik antara penduduk di daerah Inanam dengan pihak Inggeris seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

“Oh, er ... saya ialah jurubahasa yang mewakili syarikat itu,” jelasnya. “Saya disuruh menasihati tuan supaya menurut perintah orang putih. Daerah ini telah dianugerahkan oleh sultan kepada orang putih.”

“Cih, aku tidak diberitahu tentang ini oleh sultan!” bantah Paduka Mat Salleh, semakin tersinggung. “Daerah Inanam ini dikuasai oleh kami, penduduk tempatan, sejak nenek moyang aku dulu lagi. Tidak semudah itu aku membiarkan daerah ini dijajah oleh orang putih! Tidak mungkin aku berdiam diri!”

(Azmah Nordin, 2003, p. 25)

Selain itu, perkembangan atau perubahan plot dalam cerita berlaku apabila pengarang menonjolkan keberanian Andayu yang bertindak seorang diri untuk menyelamatkan Pak Cik Tidung dan tiga kawannya dengan mengintip pihak Inggeris. Sebelum bertindak, Andayu telah mengarahkan kawan-kawannya untuk melaporkan perkara yang telah berlaku di pangkalan kepada Paduka Mat Salleh. Keberanian Andayu ini disaksikan dalam petikan berikut:

“Apa yang berlaku di pangkalan petang tadi, segera dilaporkan kepada Paduka Mat Salleh. Halipan yang turut mendengar laporan ketiga-tiga remaja itu, terkejut besar. Tindakan Andayu yang nekad, membuat hati Halipan begitu berat. Dia bertanya-tanya, keresahan. Ada sesuatu yang mendorong gadis itu bertindak begitu, fikir Halipan. Sesuatu yang membimbangkannya.”

(Azmah Nordin, 2003, p. 45)

Klimaks dalam plot cerita pula berlaku semasa Paduka Mat Salleh mengarahkan pasukan mereka untuk bertindak. Dalam peringkat ini, pembaca akan mengalami detik saspens yang tinggi kerana perjuangan mereka mengalami sedikit kesukaran. Misalnya, semasa mereka menyerang pihak Inggeris, Paduka Mat Salleh perlu menggunakan ilmu hikmat yang dipelajarinya daripada Dayang Bandan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menghadapi banyak cabaran semasa berlawan seperti kekurangan senjata perang. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan petikan di bawah:

“Hm... penjajah yang kuat, yang lengkap dengan meriam dan pelbagai senjata api, pun boleh tewas,” ujar temannya yang lain pula, perlahan.

“Padahal, pasukan kita cuma menggunakan keris, lembing, tombak, parang dan pedang,” kata yang lain pula.”Kalau ada pun senjata api, kita cuma ada beberapa laras senapang.”

“Dengarnya, Paduka Mat Salleh menggunakan ilmu hikmat yang dipelajarinya daripada Dayang Bandan,” sela temannya yang lain pula.

(Azmah Nordin, 2003, p. 86-87)

Seterusnya, dalam peleraian masalah perjuangan mereka telah menemukan jalan penyelesaian. Hal ini dikatakan demikian kerana semangat perjuangan mereka telah berjaya menyebabkan pihak Inggeris mengundur diri walaupun banyak pahlawan yang tumpas termasuk lah Pak Cik Tidung. Namun, pada pengakhiran plot, Paduka Mat Salleh tetap mengingatkan mereka untuk sentiasa berwaspada dan melengkapkan diri dengan ilmu mempertahankan diri kerana pihak Inggeris boleh sahaja datang lagi. Oleh itu, novel ini sememangnya menerapkan pemikiran nasionalisme kerana pengarang banyak menekankan semangat patriotisme dalam karya beliau. Dalam hal ini, semangat patriotisme tersebut telah digambarkan oleh beliau melalui watak Andayu dan pasukan keamanan yang berjuang sehingga sanggup mengorbankan nyawa mereka demi keamanan negara dan bangsa.

### Gagasan Analisis Sinkronik

Gagasan analisis sinkronik merupakan pendekatan yang menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubungan antara satu sama lain. Hal ini berkaitan dengan langue dan parole di mana langue adalah sistem bahasa atau linguistik yang abstrak manakala parole adalah pertuturan sebenar yang dilaksanakan oleh seseorang penutur. Dalam mengkaji langue, aspek utama yang dikaji adalah bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan karya sasteranya. Azmah Nordin telah menggunakan pelbagai bahasa indah antaranya penerapan gaya bahasa dan peribahasa. Gaya bahasa yang indah wajar digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan karyanya agar karya tersebut kekal menarik dan sesuai dinikmati oleh golongan pembaca. Buktinya dalam novel *Timulak Kapal Perang*, pengarang telah memasukkan gaya bahasa seperti repetisi atau pengulangan kata yang sama dalam sebuah ayat iaitu kata **bagaikan**. Hal ini sekali lagi berkaitan dengan pemikiran nasionalisme apabila kata **bagaikan** bertujuan untuk memberi ketegasan kepada dialog yang dituturkan oleh watak Andayu yang menyatakan bahawa Andayu sanggup berhadapan dengan apa jua sekalipun yang menentanginya asalkan dia berlawan habis-habisan untuk menewaskan penjajah Inggeris. Berikut merupakan petikan yang membuktikan penggunaan repetisi **bagaikan**:

“Ah, biar musuh mana yang datang **bagaikan** puting beliung, **bagaikan** gempa bumi, **bagaikan** gelombang ganas di lautan, atau **bagaikan** api ditiup angin; aku akan berjuang hingga ke titisan darah terakhir!”

(Azmah Nordin, 2003, p. 110)

Sementara itu, bahasa indah dari aspek penggunaan peribahasa turut membuktikan pengarang berupaya mengaitkannya dengan pemikiran nasionalisme. Apabila Andayu bertanya kepada Mak Cik Mala tentang perilaku ayahnya yang setiap hari sering melawat pusara ibunya di balik bukit di belakang rumah, Andayu kemudian sedar bahawa melalui percakapannya dengan ayahnya tempoh hari telah mengguris dan menyinggung perasaan ayahnya itu. Pengarang berjaya menyelitkan peribahasa **nasi sudah menjadi bubur** dalam dialog Andayu

bagi menyatakan perasaan kecewa Andayu dengan sikapnya yang bercakap tanpa berfikir terlebih dahulu. Hal ini kerana, Andayu terlalu ingin memperjuangkan kebebasan tanah airnya sehinggakan siapa pun yang membelot tanah air sendiri akan dianggap anjing Inggeris oleh Andayu. Berikut merupakan petikan penggunaan peribahasa:

Andayu sudah tidak dapat bersuara lagi. Lidahnya kelu bagai dibaluti dosa. Dia tidak tahu apa yang harus dilakukannya lagi. Segala-galanya sudah terlambat. Kalau **nasi sudah menjadi bubur**, masih boleh dimakan. Tetapi, sekarang nasi itu sudah basi. Kalau dimakan juga, pasti dia keracunan!

(Azmah Nordin, 2003, p. 103)

Seterusnya, dalam gagasan analisis sinkronik ini turut membincangkan tentang parole iaitu cara menuturkan ayat yang diberikan oleh pengarang dalam karyanya. Pengarang berjaya memberikan ayat untuk dipertuturkan oleh watak dalam karyanya bagi menghidupkan lagi suasana dalam karya tersebut. Hal ini bertujuan untuk memberikan kesegaran ke dalam karya agar karya yang terhasil tidak bersifat mendatar dan membosankan. Dalam novel *Timulak Kapal Perang*, pengarang turut mengaitkan pemikiran nasionalisme dalam ayat yang dipertuturkan oleh Andayu yang menyatakan bahawa **kehidupan merupakan suatu perjuangan** apabila dia bertekad untuk meneruskan perjuangan dan semangatnya dalam menewaskan Inggeris dari Inanam. Berikut adalah petikan bagi pernyataan di atas:

“Ya, hidup ini memang satu perjuangan,” bisik hatinya. “Berani hilang tak hilang, berani mati tak mati. Barang siapa berani mengamang, tak dapat tidak berani melawan; berani pegang berani tanggung!”

(Azmah Nordin, 2003, p. 93)

Oleh itu, jelaslah bahawa pengarang berupaya mengaitkan pemikiran nasionalisme dalam memilih penggunaan bahasa yang sesuai untuk menghasilkan karyanya yang berfokus serta menyerluruh tentang perang yang dihadapi oleh masyarakat tempatan. Dengan itu, pengarang terbukti kreatif dalam menghasilkan karyanya yang mampu memberikan penghayatan mendalam kepada pembaca.

### **Gagasan Regulasi Diri**

Gagasan regulasi diri dalam setiap karya akan dinilai dan dianalisis melalui struktur pembinaan dalaman teks. Gagasan ini memberikan penekanan kepada teknik yang digunakan oleh pengarang dalam sebuah karya. Dalam novel *Timulak Kapal Perang* ini pula, Azmah Nordin sememangnya mengarang novel beliau dengan mematuhi segala peraturan yang terdapat dalam gagasan regulasi diri sebagai pelengkap kepada penceritaan dalam novel.

Dalam novel ini, pengarang menerapkan beberapa teknik. Misalnya, teknik imbas kembali yang diterapkan oleh pengarang berlaku apabila watak Pak Cik Tidung mengingat semula zaman silamnya yang belum ada penjajah dahulu. Bukan itu sahaja, watak Andayu juga

mengenang kembali perbualannya dengan arwah bapanya yang meninggal akibat dipatuk ular beberapa bulan yang lalu. Peristiwa tersebut bersesuaian dengan teknik imbas kembali kerana teknik ini merujuk kepada suatu teknik yang digunakan oleh pengarang untuk mengenang semula peristiwa yang pernah dialami oleh watak. Pernyataan ini dibuktikan melalui petikan yang berikut:

“Andayu yang memerhatikan perbincangan antara Paduka Mat Salleh dengan bapa saudaranya itu, sedar sudah. Antara Pak Cik Tidung dengan Paduka Mat Salleh, memang terdapat banyak perbezaan dan juga persamaan. Pak Cik Tidung mencuba mengingati zaman silamnya. Zaman aman damai. Sewaktu itu, ancaman daripada penjajah belum terasa. Belum tiba lagi. Sewaktu itulah Andayu teringat akan perbualannya dengan arwah bapanya, beberapa bulan yang lalu.

“Pada waktu itu, engkau masih kecil lagi,” kata bapanya. “Engkau tentu belum boleh ingat keadaan di daerah kita ini.”

“Andayu menganggukkan kepalanya, kemudian, menggelengkannya pula, berulang kali.”

“Bagaimanakah keadaannya, pak?” soal Andayu, didorong oleh naluri ingin tahunya.”  
(Azmah Nordin, 2003, p. 30)

Teknik konflik turut digunakan oleh pengarang untuk melengkapkan penceritaan dalam novel. Secara umumnya, teknik konflik merujuk kepada penentangan antara dua pihak dari segi pendapat, sikap atau pemikiran. Dalam novel ini lebih memperlihatkan konflik antara dua pihak yang berbeza pendapat sekali gus pemikiran iaitu watak Andayu dan bapanya yang bergaduh. Dalam hal ini, Andayu berniat untuk turun memperjuangkan orang yang ditindas tetapi dihalang oleh bapanya kerana berpendapat bahawa mereka tidak perlu masuk campur dengan urusan orang yang ditindas. Petikan novel yang memperkukuhkan pernyataan adalah seperti berikut:

“Se ... seruan untuk memperjuangkan maruah bangsa dan tanah air, pak,” ujar Andayu, lembut.

“Buat masa ini, saya belum boleh berdiam diri di rumah, sementara rakan-rakan saya berjuang menentang penjajah. Ah, kalau saya dipinang orang pun, saya tak mungkin gembira pak!”

“Kenapa tidak?”

“Macam mana nak gembira, kalau di luar sana, orang-orang kampung kita ditindas penjajah?” soal Andayu, keresahan.

“Itu, dia orang punya fasal. Kita jangan masuk campur.

(Azmah Nordin, 2003, p. 56-57)

Kesimpulannya, semua teknik yang digunakan dalam mengarang novel *Timulak Kapal Perang* telah menampakkan cara pengarang mempersembahkan karyanya agar menjadi lebih

menarik. Tambahan pula, teknik-teknik yang digunakan dapat membantu meningkatkan pemahaman pembaca terhadap jalan cerita yang ingin disampaikan oleh pengarang. Jadi, dalam gagasan regulasi diri, perkara yang perlu dianalisis untuk merungkai struktur dalam teks adalah teknik yang diterapkan oleh pengarang.

### **Gagasan Desentralisasi Perkara**

Gagasan desentralisasi perkara menilai karya sastera melalui pematuan sistem dalaman karya iaitu, tema, watak, gaya bahasa, makna simbolik, ekspresi emosi dan latar bagi menggambarkan kreativiti pengarang. Pengarang dikatakan terpaksa tunduk kepada konvensi sastera yang mengongkong kebebasan. Kreativiti pengarang hanya berlaku apabila beliau mematuhi keseluruhan sistem sastera ini. Makna simbolik (tanda) dan ekspresi emosi pengarang diberi keutamaan.

Dalam novel *Timulak Kapal Perang*, terdapat ekspresi emosi yang bermaksud pengarang menggunakan elemen ekspresi emosi dalam karya sebagai bentuk penterjemah melalui penggunaan ayat untuk menunjukkan emosi gembira, sedih dan sebagainya. Dalam novel tersebut pengarang mengekspresikan emosi melalui watak-watak. Watak-watak tersebut memainkan peranan dalam menterjemahkan emosi melalui bahasa verbal dan bahasa non verbal yang menunjukkan kreativiti pengarang. Dalam novel ini, ekspresi emosi dapat ditonjolkan melalui watak Andayu apabila memikirkan tentang teman seperjuangannya lalu menyebabkannya mendengus dengan kasar. Perkara ini berlaku semasa dia mengingat kembali tentang pesanan Pak Cik Ali yang menceritakan segalanya kepada Andayu. Pengarang kreatif kerana dapat menonjolkan ekspresi emosi melalui watak Andayu. Ekspresi yang ditonjolkan melalui novel tersebut menunjukkan perwatakan yang diberikan kepada Andayu oleh pengarang. Buktinya, dapat dipetik melalui bahagian novel:

“Andayu memasamkan mukanya dan mendengus kasar, bingung memikirkan teman seperjuangannya. Mereka yang datang dari daerah Inanam untuk menyertai pasukan keamanan secara sukarela itu, lazimnya, akan mendengus kasar.”

(Azmah Nordin, 2003, p.5)

Kemudian, pengarang juga ada menggunakan gaya bahasa simile yang bermaksud gaya bahasa yang membandingkan sesuatu benda, keadaan atau suasana dengan jelas. Hal ini kerana perbandingan itu menggunakan kata-kata tertentu iaitu seperti, umpama, bak, bagai, ibarat dan sebagainya. Pengarang menggunakan kata seperti dalam menyampaikan bahawa perkara yang disampaikan oleh Pak Cik Jonan adalah sama seperti perkara yang disampaikan oleh Paduka Mat Salleh dan Pak Cik Ali. Bukti penggunaan gaya bahasa simile (seperti) dalam novel ini adalah seperti petikan di bawah:

“Bersabar, bersabar....,” pujuk Pak Cik Jonan, sama saja bunyinya seperti pujukan Paduka Mat Salleh dan pujukan Pak Cik Ali.

(Azmah Nordin, 2003, p.15)

Seterusnya, dalam novel ini juga ada menggunakan gaya bahasa metafora. Metafora merupakan penggunaan kata-kata yang menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat atau disebut bahasa kiasan. Sesuatu objek diberikan sifat secara perbandingan atau secara kiasan. Sifat gaya bahasa ini ringkas, padat, tersusun rapi dan biasanya terdiri daripada dua perkataan. Satu daripada perkataan itu bersifat konkrit (nyata) dan menjadi objek umum untuk difikirkan. Satu perkataan lagi bersifat abstrak, (tidak nyata) yang menjadi pembanding. Buktinya, gaya bahasa metafora ‘api kemarahan’ adalah seperti berikut:

“Namun, jauh di lubuk hatinya, Halipan tahu. Kepanasan yang dirasakan, bukan sahaja lahir daripada keadaan cuaca yang kemarau, tetapi kepanasan itu lahir daripada api kemarahan yang membahang di dalam dada bidang bapa saudaranya, Paduka Mat Salleh.”

(Azmah Nordin, 2003, p.17)

Gaya bahasa metafora api kemarahan itu digunakan untuk menunjukkan makna simbolik yang menyatakan bahawa Paduka Mat Salleh adalah seorang yang panas baran. Api kemarahan membawa maksud bahawa seseorang itu berasa sangat marah dan juga seorang yang panas baran kerana dikuasai emosi dan api amarah yang meluap-luap.

Kemudian, untuk hiperbola merupakan gaya bahasa puisi yang pemilihan perkataannya membawakan pernyataan yang berlebih-lebihan daripada maksud yang sebenar. Penggunaan hiperbola ini bertujuan untuk menekankan sesuatu pandangan, perasaan dan pemikiran. Pengkarya lazimnya mahu menerangkan sesuatu sehingga orang lain bersetuju dan bertujuan untuk mempengaruhi pembaca. Contohnya, gaya bahasa hiperbola yang digunakan oleh pengarang dalam petikan teks tersebut iaitu “dirasakan arus nafasnya menderas, sederhana arus Sungai Sugut yang mengalir. Maksud petikan tersebut adalah menyatakan bahawa nafas Halipan yang sangat laju dan berasa sangat gementar apabila dia melihat pegawai pemungut cukai itu. Bukti bagi gaya bahasa hiperbola yang terdapat dalam novel adalah:

“Dia memicingkan mata, menangkap kelibat beberapa orang pegawai pemungut cukai bagi pihak Inggeris yang berbual rancak di situ. Serancak gelodak hati Halipan yang mendesis-desis, lalu dihimbau lewat hembusan nafasnya dan di dalam dirinya, dirasakan arus nafasnya menderas, sederhana arus Sungai Sugut yang mengalir.”

(Azmah Nordin, 2003, p. 17)

Oleh itu, bagi menghidupkan sesebuah karya, pengarang terbukti mematuhi Teori Strukturalisme yang boleh dikaji secara mendalam berkaitan keseluruhan unsur dalam novel. Kesannya, penggunaan enam gagasan bagi menganalisis novel ini membuktikan bahawa pengarang berjaya untuk mengaitkan unsur keseluruhan novel ini.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, hasil daripada analisis terhadap novel *Timulak Kapal Perang* karya Azmah Nordin (2003) menggunakan Teori Strukturalisme terbukti dapat menunjukkan bahawa teori ini telah menyerlahkan corak penceritaan dengan lebih mendalam dan kompleks. Hal ini dikatakan demikian kerana proses menganalisis menggunakan teori ini memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap karya dan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam karya mereka. Dalam konteks ini, Teori Strukturalisme mampu memberikan impak yang signifikan kepada era Revolusi Industri 4.0 termasuklah meningkatkan kemampuan penulis untuk menghasilkan penulisan yang lebih kreatif dan kritis mengikut kemajuan teknologi semasa yang membantu penulis untuk mengaplikasikan kreativiti berdasarkan algoritma dalam sastera. Tidak dinafikan juga bahawa perkembangan teknologi semestinya mampu menghasilkan inovasi yang menarik dalam proses menganalisis karya menggunakan Teori Strukturalisme seperti karya multimedia yang melibatkan teks, audio, gambar dan video.

## RUJUKAN

- Awang, H. (1985). Strukturalisme dalam ilmu sastera dan aplikasinya. *UM Research Repository*, 194-205.
- Azmah Nordin. (2003). *Timulak kapal perang* (3rd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (2003). Wacana Bahasa dalam Teori Sastera Pascamoden. *Jurnal Bahasa*, 3(4), 505-536.
- Nur Arfadina Binti Sukri. (2023). *Analisis unsur intrinsik dalam novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Nurdiyanto, B. (2007). *Teori pengkajian fiksi*. Gadjah Mada University Press.
- Panambunan, I. W., Badaruddin. S. & Kuswarini, P. (2022). Analisis Strukturalisme Robert Stanton dalam novel Tentang Kamu karya Tere Liye. *Journal of Educational and Language Research*, 1(10).
- Safira Ayesha Ismaidini, Anggi Nur Febriani & Safinatul Hasanah Harahap. (2024). Analisis karya sastra menggunakan teori Strukturalisme: Puisi “Ibu” Chairil Anwar. *IJEDR: Indonesian Journal of Education and Development Research*, 2(1), 346-353.
- Shiwi Sulistyani, Yulisin Nazra & Safinatul Hasanah Harahap. (2024). Analisis puisi “Tak Sepadan” karya Chairil Anwar dengan pendekatan strukturalisme. *IJEDR: Indonesian Journal of Education and Development Research*, 2(1), 298-305.
- Sukarismanti, Najamudin, & Mualipah, T. (2023). Analisis strukturalisme dalam novel “Warisan Masa Silam” karya V. Lestari. *Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastera*, 10(1),



*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

Zahrah Delia Purnama, Muhammad Aji Syaputa & Jericho Setiakawan. (2022). Kajian Strukturalisme pada puisi “Aku dan Senja” karya Heri Isnaini pada buku Montase: Sepilihan Sajak menggunakan pendekatan pragmatik. *Jurnal Riset Rumpun Ilmu Bahasa*, 1(1).

Zainal Kling. (1985). *Strukturalisme dan Pengajian Melayu*. Seminar Ijazah Tinggi Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1986, Universiti Malaya.

## MELATI SARAWAK: ANALISIS TEORI STRUKTURALISME

Christin Helen Micheal  
Dosi Fathullah  
Nur Aleeya Bolasan  
Awangku Arif Syamzanie Awang Zuparizan

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Karya sastera merupakan karya yang memberikan impak kepada para pembaca melalui makna kata dan susunan cerita karya sastera tersebut. Melalui karya sastera, pelbagai isu semasa masyarakat dan kreativiti pengarang dapat ditonjolkan dalam bentuk penulisan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur binaan teks di dalam novel Melati Sarawak karya Muhammad Rakawi Yusuf (1987). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya yang memfokuskan kaedah keperpustakaan dan analisis teks bagi mengkaji struktur binaan teks kajian. Kajian sastera ini menggunakan Teori Strukturalisme, terbahagi kepada enam gagasan yang digagaskan oleh Ferdinand De Saussure iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan regulasi diri, gagasan analisis sinkronik dan gagasan desentralisasi. Hasil dapatan menunjukkan bahawa keenam-enam prinsip gagasan dalam Teori Strukturalisme berjaya diaplikasikan dengan terperinci melalui kandungan teks novel Melati Sarawak. Kesimpulannya, kajian berlandaskan Teori Strukturalisme ini memberikan impak yang sangat mendalam kepada pengarang dalam mencipta sebuah karya sastera agar mereka dapat meningkatkan kualiti karya sastera seterusnya dan mengaitkan lebih banyak isu semasa masyarakat dengan lebih intensif.

**Kata Kunci:** Teori Strukturalisme, Melati Sarawak, Muhammad Rakawi Yusuf (1987)

### PENGENALAN

Novel Melati Sarawak merupakan sebuah karya hasil seorang novelis dari Bumi Kenyalang iaitu Muhammad Rakawi Yusuf. Beliau merupakan antara penerbit Fajar Sarawak pada tahun 1930 dan menjadi pengasas PASPAM di Kuching. Novel Melati Sarawak ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebanyak tiga cetakan naskhah iaitu cetakan pertama pada tahun 1980, cetakan kedua pada tahun 1987 dan cetakan ketiga pada tahun 2001. Kajian ini memfokuskan hasil karya novel Melati Sarawak cetakan kedua pada tahun 1987 yang mempunyai 74 halaman. Melati Sarawak ini merupakan kisah roman klasik yang memperlihatkan kepelbagaian sosiobudaya masyarakat yang penuh dengan konflik, pengorbanan dan perjuangan masyarakat yang berbeza latar pada ketika itu. Menerusi pembacaan terhadap novel Melati Sarawak, perjuangan cinta antara Harun dan Melati (Aminah) berputik pertama kalinya ketika majlis gendang perempuan. Pengarang berjaya menggunakan kekreatifannya dalam membina struktur teks, terutamanya dalam aspek binaan

plot dan penggunaan bahasa terperinci dalam mencipta sebuah konflik antara masyarakat yang memberikan kesan mendalam kepada para pembaca.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur teks yang terdapat dalam novel *Melati Sarawak* karya Muhammad Rakawi Yusuf (1987) secara terperinci dengan menggunakan Teori Strukturalisme.

## **SOROTAN LITERATUR**

Sorotan literatur berdasarkan kajian ini dapat dilihat menerusi kajian Nur Arfadina Binti Sukri (2023) dalam kajian yang bertajuk “Analisis Unsur Intrinsik Dalam Novel *Di Sebalik Dinara Karya Dayang Noor*” yang mendapati terdapat enam gagasan strukturalisme yang ditampilkan melalui tema, plot, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa, sudut pandangan dan amanat dalam meneliti penghasilan karya sastera tersebut adalah baik. Dalam hal ini pengkaji telah berjaya mengkaji aspek dalaman novel *Di Sebalik Dinara Karya Dayang Noor* dan mendapati novel tersebut adalah karya yang bermutu.

Selain itu, kajian Nuryanti et al., (2020) yang bertajuk “Analisis Novel *Tentang Kamu Karya Tere Liye Menggunakan Teori Strukturalis (Unsur Intrinsik)*” turut mendapati Teori Strukturalisme penting bagi pembentukan kesatuan teks yang teguh iaitu pengindikasian elemen yang seharusnya sesuai dengan kaedah kombinasi integrasi. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan Teori Strukturalisme untuk mengkaji novel *Tentang Kamu karya Tere Liye* dengan meneliti unsur intrinsik yang terdapat dalam novel tersebut iaitu dari segi aspek tema, perwatakan, plot, latar, dan sudut pandangan. Melalui Teori Strukturalisme yang digunakan oleh pengkaji dalam novel *Tentang Kamu karya Tere Liye* ini, struktur dalaman dirungkai secara menyeluruh oleh pengkaji. Berikutan itu, pengkaji menjelaskan bahawa teori ini melihat teks sastera sebagai sebuah jalinan struktur yang kompleks kerana segala unsur yang membentuk sesebuah karya perlu diteroka secara lebih mendalam.

Teori Strukturalisme juga digunakan dalam kajian Kusumaning Dwi Susanti (2013) yang bertajuk “Analisis Struktural Dan Kajian Religiusitas Tokoh Dalam Novel *Rumah Tanpa Jendela Karya Asma Nadia*”. Kajian ini menyatakan bahawa Teori Strukturalisme adalah signifikan bagi mengenal pasti, mengkaji, dan menghuraikan fungsi serta perkaitan hubungan yang membentuk sesebuah karya. Dalam hal ini, pengkaji menganalisis novel *Rumah Tanpa Jendela karya Asma Nadia* dengan meneliti aspek perwatakan, plot, dan latar. Setiap aspek tersebut dihuraikan dengan teliti yang memperlihatkan bahawa setiap watak mempunyai peranan tersendiri sehingga membentuk peristiwa-peristiwa yang menjadikan jalan cerita semakin berkembang dan membentuk beberapa pemikiran.


Di samping itu, kajian Nurul Utami (2021) yang bertajuk “Analisis Strukturalisme Teks Drama *Jaka Tarub dan 7 Bidadari Karya Akhudiat*” mendapati bahawa analisis pendekatan

strukturalisme ini bertujuan untuk merungkai dan menjelaskan seteliti dan sedalam mungkin keterkaitan atau jalinan antara semua analisis aspek karya sastera. Justeru, kajian menganalisis setiap aspek struktur binaan teks yang dicantumkan bagi menjelaskan sesuatu perkara secara menyeluruh.

Berdasarkan sorotan literatur, kajian Teori Strukturalisme amat signifikan bagi memperlihatkan mutu sesebuah karya. Hal ini demikian kerana, karya sastera mempunyai struktur yang kompleks kerana unsur-unsur yang terdapat dalam teks saling berhubung yang menjadikan karya sastera tersebut bermakna. Dalam hal ini, pengkaji-pengkaji menggarapkan Teori Strukturalisme untuk menganalisis karya sastera kerana teori ini sesungguhnya memperlihatkan sejauh mana pembentukan sebuah teks yang dihasilkan terlihat hidup dari segi pembinaan tema, watak, plot, latar dan sudut pandangan yang disampaikan dan mempunyai makna yang kukuh kepada pembaca.

### KERANGKA TEORETIS

Kajian ini menggunakan kerangka teori sastera barat iaitu Teori Strukturalisme yang dipelopori oleh ahli linguistik bahasa, Ferdinand de Saussure dari Sweden pada tahun 1875 hingga 1913.(Yudi Jatmiko, 2020). Teori Strukturalisme ini sangat sesuai untuk menilai sesebuah karya sastera yang mempunyai struktur teks yang kompleks terutamanya dari aspek sistem tanda. Setiap struktur binaan teks yang digunakan di dalam karya perlulah dibaca dengan mendalam agar dapat dinilai bagi memahami keseluruhan teks karya sastera tersebut. Teori ini menggariskan enam prinsip iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan regulasi diri, gagasan analisis sinkronik atau sinkronisme dan gagasan desentralisasi perkara yang bertujuan untuk mendalami makna dalam struktur teks sesebuah karya sastera. Sebagaimana yang dipaparkan dalam rajah 1 di bawah:



### **Rajah 1: Teori Strukturalisme**

Prinsip pertama Teori Strukturalisme ialah gagasan kaitan iaitu kajian berkaitan pembentukan susunan struktur teks yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain dalam karya sastera (Mana Sikana, 2003). Gagasan ini merangkumi jalinan antara gagasan yang membentuk tema, struktur teks dan pemikiran dalam karya sastera. Gagasan ini amat membantu pembaca dalam pemahaman awal mengenai karya sastera yang dibaca dan isu yang dikemukakan oleh pengarang. Prinsip kedua adalah gagasan keseluruhan yang merujuk kepada analisis struktur dalaman teks secara penuh iaitu dari aspek jenis genre karya sastera, tema, persoalan, watak, plot, nilai, gaya bahasa dan pengajaran. Gagasan ini membantu pengkaji dalam menentukan sama ada binaan dalaman teks adalah secara konvensi atau tradisi pengarang karya sastera itu sendiri. Prinsip ketiga ialah gagasan transformasi iaitu kekuatan strukturaliti pembinaan teks sastera itu sendiri mempunyai hukum untuk berkembang bagi membentuk karya yang *avant garde* dan inovatif (Mana Sikana, 2003). Karya yang *avant garde* dapat didefinisikan sebagai karya yang bersifat radikal, eksperimental dan bukan ortodoks. Perkara ini menjelaskan bahawa perubahan peristiwa yang terdapat di dalam sesebuah karya sastera boleh berlaku tanpa hukum sebab akibat dan perubahan binaan plot. Prinsip keempat merujuk kepada gagasan regulasi diri yang menganalisis struktur dalaman teks dengan lebih mendalam menggunakan corak dan peralatan seperti watak, latar, teknik serta peristiwa yang membentuk teks. Prinsip kelima ialah gagasan analisis sinkronik atau sinkronisme iaitu kajian tentang perkaitan antara perkataan-perkataan dalam teks melalui aturan-aturan kesusasteraan agar mudah difahami pembaca. Gagasan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu 'langue' dan 'parole'. *Langue* memfokuskan hal-hal seperti sistem bahasa manakala *parole* pula ialah gaya pertuturan yang ditunjukkan bagi menguatkan lagi tingkah laku sesebuah watak. Akhir sekali ialah prinsip keenam iaitu gagasan desentralisasi perkara yang merujuk kepada pandangan dari aspek unsur sejarah dan pengarang harus diabaikan dalam membentuk makna teks (Mana Sikana, 2003). Gagasan ini amat mementingkan pengarang menggunakan kekreatifannya untuk mematuhi sistem sastera dalam karya mengikut genre karya sastera yang ditulis seperti tema, ciptaan watak, gaya bahasa, gaya penulisan, makna simbolik, ekspresi emosi dan latar.

### **METODOLOGI**

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya yang merangkumi kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi menggambarkan objektif kajian. Kaedah kepustakaan yang digunakan adalah untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dan data daripada bahan bacaan tambahan seperti buku, jurnal dan kertas-kertas penyelidikan supaya kajian dapat dihasilkan dengan berkualiti. Ketepatan dan kesesuaian Teori Strukturalisme ini terhadap novel yang dikaji juga telah diperoleh semasa pelaksanaan kaedah kepustakaan menggunakan pelbagai medium bagi mendapatkan maklumat asas berkaitan teori. Manakala bagi kaedah analisis teks pula digunakan untuk proses pemerolehan dan pemprosesan data sastera iaitu melalui analisis terhadap novel *Melati Sarawak* karya Muhammad Rakawi Yusuf (1987). Penerapan Teori Strukturalisme yang menggagaskan enam gagasan iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan regulasi diri, gagasan analisis sinkronik

dan gagasan desentralisasi perkara dalam kaedah analisis teks juga memfokuskan kajian terhadap aspek struktur binaan teks dalam novel Melati Sarawak karya Muhammad Rakawi Yusuf (1987).

## **DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan penilaian dan analisis yang dilakukan, Teori Strukturalisme adalah amat signifikan untuk diaplikasikan dalam novel Melati Sarawak hasil karya Muhammad Rakawi Yusuf (1987). Hasil dapatan analisis kajian menunjukkan bahawa keenam-enam prinsip gagasan dalam Teori Strukturalisme berjaya diaplikasikan. Berikut merupakan dapatan analisis tersebut:

*Jadual 1: Pengaplikasian Teori Strukturalisme*

<b>Teori Strukturalisme</b>	
Gagasan Kaitan	/
Gagasan Keseluruhan	/
Gagasan Transformasi	/
Gagasan Regulasi Diri	/
Gagasan Analisis Sinkronik/Sinkronisme	/
Gagasan Desentralisasi Perkara	/

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan jadual di atas, pengaplikasian prinsip-prinsip gagasan adalah signifikan dan novel Melati Sarawak mencakupi keenam-enam prinsip gagasan Teori Strukturalisme.

### **Gagasan Kaitan**

Mana Sikana (2003) menjelaskan bahawa gagasan kaitan dalam Teori Strukturalisme adalah merupakan suatu gagasan teks, iaitu pembentuk susunan strukturnya adalah saling berkaitan antara satu dengan yang lain dalam cernaan teks. Berdasarkan penilaian dan analisis yang dilakukan terhadap Novel Melati Sarawak, gagasan kaitan dalam novel ini dapat dilihat dengan wujudnya perkaitan antara struktur dalaman sehingga membina sebuah pemikiran. Perkara ini dapat dibuktikan melalui bahagian teks novel tersebut iaitu;

“Adik Nafsiah! Jangan menjadi salah faham. Sungguhpun kita nampak akan permainan gendang itu tiada boleh mendatangkan apa-apa tetapi jikalau kita tilik dengan sehalus-halusnya bahawa sangatlah besar bahaya yang boleh jadi dan sudah terjadi olehnya.”

“ "Oleh faham segala perempuan-perempuan kita yang demikian itulah telah menyebabkan kerendahan mutu bangsa kita apakala berbanding dengan bangsa-bangsa asing dan meninggalkannya ke belakang di dalam perkara perlumbaan hidup dan melencongkan jalan kaum laki-laki kita yang rupa- rupa hendak lurus itu dibawanya ke longkang sehingga orang alim kita pun tak dapat menggerak bibirnya, menutup dan melakukan segala kitab hadisnya di dalam sarah. Sebaliknya juga, jangan-jangan hendak dijual diberi percuma pun orang tak mau.”

(Muhammad Rakawi Yusuf, 1987, p. 24)

Menerusi teks dialog tersebut, pemikiran utama yang terkandung dalam novel ini adalah pemikiran kemasyarakatan. Pengarang bijak dalam memasukkan watak seorang wanita yang merupakan seorang pemain gendang dan memperlihatkan situasi masyarakat yang memartabatkan muzik tradisional serta adat Melayu. Latar tempat yang berkaitan ialah di daerah Kuching, iaitu tempat Aminah bermain gendang. Seterusnya, ada juga masyarakat yang saling mencintai contohnya watak Harun yang mencintai Aminah atau Melati dan berlatarkan sekitar tahun 1927 sehingga 1928. Latar masa ini berkait rapat dengan watak Melati kerana alat muzik pada zaman tersebut bersifat tradisional. Tema bagi novel ini adalah kisah cinta pasangan yang terhalang oleh keluarga. Bapa Harun menghalang kerana dia tidak menyukai wanita yang bermain gendang tersebut.

Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat perkaitan antara tema, latar masa, latar tempat dan watak dalam novel ini sehingga membentuk pemikiran kemasyarakatan kerana terdapatnya masyarakat yang pelbagai serta budaya Melayu tradisional yang ditonjolkan oleh pengarang.

### **Gagasan Keseluruhan**

Menurut Hashim Awang (1985), strukturalisme menganggap sastera sebagai satu sistem yang menyeluruh iaitu memiliki konvensi dan tradisi yang dapat dijelaskan dengan cara tersendiri sehingga menguasai pengarang, pembaca dan teks. Berdasarkan penilaian dan analisis yang dilakukan, Novel Melati Sarawak karya Muhammad Rakawi Yusuf mematuhi keseluruhan sistem dan struktur penciptaan novel dari segi struktur dalaman teks seperti tema, persoalan, watak, latar, nilai, pengajaran, gaya bahasa dan sudut pandangan. Tema yang disampaikan dalam novel Melati Sarawak ialah kisah percintaan antara Harun dan Melati (Aminah) yang terhalang disebabkan tekanan sosial yang hebat dan wujudnya perbezaan ideologi. Dalam hal ini, watak dan perwatakan yang dicipta oleh pengarang menjadikan seluruh teks berfungsi dan struktur dalaman teks menjadi signifikan.

Menerusi novel ini, pengarang memperlihatkan watak dan perwatakan seperti Harun, Melati, Yasin, Omar dan sebagainya yang merupakan aspek dalaman yang membantu mengembangkan jalan cerita atau sesuatu peristiwa dalam novel tersebut. Watak utama yang diberi penekanan dalam novel ini adalah Harun yang telah bertemu dan jatuh cinta dengan seorang gadis yang bernama Aminah yang mendapat jolokan Melati kerana keelokan wajah dan kemerduan suaranya selain bakatnya yang amat terserlah sebagai syeikh gendang atau pun

“gendang perempuan”. Walau bagaimanapun, penghalang utama cinta di antara Harun dan Melati secara tidak langsung adalah ayah Harun itu sendiri iaitu Pak Noraldin yang amat menentang permainan gendang perempuan kerana kemungkinannya boleh merosakkan moral. Harun sebagai anak yang terdidik mematuhi nasihat orang tuanya sehingga dia turut benci akan gendang perempuan. Dalam hal ini, cinta Harun terhadap Melati tidak hanya berhenti di situ, malah pertemuan mereka yang sekian lama semakin menyebabkan Harun mabuk cinta terhadap Melati sehingga dia menulis surat kepada Melati agar berhenti menjadi syekh gendang kerana ingin meminang Melati. Berlakunya konflik apabila Harun sedang memeriksa kerja untuk bapa Melati dan ternampak Melati sedang berada dalam pelukan Encik Omar sehinggakan perkara ini membuatkan Harun marah dan kecewa terhadap Melati. Hal ini dapat dibuktikan melalui dialog teks dalam novel tersebut:

“Diamat-amatilah oleh Si Harun akan dua orang yang duduk itu dan didapatinya adalah orang muda itu ialah Si Omar seorang saudagar pembeli kulit kambing kering yang masyhur juga dan anak gadis itu ialah Aminah 'Melati' dan buah hati kekasih yang diingat-ingatnya. (Hah. Saudagar penjual kulit kambing kering yang termasyhur telah berjumpa dengan saudagar pembelinya yang termasyhur juga bolehlah segera berjaya hal perniagaannya.)”

“Apakala terpanglah keduanya akan Si Harun sedang berdiri memperhatikan keduanya itu Aminah pun terperanjat lalulah lari bertunggang-langgang ke rumah dengan sangat malu dan ngeri pula rasanya dan Si Omar itu pun bangkitlah gembira merah padam warna mukanya datang mendapatkan Si Harun yang masih lagi berdiri menundukkan kepala dan mengetap bibirnya dengan menggeleter kaki tangannya kerana menahankan wap darah panasnya.”

(Muhammad Rakawi Yusuf, 1987, p. 58)

Berdasarkan dialog di atas, gagasan keseluruhan dikukuhkan oleh permainan watak-watak ciptaan Muhammad Rakawi Yusuf. Dalam penulisannya itu, pengarang dengan jelasnya memaparkan peranan watak masing-masing dan turut memperlihatkan penentangan terhadap permainan “gendang perempuan” kerana perbuatan itu meruntuhkan akhlak moral seseorang. Menerusi perkara tersebut, pengarang telah memperlihatkan perbuatan yang membawa kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan manusia yang ditonjolkan melalui perwatakan Melati (Aminah) dan Omar yang berjumpa di tempat yang sunyi serta melakukan perbuatan yang tidak senonoh. Melati yang merupakan pemain “gendang perempuan” adalah terdedah kepada pergaulan bebas dan sering menjadi tarikan lelaki sehingga perkara ini mencemarkan dirinya sendiri, dan begitu juga watak Omar yang mementingkan nafsu sehingga mengabaikan nilai antara sesama manusia. Pengarang secara kreatifnya menyampaikan pesan kepada pembaca agar sentiasa menjaga batas dalam pergaulan mahupun dalam hubungan, di samping menjaga maruah diri dan keluarga agar tidak tercalar dan dipandang serong oleh masyarakat.

### **Gagasan Transformasi**



Peristiwa percintaan Harun dan Melati yang telah ditentang oleh bapa Harun menyebabkan berlakunya perubahan terhadap sikap Harun iaitu pada muka surat 24 dan 25 bab 3. Harun yang merupakan seorang anak yang mematuhi orang tua telah mengikuti kata ayahnya untuk meninggalkan Melati sehingga dia terpengaruh dengan ayahnya untuk membenci gendang perempuan. Harun turut membenci Gendang Perempuan kerana ayahnya juga turut membenci permainan tersebut sehingga Harun memilih untuk berhenti belajar kemudian bekerja jauh daripada tempat asal-usulnya.

Novel ini juga wujud pemikiran kemanusiaan yang diketengahkan oleh pengarang iaitu dapat dilihat melalui golongan yang menghormati ibu bapa dan tidak melawan cakap orang tua serta patuh akan arahan orang tua. Berdasarkan novel Melati Sarawak, pemikiran kemanusiaan berjaya ditonjolkan oleh pengarang dengan mewujudkan watak Harun yang mempunyai sikap terpuji iaitu menghormati dan mentaati perintah orang tuanya terutama bapanya. Oleh itu, walau bagaimanapun cinta Harun dengan Melati, dia lebih memilih untuk mentaati perintah dan kehendak ayahnya tersebut berbanding mengingkari arahan mereka. Pengarang kreatif kerana mampu mewujudkan watak seperti Harun yang tidak tahu harus memilih yang mana, sama ada memilih cinta abadinya mahupun merelakan syurganya sehingga akhirnya dia memilih keluarganya dan mengikuti kehendak mereka dengan merelakan cinta sejatinya Melati. Pengarang kreatif dalam menghasilkan watak yang masih berfikiran waras iaitu mengutamakan keluarganya berbanding dengan sesuatu yang masih belum tentu diperolehi, iaitu Melati.

### **Gagasan Regulasi Diri**

Berdasarkan novel Melati Sarawak ini, pengarang menggunakan teknik dialog pada muka surat 67 dan 68 ini memperlihatkan situasi perbincangan antara Harun dan bapanya. Bapa Harun bercadang untuk menjadi kontraktor bagi mengembangkan cawangan mereka. Kemudian, Harun menjawab dengan sungguh tenang dan teruja kerana sebenarnya Harun sememangnya ingin keluar dari Kuching untuk mencapai cita-citanya bagi meningkatkan kemahirannya. Harun juga ingin keluar dari Kuching kerana ingin mengubati kekecewaan terhadap perbuatan Aminah (Melati) yang mengkhianati kesetiaannya dan meredakan perasaan benci akan segala adat istiadat kaum bangsanya serta kerendahan mutu kaum di tempatnya.

Oleh itu pada suatu hari bermesyuaratlah ia dengan anaknya (Harun). Demikian katanya, "Dari semenjak kebakaran pasar Sibu aku telah masuk fikiran hendak membuka satu cawang di Sibu sana kerana mengembangkan pekerjaan kita. Oleh itu kufikir eloklah engkau pergi ke Sibu mencari- cari jalannya."

Jawab Harun, "Eloklah. Bilakah bapa nak suruh saya pergi?"

Balas bapanya, "Dengan kapal, 'Seri Mukah' pada hari Selasa hadapan inilah."

"Hai! Pucuk dicinta ulamnya datang."

Demikianlah kata Si Harun kemudian daripada telah tetap perundingan dengan bapanya kerana sedang selama itu dia memang mabuk dengan cita- cita hendak keluar meninggalkan tanah airnya bagi sementara melenyapkan wap perasaan dan ingatan yang benci akan segala adat istiadat kaum bangsanya dan kerendahan mutu kaum ibu di negerinya.

(Muhammad Rakawi Yusuf, 1987, p. 67-68)

Berdasarkan petikan teks dari halaman 67 dan 68 novel Melati Sarawak ini, terdapat pemikiran perjuangan yang memperlihatkan golongan masyarakat yang berjuang demi diri dan orang di sekelilingnya. Perkara ini dapat dilihat dari dialog Harun yang memperlihatkan dirinya berjuang untuk mencapai cita-citanya di samping ingin melawan perasaan hatinya. Dialog Harun bersama bapanya menunjukkan Harun berusaha untuk mengubati kekecewaannya. Harun berusaha untuk menyembunyikan kekecewaan dan kebenciannya terhadap perkara yang dihadapinya demi menunaikan hasrat serta cita-citanya agar kedua-dua pihak bahagia. Hal ini dapat dilihat apabila Harun menjawab setiap soalan bapanya dengan sangat tenang dan teruja. Walaupun pada hakikatnya dia sedang di fasa kekecewaan, menerima pelawaan bapanya untuk membuka sebuah cawangan baharu di Sibul demi kebaikan dirinya dan hasrat bapanya sekaligus berjuang untuk melawan perasaannya sendiri.

Pengarang berjaya menggunakan teknik dialog bagi menjelaskan situasi antara diri Harun dan hasrat bapanya. Pengarang berjaya menonjolkan perwatakan Harun yang sanggup berjuang demi orang di sekelilingnya. Situasi yang dihadapi watak Harun juga memberikan kesan yang kepada pembaca agar tidak mudah mengalah dan setiap perkara pasti ada hikmahnya. Pengarang berjaya memperlihatkan peristiwa tersebut berdasarkan situasi Harun yang dirundung kekecewaan dan kebencian kemudiannya mendapat pelawaan untuk meningkatkan kemahiran dirinya di samping membahagiakan bapanya. Harun tidak berputus asa dengan mudah, malah menggunakan perkara tersebut sebagai pemangkin untuk dirinya berjuang demi masa depannya sendiri. Oleh itu, jelaslah bahawa pengarang berjaya menggunakan kreativitinya dalam menciptakan watak Harun yang boleh menjadi inspirasi kepada pembacanya.

### **Gagasan Analisis Sinkronik/Sinkronisme**

Gagasan analisis sinkronik atau *sinkronisme* dalam novel Melati Sarawak dapat diteliti melalui potongan teks berikut:

*“Cih! Bukankah aku ini seorang ‘syekh gendang’ yang terkenal lagi yang terpuji sehingga mereka itu gelarkan aku ‘Mak Senior’? Ya di situlah kelak aku mencurahkan isi perut hatiku bila-bila aku duduk bergendang. Seboleh- bolehnya kuracun juga Si Harun itu lamun saja mahu ia menonton permainan gendang selalu-selalu tetapi yang aku khuatir ialah Si Harun itu sangat- sangat memelihara kehormatan dirinya”*

( Muhammad Rakawi Yusuf, 1987, p.20)

Dari aspek *langue*, monolog ini terbina daripada **ayat seruan, ayat tanya dan ayat penyata**. **Ayat jenis seruan** dalam teks diperlihatkan melalui terdapatnya kata seruan ‘Cis’ dan tanda seru (!) pada monolog tersebut. Pengarang kemudiannya menghubungkan ayat seruan tersebut menjadi **ayat tanya** di mana Melati mengarahkan pertanyaan tersebut kepada dirinya sendiri. Pengarang tidak menggunakan kata tanya tetapi sebaliknya meletakkan partikel ‘-kah’ pada perkataan ‘bukan’ sehingga membentuk kata ‘bukankah’ dan seterusnya diakhiri dengan tanda soal (?). Ini menunjukkan pengarang telah menggunakan ayat tanya jenis ayat tanya tanpa kata tanya dalam monolog tersebut. Monolog tersebut turut dibina daripada dua **ayat penyata** lengkap dengan subjek dan predikat. Contohnya, “aku mencurahkan isi perut hatiku bila-bila aku duduk bergendang” dan “Si Harun itu sangat- sangat memelihara kehormatan dirinya”. Antara golongan kata yang membina struktur ayat monolog tersebut pula ialah **kata adjektif** seperti ‘terkenal’ dan ‘terpuji’. Selain kata nama, terdapat juga banyak golongan **kata kerja** dalam monolog tersebut seperti ‘mencurahkan’, ‘duduk’, ‘bergendang’ ‘menonton’ dan sebagainya. Dari setiap aspek morfologi dan sintaksis ini, pengarang berjaya menghasilkan sebuah dialog yang menggambarkan bahawa Melati ingin memikat hati Harun dengan aksi gendangnya yang hebat. Pembinaan dialog yang sempurna ini mampu menyampaikan mesej daripada pengarang kepada pembaca dengan amat jelas.

Dari aspek *parole* pula, penggunaan kata ‘cis’ pada dialog tersebut memperlihatkan konteks watak Melati yang berasa sangat geram dan marah akan dirinya yang sedang dilanda kebuntuan dalam mendapatkan perhatian dan menyatakan rasanya sukanya kepada Harun. Lakuan bahasa yang terlibat berdasarkan ujaran tersebut adalah geram dan sinis. Penggunaan kata ‘bukankah aku’ pula digunakan bagi memperlihatkan Melati menyoal dirinya sendiri dalam kerangka untuk meyakinkan dirinya sendiri bahawa dirinya adalah syeikh gendang tersohor. Lakuan bahasa yang digunakan pengarang ini memperlihatkan watak Melati yang percaya diri. Penggunaan kata ‘Ya disitulah’ pada ayat penyata pula menunjukkan watak Melati yang sudah membulatkan tekadnya dalam menjayakan rancangannya dalam mendapatkan perhatian Harun. Kata ‘Ya’ seolah-olah simbol tekad dan tegar yang kuat dalam diri Melati dalam mencapai objektifnya. Justeru dialog yang terbina mempunyai perasaan yang boleh diamati oleh pembaca dan memudahkan mereka memahami jalan cerita dengan lebih lancar.

### **Gagasan Desentralisasi Perkara**

Berdasarkan novel Melati Sarawak ini, watak Aminah mempunyai banyak nama jolokan kerana beberapa peristiwa. Contohnya, Aminah dikenali sebagai Melati kerana pada muka surat 14 menjelaskan bahawa di kawasan halaman rumah Aminah terdapat banyak pokok bunga melati. Bunga melati ini juga sinonim dikaitkan dengan percintaan yang menjadi simbol kepada cinta Harun kepada Melati. Selain itu, pada muka surat 37, Aminah juga dikenali sebagai syeikh gendang dan mak senior kerana dia sering bermain gendang serta seorang yang mahir dalam bergendang. Nama syeikh gendang juga menjadi sebuah simbol kepada novel Melati Sarawak yang memartabatkan tradisi masyarakat Melayu. Maka ketiga-tiga nama jolokan Aminah diberikan berdasarkan perkara yang berkait dengan diri serta perkara di

sekelilingnya. Berikut merupakan potongan teks yang menggambarkan watak Aminah dalam novel:

Ha! Sekarang tahulah sudah kita akan nama si gadis itu yang sebenar ialah Aminah dan ada pun "Melati" itu sekadar puji-pujian dan timang-timangan yang diberi oleh bujang-bujangan ke atas gadis yang manis-manis rupa begitu. Tambah pula Si Aminah ini ada bertanam bunga melati dan bunga itulah yang lebih dikasihi dan disayangi-nya daripada bunga-bunga yang lain.

Amboi! Sedap benar rupa liuk-piuk Si Harun menggerinik biola dan bunyi lagu yang dibawanya pun sangatlah menarik hati. Tambahan bertingkah-tingkah dengan bunyi gitar yang dipetik oleh Yasin itu.

Ah. Apa lagi si 'syeikh gendang' itu (Aminah) tiadalah membuang tempoh lagi lalu menerkam akan lagu itu. Iaitu lagu "mai lab" (my love) dengan teriak suara lagi merdu bunyinya sambil meningkah-ningkahkan rebana yang dipangkunya yang mana kita nampak jarinya yang halus bunting-bunting padi itu medam saja seperti revolution enjin rupanya. Hai! Melaram benar 'Mak Senior' di hadapan ubat matanya pada malam itu.

(Muhammad Rakawi Yusuf, 1987, p.37)

Potongan teks di atas menunjukkan novel ini mematuhi sistem sastera dalam karya. Potongan teks tersebut menunjukkan pengarang berjaya menghasilkan karya yang mematuhi tema, ciptaan watak Aminah, gaya bahasa yang bersesuaian dan gaya penulisan yang tepat. Pengarang juga memasukkan frasa 'syeikh gendang' untuk menggambarkan watak Aminah. Hal ini bertepatan dengan makna simbolik (tanda) yang menyokong pematuhan kepada sistem sastera dalam novel *Melati Sarawak*. Selain itu, pengarang menggunakan banyak kata seru dalam dialog bagi menggambarkan ekspresi emosi pengarang yang menjadi keutamaan dalam sistem dalaman sastera. Maka, kreativiti pengarang terserlah apabila novel *Melati Sarawak* ini mematuhi keseluruhan sistem sastera.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, hasil analisis dapatan dan perbincangan dapatan dalam struktur binaan teks novel *Melati Sarawak* hasil karya Muhammad Rakawi Yusuf (1987) berjaya ditonjolkan oleh pengarang dengan sangat signifikan menggunakan Teori Strukturalisme. Karya ini berjaya mencapai setiap gagasan dalam Teori Strukturalisme dengan tepat. Isu semasa masyarakat pada ketika itu jelas dipaparkan melalui perspektif setiap gagasan dengan rinci dan teliti berdasarkan kandungan teks novel *Melati Sarawak* agar dapat dijadikan pengajaran kepada pembaca. Berdasarkan penelitian terhadap novel ini juga dapat menunjukkan struktur binaan teks sesebuah karya sastera yang teratur mampu memudahkan pembaca untuk mengamati dan memahami karya yang dikaji menjadikan sebuah karya sastera tersebut lebih bermutu dan berkualiti. Secara rangkumannya, kajian berlandaskan Teori Strukturalisme ini memberikan impak yang sangat mendalam kepada pengarang dalam mencipta sebuah karya sastera agar

mereka dapat meningkatkan kualiti karya sastera seterusnya dan mengaitkan lebih banyak isu semasa masyarakat pada era Revolusi Industri 4.0 dengan lebih intensif.

## **RUJUKAN**

- Hashim Awang. (1985). Strukturalisme dalam ilmu sastera dan aplikasinya. *In: Seminar Ijazah Tinggi Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.*
- Kusumaning Dwi Susanti. (2013). Analisis Struktural Dan Kajian Religiusitas Tokoh Dalam Novel Rumah Tanpa Jendela Karya Asma Nadia. *SULUK INDO, vol. 2, no. 3, pp. 46-56.*
- Mana Sikana. (2003). Wacana Bahasa dalam Teori Sastera Pascamoden. *Jurnal Bahasa (3) 4: 505-536.*
- Muhammad Rakawi Yussuf. (1987). Melati Sarawak. *Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Nurain bte Khoo Kian Hua, & Sim Chee Cheang. (2019). Satu Penelitian Strukturalis Terhadap Sastera Indie Terpilih. *Jurnal Gendang Alam, 9(1), 118-128.*
- Nur Arfadina Sukri. (2023). Analisis Unsur-Unsur Intrinsik Dalam Novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. *Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.*
- Nurul Utami. (2021). Analisis Strukturalisme Teks Drama Jaka Tarub dan 7 Bidadari Karya Akhudiat. *Jurnal Bahasa Sastra dan Pengajarannya 5(2), 199-205.*
- Nuryanti, Chuduriah Sahabuddin & Abdul Muttalib. (2020). Analisis Novel Tentang Kamu Karya Tere Liye Menggunakan Teori Strukturalis (Unsur Intrinsik). *Journal Perguruan: Conference Series/Volume 2, 2.*
- Yudi Jatmiko. (2020). Ferdinand De Saussure: Strukturalisme dan Sumbangsihnya Bagi Dunia Penarafan Al-Kitab. *Jurnal Amanat Agung, 16(1), 111-143.*

## NOVEL CHOT: ANALISIS DARI PERSPEKTIF STRUKTURALISME

Dayangku Wanieda Aleeya Sofia Awang  
Irwandy Flasher Joel Antol  
Clyrence Peter

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Tahun demi tahun berlalu, bahan bacaan sastera Melayu semakin rancak seakan radikal. Penerapan teori-teori kritikan dalam menghasilkan penulisan sesebuah karya perlu dikembangkan agar penghayatan pembaca dapat diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membedah isi novel *CHOT* menggunakan Teori Strukturalisme kerana belum ada pengkaji yang mengkaji novel ini menggunakan teori ini. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis teori sastera dalam novel *CHOT* karya Azizi Abdullah (2016). Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis novel *CHOT* dengan menggunakan Teori Strukturalisme. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Novel *CHOT* ini mengaplikasikan Teori Strukturalisme yang bertujuan untuk memperlihatkan kandungan atau struktur dalaman teks dengan lebih terperinci. Teori ini mengetengahkan enam gagasan yang harus dititikberatkan dalam sesebuah penulisan sastera iaitu gagasan kaitan, gagasan keseluruhan, gagasan transformasi, gagasan regulasi diri, gagasan analisis sinkronik dan gagasan desentralisasi perkara. Hasil analisis mendapati bahawa enam gagasan dalam Teori Strukturalisme diaplikasikan dalam penghasilan novel ini. Kesimpulannya, Teori Strukturalisme ini jelas dapat dilihat ketika pembaca meniti setiap kata yang digunakan oleh pengarang sehingga mampu menghanyutkan mereka dalam dunia novel itu sendiri. Novel ini juga mampu memberikan kesan positif kepada pembaca kerana setiap baris perenggan yang ditulis oleh pengarang penuh dengan teladan untuk pembaca terutamanya golongan remaja.

**Kata Kunci:** Teori Strukturalisme, gagasan, kritikan, kajian, dalaman

### PENGENALAN

Kritikan merupakan salah satu agenda dalam memperkembangkan kualiti karya yang dihasilkan oleh pengarang sekaligus menambah ilmu pengetahuan kepada pembaca. Pengkritik perlulah mempunyai kemahiran dalam mengkritik mengikut teori yang bersesuaian serta menghayati cara penyampaian penulis sebelum mengkritik hasil karya mereka. Hal ini kerana setiap individu mempunyai cara penulisan yang berbeza serta cara penyampaian yang digunakan juga sudah tentu berbeza. Oleh itu, teori menjadi perkara asas untuk menghasilkan

kerja-kerja kritikan. Hasil kritikan dan kajian yang berkesan mampu meningkatkan kualiti kepengarangan dan apresiasi kesusasteraan (Rene Wellek dan Austin Warren, 1976).

Secara tidak langsung, kerja-kerja kritikan ini meminta pengarang untuk menghasilkan sebuah karya yang menepati teori dan mempunyai pelbagai pengajaran kepada pembaca. Hal ini dikukuhkan lagi apabila Zulkifley Hamid, Norida Berhan dan Kartini Abd Wahab (2015) berpendapat bahawa penggunaan ayat yang gramatis akan dapat menarik dan mengubah pemikiran masyarakat dalam mencapai kehidupan yang lebih baik. Rentetan itu, perkara tersebut dapat dilihat dalam novel yang akan dibincangkan secara terperinci. Novel *CHOT* karya Azizi Abdullah (2016) bukan sahaja mampu dikritik menggunakan teori namun novel ini juga sarat dengan pengajaran dan teladan yang menjadikan novel ini unik kepada pembaca.

Novel ini memperlihatkan keunikan seorang manusia atau lebih tepatnya kanak-kanak yang masih bersekolah harus dewasa sebelum usianya dengan menjadi ketua keluarga, hanya berkawan dengan haiwan dan bukannya manusia seusia dia. Kajian ini akan merungkai novel ini dari sudut strukturalisme.

## **OBJEKTIF**

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis novel *CHOT* karya Azizi Abdullah dengan menggunakan Teori Strukturalisme.

## **SOROTAN LITERATUR**

Sorotan literatur dalam kajian adalah berfokuskan kajian-kajian lepas bagi membantu penerokaan dalam inti penyampaian novel *CHOT* karya Azizi Abdullah (2016). Azman Ismail (2001) telah membuat kajian ketika menyambung pengajian pada peringkat Sarjana yang bertajuk *Teori Strukturalisme Genetik: Penerapan Terhadap Novel-Novel Pramoedya Ananta Teor*. Kajian ini mampu membuktikan nilai-nilai kemanusiaan karya Pramoedya seperti novel *Bukan Pasar Malam* (1951) dan *Rumah Kaca* (1980). Kajian beliau telah mengemukakan persoalan-persoalan yang mampu mendedahkan makna perihal kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi membentuk kesejahteraan bersama. Berdasarkan penelitian, pengkaji iaitu Azman Ismail dilihat kurang memberi penekanan terhadap analisis hubungan antara struktur novel dengan pandangan dunia luar. Justeru, kajian novel *CHOT* ini juga akan merungkai struktur novel serta hubungannya dengan pandangan luar.

Seterusnya, Fadhlil Munawwar Manshur (2019) dalam kajian *Teori Formalisme dan Strukturalisme* juga menyatakan sudut pandang perihal teori strukturalisme. Melalui sorotan literatur pengkaji, teori strukturalisme dikatakan mempunyai hubungan yang erat dengan teori linguistik terutamanya ketika menganalisis bahasa yang digunakan dalam sesebuah karya. Melalui kajiannya, pengkaji mendapati bahawa idea strukturalisme berfungsi untuk menyelidiki suatu fenomena dalam sesebuah karya penulisan kerana Teori Strukturalisme saling berkaitan dengan karya-karya sastera agar isi yang ingin disampaikan oleh pengarang

mampu dijelaskan dengan lebih terperinci sekaligus mendatangkan suatu impak yang positif kepada kehidupan manusia.

Selain itu, kajian Abdul Muttalib dan Wahyuddin (2022) berkaitan dengan kajian analisis buku antologi puisi “Mesej Tua” oleh Hendra Djafar dengan menggunakan Teori Strukturalisme-Semiotik. Kajian yang dilakukan adalah untuk meneliti setiap struktur dalaman karya tersebut menepati kriteria di dalam sesebuah penulisan dengan menggunakan Teori Strukturalisme. Beliau juga berpendapat bahawa penganalisan puisi dapat dimaknai sebagai sebuah usaha dalam menubuhkan ruang apresiasi puisi dan apresiasi puisi ini diperlukan tidak hanya kepada penyair untuk mengenal kualiti puisinya tetapi juga kepada para peneliti untuk menjembatani pemahaman mereka kepada para penikmat puisi.

Kajian Farah Nabilah (2021) dalam kajian beliau terhadap Novel Tanggo dan Samidin karya Ramdya Akmal yang menggunakan Teori Strukturalisme. Beliau berpendapat bahawa karya sastera tidak hanya sekadar sebuah struktur, namun struktur yang memiliki makna. Hal tersebut adalah disebabkan setiap runtutan elemen kejadian dalam cerita kebiasannya didasari oleh struktur mahupun lingkungan. Seperti di dalam Novel Tanggo dan Sadimin, di dalamnya terdapat permasalahan dalam dunia lokalisasi yang penuh dengan keragaman kehidupan masyarakat kelas bawah.

Victhor Fernando, Widyatmike Gede Mulawarman, Alfian Rokhmansyah (2018) dalam kajian mereka terhadap Novel Mellow Yellow Drama karya Audrey Yu Jia Hui juga menggunakan Teori Strukturalisme. Mereka berpendapat bahawa pendekatan ini dilihat memberi landasan yang komprehensif dalam menganalisis karya sastera. Dapatan kajian mereka menyatakan bahawa teori ini tidak hanya meneliti unsur-unsur intrinsik seperti alur, tokoh, dan tema, tetapi juga unsur-unsur ekstrinsik termasuk latar belakang sosial dan sejarah saat novel ditulis. Dengan begitu, ia memungkinkan pembaca untuk memahami lebih dalam bagaimana pandangan dunia pengarang tercermin dalam karyanya dan bagaimana konteks sosial mempengaruhi proses kreatif.

Robert Stanton dalam kajiannya pula terhadap Novel Hayya karya Helvy Tiana Rosa dan Benny Arnas menggunakan pendekatan Teori Strukturalisme. Beliau berpendapat bahawa pendekatan ini memerhatikan struktur naratif serta bagaimana elemen – elemen dalam karya tersebut dapat dihubungkan untuk membentuk satu makna.

Berdasarkan kajian-kajian lampau yang telah dinyatakan, didapati bahawa ramai pengkaji yang menggunakan Teori Strukturalisme dalam membedah karya-karya sastera. Namun begitu, belum ada pengkaji yang mengaplikasikan Teori Strukturalisme dalam merungkai novel *CHOT* karya Azizi Abdullah (2016). Justeru, kajian ini akan merungkai novel *CHOT* (2016) dengan merincikan setiap gagasan yang terdapat dalam Teori Strukturalisme.

## **KERANGKA TEORETIS**



Kajian ini menggunakan teori Strukturalisme. Teori Strukturalisme merupakan suatu teori yang memberikan pengaruh yang besar terhadap hampir semua bidang ilmu. Teori ini tumbuh dan terkenal di Perancis melalui karya Claude Lévi-Strauss, seorang ahli antropologi yang mengaplikasikan konsep Strukturalisme Linguistik Saussure dalam kajiannya terhadap mitos, perhubungan kekeluargaan, dan peraturan permakanan (K.M. Newton, 1997). Bagi Levi-Strauss, yang penting dalam mitos bukanlah hubungan diakronik, tetapi hubungan sinkroniknya (Mana Sikana, 2005). Aspek penceritaan dan sejarah mitos tidak dianggap penting; yang lebih utama adalah susur galur hubungan yang membentuk mitos tersebut.

Teori Strukturalisme berkembang pesat pada dekad 1960-an sebagai upaya untuk menerapkan metode dan konsep Ferdinand de Saussure, bapa linguistik moden, ke dalam kajian kesusasteraan (Terry Eagleton, 1983). Teori ini memiliki pengaruh yang signifikan dalam menggantikan pandangan positivisme atau metode analisis yang bersandarkan pada empirisme (K.M. Newton, 1997). Saussure, seorang ahli falsafah Swiss (1857), meyakini bahwa bahasa memiliki struktur internalnya sendiri dan diatur oleh peraturan-peraturan yang sistematik (Bressler Charles E, 1999). Peraturan-peraturan ini mengendalikan segala aspek bahasa, termasuk bunyi-bunyi yang memiliki makna, kombinasi bunyi yang membentuk perkataan, dan bagaimana perkataan dikendalikan untuk membentuk hubungan yang bermakna dalam bahasa yang digunakan.

Secara umumnya, teori Strukturalisme adalah suatu usaha untuk mengaplikasikan teori linguistik pada objek dan kegiatan lain selain bahasa itu sendiri. Saussure membezakan antara "langue" dan "parole," di mana "langue" merujuk kepada aspek sosial bahasa, manakala "parole" merujuk kepada realiti pengguna bahasa sebenar. Pemisahan ini menjadi asas penting bagi semua teori Strukturalisme yang menyusul (Raman Selden & Peter Widdowson, 1997, Bressler Charles.E. 2000).

Teori Strukturalisme menekankan aspek dalaman yang membentuk struktur teks seperti tema, plot, perwatakan, bahasa, latar, dan sudut pandangan. Struktur ini terdapat dalam genre seperti novel, cerpen, dan drama. Dalam puisi, terdapat elemen tambahan seperti rima, bentuk, nada, dan rangkap. Teori ini tidak memberi perhatian kepada pengarang atau konteks luar teks. Makna teks sepenuhnya bergantung pada sistem dan struktur teks tersebut, dan pembaca tidak dipengaruhi oleh konteks atau pengarang. Strukturalisme menyokong konsep "kematian pengarang" sebagaimana diutarakan oleh Roland Barthes, dan hanya berfokus pada bentuk dan struktur dalaman teks. Hubungan antara aspek-aspek struktur menentukan makna, keindahan, dan keistimewaan teks. Setiap aspek struktur berfungsi dengan kaedah seperti perkaitan, transformasi, regulasi, hubungan keseluruhan, desentralisasi, pertentangan, dan makna yang arbitrari. Suatu aspek struktur tidak dapat menghasilkan makna tanpa perkaitannya dengan aspek lain dalam keseluruhan struktur teks.

Teori Strukturalisme merangkumi enam gagasan utama yang mengupas struktur karya sastera. Pertama ialah gagasan kaitan yang menganalisis hubungan antara tema, pemikiran, dan struktur karya. Seterusnya pula ialah gagasan keseluruhan yang mengkaji struktur dalaman

seperti tema, watak, plot, nilai, dan gaya bahasa. Gagasan ketiga merupakan gagasan transformasi yang meneliti bagaimana perubahan bentuk karya mempengaruhi peristiwa yang berlaku di dalamnya. Gagasan keempat pula ialah gagasan regulasi sendiri untuk membincangkan tentang aturan-aturan dan corak yang menyusun teks sastera. Strukturalisme menekankan pemahaman terhadap sastera sebagai satu sistem yang mempunyai konvensi dan tradisi tersendiri. Ahli strukturalisme menolak hukum sebab-akibat dan lebih mempercayai hukum perubahan bentuk dalam interpretasi teks sastera.

Gagasan yang kelima merupakan gagasan analisis sinkronik, gagasan ini menitikberatkan pada hubungan antara perkataan-perkataan dalam teks dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan. Ini melibatkan konsep *langue* (sistem bahasa abstrak) dan *parole* (pertuturan sebenar). *Langue* meneliti bahasa yang digunakan dalam karya, sementara *parole* merujuk kepada penggunaan bahasa yang berubah-ubah bergantung kepada konteks. Gagasan yang terakhir pula ialah gagasan desentralisasi, perkara ini menekankan pematuhan kepada sistem sastera dalam menilai sebuah karya iaitu unsur-unsur seperti sejarah, pengarang, dan pembaca diabaikan demi fokus kepada unsur-unsur dalam teks. Pengarang dipandang hanya sebagai penerima konvensi sastera yang mengawal kebebasan kreativiti mereka.

## **METODOLOGI**

Kertas kerja ini menggunakan kajian kualitatif iaitu mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan menganalisis teks novel berpandukan gagasan yang terdapat dalam Teori Strukturalisme. Kaedah kepustakaan sangat signifikan dan relevan bagi tujuan mengumpul maklumat perihal karya yang ingin dianalisis sekaligus mengukuhkan hasil analisis kepada pembaca kerana mempunyai pelbagai bahan sokongan ketika melakukan penganalisan. Seterusnya, karya yang telah dipilih iaitu novel *CHOT* karya Azizi Abdullah (2016) sebagai dapatan analisis. Analisis teks merupakan teknik penyelidikan komunikasi lahiriah yang dibuat secara sistematik dan mempunyai objektif tertentu untuk mengetahui perihal teks yang ingin dikaji (Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2019). Analisis teks novel *CHOT* dilakukan dengan meneliti keseluruhan struktur penulisan dalam karya tersebut.

Setelah meneliti akan kesesuaian karya yang dipilih, maka pengaplikasian teori akan dilaksanakan. Teori yang digunakan adalah Teori Strukturalisme. Teori ini mula berkembang di Barat dan tersebar luas ke Nusantara Tanah Melayu. Teori Strukturalisme merupakan teori yang digunakan untuk menilai sesuatu karya mengikut struktur atau rangka dalaman sesebuah penulisan. Teori ini mempunyai prinsip-prinsip struktural yang diberi nama sebagai gagasan. Terdapat enam gagasan, iaitu [1] Gagasan Kaitan, [2] Gagasan Keseluruhan, [3] Gagasan Transformasi, [4] Gagasan Regulasi Diri, [5] Gagasan Analisis Sinkronik dan [6] Gagasan Desentralisasi Perkara. Berdasarkan gagasan-gagasan tersebut, maka perbincangan kertas kerja ini akan merungkai struktur dalaman novel *CHOT* karya Azizi Abdullah (2016).

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil kajian telah memperlihatkan bahawa novel “CHOT” ini menerapkan dengan signifikan dan menepati setiap gagasan-gagasan yang terdapat dalam Teori Strukturalisme. Berikut merupakan analisis terhadap gagasan-gagasan yang digunakan dalam penyampaian penulisan novel “CHOT” berdasarkan Teori Strukturalisme.

Jadual 1: Analisis Teks Novel CHOT

Teori Strukturalisme dalam novel “CHOT”						
Gagasan	Gagasan Kaitan	Gagasan Keseluruhan	Gagasan Transformasi	Gagasan Regulasi Diri	Gagasan Analisis Sinkronik	Gagasan Desentralisasi
Penggunaan	/	/	/	/	/	/

## PERBINCANGAN

Berdasarkan jadual di atas, dapatan analisis menunjukkan bahawa semua gagasan yang terdapat dalam Teori Strukturalisme digunakan dan diterapkan dalam novel. Novel yang mengaplikasikan gagasan-gagasan ini mampu menunjukkan kekuatannya dalam penghasilan rangka dalaman sesebuah teks karya. Penggunaan teori ini secara tidak langsung telah menjadikan novel ini sebagai salah satu karya yang menepati kriteria penghasilan karya sastera yang baik.

### Gagasan Kaitan

Pendekatan ini melihat suatu karya sastera sebagai suatu gagasan yang saling berkait di antara satu sama lain dan sehingga dapat membentuk satu pemikiran. Gagasan ini juga meneliti kaitan di antara gagasan iaitu tema dan pemikiran serta struktur di dalam sesuatu karya. Gagasan kaitan ini digunakan oleh pengarang di dalam karya untuk menekankan pemikiran kemasyarakatan yang terdapat di dalam novel “CHOT”. Pemikiran ini sangat sesuai dengan struktur dalaman kerana disokong kuat oleh tema, persoalan dan latar novel ini. Berikut merupakan bukti gagasan kaitan yang digunakan di dalam novel “CHOT”.

“Chot masih sayangkan kau, Lias!” kata Som. Alias pun menyeringai giginya seperti Chot ,menyeringai giginya meminta pisang. Dia kelihatan sangat gembira walaupun sesekali dia meraba-raba telinganya yang berdenyut

(Azizi Abdullah, 2016, p.52)

Mak Su Kiah, jiran sebelah, kematian suaminya sejak beberapa lama. Mak Su Kiah sangat baik hati kepada Alias dan ibunya-suka mengambil berat. Boleh dikatakan, Mak Su Kiahlah yang menjaga ibu Alias jika terjadi sakit pening. Boleh dikayakan, dua hari dalam seminggu, makan tengah haru Mak Su Kiahlah yang memberi sayur gulai sebelum Alias sempat memasak sendiri.

(Azizi Abdullah, 2016, p.58)

Petikan di atas jelas memaparkan pemikiran kemasyarakatan yang ditunjukkan melalui dua watak iaitu Alias dan beruknya, Chot. Pemikiran tersebut memperlihatkan bahawa persahabatan yang berlaku di antara haiwan dan manusia yang saling bergantung di antara satu sama lain. Pemikiran kemasyarakatan juga ditunjukkan melalui watak Mak Su Kiah yang merupakan seorang baik hati dan sentiasa membantu ibu Alias ketika sakit malah Mak Su Kiah sering memberikan makanan kepada Alias dan ibunya. Novel Chot mengetengahkan tema kasih sayang antara makhluk ciptaan Tuhan dan sesama manusia. Tema ini jelas menggambarkan bahawa watak Alias yang berusia 11 tahun sangat menyayangi beruk peliharaannya yang bernama Chot kerana beruk itulah yang menjadi temannya dari kecil. Chot merupakan beruk yang ditugaskan untuk memetik buah kelapa dari pokok kelapa dan hasil berkenaan kemudiannya akan dijual untuk membeli makanan asas seperti beras. Watak Mak Su Kiah juga menggambarkan kasih sayang di antara sesama manusia. Buktinya, Mak Su Kiah sering mengambil berat terhadap Alias dan ibunya dengan memberikan nasi dan lauk serta menjaga ibu Alias sekiranya ibu Alias sakit.

Pemikiran ini disokong oleh persoalan masyarakat kampung yang mengamalkan semangat saling bantu - membantu. Buktinya, Mak Su Kiah menyediakan makanan tengah hari untuk Alias dan ibunya. Selain itu, novel ini juga memaparkan persoalan masyarakat yang setia dalam persahabatan. Buktinya, Alias menganggap Chot sebagai temannya sehingga Alias sanggup untuk datang lewat ke sekolah demi mencari Chot yang telah hilang. Malah, latar masyarakat novel ini juga dilatari oleh masyarakat kampung yang membela beruk untuk mencari rezeki. Justeru, pemikiran kemasyarakatan amat berkait rapat dengan tema, persoalan dan latar masyarakat bagi mendasari novel ini. Pemikiran ini mampu memaparkan gagasan pemikiran pengarang untuk mengukuhkan struktur teks.

### **Gagasan Keseluruhan**

Strukturalisme menekankan keseluruhan unsur kerana menganggap sastera sebagai suatu sistem atau struktur iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi sendiri. Gagasan kaitan ini mengkaji struktur dalaman di dalam suatu karya. Karya dalaman ini melibatkan tema, persoalan, watak, plot, nilai dan gaya bahasa.

Bagaimana kalau Chot tidak balik juga? Apa-apa pun selagi tidak menjumpai Chot, dia tidak akan ke sekolah, Chot adalah nyawanya. Chot ialah punca dia dapat belanja ke sekolah dan belanja untuk ibunya.

(Azizi Abdullah, 2016, p.10)

Tema novel *CHOT* ialah kasih sayang sesama makhluk ciptaan Tuhan. Buktinya, sikap kasih sayang ini jelas dapat dilihat melalui watak Alias yang disampaikan oleh pengarang. Buktinya, Alias sangat menyayangi beruknya, Chot sehingga sanggup lewat ke sekolah semata-mata untuk mencari Chot yang telah hilang pada pagi tersebut dan Alias sangat menyayangi

Chot kerana Chot merupakan sumber rezeki kepada Alias dan ibunya. Jadi, watak-watak tersebut menggerakkan plot penceritaan novel untuk menyampaikan mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang. Mesej tersebut berfungsi sebagai nilai moral atau pengajaran supaya pembaca dapat mengambil iktibar dan contoh daripada peristiwa dalam novel. Buktinya, nilai yang diperlihatkan melalui tema ialah nilai kasih sayang di antara manusia dan haiwan peliharaan. Alias sangat menyayangi beruknya sehingga tidak takut untuk dimarahi oleh gurunya kerana lewat ke sekolah kerana Alias risau akan beruknya kerana takut beruknya lari ke hutan, dicuri orang atau mungkin ditakik orang. Maka, nilai kasih sayang ini berkait rapat dengan tema novel ini. Jelaslah bahawa gagasan keseluruhan ini mencakupi kriteria pembentukan novel apabila watak yang diwujudkan oleh pengarang berjaya menekankan tema sesebuah novel.

### Gagasan Transformasi

Gagasan transformasi ini melibatkan penelitian sesuatu peristiwa yang berlaku di dalam sesebuah karya yang menyebabkan perubahan bentuk atau peristiwa di dalam sesebuah karya namun perkara tersebut bukan melibatkan plot atau hukum sebab akibat. Hal tersebut disebabkan ahli-ahli strukturalisme tidak percaya kepada hukum sebab akibat dan mereka hanya percaya kepada hukum perubahan bentuk iaitu bagaimana cara pengarang memproses sesuatu peristiwa. Novel *CHOT* telah menampilkan peristiwa yang menunjukkan perubahan bentuk di dalam karya ini. Gagasan transformasi di dalam novel *Chot* memperlihatkan kehebatan penulis dalam mewujudkan peristiwa- peristiwa yang menarik iaitu penulis mewujudkan satu watak haiwan peliharaan iaitu seorang beruk yang bernama Chot Ini dapat dilihat daripada garapan data di bawah:



**Gambar Rajah 1**

Sudahhhh!” Cikgu Sunan bertempik. Alias terkejut besar! Tiba-tiba dia terasa sejuk dan pemandangannya mula berpinar-pinar. Alias terdorong ke belakang dan jatuh terlentang. Telinga kanan Alias terkena bucu meja murid. Telinganya terasa bengang. Pandangannya bertambah berpinar-pinar. Dia terasa seperti terlentang di tengah padang pasir.

(Azizi Abdullah, 2016. P.37)

Alias menyenget kepalanya. Cikgu Sunan memegang kepala Alias dan menekan sedikit untuk memastikan lubang telinga yang bernanah itu. Cikgu Sunan sedar semua itu adalah akibat

perbuatannya. Cikgu Sunan sedar Alias sakit. Ketika memerhati itu, setitik dua air mata Cikgu Sunan jatuh ke pipi Alias. Chot yang berkreh di atas daha, melompat dan melonjak kuat sehingga rantai di lehernya putus. Chot terjun ke tanah. Sepantas kilat Chot menerkam Cikgu Sunan yang sedang menekan kepala Alias. Dengan kemarahan dan kebengisan, Chot mengigit lengan Cikgu Sunan.

(Azizi Abdullah, 2016, p.192)

Plot bagi novel 'Chot' ini adalah bersifat kronologis. Peristiwa yang menjadi titik tolak perubahan di dalam novel ini adalah di mana Cikgu Sunan menengking Alias kerana terlambat ke sekolah kerana Alias mencari beruknya yang hilang dan menyebabkan telinga Alias terhantuk di bucu meja disebabkan terkejut mendengar cikgunya menengking. Disebabkan perkara tersebut telinga Alias bernanah dan berbau busuk menyebabkan Alias tidak turun ke sekolah selama seminggu. Tidak berhenti disitu, penulis juga meletakkan satu lagi peristiwa yang di mana Cikgu Sunan berkunjung ke rumah Alias kerana berasa bersalah menyebabkan telinga anak muridnya bernanah dan disebabkan perkara tersebut Alias tidak ingin bersekolah kerana merasa malu. Setibanya dia di sana, Cikgu Sunan cuba memeriksa keadaan telinga Alias dan Chot yang melihat Cikgu Sunan memeriksa telinga Alias, mula meronta-ronta sehingga rantainya putus dan bertindak menerkam lengan Cikgu Sunan. Alias cuba untuk melepaskan gigitan Chot tetapi gagal kemudian Alias mengambil lembing berkarat di bawah rumahnya dan merodok perut Chot sampai terkulai dan mati di dalam dakapan Alias. Maka, peristiwa-peristiwa tersebut adalah merupakan titik tolaknya perubahan di dalam novel ini yang di mana setelah peristiwa tersebut Alias mula ingin bersekolah dan segala biaya persekolahannya ditanggung sepenuhnya oleh Cikgu Sunan.

### **Gagasan Analisis Sinkronik**

Pendekatan ini berfokuskan kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam suatu teks saling berhubungan di antara satu sama lain serta bagaimana suatu teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan. Perkara tersebut berkait dengan langue dan parole. Di dalam analisis linguistik, langue adalah merupakan sistem bahasa atau suatu linguistik yang abstrak manakala parole adalah merupakan suatu pertuturan yang sebenar yang dilaksanakan oleh seorang penutur. Kedua-duanya akan menjadi langue yang akan membentuk keseluruhan bagi memungkinkan teks ditulis atau dibaca. Berdasarkan Novel *CHOT*, pengarang telah berjaya menggunakan pemilihan kata yang sesuai untuk menunjukkan perkaitan di antara ayat-ayat di dalam sesebuah karya. Sebagai contoh, pada muka surat 173 dalam novel, terdapatnya kata-kata hubung seperti **tapi** dan juga **sebab**. Pengarang telah mengaplikasikan penggunaan kata-kata hubung seperti **tapi** bagi memperlihatkan kemajuan Som yang jawab banyak soalan Matematik dengan betul walaupun dahulu Som lemah dalam Matematik. Sementara penggunaan kata hubung seperti **sebab** dalam teks adalah untuk memberi alasan Som menampilkan kemajuannya dalam subjek Matematik. Langue mengkaji aspek bahasa yang digunakan, iaitu dialog dalam karya berdasarkan ayat yang diujarkan oleh watak.

“Bagus! **Lain kali belajar bersungguh-sungguh.** Matematik penting.” kata Cikgu Sunan, kemudian dia berdiri memegang buku kerja Som. “**Dengar sini semua.** Inilah contoh orang yang rajin!” Cikgu Sunan menjulang-julang buku kerja Som. “**Som dulu lemah dalam Matematik, tapi** telah nampak kemajuannya. **Sebab apa? Dia rajin!**” kata Cikgu Sunan sambil memerhatikan setiap muridnya. “Kalau kamu nak pandai, ikut macam Som. **Rajin datang ke sekolah. Dah tu dia rajin meneliti!**”

(Azizi Abdullah, 2016, p.173)

Ayat Tunggal	Lain kali belajar bersungguh-sungguh. Rajin datang ke sekolah. (Azizi Abdullah, 2016, p.173)
Ayat Majmuk	Som dulu lemah dalam Matematik, tapi telah nampak kemajuannya. (Azizi Abdullah, 2016, p.173)
Ayat Seru	Dah tu, dia rajin meneliti! Dia rajin! (Azizi Abdullah, 2016, p.173)
Ayat Perintah	Dengar sini semua. (Azizi Abdullah, 2016, p.173)
Ayat Tanya	Sebab apa? (Azizi Abdullah, 2016, p.173)

Langue melibatkan struktur ayat, golongan kata dan sintaksis iaitu jenis ayat. Berdasarkan teks, terdapat (sintaksis) beberapa jenis ayat yang telah dikenal pasti iaitu ayat tunggal, ayat majmuk, ayat seru, ayat perintah & ayat tanya. Penggunaan ayat-ayat tersebut oleh watak Cikgu Sunan adalah untuk menggalakkan muridnya mencontohi Som dan mengingatkan mereka untuk belajar bersungguh-sungguh. Jelaslah bahawa pengarang telah mengaplikasikan ayat tunggal, ayat majmuk, ayat seru, ayat perintah dan ayat tanya dalam mencipta dialog antara watak dalam novel, iaitu Cikgu Sunan, Som dan rakan sekelasnya (murid).

Parole melibatkan gaya pertuturan, iaitu cara seseorang watak menyampaikan dialognya. Perkara ini juga merujuk kepada intonasi atau nada suara dalam percakapan atau komunikasi lisan. Contohnya, perbuatan parole adalah seperti mengejek, menolak ataupun bersetuju. Berdasarkan teks, pengarang telah berjaya mengaplikasikan intonasi suara sinis dan tegas ke dalam watak Cikgu Sunan yang mengekspresikan dirinya semasa berinteraksi dengan anak muridnya.

“Bagus! Lain kali belajar bersungguh-sungguh. Matematik penting.” kata Cikgu Sunan, kemudian dia berdiri memegang buku kerja Som. “Dengar sini semua. Inilah contoh orang yang rajin!” Cikgu Sunan menjulang-julang buku kerja Som. “Som dulu lemah dalam Matematik, tapi telah nampak kemajuannya. Sebab apa? Dia rajin!” kata Cikgu Sunan sambil

memerhatikan setiap muridnya. “Kalau kamu nak pandai, ikut macam Som. Rajin datang ke sekolah. Dah tu dia rajin meneliti!”

(Azizi Abdullah, 2016, p.173)

Parole di dalam ini dapat dilihat melalui petikan di atas. Buktinya, Cikgu Sunan menyampaikan intonasi suara yang tegas dan sinis dalam menasihati para muridnya. Maka perkara tersebut telah memperlihatkan gaya pertuturan yang dapat dikenal pasti melalui watak Cikgu Sunan.

### **Gagasan Desentralisasi Perkara**

Gagasan ini melibatkan kepada pematuhan terhadap sistem sastera di dalam karya iaitu dengan meneliti genre sastera sama ada novel, cerpen atau drama. Perkara tersebut melibatkan pematuhan sistem dalaman karya iaitu tema, ciptaan watak gaya bahasa, gaya penulisan, makna simbolik, ekspresi emosi dan juga latar. Hal tersebut adalah untuk menggambarkan kreativiti pengarang. Unsur-unsur sejarah, pengarang dan pembaca diketepikan kerana berfokuskan kepada unsur-unsur dalaman teks. Pengarang dikatakan terpaksa tunduk kepada konvensi sastera yang mengongkong kebebasan. Kreativiti pengarang hanya berlaku apabila beliau mematuhi kesuluruhan sistem sastera ini. Novel CHOT mematuhi sistem sastera dalam karya kerana struktur dalamannya seperti tema, penciptaan watak, gaya bahasa, makna simbolik, ekspresi emosi, latar dan yang paling utama adalah gaya penulisan mematuhi peraturan dalam sastera. Unsur-unsur sejarah, pengarang dan pembaca diketepikan kerana hanya melihat pada struktur dalaman teks. Simbolik adalah sebuah tanda yang dibawa oleh penanda dengan memberi petanda makna yang mewakili mereka. Simbolik ini diteliti melalui imej, citra, simile dan sebagainya bagi menunjukkan kekreatifan pengarang.

“Jiwa Cikgu Sunan tersentak bagai ditikam lembing yang berkarat”

(Azizi Abdullah, 2016, p. 196)

“Apabila Cikgu Sunan naik minyak, semua murid jadi takut”

(Azizi Abdullah, 2016, p. 26)

Simbolik yang digunakan diatas ialah simile yang merupakan gaya bahasa untuk membandingkan sesuatu perkara dengan jelas. Makna simbolik bagai ditikam lembing yang berkarat membawa maksud bahawa perkara yang menyayat hati. Hal ini bermakna ayat tersebut memberi pernyataan bahawa tutur bicara Alias telah menyayat hati gurunya dengan mendalam kerana ianya ringkas namun mampu menusuk ke hati.

Metafora merujuk kepada pengucapan yang mengandungi unsur-unsur bandingan yang memang tersirat sifatnya. Makna yang ingin disampaikan melalui penggunaan naik minyak (metafora) adalah tindak balas seseorang yang marah. Dalam konteks ini, Cikgu Sunan akan cepat marah sekiranya muridnya tidak menyiapkan kerja sekolah memandangkan beliau merupakan seorang guru yang garang dan tegas dengan muridnya.



Ekspresi emosi digunakan oleh pengarang menyampaikan karya sebagai bentuk penterjemahan melalui penggunaan ayat untuk mengungkapkan emosi marah, sedih, gembira dan sebagainya. Dalam Novel *CHOT*, pengarang mengekspresikan emosi melalui watak-watak. Watak-watak memainkan peranan penting dalam menjayakan dan menterjemahkan emosi melalui verbal dan bahasa non verbal yang menunjukkan kreativiti pengarang.

‘Cuba kamu tengok Alias ini!’ kata Cikgu Sunan dengan marah “ Tak rasa malu datang lambat.

(Azizi Abdullah, 2016, p. 38)

“ Som mendekatinya “Lias jom kita keluar makan” ajak Som sambil mengesat-ngesat air matanya. Alias melihat Som dengan gelinangan air mata

(Azizi Abdullah, 2016, p. 39)

Chot...! Chot...! Turunlah Chot...!” jerit Alias keriangannya

(Azizi Abdullah, 2016, p.51)

Dalam halaman 38. ekspresi emosi marah ditonjolkan melalui watak Cikgu Sunan yang memarahi Alias kerana datang lewat ke sekolah. Selain itu, terdapat juga ekspresi emosi sedih pada halaman 39 yang disampaikan oleh pengarang melalui watak Som. Som menangis disebabkan dia sedih melihat rakannya itu diejek sebagai ‘Beruk’. Pengarang turut menyampaikan emosi gembira melalui watak Alias pada halaman 51. Alias berasa gembira setelah menjumpai beruknya dia atas pokok dan sedaya upaya memanggil Chot untuk turun dari pokok. Maka, novel *CHOT* ini mencakupi nilai kriteria novel kerana pengarang berjaya melibatkan pematuhan sistem dalaman sesebuah karya.

### Gagasan Regulasi Diri

Gagasan ini melibatkan struktur pembinaan dalaman teks iaitu teknik. Teknik merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengarang dalam mengembangkan plot cerita supaya menarik untuk dibaca. Teknik plot ini melibatkan beberapa teknik iaitu dialog, monolog, saspens, imbas muka dan sebagainya. Di dalam novel “ Chot” terdapatnya beberapa teknik plot.

Dialog	“Mak, Chot...” Alias cuba mengadu kepada ibunya yang telah mengesot semula ke tempat tidur. Ibunya tidak ada banyak tenaga untuk bangun dan amat susah ke san sini kerana lumpuh. “Cepat ke sekolah Lias, nanti terlewat” kata ibunya tanpa peduli kegelisahan Alias.  (Azizi Abdullah, 2016, p.5)
--------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Monolog	<p>Alias memandang ibunya- mahu sahaja dia memberitahu ibunya yang telinganya sakit. Mahu dia memberitahu ibunya bahawa lubang telinganya terasa seperti keluar nanah tetapi Alias berasa takut. Apakah jawapannya nanti apabila ibunya bertanya kenapa? Alias tidak mahu memberitahu bahawa Cikgu Sunan mengherdikanya sampai dia jatuh terlentang. Memberitahu hal ini, juga beerti memberitahu yang dia seorang murid yang nakal atau malas.</p> <p>(Azizi Abdullah, 2016, p.88)</p>
Imbas Kembali	<p>Tiga Hari yang lalu, sebelum jatuh terlentang di dalam kelas, Pak Din telah berpesan kepada Som agar memberitahu Alias supaya memetik sebanyak mana sekalipun buah kelapa yang ada. Banyak mana yang dapat, ambil sedikit sebagai upah, pesan Pak Din.</p> <p>(Azizi Abdullah, 2016, p.96)</p>
Imbas Muka	<p>Som hanya tunduk. Som tidak tahu perkara yang akan terjadi apabila waktu berehat habis dan Alias berada di dalam kelas. Bagaimanakah Alias mampu menahan malunya di dalam kelas nanti, kawan-kawannya tersu menyindir dan berkata buruk, buruk?</p> <p>(Azizi Abdullah, p. 42)</p>
Saspens	<p>“ Budin!” Kamal termengah-mengah. “ Beruk yang merosakkan kebun pisang kau tu dah kena tembak. Mati!” “Mati?” tanya Budin dan kemudian berlari mengikut Kamal. Miah juga terkedek-kedek mengikut Budin dan Kamal. Alias terpinga-pinga. Pandangannya berbinau-binau. Seakan-akan bergegar jantung hatinya. Sangat lemah tenaganya. Dia melihat ibunya, melihat Mak Su Kiah, melihat Pak Din dan seperti dirasuk hantu, dia menahan sedih, “Tidak! Jangan bunuh Chot! Jangan!</p> <p>(Azizi Abdullah, 2016, p. 157)</p>
Kejutan	<p>“ Kau sindir saya?” jerit Cikgu Sunan “ Tidak, cikgu. Saya sayang dia!”. “Sudahhhh!”, Cikgu Sunan bertempik. Alias terkejut besar. Tiba-tiba dia terasa sejuk dengan pandangannya dan mula bepinar-pinar. Alias terdorong ke belakang dan jatuh terlentang. Telinga kanan Alias terkena bucu meja murid. Telinganya terasa bengang. Pandangannya bertambah bepinar-pinar, Dia terasa seperti telentang di padang pasir.</p> <p>(Azizi Abdullah, 2016, p.37)</p>

Bagi teknik plot yang pertama iaitu dialog. Dialog ini melibatkan perbualan di antara Alias dan ibunya yang mengadu bahawa Chot iaitu buruk peliharaannya telah hilang ketika Alias ingin turun ke sekolah. Ibu Alias menasihatinya supaya dia tidak risau akan buruknya itu dan segera pergi ke sekolah sebelum terlambat. Ibunya juga bimbang Som akan menunggunya lama di persimpangan jalan.

Teknik plot seterusnya ialah monolog. Alias bermonolog ketika dia tidak mahu ke sekolah kerana berbelah bahagi untuk memberitahu ibunya bahawa telinganya sakit selepas peristiwa dia dimarahi oleh Cikgu Sunan. Alias membatalkan niatnya untuk memberitahu ibunya kerana bimbang ibunya akan mengatakan bahawa dia murid yang nakal dan malas.

Bagi imbas kembali pula, Alias teringat semula akan pesanan yang disampaikan Som pada tiga hari lalu, iaitu Pak Din menyuruhnya memetik buah kelapa sebanyak yang mungkin. Perkara tersebut menunjukkan bahawa Alias mengingati semula perkara tersebut yang di mana hal tersebut merupakan teknik imbas kembali. Selain itu, adanya teknik imbas muka di dalam novel “Chot” ini yang di mana Som membayangkan perkara yang akan dilakukan oleh rakan sekelasnya kepada Alias apabila waktu rehat sudah tamat selepas Alias ditengking oleh Cikgu Sunan.

Teknik plot yang terdapat di dalam Novel “Chot” ialah saspens iaitu peristiwa seekor beruk yang merosakkan kebun pisan Budin telah ditembak mati. Alias menjadi lemah kerana menyangkakan bahawa beruk itu adalah Chot. Pembaca tertanya-tanya sama ada beruk tersebut adalah Chot ataupun bukan dan peristiwa tersebut telah mewujudkan unsur saspens.

Teknik yang terakhir adalah kejutan. Peristiwa Alias yang terlewat datang ke sekolah kerana mencari beruknya yang hilang telah menyebabkan Alias ditengking oleh Cikgu Sunan kerana berasa marah apabila Alias memberikan alasan bahawa dia lambat datang ke sekolah kerana mencari beruknya yang hilang. Pembaca tidak menyangka bahawa Cikgu Sunan akan menengking Alias sehingga menyebabkan Alias terjatuh dan telinganya terkena pada bucu meja.

Maka, teknik-teknik plot di atas merupakan salah satu cara dalam menjadikan sesebuah karya itu menarik dan seronok untuk dibaca. Novel “Chot” ini telah mematuhi struktur dalaman kerana mempunyai teki-teknik plot yang pelbagai.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, dapat dilihat bahawa strukturalisme ini mementingkan aspek pembinaan struktur dalaman sesebuah teks di dalam karya tersebut. Analisis yang diperolehi juga mampu memperlihatkan pelbagai pengajaran yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca terutamanya kepada pembaca yang masih bersekolah. Tambahan pula, struktur dalaman novel yang telah dibincangkan menepati aspek penulisan sesebuah karya kerana hasil karya tersebut boleh dikritik menggunakan teori kritikan dengan baik.

Analisis novel *CHOT* ini mampu memberi impak kepada masyarakat pada era Revolusi Industri 4.0 ini. Hal ini kerana, pelbagai penambahbaikan yang boleh dilakukan seperti mesin-mesin pencabut kelapa untuk memudahkan urusan peniaga-peniaga yang menjual kelapa. Kesimpulannya, analisis novel ini secara tidak langsung mampu meningkatkan kualiti produk penghasilan negara agar mampu bersaing dengan negara maju yang lain. Seterusnya, hasil

penerokaan ini mampu menghuraikan setiap gagasan Teori Strukturalisme untuk dijadikan teladan kepada masyarakat untuk menambah nilai-nilai murni yang ada dalam kehidupan sekaligus mampu menjadi masyarakat yang futuristik kerana mampu melihat penambahbaikan dan penyelesaian perihal masalah yang timbul dan mencipta sebuah penyelesaian yang mampu digunakan untuk masa kini dan masa akan datang. Peningkatan masyarakat holistik mampu meningkatkan kualiti generasi yang futuristik.

## RUJUKAN

- Abdul Muttalib dan Wahyuddin. (2022) Analisis antologi puisi mesej lama Hendra Djafar menggunakan teori strukturisme-semiotik. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 7(1)  
<http://jurnal.umtapsel.ac.id/index.php/Linguistik/article/view/4711>
- Azizi Haji Abdullah. (2016). *CHOT*. Al- Ameen Serve Holdings.
- Baharudin dan Nordiana Hamzah. (2021). Adab kepada alam semesta dalam novel Nggusu Waru Yang Tersisa karya N.Marewo berdasarkan nilai adab menurut Al-Ghazali. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(2)  
<https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/149/111>
- Farah Nabilah. (2021). Novel tanggo dan sadimin karya Ramadya Akmal: Kajian Strukturalisme genetik. *Jurnal Kata*, 5(2)  
<http://publikasi.ildikti10.id/index.php/kata/article/view/153>
- Fernando, V., Mulawarman, W. G., & Rokhmansyah, A. (2018). Pandangan dunia pengarang dalam novel mellow yellow drama karya audrey yu jia hui: kajian strukturalisme genetik. *Ilmu Budaya: Jurnal Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya*, 2(1), 71-80.
- Kim Dong Hoon et al. (2023). Kajian pandangan dunia antipenjajahan Jepun dalam novel-novel terpilih berdasarkan teori strukturalisme genetik. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34.  
<https://doi.org/10.22452/jomas.vol34no2.2>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasution, N. Y., & Sudarti, N. (2020). Analisis Novel Hayya Karya Helvy Tiana Rosa Dan Benny Arnas Dalam Kajian Strukturalisme Robert Stanton. *Jurnal Komunitas Bahasa*, 8(2), 55-66.
- Shokeri Hassan. (2003). *Perkembangan teori dan pendekatan kritikan dalam kesusasteraan Melayu dekad 80-an dan 90-an*. Universiti Putra Malaysia

## ANALISIS SISI PENGKAEDAHAN MELAYU DALAM NOVEL UMMI DAN ABANG SYEIKHUL

Deborah Ophelia Kelly  
Efyscia Lee

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

### Abstrak

Sastera Melayu merupakan salah satu medium dalam menggambarkan keindahan budaya dan akal budi masyarakat Melayu. Sastera Melayu mencerminkan warisan budaya yang kaya dengan keindahan adab, keunikan gaya bahasa dan kedalaman makna yang terdapat di dalamnya untuk menyampaikan nilai-nilai budaya Melayu. Selain itu, sastera Melayu juga berfungsi untuk menyampaikan mesej-mesej estetika, moral dan keagamaan. Namun begitu, sastera Melayu mengalami masalah dalam menyampaikan makna mesej tersebut dan konsep keindahannya apabila menggunakan kerangka teori estetik dan teori sastera Barat. Justeru, sastera Melayu yang memiliki makna perlulah ditelusuri agar mampu diangkat nilainya apabila merujuk kepada fungsi-fungsi tersebut. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur keagamaan yang terdapat dalam Novel “Ummi dan Abang Syeikhul” secara terperinci menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang. Kaedah kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dengan menganalisis aspek tekstual dan kontekstual teks. Berdasarkan kajian, novel “Ummi dan Abang Syeikhul” telah menggunakan lima pendekatan yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu, iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Novel “Ummi dan Abang Syeikhul” telah menonjolkan unsur-unsur keagamaan melalui watak dan perwatakan, gaya bahasa, latar belakang masyarakat serta peristiwa-peristiwa yang penting dalam menyampaikan mesej keagamaan. Secara keseluruhannya, kerangka teori Pengkaedahan Melayu mampu memperlihatkan kekuatan dan kreativiti pengarang untuk mengutarakan unsur-unsur keislaman dan keagamaan dalam menghasilkan karya sastera iaitu novel “Ummi dan Abang Syeikhul”.

**Kata Kunci:** Pengkaedahan Melayu, unsur keislaman, mesej keagamaan, pendekatan

### PENGENALAN

Novel *Ummi dan Abang Syeikhul* merupakan sebuah karya sastera yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad pada tahun 1995. Shahnnon Ahmad ialah seorang ahli akademik dan penulis Malaysia yang mendapat gelaran Sasterawan Negara pada tahun 1982. Beliau juga merupakan bekas ahli Parti se-Islam Malaysia (PAS) dan pernah bersama Al-Arqam serta menyokong gagasan sastera Islam. Beliau merupakan seorang penulis yang menekankan akidah dalam

karya sastera dan terlibat dalam polemik sastera Islam bersama Kassim Ahmad berkaitan dengan konsep, ciri, kaedah dan teori sastera Islam bermula tahun 1970-an hingga 1980-an.

Novel *Ummi dan Abang Syeikhul* merupakan satu karya sastera yang memiliki penceritaan berdasarkan pemikiran agama Islam dalam hal perkahwinan yang menjadikan keagungan Allah dan ayat al-Quran sebagai tonggak utama dalam menyelesaikan isu dalam hal perkahwinan. Novel ini mengupas tentang isu poligami antara kumpulan yang mendukung agama Islam dan juga berkisar tentang pengalaman dan perasaan seorang wanita yang menjadi isteri ketiga kepada seorang tokoh agama. Dalam konteks novel ini, isteri-isteri perlulah mendengar arahan suami dan hidup harmoni bersama madu yang lain bagi memperoleh pahala dan jalan yang luas ke syurga.

Sehubungan itu, novel ini dapat dikategorikan sebagai sastera Islam kerana memaparkan pemikiran keislaman dan isu-isu keagamaan. Isu keagamaan tersebut pula ialah isu berkaitan poligami dalam Islam. Poligami dalam Islam merupakan amalan masyarakat Melayu sejak turun temurun. Berdasarkan pernyataan al Hasin (1990), poligami merupakan tradisi yang diamalkan secara meluas dalam masyarakat pra Islam seperti di China, India, Parsi, Mesir, Yunani dan Rom. Ahmad Fa'iz (1993) turut menjelaskan bahawa syariat Islam tidak melonggarkan lagi amalannya, malah mengetatkan dengan batasan maksimum empat orang sahaja dan mensyaratkan keadilan sebagai asas utama. Dalam hal ini, syariat Islam telah menyatakan bahawa seorang lelaki boleh berkahwin lebih daripada seorang perempuan tetapi haruslah tidak melebihi empat orang perempuan dengan syarat lelaki tersebut dapat memberi kasih sayang yang sama adil kepada isteri-isterinya. Oleh itu, Islam telah menetapkan syarat-syarat tertentu bagi memastikan amalan poligami berlaku secara adil. Antara syaratnya ialah suami perlulah berkemampuan dalam menyediakan nafkah untuk isteri-isteri dan anak-anak serta berlaku adil dengan isteri dalam menyediakan tempat kediaman, giliran bermalam, musafir dan memberikan nafkah secukupnya. Perkara ini sejajar dengan pernyataan Mohd Salleh Haji Ahmad (2009), iaitu Islam mengharuskan poligami apabila seorang lelaki sanggup memelihara dan berlaku adil terhadap isteri-isterinya dalam soal nafkah, tempat tinggal dan pembahagian waktu. Berdasarkan penjelasan ini, jelaslah bahawa novel ini dapat dikategorikan sebagai sastera Islam kerana mempunyai unsur-unsur keislaman. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan unsur-unsur keislaman dalam novel *Ummi dan Abang Syeikhul* secara terperinci.

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis mesej keagamaan dan unsur keislaman yang terdapat dalam novel *Ummi dan Abang Syeikhul* karya Shahnnon Ahmad dengan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang.

## SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan berkaitan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Misalnya, kajian yang dilaksanakan oleh Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz dan Mohd Syuja Saedin (2022) adalah berfokuskan kepada manifestasi budaya peradaban Melayu dalam novel *Kasyaf Ain* yang mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini memaparkan tradisi budaya peradaban masyarakat Melayu dengan persekitarannya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat faktor persekitaran digarap bagi mengetengahkan persoalan kepercayaan dan nilai-nilai tradisi dalam novel *Kasyaf Ain* yang berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu yang dicetuskan oleh Hashim Awang. Kajian ini menyatakan bahawa teori tersebut diaplikasikan sebagai kerangka kajian bagi mengesahkan bahawa teori tersebut dapat menjadi sandaran untuk membuktikan manifestasi budaya peradaban masyarakat Melayu dalam novel tersebut. Dapatan kajian mendapati bahawa novel *Kasyaf Ain* memaparkan faktor persekitaran seperti alam sekitar, kepercayaan dan nilai-nilai tradisi dalam kehidupan membentuk kepada cara hidup dan budaya peradaban masyarakat Melayu.

Selain itu, Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019) memperlihatkan kajian tentang aspek dakwah dalam Novel Suriati berdasarkan pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap aspek dakwah dalam novel yang memaparkan pergolakan konflik kekeluargaan yang mengangkat tema keagamaan sebagai latar karya. Dapatan kajian mendapati bahawa dakwah berupaya menimbulkan daya tarikan terhadap agama Islam dan menjadi alat untuk pengembangan agama Islam.

Selain itu, kajian oleh Jumali Haji Selamat (2009) yang mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam *Menjaras Ribut* menerusi Pendekatan Dakwah. Kajian ini menumpukan penganalisan karya remaja yang melihat kehidupan manusia dan lingkungan sosial serta ketakwaannya kepada Allah. Analisis kajian ini juga dilakukan berdasarkan teks novel remaja yang berjudul *Menjaras Ribut* karya Darma Muhammad menerusi Pendekatan Dakwah yang melihat perkembangan Islam dan wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan insan kepada Allah. Dapatan kajian mendapati bahawa persiapan agama seperti kebebasan beragama, penerapan nilai-nilai Islam, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam diterangkan dalam karya. Novel remaja juga mampu menjadi alat bagi mengembangkan pemantapan Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis melalui pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah memberi kesan yang baik dalam aplikasinya terhadap novel ini kerana persoalannya membantu meningkatkan nilai keimanan dan ketakwaan.

Kajian lain yang dijalankan oleh Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) yang menganalisis jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung dan Gelora Nurani* menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya pemahaman jati diri yang mantap akan terpancar ketatasusilaan, kebijaksanaan dan pekerti bangsa Melayu yang diwarisi sejak zaman berzaman. Justeru, kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk menganalisis kandungan dan analisis kajian menggunakan

prinsip yang dikemukakan oleh Hashim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Dapatan kajian membuktikan bahawa jati diri Melayu dapat ditandai melalui aspek bahasa, budaya dan agama. Kajian juga mendapati bahawa prinsip-prinsip Teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan adalah saling berkaitan dengan puisi.

Di samping itu, kajian oleh Azean Idruwani Idrus dan Iffah Sakinah Othman (2023) yang mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam Filem Mat Kilau (2022) menerusi Pendekatan Dakwah. Kajian ini menumpukan kepada peristiwa-peristiwa penting yang memperlihatkan kehadiran Pendekatan Dakwah dalam filem Mat Kilau (2022). Kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah yang diterapkan dalam filem Mat Kilau yang menyentuh aspek keagamaan seperti kepentingan masa, membantu orang yang dizalimi, sifat dengki dan pemimpin ummah yang bertujuan mencari konsep kepimpinan, kebajikan dan kesejahteraan. Pendekatan dakwah dalam filem Mat Kilau juga mampu menjadi medium untuk mengembangkan pemantapan Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis melalui pendekatan dakwah yang mementingkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam.


Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) memperlihatkan kajian tentang nilai baik hati menerusi cerita rakyat terhadap masyarakat Melayu melalui suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat Melayu. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan ini tertumpu bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati dalam cerita rakyat Melayu dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang diaplikasikan bagi memantapkan lagi hasil kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat Melayu mempunyai hampir sepenuhnya nilai baik hati yang memainkan peranan penting dalam kalangan masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini turut mendapati bahawa garapan Teori Pengkaedahan Melayu sesuai diaplikasikan dalam setiap nilai yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu disebabkan persoalan yang dikemukakan dalam setiap pendekatan digunakan untuk memberi penilaian terhadap kebaikan dan kebajikan dalam kalangan masyarakat Melayu.

Akhir sekali, pengkaji mendapati hasil daripada pengamatan kajian-kajian lepas masih terdapat kelompongan kajian mengenai teori pengkaedahan Melayu dalam menganalisis karya sastra dan belum diberi perhatian sepenuhnya. Dengan itu, kajian yang dilakukan ini akan merungkai dan memberi pencerahan mengenai analisis Teori Pengkaedahan Melayu ciptaan Hashim Awang dalam karya sastra iaitu Novel *Ummi dan Abang Syeikhul*. Melalui kajian yang diketengahkan ini, pengkaji mampu melunaskan kekosongan kajian mengenai penganalisan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan novel.



## KERANGKA TEORETIS

Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang (1989) di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Teori ini digunakan akibat kelemahan pada teori kritikan Barat yang kurang relevan dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu. Perkara ini menyebabkan Teori Pengkaedahan Melayu digunakan untuk membuat kritikan dalam karya-karya sastera Melayu yang memperoleh pengaruh alam dan berpaksikan agama Islam. Teori pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan alamiah terdiri daripada pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Manakala, pengkaedahan keagamaan yang merangkumi pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Secara ringkasnya teori Pengkaedahan Melayu dapat dilihat dalam Rajah 1.



**Rajah 1: Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang**

Menurut Hashim Awang (2002), Pengkaedahan Alamiah merupakan pengkaedahan yang berteraskan corak hidup yang menjadikan alam sebahagian daripada diri dan kehidupannya. Teori ini beranggapan bahawa sastera merupakan ciptaan Tuhan yang merujuk pada keindahan alam dan makna hidup serta sastera juga adalah hasil ciptaan manusia. Hal ini menunjukkan bahawa sastera dilihat sebagai sebuah objek alam yang kejadiannya yang mempunyai hikmah dan fungsi tertentu. Pendekatan alamiah juga berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu yang menggunakan alam sebagai sebahagian daripada hidup mereka.

Pendekatan Firasat merujuk kepada penekanan terhadap naluri atau kejadian alam yang memberi pengalaman terhadap kehidupan. Antara kejadian alam yang melibatkan pendekatan firasat ialah mimpi yang mempunyai makna. Hashim Awang (1994) menyatakan bahawa pendekatan ini selaras dengan suatu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu. Masyarakat Melayu sering mengaitkan bahawa mimpi merupakan satu kejadian alam yang penuh dengan kemisterian. Lazimnya, mimpi berlaku apabila seseorang itu

dalam keadaan tidur. Mimpi tersebut perlu ditafsir untuk mengetahui makna atau maksud secara mendalam. Mimpi yang mendalam dan memberi makna yang tersirat menjadikan karya tersebut lebih bermutu. Proses berfikir dan menaakul secara kritis mengenai mimpi tersebut dilaksanakan selaras dengan akal dan ilmu pengetahuan.

Pendekatan Gunaan ialah objek-objek alam yang merupakan objek daripada hasil ciptaan, iaitu alam ciptaan Tuhan dan sastera merupakan ciptaan Tuhan. Hashim Awang (2002) turut menyatakan bahawa pendekatan gunaan merujuk kewujudan objek alam yang mempunyai pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan kepada manusia atau khalayak di samping alam digunakan sebagai sumber ilham pengarang diterapkan dalam sebuah karya. Objek alam digunakan secara kreatif sebagai elemen dalam karya sastera. Tambahan pula, objek alam tersebut hendaklah memberi kedalaman dan selaras dengan karya sastera yang dihasilkan. Hubungan antara objek alam dan manusia diperlukan dalam pendekatan gunaan bagi memantapkan lagi sesebuah karya sastera. Dengan demikian, pendekatan gunaan yang disampaikan oleh Hashim Awang ini menekankan cara pengarang dapat menggunakan pelbagai objek alam sebagai sumber inspirasi dalam usaha mencipta karya yang bermakna.

Pendekatan Moral merupakan pendekatan yang berlanjutan daripada pendekatan gunaan. Hashim Awang (2002) menyebut bahawa pendekatan moral merupakan kejadian yang bersifat pengalaman hidup manusia. Pengalaman tersebut merangkumi sebuah pengalaman hidup manusia sama ada memberi kesan positif atau kesan negatif. Pendekatan tersebut hendaklah dibincangkan secara kritis agar dapat memberi pengajaran atau menjadi suri teladan khususnya dalam kalangan pembaca karya sastera. Dengan demikian, pembaca dapat belajar melalui pengalaman moral yang digambarkan dalam karya sastera bagi membimbing tindakan dan keputusan mereka dalam kehidupan sehari-hari.

Pengkaedahan Keagamaan pula merupakan pendekatan yang bersandarkan keimanan dan berakidah dengan agama Islam (Hashim Awang, 2002). Pengkaedahan ini memerlukan pengarang banyak menggunakan landasan iman Islam sebagai panduan untuk mencipta karya sastera dan mencerminkan nilai-nilai keagamaan. Ini bermakna Al-Quran dan Hadis berperanan sebagai kuasa utama untuk mencipta karya sastera yang kaya dengan makna agama. Karya seni atau sastera yang dihasilkan menggunakan pengkaedahan keagamaan ini memberi pengalaman dan pemahaman yang lebih terkait antara hubungan manusia dan Sang Pencipta.

Pendekatan Dakwah dalam sastera mengutamakan karya yang memiliki nilai keindahan dalam Islam. Penulis mencipta karya tidak hanya memancarkan keindahan estetika, tetapi mengandungi nilai-nilai Islam. Menurut Jumali Selamat (2009), pendekatan dakwah berfungsi ke arah memperkembangkan keunggulan Islam melalui nilai kemurnian dan keistimewaan Islam yang boleh menimbulkan daya tarikan dalam karya sastera. Justeru, karya sastera melalui pendekatan dakwah ini menonjolkan keistimewaan dan keunggulan ajaran Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Ini mencakupi kebijaksanaan ajaran, keutuhan moral dan

keunggulan etika sosial. Aspek pendekatan dakwah juga menekankan bahawa nilai-nilai Islam tersebut bukan bersifat teori, tetapi perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Pendekatan Kemasyarakatan amat mementingkan tatacara hidup yang berpaksikan ketenteraman dalam masyarakat yang hidup bersama (Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdullah, 2021). Masyarakat Melayu cenderung mencerminkan nilai-nilai, norma-norma dan tradisi khusus yang diamalkan oleh masyarakat tersebut. Pendekatan ini juga penting untuk menunjukkan kesedaran dan pentingnya hidup bermasyarakat yang bertujuan untuk mencapai tujuan bersama.

Menurut Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abdul Rahim (2016), pendekatan seni merujuk kepada keindahan yang diterapkan dalam kesusasteraan. Keindahan tersebut haruslah mematuhi nilai-nilai agama Islam, akidah dan pegangan agama Islam yang kuat. Melalui pendekatan ini, keindahan seni dalam sastera berperanan untuk menyampaikan pesan-pesan Islam yang merangkumi keimanan, ketakwaan dan kecintaan terhadap Allah.

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif. Penggunaan kaedah ini membantu untuk membuat analisis bagi novel *Ummi dan Abang Syeikhul* karya Shahnnon Ahmad. Mesej keagamaan yang terkandung dalam novel ini mempunyai perkaitan dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Proses analisis tersebut melibatkan pengumpulan data melalui novel kemudian diproses dan dihuraikan untuk memahami mesej yang disampaikan. Kaedah kepustakaan digunakan sebagai metodologi kajian untuk mendapatkan maklumat melalui sumber seperti buku dan kertas-kertas kajian. Selain itu, kajian ini juga menggunakan teknik pembacaan yang mendalam terhadap novel. Tujuannya agar pengkaji mendapatkan perincian fakta-fakta, memahami idea-idea pokok dan memperoleh informasi tambahan yang terkandung dalam novel. Novel *Ummi dan Abang Syeikhul* dianalisis secara teliti berdasarkan aspek-aspek seperti watak, latar dan peristiwa penting dalam novel tersebut. Analisis ini diarahkan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka rujukan.

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Analisis yang dilaksanakan berdasarkan novel *Ummi dan Abang Syeikhul* karya Shahnnon Ahmad yang menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan telah diaplikasikan. Berikut merupakan dapatan data analisis berdasarkan novel *Ummi dan Abang Syeikhul*:

Teori Pengkaedahan Melayu dalam Novel <i>Ummi dan Abang Syeikhul</i>	
Pengkaedahan Alamiah	Pengkaedahan Keagamaan

Pendekatan Firasat ✗ Pendekatan Gunaan ✓ Pendekatan Moral ✓	Pendekatan Dakwah ✓ Pendekatan Kemasyarakatan ✓ Pendekatan Seni ✓
----------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------

Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa novel *Ummi dan Abang Syeikhul* mengaplikasikan Pengkaedahan Melayu merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Novel *Ummi dan Abang Syeikhul* mengaplikasikan Pengkaedahan Alamiah melalui pendekatan gunaan dan pendekatan moral. Sementara bagi Pengkaedahan Keagamaan pula, novel *Ummi dan Abang Syeikhul* menggunakan pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Pengaplikasian kedua-dua pengkaedahan ini memberi kekuatan kepada novel ini dalam memaparkan pemikiran berunsurkan keislaman bagi menyampaikan mesej-mesej keagamaan. Pengaplikasian setiap pendekatan juga membuktikan bahawa binaan teks adalah penuh dengan nilai estetika dan mesej keagamaan menerusi watak dan perwatakan, gaya bahasa, latar belakang masyarakat serta peristiwa-peristiwa yang terjadi.

### **Pendekatan Gunaan**

Pendekatan gunaan menganggap bahawa sastera merupakan sebahagian daripada objek alam. Pendekatan ini juga merupakan objek alam yang mempunyai pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaannya kepada manusia atau masyarakat. Objek alam tersebut juga merupakan objek ciptaan manusia yang fungsi utamanya adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri. Oleh itu, perkaitan antara karya sastera dan alam adalah penting bagi menghasilkan karya sastera yang baik dan bermanfaat dalam menyampaikan pemikiran serta falsafah kehidupan manusia. Perkara ini adalah sesuai dengan pernyataan Hashim Awang (2002) yang menegaskan bahawa perkaitan antara manusia dan alam berperanan dalam penghasilan sebuah karya yang baik dan menarik.

Segala objek alam yang dicipta oleh Allah SWT mempunyai keindahan dan keistimewaannya yang tersendiri. Berdasarkan novel *Ummi dan Abang Syeikhul*, pengarang telah menonjolkan pendekatan gunaan melalui watak Ummi yang menggunakan objek alam untuk memerihalkan kesuburan seseorang wanita dalam melahirkan zuriat untuk suami. Buktinya dapat dilihat pada halaman yang berikut:

Ummi tak dapat melahirkan anak untuk Abang Syeikhul, tetapi hal itu memang boleh juga dipersoalkan. Soal ladang subur dan ladang tak subur bukan soal yang boleh ditentukan oleh sesiapa. Ladang itu bukan kita yang membelinya tetapi dianugerahkan oleh Allah juga. Kalau ladang itu tidak subur, mungkin ada rahmat dan manfaat lain yang jauh lebih besar yang sengaja disembunyikan untuk tidak boleh dilihat oleh mata kasar manusia kecuali pada orang-orang yang layak sahaja.

(Shahnon Ahmad, 1995, p. 176)

Berdasarkan petikan tersebut, jelaslah bahawa pengarang menggunakan objek alam untuk menjelaskan kesuburan seseorang wanita, iaitu perkataan “ladang” digunakan untuk memerihalkan kesuburan seseorang wanita dalam melahirkan zuriat. Dalam hal ini, watak Ummi telah menyatakan bahawa dirinya mungkin akan diceraikan oleh suaminya, Abang Syeikhul kerana tidak dapat melahirkan anak. Ummi juga menyatakan kesuburan ladang seseorang itu merupakan anugerah daripada Allah dan tidak boleh ditentukan oleh sesiapa. Ummi juga percaya bahawa terdapatnya hikmah lain yang baik di sebalik memiliki ladang yang tidak subur.

Berdasarkan peristiwa tersebut, hal ini berkait dengan kehidupan masyarakat Melayu dari aspek perkahwinan dan soal melahirkan zuriat dalam sesebuah keluarga. Pada kebiasaannya, suami yang mengamalkan amalan poligami ini berhasrat untuk mengahwini seorang wanita baru atas sebab isterinya tidak dapat mengkurniakan zuriat. Oleh itu, suami ingin menikahi seorang wanita baru yang dianggap subur untuk melahirkan zuriat bagi membina keluarga. Pengarang juga ingin memperingatkan pembaca khususnya kaum wanita untuk sentiasa bersyukur dengan diri, walaupun tidak subur dan tidak dapat melahirkan zuriat untuk suami. Hal ini kerana semua kelebihan dan kekurangan diri ini merupakan anugerah daripada Allah yang perlu sentiasa dihargai dan disayangi. Pengarang juga ingin menyampaikan bahawa setiap pemberian Allah itu memiliki manfaat dan keistimewaannya yang tersendiri.

### **Pendekatan Moral**

Pendekatan Moral dalam sastera adalah sejenis karya yang melibatkan kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan Moral bersifat pengalaman hidup manusia, iaitu pengalaman yang dilalui manusia dan maklumat berkaitan dengan manusia serta dunia termasuk kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran yang melibatkan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti. Pendekatan ini juga memaparkan pelbagai ragam manusia untuk dinilai dari aspek positif dan negatif untuk dijadikan sebagai contoh teladan yang baik kepada masyarakat.

Novel *Ummi dan Abang Syeikhul* memaparkan aspek moral perbuatan manusia yang positif dan juga negatif. Aspek moral tersebut boleh dijadikan sebagai teladan dan memberi pengajaran kepada masyarakat dalam kehidupan manusia. Pembuktiannya dapat dilihat dalam petikan yang berikut:

Tetapi bilamana Abang Syeikhul, yang masih tersedu-sedan itu, menimbulkan soal Ummi yang bakal diberi tanggungjawab mencari isteri termuda untuk Abang Syeikhul, Adik Nurul terus melatah di luar dugaan. Adik Nurul terus mengatakan Ummi tidak berhak lagi. Ummi waktu itu bukan lagi menjadi isteri kepada Abang Syeikhul dan kerana itu hak Ummi dengan sendirinya lucut. Ummi pun tak berhak lagi hadir di mana-mana muzakarah keluarga kerana Ummi bukan ahli keluarga lagi. Memang melenting betul Adik Nurul hari itu bila Abang

Syeikhul menyebut tentang hajat Ummi hendak membantu mencari isteri termuda untuk Abang Syeikhul.

(Shahnon Ahmad, 1995, p.194-195)

Berdasarkan petikan tersebut, watak Ummi telah menunjukkan ciri moral yang negatif, iaitu ingin mencarikan isteri termuda yang baharu untuk suaminya walaupun menyedari hakikat bahawa dirinya telah diceraikan dan secara langsungnya, memang tiada hak lagi untuk diberi tanggungjawab mencari isteri baharu untuk Abang Syeikhul. Tindakan Ummi tersebut hanya disebabkan ketidakyakinannya terhadap madunya yang lain iaitu Adik Nur Musalmah, Adik Nurul Hasyimah dan Adik Hasanah dalam mencarikan isteri termuda yang terbaik bagi bekas suaminya, Abang Syeikhul. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Ummi bersikap negatif kerana melampaui batasnya sebagai bekas isteri kepada Abang Syeikhul. Dalam hal ini, Ummi perlu menghormati hak adiknya, iaitu Nur Musalmah, Nurul Hasyimah dan Hasanah sebagai isteri yang masih sah kepada Abang Syeikhul. Walaupun niat Ummi adalah baik, iaitu ingin membantu Abang Syeikhul, tetapi Ummi juga perlulah mempunyai kesedaran terhadap had atau batasannya sebagai bekas isteri dan mempercayai keupayaan adik-adiknya dalam mencari isteri baharu yang terbaik untuk Abang Syeikhul.

Ciri-ciri yang positif juga dapat dilihat dalam watak Nurul Hasyimah yang berani menegur tindakan Ummi. Nurul Hasyimah, juga dikenali sebagai Adik Nurul kelihatan tidak menyebelahi pihak Ummi mahupun Abang Syeikhul dan tidak takut menyuarakan pendapatnya yang menyatakan bahawa Ummi tidak berhak lagi berurusan dengan segala berkaitan hal rumah tangga atau keluarga Abang Syeikhul dan madu yang lain. Tindakan ini dilihat sebagai ciri yang positif kerana Adik Nurul berani menegakkan sesuatu yang benar dengan berterus terang di hadapan Ummi dan Abang Syeikhul.

Berdasarkan peristiwa tersebut, pengarang ingin memperingati pembaca untuk tidak bertindak sesuka hati dan mengenali batas ketika melakukan suatu perkara. Lebih-lebih lagi apabila suatu perbuatan itu yang dapat menyebabkan konflik dan perselisihan faham berlaku antara satu sama lain. Dalam konteks peristiwa antara Ummi, Abang Syeikhul dan Adik Nurul, Abang Syeikhul tidak seharusnya membenarkan Ummi untuk mencari isteri baharunya hanya kerana belas kasihan bagi mengelakkan maksiat berlaku. Pengarang juga ingin mengajak pembaca untuk bertindak berani menyuarakan fakta bagi menegakkan kebenaran melalui watak Adik Nurul. Oleh itu, novel ini menonjolkan kedua-dua nilai moral yang negatif dan positif sebagai panduan kepada masyarakat supaya menjalani kehidupan berlandaskan hukum agama Islam. Jelaslah bahawa, perkara ini dapat memberikan penerapan nilai-nilai murni kepada masyarakat Melayu.

### **Pendekatan Dakwah**

Dakwah berperanan untuk menyampaikan dan menyebarkan ajaran agama atau nilai-nilai keimanan kepada orang lain. Dalam konteks Islam, dakwah merujuk kepada usaha

menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat atau individu melalui pelbagai cara termasuklah interaksi personal. Pemahaman yang benar mengenai ajaran agama Islam dan pemberian contoh hidup yang sesuai dengan nilai-nilai agama memberi manfaat kepada individu atau masyarakat.

Novel *Ummi dan Abang Syeikhul* ini mengandungi unsur dakwah untuk memberi pengajaran dan panduan kepada pembaca. Contoh pendekatan dakwah dapat dilihat melalui aspek watak dan perwatakan Ummi yang terkandung dalam novel adalah seperti berikut:

“Ummi sebenarnya bersama Allah. Ummi sebenarnya bermesra dengan Allah Subhanallah. Alhamdulillah.”

“Allahu akbar. Subhanallah. Walhamdulillah Wala Illaaha Illaallah Wallahu Akbar. Maha suci Tuhan dan segala pujian bagi-Nya dan tiada Tuhan selain Allah dan Allah Maha Besar.”

(Shahnon Ahmad, 1995, p. 33)

Melalui petikan tersebut, jelaslah bahawa watak Ummi mengingatkan dirinya bahawa ketiadaan Abang Syeikhul di rumah tidak menandakan bahawa dirinya itu keseorangan di rumah. Sebaliknya, Ummi mengingatkan dirinya bahawa dia sentiasa bermesra dan bersama Allah di rumah. Ungkapan “Ummi sebenarnya bersama Allah.” bermaksud Ummi mengaku bahawa adanya kehadiran Allah dalam kehidupan sehari-hari. Pesan ini jelas dapat menjadi ajakan kepada orang lain atau individu supaya mendekatkan diri dengan Allah dalam setiap aspek kehidupan mereka walaupun tiada orang mendampingi di sisi. Selain itu, frasa “Alhamdulillah” mengandungi makna syukur. Dalam konteks dakwah pesan ini diarahkan untuk mengajak orang lain untuk bersyukur atas segala nikmat yang diberikan Allah SWT. Dengan itu, ini jelas menunjukkan bahawa Ummi mengakui kebesaran Allah. “Subhanallah” dan “Allahu Akbar” pula menunjukkan pengakuan Ummi terhadap keagungan dan kebesaran Allah. Maksudnya, novel ini menyampaikan pesan tentang betapa besar dan agungnya Allah yang layak disembah. “Walaaha Illaallah Wallahu Akbar” menekankan pada tauhid yang merangkumi konsep keesaan Allah. Dalam konteks dakwah, ungkapan ini menegaskan bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan bahawa Allah Maha Besar. Akhir sekali, pernyataan “Maha suci Tuhan dan segala pujian bagi-Nya” dapat menjadi pesanan bagi mengajak umat Islam untuk menghormati dan memuliakan Allah. Ungkapan ini dapat digunakan untuk meletak rasa hormat dan pengabdian kepada Tuhan.

### **Pendekatan Kemasyarakatan**

Kemasyarakatan merupakan pendekatan yang penting dalam sesebuah karya sastera. Masyarakat Melayu antara masyarakat yang mengamalkan sikap mementingkan kehidupan bermasyarakat. Hal ini selaras dengan teori Pengkaedahan Melayu yang merangkumi pendekatan kemasyarakatan yang memerlukan masyarakat untuk hidup dalam ketenteraman bersama tanpa sebarang konflik. Novel *Ummi dan Abang Syeikhul* menekankan unsur kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat. Nilai budaya dalam hubungan masyarakat yang

dipaparkan oleh novel ini merangkumi masyarakat yang menunaikan ibadah dan menjamu selera bersama-sama dan masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain.

Masyarakat yang menunaikan ibadah dan menjamu selera bersama-sama. Dan para jemaah semua akan sembahyang di balai jemaah itulah. Kemudian semua anak jemaah akan makan tengah hari ala kadar yang disediakan oleh bahagian dapur.

(Shahnon Ahmad, 1995, p. 57)

Melalui petikan ini, pengarang jelas menunjukkan watak masyarakat yang menunaikan ibadah dan menjamu selera dalam kalangan para jemaah. Lazimnya, sembahyang bersama-sama di balai jemaah sudah menjadi suatu amalan yang mulia bagi masyarakat Islam. Malahan, amalan beribadah secara beramai-ramai turut menjadi suatu kebiasaan agar semua masyarakat dapat bersama-sama menunaikan perintah Allah. Dengan demikian, semakin ramai masyarakat Islam mengajak umatnya untuk sembahyang bersama-sama pusat ibadat. Manakala, hubungan kemasyarakatan yang ditonjolkan oleh pengarang melalui para jemaah yang makan bersama-sama. Makan beramai-ramai ini merupakan suatu amalan masyarakat yang bersatu bagi membantu merapatkan lagi hubungan silaturahim dan memperkuat ikatan sosial dalam kalangan para jemaah.

*i) Masyarakat yang menghormati antara satu sama lain.*

“...bila Ummi turun dari van serta memberi salam, salam Ummi dijawab oleh Kak Siti dengan suara yang merdu, Ummi rasa. Kak Siti datang berjabat salam dan bibirnya terpokah senyuman yang menandakan kesejahteraan dan ketenteraman.”

(Shahnon Ahmad, 1995, p. 77)

Berdasarkan petikan di atas, amalan hormat menghormati antara satu sama lain seperti bersalaman dan berjabat salam ketika berjumpa adalah antara akhlak yang mulia dan menjadi kebiasaan dalam masyarakat Melayu. Dalam novel ini, pengarang menonjolkan watak Ummi dan Kak Siti yang masing-masing memberi salam. Watak Ummi turun dari van lalu memberi salam kepada Kak Siti. Dengan menunjukkan rasa hormat terhadap Ummi, Kak Siti turut menjawab salam dan berjabat salam dengan Ummi. Ini jelas menunjukkan bahawa bersalaman merupakan cara yang sopan untuk menegur orang dalam kalangan masyarakat Melayu. Begitu juga dengan berjabat salam dalam kalangan masyarakat mampu meredakan permusuhan dan kedengkian, memperteguhkan kasih sayang serta mendapat rahmat daripada Allah.

## **Pendekatan Seni**

Pendekatan seni menitikberatkan unsur keindahan dalam sesebuah karya sastera. Jadi, pendekatan tersebut perlulah berpaksikan agama Islam dan tidak bertentangan. Pendekatan seni dalam Novel Ummi dan Abang Syeikhul berfungsi untuk meneliti aspek-aspek dalaman dan nilai-nilai estetika yang diletakkan oleh pengarang dalam karya sastera. Berikut merupakan bukti bagi pendekatan seni yang terkandung dalam novel tersebut:



Ummi terasa keletihan lalu menjatuhkan kepalanya ke atas sejadah yang sudah usang itu, berpingsgir pula dengan al-Quran yang terbuka di atas rehal memperlihatkan ayat 35, surah al-Ahzab:

*Sesungguhnya laki-laki dan perempuan yang muslim, laki-laki dan perempuan yang mukmin, laki-laki dan perempuan yang tetap dalam ketaatan, laki-laki dan perempuan yang benar, laki-laki dan perempuan yang sabar, laki-laki dan perempuan yang khusyuk, laki-laki dan perempuan yang bersedekah, laki-laki dan perempuan yang berpuasa, laki-laki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, laki-laki dan perempuan yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menyediakan mereka ampunan dan pahala yang maha besar.*

(Shahnon Ahmad, 1995, p.14)

Berdasarkan bukti di atas, pengarang telah menyampaikan keindahan dalam pendekatan seni. Keindahan ayat tersebut terkandung dalam seni dakwah kerana merupakan ayat 35, surah al-Ahzab yang dibaca oleh watak Ummi. Ayat tersebut mengandungi nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman agama Islam.

Ayat tersebut juga menyajikan gambaran keindahan tentang sifat-sifat baik dan amal perbuatan yang dianjurkan bagi laki-laki dan perempuan yang beriman. Muslim dan mukmin merujuk kepada orang yang bersaksi dan meyakini ajaran Islam. Jadi, mereka haruslah taat kepada perintah Allah. Mereka hendaklah jujur dan tidak berbohong, baik dalam perkataan atau perbuatan. Tunjukkan kesabaran dalam menghadapi cubaan dan kesulitan hidup. Muslim dan mukmin harus memiliki rasa khusyuk dan khuatir kepada Allah dalam ibadah mereka. Seterusnya, ayat ini juga menyeru muslim dan mukmin supaya mempunyai sifat dermawan dan suka memberi kepada yang memerlukan. Begitu juga dengan keindahan ayat yang meminta mereka untuk menjalankan puasa sebagai bentuk ibadah kepada Allah. Terdapat juga ayat yang memerlukan muslim dan mukmin untuk menjaga segala kehormatan diri dan tidak terjerumus dalam perilaku yang tidak sepatutnya. Ayat ini juga menyeru supaya sentiasa mengingati dan menyebut nama Allah dalam segala aspek kehidupan muslim dan mukmin. Secara jelasnya, ayat ini memotivasikan umat Islam untuk mengembangkan diri mereka untuk menjadi lebih baik, beramal soleh dan menjalankan ibadah dengan penuh kesedaran dan keikhlasan. Manakala, mesej keagamaan berkaitan pendekatan seni yang diperoleh daripada ayat tersebut ialah menekankan bahawa di hadapan Allah, tiada perbezaan antara lelaki dan perempuan. Semua individu sama ada lelaki atau perempuan dihargai atas keimanan, ketakwaan dan amal perbuatan mereka.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, novel *Ummi dan Abang Syeikhul* sememangnya menunjukkan budaya peradaban Melayu yang dapat dijadikan sebagai ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat. Budaya peradaban Melayu tersebut berjaya ditonjolkan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Novel *Ummi dan Abang Syeikhul* juga telah memperlihatkan pelbagai aspek rohani dan perlakuan manusia sama ada positif mahupun negatif untuk dijadikan sebagai contoh teladan yang baik kepada masyarakat. Berdasarkan perbincangan teks novel *Ummi dan Abang Syeikhul*, penulis novel juga memperlihatkan kecenderungannya dalam menerapkan budaya peradaban Melayu dan unsur keislaman melalui penghayatan dan penelitian yang tinggi terhadap nilai-nilai kemasyarakatan. Permasalahan dan pergolakan masyarakat yang dipaparkan dalam novel *Ummi dan Abang Syeikhul* mampu memberi makna kesenian serta kebaikan dengan membuka minda masyarakat terhadap isu yang berlaku. Analisis yang dilaksanakan terhadap novel ini juga dapat memberikan ilmu pengetahuan mengenai nilai-nilai keislaman dan keagamaan kepada semua golongan masyarakat. Muhammad Salleh (2008) juga menjelaskan bahawa sastera dianggap amat dasar dalam sesebuah masyarakat kerana selama ini sastera dianggap dan diisi sebagai wadah rohaniah, intelektual dan praktikal bagi sesebuah bangsa.

Secara ringkasnya, analisis kajian menggunakan teori Pengkaedahan Melayu ini mampu memberikan impak yang mendalam terhadap masyarakat pada era Revolusi Industri 4.0 dengan memberikan pemahaman tentang nilai-nilai tradisional dan budaya peradaban Melayu yang dijadikan sebagai aset dalam menghadapi cabaran dan mengambil peluang yang muncul dalam era Revolusi Industri 4.0. Prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu dapat membantu masyarakat untuk berpegang kepada nilai-nilai tradisional sambil mengadaptasikan diri dengan kemajuan teknologi dan ekonomi yang seringkali berubah dari masa ke semasa. Nilai-nilai ini mampu menjadi landasan untuk ketahanan budaya peradaban Melayu dalam menghadapi perubahan besar yang membawa Revolusi Industri 4.0. Penggunaan teknologi dalam konteks Pengkaedahan Melayu juga dapat difokuskan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat dalam bidang kesihatan, pendidikan dan ekonomi. Nilai-nilai tradisional yang terdapat dalam teori ini juga dapat membangunkan modal insan yang berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dalam era teknologi tinggi.

## RUJUKAN

- Ahmad Fa'iz (1993). *Dustur al-USrah fi Zilal al-Qur'an*. Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Hasin, Ahmad (1990). *Limadha al-Hujum 'ala Ta'addud al-Zawjat?*. Dar al-Diya'.
- Azean Idruwani Idrus & Iffah Sakinah Othman (2023). Aplikasi Teori Pengkaedahan

- Melayu dalam Filem Mat Kilau (2022) Menerusi Pendekatan Dakwah. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, Vol 5: no.2, 88-100.
- Hashim Awang (1994). Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu. Dlm. Sahlan Mohd Saman. *Pengarang, Teks dan Khalayak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsipnya. *Bengkel Teori Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumali Selamat (2009). Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*. Bil. 12 ,19-37.
- Mohd. Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, Vol 4: no.2, 48-57.
- Mohd Salleh Ahmad (2009). *Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhammad Haji Salleh. (2008). Permata di rumput, gilang sastera sebagai ruang bangsa. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Aspek dakwah dalam Novel Suriati berdasarkan pendekatan dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, Vol 32: no.1, 116-144.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz & Mohd Syuja Saedin (2022). Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Law, Government and Communication*, Vol 7: no.28, 192-208.
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. Vol 9: no. 2. 93-106.
- Syaidul Azam Kamarudin, & Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 47-63.

## NOVEL DI SEBALIK SEBUAH KUBAH : ANALISIS BERDASARKAN KACA MATA PERSURATAN BARU

Fixly Muhamad Hasshira  
Kamaruddin Elvis  
Roland John

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Sebagai sebuah lembaran sastera yang menjadi ikon kebijaksanaan masyarakat Melayu, novel juga disemarakkan sebagai wadah ekspresi dalam kepelbagaian sosiobudaya masyarakat manusia. Setiap peristiwa dan pembawaan watak saling berkait antara satu sama lain untuk memberi pengajaran dalam kalangan pembaca. Penerapan unsur keagamaan mampu menjadi wadah untuk membentuk kesedaran serta kemenjadian manusia yang murni dalam kehidupan. Namun, masih terdapat masyarakat Islam tidak mempraktikkan Islam yang sebenar dalam kehidupan hingga menjadi Islam sebagai mercu tanda kepada peribadi mereka. Justeru itu, kajian ini bertujuan bagi menganalisis mesej-mesej dan merungkai pemikiran keagamaan yang diterapkan oleh pengarang dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Salleh (1986) dengan menggunakan Teori Persuratan Baru. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks sebagai landasan kajian. Dapatan kajian telah memperlihatkan bahawa novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Salleh (1986) memenuhi keenam- enam konsep yang terkandung dalam Teori Persuratan Baru iaitu konsep taklif, konsep hakikat insan, ilmu dan amal, konsep adab, konsep kalam, konsep estetika serta konsep kiblat. Novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Salleh (1986) ini juga mengandungi ciri-ciri keindahan dan kehalusan Islam yang mampu menegakkan syiar Islam serta menyerlahkan keunikan wacana kepengarangannya melalui kewujudan beberapa persoalan utama, iaitu ketaatan manusia terhadap perintah Allah S.W.T dan kerediaan insan menerima ketentuan Allah S.W.T yang ditonjolkan oleh watak utama. Tuntasnya, pengaplikasian Teori Persuratan Baru untuk merungkai unsur estetika Islam dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Salleh (1986) adalah amat signifikan bagi memanasifestasikan pemikiran keagamaan yang menjadi medan kesedaran terhadap golongan manusia supaya tidak terjerumus dalam lembah kesesatan apabila dikuasai nafsu duniawi yang mewujudkan jurang antara manusia dengan pencipta.

**Kata Kunci:** Masyarakat, Di sebalik Kubah, Teori Persuratan Baru, ketaatan, Taklif

## PENGENALAN

Kemunculan gagasan sastra Islam di Malaysia adalah bertujuan untuk menggalakkan masyarakat sastra tempatan bagi mewujudkan satu gaya, bentuk, cara, falsafah dan pengertian sastra mereka sendiri yang menolak paksi sastra Barat. Salah seorang yang masih aktif dalam usaha ini adalah Mohd Affandi Hassan. Mohd Affandi Hassan (1997) dilahirkan pada 9 Mac 1943 di Selising, Pasir Mas, Kelantan.. Beliau merupakan bekas pegawai tadbir diplomat serta seseorang yang bertanggungjawab menggagas idea Persuratan Baru. Menurut Affandi (1997) istilah Persuratan Baru merupakan usaha yang diperkenalkan untuk membezakannya dengan istilah kesusasteraan yang amat berkait rapat dengan konteks dunia khayal. Konsep dan istilah persuratan dengan itu lebih relevan dengan sastra Islam yang mengutamakan konsep tauhid dalam kehidupan Islam sejati. Affandi beranggapan bahawa konsep ‘sastra’ dan ‘sasterawan’ tidak sesuai jika dilihat daripada perspektif pendekatan tauhid. Oleh itu, kemunculan Persuratan Baru dalam dunia sastra mampu merungkai lagi fungsi Islam yang sebenar dalam konsep ilmu serta mengelakkan kebergantungan sastra tempatan terhadap Barat. Menurut Ungku Maimunah Mohd Tahir (1999), kemunculan Persuratan Baru adalah bertujuan untuk merungkai pengaruh kolonialisme yang masih mewujudkan “kebergantungan kepada Barat”.

Namun, kemunculan Persuratan Baru ini juga telah mewujudkan beberapa perspektif yang tidak menyenangkan Persuratan Baru tersebut serta telah menjadi isu dalam kajian ini. Antaranya, pandangan (A. Rahim, 2005) dalam rencana beliau yang berjudul *Adakah Bangsa dalam Sastra dan Bahasa Kita?* yang diterbitkan dalam *akhbar Mingguan Malaysia* pada 13 November 2005 telah berpendapat bahawa Affandi tidak mahu mengikut adab dan etika murni dan tidak seiring dengan kedudukan Islam sebagai teras dalam Persuratan Baru. Beliau juga beranggapan bahawa gaya kritikan Mohd. Affandi bersifat ‘keras’ jika dibandingkan dengan al-Attas, yang dianggap tidak pernah melatah dan menyerang orang yang tidak sebulu dan sealiran dengannya. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah gagasan Mohd Affandi dalam Persuratan Baru dapat merungkai fungsi Islam dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Salleh (1986).

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menilai dan menganalisis nilai-nilai keislaman yang terdapat di dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Salleh (1986) menggunakan Teori Persuratan Baru yang diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian yang bertajuk “Al-Ihsan dalam kumpulan cerpen Yunda” telah ditulis oleh Hasim Ismail (2022). Hasil kajian menunjukkan bahawa kepengarangan Juri Durabi dalam kumpulan cerpen "YUNDA" secara konsisten menggambarkan aplikasi konsep al-Ihsan dengan menonjolkan ciri-ciri perwatakan yang mencerminkan kesan-kesan akhlak Islam. Berdasarkan hasil analisis yang mendalam, ditemukan bahawa pengarang dengan bijak menggunakan pelbagai elemen

naratif untuk menyampaikan pesan-pesan Islam, terutama berkaitan dengan prinsip al-Ihsan. Pengarang secara jelas menyelipkan nilai-nilai keagamaan dan prinsip ketuhanan dalam karyanya.

Contoh-contoh konkrit termasuk pengkritikan terhadap pemimpin dalam "Sebuah Kota Bayangan" dan penggunaan simbol pokok dan kota dalam "Pokok Durian Di Tengah Kota" untuk menggambarkan konflik politik yang dikembalikan kepada kekuasaan Allah. Penggunaan teknik dialog antara watak, intertekstualiti, dan rujukan kepada hadis serta ayat-ayat Al-Quran menjadi elemen kunci dalam menyampaikan pesan dakwah dan ajaran akhlak al-Ihsan. Kesombongan manusia dikritik, dan kesedaran akan kekuasaan Tuhan disorot dalam beberapa cerpen, seperti "Ke Dunia Lain." Kesimpulannya, cerpen "YUNDA" secara keseluruhannya mencerminkan prinsip al-Ihsan dalam kepengarangan Juri Durabi. Kendati terdapat beberapa cerpen yang bersifat sketsa sosial, prinsip-prinsip al-Ihsan tetap mendominasi keseluruhan karya, menjadikan kumpulan cerpen ini bernilai dari sudut pandang kesusasteraan dan dakwah.

Kajian "Nilai Keislaman dalam Novel Di Sebalik Sebuah Kabah dan Hidayah karya Harun Salleh" yang dihasilkan oleh Asmiaty Amat dan Tuan Sanira Mohd Zawawi (2016) merupakan salah satu kajian yang mengkaji novel Di Sebalik Sebuah Kabah. Dalam karya Harun Haji Salleh, analisis Uswah Hasanah dan Kalimah Tayyibah membentuk gambaran yang kaya mengenai penyampaian nilai-nilai agama. Melalui Uswah Hasanah, fokus diberikan kepada keteguhan hati, keimanan, dan ketakwaan yang digambarkan melalui watak-watak seperti ustaz, imam, dan tokoh agama lain. Watak-watak ini berperanan sebagai contoh untuk mengilhami pembaca agar dapat menghayati prinsip-prinsip agama. Konflik dan peristiwa dalam cerita membangkitkan refleksi tentang pesan-pesan keagamaan.

Di sisi lain, dalam analisis Kalimah Tayyibah, kecekapan penggunaan bahasa, gaya bahasa yang bersih, dan penggunaan metafora membentuk atmosfera sastera yang mendalam. Penggabungan elemen-elemen sastera dengan nilai-nilai agama menjadikan karya ini tidak hanya sebagai medium penyampaian ajaran agama, tetapi juga sebagai seni yang menggabungkan keindahan bahasa dengan nilai-nilai keagamaan. Harun Haji Salleh dengan berjaya membuktikan bahawa sastera boleh menjadi alat yang berkuasa untuk menyampaikan nilai-nilai agama dan moral kepada pembaca.

Kajian yang seterusnya adalah kajian yang bertajuk "Novel Bagaton dan Ngayau: Satu Analisis Menerusi Kaca Mata Gagasan Persuratan Baru" dihasilkan oleh Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad (2016). Analisis terhadap kedua-dua teks, "Novel Bagaton dan Ngayau: Satu Analisis Menerusi Kaca Mata Gagasan Persuratan Baru" dan "Halangan dan Keengganan Ayahnya untuk Bekerjasama: Membongkar Rintangan dalam Novel Bagaton dan Ngayau", menyediakan wawasan yang penting terhadap unsur-unsur kritikal dalam kedua-dua novel tersebut. Secara keseluruhan, kedua-dua analisis membincangkan watak-watak utama seperti Imam Lagung, Jamjin, dan Boyong dalam novel Bagaton dan Ngayau. Gagasan Persuratan

Baru (GPB) menjadi fokus, menekankan konflik dan kompleksiti hubungan antara agama, adat, dan isu-isu sosial dalam masyarakat yang direfleksikan melalui novel tersebut.

Dalam "Halangan dan Keengganan Ayahnya untuk Bekerjasama", perbincangan memberi tumpuan kepada isu perkahwinan campur dan perdebatan agama yang dihadapi oleh watak-watak utama. Keengganan Imam Lagung menerima menantu dari luar agama dan konflik yang berlaku menjadi tumpuan utama. Dalam hal ini, analisis menunjukkan mungkin terdapat penekanan berlebihan pada unsur konflik tanpa memberikan penyelesaian yang memuaskan. Sementara itu, "Novel Bagaton dan Ngayau: Satu Analisis Menerusi Kaca Mata Gagasan Persuratan Baru" lebih tertumpu kepada aspek dakwah dan ilmu dalam sastra. Kritikan ditujukan kepada tindakan Imam Lagung yang terlalu terpengaruh oleh emosi dan dendam, mengabaikan prinsip-prinsip Islam yang sepatutnya menjadi panduan. Secara ringkas, kedua-dua analisis menunjukkan ketidakseimbangan antara unsur konflik dramatik dan nilai-nilai ilmiah atau dakwah yang sepatutnya dihayati dalam sebuah karya sastra. Walaupun GPB menekankan nilai-nilai kebaikan, kemanusiaan, dan ilmu, analisis kedua-dua teks ini mencerminkan bagaimana pengarang mungkin gagal mencapai keseimbangan tersebut dalam novel Bagaton dan Ngayau.

Kajian "Menyingkap Perihal Intelektualisme dan Falsafah Islam dalam Novel Penyeberang Sempadan Karya Anwar Ridhwan: Analisis Persuratan Baru" dihasilkan oleh Nur Fatiha Fadila Abu Bakar (2023). Analisis terhadap petikan dari novel "Penyeberang Sempadan" menggambarkan ketegangan antara pernyataan nilai Islam dalam teori dan pelaksanaan dalam cerita. Walaupun penulis, Anwar, dengan jelas menyatakan Islam sebagai unsur teras dalam novelnya, analisis menyoroti bagaimana cerita dimanipulasi untuk membentuk plot. Ini dapat dilihat melalui watak protagonis yang mempunyai pengetahuan cetek tentang Islam, membolehkannya berinteraksi dengan wilayah bukan Islam. Kritikan utama adalah bahawa novel ini tidak memaparkan nilai-nilai ajaran Islam dalam perkembangan watak protagonis dengan jelas.

Selain itu, terdapat kecenderungan dalam memanipulasi elemen pembentukan plot dan menggunakan teknik penceritaan tertentu. Struktur plot yang mengikuti urutan waktu dan penggunaan teknik seperti fragmen latar diakui sebagai strategi penceritaan. Namun, analisis menyoroti bahawa penumpuan lebih kepada memperhebatkan cerita daripada menyampaikan pemikiran intelektual atau wacana ilmiah. Perkembangan cerita juga menunjukkan motif cinta sebagai pendorong utama protagonis kembali ke wilayah Islam. Ini mengakibatkan kurangnya pemahaman yang mendalam terhadap ajaran Islam, dengan penekanan pada hubungan individu berbanding penanaman nilai-nilai kebenaran ajaran Islam. Kesimpulannya, analisis menyatakan bahawa manifestasi cerita, terutama dalam aspek moral, menunjukkan kelemahan novel dan menyoroti ketegangan antara pernyataan nilai Islam dan pelaksanaannya dalam novel "Penyeberang Sempadan."

Kajian seterusnya adalah kajian yang bertajuk "Analisis Teks Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Dari Lembah Ke Puncak berdasarkan Gagasan Persuratan Baru" yang

dihasilkan oleh Zulkifli, Mohd. Zariat Abdul Rani, Salmah Jan Noor Muhammad dan Ab. Halim Mohamad (2022). Dapatan kajian mendapati kajian ini menunjukkan bagaimana plot dan watak dalam novel "Dari Lembah ke Puncak" (DLkP) dimanipulasi secara cermat untuk mengisi "Ruang Naratif" dengan cerita yang kuat. Dalam aspek plot, novel ini mengadopsi pola "cerita pengembaraan" atau *quest story*, yang mengisahkan perjalanan protagonis, Jalil, dalam mengejar impian untuk menebus tanah sawah keluarganya. Plot dibangun melalui empat tahap konvensional iaitu pengenalan, perkembangan, klimaks, dan penamat. Setiap tahapnya direka untuk menguji kekuatan dan ketabahan Jalil dalam menghadapi rintangan yang menghalanginya mencapai impian tersebut. Di sisi lain, kajian ini juga menyoroti bahawa novel ini lebih menumpukan kepada "Isian Cerita" daripada "Isian Wacana". Ini bermakna fokusnya terutamanya pada perkembangan cerita dan watak, dengan sedikit penekanan pada penyampaian idea atau pengetahuan yang mendalam.

Fokus pada cerita juga menonjolkan kejahatan dan perbuatan tidak bermoral sebagai sebahagian penting dari perjalanan protagonis dalam mencapai impian, sesuai dengan tema naratifnya. Jadi, dapatan kajian menunjukkan bahawa manipulasi plot dan watak dalam novel ini bertujuan untuk menguatkan naratif keseluruhan, yang menekankan perjalanan dan pencapaian protagonis dalam mengatasi rintangan untuk mencapai impian yang diinginkannya. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa novel "Dari Lembah ke Puncak" (DLkP) menonjolkan tema "keghairahan mengejar impian" sebagai paksi naratif utamanya. Dalam penceritaan novel ini, penumpuan utama diberikan kepada perjuangan watak protagonis, Jalil, dalam mencapai impiannya, yang sering kali melibatkan tindakan-tindakan yang tidak bermoral. Keutamaan yang diberikan kepada "Isian Cerita" dalam novel ini menyebabkan kurangnya penekanan terhadap "Isian Wacana" atau ilmu. Terlebih lagi, kandungan cerita yang menonjolkan tindakan-tindakan negatif dan tidak bermoral, seperti nilai materialistik dan penderhakaan terhadap ibu, menimbulkan kebimbangan tentang kesesuaian novel ini sebagai bahan bacaan untuk murid-murid.

Kajian seterusnya adalah kajian yang bertajuk "Analisis Takmilah Novel Sarjana Bangsa" yang dihasilkan oleh Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail dan Khairatul Akmar Abd. Latif (2017). Kajian ini bertujuan untuk menilai novel "Sarjana Bangsa" dari perspektif teori Takmilah, sebuah teori sastra Islam yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar. Novel ini dikaji berdasarkan enam prinsip utama teori Takmilah. Pertama, novel ini menepati prinsip ketuhanan yang bersifat kamal. Penulis menggunakan jalan cerita yang mengandungi unsur-unsur ketuhanan yang kental, menggambarkan sifat Allah SWT yang Maha Sempurna melalui keindahan ciptaan-Nya. Kedua, novel ini memenuhi prinsip kerasulan sebagai insan kamil dengan mengambil Rasulullah sebagai model. Watak utama seperti Dr. Isyraf Eilmy dan Cikgu Hasan digambarkan memiliki ciri-ciri akhlak yang digariskan dalam Islam. Ketiga, prinsip Islam yang bersifat akmal turut diwujudkan dalam novel ini dengan menerapkan nilai-nilai hidup berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah dalam kehidupan watak-watak utama.

Keempat, novel ini memenuhi prinsip sastra sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah dengan mengandungi nilai-nilai keislaman yang berkesan dan ilmu pengetahuan



tentang agama Islam yang luas. Penggunaan bahasa yang indah juga menunjukkan kesempurnaan dan keindahan karya. Kelima, prinsip hubungan takmilah antara pengarang yang mengistiqomahkan diri tercermin melalui keimanan penulis terhadap Allah SWT, yang merupakan asas utama dalam mencipta novel ini. Keenam, prinsip hubungan takmilah dengan khalayak pembaca menunjukkan bahawa novel ini dapat memberikan iktibar dan panduan kepada pembaca dalam menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim yang kamil. Secara keseluruhan, novel "Sarjana Bangsa" berhasil memenuhi keenam-enam prinsip teori Takmilah, menunjukkan kesempurnaan dalam aspek keIslaman dan estetik, serta memberi panduan yang bermanfaat kepada pembaca dalam memperkukuh keimanan dan menjalani kehidupan yang bermakna.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian- kajian yang telah dikemukakan, didapati bahawa kurangnya kajian yang menganalisis Novel Di Sebalik Sebuah Kubah berdasarkan Teori Persuratan Baru secara langsung. Namun begitu, pemusatan cerita yang mengandungi mesej-mesej keagamaan dan unsur-unsur keislaman yang terdapat dalam novel lain telah dikaji menggunakan Teori Persuratan Baru. Oleh itu, kajian ini akan membuktikan pengaplikasian Teori Persuratan Baru sebagai kerangka membina Novel Di Sebalik Sebuah Kubah dengan unsur-unsur dan mesej keislaman.

## **KERANGKA TEORETIS**

Teori Persuratan Baru yang diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan diguna pakai dalam menghasilkan makalah ini. Pada awalnya, Mohd Affandi Hassan memperkenalkan idea beliau sebagai "Estetis-Intelektual" yang mementingkan penyampaian idea-idea intelektual melalui karya sastera (Mohd Zariat *et al.*, 2021). Menurut Mohd Zariat *et al.* (2021), "intelektual" dan "estetika" diertikan sebagai al-Quran dan as-Sunnah yang merupakan sumber ilmu Islam. Awal tahun 1990-an menyaksikan Mohd Affandi Hassan memperkenalkan Teori Persuratan Baru yang mengutamakan konsep ilmu yang benar dan berupaya mendekati manusia dengan Tuhan. Teori ini bertunjangkan pengajaran, estetika tauhid serta taklif dalam karya sastera yang seterusnya mengangkat karya tersebut sebagai sebuah karya yang membawa pemikiran berasaskan Islam dan bermutu tinggi. Mohd Affandi Hassan telah memecahkan Teori Persuratan Baru kepada enam komponen kecil yang dikenali sebagai konsep.

Antaranya, konsep taklif yang membawa makna hubungan antara manusia dengan pencipta. Dalam hal ini, konsep taklif dilihat dari ikatan antara manusia dengan pencipta yang menjadikan manusia menghambakan diri kepada Allah sebagai khalifah-nya. Menurut Mohd Adi Amzar (2022), tiga pendekatan utama dalam konsep taklif membangunkan gagasan Persuratan Baru iaitu konsep manusia sebagai khalifah, konsep ilmu sebagai tunjang kebenaran dan konsep makna yang murni. Maka konsep taklif dalam Persuratan Baru adalah ditepati sekiranya karya sastera berjaya membawa mesej yang membuatkan manusia memperoleh ilmu yang benar dan kembali ke jalan yang benar iaitu mematuhi ajaran Allah. Selain itu, konsep hakikat insan, ilmu dan amal yang mendasari makna tingkah laku manusia dalam menjalani kehidupan. Hakikat insan itu sendiri diertikan sebagai kejadian manusia yang telah berjanji

kepada Allah untuk sentiasa menyembah dan mentaati ajaran-Nya agar tidak menuju jalan yang sesat. Ilmu pula menjadi asas kepada kehidupan manusia agar mampu melakukan amalan yang benar di sisi agama.

Di samping itu, konsep adab iaitu adab antara manusia dengan pencipta. Menurut Yogi Prasetyo (2017), adab yang berlandaskan ajaran Allah SWT mampu membentuk manusia yang kukuh batinnya. Adab yang diamalkan oleh manusia ini mampu mengawal bagaimana manusia bertindak agar kekal di landasan yang benar. Konsep adab dalam Persuratan Baru terbahagi kepada dua iaitu adab sebagai khalifah Allah dan adab sebagai hamba Allah. Konsep adab dalam konteks Persuratan Baru dilihat melalui perlakuan watak-watak dalam karya sastera yang mengamalkan cara hidup yang penuh tertib dan harmoni. Konsep seterusnya dalam Persuratan Baru ialah konsep kalam. Konsep kalam berkaitan dengan ilmu al-Quran. Penggunaan kalam dalam agama Islam berkait dengan ilmu yang membuatkan manusia berupaya membaca ayat-ayat dalam al-Quran dan membawa manusia ke arah kebenaran.

Seterusnya, konsep estetika Islam dan siratan makna yang menonjolkan keindahan Islam. Estetika Islam dalam karya sastera dinilai melalui penggunaan bahasa dan gaya bahasa yang menzahirkan nilai dan keindahan Islam. Keindahan Islam turut dicerminkan melalui pengertian bahasa yang digunakan dalam karya yang berupaya memaparkan ciptaan Tuhan di alam semesta ini. Akhir sekali, konsep kibrat dalam Persuratan Baru yang menjurus kepada pengajaran dalam sesebuah karya sastera. Perlakuan dan tindak-tanduk watak-watak dalam karya sastera yang ditafsir dan dinilai oleh pembaca seterusnya membuatkan pembaca mengambil iktibar dan pengajaran dari karya sastera. Pengajaran yang diperolehi mampu membawa manusia mendekati diri dengan Tuhan dan sentiasa beringat untuk bertaubat agar tidak dilaknat Tuhan. Tuntasnya, Teori Persuratan Baru digunakan secara menyeluruh untuk menganalisis novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Salleh ini.

## **METODOLOGI**

Satu set kaedah atau pendekatan sistematik yang digunakan dalam penyelidikan atau penyusunan sesuatu kajian atau projek. Metodologi melibatkan langkah-langkah yang teratur dan terancang untuk mencapai objektif tertentu dalam pelbagai bidang, seperti bidang sains, penyelidikan sosial, teknologi maklumat dan banyak lagi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), metodologi dapat didefinisikan sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Kaedah kualitatif merujuk kepada pendekatan penyelidikan yang menekankan pemahaman mendalam terhadap konteks, proses dan makna dalam situasi atau fenomena dalam novel yang dikaji. Kaedah ini biasanya untuk merumuskan pemahaman tentang realiti sosial, persepsi dan pengalaman manusia yang berkaitan dengan agama Islam yang wujud dalam novel yang dikaji. Pendekatan kualitatif juga memberikan gambaran yang jelas melalui pengumpulan data-data dalam prosedur penyelidikan (Lexy, 2007). Melalui pendekatan kualitatif, kajian ini telah memilih dua kaedah

iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi menganalisis novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*. Kaedah kepustakaan digunakan dengan memanfaatkan sumber-sumber literatur bagi memperoleh sumber maklumat yang sahih dan relevan. Menurut Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid (2016), kaedah kepustakaan melibatkan proses pemerolehan data-data yang sahih menggunakan sumber maklumat kajian lepas yang sedia ada jadi, kajian ini telah memanfaatkan novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* sebagai bahan kajian. Novel tersebut dikaji bagi memperoleh data-data yang tepat berkaitan dengan unsur-unsur keagamaan yang ingin disampaikan oleh pengarang di dalam novel tersebut.

Selain itu, bukan sahaja novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* digunakan sebagai bahan kajian malahan Teori Persuratan Baru turut diaplikasikan bagi membantu menganalisis teks di dalam novel ini. Hal ini menjelaskan kepada kaedah seterusnya iaitu kedah analisis teks dengan menerapkan keenam-enam konsep dalam Teori Persuratan Baru iaitu konsep taklif, konsep hakikat insan, ilmu dan amal, konsep adab, konsep kalam, konsep estetika Islam, dan konsep kiblat. Konsep-konsep ini diterapkan sebagai panduan kritikan karya bagi menganalisis perwatakan watak, mesej-mesej keagamaan dan nilai serta pengajaran yang terkandung dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* melalui maklumat yang diperoleh berkaitan dengan Teori Persuratan Baru. Melalui konsep ini juga, dapatan kajian yang diperoleh adalah berfungsi untuk memastikan sama ada Teori Persuratan Baru sesuai untuk mengkritik novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, penggunaan Teori Persuratan Baru adalah sangat sesuai dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*. Hal ini mampu dibuktikan melalui penerapan konsep taklif, konsep hakikat insan, ilmu dan amal, konsep adab, konsep kalam, konsep estetika Islam dan siratan makna serta konsep kiblat dalam novel tersebut. Penerapan keenam-enam konsep Persuratan Baru dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* membuktikan teori ini relevan dan signifikan untuk menganalisis novel tersebut. Berikut merupakan jadual yang memaparkan dapatan daripada penganalisisan terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*:

Jadual 1

*Penerapan teori Persuratan Baru dalam novel Di Sebalik Sebuah Kubah*

Novel	Teori Persuratan Baru					
	Konsep taklif	Konsep hakikat insan, ilmu dan amal	Konsep adab	Konsep kalam	Konsep estetika Islam dan siratan makna	Konsep kiblat
Di Sebalik Sebuah Kubah	/	/	/	/	/	/

## Konsep Taklif

Konsep taklif digunakan untuk melihat sejauh manakah watak-watak dalam karya sastera menghambakan diri kepada Allah SWT. *Di Sebalik Sebuah Kubah* memperlihatkan Harun Salleh menonjolkan hubungan antara manusia dengan pencipta melalui beberapa watak seperti Tuk Guru Naim dan Haji Jamalul. Hubungan antara manusia dengan pencipta terjadi melalui dua perspektif iaitu yang pertama, hubungan antara manusia sebagai hamba kepada pencipta dan yang kedua, hubungan antara manusia sebagai khalifah kepada pencipta. Menurut Adli Yaacob (2022), taklif mempunyai tiga ciri iaitu keadilan, ilmu pengetahuan dan ikhtiar. *Di Sebalik Sebuah Kubah* memperlihatkan konsep taklif diterapkan melalui ilmu pengetahuan dan ikhtiar melalui watak Tok Guru Naim yang merupakan seorang insan yang amat patuh kepada ajaran agama Islam dan segala tindakan yang dilakukannya tidak menyimpang dari ajaran agama Islam sebaliknya sentiasa menuruti ajaran agama atas kehendak Allah. Taklif melalui ilmu pengetahuan dan ikhtiar difokuskan melalui Tok Guru Naim selaku guru agama yang mengajak anak-anak didiknya mengamalkan ilmu tauhid seperti berzikir sebagai seorang umat Islam. Hubungan antara Tuk Guru Naim dengan Allah SWT dapat dilihat apabila Tuk Guru Naim menghambakan diri kepada Allah SWT sebagai khalifahNya dengan mengajak anak-anak didiknya untuk mengamalkan zikir dalam kehidupan melalui petikan tersebut :

Bagi orang-orang sufi, berzikir dengan lidah adalah merupakan langkah awal. Hakikat zikir yang sebenarnya ialah menyebut nama Allah di dalam hati. Bila hati berzikir, seluruh anggota akan turut berzikir sama dengan caranya yang tersendiri. Bila sudah sampai ke tahap ini, zikir lidah hamba Allah yang berkenaan semakin kurang. Berzikir di sudut hati, kesannya sekaligus berterap ke seluruh anggota. Apabila ini sudah berterap, hawa nafsu dan perasaan waswas dari godaan syaitan akan hancur lebur lalu terpancarlah cahaya tajalli dan makrifat Allah.

(Harun Salleh, 1986, p. 12)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang menggunakan watak Tok Guru Naim untuk menjadi medium penyampaian kepada anak-anak muridnya untuk sentiasa berzikir kepada Allah agar keimanan mereka mampu ditingkatkan dan seterusnya mengelakkan mereka daripada terjerumus dalam hawa nafsu dan godaan syaitan yang boleh membawa kepada kemusnahan hidup. Amalan zikir merupakan salah satu cara bagi umat Islam untuk sentiasa mendahulukan dan mengingati Allah dalam setiap gerak geri kehidupan. Kesedaran sebagai manusia yang bergelar insan atau hamba Allah adalah wajar kerana manusia diciptakan untuk melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Oleh itu, setiap amalan yang dilakukan mestilah ke arah kebaikan supaya tidak tergelincir dari fitrah manusia yang sebenar. Hal ini memaparkan wujudnya hubungan antara watak Tok Guru Naim dengan Allah melalui amalan zikir dalam kalangan hamba Allah. Perbuatan menyebut dan mendahulukan nama Allah menjadi jambatan perhubungan antara Tok Guru Naim dengan sang pencipta. Maka Tok Guru Naim menggunakan ilmu pengetahuannya dalam hal agama untuk menyebarkan kebaikan kepada umat Islam melalui ikhtiarnya iaitu berdakwah kepada anak-anak muridnya. Terbuktilah konsep taklif wujud dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* melalui

watak Tok Guru Naim yang bukan sahaja sentiasa menyematkan nama Allah dalam hatinya malah mengajak umat Islam yang lain untuk melakukan perkara yang sama.

Konsep taklif turut diperlihatkan melalui watak Jamalul yang mengingati Allah kerana menyedari perbuatan yang dilakukannya salah di sisi agama Islam. Hubungan antara manusia dengan pencipta sememangnya memastikan manusia sentiasa meletakkan nama Allah dalam hati mereka dan hendaklah sentiasa bertaubat dan meminta keampunan dari-Nya agar jiwa manusia mampu dibersihkan. Pembuktian watak Jamalul yang sentiasa mengingati Allah adalah melalui petikan berikut :

“Ya Allah! Ampunkanlah dosa hamba-Mu yang daif ini kerana mempunyai prasangka yang buruk terhadap Suntim. Semoga Engkau menjauhi dia daripada berbuat demikian. Suntim pasti tahu bahawa menabur fitnah itu suatu dosa yang besar dan lebih dahsyat dari seorang pembunuh yang kejam!”

(Harun Salleh, 1986, p. 22)

Berdasarkan petikan tersebut, Jamalul mengelamun dan kemudiannya meminta keampunan dari Allah kerana berprasangka buruk terhadap Suntim. Dia berdoa dan meminta Allah untuk menjauhkan Suntim daripada menabur fitnah kerana perbuatan menabur fitnah lebih besar dosanya berbanding membunuh. Tindakan Jamalul tersebut menonjolkan bahawa dia sentiasa taat kepada ajaran agama Islam dan mengingati Tuhan kerana wujudnya hubungan antara manusia dengan sang pencipta.

Hubungan antara manusia dengan pencipta turut terjadi melalui perbuatan manusia dengan izin-Nya sehingga memastikan perbuatan yang dilakukan mendapat berkat dari-Nya. Perbuatan manusia yang penuh dengan niat yang ikhlas dan mempunyai tujuan yang baik akan mendapat keberkatan-Nya. Maka manusia harus sentiasa mengingati Tuhan kerana segala apa yang diperoleh adalah atas izin-Nya dan melalui-Nya juga manusia memperoleh rezeki. *Di Sebalik Sebuah Kubah* membuktikan perkara tersebut melalui petikan berikut :

Haji Jamalul terus membisu. Dia kurang senang menerima pujian yang datang berlambak-lambak itu. Kejayaannya memberkas semula orang banduan itu adalah dengan izin Allah. Dan dia tidak berhak menerima puji- pujian yang bertalu-talu itu. Hanya Allah saja yang berhak menerima pujian, fikirnya setulus hati.

(Harun Salleh, 1986, p. 81-82)

Berdasarkan petikan berikut, Haji Jamalul kurang senang dengan pujian yang berlambak-lambak diberikan kepadanya atas kejayaan memberkas banduan. Haji Jamalul berfikir hanya Allah sahaja yang berhak menerima pujian tersebut kerana tanpa izin-Nya, Jamalul tidak mungkin akan berjaya memberkas banduan tersebut. Melalui petikan tersebut, Harun Salleh berjaya menggambarkan masyarakat yang tidak sombong dan lupa diri ketika menerima pujian tetapi sebaliknya menyatakan bahawa pujian tersebut layak diberikan kepada sang pencipta. Hal ini sangat signifikan dengan hubungan antara manusia dengan pencipta

kerana manusia memerlukan berkat dan izin Allah dalam segala perbuatan mereka dan manusia juga memperoleh rezeki dari Allah. Oleh itu, manusia harus sentiasa menghambakan diri mereka kepada Allah agar kehidupan sentiasa diberkati.

### **Konsep hakikat insan, ilmu dan amal**

Konsep hakikat insan, ilmu dan amal memberikan tumpuan kepada sumber ilmu sahih yang dipraktikkan oleh watak-watak sehingga membawa seseorang tersebut lebih arif dalam bertindak berlandaskan ilmu yang diamalkan untuk menuju ke jalan yang diredai Allah SWT. Menurut (Affandi, 1992) terdapat tiga sumber ilmu iaitu wahyu, akal dan pengalaman yang ada pada manusia. Watak-watak tersebut juga menonjolkan sikap taat dan khusyuk terhadap setiap suruhan dan larangan Allah SWT sepanjang menjalani kehidupan di dunia. Penerapan konsep hakikat, Insan Ilmu dan amal dapat diperlihatkan dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* melalui watak Tok Guru Naim yang ditakdirkan oleh Allah SWT menjadi salah seorang insan terpilih dan mempunyai keistimewaan dalam menyampaikan ilmu kepada orang lain. Pengarang meletakkan watak Tok Guru Naim sebagai seorang yang taat terhadap perintah Allah SWT iaitu memanfaatkan ilmu yang diperolehinya sebagai rujukan anak muda dalam yang hendak meningkatkan ilmu agama dalam diri mereka supaya tidak terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar. Buktinya pada petikan berikut:

Malam itu Tuk Guru Naim mengajar ‘Sifat Dua Puluh’ dan menyentuh sedikit ilmu tauhid. Jamalul dan tujuh orang lagi teman sepengajiannya bertafakur mendengar setiap patah yanh dikuliahkan oleh Tuk Guru Naim. Untuk menerangkan supaya anak- anak muridnya betul-betul faham, kadangkala Tuk Guru Naim menterjemahkannya ke dalam bahasa Suluk atau Bajau. Setiap apa yang dihujahkan, diperkuatkan lagi dengan hadis atau firman Allah dalam kitab suci al-Quran. Bila ada hadis atau firman Allah yang diperkatakan, kelapan-lapan mereka akan mencatatkannya ke dalam buku masing-masing.

(Harun Haji Salleh, 1986, p. 11)

Berdasarkan petikan perenggan tersebut, pengarang menggunakan watak Tuk Guru Naim sebagai penggerak untuk meluaskan ajaran agama Islam dan ilmu-ilmu yang menjadikan seseorang tersebut sebagai umat Islam yang sejati seperti ilmu tauhid melalui kuliah agama yang diadakan oleh beliau sejak dulu lagi. Hal ini kerana, perbuatan tersebut amatlah dituntut dalam Islam. Tuk Guru Naim sangat rasional semasa sesi penyampaian kuliahnya. Sebagai bukti, setiap kali beliau mengutarakan sebarang hujah beliau akan menyertakan hujahan tersebut dengan hadis dan firman Allah SWT yang terdapat dalam kitab Suci al-Quran. Tindakan Tuk Guru Naim menyelitkan hadis dan firman Allah amatlah sesuai untuk meyakinkan lagi anak muridnya bahawa ilmu yang disampaikan oleh beliau adalah benar. Seterusnya, perbuatan anak murid Tuk Guru Naim tersebut, membuktikan bahawa mereka memanfaatkan ilmu yang disampaikan oleh Tok Guru Naim dengan mencatatnya di ke dalam buku mereka masing-masing untuk dijadikan sebagai ingatan dan amalan pada masa yang akan datang.

Sehubungan itu, kitaran yang berlaku antara Tuk Guru Naim dan anak muridnya dapat menggambarkan pengaplikasian konsep hakikat insan, amal dan ilmu iaitu bermula dengan penyampaian ilmu oleh Tok Guru Naim, kemudian ilmu tersebut dimanfaatkan oleh anak muridnya dan dijadikan amalan oleh mereka untuk masa depan. Buktinya, Jamalul iaitu salah seorang anak muridnya berjaya memanfaatkan ilmu yang dipelajari sepanjang tempoh pengajian. Jamalul telah mengikut jejak langkah Tuk Guru Naim yang menyampaikan ilmu kepada anak-muda muda berlandaskan hadis dan firman Allah SWT untuk menguatkan lagi hujahnya. Intihanya, Tuk Guru Naim berjaya menyampaikan ilmu agama kepada anak muridnya sekaligus dapat dijadikan amalan serta panduan dalam kehidupan supaya umat Islam yang lain dapat mempertingkatkan lagi ilmu dada dan tidak mudah untuk tergolong dalam orang-orang yang kafir dan menyesatkan.

### **Konsep adab**

Konsep adab pula memberi fokus kepada tingkah laku dan amalan manusia yang tertib, harmoni dan beramal soleh. Konsep adab yang terdapat dalam Teori Persuratan Baru ini terdiri daripada dua iaitu adab sebagai hamba Allah dan adab sebagai khalifah Allah. Namun kedua-dua adab tersebut adalah bertujuan untuk membentuk manusia yang beradab dan sentiasa taat akan perintah Allah Swt walau dalam pelbagai keadaan. Menurut (al-Qaradhawi, 2012) beliau telah mengkategorikan bahawa adab dan akhlak adalah ciri kelima yang mampu membentuk masyarakat Islam.

#### **i) Adab sebagai khalifah Allah**

Adab sebagai khalifah Allah merujuk kepada adab sebagai hamba Allah yang juga memimpin umat Islam yang lain untuk melaksanakan kehidupan yang lebih diredai Allah SWT. Berdasarkan novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*, pengarang menggambarkan watak Tuk Guru Naim dan Haji Jamalul yang menjalankan tugasnya sebagai khalifah Allah yang menyampaikan mesej yang lebih bermoral untuk dipraktikkan dalam kehidupan manusia. Perbuatan kedua-dua sebagai khalifah Allah SWT tersebut terbukti beradab apabila mereka menyampaikan dakwah ataupun ilmu agama kepada anak muridnya menggunakan sumber yang benar dan sahih seperti hadis dan firman Allah SWT supaya tidak tersesat dari ajaran agama Islam yang sebenar. Buktinya terdapat pada dua petikan yang berbeza berikut:

Malam itu Tuk Guru Naim mengajar ‘Sifat Dua Puluh’ dan menyentuh sedikit ilmu tauhid. Jamalul dan tujuh orang lagi teman sepengajiannya bertafakur mendengar setiap patah yang dikuliahkan oleh Tok Guru Naim. Untuk menerangkan supaya anak-anak muridnya betul-betul faham, kadangkala Tuk Guru Naim menterjemahkannya ke dalam bahasa Suluk atau Bajau. Setiap apa yang dihujahkan, diperkuatkan lagi dengan hadis atau firman Allah dalam kitab suci al-Quran. Bila ada hadis atau firman Allah yang diperkatakan, kelapan-lapan mereka akan mencatatkannya ke dalam buku masing-masing.

(Harun Salleh, 1986, p. 11)

Memang baik berdakwah melalui badan-badan atau kumpulan-kumpulan. Mengajak manusia bertakwa kepada Allah dan menjauhi dari segala kemungkaran. Ini sesuai dengan firman Allah iaitu: *Hendaklah ada di antara kamu yang berdakwah ke arah kebaikan, melaksanakan amar makruf dan mencegah kemungkaran, dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan.*

(Harun Salleh, 1986, p. 105)

Berdasarkan petikan-petikan yang mengisahkan dua watak berbeza iaitu Tuk Guru Naim dan Haji Jamalul tersebut telah membuktikan bahawa mereka berdua telah menjalankan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah Allah yang memimpin umat Islam yang lain untuk lebih bertakwa kepada Allah SWT. Antara kaedah yang digunakan oleh mereka berdua untuk menyampaikan ilmu adalah melalui sesi kuliah kepada anak-anak muda yang menuntut ilmu kepada mereka. Justeru, amalan menggunakan hadis dan firman Allah semasa menyampaikan hujah mampu meningkatkan lagi keyakinan dan kefahaman orang lain dalam menjalankan kehidupan yang hanya bertujuan untuk mendapatkan keberkatan Allah SWT. Oleh itu, kehidupan masyarakat akan menjadi lebih makmur, damai dan teratur apabila wujud manusia yang menjalankan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah dalam memimpin dan membentuk umat lain untuk menjadi umat Islam yang sejati.

#### ii) **Adab sebagai hamba Allah**

Adab sebagai hamba Allah merujuk kepada tata tertib dan akhlak manusia terhadap Sang Pencipta. Penjagaan adab dengan Allah SWT dapat memberi kesedaran kepada manusia yang hanya diciptakan sebagai hamba dan perlu menghormati serta tunduk kepada Allah Yang Maha Pencipta makhluk di bumi. Akhlak atau adab bukan sahaja berkaitan dengan hubungan antara manusia sahaja, namun ia juga merangkumi hubungan antara manusia dan pencipta-Nya juga (Zuraidah, Zahir & Nuwairi, 2012). Petikan berikut membuktikan bahawa watak Jamalul menjaga adabnya sebelum masuk ke masjid untuk menghadap Allah SWT (Solat):

Aku perlu membersihkan diri dan berwudhu dulu sebelum melangkah ke masjid itu. Di masjid nanti aku akan bersembahyang sunat dua rakaat. Dan sesudah itu aku akan menyaksikan segala upacara yang akan dijalankan.' Demi-kian niat hati Haji Jamalul yang sudah tersemat di dalam dadanya.

(Harun Salleh, 1986, p. 153)

Berdasarkan petikan tersebut, watak Haji Jamalul telah menunjukkan bahawa dia menjaga adabnya sebelum masuk ke masjid untuk menunaikan solat. Haji Jamalul yang memastikan dirinya suci dan bersih dan dalam keadaan berwudhu sebelum melangkah masuk ke dalam masjid. Perbuatan Haji Jamalul tersebut adalah perkara yang wajib dilakukan oleh muslim yang lain sebelum menunaikan solat fardhu. Perkara tersebut dapat menggalakkan umat Islam untuk menunaikan ibadah Solat dengan keadaan yang lebih selesa kerana sentiasa dalam keadaan yang bersih. Manakala, dari perspektif Islam, wudhu mampu menghapus dosa-dosa kecil dalam diri manusia. Intihannya, sebagai muslim yang berakhlak mulia adab sebelum sembahyang juga merujuk kepada adab kita sebagai hamba Allah, kerana sebagai hamba Allah



perkara utama yang dilakukan ialah melakukan perkara yang diredhai, diberkati dan disayangi oleh Allah SWT.

### **Konsep kalam**

Konsep Kalam dalam Persuratan Baru membawa maksud penyampaian ilmu dalam aspek agama Islam. Selain itu, ilmu yang diterapkan dalam agama Islam termasuk ilmu Al-Quran yang membantu dalam membimbing dan membentuk sahsiah umat Islam. Ilmu Al-Quran merujuk kepada bidang kajian yang menumpukan kepada pemahaman, interpretasi, dan penyelidikan Al-Quran, iaitu kitab suci dalam agama Islam. Kajian ini melibatkan pelbagai disiplin ilmu yang bertujuan untuk memahami teks Al-Quran dari pelbagai aspek, termasuk linguistik, tafsir (interpretasi), ilmu hadis, sejarah, dan teologi. Al-Quran pula menjadi sumber rujukan dan panduan bagi seluruh aspek kehidupan manusia duniawi dan ukhrawi. Al-Quran adalah kalam Allah SWT yang mengandungi pelbagai mukjizat. Hal ini menjelaskan bahawa konsep kalam dalam kesusasteraan bertujuan untuk menyampaikan ilmu kepada umat Islam dalam memahami ayat-ayat Al-Quran bagi membentuk sikap terpuji dan mulia dalam diri mereka yang ditampilkan oleh pengarang dalam karyanya.

Terdapat beberapa penerapan konsep kalam dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kabah* melalui firman Allah. Firman Allah membawa maksud perintah atau sabda Allah. Dalam konteks Al-Quran, firman Allah pula bermaksud seluruh alam bertasbih kepada Allah. Firman Allah yang dimasukkan di dalam Al-Quran berfungsi mengajar, menyatakan kesalahan, memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang akan kebenaran. Hal ini diperlihatkan oleh pengarang melalui watak Jamalul dan Jamaliah yang berusaha mencari rezeki demi meningkatkan taraf hidup mereka berpandukan firman Allah. Bukti ini dapat kita lihat dalam petikan berikut:

*“Sesudah menunaikan sembahyang, bertebaranlah kamu di bumi ini untuk mencari rezeki. Dan ingatlah Allah dengan sebanyak-banyaknya supaya segala usahamu diberkati dan diberi ganjaran.”* Berpandukan firman Allah itulah telah mendorong lagi Jamalul dan Jamaliah untuk berusaha lebih gigih demi mencapai taraf hidup yang lebih sempurna. Segala apa yang diusahakannya semata-mata kerana Allah.”

(Harun Salleh, 1986, p. 44)

Berdasarkan petikan novel tersebut, hal ini menunjukkan bahawa firman Allah memberikan ilmu berasaskan motivasi kepada watak Jamalul dan Jamaliah untuk berusaha mencari sumber pendapatan dengan gigih agar hidup mereka senang dan lebih baik. Selain itu, firman Allah tersebut meminta umat-Nya untuk sentiasa mengingati akan diri-Nya agar segala usaha mereka diberkati serta ganjaran turut diberikan kepada mereka. Konsep kalam dalam petikan ini diperlihatkan oleh pengarang melalui peranan firman Allah dalam memotivasi umatnya untuk sentiasa ingat terhadap Allah agar segala usaha umat Islam diberkati dan mendapat ganjaran daripada Allah. Di samping penerapan konsep kalam, pengarang turut memperlihatkan pemikiran kemasyarakatan dalam petikan ini iaitu masyarakat yang sentiasa

gigih berusaha dalam mencari sumber rezeki yang halal demi menyara kehidupan mereka. Hal ini terbukti melalui watak Jamalul dan Jamaliah yang tidak lupa kepada Allah dan bersungguh-sungguh dalam usaha mereka menjalani kehidupan seharian iaitu mencari rezeki. Kreativiti pengarang dapat dilihat melalui kemampuan pengarang dalam mengaitkan nilai agama dalam kehidupan seharian masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan masyarakat sekarang lupa akan agama dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka.

Konsep kalam turut ditampilkan dengan signifikan melalui watak Haji Jamalul yang mendengar bisikan halus firman Allah yang menyeru umat-Nya untuk mencari rezeki yang halal agar diberkati oleh Allah. Bukti ini dapat kita lihat dalam petikan berikut:

*“Selesai saja menunaikan sembahyang hendaklah kamu bertebaran di bumi ini untuk mencari rezeki yang halal. Dan ingatlah sebanyak-banyaknya kepada aku nescaya apa yang kamu usahakan diberkati.”*

(Harun Salleh, 1986, p. 68)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa firman Allah menghendaki segala umat Islam untuk mencari sumber rezeki yang halal. Aktiviti merompak, mencuri, menjadi pelacur dan aktiviti haram yang lain hanya demi mendapatkan sejumlah wang haruslah dijauhkan daripada kehidupan manusia. Walaupun pekerjaan yang dilakukan bergaji rendah dan dipandang hina oleh segelintir masyarakat seperti buruh binaan, pengutip sampah, pekerja di kedai dan sebagainya, asalkan halal, nescaya usaha mereka diberkati oleh Allah menurut firman Allah tersebut. Pemikiran yang diterapkan oleh pengarang di dalam petikan ini adalah pemikiran kemanusiaan iaitu nilai rasional dalam mencari rezeki yang halal ketimbang rezeki yang diperoleh melalui cara haram. Rezeki yang halal ini buka sahaja mendekatkan manusia dengan Allah, malahan ia turut menjauh manusia itu sendiri daripada musibah. Contohnya, sekiranya terdapat individu yang sanggup merompak demi mendapatkan duit, mereka kemungkinan akan dipenjarakan dan kesan merompak tersebut akan menyusahkan mangsa yang dirompak. Hal ini menunjukkan bahawa konsep kalam diterapkan oleh pengarang yang menegaskan bahawa ilmu Al-Quran iaitu firman Allah dapat menjauhkan manusia daripada mendapat masalah. Jelaslah bahawa pengarang berjaya menerapkan konsep kalam dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kabah* dengan menyelitkan firman Allah dalam pembentukan watak-watak di dalam novel tersebut.

### **Konsep estetika Islam**

Konsep estetika Islam dalam karya dilihat melalui penggunaan bahasa dan juga gaya bahasa yang mencerminkan agama Islam dan unsur keagamaan yang membawa kepada keindahan. Konsep estetika Islam juga dilihat daripada penerapan unsur alam dalam karya yang membawa kepada makna tersirat terhadap ciptaan Allah. Secara ringkasnya Islam itu sendiri adalah sesuatu keindahan kerana wujud budaya salam-salaman serta umat Islam yang memanjatkan doa selepas selesai solat dianggap sebagai sesuatu keindahan. Konsep estetika membawa pembaca untuk menyelami dan menghayati unsur keindahan Islam yang secara tidak langsung mendekatkan pembaca dengan Allah. Secara tidak langsung ia menggalakkan umat Islam

melihat keindahan dan merasai ciptaan-Nya secara langsung seperti pokok, laut, gunung, haiwan, udara dan sebagainya adalah sebuah keindahan yang tidak dapat dilupakan. Di Sebalik Sebuah Kubah menepati konsep estetika Islam kerana karya ini mengandungi beberapa seni Islam yang membawa makna dan keindahan mengenai agama Islam. Seni Islam ini diperlihatkan oleh pengarang menerusi watak Jamaliah yang mengucapkan “Allahu Akbar” ketika perahu layarnya yang terumbang-ambing dipukul ombak yang kuat melalui petikan tersebut:

“Ada rasa gementar yang bukan kepalang menusuk benaknya ketika itu. Bulu romanya tegak dengan tiba-tiba dan badannya juga menggigil. Menggigil bukan kerana kedinginan angin malam, tetapi kerana takut dan gerun kepada Allah Yang Maha Pengatur, Maha Pengampun dan Maha Pengasih! *Allahu Akbar!*”

(Harun Salleh, 1986, p. 38)

Melalui petikan ini, watak Jamaliah menunjukkan rasa takut terhadap kemurkaan Allah yang mendatangkan bencana alam iaitu ombak yang kuat dengan mengucap “*Allahu Akbar*”. Watak tersebut tidak takut akan bencana tersebut melainkan kepada Allah Yang Maha Pengatur yang mampu menggerakkan laut sehingga terciptanya ombak. Keindahan di sini dapat kita lihat melalui kekuasaan Allah dalam mengendalikan ciptaanNya yang tidak terbatas serta di luar akal pikiran manusia. Hal ini menunjukkan betapa besar kekuasaan Allah di muka bumi. Keindahan juga dapat dilihat daripada watak Jamaliah yang meninggikan dan memuji nama Allah di samping dalam keadaan bahaya menunjukkan bahawa dia selalu mengingati Allah sebagai umat Islam. Hal ini melahirkan pemikiran kemasyarakatan dalam novel Di Sebalik Sebuah Kubah melalui masyarakat yang sentiasa memuji dan mengingati nama Allah dalam kehidupan seharian. Kreativiti pengarang dapat dilihat melalui kemampuan pengarang menzahirkan pemikirannya dan pemerhatiannya mengenai masyarakat sekeliling dalam novel tersebut.

Konsep estetika Islam juga dapat kita lihat melalui watak Tuk Guru Naim yang mengucapkan “Alhamdulillah” kepada Allah selepas ombak sudah mula reda dan berhenti memukul perahu layar mereka melalui petikan tersebut:

“*Alhamdulillah!* Rupa-rupanya Allah bersama-sama kita Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang kasihkan kita. Allah Yang Maha Berkuasa mentadbirkan alam semesta,” Tuk Guru Naim bersuara terputus-putus sambil memerhati keadaan sekeliling yang kian reda. Lalu dia menadah tangan sambil melafazkan kesyukuran.”

(Harun Salleh, 1986, p. 39)

Petikan ini menunjukkan watak Tuk Guru Naim menyatakan kesyukurannya kepada Allah dengan melafazkan kalimat “*Alhamdulillah*” yang telah menyelamatkan mereka daripada kematian dan umur mereka masih dipanjangkan. Keindahan dalam petikan ini dapat kita lihat melalui perasaan bersyukur kepada Allah atas belas kasih yang diberikan kepada Tuk Guru Naim dan rakannya melalui kalimat “*Alhamdulillah*” tersebut. Selain itu, perbuatan Tuk

Guru Naim menadah tangan membawa maksud dia merendahkan diri dan tidak meninggikan diri terhadap Allah. Sikap yang ditunjukkan melalui pergerakan dan mulut Tuk Guru Naim menimbulkan kesan keindahan dengan menunjukkan sikap mulia dan terpuji seseorang umat Islam. Pemikiran yang diterapkan oleh pengarang dalam petikan ini adalah pemikiran kemasyarakatan iaitu masyarakat yang sentiasa bersyukur terhadap Allah dalam membimbing mereka dalam kehidupan sebagai umat Islam. Kreativiti pengarang dapat kita lihat melalui cara pengarang menyampaikan perasaan gusar dan takut melalui watak Tuk Guru Naim sehingga memperlihatkan watak yang benar-benar hidup dan tidak kaku. Jelaslah bahawa pengarang berjaya menerapkan konsep estetika Islam melalui watak-watak di dalam novel, lebih-lebih lagi pengarang tidak terikat kepada mana aspek seni melainkan melahirkan kepelbagaian keindahan dalam bentuk bukan abstrak seperti sikap dan perasaan.

### **Konsep kiblat**

Konsep KIBLAT dalam gagasan Persuratan Baru sebenarnya membawa makna satu kaedah atau cara yang dikenali sebagai Kaedah Bersepadu Lima Tangga dan lima tangga ini terdiri daripada proses membaca, memahami, mentafsir, menikmati dan mengarang (Affandi, 1992). Melalui lima proses tersebut, pengarang berupaya menghasilkan karya sastera yang berkualiti tinggi yang sarat dengan pengajaran dan membawa pembaca ke arah kebaikan. Maka karya-karya sastera bersifat picisan yang sarat dengan unsur-unsur duniawi seperti erotisme dan materialisme ditolak sama sekali oleh gagasan Persuratan Baru. *Di Sebalik Sebuah Kubah* menepati konsep KIBLAT kerana karya ini mengandungi beberapa pengajaran yang mampu mendekatkan pembaca dengan Allah SWT. Pengajaran ini diperlihatkan menerusi watak seperti Haji Jamalul dalam beberapa situasi yang diwujudkan oleh Harun Salleh melalui novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* ini. Haji Jamalul ditonjolkan sebagai seorang yang sanggup berkorban demi mempertahankan maruah agama Islam melalui petikan tersebut :

“Tapi ingat tuan, Siapa saja yang datang hendak merobohkan masjid itu, saya akan bunuh. Saya rela dipenjara atau digantung demi untuk mempertahankan masjid itu,” balas Haji Jamalul lagi sambil merenung tepat ke mata Tuan Walton Smith tanpa rasa gentar. Tubuhnya masih menggigil dan bibirnya bergerak-gerak kerana menahan rasa marah yang membara di dadanya.  
(Harun Salleh, 1986, p. 117)

Berdasarkan petikan tersebut, Haji Jamalul ditonjolkan sebagai seorang yang sanggup melakukan apa-apa sahaja demi memastikan maruah dan kedudukan Islam tidak direndahkan oleh orang lain. Haji Jamalul telah dikhabarkan dengan berita bahawa orang atasan iaitu Tuan Walton Smith ingin merobohkan masjid yang merupakan lambang kebesaran Islam di kampung mereka. Perkara tersebut seterusnya membangkitkan kemarahan Haji Jamalul kerana merasakan maruah agama Islam dipijak-pijak oleh orang luar. Perasaan sayang Haji Jamalul terhadap agama Islam dan dan taat setianya kepada Allah SWT mendorong dia sanggup membunuh dan menerima sebarang hukuman seperti dipenjara. Haji Jamalul turut sanggup berkorban nyawa sekiranya pihak Inggeris tetap dengan pendirian ingin merobohkan masjid tersebut. Berdasarkan tindakan dan semangat juang Haji Jamalul tersebut, pengarang

berjaya memaparkan satu pengajaran dan teladan baik yang harus dicontohi oleh pembaca. Perkara ini sememangnya menepati konsep KIBLAT dalam gagasan Persuratan Baru untuk menyampaikan pengajaran melalui karya. Pengajaran yang disampaikan ialah umat Islam harus sentiasa berjihad di jalan Allah SWT untuk menegakkan syiar Islam dan sanggup berkorban untuk mempertahankan maruah Islam bagi membuka mata dan minda umat Islam lain untuk melakukan perkara yang sama supaya hidup umat Islam sentiasa diredhai dan diberkati oleh Allah SWT.

Konsep KIBLAT turut ditonjolkan dengan begitu signifikan juga menerusi watak Imam Masran. Pengarang telah mewujudkan satu senario dalam *Di Sebalik Sebuah Kubah* yang memperlihatkan Imam Masrin sebagai seorang yang tamak dalam mengejar pujian dan pangkat duniawi. Hal ini mampu dibuktikan melalui petikan tersebut:

Tiba-tiba Haji Jamalul semacam tergamam. Gema suara tuan pengerusi yang begitu lantang itu telah menyebut nama Imam Masrin. Imam Masrin yang dipuji-puji itu kononnya telah membuat jasa yang besar. Imam Masrin telah bermati-matian kerana mempertahankan tapak masjid itu daripada dirampas oleh penjajah. Dan Imam Masrin juga lebih rela digantung daripada menyerahkan tanah bagi tapak masjid yang tersergam indah itu.

(Harun Salleh, 1986, p.157)

Berdasarkan petikan tersebut, Imam Masrin telah ditonjolkan sebagai seorang yang bersikap tamak dan sanggup menjatuhkan orang lain demi kepentingan diri sendiri. Pengarang menggunakan watak Imam Masrin untuk menggambarkan seseorang yang sanggup menjatuhkan kawan sendiri untuk mendapatkan nama dan pangkat. Imam Masrin pada mulanya mengatakan masjid yang dibina oleh Haji Jamalul tersebut akan digantikan dengan masjid yang baru namun Imam Masrin menyelitkan niat lain untuk merampas kemasyhuran nama Haji Jamalul yang telah berkorban untuk mendapatkan tanah masjid tersebut. Hal tersebut menimbulkan amarah dalam diri Haji Jamalul kerana dia adalah orang yang mempertahankan tanah masjid itu semasa dilanda masalah namun Imam Masrin yang memperoleh pujian kerana dia dianggap berjasa oleh penduduk kampung yang menganggap Imam Masrin mempertahankan tanah masjid tersebut. Keadaan itu berlarutan sehingga Haji Jamalul menghembuskan nafas terakhirnya. Menerusi situasi tersebut, pengarang ingin menyedarkan pembaca bahawa tingkah laku tersebut tidak patut diamalkan sama sekali. Perbuatan mengambil hak orang lain demi kepentingan diri sendiri harus dihindari kerana kita tidak layak memperoleh penghargaan atas usaha orang lain. Maka pengajaran yang disampaikan ialah sebagai umat Islam, sikap tamak dalam diri harus dihindari kerana sikap tersebut dilaknat oleh Allah SWT. Oleh itu *Di Sebalik Sebuah Kubah* berjaya menempatkan beberapa situasi yang padan dengan konsep KIBLAT dalam gagasan Persuratan Baru.

## KESIMPULAN

Secara rangkumannya, penganalisisan terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* memaparkan penerapan unsur keislaman oleh pengarang. Penerapan Teori Persuratan Baru berjaya

merungkai unsur-unsur keagamaan dan keislaman yang cuba disampaikan oleh pengarang. Hal ini membuktikan Teori Persuratan Baru sesuai digunakan untuk mengkaji novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* kerana keenam-enam konsep yang terdapat dalam teori tersebut iaitu konsep taklif, konsep hakikat insan, ilmu dan amal, konsep adab, konsep kalam, konsep estetika Islam dan siratan makna serta konsep KIBLAT sepadan dengan mesej yang ingin disampaikan melalui novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*. Jelas terbukti bahawa mesej bersifat keagamaan dan keislaman melalui novel ini berupaya menyebarkan nilai kesucian dan keagungan Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Hal ini menunjukkan novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* mampu memberikan manfaat kepada para pembaca melalui penyampaian mesejnya yang bersifat positif kerana mengajak pembaca ke jalan yang benar iaitu menurut perintah Allah SWT. Penganalisisan terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* mempunyai makna yang besar kerana berupaya merungkai mesej-mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang agar karya sastera sebegini tidak ditelan zaman begitu sahaja. Hal ini juga memastikan karya-karya sastera terus relevan sebagai wadah yang menyampaikan ilmu dan mesej-mesej bermanfaat pada zaman yang berada dalam arus pemodenan. Justeru, penghasilan karya-karya sastera Islam harus sentiasa dipergiatkan kerana mampu membugar minda dan membuka mata pembaca agar mendalami ajaran Islam supaya memperoleh keberkatan di dunia dan di akhirat.

## RUJUKAN

- Adli Yaacob. (2022). Pendidikan estetika dan pendekatan tawhid dan gagasan Persuratan Baru sebagai model teori sastera Islam yang ideal cetusan Mohd. Affandi Hassan. *International Journal of Modern Education*, 4(12), 78-100.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2012). Ciri-ciri unggul masyarakat Islam yang kita idamkan. Terj. Ustaz Mohamaz Zaini Yahaya. Kuala Lumpur: *Journal of Social Sciences & Humanities*, 17(9), 75-89.
- A. Rahim Abdullah. (2005). *Adakah bangsa dalam sastera dan bahasa kita?*, Minggu Malaysia, 31.
- Asmiaty Amat & Tuan Sanira Mohd Zawawi. (2016). Nilai keislaman dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* dan *Hidayah* karya Harun Hj Salleh. *Rajut Agama dan Budaya*, 95-114.
- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2016). Novel *Bagaton* dan *Ngayau*: satu analisis menerusi kaca mata gagasan Persuratan Baru. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 23, 43-60.
- Harun Haji Salleh. (1986). *Di sebalik sebuah kubah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Ismail. (2022). Al-Ihsan dalam kumpulan cerpen Yunda. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1), 26-34.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Affandi Hassan. (1997). *Pujangga Melayu*. Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Zariat Abdul Rani, Nudra Shafini Halis Azhan & Salmah Jan Noor Muhammad. (2021). Kesusasteraan Melayu dan Persuratan Baru: satu pengamatan kritis tentang sambutan kesarjanaan. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 29(2), 1449- 1468.
- Moleong, J. Lexy. (2007). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Edisi Revisi. PT Remaja Rosdakarya.
- Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli, Mohd. Zariat Abdul Rani, Salmah Jan Noor Muhammad & Ab. Halim Mohamad. (2022). Analisis teks novel mata pelajaran kesusasteraan Melayu Dari Lembah Ke Puncak berdasarkan Gagasan Persuratan Baru: *International Journal of Education and Training (InjET)*, 8(2), 1-13.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 146-159.
- Nur Fatiha Fadila Abu Bakar. (2023). Menyingkap perihal intelektualisme dan falsafah Islam dalam Novel Penyeberang Sempadan karya Anwar Ridhwan: analisis Persuratan Baru. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 11(3), 49-61.
- Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail & Khairatul Akmar Abd. Latif. (2017). Analisis Takmilah Novel Sarjana Bangsa: *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*.
- Shahnon Ahmad. (1977). *Sastera Islam*. Dewan Bahasa 21(7).
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (1999). Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan: satu sambutan awal. *Kertas kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka*, 6-8 Disember.
- Yogi Prasetyo. (2017). Adab sebagai politik hukum Islam. *Jurnal Peradaban Islam*, 13(1), 93-112.
- Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'ai. (2012). Pantun dan ungkapan Melayu sebagai wahana kepimpinan Melayu ke arah pembangunan modal insan. *Jurnal Melayu*, 9, 155-170.

## DIDAKTISME TAK SEINDAH WAJAH: CITRA PUITIKA SASTERA MELAYU

Mohd Fadzman Kennedy @ Junaidi  
Muhammad Ikmal Zulhaimi Jem

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan Sarawak, Malaysia

### Abstrak

Teori Puitika Sastera Melayu merupakan teori sastera tempatan yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989). Puitika merupakan cabang ilmu kesusasteraan yang mengkaji ciri-ciri sastera, keindahan dalam karya sastera serta unsur-unsur keindahan serta nilai estetika. Estetika pula merupakan cabang falsafah yang mengkaji konsep yang berkaitan dengan keindahan dan cita rasa. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan menganalisis aspek keindahan dalam teks lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu dengan mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan analisis teks, dan teks menggarap Teori Puitika Sastera Melayu yang dipelopori oleh Muhammad Haji Salleh (1986). Teori Puitika Sastera Melayu menekankan lima teras keindahan utama dalam penghasilan sesuatu teks sastera iaitu dalam teks lagu *Tak Seindah Wajah*. Dapatan analisis memperlihatkan bahawa terdapat empat daripada lima teras keindahan yang diterapkan dalam bait-bait dalam teks lagu *Tak Seindah Wajah* jelas memaparkan keaslian, keindahan, serta makna yang mendalam buat pendengar. Rentetan itu, penghasilan karya ini sememangnya signifikan dalam memaparkan konsep serta ciri keindahan sastera yang difokuskan melalui Teori Puitika Sastera Melayu. Teks lagu *Tak Seindah Wajah* ini juga sarat dengan didaktik yang selayaknya dikupas agar tatapan khalayak faham akan makna tersirat dan tersurat yang terkandung dalam teks *Tak Seindah Wajah*. Kesimpulannya, Teori Puitika Sastera Melayu dapat ditelusuri estetikanya melalui teks karya *Tak Seindah Wajah* sebagai wadah utama serta didaktik terhadap pendengar.

**Kata Kunci:** estetika, keindahan, Teori Puitika Sastera Melayu, didaktik

### PENGENALAN

Bahasa merupakan medium untuk menyampaikan nilai-nilai murni dan pengajaran dalam sastera. Hal ini sejajar dengan pendapat Shafie Abu Bakar (1994) yang menyatakan bahawa sastera merupakan hasil ciptaan manusia yang menggunakan bahasa sebagai mediumnya dan mempunyai nilai - nilai keindahan , keluhuran, kehalusan dan kebijaksanaan. Sastera juga merupakan ciptaan masyarakat yang mampu merakamkan pemikiran, perasaan dan khazanah kebudayaan satu bangsa (Hashim Awang, 1988). Oleh yang demikian, sastera merupakan rakaman imaginasi pengarang yang mengandungi nilai keintelektualan , ekspresi kehidupan dan kebudayaan masyarakat sekelilingnya serta diungkapkan dalam bahasa yang



indah. Setiap karya yang dihasilkan mempunyai tujuan dan objektif yang tersendiri. Hashim Awang (1988) menyatakan bahawa sastera berperanan untuk mendidik masyarakat dengan menanamkan nilai - nilai murni, etika, kemanusiaan dan pengajaran.

Seterusnya, sastera bukan sahaja berperanan sebagai wadah untuk memugarkan pemikiran dan keintelektualan tetapi bertindak sebagai agen pembinaan jati diri dan identiti bangsa melalui unsur didaktik yang terkandung di dalamnya. Rentetan itu, setiap karya yang dihasilkan mestilah menerapkan nilai-nilai murni dan pengajaran agar menjadi panduan dan bersifat didaktik dalam mendidik masyarakat khususnya generasi pada masa kini. Hal ini demikian kerana karya sastera pada masa kini lebih mementingkan unsur hiburan berbanding nilai pengajaran yang membina masyarakat (Shahnon Ahmad, 1990). Lantaran itu, perkara tersebut akan dikaitkan dengan kritikan sastera yang akan dilaksanakan pada teks sastera yang akan dibincangkan dengan mendalam. Lagu *Tak Seindah Wajah* karya S. M. Salim (2017) ini sememangnya dipenuhi dengan unsur didaktik yang mendidik masyarakat di samping sarat dengan ciri keindahan yang tersendiri kepada pendengar mahupun pembaca yang cuba mendalami seni katanya.

Keindahan dalam mengajar dan mendidik, keindahan dalam memaparkan kesedihan, keindahan dalam penceritaan, keindahan dalam rasa dan keindahan yang asli sememangnya wujud dalam lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim. Melalui penelitian pengkaji, lagu *Tak Seindah Wajah* memfokuskan empat daripada lima teras keindahan dalam kritikan sastera. Keempat - empat teras tersebut menjadi inti utama kepada Tan Sri S. M. Salim dalam memberikan nilai berunsur didaktik terhadap pendengar dan pembaca seni kata lagu tersebut. Justeru, segala bentuk unsur didaktik dalam seni kata lagu *Tak Seindah Wajah* haruslah dibincangkan dan diteliti melalui setiap bait-bait lirik lagu tersebut.

## **OBJEKTIF**

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis aspek puitika dalam penyampaian unsur didaktik yang terdapat dalam bait - bait lagu tak seindah wajah karya Tan Sri S. M. Salim.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pelbagai kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan keindahan karya Melayu dengan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu. Kajian ini sekadar menerapkan beberapa tulisan keindahan bahasa yang dikaji oleh pengkaji serantau, tempatan termasuklah Hashim Ismail pada tahun 2019 melalui tajuk kajiannya “Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti”. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa komponen penting dalam Puitika Sastera Melayu yang dipelopori oleh Muhammad Haji Salleh (MHS). Sebagai contoh, prinsip nilai (values) yang mengupas tentang nilai-nilai murni seperti kebenaran, keindahan dan kebaikan yang terkandung dalam karya sastera Melayu (Muhammad Haji Salleh, 2006). Menurut beliau juga, Puitika Sastera Melayu (PSM) melihat nilai estetika sebagai wadah kepada penciptaan sastera Melayu. Terdapat beberapa pecahan bagi menggali nilai keindahan

yang terdapat dalam sesebuah karya sastera. Konsep yang menjadi gagasan beliau seperti teks, genre, pengarang, bahasa, estetika dan khalayak. Pada masa yang sama, beberapa ciri-ciri keindahan dalam sastera digariskan oleh beliau seperti keindahan melalui rasa, penceritaan, mendidik, asli dan kesedihan.

Kajian-kajian selanjutnya hanya bersifat aplikasi teori Puitika Melayu secara langsung. Khatijah Mohamad Yatim (2016) pada peringkat tesis sarjananya menganalisis Hikayat Char Darwis dan menamakan tesis beliau dengan judul, “Hikayat Char Darwis: Kajian Berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu”. Kajian ini memperlihatkan bahawa di dalam Hikayat Char Darwis, terdapat nilai keindahan karya berdasarkan prinsip “Perkataan Yang Indah-Indah”. Kajian ini turut menganalisis unsur alatan bahasa sastera, sopan santun dan strategi pengarang merendah diri, patut dan kata, bahasa yang sempurna dan tidak janggal. Justeru, kajian tersebut membuktikan kehadiran unsur-unsur keindahan yang terdapat dalam Hikayat Char Darwis melalui unsur hikayat yang indah-indah, sastera sebagai pengajar, dunia nestapa, yang asli itu indah, susunan episodik, seni yang dramatik dan keajaiban (Khatijah Mohd. Yatim, 2016).

Di samping itu, Awang Deng dan Rohaya Md Ali (2019) dalam kajian yang bertajuk *Paparan Suara Norhashimah Hashim dalam Karya Menyerlah Makna Keindahan Sastera Melayu* mengaplikasikan Teori Puitika Sastera Melayu untuk menganalisis tentang pengajaran yang berfungsi sebagai medium utama dalam memberi didikan terhadap pembaca sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pengajaran dalam “Lagu Merdu Irama Sumbang (2017)” yang memberi pengajaran melalui watak Mariah yang cekal dan redha akan penerangan yang diberikan Awatif apabila mengetahui bahawa Awatif telah melukakan hatinya. Melalui peristiwa tersebut, pengarang menerapkan keindahan dalam rasa supaya pembaca mampu memperoleh pengajaran mahupun wiyata yang memberi makna dalam kehidupan. Hal ini ekoran melalui kajian yang dilaksanakan, telah memberi pengajaran terhebat iaitu setiap penerimaan terhadap takdir dan ketentuan atas diri sendiri seharusnya difahami dengan sedar dan bijaksana.

Lanjutan itu, kajian yang dilaksanakan oleh Hashim Ismail (2019) yang bertajuk “Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti” menegaskan tentang pentingnya Teori Puitika Sastera Melayu sebagai teori sastera tempatan. Dapatan kajian menunjukkan Muhammad Haji Salleh menghasilkan Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan (1989), bermula dengan syarahan pengukuhan beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bukan itu sahaja, Hashim Ismail (2019) menegaskan konsep dan nilai keintelektualan dapat diangkat sebagai konsep keindahan Melayu atau diistilahkan sebagai Puitika Sastera Melayu. Malahan Puitika Sastera Melayu difahami sebagai satu kaedah genre, ujaran yang indah-indah, memperbaharui pengarang dan khalayak di serambi pentas adalah bukti ujaran-ujaran melepasi daerah linguistik dan diperhatikan para antropologis Melayu sebagai satu nilai jati diri (Hashim Ismail, 2011).

Kini, kajian tentang Puitika Sastera Melayu boleh dilihat melalui pengkaji-pengkaji tempatan. Kajian Nur Haifa dan Mohd Fadzman (2023) yang bertajuk “Wiyata 7 Nasihat

Orientasi Puitika Sastera Melayu” menggariskan Teori Puitika Sastera Melayu boleh dijadikan medium dalam menganalisis teks lagu karya sastera. Dapatan kajian menunjukkan empat daripada lima teras keindahan Teori Puitika Sastera Melayu (PSM) telah dikaji melalui lagu 7 Nasihat. Empat jenis teras keindahan iaitu keindahan dalam mengajar dan mendidik, keindahan dalam penceritaan, keindahan dalam rasa dan keindahan yang asli. Tambahan pula, menurut Nur Haifa dan Mohd Fadzman (2023), lagu 7 Nasihat tersebut mempunyai keindahan yang boleh dijadikan wadah hiburan yang sarat wiyata kepada khalayak ramai. Wiyata yang dimaksudkan dalam lagu tersebut ialah pengajaran yang boleh didapati melalui keindahan setiap bait-bait perkataan.

## **KERANGKA TEORETIS**

Teori Puitika Sastera Melayu telah diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh, seorang profesor sastera Melayu di Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (Kini bertugas sebagai profesor sastera di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia). Muhammad Haji Salleh boleh dianggap sebagai pelopor penerokaan teori sastera tempatan sekitar akhir tahun 1989. Gagasan Puitika Sastera Melayu diperincikan pada awalnya dalam buku *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan*, yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun berkenaan. Teori Puitika Sastera Melayu ini juga banyak menekankan aspek estetika khususnya dalam penghasilan karya sastera sama ada lisan ataupun lisan.

Puitika Sastera Melayu bertunjangan kepada falsafah dan konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Dengan penelitian yang bersifat analitis terhadap ribuan pantun Melayu, Muhammad menemukan idealisme keindahan yang mengakar dalam teks-teks kesusasteraan Melayu tradisional itu, khususnya pantun. Bagi membina kerangka pemikirannya terhadap konsep puitika sastera Melayu, pandangan dan tulisan-tulisan Vladimir I. Braingsky dan Eagleton sering dirujuk untuk memantap idealisme teoretikalnya. Muhammad percaya, bahawa keindahan sastera Melayu mempunyai kaitan akrab dengan etos, budaya, pandangan hidup, sejarah, alam sekitar dan lingkungannya (Sahlan Mohd Saman, 1997). Oleh yang demikian, setiap jenis perkaitan tersebut diambil kira dalam pembentukan sesebuah teori Puitika yang boleh dikatakan mantap serta boleh digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam mengkaji karya-karya sastera.

Puitika Sastera Melayu membuka jalan kepada pembaca bagi memahami fenomena keindahan dalam karya-karya kesusasteraan Melayu bagi tujuan mengangkat nilai keindahan teks kesusasteraan Melayu tersebut, di samping mencari makna di sebalik keindahan itu dengan hubungan-hubungan yang berada di luar teks seperti budaya, sikap, pandangan hidup, sejarah dan alam sekitar masyarakat Melayu itu sendiri. Puitika Sastera Melayu menjadi kunci untuk kita mencari jawapan sebenar kepada sifat dan ciri-ciri kesusasteraan Melayu yang meliputi karyanya, pengarang, wadah, estetika, khalayak dan bangsa pemiliknya. Mendekati teks kesusasteraan berasaskan teori ini, bermakna pengkritik meletakkan diri mereka pada landasan puitika dengan hasrat untuk membuktikan kehadiran ciri-ciri estetika yang membina makna

teks. Muhammad menjelaskan secara terperinci ciri-ciri keindahan yang menjadi teras puitika kesusasteraan Melayu, iaitu:-

Jadual 1: Teras Puitika Kesusasteraan Melayu

<b>Teori</b>	<b>Teras Keindahan Puitika</b>
Teori Puitika Sastera Melayu	Keindahan dalam mengajar atau mendidik
	Keindahan dalam pengungkapan kesedihan dan kesusahan
	Keindahan dalam penceritaan
	Keindahan dalam rasa
	Keindahan yang asli

Lanjutan itu, teori puitika sastera Melayu mempunyai ciri tertentu yang boleh digunakan dalam analisis penghasilan karya tempatan. Teori ini dianggap sebagai salah satu teori sastera tempatan pertama yang lengkap dan dibincangkan secara serius (Mana Sikana, 2017). Seterusnya, menurut Mana Sikana (2008), teori Puitika Sastera Melayu merupakan rangkuman hasil kepengarangan sastera tradisi Melayu dan mengutarakan tanggapan bahawa telah mencapai kanonnya dan mempunyai ciri sastera yang boleh diteorikan. Teori Puitika Sastera Melayu dibentuk berdasarkan lima konsep asas puitika, iaitu konsep teks, genre, pengarang, khalayak dan keindahan. Berdasarkan jadual 1, keindahan terbahagi kepada lima jenis teras iaitu keindahan dalam mengajar atau mendidik, keindahan dalam pengungkapan kesedihan dan kesusahan, keindahan dalam penceritaan, keindahan dalam rasa dan keindahan yang asli.

Kesimpulannya, teori Puitika Sastera Melayu amat sesuai digunakan dalam merungkai dan mengkaji keindahan karya sastera Melayu, khususnya dari aspek kiasan, keindahan ritma, gaya bahasa kerana teori tersebut digarap mengikut pandangan orang Melayu sendiri untuk mendalami simbol dan makna yang diungkapkan dalam karya kesusasteraan Melayu. Rentetan itu, walaupun teori Puitika Sastera Melayu berfokuskan tentang karya-karya sastera asli seperti pantun, puisi mahupun novel, namun kajian ini melihat dari aspek karya genre muzikal klasik iaitu teks lagu irama Melayu asli. Hal ini sama sekali tidak mustahil rentetan genre muzikal juga merupakan karya lisan yang dipersembahkan melalui persembahan (Mana Sikana, 2008).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kajian berbentuk kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks untuk meneliti teks lagu berteraskan teori puitika oleh Muhammad Haji Salleh dalam Puitika Sastera Melayu (PSM). Kajian ini dimulakan dengan tinjauan kepustakaan untuk mengumpul maklumat atau bahan yang boleh dijadikan sumber dalam menghasilkan tajuk kajian. Tinjauan kepustakaan ini penting dalam penyediaan asas yang kukuh untuk perbincangan dan perbandingan antara dapatan kajian baharu dengan kajian lepas (Fink, 2014). Justeru, tinjauan kepustakaan dalam penentuan tajuk adalah sangat relevan dilakukan. Setelah itu, analisis teks dilakukan terhadap teks yang menjadi perintis ke arah kajian iaitu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim (1979). Menurut Mohd Abdullah (2022), analisis teks adalah satu pendekatan sistematik untuk mengkaji dan mentafsir makna tersurat dan tersirat dalam sesuatu teks dengan memberi tumpuan kepada unsur-unsur seperti struktur, gaya bahasa, konteks penggunaan, serta hubungan dengan ideologi masyarakat. Oleh itu, analisis teks lagu *Tak Seindah Wajah* dilaksanakan dengan mengambil kira unsur puitika klasik yang terdapat dalam teks lagu tersebut.

Peringkat yang seterusnya adalah peringkat mengaplikasikan teori bagi mengukuhkan setiap hujahan yang dinyatakan dalam kajian. Perkara ini penting bagi menganalisis, mengupas setiap persoalan yang wujud semasa menganalisis teks. Justeru, teori yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah Teori Puitika Sastera Melayu (PSM) yang digagaskan oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989. Teori Puitika Sastera Melayu (PSM) berteraskan keindahan kesusasteraan Melayu berpandukan nilai-nilai estetika yang terangkum dalam setiap jenis karya sastera. Teori Puitika Sastera Melayu (PSM) berteraskan kepada lima teras keindahan. Lima teras keindahan tersebut iaitu [1] membimbing dan mengajar; [2] menggambarkan kesusahan, kesedihan dan kesengsaraan, [3] karya bersifat episodik atau penuh penceritaan; [4] pengalaman penuh perasaan; dan [5] melibatkan aspek keaslian dalam karya. Berdasarkan teras tersebut, makalah ini meneroka serta merungkai keindahan dalam teks lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim (1979), sebagai unsur didaktik terhadap pendengar dan pembaca seni kata lagu tersebut.

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Karya lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim nyanyian beliau memaparkan unsur didaktik yang relevan serta memberi kebaikan kepada masyarakat. Teks lagu *Tak Seindah Wajah* membuktikan empat daripada lima teras keindahan dapat dianalisis berdasarkan penelitian yang dilaksanakan. Teras-teras keindahan yang dinyatakan adalah teras keindahan dalam mengajar dan mendidik, teras keindahan dalam penceritaan, teras keindahan dalam rasa dan teras keindahan yang asli. Hasil penelitian terhadap teks lagu *Tak Seindah Wajah* dapat dibuktikan melalui Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Dapatan Analisis Teks *Tak Seindah Wajah*

Teori Puitika Sastera Melayu (PSM)	
Teras Keindahan	Teks Tak Seindah Wajah
Keindahan dalam Mengajar dan Mendidik	R1, R2, <b>R3</b> , R4
Keindahan dalam Menggambarkan Kesedihan dan Kesusahan	<b>R2</b>
Keindahan dalam Penceritaan	-
Keindahan dalam Rasa	<b>R1</b> , R2, R3, R4
Keindahan yang Asli	R2, <b>R3</b>

\*R' merujuk kepada "rangkap"

Jadual 2 jelas memperlihatkan empat daripada lima teras keindahan dalam Teori Puitika Sastera Melayu (PSM) diaplikasikan di dalam lagu teks lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim. Hasil dapatan ini membuktikan konsep yang diketengahkan oleh Muhammad Haji Salleh berkaitan Teori PSM sememangnya digunakan dalam teks lagu tersebut. Analisis dan perbincangan berkaitan teras-teras keindahan adalah berpandukan jadual 2. Rangkap-rangkap yang berkaitan dengan teras-teras keindahan dibincangkan secara mendalam berdasarkan bukti-bukti yang relevan dan berkaitan. Justeru, analisis ini sekadar berfokuskan beberapa rangkap daripada setiap teras.

### Keindahan dalam Mengajar dan Mendidik

Didaktik didefinisikan sebagai unsur mengajar (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Karya sastra yang bermutu perlulah berupaya menyampaikan unsur didaktik kepada para pembaca kerana ia merupakan salah satu unsur yang tercakup dalam keindahan kesusasteraan. Hal ini disokong oleh pendapat Braginsky (1994) yang menyatakan bahawa aspek keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional perlulah membawa makna didaktik dan pengajaran. Hal ini bermakna, sesebuah karya sastra yang dianggap sebagai karya yang mengandungi unsur keindahan dan estetika perlulah berbentuk pengajaran agar berfaedah untuk dibaca dan diamati oleh para pendengar mahupun pembaca. Menurutnya lagi, didaktisme merupakan konsep yang menganjurkan hal - hal yang berfaedah, bermoral dan beretika. Terdapat unsur keindahan dalam mengajar dan mendidik atau didaktisme pada seni kata lagu 'Tak Seindah Wajah' seperti yang dapat dilihat di bawah.

Di manis gula semut binasa Kail berduri bersalut umpan  
 Di manis kata insan terlena Kerana budi hamba terkorban

(S.M. Salim, 1979, R3)

Rangkap ketiga dalam bait lagu Tak Seindah Wajah di atas mengandungi unsur didaktisme yang mendalam jika difahami dengan teliti. Hal ini demikian kerana penulis lirik

sengaja menyematkan makna konotatif bersifat didaktik untuk memberikan unsur didikan dan pengajaran menggunakan bahasa yang halus. Menurut Fatimah dan Zaid (2018), konotatif dalam semantik secara umumnya merujuk kepada makna tersirat yang terkandung dalam sebuah ujaran. Didaktisme dalam bait lagu tersebut jelas terpapar pada baris pertama dan kedua pada rangkap tiga tersebut namun disampaikan secara tersirat mengandungi makna konotatif yang mendalam apabila dianalisis. Buktinya, baris pertama yang berbunyi ‘di manis gula semut binasa’ mengandungi dua pengajaran.

Pengajaran pertama yang cuba disampaikan ialah bersederhana apabila melakukan sesuatu. Umum mengetahui bahawa semut tertarik dengan gula dan gula merupakan sumber makanan kepada semut. Namun, gula juga boleh membunuh semut apabila diambil terlalu banyak. Pengajaran yang kedua ialah penulis cuba mendidik kita agar tidak mudah termakan dengan kata - kata yang manis berupa janji. Hal ini bertaut dengan baris kedua yang berbunyi ‘kail berduri bersalut umpan’ yang bermaksud malang atau kecelakaan itu tidak dapat diramal. Hal ini demikian kerana kail yang digunakan untuk memancing mempunyai hujung yang tajam dan hujung yang tajam tersebut akan terselindung apabila umpan menutupinya.

Oleh itu, maksud bagi baris pertama dan kedua adalah saling bertaut yang memberikan makna konotatif iaitu jangan terlalu mudah mempercayai kata - kata manusia atau janji manusia kerana di sebalik kata - kata manis itu ada helah buruk yang tersembunyi. Lantaran itu, didaktisme telah wujud dalam baris lirik tersebut yang mendidik pendengar agar tidak mudah mempercayai kata - kata manusia kerana adakalanya manusia menggunakan kebaikan sebagai cara untuk menyembunyikan helah buruk yang akan mendatangkan musibah kepada kita. Tambahan pula, penyampaian mesej berunsur didaktik dikuatkan lagi apabila melihat baris ketiga dan keempat dalam rangkap tersebut yang berbunyi ‘di manis kata insan terlenu, kerana budi hamba terkorban’ yang menceritakan pengalaman penulis lirik itu sendiri. Maksud bait lagu tersebut ialah seseorang boleh terpengaruh dengan kata-kata pujian jika tidak dapat mengawal diri sendiri dan akibat dari perbuatan tersebut juga seseorang tu akan terkorban.

Lanjutan itu, maksud perkataan terkorban ini mengandungi pelbagai makna yang boleh ditafsirkan. Misalnya, makna terkorban boleh dikaitkan dengan hilangnya harga diri, diremehkan, dipermalukan dan banyak lagi makna yang bersifat negatif. Oleh yang demikian, penulis ingin menyampaikan unsur didaktik yang jelas iaitu jangan terlalu mudah mempercayai kata - kata bersifat pujian kerana hal tersebut akan membawa kepada perasaan terhutang budi yang akhirnya merosakkan diri. Jelaslah bahawa bait - bait lagu tersebut memaparkan citra bahasa mengandungi makna tersirat yang dipadatkan. Hal ini disokong oleh Muhammad Haji Salleh (2000) yang menyatakan keindahan terletak pada kekuatan bahasa yang mampu merumuskan citra yang luas menjadi padat dan sedikit. Buktinya, terdapat banyak pengajaran dalam rangkap ketiga lagu tersebut namun telah dipadatkan dalam satu rangkap yang ringkas dan bersahaja tetapi masih mengekalkan ketinggian citra bahasa.

### **Keindahan dalam menggambarkan kesedihan**

Salah satu unsur yang mendasari keindahan ialah unsur kedukacitaan (Muhammad Haji Salleh, 2000). Unsur kedukacitaan ialah perasaan yang terbit daripada penulis apabila menukikan kata - kata untuk melambangkan kesedihan. Kesedihan biasanya dikaitkan dengan perasaan hampa, kecewa dan nestapa yang dipaparkan dalam ujaran atau ayat tetapi masih memperlihatkan citra bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan ketinggian bahasa Melayu dan budaya masyarakatnya yang gemar menggunakan bahasa bersifat puitis apabila menyampaikan mesej sama ada mesej tersebut berunsur didaktik, nilai atau kesedihan. Terdapat citra dalam menggambarkan kesedihan yang berjaya dianalisis berdasarkan bait pada rangkap kedua daripada lagu *Tak Seindah Wajah* seperti yang ditunjukkan di bawah.

Ku kira hati jiwa nurani Suci seindah wajah terbayang  
Ku kira puji seikhlas budi Ku lupa lidah tidak bertulang

(S.M. Salim, 1979, R2)

Maksud daripada rangkap kedua dalam lagu *Tak Seindah Wajah* di atas menepati konsep citra dalam menggambarkan kesedihan berdasarkan teori PSM. Buktinya, baris ketiga dan keempat merupakan luahan kekecewaan penulis lirik tentang tentang sifat manusia yang berperwatakan tidak ikhlas apabila mengujarkan kata - kata atau pujian. Oleh itu, penulis menzahirkan kedukacitaan dalam baris ketiga dan keempat pada rangkap dua yang berbunyi 'ku kira puji seikhlas hati, ku lupa lidah tidak bertulang'. Baris tersebut memaparkan 'ku' (penulis lirik) beranggapan bahawa pujian yang diterima merupakan pujian ikhlas namun 'ku' (penulis lirik) akhirnya tersedar bahawa anggapan tersebut tidak seperti yang diharapkan kerana ujaran seseorang tidak selalunya sejajar dengan niat sebenar dan adakalanya berlainan dengan apa yang kita tafsirkan. Oleh itu, penulis lirik menggunakan frasa 'lidah tidak bertulang' untuk menggambarkan niat manusia sering berubah - ubah sama ada niat tersebut bersifat negatif atau positif. Lantaran itu, terdapat unsur pengharapan pada baris ketiga yakni penulis berharap bahawa pujian yang diterima merupakan pujian yang ikhlas. Namun, kekecewaan muncul pada baris keempat apabila terbitnya kesedaran bahawa setiap kata yang diujarkan belum tentu mempunyai makna yang tepat dan dipengaruhi oleh niat sama ada niat buruk atau niat baik. Dalam erti kata yang lain penulis cuba menyampaikan makna bahawa tidak semua pujian yang diterima bersifat pujian dan adakalanya ujaran yang diterima hanya bersifat sindiran bergantung kepada niat seseorang.

### **Keindahan dalam Rasa**

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2015), rasa bermaksud memberikan nilai kepada sesuatu keindahan. Keindahan pula menurut Muhammad Haji Salleh (2000) bersifat positif dan baik untuk pengarang dan khalayak serta membantu manusia lebih nyaman dan lebih manusiawi. Keindahan juga merupakan unsur terpenting dalam sesebuah karya kesusasteraan, malah menjadi pengukurannya (Muhammad Haji Salleh, 2000). Dengan adanya keindahan ini, pengamatan melalui rasa dapat diwujudkan. Menurut Nur Haifa dan Mohd Fadzman (2023), keindahan dalam rasa ini merujuk kepada lahirnya rasa setelah membaca mahupun mendengar sesebuah genre kesusasteraan Melayu. Segala jenis kedatangan rasa ini



mampu menjadikan seseorang pembaca malahan pendengar berasa indah, tenang dan juga berpuas hati (Nur Haifa & Mohd Fadzman, 2023). Sehubungan itu, keindahan, ketenangan dan kepuasan ini mampu diteroka melalui lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim. Oleh itu, petikan teks yang memaparkan keindahan dalam rasa dapat dilihat melalui petikan berikut:

Ku sangka aur di pinggir tebing, Kiranya tebu di pinggir bibir, Ku sangka jujur pancaran batin  
Rupanya palsu, penghias zahir

(S.M. Salim, 1979, R1)

Rangkap pertama teks lagu *Tak Seindah Wajah* jelas memaparkan rasa yang cukup mendalam dan begitu indah melalui setiap bait teks. Kepuasan pendengar merupakan satu elemen yang boleh dikaji melalui sesuatu teks lagu (Nur Haifa & Mohd Fadzman, 2023). Kepuasan ini jelas terpapar melalui iringan muzik klasik yang disajikan melalui gabungan peribahasa. Rangkap satu baris pertama iaitu “Ku sangka aur di pinggir tebing” merupakan peribahasa yang seringkali digunakan oleh masyarakat. Walaupun ada perbezaan yang tidak terlalu ketara melalui teks lagu, namun para pendengar sudah pasti boleh mengenal peribahasa tersebut iaitu “bagai aur dengan tebing”. Bukan itu sahaja, kepuasan mendengar peribahasa klasik di dalam lagu mempunyai fungsinya tersendiri. Penulis lagu iaitu Tan Sri S. M. Salim ingin pendengar mendalami lagu tersebut secara mendalam. Petikan tersebut jelas memaparkan unsur didaktik yang boleh digarap oleh sekelompok masyarakat. Antara unsur didaktik adalah wajah bukanlah tolak ukur bagi suatu sifat seseorang. Hal ini demikian kerana perkataan “ku sangka” menunjukkan kekecewaan seseorang tentang sifat sebenar manusia yang tidak selari dengan raut wajah.

Rentetan itu, pengalihan rasa yang sentimental mampu menjadikan seseorang pendengar atau pembaca berasa puas dan mempunyai perasaan yang bercampur aduk. Hal ini boleh dikatakan demikian kerana petikan lagu *Tak Seindah Wajah* memaparkan unsur kekecewaan dan kesedihan yang dialami oleh seseorang terhadap pasangannya. Sebagai contoh baris “kiranya tebu di pinggir bibir” dan “ku sangka jujur pancaran batin” jelas memaparkan penulis lagu ingin meluahkan rasa sedih dan kecewa yang dilaluinya. Peribahasa “menanam tebu di tepi bibir” bermaksud kata-kata manis hanya lahir di bibir sahaja tetapi hakikatnya di hati tiada langsung niat untuk melakukannya. Hal ini jelas ditujukan kepada seseorang yang mempunyai sikap yang tidak baik dan hidup dalam kepura-puraan. Pengulangan perkataan “ku sangka” membuktikan kekecewaan seseorang terhadap manusia yang disangka baik namun realitinya mempunyai sikap yang tidak baik. Justeru, rangkap pertama ini memberi unsur didaktik supaya janganlah sesekali menilai seseorang dari raut wajahnya, namun nilailah melalui sifat asli yang tertanam di dalam kalbu.

### **Keindahan yang Asli**

Teras keindahan yang terakhir adalah teras keindahan yang asli. Teras ini membincangkan setiap hasil-hasil karya kesusasteraan Melayu menepati ciri-ciri puisi Melayu klasik iaitu pantun dan syair (Muhammad Haji Salleh, 1989). Kesamaan ini meliputi jumlah baris

serangkap, jumlah perkataan sebaris, jumlah suku kata sebaris dan pola rima akhir. Puisi klasik Melayu mampu memaparkan beberapa jenis keindahan misalnya makna yang dipadatkan, makna dalam dua dunia, bentuk yang berimbangan, muzik bahasa, makna dan saranan yang dikiaskan dan kesesuaian dengan keadaan (Muhammad Haji Salleh, 2006). Konsep muzik bahasa, bentuk yang berimbangan serta makna dan saranan yang dikiaskan dapat dianalisis melalui teks lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim. Justeru, perbincangan ini dapat dibuktikan melalui petikan teks di bawah:

Di manis gula semut binasa, Kail berduri bersalut umpan, Di manis kata insan terlena,  
Kerana budi hambar terkorban

(S.M. Salim, 1979, R3)

Rangkap pantun tersebut jelas memaparkan konsep muzik bahasa, bentuk bahasa yang seimbang serta mempunyai makna kiasan yang mendalam. Muzik bahasa bermaksud ungkapan muzik yang merujuk kepada mutu ritma sesuatu bahasa dalam sastera (Muhammad Haji Salleh, 2006). Muzik bahasa menekankan tentang keindahan dan aliran perkataan yang menonjolkan kepentingan kualiti estetika bahasa seperti irama dan bunyi. Petikan tersebut jelas memaparkan muzik bahasa sememangnya ditekankan. Hal ini dibuktikan melalui bait “Di manis gula semut binasa” dan “Di manis kata insan terlena”. Pengulangan perkataan “di manis” membuktikan penekanan terhadap sesuatu perkara yang ingin diujarkan atau disampaikan. Bukan itu sahaja, penulis lirik ini begitu bijak dalam menggunakan objek contohnya “gula” dan “semut” yang memberi makna yang berunsur sindiran namun mengekalkan keindahan dalam penyampaian.

Akhir sekali, bentuk bahasa yang seimbang dan juga makna serta saranan yang dikiaskan melalui pantun juga boleh dianalisis melalui rangkap tersebut. Setiap diksi dalam rangkap 3 memaparkan struktur yang seimbang dari segi perkataan yang dipilih. Hal ini sejajar dengan pendapat Muhammad Haji Salleh dalam buku *Puitika Sastera Melayu* (2006) yang menemukan sumber keindahan sebuah pantun adalah berdasarkan diksi yang distruktur dan bentuk seimbang dari segi jumlah perkataan dan digunakan dalam baris-baris pantun. Berdasarkan rangkap tersebut, dapat dirangkumkan jumlah perkataan adalah 4 hingga ke 5 baris. Tambahan pula, terdapat rima tengah yang sama iaitu bunyi rima tengah [is] dan ini merujuk kepada persamaan bunyi dalam sesebuah pantun. Tambahan pula, rangkap 3 tersebut memberi makna sindiran yang cukup tajam sindirannya. Sindiran yang digunakan menggunakan bahasa yang lembut lenggok, serta tinggi nilai bahasa dan indahnya penggunaan pantun Melayu. Maksudnya, dalam rangkap tersebut, penulis sendiri memberi didaktik supaya jangan sesekali terpedaya dengan manisnya tutur cara manusia kerana risau pada akhirnya akan memakan diri.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, orientasi yang dilakukan terhadap lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim mampu mengetengahkan semua aspek nilai estetika puitis melalui nyanyian, serta pendedahan pengarang dalam mencipta karya. Nasihat untuk menjadi dewasa berakhlak mulia diberikan oleh unsur didaktik dalam lagu ini. Asas puitika telah diterapkan dalam kritikan *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim dan telah membuka ruang kepada pembaca untuk memahami fenomena keindahan dalam karya lagu ini. Melalui teras-teras keindahan puitika yang ditekankan oleh Muhammad Hj Salleh (1989), keindahan *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim mampu diangkat dan menjadi unsur didaktik kepada semua. Teras-teras keindahan puitika yang dikritik dalam lagu *Tak Seindah Wajah* karya Tan Sri S. M. Salim seperti keindahan dalam mengajar dan mendidik, keindahan dalam bercerita, keindahan dalam rasa dan keindahan asli dapat membuktikan bahawa setiap baris lagu yang ditulis oleh pengarang membawa mesej yang mendalam. Kajian ini diyakini berjaya merungkai setiap sudut puisi yang terdapat dalam lagu dan nasihat.'

## RUJUKAN

- Awang Deng P. & Rohaya Md Ali. (2019). Paparan suara Norhashimah Hashim dalam karya menyerlah makna keindahan sastera melayu. Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara, 2019: 897-904.
- Braginsky. (1994). Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fink, A. (2014). *Conducting research literature reviews: From the internet to paper* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Hashim Awang. (1988). *Kritikan kesusasteraan; teori dan penulisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Ismail (2019), *Teori puitika sastera melayu : interpretasi dan praktikaliti Akademi pengajian melayu*.
- Hashim Ismail. (2011). Dialogism Bakhtin: Muhammad Haji Salleh di Pentas Hikayat Hang Tuah. *Dewan Sastera*. 28–34.
- Kamus Dewan. (2020). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khatijah bt Mohamed Yatim. (2016). *Hikayat Char Darwis: Kajian berdasarkan teori puitika sastera Melayu*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mana Sikana. (2008). *Teori dan kritikan sastera di Malaysia*. Pustaka Karya.

- Mana Sikana. (2017). Menyusur Jejak Pembinaan Teori Sastera Melayu. *Dewan Sastera*. 2, 25–33
- Muhammad Haji Salleh (2000). *Menara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1989). *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nur Haifa & Fadzman. *Wiyata 7 Nasihat : Orientasi Puitika Sastera Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- S. M. Salim. (2003). *Tak Seindah Wajah*. Dunia Muzik Warner Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (1994). *Pengantar kesusasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1990). *Sastera untuk hiburan atau pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

## KONSEP-KONSEP KEAGAMAAN DALAM NOVEL IMAM: ANALISIS PERSURATAN BARU

Muhammad Aniq Aqlan Nazaruddin  
Dayang Asmida Abang Sahauali @ Abg Suhaili

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Karya sastera merupakan sebuah karya yang dihasilkan dengan mengaplikasikan beberapa aspek seperti penggunaan diksi dan bahasa yang indah. Karya sastera ini juga hendaklah memberikan impak yang tinggi terhadap para pembaca. Maka, kajian tentang Novel Imam yang merupakan sebuah novel karya Abdullah Hussain ini bertujuan untuk mengkaji mesej keagamaan yang hendak disampaikan oleh pengarang. Hal ini demikian kerana novel ini merupakan novel yang menceritakan tentang unsur-unsur keislaman yang sedikit sebanyak memperlihatkan inti pati berkaitan persoalan keagamaan dan cara untuk mempertahankan kesenian Islam sembari mencuba untuk bertahan daripada jajahan pihak British yang menjajah Tanah Melayu pada ketika itu. Pengkaji menggunakan Teori Persuratan Baru yang dicetuskan Mohd. Affandi Hassan dan diberikan perhatian serius oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Mohd. Zariat Abdul Rani. Sebagai landasan kajian, kajian ini juga mendapati bahawa penulis dengan kesedarannya cuba untuk berdakwah dan menonjolkan serta mempertahankan kesucian agama Islam melalui plot-plot yang terdapat di dalam karyanya.

**Kata Kunci:** *Imam, agama, ilmu, benar, Teori Persuratan Baru*

### PENGENALAN

Perkembangan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu telah memberikan pengaruh yang besar kepada corak dan bentuk kehidupan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih mentauhidkan pencipta dan mengutamakan konsep ketuhanan Islamiah. Sastera dan agama pula merupakan unsur yang secara fitrahnya tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain kerana sastera muncul hasil daripada pentas keagamaan (Rosni Samah & Nurhasma Muhamad, 2012). Maka dengan itu, perkara ini telah memberikan kesan kepada bidang kesusasteraan Melayu apabila agama Islam telah mencetuskan fenomena sastera Islam yang rancak digunakan sebagai medium untuk berdakwah serta menyebarkan ilmu tasawuf oleh para penulis.

Bermulanya fenomena sastera Islam dalam kesusasteraan Melayu telah menjadi sebuah simbolik kepada beralihnya bidang kesusasteraan Melayu daripada berkiblatkan sastera Barat dan mula memperlihatkan karya yang lebih bersifat ketimuran dalam rangka konsep keislaman. Hal ini telah meningkatkan kualiti karya sastera Melayu kerana lebih bersifat intelektual serta penuh dengan pengajaran moral berbanding dengan corak sastera Barat yang lebih cenderung ke arah karya picisan berhubung kurangnya unsur moral dan lebih bertumpu kepada tujuan

hiburan semata. Sastera Islam juga mudah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kerana sastera Barat dilihat tidak bergerak seiring malah tidak memiliki kesinambungan dengan corak kehidupan masyarakat Melayu atas dasar terdapatnya perbezaan budaya yang ketara. Dalam erti kata lainnya, masyarakat sastera tempatan telah mengusulkan sebuah gaya, bentuk, cara, falsafah dan pengertian sastera tersendiri yang menolak paksi sastera Barat melalui kemunculan gagasan sastera Islam (Mohd Faizal Musa, 2021).

Agama Islam telah membantu dalam memajukan pemikiran masyarakat tempatan hingga berlakunya anjakan paradigma dalam kesusasteraan Melayu termasuklah dalam penghasilan teori-teori sastera tempatan yang diacukan ke arah teori sastera Islam. Hal ini telah menjadi bukti bahawa sastera Islam telah memberikan identiti dan nilai tersendiri kepada kesusasteraan Melayu dan membawa pembebasan sastera Melayu daripada pengaruh ideologi Barat. Bukti kemasyhuran bidang kesusasteraan Melayu selepas perkembangan sastera Islam dapat dilihat melalui wujudnya pelbagai teori sastera tempatan seperti Teori Persuratan Baru, Teori Pengkaedahan Melayu, Teori Takmilah dan pelbagai lagi. Teori-teori ini diwujudkan untuk menilai dan meneliti karya-karya sastera tempatan agar sentiasa disandarkan kepada ilmu yang benar berlandaskan sumber yang sahih dalam konteks Islamiah. Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh (2020) menjelaskan bahawa ilmu yang benar di sisi Islam merujuk kepada ilmu yang membawa manusia kepada mengenali Allah SWT serta dapat membantu manusia dalam membezakan antara kebenaran dan kepalsuan. Maka itu, teori sastera ini dapat membimbing penghasilan karya sastera yang berkualiti dan bermakna kepada masyarakat.

Novel *Imam* karya Abdullah Hussain merupakan salah satu karya sastera Islam yang ulung dan tersohor pada zaman penerbitannya malah sehingga ke dekad ini. Novel *Imam* telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1994/95 dan Hadiah Novel Nasional Pak Sako anjuran Utusan Publications 1992/94. Abdullah Hussain melalui novel *Imam* menceritakan senario masyarakat Islam yang memiliki landasan fikiran yang jumud dan jahil sehingga memiliki pemahaman beragama yang bertentangan dengan makna Islam yang sesungguhnya. Abdullah Hussain menjadikan watak Imam Mihad sebagai simbol seorang khalifah yang berwibawa dalam memimpin organisasi masjid secara moden yang mengikut syariat Islam yang benar serta meluruskan semula amalan masyarakat yang bercanggah dengan hukum Islam. Namun, kewibawaan dan pegangan yang cuba dilazimkan Imam Mihad ini mendapat tentangan yang hebat daripada para organisasi masjid yang masih berada dalam jerutan pemikiran konvensional akibat daripada pemahaman dan penghayatan agama yang cetek. Abdullah Hussain banyak memberikan gambaran tentang amalan terpesong yang menjadi barah dalam merosakkan akidah masyarakat Islam seperti perbuatan syirik dan takfir dalam novel ini. Menurut Hashim Ismail (2007), pembacaan Abdullah Hussain terhadap buku-buku rujukan berbentuk agama dan tulisan *Ihya Ulumuddin* oleh Imam al-Ghazali menjadi pedoman beliau dalam mengarang novel *Imam*. Oleh itu novel *Imam* ini menarik untuk ditelaah dan dikaji melalui teori Persuratan Baru yang dikemukakan oleh Mohd Affandi Hassan pada tahun 1992 sesuai dengan novel *Imam* yang banyak menyorot unsur keislaman kerana ditulis melalui naratif agama Islam.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara terperinci unsur-unsur keagamaan dalam novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hussain melalui pengaplikasian konsep-konsep dalam teori Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan (1992).

## SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap teori Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan yang digunakan dalam makalah ini telah banyak diterapkan oleh para pengkaji sebelumnya. Antaranya adalah kajian daripada Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2011) yang bertajuk *'Women as Sex Objects in Azizi Haji Abdullah's Novel Bila Hujan Malam: A Critical Appraisal'* (Wanita Sebagai Objek Seks dalam Novel Azizi Haji Abdullah Bila Hujan Malam: Penilaian Kritikal). Kajian ini mendapati bahawa novel *Bila Hujan Malam* merupakan novel yang tiada nilai intelektual kerana cenderung bersifat realisme berhubung karya tersebut terlalu berpaksikan unsur-unsur erotik, tidak bermoral dan bertumpukan nafsu serakah manusia. Ungku Maimunah mengklasifikasikan novel tersebut dalam kategori karya picisan seperti pengkelasan hierarki sastera oleh Teori Persuratan Baru atas dasar novel ini tidak menyiratkan sebarang wacana yang mampu mencabar fungsi intelek pembaca malahan melakarkan wanita sebagai watak yang jelik dan bertentangan dengan syiar Islam.

Seterusnya, Mohd. Zariat Abdul Rani (2013) turut mengaplikasikan teori Persuratan Baru dalam kajiannya yang bertajuk *'Materiaslime, Islam dan Nilai Kesasteraan: Satu Penelitian Terhadap Novel-Novel Popular Islami Terbitan PTS Sdn. Bhd. Berdasarkan Persuratan Baru'*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keupayaan pengarang novel 'sastera popular' yang digandingkan dengan unsur keislaman dalam mengangkat Islam ke tahap intelektual sehingga memperlihatkan keunggulan ilmu dalam karya melalui teori Persuratan Baru. Berdasarkan kajian, novel yang dikaji iaitu *'Salju Sakinah'* karya Zaid Akhtar dan *'Warkah Cinta Berbau Syurga'* karya A. Ubadidillah Alias dilihat tidak becus dalam memanfaatkan cerita sebagai wacana yang ilmiah sehingga menampakkan kelemahan dalam mutu pengarang novel yang berkualiti. Hal ini sesuai dengan dakwaan kajian ini bahawa 'sastera popular' tidak layak dipadukan dengan unsur keislaman kerana sedari awal konsep dan arah tuju perkara ini bertentangan. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa Teori Persuratan Baru sangat mengutamakan sastera yang digarap dengan ilmu dan tidak hanya berdasarkan emosi atau tuntutan komersialisme semata.

Teori Persuratan Baru turut diaplikasikan dalam kajian Ungku Maimunah (2013) yang bertajuk *'The Synonymy of the Story and the Message in Abdullah Hussain's Novel Masuk ke dalam Cahaya'* (Sinonim Kisah dan Mesej dalam Novel Abdullah Hussain Masuk ke dalam Cahaya). Dalam kajian ini, Ungku Maimunah melabelkan novel *Masuk Ke dalam Cahaya* sebagai karya sastera menurut piawaian Persuratan Baru. Hal ini berikutan kerana Abdullah Hussain lebih mengutamakan aspek cerita sehingga karya tersebut tidak memperlihatkan unsur yang dapat membezakan antara cerita dan mesej atau pengetahuan, kedua-duanya dilihat sebagai sinonim. Kesungguhan Abdullah Hussain dalam membangunkan kejelasan moral sebagai objektif tambahan serta ketelitian Abdullah Hussain dalam merealisasikan kisah yang baik berbanding kejam dalam karya tersebut adalah jelas. Namun demikian, Abdullah Hussain tidak dapat mengubah karya *Masuk Ke dalam Cahaya* menjadi sebuah wacana kerana membelakangi pengetahuan dan penyebaran ilmu yang benar. Perkara ini menunjukkan

pembuktian yang munasabah untuk melabelkan karya tersebut hanya sebatas karya sastera dan tidak mencapai tahap karya persuratan.

Selain itu, terdapatnya kajian oleh Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad (2016) yang bertajuk '*Novel Bagaton dan Ngayau: Satu Analisis Menerusi Kaca Mata Gagasan Persuratan Baru*'. Kajian ini tidak mengaplikasikan semua konsep yang terkandung dalam teori Persuratan Baru dan hanya berfokuskan terhadap konsep hakikat insan, ilmu dan amal berhubung dengan novel yang dikaji tidak sepenuhnya berorientasikan sastera Islam. Kajian ini mengetengahkan perihal peranan sumber ilmu yang benar berdasarkan konsep hakikat insan, ilmu dan amal dalam menghasilkan karya sastera yang tidak hanya mencerdikkan pembaca namun juga wadah untuk menyampaikan ilmu yang sahih kerana dapat menjamin akidah masyarakat. Menurut pengkaji, pengarang seharusnya mencari alternatif lain dalam menyampaikan mesej untuk mendidik masyarakat selain menggunakan naratif ilmu yang terpesong seiring dengan kehendak teori Persuratan Baru. Melalui teori Persuratan Baru, pengkaji telah mendapati bahawa novel *Bagaton* dan *Ngayau* lebih mendahulukan cerita berbanding ilmu yang benar.

Di samping itu, kajian Elizatul Nastaysah Kamaruddin dan Mohd. Zariat Abdul Rani (2017) yang bertajuk '*Wanita Menurut Taklif: Satu Analisis terhadap Watak Fatimah dalam Cerpen "Perempuan Gusti" dan "Fatimah Kahwin" Karya Hamzah Hus*' turut bersandarkan kepada Teori Persuratan Baru iaitu konsep taklif. Melalui kajian ini, teori barat iaitu Teori Feminisme yang digunakan untuk mengkaji cerpen-cerpen tersebut sebelumnya didapati bertentangan dengan konsep Taklif dalam konteks menjunjung tinggi kemuliaan serta martabat wanita. Bertitik tolak dengan konsep Taklif, kajian ini mendapati bahawa watak wanita dalam cerpen-cerpen Hamzah Hus ini tidak memiliki perwatakan yang dapat memanasifasikan kebertanggungjawaban terhadap agama Islam kerana watak wanita yang berandal dan melampaui batas dianggap sebagai ciri wanita moden dalam cerpen tersebut. Dengan ini terbukti bahawa Teori Persuratan Baru mementingkan karya yang beradab sesuai dengan nilai Islamiah serta menyedarkan dunia Sastera Melayu bahawa paksi teori sastera Barat cenderung berorientasikan pemikiran liberal.

Berdasarkan kajian lampau, Teori Persuratan Baru telah banyak digunakan untuk membedah pelbagai jenis karya sastera Melayu. Namun begitu semua kajian lampau ini menjurus kepada satu corak dapatan yang sama iaitu karya-karya ini tidak mampu mencapai tahap karya persuratan seperti mana hierarki yang telah ditetapkan oleh Mohd Affandi Hassan dalam Teori Persuratan Baru dan kebanyakannya dilabelkan sebagai karya picisan atau hanya sebatas tahap karya sastera sahaja. Hal ini berikutan kerana karya-karya ini tidak digarap dengan ilmu yang mampu merangsang intelektual pembaca dan menjadikan karya sebagai sebuah wacana yang membina serta bermakna kepada pembaca. Justeru itu, makalah ini akan merungkai novel *Imam* karya Abdullah Hussain melalui pengaplikasian Teori Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan kerana novel *Imam* dilihat sebagai sebuah karya yang berpotensi untuk mencapai tahap karya persuratan berdasarkan piawaian Teori Persuratan Baru kerana novel *Imam* dirangkai berorientasikan ketauhidan agama Islam dengan mengangkat landasan ilmu yang benar.

## KERANGKA TEORETIS



Kajian ini adalah bersandarkan sepenuhnya kepada Teori Persuratan Baru yang dipelopori oleh Mohd Affandi Hassan (1992). Mohd Affandi menzahirkan teori Persuratan Baru sebagai penyampaian karya yang berbentuk didaktik dan tidak hanya bertunjangkan kepada cerita melainkan penyampaian ilmu. Menurut Affandi (dalam Mohd Faizal Musa, 2021), istilah persuratan Baru merupakan inisiatif untuk membezakan karya daripada istilah kesusasteraan yang amat berhubung dengan dunia khayal. Konsep dan istilah persuratan ini lebih sesuai digunakan dengan sastera Islam yang mengutamakan konsep tauhid. Menurut Ungku Maimunah (2011), teori Persuratan Baru adalah berdasarkan keyakinan penuh terhadap keesaan dan kekuasaan Tuhan sebagai satu-satunya Maha Pencipta yang Tunggal di satu pihak, dan manusia yang dicipta di sisi lainnya. Oleh itu, teori Persuratan Baru merupakan teori yang sesuai digunakan untuk meneliti serta menilai karya sastera Islam yang bertepatan dengan konsep Islamiah sebenar serta dapat menjadi wadah untuk membugarkan intelektual pembaca dalam konteks ajaran tauhid.

Teori Persuratan Baru mengemukakan enam jenis konsep dalam penganalisan karya sastera. Konsep pertama merupakan konsep Taklif yang merupakan rangka utama yang menjadi dasar dalam penghasilan karya bagi Teori Persuratan Baru. Konsep Taklif diertikan sebagai kebertanggungjawaban manusia dalam menjaga hubungan dan menghambakan diri kepada Allah SWT dengan sentiasa mematuhi perintah dan menjauhi laranganNya. Oleh hal demikian, konsep Taklif ini bertunjangkan kepada prinsip Islam المنكر عن والنهي بالمعروف الأمر (*Amar Makruf dan Nahi Mungkar*) yang bermaksud ‘mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran’ kerana sejak dari azali manusia telah memiliki keterikatan dengan Pencipta untuk sentiasa menyembah dan beribadah kepada-Nya. Berdasarkan prinsip tersebut, konsep taklif dalam konteks sastera dapat mengarahkan konsepsi pengarang untuk sentiasa menjadikan karya sebagai satu amal soleh yang membawa pembaca ke arah kebenaran melalui penekanan terhadap karya sebagai wacana penyampaian ilmu yang benar (Mohd Faizal Musa, 2021). Rahmah Ahmad Osman (2008) menegaskan bahawa tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini hanya mampu dipikul dengan sempurna oleh hamba-Nya yang sentiasa bertindak berdasarkan ilmu hakiki. Tanpa ilmu pengetahuan, manusia akan gagal dalam menjalankan Amanah Allah SWT dan kemudian membawa malapetaka kepada umat yang lainnya. Ini bermakna penekanan terhadap ilmu yang benar dalam karya tidak hanya dapat mengarah kepada kebaikan malahan juga dapat mengelakkan pengarang daripada menjerumuskan pembaca ke arah kesesatan dan seterusnya menyelamatkan diri daripada mengingkari janji dengan Pencipta sesuai dengan prinsip *Amar Makruf Nahi Mungkar*.

Konsep seterusnya adalah konsep hakikat insan, ilmu dan amal yang merupakan koheren kepada konsep taklif. Hakikat insan merujuk kepada hakikat manusia dicipta dan diwujudkan oleh Allah SWT. Menurut Mohd Faizal (2021), dalam doktrin tauhid, manusia telah terikat dengan Penciptanya untuk sentiasa menyembah dan beribadah kepada Allah SWT serta sedaya upaya mengawal perilaku di dunia agar tidak terjerumus dalam lembah kesesatan dan nafsu angkara hasutan syaitan. Adli Yaacob (2022), menjelaskan bahawa dalam hakikat insan, para sasterawan hendaklah menyedari keistimewaan yang dikurniakan Pencipta kepada manusia yang tidak dimiliki oleh makhluk ciptaan-Nya yang lain iaitu akal. Melalui akal, manusia telah disediakan secara tabii untuk menerima ilmu serta tanggungjawab moral. Hal ini bermakna para sasterawan telah dibebankan untuk menghasilkan karya yang bermutu dan bermoral untuk masyarakat. Hakikat ilmu dan amal yang diertikan oleh Persuratan Baru pula

adalah ‘ilmu yang benar’ berdasarkan keimanan. Ilmu yang benar ini merupakan ilmu yang diyakini serta tidak menimbulkan sebarang keraguan dan akan menjadi acuan kepada amalan manusia di dunia agar tidak mendatangkan sesuatu yang sia-sia. Hakikat ilmu dan amal ini kemudiannya akan membentuk manusia yang memahami dan sentiasa peka terhadap hakikat insan sebagai makhluk dan Allah sebagai pencipta (al-Khaliq). Menurut Adli Yaacob (2022), manusia memerlukan tiga sumber ilmu dalam mendalami hakikat kehidupan iaitu akal, pengalaman dan wahyu. Wahyu merupakan sumber ilmu utama kerana keterbatasan akal dan pengetahuan tidak mampu dalam mentafsir kekuasaan dan kewujudan Allah SWT dengan tepat. Oleh hal yang demikian, Mohd Affandi (dalam Adli Yaacob, 2022), telah memberikan ruang persoalan tentang perbezaan antara ‘ilmu’ serta ‘pengetahuan’. Sifat ilmu dan pengetahuan adalah berbeza kerana ilmu hanya diperolehi melalui keimanan akan tetapi akal dan pengetahuan hadir melalui pengalaman. Hal ini seiring dengan penjelasan Rahmah Ahmad Osman (2008) bahawa sesungguhnya tanpa ilmu pengetahuan yang bersumberkan wahyu Ilahi, manusia akan hidup di dunia tanpa tujuan yang jelas. Oleh itu, ilmu dan pengetahuan hendaklah hadir bersama-sama kerana hanya dengan ilmu pengetahuan manusia dapat mengenali Pencipta-Nya dengan lebih yakin dan seterusnya berusaha menjadi hamba yang sentiasa memanfaatkan akal yang dikurniakan dengan cara yang betul menurut syara’.

Konsep ketiga dikenali sebagai konsep adab. Menurut pandangan Mohd Affandi aspek kehidupan manusia berhubung rapat dengan rohani, jasmani dan akal. Dalam konteks adab, aspek rohani telah dileraikan kepada dua cabang iaitu manusia sebagai hamba Allah dan yang keduanya adalah manusia sebagai khalifah Allah. Berdasarkan aspek rohani ini, pengabdian dan ketaatan manusia diperlihatkan melalui aspek jasmani iaitu dengan mengamalkan cara hidup yang tertib serta bertatasusila. Perkara ini hanya akan dapat dicapai melalui penggunaan akal oleh manusia. Oleh hal demikian, konsep adab ini menjelaskan tentang manusia yang menjaga hubungan dengan Allah SWT sebagai hamba dan khalifah-Nya dengan tidak melampaui batas yang telah ditetapkan serta mengutamakan perilaku yang mentauhidkan-Nya seperti mana yang ditekankan oleh konsep *Hablum Minallah* (حبل من الله) yang bermaksud ‘hubungan dengan Allah’ dalam Islam. Mohd Affandi (dalam Mohd Faizal Musa, 2011) telah meletakkan adab sebagai asas persuratan yang menjadi tunjang penulisan dan pengkaryaan yang merangkumi hubungan Allah SWT dengan manusia.

Konsep keempat pula adalah konsep Kalam. Menurut Affandi Hassan (1992), beliau berhujah bahawa konsep kalam ini adalah bertentangan dari segi tradisi sastera barat yang sentiasa menerima konsep kreativiti dalam sesebuah karya. Menurut beliau juga, konsep kreativiti ini sangat longgar. Hal ini kerana, Konsep Kreativiti ini adalah tanpa batas dan mendorong gubahan hasil sastera yang akan membawa pembacanya ke arah keburukan. Selain itu, konsep Kalam ini turut mudah tertumpu kepada nafsu pengarang sehingga menyesatkan dan seterusnya dapat mengelirukan pembaca.

Seterusnya, konsep kelima adalah konsep estetika Islam. Konsep estetika Islam ini pula dapat diertikan sebagai ‘fungsi estetik dan intelek’. Hal ini kerana keindahan dalam gagasan ini bukan sahaja dapat diukur daripada aspek bahasa dan teknik karya tetapi juga dilihat menerusi kandungan ilmu yang akan dapat menjana keintelektualan pengarang serta para pembaca itu sendiri. Menurut Affandi Hassan (1992), karya yang indah ‘bermaksud ia dicipta berasaskan cara dan teknik yang khusus, menggunakan segala aspek bahasa dan teknik tertentu

supaya sesuai dengan genre yang hendak dibentuk dan dipilih'. Maka, beliau berpendapat bahawa sesuatu karya yang indah itu hendaklah mempunyai fungsi estetik dan fungsi inteleknya yang tersendiri serta mampu membantu untuk merangsang minda pembaca.

Akhir sekali adalah konsep Kiblat. Menurut Affandi Hassan (1992), sastera Melayu hendaklah memerlukan satu pendekatan yang khusus untuk menguji sesebuah karya sama ada bermutu ataupun sebaliknya. Affandi telah menyarankan lima tahap pendekatan estetika karya sastera tersebut yang dinamakan sebagai Konsep Kiblat. Perkara tersebut bersepadu dengan 'lima tangga' iaitu kemahiran dan kebolehan untuk membaca, memahami, mentafsir, menikmati dan mengarang. Tahap yang ketiga iaitu tahap mentafsir merupakan tahap yang paling penting bagi beliau sebelum beralih ke tahap yang seterusnya. Menurut Affandi Hassan (1992) juga, sebelum mentafsir, pembaca hendaklah membaca dengan akal sambil memerhati makna-makna yang asas. Hal ini kerana, makna yang asas tersebut akan membawa kepada makna yang tersirat dalam sesebuah karya tersebut. Proses-proses tersebut akan membantu pembaca untuk memahami sesebuah hasil karya tersebut dengan lebih mendalam melalui lima tahap ini.

## **METODOLOGI**

Kajian dilakukan terhadap novel Imam karya Abdullah Hussain yang diterbitkan pada tahun 1995. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan yang mengaplikasikan kaedah bacaan dan analisis teks. Novel ini dipilih sebagai sumber rujukan perdana kerana novel ini sesuai dengan jenis teori kritikan yang akan digunakan iaitu teori Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan (1992). Maka, melalui analisis teks yang terdapat dalam novel Imam, bukti yang signifikan akan berjaya diperoleh berdasarkan metode penyelidikan kualitatif. Kaedah kepustakaan pula digunakan untuk merujuk hasil-hasil dapatan dan buku daripada para ilmuwan. Kaedah ini digunakan untuk membantu dalam menganalisis dan mengaplikasikan konsep-konsep dalam teori Persuratan Baru terhadap novel Imam ini.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini berfokus kepada penerapan Teori Persuratan Baru dalam novel Imam karya Abdullah Hussain berikutan novel ini dilihat dapat memenuhi kehendak serta piawaian yang telah ditetapkan dalam Teori Persuratan Baru secara komprehensif. Berikut merupakan jadual hasil analisis penerapan Teori Persuratan Baru terhadap novel Imam karya Abdullah Hussain:

**Jadual 1:** Analisis Teori Persuratan Baru terhadap novel Imam karya Abdullah Hussain.

Bil	Teori Persuratan Baru	Novel Imam
1.	Taklif	/
2.	Hakikat insan, ilmu dan amal	/
3.	Adab	/
4.	Kalam	/
5.	Estetika Islam	/

6. Kiblat

---

**Taklif**

Tunjang utama kepada konsep taklif adalah kebertanggungjawaban manusia dalam menjaga hubungan dan menghambakan diri kepada Allah SWT dengan sentiasa mematuhi perintah dan menghindari larangan-Nya. Dari sudut bahasa, M. Baalbaki menggunakan istilah ‘beban’ untuk mentakrifkan perkataan taklif dalam bahasa Arab iaitu sebagai ‘beban yang diletakkan ke atas bahu manusia (*to burden oneself/ be burdened*). Berdasarkan takrifkan tersebut, taklif dalam *Hujjat Allah al-Balighah* turut diterjemahkan sebagai ‘pembebanan manusia dengan tanggungjawab untuk menerima syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT’ (dalam Akalily Narmi et. al, 2023). Oleh itu, taklif dalam konteks teori Persuratan Baharu menghendaki pengarang untuk memperlihatkan aspek manusia yang menetapkan kehidupan duniawi hanya kepada satu keutamaan iaitu sebagai wadah untuk beribadah kepada Ilahi demi kesejahteraan ukhrawi. Dengan itu, pengarang yang beriman akan menghasilkan hasil sastera yang akan mengajak pembaca untuk berfikir dan merenung kebesaran serta kehebatan Allah SWT (Mohd Adi Amzar, 2022). Melalui novel Imam, Abdullah Hussain dapat dilihat sebagai seorang pengarang yang mengutamakan landasan keimanan dan tauhid dalam karyanya kerana konsep taklif amatlah dominan ditonjolkan dalam novel Imam tersebut. Hal ini dapat dibuktikan melalui salah satu petikan dalam novel Imam iaitu:

“Kalau kita benar-benar menghayati solat maka kita akan takut melakukan kesalahan, baik yang besar mahupun yang kecil, sebab lima kali sehari dalam jarak yang amat dekat kecuali waktu Isyak dan Subuh, kita akan bertemu dengan Allah yang tidak pernah lepas memerhati kelakuan kita. Kita mengucapkan di hadapan-Nya bahawa kita hanya menyembah-Nya, meminta tolong daripada-Nya, meminta tunjuk jalan yang lurus dan sebagainya. Kita akan merendahkan diri secara paling hina, iaitu meletakkan jidat kita yang paling mulia daripada segala anggota tubuh di lantai yang kita pijak-pijak, kita menyembah-Nya. Tidakkah kita berasa malu kepada-Nya seperti kita berasa malu berjumpa dengan orang yang pernah kita berbuat salah terhadapnya? Kita berasa malu datang menghadapinya dalam keadaan yang kotor. Malu untuk meminta ampun berulang-ulang”

(Abdullah Hussain, 1995, p. 28)

Berdasarkan petikan tersebut, konsep taklif telah jelas ditonjolkan dalam novel Imam. Hal ini berikutan kerana petikan tersebut menyorot perihal Imam Mihad yang mengingatkan bahawasanya kehidupan manusia hanyalah bergerak dalam kitaran ibadah kepada Ilahi kerana kiraan hari manusia dimulai dengan ibadah dan akhirnya ditutup juga dengan ibadah. Selain menunaikan ibadah, manusia turut dikehendaki untuk menjauhi segala larangan Allah SWT baik yang mendatangkan dosa besar mahupun dosa kecil kerana sesungguhnya Allah SWT adalah Al-Basir iaitu Maha Melihat. Melalui petikan tersebut juga, Abdullah Hussain menyedarkan pembaca bahawa manusia hanyalah ciptaan dan makhluk Allah SWT yang kerdil serta lemah kerana manusia tiada daya upaya selain kudrat mereka untuk sentiasa bergantung kepada petunjuk Ilahi dalam kehidupan. Abdullah Hussain turut mempertegaskan perkara ini dengan menjadikan sujud manusia dalam solat sebagai bukti kerana ketika inilah manusia

berada di tahap yang paling rendah di hadapan Ilahi berikutan manusia akan merebahkan anggota badan iaitu bahagian kepala yang dianggap paling mulia dan tinggi ke tanah bumi yang rendah. Petikan tersebut turut memperingati bahawa manusia telah mengakui dengan mengucapkan kalimat keramat iaitu syahadat di hadapan Allah Azza Wa Jalla yang menunjukkan manusia hidup serta dicipta hanyalah untuk menyembah Allah SWT.

Perkara ini seiring dengan konsep taklif dalam teori Persuratan Baru berhubung petikan tersebut menyiratkan makna bahawa penciptaan manusia adalah untuk memikul tanggungjawab dan hubungan dengan Allah SWT kerana manusia telah mengikat janji dengan Ilahi sejak daripada azali lagi untuk sentiasa beribadah kepadaNya dan mentaati perintah serta menghindari laranganNya. Penekanan konsep taklif yang menuntut pengarang untuk sentiasa menjadikan karya sebagai wacana ilmu yang benar turut terpenuhi melalui petikan di atas kerana Abdullah Hussain secara tidak langsung memberikan keinsafan kepada pembaca untuk sentiasa berbalik kepada Ilahi dan mengingati fitrah kejadian mereka di dunia iaitu untuk menyembah Allah SWT. Melalui hal ini, Abdullah Husain dapat ditafsir sebagai pengarang yang arif dalam pembawaan konsep taklif kerana menurut Mohd. Adi Amzar (2022), sasterawan ataupun pengkarya yang memahami konsep taklif pasti akan menghasilkan karya yang mampu mencetuskan sifat kehambaan kepada khalayak pembaca.

### ***Hakikat insan, ilmu dan amal***

Konsep hakikat insan, ilmu dan amal mementingkan pengolahan karya sebagai wacana ilmu yang benar berlandaskan tiga sumber ilmu utama iaitu Al-Quran, hadis dan wahyu. Ketiga-tiga sumber ilmu ini hendaklah diadunkan bersama agar dapat menjadikan karya sebagai wadah untuk menyampaikan kebenaran kepada pembaca serta menyelamatkan pembaca daripada kekeliruan. Konsep hakikat insan di sini berbalik semula kepada pemahaman terhadap penciptaan manusia sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Syed Muhammad Maquib al-Attas (dalam Mohd. Zariat, 2005) bahawa hakikat insan bertunjangkan pemahaman tentang asal kejadian manusia yang diciptakan Allah SWT dengan ikatan ‘janji’ untuk menjadi saksi terhadap keesaan Penciptanya. Hakikat ilmu dan amal pula secara umumnya menjelaskan keupayaan manusia memanfaatkan fadilat akal yang telah dikurniakan oleh Allah SWT untuk mengawal tindak tanduk kehidupan terutamanya yang dizahirkan melalui jasmani agar sentiasa berlandaskan ilmu yang benar berdasarkan ketauhidan kepada Allah SWT. Konsep hakikat insan, ilmu dan amal dalam novel Imam dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“Dua tiga orang lain lalu datang duduk mengelilingi Haji Mihad. Apabila tidak ada yang menjawab, Haji Mihad lalu menyambung. “Tidak ada yang mahu, bukan? Cuba kita tengok bagaimana wuduk yang sempurna itu. Firman Allah yang saya sebutkan tafsirnya tadi memerintah basuhlah mukamu (Haji Mihad lalu menunjukkan cara menampung air dengan merapatkan kedua-dua belah telapak tangannya dan kemudian membawa ke muka dan disapu). Itu saya lihat semua orang sudah melakukannya dengan cantik sekali. Tidak salah sedikit pun. Kemudian basuh tangan ke siku. Begini! (Haji Mihad lalu menunjukkan caranya). Itu pun saya tengok sudah sempurna. Kemudian perintah Allah lagi, sapulah kepalamu. Di sini yang saya tengok ada masalah sedikit, mungkin berpunca dari khilafiah mazhab tentang pengertian sapu, tetapi dalam al- Quran cukup jelas, tidak ada khilaf apa-apa lagi. Sapu! Nah, bagaimana menyapu?” Haji Mihad berhenti berkata-kata dan memandang muka tiap-tiap orang yang

duduk di sekelilingnya. Pandangannya terhenti ke muka Razali yang kelihatan seperti melongo. Semuanya diam menunggu jawapan Haji Mihad.”

(Abdullah Hussain, 1995, p. 63)

Petikan di atas menjelaskan konsep hakikat insan, ilmu dan amal yang dipaparkan dalam novel Imam karya Abdullah Hussain. Hal ini kerana ilmu yang disampaikan oleh Abdullah Hussain melalui watak Haji Mihad adalah bersandarkan kepada ilmu yang benar iaitu Kalam Allah Al-Quran dalam konteks mengesyumulkan wuduk yang dilakukan sebelum mendirikan ibadah solat. Walaupun terdapatnya perbezaan pandangan antara mazhab dalam mentafsirkan makna ‘sapu’ ketika berwuduk, namun Abdullah Hussain memilih untuk menjadikan Al-Quran sebagai sandaran utama. Hal ini membawa kepada satu penyerapan konsep hakikat ilmu dan amal yang cukup jelas dalam novel Imam kerana Abdullah Hussain tidak memberikan celahan dalam karyanya untuk menyampaikan ilmu yang mengelirukan dan menimbulkan keraguan kepada pembaca terutamanya dalam perihal menunaikan ibadah kerana segala kesangsian yang timbul telah diluruskan semula dengan merujuk kepada sumber ilmu yang benar iaitu Al-Quran yang merupakan pegangan utama umat manusia. Dari segi hakikat insan pula dapat dijelaskan melalui watak Haji Mihad yang merincikan ritual berwuduk mengikut syariat Islam kerana wuduk yang sempurna akan mensejahterakan solat yang akan didirikan. Hal ini dapat memastikan hubungan dengan Allah SWT sentiasa terjaga berhubung setiap aspek yang mendekatkan diri dengan Ilahi dikerjakan dengan bersungguh-sungguh.

Sehubungan dengan itu, petikan di atas turut dapat menjadi tamsilan kepada sebuah karya yang indah lagi bermakna berikutan petikan tersebut menampilkan watak Imam Mihad yang mengajar dan menjelaskan langkah mengerjakan wuduk dengan sempurna berdasarkan syariat Islam berhubung muslimat seringkali kurang menitikberatkan kesempurnaan wuduk mereka. Hal ini kerana Mohd. Affandi (dalam Mohd. Zariat, 2005) menakrifkan karya sastera yang ‘indah’ dan ‘bermakna’ adalah karya sastera yang dapat mengajar manusia tentang ‘kebenaran di sisi Allah SWT’. Dalam hal ini, Abdullah Hussain tidak hanya menyampaikan cerita namun sebuah wacana yang bermakna kepada pembaca kerana novel Imam secara tidak langsung telah membekalkan pembaca dengan ilmu iaitu ilmu berwuduk sebelum mendirikan solat.

### ***Adab***

Mohd Affandi (dalam Mohd Zariat, 2005) menjelaskan kepentingan adab adalah untuk mendorong kesusasteraan di sisi Islam ke arah menyerlahkan sifat-sifat didaktiknya secara jelas dan ketara yakni dengan mengajar sesuatu yang benar, indah, harmonis, sempurna dan seterusnya membimbing manusia untuk mengenali hakikat dirinya dan mengenali Allah SWT. Konsep adab ini dizahirkan manusia secara jasmani dan fizikal dengan mengamalkan kehidupan yang tertib, bersusila dan harmoni dalam melalui pendekatan tauhid untuk memelihara hubungan dengan Ilahi. Konsep adab dalam novel Imam karya Abdullah Hussain dapat ditelusuri melalui petikan tersebut:

“Kita menghadap Tuhan.” Kawannya pernah berhujah. “Tuhan itu kaya, Maha Kaya, Besar, Maha Besar tak perlu lagi penghormatan artifisial seperti manusia. Bagaimana pun caranya boleh kita menghadap-Nya asal saja tutup aurat dan pakaian bebas dari najis”

“Tetapi sekarang ini setelah belajar, Haji Mihad tahu bahawa Allah sukakan kepada keindahan, Rasulullah sendiri suka kepada kebersihan dan kekemasan. Agama Islam itu agama yang bersih, maka sikap berpakaian sambil lewa pada waktu bersolat, baik yang lima waktu apatah lagi yang khusus seperti hari Jumaat, pada perasaannya sudah tidak dapat diterima lagi. Solat adalah masa Allah mengangkat dinding (hijab) di antara-Nya dan hamba-Nya. Malu kepada Allah Yang Maha Agung apabila dia berhadapan dengan-Nya dalam pakaian yang tidak senonoh serupa itu. Dia mesti mengambil berat. Tidak cukup hanya dengan menutup aurat, berwuduk, berdiri, rukuk dan bersujud Sahaja. Ibadat solat bukan sekadar mahu menyerahkan diri kepada Allah. Solat itu tiang agama dan tiang yang paling penting pula sesudah kalimah syahadat.....”

(Abdullah Hussain, 1995, p.23)

Petikan di atas menggambarkan konsep adab dalam novel Imam. Hal ini kerana petikan tersebut membicarakan tentang adab manusia ketika menghadap Ilahi dalam solat yang merupakan ibadah fardu ain dalam kehidupan muslimat dan menjadi ruang perantara antara Ilahi dan hamba-Nya yang paling dekat. Oleh hal yang demikian, solat hendaklah tidak didirikan dengan semata-mata cukup syarat sahnya namun juga hendaklah diiringi dengan penekanan adab manusia dalam menghadap Ilahi iaitu termasuklah adab berpakaian. Kebersihan dan kekemasan pakaian yang dikenakan ketika mendirikan solat menunjukkan bahawa manusia menjaga adab dan susila mereka ketika hendak menghadap Ilahi sebagaimana manusia mempersiapkan diri untuk berjumpa dengan individu yang berpengaruh dalam kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, Abdullah Hussain turut memperingati pembaca bahawa manusia hendaklah malu sekiranya mereka bersahaja ketika berpakaian tidak semena semasa berinteraksi dengan pencipta yang esa dan Al-Muqtadir (Maha kuasa) namun bersungguh-sungguh memperagakan diri di hadapan ciptaan pencipta-Nya yang hina.

Dalam pada itu juga, Abdullah Hussain telah menyiratkan pembaca untuk mengistimakan kehidupan yang bersusila, berakhlak dan sejahtera dengan menjadikan kebersihan dan kekemasan sebagai prinsip hidup. Demikian itu, Abdullah Hussain telah berjaya dalam memenuhi tuntutan konsep Adab dalam menghasilkan karya yang didaktik kerana petikan tersebut dapat membimbing manusia kepada ilmu yang bermanfaat untuk kehidupan yang berkat. Bertitik tolak daripada perkara tersebut juga, Abdullah Hussain turut berhak digelar ‘sasterawan beradab’ berikutan Mohd. Affandi (dalam Mohd. Zariat, 2005) menekankan bahawa ciri-ciri ‘sasterawan beradab’ menurut beliau adalah bukan sahaja beriman namun juga dapat mengerjakan amal soleh melalui kegiatan kesusasteraan mereka.

### ***Kalam***

Novel Imam ini merupakan sebuah novel yang bertepatan dengan konsep kalam kerana banyak mengandungi penggunaan-penggunaan hadis-hadis di dalam penceritaannya. Hadis merupakan setiap perbuatan, perkataan dan ketetapan yang telah disandarkan kepada Rasulullah SAW. Hadis turut dikenali sebagai sunnah yang sering dilakukan Rasulullah SAW yang dijadikan sebagai landasan di dalam syariat Islam. Penggunaan hadis tersebut dapat dilihat pada petikan:

“Orang yang selalu berwuduk itu menurut sebuah hadis umurnya panjang.”

(Abdullah Hussein, 1995, p. 66)

“Anas r.a. berkata, “Aku berkhidmat dengan Nabi S.A.W delapan tahun lamanya. Beliau pernah bersabda kepadaku. Hai Anas! Ratakanlah wudukmu, nescaya bertambah umurmu! Beri salam kepada orang yang kau jumpa dari umatku nescaya bertambahlah kebajikanmu! Dan apabila engkau masuk ke rumahmu, maka berilah salam kepada keluargamu, nescaya banyaklah kebajikan rumah tanggamu!”.

(Hadis riwayat Al-Khairati dan Al-Baihaqi (isnad daif)

Melalui petikan dan hadis tersebut, dapat dilihat bagaimana masyarakat Melayu pada ketika itu memastikan kehidupan mereka berdasarkan sunnah yang diperolehi daripada hadis sebagai panduan. Namun begitu terdapat dua jenis yang diamalkan oleh golongan masyarakat di dalam novel Imam ini. Dua jenis sunnah tersebut dapat dilihat daripada orang kampung yang masih berpegang pada hadis daif yang bersifat tidak jelas ataupun lemah manakala Haji Mihad pula berpegang kepada hadis sahih yang tiada keraguannya dengan sanad dan perawinya.

Konsep kalam ini juga turut berjaya ditonjolkan oleh pengarang melalui watak Haji Mihad yang sentiasa mempelajari dan menambah ilmu pengetahuannya berkaitan agama Islam. Konsep Kalam yang seterusnya telah ditonjolkan melalui petikan:

“Kita tanam pokok buah-buahan juga, buah yang diambil orang atau dimakan burung menjadi sedekah. Yang akan kita terima pahalanya dari dunia ini sampai akhirat kelak.”

(Abdullah Hussain, 1995, p.234)

Petikan ini diperkukuhkan lagi dengan hadis sahih iaitu:

“Sesungguhnya bagi petani dan penanam memperoleh pahala pada tiap- tiap apa yang diperolehi manusia dan burung daripada buah-buahan dan tanam-tanamannya.

(Hadis riwayat Bukhari daripada Abas r.a.)

Melalui petikan dan hadis tersebut, jelaslah bahawa kata-kata daripada Haji Mihad merupakan hasil daripada hadis yang sahih kerana sanad dan perawinya adalah jelas. Hadith sahih merupakan hadis yang tiada keraguan dari segi sanad dan perawinya. Hadis sahih digunakan sebagai sumber hukum dan panduan dalam ibadah fardhu dan hukum mengamalkannya adalah wajib. Oleh itu, watak Haji Mihad sebagai seorang agamawan adalah sangat menonjol di dalam konsep kalam ini berbanding dengan masyarakat lain.

### ***Estetika Islam***

Selain itu, novel Imam ini juga merupakan sebuah novel yang bertepatan dengan konsep Estetika Islam kerana banyak mengandungi penggunaan-penggunaan unsur kesenian yang



terdapat di dalam Islam di dalam penceritaannya. Unsur-unsur kesenian dapat dilihat dari pelbagai jenis aspek seperti melalui laungan azan dan melalui bacaan khutbah di dalam novel tersebut. Penggunaan konsep estetika Islam dari aspek laungan azan tersebut dapat dilihat pada petikan:

*“Allahu Akbar! Allahu Akbar!”*

Allah Yang Maha Besar! Allah Yang Maha Besar!

Haji Mihad mengulanginya. Matanya diturunkan memandang kepada orang yang duduk di sebelah kanan Syahidan. Seperti dikenalnya tetapi entah di mana.

“Allah Yang Maha Besar! Allah Yang Maha Besar!” Haji Mihad mengulangi ucapan muazin itu.

(Abdullah Hussain, 1995. p. 10)

Maka, berdasarkan petikan itu, dapat dilihat bahawa laungan azan ini bukan sahaja menjadi salah satu contoh yang terdapat dan menopang estetika Islam itu sendiri malah seruan itu turut dihayati dan ditonjolkan apabila para penghuni masjid menyahut setiap baris kalimah apabila azan tersebut dikumandangkan. Laungan azan yang telah dikumandangkan oleh Muazin tersebut telah dilaungkan dengan suara yang sangat lunak. Perkara ini turut menyebabkan laungan azan ini sesuai untuk digunakan menjadi salah satu aspek yang terdapat di dalam estetika Islam itu sendiri.

Selain itu, aspek lain yang terdapat di dalam konsep estetika Islam ini turut ditonjolkan oleh pengarang melalui aspek lain seperti melalui fungsi pembacaan khutbah. Aspek tersebut dapat kita lihat pada petikan:

“Hari ini khutbahnya membawa topik yang amat sederhana. Tentang janji. Akhir- akhir ini orang sudah tidak mengambil berat lagi tentang janji...”

(Abdullah Hussain, 1995 p.12)

Melalui petikan daripada muka surat 12 tersebut, dapat dilihat bahawa melalui situasi tersebut, pengarang telah menonjolkan situasi pada muka surat tersebut telah ditonjolkan situasi khutbah tersebut ditonjolkan oleh pengarang melalui cara berkhotbah sehingga menunjukkan estetika Islam yang terdapat di dalam Novel Imam tersebut. Perkara ini telah menjadikan pembacaan khutbah tersebut untuk menjadi salah satu aspek yang terdapat dalam konsep estetika Islam yang terdapat di dalam novel Imam tersebut. Fungsi melalui bacaan khutbah di dalam novel tersebut juga bertujuan untuk memberikan nasihat kepada para pembaca supaya hasil daripada khutbah tersebut dapat memberikan iktibar kepada mereka dan membantu mereka untuk sentiasa sedar akan kebenaran dan membantu mereka untuk sentiasa insaf.

## **Kiblat**

Seterusnya, novel Imam ini juga merupakan sebuah novel yang sesuai dengan konsep kibrat kerana banyak pengajaran di dalam penceritaannya. Konsep kibrat ini dapat dilihat daripada pelbagai jenis aspek seperti melalui laungan azan dan melalui bacaan khutbah di dalam novel tersebut. Salah satu daripada penggunaan konsep kibrat dapat dilihat daripada petikan:

“Saya tidak menafikan akan kegunaan silat itu sebagai seni mempertahankan diri kerana ia juga sama seperti judo, tae kwan do dan lain-lain dan saya tidak menafikan akan ikhtiar melindungi diri daripada malapetaka kerana Nabi Muhammad s.a.w sendiri berikhtiar memelihara diri baginda dari bencana. Tapi untuk menanggapi silat itu boleh melepaskan kita daripada bencana kecederaan kepada tubuh badan, saya tidak yakin kerana sebagai manusia biasa tidak ada satu apa kelebihan dibandingkan dengan Rasul Allah.”

(Abdullah Hussain, 1995, p. 348)

Berdasarkan petikan tersebut, konsep kibrat tersebut mengajar kita untuk sentiasa berikhtiar dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana sebagai seorang umat Islam, kita mestilah sentiasa berikhtiar dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan kita juga mestilah tidak berputus asa dalam berikhtiar akan sesuatu hal supaya kita dapat menyelesaikan sesuatu perkara dengan cara yang terbaik dan sentiasa berfikir ke hadapan bukannya berada di takuk yang sama. Contohnya, dalam novel Imam melalui petikan di atas, penduduk kampung bekerjasama dan tidak berputus asa dalam berikhtiar untuk memikirkan cara yang terbaik untuk mengalahkan tentera British selain hanya melalui seni mempertahankan diri silat sahaja kerana silat tidak dapat mempertahankan badan mereka dari terkena hentaman peluru oleh pihak British. Selain itu, konsep kibrat ini juga dapat dilihat daripada petikan:

“Haji Mihad teringat ketika Lebai Saat, guru silat Bima Sakti berjumpa dengannya, mengajak dia menjadi penaung persatuan silat itu. ‘Ini pun sebagai satu dakwah juga,’ kata Lebai Saat. ‘Tiap-tiap orang yang menjadi ahli silat ini diisyaratkan tak boleh tinggal sembahyang yang lima waktu, dan tak boleh berbuat perkara-perkara yang mungkar.’”

(Abdullah Hussain, 1995, p.346)

Melalui petikan tersebut, konsep kibrat yang diperoleh daripada petikan tersebut adalah kita mestilah sentiasa berdakwah walau dengan pelbagai jenis cara. Hal ini demikian kerana, sebagai seorang umat Islam, kita mestilah sentiasa berusaha untuk menyebarkan dakwah Islam ke seluruh tempat walau di mana sahaja kita berada. Kita mestilah sentiasa mengajak orang untuk berdakwah bersama-sama agar kita sama-sama mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

Dalam petikan tersebut, Lebai Saat yang ketika itu merupakan guru silat Bima Sakti yang termasyhur pernah mengajak Haji Mihad untuk menjadi penaung bagi persatuan silat tersebut. Tujuannya adalah untuk mengajak Haji Mihad untuk berdakwah sekali gus mengajar seni mempertahankan diri kepada para remaja. Perkara ini membantu para peserta yang menyertai silat tersebut menunaikan solat dan sentiasa berbakti kepada Allah S.W.T.

Pada muka surat tersebut juga, pengarang turut menonjolkan unsur dakwah dengan Lebai Saat yang ketika itu hendak meminjam gelanggang masjid tersebut untuk digunakan sebagai gelanggang untuk latihan silat mereka yang menjadikan perkara tersebut turut

dijadikan sebagai dakwah di dalam Islam kerana usaha untuk mengimarahkan Masjid telah ditonjolkan oleh pengarang. Oleh itu, kita mestilah sentiasa berusaha untuk berdakwah supaya kita dapat berjaya di dunia dan di akhirat kelak.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil analisis dan perbincangan terhadap novel Imam karya Abdullah Hussain (1995) dengan mengaplikasikan Teori Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan terbukti telah dapat menonjolkan konsep-konsep serta mesej-mesej yang tersirat yang terkandung dalam karya tersebut. Bukan itu sahaja, penelitian dan kajian yang dilakukan terhadap novel ini sekali gus dapat menunjukkan bahawa pengarang telah berjaya menghasilkan sebuah karya sastera yang bermutu tinggi serta mampu mempersembahkan idea, serta falsafah keislaman sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan memberikan pengajaran kepada pembaca. Hal ini dikatakan sedemikian kerana khalayak dapat mengambil iktibar daripada pengajaran-pengajaran dan peristiwa yang ditonjolkan agar dapat meningkatkan kualiti kehidupan sebagai seorang muslim dalam usaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t.

Oleh itu, novel Imam dapat dikelaskan dalam kategori karya persuratan menurut teori Persuratan Baru kerana mengutamakan wacana berbanding cerita kerana sifat kepengarangannya yang didaktik dapat membugarkan intelektual para pembaca. Justeru, penghasilan novel seperti ini hendaklah dipergiatkan lagi terutamanya dalam menelusuri dunia Revolusi Industri 4.0 ini. Kesannya, akan lebih ramai orang yang dapat memperkaya diri mereka dengan ilmu yang benar sekali gus dapat memajukan diri mereka serta negara setelah mereka mengambil kira isu serta iktibar yang terdapat di dalam novel ini.

## RUJUKAN

Abdullah Hussain. (1995). *Imam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Adli Yaccob. (2022). Pendidikan estetika dari pendekatan tawhid dan gagasan persuratan baru sebagai model Teori Sastera Islam yang Ideal cetusan Mohd. Affandi Hassan. *International Journal of Modern Education*, 4 (12), 78-100.

Akalily Narmi, Mohd Zuriat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin, Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. (2023). Pengaruh pemikiran al-Dihlawi mengenai taklif dalam Kitab Hujjat Allah al- Balighah terhadap pemikiran sastera Islam Mohd. Affandi Hassan dalam Gagasan Persuratan Baru: The influence of al-Dihlawi's thoughts about Taklif in Hujjat Allah al- Balighah on Mohd. Affandi Hassan's Thoughts on Islamic literature in Persuratan Baru. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 25(1), 199-230.

Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2016). Novel Bagaton dan Ngayau: Satu Analisis Menerusi Kaca Mata Gagasan Persuratan Baru. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 23.

Elizatul Nastaysah Kamaruddin & Mohd Zariat Abdul Rani. (2017). Wanita Menurut Taklif: Satu Analisis terhadap Watak Fatimah dalam Cerpen 'Perempuan Gusti' dan 'Fatimah

- Kahwin' Karya Hamzah Hussin (Women According to Taklif: An Analysis on the Role of Fatimah in Hamzah Hussin's Short Stories 'Perempuan Gusti' and 'Fatimah Kahwin'). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 25.
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah penulisan novel di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 24-40.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. (2022). *Konsep Taklif dalam konteks persuratan baru dan pengaplikasiannya dalam kesusasteraan moden*. Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM), Universiti Sains Islam Malaysia, 132.
- Mohd Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan penerapan*. Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faizal Musa. (2011). Wacana pendidikan anak-anak dalam pujangga Melayu karya Mohd Affandi Hassan: Thought on children's education as presented by Mohd Affandi Hassan in pujangga Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(2), 33-41.
- Mohd Faizal Musa. (2021). Tanggapan terhadap Persuratan Baru: Ambiguiti dalam pujangga Melayu karya Mohd Affandi Hassan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 29-45.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020). Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan sastera Islam [al-Nadwi's contribution to the development of Islamic literature]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e- ISSN: 2600-9080)*, 3(3), 111-130.
- Mohd Zariat Abdul Rani. (2005). Sasterawan sebagai insan: Satu penelitian terhadap beberapa pandangan sarjana. *Afkar Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 243-272.
- Mohd Zariat Abdul Rani. (2013). Materialisme, Islam dan nilai kesasteraan: Satu penelitian terhadap novel-novel popular Islami terbitan PTS Sdn. Bhd. berdasarkan persuratan baru [Materialism, Islam and literature value: A study of PTS Sdn Bhd Islamic popular novels using a new literature approach]. *Jurnal e-Utama*, 4, 1-34.
- Rahmah Ahmad Osman. (2008). *Sejarah tradisi sastera Arab dan Islam: Fokus kepada sastera sebagai sumber ilmu*. Dlm Ungku Maimunah Mohd. Tahir (ed.). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori & Praktis*, (hlm. 19- 79). Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah & Nurhasma Muhamad Saad. (2012). Pendekatan sastera Islam moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 6, 65-75.

Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2011). Women as sex objects in Azizi Haji Abdullah's novel *Bila Hujan Malam: A critical appraisal*. *Asiatic: IIUM Journal of English Language and Literature*, 5(2), 61-78.

Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2013). The synonymy of the story and the message in Abdullah Hussain's novel *Masuk ke dalam Cahaya*. *Asiatic: IIUM Journal of English Language and Literature*, 7(1), 121-133.

## NOVEL MENGINTAI AKU DI NERAKA: PERSPEKTIF PENGKAEDAHAN MELAYU

Muhammad Shahrizan Aini Olivia Eba Ugam  
Nur Shafiqah Ayuni Hussien

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Novel merupakan karya sastera yang berunsurkan keindahan dan kehalusan bagi mengimbangi perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani di samping memaparkan nilai kemanusiaan dan citra masyarakat, terutamanya dalam usaha memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar yang unggul (Fathin Ramly & Azhar Wahid, 2018). Justeru, kajian ini dihasilkan adalah bertujuan untuk menganalisis sebuah karya sastera berbentuk novel yang bertajuk Novel Mengintai Aku di Neraka yang dihasilkan oleh Hadi Fayyadh (2018). Analisis yang dihasilkan adalah dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diketengahkan oleh Hashim Awang untuk menganalisis mesej keagamaan yang terdapat dalam novel tersebut. Kajian ini sepenuhnya menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus terhadap analisis teks iaitu meneliti aspek tekstual dan kontekstual teks. Dapatan menunjukkan bahawa keenam-enam pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Melayu iaitu pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni diaplikasikan dengan terperinci dalam Novel Mengintai Aku di Neraka. Kesimpulannya, jelaslah bahawa novel Mengintai Aku di Neraka dapat dilihat kekuatannya melalui keupayaan dan kebolehan pengarang dalam menghadirkan unsur-unsur keislaman dengan panduan teori Pengkaedahan Melayu.

**Kata Kunci:** teori Pengkaedahan Melayu, pengkaedahan alamiah, pengkaedahan keagamaan, Mengintai Aku di Neraka

### PENGENALAN

Bahasa menjadi alat untuk menyatakan idea, pemikiran, dan suara hati individu yang disampaikan dalam bentuk tulisan, ungkapan bicara, atau secara bermonolog dalam hati dan fikiran. Dari segi prakonsepsinya, bahasa dalam teks mempunyai makna teras yang penting yang ditafsirkan dari segi luarannya. Namun begitu, bagi teks yang baik, bahasanya bukan sahaja mempunyai makna teras yang jelas, tetapi mempunyai makna berlapis yang ditafsirkan hasil daripada pelbagai teori kritikan. Lanjutan daripada itu, wujudlah sebuah teks sastera yang akan mendedahkan “kebenaran” yang terkandung dalam kisahnya hanya menerusi makna yang tersembunyi di bawah permukaannya. Jika ditelusuri makna serta pengertian “sastera” itu sendiri, sastera dikenali sebagai al-adabi iaitu sastera yang datang daripada jiwa yang halus (beradab) dan bertujuan mendidik serta mengasuh hati nurani khalayak dengan nilai-nilai murni sehingga jiwa mereka turut menjadi halus dan lembut. Sehubungan itu, sastera dianggap

sebagai medium penjaga peradaban, penghimpun ajaran dan pernyataan yang dapat mendidik manusia dengan adab.

Sastera turut ditakrifkan sebagai bahasa yang digunakan di dalam kitab-kitab (bukan bahasa basahan). Perkataan susastera pula membawa pengertian terhadap seni sastera atau sebarang unsur kesenian yang tercipta dengan penggunaan sesuatu bahasa, tulisan atau lisan oleh mereka yang mahir sastera atau mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan dengan seni persuratan. Ismail Yusoff (2008) pula menggariskan bahawa hasil-hasil sastera sebagai ungkapan bahasa indah yang diucapkan atau karya-karya bertulis yang mempunyai seni yang murni, indah, halus, merdu, suci dan cantik dari segenap segi iaitu bahasa, isi, penyampaian dan sebagainya. Beliau juga menegaskan bahawa sastera juga harus dianggap bernilai kepada masyarakat yang memilikinya. Berkenaan perkataan kesusasteraan pula terdapat beberapa pendefinisian yang sedikit berbeza nadanya, namun mempunyai persamaan dari segi maksud.

Novel adalah karya sastera yang diciptakan oleh pengarang dari pencampuran pemikiran kreatif dan gambaran kehidupan di sekitar pengarang yang menghasilkan dunia baru yang berisi tentang kehidupan para tokoh. Menurut Nurgiyantoro (2012: 4), novel adalah sebuah karya fiksi yang menawarkan sebuah dunia, dunia yang berisi model kehidupan yang diidealkan, dunia imajinatif, yang dibangun melalui berbagai unsur intrinsiknya seperti peristiwa, plot, tokoh (dan penokohan), latar, sudut pandang, dan lain-lain yang juga bersifat imajinatif. Menurut Rahman Shaari (2001:65), novel ialah karya fiksi yang panjang. Di dalamnya terdapat watak, latar, plot dan unsur-unsur fiksi yang lain. Ceritanya mengandungi konflik, percubaan menyelesaikan konflik, puncak dan peleraian. Selain itu, novel juga merupakan karangan berbentuk fiksi atau cereka, iaitu cerita rekaan. Novel ialah cerita panjang yang ditulis dan dikarang dalam bentuk prosa. Novel dikategorikan sebagai prosa naratif yang sama seperti cerpen.

Shahnon Ahmad dalam buku Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz (1999), mendefinisikan novel sebagai satu bentuk pentadbiran rekaan hidup manusia yang terbina dalam bentuk sastera cereka. Novel merupakan satu rangkuman tiga faktor utama yang bersaling kait antara satu sama lain, iaitu pengalaman peribadi, realiti rekaan hidup dan imaginasi. Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1999) pula, menyatakan novel umumnya merupakan karya panjang dan kompleks sifatnya dengan unsur-unsur utamanya seperti plot, perwatakan, latar dan sudut pandangan. Lebih terperinci lagi novel adalah sebuah roman yang singkat atau dikenali juga sebagai sebuah prosa panjang yang di dalamnya termuat sebahagian daripada sebuah kehidupan.

Novel yang dikaji bertajuk *Mengintai Aku di Neraka* yang ditulis oleh seorang ustaz yang bernama Hadi Fayyadh atau nama sebenarnya adalah Abdul Hadi Mohamad. Beliau merupakan anak kelahiran negeri Pulau Pinang dan telah menceburkan diri dalam pelbagai bidang, seperti bidang kepimpinan, motivasi, dan semua program yang berbentuk sosial. Dalam bidang penulisan pula, beliau telah menjejakkan kaki dalam bidang ini sejak tahun 2013 lagi. Antara karya terbaik beliau termasuklah *Kuintai Cinta di Teratak Cita-Cita*, *Tarbiah Dari Langit*, dan pada tahun 2016 ialah sebuah novel yang bertajuk *Semusim di Barzakh* yang telah menjadi “Best Seller” di kebanyakan kedai buku di pasaran Malaysia. Jelas bahawa karya-karya sastera yang dihasilkan beliau memang berorientasikan keagamaan.

Novel *Mengintai Aku di Neraka* telah diterbitkan pada tahun 2018 juga mempunyai pemikiran yang berkaitan dengan keagamaan ini menekankan balasan akhirat terhadap dosa-dosa umat di dunia dengan menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan hidup umat yang sepatutnya. Novel ini menjelaskan bagaimana seorang hamba Allah yang terlalai daripada jalan Allah namun telah bertuhankan nafsu dunia. Hal ini dapat dilihat pada latar belakang watak Aleeya Qistina yang telah mencabar kuasa tuhan setelah dia putus cinta. Aleeya merupakan seorang umat yang lemah imannya, namun berani mencabar tuhan setelah diberi sedikit ujian. Maka dia pun telah diberi sedikit “rasa” bagaimana rasanya apabila seorang umat itu masuk neraka dengan membuat dia merasakan segala jenis balasan yang bakal dia hadapi. Jelas sekali, karya ini dapat kita kategorikan sebagai karya sastra islamik kerana kecenderungannya dalam memaparkan pelbagai pemikiran yang berunsurkan agama Islam. Oleh itu, pengkaji telah memilih teori tempatan iaitu teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang untuk dijadikan panduan untuk menganalisis novel *Mengintai Aku di Neraka* bagi memperlihatkan kekuatan teori ini dalam merungkai karya sastra yang berunsur islamik.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis mesej keagamaan dalam Novel *Mengintai Aku di Neraka* karya Hadi Fayyadh dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang dirintis oleh Hashim Awang pada tahun 1980-an.

## **SOROTAN LITERATUR**

Fathin Noor Ain Ramli (2018) dalam kajiannya, *Pendidikan Sastra Melayu Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar* menunjukkan dua aspek iaitu sikap bersopan santun dan beretika memainkan peranan penting bagi membentuk karakter pelajar yang unggul. Kajian ini telah dijalankan ke atas tiga buah pemilihan teks dari genre cerpen iaitu *Cinta Ahmad Mutawakkil*, *Hipertensi* dan *Gerhana Manusia*. Hasil daripada soal selidik responden telah memilih cerpen *Cinta Ahmad Mutawakkil* menonjolkan nilai bersopan santun manakala dua lagi cerpen iaitu *Cerpen Hipertensi* dan *Cerpen Gerhana Manusia* memberikan pengajaran tentang nilai etika. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa setiap karya sastra mempunyai mesej yang mengandungi nilai dan pengajaran yang tersendiri.

Di samping itu, kajian Sara Beden dan Nur Aisyah Shahira Naimon (2021), dengan tajuk kajiannya *Gapura Iman: Citra Keagamaan Pengkaedahan Melayu* menunjukkan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu berjaya menganalisis novel *Gapura Iman* secara kritis. Dalam kajian ini, didapati novel *Gapura Iman* menunjukkan penerapan semua aspek Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Sehubungan itu, menerusi kajian Sara Beden (2022) yang mengkaji novel *Arus Benua* melalui Perspektif Pengkaedahan Melayu juga menunjukkan penerapan nilai-nilai keagamaan yang memenuhi keenam-enam pendekatan iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan seni dan pendekatan kemasyarakatan. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu mampu memperlihatkan kekuatan novel dalam kepelbagaian pemikiran dan falsafah keislaman dengan tujuan penyampaian mesej-mesej yang berunsurkan keagamaan dapat disampaikan dengan dengan jelas.



Seterusnya, kita boleh lihat dalam kajian yang dikaji oleh Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) dengan kajian yang bertajuk Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman. Kajian ini menganalisis puisi yang dihasilkan oleh A. Aziz Deraman dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu ini juga dapat digunakan untuk menganalisis karya sastra lain seperti puisi dan bukan hanya untuk mengkaji novel semata-mata. Menurut Jumali Haji Selamat (2009) dengan tajuk kajian Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. Kajian ini mengkaji secara kritis novel yang bertajuk Menjaras Ribut. Hasil kajian mendapati, huraian unsur keagamaan dapat dirungkai dengan lebih teliti melalui Teori Pengkaedahan Melayu ini.

Selanjutnya, Nur Samsiah Mazlan et al., (2021), menegaskan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu ini berlandaskan cara dan sikap hidup masyarakat serta kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat. Jelaslah bahawa teori ini memperlihatkan perutusan serta lontaran idea dan fikiran pengarang yang berpandukan prinsip kehidupan masyarakat. Dapat disimpulkan bahawa, Teori Pengkaedahan Melayu ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis karya sastra sama ada dalam bentuk novel atau puisi bagi menyerlahkan lagi unsur keagamaan dan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

## KERANGKA TEORITIS

Kajian ini dihasilkan dengan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Menurut Hashim Awang (2002) dalam Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017), teori Pengkaedahan Melayu ini tergolong dalam "*grounded theory*" atau teori berlandas yang terhasil daripada penyelidikan yang bersifat kualitatif. Maka hal ini adalah selari dengan metodologi kajian yang diambil oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini.

Secara dasarnya, teori Pengkaedahan Melayu ini terbahagi kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan ini pula terbahagi kepada tiga cabang pendekatan. Pengkaedahan Alamiah merujuk kepada cara hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebahagian daripada dirinya. Pengkaedahan Alamiah ini terbahagi kepada pendekatan Gunaan, pendekatan Moral, dan pendekatan Firasat. Pengkaedahan Keagamaan pula merujuk kepada pendekatan yang berpaksikan nilai keimanan dan ketakwaan yang berasaskan akidah agama Islam. Hal ini bermaksud sumber panduan hidup umatnya adalah al-Quran dan hadis, dengan tujuan untuk menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah dan meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada-Nya. Pengkaedahan Keagamaan ini juga terbahagi kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan Dakwah, pendekatan Kemasyarakatan, dan pendekatan Seni. (Hashim Awang, 1994).

Pendekatan yang pertama dalam Pengkaedahan Alamiah adalah pendekatan Gunaan. Pendekatan ini menegaskan bahawa karya sastra itu merupakan salah satu daripada objek alam iaitu objek daripada hasil ciptaan, iaitu alam yang diciptakan oleh tuhan dan sastra diciptakan oleh manusia, dan setiap hasil ciptaan mempunyai manfaatnya yang tersendiri yang akan dimanfaatkan oleh manusia sendiri. Zurinah Hassan (2010) pula menjelaskan bahawa

setiap kejadian itu mempunyai asbab dan tujuan yang tersendiri yang akan dimanfaatkan oleh manusia atau objek alam yang lain.

Pendekatan yang kedua pula adalah pendekatan firasat. Pendekatan ini merujuk kepada pendekatan yang menyatakan bahawa sastera adalah fenomena alam yang menghasilkan pengalaman kehidupan. Fenomena tersebut juga dikaitkan dengan mimpi, yang merupakan fenomena alam yang mempunyai makna atau interpretasi yang boleh ditemui melalui takbir atau pentafsiran. Ia juga merupakan proses untuk mencari makna melalui penafsiran lambang atau petunjuk tertentu yang ada di dalamnya. Fenomena ini dikaitkan dengan mimpi kerana mimpi adalah pengalaman kehidupan yang penuh dengan misteri. Kebanyakan masyarakat Melayu memandang mimpi sebagai sesuatu yang penting dan bermakna dalam kehidupan. Mimpi yang dialami semasa tidur (tidur adalah fenomena alam) berlaku secara bawah sedar, dan maknanya perlu diinterpretasikan atau ditafsirkan. Karya sastera juga boleh diibaratkan sebagai 'mimpi' tetapi dilakukan secara sedar. Proses interpretasi itu boleh dilakukan dengan memahami petanda-petanda yang terdapat pada lapisan yang tersurat, serta melalui pemikiran kritis dan terbuka yang berdasarkan akal (intuisi) dan pengetahuan.

Pendekatan Moral adalah pendekatan yang terakhir dalam Pengkaedahan Alamiah. Pendekatan Moral muncul hasil dari keyakinan dasar yang sebelumnya dipegang, di mana sastera bukan sahaja dianggap sebagai objek alam, tetapi juga sebagai pengalaman hidup. Pengalaman tersebut terdiri daripada dua perkara penting: peristiwa yang dialami oleh manusia dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta persekitaran mereka. Perlakuan manusia boleh dinilai dari aspek positif dan negatifnya untuk dijadikan contoh dan batasan. Oleh itu, sastera memenuhi konsep kepustakaan di mana pengajaran dan pengalaman boleh diperoleh (Hashim Awang, 1993).

Menelusuri perspektif Pengkaedahan Keagamaan pula, pengkaedahan keagamaan yang berasaskan iman yang menjadi asas agama Islam dengan berpandukan Hadis dan Al Quran sebagai sumber rujukan utama. Selain itu, pembentukannya dibuat dengan matlamat untuk meningkatkan ketakwaan terhadap Allah dengan menunjukkan sifat-sifat kebesaran-Nya. Hashim Awang menggariskan tiga pendekatan interdependent. Ketiga-tiga kaedah ini memberi tumpuan yang lebih besar kepada tiga prinsip sastera Islam: estetika, moral dan keagungan Allah. Pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni merupakan pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Keagamaan. (Hashim Awang, 1994).

Dalam pendekatan dakwah, sastera digunakan sebagai alat untuk meningkatkan ketakwaan manusia terhadap Allah SWT. Setiap karya sastera dianggap mempunyai keupayaan untuk menimbulkan persoalan dan menunjukkan sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian kekuasaan Allah. Di sini, sastera boleh dianggap sebagai "kitab" kerana ia membolehkan manusia mempelajari lebih lanjut tentang sifat dan diri Tuhan, yang menyebabkan kecintaan dan penghormatan manusia terhadap-Nya meningkat. Oleh itu, sastera dianggap mempunyai keupayaan untuk menjelaskan kebaikan dan kemurnian agama Islam. Menurut Hashim Awang (2002), sastera juga dikatakan boleh menunjukkan kesucian agama Islam dan membantu mengembangkan agama Islam.

Dengan menjadikan unsur keindahan sebagai persoalan pokok dalam karya sastra, pendekatan seni digunakan untuk menilai aspek dalaman karya sastra. Keindahan di sini terhad kepada nilai etika Islam yang tidak bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam. Kepelbagaian dalam bentuk jasmani dan rohaninya, pemaparan dan pemilihan tema, watak, plot, sudut pandangan, gaya penceritaan atau gaya bahasanya memberikan asas untuk penyelidikan dan penilaian. Hashim Awang berkata keindahan mesti berteraskan tauhid, atau alam dalam penelitian. Seperti yang dinyatakan oleh Hashim Awang (1994), sastra ialah penemuan segala-galanya untuk kemudiannya digunakan untuk meningkatkan asas yang murni dan suci, seperti keimanan, ketakwaan, dan kecintaan kepada Allah.

Pendekatan kemasyarakatan dalam Pengkaedahan Keagamaan pula menekankan aspek kebaikan dalam karya sastra. Karya sastra dianggap sebagai pendedahan kepada setiap persoalan yang menimbulkan keinginan untuk mencapai keadilan dan kebaikan dalam masyarakat, mengikut tuntutan Islam. Dalam keadaan seperti ini, adalah normal bagi sastra untuk membentangkan dengan tepat, jujur dan berani isu seperti ketidakadilan, kemunggaran, penipuan, kepura-puraan, rasuah dan pelbagai isu lain yang dianggap sebagai punca kerosakan masyarakat dan keimanan manusia. Daripada dasar itu, penyelidikan sastra boleh ditumpukan pada isi dan tema yang berasal dari isu itu. Selain itu, kajian menumpukan pada latar belakang penulis untuk mengetahui sejauh mana pandangan dan perspektif penulis itu sendiri disampaikan dalam karya sastra. Seperti yang dinyatakan oleh Hashim Awang (1994), kajian ini mungkin menghasilkan penyelidikan yang berkaitan dengan aspek keIslaman seperti syariah, ibadah, moral, ekonomi, sosial dan politik.

## **METODOLOGI**

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menghasilkan kajian ini. Menurut Azizah Hamzah (2004), kaedah kualitatif ini menitikberatkan usaha untuk mendapatkan serta memberikan keterangan dan pemerhatian bukan bersifat numerikal. Menurutnya lagi, kebanyakan kajian yang menggunakan kaedah ini memberikan keterangan, interpretasi, dan juga memberikan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif ini untuk mencari dan membuat pemerhatian terhadap unsur-unsur keagamaan yang terdapat dalam novel *Mengintai Aku di Neraka* dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah kepustakaan iaitu pengkaji telah mengumpul buku-buku, artikel-artikel, dan jurnal-jurnal dalam penghasilan kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga telah mengaplikasikan teknik bacaan mendalam atau juga dikenali sebagai "*close reading*". Menurut Eppley (2019), "*Close reading*" adalah satu kaedah yang digunakan dalam proses membaca untuk menghuraikan dan menerangkan secara terperinci tentang sesuatu informasi dengan jelas. Manakala menurut Tarigan (2009) pula, "*Close Reading*" merupakan sebuah usaha yang dilakukan untuk mendapatkan pemahaman secara menyeluruh dari suatu jenis bacaan. Oleh itu, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah bacaan "*Close Reading*" ini untuk membolehkan pengkaji menganalisis secara menyeluruh dan terperinci semua fakta-fakta dalam novel yang dikaji, mendapatkan segala bukti yang menyokong teori, memperoleh idea-idea utama dan sokongan dalam novel *Mengintai Aku di Neraka* yang menjadi data korpus dalam kajian ini. Pembacaan jelaslah dijalankan secara teliti

bagi menganalisis dan mengkritik novel ini dengan menggunakan teori yang dipilih iaitu teori Pengkaedahan Melayu yang menekankan enam pendekatan.

### DAPATAN/PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dihasilkan, telah didapati bahawa teori Pengkaedahan Melayu ini amatlah jelas penerapannya dalam novel *Mengintai Aku di Neraka* dan telah menjadi data korpus dalam kajian ini. Kedua-dua pengkaedahan utama dalam teori ini dan keenam-enam pecahan pendekatan berjaya diterapkan dalam novel ini. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan dapatan daripada analisis novel *Mengintai Aku di Neraka*:

Jadual 1: Analisis novel *Mengintai Aku di Neraka* menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu

Data / Novel	Teori Pengkaedahan Melayu						
	Pengkaedahan Alamiah	Pengkaedahan Keagamaan					
		Gunaan	Firasa	Mora	Dakwa	Kemasyarakata	Seni
			t	l	h	n	i
<i>Mengintai Aku di Neraka</i>	/	/	/	/	/	/	/

Berdasarkan jadual di atas, hasil dapatan kajian mendapati bahawa telah wujudnya penerapan kedua-dua pengkaedahan, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Ketiga-tiga cabang pendekatan dalam Pengkaedahan Alamiah iaitu pendekatan gunaan, firasat, dan moral berjaya diterapkan. Hal ini juga sama dengan Pengkaedahan Keagamaan, iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan, dan seni juga telah berjaya diterapkan dalam novel *Mengintai Aku di Neraka*. Oleh itu, jelaslah bahawa novel ini telah dikarang dengan menerapkan unsur keagamaan agama Islam yang berlandaskan keimanan, ketakwaan, dan akidah agama Islam yang menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan hidup.

### Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan adalah berkaitan dengan objek-objek alam sama ada ciptaan tuhan manusia seperti sastera, mampu membawa manfaat dan kegunaan kepada manusia. Maka, pendekatan ini diteliti melalui penggunaan objek-objek alam yang mampu memberi manfaat kepada di sekelilingnya. Dalam novel *Mengintai Aku di Neraka* juga menerapkan pendekatan Gunaan. Berikut merupakan petikan yang mempunyai penerapan pendekatan gunaan:

“Angin malam yang menghembus, mengalun-alunkan pepohon kecil, disebaliknya ada sesuatu makhluk yang sedang bersembunyi.”

(Abdul Hadi Mohamad, 2018, p. 17)

Petikan di atas telah mengaplikasikan beberapa objek alam seperti “angin malam” dan “pepohon kecil” untuk memberikan gambaran bahawa pada keadaan malam, semuanya akan berada dalam keadaan tenang. Kedua-dua objek alam semula jadi itu mampu menjadi bukti

bahawa setiap objek tersebut mampu membawa manfaat kepada manusia seperti menjadikan suasana malam itu tenang dan dapat menunjukkan keindahan kuasa tuhan dalam menciptakan alam yang harmoni. Walau bagaimanapun, objek alam tersebut juga memberikan manfaat kepada hidupan bukan manusia. Sebagai contoh, “pepohon kecil” tidak dapat beralun dengan indah tanpa tiupan angin. Hal ini juga membuktikan bahawa wujudnya kaitan antara suatu objek alam dengan objek alam yang lain. Selain itu, dalam petikan tersebut juga ada menyebut tentang “sesuatu makhluk” yang dikatakan sedang bersembunyi. Hal ini juga mampu menjadi bukti tentang pemanfaatan objek alam di sekeliling kita iaitu apabila makhluk tersebut menggunakan pohon yang ditiup untuk dijadikan tempat persembunyian mahupun tempat ianya berlindung. Oleh hal yang demikian, dapatlah dibuktikan bahawa setiap objek alam adalah saling berkait dalam memberikan manfaat kepada objek-objek alam yang lain. Hal ini dapat dibuktikan dalam Imaaduddin dan Noor Shakirah (2016) yang menyatakan bahawa alam sekitar mempunyai sumber-sumber dan nilai-nilai kehidupan seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, dan perubatan yang dimanfaatkan oleh manusia kerana terdapatnya interaksi dan hubungan antara semua hidupan ciptaan Allah SWT. Oleh itu, telah terbukti bahawa dalam novel *Mengintai Aku di Neraka* ini telah berjaya menerapkan pendekatan gunaan.

### **Pendekatan Firasat**

Pendekatan Firasat pula merujuk kepada pendekatan yang menegaskan bahawa sastera merupakan sebuah fenomena alam yang menghasilkan pengalaman dalam hidup seseorang individu. Kejadian seperti mimpi merupakan contoh yang sangat relevan dengan pendekatan firasat kerana mimpi dapat dikategorikan sebuah fenomena misteri yang dapat ditafsir yang akan membawa makna atau mesej yang tertentu melalui penggunaan lambang-lambang. Mesej yang ditafsirkan pula akan dikritik oleh individu yang mengalaminya secara kritis dengan menggunakan akal fikiran mahupun gerak hatinya. Dalam novel *Mengintai Aku di Neraka* juga telah berjaya menerapkan pendekatan firasat seperti yang dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Dup dap.. dup dap.. dup dap... Jantungku berdegup kencang. Mataku terbeliak melihat ke atass. Berderau darahku. Rupa-rupanya aku bermimpi. Mimpi apakah ini? Syukurku panjatkan kepada Allah, kerana ianya hanya daripada alam tidurku dan kini aku tersedar. Mukaku berpeluh. Termenung panjang aku memikirkan apakah maksud yang hendak disampaikan, atukah hanya mainan tidur dan perasaan. Masih terbayang-bayang suasana hutan dan taman yang aneh dan pelik. Kata sapaan tumbuh-tumbuhan di situ. Digambarkan betapa indahnya sebuah taman yang indah, namun akhirnya terbakar dan musnah, apakah itu dunia yang aku kejar selama ini? Ya Allah, apakah mimpi ini datang daripadaMU atau tipu daya Iblis semata.. aku memohon padaMU Ya Allah.. berikan aku jawapan..”

(Abdul Hadi Mohamad, 2018, p. 131)

Berdasarkan petikan di atas, Aleeya Qistina telah bermimpi bahawa dia sedang berada di sebuah taman yang sangat indah. Namun taman tersebut tiba-tiba terbakar dan musnah dalam sekelip mata. Maka, penggunaan aspek mimpi sudah jelas diaplikasikan dalam novel ini. Pemikiran secara kritis juga berlaku apabila Aleeya Qistina ini mula bertanya pelbagai soalan kepada dirinya dan kepada tuhan mengapa dan apakah maksud yang ingin disampaikan dalam mimpi yang dialaminya. Aleeya juga telah menganalisis sendiri maksud lambang-lambang

yang terdapat dalam mimpinya seperti taman yang indah merupakan perkara duniawi yang dikejar oleh dirinya dan apabila taman itu terbakar dalam sekelip mata, ianya membuktikan bahawa semua keindahan duniawi adalah sementara semata-mata. Mesej yang disampaikan oleh mimpi tersebut juga berjaya dianalisis oleh Aleeya sendiri apabila dia menanyakan “apakah itu dunia yang aku kejar selama ini?”, yang membawa maksud Aleeya ini tidak mementingkan akhirat, namun telah lalai dengan kemewahan dunia yang sementara. Hal ini dapat disokong oleh Yuminah (2018) yang mengkategorikan bahawa mimpi buruk dapat memberikan gambaran tentang bahaya yang mengancam atau apa-apa pengaruh yang mampu mengganggu seseorang individu. Dalam novel ini, pengarang berjaya menerapkan pendekatan firasat dengan menyebabkan watak Aleeya mengalami sebuah mimpi buruk yang mampu membuat watak Aleeya menyedari mesej yang ingin disampaikan membawa gambaran bahawa keindahan yang ada di dunia adalah sementara.

### **Pendekatan Moral**

Dalam novel *Mengintai Aku Di Neraka* terserlah pelbagai ragam dan perilaku manusia yang dapat dinilai dari aspek negatif dan aspek positif yang boleh dijadikan sebagai teladan dan panduan dalam kehidupan. Misalnya, dalam novel *Mengintai Aku Di Neraka* penulis menyatakan setiap ujian yang ditimpa ke atas setiap makhluk perlu mereka hadapi dengan sabar dan tidak mudah putus asa. Pendekatan ini dapat diteliti berdasarkan petikan berikut:

“Begitulah hidupmu wahai saudari, detik waktu kau sedang berdiri di tepi tebing untuk mengakhiri hidupmu. Tuhan memanggil-manggil lagi.. Tuhan berkata, sabarlah di sana ada yang lebih bahagia untukmu.. bertahanlah, bersabarlah.. Aku ujimu.. Supaya kau lebih dekat dengan-KU.. Supaya kau tahu, ada AKU yang mencintai dan menyayangimu lebih dari semua isi yang ada didunia..”

(Abdul Hadi Mohamad, 2018, p. 57)

Petikan ini menonjolkan dua aspek moral iaitu aspek positif dan aspek negatif. Aspek moral negatif yang ditonjolkan adalah sikap mudah berputus asa apabila ditimpa musibah dan ujian dari yang Esa yang dibawa oleh watak Aleeya Qistina. Manakala, aspek positif yang ditonjolkan dalam petikan ini adalah seperti nilai kesabaran dan kasih sayang Allah SWT. Penulis mengutarakan dua nilai moral yang berbeza dengan menghasilkan sebuah kontra yang sangat ketara antara manusia dengan penciptanya. Aspek negatif Aleeya berjaya ditonjolkan apabila dia berputus asa dengan ujian yang diberikan oleh Allah SWT, namun ditambah pula dengan nilai positif iaitu sikap kasih dan sayang Allah terhadap hambanya seperti yang dapat dilihat dalam petikan tersebut. Oleh itu, pengarang telah berjaya menekankan pendekatan moral ini dengan menunjukkan kontra antara sikap manusia yang lemah dan mudah berputus asa terhadap ujian yang diberikan dan dibandingkan dengan sifat tuhan yang penyayang terhadap ciptaannya dengan memberikan ujian kepada mereka. Hal ini dapat disokong oleh Muqoffi & Moch (2020) yang menegaskan bahawa ujian yang diberikan kepada manusia adalah bukti jelas tuhan menunjukkan kasih dan cintanya kepada hambanya berbanding dengan manusia yang hidup bebas dan lepas daripada ujian murka dan ancaman-Nya. Maka, novel ini berjaya menunjukkan pengajaran dan nilai kesabaran yang perlu diamalkan oleh manusia kerana setiap ujian yang diberikan oleh tuhan adalah tanda Dia sayang kepada kita.

## Pendekatan Dakwah

Pendekatan dakwah pula merujuk kepada pendekatan yang menjadikan hasil penulisan sastera untuk mempengaruhi masyarakat untuk mengamalkan ajaran tanpa sebarang paksaan melalui penerapan aspek-aspek keagungan agama Islam dan kebesaran Allah SWT dalam sastera yang dihasilkan. Pendekatan dakwah dalam novel *Mengintai Aku Di Neraka* terdapat dalam petikan berikut:

“Bagaimana kau mampu untuk istiqamah di dalam penghijrahan ini sedang kau tidak sanggup bersusah dan bersedih hati demi Tuhan, apa yang menjadi kesukaan nafsumu kau perlu tahan sehingga tiada lagi saki daki dosa yang melekat, barulah kau akan nampak cahaya Tuhan yang sedang bersinar di sebalik dosa-dosa kau selama ini”

(Abdul Hadi Mohamad, 2018, p. 67)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang berjaya membuktikan bahawa keinsafan itu adalah yang perlu dicari oleh umat manusia, dan bukannya bertuhankan nafsu duniawi semata-mata. Petikan tersebut juga menjelaskan bahawa manusia sepatutnya bersusah dan bersedih hati demi tuhan terlebih dahulu, barulah akan dibalas dengan sinaran keinsafan yang akan membantu menghapuskan dosa mereka. Hal ini mampu membuktikan wujudnya penerapan pendekatan dakwah dalam novel ini, kerana pengarang seolah-olah menyeru masyarakat untuk segera kembali bertaubat dan kekal istiqamah terhadap-Nya dengan tidak lagi melakukan sebarang kemungkaran. Hal ini adalah selari dengan konsep dakwah menurut Adam & Huda (2021) yang menyatakan dakwah merupakan kegiatan yang menyeru perbuatan baik dan mencegah perbuatan yang mungkar. Oleh itu, jelaslah penerapan pendekatan dakwah dalam novel ini adalah untuk mempengaruhi masyarakat untuk bertaubat dan berhenti untuk terus hidup yang bertuhankan nafsu duniawi mereka.

## Pendekatan Kemasyarakatan

Menerusi pendekatan kemasyarakatan sastera dianggap sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Pengarang menerusi karyanya *Mengintai Aku dari Neraka* turut memapar dan mendedahkan dengan jelas segala permasalahan kehidupan yang penuh dengan pergolakan serta kemungkaran seperti keresahan, kekejaman, kebimbangan, penipuan terhadap diri sendiri yang menjadi punca kepincangan dan kegoyahan iman. Segala-galanya dilihat daripada kaca mata Islam untuk membezakan dengan tanggapan Barat.

“Aku kenakan pakaian *mini skirt*, baju ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh badanku yang sangat ketara. Apa tidaknya baju ini pernah dihadaiahkan oleh salah seorang kawan ‘minah mat saleh’ kenalan aku dahulu. Jilbab ataupun tudung, tidak lagi aku pakai bermula malam itu.”

(Abdul Hadi Mohamad, 2018, p. 20)

Petikan ini mencerminkan perubahan dalam identiti dan pemahaman agama seseorang dari sudut pandangan masyarakat. Melalui pendekatan kemasyarakatan dalam pengkaedahan keagamaan, kita dapat melihat bagaimana persepsi masyarakat terhadap pakaian dan penampilan individu dapat mempengaruhi interpretasi keagamaan mereka. Dengan

mengenakan pakaian seperti *mini skirt* dan baju ketat boleh dianggap sebagai tindakan yang bertentangan dengan nilai-nilai dalam agama Islam. Hal ini kerana, dalam masyarakat Islam yang konservatif, pakaian yang menampakkan bentuk tubuh secara ketara mungkin dianggap tidak sesuai dengan nilai-nilai kesopanan dalam agama Islam.

Seterusnya, pemberian pakaian tersebut oleh seorang kawan ‘minah mat saleh’ juga dapat memberi impak kepada penilaian masyarakat terhadap pemakaian pakaian tersebut. Masyarakat mungkin akan melihat pemakaian pakaian tersebut sebagai hasil daripada pengaruh budaya atau gaya hidup yang dianggap tidak selaras dengan nilai-nilai yang terdapat dalam agama Islam. Menelusuri dengan lebih lanjut, keputusan untuk tidak lagi memakai jilbab atau tudung selepas mengenakan pakaian tersebut mencerminkan perubahan dalam kepercayaan atau amalan agama watak tersebut iaitu Aleeya Qistina. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pengaruh persekitaran atau pergaulan yang mempengaruhi persepsi watak tersebut terhadap keagamaan mereka.

Dapatan kajian mendapati bahawa pengarang ingin menyampaikan menyampaikan mesej tentang kompleksiti perubahan identiti individu dalam konteks globalisasi dan interaksi antara budaya-budaya yang berbeza sehingga mampu untuk mempengaruhi individu dalam cara hidup mereka dalam menentang ajaran agama yang telah mereka anuti. Menurut Hashim (1994), pendekatan ini bukan sahaja berupaya mengukur atau menilai segala permasalahan masyarakat yang terpapar dalam karya, malahan menilai diri pengarang yang menyajikan karyanya menerusi paparan idea, ideologi dan daya kreativiti yang dilakukannya.

### **Pendekatan Seni**

Hashim Awang menekankan bahawa meskipun penulis menitikberatkan pada konten sebuah karya, nilai keindahan tidak diabaikan. Dalam teori pengkaedahan Melayu, penulis menekankan konsep keindahan karya melalui pendekatan seni. Keindahan yang dimaksud adalah yang terikat pada nilai-nilai estetika dan etika Islam, serta tidak bertentangan dengan akidah, ajaran, dan pemahaman Islam. Keindahan semacam itu menjadi fokus penelitian untuk ditemukan dalam sastera melalui pelbagai aspek, seperti struktur konten, gaya penulisan, pendekatan dalam pengembangan tema dan karakter, serta penggunaan sudut pandang dan gaya bahasa, seperti yang berikut:

“Ikhwani, Tuhan itu hikmahnya cukup luas. Tidak mampu kita hitungkan, kaki yang dipotong ini juga adalah hikmah dan maghfirah-NYA. Masakan kau hanya merasakan ia adalah balasan semata. Jika kau singkap di sebalik takbir hikmah-NYA, dipotong kaki kau ini supaya tidak lagi merompak dan mencuri.. ruang dosa yang terbuka luas”

(Abdul Hadi Mohamad, 2018, p. 105)

Dalam petikan tersebut, kita melihat penggunaan bahasa Arab yang kaya dengan unsur-unsur keagamaan dan seni. Mari kita kaji dengan mendekati pengkaedahan keagamaan dan memfokuskan pada makna perkataan "ikhwani" dan "maghfirahnya". Dalam konteks ini, "ikhwani" bermaksud "saudaraku" atau "temanku" dalam bahasa Arab. Penggunaan kata ini menegaskan sikap persaudaraan dan kebersamaan antara individu yang berkongsi kepercayaan dan keyakinan yang sama dalam agama Islam. Dalam konteks keagamaan, perkara tersebut



merujuk kepada hubungan yang erat antara individu dalam komuniti atau persaudaraan keagamaan yang saling menyokong dan membimbing satu sama lain.

Perkataan Maghfirah berasal dari kata dasar "gha-fa-ra" yang bermaksud "menutupi" atau "mengampuni". Dalam konteks agama Islam, maghfirah merujuk kepada pengampunan dan rahmat Allah terhadap dosa-dosa hamba-Nya yang bertaubat. Dalam petikan ini, penekanan diberikan kepada pemahaman yang mendalam tentang hikmah di sebalik ujian atau penderitaan yang dialami seseorang. Mengaitkan maghfirah dengan pemotongan kaki yang disebutkan dalam petikan menunjukkan konsep penebusan dosa dan pemurnian diri melalui pengalaman yang pahit.

Mana Sikana (2009) pula menyatakan bahawa estetik dalam penulisan Islam menggalakkan para penulisnya supaya menggunakan perkataan yang sah dan sahih, sedap didengar dan tidak buruk, baik dari segi bunyi atau makna. Dengan memahami konteks bahasa Arab dan unsur-unsur keagamaan yang terkandung dalam perkataan "ikhwani" dan "maghfirahnya", kita dapat melihat bagaimana pengarang tersebut mengajak kita untuk merenungkan makna yang lebih mendalam di sebalik ujian dan penderitaan yang kita hadapi dalam kehidupan, serta menghargai rahmat dan pengampunan yang Allah sediakan bagi hamba-Nya yang bertaubat.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, novel *Mengintai Aku di Neraka* ini menggambarkan pemikiran dan jiwa pengarang dalam menghasilkan sebuah novel yang mengetengahkan unsur keagamaan terutamanya dalam kalangan umat Islam yang berusaha meninggalkan dosanya. Novel ini juga berjaya menggambarkan sedikit rasa balasan azab seksa api neraka berdasarkan dosa-dosa yang telah dilakukan oleh umat Islam yang bertuhankan nafsu dan bukannya bertuhankan Allah SWT. Gambaran akhirat yang diberikan mampu menyedarkan masyarakat tentang meninggalkan yang terlarang dan kembalilah ke jalan yang benar dengan menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai panduan hidup.

Hasil analisis juga telah mendapati bahawa novel ini mampu menghadirkan unsur-unsur keagamaan dengan baik sekali berdasarkan penelitian yang berpandukan teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, mesej-mesej keagamaan berjaya diketengahkan dengan tujuan untuk menyedarkan masyarakat untuk bertaubat, beriman dan berpegang kembali kepada panduan al-Quran dan hadis untuk mencapai kejayaan di dunia dan paling penting kejayaan di akhirat kelak. Mesej-mesej ini berjaya disampaikan dan dapat dilihat melalui analisis keenam-enam pendekatan dalam teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan gunaan, moral, firasat, kemasyarakatan, dakwah, dan keagamaan ini mampu memupuk keinsafan dalam kalangan rakyat. Walau bagaimanapun, novel ini juga berjaya menunjukkan nilai kontra dengan menghadirkan sifat manusia yang bertuhankan nafsu, alpa dengan perkara duniawi, dan keangkuhan dengan larangan Allah SWT.

Mesej-mesej daripada karya ini dapat memberikan pengajaran buat masyarakat agar dapat menginsafi diri dan kembali ke pangkuan Allah SWT. Mesej yang terdapat dalam novel ini adalah berkait dengan kehidupan manusia terutamanya dalam era Revolusi Perindustrian

4.0. Hal ini membawa impak agar mampu memperingati manusia yang mudah alpa dan lalai dengan perkembangan arus pemodenan di dunia untuk sentiasa memperingati dan mengutamakan agama terlebih dahulu berbanding dengan perkara duniawi. Ringkasnya, novel Mengintai Aku di Neraka merupakan gambaran tentang balasan azab seksa api neraka buat pendosa yang lalai dengan duniawi dan hal ini telah berjaya mewujudkan nilai keinsafan kepada pembaca melalui pelbagai mesej keagamaan yang telah berjaya ditekankan dengan baik.

## RUJUKAN

- Adam, I. T., & Huda, M. N. (2021). Konsep pendidikan dakwah menurut nahdlatul ulama. *Jurnal Bashrah*, 1(02), 33-50.
- Azam Kamarudin, S. (2017). *Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*, 07, 47-63.
- Azizah Hamzah. (2004). *Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya*.
- Eppley, Karen. (2019). "Close reading: What is reading for?" *Curriculum Inquiry* 49(3):338–55. doi: 10.1080/03626784.2019.1631701.
- Fathin Noor Ain Ramly & Azhar Wahid. (2018). Pendidikan sastera Melayu memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu* Jilid 13, 2018
- Hashim Awang. (1992). "Suatu Kritikan daripada Pendekatan Firasat". Dewan Sastera, Februari, 66-68.
- Hashim Awang. (1993). "Menilai hidayah dengan pendekatan dakwah." Dewan Sastera, November, 73-78.
- Hashim Awang. (1994a). "Metodologi kesusasteraan Islam : Kaedah penilaian." Dewan Sastera, Februari, 10-15.
- Hashim Awang. (1994b). "Pengkajian Sastera : Pengkaedahan Melayu." Pengarang, Teks dan Khalayak. Dlm. Sahlan Mohd. Saman (pnyt.). Dewan Bahasa dan Pustaka, 326-335.
- Hashim Awang. (1995). "Metodologi Kesusasteraan Islam : Kaedah Penilaian." *Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*. Dlm. S. Jaafar Husin (pnyt.) . Dewan Bahasa dan Pustaka, 30-45.
- Imaadudin Abdul Halim & Noor Sharifah Mat Akhir. (2016). Tafsir ayat-ayat Al-Quran berkenaan penjagaan alam sekitar dan analisis isu-isu alam sekitar di Malaysia: Interpretation of the Qur'anic verses on preservation of environment and analysis of environmental issues in Malaysia. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18(1), 91–130. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol18no1.3>
- Jumali, H. S., & Che Abdullah, C. Y. (2010). Analisis teks cucu tuk wali menggunakan pendekatan kemasyarakatan. *Jurnal Personalia Pelajar*, Bil. 13, 19-36.

- Jurnali Selamat (2009). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam menjaras ribut menerus pendekatan dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, Bil. 12, hlm.19-37
- Kamarudin, Husin and Siti Hajar, Abdul Aziz (1998) *Pengajian Melayu 4 : Kesusasteraan dan pengajaran* / Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. Kumpulan Budiman.
- Muqoffi & Moch Alfin Hadi. (2020). Menilik ragam makna dan ujian di balik Corona perspektif Islam. *Istiqodina*. 3(1), 156-164.
- Rajali, M. H. B. (2012). *Keunikan dan keistimewaan kesusasteraan*. Sidang Akademik 2012/2013, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Sejarah & Arkeologi.
- Rozninah Abd. Azib. (2006). *Nilai sastera kebangsaan di mata khalayak pelbagai kaum*. Dewan Sastera. Laman web rasmi Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sikana, M. (2009). *estetika di sebalik tabir teori sastera Melayu Islam*. *Jurnal Melayu*, 4, 11-28.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). *Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*
- Tarigan, D. (2009). *Membina keterampilan menulis paragraf dan pengembangannya*. Angkasa.
- Yuminah. (2018). Konsep mimpi dalam perspektif psikologi Islam: Studi komparasi psikologi Islam dan psikologi Barat. *Jurnal Psikologi Islam*, 5(2), 87—102. Retrieved from <http://www.jpi.api-himpsi.org/index.php/jpi/article/view/73>
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur alam dalam puisi Melayu moden*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

## WARITA SENANDUNG CINDAI: PANCARAN PUITIKA SASTERA MELAYU

Muhd Syafiq Farhan Mohamad<sup>1</sup>  
*muhd23-356@epembelajaran.edu.my*

Jabatan Pengajian Melayu  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan  
Sarawak, Malaysia

### Abstrak

Sebagai sebuah khazanah silam yang amat bernilai, pantun melambangkan genius manusia Melayu yang tinggi kimah sasteranya. Meneroka marcapada kini, peranan pantun disemarakkan sebagai wadah ekspresi bagi kehidupan serta disulami seni-seni lain dalam pelbagai cabang, tamsilannya penggubahan seni kata sesebuah senandung atau modennya disebut lagu. Melalui pragmatis pantun di dalam bait-bait lagu, sifat estetikanya membawa kepada pemikiran kosmologi dan kosmogoni yang lebih bersifat abstrak. Rentetan itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis prinsip keindahan puisi yang dilagukan menerusi senandung yang bertajuk Cindai, hasil ciptaan Hairul Anuar Harun (1998). Makalah ini mengaplikasikan kaedah kualitatif, menumpukan kepada analisis teks secara tekstual dan konstektual dengan garapan Teori Puitika Sastera Melayu (1989) oleh Muhammad Haji Salleh yang menurunkan enam prinsip keindahan iaitu dunia yang luas dipadatkan, mainan kiasan dan saranan, dunia yang berjodoh, sama ukuran dan imbangan, muzik seiring kata serta sesuai dan patut sebagai landasan vital kajian ini. Dapatan analisis memperlihatkan bahawa warita senandung Cindai sarat dengan nilai estetika (yang indah-indah) sekaligus melambangkan kehalusan bahasa dan ketajaman pemikiran orang Melayu yang menyatukan sifat alam dengan perilaku manusia serta menepati keenam-enam prinsip keindahan yang digarapkan dalam Teori Puitika Sastera Melayu (1989). Prinsip estetika di dalam pengisahan lagu Cindai jelas dimanifestasikan melalui pemaknaan citra yang sofistikated. Intihanya, Teori Puitika Sastera Melayu (1989) berupaya menyirati keaslian dan keindahan senandung Cindai serta mengangkat keunggulan harkat estetika puisi Melayu yang menyalurkan mesej secara halus dan hampir tidak terasa sekali gus menjadi pemangkin daya berfikir yang tinggi serta berperanan sebagai wahana bagi melafazkan citra dan akal budi kepada masyarakat menerusi unsur-unsur alam yang melayari dan melingkungi persekitaran setempat.

**Kata Kunci:** Teori Puitika Sastera Melayu, puisi, senandung, estetika, makna, keaslian.

### PENGENALAN

Keindahan pantun terserlah daripada lenggok bahasa yang dikaji dan dihayati. Melalui citra bahasa yang indah, sesebuah pantun berupaya menyampaikan wejangan, hasrat dan sentimen penukil. Alam terkembang jadikan guru. Ungkapan ini merupakan gambaran secara tersirat serta mendorong kita untuk berfikir secara kreatif bagaimana penghayatan terhadap dunia sekeliling kita mampu mencipta dua baris pembayang pantun. (Nordiana Ab Jabar & Nurul Ain Mohd Bukhari, 2018). Penelitian ke atas kronologi pantun yang mengalami perkembangan

daripada dua baris pembayang sahaja kepada empat, enam dan bahkan sehingga lapan lapis turut memperjelas estetika pantun yang menggendong pelbagai pemikiran yang bersifat imaginatif.

R.J Wilkinson dan R.O Winsted (1914) memusatkan pemikiran mereka bahawa untuk menyelami perasaan masyarakat Melayu dengan mendalam, pantun merupakan wadah ekspresi yang perlu dikenali. Dalam erti kata yang lain, segala pengungkapan pantun merupakan simbolik kepada nilai kehidupan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu begitu kreatif dalam mencipta pantun dan tidak hanya mengikut gerak hati tetapi melalui pengamatan mata akal dan fikir tentang alam sekelilingnya. (Nordiana Ab Jabar & Nurul Ain Mohd Bukhari, 2018). Pendapat para pengkaji tersebut dikukuhkan dengan penelitian teks pantun yang mendapati dalam penciptaan pembayang pantun, unsur alam yang pelbagai digunakan dalam menzahirkan ideologi. Kearifan masyarakat Melayu dalam mencipta pembayang pantun turut dinyatakan dalam petikan di bawah:

*“The Malay pantun bears the unmistakable mark of such an attitude. This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within itself all the elements of the Malay man’s life :his land, his house, his garden, his paddy field, the river, the sea or the forest, the tree, fruits, animals, birds, fishes;the few simple thing of everyday use;it expresses customs and traditions, wisdom, beliefs and feelings of all sorts , his love man, women and God.”*

*(Francois-Rene Daillie, 1988, 6)*

### **Pantun dan Keindahannya**

Pantun merupakan satu bentuk puisi lisan Melayu ciptaan peribumi yang ada di Nusantara. Penggunaan pantun dalam semua bentuk komunikasi lisan merupakan sebahagian daripada etos budaya lisan. Pilihan kata yang tepat bagi sesuatu pantun, akan memberikan makna yang hebat. Memandangkan pantun diangkat sebagai hasil komunikasi bersemuka, maka pantun yang dilontarkan harus bijaksana, halus dan bersifat figuratif. Darjat pemikiran yang tinggi disulami dengan keseimbangan dalam penciptaannya menjadikan pantun sebagai sebuah karya sastera Melayu yang begitu tinggi kimah estetikanya. Sehubungan dengan itu, pantun dilaksanakan hasil kreativiti seni berbahasa yang lahir daripada budaya kelisanan.

Jika diteliti dengan mendalam, senandung Cindai yang ditulis oleh Hairul Anuar Harun (1998) sangat sarat dengan unsur keindahan dan retorik. Peranan pantun di dalam senandung atau modennya disebut lagu ini dijelaskan sebagai alat untuk mengekspresikan sentimen persona yang merupakan seorang perempuan dari keluarga berada yang sedang dirundung pilu disebabkan oleh sakit percintaan. Menyoroti pertautan unsur alam yang memayungi pengertian sebenar daripada pemikiran yang hendak disampaikan dalam senandung Cindai, penulis menggambarkan sosok seorang perempuan yang bergelimpangan harta namun tetap dikecewakan oleh lelaki. Perasaan lara yang dirasakan oleh pihak perempuan diilustrasikan dengan berkesan menggunakan kiasan yang bertautan dengan saranan pantun. Penggunaan unsur alam sebagai pembayang pantun dikira sebagai sesuatu yang agak berat kerana untuk memahami makna tersirat atau kabur, daya fikir yang tajam diperlukan. Pantun menjadi kayu

ukur kepada kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam menyindir, mendidik dan berhujah yakni segala rencam perasaan teradun dalam pembayang pantun.

Unsur keindahan yang memayungi senandung Cindai ini tidak sebatas terlihat dari pertautan pembayang dan makna serta permainan bahasa yang memukau tetapi dari segi keasliannya yang tepat. Dalam konteks ini, penelitian ke atas bait-bait lagu tersebut menyentuh pemilihan kata yang mempengaruhi bentuk, struktur dan pemikiran pantun. Melalui pembayang, tersemat ideologi yang hendak disampaikan dalam maksud pantun. Hubungan di antara pembayang dengan maksud amat dititikberatkan oleh pengkarya (Za'ba, 1965). Pemilihan pembayang yang sesuai dan patut bagi senandung Cindai ini menyokong pendapat Za'ba (1965) bahawa penciptaan pantun tidak boleh bersandarkan kepada pemilihan kata yang sembarangan sebagai pembayang kerana *“pembayang diumpamakan seperti kulit pantun”*.

### **Teori Puitika Sastera Melayu**

Teori Puitika Sastera Melayu telah dirangka oleh Muhammad Haji Salleh untuk beliau menyelami konsep indah hikayat dan pantun Melayu yang semestinya berbeza daripada pandangan keduniaan sastera Barat. Falsafah *Yang Indah-indah: Estetika Sastera Melayu* khususnya memperagakan kimah estetika pantun yang meneroka peringkat maha indah para pujangga Melayu melalui beberapa prinsip (Muhammad Haji Salleh, 2000). Menelusuri jiwa kesusasteraan Melayu berlandaskan *Yang Indah-indah: Estetika Sastera Melayu*, dunia nestapa keindahan yang lebih dalam dan intensif mendorong kepada renungan yang mensyahdukan dan menyedarkan pembaca tentang kekerdilan diri sebagai hamba Allah yang kadang-kadang tidak kesampaian hasrat (Muhammad Haji Salleh, 2000). Rentetan itu, kiasan menjadi unsur vital yang memancarkan keindahan atau estetika pantun. Ijmalnya, estetika atau keindahan merupakan pemikiran Melayu yang utama dalam pantun.

### **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip keindahan puisi yang dilagukan menerusi senandung yang bertajuk Cindai, hasil ciptaan Hairul Anuar Harun (1998) berdasarkan enam prinsip *Yang Indah-indah: Estetika Sastera Melayu* yang digarapkan dalam Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh (1989).

### **SOROTAN LITERATUR**

Kepentingan fungsi estetika dalam puisi terlihat melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji, dalam dan luar negara. Kajian-kajian tersebut tidak sekadar bertumpu kepada kajian puisi yang menjelaskan tentang kepentingan penciptaannya, tetapi juga mengkhususkan pendekatan tertentu.

Kajian tipikal tentang estetika dan puitika termasuklah rumus keindahan pada filsafat Muhammad Haji Salleh dalam karya sastera telah dilakukan oleh beberapa pengkaji secara akademik antaranya kajian yang telah dilakukan oleh Zakaria Osman (1997) dari Universiti Malaya dalam kajian doktor falsafahnya yang bertajuk *Novel-Novel A. Samad Said: Menghayatinya Dari Sudut Estetika Sastera*. Beliau telah menggunakan sembilan buah novel

oleh A. Samad Said iaitu novel Adik Datang, Keledang, Sungai Mengalir Lesu, Di Hadapan Pulau, Salina, Daerah Zeni, Langit Petang, Hujan Pagi dan Bulan Tak Bermadu Di Fatehpur. Analisis kajian beliau ini mengupas dan membicarakan pengalaman estetika yang terdapat dalam novel- novel kepada khalayak pembaca.

Keindahan ini dilihat dan diteliti melalui bentuk-bentuk tertentu pernyataan, khususnya khayalan, gerak-laku dan pengucapan watak dalam novel-novel yang memancarkan pergolakan jiwa dan emosi watak yang turut mempengaruhi pembaca. Menyoroti kajian berikut, beliau telah menggunakan pendekatan persepsi estetika yang melihat keindahan pada objek berdasarkan sikap dan penghayatan estetika. Melalui penghayatan estetika ini dapat memberikan kepuasan dan pengalaman estetika yang sebenar dalam melaksanakan pembacaan karya sastra terutama novel. Hasil kajian beliau menemui banyak unsur yang menyerlahkan keindahan pada novel-novel A. Samad Said iaitu keindahan pada aspek-aspek peniruan, bentuk, pernyataan dan unsur kesatuan dalam kepelbagaian.

Penemuan-penemuan ini berjaya ditemui dengan penggunaan pendekatan persepsi estetika yang mementingkan sikap estetika untuk memperoleh pengalaman estetika. Kajian ini membantu pengkaji dalam memahami estetika dalam novel memberikan pengalaman estetika kepada pengkaji. Walaupun bidang kajian estetika yang sama dengan pengkaji, namun teori yang digunakan adalah berbeza. Kajian yang dilakukan oleh Zakaria Osman menggunakan pendekatan Persepsi Estetika dalam menganalisis novel manakala pengkaji menggunakan pendekatan Puitika Sastra Melayu oleh Muhammad Salleh yang melihat keindahan melalui prinsip estetika yang diujarkan oleh pelopor.

Kajian berkenaan estetika juga telah dilaksanakan oleh Mohd Fadzil Baharudin (2010) pula dalam ijazah sarjana di Universiti Malaya yang bertajuk “Teori Psikoanalisis-Eстетika: Penerapan Terhadap Kumpulan Sajak-Sajak J.M Aziz”. Kajian yang dilakukan oleh beliau terhadap kumpulan sajak-sajak J.M Aziz dalam kumpulan sajak Pengantin Laut, Kembang Selaut, Derita Seorang Seniman dan Penyus Menangis. Sebanyak 150 buah sajak telah dipilih dan dikaji untuk meneliti hubungan teori psikoanalisis dan estetika terhadap penyair tentang keinginan- keinginan citra wanita, kehormatan dan kemasyhuran yang berkait rapat dengan sajak-sajak yang dihasilkan.

Hasil kajian beliau mendapati sajak-sajak yang dihasilkan oleh J.M Aziz ada kaitannya dengan keinginan pengarang iaitu cinta wanita, kehormatan dan kemasyhuran. Penggunaan teori psikoanalisis dan estetika dalam kajian beliau amat sesuai untuk menganalisis sajak kerana keindahan yang dipancarkan dalam sajak adalah berdasarkan kepada pengalaman, pemerhatian dan pergolakan jiwa J.M Aziz dalam menghasilkan sajak - sajaknya. Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah berbeza walaupun bahan adalah dari genre sastra tradisional dengan kajian yang memberikan tumpuan kepada estetika dalam karya. Pengkaji menggunakan pendekatan Puitika Sastra Melayu oleh Muhammad Salleh untuk menganalisis makna simbol dalam pantun, manakala Mohd Fadzil Baharudin meneliti hubungan teori psikoanalisis dan estetika dalam sajak.

Kartini Anwar (2017) melalui tesis PhD beliau berjudul “Tradisi Sastra Johor-Riau: Suatu Kajian Terhadap Syair Sejarah”, dikemukakan di National Institute of Education,

Nanyang, Singapore juga telah merekayasa konseptual. Kajian ini menganalisis enam buah syair sejarah iaitu; Syair Perang Johor, Syair Kisah Engku Puteri, Syair Sultan Mahmud di Lingga, Syair Perkahwinan Tik Sing, Syair Pangeran Syarif Hasyim dan Syair Perjalanan Sultan Lingga dan YTM Riau. Kesemuanya dihasilkan di Riau, khususnya di pusat pentadbiran YTM Riau di Pulau Penyengat, dari tahun 1844 hingga 1893. Untuk mengkaji perkembangan sebuah tradisi kepenyairan yang berlangsung selama lebih kurang setengah abad, kajian ini menggunakan kerangka konseptual Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (2006/2000) sebagai teras perbincangan.

Dengan menggunakan konsep-konsep seperti pengarang, teks, khalayak serta latar penciptaannya, kajian ini meneroka puitika pengarang Melayu ketika maraknya kuasa kolonial di ambang abad ke-20. Kajian ini menyerlahkan kepenyairan pengarang dan mengenal pasti bagaimana pengarang memanasifestasikan pandangannya terhadap peristiwa-peristiwa sejarah yang dirakam. Kajian Kartini Anwar adalah lebih memfokuskan fungsi sejarah dalam aspek keindahan, dan lebih memaparkan kecenderungan menganalisis daripada sudut hermeneutik.

Sebuah lagi kajian pada peringkat Ph.D dikemukakan oleh Awang Azman Awang Pawi (2008), menumpukan terhadap pemikiran pascakolonial. Awang Azman mengkaji kepengarangan Muhammad Haji Salleh sebagai pengarang pascakolonial dan melakukan analisis aspek teks dan konteks. Awang Azman ikut memberi komentar dan penghuraian terhadap Puitika Sastera Melayu pada bab kelima tesisnya. Beliau menemukan bahawa Puitika Sastera Melayu adalah menunjukkan keupayaan pemikiran yang dihasilkan selepas pengalaman pascakolonial.

Di samping itu, dihuraikan juga berkenaan hubungan penghasilan Puitika Sastera Melayu dengan perspektif pribumi, pengetahuan lokal yang dipertajamkan, ruang kajian yang luas, memanfaatkan sastera lisan dan bertulis, setiap bangsa memiliki “Puitika”, pembinaan teori daripada teks, dan pembinaan teori tempatan adalah tindakan di negara pascakolonial. Pada bab keenam, Awang Azman menemukan pemikiran pascakolonial Muhammad Haji Salleh yang mencari imej Melayu serta dalam konteks yang lebih luas juga meraikan kekayaan sastera Asia Tenggara (Awang Azman Awang Pawi, 2008: 196 – 389). Kajian ini hanya mengangkat teori Puitika Sastera Melayu sebagai salah satu teori yang dihasilkan berdasarkan zaman pascakolonial dan kepengarangan Muhammad Haji Salleh.

Kajian mutakhir yang dijalankan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu dikemukakan pada peringkat PhD di Universiti Malaya oleh Eizah Mat Hussain (2016). Eizah menggunakan prinsip-prinsip puitika Melayu dalam menganalisis himpunan Pantun Melayu – Bingkisan Permata (2001). Tesis ini menurunkan model kajian estetika pantun berdasarkan prinsip dunia yang dipadatkan, dunia berjodoh, kiasan dan saranan sebagai kaedah untuk menganalisis simbol dan makna yang terdapat pada objek tumbuhan dan haiwan dalam bahan kajian.

Alam haiwan dan tumbuhan dianggap sebagai hasil cetusan pengarang bersumberkan pengalaman, pemerhatian, kepekaan dan pengetahuan masyarakat Melayu yang diperoleh melalui aktiviti kehidupan seharian. Eizah membuat kenyataan yang luar biasa, apabila mengatakan “Pendekatan Puitika Sastera Melayu amatlah sesuai digunakan dalam analisis



kajian ini dan tiada teori lain yang mampu untuk menjelaskan objektif kajian ini” (Eizah Mat Hussain, 2016: 343). Justeru, tiada kritikan jelas tentang kelemahan teori Puitika Melayu, kecuali sebuah aplikasi.

Kajian-kajian selanjutnya hanya bersifat aplikasi teori Puitika Melayu secara langsung. Khatijah Mohamad Yatim (2016) pada peringkat tesis sarjananya menganalisis Hikayat Char Darwis dan menamakan tesis beliau dengan judul, “Hikayat Char Darwis: Kajian Berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu”. Khatijah menemukan bahawa di dalam Hikayat Char Darwis boleh dibuktikan nilai keindahan karya berdasarkan prinsip “Perkataan Yang Indah-Indah”. Beliau menganalisis unsur alatan bahasa sastera, sopan santun dan strategi pengarang merendah diri, patut dan kata, bahasa yang sempurna dan tidak janggal. Beliau juga mampu membuktikan kehadiran unsur-unsur keindahan yang terdapat dalam Hikayat Char Darwis melalui unsur hikayat yang indah-indah, sastera sebagai pengajar, dunia nestapa, yang asli itu indah, susunan episodik, seni yang dramatik dan keajaiban (Khatijah Mohd. Yatim, 2016: 188–289).

Kebanyakan tesis yang menggunakan teori ini mendapati teori Puitika Sastera Melayu sesuai digunakan untuk melihat kepengarangan Melayu, terutama bagi analisis genre pantun dan puisi. Seorang sarjana dari Universiti Putra Malaysia, Siti Aisah Yusoff (2011) menggunakan kumpulan puisi kanak-kanak moden untuk dianalisis menggunakan teori Puitika Sastera Melayu. Kumpulan Puisi Putera-Puteri Malaysia (2010) dan Kumpulan Puisi Nota Untuk Ibu (2010) dibuktikan mempunyai nilai-nilai estetika yang sesuai dengan pemikiran kanak-kanak. Bagaimanapun Siti Aisah Yusoff banyak menekankan terhadap unsur-unsur penggunaan bahasa, iaitu bentuk metafora, pengulangan kata, di samping penekanan terhadap puisi sebagai bahan pengajaran.

Nilai estetika dan puitika turut digarab oleh Abang Saifuddin Abang Bohari (2004) dalam disertasi sarjananya yang bertajuk 1001 Pantun Baru: Kajian Nilai Estetika dari Universiti Malaya. Abang Saifuddin Abang Bohari telah mengkaji dan mengupas teks 1001 Pantun Baru karya Khadijah Hashim dengan mengaplikasikan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Salleh dengan tumpuan kepada prinsip yang indah-indah estetika sastera Melayu. Beliau telah melakukan dikotonomi terhadap sub-prinsip tersebut berdasarkan tema-tema pantun. Pantun bertema jenaka dianalisis menggunakan prinsip dunia luas yang dipadatkan. Prinsip mainan kiasan dan sandaran pula dianalisis terhadap pantun bertema nasihat manakala pantun bertemakan kasih menggunakan prinsip dunia berjodoh. Selain itu, beliau menganalisis pantun bertema budi menggunakan prinsip sama ukuran dan pantun bertema agama menggunakan prinsip muzik seiring kata. Bagi prinsip sesuai dan patut, beliau menggunakan pantun dari pelbagai tema dari teks yang sama. Hasil kajian Abang Saifuddin Abang Bohari mendapati bahawa Khadijah Hashim berjaya mengekalkan ciri-ciri pantun tradisional sama ada dari segi estetika dalaman dan luarannya.

## **KERANGKA TEORETIS**

Dalam menjayakan makalah ini, teori tempatan iaitu Teori Puitika yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (2006) akan diguna pakai. Menurut Muhammad Haji Salleh (2006), “yang indah-indah”, “maha indah” atau “terlalu indah-indah”, merujuk suatu sifat cerita atau

bahasa atau lukisan watak yang mengasahi khalayaknya, termasuk perasaan sedih, hiba, rawan dan sebagainya. Peringkat indah itu pula ialah peringkat yang lebih tinggi atau lebih mendalam daripada peringkat-peringkat biasa. Pendengar dan pembaca bukan sahaja mencari “indah” tetapi peringkat pengalaman keindahan yang diidamkan ialah lebih tinggi iaitu yang diistilahkan sebagai yang ‘terlalu indah-indah’ atau ‘maha indah’. Kecantikan sastera yang unggul ialah kecantikan yang luar biasa.

Muhammad Haji Salleh menghasilkan *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan* (1989), bermula dengan syarahan pengukuhan beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia. Muhammad bertitik-tolak dari tradisi persembahan Mak Yong dan bangsawan, selampit dan wayang kulit. Beliau melihat kepentingan pentas terbuka sebagai ciri utama khalayak sastera Melayu tradisional sebagaimana digambarkan pada fungsi watak Pengasuh, Peran dan Jong Dondang, Pak Yong, atau peranan yang dimainkan oleh watak humor Pak Dogol, Wak Yah dan Samad dalam wayang kulit, begitu juga ciri penceritaan Yong Dollah dan Awang Batil selaku tukang cerita Melayu.

Muhammad Haji Salleh menafsir maksud karnival dan ciri festival Melayu tradisi sebagaimana Bakhtin mengenal seni dan kehidupan sebagai suatu dialog yang terbuka untuk mengatakan Chronotopes bersifat transkultural, mengatasi sifat sejarah itu sendiri. Idea sedemikian turut memberikan ilham terhadap konsep kesejagatan sastera. Beliau memahami bagaimana konsep dan nilai keintelektualan yang dapat diangkat sebagai konsep keindahan Melayu atau diistilahkan sebagai *Puitika Sastera Melayu*. Malahan *Puitika Sastera Melayu* difahami sebagai satu kaedah genre, ujaran yang indah-indah, memperbaharui pengarang dan khalayak di serambi pentas adalah bukti ujaran-ujaran melepasi daerah linguistik dan diperhatikan para antropologis Melayu sebagai satu nilai jati diri (Hashim Ismail, 2011: 28–34).

Bukti-bukti tentang amalan nilai dan norma budaya Melayu diperhatikan oleh Muhammad Haji Salleh melalui lokasi penyelidikan beliau ke Palembang, Riau, Minangkabau, Jambi, Bangkahulu, Sumatera Utara, dan Aceh. Kemudian menyusul ke tanah Menado, Betawi, Brunei, Sarawak, Sabah, Ketapang, Pontianak dan tinggalan Kota Haru, di samping penelitian bahan sastera Melayu di beberapa perpustakaan di Britain dan Belanda (Muhammad Haji Salleh, 2003: 28–29). Perbandingan sumber juga dilakukan melalui penelitian Muhammad Haji Salleh berdasarkan sumber sastera Jepun dan India, terutama tentang aspek bahasa dan keindahan.

Bersangkutan dengan itu, melalui genre pantun dan hikayat, konsep estetika *Puitika Sastera Melayu* dikonseptualkan oleh Muhammad Haji Salleh dalam beberapa perkara, berasaskan konsep *puitika* yang terlibat dalam pengulangan (repetition), ingatan (recall), penggambaran untuk mewakili kenyataan (presentation) dan peniruan atau penyalinan (copying) (Muhammad Haji Salleh, 2000: 240). Dengan itu Muhammad Haji Salleh menurunkan enam ciri keindahan (yang bakal dijabarkan sebagai landasan kajian) seperti berikut;

Jadual 1: ***Ciri Keindahan***

<b>Ciri</b>	<b>Penerangan</b>
<b>Dunia Luas yang dipadatkan</b>	Merujuk hasil seni yang memungkinkan Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti pengalaman dunia yang besar, yang mengambil jangka waktu yang panjang, pergerakan fikiran yang perlahan atau berlarutan yang akhirnya disimpulkan hanya dalam beberapa citra, baris dan perkataan.
<b>Mainan Kiasan dan Saranan</b>	Merujuk strategi pemaknaan yang secara canggih melayangkan citra dan makna di hadapan mata kasar serta mata hati khalayaknya. Walaupun terdapat banyak juga baris-baris yang agak langsung, namun yang unggul ialah kesan dan makna yang sampai kepadanya secara halus dan hampir tidak terasa.
<b>Dunia Berjodoh</b>	Merujuk prinsip harmoni sebagai landasan. Nilai ini melihat bahawa dunia terbahagi dua: pertama, dunia alam raya dan kedua, dunia manusia. Namun begitu, alam dan manusia hanyalah dua belahan kepada satu kewujudan yang sama. Belahan pertama melengkapkan bahagian yang kedua, dan sebaliknya. Ada silang rujukan di antaranya
<b>Sama Ukuran</b>	Merujuk prinsip harmoni dan berimbang. Nilai harmoni dan berimbang menjadi landas penting untuk sebuah pantun yang baik. Yang bertentangan dipadukan pada akhirnya, hampir-hampir seperti dalam cerita moralistik yang baik.
<b>Muzik Seiring Kata</b>	Merujuk muzik bahasa. Irama yang saling menaik dan menurun, berserta pula rima silang yang bermain riang, jalinan dan

<b>Ciri</b>	<b>Penerangan</b>
	mainan bunyi vokal dan konsonan yang kompleks, bunyi-bunyian bergema, saling bersahut-sahutan serta berulang-ulangan dalam seluruh bait.

<b>Sesuai Dan Patut</b>	Merujuk nilai keindahan yang sering ditemui dalam mukadimah karya Melayu yang sering menyebut “patut”. Istilah ini yang bermaksud sesuai dengan keadaan, tidak melawan arus atau tidak janggal. Patut bermaksud terpilih, tetapi terpilih mengikut kesesuaian. Dalam fahaman Melayu, patut juga boleh sederhana, tidak melebihi sempadan, sesuai untuk sesuatu konteks dan bertepatan dengan nilai kesederhanaan
-------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian adalah signifikan supaya strategi serta kesesuaian instrumen dalam memperoleh data bagi sesebuah penulisan yang dijalankan mempunyai keberkesanan untuk menjawab permasalahan kajian dan tujuan asal kajian. Penggunaan metodologi kajian penulisan ini menjadi lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis teks yang melibatkan penggunaan gaya bahasa, diksi dan lambang yang bermakna dalam Warita Senandung Cindai.

Penyelidikan berbentuk kualitatif membantu seseorang penyelidik untuk memahami serta mendalami perkara yang dikaji (Clarke & Braun, 2013). Pendekatan tersebut dipilih memandangkan kajian ini lebih memfokuskan pemahaman struktur bahasa dan kiasan. Bukan itu sahaja, makalah ini mengkaji binaan struktur dan keharmonian irama muzik yang digunakan bagi senandung Cindai dalam usaha untuk menganalisis unsur-unsur keindahan yang terkandung di dalam lagu tersebut. Analisis teks pula merupakan analisis yang dilakukan ke atas sesebuah teks berdasarkan pengkaryanya, kesahihannya dan makna-makna teks (Joubish Muhammad Farooq & Muhammad Asyraf Khurram, 2011).

Penggunaan reka bentuk analisis teks ini menepati hakikat bahawa proses menganalisis sesuatu puisi memerlukan pemahaman seseorang dari segi zahir puisi dan maknanya yang tersirat memandangkan analisis kajian ini berdasarkan analisis penggunaan kiasan dalam pantun. Tambahan pula, pendekatan kualitatif dan reka bentuk analisis teks yang digunakan adalah teknik yang sistematik dengan menekankan penggunaan bahasa dan perkataan-perkataan dalam teks memandangkan subjek kajian merupakan subjek yang berbentuk teks pantun (bait lagu Cindai) dan juga melibatkan penggunaan bahasa dalam usaha untuk menghuraikan penggunaan kiasan dalam pantun.

Pendekatan ini merupakan salah satu kaedah untuk memahami makna kiasan-kiasan dan saranan dalam teks pantun tersebut memandangkan unsur yang menjadi fokus analisis dalam kajian ini adalah penggunaan pembayang yang menarik dan bersifat figuratif yang menguatkan lagi ketidaklangsungan makna serta menjadi nilai estetika tersendiri bagi senandung Cindai ini. Justeru, pengkaji komited mengatakan kaedah analisis teks sesuai digunakan untuk kajian ini dengan mengaplikasikan prinsip Yang Indah-indah: Estetika Sastera

Melayu dalam Teori Puitika Sastera Melayu (1989) sebagai landasan analisis supaya makna tersirat sesuatu kiasan yang digunakan oleh pemilik puisi dapat disampaikan dengan tepat.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian memperlihatkan bahawa senandung Cindai ini menerapkan dengan signifikan dan menepati konsep keindahan yang digarapkan dalam Teori Puitika Sastera Melayu memandangkan. senandung ini sarat dengan bahasa figuratif yang bertautan menerusi banyak ungkapan kiasan serta hubungan pembayang dengan mesej pantun yang memerlukan pemaknaan mendalam serta berjaya menyirati keindahan puitika sastera Melayu. Berikut merupakan dapatan analisis tersebut:

Jadual 2: *Dapatan analisis warita senandung Cindai*

<b>TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU</b>	
Dunia yang luas dipadatkan	✓
Mainan kiasan dan saranan	✓
Dunia yang berjodoh	✓
Sama ukuran dan imbalan	✓
Muzik seiring kata	✓
Sesuai dan patut	✓

## PERBINCANGAN KAJIAN

Perbincangan analisis unsur keindahan dalam senandung Cindai memperincikan keenam-enam prinsip keindahan yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh dalam Teori Puitika Sastera Melayu. Keenam-enam prinsip keindahan tersebut ialah dunia yang luas dipadatkan, mainan kiasan dan saranan, dunia yang berjodoh, sama ukuran dan imbalan, muzik seiring kata serta sesuai dan patut. Keenam-enam prinsip keindahan ini akan dianalisis makna dengan terperinci bersandarkan bait senandung Cindai.

### **Dunia yang Luas Dipadatkan**

Muhammad Haji Salleh (2000) menakrifkan bahawa pantun mengandungi dunia luas yang dipadatkan dalam empat baris sahaja. **Dunia dan makna** harus dipadatkan dalam sebuah cakerawala kecil kata-kata (Eizah Mat Hussain, 2016). Dalam konteks ini, segala pemandangan dan falsafah alam berserta maksud yang ingin disampaikan, dimuatkan dalam empat baris sahaja setelah pengarang menjalani renungan yang lama. Prinsip dunia luas yang dipadatkan merujuk kajian Hashim Ismail (2019) diibaratkan hasil seni yang memungkinkan **pengalaman dunia yang besar serta mengambil jangka waktu yang panjang, pergerakan fikiran yang perlahan atau berlarutan sehingga akhirnya disimpulkan hanya dalam beberapa citra, baris dan perkataan.**

Keindahan senandung Cindai ini terletak pada lenggok bahasa yang mampu merumuskan tafsiran yang luas menjadi padat dan dipersembahkan dengan cara serta gaya yang sangat indah. Kajian yang dijalankan ke atas teks pantun ini memperlihatkan penukil berjaya menyirati pengalaman dunia yang luas ke dalam beberapa baris yang bersifat maknawi terhadap riwayat yang terselindung di sebalik kiasan-kiasan yang digunakan. Sifat alam turut dikaitkan dengan fikiran dan perasaan manusia yang telah menambah unsur estetika karya sastera yang berbentuk pantun ini. Perhatikan rangkap kedua senandung Cindai yang berikut:

Mendendam unggas liar di hutan Jalan yang tinggal jangan berliku  
Tilamku emas cadarnya intan Berbantal lengan tidurku

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 2)

**'Padat'** dikonsepsikan sebagai penuh dan rapat sekali isi, kandungan atau susunannya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). **'Dipadatkan'** pula membawa erti perbuatan memadatkan sesuatu ciptaan menjadi mudah dan senang. Menelusuri sudut kontekstual senandung Cindai ini, penulis memadatkan pengalaman yang luas mengenai dunia percintaan dari perspektif seorang persona. Rangkap kedua mengisahkan seorang perempuan yang berasal daripada golongan berada. Kendatipun begitu, **kekayaan beliau tidak mampu mengatasi kesedihannya yang sudah dikecewakan oleh cinta.**

Pembayang **"mendendam unggas liar di hutan"** menandakan bahawa persona di dalam pantun tersebut **belum dapat melupakan kisah cintanya yang menghampakan.** Pembayang pada rangkap kedua menggunakan unsur alam untuk menzahirkan perasaan persona. **'Unggas liar'** di **'hutan'** dikatakan saling menaruh dendam (**mendendam**) kerana wanita berkenaan **masih dipengaruhi oleh rasa sakit hati rentetan daripada kenangan silam yang belum sepenuhnya terhapus dari memorinya.** Di samping itu, penukil turut memancarkan kehancuran yang sedang dirasakan oleh persona tersebut kerana pada pembayang berikutnya (**baris kedua**), pengharapan atas kewalangan jiwanya disalurkan menerusi baris **"jalan yang tinggal jangan berliku"**. Menyirati makna terselindung di sebalik perkataan **'jangan berliku'**, wanita berkenaan jelas menyatakan hajatnya agar petualangan hidupnya yang masih tersisa (**jalan yang tinggal**) untuk melupakan kisah lama tidak disuguhkan dengan pancaroba (**jangan berliku**). Dalam konteks ini, dua baris berkenaan cukup menjelaskan betapa perempuan tersebut belum dapat melupakan bekas kekasihnya.

Bukan itu sahaja, dua baris bawah yang menyampaikan maksud bagi pantun ini menggambarkan kesunyian yang dirasakan oleh wanita bangsawan tersebut. Walaupun beliau dilimpahi kekayaan yang **tiada tandingnya (tilamku emas cadarnya intan)**, beliau tetap merasakan kesunyian yang sangat memilukan (**berbantal lengan tidurku**). Menerusi rangkap pantun ini, penukil dilihat menyalurkan sebuah mesej yang sangat mustahak iaitu **harta dan kekayaan bukanlah segala-galanya.** Dalam hal ini, penulis lirik Cindai mengilustrasikan seorang wanita bangsawan yang bergelimpangan harta namun tetap rapuh tanpa cinta. Dalam erti kata yang lain, penukil senandung ini cuba memperlihatkan kekuatan cinta kerana jelas dipaparkan dalam rangkap pantun ini bahawa **manusia yang tidak mengalami masalah kewangan juga menjadi tidak berdaya apabila mengalami kisah asmaraloka yang berliku kerana telah dikecewakan oleh renjana.**

Secara etimologi, makna cinta adalah sama dengan kasih sayang, sehingga kata cinta dan kasih sayang memiliki keterikatan yang erat (Aishah Madidah Mohd Akil & Khazri Osman, 2022). Menyedari interprestasi makna yang tersirat dalam pantun ini, wanita yang diceritakan sebenarnya mempunyai riwayat percintaan yang tidak beruntung sehingga berimpak besar terhadap emosinya. Walakin terlahir dalam keluarga yang bergelimpangan harta, **kebendaan yang dikurniakan belum mampu memberikan urna pada hati gadis yang sedang berduka**. Penulis seakan-akan memberitahu bahawa asa bahagia yang dikecapi daripada perasaan cinta yang tulus akan berkekalan lebih lama berbanding kebahagiaan duniawi yang berbentuk kebendaan. Akal budi yang dilantaskan oleh pengarang senandung Cindai ini terpancar melalui penggunaan bahasa figuratif yang sangat mendalam tentang kekayaan. Penukil mengenakan simbol ‘emas’ dan ‘intan’ yang memaparkan darjat persona tersebut. Oleh yang demikian, jelas terpancar pemikiran atau pendirian pengarang, iaitu **harta dan wang ringgit boleh dicari namun cinta sejati amat sukar untuk dimiliki**. Bertitik tolak daripada fenomena ini, lirik lagu Cindai tidak sebatas mengisahkan tentang percintaan seorang wanita yang menyedihkan namun pemikiran sang penukil tentang **impak cinta yang dahsyat ke atas manusia** juga ditonjolkan. Lantaran itu, senandung Cindai menepati ciri keindahan yang pertama dalam Teori Puitika Sastera Melayu kerana konotasi yang luas tentang perasaan yang menempati karang hati sang wanita serta pemikiran sentimen daripada sang penukil telah berjaya diceritakan dalam serangkap pantun.

### **Mainan Kiasan dan Saranan**

Dalam pantun, pembayang dilaksanakan kulit dan saranan diibaratkan isi. Sesuatu saranan dihikmahkan oleh gambaran alam yang indah dalam pembayang. Hanya citra terbaiklah yang disaring daripada beribu-ribu citra lain (Muhammad Haji Salleh, 2000 & Eizah Mat Hussain, 2018). Pembayang harus memiliki medan perasaan yang sama dengan maksud seperti yang dijelaskan oleh Zurinah (2018) dan Mohd. Fauzi (2018). Memetik pandangan Muhammad Haji Salleh (2000):

“...yang lebih temaram itu lebih misterius...”

Pembayang haruslah menudungi maksud secara samar dan indah. Mainan kiasan dan saranan merujuk kepada strategi pemaknaan yang melayangkan citra dan makna di hadapan mata kasar serta mata hati khalayaknya. Walaupun terdapat banyak baris yang agak langsung, pantun yang unggul menyampaikan kesan dan tafsiran secara halus dan hampir tidak terasa. Rangkap keenam bagi senandung Cindai memaparkan kiasan dan saranan seperti yang berikut:

Akar beringin tidak berbatas  
Cuma bersilang paut di tepi Bidukku lilin layarnya kertas  
Seberang laut berapi

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 6)

Apabila bait senandung Cindai ini diteliti dengan mendalam, pembayang yang digunakan sebenarnya menudungi maksud secara samar. Sehubungan dengan itu, penulis mengimplimentasikan citra pembayang yang begitu kabur iaitu “**akar beringin tidak berbatas**” dan “**cuma bersilang paut di tepi.**” Baris pembayang ini memberi kekeliruan kepada para pendengar untuk mendapatkan gambaran yang konkrit bagi mesej yang hendak

disampaikan. Namun begitu, menerusi maksud pantun iaitu **“bidukku lilin layarnya kertas”** serta **“seberang laut berapi”**, penukil sebenarnya ingin menggambarkan situasi terancam untuk keselamatan sang wanita. Dalam erti kata yang lain, rangkap keenam ini menerangkan bahawa akibat daripada keretakan hatinya, wanita berkenaan akhirnya melakukan percubaan bunuh diri. **“Akar beringin”** yang tidak mampu menjalar tanpa **“batas”** yang menyokongnya menjurus kepada keluluan hati wanita tersebut yang **tidak berdaya lagi untuk berasa bahagia kerana tiada lagi cinta yang berupaya menjadi sandarannya**.

Selain itu, akar beringin ini juga digambarkan hanya mampu **‘bersilang paut di tepi’** yang membawa konotasi bahawa sang wanita sudah berada dalam keadaan pasrah untuk meneruskan kehidupan. Bayangan akar beringin yang bersilang paut di tepi tanah kerana tiada batas justeru menjadi gambaran kepada situasi persona yang **merangkak pasrah tanpa tempat bergantung setelah dikecewakan oleh belahan jiwa yang dipercayai**. Rentetan itu, sang persona sanggup membahayakan nyawanya kerana perbuatan menyeberang laut berapi (**seberang laut berapi**) menggunakan biduk lilin dan layar kertas (**bidukku lilin layarnya kertas**) sudah terang lagi bersuluh menunjukkan bahawa wanita tersebut sengaja menjerumuskan diri ke dalam bahaya. Berpandukan rangkap keenam ini, nilai estetika yang terdapat dalam senandung Cindai semakin terserlah kerana penukil berjaya memperlihatkan **betapa dalamnya kesedihan yang dirasakan oleh persona berkenaan sehingga sanggup menggadaikan nyawanya**. Pembayang yang dipilih menjadi kiasan yang ampuh bagi konotasi dan akal budi yang tersirat. Dalam pada itu, medan perasaan di antara pembayang dengan makna yang seimbang secara tidak langsung menampakkan lagi unsur estetika pantun ini. Pengkaji berkata demikian kerana kiasan dan maksud yang bersesuaian dan tidak janggal menambah rencah kepada pemikiran pantun yang sostifikated. Jelasnya, senandung Cindai ini menepati konsep keindahan yang digariskan oleh prinsip mainan kiasan dan saranan.

### **Dunia yang Berjodoh**

Prinsip dunia yang berjodoh menandakan orang Melayu memiliki dua buah dunia yang amat akrab dalam pantun, iaitu dunia luarnya yang merupakan alam dan dunia dalamannya, iaitu fikiran dan perasaan manusia (Hashim Ismail, 2019). Muhammad Haji Salleh (2000) mengemukakan bahawa dunia yang berjodoh mengetengahkan prinsip harmoni sebagai landasan. Nilai ini melihat bahawa dunia terbahagi dua: pertama, dunia alam raya dan kedua, dunia manusia. Walau bagaimanapun, alam dan manusia merupakan sebatas dua belahan kepada satu kewujudan yang sama. Belahan pertama melengkapkan bahagian yang kedua, begitu juga sebaliknya. Analisis dunia berjodoh ini berfokus kepada simbol tumbuhan dan haiwan yang diungkapkan dalam rangkap pembayang pantun. Dunia berjodoh menurut Muhammad Haji Salleh bukanlah berkaitan dengan jodoh dalam mendapatkan pasangan hidup manusia sebaliknya berkaitan dengan prinsip harmoni yang menjadi landasan penting dengan pembahagian dunia kepada dunia alam dan dunia manusia dalam pantun. Rangkap ketujuh senandung Cindai menggambarkan dunia yang berjodoh:

Laman memutih pawana menerpa Langit membiru awan bertali Bukan dirintih pada siapa  
Menunggu sinarkan kembali

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 7)



Prinsip dunia yang berjodoh menurut Zainal Abidin Bakar (1983) merujuk kepada dunia pertama pantun yang diistilahkan sebagai pembayang atau sampiran dan dunia kedua pula ialah maksud. Bahagian pembayang maksud boleh diumpamakan sebagai kulit pantun. Pembayang seolah-olah menyediakan orang untuk mendengar isi yang sebenarnya akan dikatakan. Bahagian kedua pula mengandungi maksud yang sebenarnya iaitu mesej utama yang hendak dikatakan oleh penukil. Oleh itu, maksud pantun ialah hasil dari kehalusan kiasan yang bersumberkan alam dari pembayangnya, menuju ke alam manusia yang berkisar tentang perasaan, fikiran dan perlakuan kehidupan. Menerusi pantun, khalayak bukan setakat dihadang dengan citra alam yang harmoni tetapi memberikan pengajaran yang berkait rapat dengan kehidupan manusia.

Penceritaan senandung Cindai yang dianalisis melukiskan dunia pertama yakni penulis menggunakan sumber alam sebagai kulit pantun. **‘Laman memutih pawan menerpa’** serta **‘langit membiru awan bertali’** menjurus kepada keadaan yang tenang. Di samping itu, rangkap ketujuh dapat dikaitkan dengan keadaan persona setelah percubaan membunuh diri pada rangkap keenam. Dalam konteks ini, setelah menempuh titik-titik terendah dalam hidupnya, dapat disimpulkan bahawa wanita berkenaan akhirnya sedar bahawa kata-kata manis yang didengarinya selama ini hanyalah janji-janji palsu. Peragaan sumber alam yang melambangkan keadaan tenang (**laman memutih**) serta dihiasi cuaca yang cerah (**pawana menerpa dan langit membiru**) menunjukkan bahawa persona telah kembali waras setelah percubaan bunuh diri. Walakin belum sepenuhnya sembuh daripada luka silam, wanita tersebut sedaya upaya menerima ketentuan takdir dan tidak mempersoalkan keperitan yang dialami (**bukan dirintih pada siapa**). Tambahan pula, penulis menggunakan kiasan terbaik untuk menudungi mesej yang cuba disampaikan pada baris terakhir yang menggambarkan pula perasaan persona yang telah reda (**menunggu sinarkan kembali**). Baris **“menunggu sinarkan kembali”** justeru menjurus kepada kesedaran akal sang wanita akan ketentuan Tuhan yang Maha Esa kemudian meneruskan pencarian cinta sejati.

Menyedari hakikat bahawa jodoh manusia ditentukan oleh takdir yang telah disusun oleh sang pencipta, pembayang yang diperagakan oleh penulis seolah-olah **melampiasikan akal budi kepada khalayak bahawa sudah seharusnya kita akur kepada ketetapan-Nya**. Dugaan dan rasa perit yang menampar atma persona tersebut sesungguhnya menjadi senjata yang ampuh untuk membina semangat dan ketabahan di dalam dirinya. Bertitik tolak daripada rangkap ketujuh ini, perempuan berkenaan akhirnya maklum terhadap sikap lelaki tersebut yang tidak ikhlas menyayanginya. Seusai dikecewakan oleh harapan-harapan palsu yang disuguhkan oleh lelaki yang didambakan, beliau telah **bangkit semula untuk mencari nilai dirinya**. Meneliti ikhtiar yang mampu diperoleh daripada kisah hidup persona, mereka yang mendengarkan senandung ini dicurahkan dengan wejangan bahawa **seharusnya kita cuba mengikhlasakan mereka yang bukan ditakdirkan untuk kita**.

Secara tipikalnya, mukjizat Tuhan itu indah yakni segala perancangan-Nya sudah pasti lebih baik berbanding perancangan manusia. Lantaran itu, wanita yang diilustrasikan telah menghadapi kemasyghulan dek kerana putus cinta berpotensi untuk mengajarkan khalayak supaya mempercayai perancangan Tuhan. Menyoroti tafsiran daripada pembayang dan makna bagi senandung Cindai ini, pengkaji melihat bahawa senandung ini menunjukkan keindahan dunia yang berjodoh. Keharmonian alam dengan citra manusia yang jelas tergambar dalam

senandung Cindai menyirati lagi harkat keindahan pantun tersebut. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa senandung Cindai berjaya memenuhi kriteria keindahan yang dikonsepsikan oleh Muhammad Haji Salleh dalam Teori Puitika Sastera Melayu bagi prinsip dunia yang berjodoh.

### **Sama Ukuran dan Imbangan**

Pantun misalnya, memiliki nilai harmoni dan keseimbangan yang menjadi dasar sesebuah puisi tradisional yang berestetika. Nilai dipadukan pula dengan bentuk yang turut memiliki keseimbangan antara satu sama lain. Dalam pantun, baris-baris pembayang akan mempunyai jumlah suku kata yang sama ukuran, bunyi dan rentak yang terhasil oleh rima akhirnya yang begitu menarik (Muhammad Salleh, 1989, p. 100). Begitu juga dalam pantun sendiri, begitu seimbang daripada keseluruhan seni binanya seolah-olah sebuah rumah yang cukup sempurna daripada semua aspek.

Nilai penting akan dimanifestasikan juga dalam bentuk kerana bentuk juga membantu menyatakan keindahan sesebuah pantun. Bentuk ini terdiri daripada beberapa bahagian yang seimbang antara satu sama lain iaitu baris-baris pembayang dan baris maksud. Baris-baris pembayang akan mempunyai jumlah suku kata yang sama ukuran, bunyi dan muzik begitu juga dalam baris-baris maksud. Dari sudut struktur pula, bentuk bahagian pertama seperti berkembar sempurna dengan bahagian kedua manakala bahagian kedua tidak berlebihan dan tidak ada pula yang kurang. Sekiranya dijumlahkan semua bahagian akan mempunyai pasangan yang tepat (Muhammad Salleh, 2000).

Uniknya formula pencipta pantun yang melihat sama ukuran itu sebagai satu binaan yang mesti ada untuk menghasilkan sebuah pantun yang indah dan bernilai seni. Namun bukanlah bermakna pantun itu tidak mempunyai kebebasan dari segi sama ukurannya, tetapi formula adab terus menjadi pegangan dan ciri unggul sebuah pantun lama atau pantun moden. Muhammad Salleh menyatakan bahawa (2006, p. 228):

*... harmoni sesekali menipiskan dan membosankan. Akan tetapi, harmoni bukanlah tujuan tunggal pantun. Harmoni hanyalah kesan terakhir, setelah pelbagai bahagian kata dan nada yang berlainan yang beri pasangannya, imbangannya ataupun lawanya. Hal-hal yang bertentangan inilah antara yang amat mengghairahkan dalam bentuk pantun dan salah satu sebab mengapa bentuk ini masih hidup dan digunakan...*

Dalam makalah ini, prinsip sama ukuran dijabarkan bagi melihat nilai harmoni dan keseimbangan sesebuah (serangkap) pantun yang disenandungkan dalam Cindai. Bentuk yang seimbang antara satu sama lain akan menentukan keindahan karya pantun dengan mencakupi; (a) baris-baris pembayang dan maksud yang mempunyai jumlah suku kata yang sama ukuran dan (b) bunyi dan muzik dalam bahagian pembayang dan maksud pantun yang seimbang dari segi rima/ koda. Struktur pantun akan menjadi indah melalui keseimbangan dalam penulisan dan pengungkapannya apabila mencapai kesamaukuran antara unsur jumlah suku kata dalam setiap baris mahupun unsur keseimbangan rima yang ada di tengah baris dan di hujung baris setiap pantun Siti Aisah bte Yusoff (2011).

Kesamaukuran suku kata ini membantu dalam menentukan penandaan jeda (#) ketika mengungkapkan pantun secara lisan. Selain itu, prinsip yang seimbang ini juga dapat menentukan muzik bahasa yang terhasil dan memperdengarkan patah pantun itu sedap ketika bait-bait pembayang dan maksudnya dialunkan kepada khalayak. Contoh kesamaukuran yang menimbulkan kesan harmoni dan keseimbangan pantun yang dilagukan dalam senandung Cindai ialah:

*Cindailah mana # tidak berkias*

*Jalinnya lalu # rentah beribu Bagailah mana # hendak berhias Cerminku # retak seribu*

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 1)

*Mendendam unggas # liar di hutan Jalan yang tinggal# jangan berliku Tilamku emas #  
cadarnya intan Berbantal # lengan tidurku*

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 2)

*Hias cempaka # kenanga tepian Mekarnya kuntum # nak idam kumbang Puas ku jaga # si  
bunga impian Gugurnya sebelum # berkembang*

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 3)

Dalam contoh di atas, jumlah suku kata pada setiap baris sama ada pada bahagian pembayang atau maksud adalah sama iaitu lapan sehingga sepuluh suku kata. Patah pantun juga dilihat sama ukuran apabila diungkap secara lisan, jeda (#) diletakkan pada setiap suku kata ketiga - kelima dalam tiap-tiap baris. Keseimbangan ini menghasilkan patah pantun yang indah termasuk pula dengan koda yang wujud di setiap jeda pantun tersebut. Unsur bunyi pada suku kata kelima setiap baris masing-masing sama rima. Kelihatan pada pasangan bunyi dalam baris satu dan tiga rangkap pertama iaitu bunyi [na] pada perkataan **mana**.

Menyoroti baris yang sama juga, kelihatan wujudnya bunyi yang serasi antara suku kata kesepuluh bagi rangkap pertama baris pertama dan ketiga iaitu bunyi [-ias] bagi kata **kias** dan **hias**. Begitu juga hal yang sama berlaku untuk baris kedua dan keempat pada suku kata kelima dan ketiga dengan masing-masing menyahut bunyi yang sama pada suku kata yang sama yakni bunyi [-u] pada perkataan **lalu** dan **cerminku** serta bunyi [-ibu] untuk kata **beribu** dan **seribu** pada akhir rimanya. Ternyata prinsip sama ukur ini menambahkan unsur keindahan dalam pengucapan pantun yang seimbang struktur (kepanjangan) dan bunyinya (patah pantun).

Pola dengan penelitian yang sama boleh digunapakai untuk rangkap-rangkap pantun yang dipaparkan di atas (rangkap 2 dan 3) malahan sebenarnya hampir semua rangkap senandung ini mengguna pakai rima yang sama. Perkara yang menimbulkan sifat atraktif dan puitiknya lagu yang dinukil ini adalah adanya pengaplikasian rima tengah pantun yang pada pendapat Harun Mat Piah (2001) sebagai salah satu ciri estetika pantun yang baik dan penukil dasawarsa ini hanya menumpukan kepada rima akhir pantun sahaja sebagai keutamaan penciptaannya. Ini membuktikan kebijaksanaan penulis bukan sahaja dalam menukilkannya sebuah

senandung sebagai hiburan, malahan mengekalkan keaslian puitika pantun yang semakin ditenggalamkan. Rujuk contoh dibawah:

*Gurindam lagu # bergema takbir Tiung bernyanyi # pohonan jati Bertanam tebu # di pinggir  
bibir Rebung berduri # di hati*

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 6)

Izharnya gunaan rima tengah dapat dilihat pada rangkap di atas, yang menunjukkan rima bagi suku kata kelima bagi baris pertama dan baris ketiga berkongsi rima yang sama dengan bunyi -[u] bagi kata **lagu** dan **tebu**. Begitu juga halnya dengan suku kata kelima bagi baris kedua dan keempat yang beratributkan rima dengan bunyi - [i] bagi kata **bernyanyi** dan **berduri**, dan kesemua kata dengan rima tengah tersebut dinyanyikan dengan meletakkan jeda sesuai perkataannya, menunjukkan konsistensi dalam penukilan puisi yang sistematik, adil, kemas tetapi masih puitis. Tidak dapat disangkalkan lagi, penulis amat menitik beratkan unsur puitika yang asli dalam struktur penciptaan senandung Cindai.

### Muzik Seiring Kata

Pantun dan puisi yang dicipta dan dialunkan, mempunyai irama yang menaik dan menurun berserta rima yang bersilang baris. Hal ini menjadikan pantun itu menimbulkan suasana ‘muzik bahasa’ apabila dilenggokkan pengucapannya. Suasana inilah yang menjadi asas kepada penciptaan lirik lagu-lagu asli dan tradisional Melayu terutamanya. Perkara ini diperkatakan oleh (Muhammad Haji Salleh, 2006: 229):

*“Dalam iramanya yang saling menaik dan menurun, berserta pula rima silang yang bermain riang, maka tidaklah menghairankan jikalau lagu-lagu Melayu, yang asli dan yang baru, memilih bentuk ini sebagai tapak liriknya. Antara semua bentuk puisi, pantunlah dapat dilihat sebagai terdekat kepada muzik.”*

Bunyi-bunyi dalam pantun bukan sahaja memiliki irama vokal dan konsonan yang sama semata-mata malah saling bergema dan bersahut-sahutan dalam seluruh bait pantun terutama dalam serangkap pantun yang jelas sifat sama ukurannya. Muzik bahasa dalam pantun yang unggul adalah terdiri daripada deretan bunyi yang saling berimbangan antara setiap kata dalam pasangan baris masing-masing seperti baris satu sama unsur bunyi kata-katanya dengan baris ketiga dan begitulah juga untuk baris kedua dengan keempat. Hal ini diperikan sebagai muzik bahasa yang kompleks dan bersahut-sahutan oleh Za’ba (1965, p. 225):

*“Dalam pantun, pertentangan bunyi yang mengelokkan itu bukanlah bunyi di hujung mesti sama sehuruf betul, melainkan bunyi yang bertentangan dan semacam itu dikehendak sekurang-kurangnya dua dalam tiap-tiap kerat. Kalau dapat lebih daripada dua lagi baik.”*

Apa yang digagaskan oleh Muhammad dan juga diperkatakan oleh Za’ba ini dibuktikan dalam rangkap pantun (lirik lagu Cindai) di bawah:

*Janganlah jangan jangan ku hiba Derita hati jangan dikenang Bukanlah bukan bukan ku pinta  
Merajuk bukan berpanjang*

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 5)

Bertitik tolak pantun di atas, nyata terdapat alunan bunyi-bunyi yang mempunyai ciri yang sama berdasarkan keseragaman suku kata dan bukannya semata-mata kesamaan huruf di belakang mahupun di tengah (patah pantun yang berjeda) perkataan pada setiap baris. Pengulangan jumlah yang sama bagi perkataan '**jangan**' yang diulang sebanyak dua kali dalam baris pertama dan diikuti pula sifatnya dalam baris ketiga bagi perkataan '**bukan**', juga diulang secara ganda memperlihatkan keseimbangan dalam penyampaian puisi lantas menciptakan rentas muzik yang sekata apabila dilagukan.

Berdasarkan contoh yang ditunjukkan di atas juga, bunyi-bunyi ini saling bersahutan dan menghasilkan sejenis irama yang dikatakan sebagai muzik bahasa dalam pantun. Bunyi suku kata [lah] dalam kata **janganlah** di tengah sintaks pada baris pertama mempunyai sifat keselarian bunyi dengan suku kata [lah] juga dalam kata **bukanlah** di tengah sintaks pada baris ketiga.

Secara tipikalnya, semestinya bukanlah hanya ada ciri kesamaan huruf 'h' pada kata-kata tersebut malah lebih kompleks daripada itu yakni melibatkan suku kata. Hal demikian samalah pada bunyi [-an] dalam suku kata 'ngan' (jangan) di tengah sintaks pada baris kedua pembayang dengan bunyi [-an] dalam suku kata 'kan' bagi kata cermin yang terdapat di tengah sintaks pada baris keempat maksud pantun. Perihal dengan atribut yang serupa ini juga diwakili oleh keselarian bunyi suku kata [ba] dalam perkataan **hiba** di akhir ayat pada baris pertama dan bunyi suku kata [ta] juga dalam perkataan **pinta** di hujung sintak pada baris ketiga.

Tidaklah semata-mata hanya mempunyai ciri kesamaan huruf 'a' pada kata-kata tersebut malah seperti penjelasan yang sebelumnya, lebih menunjukkan sifat ruwat dari itu yakni melibatkan bunyi kata dan rima. Selain itu, samalah bunyi pada suku kata [ang] dalam perkataan **dikenang** di hujung sintaks pada baris kedua dengan perkataan **berpanjang** di akhir sintaks pada baris keempat. Nyatalah, penciptaan pantun yang menghasilkan rima a-b-a-b dihujung sintaks pada setiap baris dapat diperluas juga di kedudukan tengah sintaks pada setiap baris.

Apalagi struktur bunyi yang unggul dan saling berimbangan ini ditopangkan dengan iringan lagu melayu asli yang dinyanyikan, membuatkan rentak puisinya lebih melankolik, puitis dan enak didengar, sesuai dengan sifat orang Melayu itu sendiri (Ariff Ahmad, 2005). Irama dan unsur lagu Asli yang diketengahkan oleh penggubah irama senandung Cindai ini sendiri iaitu Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah) membangkitkan sifat sentimental dan sesuai dengan cita rasa penyanyi dan pendengar.

Lagu Melayu Asli yang diterapkan dalam puisi yang dinyanyikan ini juga berimpakkan suasana damai dan harmoni serta bertepatan atau 'kena' dengan struktur bentuk irama, rima, patah lagu, penjelmaan melodi dari susunan perkataan dan penyampaian. Ini menjadikan penyampaian puisi mudah difahami, dihafal dan disampaikan kepada khalayak, bukan sahaja sebagai medium hiburan malahan bertindak sebagai platform akal budi dan pengajaran.

Keupayaan ini (rekayasa muzik yang tepat serta bunyi perkataan yang disusun puitis dan berentak) menghasilkan muzik bahasa dalam pantun yang selari dan saling bersahutan ketika pantun dialunkan pengucapannya dengan bernada naik dan menurun (Aminuddin Mansor, 2015). Keindahan pantun yang dijadikan contoh ini adalah lebih indah nilai muziknya daripada sesetengah pantun yang hanya mempunyai kesamaan muzik bahasa di hujung setiap baris walaupun mengekalkan rima akhir a-b-a-b apatah lagi jika rima akhirnya sekadar a-a-a-a.

### **Sesuai dan Patut**

Salah satu nilai keindahan dalam karya-karya Melayu ialah bersifat 'patut' yang umumnya bererti sesuai dengan keadaan, tidak melawan arus atau tidak janggal. Sifat 'patut' ini berubah erti jika digunakan dalam lapangan sastera yakni mendukung makna 'terpilih' yang mengikut kesesuaian keadaan dan kesederhanaan. Sifat pantun yang baik adalah dengan memiliki 'kesesuaian' dan 'patut' yakni tidak berlebih-lebih atau melampaui sempadan norma masyarakat Melayu.

Keadaan sesuai dan patut ini mestilah mengirinkan layangan pembayang dan maksud yang tidak janggal (tidak sedap didengar, canggung, tidak laras atau tidak kena) dan kesan penyampaiannya mestilah manis yakni ditamsilkan sebagai berkonotasi baik, sopan, sedap, lemah lembut dan kena pada tempatnya. Keadaan prinsip sesuai dan patut ini mestilah intim dengan penerimaan secara konvensional terhadap bahasa dan budaya masyarakatnya Melayu. Kesesuaian ini berkait dengan sifat kesederhanaan dan tidak berlebih-lebihan bukan sahaja dalam kepengarangan pantun malah dalam pengucapannya juga menuntut agar persembahan pantun tidak terdengar kasar, kesat atau gopoh sebaliknya harmonis. Hal ini dapat ditunjukkan dalam pantun di bawah:

*Hias cempaka kenanga tepian Mekarnya kuntum nan idam kumbang Puas ku jaga si bunga impian Gugurnya sebelum berkembang*

(Hairul Anuar Harun, 1998, rangkap 3)

Dalam pembayang pantun di atas, dilayangkan citra alam yakni imej cempaka yang dari sifat yang ingin disampaikan semestinya cantik rupanya, wangi bauannya. Imej cempaka itu pula disandar dengan hiasan-hiasan kenanga di sekelilingnya, bagi menambahkan citra keindahan rupa bunga tersebut, tidak lain dan tidak bukan, untuk menarik perhatian kumbang untuk menghinggapnya. Jika dihemati dengan penuh teliti, sifat frasa tersebut beratributkan hiperbola, iaitu penggunaan kata atau kiasan yang terdiri daripada ungkapan yang berlebih-lebihan untuk menerangkan sesuatu (Keris Mas, 1990), cempaknya sudah cantik, sempurna tetapi dijajarkan lagi dengan sifat bunga lain bagi menggandakan unsur indahnya.

Manakala, pada bahagian maksudnya pula, penukil mencitrakan keadaan pesona Cindai, yang merasa kecewa sebab cinta yang tidak terbalas, diterangkan melalui patah rangkai *Puas ku jaga si bunga impian, Gugurnya sebelum berkembang*. Pesona Cindai bagaikan bunga mekar mengidamkan kumbang, dengan perih menjaga 'bunga' dengan pelbagai usaha, namun sayang kumbang tak kunjung datang dan bunga yang hendak berputik itu sudahpun layu dan

gugur akhirnya. Kesesuaian dan kepatutan itu terserlah dalam pemerian pembayang kepada maksud.

Analogi fenomena bunga yang ‘dihias’ dengan bunga yang lain semata-mata untuk menambahkan sifat indah tetapi pada akhirnya tidak dihinggapi oleh kumbang ‘tepat’ dengan maksud pantun ini yang menyindir dan menegur masyarakatnya yang secara realiti saling dan sentiasa lupa akan keperluan diri semata-mata ingin memenuhi kehendak dan hidup dalam mengikuti validasi orang lain sehingga merugikan diri sendiri. Umpunya Cindai (pesona perempuan) terlampau berharap dengan pandangan kumbang (pesona kekasih), sanggup meniti apa sahaja yang diperlukan demi dikemudi oleh kehendak ‘kumbang’, dan akhirnya kecewa apabila tidak mendapat validasi yang diinginkan sehingga menyakiti hati dan perasaan sendiri. Penukil lirik (puisi) memilih konsep analogi ini sebagai satu pendekatan yang sesuai dengan sifat orang Melayu yang melakukan teguran secara berlapik (kias/ taksa) dan berunsur sindiran (Abdul Halim Ali, 2010).

Mesej dari kedua-dua pembayang dan maksud ini secara tersiratnya menuntut pendengar, penyanyi malah pembaca lirik ini untuk menerima kenyataan bahawa tidak semua yang diusahakan oleh diri sendiri akan dihargai oleh orang sekeliling, kerana sifat manusia itu hanya memberikan perhatian kepada apa yang akan menguntungkan mereka sahaja (Bell et al., 1996). Sifat terbuka dalam menerima serta mengemudi kehidupan bukan pada ekspektasi orang lain. Konotasi dalam dua baris pembayang sangat akrab dengan interpretasi maksud yang dianggap sopan dan berlapik telah menepati prinsip ‘manis’ dalam menyampaikan makna pantun.

Demikianlah pembayang pantun itu tidaklah hanya mengutamakan bunyi yang memberikan roh pada rima pantun sebaliknya memberikan gambaran makna keseluruhan pantun yang sangat signifikan. Melalui pantun yang dinyanyikan ini, tampak bahawa nilai keindahan yang ada itu ialah hasil kebijaksanaan penukil lagu dalam menggunakan teknik sindiran melalui analogi alam agar makna yang disampaikan itu difahami dan tidak menyinggung mana-mana pihak secara terang-terangan atau mengaibkan.

## **KESIMPULAN**

Secara rangkumannya, senandung Cindai telah memanfaatkan keenam-enam prinsip keindahan pantun dalam mengukuhkan harkat estetika pantun, iaitu dunia yang luas dipadatkan, makna kiasan dan saranan, dunia yang berjodoh, sama ukuran dan imbalan, muzik seiring kata dan sesuai dan patut. Kiasan digunakan sebagai pembayang bagi senandung Cindai ini untuk melantaskan aspirasi pengarang. Penggunaan bahasa konotasi yang terkandung dalam senandung Cindai menyebabkan makna dalam rangkap-rangkap lagu itu bersifat tersembunyi, mendalam, kaya, jauh dan luas pengertiannya. Penggunaan gaya bahasa yang heterogen oleh penukil juga perlu ditafsir dengan mendalam agar maksud sebenar yang ingin disampaikan tidak disalah tafsir. Secara tidak langsung, penggunaan gaya bahasa yang bersifat figuratif seperti ini sudah cukup memperlihatkan nilai keindahan dalam kesusasteraan Melayu melalui keterampilan orang Melayu bermain bahasa dengan mengekalkan ciri-ciri kesopanan berbahasa. Tambahan pula, pengintegrasian ciri-ciri pantun yang asli digandingkan dengan irama yang bernada harmoni dengan susunan narasi bagi lagu Cindai menjadi tarikan

estetika tersendiri bagi pantun tersebut. Intihanya, Teori Puitika Sastera Melayu berupaya menyirati keindahan senandung Cindai sekali gus menjadi pemangkin daya berfikir yang tinggi serta wadah menyalurkan mesej dan akal budi kepada khalayak. Konsep estetika dalam pantun menggambarkan cerdik akal yang merupakan *world view* orang Melayu, penuh dengan kekayaan falsafah, nilai dan budi yang menggambarkan masyarakat Melayu itu sendiri. Dalam mengkaji hubungan antara sifat imaginatif pantun dengan konotasinya, terdapat proses persepsi, kognisi, konseptualisasi, dan reifikasi yang hadir dalam konteks. Beberapa cadangan kajian telah difikirkan dalam proses menjalankan kajian ini. Pengkaji mencadangkan agar kajian pada masa akan datang dapat meneliti cara pemikiran, akal budi, dan falsafah di sebalik penggunaan bahasa-bahasa figuratif lain dalam puisi Melayu yang terdiri daripada pantun, peribahasa, simpulan bahasa, gurindam, sajak, teromba dan syair. Melalui Teori Puitika Sastera Melayu ini, pengkaji akan datang dapat mencungkil makna sebenar mengenai penjabaran pemikiran yang terdapat dalam puisi Melayu seterusnya menyerlahkan lagi nilai estetika dalam sastera di negara kita.

## RUJUKAN

- Abang Saifuddin Abang Bohari. (2004). *1001 Pantun Baru: Kajian nilai estetika*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Abdul Halim Ali. (2010). *Konsep estetika bersepadu: Terapan dan analisis terhadap karya-karya puisi Ahmad Kamal Abdullah*. Tesis PhD Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aishah Madidah Mohd Akil, & Khazri Osman. (2022). Kajian semantik cinta pada lafaz Al-Hubb dalam Al-Quran. *Seminar Semantik Al-Quran 1.0 (SEMANTIQ) 2022*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Azman Awang Pawi. (2008). *Muhammad Haji Salleh sebagai pengarang pascakolonial: Analisis teks dan konteks*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Clarke, V. & Braun, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. SAGE Group.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus dewan*. Edd. Ke-4. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eizah Mat Hussain. (2016). *Simbol dan makna dalam pantun Melayu: Bingkisan permata*. Tesis PhD, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hairul Anuar Harun. (1997). *Pantun Melayu*. Methodish Publishing House. Harun Mat Piah. (2001). *Cindai*. Suria Records.
- Hashim Ismail. (2011). Dialogism bakhtin: Muhammad Haji Salleh di pentas hikayat Hang Tuah. *Dewan Sastera*, 28-34.



- Hashim Ismail. (2019). Teori puitika sastera Melayu: Interpretasi dan praktikaliti. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 29, 31-46.
- Joubish Muhammad Farooq & Muhammad Asyraf Khurram. (2011). Outlook on some concepts in the curriculum of Social Studies. *World Applied Sciences Journal*, 12 (9): 1374-1377, 2011.
- Kartini Anwar. (2017). *Tradisi sastera Johor-Riau - Suatu kajian terhadap syair Sejarah*. Retrieved July 25, 2017. Available: <https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/18620/1/KartiniAnwar-PHD.html>.
- Keris Mas. (1990). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Dewan Bahasa Pustaka.
- Khatijah Mohamed Yatim. (2016). *Hikayat char Darwis: Kajian berdasarkan teori puitika sastera Melayu*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Muhammad Haji Salleh. (1989). *Puitika sastera Melayu: Satu pertimbangan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2003). *Jalan pulang dari kembara seberang dalam Sohaimi Abdul Aziz (Ed.). Muhammad Haji Salleh - pencari dan pemikir*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Dalam daun ada bicara: Falsafah alam pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordiana Ab. Jafar, & Nurul Ain Mohd Bukhari. (2018). Hubungan kait pembayang dan maksud pantun Pak Nazel dari perspektif ekologi. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 6, 171-189.
- Siti Aisah Yusoff. (2011). *Estetika dalam kumpulan puisi kanak-kanak putera-puteri Malaysia dan nota untuk ibu*. Tesis Sarjana, Jabatan Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Wilkinson, R. J., & Winsted, R. O. (1914). *Pantun Melayu*. Methodish Publishing House.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Osman. (1997). *Estetika: Satu konsep perbahasan dalam Zahir Ahmad: Pengajian kesusasteraan Melayu di Alaf Baru*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

## ISTERI DARI PERSPEKTIF FEMINISME

Nur Aina Syazwina Subri  
Nur Farah Syafiqah Mohammad Shafie

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran bahawa karya-karya sastera oleh pengarang lelaki sering menggambarkan wanita sebagai insan yang lemah melalui imej yang stereotaip, pengalaman wanita yang dipinggirkan, suara wanita yang dibisukan dan bentuk-bentuk paparan yang hanya menyerlahkan wanita sebagai hamba abdi kepada kaum lelaki. Tambahan lagi, pengarang lelaki sering memberikan gambaran yang tidak tepat berkenaan wanita sehingga menyebabkan masyarakat menganggap wanita sebagai golongan yang rumit dan membebankan. Hal ini membuktikan bahawa martabat feminisme dalam karya sastera Melayu acap kali dihujani dengan eksploitasi di setiap sudut biologi, ekonomi, pendidikan dan diperlihatkan serta dihukum sebagai golongan bawahan yang hanya perlu berpaut pada dahan yang kukuh serta mempunyai pemikiran yang dangkal. Oleh itu, penelitian ini cuba membuktikan bahawa wanita mempunyai imej, pengalaman, suara, keinginan, wawasan, bahasa dan budaya mereka sendiri. Rentetan itu, penulis wanita seperti Rosmini Shaari mulai sedar akan peranannya untuk membela nasib diri dan kaumnya melalui pemaparan siratan kehidupan wanita yang lebih mendalam menerusi penjanaan watak wanita yang berani bersuara dan secara tidak langsung memberikan contoh kepada pembaca. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur feminisme dalam karyanya yang bertajuk *Isteri*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus kepada analisis teks berlandaskan Teori Feminisme yang menggagaskan empat koda utama iaitu biologi, pengalaman, psikologi dan sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga daripada empat koda sahaja yang terkandung dalam karya *Isteri* iaitu koda biologi, koda psikologi dan koda sosial. Karya beliau berjaya menonjolkan ciri-ciri kewanitaan yang tabah dan cecal dalam meredah onak dan duri di alam rumah tangga serta turut menampilkan wanita yang berpendidikan, berkerjaya dan bebas dalam sosiolisasinya. Kesimpulannya, Teori Feminisme ternyata mampu menyirati ciri feminisme dalam *Isteri* yang berhasil mengangkat kedudukan feminisme dalam dunia kesusasteraan Melayu.

**Kata Kunci:** Teori Feminisme, koda biologi, koda psikologi, koda sosial

### PENGENALAN

Perjuangan kaum wanita kini sewajarnya diberikan perhatian dan tidak diperlakukan secara membuta tuli. Perkara ini meliputi kepentingan peranan wanita dalam pembangunan diri, keluarga dan juga masyarakat. Hal ini kerana, kaum wanita dan kedudukannya dalam kehidupan sosial selalu menjadi topik yang menarik dan hangat untuk dibawa ke meja perbincangan apabila golongan ini masih tidak dapat lari daripada isu-isu mendesak seperti

keganasan rumah tangga, pemerdagangan manusia, penganiayaan terutama hak sebagai isteri, gejala pembuangan bayi dan sebagainya (Nursyamimi Saidi, 2014). Perjuangan wanita di Malaysia dalam mencari persamaan hak dengan kaum lelaki masih berada pada tahap yang sederhana jika dibandingkan perjuangannya yang berlaku di Eropah dan Amerika Syarikat apabila mereka berjuang bersungguh-sungguh bagi menuntut persamaan hak dengan cara yang halus, rundingan dan budi bicara iaitu tanpa demonstrasi dan keganasan (Azizah Kassim, 1985). Namun kini, golongan wanita yang sering dianggap lemah dan tidak memberikan sumbangan yang besar dalam isu politik, ekonomi dan sosial telah bangkit bersuara dan menuntut kesamarataan hak dan pembebasan daripada perhambaan (Nurhasmira, 2019).

Isu polemik gender dalam karya sastera bukanlah sesuatu yang janggal dalam karya sastera. Citra kewanitaan dalam karya sastera sering dipandang remeh oleh penulis terutamanya penulis lelaki kerana mereka menganggap bahawa wanita merupakan golongan yang terpinggir dalam sebarang pembangunan. Maka, muncul ramai penulis wanita yang berlumba-lumba untuk mengangkat perjuangan dan status kaum mereka sendiri dengan menggarapkan ciri-ciri feminisme yang jelas dan relevan dalam karya sastera mereka yang diilhamkan daripada perjuangan masyarakat di Barat. Penulis wanita dilihat berusaha sedaya upaya untuk membantah kezaliman, penindasan serta menangkis stereotaip yang negatif terhadap golongan wanita bagi memperjuangkan hak dan kedudukan yang utuh dalam kalangan masyarakat. Menurut Mana Sikana (2021), sastera feminisme dimulakan oleh mitos Greek yang mencoret kisah tentang Philomela sebagai seorang wanita yang tertindas oleh kaum lelaki sehingga menyebabkan kerosakan seksualiti namun berjaya menentangnya dengan perjuangan yang gigih. Berikutan perkara tersebut, pengaruh Barat ini telah memberikan cerminan yang positif terhadap kaum wanita di Malaysia melalui penerapan Teori Feminisme dalam karya sastera khususnya seperti yang ditonjolkan oleh penulis wanita.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menganalisis ciri-ciri feminisme yang dilakarkan oleh penulis dalam novel *Isteri* berdasarkan tiga koda dalam Teori Feminisme iaitu koda biologi, koda psikologi dan koda sosial.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pelbagai kajian yang telah dilakukan di negara kita berhubung dengan wanita dan hasil karya mereka yang menjadi sorotan utama kajian ini. Antaranya, kajian Norsuhaila Sulaiman dan Asmiaty Amat (2023) yang membuktikan bahawa imej wanita yang positif telah dipaparkan oleh penulis wanita itu sendiri. Kajian tersebut melihat kepada empat buah cerpen yang dihasilkan oleh empat orang penulis wanita iaitu Siti Rahmah, Maznah, Sairah dan Siti Faridah. Berdasarkan kajian tersebut, didapati bahawa penulis wanita telah berupaya menonjolkan wanita sebagai figura yang berwawasan dalam kehidupan melalui perwatakan yang berani untuk bersuara tanpa campur tangan kuasa lelaki bagi mempertahankan hak dan kedudukan, mempunyai pemikiran yang luas, tidak jumud dan rasional, berilmu tinggi serta menjadi sumber teladan kepada masyarakat. Dapatan kajian beliau jelas menunjukkan bahawa penulis wanita berhasil mendukung persepsi positif terhadap kaum wanita yang secara langsung menempatkan golongan mereka di tempat yang istimewa dalam dunia sastera.

Selain itu, terdapat juga kajian Nor Azlia Mat Jaafar bertajuk “Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme” (2009). Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan bahawa kurangnya kajian yang kritis tentang aspek wanita dalam novel karya Zaharah Nawawi bertajuk *Haruman Kencana* (2004) dan *Hujan Sudah Teduh* (2004). Selain itu, kajian Nor Azlia ini juga mendakwa bahawa isu-isu yang melibatkan dunia wanita dalam karya-karya sastera hanya menjadi perhatian kepada para penulis wanita, berbanding dengan para penulis lelaki. Bertitik tolak daripada permasalahan dan dakwaan ini, kajian Nor Azlia disasarkan untuk menganalisis kedudukan dan martabat wanita dalam novel-novel Zaharah Nawawi berdasarkan teori feminisme yang juga menerapkan teori feminisme yang digariskan oleh Cheri Register, bagi menganalisis dua novel Zaharah Nawawi iaitu *Haruman Kencana* (2004) dan *Hujan Sudah Teduh* (2004). Rentetan itu, kajian Nor Azlia ini merumuskan bahawa kedua-dua novel Zaharah Nawawi yang dikaji adalah sarat dengan wangen feminisme yang kental melalui penokohan watak wanita dan pemusatan seluruh ceritanya kepada perjalanan hidup protagonis wanita. Hasil analisis kajian ini mendapati bahawa penerapan teori feminisme dianggap telah membolehkan kajian Nor Azlia ini untuk mengenal pasti kekuatan novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji.

Berikutnya, Nur Syifaa Atikah dan Che Abdullah menyoroti watak wanita dalam karya *Bidadari* oleh Aminah Mokhtar (2016). Beliau berhasil menggambarkan citra wanita sebagai insan yang berjiwa kental dan tabah walaupun diuji dengan dugaan yang hebat dan mempamerkan sifat-sifat penentangan atau protes dalam jiwa wanita yang bertujuan untuk menyuarakan suara wanita yang selama ini dipinggirkan demi mencapai wawasan dan menyampaikan pendapat serta menegakkan keadilan yang wajar dinikmati. Karya Aminah Mokhtar (2016) juga berjaya memperlihatkan wanita sebagai insan yang berjiwa matang walaupun masih berada di dalam lingkungan usia yang muda melalui penerapan pemikiran yang dan tindakan yang rasional melalui pertimbangan yang kukuh. Bukan itu sahaja, beliau juga mempamerkan pengalaman kehidupan wanita dalam pendidikan yang membolehkannya mencapai cita-cita serta mengangkat diri ke kedudukan dan pangkat yang lebih tinggi. Aminah Mokhtar (2016) juga menekankan kehidupan sosial wanita yang bebas dan bukan sekadar terikat dengan urusan kekeluargaan semata-mata seperti yang dicoretkan oleh penulis lelaki dalam karya mereka. Hal ini demikian kerana, penulis lelaki sering menggambarkan kehidupan wanita yang terkurung dan meletakkan satu stereotaip bahawa wanita mudah mencalarkan maruah diri dan kaum sendiri sekiranya membenamkan diri ke dalam kebebasan. Justeru itu, kajian Nur Syifaa Atikah dan Che Abdullah (2016) telah membuktikan bahawa karya penulis wanita sarat dengan imej feminisme yang positif untuk mendedahkan keinginan wanita yang sebenar dan memperbetulkan tanggapan masyarakat luar bahawa konflik yang diceritakan oleh pengarang lelaki di dalam hasil karya mereka sama sekali tidak seperti keadaan realiti berbanding dengan penulis wanita. Rentetan itu, jelaslah bahawa keseimbangan antara kaum lelaki dan wanita dapat diperlihatkan oleh penulis wanita itu sendiri dengan melakarkan perwatakan wanita yang mempunyai nilai, peranan dan kepentingannya yang tersendiri dalam masyarakat.

Di samping itu, kajian Tengku, Salinah, Mardian dan Mawar (2021) meneroka tentang novel yang ditulis oleh Azmah Nordin mengenai peranan penting wanita dalam bidang ekonomi negara. Iqbal Hidayat (2021) menyatakan bahawa penulisan Azmah Nordin

mempunyai aura semangat yang berkobar-kobar dan bercita-cita tinggi untuk menonjolkan jati diri seorang wanita. Kesemua karya Azmah Nordin memaparkan kerjaya wanita yang pelbagai, hal ini membuktikan bahawa penulis ingin membuktikan bahawa wanita layak untuk mendapat posisi kerjaya yang versatil. Salah satunya dapat dilihat berdasarkan novel *Singgahmata* (1997), melalui watak ibu dan anak, iaitu Zara dan Hani merupakan watak yang sanggup menangani cabaran dalam perniagaan, mendepani jatuh bangun perniagaan dan tidak mengharapkan ihsan lelaki untuk membantu mereka dalam bidang ini. Penonjolan aura wanita sebagai seorang usahawan berjaya yang cekal dan tabah menjalani cabaran dalam perniagaan telah membuktikan bahawa wanita mampu untuk menceburi bidang perniagaan yang penuh dengan onak duri. Keberanian wanita dalam mendepani cabaran dalam perniagaan dapat membantu mereka untuk meningkatkan ekonomi sendiri. Hal ini jelas menunjukkan bahawa wanita mempunyai peranan penting bagi meningkatkan ekonomi sedia ada. Berdasarkan kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa Azmah Nordin mengakui bahawa wanita dipengaruhi oleh emosi semasa melaksanakan tugas atau kerja, namun kelemahan ini tidak mempengaruhi kaum wanita untuk menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Walaupun dihadapi dengan emosi, namun wanita tetap dapat menjalankan kerja dengan cermat dan baik. Hasil analisis ini mendapati bahawa Azmah Nordin berjaya menaikkan kredibiliti wanita dalam bidang kerjaya.

Seterusnya, Abdul dan Ida (2018) mengkaji tentang wanita Melayu muslim dalam novel 'Diari Seorang Jururawat' karya Aminah Mokhtar (1996). Kajian ini mendapati bahawa terdapat konsep Feminisme Talbith telah diserap dalam karya ini. Feminisme Talbith memanfaatkan aspek tauhid mendasari perwatakan seseorang wanita dalam setiap aspek kehidupan baik sudut dalaman atau luaran. Wanita Melayu Islam yang digambarkan dalam novel ini diserikan dengan nilai-nilai Timur dan tidak bertentangan dengan agama Islam. Karya Aminah Mokhtar berpusat sepenuhnya kepada wanita dan penulisan tersebut berdasarkan pengalaman kaum wanita sendiri. Tambahan lagi, Aminah Mokhtar merupakan penulis yang memaparkan idealisme Islam dalam penulisan dan menolak unsur Feminisme Barat. Tambahan pula, teori feminisme Barat kurang sesuai dalam konteks kehidupan wanita yang bermaruah. Buktinya, Pergerakan ke arah "pembebasan wanita" yang ekstrem sepatutnya diterima secara berhati-hati oleh orang Islam kerana ia boleh memusnahkan rumah tangga dan keluarga yang akhirnya seluruh masyarakat yang akan binasa (Baterah & Che Zarrina, 2006). Rumusan bagi kajian Abdul dan Ida (2018) ialah penulisan karya Aminah Mokhtar mencakupi keseluruhan Konsep Feminisme Talbith dari pelbagai sudut aspek seperti personaliti, budaya, psikologi, ketakwaan dan kerohanian. Unsur-unsur ini hendaklah dijaga dan diterapkan oleh penulis novel lain bagi menggambarkan masyarakat Malaysia bagi kaum wanita yang mempunyai perwatakan yang tegas namun masih membawa kesopanan dan kesantunan dalam diri.

Tambahan lagi, Norizam dan Nursyaza (2020) telah mengkaji kepemimpinan wanita dalam novel *Matriark* karya Samsiah Nor. Penulisan mengenai wanita sering kali diketengahkan dalam pelbagai novel bagi mengangkat jati diri dan memperjuangkan hak wanita. Buktinya, novel Melayu pertama yang menjadi perintis kepada tema perjuangan wanita ialah *Hikayat Faridah Hanom* yang ditulis oleh Syed Syeikh al-Hadi pada tahun 1925. Hal ini telah membawa kepada kemunculan novel baharu yang mendukung tema yang sama seperti *Iakah Salmah?* oleh Ahmad Rashid Talu pada tahun 1929, *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* oleh Ahmad Kotot pada tahun 1927 dan *Mencari Isteri* oleh Muhammad Yusuf

Ahmad pada tahun 1927. Penulisan mengenai wanita menunjukkan bahawa Kesusasteraan Melayu merupakan sebuah platform bagi memperjuangkan dan menyuarakan hak-hak wanita. Tambahan pula, penulisan novel juga memberikan semangat kepada kaum wanita untuk terus berjaya dalam pelbagai bidang yang diceburi. *Novel Matriak* karya Samsiah Nor (2018) berjaya menggambarkan seorang wanita yang mempunyai keberanian, intelektual yang tinggi dan keterampilan sebagai seorang pemimpin yang serba boleh. Kaum wanita juga mempunyai sifat tegas dan berani untuk menanggung risiko sebagai seorang pemimpin. Tambahan pula, kepemimpinan transformasi yang diletakkan oleh penulis pada watak utama berjaya untuk membuka mata pembaca bahawa wanita mempunyai kelebihan dalam bidang kepemimpinan kerana mempunyai pengaruh karisma, rangsangan intelek, motivasi berinspirasi dan mempunyai pertimbangan individual yang baik. Pemimpin wanita lebih cenderung untuk menggunakan gaya kepemimpinan ini kerana harmoni dengan peranan gender mereka dan peranan pemimpin dalam organisasi. Wanita juga lebih banyak menunjukkan ciri-ciri pemimpin transformasi daripada segi memberi sokongan dan memotivasikan pengikut. Jelaslah bahawa kajian Norizam dan Nursyaza (2020) berjaya mengangkat sifat wanita dalam bidang kepemimpinan melalui *Novel Matriak* karya Samsiah Nor.

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian-kajian lepas yang dinyatakan, banyak sumbangan yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji dalam meneliti gambaran citra wanita dalam kesusasteraan Melayu dengan menggunakan Teori Feminisme. Namun begitu, analisis dan kajian yang lebih mendalam dalam memperlihatkan perjuangan penulis wanita dalam membangkitkan isu feminisme di samping memaparkan citra wanita yang positif dan cekal dalam novel masih kurang diberikan perhatian sepenuhnya. Oleh itu, perkara ini menjadi satu kewajaran bagi pengkaji untuk menganalisis setiap pencitraan watak wanita yang positif dan perjuangan wanita dalam kajian ini dengan berlandaskan Teori Feminisme bagi mengisi kelompangan tersebut.

## KERANGKA TEORETIS

Dalam menjayakan penulisan ini, satu teori sastera Barat iaitu Teori Feminisme akan dijadikan sebagai landasan utama mencapai objektif kajian. Teori ini tercetus daripada Elaine Showalter yang merupakan seorang pengkritik feminis yang popular pada tahun 1979 (Scott, 1962). Beliau telah memulakan Pergerakan Feminis yang berlaku pada tahun 1960-an dan 1970-an. Beliau merupakan seorang pengkritik sastera, pejuang feminis dan penulis Amerika yang berpengaruh mengenai isu budaya dan sosial. Beliau merupakan salah seorang pengasas kritikan sastera feminis di Amerika Syarikat dalam membangunkan konsep dan amalan serta aliran ginokritik. Karya beliau yang terkenal ialah *Women's Liberation and Literature; Female Studies IV; Women's Studies; Signs: Journal of Women; Culture and Society and A literature of their own: British Women Novelists from Bronte to Lessing (1977)*. Kajian-kajian tersebut telah berjaya mencetus sebuah teori yang dikenali sebagai Teori Feminisme. Teori Feminisme merupakan sebuah teori yang hanya berorientasikan keadaan hidup masyarakat di Amerika Syarikat, Perancis, Britain, Norway dan sebagainya. Teori Feminisme merupakan sebuah teori yang mengkritik budaya dan pemikiran patriarki dalam sastera.

Teori sastera feminisme melihat karya sastera sebagai gambaran realiti sosial patriarki. Oleh sebab itu, tujuan penerapan teori ini adalah untuk membongkar anggapan patriarki yang

tersembunyi melalui gambaran atau citra perempuan dalam karya sastera. Elaine Showalter membahagikan kritikan kepada wacana dan perspektif feminisme kepada dua bahagian iaitu kritikan feminis dan ginokritikan. Kritikan feminis menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca atau pengguna, manakala ginokritik yang mengutamakan wanita sebagai penulis, iaitu 'wanita sebagai penghasil maksud tekstual' (Sarojini, 2018). Dengan demikian, kajian ini akan menggunakan kritikan feminis iaitu wanita sebagai pembaca karya yang dihasilkan oleh penulis lelaki. Menerusi wacana ini, pengkaji akan dapat menganalisis sekiranya penulis menongkah stereotaip tentang wanita menerusi paparan citra wanita yang positif atau hanya merendahkan martabat wanita dalam novel ini. Di samping itu, kajian sastera dengan pendekatan feminis tidak terbatas hanya pada keupayaan untuk membongkar anggapan-anggapan patriarki yang terkandung dalam cara penggambaran wanita melalui teks sastera, tetapi berkembang untuk mengkaji sastera yang dihasilkan oleh kaum lelaki.

Dengan mendekati teks kesusasteraan berasaskan teori ini, maka pengkaji meletakkan diri mereka pada aliran feminisme dengan hasrat untuk membuktikan kehadiran citra feminisme. Prinsip kritikan bagi Teori Feminisme pula disebut sebagai koda yang terdiri daripada empat iaitu koda biologi, koda psikologi, koda pengalaman dan koda sosial. Namun, hanya tiga koda sahaja yang terkandung dalam novel *Isteri*. Huraian lanjut mengenai setiap koda tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Koda Biologi** – Koda ini membahaskan mengenai fungsi biologi wanita itu sendiri dan tugas mereka sebagai isteri, ibu, kakak, nenek atau sebagainya dengan menekankan tubuh badan wanita sebagai sumber penulisan.
- ii. **Koda Psikologi** – Koda ini pula membincangkan psikologi watak seperti pemikiran, imaginasi, keinginan, cita rasa, tekanan perasaannya, jiwa dan segala sesuatu yang lahir daripada hati dan kata-kata watak.
- iii. **Koda Sosial** – Koda ini membincangkan aspek sosial wanita yang dikenal pasti seperti proses sosialisasi (pendidikan, pekerjaan dan pergaulan), tugas sosial (anak gadis, dara, ibu, isteri, nenek) serta kelas sosial wanita (kelas bawahan, menengah dan atasan).

## METODOLOGI

Metodologi kajian merupakan elemen utama bagi memastikan penyelidikan atau penulisan tidak tersasar daripada objektif yang sebenar dan menjadi landasan yang tepat bagi memudahkan pengkaji menjawab permasalahan kajian. Rentetan itu, penulisan kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis teks sebagai teras utama dalam naskah kajian ini. Pendekatan ini akan dapat menghuraikan ciri-ciri feminisme yang digarap dalam teks kajian.

Penyelidikan berbentuk kualitatif membantu penyelidik memahami secara mendalam dan terperinci perkara yang dikaji (Braun & Clarke, 2013). Kaedah kualitatif dipilih dalam menghasilkan penulisan ini kerana kajian memfokuskan kepada kritikan karya sastera berpandukan Teori Feminisme. Analisis teks pula merupakan suatu proses untuk memahami

teks tersebut berdasarkan zahir teks. Pengaplikasian reka bentuk analisis teks ini menepati hala tuju kajian yang bertujuan mengkritik sesebuah karya sastera. Oleh hal yang demikian, pengkaji seharusnya memahami secara mendalam teks yang ingin dikritik dengan memberikan tumpuan terhadap perhubungan di antara isi tersurat dan isi tersirat yang dicoretkan oleh penulis dalam karya sastera tersebut.

## DAPATAN/PERBINCANGAN

Perbincangan dan penerangan lanjut mengenai analisis citra feminisme dalam *Isteri* memperincikan tiga daripada empat koda Teori Feminisme. Koda-koda tersebut terdiri daripada koda biologi, koda psikologi dan koda sosial.

### Biologi

Menurut Elaine Showalter (1979), para pengkritik feminis sewajarnya berfikir perbezaan biologi dan hubungan dengan penulis tentang watak wanita. Pernyataan tersebut bermaksud bahawa perbincangan mengenai biologi wanita bukan sahaja perlu ditumpukan kepada tubuh badan mereka malahan seharusnya perlu berfikir lebih jauh daripada itu. Hal ini merujuk kepada tugas hakiki seorang wanita itu berdasarkan realiti kehidupan. Contohnya, fungsi biologi wanita sendiri iaitu tugas sebagai seorang isteri, ibu, kakak dan lain-lain. Justeru, dalam novel *Isteri*, koda biologi digunakan untuk menjelaskan tanggungjawab wanita yang menggalas tugas sebagai seorang isteri. Gambaran biologi ini boleh dilihat berdasarkan petikan di bawah:

Sofia tahu Ramli yang bercakap tadi. Tentulah ada rancangan pula. Walau bagaimanapun Sofia panaskan juga lauk-lauk yang telah dimasak tadi.

(Rosmini Shaari, 2006,p.25)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menggambarkan bahawa Sofia merupakan seorang isteri yang melaksanakan tanggungjawab terhadap suami dengan baik. Dalam novel tersebut, Sofia sentiasa memberikan layanan yang terbaik buat Halim iaitu suaminya. Jika diteliti petikan teks tersebut, Sofia tetap memanaskan lauk-lauk yang telah dimasaknya walaupun dia mengetahui bahawa makanan itu tidak akan dijamah oleh Halim sedikit pun. Hal ini dikatakan demikian kerana, dia mengetahui bahawa jika suaminya dihubungi oleh rakannya itu, pasti mereka akan menjamu selera di luar sahaja dan perkara ini merupakan suatu yang biasa baginya apabila kerap kali berlaku. Namun, Sofia masih tetap melaksanakan tugasnya sebagai seorang isteri kerana dia mengetahui bahawa menjaga keperluan seorang suami merupakan tanggungjawab yang utama dalam kehidupan berumah tangga. Sofia juga menyedari bahawa dia perlu mengisi perut suami yang keletihan mencari rezeki sebagai tanda dia mengambil berat tentang suaminya itu. Walaupun suaminya akan makan di luar, tetapi dia tetap ingin membuktikan bahawa dia merupakan seorang isteri yang amanah terhadap tugasnya. Bukan itu sahaja, Sofia juga tidak pernah merungut dengan sikap suaminya itu yang sering kali tidak menghargai masakannya kerana sedikit pun tidak disentuhnya apabila hanya ingin makan bersama rakan di luar. Dalam masyarakat Melayu, perkara ini sudah menjadi amalan apabila isterilah yang berperanan dalam menyediakan makanan kepada ahli keluarga terutamanya suami bermulalah daripada tugas memasak sehingga menghidangkannya. Oleh itu, boleh



dirumuskan bahawa Sofia dipaparkan sebagai seorang isteri yang komited terhadap tugas dan tanggungjawabnya supaya kebajikan suami sentiasa terpelihara. Menerusi paparan watak Sofia ini, Rosmini Shaari telah memanifestasikan citra wanita positif yang menyerlah lagi citra feminisme dalam novel tersebut.

### **Psikologi**

Koda psikologi ini pula mengagaskan tentang kejiwaan dan psikologi yang dialami oleh watak. Koda ini merupakan gambaran tentang perempuan yang dilihat dari segi psikologinya. Jika ditinjau dari aspek ini, perempuan juga makhluk psikologis, makhluk yang berfikir, berperasaan, dan beraspirasi (Mbulu, 2017). Justeru, psikologi perempuan tidak dapat dipisahkan dari perkara yang disebut feminisme seperti keinginan, perasaan peribadi, sikap dan perilaku serta mentalitinya. Dalam novel *Isteri*, koda psikologi ini sememangnya dapat dipaparkan menerusi perilaku seorang isteri yang sukar untuk ditafsirkan oleh seorang suami seperti petikan di bawah:

Sofia cuba menyahut tetapi dia tidak pandai berlakon. Kalau hatinya sedih, wajahnya juga turut sedih. Dia cuba memberi senyuman walaupun dia tahu itu satu paksaan.

(Rosmini Shaari, 2006, p.24)

Berdasarkan petikan di atas, watak Sofia digambarkan sebagai seorang isteri yang sukar untuk ditafsir aksi atau tingkah lakunya. Sofia dan Halim sememangnya tidak mempunyai masalah rumah tangga malahan mereka hidup berkasih sayang dan berada dalam keadaan yang harmoni. Hal ini dikatakan demikian kerana, Halim sering membuktikan cintanya terhadap Sofia dan Sofia juga menyedari perkara tersebut. Jika diteliti petikan teks tersebut, Sofia cuba menyembunyikan kesedihannya apabila mengetahui bahawa suaminya itu berlaku curang di belakangnya. Dia masih melayani Halim dengan baik walaupun hatinya sudah remuk akibat perbuatan suaminya itu. Hal ini demikian kerana, dia tidak mahu mengeruhkan perhubungan antara dirinya dengan Halim. Perkara ini jelas digambarkan dalam petikan teks tersebut apabila Sofia cuba tersenyum ketika menyambut Halim pulang dari kerja tetapi sedikit sebanyak riak wajahnya menggambarkan kesedihan yang terbuku di lubuk hatinya yang paling dalam. Halim menyedari riak wajahnya itu namun tidak dapat menyirati makna di sebaliknya kerana perasaannya itu sukar difahami oleh suaminya itu. Perkara ini dikatakan sedemikian kerana Halim hanya menganggap Sofia hanya kesunyian dan merindui anak-anak yang tinggal berjauhan dengan mereka. Namun, Halim tidak tertanya-tanya adakah dia yang menjadi punca Sofia berkelakuan begitu apabila dia sedikit pun tidak menyedari bahawa dia telah mengkhianati cinta yang murni itu. Perkara ini menjelaskan bahawa betapa mudahnya emosi dan psikologi wanita berubah untuk menyembunyikan perasaan yang tersirat. Perkara inilah yang menggambarkan psikologi seorang isteri dalam alam rumah tangga. Dalam hal ini, penulis tidak menyifatkan watak seorang isteri itu sebagai insan yang lemah namun memotretkan kecekalan dalam menghadapi dugaan apabila masih mampu memberikan layanan yang baik kepada suami yang telah melukakan perasaannya. Oleh itu, berdasarkan lakaran watak isteri ini, penulis ingin pembaca memahami bahawa psikologi wanita merupakan sesuatu yang sukar ditafsir dan hanya akan diketahui melalui luahan daripada wanita sendiri.

Selain itu, Rosmini Shaari juga menyentuh kejiwaan wanita sebagai seorang isteri yang lebih dalam untuk memberikan pemahaman tentang dunia mereka dari sudut psikologi dengan lebih nyata. Gambaran kehidupan watak seorang wanita ini telah memaparkan tekanan perasaan peribadi yang disembunyikannya sebagai seorang isteri yang telah mati jiwa dan perasaan terhadap suaminya apabila cintanya dinodai dengan kehadiran insan ketiga. Gambaran koda psikologi ini juga dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

‘Halim, kau tahu aku tak boleh mencintai suami yang menduakan aku. Jangan fikir aku akan terus mencintai kau kalau menghina aku sedemikian rupa, mulai saat ini, tamatlah riwayat cinta murniku. Kau telah kotori dengan noda kau. Mulai dari sekarang aku isteri tanpa hati, tanpa perasaan, tanpa cinta sejati. Aku hanya isteri, isteri yang patuh pada suami, isteri hanya mengiakan saja, tiada bangkangan tiada tentangan. Aku isteri yang kosong jiwanya, yang mati cintanya. terkuburlah cintaku di sini.’ Sofia membenamkan mukanya ke kedua telapak tangannya dan menangis teresak-esak.

(Rosmini Shaari, 2006, p.133)

Berdasarkan petikan di atas, watak Sofia digambarkan sebagai seorang wanita yang telah hancur hatinya dan tidak dapat menerima bahawa suaminya telah menduakannya. Emosi yang ditonjolkan oleh Sofia membuktikan bahawa Sofia tegas dengan pendiriannya bahawa cintanya kepada Halim telah tamat. Setelah mengetahui tentang pengkhianatan yang telah dilakukan oleh Halim, Sofia enggan mengikut telunjuk Halim lagi namun Sofia masih tetap mahu kekal menjadi isteri Halim yang sah. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun diri Sofia telah dikhianati namun Sofia masih mempunyai sedikit sisa rasa kepada Halim, oleh sebab itu Sofia masih patuh kepada Halim walaupun jiwanya tidak lagi menginginkan Halim dan hatinya telah tawar dengan perbuatan Halim. Sofia juga telah menyatakan bahawa cintanya kepada Halim telah terkubur yang membawa erti perasaan cintanya terhadap Halim sudah tidak wujud lagi di hatinya. Tambahan pula, tingkah laku Sofia yang menangis teresak-esak merupakan sebuah gambaran perlakuan bukti kehancuran hati seorang isteri setelah dikhianati. Dalam petikan ini, penulis menggambarkan sifat kesetiaan yang tidak berbelah bahagia dari sudut seorang isteri kepada suami walaupun telah dicurangi. Kesetiaan yang tinggal setelah dicurangi adalah sebagai tanda hormat dan untuk menjaga air muka keluarga sahaja. Oleh itu, jelaslah bahawa penulis ingin menggambarkan sifat seorang wanita yang mempunyai sifat tabah dan cecal walaupun dikhianati oleh insan yang paling disayangnya. Penulis juga berjaya menonjolkan ketegasan dalam diri wanita akan pendiriannya tentang sifat dan rasa yang telah mati kepada suami yang telah menghancurkan hati. Melalui watak Sofia, penulis berjaya untuk menggambarkan jiwa dan perasaan sebenar seorang wanita apabila dicurangi oleh lelaki yang dicintainya dengan tulus dan murni.

Seterusnya, koda psikologi yang menggambarkan tentang kehidupan seorang suri rumah juga dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

“Masalahnya puan doktor, aku dah bosan dengan hidup. Hidup begitu kosong semata-mata. Aku fikir hidup ini tidak memberi erti lagi pada diriku. Aku bosan,” kata Sofia.

(Rosmini Shaari, 2006, p.65)

Menerusi petikan novel di atas, Sofia meluahkan perasaannya yang sunyi dan tiada teman sepanjang menjadi suri rumah. Di rumah, Sofia hanya menjaga makan minum Halim dan menunggu kepulangan Halim dari kerja. Pengulangan aktiviti harian yang sama menyebabkan Sofia merasakan bahawa tiada lagi keseronokan dalam kehidupan berumah tangga. Walaupun Sofia bosan dengan aktiviti hariannya sebagai suri rumah tetapi Sofia tetap menjalankan tanggungjawabnya dengan baik pada setiap hari. Tambahan pula, Sofia merasakan hidupnya kosong kerana pada ketika ini Sofia mengetahui bahawa Halim sedang bermain kayu tiga di belakangnya. Sofia merasakan seolah segala hal yang dilakukannya selama menjadi suri rumah tidak lagi memberi erti kepada Halim. Sofia merasakan bahawa dirinya hanya pembantu rumah sahaja di rumah itu. Namun, Sofia tidak menceritakan perkara tersebut kepada sahabatnya, oleh sebab itu Sofia hanya menyatakan bahawa hidupnya sepi di rumah. Tambahan pula, Sofia berasa bosan kerana beliau merasakan bahawa tiada lagi nikmat dan keriangin dalam kehidupan berumah tangga. Hidupnya sebagai suri rumah hanya kekal terpuruk di rumah tanpa keluar bersama dengan suami kerana suami sibuk dengan urusan kerja dan sibuk dengan wanita lain. Berdasarkan petikan ini, watak Sofia ditonjolkan sebagai seorang wanita yang memendam perasaannya. Sofia ingin menceritakan hal yang sebenar namun Sofia masih menjaga maruah suaminya di hadapan sahabatnya.

Akhirnya, jiwa dan perasaan wanita yang terluka akibat perlakuan suaminya dapat dilihat berdasarkan petikan teks di bawah:

Sofia merasa kecil hati kerana dia terasa bahawa Halim seolah-olah tidak hendak melayannya. Dia pun terus beredar dari situ. Dia tahu Halim ingin bersendirian. Halim tidak ingin diganggu.

(Rosmini Shaari, 2006, p.77)

Menerusi petikan novel di atas, Sofia telah memberikan ruang kepada Halim untuk bersendirian. Hal ini kerana perlakuan Halim menunjukkan seolah-olah Halim tidak ingin diganggu oleh sesiapa. Oleh sebab Sofia berkecil hati dengan sifat Halim maka Sofia terus beredar dan menamatkan perbualannya dengan Halim. Sofia tidak menyuarakan bahawa hatinya terguris dengan sikap Halim yang acuh tidak acuh melayannya kerana Sofia merasakan bahawa Halim tidak sedia untuk mendengar luahan hati Sofia. Menerusi petikan 'Halim tidak ingin diganggu' merupakan tafsiran Sofia secara sendiri melalui tindak laku yang ditunjukkan oleh Halim kepada dirinya. Sifat peribadi Sofia yang memahami menjadikan Sofia sensitif dengan tindakan yang dilakukan oleh Halim, oleh sebab itu Sofia mengetahui bahawa Halim ingin bersendirian dan tidak ingin diganggu. Rosmini berjaya memaparkan jiwa wanita yang sebenar dalam petikan ini kerana wanita lebih gemar untuk membuat tafsiran sendiri mengenai sebuah situasi yang berlaku seperti Sofia. Sofia tidak bertanya terus kepada Halim tentang kelakuan Halim yang acuh tidak acuh untuk melayannya, malah Sofia terus beredar dan membiarkan Halim bersendirian. Perkara ini jelas menunjukkan pemikiran Rosmini yang mencerminkan keperibadian wanita sebagai seorang yang mempunyai sifat memendam dan lebih cenderung untuk membuat penilaian sendiri mengikut emosi berdasarkan sesebuah situasi atau perkara yang berlaku.

## **Sosial**

Sosial kaum wanita adalah berbeza dengan sosial kaum lelaki seperti yang dicerminkan dalam kebanyakan karya. Antara aspek sosial wanita yang dikenal pasti boleh digarap dalam karya ialah proses sosialisasi (soal didikan, pendidikan, pekerjaan dan pergaulan), tugas sosial (anak gadis, dara, ibu, isteri, nenek) dan kelas sosial wanita (kelas bawahan, menengah dan atasan). Dalam novel *Isteri*, koda sosial digunakan untuk menghuraikan tugas sosial wanita sebagai seorang ibu seperti dalam petikan di bawah:

“Eh, eh kau ni, sudahlah, nak belajar apa lagi, tak cukup ke ijazah yang kau dah dapat tu?”

(Rosmini Shaari, 2006, p.31)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menghuraikan bahawa wanita juga berupaya menjadi insan yang berpendidikan pada pelbagai tahap. Menelusuri teks tersebut, Wati melambangkan seorang wanita yang memiliki tahap pendidikan yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana, Wati berjaya melanjutkan pelajaran sehingga peringkat ijazah. Malahan, dia mempunyai keazaman yang tinggi untuk menyambung pengajian pada peringkat Ph.D. Bagi Wati, peringkat ijazah belum memberikan kepuasan kepadanya kerana dia menginginkan sesuatu yang lebih tinggi. Walaupun sudah bergelar guru siswazah hasil daripada titik peluhnya menamatkan pengajian demi segulung ijazah, namun dia masih mempunyai tekad yang jitu untuk menjadi seorang wanita yang memiliki ilmu pengetahuan yang lebih banyak untuk membangunkan potensi diri dan kerjaya yang sedang diusahakannya itu. Rentetan itu, perkara ini membuktikan bahawa penulis ingin membuka mata masyarakat bahawa wanita juga mampu memajukan diri dalam pendidikan dan tidak hanya menjadi seperti katak di bawah tempurung. Perkara ini adalah berikutan pemikiran masyarakat yang dangkal dan jumud apabila acap kali menyatakan bahawa wanita yang mempunyai pendidikan tinggi akhirnya akan ke dapur juga. Hal ini merupakan suatu perspektif yang negatif buat kaum wanita kerana isu ini sedikit sebanyak menjatuhkan wanita kepada golongan bawahan apabila mereka dihalang untuk membangunkan diri sendiri. Walaupun wanita akan berperanan sebagai seorang isteri, namun pendidikan juga amat penting bagi membolehkan mereka membentuk sebuah kehidupan yang penuh dengan kesenangan serta mampu memuaskan diri sendiri. Bukan itu sahaja, keupayaan wanita menggenggam dan memonopoli bidang pendidikan akan mengangkat martabat mereka serta dapat berdiri megah setanding dengan kaum lelaki dalam pelbagai bidang tanpa mengira kesukarannya. Malahan, kaum wanita dapat berdiri sendiri tanpa mengharap bantuan lain apabila mereka memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Oleh itu, coretan Rosmini Shaari dalam novel ini telah menggambarkan bahawa wanita juga memiliki aspirasi yang tinggi untuk mencapai kejayaan dalam hidup bagi mengelakkan diri daripada terus dianggap sebagai golongan yang lemah yang hanya perlu berharap kepada kaum lelaki untuk menjalani kehidupan. Hal ini menepati Teori Feminisme yang menolak sebarang bentuk kebergantungan kepada kaum lelaki seperti yang dicadangkan oleh Elaine Showalter.

Akhirnya, koda sosial yang diterapkan dalam novel *Isteri* oleh penulis untuk menjelaskan sosialisasi dan pergaulan seorang wanita dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

“Ala Wati, aku dengan persatuan ini pun sibuk sekali. Selalu saja ada mesyuarat macam manalah nak main golf pula? Rumah lagi nak tengok. Datin tak apalah, dia ada orang gaji, bolehlah dia buat apa aja!” kata Sofia.”

(Rosmini Shaari, 2006, p.89)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menggambarkan bahawa kehidupan wanita bukan sahaja di rumah semata namun mempunyai kehidupan sosial lain seperti persatuan. Pada petikan ini, Sofia telah menolak ajak Wati untuk bermain golf bersama kerana Sofia sibuk dengan mesyuarat yang sentiasa dianjurkan oleh persatuannya. Watak Sofia yang sibuk dengan persatuan menunjukkan bahawa walaupun Sofia merupakan seorang suri rumah tetapi Sofia mempunyai cara lain untuk berkomunikasi dan mewujudkan hubungan sosial dengan individu luar melalui persatuan. Tambahan pula, melalui persatuan juga Sofia dapat berjumpa dengan kenalannya dan mendengar cerita tentang kehidupan masing-masing. Melalui persatuan ini, Sofia dapat mengelakkan diri daripada berasa bosan melakukan kerja-kerja sebagai suri rumah. Tambahan pula, petikan ayat ‘Rumah lagi nak tengok’ menunjukkan bahawa Sofia sepenuhnya bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal rumah seperti mengemas, memasak, membasuh baju dan sebagainya. Oleh sebab itu, Sofia menyatakan bahawa hidupnya sibuk dengan aktiviti persatuan dan hal-hal yang berkaitan dengan rumah. Tambahan pula, ketiadaan pembantu rumah menyebabkan Sofia menggalas lebih banyak tanggungjawab bagi mengemas dan membersihkan rumah serta menyediakan makanan untuk keluarganya. Walaupun Sofia sibuk dengan tugasnya sebagai suri rumah namun Sofia masih mempunyai masa untuk mengikuti mesyuarat persatuan, tetapi Sofia tidak dapat mengikuti Wati bermain golf kerana jadual hariannya sudah cukup padat. Perkara ini menunjukkan bahawa walaupun suri rumah sibuk dengan urusan-urusan di rumah namun seorang suri rumah masih mampu untuk bersosial bersama wanita-wanita lain melalui persatuan. Hal ini juga membuktikan bahawa wanita dapat melaksanakan semua tugasannya secara sendiri tanpa mengharapkan bantuan seorang lelaki. Hal ini menepati teori Feminisme yang menolak sebarang kebergantungan terhadap kaum lelaki untuk melakukan sebarang kerja. Wanita juga mampu untuk berdikari dan melaksanakan tugasnya dengan baik secara sendiri.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, penghasilan novel *Isteri* merupakan perlambangan tanggungjawab Rosmini Shaari untuk memartabatkan wanita dalam dunia sastera Melayu. Setiap ayat yang dikarang oleh Rosmini Shaari amat jelas menggambarkan citra feminisme seorang wanita yang berani dan tabah dalam menghadapi dugaan. Malahan, beliau juga berupaya mengagungkan wanita sebagai insan yang berkaliiber, berwawasan, berpendidikan dan bekerjaya iaitu bukan hanya semata-mata menjadi suri rumah tangga. Menerusi Teori Feminisme ini dengan pembacaan daripada perspektif pembaca wanita, objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya memandangkan citra kewanitaan dalam novel ini amat menyerlah. Penggunaan Teori Feminisme ini merupakan satu usaha untuk meneliti kedudukan wanita dalam sastera, di samping menjadi pemacu kepada perjuangan untuk menegakkan keadilan kepada golongan wanita.

Sebagai penggulung kata, novel *Isteri* ini telah menepati tiga daripada empat koda Teori Feminisme yang terdiri daripada koda biologi, psikologi dan sosial memandangkan novel ini

dengan jelas mampu melakarkan citra wanita yang bersifat positif melalui coretan seorang penulis wanita. Novel ini mampu menyarankan masyarakat untuk tidak memandang rendah kehebatan seorang wanita yang terpaksa menempuh dan menebas onak dan duri dalam kehidupannya. Intihannya, Rosmini Shaari berjaya menjulang watak wanita tersebut dan membidas semula segala stereotaip negatif yang dicerminkan oleh penulis lelaki dalam hasil penulisan yang bertajuk *Isteri*. Justeru itu, dalam era revolusi 4.0 ini, kajian ini amat penting bagi membuktikan bahawa wanita merupakan figura yang dapat memacu kepada pembangunan melalui peranan dan jiwa mereka yang luhur dan murni dan bukannya menjadi bebanan yang menjatuhkan negara seperti yang dilihat daripada perspektif penulis lelaki. Malahan, wanita juga tidak mudah goyah dengan segala cabaran yang mendatang bahkan mampu berdiri di atas kaki sendiri.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah. (2018). Perwatakan Manusia Melayu Muslim Dalam Novel 'Diari Seorang Jururawat' Karya Aminah Mokhtar. *Journal of Nusantara Studies*, 3(2), 147-161.
- Azizah, K. (1985). *Wanita dan Masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clarke, V & Braun, V. (2013). *Successful Qualitative Research: A Practical Guide for Beginners*. SAGE Group.
- Mbulu, Anthonia Paula Hutri. (2017). *Citra Perempuan dalam Novel Suti Karya Sapardi Djoko Damono: Kajian Kritik Sastra Feminisme*. Sanatana Dharma University Press.
- Mana Sikana. (2021, Oktober 24). Sastera Feminisme Martabatkan Wanita. *Sinar Harian*. Norsuhaila Sulaiman dan Asmiaty Amat pada tahun 2023. Wanita dalam cerpen Wadah 1986-1990: suatu perspektif feminis. *Jurnal Gendang Alam*, 13(2), 164-171.
- Nor Azlia Mat Jaafar. (2009). *Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Nurhasmira, M.R. (2019). *Emansipasi wanita dalam novel-novel pilihan*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nursyamimi Saidi. (2014, April 15). Cabaran Wanita Bekerja. *Utusan Malaysia*.
- Nur Syifaa Atikah, N., & Che Abdullah, C.Y. (2016). Watak wanita dalam Bidadari dari perspektif ginokritik: penelitian psikologi dan budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 24(2), 1-10.
- Scott, W. S. (1962). *Five approaches of literary criticism*. Collier Books.

## DI SEBALIK SEBUAH KUBAH PERSPEKTIF TAKMILAH

Nurul Nadia Binti Mohd Isa  
Siti Balqis Binti Abdul Raji

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Karya sastra merupakan satu bentuk kesenian yang indah dan berfaedah. Hal ini kerana, karya dihiasi dengan kehalusan dan kecantikan bahasa bagi menyampaikan hasrat dan idea seperti pernyataan, pengalaman, harapan, pengetahuan dan maklumat berdasarkan fungsinya. Elemen keagamaan dalam hasil karya merupakan satu wadah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan umat iaitu khalayak terhadap penciptanya, Allah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Salleh (1986) dengan menggunakan teori Takmilah yang dirintis oleh Shafie Abu Bakar sebagai kerangka utama. Kajian ini menggunakan pendekatan untuk menganalisis aspek tekstual dan kontekstual novel yang dikaji ini. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa terdapat penerapan ketujuh-tujuh prinsip dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastra yang bersifat Takamul, prinsip sastra sendiri bersifat estetik dan Takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*. Dapatan juga memperlihatkan unsur keagamaan melalui nilai dan pengajaran yang dikemukakan untuk menyampaikan mesej keagamaan kepada khalayak. Kesimpulannya, novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* menerusi pengaplikasian teori Takmilah mampu untuk menzahirkan kekuatan pengarang dalam memfokuskan unsur-unsur keislaman berdasarkan kreativiti penciptaannya yang tersendiri.

**Kata Kunci:** *Teori takmilah, prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastra yang bersifat Takamul, prinsip sastra sendiri bersifat estetik dan Takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil*

### PENGENALAN

Aspek pendidikan dan intelektual dalam kalangan masyarakat Melayu semakin berkembang justeru telah mengubah kehidupan mereka setelah kedatangan Islam ke Alam Melayu. Mohd Zahirwan Halim *et al.* (2014) mengatakan bahawa minda dan pemikiran masyarakat Melayu semakin berkembang kerana kelahiran ulama-ulama Melayu terkenal, penghasilan pelbagai jenis penulisan dan penubuhan institusi pendidikan di Tanah Melayu. Tambahan pula, budaya keintelektualan masyarakat Melayu dapat dilihat melalui penghasilan karya kesusasteraan dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Maka, Ab. Aziz Mohd Zin *et al.* (2006) turut berpendapat

bahawa nilai kebijaksanaan dan akal budi masyarakat Melayu semakin terserlah dalam menangani arus kehidupan akibat daripada proses pengintelektualan orang Melayu sepanjang zaman. Penghasilan karya-karya yang berbentuk sastera falsafah, ilmu kalam dan tasawwuf menunjukkan bahawa Islam telah pun mengubah dasar kefahaman dan pemikiran orang Melayu daripada dasar estetik kepada dasar saintifik (Mashitah Sulaiman, 2013).

Masyarakat Melayu dikatakan sebagai suatu bangsa yang menerima pelbagai bentuk genre sastera Islam. Hal ini kerana, kandungannya yang bertunjangkan kepada aspek akaliah dan intelektualisme Islam. S. Othman Kelantan dalam kajian Ahmad Nabil (2019) berpendapat bahawa sastera Islam ini didefinisikan sebagai satu bentuk kesusasteraan dalam media bahasa terutamanya yang bertulis bagi menggambarkan unsur-unsur dan cita-cita keislaman sebagai matlamat untuk menerapkan pengajaran al-Quran, al-Hadis dan sunnah Rasulullah SAW. Perkara ini disokong lagi dengan pernyataan Al-Akkad & Abbas Mahmud (1964) yang menjelaskan bahawa sastera Islam merupakan pancaran orang yang didekatkan kepada Allah SWT yakni golongan muqarrabin secara rohaniah mahupun badaniah. Maka, dapat dikatakan bahawa sastera Islam merupakan salah satu usaha untuk mendekati diri kepada Ilahi. Rentetan daripada itu, sastera Islam yang menghidangkan mesej-mesej keagamaan seharusnya mempunyai asas penting mengenai agama bagi mengukuhkan akidah mahupun akhlak dalam mempraktikkan syariat Islam.

Setelah sastera Islam semakin berkembang, maka teori-teori sastera tempatan turut muncul bagi meneliti dan mengkaji unsur-unsur keislaman dalam karya sastera Melayu seperti teori Takmilah, Pengkaedahan Melayu, Ta'abudiyah dan Pendekatan Islam. Nur Aisyah Shahira (2021) berhujah dalam penulisannya mengatakan bahawa setelah gerakan kebangkitan Islam dan aktiviti berdakwah semakin giat dijalankan, sastera Melayu berunsurkan keislaman semakin berkembang. Tambahan pula, Ungku Maimunah Mohd Tahir (1994) bersependapat dengan perkara tersebut dengan menyatakan bahawa gerakan dakwah Islamiah di Malaysia memberi impak kepada masyarakat untuk mengamati definisi sastera menurut lingkungan Islam dan mensejajarkan sastera Melayu yang telah dikuasai oleh tradisi sastera Barat mengikut kaca mata Islam. Justeru, perkara ini memberi makna kepada konsep sastera Islam itu sendiri.

*Di Sebalik Sebuah Kubah (1986)* oleh Harun Haji Salleh merupakan sebuah gambaran tentang kehidupan seorang guru mahupun pemilik institusi agama. Namun, di hari-hari terakhir kehidupannya, kedudukannya sebagai imam tercabar disebabkan oleh anak muridnya sendiri yang jiwanya dikotori oleh perasaan tamak, mementingkan nama dan pangkat. Dalam perjuangan beliau memperjuangkan hak, beliau ditewaskan oleh keserakahan manusia itu sendiri. Secara umumnya, mesej yang hendak disampaikan merupakan cerminan realiti yang masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Melayu ketika ini dan pengarang merungkai permasalahan tersebut satu demi satu dalam penulisannya seperti sifat manusia yang selalu merasa tidak cukup dengan apa yang ada sehingga tidak memandang lagi halau atau haram. Keistimewaan novel ini adalah apabila pengarang berjaya menerapkan mesej keislaman di samping mengemukakan penyelesaian kepada konflik yang berlaku dengan bertunjangkan kepada syariat Islam. Karya sastera yang dikaji ini dikategorikan sebagai karya sastera berunsurkan Islam kerana kecenderungannya dalam mempamerkan pemikiran yang berunsurkan keislaman, ketuhanan dan kerasulan. Dengan itu, untuk menganalisis novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*, kajian ini menggunakan teori tempatan iaitu Takmilah yang dirintis



oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996 bagi memperlihatkan kekuatan teori ini dalam merungkai karya yang berunsurkan keagamaan.

## OBJEKTIF

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneliti pengaplikasian prinsip-prinsip takmilah seperti ketuhanan, kerasulan dan keislaman dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Saleh (1986) dengan menggunakan Teori Takmilah yang telah dipelopori oleh Shafie Abu Bakar.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Takmilah banyak dilakukan oleh pengkaji lain seperti Mohd Haniff Mohammad Yusof (2019) yang berjudul "Penyerlahan Kekerdilan Insan dalam Cerpen *Hari yang Bergelar Kematian: Menelusuri Perspektif Takmilah*". Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan estetika penulisan cerpen berdasarkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah. Bertitik tolak daripada kajian ini menunjukkan bahawa cerpen tersebut mengetengahkan tentang persoalan ketuhanan dengan perkaitan antara pencipta serta hubungan manusia dengan manusia. Berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan cerpen *Hari yang Bergelar Kematian* mencukupi ketujuh-tujuh prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah serta menunjukkan bahawa pentingnya seseorang manusia itu mengingati kematian yang telah ditentukan.

Selain itu, Maisarah Yaacob & Norasiah Ab (2012) juga mengkaji teori Takmilah dalam tulisannya yang bertajuk *Tarbiah dalam Novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!)*. Kajian yang dilakukan adalah untuk menghuraikan tentang unsur nilai tarbiah berdasarkan teori Takmilah. Oleh itu, kajian tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada pembaca terutamanya murid supaya mereka menjadi insan yang sentiasa menjadikan kesantunan sebagai perkara utama. Jelaslah bahawa dapatan kajian tersebut memperakukan bahawa kesemua prinsip dalam teori Takmilah mampu menjadikan manusia untuk lebih mendekati pencipta dan menjauhkan diri daripada ke arah kejahatan.

Di samping itu, kajian yang berjudul *Aplikasi Teori Takmilah Dalam Fara'id Al-Fawaid Alfikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam* yang dikaji oleh Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin, Adenan Ayob (2019) juga menggunakan teori Takmilah. Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji memberi gambaran tentang aspek-aspek kepimpinan yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin berasaskan Teori Takmilah iaitu prinsip kedua, prinsip kerasulan yang bersifat Kamil. Hal ini kerana, prinsip Takmilah yang kedua amat mengagumi dan mengangkat sifat kerasulan berdasarkan ciri-ciri kepimpinan yang layak dipanggil sebagai seorang pemimpin. Dapatan kajian yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa pemimpin sebenarnya merupakan pendakwah yang bertanggungjawab dalam mengajak manusia ke arah kebenaran dan memperjuangkan Islam daripada dipandang rendah oleh agama lain.

Sorotan yang seterusnya diteliti melalui kajian daripada Ros Zakaria (2002) yang menggunakan teori Takmilah dalam *Martabat nafsu* dalam novel-novel Shahnun Ahmad.

Kajian ini dianalisis untuk melihat sejauh mana martabat nafsu yang terdapat dalam novel Shahnun Ahmad seperti novel Rentong(1965) dan Nurul Anak Papaku(1999). Menurut Engku Ibrahim Ismail (dalam Kamariah Kamarudin, 2011: 104), menegaskan bahawa kreativiti manusia hanya terilham melalui rahmat Allah yang memancar keluar di dalam hati atau jiwa yang bersih. Oleh itu, segala karya ciptaan seni dihubungkan dengan kekayaan dan kebesaran Allah, kerana ciptaan dan karya manusia terhasil adalah melalui pertolongan Allah.

Penggunaan teori Takmilah ini juga dilaksanakan dalam kajian Nordin Mohamad (1997) untuk melihat sejauh mana Shahnun Ahmad telah menerapkan nilai-nilai Islam dalam novel-novelnya. Antara novel yang dipilih ialah Ranjau Sepanjang Jalan (1966), Protes (1967), Al-Syiqaq(1985), Tuk Guru(1988) dan novelet TIVI(1995). Rahmanmat (1997) menjelaskan, apabila kita ingin membangunkan masyarakat Islam melalui Sastera Islam, maka kita perlu berada di atas pengetahuan keislaman. Hal ini demikian kerana, setiap pengetahuan yang ingin disebarkan itu selari dengan Islam dan bukan hanya rekaan pengarang semata. Tambahan pula, beliau menjelaskan bahawa perintah Allah dalam beribadat dan bersujud kepada-Nya adalah simbolik terhadap hubungan manusia dengan Allah (Dewan Sastera, 1997: 6).

## **KERANGKA TEORETIS**

Kajian ini menggunakan kerangka teori Takmilah yang dirintis oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996. Menurut Mana Sikana (1997), Shafie Abu Bakar telah memperhalusi dan memperjelaskan teori Takmilah dengan lebih terperinci iaitu dengan mengemukakan tujuh prinsip secara keseluruhannya. Tujuh prinsip tersebut iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Menurut Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad (2014), prinsip-prinsip yang telah diperhalusikan tersebut telah menjadikan teori Takmilah yang memiliki kesatuan secara holistik iaitu meliputi sifat ketuhanan, kerasulan, keagamaan, keilmuan karya, pengkarya dan juga khalayak.

Prinsip yang pertama dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal merupakan prinsip yang menjelaskan hubungan antara dua sifat Allah SWT iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Sifat kesempurnaan Allah SWT dapat dilihat melalui makhluk ciptaan-Nya. Sebagai contoh, manusia yang diciptakan oleh Allah SWT merupakan sebaik-baik bukti kesempurnaan dan keindahan Allah. Braginsky (1994) berpendapat bahawa segala keindahan dalam kesusasteraan Melayu mahupun kesusasteraan Islam berpunca daripada kudrat Allah SWT justeru terserlah keindahan-Nya dalam pelbagai perkara termasuk keindahan dalam karya kesusasteraan. Oleh yang demikian, prinsip ini lebih memfokuskan kepada aspek ketuhanan dalam sesebuah karya untuk mencapai tahap kesempurnaan iaitu Kamal (Rosnani Ripin, 2017). Tegasnya, sifat Allah SWT dapat dilihat melalui makhluk dan alam ciptaan-Nya.

Prinsip yang kedua pula iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Prinsip ini berkait rapat dengan rasul junjungan kita iaitu Rasulullah SAW sebagai insan yang Kamil. Insan Kamil ini dirujuk kepada kemampuan insan menjadi pemimpin di bumi Allah apabila insan itu

mencapai keperluan dan syarat-syarat sebagai khalifah. Konsep yang sesuai dengan keinsanan dalam perspektif Islam terbahagi kepada tiga iaitu Insan Kamil, Insan Khalifah dan Insan Rabbani. Insan Khalifah merupakan individu yang memiliki kebolehan untuk menjadi seorang pemimpin dan memiliki aspek-aspek yang diperlukan untuk menjadi seorang khalifah iaitu berkeperibadian tinggi, berilmu pengetahuan, sifat kepimpinan dan akhlak yang tinggi. Insan Rabbani pula merujuk kepada individu yang memfokuskan kepada aspek kerohanian dalam kehidupan dan sentiasa mendekati diri kepada Allah SWT. Apabila sifat insan Khalifah dan Rabbani dimiliki oleh seseorang individu, maka ia akan mencapai insan Kamil seperti Rasulullah SAW.

Seterusnya, prinsip Islam yang bersifat Akmal merupakan prinsip yang menerangkan satu-satunya agama yang direndah-Nya iaitu agama Islam yang sempurna dari pelbagai aspek. Kesempurnaan (Akmal) agama Islam dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam al-Quran. Oleh itu, karya sastera turut boleh menerapkan pengetahuan mengenai kesempurnaan ajaran Islam bagi membentuk masyarakat Islam yang taat pada suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Melalui kewujudan sastera yang berunsurkan keagamaan sedemikian dapat membantu dalam pembentukan umat masyarakat yang bertakwa kepada-Nya. Maka, prinsip ini menegaskan bahawa seorang karyawan perlu memainkan peranan untuk menerapkan mesej kesempurnaan ajaran Islam kepada khalayak dari pelbagai aspek kehidupan bagi membentuk masyarakat yang dituntut dalam agama Islam.

Prinsip yang keempat pula ialah prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamil. Prinsip ini menekankan tentang kepentingan ilmu dengan sastera yang saling melengkapi untuk menjadikan teori Takmilah sebagai teori yang Takamil. Sastera dengan ilmu mempunyai hubungan dengan diri sendiri terutamanya melalui akal dan hati. Akal merujuk kepada alat untuk mendapatkan pengetahuan mengenai ilmu yang bersifat alamiah dan rasional. Hati pula merupakan saluran ke arah ilmu kerohanian dan dalam erti kata lain ialah makrifat. Oleh yang demikian, penulis mengaplikasikan ilmu yang berguna ke dalam sastera untuk kegunaan khalayak kerana ilmu sastera itu yang bersifat Takamil yang mampu mengajak khalayak ke arah kebaikan.

Seterusnya, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah. Prinsip yang kelima teori Takmilah memperlihatkan ciri-ciri estetik pada sesebuah sastera iaitu dari aspek keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Aspek lahiriah dapat dilihat dari segi teknik dalam penghasilan karya iaitu bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, diksi, nada dan sebagainya. Manakala, aspek maknawi pula merujuk kepada isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Apabila aspek lahiriah dan maknawi ditekankan dalam proses penghasilan karya sastera, maka lahirlah karya yang kreatif, indah dan sempurna secara luaran dan dalaman.

Prinsip yang keenam merupakan prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri. Prinsip ini lebih menekankan kepada pengkarya yang melengkapkan dirinya terlebih dahulu dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu yang berhubung dengan sastera. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pengkarya haruslah berilmu lebih tinggi untuk menyampaikan pengetahuan kepada khalayak khususnya mengenai ilmu keislaman bagi sastera yang berunsurkan keagamaan. Dengan itu, penulis boleh mengukuhkan pengetahuannya mengenai ajaran Islam kerana mendalami ilmu tersebut terlebih dahulu

sebelum disampaikan kepada khalayak melalui penulisan. Di samping menguasai ilmu keagamaan, penulis juga perlu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman terhadap ilmu-ilmu yang berkaitan dengan sastera seperti teori, kritikan dan sebagainya. Hal ini bertujuan untuk menjadikan sesebuah karya sastera yang berkualiti.

Selain itu, prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil merupakan prinsip yang menjelaskan bahawa karya sastera Islam mempunyai hubung kait dengan khalayak. Setiap karya sastera Islam hendaklah berunsurkan pendidikan, dakwah, menerapkan nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan malah mengandungi perkara yang boleh mengajak ke arah kebenaran. Seiring dengan peranan sastera untuk menyampaikan mesej kepada khalayak, maka sesebuah karya perlulah menerapkan unsur-unsur ajakan seperti menimbulkan kesedaran dan keinsafan melalui watak atau situasi yang terdapat dalam karya tersebut. Karya yang sedemikian menjadikan sebuah karya yang mengamalkan *amar makruf nahi mungkar* justeru dapat membantu dalam mencapai tahap kesempurnaan pada khalayak sekali gus membentuk diri menjadi insan Kamil.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif sepenuhnya dengan menumpukan fokus kepada mesej-mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Saleh (1986) dengan menggunakan Teori Takmilah. Kajian berbentuk kualitatif merupakan kajian yang melibatkan penerokaan menurut Crawford, Irving (2019). Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan sama ada pengarang mengimplementasikan Teori Takmilah dalam hasil karyanya. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan melalui aktiviti pengumpulan bahan-bahan daripada buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas-kertas kerja seminar serta latihan ilmiah. Bukan itu sahaja, teknik pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* juga digunakan dalam novel yang dikaji kerana teknik tersebut berkesan untuk pembaca memahami apa yang hendak disampaikan secara mendalam. Oleh itu, teknik tersebut membantu pengkaji untuk menerangkan secara terperinci fakta-fakta, memperoleh idea utama, maklumat tambahan dan mengenal pasti cara susunan cerita berdasarkan novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* yang menjadi pangkalan data bagi kajian ini. Pembacaan dilakukan secara teliti supaya isi yang akan diterokai dapat dianalisis dan dikritik dengan menggunakan Teori Takmilah. Oleh itu, aktiviti menganalisis tersebut akan dilakukan pada peringkat akhir yang melibatkan penganalisisan terhadap mesej keagamaan melalui aspek tema, pemikiran, latar, gaya bahasa, watak dan nilai yang digambarkan melalui novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* dengan pendekatan yang terdapat dalam Teori Takmilah karya Shafie Abu Bakar.

## **DAPATAN/PERBINCANGAN**

Setelah menganalisis novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*, didapati bawah terdapat pengaplikasian teori Takmilah. Ketujuh-tujuh prinsip Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar digunakan untuk menganalisis mesej keagamaan iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak

bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Berikut merupakan jadual yang memaparkan hasil dapatan daripada proses penganalisisan terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*.

Jadual 1: Pengaplikasian teori Takmilah dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*

Data/ Bil	Teori Takmilah	Novel <i>Ke Hujung Usia</i>
1.	Prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal	/
2.	Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil	/
3.	Prinsip keislaman yang bersifat Akmal	/
4.	Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul	/
5.	Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah	/
6.	Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri	/
7.	Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil	/

### **PRINSIP KETUHANAN YANG BERSIFAT KAMAL**

Karya sastera merupakan karya yang indah. Hal ini kerana karya sastera ini bukan sahaja menggambarkan keindahan melalui kata-kata yang indah tetapi menjadi panduan kepada pembaca agar berusaha untuk mencari keredhaan Allah S.W.T. Menurut Ahmad Hawassy (2019), beliau mengatakan bahawa Allah S.W.T mempunyai pelbagai sifat yang dapat disimpulkan iaitu sifat Jalal (kebesaran), Kamal (Sempurna) dan Jamal (Keindahan). Berdasarkan prinsip pertama dalam teori Takmilah mengemukakan bahawa dua sifat Allah S.W.T iaitu Kamal (Sempurna) dan Jamal (keindahan) adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Hal ini kerana perkaitannya dapat dijelaskan dengan kejadian manusia yang sempurna dan indah sebagai sebaik-baik kejadian oleh Allah S.W.T. Secara tidak langsung, pengarang juga memperlihatkan prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* yang dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Betapa hebatnya kuasa dan ciptaan Allah Yang Maha Agung. Allahuakbar!

(Harun Haji Salleh, 1986, p.1)

Berdasarkan petikan di atas, jelas membuktikan bahawa sifat Allah yang berkuasa dalam segala-galanya tanpa memerlukan sebarang bantuan daripada orang lain jika hendak dibandingkan dengan makhluk yang lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui dalam surah Al-Syura ayat 11, Allah SWT berfirman "Tiada sesuatupun yang sebandingan dengan-Nya." Konsep kuasa Allah SWT dan manusia adalah sangat berbeza kerana tidak ada seorang manusia yang mampu mencipta dan menahan berlakunya perubahan siang dan malam mengikut ketetapanannya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa dalam mengatur perjalanan alam

cakerawala yang sentiasa tunduk mengikut ketetapan yang telah ditetapkan-Nya. Oleh itu, berdasarkan petikan tersebut, pengarang hendak menyampaikan prinsip pertama dalam Teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal iaitu menjelaskan sifat-sifat Allah yang berkuasa, kuat, dan Maha Agung. Kita sebagai makhluk yang telah diciptakan lemah kerana tidak mempunyai sebarang kekuatan tanpa bantuan daripada Allah SWT hendaklah sentiasa memuji dan mengagumi sifat kebesaran Allah SWT walaupun sekadar kalimah “Allah, Allah. Sesungguhnya Allah berfirman dalam surah Al Baqarah, ayat 152 iaitu "Ingatlah kamu (berzikir) kepada-Ku, nescaya Aku ingat (pula) kepadamu." Impaknya, apabila kita yakin dengan kekuasaan Allah dan bersyukur dengan segala-galanya, nescaya Allah akan sentiasa memberikan nikmat kepada hambanya yang sentiasa mencari keredhaan dan ketakwaan dalam hidup.

### **PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN KAMIL**

Berdasarkan prinsip kedua dalam teori Takmilah mengemukakan perhubungan teori dengan Rasul sebagai insan kamil (Sempurna). Hal ini kerana Rasulullah merupakan insan yang dipilih oleh Allah sebagai insan kamil untuk mengukuhkan kejadian manusia yang merupakan pemimpin seterusnya dalam melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangannya. Menurut Kamariah Kamarudin (2017) menjelaskan bahawa dalam falsafah pemikiran Islam mempunyai tiga konsep ideal keinsanan iaitu Insan Kamil, Insan Khalifah dan Insan Rabbani. Ketiga-tiga konsep ini adalah merupakan tahap kedudukan seseorang manusia dalam menyempurnakan suruhan Allah dan hukum yang ditetapkan dalam Al-Quran dan hadis. Berdasarkan sifat kamil yang terdapat dalam diri Rasulullah sebagai contoh ikutan terbaik kepada manusia dibuktikan oleh penulis melalui petikan tersebut:

“Aku perlu membersihkan diri dan berwuduk dulu sebelum melangkah ke masjid itu.”

(Harun Haji Salleh, 1986, p.153)

Berdasarkan petikan di atas, amalan membersihkan diri sebelum menuju ke masjid adalah sunnah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana, Nabi Muhammad merupakan insan yang sangat menjaga kebersihan dan kesucian. Oleh itu, perlu kita kagumi dan sewajarnya menjadi suri teladan dalam setiap diri muslim kerana akhlaknya yang amat mulia. Hal ini dapat dibuktikan dengan sifat kebersihan yang diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW, baginda sering memotong kuku pada hari Jumaat untuk mengekalkan kebersihan dan kesihatan diri. Penjagaan kebersihan amatlah penting untuk memastikan kesihatan diri sentiasa dijaga. Bahkan, ukuran keimanan seseorang juga dinilai dari aspek kebersihan. Oleh itu, pengarang hendak menyampaikan prinsip kerasulan sebagai insan Kamil dengan menerapkan sunnah Rasulullah pada watak utama untuk difahami dan mencintai sunnahnya dalam kehidupan. Justeru, kita hendaklah menjadikan Nabi Muhammad sebagai contoh ikutan dalam kehidupan kita kerana sesungguhnya sifat kebersihan merupakan nadi utama dalam menjaga kesihatan diri dan mencerminkan keimanan seseorang.

### **PRINSIP KEISLAMAN YANG BERSIFAT AKMAL (SEMPURNA)**

Karya sastera berperanan untuk mendedahkan sifat agama Islam yang sempurna berlandaskan al-Quran dan hadis bagi mendidik individu menjadi seseorang yang sentiasa diredai Allah. Islam merupakan agama yang sempurna dari semua aspek kehidupan. Buktinya dalam surah Ali-Imran ayat 19: “ Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang telah diberi Al-Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, karena kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barang siapa yang kafir terhadap Ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah sangat cepat hisab-Nya. Hal ini bertepatan dengan prinsip ketiga yang dihubungkan dengan kesucian agama Islam oleh pengarang dalam novelnya *Ke Hujung Usia* iaitu :

“Dalam Islam tidak ada rahsia. Junjungan besar kita Nabi Muhammad pernah bersabda bahawa Islam ini agama yang sempurna dan mudah dipelajari bagi sesiapa saja yang ingin mendalami pengajiannya.”

(Harun Haji Salleh, 1986, p.27)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang mengingatkan kita bahawa sesungguhnya Islam adalah agama yang membawa ajaran, cara hidup yang sempurna dengan melibatkan seluruh aspek kehidupan manusia daripada sekecil-kecil sehinggalah sebesar-sebesar perkara. Islam juga merupakan agama yang bersifat mudah, praktikal dan bertoleransi yang dapat dilaksanakan di semua tempat, sesuai pada setiap masa dan bertepatan dengan fitrah kejadian manusia. Berdasarkan firman Allah dalam surah Ali Imran, ayat 19, “Sesungguhnya agama yang benar dan diredai di sisi Allah ialah Islam...”. Justeru, pengarang hendak menonjolkan prinsip ketiga dalam teori Takmilah iaitu menyeru pembaca agar mengamalkan agama dengan sempurna berlandaskan syariah Islam supaya mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Islam juga merupakan agama yang mudah dipelajari kerana Islam tidak akan sesekali membebaskan manusia dengan hukuman yang tidak realistik sehingga manusia tidak mampu menunaikannya. Contohnya, Islam tidak memerintahkan manusia untuk beribadat sepanjang masa sehingga mengabaikan kerja-kerja harian untuk mencari rezeki bagi menampung keperluan diri, keluarga, masyarakat dan negara, malah kerja-kerja harian ini jika dilakukan dengan betul dan memenuhi syarat-syaratnya, turut dianggap sebagai ibadat dan pelakunya dikurniakan ganjaran pahala yang berlipat ganda. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berusaha mempelajari dan memahami agama Islam supaya dapat menjalani kehidupan bersesuaian dengan ajaran sekali gus memiliki kesedaran akan nilai-nilai agama.

### **PRINSIP ILMU DENGAN SASTERA YANG BERSIFAT TAKMILAH (SEMPURNA)**

Berdasarkan prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takmilah menghujahkan bahawa keperluan ilmu dengan sastera yang secara tidak langsung melibatkan hati dan menjadikan teori Takmilah sebagai teori yang lengkap iaitu Takamul (Shafie Abu Bakar, 1997). Hal ini kerana dalam agama Islam, alat utama dalam mendapatkan ilmu ialah akal manakala hati pula sebagai saluran keilmuan yang bersifat rohani. Justeru, ilmu dan karya sastera ini adalah berkait rapat dalam menghasilkan sesebuah karya yang mampu menjadi cerminan masyarakat serta daya tarikan yang mendalam terhadap agama Islam. Dalam novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*, pengarang memperlihatkan prinsip ilmu dengan sastera dengan mendedahkan ilmu Islam iaitu ilmu fardu kifayah dan fardu ain melalui petikan di bawah:

“Selepas menunaikan fardhu isyak, Haji Jamalul mengajar pula ilmu agama yang antaranya termasuklah fardu ain dan fardu kifayah.”

(Harun Haji Salleh, 1986, p.52)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang memaparkan keilmuan Islam tentang ilmu fardu kifayah dan fardu ain dengan jelas. Hal ini kerana fardu ain dan fardu kifayah merupakan perkara wajib yang perlu dilaksanakan oleh kesemua umat Islam dengan sempurna. Ilmu fardu ain merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam untuk melaksanakan ibadat dan pengetahuan yang wajib kerana jika tidak dilakukan mengikut rukun atau syaratnya akan dikira tidak sah. Manakala ilmu fardu kifayah pula ialah ilmu yang bermanfaat dan berkaitan dengan kehidupan manusia. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pengarang menghasilkan sesebuah karya sastera yang mampu memberi didikan tentang keindahan Islam dalam ilmu fardu kifayah dan fardu ain. Sebagai umat Islam yang berusaha mencari ketakwaan daripada Allah SWT, kita hendaklah berusaha meneroka ilmu tentang ilmu berkaitan agama seluas-luasnya kecuali usaha untuk mengkaji zat Allah. Impaknya, apabila kita mencintai ilmu tidak kiralah tentang fardu ain atau fardu kifayah, sesungguhnya Allah akan memberikan ganjaran yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar yang menunjukkan bukti keindahan Islam dalam mendidik manusia melakukan kewajipan dan kebaikan dengan ikhlas.

### **PRINSIP SASTERA YANG BERSIFAT ESTETIK DAN BERSIFAT TAKMILAH (SEMPURNA DAN MENYEMPURNAKAN)**

Prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah digunakan untuk menilai aspek lahiriah dan maknawi sesuatu karya sastera yang dikaji. Perkara ini telah menjadikan unsur estetika dalam karya sastera sebagai persoalan utama. Aspek lahiriah merujuk kepada teknik dalam penghasilan karya iaitu bentuk, struktur, plot dan sebagainya. Manakala aspek maknawi ialah berkaitan dengan tema, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Aspek lahiriah dalam novel ini dapat dilihat menerusi gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang iaitu penggunaan hiperbola dan repetisi dalam ayat bagi menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Penggunaan gaya bahasa hiperbola dan repetisi dalam ayat dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“Menggigil bukan kerana kedinginan angin malam, tetapi kerana takut dan gentar kepada Allah yang Maha pengatur, Maha pengampun dan ,Maha pengasih.”

(Harun Haji Salleh, 1986, p.38)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur keindahan dari aspek lahiriah iaitu penggunaan gaya bahasa hiperbola dan repetisi iaitu pada ayat “*Menggigil bukan kerana kedinginan angin malam, tetapi kerana takut dan gentar kepada Allah yang Maha pengatur, Maha pengampun dan Maha pengasih.*” Seperti yang sedia maklum hiperbola bermaksud ungkapan yang berlebih-lebihan daripada maksud sebenar. Oleh itu, dapat kita lihat bahawa Allah SWT memiliki kuasa yang melebihi dari segala yang ada di alam semesta ini dan tidak ada satu makhluk pun yang dapat menandingi kuasa-Nya. Repetisi pula dapat dilihat apabila terdapat pengulangan kata “*Maha*” dalam sebaris ayat. Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) mendefinisikan perkataan “*Maha*” sebagai kata tugas yang menggambarkan sesuatu yang tersangat baik. Pengulangan kata tersebut menggambarkan bahawa Allah SWT sesungguhnya



sangat berkuasa dan memiliki kesemua Asmaul Husna iaitu nama-nama yang terbaik. Penulis menggunakan gaya bahasa sedemikian bertujuan untuk merangsang minda khalayak sekali gus menyampaikan mesej bahawa Allah SWT memiliki segalanya yang tidak akan mampu dijangka oleh akal fikiran manusia. Maka, dengan pengetahuan yang mendalam mengenai ilmu sastera dan agama, seorang penulis dapat menyerlahkan lagi kesempurnaan sifat Allah sekali gus meningkatkan ketakwaan kepada-Nya. Oleh sebab itu, pentingnya sastera yang bersifat estetik untuk meningkatkan kesedaran khalayak terhadap keindahan Islam. Tegasnya, prinsip ini menjadikan sastera sebagai suatu yang sempurna dan menyempurnakan.

### **PRINSIP PADA PENGKARYA YANG SEHARUSNYA MENGISTIKMALKAN DIRI (MENYEMPURNAKAN)**

Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri menekankan kepada pengkarya yang melengkapkan dirinya terlebih dahulu dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu yang berhubung dengan sastera. Hal ini adalah bagi memastikan bahawa setiap perkara yang disampaikan adalah benar dan bermanfaat. Penulis hendaklah tergolong dalam kalangan ulama yakni berpengetahuan dalam ilmu-ilmu Islam yang hendak disampaikan kepada khalayak. Prinsip ini digunakan oleh penulis dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

“Bagi orang-orang sufi, berzikir dengan lidah adalah merupakan langkah awal. Hakikat zikir yang sebenarnya ialah menyebut nama Allah di dalam hati. Bila hati berzikir, seluruh anggota akan turut berzikir sama dengan caranya yang tersendiri. Bila sudah sampai ke tahap ini, zikir lidah hamba Allah yang berkenaan semakin kurang. Berzikir di sudut hati, kesannya sekali gus terterap, hawa nafsu dan perasaan was-was dari godaan syaitan akan hancur lebur lalu terpancarlah cahaya tajalli dan makrifat Allah.”

(Harun Haji Salleh, 1986, p.12)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menjelaskan tentang pengamalan *zikrullah* yang diamalkan bermula daripada lisan dan diikuti dengan hati nurani. Tambahan pula, “seluruh anggota akan turut berzikir” bermaksud penghayatan zikir melalui hati akan menjadikan otak dan fikiran semakin tenang. Bukan itu sahaja, penulis turut menghuraikan dengan lebih lanjut bahawa zikir munajat kepada Allah mampu melindungi diri daripada godaan syaitan dan berupaya meningkatkan rasa kecintaan serta kehambaan kepada Allah SWT. Oleh hal yang demikian, dapat kita lihat bahawa penulis mempunyai pengetahuan mengenai ilmu zikir atau tasawuf. Di samping menceritakan kisah kehidupan watak utama dalam novel, penulis turut menerapkan unsur ibadah untuk dihayati dan diaplikasikan oleh khalayak dalam kehidupan. Penulis menekankan tentang amalan zikir dalam kehidupan adalah dengan memuji dan memuja Allah bagi memperoleh pertolongan, kasih sayang dan keredaan-Nya. Melalui sastera yang berunsurkan keislaman, penulis memainkan peranan untuk menjelaskan kepada khalayak agar mengamalkan *zikrullah*. Oleh itu, amatlah penting untuk seorang penulis mengistikmalkan diri yakni menyempurnakan diri dengan ilmu-ilmu keislaman untuk dimanfaatkan oleh khalayak sekali gus melahirkan masyarakat yang menjurus ke arah kebaikan dan kesejahteraan.

### **PRINSIP KHALAYAK BERTUJUAN MEMUPUK MEREKA KE ARAH INSAN KAMIL (SEMPURNA)**

Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil iaitu sempurna merupakan prinsip yang terakhir dalam teori Takmilah dan prinsip ini memfokuskan kepada hubung kait sastera dan khalayak yang tidak dapat dipisahkan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, sastera yang bercorak islamik akan dipenuhi dengan unsur-unsur seperti pendidikan, dakwah, kekudusan, keagungan Tuhan dan sebagainya. Apabila sastera itu sendiri lengkap dan sempurna, justeru dapat membantu khalayak dalam pembentukan insan yang Kamil. Berikut merupakan bukti pengaplikasian prinsip ini dalam karyanya:

“Hendaklah ada di antara kita yang berdakwah ke arah kebaikan, melaksanakan amar makruf dan mencegah kemungkaran, dan mereka itulah yang beroleh kejayaan.

(Harun Haji Salleh, 1986, p.78)

Berdasarkan petikan berikut, penulis hendak menekankan tentang betapa pentingnya tugas berdakwah yang dituntut dalam Islam untuk menyeru atau mengajak manusia kepada agama Allah SWT dan syariat-Nya yang benar melalui cara yang penuh bijaksana, berlemah lembut dan beradab, sehingga dapat memberi kesan kepada mereka dan seterusnya dapat menerimanya dengan penuh kerelaan tanpa kekerasan dan kekasaran. Oleh itu, jika dilihat dari segi konteks ayat, penulis telah pun menerapkan unsur pendidikan kerana penulis menggunakan kata ganti nama diri “kita” untuk mengajak khalayak agar setiap lapisan masyarakat memikul tanggungjawab bersama-sama untuk saling ingat mengingatkan antara satu sama lain apabila berlaku kemungkaran dan kesalahan. Rasulullah SAW bersabda maksudnya: "Barang siapa yang menyeru kepada petunjuk maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang mengerjakannya, Allah tidak mengurangkan sedikit pun pahala daripadanya. Dan barang siapa yang menyeru kepada kesesatan maka dia akan berdosa sebagaimana dosa orang yang melakukannya, Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun dosa itu daripadanya." Tegasnya, terdapat banyak unsur pendidikan dan dakwah dalam novel yang dikaji dan petikan di atas merupakan salah satu contoh daripadanya. Penerapan unsur sedemikian dapat membantu khalayak dalam pembentukan insan yang Kamil.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, teori Takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar sememangnya teori yang sewajarnya digunakan untuk seseorang pengkaji meneliti karya-karya islam. Hal ini bersesuaian dengan hasil perbincangan terhadap novel *Di Sebalik Sebuah Kubah* karya Harun Haji Salleh dengan menggunakan teori Takmilah ternyata menghubungkaitkan di antara kehidupan manusia dengan agama Islam. Analisis yang dilakukan terhadap novel tersebut sememangnya mendapati hasil karya sastera ini berupaya memberikan pengetahuan tentang keagamaan kepada pembaca supaya meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Melalui mesej-mesej keagamaan yang disampaikan oleh pengarang juga jelas digambarkan melalui ketujuh-tujuh prinsip dalam teori Takmilah supaya pembaca dapat mengambil impak dan pengajaran dalam kehidupan mereka agar sentiasa menambah bekalan untuk hari akhirat serta menjadi seorang Muslim yang beriman dan bertakwa. Sara Beden & Siti Azura Juih (2020) menegaskan bahawa masyarakat Islam pada masa kini perlu diterapkan dengan bahan bacaan yang berunsur ketauhidan, ketakwaan dan keagamaan dengan menyampaikan mesej-mesej yang bermanfaat terhadap kehidupan manusia dunia dan akhirat. Hal ini kerana sesungguhnya manusia itu mudah alpa dan leka dengan kemewahan dunia yang

sementara dan mesej-mesej keagamaan dalam novel tersebut dapat menginsafi diri mereka agar menjadi umat Islam yang sentiasa diredhai Allah SWT.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin (et.al.). 2006. *Tamadun Islam dan tamadun Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Nabil. (2019). *Falsafah pemikiran sastera Islam*. Dimuat turun daripada <http://jurnal.iain-padangsidempuan.ac.id/index.php/F/article/view/1365/1600> pada 10 Jun 2021.
- Al-Akkad & Abbas Mahmud. (1964). *Fi fanni al-Islami*. Dar Al-Maarif.
- Ahmad, S.S.S., Saludin, M.R., & Ayob, A. (2019). Aplikasi teori takmilah dalam fara'id Al-fawa'id al-fikra fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu analisis kepimpinan Islam. *International Journal of Islamic, Social, Economics, and Development (IJISED)*, 4(17), 20-30.
- Ahmad Hawassy. (2019). *Kajian tauhid dalam bingkai aswaja*. Diakses daripada [https://play.google.com/store/books/details/Ahmad\\_Hawassy\\_Kajian\\_Tauhid\\_dalam\\_Bingkai\\_Aswaja?id=\\_YyNDwAAQBA](https://play.google.com/store/books/details/Ahmad_Hawassy_Kajian_Tauhid_dalam_Bingkai_Aswaja?id=_YyNDwAAQBA)
- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2014). *Puisi-puisi Arifin Arif: satu analisis takmilah*. p.81-108
- Braginsky. I.V.(1994) *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin. (2017). Teori takmilah dan aplikasinya dalam teks sastera Melayu. Dlm Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (ed.). *Teori dan kaedah aplikasi dalam karya*, hlm. 59-73. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Mashitah Sulaiman. 2013. "Islam dan transformasi sosial masyarakat Melayu Malaysia: suatu kajian eksploratori" dalam prosiding international conference on social science research (icssr 2013) 4-5 jun 2013.
- Mana Sikana. 1997. *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2019). Highlighting human as a servant to god in 'hari yang bergelar kematian' short story: based on takmilah theory. vol 16, no 2, <http://10.24191/ji.v14i2.228>
- Maisarah Yaacob & Norasiah Abdullah. 2012. *Tarbiah dalam Novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!)*. Vol.13.
- Rosnani Ripin. (2017). *Takmilah novel seteguh fikrah saleha : karya Aminah Mohktar*. penerbit Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

*SEMINAR BAHASA, BUDAYA DAN SASTERA 2024*  
*Anjuran Kulliyah Pelancongan Mampan & Bahasa Kontemporari (UIAM),*  
*28 April 2024*

- Kamariah Kamarudin. (2017). Teori takmilah dan aplikasinya dalam teks sastera melayu. dlm Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (ed.). teori dan kaedah aplikasi dalam karya, hlm. 59-73. Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia
- Shafie Abu Bakar. (1997). Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip. Dlm. Mana Sikana. Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sara Beden & Siti Azura Juih. (2020). Drama "1400" Noordin Hassan: Analisis Pendekatan Islam. - Prosiding International Conference on Islamic Education 2020, Anjuran Per Intelktual Muslim Malaysia & JPIM IPGKTAR pada 21-22 Disember.

## PENDEKATAN TEORI TAKMILAH DALAM NOVEL KERANA ADAMU MANISNYA UKHUWAH

Siti Haziqah binti Mohamad Herry  
sitihaziqah3827@gmail.com

Nur Aqilah binti Dewie  
haliqanurun@gmail.com

Nurul Husna binti Halmi  
nhnrhsna2107@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan, Sarawak

### Abstrak

Pemikiran Islam yang diutarakan oleh pengarang dalam novel yang berunsurkan keislaman ini membuktikan bahawa novel mampu mengungkapkan kebesaran, keagungan dan kekuasaan Allah SWT yang diadun dengan indah. Tamsilnya, kajian ini menggunakan teori takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar (1980) yang mampu mendukung karya sastera bagi memperlihatkan fungsinya untuk menyampaikan mesej keagamaan kepada umat iaitu khalayak. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah* karya Syu'lah Arwa (2019) sebagai kerangka utama. Dalam novel ini, terdapat pengaplikasian ketujuh-tujuh prinsip teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimalkannya diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Kajian ini juga turut menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks dengan memberikan tumpuan kepada aspek-aspek teori takmilah yang terdapat di dalam novel. Novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah* ini kaya dengan pelbagai idea dari segi pemikiran, nilai dan pengajaran yang mampu memperlihatkan unsur-unsur keagamaan kepada pembaca supaya sentiasa meningkatkan keimanan dan ketakwaan berpandukan syariat Islam yang telah ditetapkan. Oleh itu, teori takmilah ini berupaya untuk memperkukuhkan kekuatan pengarang dalam menghasilkan novel ini dengan memfokuskan unsur-unsur keislaman berdasarkan hasil karangannya yang tersendiri.

**Kata Kunci:** *Takmilah, prinsip ketuhanan, prinsip kerasulan, prinsip keislaman*

## **PENGENALAN**

Menurut Mana Sikana (2009), kewujudan bidang sastera datang bersama-sama semasa zaman kedatangan Islam ke Alam Melayu. Sastera Islam mempunyai fungsi sebagai penyokong pendakwahan agama Islam itu sendiri. Oleh itu, sastera kitab Islam dipercayai berkembang lebih awal. Justeru itu, jelaslah bahawa kedatangan Islam itu menyuntik dan mampu menimbulkan kesedaran untuk masyarakat berkecimpung dalam dunia sastera. Orang Melayu dikatakan sebagai suatu bangsa yang telah menerima pelbagai bentuk genre sastera Islam kerana isinya berlandaskan akaliah dan intelektualisme. Menurut Al-Akkad (1964), bidang sastera yang berunsurkan keislaman merupakan petanda seseorang itu muqarrabin dengan Ilahi secara rohaniah dan badaniah. Tegasnya, mendalami dan memahami sastera Islam adalah salah satu cara seseorang insan itu mengabdikan dirinya terhadap kepercayaan ajaran agama Islam. Refleksi bahasa sastera Islam dapat dirungkai menerusi penjelasan ini dengan menyajikan pelbagai unsur keislaman yang sewajarnya mampu menguatkan akidah, mempraktikkan syariat Islam dan meningkatkan keperibadian akhlak mulia dalam melahirkan masyarakat yang kamil dan Islami sebagaimana tuntutan dalam al-Quran dan hadis melalui paksi serta tunjang yang dikemukakan. Ekoran itu, karya-karya yang bercorak dan berunsurkan keislaman hendaklah diperbanyakkan bagi mewarnai persada dunia kesusasteraan tanah air lebih lagi setelah wujudnya pelbagai teori sastera tempatan.

Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, majoriti karya sastera telah dipengaruhi oleh luasnya pengaruh zaman digital yang berlaku seiring dengan peredaran zaman. Antara isu yang sering timbul dalam sebuah penghasilan karya sastera termasuklah konsep berteraskan Islamiah yang kurang diberikan pendedahan dan dititikberatkan oleh penulis. Hal ini disebabkan oleh sikap sesetengah penulis menganggap bahawa konsep yang berkaitan dengan agama ini kurang relevan dalam kalangan pembaca zaman kini berbanding dengan genre karya sastera jenis romantik dan seram. Pengeluaran karya sastera yang tidak menonjolkan konsep Islamiah boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam pemahaman agama di kalangan pembaca. Perkara ini boleh mengakibatkan persepsi atau tanggapan yang tidak seimbang tentang Islam dan masyarakat muslim. Tambahan pula, Islam telah memberi sumbangan yang besar terhadap sastera dunia dan ketidakhadiran konsep Islam dalam karya sastera tempatan boleh mengakibatkan kehilangan warisan budaya yang berharga. Perkara ini sekali gus menyebabkan penyisihan terhadap pengaruh dan nilai-nilai tradisional yang berasaskan Islam dalam seni sastera tempatan.

Selain itu, pengaruh zaman digital telah membawa perubahan yang drastik dalam penghasilan karya sastera dari segi penggunaan bahasa. Zaman digital telah banyak menghasilkan platform-platform seperti blog, media sosial dan laman web bagi seseorang individu itu menulis dengan lebih bebas dan santai tanpa mengira kesalahan struktur bahasa. Perkara ini menyebabkan penghasilan sesebuah karya sastera itu menjadi kurang bermutu. Ekoran itu, isu ini telah mengakibatkan berlakunya penggunaan bahasa yang tidak formal dan tidak sesuai dalam penulisan karya sastera. Pengaruh media sosial yang semakin meluas dan tidak terkawal ini telah mewujudkan bentuk perkataan singkatan dan slang yang sering kali dikaitkan dengan pemendekan perkataan dan kecenderungan untuk membaca dengan cepat. Dalam hal ini, penulis mungkin cenderung untuk menulis dengan gaya yang lebih langsung dan ringkas, yang pada asalnya tidak sesuai dengan gaya tradisional penghasilan karya sastera

yang lebih kaya dengan metafora dan imej. Berikutan isu ini, penulis mungkin terpengaruh untuk menggabungkan elemen-elemen ini ke dalam karya sastera mereka untuk memenuhi kehendak atau menarik minat pembaca. Sekiranya penggunaan bahasa yang sesuai dan sopan tidak diterjemahkan dengan betul dan meluas oleh penulis, maka sebuah karya sastera itu akan kehilangan makna asalnya. Hal ini demikian boleh mengurangkan kualiti karya dan menyebabkan pembaca tidak dapat menghargai atau memahami sepenuhnya kandungan yang disampaikan.

Di samping itu, novel yang dihasilkan pada masa kini majoriti lebih kepada novel cinta cintun atau novel tentang percintaan berbanding dengan novel yang berteraskan agama. Dalam konteks ini, isu ini timbul disebabkan oleh genre percintaan yang mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan pembaca. Percintaan adalah tema yang universal dan seringkali menghasilkan emosi yang kuat sehingga menjadikannya subjek yang menarik bagi ramai pembaca dari pelbagai latar belakang budaya dan agama. Pengaruh media dan budaya melalui platform digital media sosial, filem dan muzik sering kali mempromosikan cerita- cerita cinta yang dramatik dan romantik. Pengaruh ini boleh meresap ke dalam penulisan novel dan mempengaruhi penulis untuk menumpukan perhatian kepada cerita-cerita cinta dalam karya mereka. Hal ini demikian menyebabkan pengajaran atau mesej-mesej agama kurang disebarkan, ditekankan dan dipraktikkan oleh masyarakat pada zaman kini.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah karya Syu'lah Arwa (2019)* dengan menggunakan teori takmilah yang diketengahkan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1980.

## **SOROTAN LITERATUR**

Beberapa kajian lepas telah dikumpul dan dianalisis bagi mengenal pasti kelompangan dalam kajian. Kajian mengenai teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu teori takmilah banyak dilakukan oleh pengkaji lain seperti Ibnu Ahmad Al-Kurauwi (2016) dalam novel yang berjudul "Penenun Cinta". Kajian tersebut bertujuan untuk mengangkat persoalan Islam dengan beberapa amalan murni yang dituntut dalam ajaran Islam. Bertitik tolak daripada kajian ini menunjukkan bahawa novel tersebut mengetengahkan tentang diri seorang warga emas yang bernama Imam dalam usaha mencari keredaan di sisi Allah. Berdasarkan dapatan kajian, novel "Penenun Cinta" ini mencukupi ketujuh-tujuh prinsip yang terdapat dalam teori takmilah serta menunjukkan bahawa pentingnya bagi seseorang umat Islam itu meluaskan syiar Islam dan mengetahui segala perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Selain itu, Hadi Fayyadh (2017) juga turut mengkaji teori takmilah dalam penulisannya berdasarkan novel "Ketika Azazil Berputus Asa". Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menghuraikan unsur-unsur keislaman berdasarkan teori takmilah yang berkisarkan perjalanan rohani Dr. Fayyadh dalam mencari jawapan mengenai misteri kejadian alam dan akhirnya beliau berjaya mengubah perspektif dirinya untuk kembali kepada fitrah Islam. Justeru itu, mesej keagamaan yang terdapat dalam novel ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada pembaca mengenai fitnah yang sering berlaku pada akhir zaman ini serta memberi

gambaran keadaan dunia yang semakin mendekati pengakhirannya supaya mereka sentiasa mengamalkan dakwah yang dapat mendekatkan diri dengan Allah. Jelaslah bahawa, dapatan kajian tersebut memperlihatkan kesemua prinsip dalam teori takmilah berupaya menjadikan umat untuk lebih mendekatkan diri dengan sang pencipta dan menjauhkan diri daripada ke arah yang kejahatan.

Di samping itu, kajian yang dikaji oleh Syarifah Salha et al. (2019) juga turut menggunakan teori takmilah berjudul “Aplikasi Teori Takmilah dalam Fara'id Al-Fawaid Alfikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam”. Dalam kajian ini, pengkaji memberi gambaran mengenai aspek-aspek kepimpinan yang perlu diterapkan dalam diri seorang pemimpin seperti yang terkandung dalam teori takmilah iaitu prinsip yang kedua iaitu prinsip kerasulan bersifat Kamil. Prinsip ini perlu diterapkan kerana prinsip ini mengagumi dan mengangkat sifat kerasulan berdasarkan ciri-ciri kepimpinan yang perlu ada dan layak memegang jawatan sebagai seorang pemimpin. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa sifat-sifat pemimpin yang sebenarnya merupakan pendakwah yang bertanggungjawab dalam mengajak manusia yang lain ke arah memperjuangkan syiar Islam daripada dipandang hina oleh agama lain dan mengajak manusia ke arah tuntutan Islam.

Sorotan yang seterusnya diteliti melalui kajian yang dilakukan oleh Hasanuddin Md. Isa (2015) yang turut menggunakan teori takmilah dalam karyanya yang bertajuk novel “Sarjana Bangsa”. Dalam novel “Sarjana Bangsa” ini, pengkaji mendapati perkaitan cerita yang disampaikan oleh penulis menepati prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal. Keseluruhan jalan cerita dalam novel ini mengangkat teori gagasan persuratan baru yang diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan yang sesungguhnya padat dengan unsur-unsur ketuhanan yang kental dan bertujuan menggambarkan sifat Allah SWT yang Maha Sempurna. Berdasarkan penelitian pengkaji, novel ini juga menepati prinsip teori takmilah iaitu prinsip hubungan pengkarya yang mengistimikan diri dalam Sarjana Bangsa jelas mencerminkan keimanan penulis terhadap Allah SWT. Melalui gambaran dan jalan cerita ini, jelas menunjukkan hasrat penulis untuk mengajak manusia ke arah kebaikan dengan mengerjakan amalan-amalan yang baik untuk dijadikan bekal menuju ke alam barzakh kelak. Justeru itu, dapatan kajian yang dilakukan juga menepati prinsip hubungan takmilah dengan khalayak pembaca iaitu untuk memupuk seluruh muslimin dan muslimat ke arah pembentukan insan Kamil.

Karya yang berkualiti dikatakan mampu mentarbiah pembaca dan seterusnya melahirkan khalayak yang Kamil. Dalam pendidikan, proses tarbiah yang berkesan mampu menjadikan seseorang insan berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan seterusnya menghargai kehidupan dan kemanusiaan. Kajian ini menganalisis tanggungjawab tarbiah manusia kepada alam dan sumbangan tarbiah alam kepada manusia dalam dua novel KOMSAS terpilih. Dua novel yang dianalisis berdasarkan konsep insan khalifah untuk mentarbiahkan manusia bersumberkan alam dan menggunakan teori takmilah dan kritikan eko ialah novel “Lestari Bukit Menghijau” karya Syed Mahadzir Syed Ibrahim (2010) dan Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir (2010). Analisis ini melibatkan tanggungjawab tarbiah manusia terhadap alam dan mengenal pasti sumbangan tarbiah alam kepada manusia. Bersandarkan analisis terhadap kedua-dua novel ini, didapati bahawa tanggungjawab tarbiah manusia terhadap alam boleh dilihat bersandarkan bagaimana manusia berinteraksi dengan alam demi menjaga kelangsungan



persekitaran walaupun dikekang dengan keperluan ekonomi seperti pembalakan dan perlombongan emas. Sumbangan tarbiah alam kepada manusia diperolehi daripada sumber perubatan, ekonomi, makanan, galian, flora dan fauna.

## **KERANGKA TEORETIS**

Kajian ini dilaksanakan dengan lebih terperinci serta spesifik menggunakan kerangka teori takmilah yang dirintis oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996 yang meletakkan penelitian utamanya iaitu tauhid serta turut memperlihatkan perhubungan yang jitu antara pengkarya dan khalayak. Menurut Shafie Abu Bakar (1997), beliau telah mengemukakan tujuh prinsip secara keseluruhannya. Tujuh prinsip tersebut iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Justeru itu, prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori takmilah ini telah diperhalus ke arah teori yang mempunyai kesatuan secara holistik yang meliputi sifat ketuhanan, kerasulan, keagamaan, keilmuan karya, pengkarya dan juga akhlak (Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad, 2014).

Prinsip takmilah yang pertama ialah prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal. Dalam prinsip pertama ini, dua sifat Allah S.W.T telah diketengahkan iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Kedua-dua sifat Allah ini saling berkait antara satu sama lain dan perhubungannya diperjelaskan melalui kejadian manusia itu sendiri. Sebagai contoh, manusia diciptakan Allah dengan sebaik-baik kejadian membuktikan kesempurnaan dan keindahan Allah. Sifat Kamal ini juga dapat diterjemahkan melalui karya sastera seperti kesusasteraan Melayu mahupun kesusasteraan Islam yang berpunca daripada kudrat Allah SWT yang turut meletakkan keindahan dalam karya kesusasteraan, (Maniyam Ibrahim, 2005). Justeru itu, melalui prinsip kesempurnaan dan keindahan yang dijelmakan melalui karya sastera ini, keimanan terhadap Allah S.W.T dapat diperkukuhkan supaya umatnya lebih bersifat bersyukur atas kurniaan pencipta.

Prinsip yang kedua pula ialah prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, di mana prinsip ini mempunyai perkaitan dengan Rasulullah S.A.W. Prinsip ini menekankan sifat-sifat terpuji serta segala sifat keistimewaan Rasul yang mempunyai tahap kerohanian yang hampir tinggi dengan Allah. Menurut Shafie Abu Bakar dari segi istilah Kamil yang membawa makna manusia sempurna dalam falsafah pemikiran Islam yang menggabungkan ketiga-tiga konsep keinsanan iaitu insan Kamil, insan Khalifah dan insan Rabbani. Justeru itu, kedua-dua insan Kamal dan Kamil ini dikatakan saling mempunyai pertalian dengan makna-makna yang tersendiri. Insan khalifah ini membawa maksud seseorang individu memiliki kelebihan untuk menjadi seorang pemimpin. Hal ini dikatakan demikian kerana Rasulullah memiliki aspek-aspek yang diperlukan bagi menjadi seorang khalifah yang dihormati, berilmu kepimpinan, berkeperibadian dan akhlak yang tinggi. Dari konteks insan Rabbani pula merujuk kepada individu yang memfokuskan terhadap konsep kerohanian terutamanya dari segi mendekati diri kepada Allah S.W.T. Peribadi seperti Rasulullah S.A.W dapat dicapai sekiranya insan Khalifah dan Rabbani tersebut dimiliki oleh seseorang individu.

Selain itu, prinsip Islam yang bersifat Akmal juga merupakan prinsip yang terkandung dalam teori takmilah novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah*. Dalam prinsip ketiga ini, ada dijelaskan bahawa Islam merupakan agama yang sempurna serta mampu menyempurnakan aspek kehidupan begitu juga terhadap aspek sastera. Kesempurnaan (Akmal) dalam konteks agama Islam juga dapat dibuktikan melalui firman Allah S.W.T dalam al-Quran. Oleh itu, kebanyakan pengkarya menerapkan pengetahuan mengenai kesempurnaan ajaran Islam bagi membentuk masyarakat yang patuh akan suruhannya dan meninggalkan segala larangan yang bertentangan dengan Islam. Apabila terwujudnya sastera sedemikian, maka karya tersebut sedikit sebanyak dapat membantu dalam pembentukan umat masyarakat supaya bertakwa kepada-Nya. Melalui aspek kesusasteraan, prinsip ini penting bagi seorang karyawan untuk memainkan segala peranan dalam menerapkan mesej ajaran Islam kepada khalayak dari pelbagai aspek kehidupan yang dituntut dalam agama Islam.

Prinsip yang keempat pula ialah prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul. Prinsip ini menekankan kepentingan hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai pertalian dan saling melengkapi dengan diri khususnya akal dan hati. Prinsip ini juga turut memperlihatkan betapa pentingnya menyatukan ilmu pengetahuan dengan nilai-nilai sastera untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang realiti dan kehidupan. Ini melibatkan penggabungan antara keilmuan dan keindahan sastera. Prinsip sastera bersifat estetik pula menekankan nilai keindahan dan kesempurnaan dalam sastera. Sastera bukan hanya sekadar medium untuk menyampaikan cerita, tetapi juga sebagai sarana untuk membangkitkan perasaan, pemikiran dan keinsafan dalam diri pembaca.

Prinsip yang keenam iaitu pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri adalah menuntut pengarang untuk menyempurnakan dirinya dalam bidang kreativiti dan keilmuan agar karyanya mencapai tahap kesempurnaan yang tinggi. Dalam prinsip ini, pengkarya menggunakan pendekatan dari segi menyampaikan mesej-mesej keislaman kepada umat iaitu khalayak supaya sentiasa meningkatkan keimanan dan ketakwaan dalam kehidupan. Prinsip yang terakhir iaitu prinsip khalayak yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil menekankan betapa pentingnya penghayatan, pemahaman dan pengamalan nilai-nilai insan Kamil dalam kehidupan seharian. Khalayak juga hendaklah memainkan peranan yang penting dalam memberi sokongan dan maklum balas terhadap karya yang telah memperkaya kehidupan rohani dan intelektual insan dalam novel.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Kajian ini juga turut memberikan fokus kepada mesej-mesej keagamaan yang terdiri daripada teori takmilah yang terdapat dalam novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah* (2019). Pemerolehan data diperolehi melalui analisis dokumen. Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan sama ada pengarang menitikberatkan teori takmilah dalam hasil karyanya. Selain itu, kaedah perpustakaan juga turut digunakan bagi mendapatkan bahan-bahan rujukan tambahan seperti buku dan jurnal bagi menghasilkan kajian yang berkualiti. Bukan itu sahaja, teknik pembacaan secara mendalam juga turut digunakan dalam novel yang dikaji supaya mampu memudahkan pembaca memahami apa mesej yang ingin disampaikan secara mendalam. Oleh itu, teknik-teknik tersebut sesuai untuk pengkaji bagi menyediakan penerangan secara terperinci berserta

maklumat tambahan yang sebagai pangkalan data bagi kajian ini. Oleh itu, aktiviti berkaitan dengan aspek menganalisis tersebut perlu dilakukan bagi pada peringkat akhir yang melibatkan penilaian.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang telah dihasilkan, didapati bahawa terdapat penerapan teori takmilah dalam novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah karya Syul'ah Arwa*. Kesemua prinsip dalam teori ini diterapkan menerusi prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri bersifat estetik dan takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Jadual 1: Penerapan teori Takmilah dalam novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah*

Teori Takmilah							
Data/Syair	Ketuhanan yang bersifat kamal	Kerasulan sebagai insan kamil	Keislaman yang bersifat Akmal	Ilmu dengan sastera yang bersifat takamul	Sastera sendiri bersifat estetik dan takmilah	Pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri	Khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil
<b>Agama: Makna Takbur</b>	/	/	/	/	/	/	/

### Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal

Prinsip pertama ini berkait rapat dengan kesempurnaan dan kebesaran Allah Taala. Prinsip ini secara mudahnya akan menggambarkan bahawa Allah Taala itu sebagai Pencipta semesta alam yang tiada tolok bandingnya. Kitab suci Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai sifat ketuhanan yang begitu agung sebagai memberi satu panduan kepada umat manusia khususnya di akhir zaman. Melalui erti kata lain, penurunan kitab suci Al-Quran sebagai wahyu dari Allah Ta'ala kepada Rasulullah untuk bacaan kepada semua umat manusia. Al-Quran merupakan kalam Allah dan kitab suci itu lebih mulia darjatnya dari kitab Taurat, Zabur dan Injil yang diturunkan kepada para Rasul sebelumnya. Hal ini dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

"Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab api seksa yang pedih? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda

dalam diri kamu, itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui hakikat yang sebenarnya."

(Syu'lah Arwa, 2019: 18)

Berdasarkan petikan novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah* ini, suasana yang berlaku ketika dalam mesyuarat Persatuan Agama Islam (PAI) yang ada menyatakan bahawa Allah S.W.T itu akan sentiasa menjanjikan sebuah ganjaran yang tidak disangka-sangka sekiranya kita yakin bahawa Allah S.W.T merupakan tuhan yang sentiasa berada di sisi makhluknya tidak kira bagaimana sekalipun keadaannya. Kekuatan untuk beribadah kepada Allah Taala dengan menjadikan kalam Tuhan iaitu Al-Quran sebagai pegangan hidup akan lebih membuatkan diri seseorang itu kuat dari segi akidah dan ketauhidannya. Petikan ini ada ditekankan dalam novel 'KAMU' melalui watak Haziq yang meminta semua rakan 'PAI' untuk sentiasa yakin berjihad di jalan Allah S.W.T dan yakin bahawa Allah S.W.T itu tidak akan pernah menolak hambanya yang sentiasa berusaha untuk berubah ke arah kehidupan yang lebih sempurna di sisi-Nya.

### **Prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal**

Prinsip keislaman yang bersifat Akmal ini lebih menjurus kepada aspek 'Ad-Din' iaitu agama Islam yang syumul dan sempurna. Umum mengetahui bahawa sastera yang baik dan bermutu dapat memupuk masyarakat ke arah kemurnian dan kesejahteraan. Oleh hal yang demikian, bidang sastera berperanan membentuk individu dalam masyarakat melalui karya yang baik sejajar dengan nilai murni yang digagaskan dalam Al-Quran dan Hadis. Kehidupan dalam usaha mendekati agama bukan sahaja untuk tatapan mereka yang hidup sebagai orang Islam tetapi sebagai salah satu garis panduan untuk membentuk tamadun masyarakat yang berakhlak berpandukan agama. Sifat Akmal ini boleh dilihat melalui petikan berikut:

"Allah ciptakan kita dengan satu sifat yang tidak akan lari meskipun kita cuba elaknya iaitu pendosa. Kau, aku dan semua manusia kecuali rasul dan nabi adalah pendosa. Dan kita pendosa yang dambakan syurga. Cuba fikir, kenapa Allah tak matikan saja kita walaupun hidup kita bermaksiat?"

"Kerana Allah masih mahu beri peluang kepada kita. Peluang itu tidak mengenal kisah silam kita, siapa kita, berapa banyak dosa kita buat, asalkan kita bersungguh- sungguh untuk taubat nasuha. Sedangkan seorang pembunuh yang membunuh 100 orang manusia pun Allah ampun, apatah lagi kita. Kau lihat langit, kau tak mampu kira bintang, kan? Kau lihat laut, kau tak mampu kira buih, kan? Andai dosa kau sebanyak itu dan lebih daripada itu, Allah masih ampunkan. Pesanan aku, kau masih belum terlambat. Ibu ayah kau pasti merindui doa-doa daripada anak yang soleh. kau boleh lakukannya. Aku percaya."

(Syu'lah Arwa, 2019: 171)

Petikan ini dibicarakan oleh watak Haziq yang memberi nasihat kepada sahabat karibnya iaitu Uwais semasa permulaan kisah persahabatan mereka. Haziq telah menasihati Uwais bahawa tiada manusia yang tidak melakukan kekhilafan dalam kehidupan, baik perbuatan salah tersebut hanya sekecil zarah namun tetap akan ada dosa yang terpalit dalam

setiap kisah kehidupan manusia. Petikan ini telah dilontarkan oleh Haziq kepada Uwais semasa Uwais berada pada titik gelapnya di mana Uwais ingin membunuh diri kerana lelah dengan hidupnya yang bergelumang dengan dosa namun Haziq merupakan hamba kiriman Allah S.W.T untuk membimbing dan membawa Uwais ke jalan yang benar sehingga Uwais kini berjaya menjadi seorang guru yang berwibawa dan beriman. Terbukti di sini bahawa Islam bersifat Akmal telah ditunjukkan oleh perubahan sikap Uwais. Islam tidak menghalang seandainya seseorang itu ingin merasa putus asa pada waktu-waktu tertentu namun setiap insan itu perlulah sedar bahawa setiap yang berlaku dalam kehidupan merupakan sebuah pengajaran untuk masa depan yang tiada batas sempadannya .

### **Prinsip Ilmu dengan Sastera yang Bersifat Takamul**

Konsep Takmilah boleh dilihat dalam hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai pertalian dengan fakulti diri yang penting khususnya akal dan hati. Dalam Islam, diterima bahawa akal adalah alat yang paling utama bagi mencapai keilmuan. Karya sastera dalam Islam bukan sahaja berbentuk hiburan tetapi boleh menyampaikan mesej pendidikan kepada pembaca dan yang pentingnya ia bukanlah sesuatu yang dibaca semasa senggang tetapi boleh mendidik serta mengingatkan kebesaran Allah S.W.T. Bagi membicarakan tentang prinsip keempat ini teori Takmilah dilihat dari hubungan puisi sebagai genre dan ilmu sastera dengan sejarah Islam khususnya Nabi Muhammad S.A.W, keluarganya, Nabi Ibrahim dan keluarganya, tempat-tempat bersejarah, ilmu perubatan, keagamaan dan kerohanian.

Sejarah kerasulan Nabi Muhammad S.A.W cuba dibangkitkan oleh penulis. Beliau menulis satu luahan hati tentang bagaimana hubungan ukhuwah persahabatan mampu dicontohi melalui kisah persahabatan Nabi. Bukti yang dapat dilihat ialah melalui penulisan sebuah luahan hati seperti yang telah ditulis oleh pengarang iaitu;

Ukhuwah,

Tidak dinilai dari wang ringgit, Tidak dinilai dari emas dan permata,

Kerana mahalny ia tidak mampu dihitung dengan angka, Saat ukhuwah itu hampir dimamah amarah,

la tidak mudah roboh dipikul ombak, la tidak mudah rapuh angkara angin,

Kerana matlamat persahabatan ingin ke syurga

(Syu'lah Arwa, 2019: vii)

Berdasarkan puisi di atas, jelaslah bahawa tiada siapa sangka adanya kisah silam yang perit di sebalik penghijrahan ini. Uwais dibesarkan tanpa kasih sayang ibu dan bapa hanya menumpang kasih datuknya, Tokki yang sudah uzur. Oleh disebabkan takdir yang dirasakan kejam dan terlalu perit untuk diterima, Uwais memberontak. Dia menjadi liar hingga melibatkan diri dalam geng kongsi gelap bernama The Eyes. Namun kerana silap dirinya mencipta musuh, insan kesayangannya Tokki mati dibunuh. Dan itulah kemuncak kesabaran dirinya di mana dia merasakan betapa Tuhan benar-benar membencinya dan dia tidak berguna untuk hidup di atas muka bumi ini. Hingga akhirnya dia memutuskan untuk menamatkan saja hidupnya. Namun siapa sangka, betapa sebenarnya Tuhan itu Maha Penyayang yang telah menemukan dia dengan seorang lelaki bernama Haziq Irham. Insan yang telah menyelamatkan

dirinya dari ambang kematian dan menjadi sahabat setia yang merubah 180 darjah tentang dirinya.

Penghijrahan Uwais Qarni sangat memberi kesan bukan sahaja kepada dirinya namun kepada setiap yang mengenali Uwais. Tanpa dendam dan benci, cuma atas dasar cinta dan sayang, Uwais cuba menyebarkan dakwah dan tarbiah kepada sahabat disekelilingnya biarpun pelbagai tohmahan dan fitnah dilemparkan. Dia kuat kerana adanya Haziq Irham di sisinya. Peneman kala sepi, penghiburnya kala sunyi, penguat dan penunjuk kala buntu dan lemah. Pelbagai lagi kisah menarik diceritakan oleh penulis di dalam buku ini yang akan menyebabkan semua perasaan berbaur ketika membaca kisah mereka. Kisah yang menguji keimanan seorang Uwais dan kepercayaan seorang Haziq Irham. Seutuh manakah persahabatan mereka atas nama Tuhan yang berlandaskan keimanan.

### **Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamil**

Prinsip kedua yang difokuskan dalam novel 'KAMU' ini juga ialah prinsip ketuhanan yang bersifat Kamil. Teori Takmilah ini juga menegaskan hubungan manusia dengan Nabi Muhammad SAW sebagai Insan Kamil. Insan Kamil ini merujuk kepada kemampuan insan menjadi pemimpin di bumi Allah apabila insan itu mencapai keperluan dan syarat-syarat sebagai Khalifah. Antaranya berilmu dan berkeperibadian tinggi serta mengambil contoh sikap, perilaku dan perbuatan Rasulullah. Dalam konteks ini, Nabi Muhammad SAW dijadikan sebagai imej utama untuk dicontohi perbuatannya dalam segenap hal dan perkara. Kenyataan ini dapat diterjemahkan melalui perilaku berikut:

“Kau tak perlu rasa berseorangan pun. Sedangkan Rasulullah pemimpin teragung dan sahabat-sahabatnya yang berjuang bersama baginda, apatah lagi kita yang lemah hina ini. Bukankah Rasulullah bersabda, salah satu golongan yang Allah naung pada hari akhirat adalah pemimpin yang adil.”

(Syu'lah Arwa, 2019: 3)

Berdasarkan petikan ayat dari novel tersebut, jelas menunjukkan bahawa terdapat penerapan prinsip ketuhanan yang bersifat Kamil. Pernyataan ayat ini menjelaskan tentang kita sebagai umat nabi Adam perlulah sentiasa bersikap berani dalam menghadapi cabaran walaupun harus melakukan perkara tersebut secara berseorangan tanpa bantuan sesiapa. Dalam konteks ayat ini, Haziq menjadikan Rasulullah SAW sebagai model teladan dalam kehidupan seharian untuk dijadikan motivasi sebagai pembakar semangat kepada Uwais untuk terus maju ke hadapan kerana Rasulullah SAW pernah bersabda, ‘salah satu golongan yang akan dinaungi oleh Allah pada hari akhirat ialah pemimpin yang adil’. Oleh itu, kita sebagai hamba Allah SWT perlulah memikul dan menjalankan perintah Yang Maha Esa dengan sebaik-baiknya dan percaya bahawa sesuatu perkara yang berlaku itu adalah atas izin Allah terdapat hikmah di sebalik berlakunya perkara tersebut.

### **Prinsip sastera yang mempunyai ciri estetik dan bersifat Takmilah**

Prinsip seterusnya yang terdapat dalam teori takmilah ini ialah prinsip sastera yang berciri estetik atau keindahan. Prinsip ini boleh dianalisis melalui dua aspek iaitu aspek lahiriah atau

luaran dan aspek maknawi iaitu secara dalaman. Dalam novel 'KAMU', pengarang menampilkan diksi dan imej yang berusaha mempengaruhi atau menarik minat pembaca dengan penggunaan bahasa yang puitis dan mampu menyentuh perasaan pembaca. Melalui prinsip ini, aspek maknawi adalah berkaitan dengan isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan, nilai, simbol, metafora, alegori, simile, personifikasi dan citra yang diadun dengan baik oleh pengkarya. Prinsip ini dapat diteliti menerusi petikan ayat berikut:

“Kata-kata Uwais ibarat panahan bersalurkan penawar. Menusuk kalbu Haziq Irham. Mereka berpelukan. Terasa hangat ukhuwah antara mereka. Darah ibarat mengalir dan bercantum menjadi satu. Haziq kembali tersenyum. Pelukan sahabatnya tidak dilepaskan. Dia kini sedar bahawa dia tidak keseorangan. Allah masih pinjamkan nikmat sahabat baik untuk menemaninya melalui jalan ini.”

(Syu'lah Arwa, 2019: 5)

Berdasarkan petikan ayat dari novel tersebut, petikan ini menggambarkan betapa indahnyanya hubungan persahabatan yang dijalinan oleh Haziq dan Uwais. Persahabatan mereka dapat diibaratkan bagai dakwat dengan kertas. Walaupun apa jua cabaran yang datang, mereka akan sentiasa mengingatkan satu sama lain untuk sentiasa melakukan sesuatu perkara itu dengan ikhlas atau niat untuk melaksanakan segala perintah Allah. Sikap saling bantu-membantu dan bertolak ansur antara mereka juga merupakan kunci utama sebuah persahabatan yang utuh. Dalam konteks persahabatan, salah satu nikmat kehidupan yang sering dipandang remeh atau tidak disedari oleh majoriti masyarakat ialah nikmat mempunyai sahabat baik atau sentiasa dikelilingi oleh orang-orang yang mampu membimbing dan berupaya membentuk peribadi kita ke jalan Allah SWT. Oleh itu, mesej yang cuba disampaikan dalam novel 'KAMU' ini adalah berpaksikan kepada kekhilafan diri sendiri, pengabdian diri kepada Tuhan dan kisah persahabatan. Kesemuanya mengajak masyarakat untuk taat kepada perintah agama dan menjalani kehidupan berlandaskan syariat Islam.

### **Prinsip Mengistikmalkan Diri kepada Allah SWT**

Prinsip mengistikmalkan diri ini dapat dikaitkan dengan sikap muhasabah diri dalam setiap perkara yang dilakukan. Salah satu usaha yang perlu dilakukan oleh setiap muslim ialah bermuhasabah iaitu menilik dan memeriksa diri bagi menilai sikap, pengucapan dan tingkah laku yang dilakukan sama ada selari dan menepati dengan ajaran yang disyariatkan atau sebaliknya. Sekiranya perbuatan tersebut memenuhi tuntutan agama maka perlu diteruskan, dipertingkatkan dan ditambah nilai tetapi sekiranya perkara tersebut didapati menyimpang daripada landasan syarak, maka perlulah diperbetulkan dengan bertaubat dan beristiqomah kepada Allah SWT. Prinsip mengistikmalkan diri boleh dilihat melalui petikan berikut:

“Kau layak di sisi Allah, kerana itu Allah pilih kau. Jangan pusing-pusing fikir. Kau kan ada aku. Kalau aku tak ada sekalipun, kau tetap ada Allah. Yakinlah, Allah tak pernah tinggalkan kau. Allah berfirman, jika kau menolong agama-Ku, nescaya aku akan menolongmu. (Surah Muhammad ayat 7). Haziq, aku nak kau tahu bahawa janji Allah itu pasti!”

(Syu'lah Arwa, 2019: 4)

Pernyataan ayat di atas menunjukkan kebesaran Allah SWT yang Maha Pemaaf dan Maha Pengampun akan setiap dosa yang dilakukan oleh umatnya. Dalam konteks ini, Allah SWT tidak pernah menghukum atau mengabaikan hambanya yang memerlukan bantuan tetapi sebaliknya Allah SWT akan menghadirkan hidayah untuk seseorang hambanya itu bertaubat dan kembali ke jalan yang benar. Petikan tersebut menunjukkan sikap terpuji Uwais yang menasihati sahabatnya untuk sentiasa bersikap husnuzon dan tidak cepat mengalah dalam usaha membentuk peribadi umat Muslim yang mulia di sisi Allah SWT. Oleh itu, kita perlulah percaya bahawa setiap penderitaan yang dihadapi merupakan salah satu pertolongan Allah untuk bantu kita lebih mendekati diri dengan Allah SWT. Di sebalik ujian yang datang, sudah pasti Allah SWT tidak akan sesekali menzalimi hamba-Nya. Malahan, ujian yang diberikan adalah selaras dengan kemampuan hamba-Nya. Perkara ini telah dinyatakan melalui firman Allah SWT melalui Surah Al Baqarah, ayat 286 yang bermaksud: “Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya. Dia mendapat (pahala) daripada (kebaikan) yang dilakukannya dan dia mendapat (seksaan) daripada (kejahatan) yang dilakukannya.” Dengan ini, terbukti bahawa kita perlulah reda dan menerima segala ketentuan dari Allah SWT sama ada berupa nikmat mahupun musibah.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, bagi meneliti karya-karya Islam, teori takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar sewajarnya digunakan. Teori ini dikatakan sangat mendatangkan banyak kelebihan kepada umat kerana menghubungkan kehidupan manusia dengan agama Islam. Berdasarkan analisis teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996 serta pengaplikasiannya dalam novel *Kerana Adamu Manisnya Ukhuwah (2019)*, dapat disimpulkan bahawa teori ini tidak hanya memperlihatkan hubungan yang jitu antara pengkarya dan khalayak, tetapi juga turut memberikan penekanan kepada kesempurnaan ketuhanan, kesempurnaan keislaman serta penyatuan ilmu dengan sastera yang berterusan.

Melalui kajian ini, terbukti bahawa teori Takmilah tidak hanya merangkumi aspek keagamaan dan keilmuan, tetapi juga memberi panduan dalam pembentukan insan Kamil yang holistik dalam kehidupan seharian. Impak pendedahan tentang keislaman dalam novel ini pada era Revolusi Industri 4.0 adalah pengarang berupaya untuk memupuk umat agar sentiasa mengamalkan nilai-nilai keislaman dalam kehidupan sebagai usaha untuk meningkatkan keimanan, ketakwaan serta mendekati diri kepada Allah SWT.

## RUJUKAN

- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2014). Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 20, 81-108.
- Amer Hmzah L.Kadir. (2010). *Kembara Amira*. Utusan Publications & Distributors.
- Hadi Fayyadh. (2017). *Ketika Azazil Berputus Asa*. Iqes Tijarah Trading.
- Haron Din. (2010). *Manusia dan Islam jilid satu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Hasanuddin Md. Isa. (2015). *Novel Sarjana Bangsa*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Ibnu Ahmad Al-Kurauwi. (2016). *Penenun Cinta*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. (1999). *Pengajian Melayu 3: Komunikasi Bahasa*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Maniyam Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Mohd. Hazim Shah Abdul Murad. (2009). *Sains, Agama dan Budaya di Alam Melayu (penyelenggara)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (1995). *Sastera Islam: Teori pengindahan dan penyempurnaan dalam rangka tauhid. Penelitian sastera: Metodologi dan penerapan teori*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (1997). *Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip* (Mana Sikana ed.). *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syarifah Salha et al. (2019). Aplikasi Teori Takmilah dalam Fara'id Al- Fikra Fi Al-Imam Al-Mahd: Satu Analisis Kepimpinan Islam. *Jurnal Islam, Sosial, Ekonomi dan Pembangunan*, 4(17), 20-30.
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim. (2010). *Lestari Bukit Menghijau*. Star Trading.

## IMAN MARKISA: ANALISIS TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Hossanna Evelyn Anak Albert Arit  
Wan Mohammad Hazim bin Wan Radzuan

Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tun Abdul Razak,  
Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

### Abstrak

Karya sastra memiliki nilai keunikannya yang tersendiri hasil daripada gabungan idea, pemikiran, dan gagasan pengarang. Sastra merupakan salah satu medium yang diciptakan untuk menyampaikan hasrat, kenyataan, mesej, dan pengalaman kepada pembaca yang dihiasi dengan kehalusan dan kecantikan bahasa. Sehubungan dengan itu, sastra dianggap sebagai medium penyampaian nilai-nilai agama yang boleh memberikan kesan kepada pembaca agar dapat meningkatkan keimanan dalam diri. Karya sastra Melayu sering dikatakan mengandungi unsur Islam kerana dapat meningkatkan penghayatan pembaca terhadap nilai-nilai Islam. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej-mesej keagamaan yang terdapat di dalam novel Iman Markisa karya Aminah Mokhtar (2002) dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 sebagai kerangka utama kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif sepenuhnya iaitu menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Berdasarkan analisis, novel Iman Markisa didapati hanya menunjukkan empat daripada enam pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Pemikiran keagamaan jelas dipaparkan di dalam novel menerusi tema, perwatakan watak dan peristiwa-peristiwa bagi menyampaikan mesej keagamaan dan menjadi medium dakwah kepada khalayak pembaca agar sentiasa mengerjakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Kesimpulannya, teori Pengkaedahan Melayu berupaya memperincikan unsur-unsur keislaman yang ingin diketengahkan oleh pengarang dalam novel ini sehingga mengesahkan kesungguhan dan kekuatan pengarang dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi.

**Kata Kunci:** *Pengkaedahan Melayu, pengkaedahan alamiah, pengkaedahan keagamaan, pendekatan seni, mesej keagamaan*

### PENGENALAN

Novel ini merupakan hasil karya seorang penulis yang sungguh berbakat, Aminah Mokhtar pada tahun 2002. Novel ini menceritakan watak Markisa yang perlu menghadapi ujian dalam menegakkan kebenaran agama di Kiambang. Watak sampingan seperti Mak Yong, Rustam, Jais dan Mubarak yang secara tidak langsung menambah perasa dalam menyampaikan isi cerita dengan penuh emosi, duka, geram, insaf, kesedihan dan kebahagiaan.

Penceritaan dalam novel *Iman Markisa* ini banyak memaparkan nilai keagamaan dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang penegak kebenaran yang perlu menghadapi pelbagai

ragam manusia bahkan wujud segelintir masyarakat yang menentang segala perbuatan di luar kebiasaan yang dianggap akan menyesatkan. Justeru, karya tersebut banyak membawa pembaca menelusuri kehidupan seseorang yang berusaha dalam mendakwah dan menegakkan kebenaran agama Islam. Malah, *Iman Markisa* juga penuh dengan metafora tentang pengorbanan, harapan, kasih sayang sesama manusia, takut, dan kebesaran Allah SWT. Pengarang sangat bijak dalam menyampaikan setiap maklumat dan idea yang dipersembahkan, membuktikan tahap pengetahuannya yang luas dan mendalam. Corak persembahan yang dibawa oleh pengarang adalah unik dan menarik kerana boleh menimbulkan tanda tanya kepada pembaca tentang hikmah di sebalik peristiwa yang berlaku.

Novel ini sememangnya layak untuk dikategorikan sebagai sastera Islam disebabkan kandungannya yang memiliki kecenderungan untuk mengajak manusia untuk mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran sekali gus memberi peringatan kepada manusia untuk kembali kepada hakikat manusia itu sendiri iaitu mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan memaparkan pemikiran, tema dan mesej keagamaan. Ringkasnya, kajian ini akan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu bagi merungkai unsur-unsur keislaman yang terdapat dalam novel *Iman Markisa*.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis mesej-mesej keagamaan dalam novel *Iman Markisa* karya Aminah Mokhtar (2002) dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989).

## **SOROTAN LITERATUR**

Sorotan literatur berdasarkan kajian ini dapat dilihat melalui kajian Jumali Selamat (2009) dalam “Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah”. Beliau mendapati bahawa novel remaja mampu menjadi alat untuk mengembangkan pemantapan Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis melalui pendekatan dakwah yang memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam.

Kemudian, dalam kajian Hadijah Johari et. al., (2020) bertajuk “Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah”, menyatakan bahawa hasil penulisan seharusnya mencerminkan kemurnian dan kebaikan agama Islam seperti saranan Hashim Awang (2002) yang mengatakan bahawa hasil sastera itu boleh menjadi alat untuk mengembangkan agama Islam. Oleh itu, perkara ini bermaksud dengan menghasilkan karya yang berunsurkan keagamaan, secara tidak langsung akan membantu menyebarkan dan memperkukuh nilai agama Islam dalam kalangan pembaca.

Selain itu, kajian Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019) yang bertajuk “Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu” novel yang berkisar pergolakan masyarakat yang berunsurkan keagamaan ini mampu menjadi wadah untuk meningkatkan nilai ketakwaan dan ketaatan untuk mengabdikan diri ke jalan Allah SWT. Ini bertepatan dengan kajian Osman Ayob et. al. (2020) bertajuk “Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I.”. Watak dalam cerpen berdasarkan kajian tersebut

mengalami tekanan dan konflik dalam diri dan dalam masyarakat, alam dan persekitaran, namun dengan iman dan ketakwaan watak dapat menyelesaikannya dengan yakin selagi berpegang kepada ketentuan Ilahi.

Tambahan itu, Sara Beden dan Radna Wismawati Muhibah (2022) dalam kajian “Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu” yang mendapati kehidupan masyarakat Melayu yang taat kepada agama dalam perlakuan dan kehidupan seharian. Ini mengukuhkan pandangan bahawa masyarakat Melayu sangat mengambil berat perihal agama dalam segala aspek yang mereka lakukan. Dengan itu, masyarakat Melayu sering dilihat mempunyai jati diri yang kuat terhadap agama mereka. Hal kebesaran Allah terhadap masyarakat telah dirungkai menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) ini.

Menurut kajian Che Abdullah Che Ya (2018) yang bertajuk “Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu”, sastera juga seharusnya membicarakan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam yang darinya akan dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam terhadap kesucian agama Islam, baik dari kalangan insan muslim mahupun bukan muslim. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada mesej keagamaan yang terdapat dalam novel Iman Markisa oleh Aminah Mokhtar (2002) dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989).

## **KERANGKA TEORETIS**

Kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dicetuskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Ini disebabkan oleh fakta bahawa teori ini sangat sesuai untuk menilai karya sastera Melayu yang menggambarkan pegangan, moral dan etika dalam semua aspek kehidupan. Hashim Awang telah membahagikan Teori Pengkaedahan Melayu ini kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan.

Pengkaedahan alamiah adalah berteraskan corak hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan. Di bawah pengkaedahan ini dapat dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan moral, pendekatan gunaan, dan pendekatan firasat. Pendekatan moral menyerlahkan pengalaman hidup yang positif dan negatif dalam karya untuk diambil sebagai teladan dan pengajaran kepada khalayak pembaca. Pendekatan gunaan pula menyatakan anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek alam iaitu objek-objek alam lain adalah ciptaan Tuhan, manakala sastera merupakan ciptaan manusia. Kemudian, pendekatan firasat pula dapat dikaitkan dengan suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup dan dihubungkan dengan mimpi. Dalam pendekatan ini, suatu kejadian akan dikaitkan dengan mimpi lalu melibatkan proses taksiran untuk mendapatkan makna daripada mimpi tersebut.

Seterusnya, pengkaedahan keagamaan menjadi pelengkap kepada Teori Pengkaedahan Melayu ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaedahan keagamaan berkait rapat dengan agama Islam dan bersumberkan Al-Quran dan Hadis lalu menjadi tunjang dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pengkaedahan ini dapat dipecahkan kepada tiga iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan, dan pendekatan seni. Pendekatan dakwah memperlihatkan sastera

sebagai medium untuk meningkatkan keimanan, ketakwaan, dan kecintaan umat manusia terhadap pencipta-Nya lalu menjadi saluran untuk mengembangkan agama Islam. Selain itu, pendekatan kemasyarakatan pula adalah berfungsi untuk mensejahterakan dan membahagiakan manusia. Akhir sekali, pendekatan seni pula adalah merujuk kepada keindahan yang melandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika. Justeru, pendekatan seni yang berlandaskan Al-Quran dan Hadis akan menyerlahkan keindahan karya.

## METODOLOGI

Kaedah kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif. Menurut Robson (2011), reka bentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan ‘terbuka’ seiring dengan kemajuan kajian. Proses pemerolehan data kualitatif dalam kajian ini adalah diperolehi melalui penganalisan teks sastera iaitu novel *Iman Markisa* (2002). Kaedah kepustakaan juga telah digunakan bagi mendapatkan bahan-bahan tambahan seperti jurnal, buku dan kertas-kertas penyelidikan untuk membantu menghasilkan kajian yang berkualiti. Bukan itu sahaja, pengkaji juga memanfaatkan Internet bagi membantu pengkaji menyempurnakan kajian ini. Tambahan itu, kaedah pembacaan teliti juga digunakan bagi mendapatkan data bagi menghasilkan kajian yang bermutu. Oleh itu, ketiga-tiga kaedah yang digunakan amat bersesuaian untuk memahami teks sastera yang dikaji agar memperoleh data analisis yang bermutu.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis novel *Iman Markisa* (2002) karya Aminah Mokhtar dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang adalah menjadi fokus dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan dapat diterapkan dengan baik dalam novel yang dikaji. Jadual di bawah merupakan dapatan analisis:

**Jadual 1:** Dapatan analisis teks novel *Iman Markisa*

Pengkaedahan Alamiah		Pengkaedahan Keagamaan	
Pendekatan Gunaan	X	Pendekatan Dakwah	✓
Pendekatan Moral	✓	Pendekatan Kemasyarakatan	✓
Pendekatan Firasat	X	Pendekatan Seni	✓

## PERBINCANGAN

Hasil analisis berdasarkan jadual menunjukkan bahawa terdapat pengaplikasian satu pendekatan dalam Pengkaedahan Alamiah iaitu hanya pendekatan moral sahaja, manakala tiga daripada Pengkaedahan Keagamaan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan

pendekatan seni. Dengan pengaplikasian kesemua pendekatan tersebut telah memberikan kekuatan terhadap novel Imam Markisa dalam menyampaikan pemikiran keagamaan. Hal ini juga dapat menyerlahkan kekreatifan pengarang dalam menonjolkan keindahan Islam dalam karyanya.

### **Pendekatan Moral**

Pendekatan moral adalah sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia yang membawa sifat positif dan negatif. Dalam pendekatan moral ini dapat dibahagikan kepada dua pendekatan iaitu pendekatan moral positif dan pendekatan moral negatif. Oleh itu, pendekatan moral positif diambil sebagai teladan manakala pendekatan moral negatif dijadikan sebagai pengajaran. Berdasarkan novel Iman Markisa, pengarang telah menyampaikan moral positif yang dapat dijadikan sebagai teladan. Hal ini dapat dikaitkan dengan teks novel seperti berikut;

“Rustam hanya tersenyum memandang Mubarak.” “Kalau kau nak merasa golok aku ni, kau buatlah!”

“Mubarak mengangkat parangnya mengacah-acah ke muka Rustam.” “Rustam hanya memandang dengan senyum dan wajah yang tenang. Tidak sekelumit pun perasaan takut meraba hatinya.”

“Hati Mubarak semakin membengkak. “Kalau tak sayang nyawa, kau buatlah. Ini Mubarak tahu. Ini Mubarak!” Mubarak mendengus, menghumban ludah kuning pekat lalu bergegas pergi.

“Lenyap sahaja tubuh Mubarak daripada pandangan, Rustam mengarahkan anak-anak buah Kiambang meneruskan kerja yang terbengkalai tadi.

“Dia juga manusia macam kita.” Rustam tersenyum memandang semua.”

(Aminah Mokhtar, 2002, p. 58-59)

Dialog tersebut telah membuktikan bahawa novel Iman Markisa ini mempunyai moral positif. Moral positif ini telah ditunjukkan oleh seorang watak dalam novel yang bernama Rustam. Aspek positif yang ditunjukkan oleh Rustam dalam peristiwa ini adalah dengan tidak melawan semula Mubarak yang menengkingnya malah dia hanya senyum dengan tenang dan tidak takut apabila Mubarak mengacahkan parangnya kepada Rustam. Dalam konteks ini, perlakuan Rustam ini amat terpuji jika dilihat berdasarkan daripada pegangan agama Islam. Hal ini kerana ajaran agama Islam menggariskan agar semua penganutnya tidak membalas perbuatan jahat dengan perbuatan yang sama, malah perbuatan sepatutnya adalah mendoakan mereka supaya hati mereka diberikan ketenangan dan berubah. Oleh itu, jelaslah bahawa peristiwa tersebut diambil sebagai teladan kepada khalayak pembaca. Di samping itu, moral negatif juga telah disampaikan oleh pengarang untuk dijadikan pengajaran hidup. Hal ini dapat dilihat melalui dialog dalam teks tersebut;

“Baru pukul tiga, siang lagi!” Suara gelak dekah Jais bergema di ruang belakang kedai deret Cina di pekan itu. Sebotol air kuning menggelodak dalam perutnya. Dia tersedawa. Besar dan kuat dengan mata merah menyala.”

“Manyak onglah lu malam ni Lais!”

“Ha! Ha! Ha! Ha!” Dekahnya semakin kuat. “Bagi sebotol lagi. Malam ini aku belanja. Ha! Ha! Ha! Ha!”

(Aminah Mokhtar, 2002, p. 144)

Berdasarkan dialog tersebut, jelaslah bahawa novel yang dikarang oleh pengarang juga ada membawa moral negatif. Perbuatan negatif tersebut telah ditunjukkan melalui watak yang dikenali sebagai Jais. Jais yang merupakan orang Melayu di Kiambang tersebut telah meminum minuman kuning yang boleh menggelodakkan perutnya lalu meningkatkan hawa nafsunya. Hal ini dikatakan membawa moral negatif kerana jika diteliti daripada ayat al-Quran, Allah melarang orang Muslim minum “arak”. Tambahan pula, terdapat Hadith Sahih yang menerangkan bahawa setiap yang “memabukkan” adalah haram. Oleh itu, walaupun minuman tersebut bukan arak tetapi masih memabukkan, ianya juga turut haram untuk diminum oleh orang Islam. Dalam hal ini perbuatan negatif yang ditunjukkan oleh watak-watak tersebut boleh diambil sebagai pengajaran oleh khalayak.

### **Pendekatan Dakwah**

Dakwah merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menarik atau mempengaruhi orang lain dalam menerima ajaran Islam lalu mempraktikkannya. Berdasarkan analisis daripada novel Iman Markisa, pendekatan dakwah juga telah diaplikasikan didalamnya. Bukti bagi pendekatan dakwah adalah seperti berikut;

“Jangan diulangi kesilapan Raja Alam Minangsih. Kerana longgar imannya, sanggup menyembah Belanda. Dalam Islam, tidak ada faham lama, faham baru. Kita semua ikut al-Quran, ikut ajaran Rasulullah. Kalau bertelagah yang untungnya siapa? Yang menangnya siapa, kalau tidak Belanda?” Dipandangnya muka-muka yang merah jambu di hadapannya satu-satu. Muka-muka yang dipandangnya itu terkilas cahaya cerah dan terang. Walau sekilas, jelas pada pandangan mata hatinya.”

(Aminah Mokhtar, 2002, p. 32)

Pengarang telah menggunakan watak tuan imam dalam novel telah menasihati dan menegur khalayak pembaca untuk menguatkan iman supaya tidak jatuh ke lembah yang bertentangan dengan ajaran Islam. Watak tuan imam dalam novel tersebut telah menyatakan kepada orang di sekelilingnya agar jangan takut sekiranya berdepan dengan sesuatu masalah kerana dengan adanya iman, maka seseorang itu akan yakin bahawa Allah akan sentiasa bersama dengan diri mereka untuk membantu menghadapi pelbagai masalah yang menimpa. Tuan imam juga menasihati orang di sekelilingnya agar tidak bertelagah sesama sendiri. Oleh sebab itu, jelaslah bahawa tuan imam yang berdakwah kepada orang sekelilingnya untuk mengikuti al-Quran dan ajaran Rasulullah dan mementingkan perpaduan antara ummah adalah sesuai dalam pendekatan dakwah ini.

### **Pendekatan Kemasyarakatan**

Sastera dianggap sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. (Hashim, 1994) juga menyatakan bahawa penyelidikan menggunakan pendekatan kemasyarakatan ini bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup, pengukuhan iman dan takwa kepada Allah. Melalui novel Iman Markisa ini, pengkarya telah mengaplikasikan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dapat dibuktikan melalui teks novel seperti berikut;

“Orang tua berjanggut itu berhenti berkisah. Agus Salim mengangkat seabdi lagi air untuk memenuhkan kolah dekat tangga masjid tua itu. Buat wuduk para jemaah datang. Dia yakin hari ini tentu tidak seperti semalam.”

(Aminah Mokhtar, 2002, p. 35)

Teks tersebut jelas membuktikan bahawa pendekatan kemasyarakatan diterapkan dalam novel ini. Hal ini dikatakan demikian kerana Agus Salim telah melakukan sesuatu perbuatan yang memberikan kesenangan terhadap orang lain. Dalam konteks ini, Agus Salim telah memudahkan para jemaah untuk mengambil air wuduk dengan mengangkat air untuk memenuhkan kolah. Dengan kemurahan hati Agus Salim tersebut, secara tidak langsung dia telah mengamalkan sikap adab antara sesama manusia.

### **Pendekatan Seni**

Abdul Rahim & Khairuddin Mohamad (2017) menyatakan bahawa pendekatan seni memfokuskan unsur keindahan dalam sesuatu karya yang berteraskan sumber al-Quran dan hadis. Dalam hal ini, pendekatan seni telah menjadi persoalan utama yang akan dibuat penilaian dalam sesuatu karya untuk menjadikan karya tersebut indah dan unik. Misalnya, keindahan tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan juga akidah. Berdasarkan novel Iman Markisa ini dilihat turut mengaplikasikan pendekatan seni. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang telah menggunakan perkataan yang diambil daripada al-Quran di dalam novel tersebut. Bukti penggunaan perkataan al-Quran yang terdapat dalam novel adalah seperti berikut;

“Assalamualaikum.” Gadis yang mendebarkan itu tiba-tiba tersenyum.” “Wa ... waalaikumussalam warahmatullah,” balasnya agak terketar.”

(Aminah Mokhtar, 2002, p. 36)

Dialog tersebut menunjukkan bukti bahawa pengarang telah memasukkan unsur keindahan dalam novel dan memperlihatkan keindahan nilai estetika Islam. Penggunaan bahasa Arab seperti “Assalamualaikum” dan “Walaikumussalam warahmatullah” telah menunjukkan pembinaan cerita yang mengandungi unsur-unsur keagamaan. Pemilihan perkataan tersebut adalah merupakan ucapan yang penuh makna dan barakah dalam kalangan umat Islam. Ucapan ini juga jika dirujuk kepada hadis Rasulullah SAW menyatakan ucapan salam adalah tanda kasih sayang dan perpaduan antara umat Islam. Dalam konteks ini, pengarang telah memilih perkataan berteraskan al-Quran ini adalah untuk mengingatkan



kepada khalayak pembaca agar meningkatkan hubungan antara umat Islam. Bukti penggunaan ayat-ayat al-Quran juga terdapat dalam teks berikut;

“Firman Allah Subhanahuwataala, surah al-Baqarah ayat 85 yang mafhumnya: Apakah kamu beriman dengan setengah daripada isi kitab dan kufur dengan setengah yang lain? Tidak lain balasan siapa yang melakukan sikap demikian melainkan hina di dunia dan di akhirat kelak akan dikembalikan kepada azab yang berat. Sesungguhnya Allah tidak lalai dengan apa yang kamu buat.

(Aminah Mokhtar, 2002, p. 285)

Teks tersebut membawa bukti bahawa terdapatnya penggunaan ayat al-Quran dalam novel ini. Ayat al-Quran merupakan satu pendekatan seni. Maksud ayat al-Quran yang digunakan oleh pengarang dalam teks tersebut ialah “barang sesiapa yang beriman kepada sebahagian kitab dan mengingkari sebahagian lainnya, maka tidak ada lain balasannya iaitu akan mendapat penghinaan di dunia dan akan dikembalikan ke azab yang berat pada akhirat kelak kerana Allah sentiasa melihat setiap perbuatan umatnya”. Melalui ayat tersebut, dapat dilihat bahawa sekiranya seseorang manusia tersebut hanya mengikut setengah sahaja perkara yang dituntut oleh Allah dalam kitab al-Quran dan melanggar perkara yang lainnya, maka Allah akan memberi hukuman yang setimpal pada hari akhirat kelak kerana tidak mengikut sepenuhnya tuntutan Allah SWT. Maka teks tersebut menjelaskan pendekatan seni yang melibatkan hukum keagamaan kepada manusia berdasarkan amalan mereka tersebut.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan hasil dapatan perbincangan dan analisis terhadap novel *Iman Markisa* karya Aminah Mokhtar (2002) melalui Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) ini terbukti berupaya menyerlahkan mesej-mesej keagamaan yang terkandung dalam novel tersebut. Hal ini sekali gus dapat menyerlahkan keindahan nilai estetika Islam yang terkandung dalam novel melalui persoalan-persoalan yang timbul dalam masyarakat lalu diambil untuk menjadi teladan serta pengajaran. Tambahan pula, pengarang juga berjaya menyampaikan kefahamannya terhadap ajaran Islam sebagai satu usaha meningkatkan kesedaran kepada masyarakat khususnya khalayak pembaca. Oleh itu, dengan penghasilan novel-novel yang berunsurkan pemikiran keagamaan seperti ini dapat menjadi medium untuk menyampaikan mesej keislaman terhadap generasi akan datang kelak.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad. (2017). *Kesusasteraan Melayu*. Sasbadi Sdn Bhd.
- Aminah Mokhtar. (2002). *Iman Markisa*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu Bil. 17(2)* 2018.

- Hadijah Johari et. al. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan Vol.2*, No. 4, 1-11, 2020.
- Hashim Awang. (1994). *Pengajian Sastera : Pengkaedahan Melayu*. Dewan Bahasa dan Sastera.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 12 Jun/June 2009* (19-37).
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature 32 (1)*, 116-144.
- Sara Beden & Radna Wismawati Muhibah. (2022). Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu. *International Conference On Malay, Arabic & English Literature 2022 (ICMAEL 2022)*.